
قاموس القرآن
KAMUS AL-QURAN
Rujukan Lengkap Kosa Kata dalam al-Quran
Kamus al-Quran Perkata Pertama di Malaysia dalam Bahasa Melayu
Sesuai untuk kajian ilmiah dan pengajian umum
Kaedah susunan berdasarkan abjad Arab yang sistematik dan efisien
Ketua Panel
DATO' DR. ZULKIFLI HAJI MOHD YUSOFF
Dr. Abdul Rashid Ahmad • Dr. Fauzi Deraman
Dr. Ishak Suliaman • Dr. Mustaffa Abdullah
Dr. Faisal Ahmad Shah • Dr. Mohd Asmadi Yakob
Munirah Abd Razak • Anwar Ridhwan Zakaria.

قاموس القرآن

KAMUS AL-QURAN

Rujukan Lengkap Kosa Kata dalam al-Quran

KENAPA PERLU MEMILIKI KAMUS INI

- Menyenaraikan makna setiap perkataan yang bersesuaian dengan penggunaannya dalam pelbagai bentuk.
- Menyenaraikan bilangan perkataan yang diulang di dalam ayat-ayat al-Quran.
- Menjelaskan makna lafaz al-Quran dengan metode pentafsiran yang ditetapkan oleh sarjana tafsir.
- Tafsir lafaz al-Quran bersandarkan *Asbab al-Nuzul* (tujuan penurunan ayat) untuk memahami makna perkataan dengan lebih tepat.
- Menggunakan syair bagi menjelaskan maksud suatu perkataan.
- Menghuraikan tafsir ayat berdasarkan qiraat (bacaan) yang berbeza.

BAGAIMANA MENGGUNAKAN KAMUS INI

PENGGUNAAN PERIBADI:

- Baca satu entri setiap hari selepas solat Maghrib atau Isyak.
- Semak setiap ayat yang mengandungi perkataan itu dan kaji penggunaannya dalam setiap ayat. Gunakan terjemahan yang mudah difahami. Salin semula ayat-ayat al-Quran berkaitan dalam buku nota.
- Ulangkaji dengan membaca ayat-ayat berkaitan dan fahami makna perkataan yang telah dipelajari.

PENGGUNAAN BERKUMPULAN:

- Setiap ahli kumpulan diberikan beberapa entri tertentu. Setiap ahli mengkaji entri-entri yang diberikan seperti metode kajian untuk penggunaan peribadi.
- Setiap ahli dikehendaki membentangkan setiap entri dengan terperinci sehingga semua ahli kumpulan memahaminya dengan jelas.
- Kaedah ini juga boleh digunakan untuk melatih para pelajar memahami al-Quran.

PTS ISLAMIKA Sdn Bhd
www.pts.com.my

Dengan Kerjasama

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM UNIVERSITI MALAYA

978-967-5137-31-0
9 789675 137310
Sem. Malaysia RM95.00
Sabah/Sarawak RM98.00

Tim Penyusun

KETUA PANEL

Prof. Dato' Dr. Zuklifli Mohd Yusoff

AHLI PANEL

Prof Madya Dr Abdul Rashid Bin Ahmad
Prof Madya Dr Fauzi Deraman
Prof Madya Dr Ishak Suliaman
Prof Madya Dr Mustaffa Abdullah
Dr. Faisal Ahmad Shah
Dr. Mohd Asmadi Yakob
Dr. Munirah @ Monica Abd Razak
En. Anwar Ridhwan Zakaria

PEMBANTU PENYELIDIK

Muhammad Mukhlis
Arif Chasanul Muna
Fikri Mahmud
Ahmad Ahmad Zulfiqar Shah Abd. Hadi
Muhammad Anuarul Amin Hasan
Mariana Ahmed
Che Fasihah Che Man
Nur Ashikin Sulaiman
Nurul Zakirah bt Mat Sin
Mohamad Hasbullah bin Salim

Nota Penerbit

Muhammad bin Abdullah atau Nabi Muhammad yang dimaksudkan di dalam buku ini adalah nabi dan utusan Allah. Bagi orang Islam, apabila bertemu dengan perkataan tersebut, digalakkan berselawat (berdoa) untuknya.

Di dalam al-Quran, surah *al-Ahzab* ayat 56, Allah menyatakan yang bermaksud, "Sesungguhnya Allah dan para malaikatnya berselawat kepada nabi. Wahai orang-orang beriman, berselawatlah kamu kepadanya dan ucapkanlah salam penghormatan kepadanya."

Nasaie dan Ibnu Hibban melaporkan, Nabi Muhammad berpesan, *"Sesungguhnya orang paling dekat denganku pada Hari Kiamat adalah orang yang paling banyak berselawat kepadaku."*

Bacalah selawat, *"Allahumma solli 'ala saidina Muhammad wa 'ala aalihi wa as-haabihi ajma'iin"*. Maksudnya, *"Ya Allah, kurniakanlah kepujian ke atas Nabi Muhammad, ahli keluarga dan sekalian sahabat-sahabat beliau."*

Isi Kandungan

Tim Penyusun	iii
Nota Penerbit	iv
Panduan Transliterasi	vii
Glosari	x
Sekalung Penghargaan	xxi
حرف الألف (A)	1
حرف الباء (B)	99
حرف التاء (T)	108
حرف الثاء (TH)	122
حرف الجيم (J)	130
حرف الحاء (H)	178
حرف الخاء (KH)	210
حرف الدال (D)	219
حرف الذال (DH)	242
حرف الراء (R)	253
حرف الزاي (Z)	262
حرف السين (S)	285
حرف الشين (SY)	317
حرف الصاد (Ṣ)	328
حرف الضاد (D)	338
حرف الطاء (Ṭ)	340

حرف الظاء (Ẓ)	368
حرف العين (‘A)	374
حرف الغين (GH)	404
حرف الفاء (F)	409
حرف القاف (Q)	458
حرف الكاف (K)	517
حرف اللام (L)	559
حرف الميم (M)	564
حرف النون (N)	596
حرف الواو (W)	634
حرف الهاء (H)	639
حرف الياء (Y)	667
Bibliografi	673

Panduan Transliterasi

KONSONAN

HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI
ا،ء	*a, ’*	ض	*ḍ*
ب	*b*	ط	*ṭ*
ت	*t*	ظ	*ẓ*
ث	*th*	ع	‘
ج	*j*	غ	*gh*
ح	*ḥ*	ف	*f*
خ	*kh*	ق	*q*
د	*d*	ك	*k*
ذ	*dh*	ل	*l*
ر	*r*	م	*m*
ز	*z*	ن	*n*
س	*s*	و	*w*
ش	*sy*	هـ	*h*
ص	*ṣ*	ي	*y*

VOKAL

VOKAL PANJANG	TRANSLITERASI	CONTOH	TRANSLITERASI
ا/ى	ā	الْكُبْرَى/الْبَابُ	āl-bāb/ āl-kūbrā
ي	ī	الْخَمِيْسُ	āl-kẖāmīṣ
و	ū	الْمُسْلِمُوْنَ	āl-mūṣlīmūn
VOKAL PENDEK	TRANSLITERASI	CONTOH	TRANSLITERASI
ـَ (fathah)	a	قَنَتَ	qanata
ـِ (kasrah)	i	تِهَامَة	tihamah
ـُ (dammah)	u	جُعِلَ	ju'ila
DIFTONG	TRANSLITERASI	CONTOH	TRANSLITERASI
ـَوْ	au/aw	الْحَوْلُ	al-haul/al-hawl
ـَيْ	ai/ay	حَيْثُمَا	haithuma/haythuma
HURUF BERULANG	TRANSLITERASI	CONTOH	TRANSLITERASI
ـَيّ	ayy	حَيَّ	hayya
ـِيّ	iy/i	الْعَرَبِيّ	al-'arabiy/al-'arabi
ـَوّ	aww	قَوَّامُوْنَ	qawwamun
ـُوّ	uww/u	الْعَدُوّ	al-'aduww/al-'adu

PENGECUALIAN

1. "ء" (*Hamzah*) yang terdapat di awal perkataan kata sama ada berbunyi [a], [i], [u] ditransliterasikan mengikut bunyi.
   Contoh:

   أبرار : abrar, bukan 'abrar
   إخلاص : ikhlas, bukan 'ikhlas
   أمرت : *umirtu*, bukan '*umirtu*

2. "ة" (*Ta' Marbutah*) ditransliterasikan sebagai "h", bukan "t".

3. Nama-nama negeri atau negara yang sudah ditransliterasikan dan diguna pakai oleh masyarakat antarabangsa atau popular di Malaysia dikekalkan sesuai dengan transliterasi yang sedia ada.
   Contoh:

   بيروت : Beirut, bukan Bayrut
   الرياض : Riyadh, bukan al-Riyad
   دمشق : Damascus, bukan Dimasyq
   القاهرة : Kaherah, *bukan* al-Qahirah, dan lain-lain.

4. Nama-nama individu yang sudah dikenali penggunaannya di Malaysia ditransliterasikan sesuai dengan yang biasa digunakan di Malaysia.
   Contoh: Ibrahim, Musa, Muhammad, Abdullah, Abu Bakar, dan lain-lain.

   Kecuali yang berkaitan dengan nama-nama surah dalam al-Quran dan berkenaan dengan nama penulis buku referensi, ia ditransliterasikan sesuai dengan panduan yang ditetapkan.

Glosari

'Asyura	Hari kesepuluh dari bulan Muharam.
Ahl al-Abrār	Orang-orang yang berbuat kebaikan di dunia.
Ahl al-Basirah	Orang-orang yang faham dan tahu hikmah dan kelebihan di sebalik perintah Allah (S.W.T.).
Ahl Tafsir Isyari	Ulama dalam bidang pentafsiran yang memfokuskan pembahasan mereka terhadap al-Qur`an dari sudut batin atau di sebalik daripada ayat yang zahir.
Antum	Kata ganti nama yang bermakna "kalian" untuk lelaki.
Al-Mahthuthāt	Sesuatu yang dapat diraba atau disentuh.
Amsar	Orang Bandar.
Ansar	Orang Madinah yang menjadi penolong orang Muhajirin.
Arab Badwi	Orang Arab pedalaman, iaitu yang tinggal di ceruk pelosok atau di hulu negeri.
Asbāb al-Nuzūl	Sebab penurunan sebuah ayat.
Ashab al-Aykah	Kaum atau kelompok yang tinggal di perkampungan yang subur, terletak dekat dengan Madyan. Ia merupakan kaum kedua tempat Nabi Syu'ayb berdakwah selepas kaum Madyan dihancurkan dengan satu teriakan kerana kekufuran mereka.
Asmā` Allāh	Nama-nama Allah (S.W.T.).
Bani	Anak cucu atau keturunan.
Bani al-Nadir	Satu golongan Yahudi yang merupakan sekutu kabilah Khazraj.

	Mereka tinggal berhampiran kota Madinah. Mereka mematerikan perjanjian dengan Muslimin yang memberikan jaminan keselamatan di antara mereka. Namun mereka mengkhianatinya. Disebabkan pengkhianatan mereka terhadap Rasulullah s.a.w dan kaum Muslimin, mereka diperangi dan diusir dari kota Madinah. Peperangan ini dinamakan peperangan Bani al-Nadir yang berlaku pada tahun keempat Hijrah.
Bani Qurayzah	Satu golongan Yahudi yang berada di Madinah yang merupakan sekutu kabilah Aus dan telah membuat tali persahabatan dan perjanjian damai dengan kaum Muslimin. Namun mereka mengkhianatinya di mana mereka telah membuat pakatan dan membantu orang-orang kafir Quraisy untuk memerangi Rasulullah s.a.w dan kaum Muslimin pada perang Ahzab. Selepas kemenangan pada perang Ahzab, Allah mewahyukan untuk memerangi mereka yang berbuat khianat. Akhirnya mereka dapat ditawan dan dijatuhkan hukuman mati bagi semua lelaki. Manakala perempuan-perempuan dan kanak-kanak dijadikan tawanan dan harta mereka dijadikan harta ghanimah (rampasan). Hukuman ini dijatuhkan oleh ketua mereka sendiri yang telah memasuki Islam iaitu Sa'ad bin Mu'az. Peristiwa ini berlaku pada tahun kelima Hijrah.
Basariyyun	Ulama-ulama Basrah atau penduduk Basrah.
Damir	Kata ganti nama, seperti (هُوَ) (dia).
Fadl	Kemuliaan, anugerah dan kurniaan daripada Allah.
Fath Makkah	Pembukaan kota Makkah.
Fawasil	Akhir sebuah ayat atau kalimat yang menandakan ayat atau kalimat itu telah berakhir, terputus dan lengkap.
Fawatih as-Suwar	Huruf-huruf yang berada sebagai pembuka surah.
Fi Sabilillah	Di jalan Allah atau pada jalan Allah.
Fi'il Mudāri`	Kata kerja yang sedang berlaku atau yang akan berlaku.
Fidyah	Denda sebab tidak mengerjakan sesuatu fardu.

Fuqaha`	Sarjana dalam bidang fikah.
Fushā	Maknanya fasih iaitu lancar dan baik sebutannya sama ada dengan bahasa ibunda atau ketika bertutur dengan bahasa lain. Bila dinisbahkan kepada Bahasa Arab maka maknanya seseorang itu berkata-kata berasaskan kepada kaedah Ilmu Nahu atau Ilmu Sarf.
Hadis Marfu'	Perkataan sahabat atau tabiin yang disandarkan kepada Rasulullah (s.a.w.).
Hamzah	Huruf yang berbentuk(ء)
Himar	Keldai.
Hanif	Yang lurus. Agama *hanif* adalah agama yang lurus yang datang daripada Allah dan dibawa oleh para rasul.
Hissi	Yang zahir. Makna *hissi* sepotong ayat bermaksud makna zahir pada ayat tersebut.
Hurūf Muqatta'ah	Huruf-huruf yang berada pada pembukaan surah dan dibaca secara terputus-putus bacaannya atau disebut juga dengan *fawātih al-suwār* iaitu pembuka-pembuka surah.
'Iddah	Tempoh seorang perempuan menunggu kesuciannya sama ada disebabkan ia ditalak atau kematian suami. Bila tempoh penungguannya telah berakhir maka ia dibolehkan berkahwin semula, jika ia mahu.
Idafah	Disandarkan.
Ihrām	Keadaan seseorang yang telah berniat mengerjakan haji atau umrah atau kedua-duanya sekali yang pada ketika itu diharamkan baginya melakukan perbuatan tertentu seperti memakai pakaian berjahit dan bau-bauan, menutup kepala bagi lelaki, menutup muka bagi perempuan, bersetubuh dan sebagainya.
Ilmu Balaghah	Adalah Ilmu Retorik, iaitu salah satu cabang dari cabang Ilmu bahasa Arab yang merupakan seni dalam menggunakan atau memakai bahasa yang indah dan menarik untuk memujuk atau mem-

	pengaruhi pemikiran pendengar. Ilmu ini juga mengkaji tentang teknik pemakaian bahasa secara berkesan dalam penuturan dan penulisan.
Ilmu Nahu	Cabang ilmu linguistik yang berkaitan dengan sintaksis, morfologi dan sebagainya. Atau ilmu yang mengkaji bentuk kata dan kata terbitannya.
Ilmu Sarf	Ilmu yang mengkaji perubahan perkataan dalam Bahasa Arab.
Ithbāt	Bermaksud dikekalkan dan tidak dihilangkan.
Ism	Kata nama sesuatu yang menunjukkan nama orang, haiwan, benda dan sebagainya.
Ism Fa'il	Subjek (pelaku) atau kata yang diambil dari kata kerja yang menunjukkan kepada yang melakukan perbuatan. Seperti Katib كاتب (penulis) dan sebagainya.
Ism Fi'il	Bermaksud sebuah ism atau kata nama yang mengandungi makna kata kerja.
Ism Isyarah	Seperti: (هَـذَا) (ini (l)) (هَـذِهِ) (ini (p)) (ذَالِكَ) (itu (l)) (تِلْكَ) (itu (p)) (هَـا) (ini dia) dan sebagainya.
Ism Maf'ul	*Ism* atau kata nama yang berada dalam kedudukan penderita (objek), contohnya seperti (مَـفْـعُوْلٌ) (yang dibunuh), (مَـضْـرُوْبٌ) (yang dipukul) dan sebagainya.
Ism Masdar	Kata yang menjadi kata terbitan atau akar kata bagi sesuatu kalimah atau lafaz.
Ism Tafdil	Kata nama atau lafaz yang mengisyaratkan bahawasanya sesuatu itu lebih dari yang lain, seperti (أَحْسَـنُ) (lebih baik),(أَكْبَرُ) (lebih besar atau Maha Besar), (أَصْغَـرُ) (lebih kecil) dan sebagainya.

Israiliyyat	Maksudnya cerita-cerita atau berita-berita yang bersumber dari cerita Bani Israel (Yahudi).
Istidraj	Pemberian nikmat oleh Allah kepada seseorang sebagai seksaan dan azab baginya.
Istighfār	Kalimat untuk memohon keampunan kepada Allah dengan mengucapkan "*Astaghfirullāh al-'Azim*".
Jamak	Sesuatu yang menunjukkan lebih daripada satu atau banyak. Dalam Bahasa Arab disebut *jam`* (جمع) iaitu bilangan yang bermula daripada tiga dan seterusnya.
Jihad fi Sabilillah	Berjuang di jalan Allah (S.W.T).
Jilbāb	Pakaian longgar termasuk kerudung yang memenuhi keperluan menutup aurat wanita, selain muka dan telapak tangan.
Jumhur	Kesepakatan pendapat majoriti ulama dalam satu-satu perkara.
Kaffārah	Penutup kesalahan atau dosa atau denda yang dikenakan oleh syarak akibat kesalahan seperti melanggar sumpah, menzihar isteri, bersetubuh pada siang hari pada bulan Ramadhan dan sebagainya.
Khabar	Dalam bahasa Arab ia adalah berita yang berfungsi menceritakan dan menjelaskan kedudukan sesuatu sebelumnya.
Khudu`	Merendahkan diri dan tidak angkuh.
Kinayah	Contoh yang tersembunyi pengertian atau maksudnya atau yang dapat difahami tanpa keterangan lain.
Kūfiyyūn	Ulama-ulama Kuffah.
Lafz al-Jalālah	Kalimah Allah (S.W.T.).
Ma'rifah	Definitif, atau kata nama yang telah jelas dan terang dan bersifat khusus.

Madyan	Suatu perkampungan di daerah mi`an yang terletak antara Syam dan Hijaz. Kepadanya diutus Nabi Syu'ayb.
Mahsyar	Tempat manusia berhimpun di hari akhirat untuk dihisab segala amalan mereka di dunia.
Majazi	Alegori. Disebut juga dengan majaz iaitu menggunakan kata-kata hanya sebagai kiasan atau bukan sebenarnya.
Majusi	Zoroastrians, sebuah kelompok yang menyembah matahari, bulan dan api.
Maknawi	Makna yang terkandung tidak pada zahirnya. Maksud maknawi pada sebuah ayat adalah makna di sebalik makna zahir ayat tersebut atau makna yang bukan dari sudut zahirnya.
Marfu'	Bermaksud sebuah kata yang dalam kedudukan permulaan sebuah ayat atau *mubtada`* dan menjadi *khabar*. Biasanya ia ditandai dengan berbaris *dammah* (depan) ataupun tidak berbaris *dammah* pada beberapa keadaan. *Marfu'* yang berbaris dammah seperti ( ) الولدُ مجتهدٌ (anak lelaki tersebut rajin). "Anak lelaki tersebut" d - katakan *mubtada`* dan "rajin" dikatakan khabar baginya. Adapun yang tidak berbaris *d*ammah namun tetap dalam keadaan marf*u'* di antaranya ayat atau kalimat yang dimulai dengan *ism isyarah*, seperti: (هَـذَا مُحَمَّدٌ) (ini Muhammad). Ini atau هَـذَا dalam kedudukan *marfu`* walau ia tidak ditandai dengan baris *d*ammah (depan) kerana ia berada dalam kedudukan *mubtada'* (permulaan ayat atau kalimat) dan kerana ia termasuk salah satu ism yang tidak dapat berubah walau dalam apa jua keadaan.
Mauizah	Bimbingan dan nasihat-nasihat ke jalan yang diredai.
Mu`annath	Feminin. Dalam bahasa Arab, *mu`annath* merupakan benda yang menunjukkan feminin sama ada secara lafaznya atau tulisannya dan secara maknawi. Dari segi lafaz, biasanya ditandai pada akhir kata dengan huruf *ta al-marbutah* (ـة). Contohnya (مَدْرَسَةٌ) (sekolah), (نَافِذَةٌ) (tingkap) dan sebagainya. manakala secara maknawinya seperti (النَّارُ) (api atau api neraka), (عَيْنٌ) (mata) dan sebagainya.

Mubalaghah	Superlatif atau kata-kata, sifat atau keadaan atau perkara yang teramat dan melampau. Seperti (أَمَّارَةٌ) (yang benar-benar menyuruh kepada kejahatan), (أَكَّالٌ) (orang yang banyak makan) dan sebagainya.
Mudhakkar	Masculine. Dalam bahasa Arab *mudhakkar* bermaksud benda yang menunjukkan bahawasanya ia adalah maskulin (lelaki) dan biasanya tidak ditandai pada akhir benda tersebut dengan huruf *ta al-marbutah* (ـة) seperti masjid (مَسْجِدٌ) buku (كِتَابٌ) pen (قَلَمٌ)
Mufassir	Ulama tafsir. Bila disebut *mufassirīn* maka ia bermakna ulama -ulama dalam bidang pentafsiran al-Quran.
Mufrad:	Bentuk tunggal (lelaki), manakala *mufradah* bermaksud bentuk tunggal (perempuan) bagi sesuatu.
Muhajirin	Orang-orang Makkah yang berhijrah ke Madinah.
Musta`naf	Permulaan sesuatu ayat atau kalimat.
Mutasyabih	Yang samar dan tidak jelas. Ayat-ayat *mutasyabih* membawa maksud ayat-ayat yang samar, memiliki banyak makna dan banyak perselisihan ulama di dalamnya.
Mutawatir	Jalan yang menunjukkan sesuatu itu telah disepakati oleh para ulama yang tidak mungkin wujud di dalamnya unsur penipuan. Hadis mutawatir adalah hadis yang telah mendapat kesepakatan majoriti ulama tentang kesahihannya. Al-Qur`an merupakan mutawatir kerana penurunannya dari Allah adalah benar dan tidak mungkin lagi dimungkiri dan dipertikaikan kesahihannya.
Muthannā	Kata yang menunjukkan bilangan dua atau kata ganda.
Nakirah	Kata nama yang belum jelas dan bersifat umum.
Nasb	Kalimat atau kata dalam kedudukan objek atau penderita, seperti (ضَـرَبْتُ الْقِطَّ) (saya memukul kucing), atau biasanya ia ditandakan dengan baris atas (fathah) pada akhir huruf disebabkan didahului dengan *harf* (huruf dalam istilah ilmu nahu, seperti (إِنَّ) (sesungguhnya) atau yang lainnya) yang menyebabkannya kalimah itu berbaris atas, seperti: (إِنَّ الْإِنْسَانَ) .

Nusyuz	Dalam al-Qur`an perkataan ini disebut dua kali, iaitu pada surah *al-Nisa`* ayat 34 dan ayat 128. Lafaz Nusyuz pada ayat 34 ditujukan kepada seorang isteri, maknanya adalah kederhakaan seorang isteri kepada suaminya atau bangkangan terhadap hak-hak yang dianugerahkan Allah kepada seorang suami. Manakala pada ayat 128, lafaz Nusyuz ditujukan kepada seorang suami, maksudnya kebencian dan sikap angkuh suami yang mengakibatkan ia meremehkan isterinya dan menghalang ha-haknya atau sikap suami yang menjauhkan isterinya, tidak peduli dan tidak acuh sehingga isteri berasa tidak mendapatkan lagi sikap ramah, baik dalam percakapan atau persetubuhan dari suaminya seperti yang pernah dirasakan sebelumnya.
Qadim bi al-Zaman	Maksudnya Allah (S.W.T.) lebih dahulu daripada zaman dan masa dan selamanya kekal abadi.
Qaylulah	Tidur pada masa tengah hari yang bermula pada pukul 12.
Qira`at	Bacaan al-Qur`an. Satu ayat di dalam al-Qur`an memiliki beberapa bacaan yang mutawatir.
Rajih	Yang paling benar dari semua pendapat.
Ridā`	Sejenis mantel, jubah atau gamis.
Sabi`un	Suatu kaum yang menyembah bintang-bintang dan mendakwa bahawasanya mereka di atas agama Nabi Nuh. Mereka tinggal di Harran di sebelah utara Mesopotamia dan sekarang dinamakan Altinbasik, wilayah bagian dari Turki sebelah selatan yang berdekatan dengan Urfa.
Sahihayn	Kitab hadis yang ditulis oleh Bukhari dan Muslim.
Sukūn	Berbaris mati contoh (ـْـ)
Surah Madaniyah	Surah yang diturunkan di Madinah dan selepas hijrah Rasulullah (s.a.w.) Di antara tanda-tandanya adalah surah ini ayat-ayatnya panjang, menceritakan tentang hukum dan dimulai dengan perkataan (يَـاأَيُّـهَاالَّذِيْنَ آمَنُوا) dan sebagainya.

Surah Makkiyah	Surah yang diturunkan di Makkah dan sebelum hijrah Rasulullah (s.a.w.) Di antara tanda tandanya adalah surah tersebut pendek -pendek dan banyak menceritakan tentang ketauhidan.
Syuhadā`	Orang yang mati syahid atau mati di jalan Allah.
Ta`wil	Pentafsiran.
Taghrīb	Hukuman dengan cara diasingkan.
Tahun Syamsiyyah	Adalah tahun Masihi.
Tahun Qamariyyah	Adalah tahun Hijriyyah.
Tajalli	Menampakkan.
Taklid	Percaya bulat-bulat terhadap satu pegangan, mazhab atau pendapat orang.
Taklīf	Perintah dan larangan hukum dalam agama.
Tamthīl	Perumpamaan-perumpamaan dan misalan-misalan.
Tanwin	Bermaksud dua baris atas ___ً dua baris bawah ___ dan dua baris depan ___ٌ
Taqarrub	Mendekatkan diri kepada Allah.
Taqdir	Dalam Ilmu Nahu, ia bermaksud kata yang menunjukkan kepada sesuatu, seperti (قَـرَأْتَ) (ta) pada kata kerja ini merupakan *damīr* (*pronoun*) yang *taqdir*nya (menunjukkan dan kembali) kepada "engkau".
Tasrif	Perubahan bentuk asal atau akar kata.
Tawadu'	Tidak angkuh, merendahkan diri, tidak haloba kepada kekayaannya, patuh, setia dan taat dalam mengerjakan sesuatu.

Tawātur Mutlak	Kepastian kesahihan jalan penurunan sesuatu. Bila dikaitkan dengan al-Qur`an, maka maknanya jalan penurunan al-Qur`an sudah pasti sahih dan tidak boleh dipertikai.
Tibāq	Adalah satu topik dalam Ilmu Balaghah yang bermaksud dua perkataan yang berlawanan maknanya di dalam satu ayat. contohnya *A'izzah* (kemuliaan) dan *Adhillah* (kehinaan).
Transendetal	Berkenaan sesuatu idea, fahaman atau pengalaman yang sukar difahami dengan menggunakan pemikiran logik biasa, ghaib atau abstrak.
Waqaf	Tempat atau kedudukan untuk berhenti.
Wazan	Dalam Bahasa Arab, kalimah '*wazan*' digunakan untuk menjadi alat pengukur bagi sebuah kata atau lafaz tertentu.
Zanna	Menyangka atau menduga.
Zihār	Ucapan suami yang menyerupakan isterinya dengan ibunya sehingga haram dia menyetubuhinya dalam keadaan demikian (si suami wajib membayar kafarah zihar).
Zindiq	Orang-orang yang berpura-pura beriman padahal mereka adalah kafir (ateis).

Persada Kata

DARIPADA MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA

Segala puji dan syukur dipanjatkan kepada Allah SWT, Tuhan Pemilik Alam. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW serta para sahabat RA. Tidak lupa kepada ahli keluarga baginda dan seluruh pejuang Islam yang berusaha menegakkan Islam di muka bumi ini hingga Hari Kiamat.

Sekalung tahniah diucapkan kepada Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) khususnya kepada Jabatan al-Quran dan al-Hadith, APIUM atas penerbitan **Kamus al-Quran** ini. Usaha yang dilakukan oleh kumpulan penyelidik yang disertai kumpulan pakar di institusi ini akan menambahkan lagi kutub khanah penerbitan karya-karya Islam khususnya di Malaysia dan dunia Islam amnya.

Persembahan karya yang bermutu dan autoriti akan membantu umat Islam di Malaysia memahami kalimah-kalimah yang terkandung di dalam al-Quran. Ini akan dapat menangkis salah faham masyarakat Islam terhadap kandungan al-Quran itu sendiri. Gerak kerja untuk memberi kefahaman dan penjelasan tentang isu-isu berkaitan al-Quran dan al-Hadith juga harus dijana supaya lebih jitu dan berkesan.

Usaha yang dilakukan sama ada di peringkat penyelidik atau penerbit akan memberi impak yang besar bagi melestarikan pembinaan generasi al-Quran pada masa akan datang. Semoga dengan penerbitan **Kamus al-Quran** ini akan memberi semangat dan tekad kepada para ulama dan inteligensia Islam untuk terus berkarya menghasilkan tulisan dan penerbitan yang bermutu dan berkualiti.

Alhamdulillah, penerbitan **Kamus al-Quran** ini adalah suatu usaha terbaik yang harus mendapat sokongan dan dorongan pencinta-pencinta tafsir al-Quran. Saya sentiasa berdoa agar usaha ini akan terus memperoleh kejayaan.

Y.B. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi
Menteri Pertahanan Malaysia

Persada Kata

DARIPADA JABATAN AGAMA ISLAM MALAYSIA

إن الحمد لله نحمده و نستعينه و نستغفره و نعوذ بالله من شرور أنفسنا و سيئات أعمالنا من يهده الله فلا مضل له و من يضلل فلا هادي له و أشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له و أشهد أن محمدا عبده و رسوله.

Sejambak tahniah diucapkan kepada kumpulan penyelidik dan pakar di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaysia. Kerahan idea dan tenaga yang digarap bersama, menghasilkan mutiara al-Quran yang amat tinggi nilainya.

Harapan saya, dengan penerbitan Kamus al-Quran ini akan memberi satu inspirasi kepada pengkaji-pengkaji al-Quran untuk terus menggali dan menerjah ke gerbang al-Quran untuk dikaji dan disusuri baris-baris ayat suci ini. Hasilnya ia akan dapat mengeluarkan panduan dan ajaran untuk diamalkan pada setiap peringkat lapisan masyarakat.

Kefahaman dan maklumat yang jelas dan berautoriti akan memberi satu input yang bermanfaat kepada seluruh masyarakat Islam di Malaysia dan rantau dunia Islam Nusantara. Kerjasama daripada semua pihak sama ada pihak swasta dan badan bukan kerajaan mesti digerakkan bersama bagi membangunkan masyarakat Islam untuk memahami isi kandungan al-Quran.

Al-Quran sebagai manual panduan cara hidup umat Islam dan manusia seluruhnya harus diteliti dan didalami dengan lebih berkesan dan jitu supaya pengajaran dan manual kehidupan dapat dilaksanakan secara syumul. Semoga dengan penerbitan **Kamus al-Quran** ini akan membantu seluruh masyarakat mengkaji dan memahami isi kandungan kitab suci al-Quran. Saya syorkan kepada umat Islam dan rakan-rakan bukan Islam supaya dapat mendalami dan mengenali kitab suci al-Quran al-Karim.

Setinggi-tinggi tahniah! Semoga usaha dikabulkan Allah SWT.

Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Persada Kata

DARIPADA YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA

الحمد لله رب العالمين، وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه ومن والاه.

Penerbitan Kamus al-Quran ini adalah buat kali pertama diterbitkan dalam bahasa Melayu bagi membantu umat Islam di Malaysia memahami al-Quran. Penjelasan kalimah-kalimah yang dimasukkan di dalam Kamus al-Quran adalah jelas dan menyeluruh. Ia menepati dengan apa yang ditafsirkan dan dinyatakan oleh pendapat para mufassir muktabar.

Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada pihak Universiti Malaya sebagai institusi yang mendukung dan menaungi usaha ini. Kepada Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya yang banyak melahirkan pakar-pakar dalam pelbagai bidang pengajian Islam khususnya kepada Jabatan al-Quran dan al-Hadith yang berusaha membuat kajian, meneliti dan mempersembahkan **Kamus al-Quran** ini dalam bentuk yang sangat berkualiti. Usaha ini sudah tentu disertai oleh kumpulan pakar yang berautoriti dan kumpulan penyelidik yang dipercayai dalam mengusahakan penerbitan karya yang bernilai ini.

Usaha murni ini akan terus dijejaki oleh kelompok agamawan lain untuk terus berkarya dan menghasilkan tulisan-tulisan yang baik dan universal bagi mendepani cabaran alaf baru. Justeru, usaha Jabatan al-Quran dan al-Hadith menerbitkan **Kamus al-Quran** ini bersama kumpulan pakar dan pihak penerbit diharapkan supaya dapat diteruskan oleh institusi pendidikan dan penerbit buku yang lain.

Semua pihak harus menyokong penerbitan seperti ini bagi memberi maklumat dan fakta yang tepat kepada seluruh masyarakat termasuk bukan Islam bagi memahami dan mendalami isi kandungan al-Quran dan Islam. Semoga dengan segala lintasan idea dan titis-titis tenaga yang dikerahkan akan dapat membuahkan hasil bagi membina dan membentuk generasi Qurani dan masyarakat Hadhari pada masa yang akan datang.

Datuk Haji Mohd Nakhaie Haji Ahmad
Yang Di Pertua
Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM).

Persada Kata

DARIPADA AKADEMI PENGAJIAN ISLAM UNIVERSITI MALAYA

بحمد الله نبتدئ ونستهدي، وعليه نتوكل، وهو حسبنا ونعم الوكيل، وأشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له وأشهد أن محمدا عبده ورسوله.

Setinggi syukur saya panjatkan ke hadrat Ilahi di atas penerbitan Kamus al-Quran yang diterbitkan oleh PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd. Penerbitan yang dimulakan oleh kumpulan pakar dan penyelidik diketuai Profesor Dato' Dr. Zulkifli Mohd Yusoff. Semua ahli penyelidik dan kumpulan pakar adalah dari Jabatan al-Quran dan al-Hadith, salah satu jabatan di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Penerbitan Kamus al-Quran ini menambahkan lagi jumlah penerbitan di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dengan memberi kefahaman kepada masyarakat tentang ajaran Islam secara keseluruhan. Akademi Pengajian Islam sebagai salah satu entiti pengajian Islam di Malaysia menyokong sepenuhnya penerbitan karya ini.

Persepsi terhadap penerbitan dalam kalangan ahli akademik dan sarjana Islam di institusi pendidikan tinggi perlu diperbetulkan supaya pengkaryaan dan penulisan mereka tidak berorientasikan pangkat dan merit semata-mata. Keikhlasan dan tekad untuk menyebar dan menyampaikan ajaran Islam dengan jujur dan tulus perlu diteruskan agar kedudukan Islam melalui teropong al-Quran dan al-Hadith yang mendasari syariat itu sendiri dilihat sebagai satu panduan hidup secara syumul dan menyeluruh.

Saya mengucapkan tahniah kepada grup penyelidik dan pakar daripada Jabatan al-Quran dan al-Hadith atas daya usaha dan penat jerih mereka menyiapkan penerbitan yang baik ini. Saya berdoa agar kelangsungan penulisan karya akan diteruskan khususnya di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan seluruh Malaysia amnya.

Profesor Dr. Ahmad Hidayat Buang
Pengarah
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Persada Kata

DARIPADA KETUA JABATAN AL-QURAN DAN HADITH, UM

Setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah kerana dengan izin dan rahmatnya, Jabatan al-Quran dan al-Hadith berjaya menghasilkan dan menerbitkan buku berbentuk glosari pentafsiran istilah al-Quran ini.

Menyedari pentafsiran al-Quran adalah suatu bidang ilmu yang luas, usaha ini digabungjalinkan bagi memperoleh hasil yang terbaik. Ia juga diharap dapat membantu masyarakat pada hari ini memahami istilah di dalam al-Quran dengan lebih mudah.

Lebih daripada itu, usaha ini adalah kesinambungan daripada kegigihan ilmuwan tafsir terdahulu seperti Sayyid Qutb, al-Maraghi dan ramai lagi. Ia turut menjadi harapan supaya selepas ini lahir pelbagai tokoh-tokoh tafsir di Malaysia yang menghasilkan pelbagai penulisan bagi manfaat semua masyarakat.

Menyingkap kandungan buku ini, ia mengumpulkan kalimah-kalimah tertentu di dalam al-Quran mengikut susunan huruf dengan mendatangkan penjelasan maksud yang sesuai dengan kalimah itu. Malah, buku ini turut memuatkan huraian daripada ahli-ahli tafsir, di samping menyatakan surah dan ayat di dalam al-Quran bagi membantu para pembaca.

Buat akhirnya, ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menghasilkan buku ini dari awal pengkajian sehingga penerbitannya. Semoga segala usaha yang dilaksanakan mendapat keberkatan dan ganjaran daripada Allah, *Insya-Allah*.

Profesor Madya Dr Mustaffa Abdullah

Ketua
Jabatan al-Quran dan al-Hadith
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya.

Persada Kata

DARIPADA KETUA PANEL PROJEK KAMUS AL-QURAN

تِلْكَ ءَايَٰتُ ٱلْكِتَٰبِ ٱلْحَكِيمِ ﴿٢﴾ هُدًى وَرَحْمَةً لِّلْمُحْسِنِينَ ﴿٣﴾

Maksudnya:

"Ini ialah ayat-ayat kitab (al-Qur'an) yang mengandungi hikmah-hikmah dan kebenaran yang kukuh, menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang sedia mengerjakan amal-amal yang baik."

(Surah Luqman, 31: 2-3)

Alhamdulillah, itulah ucapan kesyukuran yang mesti dilantunkan oleh seorang hamba yang daif atas rahmat dan kasih sayang Allah yang begitu luas. Dengan rahmatnya, manusia dapat menjalankan kehidupan dan mendapat hidayah. Tanpanya, kehidupan manusia tidak bererti, malah akan tersesat jauh daripada kehendak pencipta.

Al-Quran adalah kalam Allah yang penuh dengan 1001 mukjizat yang tidak dapat ditandingi. Ia adalah sumber pertama dan utama bagi umat manusia. Ia berupa kitab yang mencakupi segala apa yang diinginkan, menjelaskan segala yang samar, menyentuh semua aspek kehidupan, lengkap dan tiada satu perkara pun tertinggal daripada huraiannya. Allah menegaskan,

"Tiadalah Kami alpakan sesuatu pun di dalam kitab (al-Quran) ini."

(Surah al-An'am, 6: 38)

Ia adalah sumber hidayah. Siapa yang mendekat pasti mendapat, siapa yang menjauh pasti tersesat. Hanya dia yang dapat memberikan kepuasan yang diingini, menjanjikan kebahagiaan yang dikehendaki. Hanya dengan kembali kepadanya, semua perkara memperoleh solusi yang diredai.

Pelbagai usaha sarjana Islam dilakukan bagi mengupas, mengkaji dan meng*istinbat* segala kandungan yang wujud di dalam al-Quran. Ia bertujuan supaya manusia selalu di bawah naungannya dan mendapat hidayah yang menjamin kehidupan dunia dan di akhirat. Antara usaha-usaha suci ini adalah melalui pentafsiran dan pentakwilan kata-katanya. Ini kerana, tidak semua individu memahami dan mengetahui makna kata-kata al-Quran. Apabila individu tidak memahami kata-kata itu, tersekatlah jalan bagi memahami makna yang sebenar. Apabila kita tidak mengetahui makna sebenar, berkemungkinan kita tersesat daripada jalan yang sepatutnya.

Terdapat banyak buku yang mengupas dan mentafsirkan kata-kata dan lafaz-lafaz al-Quran. Ia adalah sebahagian rujukan kami dalam menyiapkan penerbitan **Kamus al-Quran** ini. Antara buku-buku rujukan adalah:

- *Ma'ani al-Quran* oleh al-Akhfasy al-Awsat
- *Al-Mufradat fi Gharib al-Quran* oleh al-Raghib al-Isfahani
- *Nuzhah al-Qulub fi Tafsir Gharib al-Quran* oleh al-Sijistani
- *Tafsir Gharib al-Quran* dan *Ta`wil Musykil al-Quran* karangan Ibn Qutaybah
- *Tafsir al-Quran wa Gahribuh* oleh al-Yazidi
- *Basa`ir Dhawi al-Tamyiz fi Lata`if al-Kitab al-'Aziz* oleh al-Fayruz Abadi
- *Islah al-Wujuh wa al-Naza`ir fi al-Quran al-Karim* oleh al-Damighani
- *Mu'jam Gharib al-Quran* oleh Muhammad Fu`ad 'Abd al-Baqi
- *Mu'jam Alfaz al-Quran al-Karim* oleh Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah
- dan sebagainya.

Alhamdulillah, berkat rahmatnya, penyiapan kerja ini akhirnya dapat diselesaikan. Proses penyiapan kerja ini memakan masa hampir tiga tahun lebih. Ia bermula pada penghujung jawatan saya sebagai Ketua Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam dengan pembiayaan penyelidikan oleh Universiti Malaya di bawah Vot Fundamental FP 002/2005C. Ini adalah kurnia dan inayat daripadanya. Tanpa rahmatnya, ia tidak bererti bagi kami, tanpa taufik daripadanya, tiadalah kesungguhan dalam diri kami.

Dalam penulisan glosari ini, kami menggunakan beberapa pendekatan dan metode bagi memudahkan kami menghasilkan penulisan yang sistematik. Metode itu dapat dirumuskan seperti berikut:

1. Menyenaraikan makna bahasa sebuah lafaz atau kalimah dan membentangkan makna-makna bersesuaian dengan penggunaannya. Kemudian mengaitkan sa-

lah satu makna itu dengan penggunaan lafaz al-Quran dalam pelbagai bentuk.

2. Menyebut bilangan lafaz ayat yang diulang di dalam al-Quran.
3. Dalam menjelaskan makna lafaz al-Quran, kami berusaha untuk beriltizam kepada metode pentafsiran yang diletakkan oleh para ulama iaitu:
   - Mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran.
   - Mentafsirkan al-Quran dengan al-Ma`thur.
   - Mentafsirkan al-Quran dengan pendapat-pendapat ulama.
4. Dalam pentafsiran lafaz ayat, kami bersandarkan kepada *Asbab al-Nuzul* (sebab ayat diturunkan). Ini kerana, sebuah ayat kadangkala pentafsirannya yang sebenar berada di dalam sebab penurunan ayat al-Quran itu.
5. Kadangkala kami menggunakan syair bagi menjelaskan perkataan sebuah ayat.
6. Kadang-kadang kami menyentuh permasalahan *qiraat* (bacaan) dan menerangkan pentafsiran bagi qiraat itu.
7. Dalam banyak keadaan, kami membuat kesimpulan bagi pentafsiran perkataan sesebuah ayat.

Kajian ini tidak mungkin disiapkan tanpa bantuan daripada banyak pihak. Sebagai beramal dengan titah Junjungan, Muhammad yang menyatakan, sesiapa yang tidak tahu berterima kasih kepada sumbangan manusia, dia tidak akan tahu bersyukur atas pemberian Allah.

Justeru, izinkan kami melakarkan siri ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada beberapa individu yang terlibat membantu kajian ini supaya menemui penghujung noktahnya. Mereka adalah **Encik Ahmad Zulfiqar Shah Abd. Hadi, Encik Muhammad Anuarul Amin Hasan, Cik Mariana Ahmed, Cik Che Fasihah Che Man, Cik Nur Ashikin Sulaiman, Cik Nurul Zakirah bt Mat Sin, Encik Mohamad Hasbullah bin Salim, Muhammad Alihanafiah bin Norasid, Shahril Nizam bin Zulkipli, Mohd Aizul bin Yaakob, Muhammad Faiz bin Mohd Fadzli, Aisyah bt. Dollah @ Abdullah, Fadhilah Adibah bt. Ismail dan Nur Hafizah bt. Abdul Aziz.** Mereka terlibat melakukan kajian semula *(review)* terhadap kajian ini secara aktif pada peringkat awal penyelidikan.

Ia kemudian diteruskan oleh dua orang pembantu akademik saya iaitu Saudara Muhammad Mukhlis dan Saudara Arif Chasanul Muna yang bertugas menyedia dan menyemak entri sebagaimana yang dibekalkan kepada mereka berasaskan garis panduan yang ditetapkan. Hasil tangan mereka kemudian disemak secara komprehensif oleh Saudara Fikri Mahmud. Saya menugaskan Saudara Fikri dan Saudara Mukhlis mem-

bantu saya melakukan kerja suntingan, semakan dan menyiapkan kerja-kerja akhir.

Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan panel penyelidik yang sabar dan tabah bersama saya mengharungi cabaran penyediaan data ini. Mereka adalah Prof. Madya Dr. Abdul Rashid Bin Ahmad, Prof. Madya Dr. Fauzi Deraman, Prof. Madya Dr. Ishak Suliaman, Prof. Madya Dr. Mustaffa Abdullah, Dr. Faisal Ahmad Shah, Dr. Mohd Asmadi Yakob, Puan Munirah @ Monica Abd Razak dan En. Anwar Ridhwan Zakaria. Pertemuan mingguan kami berjalan dengan baik dan lancar. Segala sumbang saran daripada rakan-rakan diambil kira dalam mempersembahkan bahan ini kepada masyarakat pembaca.

Semoga Allah membalas pengorbanan masa mereka semua dengan kebaikan dan keberkatan. Kami juga tidak lupa merakamkan ucapan terima kasih kepada Puan Rukiah Binti Komboi, selaku Setiausaha kepada jabatan kami yang sering menyediakan kemudahan bagi kami mengadakan mesyuarat.

Kepada para pembaca, kami akur kelemahan kami sebagai manusia. Sebagai insan yang tidak lepas daripada kekurangan dan kelemahan, kami mengharapkan nasihat-nasihat dan kritikan-kritikan yang membina atas kekurangan usaha kami ini. Semoga kami dapat memperbaiki dan menjadikannya sebagai panduan bagi kami meneruskan khidmat untuk al-Quran. Kami berdoa, mudah-mudahan usaha ini mendapat keredaan daripada Allah dan hanya kepadanya kami memohon ganjaran.

Selamat membaca. *Wassalam.*

Profesor Dato' Dr. Zulkifli Haji Mohd Yusoff

Ketua Panel Kamus al-Quran
Jabatan al-Quran dan al-Hadith
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya.

A'DĀ' (أَعْدَاءُ)

Lafaz jamak ini *mufrad*nya adalah *'aduww* (عدو), bermakna "musuh," lawan kepada wali[1] dan teman.[2] Daripadanya terbit perkataan *al -'ādī* dan *mu`annath*nya adalah *al-'ādiyah*, yang bermaksud "orang yang melanggar, atau yang menganiaya, atau yang merampas hak milik orang lain."[3] Daripadanya juga lahir perkataan *al-'adā'* yang bermakna "melampaui batas dalam melakukan kezaliman,"[4] atau "kesibukan yang memalingkan daripada sesuatu," atau pun bermakna "jauh."[5]

Derivasi lafaznya yang lain adalah *al -'adāwah*, bermaksud "permusuhan," dan *al -'udwah* yang bermakna "tempat yang jauh," atau "tepi lembah," atau "tempat yang tinggi." Manakala *al-'udawā'* ertinya adalah "tanah yang kering dan keras."[6] Lafaz dalam bentuk jamak ini *(a'dā')* disebut lima kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 103; *al-A'rāf* (7), ayat 150, *Fussilat* (41), ayat 19, 28; *al-Ahqaf* (46), ayat 6; dan *al-Mumtahanah* (60), ayat 2.

Al-Zamakhsarī mentafsirkan lafaz *a'dā'* dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 103 dengan keterangan, "Sesungguhnya ketika zaman kejahilan berlaku antara mereka permusuhan dan peperangan yang berterusan, maka Allah menyatukan hati-hati mereka dengan Islam."[7] Ia adalah isyarat bagi hal atau keadaan Mukmin pada masa kejahilan tersebut wujudnya permusuhan antara mereka, pertengkaran dan pertumpahan darah.[8] Ibn Kathīr mentafsirkan *a'dā'* dalam surah Fussilat, ayat 19 dengan pengertian "orang musyrik."[9]

Al-Tabari juga menerangkan, *a'dā'* dalam ayat ini adalah "orang musyrik kerana mereka adalah musuh-musuh Allah."[10] Manakala kalimah *a'dā'* dalam surah *al-Ahqaf*, ayat 6, beliau mentafsirkan maksudnya adalah "ketika manusia dikumpulkan pada hari kiamat untuk dihisab, maka tuhan-tuhan yang mereka memohon doa kepadanya di dunia menjadi musuh-musuh mereka, kerana tuhan-tuhan itu akan melepaskan diri daripada mereka."[11] Kalimah *a'dā'* (bermusuhan) dalam ayat itu menunjukkan keadaan tuhan-tuhan berhala itu kepada penyembah-penyembahnya.

Kesimpulannya, kebanyakan ayat-ayat di atas menerangkan maksud *a'dā'* adalah "musuh-musuh Allah," sama ada daripada kalangan orang musyrik ataupun tuhan -tuhan yang mereka sembah. Dalam surah *Āli 'Imrān*, ayat 103, kalimah *a'dā'* mengingatkan tentang permusuhan yang berlaku antara Mukmin pada masa kejahilan mereka sebagaimana dihuraikan tadi.

1 Zayn al-Dīn Muhammad b. Abī Bakr b. 'Abd al-Qādir al-Rāzī (1987), *Mukhtār al-Sihah*, Beirut: Dār al-Basa`ir, h. 419.

2 Al-Tahir Ahmad al-Zawi (t.t.), *Tartīb al-Qāmūs al-Muhit*, Kaherah: "Īsā al-Bābī al-Halabī, c. 1, j. 3, h. 174-175.

3 Louis Ma'lūf (1975), *Al-Munjid fi al-Lughah wa al-A'lām*, c. 22. Beirut: Dār al-Masyriq, h. 492.

4 Al-Rāzī (1987), *loc. cit.*

5 Ma'lūf (1975), *loc. cit.*

6 Al-Rāzī (1987), *loc. cit.*

7 Mahmud bin 'Umar b. Muhammad al-Zamakhsyarī (1995), *Al-Kasysyāf*, *op. cit.*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 1, h. 387.

8 Muhammad Rasyīd Rida (t.t), *Tafsīr al-Manār*, j. 4, c. 2. Beirut: Dār al-Fikr, h. 22. Rida berkata peperangan atau permusuhan itu berlaku antara kaum Aus dan Khazraj selama 120 tahun.

9 Isma'il bin Kathīr al-Qurasyī al-Dimasyqī (1998), *Tafsīr al-Qur`ān al-'Azim*, c. 1, j. 4, Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah, h. 85.

10 Abū Ja'far Muhammad bin Jarīr al-Tabarī (1995), *Jāmi' al-Bayān 'an Ta`wīl Āy al-Qur`ān*, Beirut: Dār al-Fikr, j. 12, h. 132.

11 *Ibid.*, j. 13, h. 7.

A'IZZAH (أَعِزَّةٌ)

A'izzah bermaksud keras daripada sudut bahasa. Perkataan ini adalah kata jamak daripada perkataan *'aziz* (العَزِيزُ).[1] Perkataan *a'izzah* disebut dua kali di dalam al-Quran al-Karim iaitu dalam surah *al-Ma'idah* (5), ayat 54 dan surah *al-Naml* (27), ayat 34. Sebagai contoh, perkataan ini disebut dalam surah *al-Mā'idah*, ayat 54 yang bermaksud,

> *"Wahai orang yang beriman! Sesiapa di antara kamu yang murtad, maka Allah akan datangkan suatu kaum yang Ia kasihi dan mereka juga kasihkan-Nya mereka bersifat lemah-lembut terhadap orang yang beriman dan tegas terhadap orang kafir, mereka berjuang pada jalan Allah, dan mereka tidak takut celaan orang yang mencela. Yang demikian itu adalah limpah kurnia Allah yang diberikan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya; kerana Allah Maha Luas limpah kurnia-Nya, lagi Meliputi Pengetahuan-Nya."*

"Keras" dalam ayat berkenaan bermaksud keras perasaan dan teguh jiwa kepada orang kafir.[2] Sifat ini adalah salah satu daripada sifat-sifat orang yang beriman.

Dalam ayat ini, perkataan *a'izzah* di gandingkan dengan perkataan *adhillah.* Gandingan ini dikenali sebagai *tibaq*[3] di dalam ilmu Balaghah (retorik).

A'JAMIYY (أَعْجَمِيٌّ)

Lafaz ini adalah bentuk *mufrad*, lafaz jamaknya adalah *a'ājim* yang membawa maksud nisbah kepada *'ajam* iaitu yang bukan bangsa Arab[4]. Contohnya, apabila lafaz ini disandarkan kepada satu perkataan lain seperti *lisān a'jamiyy,* maka maknanya ialah percakapan orang bukan Arab.[5]

Di dalam al-Quran, terdapat tiga bentuk penggunaan lafaz ini iaitu *a'jamiyy* yang digunakan dalam ayat 103 surah *al-Nahl* dan ayat 44 surah *Ibrāhīm*, *a'jamiyyan* dalam ayat 44 surah *Fussilat*, *al-a'jamin* dalam ayat 198 surah *al-Syu'ārāk*. Dalam ayat 103 surah *al -Nahl*, lafaz *a'jamiyy* ini bermaksud bahasa *'ajam* iaitu bukan bahasa Arab[6]. Apabila disebut lelaki *a'jam* ataupun perempuan *a'jam,* maka ia bermakna lelaki dan perempuan itu tidak fasih berbahasa Arab[7].

Al-Farrā' menyebut, *al-a'jam* adalah orang yang tidak fasih berbahasa Arab meskipun dia adalah orang Arab, manakala *al-a'jamiy* atau *al-'ajamī* adalah orang yang

1 Ahmad al-'Āyid et al.(t.t), *Al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī li al-Natiqīn bi al-'Arabiyah wa Muta'allimihā*, t.t.p. : *al-Munazzamah al-'Arabiyah li al-Tarbiyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm*, h. 838.

2 Muhammad b Ahmad al-Ansari al-Qurtubi (t.t), *Al-Jāmi' li Ahkam al-Qur'ān*. j. 3, Beirut : Dār al-Kutub al-Ilmiyah, h. 143.

3 *Tibāq* adalah adalah satu topik dalam Ilmu Balaghah. Tibāq bermaksud dua perkataan yang berlawanan maknanya di dalam satu ayat. Lihat Ahmad al-Hashimi (t.t), *Jawāhir al-Balaghah fi al-Ma'ānī wa al-Bayān wa al-Badī'*. Beirut: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabī; Mahmud Ahmad Hasan al-Marāghī(1991), *'Ilm al-Badī'*. Beirut : Dār al-'Ulūm al-'Arabiyah, h. 67.

4 Ahmad al-'Āyid, et. al, *op. cit*, h. 824. Lihat juga Muhammad Idrīs al-Marbawī (1995), *Qāmūs Idrīs al-Marbawī Arabī-Malāyūwiyy*. Kuala Lumpur : Darul Nu'man, h. 8.

5 'Āyid et al (t.t), *op.cit*. Lihat juga Ruhi al-Ba'labakī (1999), *Al-Mawrid Qamūs 'Arabī-Ingglizi*. Beirut : Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, h. 130.

6 Al-Qurtubī di dalam kitab tafsirnya menyebut, ayat ini diturunkan bagi menjelaskan tentang tuduhan yang dilemparkan kepada Nabi Muhammad. Orang musyrik Makkah menuduh Nabi Muhammad mengetahui berita-berita tentang kisah-kisah umat terdahulu dan lain-lain yang disampaikan kepada umat beliau kerana belajar daripada seorang pemuda yang bernama Jabār b. al-Mughīrah. Jabār adalah seorang Nasrani yang memeluk Islam dan bukan berbangsa Arab. Justeru, ayat ini menangkis tuduhan itu dan menerangkan tidak mungkin Jabar mampu mengajar Nabi Muhammad kerana beliau adalah seorang *'Ajam* yang tidak bertutur dengan bahasa Arab Fushah. Ayat ini juga menunjukkan tidak ada seorang manusia mahupun jin yang dapat membawakan satu surah al-Quran yang mampu menandingi apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad. Lihat Muhammad b. Ahmad al-Ansari al-Qurtubī (t.t), *op. cit*, h. 117.

7 *Ibid.*

asalnya bukan berbangsa Arab. Menurut Abū 'Alī pula, *al-a'jamī* merangkumi makna bagi orang yang berbangsa *'ajam* sekalipun fasih berbahasa Arab dan orang yang tidak fasih berbahasa Arab meskipun asalnya adalah bangsa Arab. Lafaz *al-a'jam* pula membawa maksud yang pertama iaitu orang yang asalnya berbangsa *'ajam* sama ada fasih berbahasa Arab ataupun tidak.[1]

Kesimpulan yang dapat dibuat berpandukan kepada ayat 103 surah *al-Nahl*, lafaz *al-a'jamiyy* secara tepatnya bermaksud tidak berbahasa Arab.

A'MĀ (أَعْمَى)

Lafaz ini adalah kata nama *mufrad* daripada kata kerja *'amiya* (عَمِيَ) yang bererti "menjadi buta,"[2] jamaknya adalah *'amyā'* (عَمْيَاءُ). *"A'mā al-rajula"* (أَعْمَى الرَّجُلَ) maknanya "menjadikannya buta," atau "mendapatinya buta,"[3] atau "jahil."[4] Apabila lafaz ini disandarkan kepada hati atau dikatakan "مَا أَعْمَاهُ", maka maknanya ialah "betapa buta hatinya" kerana disebabkan banyak kesesatannya.[5] Oleh itu, ungkapan *"makān a'mā"* (مَكَانٌ أَعْمَى) bermaksud tempat yang tidak diberi petunjuk di dalamnya.[6]

Kalimah ini disebut 13 kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 50; *al-Ra'd* (13), ayat 16, 19; *Hūd* (11), ayat 24; *al-Isrāk* (17), ayat 72; *Taha* (20), ayat 124, 125; *al-Nūr* (24), ayat 61; *Fatir* (35), ayat 19; *Ghāfir* (40), ayat 58; *Muhammad* (47), ayat 23; *al-Fath* (48), ayat 17; *'Abasa* (80), ayat 2.

Al-Qāsimī mentafsirkan lafaz *a'mā* dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 50 dengan katanya, "Ayat ini mengandungi perumpamaan orang sesat dan yang mendapat petunjuk. Maksudnya, perumpamaan antara orang yang tidak mengetahui perkara yang benar dan orang yang mengetahuinya, dan ini memberikan pesan supaya menjauhkan diri daripada kesesatan dan mendekatkan diri kepada petunjuk."[7]

Al-Zuhailī mentafsirkan, perkataan *"al-a'mā wa al-basir"* (الأَعْمَى وَالْبَصِيرُ) adalah "orang kafir dan orang yang beriman," atau "yang sesat dan yang mendapat petunjuk."[8] Manakala tafsiran *al-a'mā* dalam surah *al-Fath* adalah "buta," kerana dikaitkan dengan jihad, apabila diterangkan tiada dosa bagi mereka meninggalkan jihad, disebabkan ada keuzuran yang nyata iaitu buta.[9] Dalam mentafsirkan surah *Taha*, ayat 124, Ibn Kathīr menukilkan daripada Mujāhid, Abū Salih dan al-Suddī mengenai makna *al-a'mā* dalam ayat tersebut, iaitu "tidak ada hujah baginya."

Sedangkan 'Ikrimah menjelaskan orang yang dimaksudkan buta itu tidak nampak segala sesuatu selain neraka. Ini bermakna, dia dibangkitkan dan diseret ke neraka dalam keadaan buta mata dan hatinya.[10] Yang dimaksudkan dengan *a'mā* dalam surah 'Abasa ialah 'Abdullāh bin Umm Maktūm.

1 *Ibid.*

2 Al-Zawi (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 317.

3 *Ibid.*

4 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 530.

5 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 456.

6 Ma'lūf (1975), *loc. cit.*

7 Muhammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī (1994), *Tafsīr al-Qāsimī (Mahasin al-Ta'wīl)*, j. 3, c. 1. Beirut: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabī, h. 318.

8 Wahbah al-Zuhaylī (1991), *Al-Tafsīr al-Munīr*, j. 7, c. 1. Beirut: Dār al-Fikr, h. 208.

9 Muhammad 'Alī al-Sabuni (1981), *Safwah al-Tafasir*, j. 3, c. 4. Beirut: Dār al-Qur'ān al-Karīm, h. 17.

10 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 161.

'Ā'isyah melaporkan, "عَبَسَ وَتَوَلَّى" di turunkan kepada Ibn Umm Maktūm yang buta, apabila beliau datang kepada Nabi Muhammad dan berkata, 'Wahai Rasulullah, berilah bimbingan dan ajaran kepadaku tentang apa yang diajarkan oleh Allah.' Pada masa itu, nabi sibuk menyampaikan dakwah kepada pembesar-pembesar musyrik,[1] lalu nabi pun berpaling daripadanya[2] dan menghadap kepada mereka. Kerana peristiwa inilah ayat itu diturunkan.[3] Kemudian, selepas itu nabi memuliakannya,[4] dan setiap kali nabi berjumpa dengannya, nabi berkata, 'Salam sejahtera, wahai orang yang membuatku ditegur oleh Allah.' Lalu nabi memakaikan jubahnya kepada beliau."[5]

Kesimpulannya, lafaz *a'mā* dalam ayat -ayat di atas mengandungi tiga maksud. **Pertama**, bermakna buta mata sebagaimana pada surah *al-Nūr*, *al-Fath* dan *Tahā*. **Kedua**, bermaksud buta hati atau dalam kesesatan iaitu yang terdapat dalam surah *al-An'ām, Hūd, al-Ra'd, al-Isrāk, Tahā, Fatir, Ghāfir* dan *Muhammad*. **Ketiga**, bermaksud Abdullāh bin Umm Maktūm, ini terdapat dalam surah *'Abasa*.

A'MĀL (أَعْمَالٌ)

Lafaz ini adalah bentuk *jamak* daripada *'amal* (عَمَلٌ) yang bermakna "pekerjaan" dan "perbuatan."[6] Dalam *Kamus al-Munjid* dijelaskan, *'amāl* adalah perbuatan yang disengajakan atau dengan maksud.[7] *A'māl* mencakupi perbuatan hati dan anggota badan, ia mengisyaratkan perbuatan yang berterusan,[8] sebagaimana Allah menerangkan, "يَعْمَلُوْنَ لَهُ مَا يَشَاءُ."[9] Al-Kafawī menyatakan, perbuatan itu dikatakan *'amāl* apabila ia terbit daripada fikiran dan renungan. Oleh itu, ia dikaitkan dengan *'ilm* (عِلْمٌ), sehingga sesetengah sasterawan berkata, lafaz *'amāl* (عَمَلٌ) adalah perkataan terbalik daripada lafaz *'ilm* (عِلْمٌ). Hal ini mengisyaratkan *'amāl* adalah sebahagian daripada ilmu.[10] *'Ilm* juga adalah sumber *af'āl* (أَفْعَالٌ) atau perbuatan. *Al-'amāl* (amalan) adalah natijah yang timbul daripada *al-'āmil* (orang yang melaksanakan amal itu), sama kedudukannya seperti *al-Hukm* (hukum) iaitu hasil daripada *'illah* (sebab timbulnya hukum itu).[11]

Lafaz *a'māl* disebut sebanyak 41 kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al -Baqarah* (2), ayat 139, 139, 167, 217; *Āli 'Imrān* (3), ayat 22; *al-Mā'idah* (5), ayat 53; *al-A'rāf* (7), ayat 147; *al-Anfāl* (8), ayat 48; *at -Taubah* (9), ayat 17, 69, 37; *Hūd* (11), ayat 15, 111; *Ibrāhīm* (14), ayat 18; *al-Nahl* (16), ayat 63, *al-Kahf* (18), ayat 103, 105; *al-Mu'minūn* (23), ayat 63; *al-Nūr* (24), ayat 39; *al-Naml* (27), ayat 4, 24; *al-Qasas* (28), ayat 55; *al*

1 Mereka itu ialah 'Utbah bin Rabī'ah, Abū Jahl bin Hisyām, 'Abbās bin 'Abd al-Muttalib, Ubay dan Umayyah bin Khalf. 'Alī bin Ahmad al-Wāhidī al-Nīsābūrī (1998), *Asbāb al-Nuzūl*, c. 4, Kaherah: Dār al-Hadīth, h. 385.

2 Beliau mengulangi permintaan tersebut kerana dia tidak tahu Rasulullah sedang sibuk menyampaikan dakwah kepada pembesar-pembesar itu, lalu nampak jelas pada wajah Baginda tergambar kebencian kerana Ibn Ummi Maktum memotong pembicaraannya, dan timbul dalam hatinya perkataan: "mereka pembesar-pembesar itu akan mengatakan bahawa pengikutnya adalah dari kalangan orang buta, hina dan hamba sahaya," lalu Baginda berpaling darinya dan menghadap kepada mereka serta terus menyampaikan dakwah. *Ibid.*; al-Sabuni (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 519.

3 Al-Wāhidī (1998), *op. cit.*, h. 385, diriwayatkan oleh al-Hakim dalam sahihnya daripada 'Alī b. 'Īsā, dari al-'Atibī, dari Sa'ad b. Yahya.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 426, diriwayatkan daripada Qatādah, dari Anas b. Mālik.

5 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*

6 Majd al-Dīn Muhammad b Ya'qūb al-Fayrūz Ābādī (t.t) *al-Qāmūs al-Muhit*, j. 4, Kaherah: Mu`assasah al-Halabī wa Syurakā`uh, h. 21; al-Zawi (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 314.

7 Ma'lūf (1975), *op. cit*, h. 531.

8 Abū al-Baqā 'Ayyūb Mūsā al-Husaynī Al-Kafawī (1992), *al-Kuliyyāt*, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, h. 236.

9 Surah *Sabak* (34): 13.

10 Al-Kafawī (1992), *loc. cit.*

11 *Ibid.*

-'Ankabūt (29) ayat 38, *al-Ahzāb* (33) ayat 19, 71; *al-Syura* (42) ayat 15; *al-Ahqaf* (46) ayat 19; *Muhammad* (47) ayat 1, 4, 8, 9, 28, 30, 32, 33, 35; *al-Hujurāt* (49) ayat 2, 14; *al-Zalzalah* (99) ayat 6.

Al-Qurtubī ketika mentafsirkan ayat 217 surah *al-Baqarah*:

وَمَنْ يَرْتَدِدْ مِنكُمْ عَنْ دِينِهِ فَيَمُتْ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

"Dan siapa yang murtad di antara kamu, maka mereka itu sia-sia amalan-amalannya di dunia dan di akhirat."

Beliau mengutip penjelasan al-Rabi', "Perbuatan-perbuatan buruk yang mereka lakukan, neraka adalah wajib bagi mereka." Ibn Mas'ūd dan al-Suddī pula berkata, "Perbuatan-perbuatan baik yang mereka tinggalkan akan menjauhkan mereka daripada syurga. Amalan-amalan baik disandarkan kepada mereka kerana mereka disuruh melakukannya, sedangkan amalan-amalan jahat disandarkan kepada mereka kerana mereka melakukannya."[1]

Al-Tabarī ketika menjelaskan tafsir surah *al-Zalzalah*, beliau berkata, "Pada hari kiamat, manusia akan dibangkitkan berkelompok -kelompok dan terpisah di sebelah kiri dan di sebelah kanan bagi diperlihatkan amalan -amalan mereka. Bagi mereka yang berbuat baik di dunia dan taat kepada Allah, maka Allah menyediakan baginya pada hari itu karamah dan kemuliaan sebagai balasan bagi ketaatannya kepadanya di dunia. Dan bagi yang berbuat jahat dan melakukan maksiat kepada Allah, maka Allah menyediakan baginya kesengsaraan dan kehinaan di neraka, sebagai balasan bagi perbuatannya dan kekufurannya di dunia."[2]

Kesimpulannya, lafaz *a'māl* pada ayat -ayat di atas lebih banyak dikaitkan dengan *al-ihbat* (penghapusan) amalan orang musyrik, kafir, munafik dan sebagainya, dan juga bersifat lebih cenderung kepada perkara keduniaan yang dihiasi oleh syaitan. Tetapi penggunaan sebenar lafaz ini bersifat umum, iaitu bagi amalan kejahatan dan kebaikan, seperti yang terdapat dalam surah *al-Qasas, al-Syura, al-Ahqaf, Muhammad* (ayat 30), *al-Zalzalah*, dan sedikit sekali disandarkan kepada orang beriman, iaitu pada surah *al -Ahzāb, Muhammad* (ayat 35), dan *al-Hujurāt* (ayat 14).

Walau bagaimanapun, *a'māl* adalah per buatan yang berterusan dan bersifat umum yang didasari oleh fikiran dan renungan. Oleh itu, orang menjadi kafir kerana ia tahu akan sebuah kebenaran, tetapi mengingkarinya. Manakala orang menjadi beriman kerana ia tahu akan kebenaran dan berusaha mengikutinya.

A'NĀQ (أَعْنَاقٌ)

Lafaz ini berbentuk *jamak*, *mufrad*nya ialah *'unq* (عُنُقٌ) atau *'unuq* (عُنُقٌ) yang bermakna "penyambung antara kepala dan badan"[3] (leher). *'Unuqun ilayk* (عُنُقٌ إِلَيْكَ) ertinya cenderung kepadamu bagi menunggu dan mendengar.[4] *'Unuq al-dahr* (عُنُقُ الدَّهْرِ)

1 Al-Qurtubī (1996), *op. cit*, j. 1, Kaherah: Dār al-Hadīth h. 212.

2 Al-Tabari (1995), *op. cit.*, j. 15, h. 339.

3 Ma'lūf (1975), *op. cit*, h. 534.

4 Al-Zawi (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 328.

maknanya "zaman dahulu."[1] Apabila lafaz ini disandarkan kepada sesuatu, ertinya adalah permulaan sesuatu itu.[2]

Sekiranya ia dikaitkan dengan pokok, maknanya ialah apa yang ada di antara batang dan akarnya.[3] *Dhū 'unuq* juga sebagai nama bagi kuda al-Miqdād bin al-Aswad, atau gelaran bagi 'Āmir bin al-Mulawwih, atau gelaran Khuwailid bin Hilāl al-Bajalī.[4] Lafaz *'unuq* ini kadangkala digunakan dalam bentuk *mudhakkar (*maskulin*)*, dan kadang -kala dalam bentuk *mu`annath (*feminin*)*.[5]

Lafaz dalam bentuk jamak ini (*a'nāq*) disebut tujuh kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Anfāl* (8), ayat 12; *al-Ra'd* (13) ayat 5; *al-Syu'arāk* (26) ayat 4; *Sabak* (34) ayat 33; *Yāsin* (36) ayat 8; *Sad* (38) ayat 33; dan *Ghāfir* (40) ayat 71.

Lafaz *a'nāq* mengandungi beberapa makna, ia dapat memberi makna kelompok manusia, para pemimpin, bahagian daripada kebaikan. Contoh bahagian kebaikan dalam hadis disebutkan:

الْمُؤَذِّنُوْنَ أَطْوَلُ النَّاسِ أَعْنَاقًا

"Orang yang mengumandangkan azan adalah orang yang paling panjang leher mereka)."

Ertinya, mereka banyak amalannya juga dikaitkan dengan pembesar dan pemimpin, kerana mereka diberikan sifat leher yang panjang.[6]

Al-Syawkānī berpendapat, maksud perkataan *a'nāq* yang terdapat dalam surah *al -Anfāl* adalah diri atau jiwa, kerana ia berkaitan dengan pukulan[7] sebagaimana yang dijelaskan Ibn Kathīr ketika mentafsirkan surah *al-Syu'arāk* ayat 4,

> *"Sekiranya Kami berkemahuan pasti Kami akan menurunkan ayat-ayat yang memaksa (diri) mereka dengan kasar supaya mereka beriman, tetapi Kami tidak mahu dari (diri) individu kecuali iman yang berdasarkan ikhtiar."*[8]

Namun, al-Tabarī berkata yang dimaksudkan dengan *a'nāq* dalam surah *al-Anfāl*, ayat 12 ialah leher,[9] atau kepala[10] kerana sebelumnya terdapat lafaz *fauq* (فَوْقَ) (di atas). Beliau menyimpulkan maknanya kepala atau leher kerana Nabi Muhammad menyuruh sahabat-sahabatnya memukul kepala orang musyrik, leher, tangan dan kaki mereka pada masa Perang Badar.[11] Manakala pada surah lain, ia bermakna leher, kerana lafaz *a'nāq* itu dikaitkan dengan *al-aghlāl* iaitu "belenggu." Sehubungan dengan itu, Ibn Kathīr menukilkan daripada al-Kufī satu rekod daripada Ibn 'Abbās iaitu maksud ayat 29 daripada surah *al-Israk*:

وَلَا تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُوْلَةً إِلَى عُنُقِكَ

"(Dan janganlah engkau jadikan tangan engkau terbelenggu di leher engkau), iaitu tangan-tangan mereka terikat dan terbelenggu di leher mereka, sehingga tidak dapat memberikan kebaikan."[12]

Kesimpulannya, maksud perkataan *a'nāq* pada ketujuh ayat-ayat di atas mengandungi dua makna. Makna pertama ialah **leher**, iaitu yang terdapat pada surah *al-Ra'd*, *Saba'*, *Sad*

1 *Ibid.*

2 Ma'lūf (1975), *loc. cit.*

3 *Ibid.*

4 Al-Zawī (t.t.) (t.t.), *op. cit.*

5 Ma'lūf (1975), *op. cit.*

6 *Ibid.*

7 Muhammad bin 'Alī b Muhammad al-Syawkānī (1994), *Fath al-Qadīr*, c. 1, j. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 373.

8 Ibn Kathīr (1998), op. cit., j. 3, h. 311.

9 Direkodkan daripada 'Itiyyah dan al-Dahhak.

10 Direkodtkan daripada Yazīd daripada 'Ikrimah.

11 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 6, h. 262-263.

12 Ibn Kahtīr (1998), *op. cit.*, h. 525.

dan *Ghāfir*; sedangkan makna kedua ialah **diri** atau **jiwa**, seperti yang terdapat dalam surah *al-Anfāl* dan *al-Syu'arāk*.

A'QĀB (أَعْقَابُ)

Lafaz ini adalah bentuk *jamak* daripada kalimah *'aqīb* (عَقِيبٌ), yang bermaksud "anak" atau "anak daripada anak (cucu)." *'Aqīb* juga bererti "bahagian belakang tapak kaki" atau "tumit."[1] Perkataan *'aqīb* berasal daripada kata *'aqaba* (عَقَبَ) yang bermakna setiap sesuatu yang datang selepas yang lain,[2] atau yang datang kemudian dan yang mengikutinya.[3] Daripadanya lahir perkataan *al-'aqibah* yang bermaksud "anak dan akhir setiap sesuatu."[4]

Kalimah *a'qāb* disebut sebanyak empat kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3) ayat 144, 149; *al-An'ām* (6) ayat 71; *al-Mukminūn* (23) ayat 66. Al-Syawkānī berkata, lafaz *a'qāb* (أَعْقَاب) adalah bentuk jamak daripada *'aqab*, asalnya ialah daripada lafaz *al-mu'āqabah* (الْمُعَاقَبَةُ)dan *al-'uqbā* (الْعُقْبَى), iaitu perkara yang datang mengiringi sesuatu yang harus diikutinya, sebagaimana Allah menerangkan,[5] "وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ", dan daripada lafaz *al-mu'āqabah* dan *al-'uqbā* juga berasalnya perkataan *'aqīb* (belakang tapak kaki lelaki, atau tumit), serta daripadanya juga timbulnya perkataan *al-'uqubah* (seksaan atau hukuman), kerana ia adalah suatu perkara yang datang selepas melakukan dosa.[6]

Abū 'Ubaidah mengatakan lafaz *a'qāb* dikatakan bagi orang yang memulangkan hajatnya dan belum mengambil keuntungan daripadanya.[7] Al-Mubarrad pula berkata makna *a'qāb* ialah kembali membuat jahat setelah berbuat baik.[8] Namun, apabila dikatakan,

رَجَعَ فُلَانٌ عَلَى عَقِبَيْهِ

Maknanya adalah "si fulan berpaling ke belakang."[9] Al-Tabarī[10] mentafsirkan perkataan *a'qāb* yang terdapat pada ayat 66 daripada surah *al-Mu'minūn* dengan "ke belakang"[11] dan "berpaling ke belakang."[12]

Semua ayat-ayat yang menyebut kalimah ini berkaitan dengan iman dan kufur, di mana orang yang mendapat keimanan berpaling semula ke belakang dan kembali kepada kekufuran, sehingga akhir daripada itu mereka tidak mendapat faedah malah berada dalam kerugian. Itu kerana mereka tidak mahu mengendahkan ayat-ayat yang dibacakan kepada mereka lalu mereka berpaling muka. Maka tangisan mereka di akhirat tidak ada gunanya lagi.[13] Justeru, makna kalimah *a'qāb* yang terdapat pada semua ayat yang disebut tadi bermakna "**berpaling**" atau "**kembali ke belakang.**"

1 Al-Zawi (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 268.

2 Ma'lūf (1975), *loc. cit.*

3 Ahmad Warson Munawwir (1997), *al-Munawwir*, c. 14, Surabaya: Penerbit Pustaka Progessif, h. 952.

4 Al-Zawi (t.t.), *loc. cit.*

5 Surah *al-A'rāf*, ayat 167.

6 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 164.

7 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 7, h. 21.

8 *Ibid.*

9 *Ibid.*

10 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 10, h. 50.

11 Dinukilkan daripada Ibn 'Abbās.

12 Direkodkan daripada Mujāhid.

13 Ahmad Sonhadji Mohamad (1997), *'Abr al-Athir (Tafsir al-Qur'an di Radio)*, j. 18. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, h. 73.

A'RĀB (أَعْرَابٌ)

Kalimah ini berasal daripada kalimah *'urb* (عُرْبٌ) yang bermakna bukan 'Ajam atau "berbangsa Arab" dan mereka adalah penduduk negeri Arab.[1] Lafaz *a'rāb* merujuk kepada "penduduk-penduduk Badwi" dan lafaz ini tidak ada *mufrad*nya.[2] Dalam *Kamus al-Munjid* disebutkan, perkataan *al-a'rāb* bermakna "penduduk-penduduk Badwi" khususnya. Dan perkataan *a'rābiy* (أَعْرَابِي) digunakan bagi menunjukkan kepada orang Badwi, atau orang yang tidak berpengetahuan atau jahil dalam kalangan bangsa Arab.[3]

Kalimah ini disebut sebanyak 10 kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *at-Taubah* (9) ayat 90, 97, 98, 99, 101, 120; *al-Ahzāb* (33) ayat 20; *al-Fath* (48) ayat 11, 16; *al-Hujurāt* (49) ayat 14. Wahbah al-Zuhailī mentafsirkan perkataan *al-a'rāb* dalam surah *al-Fath* dengan "kabilah daripada bangsa Arab Badwi yang ada di sekitar Madinah,". Pada surah ini Allah mengkhabarkan kepada rasulnya ketika kembali dari Hudaibiah, mereka akan membuat alasan keuzuran sehingga mereka dapat tinggal bersama keluarga dan tenggelam dalam kesibukan. Oleh itu, mereka tidak ikut pergi bersama Rasulullah ke Makkah pada tahun Hudaybiah untuk membuat umrah. Mereka adalah penduduk Arab yang ada di sekitar Madinah iaitu dari kabilah Aslam, Juhaynah, Muzaynah, Ghiffār, Asyja' dan al-Dayl.[4]

Al-Qurtubī mentafsirkan perkataan *al-a'rāb* dalam surah *at-Taubah* pada ayat 97 dan 98 dengan "orang Arab di luar Madinah disebabkan kekufuran mereka kerana tidak mengetahui hukum-hukum Allah, sebagaimana pendapat yang dikemukakan oleh Qatādah," sedangkan dalam ayat 99, lafaz *al-a'rāb* bermaksud, "bangsa Arab yang beriman kepada Allah iaitu Bani Muqarran daripada suku Muzaynah sebagaimana yang disebut oleh al-Mahdawī."[5]

Ibn Kathīr memberikan tafsiran bagi ayat 101 dengan katanya "Allah mengkhabarkan kepada rasulnya wujud orang munafik dalam kalangan bangsa Arab yang tinggal di sekitar Madinah, dan begitu juga dalam penduduk Madinah sendiri."[6] Demikian pula dalam ayat 120, Allah mencela orang yang tidak ikut bersama Rasulullah pada Perang Tabuk daripada kalangan penduduk Madinah dan yang berada di sekitarnya.[7] Dalam surah *al-Ahzab*, beliau mentafsirkannya dengan penduduk Arab Badwi[8] atau penduduk desa yang jauh dari kota Madinah.[9] Manakala dalam surah *al-Hujurāt*, maksud kalimah *a'rāb* ialah Bani Asad yang memperlihatkan keislaman mereka pada tahun berlakunya musim kemarau di mana tujuan sebenar mereka adalah mahukan sedekah. Maka, Allah menyuruh Rasulullah menyangkal keimanan mereka itu.[10]

Kesimpulannya, maksud umum lafaz *a'rāb* adalah **penduduk Arab** secara umumnya sama ada yang terdapat di pedalaman, di sekitar kota Madinah atau penduduk Madinah. Manakala maksud khususnya adalah **Bani Asad** sebagaimana yang terkandung dalam surah *al-Hujurāt*.

1 Al-Zāwī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 181.

2 *Ibid.*

3 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 495.

4 Al-Zuhaylī (1991), *op. cit.*, j. 26, h. 167

5 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 8, h. 216-218.

6 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 349.

7 *Ibid.*, h. 363.

8 *Ibid.*, j. 3, h. 443.

9 Ahmad Sonhadji Mohamad (1997), *op. cit.*, j. 21, h. 242.

10 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 83.

A'RĀF (أَعْرَافٌ)

Lafaz ini adalah bentuk jamak daripada *'urf* (عُرْفٌ), secara bahasa ia bermakna "tempat yang tinggi."[1] Kalimah ini dipinjam daripada ungkapan *'urf al-fars* atau *al-asad* yang bermakna "surai[2] kuda" atau "singa."[3] Ia juga menunjukkan kepada nama sejenis pohon kurma[4] atau apabila dikaitkan dengan *lisān* (عُرْفُ اللِّسَانِ), maknanya ialah "pengertian yang lazim difahami daripada suatu lafaz berdasarkan bahasa," dalam ungkapan *'urf al-syar'* (عُرْفُ الشَّرْعِ) bermakna "pengertian yang difahami daripada syariat dan dijadikan sebagai asas hukum."[5]

Kalimah dalam bentuk jamak ini *(a'rāf)* disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-A'rāf*, ayat 46 dan 48. Ibn 'Abbās, Mujāhid dan Ibn 'Uday berpendapat, maksud *al-a'rāf* dalam ayat itu ialah "pagar-pagar yang menghalang antara syurga dan neraka," sedangkan al-Jubba'ī berpendapat, ia adalah "beranda yang wujud pada pagar-pagar itu."[6] Al-Zamkhsyarī berpendapat, *a'rāf* adalah "sejenis pagar antara syurga dan neraka yang berkedudukan paling tinggi."[7] Abdullāh bin Ubay bin Abī Yazīd merekodkan daripada Ibn 'Abbās, dia berkata, "*Al-a'rāf* adalah suatu tempat yang tinggi."[8] Mujāhid merekodkan pula daripada Ibn 'Abbās, dia berkata, "*Al-a'rāf* adalah pagar-pagar yang memiliki beranda seperti keberadaan balung ayam jantan."[9]

Imam al-Qurtubī dan al-Tibrisī mem bentangkan maksud daripada *Ashab al-A'rāf* (أَصْحَابُ الْأَعْرَافِ) sebagai berikut:[10]

- Mereka adalah kelompok yang se imbang antara kebaikan dan kejahatannya. Ini adalah pendapat 'Abdullāh bin Mas'ūd, Hudhaifah bin al-Yaman, Ibn 'Abbās, al-Sya'bī, al-Dahhak dan Ibn Jubayr.
- Mujāhid berpendapat, mereka adalah orang soleh dan ulama yang fakih.
- Al-Mahdī berpendapat, mereka adalah orang yang mati syahid.
- Al-Qusyairī menyebut mereka itu adalah orang yang mulia daripada kalangan Mukmin dan syuhada.
- Abu Majlaz berkata, mereka adalah para malaikat yang menyerupai manusia yang mengetahui ahli syurga dan neraka atau menjadi saksi atas perbuatan manusia pada hari akhirat.
- *Al-A'rāf* adalah tempat yang tinggi di atas titian. Pandangan ini direkodkan daripada al-Dahhak daripada Ibn 'Abbās, direkodkan oleh al-Tha'labī dalam tafsirnya, begitu juga disebut oleh Abū Hayyān dalam tafsirnya. Manakala dalam ayat 48, al-Tibrisī berpendapat mereka adalah para nabi dan khalifah,[11] sedangkan al-Qurtubī berpendapat mereka adalah para malaikat atau para nabi.[12]

1 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 7, h. 205.

2 *Surai* ialah bulu atau rambut pada tengkuk singa atau kuda. Lihat Noresah bt. Baharom, *et al.* (eds.) (2002), Kamus Dewan, c. 7, Kuala Lumpur: Harian (Zulfadzli) Sdn. Bhd, h. 1324.

3 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 426-427

4 Al-Zāwī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 201.

5 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 617.

6 Abū al-Fadl b. al-Hasan al-Tibrisī (t.t.), *Majma' al-Bayān fī Tafsīr al-Qur'ān*, j. 4. Beirut: Dār Ihya' al-Turath al-'Arabī, h. 423.

7 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 103.

8 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 5, h. 247-248, beliau berkata: "Menurut orang Arab, setiap tempat yang tinggi dari bumi dinamakan *'urf*, dan dikatakan bagi balung ayam jantan *'urf* kerana ia paling tinggi berbading yang lainnya dari tubuh ayam jantan itu."

9 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 201.

10 Al-Tibrisī (t.t.), *loc. cit.*, al-Qurtubī (1996), *op. cit.*

11 *Ibid.*

12 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, h. 208.

> Ibn Kathīr berkata, "*Ashab al-A'rāf* adalah orang yang seimbang amalan mereka di mana kebaikan mereka melambatkan mereka me masuki syurga dan kejahatan mereka melambatkan mereka memasuki neraka, lalu mereka berada di tempat yang paling atas dan mengetahui manusia dengan tanda-tanda kebaikan dan kejahatan. Kemudian selepas Allah selesai menghisab semua hamba, mereka dibenarkan meminta syafaat."[1]

Kesimpulannya, *a'rāf* ialah tempat yang tinggi yang berpagar, mempunyai beranda dan pintu, sebagai benteng antara syurga dan neraka, di atasnya ditempatkan orang yang terakhir sekali memasuki syurga kerana mendapat syafaat. Dalam ayat 48, mereka adalah para nabi atau malaikat yang mewakili *Ashab al-A'rāf* disebabkan oleh ahli neraka bersumpah dan berkata *Ashab al-A'rāf* itu akan memasuki neraka bersama mereka.

A'YUN (أَعْيُنٌ)

Lafaz ini dalam bentuk jamak, *mufrad*nya adalah *'ain* (عَيْنٌ). Menurut Ibn al-Sukayt, *'ain* bermakna "sesuatu yang dengannya seseorang dapat melihat dan memandang."[2] Ibn Saydah berkata, "*'ain* adalah orang yang dikirim bagi mencari berita dan ia dinamakan *dhū al-'ainain*."[3] Manakala al-Rāzī berkata, makna *'ain* ialah "deria penglihatan."[4] Ia juga bermakna "kekuatan penglihatan." Apabila dikatakan "هُوَ قَوِيُّ الْعَيْنِ" maknanya ialah "deria penglihatannya tajam dan kuat."[5] Makna lafaz ini juga berbeza-beza daripada sudut penggunaannya. Apabila ia disandarkan kepada *al-mā'* atau "عَيْنُ الْمَاءِ," ertinya adalah "mata air."[6] Apabila disandarkan kepada rumah "مَا بِالدَّارِ عَيْنٌ" ertinya "tiada sesiapa pun di rumah itu."[7] Apabila disandarkan pula kepada *al-nafīs* (عَيْنُ النَّفِيسِ) bermakna "yang amat berharga."[8] Ia juga bermakna "mata -mata, ilmu, matahari, kemuliaan"[9] dan sebagainya.

Kalimah *a'yun* disebut 22 kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 83; *al-A'rāf* (7), ayat 116, 179, 195; *al-Anfāl* (8), ayat 44; *at-Taubah* (9), ayat 92, *Hūd* (11), ayat 31, 37; *al-Kahf* (18), ayat 101; *al-Anbiyāk* (21), ayat 61; *al-Mu'minūn* (23), ayat 27; *al -Furqān* (25), ayat 74; *al-Sajadah* (32), ayat 17; *al-Ahzab* (33), ayat 19, 51; *Yāsin* (36), ayat 66; *Ghāfir* (40), ayat 19; *al-Zukhruf* (43), ayat 71; *al-Tur* (52), ayat 48; dan *al-Qamar* (54), ayat 37, 14.

Dalam surah *al-Furqān*, lafaz *a'yun* dikaitkan dengan *"dhurriyyātinā qurrah"* (ذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ). Ibn Kathīr mentafsirkannya dengan "anak-anak yang menyembah Engkau dan membaguskan ibadah mereka kepadamu serta tidak menderhaka kepada kami." Beliau menukilkan pandangan 'Abd al-Rahman b. Zaid bin Aslam, yang berpendapat maksudnya ialah "memohon kepada Allah bagi isteri-isteri dan anak-anak mereka supaya diberi petunjuk Islam."[10]

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, h. 202.

2 Muhammad b. Mukrim Ibn al-Manzur, (1968), *Lisān al-'Arab* j. 13. Beirut: Dār Sadir, h. 301.

3 *Ibid.*

4 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 466.

5 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 541.

6 Al-Rāzī (1987), *loc. cit.*

7 Ma'lūf (1975), *loc. cit.*

8 *Ibid.*

9 *Ibid.*

10 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 309.

Dalam surah al-Sajdah, beliau mentafsirkannya dengan "kenikmatan yang belum pernah dilihat oleh mata" sebagaimana yang dinukilkan daripada al-Hasan al-Basri.[1] Imām al-Syawkānī mentafsirkan kalimah *a'yun* yang terdapat pada kisah Nabi Nuh (dalam surah *Hūd*, ayat 37) yang dikaitkan dengan lafaz *tajrī* (تَجْرِي) dan *wasna' al-fulk'* (وَاصْنَعِ الْفُلْكَ) dengan "mata-mata malaikat yang selalu melindungi mereka," kerana kalimah *a'yun* bermakna alat penglihatan yang majoritinya digunakan bagi menjaga dan memperhatikan serta mengawasi sesuatu.[2] *A'yun* yang dikaitkan dengan *wa asna' al-ful* itu bermakna "dengan pandangan kami dan kasih sayang kami kepadamu."[3]

Dalam surah *al-Kahfi*, ayat 101, lafaz *a'-yun* dikaitkan dengan kalimah *ghitā'*, (غِطَاءٍ), maksudnya ialah mereka yang di dunia ini buta akan dalil-dalil kekuasaan Allah dan keesaannya bahkan mereka tidak melihat dan memikirkannya.[4] Lafaz ini juga dikaitkan dengan *"al-dam'"* (الدَّمْعُ) sebagaimana yang terdapat dalam surah *at-Taubah*, ayat 92 dan *al-Mā'idah*, ayat 83. Al-Tabarī mentafsirkan maksudnya "mata yang daripadanya keluar air mata" dan ayat ini diturunkan kepada Raja Najāsyī dan para pengikutnya yang menangis kerana melihat kebenaran al-Quran yang dibacakan kepada mereka.[5]

Manakala dalam surah *at-Taubah*, yang dimaksudkan adalah Bani Muqarrin daripada kabilah Muzaynah yang menangis kerana sedih disebabkan tiada sesuatu yang mereka dapat nafkahkan dan sumbangkan bagi berjihad di jalan Allah.[6]

Kesimpulannya, makna dan maksud lafaz *a'yun* yang terdapat di dalam al-Quran boleh dilihat dari dua sisi. Pertama, sudut zahir di mana ia adalah alat penglihatan. Kedua, sudut maknawi yang tersirat, ia bermakna penjagaan, kasih sayang, diri yang mendapat petunjuk atau kesesatan dan sebagainya. Semua itu berdasarkan kepada konteks sandaran lafaz *a'yun* itu dan hubungannya dengan kalimah lain dalam suatu ayat.

ABĀBĪL (أَبَابِيلُ)

Lafaz ini menunjukkan makna yang banyak. Ia termasuk kata nama jamak yang tiada *mufrad* atau bentuk tunggalnya.[7] Menurut al-Wāhidī, kata benda *abābīl* tidak seorang pun ulama yang membuat bentuk tunggalnya, sedangkan menurut al-Farrā' lafaz ini memang tidak mempunyai *mufrad*.[8] Lafaz *abābīl* bermakna "satu kumpulan yang berbondong-bondong, sebahagiannya mengiringi sebahagian yang lain seperti iringan kumpulan unta yang kian bertambah banyak atau kumpulan yang terpisah-pisah di pelbagai tempat."[9] Menurut al-Nuhhas, pada hakikatnya, *abābīl* adalah sebuah kumpulan yang besar.[10]

Kalimah *abābīl* hanya disebut sekali dalam al-Quran iaitu dalam surah al-Fīl, ayat 3. Dalam surah itu, maksud *"tairan abābīl"* (طَيْرًا

1 *Ibid.*, h. 430-431.

2 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 633

3 Ibn Manzur (1968), *op. cit.*, j. 13, h. 301.

4 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 207.

5 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 5, h. 8-9. Diriwayatkan daripada 'Abdullāh b. al-Zubair.

6 *Ibid.*, j. 6, h. 269-270. Diriwayatkan daripada Mujāhid. Sufyān berpendapat antara mereka ialah 'Irbad b. Sariyah.

7 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 2.

8 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 625.

9 *Ibid.*, ini adalah pendapat Abū 'Ubaydah.

10 *Ibid.*

أَبَابِيلَ) adalah sekumpulan burung laut yang berwarna hitam.[1] Mereka terbang beriring -iringan dengan membawa tiga biji batu, satu di paruhnya dan dua buah lagi di kedua-dua kakinya.[2] Mereka melemparkannya kepada tentera bergajah yang dipimpin oleh Abrahah al-Asyram al-Habasyī yang datang ke Makkah bertujuan menghancurkan Kaabah sehingga mereka hancur berkecai seperti daun-daun kayu yang dimakan ulat.

ABĀRĪQ (أَبَارِيقُ)

Abārīq adalah bentuk jamak daripada kalimah *ibrīq* (إِبْرِيقٌ). Ia adalah sejenis cerek yang mempunyai muncung dan pemegang. Dinamakan *ibrīq* kerana ia berkilat disebabkan keputihan warnanya.[3] Qatādah berpendapat, *ibrīq* adalah sejenis gelas bulat, bermuncung panjang dan mempunyai pemegang yang panjang.[4] Menurut Mujāhid, cerek jenis *ibrīq* itu mempunyai telinga.[5] Manakala al-Hasan menjelaskan *ibrīq* ialah sejenis bejana perak yang mempunyai muncung.[6]

Lafaz *abārīq* disebut sekali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Wāqi'ah*, ayat 18. Maksud *abārīq* dalam ayat itu adalah sejenis cerek yang dibuat daripada perak, pemegang yang panjang dan juga bermuncung panjang. Ia diberikan kepada mereka yang berbuat baik, berisi minuman daripada arak yang diambil dari sungai yang sentiasa mengalir tanpa henti, bukan dari bejana yang terputus dan tidak berisi. Malah, arak itu bersumber dari mata air yang selalu keluar mengalir dan tidak pernah terputus.[7]

ABKĀRĀ (أَبْكَارًا)

Kalimah ini berbentuk jamak, *mufrad*nya adalah *bikr* (بِكْرٌ), ertinya "perawan," bentuk *masdar* atau kata namanya adalah *bikārah* (بِكَارَةٌ), ertinya "keperawanan." Seorang gadis dinamakan *bikr* kerana keadaannya adalah sepertimana pada awal penciptaannya.[8] *Bikr* juga bermakna "permulaan setiap sesuatu atau setiap perbuatan yang belum pernah dibuat sebelumnya. Ia juga bermakna seekor lembu betina atau seorang wanita yang belum mengandung.[9] Demikian pula kalimah *bikr* bererti seorang wanita yang melahirkan anak pertama sama ada anak lelaki mahupun perempuan, dan juga bererti anak pertama daripada seekor unta.[10] Apabila lafaz *bikr* dikaitkan dengan pukulan, atau dikatakan *darbah al-bikr* (ضَرْبَةٌ بِكْرٌ), maknanya ialah pukulan yang mematikan.[11]

Kalimah ini dalam bentuk jamak *(abkārā)* disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Wāqi'ah* (56), ayat 36 dan

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 503. 'Ubayd b. 'Umayr meriwayatkan daripada Abū Sufyān, daripada al-A'masy, daripada Ibn Mahdī. Ibn Kathīr berkata sanad-sanadnya ini adalah sahih.

2 *Ibid.*, direkodkan oleh 'Ubayd b. 'Umayr dari Abū Sufyān, daripada al-A'masy daripada Abū Mu'āwiyah.

3 Abū 'Abdillāh Muhammad b. Ahmad al-Ansari al-Qurtubī (1996), *al-Jāmi' li Ahkam al-Qur'ān*, j. 17, c. 2. Kaherah: Dār al-Hadīth, h. 195-196.

4 *Ibid.*, j. 16, h. 112.

5 Ibn Jarīr al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 13. Beirut: Dār al-Fikr, h. 226.

6 *Ibid.*

7 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 5, h. 257.

8 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 312.

9 Al-Zāwī (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 306.

10 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h 61.

11 Al-Zāwī (t.t.), *loc. cit.*

surah *al-Tahrim* (66), ayat 5. Dalam bentuk *mufrad (bikr)* disebut sekali iaitu dalam surah *al-Baqarah*, ayat 68.

Al-Dahhak merekodkan makna *abkārā* dalam surah *al-Wāqi'ah* adalah "perawan."[1] Ummu Salamah, salah seorang isteri nabi pernah bertanya makna kalimah *abkārā* dalam surah *al-Wāqi'ah* itu kepada Rasulullah. Beliau berkata, "Mereka adalah para wanita yang dimatikan di dunia dalam keadaan lemah (tua), kotor dan beruban rambutnya, lalu Allah menciptakan mereka semula menjadi perawan atau gadis selepas mereka dewasa dan tua."[2]

Manakala dalam surah *al-Tahrim*, berdasarkan rekod al-Tabrānī dan Ibn Mardawayh daripada Buraidah, Allah berjanji mengahwinkan nabi dalam surah ini. Yang dimaksudkan dengan *al-thayyib* (الثَّيِّبُ) adalah Āsiyah wanita Firaun dan *al-bikr* adalah Maryam binti 'Imrān.[3] Imām al-Tabarī berpendapat, maksud perkataan *bikr* (dalam bentuk *mufrad*) yang terdapat dalam surah *al-Baqarah* adalah lembu yang berukuran sederhana dan tidak terlalu kecil yang belum melahirkan.[4]

Kesimpulannya, makna *abkārā* ialah wanita-wanita yang masih **perawan**, gadis suci lagi bersih, sebagaimana kesucian Maryam binti 'Imrān yang belum disentuh oleh mana-mana lelaki, walaupun dia melahirkan Nabi 'Īsā.

ABRAṢ (أَبْرَص)

Kalimah ini adalah bentuk *mufrad* bagi *mudhakkar*, sedangkan bagi *mu'annath* bagi kalimah ini ialah *barsa'* (بَرْصَاءُ), bentuk jamaknya adalah *burs* (بُرْصٌ). *Abras* adalah *ism maf'ūl* iaitu kata yang menunjukkan objek yang menderita. Ia daripada kata nama *al-baras* yang bermakna "tokek" atau "berbelang-belang putih yang terkena di badan disebabkan suatu penyakit."[5] Al-Rāzī berkata, *al-bars* adalah nama penyakit yang sudah dikenali dan *abras* adalah penderita penyakit itu.[6]

Dalam *Kamus al-Munjid* dijelaskan, *abraṣ* adalah penyakit yang menimpa seluruh badan, berbentuk bintik-bintik putih yang mengelupas dan menyebabkan pesakit mengalami gatal lagi menyakitkan.[7] Apabila kalimah *abras* di sandarkan kepada seseorang, maknanya ialah penderita penyakit tokek,[8] sopak[9] atau kusta[10] sebagaimana pendapat yang dikemukakan oleh al-Rāzī, ia adalah penyakit yang sudah dikenali. Sekiranya kalimah *barsa'* disandarkan kepada ular, maknanya adalah ular yang berbintik-bintik putih.

Kalimah *abras* disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu di dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 49 dan surah *al-Mā'idah* (5), ayat 110. Ketiga-tiga makna *abraṣ* secara bahasa adalah berbeza sebagaimana yang dihuraikan pada nota kaki. Berdasarkan ilmu kedoktoran, sopak adalah sejenis penyakit yang tidak

1 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 13, h. 242, no. hadis, 25852. Beliau merekodkannya daripada al-Husayn, daripada Abū Mu'ādh, dari 'Ubayd, dari al-Dahhak.

2 *Ibid.*, beliau merekodkannya daripada Ahmad bin 'Abd al-Rahman, dari Muhammad bin al-Faraj al-Sadafī al-Dimyati, dari 'Amrū bin Hasyīm, daripada Ibn Abī Karīmah daripada Hisyām bin Hisān, daripada al-Hasan, daripada Umm Salamah, beliau bertanya kepada Rasulullah.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 351.

4 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 485.

5 Anīs et al. (1962), *op. cit.*, j. 1, c. 2, h. 49.

6 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 48.

7 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 34.

8 Tokek ialah penyakit kudis yang tumbuh di kepala. Lihat Noresah bt. Baharom *et al.* (eds.) (2002), op. cit., h. 1462.

9 Sopak ialah penyakit kulit (berbelang-belang putih pada tangan dan kaki). *Ibid.*, h. 1299.

10 Kusta ialah penyakit yang merosakkan kulit atau daging dengan menyebabkan bahagian-bahagian anggota atau tubuh pecah-pecah, bernanah dan merosakkan jari-jari tangan dan kaki. *Ibid.*, h. 737.

berbahaya kerana ia hanya berlaku keputihan pada seluruh tubuh dan tidak dapat disembuhkan. Ini berbeza dengan kusta di mana ia adalah penyakit yang berbahaya dan menjadi wabak.

Walau bagaimanapun, ia dapat disembuhkan pada zaman Nabi 'Īsā bagi membuktikan beliau adalah rasul Allah. Nabi 'Īsā dapat menyembuhkan penyakit yang tidak dapat disembuhkan sebelum itu. Al-Qurtubī berkata, "Pengkhususan dua penyakit yang disebut dalam surah *Āli 'Imrān*, ayat 49, iaitu *al-akmah*[1] dan *al-abras* kerana kedua-duanya adalah penyakit yang tidak dapat disembuhkan.[2] Menurut pandangan ahli tafsir, *abraṣ* adalah penyakit yang dikenali orang ramai.[3] Jadi, makna kalimah *abras* dalam ayat di atas ialah penyakit "sopak."

ABṢĀR (أَبْصَارٌ)

Kalimah ini adalah bentuk jamak daripada *baṣar* (بَصَرٌ). Apabila disandarkan kepada hati, maknanya ialah pandangan dan fikiran atau idea yang timbul dalam hati.[4] Ia juga bermakna penglihatan mata yang meliputi objek pandangnya. Kadangkala perkataan *baṣar* itu disebut secara *majāzī (allegory)* bagi menggambarkan kekuatan mata dan pandangan (idea),[5] atau pemandangan, tempat melihat atau ilmu dan pengetahuan.[6]

Kalimah *abṣar* disebut 39 kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 7 dan 20; *Āli 'Imrān* (3), ayat 13; *al-An'ām* (6), ayat 103, 46, 110; *al-A'rāf* (7), ayat 47; *al-Taubah (9), ayat 79; Yūnus (10), ayat 31; Ibrāhīm* (14), ayat 2; *al-Hijr* (15), ayat 15; *al-Nahl* (16), ayat 78, 108; *al-Anbiyāk* (21), ayat 97; *al-Hajj* (22), ayat 46; *al-Mukminūn* (23), ayat 78; *al-Nūr* (24), ayat 30, 31, 37, 43, 44; *al-Sajadah* (32), ayat 4; *al-Ahzāb* (33), ayat 10, *al-Saffāt* (37), ayat 175; *Sad* (38), ayat 45, 63; *Fussilat* (41), ayat 20, 22; *al-Ahqaf* (46), ayat 26, 26; *Muhammad* (47), ayat 23, *al-Qamar* (54), ayat 7; *al-Hasyr* (59), ayat 2; *al-Mulk* (67), ayat 23; *al-Qalam* (68), ayat 42, 51; dan *al-Ma'ārij* (70), ayat 44.

Al-Zamaksyarī berkata, makna perkataan *al-abṣar* dalam surah *al-An'ām*, ayat 103, adalah inti pati yang halus yang dibentuk oleh Allah pada deria mata yang dengannya dapat mengetahui apa yang dilihat. Pengetahuan di sini adalah pengetahuan yang diliputi oleh mata.[7] Direkodkan oleh Ibn Abī Hatim dan lainnya dengan sanad yang lemah daripada Abū Sa'īd al-Khudrī, daripada Rasulullah, tentang ayat (لَا تُدْرِكُهُ الْأَبْصَارُ) di mana beliau berkata, "Sekiranya jin, manusia, syaitan dan malaikat sejak mula mereka diciptakan hingga mereka fana, berhimpun menjadi satu himpunan, maka mereka pasti tidak dapat meliputi Allah dengan penglihatan mata mereka selama -lamanya."[8] Makna ini sesuai dengan makna bahasa di atas tentang *al-abṣar* ialah penglihatan mata yang meliputi.

1 *Al-Akmah* adalah seorang yang buta sejak ia dilahirkan.

2 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 4, h. 100.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 320; al-Qurtubī (1996), *op. cit.*; al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 430; al-Tabarī (1995), op. cit., j. 3, h. 378.

4 Al-Zāwī (t.t.), *op. cit*, j. 1, h. 280.

5 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 247

6 Muhammad Idrīs 'Abd al-Ra'ūf al-Marbawī (1350H), *Qāmūs Idrīs al-Marbawī*, j. 1. Kaherah: Mustafā al-Babi al-Halabī wa Awlāduh, h. 54.

7 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 51.

8 Jalāl al-Dīn al-Sayuti (1996), *al-Itqān fi 'Ulūm al-Qur'ān*, j. 4, c. 1. Beirut: Dār al-Fikr, h. 509.

ABTAR(أَبْتَرُ)

Lafaz *abtar* adalah bentuk *mudhakkar* yang berasal daripada kata kerja *batira* (بَتَرَ) yang secara *harfiah* bermakna "terputus" atau "terpotong." Bentuk *mu'annath* ialah *batrā'* (بَتْرَاءُ), sedangkan bentuk *jamak*nya adalah *butr* (بُتْرٌ).[1] *Abtar* mengandungi beberapa makna, mengikut kepada kalimah lain tempat sandarannya. *Abtar* bermakna "terpotong ekornya," apabila disandarkan kepada ular, ia adalah ular yang pendek ekornya lagi jahat.[2] Apabila disandarkan kepada pedang, maknanya pedang yang tajam.[3]

Apabila disandarkan pula kepada orang, maknanya ialah orang yang tidak mempunyai keturunan,[4] atau ia tidak memiliki kebaikan,[5] atau ia dalam kerugian,[6] atau setiap perkara yang terputus daripada kebaikan.[7] Apabila disandarkan kepada perbuatan, maknanya adalah berhenti sebelum menyelesaikannya.[8] Apabila disandarkan pula kepada ilmu Sajak, maknanya ialah sajak yang sebahagian baitnya terhapus dan terpotong.[9]

Kalimah *abtar* hanya sekali disebut di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Kauthar,* ayat 3. Maksud *al-abtar* dalam ayat itu adalah al-'As bin Wā'il sebagaimana yang disepakati oleh jumhur ulama kerana ayat ini diturunkan kepadanya. Menurut Ibn 'Abbās, ayat ini diturunkan berkenaan dengan al-'As bin Wā'il, dia melihat nabi keluar dari masjid ketika dia mahu masuk. Lalu mereka berjumpa di pintu Bani Sahm dan kedua-duanya bercakap-cakap. Pada masa itu, pembesar-pembesar Quraisy sedang duduk-duduk di dalam masjid. Ketika dia tiba di dalam masjid, mereka bertanya kepadanya, "Siapa yang bercakap denganmu? Al-'As b. Wā'il menjawab, "Beliau adalah *abtar* (yang tidak mempunyai anak)," maksudnya ialah Nabi Muhammad, di mana sebelum Abdullah, anak lelaki Rasulullah meninggal dunia, maka turunlah ayat itu.[10]

Walau bagaimanapun, Allah memutuskan bagi orang yang mencela dan mengejek Rasulullah daripada segala kebaikan. Ia berada dalam kerugian di dunia dan akhirat, tidak mempunyai penolong daripada sanak saudara, tidak menggunakan hidupnya untuk kebaikan dan hatinya tidak menerima kebaikan. Demikian adalah sebagai balasan bagi mereka yang mengejek dan mencela apa yang datang daripada Rasulullah.[11]

Maka, *abtar* bermakna siapa yang tidak mempunyai keturunan, dan itu tidak berlaku kepada Rasulullah kerana setiap yang lahir daripada Mukmin adalah anak dan keturunannya.[12] *Abtar* juga dapat memberi makna orang yang terputus daripada segala kebaikan kerana setiap yang menghina Nabi Muhammad terputus daripada segala kebaikan sama ada di dunia mahupun di akhirat, sebagaimana balasan ejekan yang dilakukan al-'As bin Wa'il al-Sahami kepada Nabi Muhammad.

1 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 37.

2 *Ibid.*

3 Al-Zāwī (t.t.), *op. cit.*, h. 210.

4 *Ibid.*

5 Anīs *et al.* (1962), *loc. cit.*

6 Al-Zāwī (t.t.), *loc. cit.*

7 *Ibid.*

8 Anīs (1962), *loc. cit.*

9 Al-Zāwī (t.t.), *loc. cit.*

10 Al-Wāhidī (1998), *op. cit.*, h. 404.

11 Syihāb al-Dīn al-Sayyid Mahmud al-Alūsī (t.t), *Ruh al-Ma'ānī*, j. 15. Beirut: Dār al-Fikr, h. 314.

12 'Alā' al-Dīn 'Alī b. Muhammad b. Ibrāhīm (t.t), *Lubāb al-Ta'wīl fī Ma'ānī al-Tanzīl*, j. 4. Kaherah: Dār al-Kutub al-'Arabiyyah al-Kubra, h. 447.

ABYAḌ (أَبْيَضُ)

Kalimah ini berbentuk *mufrad* yang bermaksud "bersifat putih,"[1] atau "berwarna putih,"[2] lawan hitam, dan jamaknya adalah *bīḍ* (بِيْضٌ). Asal kalimah ini ialah *buyḍ* (بُيْضٌ). Kemudian, baris depan pada huruf *ba* (ب) ditukar kepada baris bawah bagi menyesuaikannya dengan huruf *y* (ي) sesudahnya yang berbaris mati *(sukun)*.[3] Kalimah *abyaḍ* mempunyai beberapa makna, berasaskan kepada penggunaannya dalam susunan kalimah. Ia dapat memberi makna pedang. Apabila dikaitkan dengan wajah, ia bermakna wajah yang putih tiada sebarang kehitaman. Apabila dikaitkan pula dengan kematian atau *mawt abyaḍ*, bermakna mati secara tiba-tiba atau mendadak,[4] tanpa penyakit yang menjadi sebab bertukarnya warna kulit.[5]

Kalimah *abyaḍ* hanya disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah al-Baqarah (2), ayat 187. Direkodkan oleh al-Bukhārī daripada Sahl bin Sa'ad, beliau berkata, "Ketika ayat 187 surah *al-Baqarah* turun, "Dan makanlah serta minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih dari benang hitam," sebelum turunnya ayat yang menjelaskan "waktu pagi atau fajar."

Para sahabat apabila mahu berpuasa, salah seorang daripada mereka mengikat benang putih dan benang hitam di kedua -dua kakinya sehingga waktu terang untuk melihat kedua-dua benang itu. Maka, Allah menurunkan selepas itu ayat "waktu pagi atau fajar", maka mereka pun mengetahui maknanya ialah "malam dan siang."[6] 'Adī bin Hatim berkata, "Ketika surah *al-Baqarah*, ayat 187 turun, aku berpedoman pada dua benang iaitu yang berwarna putih dan hitam. Aku meletakkannya di bawah bantalku, lalu aku pun bangun di malam hari dan tidak jelas mana yang hitam dan mana yang putih. Ketika waktu pagi aku pun pergi kepada Rasulullah dan memberitakannya. Beliau ketawa dan berkata, "Pemahaman engkau sungguh datar [bersahaja], sesungguhnya ayat itu bermakna putihnya ialah siang dan hitamnya ialah malam."[7]

Kalimah *abyaḍ* yang disandarkan kepada benang pada ayat *(al-khayt al-abyaḍ)* (الخَيْطُ الأَبْيَضُ) bermaksud siang dan ia adalah *kin - yah* (kiasan atau *metonymy*) bagi kedatangan putih waktu fajar, atau disebut juga fajar sebagaimana dalam penjelasan dan pembetulan Rasulullah terhadap kesilapan pemahaman 'Adī bin Hatim pada ayat itu.

ĀDAM (آدَمُ)

Al-Baidawi berkata, "Adam ialah nama *'ajam* (bukan Arab) sama seperti Āzir dan Sālih. Ia diambil daripada perkataan *al-udmah* (الأُدْمَةُ) atau *al-admah* yang bermakna *al-uswah* (الأُسْوَةُ), yang bermaksud "menjadi tauladan." Atau daripada *adīm al-ard* (أَدِيْمُ الأَرْضِ) yang bererti "permukaan bumi atau tanah," sebagaimana yang direkodkan daripada Rasulullah, di mana Allah menggenggam satu genggaman daripada seluruh tanah yang

1 Al-Zāwī (t.t.), *op. cit.*, h. 348.

2 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 70.

3 Al-Zāwī (t.t.), *loc. cit.*

4 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 56.

5 Anīs et al. (1962), *op. cit.*, h. 79.

6 Jalāl al-Dīn al-Sayuti (t.t), *Lubāb al-Nuqūl fī Asbāb al-Nuzūl*. Kaherah: al-Maktabah al-Qayyimah, h. 52, al-Wahidī (1998), op. cit., h. 49. Al-Bukhārī dalam Kitab al-Siyām, no. hadis 1917.

7 Abū al-Faraj Jamāl al-Dīn 'Abd al-Rahman b. 'Alī b. Muhammad (1964), *Zād al-Masīr fī 'Ilm al-Tafsīr*, c. 5. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, h. 192.

mudah dan yang susah, maka dia mencipta Adam daripadanya. Oleh itu, selepasnya datang keturunannya yang berbeza-beza. Atau daripada *al-adam* (الأَدَمُ) atau *al-admah* (الأُدْمَةُ) yang bermakna "mendamaikan," sama seperti perkataan *Idrīs* (إِدْرِيسُ) yang dipetik daripada kalimah *al-dars* (الدَّرْسُ), *Ya'qūb* daripada *al-'aqb* (العَقَبُ) dan *iblīs* (إِبْلِيسُ) daripada *al-iblās* (الإِبْلَاسُ).

Allah mencipta Adam daripada bahagian-bahagian yang berbeza-beza dan kekuatan yang pelbagai. Ia sedia mengetahui segala bentuk pengetahuan yang dapat diterima akal *(al-ma'qūlāt)* mahupun yang dapat disentuh atau diraba *(al-mahsūsāt)*.[1] Al-Khāzin berpendapat, ia dinamakan Adam kerana ia dicipta daripada tanah, dan ada yang mengatakan kerana ia berwarna coklat, gelarannya ialah Abū Muhammad. Ada juga yang mengatakan, ia adalah *Abū al-Basyar* (bapa manusia).[2] Al-Fayrūz Ābādī berpendapat, ia dinamakan Adam kerana dicipta daripada *admah al-arḍ* atau bahagian dalam bumi yang paling baik, sebagaimana *admah* atau *udmah* mengandungi makna tauladan, perantara kepada sesuatu, bahagian dalam kulit atau bahagian yang baik daripada daging manusia dan juga permukaan bumi.[3]

Nama Adam disebut 25 kali dalam al -Quran, iaitu pada surah *al-Baqarah* (2), ayat 31, 33, 34, 35, 37; *Āli 'Imrān* (3), ayat 33, 59; *al-Mā'idah* (5), ayat 27; *al-A'rāf* (7), ayat 11, 19, 26, 27, 31, 35, 172; *al-Isrāk* (17), ayat 61, 70; *al-Kahfi* (18), ayat 50; *Maryam* (19), ayat 58; *Tāhā* (20), ayat 115, 116, 117, 120, 121; *Yāsīn* (36), ayat 60. Banyak kisah mengenai penciptaan Adam yang diambil daripada kisah *Isrā'iliyyāt*, sedangkan al-Quran tidak memperincikan cerita penciptaannya. Hanya satu ayat yang menyentuh Adam dicipta daripada *turāb* sebagaimana yang terdapat pada surah *Āli 'Imrān*, ayat 59.[4] *Turāb* menurut kamus *al-Munjid* ialah *al-ard* atau bumi dan bahagian yang lembut daripadanya.[5]

Kesimpulannya, Adam digelar sebagai *Abū al-Basyar* dan beliau adalah hamba pilihan Allah,[6] sepertimana yang disebut dalam ayat Allah dalam surah *Āli 'Imrān*, ayat 33.[7]

ADGHĀTH (أَضْغَاثُ)

Kalimah jamak ini *mufrad*nya ialah *daghth* (ضَغْثٌ) atau *daghath* (ضَغَثٌ). *Daghth* dalam percakapan maknanya adalah "percakapan yang bercampur aduk (tidak jelas) dan tidak

1 Ahmad Rif'at bin Uthman Hilmi (1979), *Majma' al-Tafāsīr* (Qadi (al-Khāzin), al-Nasafī, al-Baydāwī, Ibn 'Abbās oleh al-Fayrūz Ābādī), j. 1, Istanbul: Cagri Yayinlari, h. 101-102, pendapat al-Baydawi dalam tafsirnya *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl*.

2 *Ibid.*

3 Al-Fayruz Abadi (1986), *Basa'ir al-Tamyīz fī Latā'if al-Kitāb al-'Azīz* , j. 1, c. 2, Muhammad 'Alī al-Najjār (ed.). Mesir: Wizārat al-Awqāf, al-Majlis al-A'lā li al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, Lajnah Ihyā' al-Turāth al-Islāmī, h. 72 , Ma'luf (1975), *op. cit.*, h. 5-6.

4 Mafhumnya: "Sesungguhnya perbandingan kejadian Nabi 'Isa di sisi Allah adalah sama seperti kejadian Nabi Adam, Allah menciptakan Adam daripada tanah lalu berkata kepadanya: "Jadilah engkau!" maka menjadilah ia." Al-Qurtubi berkata, "Perbandingan ini terjadi kerana 'Isa dicipta tanpa ayah, tidak kerana ia dicipta daripada tanah, sebab kedua-duanya berbeza; Adam dicipta daripada tanah dan 'Isa tidak dicipta daripada tanah, namun kedua-duanya berhimpun pada satu sifat yang sama, di mana kedua-duanya dicipta tanpa ayah." Beliau juga berkata sebab turun ayat ini adalah kerana utusan kaum Nasrani Najran mengingkari kata Rasulullah iaitu, "Sesungguhnya 'Isa adalah hamba Allah dan kalimatnya." Mereka berkata, "Tunjukkan kepada kami hamba yang dicipta tanpa bapa!" Lalu beliau berkata kepada mereka, "Adam siapa bapanya? Adakah kamu merasa takjub kepada 'Isa yang dicipta tanpa bapa? Maka Adam dicipta tanpa bapa dan ibu." Al-Qurtubi (1996), *op. cit.*, j. 4, h. 109.

5 Ma'luf (1975), *op. cit.*, h. 60.

6 Muhammad Thabit al-Fandi et. al (1933), *Dā'irah al-Ma'ārif al-Islāmiyyah*, j. 1, Kaherah: (bs.n.), h. 553-554.

7 Maksudnya, "Sesungguhnya Allah memilih Nabi Adam dan Nabi Nuh dan juga keluarga Nabi Ibrahim dan keluarga 'Imran, melebihi segala umat (yang ada pada zaman mereka masing-masing."

ada kebaikan di dalamnya."[1]

Dalam kamus *al-Munjid,* dikatakan ia juga bermakna "mengumpulkan." Di mana *mufrad*nya adalah *al-dighth* yang bererti "segenggam rumput yang bercampur antara yang kering dan basah."

Apabila dikaitkan dengan berita atau perkara, ia bermakna "berita atau perkara yang bercampur aduk (antara yang benar dan tidak) yang tidak ada realiti dan hakikat di dalamnya."[2] Ibn Syumail berkata, "Datang kepada kami berita yang *dighth* iaitu beberapa berita yang bercampur aduk."[3]

Lafaz *adghāth* disebut di dalam al-Quran sebanyak dua kali iaitu dalam surah yang *Yusuf* (12), ayat 44 dan surah al-Anbiyak (21), ayat 5. Lafaz *adghāth* pada ayat itu dikaitkan dengan mimpi. Mujāhid berkata, "Ia adalah kerumitan-kerumitan yang ada dalam mentafsirkan mimpi." Ulama lainnya berkata, "Dinamakan ia *adghāth ahlam* (أَضْغَاثُ أَحْلَام) kerana ia adalah mimpi yang bercampur aduk, sebahagiannya masuk kepada yang lain, dan tidak ada tafsiran baginya."[4]

Ibn 'Abbās berkata, makna ayat di atas adalah "mimpi yang samar dan tidak jelas."[5] Al-Farrā' pula berkata, *adghāth ahlam* pada ayat itu adalah seperti ayat *asatir al-awwalīn* iaitu cerita-cerita dongeng. Al-Syawkānī berpendapat, makna *adghāth ahlam* dalam surah *Yūsuf* ialah "kebohongan-kebohongan mimpi yang tidak ada realitinya, sepertimana mimpi yang terjadi dan datang daripada gangguan jiwa dan bisikan syaitan."[6] Sedangkan *adghāth ahlam* dalam surah *al-Anbiyāk*, Ibn Qutaibah berpendapat ia adalah "igauan-igauan atau mimpi yang dusta." Tetapi al-Yazīdī berpendapat, maknanya ialah "mimpi yang tidak ada takwilannya."[7]

Kesimpulannya, maksud daripada *adghāth ahlam* dalam surah *Yūsuf* adalah kebohongan -kebohongan mimpi yang samar dan tidak jelas serta tidak ada takwilannya. Sedangkan dalam surah *al-Anbiyāk* bermakna **igauan** dan **mimpi yang dusta** serta percakapan yang datang daripada gangguan jiwa dan bisikan syaitan.

ADHILLAH (أَذِلَّـةٌ)

Kalimah ini adalah jamak daripada *dhalīl* (ذَلِيْلٌ) dan *dhalūl* (ذَلُوْلٌ).[8] Lafaz *dhalīl* berasal daripada *al-dhull* (الذُّلُّ) dan lafaz *dhalūl* berasal daripada *al-dhill* (الذِلُّ). *Dhalīl* bermakna yang lembut iaitu lawan kepayahan,[9] berjalan dengan ringan,[10] lemah,[11] mudah atau rendah.[12] *Bayt dhalīl* (بَيْتٌ ذَلِيْلٌ) bermaksud atap rumah dekat dengan bumi atau lantai.[13]

Dhalūl bermaksud penurut dan patuh, *dhalūl al-tarīq* (ذَلِيْلُ الطَرِيق) bermaksud jalan yang dilalui orang.[14] Ibn al-Kafawī ber-

1 Ibn Manzur (1968), *op. cit.*, j. 2, h. 163.

2 Ma'luf (1973), *op. cit.*, h. 450.

3 Ibn Manzur (1968). *op. cit.*, j. , h. 163

4 *Ibid.*

5 Rasyid b. 'Abd al-Mun'im al-Rijal (1991), *Sahifah 'Alī b. Abī Talhah 'an Ibn 'Abbās fi Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm.* Kaherah: Maktabah al-Sunnah, h. 352.

6 Al-Syawkani (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 37.

7 *Ibid.*, h. 493.

8 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 1, h. 379.

9 *Ibid.*; Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 223.

10 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 303.

11 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 2, h. 315.

12 Ābādī (1986), *op. cit.*

13 *Ibid.*

14 *Ibid.*

kata, "*al-dhalūl* adalah bagi haiwan ternak, maksudnya haiwan yang penurut dan jinak. Manakala *al-dhalīl* adalah bagi manusia yang bererti manusia yang fakir, penurut, rendah atau hina."[1] Al-Fayruz Abādī juga berkata mengenai perbezaan antara *al-dhalīl* dan *al-dhalūl*. *Al-dhalīl* adalah perkara selepas kepayahan dengan paksaan (dengan lemah lembut) dan ia adalah lawan daripada *al -'azīz*, sedangkan *al-dhalūl* perkara selepas kepayahan tanpa ada unsur paksaan.[2]

Lafaz *adhillah* disebut empat kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 123, *al-Mā'idah* (5), ayat 54 dan *al-Naml* (27), ayat 34 dan 37. Lafaz *adhillah* pada ayat -ayat di atas mengandungi dua makna.

Pertama, bermakna yang lemah atau sedikit sebagaimana dalam surah *Āli 'Imrān*. Dalam *Tafsīr al-Munīr* menyatakan, *adhillah* pada ayat ini *jamak* daripada *dhalīl* yang bermaksud yang tiada daya dan kekuatan. Maksudnya bilangan dan senjata Muslim pada Perang Badar sedikit.[3] Begitu juga dalam *Tafsīr al-Jalālayn* dan *Tafsīr al-Manār*[4] yang menyatakan maksud *adhillah* dalam surah ini ialah sedikit bilangan Muslim dan senjata mereka.[5]

Kedua, bermakna lemah lembut. Makna ini terdapat dalam surah *al-Mā'idah*. Al-Zamakhsarī berkata, "Makna *adhillah* pada ayat ini terbahagi kepada dua makna. **Pertama**, lemah lembut dan tunduk. Maksudnya, mereka mengasihi dan berlemah lembut sesama mereka dengan rasa hormat dan tawaduk. **Kedua**, dengan kemuliaan dan kedudukan mereka yang tinggi antara Mukmin, mereka saling berlapang dada sesama mereka dan ini sepertimana Allah menyatakan dalam surah *al-Fath*, ayat 29.[6]

Ketiga, bermakna menjadi hina sebagaimana yang terdapat dalam surah *al-Naml*. Al-Syawkānī berkata, "Maksud *adhillah* ialah pembesar-pembesar menghinakan penduduk mereka (sabar) dan merendahkan martabat mereka sehingga pada masa itu mereka menjadi hina. Mereka berbuat demikian supaya mereka patuh dan tunduk serta tertanam dalam diri mereka kehebatan dan keagungan.[7] Al-Tabari berkata, "Maksud ayat surah *al -Naml* ialah membuat diri mereka yang merdeka menjadi hamba atau memperhambakan mereka baginya[8] serta menjadikan orang yang mengirim kamu dari negeri mereka menjadi hina. Mereka akan menjadi tawanan apabila tidak datang kepadaku dengan memeluk Islam."[9]

ADHQĀN (أَذْقَانٌ)

Lafaz ini berbentuk jamak, *mufrad*nya ialah *al-dhaqan* (الذَّقَنُ) atau *al-dhiqan* (الذِّقَنُ).[10]

1 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 463.

2 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 3, h. 17.

3 Al-Zuhaylī (1991), *op. cit.*, j. 3-4, h. 63.

4 Rida (t.t.), j. 4, h. 109, beliau berkata, "Pada ayat ini men - isyaratkan peperangan Muslim yang pertama, iaitu Perang Badar, yang berlaku pada 17 Ramadan pada tahun ketiga Hijrah, di mana bilangan mereka sebanyak 313 orang yang bersenjata, tunggangan dan bekalan mereka sedikit. Namun begitu, mereka tidaklah dipaksa berperang dan tidak pula lemah dari Musyrik, bahkan kekuatan takwalah yang menyebabkan mereka berdiri berperang bersyukur di atas nikmat yang diberikan kepada mereka. Maka barang siapa tidak bertakwa pasti dia akan mengikuti hawa nafsu."

5 Al-Jalālayn (t.t.), *op. cit.*, h. 93.

6 Lihat pada pembahasan kalimah *asyiddā'*.

7 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 170. Al-Zujāj berkata, "Perkataan Balqis ini adalah peringatan kepada kaumnya dari perjalanan Nabi Sulaimān kepada mereka dan memasuki negeri mereka."

8 Al-Tabari (1995), *op. cit.*, j. 19, h. 188.

9 *Ibid.*, h. 192.

10 Ibn Manzur (1968), *op. cit.*, j. 13, h. 172.

Al-Jawhari berkata, "*Al-dhaqān* pada manusia ialah tempat kumpulan janggut."[1] Ibn Sa'idah berpendapat, *al-dhaqan* dan *al-dhiqn* bermakna tempat kumpulan janggut dari bawahnya.[2] Al-Lihyani berkata, kalimah ini dalam bentuk *mufrad*nya adalah *mudhakkar* dan tidak ada *mu'annath*nya.[3] *Al-dhiqn* juga bermakna orang yang sangat tua dan *al-dhaqinah* adalah bahagian yang ada di bawah dagu,[4] atau hujung tengkuk.[5]

Lafaz *adhqān* disebut tiga kali dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Isrāk* (17), ayat 107 dan 109 serta surah *Yāsin* (36), ayat 8. Ibn Kathīr mentafsirkan lafaz *al-adhqān* dalam surah *al-Isrāk* dengan bahagian yang ada di bawah wajah, dan lafaz *al-adhqān* dalam surah *Yāsin*, penulis mengisyaratkan pentafsirannya ketika menjelaskan kalimah *a'naq*.[6]

Al-Tabari mentafsirkan kalimah *al-adhqān* dengan dua tafsiran. **Pertama**, daripada Ibn 'Abbās dan Qatādah, *al-adhqān* ialah "wajah-wajah"[7] dan ini yang ditafsirkan oleh al-Syawkānī iaitu "wajah-wajah mereka jatuh sujud kerana Allah dan *al-adhqān* adalah tempat tumbuhnya janggut.[8] **Kedua**, daripada al-Hasan menerangkan maknanya ialah (tempat) janggut. Al-Syawkānī mentafsirkan "فَهِيَ إِلَى الْأَذْقَانِ فَهُم مُّقْمَحُونَ" dengan "belenggu itu sampai 'ke dagu-dagu' mereka, maka mereka pada masa itu tidak dapat berpaling".[9]

Kesimpulannya, makna *adhqān* boleh dimaksudkan "wajah" kerana pada ayat 107 dan 109 di atas dikaitkan dengan menangis. Ia juga boleh bermakna "dagu" kerana saiz belenggu yang mengikat leher mereka sampai ke dagu di mana ia adalah sempadan wajah, sebagaimana yang terdapat dalam surah *Yasin* di atas.

AD'IYĀ' (أَدْعِيَاءُ)

Lafaz ini berbentuk jamak, *mufrad*nya ialah *al-da'iyy* (الدَّعِيُّ). Maknanya ialah orang yang dijadikan anak angkat,[10] atau yang didakwa sebagai sebahagian daripada keturunannya, atau yang dinasabkan kepada selain ayahnya.[11] Ia juga bermakna yang didakwa sebagai bahagian daripada kaum lain.[12]

Kalimah *ad'iyā'* disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Ahzāb* (33), ayat 4 dan 37. Dalam ayat 4, "وَمَا جَعَلَ أَدْعِيَاءَكُمْ أَبْنَاءَكُمْ" diturunkan berkaitan dengan Zaid bin Harithah yang pada awalnya adalah hamba sahaya Rasulullah, kemudian beliau memerdekakannya dan mengambilnya sebagai anak angkat sebelum wahyu diturunkan. Ketika nabi berkahwin dengan Zainab binti Jahsy, seorang janda, anak angkatnya (Zaid bin Harithah), orang Yahudi dan munafik berkata, "Beliau menikahi bekas isteri anak angkatnya," sedangkan pada masa itu, mereka melarang perkahwinan yang sedemikian, maka turunlah ayat itu.[13]

1 *Ibid.*; al-Razi (1987), *op. cit.*, h. 222.

2 *Ibid.*

3 *Ibid.*

4 *Ibid.*

5 Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 448. Dalam *Kamus Dewan* disebutkan, tenggorok atau tenggorokan adalah kerongkong, dan batang tenggorok adalah saluran udara dari halkum ke paru-paru. Lihat Noresah bt. Baharom, *et al.* (eds.) (2002), *op. cit.*, h. 1418.

6 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 65.

7 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 9, h. 224-225.

8 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.* j. 3, h. 327.

9 *Ibid.*, j. 4, h. 450.

10 Al-Zāwī (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 188.

11 Anīs *et al.* (1962.), j. 1, h. 286.

12 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 216.

13 Al-Wāhidī (1998), *op. cit.*, h. 724.

Menurut al-Qurtubī, para ahli tafsir sependapat menyatakan ayat itu diturunkan kepada Zaid bin Harithah.[1] Para ulama merekodkan, Ibn 'Umar berkata, "Kami tidak memanggil Zaid bin Harithah, tetapi Zaid bin Muhammad, sehingga turun ayat:

ادْعُوهُمْ لِآبَائِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ[2]

"panggillah mereka (anak-anak angkat itu) dengan nama-nama bapa mereka, itulah yang lebih adil di sisi Allah."[3]

Al-Syawkānī mentafsirkan maksud ayat 37 adalah menikahi bekas-bekas isteri anak-anak angkat sebagaimana yang diamalkan oleh orang Arab, di mana mereka mengambil anak yang mereka kehendaki sebagai anak angkat, tetapi mereka beriktikad haram menikahi bekas isteri anak angkat itu, kerana anak angkat bagi mereka adalah sama seperti anak kandung, sedangkan Nabi Muhammad menjadikan Zaid bin Harithah sebagai anak angkat, sehingga ia dipanggil dengan Zaid bin Muhammad. Maka turunlah ayat "ادْعُوهُمْ لِآبَائِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ". Justeru, menikahi bekas isteri *ad'iyā'* atau anak-anak angkat adalah halal bagi mereka.[4]

Kesimpulannya, makna umum bagi lafaz *ad'iyā'* dalam al-Quran adalah **anak-anak angkat** dan secara khususnya ialah **Zaid b. Harithah** sebagaimana yang dimaksudkan dalam surah *al-Ahzab*, ayat 4.

1 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 14, h. 116-117.

2 Surah al-Ahzāb (33): 5.

3 Direkodkan oleh al-Bukhārī dalam bab *al-Tafsīr* no. hadis 174, dan Muslim dalam kitab *Fada'il al-Sahabah* dan pada bab *Fada'il Zayd bin Harithah wa Usāmah b. Zayd*, no. hadis 1884.

4 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 356.

AF'IDAH (أَفِيدَةٌ)

Lafaz ini berbentuk jamak dan *mufrad*nya adalah *al-fu'ād* (الْفُؤَادُ) yang bererti *al-qalb* (الْقَلْبُ) iaitu "hati" atau "jantung."[5] Menurut al-Lihyani, lafaz ini adalah *mudhakkar* an tidak ada *mu'annath (feminin)*, *al-qalb* berada di dalam diri manusia dan makhluk lainnya seperti haiwan yang memiliki jantung atau hati. *Al-fu'ād* berada di relung hati (lubuknya), dikatakan *al-fu'ād* bermakna "penutup hati" dan ia menjadi sanubarinya.[6]

Dalam sebuah hadis dijelaskan:

أَتَاكُمْ أَهْلُ يَمَنَ، هُمْ أَرَقُّ أَفْئِدَةً وَأَلْيَنُ قُلُوبًا

"Akan datang kepada kamu ahli Yaman di mana halus sanubari mereka dan lembut hati mereka."

Ia juga bermakna jantung dan lelaki *maf'ūd* ertinya lelaki penakut yang lemah jantungnya seperti orang kurus dan lemah.[7] Dalam *Kamus al-Munjid*, perkataan *al-fu'ād* digunakan juga bagi menunjukkan akal.[8]

Kalimah *af'idah* disebut sebanyak 11 kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 110, 113; *Ibrāhīm* (14), ayat 37, 43; *al-Nahl* (16), ayat 78; *al-Mukminūn* (23), ayat 78; *al-Sajadah* (32), ayat 9; *al-Ahqāf* (46), ayat 26; *al-Mulk* (67), ayat 23; *al-Humazah* (104), ayat 7.

Sa'id Hawwā menukilkan daripada al-Nasafī dalam mentafsirkan ayat 7 daripada surah *al-Humazah*, api yang dinyalakan itu masuk ke dalam diri mereka sehingga masuk ke dada-dada mereka dan naik menjulang

5 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 488.

6 Ibn Manzur (1968), *op. cit.*, j. 3, h. 328-329.

7 *Ibid.*; Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 566.

8 *Ibid.*

ke *fu'ād* mereka. *Fu'ād* itu adalah relung hati, tidak ada sesuatu yang paling lembut dalam badan manusia selain daripada *fu'ād* dan tidak ada yang paling dahsyat sakitnya selain daripada *fu'ād* ketika ditimpa penyakit. Maka, bagaimana apabila api neraka naik menjulang ke atasnya dan membakarnya.

Dikatakan, dikhususkan *af'idah* di sini kerana ia adalah tempat tertanam kekufuran dan akidah yang rosak.[1] Al-Zamakhsyarī mentafsirkan ayat 110 daripada surah *al -An'ām*,

> *"Kami mengunci hati-hati mereka sehingga mereka tidak dapat memahami dan melihat kebenaran."*[2]

Sedangkan pada ayat 113 daripada surah yang sama, beliau mentafsirkan *af'idah* dengan hati orang kafir.[3] Al-Qurtubī mentafsirkan kalimah *af'idah* pada ayat 37 daripada surah Ibrāhīm dengan "hati" kerana diungkapkan tentang hati sebelumnya dengan menggunakan kalimah *fu'ād* dan dikaitkan pula *af'idah* di sini dengan kata kerja *tahwī* yang bermakna "cenderung" dan "mahu."[4] Sedangkan dalam ayat 43, beliau menukilkan pandangan Ibn 'Abbās yang mengatakan makna *af'idatuhum hawā'* (أَفْئِدَتُهُمْ هَوَاء) adalah "hati sanubari mereka itu kosong daripada kebaikan."[5]

Kesimpulannya, perkataan *af'idah* dalam bentuk jamak pada ayat-ayat ini lebih banyak dikaitkan dengan penglihatan dan pendengaran dan disudahi setiap ayat dengan menerangkan manusia kebanyakannya kufur dan ingkar. Semua pendapat ulama saling berkaitan. *Af'idah* bermakna **lubuk hati** atau **sanubari**. Ia adalah tempat tertanamnya keimanan dan kekufuran.

ĀFĀQ (آفَاقٌ)

Lafaz *āfāq* (آفَاقٌ) adalah bentuk jamak daripada *ufuq* (أُفُقٌ) yang bermakna "sudut", "daerah" atau "garisan bulat yang dapat dilihat di dalamnya pemandangan-pemandangan langit seakan-akan ia bertemu dengan bumi dan kelihatan lebih mendekati bumi yang kering."[6] Apabila dikatakan *"jawwāb āfaq"* ertinya "banyak mengembara."[7] *Ufuq* ialah kaki langit,[8] atau tepinya[9] atau cakerawala.[10]

Kalimah *āfāq* disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Fussilat*, ayat 53. Al-Sabuni mentafsirkan kalimah *āfāq* dengan apa yang ada di langit dan bumi, termasuk matahari, bulan, bintang-bintang, pokok-pokok, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya daripada keajaiban yang terdapat di atas dan di bawahnya.[11] Direkodkan oleh 'Abd al-Razzaq dan Ibn al-Mundhir berkenaan dengan kalimah *āfāq* pada surah *Fussilat*, ayat 53, ia adalah negeri-negeri yang Allah bukakan dan berada di bawah kuasa umat Islam.[12]

Al-Zamakhsyarī berpendapat, *āfāq* bermaksud segala yang Allah mudahkan bagi Rasulullah, khalifah-khalifah selepasnya dan kemenangan agamanya di seluruh dunia, di

1 Sa'īd Hawā (1999), *al-Asās fī al-Tafsīr*, c. 5, j. 11. Kaherah: Dar al-Salām, h. 6676.

2 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 55.

3 *Ibid.*, h. 57.

4 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 9, h. 386.

5 *Ibid.*, h. 392

6 Anīs, *et al* (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 21.

7 Ma'lūf (1973), *op. cit.* h. 13.

8 Noresah bt. Baharom, *et al.* (eds.) (2002), *op. cit.*, h. 1508.

9 Al-Marbawī (1350H), *op. cit.*, h. 24.

10 Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 30.

11 Al-Sabuni (1985), *op. cit.*, j. 3, h. 128.

12 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 653

Barat dan Timur umumnya serta negara Arab khususnya. Ia berupa pembukaan yang tidak mudah bagi khalifah-khalifah sebelumnya, mengalahkan negeri-negeri yang kuat, kemenangan golongan yang sedikit ke atas yang banyak, penguasaan golongan yang lemah ke atas yang kuat, berlakunya perkara-perkara luar biasa di tangan mereka. Tersebarnya dakwah Islam ke seluruh penjuru dunia dan pelebaran kekuasaan Islam adalah sebagai tanda-tanda kebesarannya yang menguatkan keyakinan.[1]

Kesimpulannya, makna kalimah *āfāq di* dalam al-Quran ialah **segala yang wujud di muka bumi dan langit serta apa sahaja yang dimudahkan Allah bagi orang Islam.**

AFWĀH (أَفْوَاهٌ)

Lafaz *afwāh* adalah bentuk jamak daripada *al-fāh* (الْفَاهٌ).[2] Ia membawa erti terbukanya sesuatu, *mu'annath*nya adalah *fawhā'* (فَوْهَاءُ),[3] yang bermakna "mulut."[4] Kata terbitan daripadanya adalah *al-fawāh* (الْفَوَاهُ) yang bermakna "mulut yang luas." Menurut ahli tatabahasa Arab, asal kalimah *al-fam* (الْفَمُ) adalah *fūh* (فُوْهٌ).

Kalimah *afwāh* disebut 12 kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 118, 167; *al-Mā'idah* (5), ayat 41; *al-Taubah* (9), ayat 8, 30, 32; *Ibrāhīm* (14), ayat 9; *al-Kahf* (18), ayat 5; *al-Nūr* (24), ayat 15; *al-Ahzāb* (33), ayat 4; *Yāsin* (36), ayat 65; *al-Saff* (61), ayat 8.

Dalam ayat 118, surah *Āli 'Imrān*, maksud perkataan *afwāh* adalah *alsinah* iaitu lisan atau mulut, di mana pentafsiran ayat itu adalah "nampak tanda-tanda permusuhan pada kamu melalui *afwāh* (lisan-lisan) mereka dan mereka tidak cukup memusuhi kamu dengan hati mereka sahaja, sehingga mereka berterus terang dengan mulut mereka."[5]

Begitu juga maksud *afwāh* dalam ayat 167, apabila orang munafik seperti Ubai bin Salūl dan pengikutnya pergi bersama Rasulullah pada Perang Uhud, namun mereka balik dan mengatakan, "Sekiranya kami tahu, pasti kami berperang bersama kamu," sedangkan mereka sebenarnya mengatakan dengan lisan mereka ucapan yang bertentangan dengan hati mereka.[6] Manakala perkataan *afwāh* dalam surah *al-Mā'idah* ayat 41, pentafsirannya adalah mereka menampakkan keimanan dengan *afwāh* (lidah atau mulut) mereka sedangkan hati mereka rosak dan kosong daripadanya, mereka itu adalah orang munafik.[7]

Kesimpulannya, makna dan maksud daripada perkataan *afwāh* pada keseluruhan ayat al-Quran ialah lisan atau mulut.

AFWĀJ (أَفْوَاجٌ)

Lafaz ini berbentuk jamak, *mufrad*nya ialah *al-fawj* (الْفَوْجُ)[8] bermakna "kumpulan."[9]

1 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 4.

2 Al-Fayrūz Ābādī (t.t.), *al-Qāmūs al-Muhit*, j. 4. h. 290.

3 Abū al-Hasan Ahmad b. Fāris bin Zakariyyā (1971), *Mu'jam Maqāyīs al-Lughah*, j. 4, c. 2. Mesir: Mustafā al-Halabī wa Awlāduh, h. 462.

4 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 601.

5 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*, j. 1, h. 225

6 *Ibid.*, h. 241-242.

7 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 54.

8 Abu al-Hasan Sa'id b. Mas'adah al-Balkhī (al-Akhfasy al-Awsat) (1981), *Ma'ānī al-Qur'ān*, c. 2, j. 2, Kuwait: al-Safāh, h. 543, ditahkik oleh Dr. Fā`iz Fāris.

9 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 1, h. 204.

Kalimah ini menunjukkan ke atas suatu kumpulan iaitu kumpulan manusia.[1] Ia juga bermakna kumpulan atau jemaah yang berjalan dengan cepat,[2] atau golongan, atau bahagian daripada tentera atau askar.[3] Kalimah dalam bentuk jamak ini disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al -Naba'* (78), ayat 18 dan surah *al-Nasr* (110), ayat 2.

Al-Tabarī merekodkan daripada Mujāhid, maksud kalimah *afwājā* dalam surah *al-Naba'* ialah "mereka datang dengan berkelompok -kelompok atau berjemaah kerana setiap umat dikirimkan rasul dan mereka datang bersama rasul yang dikirimkan kepada mereka untuk dihisab dan dibalas apa yang mereka kerjakan pada hari akhirat."[4] Begitu juga maksud *afwājā* dalam surah *al-Nasr* ialah mereka masuk ke dalam agama Allah dengan berduyun-duyun, berjemaah atau berbondong-bondong.[5]

Kesimpulannya, makna kalimah *afwājā* ialah jemaah, kelompok-kelompok atau kumpulan yang banyak dan sebagainya.

AḤĀDĪTH (أَحَادِيْثُ)

Kalimah ini adalah jamak, *mufrad*nya adalah *al-ḥādīth* (الْحَدِيْثُ), yang bermakna "baru" dan "khabar."[6] Asalnya daripada *al-taḥdīth* (التَّحْدِيْثُ) yang bermakna *al-ikhbār* (الإِخْبَارُ)[7] yang bermaksud "memberitakan" atau "mengkhabarkan."[8] *Ḥadīth* juga bermakna "perkataan," "kalam,"[9] "al-Quran,"[10] "hikayat" dan "pengajaran"[11] daripada penceritaan mengenai orang kafir dan yang berbuat maksiat.[12] *Aḥādīth* juga dalam bentuk jamak daripada *aḥdūthah* (أُحْدُوْثَةٌ) yang bermakna "apa yang dicakapkan atau dibincangkan."[13]

Lafaz *aḥādīth* disebut sebanyak lima kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Yūsuf* (12), ayat 6, 21, 101; *al-Mukminūn* (23), ayat 44 dan surah *Sabak* (34), ayat 19. Mujāhid dan al-Suddī berpendapat, ungkapan *ta'wīl al-aḥādīth* (تَأْوِيْلُ الأَحَادِيْثِ) ertinya "pentafsiran mimpi." Menurut al-Hasan, pengertian *aḥādīth* dalam ayat itu ialah "kesudahan segala perkara." Muqātil berkata, ia bermakna "keanehan-keanehan mimpi."[14]

Manakala al-Zamaksarī berpendapat, *aḥadīth* bermakna "mimpi" sama ada ia adalah percakapan jiwa, malaikat, mahupun syaitan. Manakala tafsirannya, ia adalah bentuk jamak daripada perkataan *hadīth*, bukan jamak daripada *aḥdūthah*.[15] Al-Qurtubī

1 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 4, h. 458.

2 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 686.

3 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 598.

4 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 15, h. 12.

5 *Ibid.*, h. 432

6 Al-Zāwī (t.t.), *op. cit*, j. 1, h. 600.

7 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 121.

8 Contohnya Allah menyatakan, "أَتُحَدِّثُوْنَهُمْ بِمَا فَتَحَ اللهُ عَلَيْكُمْ" Ertinya, "Adakah kamu mengabarkan kepada mereka apa yang telah diterangkan Allah kepadamu..." (Surah al-Baqarah (2): 76).

9 Contohnyanya Allah menyatakan, "وَمَنْ أَصْدَقُ مِنَ اللهِ حَدِيْثًا" ertinya, "dan siapakah yang lebih benar perkataannya daripada Allah?" (al Nisa' (4): 87).

10 Contohnya Allah menyatakan,"فَلْيَأْتُوْا بِحَدِيْثٍ مِثْلِهِ" ertinya, "(Kalau tidak) maka hendaklah mereka mendatangkan kata-kata (yang fasih petah dan indah) seperti al-Quran itu." (Surah al-Tur (52): 34).

11 Contohnya Allah menyatakan,"فَجَعَلْنَاهُمْ أَحَادِيْثَ" ertinya,"Lalu Kami jadikan (kisah kederhakaan) mereka itu menjadi buah mulut orang ramai". (Saba' (34): 19).

12 Ābadī (1986), *op. cit.*, j. 2, h. 439.

13 Ma'lūf (1973), *loc. cit.*

14 Muhammad b. Yūsuf b. 'Alī b. Yūsuf ibn Hayyān (t.t.) *Tafsīr al-Bahr al-Muhit*, j. 5. al-Sa'udiyyah: Maktabah al-Nasr al-Hadīthiyyah, h. 281.

15 Al-Zamakhsarī (1995), *op. cit*, j. 2, h. 427.

mentafsirkan lafaz *aḥādīth* pada surah *al -Mukminun* sebagai "perkara yang menjadi topik perbincangan." Menurut al-Akhfasy, ia digunakan bagi perkara jahat, bukan baik, sebagaimana yang dikatakan orang, "Si A menjadi bahan atau buah percakapan," atau sebagai pengajaran dan contoh. Itu juga maksud *aḥādīth* pada surah Sabak, yang merupakan jamak daripada *ahdūthah*.[1]

Menurut al-Fayrūz Ābādī, yang dimaksudkan dengan *aḥādīth* ialah "setiap perkataan yang sampai kepada manusia melalui wahyu dalam keadaan sedar atau tidur." Manakala *aḥādīth* pada surah *Yūsuf* bermaksud "apa yang dicakapkan kepada manusia dalam tidurnya."[2] Pengertian lafaz *aḥādīth* ialah apa yang dicakapkan kepada manusia dalam keadaan tidur atau mimpi-mimpi sepertimana yang terdapat pada surah Yūsuf. Ia juga bermakna buah percakapan sebagai pengajaran dan contoh, sebagaimana yang terdapat dalam surah *al-Mukminūn* dan Sabak.

AḤBĀR (أَحْبَارٌ)

Lafaz ini berbentuk jamak, *mufrad*nya adalah *al-ḥibr* (الْحِبْرُ) atau *al-habr* (الْحَبْرُ), maknanya adalah "benda yang dijadikan untuk menulis" atau "dakwat," serta "kesan."[3] Ia juga bermakna "kecantikan," "kesan kenikmatan yang sama atau menyamainya."[4] Sebagaimana yang terkandung dalam makna perkataan "فُلَانٌ لَيْسَ لَهُ حِبْرٌ" ertinya "seseorang tidak ada yang menyamainya."[5] Al-Farrā' berkata, *al-ḥabr* bermakna "kecantikan dan kehebatan."[6] Menurut al-Asma'ī, *al-ḥabr* adalah "kecantikan, kewibawaan dan kesan kenikmatan."[7]

Kalimah *aḥbar* disebut empat kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 44, 63 dan surah *al-Taubah* (9), ayat 31, 34. Menurut al-Fayrūz Ābādī, *aḥbar* juga bermakna "kesan kebaikan" dan "seorang lelaki yang alim kerana ilmunya berbekas di hati manusia dan kesan perbuatannya menjadi ikutan."[8]

Al-Murtada mengisyaratkan makna *aḥbar* dalam surah *al-Taubah* adalah "ulama yang kekal sepanjang zaman. Diri mereka fana atau hilang, tetapi kesan dan pengaruh mereka tetap wujud di hati."[9] Al-Alūsī memberikan makna *aḥbar* dengan pengertian "para ulama" dan ia dipetik daripada perkataan *al-taḥbir* (التَّحْبِيرُ) dan *al-taḥsīn* (التَّحْسِينُ), kerana ulama menulis dan membaguskan ilmu, berhias dengannya serta menerangkannya kepada orang lain.[10] Al-Tabarī menukilkan daripada Qatadah makna *ahbar* ialah "ulama." Begitu juga pendapat Ibn Zaid.[11] *Ahbar* dalam ayat al-Quran bermaksud "ulama" atau "fuqaha."

AHILLAH (أَهِلَّةٌ)

Ahillah adalah bentuk jamak daripada perkataan *hilāl* (هِلَالٌ) ertinya, "bulan sabit," atau

1 Al-Qurtubī (1996), op. cit., j. 12, h. 132.

2 Ābādī (1986), loc. cit.

3 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 119.

4 Al-Zāwī (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 552

5 Ma'lūf (1975), op. cit., h. 113.

6 Al-Rāzī (1987), *loc. cit.*

7 *Ibid.*

8 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 2, h. 423.

9 *Ibid.*

10 Al-Alūsī (t.t), *op. cit.*, j. 4, h. 211.

11 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 340-341.

"dua malam dari awal bulan, atau malam ketiga atau hingga malam ketujuh dan juga dua malam dari akhir bulan atau 26 dan 27." Selain daripada itu disebut "قَمَرٌ" (bulan).[1] Al-Rāzī berpendapat, *hilāl* ialah permulaan malam, dua dan tiga malam, kemudian ia menjadi bulan.[2] Ia juga bermaksud curah hujan, permulaan hujan, warna putih pada pangkal kuku, selar pada unta, air yang sedikit, ular jantan, jejaka yang bagus.[3] Menurut ilmu Astronomi, *hilāl* ialah anak bulan yang terlihat pada awal bulan atau malam pertama.[4]

Lafaz *ahillah* disebut sekali di dalam al-Quran iaitu pada surah *al-Baqarah* (2), ayat 189.[5] Menurut Ibn 'Atiyyah, *hilāl* adalah dua malam pertama tanpa ada perselisihan pendapat di kalangan ulama. Kemudian ia menjadi bulan sepenuhnya. Ia juga dikatakan *hilāl* pada tiga malam pertama.[6] Al-Asma'ī berpendapat *hilāl* adalah bulan sabit sehingga ia menjadi lebar dan berbentuk bundar. Ia seperti benang yang tipis. Ia juga dikatakan *hilāl* sehingga cahayanya menerangi langit pada malam ketujuh.[7] Dinamakan juga *hilāl* pada malam kedua atau malam ketiga. Ada yang mengatakan sehingga ia berbentuk bundar dengan garis tipis. Ada pula yang mengatakan hingga malam ketujuh.[8]

Al-Tabarī merekodkan daripada Qatādah, beliau berkata, "Para sahabat bertanya kepada Nabi Muhammad, untuk apa *ahillah* itu diciptakan? Maka Allah menurunkan ayatnya yang bermaksud, "هِيَ مَوَاقِيتُ لِلنَّاسِ" (ia menjadi penunjuk waktu bagi manusia). Ia dijadikan bagi menentukan waktu berpuasa bagi Muslim, menetapkan waktu berbuka, menentukan waktu ibadah haji, menghitung *'iddah* bagi wanita-wanita Muslimah juga bagi menentukan masa membayar hutang mereka. Allah lebih mengetahui apa yang membawa kemaslahatan bagi para hambanya."[9]

Kesimpulannya, maksud kalimah *ahillah* adalah awal bulan, malam kedua, malam ketiga, atau malam ketujuh dan akhir bulan.

AḤKAM (أَحْكَمُ)

Kalimah ini adalah *ism al-tafḍil* (kata sifat yang menunjukkan lebih daripada yang selainnya). Ia berasal daripada perkataan *ḥakama* (حَكَمَ) yang bererti "menghukum, mengadili, memutuskan" dan sebagainya,[10] atau daripada *aḥkama* (أَحْكَمَ) yang bermakna "mengerjakan dengan sempurna, menguatkan dan mencegah daripada kerosakan."[11]

Lafaz *aḥkam* disebut sebanyak dua kali dalam al-Quran, iaitu pada surah *Hūd* (11), ayat 45 dan ayat 8 daripada surah *al-Tin*. Menurut al-Nasafī, makna lafaz *aḥkam* dalam surah *al-Tin* adalah Allah akan menghukum

1 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 870.

2 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 697.

3 Ma'lūf (1975), *loc. cit.*

4 *Ibid.*

5 Menurut rekod daripada Abū Sa'īd, Mu'ādh bin Jabl dan Tha'labah bin Ghanam pernah bertanya kepada Nabi Muhammad, mengapa *hilāl* kelihatan tipis seperti benang, kemudian bertambah besar sehingga sama rata, selepas itu ia berkurangan pula sehingga kembali seperti sediakala. Abū al-Sa'īd Muhammad bin Muhammad al-'Āmidī (1994), *Irsyād al-'Aql al-Salīm ilā Mazāyā al-Qur'ān al-Karīm*, j. 1, c. 4. Beirut: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabī, h. 203.

6 Abū Muhammad 'Abd al-Haq bin Ghālib ibn 'Atiyyah al-Andalusī (2001), *al-Muharrar al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-'Azīz*, j. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 261.

7 *Ibid.*

8 Muhammad Jawwād al-Balaghī al-Najafī (t.t) *Alā' al-Rahman fī Tafsīr al-Qur'ān*, j. 1. Beirut: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabī, h. 165.

9 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 253.

10 Ma'lūf (1975), *op. cit*, h. 146; Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 286.

11 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 1, h. 487.

orang kafir. Ia berasal daripada *al-ḥukm* (menghukum) dan *al-qaḍa'* (mengadili).[1] Al-Khazin mentafsirkan *aḥkam al-ḥakimīn* (أَحْكَمُ الْحَاكِمِينَ) dengan "sebaik-baik hakim yang menghukum dan mengadili antara kamu serta antara para pendusta-pendusta agama pada hari kiamat."[2]

Ibn 'Abbās menerangkan Allah sebaik-baik hakim dan maha sempurna daripada yang sempurna dalam menghidupkan kamu selepas mati.[3] Al-Tabarī berkata, tafsiran lafaz itu adalah Allah maha adil dan sebaik-baik hakim dalam memutuskan kebenaran.[4] Menurut al-Qurtubī, ia bermaksud memutuskan ke benaran serta mengadili antara makhluknya dengan seadil-adilnya.[5] Maka, makna *aḥkam* dalam al-Quran ialah sebaik-baik hakim, pengadil, pemutus dan sebagainya.

AHL AL-BAIT (أَهْلُ الْبَيْتِ)

Perkataan *ahl* sinonim dengan perkataan *aṣḥāb* yang bermaksud pemilik, empunya dan ahli. Manakala perkataan *al-bait* daripada segi bahasa mempunyai pelbagai maksud iaitu bait-bait syair, perkahwinan atau rumah.[6] Apabila dicantumkan perkataan *ahl* dengan *al-bait*, ia memberi dua makna, iaitu anggota keluarga dan ahli rumah iaitu keluarga Rasulullah.[7]

Perkataan *ahl al-bait* disebut sebanyak tiga kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Ahzab* (33), ayat 33; surah *al-Qasas* (28), ayat 12 dan surah *Hud* (11), ayat 73.

Daripada segi istilah, *ahl al-bait* adalah nama yang digunakan bagi ahli keluarga Nabi Muhammad bagi membezakan mereka daripada kaum Muhajirin dan Ansar. Manakala golongan *'aliwiyyin*[8] mentafsirkan *ahl al-bait* sebagai 'Alī, Fātimah dan keturunannya.[9]

Kesimpulannya, penggunaan istilah *ahl al-bait* di dalam al-Quran merujuk kepada **keluarga Nabi Muhammad.**

AHL AL-DHIKR (أَهْلُ الذِّكْرِ)

Lafaz ini mengandungi dua perkataan iaitu *ahl* dan *al-dhikr*. *Ahl* bermaksud "keluarga dan kerabat," jamaknya ialah *ahlūn, ahāl, āhāl, ahlāt.*

Apabila lafaz *ahl* disandarkan kepada *al-rajul* bermaksud isterinya. Apabila disandarkan kepada *al-dār*, maksudnya ialah penghuni. Apabila disandarkan kepada *al-amr*,

1 Hilmī (1979), *op. cit.*, j. 6 , h. 536-537

2 *Ibid.*

3 *Ibid.*

4 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 7, h. 65.

5 *Ibid.*, j. 20, h. 117. Beliau berkata, Ibn 'Abbās dan 'Alī b. Abī Talib (r.a.), jika membaca ayat "أَلَيْسَ اللَّهُ بِأَحْكَمِ الْحَاكِمِينَ" mereka berdua berkata, "بَلَى، وَأَنَا عَلَى ذَلِكَ مِنَ الشَّاهِدِينَ" sebagaimana yang diriwayatkan al-Tirmidhī dalam *Kitab al-Tafsir* 5/443, no. 3347 daripada Abī Hurayrah, beliau berkata, "Sesiapa yang membaca surah *"al-Tīn wa al-Zaytūn"* dan membaca ayat di atas maka hendaklah dia berkata,"بَلَى، وَأَنَا عَلَى ذَلِكَ مِنَ الشَّاهِدِينَ".

6 Ibn Manzur (t.t), *Lisān al- 'Arab*, j. 7, Beirut : Dār al-Sadir , h. 14-15.

7 H.A.R. Gibb, et. al (ed.) (1960), *The Encyclopedia of Islam* , Leiden : E. J. Brill, h. 257.

8 Golongan yang dinisbahkan kepada Sayyidina Ali dan putera-puterinya. Sila lihat : *Al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī li al-Natiqīn wa Muta'alimihā*, Kaherah : al-Munazzamah al-'Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm, h. 863.

9 Muhammad Syafiq Ghirbal (1965), *Al-Mawsū'ah al-Arabiyyah al-Muyassarah*, j. 1, Beirut : Dār Ihya' al-Turāth al- 'Arabī, h. 252.

maknanya para penguasa. Apabila disandarkan pula kepada *al-madhhab* ertinya adalah penganutnya.[1] *Ahl* juga bermakna orang yang mahir atau mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam sesuatu bidang atau pakar dalam bidang berkenaan. Apabila disandarkan kepada *al-sunnah,* maksudnya umat Islam yang mengikuti ajaran hadis Nabi Muhammad.[2]

Sedangkan *al-dhikr* adalah lawan daripada lafaz *al-nisyān* (النِّسْيَانُ) yang ber makna "lupa." Ia juga bermakna ke masyhuran dan pujian, kehormatan dan kemuliaan. Contohnya dalam ayat Allah, "وَالْقُرْآنِ ذِي الذِّكْرِ"[3] maksudnya, "Demi al -Quranyangmempunyaikemuliaan."[4] *Al-dhikr* juga bermakna sembahyang dan doa kerana Allah. *Al-dhikr* daripada *al-rajul* maksudnya pemuda yang gagah berani. Apabila ia dikaitkan dengan *al-mayyit* atau *dhikr al-mayyit* bererti namanya tetap menjadi sebutan manusia selepas kematiannya. *Al-dhikr* daripada perkataan *(min al-qawl)* maksudnya perkataan yang berisi dan padat. Apabila dikaitkan dengan hujan atau *dhikr al-maṭar* ertinya hujan lebat.[5]

Ungkapan *ahl al-dhikr* disebut dua kali dalam al-Quran, iaitu pada surah *al-Nahl* (16), ayat 43 dan surah *al-Anbiyāk* (21), ayat 7. Al-Nasafī berpendapat, maksud *ahl al -dhikr* dalam surah *al-Nahl* ialah Ahli Kitab, iaitu orang Yahudi dan Nasrani dan ulama -ulamanya.[6] Kalimah ini disebut dalam ayat ini bagi mengingatkan orang Arab, Allah tidak mengutus kepada umat-umat terdahulu kecuali dalam kalangan manusia juga.[7] Al-Fayrūz Ābādī menukilkan tafsiran daripada Ibn 'Abbās tentang *ahl al-dhikr* dalam ayat itu bermaksud ahli Injil dan Taurat.[8]

Al-Khāzin mentafsirkan ayat itu dengan "mereka yang berbangsa Arab diperintahkan bertanya kepada Ahli Kitab, kerana orang kafir Makkah berkeyakinan Ahli Kitab adalah orang yang berpengetahuan dan diutus kepada mereka para rasul, antaranya Mūsā, 'Īsā dan lainnya. Mereka adalah manusia biasa juga seperti mereka. Sekiranya mereka bertanya kepada Ahli Kitab itu, mereka pasti mengkhabarkan para rasul yang dikirim kepada mereka adalah manusia juga. Sekiranya mereka mengkhabarkan hal itu, hilanglah segala keraguan di dalam hati mereka."[9]

Ibn Kathīr mentafsirkan *ahl al-dhikr* pada surah *al-Anbiyāk* dengan *ahl al-'ilm* atau orang yang berpengetahuan daripada kalangan umat terdahulu, seperti Yahudi dan Nasrani dan semua golongan. Adakah rasul yang dikirim kepada mereka manusia atau malaikat? Sudah tentu mereka adalah manusia.[10] Begitu juga dengan pendapat Fakhr al-Dīn al-Rāzī. Menurutnya, *ahl al -dhikr* ialah Ahli Kitab.[11] Maka, maksud *ahl al-dhkir* dalam ayat al-Quran adalah ulama Ahli Kitab daripada golongan Yahudi dan Nasrani.

1 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 20.

2 Noresah bt. Baharom et al. (eds.) (2002), *Kamus Dewan*, c. 7, Kuala Lumpur: Harian (Zulfadzli) Sdn. Bhd, h. 14.

3 Surah Sad (38): 2.

4 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 222.

5 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 236.

6 Hilmī (1979), *op. cit.*, j. 3, h. 605.

7 *Ibid.*

8 *Ibid.*

9 *Ibid.*

10 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 165.

11 Fakhr al-Dīn al-Rāzī (t.t), *op. cit.*, j. 22, h. 144.

AHL AL-QURĀ (أَهْلُ الْقُرَى)

Istilah ini mengandungi dua perkataan iaitu *ahl* dan *al-qurā*. Pengertian *ahl* dan penggunaannya sudah dihuraikan sebelum ini. Manakala *al-qurā* adalah bentuk *jamak* daripada *al-qaryah* (الْقَرْيَةُ),[1] yang bererti "desa" dan "kumpulan manusia."[2] Apabila *al-qaryah* itu disandarkan kepada *al-Naml* (النَّمْلُ), ia bermaksud "kumpulan semut." Apabila dikaitkan dengan al-Ansar (الأَنْصَارُ), ia bererti "kota Madinah atau Yathrib."[3] Apabila lafaz *umm* (أُمُّ) disandarkan kepada *al-Qurā* atau *umm al-qurā*, ia bermaksud ibu kota.[4]

Istilah *ahl al-qurā* disebut sebanyak lima kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 96, 97, 98; *Yūsuf* (12), ayat 109; dan surah *al-Hasyr* (59), ayat 7. Al-Tabarī mentafsirkan *ahl al-qurā* dalam surah *al-A'rāf* dengan maksudnya,

> *"Wahai Muhammad, apakah sedap hati dan merasa aman orang yang mendustakan Allah dan rasulnya itu dan ingkar kepada ayat-ayatnya. Allah membiarkan mereka dengan memberikan nikmat kepada mereka di dunia dengan kesihatan badan dan kehidupan yang selesa, sebagaimana Allah membiarkan orang yang diceritakan kepada mereka dari kalangan umat-umat terdahulu. Maka sesungguhnya rancangan atau azab Allah tidak menjadikan mereka berasa aman dan mereka akan musnah."*[5]

Al-Zamakhsarī mengatakan *alif-lam* (ال) yang ada pada *al-qurā* mengisyaratkan kepada *al-qurā* yang terdapat pada ayat sebelumnya, iaitu:

> "وَمَا أَرْسَلْنَا فِي قَرْيَةٍ مِنْ نَبِيٍّ"[6]

Inilah yang dimaksudkan oleh pentafsiran al-Tabarī berkenaan ayat Allah, "تِلْكَ الْقُرَى نَقُصُّ عَلَيْكَ مِنْ أَنْبَائِهَا",[7] di mana beliau berkata, "*Al-qurā* yang disebutkan kepada engkau ini, wahai Muhammad adalah kaum Nuh, 'Ād, Thamūd, kaum Lut dan Syu'aib."[8] Manakala dalam surah *Yūsuf*, *ahl al-qurā* di sini bermaksud *al-madā'in* atau orang bandar dan bukan orang Badwi, kerana mereka jahil serta kasar dan kerana orang bandar *(Amṣar)* lebih sempurna akalnya, kesabarannya dan lebih tinggi budi pekertinya.[9] Qatadah berpendapat, *al-qurā* itu bermaksud *ahl al-amṣār* kerana mereka lebih sabar dan lembut berbanding *ahl al-'amūd* (orang Badwi).[10]

Pengertian *ahl al-qurā* dalam surah al-Hasyr, Ibn 'Abbās berpendapat ia ber maksud Banī Quraizah dan Banī al-Nadīr. Kedua-duanya berada di Madinah dan Fadak. Jaraknya adalah perjalanan tiga hari dari Madinah dan Khaibar.[11] Ibn Kathīr berpendapat, ia bermaksud keseluruhan negeri-negeri yang dibuka, hukumnya adalah sama dengan hukum harta benda Banī al-Nadir.[12]

Kesimpulannya, maksud *ahl al-qurā* secara umumnya adalah kumpulan manusia, negeri atau kaum. Secara khususnya terbahagi menjadi tiga maksud sebagaimana yang dimaksudkan dalam surah-surah di atas. **Pertama**, ia bermaksud umat-umat terdahulu seperti dalam surah *al-A'rāf*. **Kedua**, ia bermaksud orang bandar sebagaimana dalam surah *Yūsuf*. **Ketiga**, ia bermaksud negeri

1 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 535.
2 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 262.
3 *Ibid.*
4 Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 1115.
5 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 6, h. 13
6 Al-A'rāf (7): 94.
7 *Ibid.*, 101
8 Al-Tabarī(1995), *op. cit*, h. 14.
9 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 74.
10 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 8, h. 105.
11 Al-Qurtubī (1996), *op. cit*, j. 18, h. 15.
12 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 302.

-negeri seperti Banī Quraizah dan Banī al -Nadir seperti dalam surah *al-Hasyr.*

AHL AL-KĪTĀB (أَهْلُ الْكِتَابِ)

Al-kitāb daripada segi bahasa adalah buku dan jamaknya adalah *al-kutub.* Secara mutlak, ia adalah kitab Taurat.[1] Perkataan ini di dalam al-Quran dan di sisi umat Islam ditujukan kepada ahli Kitab sama ada mereka berbangsa Yahudi ataupun Nasrani.[2]

Perkataan *ahl al-kitāb* disebut sebanyak 29 kali di dalam al-Quran, iaitu pada surah *Ali 'Imran* (3), ayat 64, 65, 69, 70, 71, 72, 75, 110, 113 , 199, 98 dan 99; surah *Al-Nisak* (4), ayat 123, 153 , 159 dan 171; surah *al-Ma'idah* (5), ayat 15 , 19 , 65, 68 , 77; surah *al- 'Ankabut* (29), ayat 46; surah *al-Baqarah* (2), ayat 105 dan 109; surah *al-Ahzab* (33), ayat 26; surah *al-Hasyr* (59), ayat 2 dan 11; surah *al-Bayyinah* (98), ayat 1 dan 6; surah *al-Hadid* (57), ayat 29.

Mereka adalah Yahudi dan Nasrani sebagaimana yang dimaksudkan oleh al-Quran. Ini kerana Allah menurunkan kitab kepada mereka iaitu kitab Taurat, Zabur dan Injil yang membezakan mereka daripada penyembah-penyembah berhala yang lain. Pada zaman pemerintahan Islam, mereka memberi kesetiaan kepada pimpinan kaum Muslimin. Pada masa yang sama, mereka juga turut dikenakan bayaran *jizyah* sebagai jaminan keselamatan mereka.[3]

Selain itu, *ahl al-kitāb* adalah para pengikut atau penganut ajaran yang dibawa oleh Nabi Mūsā dan Nabi 'Īsā dengan kitab sucinya masing-masing (Taurat dan Injil). Namun kini, Islam menganggap ajaran Allah di dalam kitab Taurat dan Injil tidak murni lagi kerana berlaku banyak pengubahsuaian dan penyelewengan oleh pemimpin agama mereka. Walau bagaimanapun, Islam membenarkan lelaki Muslim mengahwini wanita Ahli Kitab dengan syarat-syarat tertentu. Sebaliknya, wanita Muslim tidak dibenarkan berkahwin dengan lelaki Ahli Kitab. Malah, menurut ajaran Islam, golongan Ahli Kitab adalah kafir.[4]

Justeru, *ahl al-kitāb* tidak dipaksa meninggalkan keyakinan mereka dan memeluk Islam sebagaimana yang berlaku pada kelompok pagan atau orang kafir. Mereka menerima jaminan perlindungan dalam pemerintahan Islam. Sebagai imbangannya, mereka dikenakan beban pajak yang dinamakan pajak *dhimmah.*

1 Ibn Manzur (1968), *op. cit.*, j. 6 , h. 698.

2 H . A. R. Gibb et. al (1960), *op. cit.*, h. 264

3 Muhammad Syafiq Ghirbal (1965), op. cit. , h. 252.

4 Drs Shodiq H. Shalahuddin Chaery (1983), *op. cit.* , h. 11. Rujuk juga Rachmat Taufiq Hidayat (1989), *Khazanah Istilah al-Quran*, Bandung: Penerbit Mizan, h. 15-16. Beliau berpendapat *ahl al-kitāb* adalah mereka yang tetap berpegang teguh kepada ajaran-ajaran yang terdapat di dalam kitab Zabur, Taurat dan Injil, sesudah al-Quran diwahyukan kepada Nabi Muhammad iaitu orang Yahudi dan Nasrani). Antara *ahl al-kitāb* terdapat orang kafir dan sekali gus musyrik, kerana mereka menyekutukan Allah dengan makhluknya dan mempunyai kepercayaan triniti. Berdasarkan hadis yang direkodkan oleh Ibn Jarir, lelaki-lelaki Muslim dibolehkan berkahwin dengan wanita-wanita Ahli Kitab tanpa harus masuk Islam terlebih dahulu. Sebaliknya wanita-wanita Islam haram berkahwin dengan lelaki-lelaki dari Ahli Kitab. Dalam hal makanan atau sembelihan, binatang yang disembelih Ahli Kitab adalah halal dimakan orang Islam.

AHL YATHRIB (أَهْلُ يَثْرِب)

Istilah ini terdiri daripada dua kalimah, iaitu *ahl* dan *Yathrib*. Berkenaan maksud *ahl* sudah dijelaskan sebelum ini. Manakala makna Yathrib, Muhammad 'Alī al-Sabuni berpendapat, ia adalah penduduk kota Madinah.[1]

Istilah ini disebut sekali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Ahzāb* (33), ayat 13. Al-Tabarī mengatakan, Yathrib adalah nama negeri atau tempat, maka Madinah atau bandar Rasulullah dikatakan berada di sudut Yathrib.[2] Ibn Kathīr berkata, "Yathrib bermaksud Madinah sebagaimana yang disebut dalam satu rekod yang sahih, "Diperlihatkan kepadaku dalam mimpi negeri tempat kamu akan berhijrah, negeri yang terletak di antara dua tanah yang tidak berpasir. Lalu dia pergi dan berhijrah. Maka diketahui negeri itu adalah Yathrib." Dan dalam lafaz yang lain ia adalah Madinah."[3]

Al-Qurtubī berpendapat, Yathrib[4] adalah Madinah, Rasulullah menamakannya dengan *Tayyibah* (baik) dan *Tabah* (nyaman).[5] Abū 'Ubaydah berkata, "Yathrib adalah nama negeri atau tempat, dan Madinah adalah salah satu sudut darinya."[6] Al-Suhaylī berpendapat, ia dinamakan Yathrib kerana ia diduduki oleh keturunan al-'Amāliq, namanya ialah Yathrib bin 'Umayl bin Mihla'il bin 'Iwad bin 'Amāliq bin Lawudh bin Iram.[7]

Kesimpulannya, Yathrib adalah **Madinah**, dan maksud daripada *ahl Yathrib* ialah **penduduk kota Madinah.**

AḤMĀL (أَحْمَالٌ)

Lafaz ini berbentuk jamak daripada *al-ḥaml* (الْحَمْلُ) yang bererti apa yang wujud di dalam perut iaitu anak. Ia juga bermakna buah pokok.[8] Ibn al-Sukkayt berkata *al-ḥaml* adalah apa yang ada di dalam perut dan di atas pokok.[9] Manakala al-Azharī berpendapat *al-ḥaml* adalah apa (janin) yang dikandungi oleh wanita di dalam perutnya.[10] Adapun *ḥaml al-syajarah* adalah buah yang nampak atau kelihatan daripadanya, dan ia juga disebut sebagai *al-ḥiml*, sedangkan apa yang tersembunyi maka dinamakan *ḥaml*.[11]

Lafaz *aḥmāl* disebut sekali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Talāq* (65), ayat 4.[12] Ibn Kathīr berkata, "Barang siapa yang

1 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 515.

2 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 11, h. 163.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 442.

4 Menurut pentahkik kitab tafsir ini, iaitu DR. Muhammad Ibrāhīm al-Hafnawī, Yathrib adalah salah satu nama daripada nama-nama Madinah Munawwarah yang mencecah 94 nama, dan perlu diketahui banyaknya nama mengisyaratkan kemuliaan yang dinamakan itu. Al-Qurtubī (1996), op. cit., j. 14, h. 146.

5 *Ibid.*

6 *Ibid.*

7 *Ibid.*

8 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 156.

9 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 155

10 *Ibid.*

11 *Ibid.*

12 Imām al-Sayuti dan Ibn Kathir mengatakan sebab turunnya ayat ini ialah direkodkan oleh Ibn Jarīr, Ishaq b. Rahawaih, al-Hakim dan lainnya daripada Ubay b. Ka'ab, beliau berkata, "Ketika turun ayat yang terdapat dalam surah al-Baqarah berkenaan masalah 'iddah para wanita (iaitu pada ayat 234. Al-Tabari (1995), *op. cit.*, j. 14, h. 182), mereka berkata, "Tertinggal [penyebutan] 'iddah anak dara, wanita dewasa dan wanita-wanita yang hamil yang belum disebut [dalam ayat], maka turunlah ayat ini yang bermaksud, "Dan perempuan-perempuan dari kalangan kamu yang putus kedatangan haid - sekiranya kamu menaruh syak (pada tempoh 'iddah mereka), maka 'iddah-nya ialah tiga bulan, dan (demikian) juga 'iddah perempuan-perempuan yang tidak berhaid, dan perempuan-perempuan mengandung, tempoh 'iddah-nya ialah hingga mereka melahirkan anak yang dikandunginya. Dan ingatlah, siapa yang bertakwa kepada Allah, nescaya Allah memudahkan baginya segala urusannya." Sanad rekod ini adalah sahih. Al-Sayuti (t.t.), *op. cit.*, h. 449-450; Ibn Kathīr (1998), *loc. cit.*

hamil atau mengandung, *'iddah*nya adalah sehingga ia melahirkan anak, walaupun selepas talak atau kematian suaminya, berdasarkan pendapat jumhur ulama salaf dan khalaf."[1]

Al-Syawkānī berkata, "Zahir surah *al -Talāq*, ayat 4 ini mengisyaratkan bagi wanita -wanita yang hamil atau mengandung *'iddah*nya ialah sehingga melahirkan anak, sama ada mereka itu wanita-wanita yang diceraikan secara talak atau disebabkan kematian suami-suami mereka. Maka, yang dimaksudkan *ahmal* pada ayat itu ialah hamil atau mengandung.[2]

AḤQĀF (أَحْقَاف)

Aḥqāf adalah nama sebuah surah yang terdapat di dalam al-Quran iaitu surah yang ke-46. Ia terdiri daripada 35 ayat dan tergolong antara surah-surah yang diturunkan di Makkah. Surah Makkiyah ini, diturunkan selepas turunnya surah *al-Jathiyah*. Nama *aḥqāf* diambil daripada ayat ke-12 yang bererti bukit-bukit pasir.

Dalam ayat ini dan ayat sesudahnya menerangkan Nabi Hud menyampaikan risalahnya di bukit-bukit berpasir yang kini dikenali sebagai *Rab'ul Hali*. Kaum Nabi Hud tetap ingkar sungguhpun sudah diberi peringatan tentang kehancuran kaum-kaum sebelum mereka kerana mengingkari perintah Allah.[3]

Manakala dalam *Tafsir al-Munir*, surah ini dinamakan *al-Aḥqāf* kerana ia adalah tempat tinggal kaum 'Ad di Yaman. Kaum ini dibinasakan oleh Allah dengan angin ribut yang kencang disebabkan kekufuran dan sikap melampau mereka.[4]

Perkataan *aḥqāf* disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Ahqaf* (46), ayat 21. *Al-aḥqāf*[5] adalah jamak daripada perkataan *ḥiqfun* iaitu bukit pasir yang menjadi tempat tinggal kaum 'Ad mengikut pendapat Ibn Zaid. Manakala 'Akramah mengatakan *al-aḥqāf* adalah bukit dan gua. Sementara Ali bin Abi Talib pula berpendapat ia adalah lembah di Hadramaut.[6]

Ini dikukuhkan dengan pendapat ahli tafsir iaitu al-Razi,[7] yang menyebut dalam tafsir beliau, Abu 'Ubaidah mengatakan *al -ḥiqf* adalah bukit pasir yang berbentuk sabit. Al-Farrā' pula berkata, *al-aḥqāf* adalah kata jamak daripada perkataan *al-ḥiqf* dan ia adalah bukit pasir berbentuk sabit yang saiznya tidak besar. Manakala Ibn 'Abbas pula menyatakan ia adalah lembah yang terletak di Oman dan Mihrah.

Selanjutnya orang Arab pertengahan pula menyatakan, *al-aḥqāf* adalah nama yang diberikan kepada padang pasir yang terletak di selatan negara Arab iaitu di antara Hadramaut dan Oman. C. Landberg (Hadramaut 146-160) pula mengatakan ia nama sebuah kawasan yang luas yang terletak di selatan Tanah Arab. Namun, bagi orang Arab Badwi, mereka mentakrifkan daratan *al-aḥqāf* dengan kawasan yang berbukit-bukau yang tidak ada kaitan

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 343.

2 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 301.

3 Drs Shodiq H. Shalahuddin Chaery (1983), *Kamus Istilah Agama*, Jakarta : Penerbit C. V Sienttarama, h. 15.

4 Wahbah al-Zuhaylī (1991), *op. cit.*, j. 26, h. 5.

5 Ibn Kathīr (1983), *op. cit.*, Beirut : Dar al-Ma 'rifah, h. 160.

6 Lembah *"al-Ahqaf"* terletak dalam negeri Hadramaut-Selatan Semenanjung Tanah Arab. Sila rujuk *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Quran*, Terj. Sheikh Abdullah Basmeih, Malaysia : Dar Al-Kitab, h. 1350.

7 Muhammad bin 'Umar bin al-Husayn Fakhr al-Dīn Al-Rāzī (1990) , *Al-Tafsīr al-Kabīr aw Mafātih al-Ghayb* , j. 28, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah , h. 24.

dengan bukit pasir, ataupun gua sebagaimana pendapat yang dikemukakan oleh Landberg.[1]

AHWĀ' (أَهْوَاءٌ)

Lafaz ini adalah jamak daripada *al-hawā* (الْهَوَى) yang bererti kerinduan *(al-'isyq)* dan kemahuan sama ada dalam kebaikan ataupun kejahatan, kemahuan diri dan kecenderungannya kepada apa yang mengasyikkannya.[2] Ia juga bermakna kasih sayang dan kecenderungan diri kepada syahwat. Dikatakan seperti itu bagi jiwa atau diri yang cenderung kepada syahwat[3] sebagaimana Allah menyatakan, "وَلَا تَتَّبِعِ الْهَوَى" (Dan janganlah engkau mengikuti hawa [kecenderungan diri kepada syahwat]).

Oleh itu, seseorang yang disebut meng ikut hawanya bererti mengikut keaiban atau kehinaannya. Seseorang *ahl al-ahwā'* dikatakan sebagai orang yang sesat daripada jalan yang patut diteladani atau ia termasuk ahli bidaah.[4] Dan orang seperti itu dicela Allah, "أَرَأَيْتَ مَنِ اتَّخَذَ إِلَٰهَهُ هَوَاهُ".[5]

Lafaz *ahwā'* disebut sebanyak 17 kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 20, 145; *al-Mā'idah* (5), ayat 48, 49, 77; *al-An'ām* (6), ayat 56, 119, 150; *al-Ra'd* (13), ayat 37; *al-Mukminūn* (23), ayat 71; *al -Qasas* (28), ayat 50; *al-Rūm* (30), ayat 29; *al -Syūrā* (42), ayat 15; *al-Jāthiyah* (45), ayat 18; *Muhammad* (47), ayat 14, 16; *al-Qamar* (54), ayat 3.

Al-Qurtubī mengatakan lafaz *ahwā'*, bentuk jamak daripada *al-hawā*, apabila disandarkan kepada individu yang beragama membawa maksud nafsu atau syahwatnya.[6] Oleh itu, beliau mentafsirkan *al-hawā* dalam surah *Muhammad*, ayat 14 dengan *"isytahā"* (kemahuan mereka atau hawa nafsu).[7] Al-Fayrūz Ābādī berkata, penggunaan lafaz jamak *ahwā'* di dalam al-Quran bertujuan mengingatkan setiap individu memiliki kemahuan yang berbeza dengan kemahuan yang lain. Namun, kemahuan setiap individu itu tidak ada penghujungnya. Apabila nabi mengikuti kemahuan mereka, natijahnya adalah kesesatan dan keraguan.[8]

Kesimpulannya, *al-ahwā'* bermaksud **kemahuan** dan **hawa nafsu** yang membawa kepada kesesatan.

AḤYĀ' (أَحْيَاءٌ)

Lafaz ini berbentuk jamak, *mufrad*nya adalah *al-ḥayy* yang bererti "yang hidup," lawan yang mati.[9] Ia juga bermakna "setiap yang bercakap." Apabila ia disandarkan kepada tumbuh-tumbuhan seperti *al-ḥayy min al -nabāt* membawa erti "yang segar lagi basah

1 H.A.R. Gibb *et. al* (ed.) (1960), *op. cit.*, h. 257.

2 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 879.

3 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 359.

4 Ma'lūf (1975), *op. cit.*

5 Maksudnya, "Bagaimana fikiranmu (wahai Muhammad) terhadap orang yang menjadikan hawa nafsunya tuhan yang dipatuhinya." (Surah *al-Jāthiyah*, ayat 23).

6 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 1, h. 101. Beliau berkata, "Sebab turunnya ayat ini ialah mereka (orang-orang kafir) memohon perdamaian dan gencatan senjata serta berjanji kepada Rasulullah mereka memeluk Islam, maka Allah mengkhabarkan mereka tidak sekali-kali reda berkenaan hal itu sehingga mengikuti agama mereka dan Allah menyuruhnya memerangi mereka.

7 *Ibid*, j. 16, h. 227.

8 Ābādī (1986), *loc. cit.*

9 Ibn Manzur (1968), *op. cit.*, j. 14, h. 212.

dan bergerak."[1] Ungkapan "لَا يَعْرِفُ الْحَيَّ مِنَ اللَّيِّ" bermaksud "dia adalah orang yang bodoh," iaitu kiasan kepada orang yang tidak tahu yang hak (benar) dan yang batil.[2]

Al-ḥayāh bererti "kehidupan," iaitu ungkapan tentang kekuatan yang bercampur mengisyaratkan perasaan dan gerakan. Apabila disandarkan kepada Allah bermaksud *al-baqā'* iaitu berkekalan.[3] Al-Fayrūz Ābādī mengatakan, *al-hayāh* (kehidupan) digunakan pada beberapa keadaan dan perkara iaitu:

- Bagi kekuatan yang terdapat dalam tumbuh-tumbuhan dan haiwan.[4]
- Bagi kekuatan yang sensitif dan kerananya binatang dinamakan haiwan. Allah menyatakan, "إِنَّ الَّذِيْ أَحْيَاهَا" adalah isyarat kepada adanya kekuatan yang tumbuh *(al-quwwah al-nāmiyah)*, dan Allah menyatakan, "لَمُحْيِ الْمَوْتِ" adalah isyarat kepada adanya kekuatan sensitif *(al-quwwah al-hassāsah)*.
- Bagi kekuatan yang berilmu dan berakal.[5]
- Ungkapan berkenaan dengan meng hapuskan kesamaran. Dalam hal ini, penyair 'Udai b. al-Ra'la' berkata, "Bukanlah orang yang mati itu akan berehat dengan kematiannya, tetapi kematian adalah kehidupan bagi yang mati.[6]
- Kehidupan akhirat yang kekal sebagaimana Allah menyatakan,

  يَالَيْتَنِي قَدَّمْتُ لِحَيَاتِي

  (Alangkah baiknya sekiranya aku dahulu beramal untuk kehidupanku ini),[7] bererti kehidupan akhirat yang kekal.
- Kehidupan yang bermaksud sifat bagi Allah yang bererti dia tidak akan mati dan hal itu tidak berlaku kecuali hanya Allah sahaja.

Lafaz *ahyā'* disebut lima kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 154; *Āli 'Imrān* (3), ayat 169; *al-Nahl* (16), ayat 21; *Fatir* (35), ayat 22; *al-Mursalāt* (77), ayat 26.

Menurut Ibn Kathīr, pengertian ayat 154 dalam surah *al-Baqarah* adalah Allah mengkhabarkan, para syuhada di alam barzakh tetap hidup dan diberi kurnia.[8] Al-Qurtubī berkata tentang pentafsiran ayat 169 dalam surah *Āli 'Imrān*, para syuhada tetap hidup di dalam syurga sebagai kurniaan. Jasad mereka mati, namun hati mereka hidup sepertimana roh-roh Mukmin. Mereka diberi rezeki di dalam syurga semenjak mereka syahid sehingga seakan-akan kehidupan dunia kekal buat mereka.[9]

1 *Ibid.*

2 *Ibid.*

3 Al-Kafawi (1992), *op. cit.*, h. 407

4 Sepertimana Allah menyatakan, "وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ". Ertinya, "Dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup." (Surah *al-Anbiyāk*, ayat 30).

5 Sepertimana Allah menyatakan, "أَوَمَنْ كَانَ مَيْتًا فَأَحْيَيْنَاهُ". Maksudnya, "Dan adakah orang mati (hatinya dengan kufur), kemudian Kami hidupkan dia semula (dengan hidayah dan petunjuk)". (Surah *al-An'ām*, ayat 122).

6 Sepertimana Allah menyatakan,
لَا تَحْسَبَنَّ الَّذِيْنَ قُتِلُوْا فِيْ سَبِيْلِ اللهِ أَمْوَاتًا بَلْ أَحْيَاءٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُوْنَ
maksudnya, "Dan janganlah sekali-kali engkau menyangka orang yang terbunuh (yang gugur syahid pada jalan Allah itu mati, (mereka tidak mati) bahkan mereka adalah hidup (secara istimewa) di sisi tuhan mereka dengan mendapat rezeki, mereka juga bersuka ria." (Surah *Āli 'Imrān*, ayat 169-170).

7 Surah *Al-Fajr*, ayat 24.

8 Ibn Kathir (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 172.

9 Al-Qurtubi (1996), *op. cit.*, j. 4, h. 279-280. Al-Qurtubī membentangkan sebab turun ayat ini. Diriwayatkan oleh Wāqi' daripada Sālim b. al-Aftas, daripada Sa'īd b. Jubayr, beliau berkata: "Ketika Hamzah bin 'Abd al-Muttalib dan Mus'ab bin 'Umayr gugur sebagai syahid dan mereka melihat bahawa mereka mendapat kurnia dari kebaikan, lalu mereka berkata: "Alangkah baiknya jika saudara-saudara kita mengetahui bahawa kita mendapat kebaikan supaya mereka bersungguh-sungguh dalam berjihad," Maka Allah berkata: "Aku akan sampaikan kepada mereka berkenaan dengan kamu," maka turunlah ayat ini. Al-Wahidī

Dalam surah *al-Nahl*, lafaz *aḥya'* digabungkan dengan kata *ghair* untuk menerangkan sifat berhala yang membawa maksud yang tidak hidup atau mati. Jadi mengapa (kamu) menyembah berhala yang mati, padahal kamu lebih mulia daripadanya kerana ada kehidupan pada diri kamu.[1]

Berkenaan ayat dalam surah *Fatir*, al-Tha'labi berkata, *al-ḥayy* adalah Muslim dan *al-mayyit* adalah orang kafir."[2] Al-Zujjāj berpendapat, *al-aḥya'* ialah Mukmin dan *al-amwāt* adalah orang kafir. Dalilnya adalah sebagaimana Allah menyatakan pada surah *al-Nahl*.[3]

Lafaz *aḥyā'* dalam al-Quran mengandungi dua maksud. **Pertama**, ia bermaksud yang hidup, sepertimana pada surah *al-Nahl* dan *al-Mursalāt*. **Kedua**, ia bermaksud kiasan bagi para syuhada dan lain-lain sepertimana dalam surah *al-Baqarah*, *Āli 'Imrān* dan *Fatir*.

AL-AHZĀB (الأَحْزَابُ)

Lafaz ini adalah kata nama. *Al-aḥzāb* adalah nama bagi salah satu surah di dalam al-Quran[4]. Kalimah ini juga tergolong dalam lafaz jamak di mana lafaz *mufrad*nya adalah *ḥizb* yang bermakna berpihak-pihak[5] atau berpuak-puak.

Kalimah ini disebut sebanyak 11 kali di dalam al-Quran iaitu dalam ayat 36 surah *al-Ra'd*; ayat 37 surah *Maryam*; ayat 17 surah *Hūd*; ayat 20 dan 22 surah *al-Ahzab*; ayat 5 dan 30 surah *al-Mukminūn*; ayat 11 dan 13 surah Sad dan ayat 65 surah *al-Zukhruf*.

Fakhr al-Dīn al-Rāzī menjelaskan, menurut Hasan dan Qatādah, *al-aḥzāb* dalam ayat 36 surah *al-Ra'd* bermaksud golongan-golongan Yahudi, Nasrani dan orang kafir. Kalimah ini juga dinisbahkan kepada nama satu peperangan yang dilakukan oleh kaum Muslimin di bawah pimpinan Nabi Muhammad pada bulan Syawal tahun ke- 5 Hijrah. Pada tahun ini, kaum Muslimin melawan tentera *Aḥzāb* (golongan-golongan yang bersekutu dan jumlah mereka mencapai 10 000 orang) yang menyerbu kota Madinah. Tentera Islam dalam usaha mempertahankan kota Madinah di bawah pimpinan Nabi Muhammad membuat parit-parit yang dalam dan lebar di sebelah utara kota Madinah. Oleh kerana itu, peperangan ini juga disebut sebagai Perang Khandak (parit).

Bahagian kota yang lain dijaga dengan ketat sehingga serangan tentera *Aḥzāb* dapat digagalkan. Lebih 20 hari kota Madinah dikepung tentera sehingga kaum Muslimin kekurangan bahan makanan dan pada saat itu, golongan Yahudi Banī Qurayzah mengkhianati tentera Islam. Dalam suasana gawat itu, Allah menurunkan hujan lebat dengan angin yang kencang dan memporak-perandakan tentera *Aḥzāb*. Mereka kembali tanpa membawa hasil apa-apa dalam Perang Aḥzāb ini. Enam orang gugur sebagai syuhada, antaranya Sa'ad bin Mu'ādh. Apabila peperangan tamat, dua tokoh Quraisy memeluk Islam iaitu Amru bin al-'Ash dan Khālid bin al-Walīd. Peperangan ini adalah peperangan

menukilkan daripada Abū al-Duha, beliau berkata, ayat ini diturunkan berkenaan para syuhadā' khususnya. Manakala para mufassir berpendapat ayat ini diturunkan kepada para syuhadā' di Bi'r Ma'ūnah. Al-Wahidī (1998), op. cit., h. 110. Al-Qurtubī berkata, "Kesimpulannya, sebab turun ayat ini boleh mengandungi kesemuanya."

1 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 122.

2 Ibn Manzur (1968), *op. cit.*, j. 14, h. 212.

3 *Ibid.*

4 'Āyid *et. al* (t.t), *op.cit.*, h. 312.

5 Al-Marbawī (1350H), *op.cit.*, h. 130.

terakhir antara kaum Muslimin dengan kafir Quraisy. *Aḥzāb* adalah golongan yang menentang hukum Allah dengan terang-terangan[1].

Kesimpulan yang dapat dibuat bagi lafaz *al-Aḥzāb* ini adalah puak-puak atau golongan-golongan yang mengingkari perintah Allah. Lebih khusus lagi, golongan al-Aḥzāb ini menentang kaum Muslimin dalam Perang Khandak atau Perang Aḥzāb.

AJAL (أَجَلٌ)

Ajal bermakna akhir tempoh pada kematian[2] atau saat kematian,[3] batas waktu membayar hutang atau tempoh sesuatu.[4] Menurut Ibn Fāris, *ajal* bermakna batas waktu membayar hutang dan yang lainnya, perkataan *ajal* bagi jawapan adalah termasuk pada bab ini, seakan-akan dia mahu sesuatu itu berakhir dan tiba masanya atau sampai tujuannya.[5] Bentuk jamak *ajal* adalah *ājāl*. Manakala *al-ʿājil* (الآجِلُ) atau *al-ʿājilah* (الآجِلَةُ) bermakna "yang ditangguhkan atau ditunda." Ia adalah lawan *al-ʿājil* (العَاجِلُ) atau *al-ʿājilah* (العَاجِلَةُ) bermakna yang didahulukan atau dipercepatkan.[6]

Lafaz *ajal* disebut sebanyak 51 kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 231, 232, 234, 235, 282, 282; *al-Nisāk* (4), ayat 77, *al-Anʿām* (6), ayat 2, 2, 60, 128; *al-Aʿrāf* (7), ayat 34, 34, 135, 185; *Yūnus* (10), ayat 11, 49, 49; *Hūd* (11), ayat 3, 104, *al-Raʿd* (13), ayat 2, 38, *Ibrāhīm* (14), ayat 10, 44; *al-Hijr* (15), ayat 5; *al-Nahl* (16), ayat 61, 61; *al-Isrāk* (17), ayat 99; *Tahā* (29), ayat 129, *al-Hajj* (22), ayat 5, 33; *al-Mukminūn* (23), ayat 43, *al-Qasas* (28), ayat 29, *al-ʿAnkabūt* (29), ayat 5, 53; *al-Rūm* (30), ayat 8; *Luqmān* (31), ayat 29; *Fatir* (35), ayat 13, 45, 45; *al-Zumar* (39), ayat 5, 42; *Ghāfir* (40), ayat 67; *al-Syūrā* (42), ayat 14; *al-Ahqāf* (46), ayat 3; *al-Munāfiqūn* (63), ayat 10, 11; *al-Talaq* (65), ayat 2, 4; *Nuh* (71), ayat 4. Dalam kitab-kitab tafsir, *ajal* mengandungi beberapa pengertian.

Pertama, ia bermaksud tempoh hidup dan matinya seseorang ditetapkan oleh Allah di *"Lauh Mahfuz."* Menurut para ulama, manusia mempunyai dua ajal. Pertama, ajal dari masa dilahirkan ke dunia hingga dimatikan. Kedua, ajal dari masa dimatikan hingga dibangkitkan dari kubur pada hari *Baʿth* (kebangkitan), iaitu di alam barzakh. Ada pula yang mengatakan, dua ajal itu adalah ajal di dunia dan ajal di akhirat.[7]

Kedua, ia bermaksud tempoh *ʿiddah* perempuan, sebagaimana dalam surah *al-Baqarah*, ayat 231, 234, 235.[8]

Ketiga, ia bermaksud tempoh atau masa tibanya membayar hutang.[9]

Keempat, ia bermaksud berakhirnya tempoh atau masa di mana seseorang itu mengotakan janjinya, sebagaimana tentang kisah Nabi Mūsā yang berkhidmat kepada Syu'aib 10 tahun atau lebih,[10] bagi berkahwin

1 Shodiqi H.Shalahuddin Chaery (1983), *op. cit.*, h. 16-17.

2 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 3, h. 327.

3 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 4.

4 Ābādī (1986), *loc. cit.*

5 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 1, h. 64.

6 Ābādī (1986), *loc. cit*, Ma'lūf (1975), *loc. cit.*

7 Ahmad Sonhadji Mohammad (1997), *op. cit.*, j. 7, h. 90.

8 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 89.

9 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*, j. 1, h. 178.

10 Direkodkan oleh Ibn 'Abbās, Rasulullah berkata, "Aku bertanya kepada Jibrail, "Tempoh yang mana satu yang ditunaikan oleh Nabi Mūsā? Dia berkata, "Yang lebih sempurna dan lengkap." Ibn Nājih mengutip daripada Mujāhid yang berpendapat Mūsā menunaikan tempoh itu selama 10 tahun dan selepasnya 10 tahun lagi. Ibn Kathīr

dengan anaknya yang terdapat dalam surah *al-Qasas,* ayat 27.[1]

Kesimpulannya, maksud umum lafaz *ajal* ialah **batas tempoh** atau **masa** sesuatu perkara sama ada batas kematian, hutang, janji dan lain-lain.

AJDĀTH (أَجْدَاثٌ)

Ajdāth adalah jamak daripada perkataan *al-jadath* (الْجَدَثُ) yang bermakna *al-qabr* (kubur).[2] Dalam hadis, "نُبَوِّئَهُمْ أَجْدَاثَهُمْ" ertinya, "kami turunkan mereka ke dalam kubur-kubur mereka."[3] Sedangkan makna *al-jadathah* (الْجَدَثَةُ) ialah bunyi tapak kaki kuda atau kasut atau kunyahan daging.[4] *Ajduth* (أَجْدُثٌ) adalah bentuk jamak daripada *al-jadath* juga. Ia disebut seperti itu kerana mengisyaratkan nama tempat.[5]

Lafaz *ajdāth* disebut tiga kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Yasīn* (36), ayat 51; *al-Qamar* (54), ayat 7; *al-Ma'ārij* (70), ayat 43. Dalam surah *Yāsīn* diterangkan, ketika sangkakala ditiupkan, mereka yang mati keluar dari kubur-kubur mereka dengan berjalan cepat.[6] Al-Qurtubī berkata, makna *ajdāth* dalam surah *al-Qamar* ialah *al-qubūr* (kubur-kubur).[7] Begitu juga pentafsiran lafaz *ajdāth* dalam surah *al-Ma'ārij*.[8] Ibn Qutaibah mengatakan, makna *ajdāth* ialah *al-qubūr* (kubur-kubur).[9]

Al-Tabarī mentafsirkan lafaz ini sebagai **para penghuni kubur.** Bagi menyebut mereka itu digunakan dua istilah, *ahl al-'āliyah* (penghuni peringkat yang lebih tinggi) dinamakan dengan menggunakan huruf *al-thā'* (ث) pada akhir kalimah itu, iaitu *jadath* (جَدَثٌ). Manakala *ahl al-sāfilah* (penghuni yang lebih rendah) disebut dengan menggunakan huruf *al-fā'* (ف) di akhirnya, iaitu *jadaf* (جَدَفٌ).[10] Ibn 'Abbās dan Qatādah berpendapat, makna *ajdāth* ialah *al-qubūr* (kubur-kubur).[11]

AJR (أَجْرٌ)

Lafaz ini mempunyai dua makna yang berkaitan. Ia bermakna "upah atas sesuatu pekerjaan" dan juga "merawat tulang yang retak." Bagi makna pertama, ia berbentuk *al-ajr* atau *al-ujrah.*

Al-Khalīl berkata, "*Ajr* bermaksud ganjaran atas sesuatu amalan. Daripada kalimah itu dinamakan juga mahar perempuan sebagai *ajr* (jamaknya *ujūr*), seperti yang terdapat dalam ayat Allah (فَآتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ),[12] sedangkan bagi makna merawat tangan yang retak, dikatakan *ujirat yaduh* (tangannya dirawat) atau *ajartu yadah* (aku me-

berkata ia adalah tempoh yang paling lengkap di antara dua tempoh itu. Pendapat ini direkodkan oleh Ibn Abī Hatim dan Ibn Jarīr. Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 361-363.

1 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 393-394.

2 Al-Zāwī (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 454.

3 Ibn Manzur (1968), *op. cit.*, j. 2, h. 128.

4 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 1, h. 163.

5 Ibn Manzur (1968), *op. cit.*

6 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 18.

7 Al-Qurtubi (1996), *op. cit.*, j. 17, h. 127.

8 *Ibid.*, j. 18, h. 284.

9 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 366.

10 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 12, h. 20.

11 *Ibid.*

12 Ertinya, "Maka berikanlah kepada mereka upahnya (maharnya).". (Surah *al-Talāq*, ayat 6).

rawat tangannya).[1]

Lafaz *ajr* disebut sebanyak 84 kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 62, 112, 262, 274, 277; *Āli 'Imrān* (3), ayat 136, 171, 172, 179, 199; *al-Nisāk* (4), ayat 40, 67, 74, 95, 100, 114, 146, 162; *al-Mā'idah* (5), ayat 9; *al-An'ām* (6), ayat 90, *al-A'rāf* (7), ayat 113, 170, *al-Anfāl* (8), ayat 28, *al-Taubah* (9), ayat 22, 120; *Yūnus* (10), ayat 72; *Hūd* (11), ayat 11, 51, 115; *Yūsuf* (13), ayat 56, 57, 90, 104; *al-Nahl* (16), ayat 41, 96, 97; *al-Kahf* (18), ayat 2, 30, 77; *al-Isrāk* (17), ayat 9, *al -Furqān* (25), ayat 57, *al-Syu'arāk* (26), ayat 41, 109, 127, 145, 164, 180; *al-Qasas* (28), ayat 25, 54; *al-'Ankabūt* (29), ayat 27, 58; *al-Ahzāb* (33), ayat 29, 31, 35, 44; *Sabak* (34), ayat 47; *Fatir* (35), ayat 7; *Yāsīn* (36), ayat 11, 21; *Sad* (38), ayat 86, *al-Zumar* (39), ayat 10, 35, 74; *Fussilat* (41), ayat 8; *al-Syura* (42), ayat 23, 40; *al-Fath* (48), ayat 10, 16, 29; *al-Hujurāt* (49), ayat 3; *al-Tur* (52), ayat 40, *al-Hadīd* (57), ayat 7, 11, 18, 19, 27; *al-Taghabun* (64), ayat 15; *al-Talāq* (65), ayat 5; *al-Mulk* (67), ayat 12; *al -Qalam* (68), ayat 3, 46; *al-Muzzammil* (73), ayat 20; *al-Insyiqāq* (84), ayat 25, *al-Tin* (950, ayat 6.

Al-Tabarī mentafsirkan *ajr* dalam surah Sabak dengan *al-ju'l* (الجُعْلُ) atau upah, iaitu "Sesungguhnya aku tidak meminta upah kepada kamu atas ajakan kepada Islam dan menyampaikan risalahnya."[2] Manakala dalam surah Fatir, beliau memberikan makna lafaz *ajr* ialah syurga sebagaimana yang direkodkan daripada Qatādah.[3] Dalam surah Sad, beliau mentafsirkan *ajr* sebagai *thawāb* (ganjaran) dan *jazā'* (balasan).

Dalam surah *al-Qasas*, berkenaan kisah Nabi Mūsā, Ibn Kahtīr memberikan tafsiran lafaz *ajr* iaitu "memberikan ganjaran *(thawāb)* dan hadiah *(mukāfa'ah)* kepadamu atas pertolonganmu dengan memberi minum kepada kambing-kambing kami."[4] Sepertimana pentafsirannya dalam surah *al-A'rāf*, ayat 113, beliau mentafsirkan *ajr* dengan *al-thawāb* iaitu ganjaran dan hadiah atau *al-'ata'* yang dijanjikan oleh Firaun apabila para ahli sihir dapat mengalahkan Mūsā dengan melantik mereka sebagai pembesar-pembesarnya dan pembesar orang Mesir.[5]

Majoriti penggunaan lafaz *ajr* di dalam al-Quran adalah ganjaran atau balasan bagi orang yang beramal soleh, bertakwa, berbuat kebaikan dan lain-lain, berupa nikmat syurga di akhirat dan sebagainya. Malah, hampir keseluruhannya membawa maksud ini kecuali beberapa ayat sepertimana yang dibentangkan di atas. Maka, maksud umum lafaz *ajr* ialah ganjaran balasan kebaikan dan bukan kejahatan, sedangkan makna khususnya ialah upah seperti dalam surah *al-Qasas* dan *al-A'rāf* dalam ayat 113 di atas dan lain-lain.

AJSĀM (أَجْسَامٌ)

Lafaz ini berbentuk jamak dan *mufrad*nya adalah *al-jism* (الْجِسْمُ) yang bererti *al-badan* atau anggota tubuh[6] iaitu badan yang ada padanya ukuran panjang, lebar atau dalam.[7] Sedangkan *al-jusum* bererti perkara yang besar.[8] Al-Asma'ī berkata, "*Al-jism* atau *al*

1 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 1, h. 62-63.

2 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 12, h. 127.

3 *Ibid*, h. 141. Beliau melaporkan daripada Basyr, dari Yāzid, dari Sa'īd, dari Qatādah.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 361.

5 *Ibid.*, j. 1, h. 220.

6 Al-Zāwī (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 492-493.

7 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 92.

8 *Ibid.*

-jisman adalah *al-jasad* (jasad) dan *al-jithmān* adalah *al-syakhs* (seseorang atau individu).[1]

Lafaz *ajsām* disebut sekali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Munafiqūn* (63), ayat 4. Lafaz *ajsām* di sini bermaksud anggota tubuh orang munafik di mana engkau wahai (Muhammad) terkejut melihat rupa dan keelokan mereka kerana keindahan, kebagusan dan besarnya tubuh mereka.[2]

Al-Tabarī merekodkan daripada Yūnus, daripada Ibn Wahhāb, daripada Ibn Zaid, maksud perkataan *ajsām* ialah orang munafik yang memiliki keseimbangan dalam rupa dan bentuk tubuh mereka.[3] Al-Qurtubi berkata makna *ajsām* ialah rupa dan bentuk badan mereka. Sedangkan menurut al-Kalbī, orang yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah Abdullāh bin Ubai, Jadd bin Qays dan Mu'attib bin Qusyayr, di mana mereka memiliki tubuh yang besar, rupa yang elok serta fasih dalam percakapan,[4] dan ini juga pendapat al-Syawkānī dalam tafsirnya.[5]

Kesimpulannya, maksud *ajsām* adalah **rupa**, **paras** dan **bentuk anggota tubuh**.

AKHAWĀT (أَخَوَاتٌ)

Lafaz *akhawāt* berbentuk jamak, *mufrad*nya adalah *al-ukht* (الأُخْتُ), *mu'annath* bagi lafaz *al-akh* (الأَخُ) yang bermakna sahabat perempuan, teman perempuan[6] atau saudara perempuan.[7]

Lafaz *akhawāt* disebut lima kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 23, 23; *al-Nūr* (24), ayat 31, 61, *al-Ahzāb* (33), ayat 55. Dalam *Tafsir 'Abra al-Athīr*, lafaz *akhawāt* dalam surah *al-Nūr* dikaitkan dengan "banī" yang bererti "anak-anak saudara perempuan" di mana mereka adalah salah satu daripada 12 orang yang boleh mendedahkan perhiasan di depan mereka.[8] Sebagaimana juga dalam surah *al-Ahzāb,* mereka dibolehkan meninggalkan dan menanggalkan hijab -hijab mereka (membuka aurat) di depan muhrim daripada kaum lelaki.[9]

Manakala dalam surah *al-Nisāk*, *akhawāt* bererti saudara perempuan yang termasuk daripada golongan yang diharamkan berkahwin dengan mereka berdasarkan nasab dan daripada golongan yang diharamkan berkahwin berdasarkan satu susuan, iaitu *akhawāt min al-raḍa'ah* yang bererti saudara perempuan daripada satu susuan.[10] Jadi, lafaz *akhawāt* membawa maksud saudara perempuan.

AKHDĀN (أَخْدَانٌ)

Lafaz ini berbentuk jamak, *mufrad*nya adalah *al-khidn* dan *al-khadīn* yang bermakna sahabat atau kawan.[11] Ia juga bermakna sesiapa

1 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 104.

2 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 385.

3 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 14, h. 137.

4 Al-Qurtubi (1996), *op. cit.*, j. 18, h. 121.

5 Al-Syawkani (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 287.

6 Al-Zawi (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 121.

7 Ma'luf (1973), *op. cit.*, h. 5.

8 Ahmad Sonhadji Mohammad (1997), *op. cit.*, j. 18, h. 177.

9 Al-Sabuni (1981), *op. cit.* j. 2, h. 536. Al-Qurtubi berkata, "Ketika turun ayat hijab berkatalah para bapa, anak dan saudara mara kepada Rasulullah, "Adakah kami juga bercakap-cakap dengan mereka dari belakang tabir? Maka turunlah ayat ini." Al-Qurtubi (1996), op. cit., j. 14, h. 221.

10 Al-Syawkani (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 560.

11 Ibn Manzur (1968), *op. cit.*, j. 13, h. 139.

yang menjadikan kamu teman atau sahabat sehingga ia bersamamu pada setiap perkara sama ada zahir mahupun batin. Lafaz ini digunakan bagi *mudhakkar* dan *mu'annath*.[1]

Khidn al-jāriyah bermakna menjadikan hamba sahaya teman bercakap. Pada masa jahiliah, mereka tidak melarang menjadikan hamba sahaya sebagai sahabat atau teman bercakap dan lain-lain. Kemudian Islam datang dan menghapuskannya.[2]

Lafaz *akhdān* disebut dua kali dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 25 dan surah *al-Mā'idah* (5), ayat 5. Ibn Kahtir memberikan maksud *akhdān* dengan *akhillā'*, iaitu sahabat-sahabat karib, sebagaimana yang direkodkan daripada Abu Hurairah, Mujahid, al-Sya'bi, al-Dahhak, 'Ata' al-Khurasani, Yahya bin Abi Kathīr, Muqātil bin Hayyān dan al-Suddī, mereka berpendapat *akhdān* bermakna *akhillā'*, iaitu sahabat-sahabat karib.[3] Sedangkan pendapat al-Hasan al-Basri, *akhdān* ialah *al-sadīq*, iaitu teman.[4]

Muhammad Rasyīd Rida menyatakan, zina pada masa jahiliah terbahagi kepada dua maksud. **Pertama**, ia dilakukan secara sembunyi dan khusus. Zina tersembunyi dan khusus adalah di mana ada teman bagi seorang perempuan berzina dengannya secara sembunyi-sembunyi dan dia tidak menyerahkan dirinya kepada setiap individu. Maksud kedua adalah zina umum dan terang-terangan iaitu pelacur yang menjual tubuhnya bagi setiap lelaki, sebagaimana yang diterangkan oleh Ibn 'Abbās[5] iaitu perempuan-perempuan jalang atau pelacur.[6] Oleh itu, Sa'īd Hawwā mentafsirkan ayat *muttakhidhī akhdān* (مُتَّخِذِيٓ أَخْدَان) dengan penzina-penzina secara tersembunyi.

Kesimpulannya, makna lafaz *akhdān* ialah **sahabat** atau **teman bagi wanita-wanita atau penzina-penzina.**

AKHSARŪN (أَخْسَرُوْنَ)

Lafaz ini berbentuk jamak, menurut al-Akhfasy *mufrad*nya adalah *al-akhsar* sama seperti *al-akbar*.[7] Ia berasal daripada *khasira* (خَسِرَ), atau *khusrān* (خُسْرَانٌ) yang bererti kurang, tidak bermanfaat[8] sebagaimana makna *karrah khāsirah* (كَرَّةٌ خَاسِرَةٌ)[9] yang bererti rugi, sesat dan musnah.[10]

Lafaz *akhsarūn* disebut empat kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Hūd* (11), ayat 22; *al-Kahfi* (18), ayat 103; *al-Anbiyāk* (21), ayat 70 dan *al-Naml* (27), ayat 5.

Al-Zamakhsari ketika mentafsirkan ayat dalam surah *Hūd*, beliau berkata, "Tidak ada yang lebih jelas dan terang *khusrān*nya (kerugian dan kehancuran) daripada mereka."[11] Dan dalam surah *al-Naml*, beliau berkata,

1 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 171.

2 Ibn Manzur (1968), *op. cit.*

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 420-421.

4 *Ibid.*

5 Direkodkan daripada Ibn 'Abbās, masyarakat jahiliah mengharamkan zina secara terang-terangan kerana ia adalah perbuatan yang keji, tetapi mereka menghalalkan zina yang sembunyi-sembunyi dan menganggap ia tidak mengapa. Bagi mengharamkan kedua-duanya turun ayat, "وَلَا تَقْرَبُوا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ". Ertinya, "Dan janganlah kamu hampiri perbuatan keji (zina) yang terang daripadanya dan yang tersembunyi." (Surah *al-An'ām*, ayat 151). Rida (t.t.), *op. cit.*, j. 5, h. 22-23.

6 *Ibid.*

7 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, 174

8 Al-Zawi (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 54.

9 *Ibid.*

10 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 178.

11 Al-Zamakhsarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 372.

"Mereka adalah manusia yang paling *khusrān* (rugi), kerana sekiranya mereka beriman pasti mereka termasuk golongan syuhada atas seluruh umat. Maka mereka dalam kerugian, iaitu rugi dari sudut pertolongan dan ganjaran Allah."[1]

Al-Tabari berkata, "*Akhsarūn* adalah mereka yang menjual rumah mereka di syurga iaitu tempat tinggal ahli syurga dan menggantikannya dengan api neraka."[2] Ibn Kathir mentafsirkan *akhsarūn* dalam surah *al-Kahfi* dengan ayat berikutnya:

الَّذِينَ ضَلَّ سَعْيُهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا

Iaitu mereka yang melakukan amalan -amalan yang ditolak dan tidak berjalan mengikuti syariat yang disyariatkan.[3] Dalam mentafsirkan surah *al-Anbiyāk* beliau berkata, "*Akhsarūn* adalah mereka yang kalah atau musnah dan hina kerana mereka mahu memperdayakan Nabi Ibrahim. Oleh itu, Allah membalas tipu daya mereka dan menyelamatkannya daripada api."[4]

Manakala dalam surah *al-Naml*, yang dimaksudkan dengan *akhsarūn* ialah yang rugi diri dan harta mereka daripada ahli mahsyar.[5] Mus'ab bin Sa'ad berkata: "Makna *akhsarūna a'mālā* (أَخْسَرُونَ أَعْمَالًا) adalah orang-orang yang rugi daripada golongan Yahudi dan Nasrani. Adapun Yahudi, mereka rugi kerana mendustakan Muhammad, sedangkan Nasrani rugi kerana mereka mengingkari syurga. Mereka berkata, "Di dalamnya tidak ada makanan dan minuman."[6]

Direkodkan oleh al-Mundhir, Ibn Abi Hatim daripada Abī Humaysah 'Abdullah bin Qays, beliau berkata, "Aku mendengar 'Alī bin Abī Talib berkata, "Mereka yang tergolong dalam orang yang rugi dalam ayat ini "قُلْ هَلْ نُنَبِّئُكُمْ بِالْأَخْسَرِينَ أَعْمَالًا" sesungguhnya mereka adalah rahib-rahib yang mengurung diri di sebalik dinding-dinding, dalam bilik-bilik[7] atau mereka adalah orang *fajir* (jahat) daripada kalangan suku Quraisy[8] atau kelompok Khawarij.[9]

Kesimpulannya, lafaz *akhsarūn* mengandungi dua maksud. Pertama, orang yang rugi di akhirat di kalangan orang yang berbuat amalan yang tidak berlandaskan kepada syariat Islam. Kedua, ia bermaksud kalah dan hina sebagaimana pengertiannya yang terdapat pada surah *al-Anbiyāk*.

AKMAH (أَكْمَهُ)

Lafaz ini berasal daripada kata kerja *kamiha* (كَمِهَ) dan *al-kamah* ertinya yang buta[10] atau

1 *Ibid.*, j. 3, h. 337

2 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 7, h. 32

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, 101

4 *Ibid.*, h.175, 'Atiyyah al-'Awfī berkata, "Ketika Ibrāhīm dilempar oleh kaumnya ke dalam api datanglah raja mereka bagi melihatnya, namun percikan api itu terbang dan jatuh ke ibu jari raja itu, lalu membakarnya seperti bulu domba terbakar. Ibn Kathir (1998), *loc. cit.*

5 *Ibid.*, h. 334.

6 Al-Syawkani (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 392, direkodkan oleh Abd al-Razzaq, al-Bukhari, al-Nasa'i, Ibn Jarir, Ibn al-Mundhir, Ibn Abi Hatim, al-Hakim dan Ibn Mardawayh, melalui sanad Mus'ab bin Sa'ad daripada ayahnya, ketika beliau bertanya kepada ayahnya tentang makna ayat di atas, "Adakah mereka orang yang merdeka dan para bangsawan?" Beliau berkata: "Tidak, mereka ialah orang Yahudi dan Nasrani, adapun orang Yahudi mereka mendustakan Muhammad), manakala orang Nasrani mereka ingkar dengan syurga."

7 *Ibid.*

8 *Ibid.*, direkodkan oleh Ibn Mardawayh daripada Abi al-Tufayl, ia berkata, "Aku mendengar 'Ali b. Abi Talib ditanya oleh Ibn al-Kawwa berkenaan ayat di atas, lalu beliau berkata, mereka ialah orang fajir dari kalangan Quraisy." *Ibid.*

9 *Ibid.*, direkodkan oleh 'Abd al-Razzaq, al-Faryabi, Ibn al-Mundhir, Ibn Abi Hatim dan Ibn Mardawayh daripada 'Ali, yang mana beliau ditanya tentang ayat ini, beliau berkata, "Aku menduga golongan Khawarij termasuk daripada mereka."

10 Ma'luf (1975), *op. cit.*, h. 699.

ia orang yang dalam kebingungan sehingga tidak tahu ke mana akan dituju dan pergi.[1] Jamaknya adalah *al-kumh*.[2]

Lafaz ini disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 49 dan *al -Mā'idah* (5), ayat 110. Ibn Qutaibah berkata, "*Al-akmah* maksudnya orang yang dilahirkan dalam keadaan buta."[3] Al-Tabarī[4] berkata, "Sesetengah ulama berkata, *al-akmah* ertinya orang yang tidak dapat melihat pada malam hari dan dapat melihat pada waktu siang." Pendapat ini direkodkan daripada Mujahid,[5] 'Ikrimah[6] dan yang lainnya. Qatadah[7] berkata, "Ia bermaksud yang dilahirkan dalam keadaan buta yang mencakupi kedua-dua matanya, sebagaimana yang direkodkan al-Dahhak daripada Ibn 'Abbās.[8]

Al-Tabarī berkata, "Allah menceritakan tentang 'Īsā yang diberitakan kepada Banī Israel sebagai hujah dan dalil pengajaran ke atas mereka. Kedua-dua penyakit iaitu *al-akmah* dan *al-abraṣ* adalah penyakit yang tidak dapat disembuhkan oleh mana-mana doktor. Tetapi dengan izin Allah, beliau dapat menyembuhkan kedua-dua penyakit itu dan ia adalah tanda kebenaran apa yang dikatakan dan ia adalah mukjizat yang membuktikan kenabiannya.

Adapun, Ikrimah melaporkan ia ber maksud *al-a'masy*[9] dan Mujahid merekodkan maksudnya yang rosak penglihatannya pada waktu malam. Bukanlah maksud sebenar lafaz ini, kerana mereka dapat menyangkalnya dengan mengatakan antara kami ada yang dapat menyembuhkannya."[10]

Kesimpulan maksud *akmah* ialah **orang yang dilahirkan dalam keadaan buta.**

AKWĀB (أَكْوَابٌ)

Lafaz ini berbentuk jamak, *mufrad*nya adalah *al-kūb* (الْكُوْبُ) yang bererti *al-kūz* (الْكُوْزُ) yang tidak bertampuk dan bercerat.[11] *Al-kūz* ialah *inā'* (teko atau cerek) seperti *ibrīq*, tetapi ia lebih kecil daripadanya.[12]

Al-Baghawi berpendapat, ia adalah sejenis cerek yang mulutnya bulat, tidak mempunyai telinga dan pemegang.[13] Sedangkan al-Farra' berkata *al-kūb* adalah cerek yang bulat kepalanya dan tiada pemegang.[14] Menurut *Kamus al-Munjid, al-kūb* adalah *qadh* (قَدَحٌ)[15] dan ia bermakna cebok[16] atau mangkuk.[17]

Lafaz *akwāb* disebut empat kali dalam al -Quran iaitu pada surah *al-Zukhruf* (43), ayat 71; *al-Wāqi'ah* (56), ayat 18; *al-Insān* (76), ayat 15; dan *al-Ghāsyiyah* (88), ayat 14.

Ibn 'Abbas berkata, "*Akwāb* ialah be-

1 Anīs *et al.* (1962.), *op. cit.*, j. 2. h. 799.

2 Ma'luf (1975), *loc. cit.*

3 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 105.

4 Al-Tabari (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 376.

5 *Ibid.*, athar no. 5580.

6 *Ibid.*, athar no. 5587.

7 *Ibid.*, athar no. 5581, h. 377.

8 *Ibid.*, athar no. 5582.

9 Ertinya yang tidak dapat melihat pada waktu malam dan dapat melihat pada waktu siang.

10 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, h. 378.

11 Al-Zāwī (t.t.), *op. cit.*, j. 4, h. 95.

12 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 703.

13 Abū al-Husayn bin Mas'ūd al-Farrā' al-Baghawī (1993), *Ma'ālim al-Tanzīl*, j. 4. Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 256.

14 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, j. 27, h. 225.

15 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 702.

16 Cebok ialah pencedok air. Lihat Noresah bt. Baharom, *et al.* (eds.) (2002), *op. cit.*, h. 216.

17 Al-Marbawī (1350H), *op. cit.*, h. 116.

jana daripada perak."[1] Menurut Mujahid, *akwāb* ialah *āniyah* (cerek), teko atau bejana yang bulat mulutnya[2] dan tidak bertampuk.[3] Al-Hasan berpendapat, *akwāb* ialah bejana atau teko daripada perak yang bulat mulutnya digunakan bagi menuang air.[4]

Menurut Qatādah, *al-kūb* (sejenis cebok) bulat dan mempunyai leher yang pendek dan pemegang yang pendek,[5] digunakan bagi mencedok dengannya, tidak mempunyai muncung dan lebih kecil daripada *ibrīq*.[6] Al-Suddi berpendapat, ia adalah sejenis cerek atau teko yang tiada pemegang.[7] Menurut al-Tabarī, ia adalah sejenis *abārīq* yang luas kepalanya yang tiada muncung.[8] Manakala al-Qurtubī berpendapat, makna yang diberikan Mujāhid dan al-Suddī bersesuaian dengan mazhab ahli bahasa iaitu *akwāb* adalah sejenis cerek atau teko yang tiada pemegang dan muncung.[9]

Kesimpulannya, semua makna yang di kemukakan ulama di atas mungkin benar, iaitu *akwāb* ialah sejenis **cerek, teko** atau **bejana daripada perak** yang kepalanya luas lagi bulat, pendek lehernya, lebih kecil daripada *ibrīq*, tiada muncung dan pemegang.

ĀLĀ' (آلاء)

Lafaz ini adalah jamak daripada *alan* (أَلًا), *ilyun* (إِلْيٌ) dan *ilan* (إِلًا), maknanya ialah nikmat.[10] Al-Kafawī berkata, ia bermakna nikmat yang zahir atau nampak.[11] Menurut al-Baghawī, *mufrad*nya adalah *ilyun* dan *ilan* seperti *mi'an* dan *am'ā*, *wiqfan* dan *aqfā'*. Ayat yang sama erti dengannya adalah "آنَاءَ اللَّيْلِ" yang mana *mufrad*nya adalah *inan* dan *inyun*, ia *(ala')* bermakna nikmat-nikmat Allah,[12] dan ini sesuai dengan pendapat al-Alūsī.[13]

Lafaz *āla'* disebut sebanyak 34 kali di dalam al-Quran, iaitu pada surah *al-A'rāf* (7), ayat 69, 74; *al-Najm* (53), ayat 55; *al-Rahman* (55), ayat 13, 16, 18, 21, 23, 25, 28, 30, 32, 34, 36, 38, 40, 42, 45, 47, 49, 51, 53, 55, 57, 59, 61, 63, 65, 67, 69, 71, 73, 75, 77.

Ālā' adalah tanda kekuasaan dan keesaan Allah yang mana ia mencakupi segala nikmat berupa menolak bala, menunda azab, mengekalkan makhluk kepada saat binasanya, menunda azab kepada orang yang berbuat maksiat, nikmat di atas pentadbiran-Nya ke atas alam ini, mentadbir musim panas dan musim hujan,[14] memberikan berbagai-bagai nikmat yang tidak terhitung seperti menstabilkan udara, perbezaan musim-musim[15] dan sebagainya.

Di dalam *Tafsīr al-Khāzin* dijelaskan, lafaz ini diulang 31 kali dalam surah al-Rahman bagi menegaskan nikmat supaya selalu mengingatinya, memberikan kefahaman dan supaya manusia mengakui nikmat-nikmat ini.[16] Menurut al-Fakhr al-Rāzī, dalam ayat "فَاذْكُرُوا آلَاءَ اللهِ" terdapat dua perkara.

Pertama, dalam ayat ini wujud perkara yang tersembunyi *(iḍmar)*. Perkara itu adalah,

1 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 13, h. 226.
2 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 16, h. 112.
3 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*
4 *Ibid.*
5 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*
6 Al-Tabarī (1995), *loc. cit.*
7 Al-Qurtubī (1996), *loc. cit.*
8 Al-Tabarī (1995), *loc. cit.*
9 Al-Qurtubī (1996), *loc. cit.*
10 Ibn Manzūr (1968), *op. cit.*, j. 14, h. 43.
11 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 912
12 Al-Baghawī (1993), *op. cit.*, j. 2., h. 142.
13 Al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 5, h. 233.
14 Al-Imām Sulaymān b. 'Umar al-'Ujaylī (1996), *Al-Futuhat al-Ilāhiyyah*, j. 7. Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 363-364.
15 Al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 15, h. 161.
16 Al-'Ujaylī (1996), *loc. cit.*

"Ingatlah nikmat-nikmat Allah dan kerjakanlah amalan yang sesuai dengan nikmat-nikmat itu semoga kamu berjaya. Perintah beramal *(al-'amal)* tidak disebutkan dalam ayat ini kerana kesolehan yang membawa kemenangan dan ganjaran tidak tercapai hanya dengan mengingat sahaja, tetapi perlu dengan amalan.

Kedua, Ibn 'Abbās berkata, "آلاءالله" bererti nikmat-nikmat Allah ke atasmu.

Kesimpulannya, maksud *ālā'* ialah segala bentuk **nikmat Allah** ke atas manusia.

ĀLIHAH (آلِهَةٌ)

Lafaz ini adalah dalam bentuk jamak, *mufrad*-nya adalah *al-ilāh* (الإِلَاهُ). Asalnya seperti *wazan* (bentuk kalimah) *fi'al* (فِعَالٌ) dan menjadi *ism maf'ūl* atau bermaksud *ma'lūh* (مَأْلُوهٌ) ertinya "yang dipertuhankan atau disembah."[1] *Al-ilāh* mengandungi makna Allah dan setiap sesuatu yang dijadikan sembahan selainnya, maka ia adalah *ilāh* (tuhan) bagi penyembahnya.[2] *Al-ālihah* juga bermakna *al-asnam* (berhala-berhala) kerana menurut keyakinan mereka ia patut disembah.[3]

Lafaz *ālihah* disebut 34 kali di dalam al-Quran iaitu pada surah *al-An'ām* (6), ayat 19, 74; *al-A'rāf* (7), ayat 127; 138, *Hūd* (11), ayat 53, 54, 101; *al-Isrāk* (17), ayat 42; *al-Kahfi* (18), ayat 15; *Maryam* (19), ayat 46, 81; *al-Anbiyāk* (21), ayat 21, 22, 23, 24, 36, 59, 62, 68, 99; *al-Furqān* (25), ayat 3, 42; *Yāsin* (36), ayat 23, 74; *al-Saffat* (37), ayat 36, 86, 91; *Sad* (38), ayat 5, 6; *al-Zukhruf* (43), ayat 45, 58; *al-Ahqaf* (46), ayat 22, 28; *Nuh* (71), ayat 23.

Dalam *Tafsir al-Khazin*, dalam surah *al-An'ām* dijelaskan makna *ālihah* ialah *al-aṣnām* (berhala-berhala) yang mereka sembah.[4] Dan dalam surah *al-Anbiyāk* ayat 21, beliau memberi makna tuhan-tuhan atau berhala-berhala yang dibuat daripada batu dan anak sapi serta selain daripada kedua-duanya yang diperbuat daripada tembaga yang diambil dari bumi.[5]

Begitu juga yang direkodkan daripada Ibn 'Abbas bermaksud *al-aṣnām* (berhala-berhala atau tuhan-tuhan) yang mereka (orang musyrik) mengatakan ia anak-anak perempuan Allah.[6] Manakala dalam surah *al-Anbiyāk*, ayat 22, beliau memberi maksud tuhan-tuhan atau sembahan-sembahan yang ada di bumi dan di langit.[7] Al-Nasafi mentafsirkan, *ālihah* yang terdapat dalam surah *al-Anbiyāk*, ayat 22, menghidupkan yang mati dan dari bumi adalah sifat bagi *ālihah* kerana *ālihah* dijadikan dari perut bumi seperti emas, perak dan tembaga atau batu serta disembah di bumi.[8]

Kesimpulannya, kata *ālihah* di dalam al-Quran ditujukan kepada berhala-berhala yang disembah.

1 Ābādī (t.t), *Al-Qāmūs al-Muhit*, *op. cit.*, j. 4, h. 280.

2 Ibn Manzur (1968), *op. cit.*, j. 14, h. 467; Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 1, h. 25.

3 *Ibid.*

4 Hilmī (1979), *op. cit.*, j. 2, h. 393.

5 *Ibid.*, j. 4, h. 241.

6 *Ibid.*

7 *Ibid.*

8 *Ibid.*

ALLĀH(الله)

Nama keagungan atau kemuliaan, *Allāh* adalah satu nama hakikat atau perkara yang bersifat mutlak.[1] Perkataan *Allah* adalah pengkhususan daripada perkataan *al-ilāh* iaitu Allah 'Azzawajallā. Setiap yang diambil selain daripada Allah dan disembah dinamakan sebagai Tuhan di sisi orang yang mengambilnya. Kata jamaknya adalah *ālihah*.[2]

Perkataan *Allāh* disebut di dalam al-Quran sebanyak 592 kali, antaranya terdapat di dalam surah *al-Baqarah* (2) ayat 9, 20, 26, 55, 67, 77, 83, 98 dan di dalam surah-surah lain.[3]

Perkataan *Allāh* sama sekali tidak dapat diikuti kepada unsur-unsur teori gramatis, perkataan itu terdiri daripada suku kata iaitu artikel *'al'* dan kata *'ilāh'* (ketuhanan), kata gabungan bagi sesuatu yang berlaku di dunia berdasarkan logik bahasa Arab sekalipun. Dalam bahasa, ia membentuk satu pengertian sebuah realiti yang tidak dapat disamakan dengan kandungan kata-kata yang lain. Perkataan *Allāh* adalah nama yang tepat bagi Tuhan. Ia adalah perkataan pembuka menuju esensi (hakikat) ketuhanan yang berada di sebalik kata itu, malah yang tersembunyi di sebalik dunia ini.[4]

Daripada segi lafaz, dapat dilihat ke istimewaannya ketika dihapuskan huruf-hurufnya. Apabila kata Allāh (اللّٰه) dihapuskan huruf awalnya, berbunyi *lillāh* (لله) yang bererti milik bagi Allah. Apabila dihapuskan huruf awal pada kata *lillāh* itu berbunyi *lahū* (له) yang bererti baginya. Selanjutnya, apabila dihapuskan huruf awal pada *lahū*, maka akan berbunyi *hū* yang bererti "Dia" (menunjukkan Allah) dan apabila perkataan ini disingkatkan lagi, keluar bunyi *āh* sepintas atau yang lahirnya mengandungi makna keluhan, tetapi hakikatnya adalah seruan permohonan kepada Allah.

Oleh sebab itu, ulama berkata, lafaz *Allāh* diucapkan oleh manusia secara sengaja ataupun tidak sengaja, suka ataupun tidak. Itulah salah satu bukti adanya fitrah dalam diri manusia. Al-Quran juga menegaskan sikap orang musyrik dalam surah *al-Zumar*, ayat 38,

> *"Apabila kamu bertanya kepada mereka siapa yang menciptakan langit dan bumi, pastilah mereka berkata Allah."*

Daripada segi makna dapat dikemukakan kata Allah mencakup segala sifat-sifatnya, malah dialah yang menyandang sifat-sifat itu. Oleh itu, apabila kita menyebut *"Yā Allāh"*, semua nama-nama dan sifat-sifatnya dicakup oleh kata itu.[5]

ALQĀB (أَلْقَابٌ)

Lafaz ini berbentuk jamak, *mufrad*nya adalah *laqab* (لَقَبٌ) yang bermakna nama yang diletakkan selepas nama pertama (gelaran) sama ada bagi pengenalan, kemuliaan ataupun penghinaan.[6]

Al-Rida berkata, ia berlainan dengan *al-kuniah*, *al-laqab* adalah bagi memuji yang digelar ataupun menghinanya. Manakala *al-kuniah*, kadangkala orang yang digelar itu

1 Cyrill Glasse (1990), *Ensiklopedi Islam*, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, h. 23.

2 Ibn Manzur (1990), *Lisān al-'Arab*, Beirut: Dār al-Fikr, J. 13, h.467.

3 Awdah, 'Alī (1996), *Konkordansi Qur'an*, Bogor Jakarta: Litera AntarNusa, h. 46.

4 Cyrill Glasse (1990), *op. cit.*, hlm 23.

5 M. Quraish Shihab (2000), *Tafsīr al-Misbāh*, j. 1, Ciputat: Lentera Hati, h. 19

6 Anīs *et al.* (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 833.

tidak dipuji tetapi hanya tidak disebut namanya dengan terus terang kerana sebahagian individu tidak mahu disebut dengan namanya.

Dalam kalangan bangsa Arab, *al-kuniah* kadangkala dimaksudkan bagi mengagungkan.[1] Contoh *al-laqab* seperti al-Asy'arī, al-Bukhārī, al-Tirmizī dan sebagainya; sedangkan contoh *al-kuniah* seperti Abū Ishaq al-Syīraji, Abu Ayyub al-Ansari, Ibn Taimiyyah dan sebagainya.[2] Oleh itu, apabila berkumpul *kuniah*, nama dan *laqab,* maka *kuniah* didahulukan, selepas itu nama, kemudian *laqab*.[3] Contohnya Abū 'Abdullāh Muhammad bin Yahya bin 'Alī al-Qurasyī al -Yamanī al-Zabidī.[4]

Lafaz *alqāb* disebut sekali dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Hujurāt* (49), ayat 11. Al-Baidawi mentafsirkan, "Janganlah sesetengah kamu memanggil sesetengah yang lain dengan gelaran yang jelik atau jahat, kerana *nabz* (julukan yang sifatnya merendahkan) dikhususkan dengan gelaran yang jelik."[5] Ibn Kathīr berkata, "Janganlah kamu saling menggelar dengan gelaran yang menyakitkan seseorang itu apabila mendengarnya.

Beliau juga berkata, "Dilaporkan oleh Abū Jābirah bin al-Dahhak, beliau berkata, "Ayat (وَلَا تَنَابَزُوا بِالْأَلْقَابِ) diturunkan kepada Banī Salmah. Beliau berkata, "Rasulullah datang ke Madinah dan tidak ada antara kami kecuali dua atau tiga nama. Apabila mereka digelar dengan sebahagian nama-nama itu mereka berkata, "Ya Rasulullah, sesungguhnya mereka marah dengan gelaran itu, maka turunlah ayat di atas."[6]

Al-Khāzin berkata, "Direkodkan oleh Abū Dāwūd dan al-Tirmizī, beliau berkata, "Lelaki dalam kalangan kami memiliki dua nama atau tiga nama, maka ia digelar dengan sebahagiannya sedangkan perkara itu tidak ia sukai, lalu turunlah ayat ini."[7] Al-Nasafī berkata, "Maksud *al-tanābuz bi al-alqāb* ialah saling menggelar dengannya, *al-nabz* adalah gelaran yang jelik dan dilarang iaitu memberikan gelaran yang menyebabkan orang yang digelar itu benci dengan panggilan itu."[8] Ibn 'Abbās berkata, "Maksud ayat itu adalah janganlah sebahagian kamu mengejek sebahagian yang lain dengan panggilan atau gelaran dan nama jahiliah."[9]

Kesimpulannya, maksud *alqāb* pada ayat di atas adalah gelaran atau panggilan yang dilarang atau dengan niat merendahkan yang digelar atau yang dipanggil.

AMĀNAH (أَمَانَةٌ)

Menurut al-Kafawī, *amānah* ialah setiap perkara yang dianggap dapat dipercayai ke atasnya seperti harta dan rahsia-rahsia.[10] Lafaz ini berasal daripada perkataan *amina* (أَمِنَ) dan *amānatan* (أَمَانَةً) yang bermakna jujur, dapat dipercayai dan sebagainya. *Amānah*

1 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 603

2 Lihat indeks buku *Siyar A'lām al-Nubalā'* karangan al-Imām al-Dhahabī, j. 3. Jedah: Dār al-Andalus, h. 1652 dan 1659.

3 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*

4 Syams al-Dīn Muhammad b. Ahmad b. 'Uthmān al-Dhahabī (1991), *Nuzhah al-Fudalā' Tahdhīb Siyar A'lām al-Nubalā'*, j. 3. Jeddah: Dār al-Andalus, h. 1426.

5 Hilmī (1979), *op. cit.*, j. 6, h. 50.

6 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 190. Rekod oleh Imām Ahmad dari Isma'il, daripada Dāwūd bin Abī Hind, daripada al-Sya'bī.

7 Hilmī (1979), *loc. cit.*

8 *Ibid.* Menurut al-Tirmidhī hadis ini adalah hasan.

9 *Ibid.*

10 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 176.

juga bermakna titipan dan menunaikan apa yang dipercayai,[1] sesuatu yang dipercayakan kepada seseorang (diserahkan bagi disimpan dan lain-lain),[2] segala yang perintah Allah kepada hambanya,[3] lawan khianat.[4]

Lafaz *amānah* dalam bentuk *mufrad* disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 283 dan *al-Ahzāb* (33), ayat 72. Manakala dalam bentuk jamak disebut tiga kali iaitu dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 58; *al-Anfāl* (8), ayat 27; *al-Mukminūn* (23), ayat 8, *al-Ma'ārij* (70), ayat 32.

Dalam *Tafsir al-Khāzin*, Ibn 'Abbās berkata, "Maksud *amānah* dalam surah al-Ahzāb ialah ketaatan dan kewajipan-kewajipan yang difardukan ke atas hambanya."[5] Ibn Mas'ūd berkata, "*Amānah* ialah mengerjakan sembahyang, mengeluarkan zakat, puasa Ramadan, haji, jujur dalam percakapan, melangsai hutang, jujur dalam timbangan dan ukuran dan lebih daripada itu setiap yang dititipkan, ada yang mengatakan setiap yang diperintah dan dilarang."[6]

'Abdullāh bin 'Amrū bin al-'As berkata, "Pertama sekali yang dicipta daripada manusia adalah kemaluan *(al-faraj)* dan ini adalah amanah yang diberikan. *Faraj* adalah amanah. Telinga, mata, tangan dan kaki adalah amanah.[7] Direkodkan dalam hadis, "Tidak ada iman bagi orang yang tidak ada dalam dirinya amanah."[8]

Oleh itu, al-Nasafī berkata, "Orang kafir dan munafik tidak ada dalam dirinya sifat amanah kerana mereka berbuat khianat dan tidak patuh sepertimana kepatuhan para nabi dan orang yang beriman."[9] Manakala dalam tafsir *Tanwīr al-Miqbās*, dijelaskan maksud *amānah* ialah ketaatan dan *ubudiyah*.[10]

Muhammad Rasyīd Rida berpendapat berkenaan *amānah* dalam surah al-Baqarah, "Ayat ini turun berkenaan dengan hukum-hukum harta dan perkara yang diamanahkan kepada seseorang adalah bersifat umum mencakupi titipan *(wadī'ah)* dan lain-lain. Maknanya, setiap yang diamanahkan kepadanya perlu ditunaikan serta bertakwa kepada Allah dan jangan mengkhianati sesuatu apa pun daripada amanah itu."[11]

Al-Fayruz Ābādī[12] berkata, "Terdapat dua aspek atau maksud *amānah* di dalam al-Quran. **Pertama**, bermaksud kewajipan-kewajipan.[13] **Kedua**, bermaksud *al-'iffah* iaitu menjauhi diri daripada perkara yang tidak baik, hina, syubhah dan *al-siyānah* (penjagaan).[14]

Kesimpulannya, *amānah* di dalam al-Quran mencakupi dua perkara. **Pertama**, amanah dalam harta. **Kedua**, amanah dalam mentaati segala yang diperintah dan menjauhkan segala yang dilarang oleh Allah atau segala apa yang diamanahkan Allah kepada manusia.

1 Anīs *et al.* (1962), j. 1, h. 28.

2 Noresah bt. Baharom, *et al.* (eds.) (2002), *op. cit.*, h. 33.

3 Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 41.

4 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 197.

5 Hilmī (1979), *op. cit.*, h. 142-143.

6 *Ibid.*

7 *Ibid.*

8 Hadis riwayat Ahmad, al-Baihaqī, dan Ibn Abī Syaybah.

9 Hilmi (1979), *loc. it.*

10 *Ibid.*

11 Rida (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 132.

12 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 1, h. 152.

13 Contohnya, Allah menyatakan, "إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ" (Surah *al-Ahzāb* (33): 72)

14 Contohnya Allah menyatakan, "إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَأْجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ." Maksudnya, "Sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil berkerja ialah orang yang kuat lagi amanah." (Surah *al-Qasas*, ayat 6)

AMĀNĪ(أَمَانِي)

Lafaz ini adalah bentuk jamak daripada *umniyah*(أُمْنِيَّةٌ)yangberertial-*bughyah*iaituderhaka, menyimpang daripada kebenaran[1] atau dusta kerana pendusta membuat perkataan dalam dirinya kemudian mengatakannya.[2] Al-Kafawī berkata, *umniyah* ialah apa yang hilang daripada bacaannya sebagaimana Allah menyatakan, "أَلْقَى الشَّيْطَانُ فِي أُمْنِيَتِهِ".[3] Makna pada bacaannya bermaksud apa yang diharapkan oleh manusia dan diinginginya, dan makna lainnya ialah kebohongan-kebohongan.[4]

Lafaz *amānī* disebut lima kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 78, 111; *al-Nisāk* (4), ayat 123, 123; *al-Hadīd* (57), ayat 14.

Al-Zamakhsarī mentafsirkan maksud *amānī* yang terdapat dalam surah *al-Baqarah* dengan "mereka berada dalam rekaan atau pembohongan. Allah memaafkan dan merahmati mereka serta tidak menghitung kesalahan-kesalahan mereka. Sesungguhnya bapa-bapa mereka daripada nabi-nabi memohon syafaat bagi mereka dan ulama-ulama mereka *(aḥbār)* mereka-reka neraka tidak akan menyentuh mereka kecuali beberapa saat sahaja.[5]

Ada yang mengatakan (*amānī)* itu adalah dusta-dusta yang pelbagai, mereka mendengarnya daripada ulama-ulama mereka dan mereka menerimanya secara taklid semata-mata."[6]

Ibn Qutaibah berkata, "Mereka tidak mengetahui al-Kitab kecuali yang direkodkan oleh ulama-ulama mereka dan menerimanya serta menyangka ia adalah benar, padahal ia adalah dusta."[7] Dalam ayat 111, lafaz *amānī* bermakna khayalan-khayalan dan mimpi-mimpi mereka.[8] Makna *amānī* dalam surah *al-Nisāk* menurut Qatadah, "Disebutkan kepada kami orang Islam dan orang Yahudi berbangga-bangga." Ahli Kitab berkata, "Nabi kami lebih dahulu daripada nabi kamu dan kitab kami lebih dahulu daripada kitab kamu. Oleh itu, kami lebih mulia daripada kamu." Orang Muslim berkata, "Kami lebih mulia di sisi Allah daripada kamu kerana nabi kami adalah penutup segala nabi-nabi dan kitab kami memansuhkan kitab-kitab sebelumnya," maka turunlah ayat ini. Ibn Kathīr mentafsirkan lafaz *amānī* dalam surah *al-Hadīd* sebagai "kamu ditipu oleh keduniaan."[9]

Al-Khāzin mentafsirkan lafaz *amānī* dalam surah itu dengan *al-abāṭil* (kebatilan-kebatilan) iaitu di mana kamu berkeinginan supaya kehancuran menimpa orang Islam.[10] Al-Nasafī berpendapat, maksudnya ialah *ṭāl al-āmāl* (panjang angan-angan) dan ingin umur panjang.[11] Ibn 'Abbas berkata, maksudnya ialah kebatilan-kebatilan dan *al-tamannī* (kemahuan atau angan-angan).[12] Sa'īd Hawwā berkata, "Juga kemahuan-kemahuan atau angan-angan serta tamak kepada harta benda dan keduniaan."[13]

Kesimpulannya, lafaz *amānī* mencakupi dua makna. **Pertama**, bermakna rekaan, kebohongan, khayalan, kemahuan, panjang angan-angan sebagaimana dalam surah *al-Baqarah* dan surah *al-Hadīd*. **Kedua**, ber-

1 Anis *et al.* (1962), j. 2, h. 889.
2 Ma'luf (1975), *op. cit.*, h. 777.
3 Surah al-Hajj (22): 52.
4 Al-Kafawi (1992), *op. cit.*, h. 187.
5 Al-Zamakhsari (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 158.
6 *Ibid.*
7 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 55.
8 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*, j. 1, h. 88.
9 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 279.
10 Hilmi (1979), *op. cit.*, j. 6, h. 179
11 *Ibid.*
12 *Ibid.*
13 Hawwa (1999), *op. cit.*, j. 10, h. 5747.

makna sangkaan atau fikiran sepertimana dalam surah *al-Nisāk*.

AMMĀRAH (أَمَّارَةٌ)

Ammarah adalah bentuk *mubālaghah* (superlatif) yang berasal daripada kata kerja *amara* (أَمَرَ),[1] ertinya meminta daripadanya bagi melakukan sesuatu. Kata kerja *al-amr* maknanya kata kerja yang meminta bagi melakukan sesuatu.[2]

Menurut istilah mazhab al-Syāfi'iyyah, *amar* adalah bentuk bahasa yang meminta melakukan sesuatu secara mutlak daripada *mukhāṭab* (yang diseru).[3] *Ammārah* atau *ammār* menurut *Kamus al-Munjid* bererti *al-kathīr al-amr* (banyak menyeru atau memerintahkan) dan yang mengajak kepada kejahatan.[4]

Lafaz ini disebut sekali dalam al-Quran iaitu dalam surah *Yūsuf* (12), ayat 53. Dalam *Tafsir al-Jalālayn* dijelaskan, *ammārah* bermaksud yang banyak menyeru atau mengajak.[5]

Al-Nasafi menerangkan, "Ayat ini ber maksud mengadakan perhubungan atau mengajak kepada kejahatan dan membawa kepada syahwat dan hawa nafsu.[6] Manakala dalam *Tanwīr al-Miqbās* diterangkan ia bermakna mengajak kepada hasad.[7] Al-Tabari berkata, "Sesungguhnya jiwa manusia mengajak mereka kepada perkara yang diingini walaupun keinginan itu tidak diredai Allah,[8] dan apabila jiwa itu mengajak kepada hawa nafsu, syahwat dan cenderung kepadanya, ia dinamakan *al-ammārah bi al-sū'*.[9]

Kesimpulannya, lafaz *ammārah* bermaksud yang **banyak mengajak**. Lafaz ini dihubungkan dengan *al-nafs* dan *al-sū'* (perkara yang jelik atau jahat), maksudnya **jiwa yang banyak mengajak kepada perkara-perkara yang jelik atau jahat.**

AMSYĀJ (أَمْشَاجٌ)

Lafaz ini adalah bentuk jamak daripada *masyīj* (مَشِيجٌ) iaitu dua perkara yang bercampur atau dua warna yang bersatu atau bercampur.[10] Al-Fayruz Ābādī berkata, "*Nutfah amsyāj* ialah air mani lelaki yang bercampur dengan sel telur perempuan dan darahnya."[11] *Amsyāj* juga bermakna kotoran-kotoran yang berkumpul di pusar.[12] Lafaz ini disebut sekali dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Insān* (76),

1 Mahmud al-Safi (1991), *Al-Jadwal fi I'rāb al-Qur'ān wa Sarfuh wa Bayānuh*, j. 13. Beirut: Dār al-Rasyīd, h. 11.

2 Ma'luf (1975), *op. cit.*, h. 17.

3 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 176.

4 Ma'lūf (1975), *loc. cit.*

5 Jalāl al-Dīn Muhammad b. Ahmad al-Mahallī dan Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahman b. Abī Bakr al-Sayuti (t.t), *Tafsir al-Jalālayn*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 304.

6 Hilmī (1979), *op. cit.*, j. 3, h. 420.

7 *Ibid.*

8 Al-Tabarī(1995), *op. cit.*, j. 13, h. 3.

9 Ini pendapat al-Khāzin dalam tafsirnya yang dihimpunkan dalam *Majma' al-Tafāsīr* (1979), *loc. cit.* Menurut beliau jiwa manusia adalah satu dan baginya memiliki tiga sifat iaitu *al-ammārah bi al-sū'*, *al-lawwāmah* dan *al-mutma'innah*. Tiga sifat ini adalah sifat bagi jiwa yang satu, apabila jiwa mengajak kepada syahwat maka ia adalah *al-nafs al-ammārah bi al-sū'* dan apabila ia melakukannya maka jiwa tadi menjadi *al-nafs al-lawwāmah* sehingga ia perbuatan yang jelek itu terus mengajak melakukan kejahatan atau syahwat, dan apabila lahir rasa penyesalan pada perbuatan jelik itu maka ia adalah sifat *al-nafs al-mutma'innah*.

10 Anīs et al. (1962), *op. cit.*, j. 2, h. 870.

11 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 1, h. 207.

12 Anīs *et al.* (1962), *loc. cit.*

ayat 2.

Al-Baidawi berkata, "Ia bermaksud per campuran dan *nutfah* disifatkan dengannya kerana membawa maksud percantuman air mani lelaki dan sel telur perempuan dan kedua-duanya memiliki bahagian-bahagian yang berbeza dalam ketipisan, kekuatan dan kekhususan. Oleh itu, setiap satu bahagian daripada kedua-duanya membentuk anggota tubuh."[1]

Dalam *Tafsir al-Khāzin*, Ibn 'Abbās dan yang lainnya berkata, "*Amsyāj* bermakna sperma lelaki dan sel telur perempuan bercantum di dalam rahim, hasil percantuman itu lahirlah anak. Air mani lelaki putih dan pekat sedangkan sel telur perempuan kuning dan cair. Apabila salah satu daripada kedua-duanya mengatasi yang lain, ia serupa dengannya."[2]

Ada juga yang mengatakan, *amsyāj* adalah perbezaan warna-warna *nutfah* (air mani), air mani lelaki putih, manakala perempuan kuning dan percampuran antara kedua-duanya dinamakan *amsyāj*.[3] Ibn 'Abbas juga berkata, "Maksud ayat ini adalah daripada mani Adam dan Hawa, dan dikatakan *amsyāj* membawa maksud dua warna yang bercampur di mana air mani lelaki putih dan pekat, manakala sel telur perempuan kuning dan cair."[4]

Kesimpulannya, maksud *amsyāj* ialah **percampuran atau percantuman air mani lelaki dan sel telur perempuan di dalam rahim perempuan.** Kemudian ia berubah menjadi *'alaqah*, kemudian menjadi *mudghah* sehinggalah sempurna penciptaan manusia.

AMWĀL (أَمْوَالٌ)

Lafaz ini berbentuk jamak, *mufrad*nya adalah *māl* (مَالٌ) yang bererti apa yang dimiliki daripada segala barangan. Menurut Arab Badwi mencakupi haiwan ternak seperti unta dan kambing.[5]

Dalam *Kamus al-Mu'jam al-Wasit* dijelaskan, ia bermakna setiap apa yang dimiliki individu atau kumpulan berupa harta benda, perniagaan, wang, atau harta benda yang tidak bergerak seperti perabot rumah, tanah, rumah dan sebagainya.[6]

Lafaz *māl* digunakan bagi *mudhakkar* dan *mu'annath* sehingga dapat dikatakan *huwa al-māl* dan *hiya al-māl* (ia (L) harta dan ia (P) harta).[7] Dikatakan *rajul māl* ertinya *dhū māl* (lelaki yang banyak harta).[8]

Lafaz ini disebut 61 kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 155, 188, 188, 261, 262, 265, 274, 279; *Āli 'Imrān* (3), ayat 10, 116, 186; *al-Nisāk* (4), ayat 2, 2, 2, 5, 6, 6, 10, 24, 29, 34, 38, 95, 95, 161; al-Anfāl (8), ayat 28, 36, 72; *al-Taubah* (9), ayat 20, 24, 34, 41, 44, 55, 69, 81, 85, 88, 103, 111; *Yūnus* (10), ayat 88; *Hūd* (11), ayat 87; *al-Isrāk* (17), ayat 6, 64; *al-Rūm* (30), ayat 39; *al-Ahzāb* (33), ayat 27; *Sabak* (34), ayat 35, 37; *Muhammad* (47), ayat 36; *al-Fath* (48), ayat 11; *al-Hujurāt* (49), ayat 15; *al-Dhāriyāt* (51), ayat 19; *al-Hadīd* (57), ayat 20; *al-Mujādalah* (58), ayat 17; *al-Hasyr* (59), ayat 8; *al-Saff* (61), ayat 11; *al-Munāfiqūn* (63), ayat 9; *al-Taghābūn* (64), ayat 15; *al-Ma'ārij* (70), ayat 24 dan *Nuh* (71), ayat 12.

1 Hilmī (1979), *op. cit.* j.3, h. 420
2 *Ibid.*
3 *Ibid.*
4 *Ibid.*
5 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 780.
6 Anīs et al. (1962), *op. cit.*, j. 2, h. 892.
7 Ma'lūf (1975),
8 Anīs *et al.* (1962), *loc. cit.*

Al-Zamakhsyarī berpendapat, *amwāl* mencakupi harta yang boleh dikeluarkan zakatnya atau dikeluarkan daripadanya sedekah.[1] Dalam *Kamus al-Mu'jam al-Wasit* menyebutkan, maksud *amwāl* ialah apa yang engkau miliki daripada segala sesuatu.[2] Dalam *Kamus Dewan* dijelaskan, harta ialah barang -barang berharga seperti rumah, tanah, barang-barang kemas dan sebagainya yang dimiliki oleh seseorang, syarikat atau pertubuhan dan harta benda bermaksud barang -barang kepunyaan atau berbagai-bagai barang yang berharga sebagai kekayaan.[3]

Ibn al-Athīr berkata, "*al-māl* pada asalnya adalah apa yang dimiliki berupa harta, perak kemudian disandarkan ke atas setiap sesuatu yang diperoleh dan dimiliki daripada harta benda. Menurut orang Arab, lafaz *māl* lebih banyak disandarkan ke atas unta kerana ia adalah harta yang paling banyak mereka miliki."[4]

Kesimpulannya, *amwāl* bermaksud **harta benda** yang dimiliki oleh seseorang daripada emas, perak dan sebagainya.

AMWĀT (أَمْوَاتٌ)

Amwāt adalah bentuk jamak daripada *mayyit* (مَيِّتٌ), ertinya yang terpisah daripada kehidupan.[5] Ia juga bermakna lawan kepada hidup atau tiada roh di dalamnya.[6] Apabila disandarkan kepada bumi, maksudnya tanah yang tidak ada pemiliknya dan tidak dimanfaatkan oleh sesiapa pun,[7] atau yang tandus dan tidak subur.[8] Dalam *Kamus al -Munjid,* disebutkan *mu'annath*nya adalah *mayyitah* (مَيِّتَةٌ).[9] Namun, menurut al-Rāzī, ia dapat digunakan bagi *mu'annath* dan *mudhakkar*, sebagaimana Allah menyatakan, "لِنُحْيِيَ بِهِ بَلْدَةً مَيْتًا"[10] *Al-maytah* bermakna yang belum berlaku pembersihan[11] atau haiwan yang mati dalam keadaan yang tidak sewajarnya.[12]

Lafaz *amwāt* disebut sebanyak enam kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al -Baqarah* (2), ayat 28, 154; *Āli 'Imrān* (3), ayat 169; *al-Nahl* (16), ayat 21; *Fatir* (35), ayat 22; *al-Mursalat* (77), ayat 26.

Penggunaan kalimah *amwāt* di dalam al -Quran mengandungi tiga maksud. **Pertama**, bermaksud yang mati atau tidak ada roh di dalamnya seperti dalam surah *al-Baqarah*, ayat 154, *al-Mursalāt* dan *al-Nahl*. Dalam surah *al-Nahl*, maksud *amwāt* ialah yang mati dan tidak ada kehidupan atau yang mati sama ada sekarang mahupun yang akan datang,[13] atau benda mati yang tidak ada kehidupan di dalamnya,[14] atau bermaksud berhala-berhala yang mati yang tidak ada roh di dalamnya.[15]

1 Al-Zamaksyarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 206.

2 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 52.

3 Noresah bt. Baharom *et al.* (eds.) (2002), *op. cit.*, h. 442.

4 Ibn Manzur (1968), *op. cit.*, j. 11, h.636.

5 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 779.

6 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 639.

7 *Ibid.*

8 Ahmad Warson Munawwar (1997), *op. cit.*, h. 1366.

9 Ma'lūf (1975), *op. cit.*

10 Ertinya, "Untuk Kami hidupkan dengan air itu bumi yang mati." (Surah *al-Furqān* (25): 49).

11 Al-Rāzī (1987), *loc. cit.*

12 Ma'lūf (1975), *loc. cit.*

13 Pendapat al-Baidawi dalam tafsirnya, *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl* yang dihimpunkan dalam *Majma' al-Tafāsīr* (1979), *op. cit.*, j. 3, h. 593.

14 Pendapat al-Khāzin dalam tafsirnya, *Lubāb al-Ta'wīl fī Ma'ānī al-Tanzīl* yang dihimpunkan dalam *Majma' al-Tafāsīr* (1979), *ibid.*

15 Pendapat Ibn 'Abbaās yang dinukilkan oleh Al-Fayrūz Ābādī dalam tafsirnya, *Tanwīr al-Miqbās min Tafsīr Ibn 'Abbās* yang dihimpunkan dalam *Majma' al-Tafāsīr* (1979), ibid.

Manakala dalam surah *al-Mursalāt* membawa maksud yang berada dalam bumi di dalam kubur-kubur.[1]

Kedua, ia bermaksud belum wujud atau masih dalam bentuk air mani sepertimana dalam surah *al-Baqarah*, ayat 28. Ibn Qutaibah berkata, ia bermakna *nutfah* (air mani) di dalam rahim dan setiap sesuatu yang terpisah daripada jasad seperti rambut atau kuku atau *nutfah* dinamakan *mayyitah* (yang mati).[2] Al-Sabuni juga berpendapat, *amwāt* di sini ialah kamu tidak wujud sebelumnya, berbentuk *nutfah* di dalam tulang rusuk atau punggung bapa-bapa dan rahim-rahim ibu.[3]

Ketiga, bermaksud orang kafir sebagaimana dalam surah *al-Baqarah*, ayat 154, *Āli 'Imrān* dan surah *Fatir*. Al-Fayrūz Ābādī[4] berkata, "Penafian kematian bagi mereka dalam surah *al-Baqarah* dan *Āli 'Imrān* membawa maksud penafian bagi roh-roh mereka (para syuhada) dan sebagai peringatan ke atas nikmat yang mereka dapati.

Ada juga yang mengatakan penafian ke sedihan bagi mereka yang disebut dalam ayat Allah, "وَيَأْتِيهِ الْمَوْتُ مِنْ كُلِّ مَكَانٍ"[5] atau Allah melarang menamakan bagi mereka yang terbunuh di jalan Allah sebagai orang yang mati, tetapi mereka dinamakan syuhada yang hidup di sisi Allah serta mendapat kurnia.[6] Maksud sebaliknya, orang yang terbunuh bukan di jalan Allah dinamakan orang yang mati dan mereka adalah orang kafir. Tha'lab berkata, "Maksud *amwāt* dalam surah Fatir ialah orang kafir."[7] Al-Zujjāj berkata, "*al-ahyā'* ialah orang yang beriman dan *al-amwāt* ialah orang kafir."[8]

AN'ĀM (أَنْعَامٌ)

Lafaz ini adalah bentuk jamak, *mufrad*nya ialah *al-na'am*, bermakna *al-ibl* (unta) yang banyak manfaat dan kegunaannya. *An'ām* bererti *al-bahā'im* (haiwan atau binatang -binatang).[9] Kerbau, sapi dan kambing boleh disebut sebagai *an'ām*.[10]

Al-Fayrūz Ābādī berkata, "Tidak dikatakan *an'ām* sehingga jumlah manfaatnya sama seperti unta. Namun begitu, ia bersifat umum yang mencakupi unta dan lain-lainnya."[11] Al-Farrā' berkata, "*Al-An'ām* adalah lafaz *mudhakkar* dan tidak di*mu'annath*kan seperti pada contoh *"hādhā na'amun wāridun"* (هَذَا نَعَمٌ وَارِدٌ), ertinya "Ini haiwan ternak yang diimport."

Lafaz *an'ām* disebut sebanyak 32 kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 14; *al-Nisāk* (4), ayat 119; *al-Mā'ida*h (5), ayat 1; *al-An'ām* (6), ayat 136, 138, 138, 138, 139, 142; *al-A'rāf* (7), ayat 179; *Yūnus* (10), ayat 24; *al-Nahl* (16), ayat 5, 66, 80; *Taha* (20), ayat 54; *al-Hajj* (22), ayat 28, 30, 34; *al-Mukminūn* (23), ayat 21; *al-Furqān* (25), ayat 44, 49; *al-Syu'arāk* (26), ayat 133; *al-Sajdah* (32), ayat 27; *Fatir* (35), ayat 28; *Yāsīn* (36), ayat 71; *al-Zumar* (39), ayat 6; *Ghāfir* (40), ayat 79; *al-Syu'arāk* (42), ayat 11; *al-Zukhruf* (43), ayat 12; *Muhammad* (47), ayat 12; *al*

1 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 502.
2 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 45.
3 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*, j. 1, h. 45.
4 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 537.
5 Surah *Ibrāhīm*, ayat 17.
6 Ibn Manzur (1968), *op. cit.*, j. 14, h. 212.
7 *Ibid.*
8 *Ibid.*
9 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 5, h. 446.
10 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 820.
11 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 5, h. 88.

-*Nāzi'āt* (79), ayat 33; '*Abasa* (80), ayat 32.

Lafaz *an'ām* di dalam al-Quran men cakupi haiwan-haiwan ternak seperti unta, lembu dan kambing. Ia bersesuaian dengan pendapat para mufassir. Al-Baidawi berkata, "*Al-an'ām* bermaksud unta, lembu dan kambing."[1] Al-Alūsī berkata, "Ia mencakupi unta, sapi dan kambing, dan dinamakan ia seperti itu kerana jalannya perlahan dan kelembutannya."[2]

Begitu juga pendapat Ibn Qutaibah,[3] al-Fayrūz Ābādī [4] dan ulama lain. Al-Tabarī berkata, "*Al-an'ām*[5] ialah lapan ekor haiwan ternak yang disebut dalam surah *al-an'ām* iaitu dua kambing biri-biri jantan dan betina, dua ekor kambing biasa jantan dan betina, jantan dan betina dari unta dan lembu."[6]

Kesimpulannya, lafaz *an'ām* membawa maksud **haiwan-haiwan ternak.**

ANBĀ' (أَنْبَاءٌ)

Lafaz ini adalah bentuk jamak daripada *al-naba'* (النَّبَأُ), bererti "khabar" atau "berita," berasal daripada kata kerja *naba'a* (نَبَأَ) yang bermakna "datang dari satu tempat ke tempat lain." Begitu juga dengan khabar atau berita kerana ia datang dari satu tempat ke tempat lain.[7]

Al-Tibrisī berpendapat dalam tafsirnya, *anbā'* bermakna *al-akhbār* (berita-berita) dan ini berlainan dengan *al-iha'* yang bererti *al-ilhām* (mengilhamkan) atau menyampaikan makna kepada yang lain secara sembunyi atau *al-irsāl* (menyampaikannya) kepada nabi-nabi. Oleh itu, *al-khabar* ialah berita dan *al-iha'* ialah cara menyampaikan berita itu.[8] *Al-naba'* itu pula berasal kalimah *al-nabiy.*[9]

Lafaz *anbā'* disebut sebanyak 12 kali di dalam al-Quran iaitu pada surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 44; *al-An'ām* (6), ayat 5; *al-A'rāf* (7), ayat 101; *Hūd* (11), ayat 49, 100, 120; *Yūsuf* (12), ayat 102; *Tahā* (20), ayat 99; *al-Syu'arāk* (26), ayat 6; *al-Qasas* (28), ayat 66; *al-Qamar* (54), ayat 4; *al-Ahzab* (33), ayat 20.

Al-Tibrisī mentafsirkan *anbā'* dalam surah *Āli 'Imrān* dengan khabar atau berita -berita sesuatu yang Nabi Muhammad dan umatnya tidak mengetahuinya.[10] Dalam surah *al-An'ām*, al-Tabarī mentafsirkan maksud *anbā'* ialah khabar atau berita yang datang disebabkan mereka (orang kafir) mempersendakan ayat-ayat Allah dan bukti-bukti yang Allah datangkan kepada mereka dengan ancaman dan kekalahan atau kematian dalam Perang Badar.[11]

Manakala Ibn Kathīr berkata, "Pasti akan didatangkan kepada mereka berita atau khabar atas apa yang mereka dustakan dengan menimpakan kepada mereka azab dan bala di dunia sebagaimana umat-umat terdahulu yang lebih kuat daripada mereka dan lebih

1 Al-Baidawi, Nāsir al-Dīn Abī al-Kahyr 'Abdullāh b. 'Umar (1968), *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl*, c. 2. Kaherah: Matba'ah Mustafā al-Babi al-Halabī, h. 151.

2 Al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 100.

3 Ibn Qutaibah (11978), *op. cit.*, h. 102.

4 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 5, h. 88.

5 Surah *al-An'ām* (6): 142-144.

6 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 278.

7 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 5, h. 385.

8 Al-Tibrisi (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 441.

9 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 5, h. 14.

10 Al-Tibrisī (t.t.), *op. cit.*

11 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 7, h. 198.

banyak harta dan anak- pinak.[1] Al-Syawkani berkata, "*Anbā'* tidak digunakan kecuali pada perkara-perkara yang agung dan besar."[2]

Ibn Qutaibah berkata, "Maksud *anbā'* dalam surah al-Qasas ialah *al-hujaj* (hujah-hujah) yang menyebabkan mereka membisu atau tidak dapat berkata-kata disebabkan suasana dahsyat pada masa itu.[3] Hujah atau bukti-bukti disembunyikan daripada mereka sehingga mereka tidak mengetahui apa yang mereka katakan. Mereka menjadi bingung dan membisu, sebahagian mereka tidak bertanya kepada sebahagian yang lain disebabkan terkejut dan gugup."[4]

Kesimpulannya, lafaz *anbā'* mengandungi dua maksud. Pertama, bermaksud **berita atau khabar yang agung** dan ini dalam dua keadaan. Pertama, berita atas perkara-perkara yang lalu daripada berita umat terdahulu, rasul-rasul dan lain-lain. Kedua, berita yang pasti datang dan ini lebih cenderung kepada azab dan balasan sebagaimana dalam surah *al-An'ām* dan al-Syu'arāk'. Maksud yang kedua ialah **hujah-hujah** sebagaimana dalam surah *al-Qasas*.

ANFUS (أَنْفُسُ)

Lafaz ini dalam bentuk jamak, *mufrad*nya adalah *al-nafs* (النَّفْسُ) yang mengandungi beberapa makna. Antaranya darah. Oleh itu, *al -haid* dinamakan *al-nufasā'* kerana darahnya keluar, *al-nifās* adalah kelahiran atau persalinan, dan apabila sudah melahirkan dinamakan *nufasā'*.[5] Ia juga bermakna roh, mata, dan di sisi.[6] Ia juga bermakna jasad. Dikatakan *"huwa 'azim al-nafs"* bererti dia mempunyai jasad yang besar. Apabila disandarkan kepada *al-amr* atau *nafs al-amr* bermaksud hakikat perkara itu atau perintah yang sama. Apabila disandarkan kepada sesuatu atau *nafs al-syai'* bermaksud sesuatu itu sendiri.[7]

Lafaz *anfus* disebut sebanyak 153 kali dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 9, 44, 54, 54, 57, 84, 85, 87, 90, 102, 109, 110, 155, 187, 223, 228, 234, 234, 240, 235, 235, 265, 284; *Āli 'Imrān* (3), ayat 61, 61, 69, 117, 117, 135, 154, 154, 164, 165, 168, 178, 186; *al-Nisāk* (4), ayat 29, 49, 63, 64, 65, 66, 95, 95, 97, 107, 113, 128, 135; *al-Mā'idah* (5), ayat 52, 70, 80, 105; *al-An'ām* (6), ayat 12, 20, 24, 26, 93, 123, 130, 130; *al-A'rāf* (7), ayat 9, 23, 37, 53, 160, 172, 177, 192, 197; *al-Anfāl* (8), ayat 53, 72; *al-Taubah* (9), ayat 17, 20, 35, 36, 41, 42 44, 55, 70, 81, 85, 88, 111, 118, 120, 128; *Yūnus* (10), ayat 23, 44; *Hūd* (11), ayat 21, 31, 101; *Yūsuf* (12), ayat 18, 83; *al-Ra'd* (13), ayat 11, 16; *Ibrāhīm* (14), ayat 22, 45; *al-Nahl* (16), ayat 7, 28, 33, 72, 89, 118; *al-Isrāk* (17), ayat 7; *al-Kahfi* (18), ayat 51; *al-Anbiyāk* (21), ayat 43, 64, 102; *al-Mukminūn* (23), ayat 103; *al-Nūr* (24), ayat 6, 12, 61, 61; *al-Furqān* (25), ayat 3, 21; *al-Naml* (27), ayat: 14; *al-'Ankabūt* (29), ayat 40; *al-Rūm* (3), ayat 8, 9, 21, 28, 44; *al-Sajdah* (32), ayat 27; *al-Ahzāb* (33), ayat 6; *Sabak* (34), ayat 19; *Yāsin* (36), ayat 36; *al-Zumar* (39), ayat 15, 42, 53; *Ghāfir* (40),

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 116

2 Al-Syawkani (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 127

3 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 334

4 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 442.

5 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 5, h. 460.

6 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 5, h. 98, contohnya kata-kata Allah,"تَعْلَمُ مَا فِي نَفْسِي وَ لَا أَعْلَمُ مَافِيْ نَفْسِكَ" yang bermaksud, "Engkau mengetahui apa yang ada di sisiku dan aku tidak mengetahui apa yang ada di sisi-Mu", (Surah *al-Mā'idah* (5): 116).

7 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 826, seperti pada ungkapan فُلَانًا نَفْسُهُ". Ertinya, "Aku melihat si fulan itu sendiri," dan juga dalam ungkapan "وَجَاءَنِيْ الْمَلِكُ بِنَفْسِهِ" bermaksud, "Raja mendatangiku dengan sendirinya." Ābādī (1986), *loc. cit.*

ayat 10; *Fussilat* (41), ayat 31, 53; *al-Syura* (42), ayat 11, 45; *al-Zukhruf* (43), ayat 71; *al -Hujurāt* (49), ayat 11, 15; *al-Dhāriyāt* (51), ayat 21; *al-Najm* (53), ayat 23, 32; *al-Hadīd* (57), ayat 14, 22; *al-Mujādalah* (58), ayat 8; *al -Hasyr* (59), ayat 9, 19; *al-Saff* (61), ayat 11; *al -Taghābūn* (64), ayat 16; *al-Tahrim* (66), ayat 6; *al-Muzzammil* (73), ayat 20.

Lafaz *anfus* di dalam al-Quran bermaksud jiwa atau diri. Dalam surah *al -Baqarah*, ayat 155, al-Tibrisī berkata, "Allah menguji dengan segala cubaan, antaranya diuji dengan *naqs al-anfus* iaitu dengan kematian diri."[1] Dalam surah *Āli 'Imrān*, ayat 165 al -Sabuni mentafsirkan, "Katakanlah kepada mereka wahai Muhammad, sesungguhnya sebab datangnya musibah ialah daripada diri mereka dan keingkaran mereka pada suruhan rasul serta tamak pada harta rampasan."[2]

Dalam surah *al-Nisāk*, ayat 128, *anfus* dikaitkan dengan *al-syuhh* (bakhil). Dalam *Tafsir al-Jalālain* membawa maksud sangat bakhil iaitu diri seorang isteri hampir tidak dapat bertolak-ansur dengan suaminya dan diri seorang suami hampir tidak dapat bertolak-ansur dengan isterinya apabila dia mencintai wanita lain.[3] Sedangkan dalam surah *al-Nahl*, ayat 7, *al-anfus* dikaitkan dengan *al-syiqq (bi syiqq al-anfus)* (بِشِقِّ ٱلْأَنفُسِ). Al-Syawkānī berkata, "Kamu tidak sampai kepada suatu negeri melainkan dengan kehilangan separuh diri kerana susah payah atau penat."[4]

Maksud *anfus* yang membawa pengertian diri atau jiwa juga diisyaratkan dalam surah-surah yang lain berdasarkan sandarannya. Antaranya dalam surah *al-Zumar* ayat 42, *al-anfus* dikaitkan dengan *tawaffā* (mematikan), dalam surah *al-Zukhruf* ayat 71, *al-anfus* dikaitkan dengan *tasytahī* (mahu), dan dalam surah *al-Najm* ayat 23, ia dikaitkan dengan *tahwī*, iaitu *tahwī al-anfus* (تَهْوِي ٱلْأَنفُسُ) yang bermakna dihiasi dan dibisikan oleh syaitan kepada diri mereka apa yang mereka sembah selain Allah memberi syafaat kepada mereka di sisi Allah.[5]

ANHĀR (أَنْهَارٌ)

Anhār adalah bentuk jamak bagi kalimah *al -nahr* (النَّهْرُ), maknanya air tawar yang bersih, banyak, mengalir atau tempat air tawar mengalir.[6] Dalam *Kamus al-Munjid* disebut ia adalah *al-ukhdūd* (lubang yang memanjang, mengalir di dalamnya air yang banyak lagi luas).[7]

Lafaz *anhār* disebut sebanyak 51 kali dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 25,74, 266; *Āli 'Imrān* (3), ayat 15, 136, 195, 198; *al-Nisāk* (4), ayat 13, 57, 122; *al-Mā'idah* (5), ayat 12, 85, 119; *al-An'ām* (6), ayat 6; *al-A'rāf* (7), ayat 43; *al-Taubah* (9), ayat 72, 89, 100; *Yūnus* (10): 9; *al-Ra'd* (13), ayat 3, 35; *Ibrāhīm* (14), ayat 23, 32; *al -Nahl* (16), ayat 15, 31; *al-Isrāk* (17), ayat 91; *al-Kahfi* (18), ayat 31; *Taha* (20), ayat 76; *al -Hajj* (22), ayat 14, 23; *al-Furqān* (25), ayat

1 Al-Tibrisī (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 237.

2 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*, j. 1, h. 241.

3 Al-Jalālain (t.t.), *op. cit.*, h. 137. Ibn Kathīr menukilkan rekod daripada Ibn 'Abbās di mana beliau berkata, "Saudah yang sudah tua khuatir akan ditalak oleh Rasulullah, lalu dia berkata, "Ya Rasulullah, janganlah engkau ceraikan aku dan jadikanlah hariku bagi 'Aisyah,". Maka beliau pun melakukannya dan turunlah ayat ini." Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 500.

4 Al-Syawkani (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 185.

5 Al-Jalālayn (t.t.), *op. cit.*, h. 691.

6 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 2, h. 957.

7 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 841.

10; *al-Naml* (27), ayat 61; *al-'Ankabūt* (29), ayat 58; *al-Zumar* (39), ayat 20; *al-Zukhruf* (43), ayat 51; *Muhammad* (47), ayat 12, 15; *al-Fath* (48), ayat 5, 17; *al-Hadīd* (57), ayat 12; *al-Mujādalah* (58), ayat 22; *al-Saff* (61), ayat 12; *al-Talāq* (65), ayat 11; *al-Tahrīm* (66), ayat 8; *Nuh* (71), ayat 12; *al-Burūj* (85), ayat 11 dan *al-Bayyinah* (98), ayat 8.

Lafaz *anhār* mengandungi empat keadaan. **Pertama**, bermaksud air, sebagaimana maksud dalam surah *al-Baqarah*, ayat 74. Al-Tabari berkata, "Antara batu-batu itu terdapat batu yang mengeluarkan air yang mengalirkan sungai-sungai."[1]

Kedua, bermakna sungai-sungai di muka bumi sepertimana dalam surah *al-An'ām*, ayat 6; *Ibrāhīm*, ayat 32; *al-Ra'd*, ayat 3; *al-Nahl*, ayat 15; *al-Naml*, ayat 61. Sa'id Hawwā mentafsirkan *anhār* dalam surah *al-an'ām* membawa maksud sungai-sungai yang mengalir di bawah pokok-pokok. Maknanya mereka hidup dalam kebahagiaan di antara sungai-sungai, buah-buahan dan meminum air hujan yang turun terus-menerus.[2] Manakala pada surah Ibrāhīm, al-Sabuni mentafsirkan *anhār* adalah sungai-sungai yang tawar airnya untuk diminum, memberi minum (haiwan dan menyiram tumbuh-tumbuhan) dan bertani.[3]

Ketiga, bermakna Sungai Nil sebagaimana yang terdapat dalam surah *al-Zukhruf*, ayat 51. Al-Qurtubi berkata, "*Anhār* dalam ayat ini bermaksud Sungai Nil dan empat sungai yang terbesar adalah Sungai al-Mulk, Sungai Tulun, Sungai Dimyat dan Sungai Tinnis,[4] begitu juga tafsiran yang dibuat oleh al-Zamakhsyarī.[5] Namun, al-Tabarī[6] dan Ibn Kathīr[7] menukilkan daripada Qatādah, ia bermaksud taman-taman dan sungai-sungai.

Keempat, bermakna sungai-sungai yang berada di syurga[8] sebagaimana yang terdapat pada selain daripada ayat-ayat yang penulis sebut di atas. Al-Qurtubi menyatakan, "Maksud Allah menyebut *anhār* adalah air sungai-sungai syurga di mana ia mengalir di bawah pokok-pokok, tanamannya dan buah-buahannya. Ia tidak mengalir di bawah buminya kerana air apabila mengalir di bawah bumi (tanah), maka mata airnya bukanlah daripada atas kecuali dengan menyingkap tabir antara syurga dan bumi. Oleh itu, yang dimaksudkan pada ayat ini dan yang lainnya adalah sungai-sungai syurga di mana ia mengalir tidak pada *ukhdūd*, parit-parit dan alur-alur.[9] Ia tercipta dan terbentuk berdasarkan *qudrah* atau kuasa Allah."[10]

ANKĀTHĀ (أَنْكَاثًا)

Ia adalah bentuk jamak daripada kalimah *al-nakth* (النَّكْثُ), bermaksud apa yang dirobek

1 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 515

2 Sa'id Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 3, h. 1578

3 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 98.

4 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 16, h. 96.

5 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 251.

6 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 25, h. 103.

7 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 116.

8 Jenis-jenis sungai di dalam syurga disebut pada ayat Allah yang ertinya, "Sifat syurga yang dijanjikan kepada orang yang bertakwa (ialah seperti berikut), ada padanya beberapa sungai dari air yang tidak berubah (rasa dan baunya), dan beberapa sungai dari susu yang tidak berubah rasanya, serta beberapa sungai dari arak yang lazat bagi yang meminumnya, dan juga beberapa sungai dari madu yang suci bersih... (Surah *Muhammad*, ayat 15).

9 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 245-246.

10 Al-Qurtubī (1997), *Al-Tadhkirah fi Ahwal al-Mawtā wa al-*Ākhirah, c. 4. Kaherah: Dār al-Hadīth, h. 386. Abū Hurairah melaporkan nabi berkata, "Sungai-sungai di dalam syurga keluar dari anak-anak bukit atau dari bukit-bukit misk," sebagaimana yang disebut oleh al-'Uqaylī. Lihat Al-Qurtubī (1997), *ibid.*

daripada khemah dan baju usang, kemudian dipintal semula.[1] Kalimah ini apabila disandarkan kepada *al-'ahd* (العَهْدُ) bermakna melanggar ataupun membatalkan perjanjian.[2] Ungkapan "حَبْلُ نُكِثَ" bermakna tali yang dirosakkan.[3]

Lafaz *ankāthā* disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Nahl*, ayat 92. Ibn Kathīr berpendapat, lafaz ini mengandungi dua alternatif. Pertama, ia menjadi *ism masdar* yang bermakna *anqada* (penguraian). Kedua, ia menjadi *khabar* (predikat) bagi lafaz *"kāna"* yang bermaksud janganlah menjadi orang yang menguraikan.[4]

Ibn Manzur berkata, "Maksud lafaz *ankāthā* dalam ayat ini ialah pintalan daripada bulu (domba) atau rambut yang dipintal dan ditenun. Apabila tenunan atau pintalan itu usang, ia dipotong kecil dan benangnya yang terpintal itu dilepaskan satu-persatu, ia dicampurkan dengan bulu atau benang yang baru dan dilekatkan dengannya, lalu dipukul dengan palu, dipintal-pintal sekali lagi dan digunakan semula."[5]

Al-Tabarī berkata, "Maksud *ankāthā* ialah setiap sesuatu yang dilepaskan atau dirobek selepas dipintal, dan *nakatha al-habl* bermakna ikatan tali dilepaskan selepas menjadi kuat. Maksud di sini adalah melanggar perjanjian dan ikatan."[6] Ibn Qutaibah berkata, "Ayat ini adalah perumpamaan bagi yang berjanji dengan Allah dan bersumpah dengannya serta mengingkari perjanjian dan sumpahnya itu,[7] sebagaimana disebut dalam ayat Allah:

"وَأَوْفُوا بِعَهْدِ اللَّهِ إِذَا عَاهَدْتُمْ وَلَا تَنْقُضُوا الْأَيْمَانَ بَعْدَ تَوْكِيدِهَا."[8]

"Janganlah kamu melanggar janji-janjimu selepas kamu menegaskannya. Apabila kamu berbuat demikian, kamu sama seperti seorang perempuan[9] yang memintal dan menenun, lalu melepaskan benang tenunan itu sehingga terurai."[10]

Kesimpulannya, lafaz *ankāthā* bermakna **EDF**. Maksud ayat di atas adalah perumpamaan bagi mereka yang mengingkari dan melanggar sumpah atau perjanjian yang dikukuhkan dengan nama Allah.

ĀNṢĀB (أَنْصَابٌ)

Lafaz ini adalah bentuk jamak bagi *al-naṣb* (النَّصْبُ), *al-nuṣb* (النُّصْبُ)[11] dan *al-nuṣub* (النُّصُبُ).[12] *Al-naṣb* dan *al-nuṣb* bermakna sesuatu yang ditegakkan sehingga ia disembah selain Allah. Ia juga bermakna kejahatan

1 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 836.

2 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 5, h. 117.

3 Ma'lūf (1975), *loc. cit.*

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 537.

5 Ibn Manzur (1968), *op. cit.*, j. 2, h. 197.

6 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 8, h. 218.

7 Ibn Qutaibah al-Dānuri (t.t.), *Ta'wīl Musykil al-Qur'ān*. Al-Sayyid Ahmad Saqr (pentahqiq). Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah, h. 386.

8 Ertinya, "Dan sempurnakanlah pesanan-pesanan dan perintah-perintah Allah apabila kamu berjanji; dan janganlah kamu merobek (mencabuli) sumpah kamu sesudah kamu menguatkannya (dengan nama Allah)." (Surah *al-Nahl*, ayat 91).

9 Abdullāh bin Kathīr dan al-Suddī berkata, "Dia adalah Kharqa' iaitu seorang perempuan Makkah yang selalu menguraikan pintalannya." Muqātil berkata, "Dia adalah seorang perempuan dari suku Quraisy yang bernama "Ritah bt. 'Amrū b. Ka'ab, yang dikatakan "Ritah binti Ibn Zayd Manāh bin Tamīm. Al-Anbari berkata, "Namanya ialah Ritah bt. 'Amrū al-Mariyah dan gelarannya ialah al-Ja'rā' yang berasal dari Makkah. Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 8, 217.

10 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 248.

11 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 661.

12 Ibn Manzur (1968), *op. cit.*, j. 1, h. 758.

dan bala.[1] Contohnya Allah menyatakan, "بِنُصُبٍ وَعَذَابٍ." Ini sesuai dengan pendapat al-Jauhari.[2] Ibn Manzur berkata, "*Al-naṣb* dan *al-nuṣb* bermakna bendera yang ditegakkan atau setiap sesuatu yang disembah selain Allah."

Al-Farrā' berpendapat, *al-nuṣub* seolah-olah adalah tuhan yang disembah daripada batu."[3] *Al-naṣb* juga bermakna tanda yang diletakkan bagi sesuatu batasan atau tujuan, sejenis lagu yang ringan, muslihat dan tipu daya. Apabila disandarkan kepada *al-kalimah* atau *naṣb al-kalimah* bererti *i'rab*nya dengan berbaris atas. Apabila disandarkan kepada *'ain* atau *naṣb 'aini* ertinya di hadapannya.[4] *Al-nuṣb* juga mengandungi makna sesuatu yang dibina bagi mengingatkan kepada seseorang atau kejadian.[5]

Lafaz *anṣab* disebut sekali dalam al-Quran iaitu pada surah *al-Mā'idah*, ayat 90. Al-Tabarī berkata, "Makna lafaz ini ialah berhala-berhala daripada batu yang disembah oleh orang musyrik dan ia bukanlah patung."[6]

Ibn Juraij berkata, "Kerana patung digambar, dibentuk atau dipahat."[7] Pendapat ini berpandukan kepada rekod daripada Mujāhid,[8] Qatādah,[9] Ibn 'Abbās [10] dan Ibn Zaid.[11]

Ibn Fāris berkata, "Ia bermakna batu yang ditegakkan bagi disembah dan disiram dengan darah-darah sembelihan."[12] Ibn Sayyidah berkata, "*Al-anṣab* ialah batu-batu di sekeliling Kaabah, ditegakkan bagi diagungkan dalam upacara sembelihan."[13] Ibn Manzur berkata, "Makna *anṣab* pada surah *al-Mā'idah* ayat 90 adalah sama seperti pada ayat 3 iaitu bermakna *al-Awthān* (berhala-berhala)."[14]

Kesimpulannya, makna *anṣab* ialah **berhala-berhala daripada batu yang tidak berbentuk *asnam* atau patung.**

AQĀWĪL (أَقَاوِيلُ)

Lafaz ini adalah jamak daripada kata benda jamak *aqwāl* (أَقْوَالٌ) dan *mufrad*nya adalah *al-qawl* (الْقَوْلُ), ertinya *al-kalām* (percakapan), atau setiap lafaz yang dituturkan oleh lidah sama ada ia sempurna atau kurang sem-

1 Al-Rāzī (1987), *loc. cit.*

2 Ibn Manzur (1968), *loc. cit.*

3 *Ibid.*

4 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 2, h. 925.

5 *Ibid.*

6 Al-Tabari (1995), *op. cit.*, j. 6, h. 100-101.

7 Ibn Juraij berkata, "Ansab ialah batu-batu yang ditegakkan di sekeliling Kaabah yang mencecah 360, ada yang mengatakan 300 daripada jumlahnya itu adalah kepunyaan Bani Khuza'ah. Apabila mereka menyembelih binatang-binatang, maka mereka menyiramnya dengan darah-darah binatang itu dan menggantungkan daging-dagingnya di atasnya. Ketika Islam datang, orang Islam berkata kepada nabi. "Kami lebih berhak dari mereka dalam mengagungkan Rumah ini dengan perbuatan-perbuatan ini, seakan-akan nabi tidak membenci perbuatan itu, maka turunlah ayat Allah, "لَا يَنَالُ اللَّهَ لُحُومُهَا وَلَا دِمَاؤُهَا" (Tidak akan sampai kepada Allah dagingnya dan tidak pula darahnya), dan turun ayat "وَمَا ذُبِحَ عَلَى النُّصُبِ" (Dan binatang-binatang yang disembelih di atas batu-batu berhala). Al-Tabarī (1995), *loc. cit.* Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 6, h. 60.

8 Beliau berkata, Al-Nusub ialah batu-batu di sekitar Kaabah di mana orang jahiliah menyembelih di atasnya dan menukarnya sesuka hati dengan batu lain sekiranya mereka takjub serta suka dengan batu itu.

9 Beliau berpendapat ia bermaksud batu-batu yang menjadi sembahan orang jahiliah dan menyembelih di atasnya, lalu Allah melarangnya.

10 Beliau berpendapat bahawa *al-nusub* ialah *ansab* (batu-batu) di mana mereka menyembelih di atasnya dan mengagungkannya.

11 مَا ذُبِحَ عَلَى النُّصُبِ bermakna binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah, ertinya disembelih kerana berhala-berhala dari batu itu.

12 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 6, h. 60.

13 Ibn Manzur (1968), *op. cit.*, j. 11, h. 759.

14 *Ibid.*

purna,[1] atau bahagian daripada pertuturan *(al-nuṭq)*.[2] Ia juga bermakna pendapat dan iktikad-iktikad, ungkapan "هَذَا قَوْلُ فُلَانٌ" membawa maksud "ini adalah pendapat dan kepercayaan seseorang."[3]

Lafaz dalam bentuk jamak ini hanya disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al -Haqqah* (69), ayat 44. Kalimah ini digandingkan dengan lafaz *al-taqawwul* (التَّقَوُّلُ) iaitu mendatangkan perkataan-perkataan daripada dirinya sendiri.[4] Al-Syawkani mentafsirkan, "Sekiranya Muhammad atau Jibril mengada -adakan perkataan-perkataan daripada mereka berdua."[5] Dalam *Tafsir al-Jalalain*, ayat ini bermaksud sekiranya nabi berkata tentang kami apa yang belum kami katakannya.[6] Al-Tabari memberi maksud dengan perkataan-perkataan yang batil dan dusta.[7]

Kesimpulannya, lafaz *aqawīl* bererti perkataan-perkataan, kerana ia digandingkan dengan *al-taqawwul* yang bermaksud perkataan-perkataan dusta dan batil.

AQLĀM (أَقْلَامٌ)

Ia adalah bentuk jamak bagi *al-qalam* (الْقَلَمُ), ertinya pena yang menjadi alat penulis dan tidak dinamakan pena kecuali selepas diraut, tetapi dinamakan batang.[8]

Ibn Faris berkata, "Ia menunjukkan penyamaan sesuatu selepas diraut dan diperbaiki. Oleh itu, *al-qalam* dinamakan pena kerana ia diraut atau disamakan hujungnya sebagaimana menyamakan hujung kuku dengan cara memotongnya."[9] Ia juga bermakna anak panah yang dipilih antara suatu kaum bagi berburu pada bulan purnama.[10]

Lafaz ini disebut dua kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 44 dan surah *Luqmān* (31), ayat 27. Kalimah dalam bentuk jamak ini mengandungi dua makna. Pertama, bermakna anak panah sebagai alat untuk bertaruh seperti yang terdapat dalam surah *Āli 'Imrān*. Al-Tabarī mentafsirkannya sebagai anak panah yang dijadikan taruhan oleh para calon daripada Banī Israel bagi memelihara dan menanggung Maryam,[11] sebagaimana yang direkodkan oleh Mujahid di mana beliau berkata, "Zakariyā dan sahabat-sahabatnya bertaruh dengan anak panah mereka ke atas Maryam.[12] Qatādah berkata, "Mereka bertaruh bagi memelihara Maryam, maka Zakariyā pun bertaruh dengan mereka."[13] Manakala al-Qurtubī[14] dan Ibn Kathīr[15] ber-

1 Al-Zawi (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 717.

2 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 5, 42.

3 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 663.

4 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 18, h. 264.

5 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 354-355.

6 *Tafsir al-Jalālain* (t.t.), *op. cit.*, h. 753.

7 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 29, h. 82.

8 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 651.

9 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 5, h. 13-14.

10 Al-Zawi (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 683.

11 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 364.

12 *Ibid.*

13 *Ibid.*

14 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 4, h. 92, menurut beliau Nabi Zakariyā berkata, "Aku lebih berhak memeliharanya." Sedangkan Bani Israel berkata, "Kami lebih berhak memeliharanya." Lalu mereka bertaruh dan setiap daripada mereka mendatangkan pena dan bermuafakat mencampakkan pena-pena itu ke dalam air yang mengalir. Siapa yang penanya terhenti dan tidak dibawa oleh arus air, dialah yang memeliharanya. Nabi berkata, "Maka semua pena-pena itu dibawa oleh arus air dan berhentilah pena Zakariya. Ini adalah tanda dan mukjizat Nabi Zakariyā yang ada di tangannya."

15 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 319, direkodkan daripada 'Ikrimah, al-Suddī, Qatādah dan al-Rabī' b. Anas, mereka pergi ke Sungai Jordan dan bertaruh di sana di mana antara yang bertaruh ialah pembesar-pembesar, ulama-ulama Bani Israel dan selain daripada mereka.

kata, "Ia bermaksud pena yang digunakan oleh Banī Israel bagi menulis Taurat."

Kedua, bermaksud pena. Ibn Kathīr ber kata dalam mentafsirkan ayat ini, "Sekiranya semua pokok-pokok di muka bumi ini di-jadikan pena dan lautan ditambah tujuh lautan lagi (sebagai dakwat) bagi menulis kalimah-kalimah Allah yang mengisyaratkan kekuasaannya, sifatnya, keagungannya, maka pasti hancurlah pena itu dan habislah tinta itu,"[1] sebagaimana juga yang ditafsirkan oleh al-Syawkani[2] dan al-Sabuni.[3]

AQWAM(أَقْوَمُ)

Lafaz ini berbentuk *tafḍil* (menunjukkan lebih daripada yang lain). Berasal daripada perkataan *qawama* (قَوَمَ), ertinya *a'dalu* (أَعْدَلُ), lebih adil dan lebih baik. Dalam contoh "فُلَانٌ أَقْوَمُ كَلَامًا مِنْ فُلَانٍ" maksudnya, "Perkataan si A lebih adil dan lurus atau baik daripada perkataan si B."[4] Ia juga bermakna yang tegak dan keazaman.[5]

Lafaz ini disebut empat kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah*, ayat 282; *al-Nisāk*, ayat 46; *al-Isrāk*, ayat 9 dan *al -Muzzammil*, ayat 6.

Dalam *Tafsir al-Jalālain*, pentafsiran *aq-wam* dalam surah *al-Baqarah*, ayat 282 ialah *a'wan* (lebih dapat) membantu mendiri-kan kesaksian, kerana ia mengingatkannya[6] atau mengingatkan seluruh saksi apa yang disaksikannya.[7] Begitu juga pentafsiran al -Zamakhsyarī iaitu lebih membantu dan me-nguatkan keterangan saksi.[8]

Dalam surah *al-Nisāk*, ayat 46 dan *al -Muzzammil* ayat 6, al-Tabarī berkata, "Ia bermaksud lebih adil dan lebih benar da-lam perkataan."[9] Manakala dalam surah *al -Isrāk*, ayat 9, al-Qurtubi mentafsirkannya dengan jalan yang lebih kuat, adil atau lu-rus dan lebih benar. Al-Zujjāj berkata, "Bagi keadaan-keadaan yang lebih kuat atau baik iaitu mengesakan Allah dan beriman dengan rasul-rasulnya sebagaimana pendapat yang dikemukakan al-Kalbī dan al-Farrā'.[10]

Kesimpulannya, lafaz *aqwam* mengan-dungi dua makna. **Pertama**, lebih membantu dan menguatkan sebagaimana yang terdapat dalam surah *al-Baqarah*. **Kedua**, lebih benar dan lurus sepertimana pada surah-surah yang lain.

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 422, direkodkan daripada 'Ikrimah dan 'Ata' bin Yasar, ayat ini turun sebagai jawapan kepada orang Yahudi. Ibu Ishaq berkata, "Diceritakan kepadaku oleh Muhammad bin Abi Muhammad daripada Sa'id bin Jubayr atau 'Ikrimah, daripada Ibn 'Abbas, ulama-ulama Yahudi berkata kepada Rasulullah di Madinah, "Wahai Muhammad! Apa pandangan kamu pada ayat, "وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا" (Dan tidaklah kamu diberi ilmu melainkan hanya sedikit), adakah ia bagi kami atau bagi umatmu? Rasulullah berkata, "Ia adalah bagi kedua-duanya." Mereka berkata, "Tidakkah engkau membaca apa yang didatangkan kepadamu, kami diturunkan Taurat yang menjelaskan segala sesuatu?" Maka Rasulullah berkata, "Ianya di sisi Allah adalah sedikit dan sedikit daripadanya memadai buatmu." Lalu Allah menurunkan ayat ini atas apa yang mereka tanyakan.

2 Al-Syawkani (1994), *op.cit.*, j. 4, h. 302, beliau berkata, "Lafaz ini berbentuk jamak kerana ia menandakan banyak, iaitu. "Sekiranya disediakan setiap pokok dari semua pokok yang ada ini menjadi pena."

3 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 496.

4 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 663.

5 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 5, h. 43.

6 Al-Jalālayn (t.t.), *op. cit.*, h. 69.

7 'Abdullāh bin Muslim b. Qutaybah (1978), *Tafsīr Gharīb al-Qur`ān*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 99.

8 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 322.

9 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 5, h. 168.

10 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 10, h. 229-230.

ARĀ'IK (أَرَابِيكُ)

Lafaz ini dalam bentuk jamak, *mufrad*nya adalah *al-arīkah* (الأَرِيكَةُ), ertinya sofa[1] atau tempat tidur yang dihiasi dengan megah,[2] takhta atau singgahsana.[3]

Al-Razi berkata, "Ia adalah tempat tidur yang dihiasi di dalam kubah atau rumah, apabila ia tidak ada tempat tidur, maka dinamakan *al-hajalah* atau bilik mempelai.[4]

Lafaz *arā'ik* disebut lima kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Kahfi* (18), ayat 31; *Yāsin* (36), ayat 56; *al-Insān* (76), ayat 13 dan *al-Mutaffifīn* (83), ayat 23, 35.

Al-Tibrisī berkata, "Ia bermaksud tempat tidur yang di atasnya ada tirai dan kubah yang diperuntukkan bagi mempelai." Yang lain berkata ia bermaksud bantal-bantal.[5] Al-Qurtubī dan al-Zujjāj berpendapat, ia bermaksud tempat tidur di dalam kubah seperti tempat tidur yang dihiasi bagi mempelai.[6] Ibn 'Abbās berkata, "Ia bermakna ranjang dibuat daripada emas yang dikelilingi dengan intan dan berlian. Di atasnya ada kubah."[7] Ia juga bermakna tempat tidur yang diperbuat daripada emas, dihiasi dengan kain dan tirai.[8]

Daripada makna bahasa dan pentafsiran di atas, makna *arā'ik* ialah tempat tidur yang diperbuat daripada intan dan berlian, dihiasi oleh kain dan tirai yang di atasnya ada kubah bagaikan takhta dan singgahsana.

1 Anīs *et al.* (1962), j. 1, h. 14.

2 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 9.

3 Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 19.

4 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 14.

5 Al-Tibrisī (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 429.

6 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 10, h. 407

7 *Ibid.*

8 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 191.

ARBA'AH (أَرْبَعَةٌ)

Lafaz ini *mudhakkar* dan *mu'annath*nya adalah *arba'* (أَرْبَعٌ). Ia mengandungi beberapa makna berdasarkan sandarannya atau hubungannya dengan kalimah lain. Apabila disandarkan kepada *al-'adad* (bilangan) bermakna empat[9] atau bilangan yang diketahui.[10] *Arba' al-qawm* bermakna mereka dalam musim semi atau musim bunga,[11] *arba' al-ḥamil* bermaksud melahirkan dalam musim bunga,[12] *dhawāt al-arba'* ertinya haiwan yang berjalan di atas empat kaki[13] dan *al-riyah al -arba'* bermaksud angin timur, barat, selatan dan utara.[14]

Lafaz *arba'ah* disebut sembilan kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 226, 234, 260; *al-Nisāk* (4), ayat 15; *al-Taubah* (9), ayat 2, 36; *al-Nūr* (24), ayat 4, 13; *Fussilat* (41), ayat 10.

Lafaz *arba'ah* di dalam al-Quran di sandarkan kepada beberapa perkara yang mengisyaratkan perbezaan makna.

Pertama, ia disandarkan kepada kesaksian atau *arba' syahadāt* sepertimana dalam surah *al-Nisāk*, ayat 15 dan *al-Nūr*, ayat 4[15] dan 13.[16] Bagi isteri-isteri yang berzina, suami -suami mereka perlu mendatangkan empat orang saksi daripada lelaki Muslim yang merdeka. Apabila sabit kesalahan, wanita itu

9 Anīs et al. (1962), *op. cit.*, j. 1, h. 324.

10 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 246

11 Anīs et al. (1962), *loc. cit.*

12 *Ibid.*

13 Ma'lūf (1975), *loc. cit.*

14 *Ibid.*

15 Ayat ini menceritakan tentang orang yang melemparkan tuduhan zina kepada perempuan-perempuan yang terpelihara kehormatannya lalu mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka hukuman bagi mereka ialah disebat lapan puluh kali sebatan.

16 Ayat ini berkenaan dengan orang yang tidak mendatangkan empat orang saksi bagi tuduhan mereka itu dan mereka di sisi Allah adalah pendusta.

hendaklah dikurung sehingga mati.[1]

Ibn Kathīr berkata, "Pada awal Islam, hukuman bagi seorang perempuan yang disabitkan berzina dengan adanya saksi yang adil, ia dikurung di dalam rumah dan tidak dibolehkan keluar sehingga mati. Kemudian Allah memansuhkannya dengan perkataan *sabīlā*."[2]

Kedua, ia disandarkan kepada bulan *(arba'ah asyhur)* sepertimana dalam surah *al -Baqarah* (2), ayat 226, 234 dan *al-Taubah* (9), ayat 2.[3] Dalam ayat 226, surah *al-Baqarah*, Allah memberikan tempoh empat bulan bagi orang yang bersumpah tidak mencampuri isterinya.[4]

Ketiga, ia disandarkan kepada hari atau malam *(arba'ah ayyām)* iaitu yang terdapat dalam surah *Fussilat*, ayat 10. Al-Zamakhsyarī berkata, "Maksud dari empat hari itu ialah tempoh di mana Allah menciptakan bumi dan segala yang ada di dalamnya, seakan -akan dia berkata, "Penciptaan semua itu adalah sempurna dalam empat hari,[5] tidak kurang dan tidak lebih."

Keempat, ia disandarkan kepada *hurum (arba'ah hurum)*, iaitu yang terdapat pada surah *al-Taubah*, ayat 36. Dalam *Tafsīr al-Jalālain,* ia bermaksud empat bulan yang dihormati dalam Islam di antara dua belas bulan iaitu Zulkaedah, Zulhijjah, Muharam dan Rejab.[6]

Kelima, ia disandarkan kepada burung *(arba'ah min al-ṭayr)* sepertimana dalam surah *al-Baqarah*, ayat 260. Ibn Kathīr berkata, "Para mufassir berbeza pendapat tentang empat burung itu. Dilaporkan oleh Ibn 'Abbās, ia adalah ayam jantan *(al-dīk)*, burung merpati *(al-hamāmah)*, burung merak *(al-ṭāwūs)* dan burung bangau *(al-ghurnūq)*."[7] Daripada Mujahid,[8] Ibn Juraij,[9] Ibn Zaid,[10] ia adalah *al-hamāmah* (burung merpati), *al-dīk* (ayam jantan), *al-ṭāwūs* (burung merak) dan *al -ghurāb* (burung gagak).

Kesimpulannya adalah lafaz *arba'ah* bermaksud bilangan empat.

1 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*, j. 1, h. 265-266.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 408. Ibn 'Abbās berkata, "Hukum perbuatan itu adalah seperti di atas sehingga Allah menurunkan surah *al-Nūr*, maka ia memansuhkannya dengan hukuman rejam sebagaimana yang direkodkan daripada 'Ikrimah, Sa'īd bin Jubayr, al-Hasan, 'Atā' al-Khurasānī, Abī Sālih, Qatādah, Zayd bin Aslam dan al-Dahhāk, hukuman itu dimansuhkan. Ibn Kathīr berkata, "Ia adalah perkara yang disepakati para ulama dan perkataan "al-Sabīl" yang terdapat pada akhir ayat surah al-Nisāk itu adalah ayat yang Allah mansuhkan hukuman itu." Ayat yang memansuhkannya itu ialah (Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari kedua-duanya seratus kali sebat). (Surah *al-Nūr*, ayat 2). Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 4, athar no. 6990, h. 387.

3 Ayat ini berkenaan pemutusan perjanjian antara orang Islam dengan orang musyrik, di mana kaum musyrik diberi tempoh selama empat bulan bagi bergerak dengan bebasnya ke mana mereka pergi di muka bumi dan supaya mereka berfikir dalam tempoh itu sama ada mereka mahu menyerah atau melawan. Syeikh Abdullah bin Muhammad Basmeih (1987), *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al -Qur'an*, c. 8. Kuala Lumpur: Dini Press. Sdh. Bhd., h. 342.

4 Al-Syawkani berkata, "Para ulama berbeza pendapat m - ngenai al-Īlā', iaitu bersumpah tidak mencampuri isterinya lebih dari empat bulan. Mālik, Syāfi'ī, Ahmad dan Abū Thawr berkata, "Apabila ia bersumpah empat bulan lebih, tidak dinamakan *al-Īlā'*, tetapi hanya sekadar sumpah." Al-Thawrī dan ulama-ulama Kufah berkata, "*al-Īlā'* ialah bersumpah selama empat bulan dan seterusnya." Direkodkan daripada Ibn 'Abbās, tidak dikatakan *al-Īlā'* sehingga ia bersumpah tidak mencampurinya selama-lamanya. Ada yang mengatakan tempoh empat bulan adalah tempoh di mana seorang perempuan tidak dapat menahan kesabaran daripada suaminya. Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 291-292.

5 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 182-183, ada pe - dapat lain yang menyatakan Allah mencipta bumi pada hari Ahad dan hari Isnin, serta apa yang terdapat di dalamnya pada hari Selasa dan Rabu. Al-Zujjaj berkata, "Pada empat hari diciptakan dan disempurnakan (tatimmah) dan pada dua hari (yang melengkapi dua hari pada ayat 9, *pent.*)."

6 Al-Jalālain (t.t.), *op. cit.*, h. 247.

7 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 277.

8 Al-Tabarī (1995), j. 3, athar no. 4683, h. 73.

9 *Ibid.*, athar no. 4684.

10 *Ibid.*, athar no. 4685.

ARBĀB (أَرْبَابٌ)

Lafaz ini adalah jamak daripada perkataan *rabb* (رَبٌّ) yang mengandungi makna tuan, raja,[1] pemilik setiap sesuatu. *Al-rabb* bermaksud nama daripada nama Allah, tidak dikatakan kepada yang lain kecuali dengan *iḍāfah* (disandarkan pada kalimah lain).[2] Pada masa jahiliah, orang Arab menamakan raja dengan menggunakan lafaz *rabb*.[3]

Lafaz *arbāb* disebut sebanyak empat kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 64, 80; *al-Taubah* (9), ayat 31 dan *Yūsuf* (12), ayat 39. Al-Qāsimī berkata, "Ayat dalam surah *Yūsuf* ini mengisyaratkan mengenai keadaan masyarakat Mesir yang menyembah banyak tuhan. Sebagaimana Mesir hebat dalam bidang keilmuan dan kekuasaan, begitu juga dalam penyembahan tuhan-tuhan, masyarakatnya juga mencapai kemuncak dalam kesesatan, yang mana mereka menyembah matahari, bulan, bintang, individu-individu di kalangan manusia dan haiwan sehingga kepada serangga-serangga yang ada di bumi."[4]

Al-Syawkani berkata, "Maksud ayat 64 surah *Āli 'Imrān* dan *al-Taubah* adalah celaan bagi orang yang meyakini ketuhanan al-Masih dan 'Uzayr serta isyarat mereka adalah daripada jenis manusia seperti mereka sendiri, dan kehinaan bagi orang yang mengikuti *rijāl* (pemuka) agama sehingga menghalalkan apa yang mereka halalkan dan mengharamkan apa yang mereka haramkan. Sekiranya mereka berbuat demikian, bererti orang yang mengikutinya mengambilnya sebagai tuhan."[5]

Al-Tabarī[6] berkata, "Ia bermaksud ketaatan pengikut kepada pembesar-pembesar mereka, mengikuti segala yang disuruh daripada berbuat kejahatan dan meninggalkan ketaatan kepada Allah seperti dalam surah *al-Taubah*, ayat 31."[7] Sebagaimana pendapat Ibn Juraij,[8] maksud tuhan itu ialah ketaatan manusia kepada tuan dan pembesar mereka, walau bukan daripada aspek ibadah. Pendapat 'Ikrimah[9] menyatakan, sesetengah mereka bersujud kepada sesetengah yang lain.

Kesimpulannya, lafaz *arbāb* mengandungi dua maksud. Pertama, bermaksud tuhan-tuhan. Kedua, bermaksud pendidik selain Allah sebagaimana pada surah *al-Taubah*, ayat 31. Walau bagaimanapun, maksud umum bagi lafaz ini adalah tuhan-tuhan yang disembah daripada benda, haiwan dan manusia.

ARḌ (أَرْضٌ)

Arḍ adalah lafaz *mufrad* dan *mu'annath*, jamaknya adalah *araḍun* (أَرَضُوْنَ), *urūḍ* (أُرُوضٌ), dan *arāḍī* (أَرَاضِي), maknanya ialah bola bumi yang bergerak yang manusia berada di atasnya[10] iaitu salah satu planet yang ada dan urutannya ketiga pada porosnya yang mengelilingi matahari dan planet yang didiami manusia.[11] Ia juga lawan lautan iaitu

1 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 243; Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 1, h. 321.

2 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 228.

3 *Ibid.*

4 Al-Qāsimī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 365.

5 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 438-349.

6 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 413.

7 Bermaksud, "Mereka menjadikan pendeta-pendeta dan ahli agama mereka sebagai pendidik selain dari Allah dan (juga mereka mempertuhankan) al-Masih Ibn Maryam."

8 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, athar no. 5685.

9 *Ibid.*, athar no. 5686.

10 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 8.

11 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 1, h. 14.

tanah atau daratan.[1] Apabila dikatakan *ibn al -arḍ* ertinya anak yang tidak diketahui bapa dan ibunya.[2] Apabila disandarkan kepada sesuatu atau sandal ertinya di bawahnya.[3]

Lafaz *ard* disebut sebanyak 130 kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 11, 22, 27, 29, 30, 33, 36, 60, 61, 71, 107, 116, 117, 164, 164, 164, 168, 205, 251, 255, 255, 267, 273, 284; *Āli 'Imrān* (3), ayat 5, 29, 83, 91, 109, 129, 133, 137, 156, 180, 189, 190, 191; *al-Nisāk* (4), ayat 42, 97, 97, 100, 101, 126, 131, 131, 132, 170, 171; *al-Mā'idah* (5), ayat 17, 18, 21, 26, 31, 32, 32, 33, 33, 36, 40, 64, 97, 106, 120; *al-An'ām* (6), ayat 1, 3, 6, 11, 12, 14, 35, 38, 59, 71, 75, 101, 116, 165, 73, 79; *al-A'rāf* (7), ayat 10, 24, 54, 56, 73, 74, 74, 85, 96, 100, 110, 127, 128, 129, 137, 146, 158, 164, 176, 185, 187; *al-Anfāl* (8), ayat 26, 63, 67, 73; *al-Taubah* (9), ayat 2, 25, 36, 38, 74, 116, 188; *Yūnus* (10), ayat 3, 6, 14, 18, 23, 24, 24, 31, 54, 55, 61, 66, 78, 83, 99, 101; *Hūd* (11), ayat 6, 7, 20, 44, 61, 64, 85, 107, 108, 116, 123; *Yūsuf* (12), ayat 9, 21, 55, 56, 73, 80, 101, 105, 109; *al-Ra'd* (13), ayat 3, 4, 15, 16, 17, 18, 25, 31, 33, 41; *Ibrāhīm* (14), ayat 2, 8, 10, 13, 14, 19, 26, 32, 38, 48, 48; *al-Hijr* (15), ayat 19, 39, 85; *al-Nahl* (16), ayat 3, 13, 15, 36, 45, 49, 52, 65, 73, 77; *al-Isrāk* (17), ayat 4, 37, 37, 44, 55, 76, 90, 95, 99, 102, 103, 104; al-Kahfi (18), ayat 7, 14, 26, 45, 47, 51, 84, 94; *Maryam* (19), ayat 40, 65, 90, 93; *Taha* (20), ayat 4, 6, 53, 57, 63; *al-Anbiyāk* (21), ayat 4, 16, 19, 21, 30, 31, 44, 56, 71, 81, 105; *al-Hajj* (22), ayat 5, 18, 41, 46, 63, 64, 65, 65, 70; *al-Mukminūn* (23), ayat 18, 71, 79, 84, 112; *al-Nūr* (24), ayat 35, 41, 42, 55, 57, 64; *al-Furqān* (25), ayat 2, 6, 59, 63; *al-Syu'arāk* (26), ayat 7, 24, 35, 152, 183; *al-Naml* (27), ayat 25, 48, 60, 61, 62, 64, 65, 69, 75, 82, 87; *al-Qasas* (28), ayat 4, 5, 6, 19, 39, 57, 77, 81, 83; *al-'Ankabūt* (29), ayat 20, 22, 36, 39, 40, 44, 52, 56, 61, 63; *al-Rūm* (30), ayat 3, 8, 9, 9, 18, 19, 22, 24, 25, 25, 26, 27, 42, 50; *Luqmān* (31), ayat 10, 16, 18, 20, 25, 26, 27, 34; *al-Sajdah* (32), ayat 4, 5, 10, 27; *al -Ahzāb* (33), ayat 27, 27, 72; *Sabak* (34), ayat 1, 2, 3, 9, 9, 14, 22, 24; *Fatir* (35), ayat 1, 3, 9, 38, 39, 40, 43, 44, 44; *Yāsin* (36), ayat 33, 36, 81; *al-Saffat* (37), ayat 5; *Sad* (38), ayat 10, 26, 27, 28, 66; *al-Zumar* (39), ayat 5, 10, 21, 38, 44, 46, 47, 63, 67, 69, 74; *Ghāfir* (40), ayat 21, 21, 26, 29, 57, 64, 68, 75, 82, 82; *Fussilat* (41), ayat 9, 11, 15, 39; *al-Syura* (42), ayat 4, 5, 11, 12, 27, 29, 31, 42, 49, 53; *al-Zukhruf* (43), ayat 9, 10, 60, 82, 84, 85; *al-Dukhān* (44), ayat 7, 29, 38; *al-Jāthiyah* (45), ayat 3, 5, 13, 22, 27, 36, 37; *al-Ahqaf* (46), ayat 3, 4, 20, 32, 33; *Muhammad* (47), ayat 4, 7, 14; *al-Hujurāt* (49), ayat 16, 18; *Qāf* (50), ayat 4, 38, 44, 50; *al-Dhāriyāt* (51), ayat 20, 23, 48; *al-Tur* (52), ayat 36; *al-Najm* (53), ayat 31, 32, *al-Qamar* (54), ayat 12; *al-Rahman* (55), ayat 10, 29, 33; *al-Wāqi'ah* (56), ayat 4; *al-Hadīd* (57), ayat 1, 2, 4, 5, 10, 21, 22, 17; *al-Mujādalah* (58), ayat 7; *al-Hasyr* (59), ayat 1, 24; *al-Saff* (61), ayat 1, *al-Jumu'ah* (62), ayat 1, 10; *al-Munāfiqun* (63), ayat 7; *al-Taghabun* (64), ayat 1, 3, 4; *al -Talāq* (65), ayat 12; *al-Mulk* (67), ayat 15, 16, 24; *al-Haqqah* (69), ayat 14; *al-Ma'ārij* (70), ayat 14; *Nuh* (71), ayat 9, 17, 26; *al-Jinn* (72), ayat 10, 12; *al-Muzzammil* (73), ayat 14, 20; *al -Mursalāt* (77), ayat 25; *al-Nabak* (78), ayat 6, 37; *al-Nāzi'āt* (79), ayat 30; *'Abasa* (80), ayat 26; *al-Insyiqāq* (84), ayat 3; *al-Burūj* (85), ayat 9; *al-Tariq* (86) ayat 12; *al-Ghāsyiyah* (88), ayat 20; *al-Fajr* (89), ayat 21; *al-Syams* (91), ayat 6; *al-Zalzalah* (99), ayat 1, 2.

Dalam al-Quran, lafaz *arḍ* mempunyai enam maksud.

1 Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 18.

2 Ma'lūf (1975), *loc. cit.*

3 Anīs *et al.* (1962), *loc. cit.*; Ma'lūf (1975), *loc. cit.*

Pertama, bermaksud bumi Palestin, Damsyik dan sebahagian Jordan, kerana ia dikaitkan dengan *al-muqaddasah (al-arḍ al -muqaddasah)*. Makna ini diberikan oleh Ibn Qutaibah.[1] Al-Zamakhsyari berkata, "*Al-arḍ al-muqaddasah* ialah *arḍ bait al-muqaddasah* (bumi rumah yang suci), di mana ia adalah tempat para nabi dan orang Islam."[2] Direkodkan oleh Mujahid daripada Ibn 'Abbās, "Ia adalah Tursina dan sekelilingnya."[3] Qatadah berpendapat ia adalah Syam.[4] Manakala rekod Ibn Zaid,[5] al-Suddī[6] dan 'Ikrimah[7] daripada 'Ibn 'Abbās menyatakan ia adalah Arīhā.

Al-Tabari berkata, "Ia adalah *arḍ al -muqaddasah* sebagaimana yang dikatakan oleh Nabi Mūsā adalah bumi seperti bumi lain, tidak diketahui hakikat kebenarannya kecuali dengan khabar. Tidak ada khabar mengenainya yang benar-benar dapat dipastikan. Namun, ia tidak keluar dari bumi antara Sungai al-Furāt (*Euphart*) dan Mesir sebagaimana yang disepakati oleh para ahli tafsir , sejarawan dan ulama."[8]

Kedua, ia bermakna bumi yang manusia diami sekarang sebagaimana majoriti maksud daripada ayat-ayat di atas.

Ketiga, ia bermaksud selain bumi yang tidak pada sifatnya yang dikenal atau bumi di hari akhirat sepertimana yang terdapat dalam surah *Ibrāhīm*, ayat 48. Dalam *Sahih Bukhari* dan *Muslim* terdapat hadis daripada Ibn Hazim yang direkodkan daripada Sahl bin Sa'ad, katanya Rasulullah berkata, "Manusia akan dikumpulkan pada hari kiamat di atas bumi yang amat putih bagaikan roti yang bulat dan pipih lagi putih, tidak terdapat di dalamnya penolong bagi seseorang."[9] Dalam rekod lain dijelaskan manusia berjalan di atas jambatan atau *al-Sirāṭ*.[10]

Keempat, bermakna tempat, sebagaimana pada surah *Yūsuf*, ayat 9. Al-Qurtubī mentafsirkannya dengan tempat yang jauh daripada ayahandanya.[11] Begitu juga dengan pentafsiran Al-Tabari, yang dimaksudkan dengan bumi di sini ialah suatu tempat dari bumi.[12]

Kelima, bermakna bumi Mesir, iaitu yang terdapat dalam surah *al-A'rāf*, ayat 110; *Tahā*, ayat 57; 63, *al-Syu'arak*, ayat 35; *Ibrāhīm*, ayat 13. Ini sebagaimana pentafsiran yang dikemukakan oleh al-Syawkani[13] dan al-Sabuni.[14]

Keenam, bermakna bumi Makkah iaitu yang terdapat dalam surah *al-Qasas*, ayat 57. Ayat ini mengkhabarkan kepada manusia tentang alasan kafir Quraisy yang tidak mengikuti petunjuk. Mereka berkata kepada Rasulullah, "Sekiranya kami menyertaimu menurut petunjuk yang engkau bawa itu, kami takut disakiti dan diperangi oleh mereka (kafir Quraisy) yang lain serta diusir dari

1 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 142.

2 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 607.

3 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 6, h. 234, athar no. 9086 dan 9087.

4 *Ibid.*, athar no. 9088.

5 *Ibid.*, athar no. 9089.

6 *Ibid.*, athar no. 9090.

7 *Ibid.*, athar no. 9091.

8 *Ibid.*, h. 235.

9 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 497.

10 *Ibid.* Direkodkan oleh Imam Ahmad daripada 'Ā'isyah, beliau berkata, "Akulah yang pertama sekali bertanya mengenai ayat ini yang bermaksud, "(Ingatlah!) pada hari bumi ini diganti dengan yang lain, demikian juga langit." Beliau berkata, "Aku berkata, di mana manusia pada masa itu wahai Rasulullah?" Beliau berkata, "Di atas sirat (jambatan)." Direkodkan oleh Muslim, al-Tirmidhī, Ibn Majah, daripada hadis Dawud b. Abī Hind. Al-Tirmidhī berkata, "Hadis ini adalah hadis hasan sahih."

11 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 9, h. 136.

12 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 12, h. 202.

13 Al-Syawkani (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 295.

14 Al-Sabuni (1981), j. 1, h. 463.

negeri kami."[1]

ARḤĀM (أَرْحَام)

Lafaz ini adalah jamak perkataan *al-raḥīm* (الرَّحِم) atau *al-riḥm* (الرِّحْم).[2] Ibn Sayyidah berkata, "Kedua-duanya bermakna tempat mem-besarnya seorang anak di dalam perut."[3] Al-Jawharī berpendapat, kedua -duanya bermakna *al-qarābah* atau sanak saudara."[4] Al-Kafawī pula berkata, "*Al-raḥīm* adalah tempat kemunculan seorang anak di dalam perut. Kemudian dinamakan sebagai sanak saudara *(al-qarābah)* daripada sudut kelahiran."[5]

Menurut Ibn al-Manzur, ia terkait dengan setiap orang yang bersatu antara kamu dan antaranya dengan ikatan nasab (garis keturunan), dan dalam *farā'id dhawī al-raḥīm,* ia berkaitan dengan saudara-saudara daripada pihak perempuan iaitu yang tidak boleh menikahinya seperti ibu, anak perempuan, saudara perempuan, emak saudara dan bapa saudara."[6] Ia adalah perkataan rahim perempuan yang dipinjam bagi maksud saudara-saudara kerana mereka keluar dari satu rahim.[7]

Lafaz *arḥām* disebut sebanyak 12 kali dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 228; *Āli 'Imrān* (3), ayat 6; *al-Nisāk* (4), ayat 1; *al-An'ām* (6), ayat 143, 144; *al -Anfāl* (8), ayat 75; *al-Ra'd* (13), ayat 8; *al -Hajj* (22), ayat 5; *Luqmān* (31), ayat 34; *al -Ahzāb* (33), ayat 6; *Muhammad* (47), ayat 22; *al-Mumtahanah* (60), ayat 3. Lafaz ini mengandungi dua maksud:

Pertama, bermakna **rahim**. Makna ini terdapat dalam surah *Āli 'Imrān*, ayat 6; *al -An'ām*, ayat 143, 144; *al-Ra'd*, ayat 8, *al-Hajj*, ayat 5; *Luqmān*, ayat 34; *al-Baqarah*, ayat 228. Maksud lafaz ini dijelaskan oleh para mufassir, Ibn Kathīr berkata berkenaan ayat dalam surah *Āli 'Imrān*, "Dia menciptakan dan menetapkan di dalam rahim apa yang dikehendakinya berupa lelaki atau perempuan, yang cantik atau jelik, sengsara atau bahagia."[8] Dalam surah *al-An'ām*, ia dihubungkan dengan *al-unthayaini* iaitu berkaitan dengan apa yang ada dalam perut haiwan. Maksudnya apa yang dikandungkan daripada dua jenis, jantan ataupun betina atau anak-anak daripada perut haiwan ternak[9] itu.[10]

Kedua, bermaksud sanak saudara *(al -qarābah)* atau tali persaudaraan. Maksud ini terdapat dalam surah *al-Anfāl,* ayat 57; *al-Hajj*, ayat 5; *Luqmān*, ayat 34; *al-Ahzāb*, ayat 6; *Muhammad*, ayat 22. Makna ini dijelaskan oleh para mufassir, al-Zamaksyari berkata berkenaan ayat "Takutlah kamu akan Allah yang mencipta kamu, dan takutlah kamu tali persaudaraan dan janganlah memutuskannya."[11] Ibn Qutaibah menyebut ia bermaksud "Takutlah kamu memutuskan tali persaudaraan."[12]

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 370; Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 20, h. 115.

2 Ibn Manzur (1968), *op. cit.*, j. 12, h. 232.

3 *Ibid.*

4 *Ibid.*

5 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 461.

6 Ibn Manzur (1968), *op. cit.*, h. 233.

7 Al-Fayrūz Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 2, h. 58.

8 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 302.

9 Iaitu sepasang dari kambing biri-biri, sepasang dari kambing biasa, sepasang dari lembu dan sepasang dari unta.

10 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*, j. 1, h. 425.

11 Al-Zamaksyarī, *op. cit.*, j. 1, h. 452-453.

12 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 118.

Tafsiran ini diperjelaskan oleh ayat Allah dalam surah *Muhammad*, ayat 22 yang bermaksud, "(Sekiranya kamu tidak mematuhi perintah), maka tidakkah kamu harus dibimbangkan dan dikhuatirkan- sekiranya kamu dapat memegang kuasa-kamu akan melakukan kerosakan di muka bumi, dan memutuskan hubungan silaturahim dengan kaum kerabat."

Lafaz dengan maksud ini dikaitkan dengan perkataan *'ulū' (ūlū al-arham)* sebagaimana dalam surah *al-Anfāl* dan *al-Ahzāb*, al-Qurtubī berkata, "Ia membawa maksud *al-'aṣabāt* (العَصَبَاتُ) (kaum kerabat) selain yang dilahirkan daripada rahim,[1] atau orang yang mempunyai tali kerabat dan mempunyai hubungan darah."[2]

Ibn Kathīr berkata, "*Arḥām* bermaksud umum. Ia mencakupi semua kaum kerabat sebagaimana yang direkodkan oleh Ibn 'Abbās, Mujāhid, 'Ikrimah, al-Hasan dan Qatādah, ayat ini memansuhkan pewarisan dengan sumpah dan persaudaraan, di mana mereka saling mewarisi pada permulaan Islam."[3]

ARJUL (أَرْجُل)

Lafaz ini berbentuk jamak, *mufrad*nya adalah *al-rijl* (الرِّجْلُ), ertinya *al-qadam* (telapak kaki),[4] dan makna asalnya ialah mulai dari paha hingga telapak kaki.[5] Ia juga bermakna zaman,[6] seluar[7] dan sebagainya. *Rijl al-baḥr* ertinya teluk,[8] *rijl al-sahm* maknanya kedua -dua hujung panah.[9]

Lafaz ini disebut sebanyak 13 kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 6, 33, 66; *al-An'ām* (6), ayat 65; *al-A'rāf* (7), ayat 195, 124; *Taha* (20), ayat 71; *al-Nūr* (24), ayat 24, 31; *al-Syu'arāk* (26), ayat 49; *al-'Ankabūt* (29), ayat 55; *Yāsin* (36), ayat 65; *al-Mumtahanah* (60), ayat 12.

Lafaz *arjul* dalam surah al-Mā'idah, ayat 66 dikaitkan dengan *taḥta* (تَحْتَ). Ibn Qutaibah berkata, "Ia bermaksud tumbuh -tumbuhan di bumi[10] kerana ia berada di bawah kaki mereka." Dalam surah *al-A'rāf*, ayat 124, Ibn Kathir mentafsirkannya dengan memotong tangan kanan seorang lelaki dan kaki kirinya atau sebaliknya.[11]

Begitu juga dalam ayat 195, beliau berkata, "Allah mengkhabarkan pengingkarannya pada sembahan orang musyrik dari berhala, patung dan tuhan-tuhan lain, kerana mereka adalah makhluk bagi Allah yang dibuat, tidak memiliki kemudaratan atau manfaat, tidak melihat dan tidak dapat menolong penyembahnya, malah tidak bergerak (kerana tidak mempunyai kaki), tidak men-

1 Al-Qurtubi (1996), *op. cit.*, j. 8, h. 59.

2 Ahmad Sonhdji Mohamad (1997), *op. cit.*, j. 21, h. 33. Beliau berkata: "Ayat ini telah mengembalikan peraturan yang benar kepada yang berhak, dan membatalkan hukum yang dikuatkuasakan semasa dalam keadaan darurat, yang terpaksa dibuat demikian pada permulaan Islam, iaitu seseorang itu boleh menerima pusaka sekiranya dia dipersaudarakan dalam agama." Sebagaimana yang direkodkan Abu Dawud, al-Tabrani, Abu al-Syeikh, Ibn Mardawayh daripada Ibn 'Abbās berkata, "Rasulullah mempersaudarakan antara sahabat-sahabatnya dan mereka mewarisi satu sama lain, sehingga turun ayat ini, "وَأُولُوا الأَرْحَامِ بَعْضُهُمْ أَوْلَى بِبَعْضٍ " (Surah *al-Anfāl*, ayat 75), maka mereka meninggalkan hal itu dan mewarisi dengan nasab." Al-Syawkani (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 422.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 302.

4 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 251.

5 Anīs *et al.* (1962), j. 1, h. 332.

6 Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, hm. 479.

7 Ma'lūf (1975), *loc. cit.*

8 Anīs *et al.* (1962), *loc. cit.*

9 Ma'lūf (1975), *loc. cit.*

10 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 144.

11 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 221.

dengar dan tidak pula melihat, sedangkan penyembahnya lebih sempurna darinya dari aspek melihat, mendengar dan berbuat."[1]

Dalam surah *al-Mumtahanah*, ayat 12, lafaz *arjul* dikaitkan dengan *bain* dan mempunyai hubungan dengan *buhtān*, makna *baina arjulihinn* (بَيْنَ أَرْجُلِهِنَّ) ialah faraj-faraj mereka. Ada yang berpendapat ia bermakna jimak.[2] Ayat ini adalah *kinayah* bagi anak kerana perut yang mengandungkan di dalamnya anak berada di antara kedua-dua tangannya dan farajnya yang melahirkan anak adalah di antara kedua-dua kakinya. Jumhur ulama mengatakan makna lafaz *buhtān* ialah anak dan makna bagi ayat "يَفْتَرِينَهُۥ بَيْنَ أَيْدِيهِنَّ" adalah apa yang dijumpainya, dan makna bagi "وَأَرْجُلِهِنَّ" adalah apa yang dilahirkannya daripada perbuatan zina.[3] Lafaz-lafaz *arjul* juga dikaitkan dengan *al-masḥ* (membasuh atau mencuci),[4] *taḥta* (di bawah),[5] *al-qaṭ'* (memotong),[6] *al-syahādah* (sebagai saksi),[7] *al-ḍarb* (menghentakkan).[8] Semua ini mengisyaratkan lafaz *arjul* bermaksud kaki yang bermula dari paha hingga ke telapak kaki.

ĀṢĀL (آصَالُ)

Lafaz ini adalah jamak bagi *āṣal* (أَصَالٌ)[9] atau *aṣīl* (أَصِيلٌ),[10] bermaksud waktu matahari menjadi kekuningan yang tenggelam ke arah barat,[11] atau waktu tenggelamnya matahari, iaitu waktu antara sembahyang Asar hingga Maghrib atau akhir waktu tengah hari.[12]

Lafaz ini disebut tiga kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 205; *al-Ra'd* (13), ayat 15 dan *al-Nūr* (24), ayat 36. Ibn 'Abbās berkata, "Ia adalah waktu Maghrib dan Isyak."[13] Al-Zamakhsyari berkata, "Ia bermaksud yang masuk pada waktu *al-aṣīl* iaitu seperti *aqṣar* (waktu petang) dan *a'tam* (waktu malam)."[14]

Ibn Kathīr berkata, "Makna ayat ini seperti maksud ayat:

فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ وَقَبْلَ غُرُوبِهَا

Ertinya: "Maka bertasbihlah memuji Tuhanmu sebelum terbit matahari dan sebelum tenggelamnya."[15]

Maksudnya, Allah menyeru hambanya supaya banyak mengingatinya pada awal te-

1 *Ibid.*, h. 254.

2 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 18, h. 69-71.

3 *Ibid.*

4 Sepertimana dalam surah al-Mā'idah, ayat 6.

5 Sepertimana dalam surah al-Mā'idah, ayat 66; al-An'ām, ayat 65; al-'Ankabūt, ayat 55.

6 Sebagaimana dalam surah al-Mā'idah, ayat 33; al-A'rāf, ayat 124; Taha, ayat 71; al-Syu'arāk, ayat 49.

7 Sepertimana dalam surah al-Nūr, ayat 24; Yāsin, ayat 65.

8 Sepertimana dalam surah al-Nūr, ayat 31.

9 Hilmī (1979), *op. cit.*, j. 1, h. 693.

10 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 1, h. 20.

11 *Ibid.*

12 Al-Khāzin berpendapat, "Pengkhususan penyebutan dua waktu ini kerana manusia bangun pada waktu pagi dari tidur iaitu saudara mati, maka dia diharuskan menghadapi masa bangun dari tidur, iaitu waktu hidup dari mati, bagi berzikir; supaya perkara awal yang dia lakukan adalah berzikir kepada Allah. Manakala waktu asal ialah waktu akhir tengah hari kerana manusia semasa tidur, saudara mati diharuskan baginya menghadapinya dengan berzikir, kerana ia seperti mati yang kemungkinan ia tidak akan bangun lagi. Dengan itu, dia mati dalam keadaan berzikir kepada Allah." Hilmī (1979), *op. cit.*

13 *Ibid.*

14 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 186, beliau berkata: "Penyebutan dua waktu itu adalah kerana kemuliaan dua waktu itu dan yang bermaksud berterusan."

15 Surah *Tahā* (20): 130.

ngah hari dan pada akhirnya[1] sehingga tidak menjadi orang yang lalai. Oleh itu, malaikat memuji orang yang bertasbih pada waktu malam dan tengah hari.[2] Begitu juga maksud yang terdapat dalam *Tafsīr al-Jalālain* iaitu akhir tengah hari atau pada waktu petang.[3]

Kesimpulannya, maksud lafaz *āṣāl* ialah waktu petang.

ASĀTĪR (أَسَاطِيْرُ)

Lafaz ini adalah jamak daripada jamak juga iaitu *usṭūrah* (أُسْطُوْرَةٌ) atau *isṭār* (إِسْطَارٌ), *mufrad*nya ialah *saṭr* (سَطْرٌ) yang bermakna *al-khat* (tulisan).[4] Dalam *Kamus al-Munjid* dijelaskan, ia bermakna apa yang ditulis, percakapan yang tidak ada asas baginya atau apa yang ditulis daripada keajaiban cerita orang yang terdahulu.[5]

Kalimah dalam bentuk jamak ini disebut sembilan kali di dalam al-Quran iaitu surah *al-An'ām* (6), ayat 25; *al-Anfāl* (8), ayat 31; *al-Nahl* (16), ayat 68; *al-Mukminūn* (23), ayat 83; *al-Furqān* (25), ayat 5; *al-Naml* (27), ayat 68; *al-Ahqāf* (46), ayat 17; *al-Qalam* (68), ayat 15 dan *al-Mutaffifin* (83), ayat 13.

Al-Baidawi berkata, "*Asaṭir* bermaksud *al-abatil* (kebatilan-kebatilan), ini adalah kerana mereka menjadikan kalam yang benar sama seperti khurafat-khurafat terdahulu yang berisi kebohongan-kebohongan."[6]

Al-Khāzin berkata, "Ia bermaksud cerita-cerita atau percakapan-percakapan daripada umat-umat terdahulu dan khabar berita serta cerita-cerita mereka dan apa yang mereka tulis. Maksudnya, mereka mengatakan al-Quran seperti percakapan dan cerita-cerita terdahulu, bukan wahyu daripada Allah."[7]

Al-Nasafi mentafsirkan lafaz ini dengan menyatakan "mereka menjadikan dan me ngatakan Kalam Allah adalah dusta dan bohong."[8] Manakala dalam *Tafsir Tanwīr al-Miqbās*, ia bermaksud kebohongan orang terdahulu dan cerita-cerita dongeng mereka.[9] Kesimpulannya, *asatir* bermakna kebatilan -kebatilan cerita yang ditulis.

ASBĀB (أَسْبَابٌ)

Lafaz ini berbentuk jamak, *mufrad*nya adalah *al-sabab* (اَلسَّبَبُ), yang bermaksud makna tali dan segala sesuatu yang menghubungkan kepada yang lainnya,[10] atau yang menghubungkan ke suatu tempat atau hajat yang diinginkan, dan jalan dikatakan sebab kerana ia menjadi sebab untuk sampai ke suatu tempat yang dikehendaki.[11]

Dalam syarak, ia bermakna perkara yang menghubungkan kepada sesuatu dan tidak memberi kesan ke dalamnya, seperti waktu sembahyang.[12] Dalam hukum, ia bererti apa yang dibentangkan oleh mahkamah berupa

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 259.
2 Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 4, h. 2092.
3 Al-Jalālain (t.t.), *op. cit.*, h. 230.
4 Hilmī (1979), *op. cit.*, j. 1, h. 396-397.
5 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 332-333
6 Hilmī (1979), *op. cit.*
7 *Ibid.*
8 *Ibid.*
9 *Ibid.*
10 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 281.
11 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 495.
12 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 1, h. 412

bukti-bukti yang nyata dan hujah-hujah daripada aspek kanun bagi menetapkan hukum[1] atau *preamble* daripada suatu keputusan.[2] *Asbāb al-samā'* bererti tangga bagi naik ke langit atau tepinya atau pintu-pintunya.[3]

Kalimah dalam bentuk jamak ini disebut empat kali dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 166, *Sad* (38), ayat 10, *Ghāfir* (40), ayat 36, 37. Ia mengandungi dua makna.

Pertama, bermakna tangga, arah atau pintu-pintunya. Pengertian ini terdapat dalam surah *Ghāfir*, ayat 36-37 dan surah *Sad* ayat 40. Al-Rāzī berkata, "*Asbāb al-samā'* ialah *nawāḥīhā* (penjuru atau arah) atau pintunya sebagaimana pendapat Ibn Qutaibah.[4] Beliau berkata, "Untuk sampai ke langit perlu dengan memasuki pintu-pintunya."[5] Al-Zamakhsyarī berkata, "Lafaz *asbāb al-samā'* dalam surah ini bermakna jalan-jalannya, pintu-pintunya dan apa yang menghubungkan kepadanya."[6] Pendapat ini direkodkan oleh Sa'id b. Jubayr dan Abū Sālih.[7] Ibn Kathīr mentafsirkan lafaz yang ada dalam surah Sad ini sebagai "jalan -jalan langit" sesuai dengan dengan rekod Ibn 'Abbās, Mujāhid, Sa'īd bin Jubair, Qatādah dan yang lainnya.[8]

Kedua, bermakna tali pengikat sesuatu. Maksudnya, *wasilah* di mana mereka menghubungkan dengannya silaturahim di dunia ini,[9] kasih sayang,[10] penyesalan,[11] rumah,[12] amalan dan sebagainya. Maknanya, pada hari kiamat mereka menjadi musuh.[13] Makna lafaz ini terdapat dalam surah *al-Baqarah*, ayat 166.

ASBĀṬ(أَسْبَاطٌ)

Lafaz ini adalah jamak daripada *al-sibṭ* (السِّبْطُ), ertinya anak daripada anak iaitu cucu[14] dan majoritinya ke atas cucu daripada anak perempuan, lawan bagi *al-hafid* atau cucu daripada anak lelaki. Ia dipetik daripada *al-sabaṭ* atau *al-syajarah* (pokok)[15] yang memiliki dahan yang banyak.[16] *Asbaṭ* bagi Yahudi bererti seperti kabilah-kabilah Arab.[17]

Lafaz *asbāṭ* disebut sebanyak lima kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2) ayat 136, 140; *Āli 'Imrān* (3), ayat 84; *al -Nisāk* (4), ayat 163; *al-A'rāf* (7), ayat 160.

Al-Qurtubi berkata, "*Asbaṭ* dalam surah *al-Baqarah*, ayat 136 dan 140 bermakna anak Ya'qūb iaitu 12 orang. Setiap daripada mereka melahirkan keturunan yang menjadi umat manusia. *Al-sibṭ* pada Banī Israel seperti kedudukan kabilah pada anak Ismail dan di-

1 *Ibid.*

2 Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 602.

3 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 504.

4 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 386.

5 Ibn Qutaybah (t.t.), *op. cit.*, h. 464.

6 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 163.

7 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 71.

8 *Ibid.*, h. 26.

9 Al-Syawkani (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 208; Al-Tabarī (1995), op. cit., j. 2, athar no. 2008 riwayat daripada Ibn 'Abbās.

10 *Ibid.*, diriwayatkan daripada Mujahid, 'Ata', daripada Ibn 'Abbās, athar no. 2003-2004.

11 Direkodkan daripada al-Rabī', athar no. 2006.

12 Direkodkan daripada Ibn 'Abbās dan al-Rabi', athar no. 2007-2008.

13 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 2, athar no. 2005.

14 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 283.

15 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 319.

16 Anīs *et al.* (1962), j. 1, h. 414.

17 Al-Rāzī (1987), *op. cit.* Ma'lūf (1973), *op. cit.*

namakan *asbāṭ* daripada *al-sabāṭ* bererti *al -tatabbu'* (berurutan), iaitu mereka sebuah kelompok yang bergenerasi, jemaah dan kabilah yang bersumberkan pada satu sumber.[1]

Abū Ishaq al-Zujjāj berkata, "Hal ini dijelaskan dengan pandangan yang direkodkan oleh Muhammad bin al-Anbari daripada Abū Nujayd, daripada al-Aswad bin 'Āmir, daripada Isra'il bin Samāk, daripada 'Ikrimah, daripada Ibn 'Abbās, beliau berkata, "Kesemua nabi-nabi daripada keturunan Banī Israel kecuali sepuluh iaitu Nuh, Syu'aib, Hūd, Salih, Lut, Ibrāhīm, Ishaq, Ya'qūb, Ismail dan Muhammad, tidak ada pada setiap mereka dua nama kecuali 'Īsā dan Ya'qūb.[2] Dalam surah Āli 'Imrān Sa'īd Hawwā berkata, "Ia bermaksud anak-anak Ya'qub dan keturunan mereka daripada para nabi."[3]

Ibn Kathīr[4] berkata, "Ia adalah bangsa, umat atau kaum Banī Israel dan siapa yang diturunkan wahyu oleh Allah kepada mereka daripada nabi-nabi, sebagaimana yang terdapat dalam perkataan Nabi Mūsā kepada mereka:

ٱذْكُرُوا۟ نِعْمَةَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ جَعَلَ فِيكُمْ أَنۢبِيَآءَ وَجَعَلَكُم مُّلُوكًا[5]

Dan juga ayat Allah:

وَقَطَّعْنَٰهُمُ ٱثْنَتَىْ عَشْرَةَ أَسْبَاطًا[6]

Kesimpulannya dipetik daripada pendapat Muhammad Rasyīd Rida di mana maksud *asbāṭ* ialah anak-anak Ya'qūb, kelompok -kelompok atau kaum yang 12 yang terpecah dan bercabang daripada mereka.

ĀṢFĀḌ (أَصْفَادُ)

Lafaz ini berbentuk jamak, *mufrad*nya adalah *al-ṣafad*,[7] maknanya *al-quyūd* (ikatan dan rantai) atau sesuatu yang mengikat para tawanan daripada tali pengikat, rantai dan belenggu.[8] Ia juga bererti pemberian[9] kerana pemberian adalah suatu belenggu iaitu makna daripada *ṣafadanī ṣafdā* (صَفَدَنِي صَفْدًا).[10]

Lafaz ini disebut dua kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *Ibrāhīm* (14), ayat 49 dan surah *Sad* (38), ayat 38.

Al-Kafawī berkata, "*Aṣfād* bermakna *al-withāq* iaitu tali pengikat, rantai dan belenggu,[11] sebagaimana yang direkodkan oleh Ibn 'Abbās.[12] Ibn Qutaibah berkata, "Tafsir ayat ini ialah diikat sebahagian mereka dengan sebahagian yang lain dalam satu belenggu."[13] Al-Tabarī berkata, "Erti ayat ini ialah tangan dan kaki mereka terikat hingga ke leher dengan *aṣfād* iaitu *al-withāq* (ikatan) daripada rantai dan belenggu."[14]

Sebagaimana yang direkodkan oleh Ibn

1 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 2, h. 147.

2 *Ibid.*

3 Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 2, h. 819.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 163.

5 Ertinya, "(Dan ingatlah mereka wahai Muhammad), ketika Nabi Musa berkata kepada kaumnya, "Wahai kaumku! Kenanglah nikmat Allah (yang diberikan) kepada kamu ketika Ia menjadikan dalam kalangan kamu beberapa orang nabi dan Ia menjadikan kamu bebas merdeka (setelah kamu diperhamba oleh Fir'aun dan orang-orangnya)." (Surah *al-Mā'idah*, ayat 20).

6 Maksudnya, "Dan Kami membahagikan mereka (Bani Israel) menjadi dua belas suku, sebagai golongan-golongan yang besar." (Surah *al-A'rāf*, ayat 160).

7 Al-Balkhī (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 377.

8 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 364.

9 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 1, h. 516.

10 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 13.

11 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 131.

12 Al-Rijāl (1991), *op. cit.*, h. 304.

13 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 234.

14 Al-Tabarī (1995), *loc. cit.*

'Abbās, ia bermakna *fī withāq* (dalam ikatan)."[1] Al-Dahhak berkata, "Ia adalah *al-salāsil* (rantai),[2] Qatādah[3] dan Ibn Zaid[4] berkata, "Mereka diberkas pada *quyūd* (tali atau ikatan) dan *al -aghlāl* (belenggu). Kesimpulannya, makna lafaz *asfād* ialah belenggu, tali atau rantai.

ASFĀR (أَسْفَارٌ)

Lafaz ini berbentuk jamak, *mufrad*nya terbahagi kepada dua. Pertama, *al-sifr* ertinya kitab, kitab yang besar[5] atau bahagian daripada kitab Taurat.[6] Kedua, *al-safar*, ertinya jauh perjalanan atau waktu baru sahaja matahari terbenam.[7] Dalam syarak, ia ber maksud keluar dengan tujuan musafir selama tiga hari tiga malam yang menjadi sebab keringanan bagi mengqasarkan sembahyang empat rakaat.[8]

Lafaz ini disebut dua kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *Sabak* (34), ayat 19 dan surah *al-Jumu'ah* (62), ayat 5.

Lafaz dalam bentuk jamak ini mem punyai dua maksud. **Pertama**, ia bermaksud perjalanan sebagaimana disebut dalam surah Sabak. Ayat ini menerangkan kekufuran dan sikap melampaui batas dalam mengkufuri nikmat Allah dan bosan dengan kerehatan. Mereka meminta kepada Allah bagi menjauhkan di antara kampung-kampung mereka yang berdekatan supaya dapat berjalan di padang pasir yang tandus sehingga menambah jauh perjalanan. Maka Allah mengabulkan doa mereka dengan menghancurkan kampung-kampung itu sehingga menjadi padang pasir yang sangat tandus.[9]

Al-Syawkani berkata, "Sesungguhnya Allah menjauhkan jarak perjalanan mereka. Padahal ia berdekatan dengan kampung-kampung, pokok dan air. Hal ini mengisyaratkan kepada kesombongan mereka."[10] Al-Zamakhsyarī berkata, "Permintaan mereka itu seperti permintaan Banī Israel yang meminta bawang putih dan bawang merah sebagai nikmat pengganti roti dan madu *(al-mannā wa al-salwā)*.[11]

Kedua, ia bermakna bahagian daripada kitab Taurat, sebagaimana yang terdapat dalam surah al-Jumu'ah. Ibn Kathīr berkata, "Ayat ini adalah celaan bagi orang Yahudi yang diturunkan kepada mereka kitab Taurat dan disuruh mengamalkannya. Namun, mereka tidak mengamalkannya sehingga mereka diibaratkan seperti keldai yang membawa kitab yang tidak tahu kandungannya. Begitu juga mereka yang menghafaznya, tetapi tidak memahami dan mengamalkan kandungannya, malah mengubah dan menyelewengkannya. Mereka itu lebih hina daripada keldai kerana keldai tidak faham isi kitab sedangkan mereka mempunyai kefahaman, namun tidak menggunakannya.[12]

Oleh itu, Allah menyatakan dalam ayatnya, "Mereka itu seperti binatang ternak, malah mereka lebih sesat lagi, mereka itulah orang yang lalai."[13] Ibn Qutaibah orang Yahudi membawa kitab Taurat dan tidak

1 *Ibid.*, h. 335, athar no. 15854.
2 *Ibid.*, athar no. 15855.
3 *Ibid.*, athar no. 15856.
4 *Ibid.*, athar no. 15858.
5 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 1, h. 433.
6 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 337.
7 *Ibid.*
8 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 511.
9 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 550.
10 Al-Syawkani (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 402.
11 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 560.
12 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 328.
13 Surah *al-A'rāf*, ayat 179.

mengamalkannya. Mereka seperti keldai yang membawa kitab ilmu tetapi tidak me mikirkannya."[1]

ASḤĀR (أَسْحَارُ)

Lafaz ini berbentuk jamak, *mufrad*nya adalah *al-saḥar* (السَّحَرُ)[2] atau *al-suḥr* (السُّحْرُ),[3] ertinya akhir malam sebelum fajar atau subuh[4] atau keputihan yang mengatasi gelap.[5] *Al-saḥar* daripada sesuatu adalah hujungnya.[6] *Al-saḥar al-a'lā* adalah waktu sebelum terbit fajar dan *al-saḥar al-akhīr* adalah waktu terbit fajar. [7] Ia dinamakan dengan *al-saḥara*[8] seperti *fajr al-sadīq* dan *fajr al-kādhib.*[9]

Lafaz *asḥar* disebut dua kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 17 dan surah *al-Dhāriyāt* (51), ayat 18.

Direkodkan daripada Nāfi', beliau ber kata, Ibn 'Umar menghidupkan malamnya dengan sembahyang. Kemudian beliau ber kata, "Wahai Nāfi', adakah sampai *al-sahar* (waktu sahur atau sebelum fajar)?" Lalu saya menjawab, "Belum." Maka beliau meng-ulangi sembahyangnya. Apabila saya berkata, "Sudah." Maka beliau duduk beristighfar dan berdoa sehingga datang subuh.[10] Dalam re-kod lain daripada Abū Ya'qūb al-Dubbī, beliau pernah mendengar Ja'far b. Muhammad ber-kata, "Sesiapa melakukan sembahyang pada sebahagian malam, kemudian beristighfar pada akhir malam sebanyak 70 kali, maka dia termasuk daripada kalangan orang yang ber-istighfar pada waktu Asar[11] (iaitu akhir malam sebelum subuh)."

Al-Zamakhsyarī berkata, "Dikhususkan waktu Asar kerana mereka mendahulukan malam dengan mendirikan sembahyang dan selepasnya adalah lebih baik memanjatkan doa[12] dan ia adalah waktu di mana doa dikabulkan."[13] Al-Zujjāj berkata, "*Al-saḥar* adalah waktu daripada pergantian malam hingga terbitnya fajar yang kedua."[14] Ibn Zaid berkata, "*Al-sahar* adalah satu perenam dari akhir malam."[15] Kesimpulannya, *asḥar* adalah waktu akhir malam sebelum terbitnya fajar.

ASLIḤAH (أَسْلِحَةٌ)

Lafaz ini adalah dalam bentuk jamak, *mufrad*nya adalah *al-silāḥ* (السِّلَاحُ), ia dapat digunakan bagi *mudhakkar* dan *mu'annath.*[16] Maksudnya ialah setiap yang dapat diguna-

1 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 465.

2 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 323.

3 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 1, h. 419.

4 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 288.

5 Anīs *et al.* (1962), *loc. cit.*

6 *Ibid.*

7 Ma'lūf (1975), *loc. cit.*

8 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 981.

9 Anīs *et al.* (1962), *loc. cit.*

10 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 283, athar no. 5309.

11 *Ibid.*, athar no. 5311.

12 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 338.

13 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 3, h. 42. Direkodkan oleh al-Tirmidhī, Rasulullah mentafsirkan ayat Allah yang menceritakan tentang perkataan Ya'qūb kepada anak-anaknya, "Aku memintakan ampunan bagi kamu dari Tuhanku." (Surah *Yūsuf*, ayat 98), "Sesungguhnya beliau (Ya'qūb) mengakhirkan hal itu sehingga waktu sahur". Nabi bertanya kepada Jibrail, "Waktu malam yang mana (doa) lebih didengar"? Jibrail berkata, "Aku tidak tahu tetapi Arasy bergoncang ketika waktu sahur."

14 *Ibid.*

15 *Ibid.*

16 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 308.

kan bagi membunuh atau berperang,[1] ia adalah nama bagi alat-alat berperang.[2] Disebut juga sebagai senjata.[3] Dalam *Kamus Dewan*, senjata adalah alat yang digunakan bagi berperang atau berkelahi seperti keris, lembing, senapang dan lain-lain.[4]

Kalimah *asliḥah* disebut empat kali di dalam al-Quran iaitu dalam ayat 102 surah *al-Nisāk*. Pengertian bahasa lafaz *asliḥah* bersesuaian dengan pendapat para mufassir. Al-Zamakhsarī berkata, "*Asliḥah* ialah senjata seperti pedang, tombak atau lembing dan selain daripada keduanya."[5] Muhammad Rasyīd Rida berkata, "*Al-silah* ialah apa sahaja yang dapat digunakan bagi berperang dan membunuh seperti pedang, lembing, anak panah daripada senjata-senjata pada zaman dahulu dan seperti senapang, pistol iaitu senjata pada zaman moden."[6] Ibn 'Abbās, berkata "Suruhan mengambil senjata atau membawanya adalah bagi kelompok lain bagi menjaga orang yang sedang bersembahyang."[7] Kesimpulannya, lafaz *asliḥah* bermaksud senjata.

ASMĀ' (أَسْمَاءٌ)

Lafaz ini adalah jamak daripada *al-ism* (الِاسْمُ). Ertinya sesuatu lafaz (nama) yang digunakan bagi menyebut sesuatu, atau benda yang nampak bagi menentukannya dan membezakannya daripada yang lain.[8] Atau apa (nama) yang diketahui dengannya sesuatu dan menjadi tanda baginya.[9] *Al-ism* menurut para ahli *naḥwu* (tatabahasa Arab) adalah kalimah yang menunjukkan makna dengan sendirinya dan tidak berkaitan dengan zaman, seperti Muhammad, 'Alī, lelaki, unta, sungai, buah-buahan, dan sebagainya. Setiap kalimah ini termasuk lafaz yang menunjukkan makna, di mana zaman tidak masuk ke dalam maknanya.[10]

Dalam *Kamus al-Munjid*, huruf *hamzah* (ا) yang terdapat pada kalimah *ism* (اسم) adalah *hamzah al-wasl*,[11] huruf *hamzah* pada *ism* dihilangkan pada *al-Basmalah*,[12] iaitu "بِسْمِ اللهِ".[13]

Lafaz *asmā'* disebut sebanyak 12 kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 31, 33; *al-A'rāf* (7), ayat 71, 180; Yūsuf (12), ayat 40; *al-Isrāk* (17), ayat 110; *Taha* (20), ayat 8; *al-Najm* (53), ayat 23; *al-Hasyr* (59), ayat 24. Kalimah ini memiliki tiga makna.

Pertama, *asmā'* yang diajarkan oleh Allah kepada Nabi Ādam iaitu nama-nama segala sesuatu daripada benda, haiwan dan manusia. Ini terdapat dalam surah *al-Baqarah*, ayat 31 dan 33. Dilaporkan oleh Ibn 'Abbās, "Ia adalah nama-nama yang dikenali oleh manusia iaitu insan, haiwan melata, bumi, laut, gunung, keldai dan sebagainya,[14] hinggakan

1 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 495.

2 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 343.

3 Al-Marbawī (1350H), *op. cit.*, j. 1, h. 296.

4 Noresah bt. Baharom *et al.* (eds.) (2002), *op. cit.*, h. 1245.

5 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 548.

6 Rida (t.t.), *op. cit.*, j. 5, h. 373.

7 *Ibid.* al-Zujjāj dan al-Nuhhas berpendapat bahawa boleh kedua-keduanya membawa senjata atau hendaklah orang-orang mukmin ketika terbahagi menjadi dua, maka satu kelompok melakukan solat dan yang lain menjaga dan memperhatikan, membawa senjata, jangan meninggalkan dan meletakkannya seseorang pun dari mereka.

8 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 352.

9 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 1, h. 452.

10 Muhammad Muhy al-Din 'Abd al-Hamid (1989), *al-Tuhfah al-Sāniyyah bi Syarh al-Muqaddimah al-Ajrūmiyyah*, Kaherah: Maktabah al-Sunnah, h. 7.

11 Iaitu hamzah yang bila disambung dengan kalimah lain maka ia tidak dibaca, contohnya "فَاذْكُرِ اسْمَ اللهِ".

12 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 353.

13 Anīs *et al.* (1962), *loc. cit.*

14 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 1, athar no. 539, h. 309.

nama kentut."[1] Mujāhid,[2] dan Sa'īd bin Jubair[3] berkata, "Ia bermaksud nama-nama burung, sapi, kambing dan segala sesuatu."

Kedua, bermakna nama-nama Allah, kerana ia dikaitkan dengan *al-ḥusnā* atau *Asmā' al-Ḥusnā* (Nama-nama yang baik). Ini terdapat dalam surah *al-A'rāf*, ayat 180; *al-Isrāk*, ayat 110; *Taha*, ayat 8, *al-Hasyr*, ayat 24. Pada surah *al-A'rāf*, ayat 180, al-Qurtubī mendatangkan rekod daripada al-Tirmizī[4] dan Ibn Mājah[5] daripada Abū Hurairah, daripada Nabi Muhammad, "Sesungguhnya Allah memiliki 99 nama, barang siapa yang menghitungnya dan menghafaznya maka akan dimasukkan ke dalam syurga."[6] Ibn 'Atiyyah berkata, "Yang dimaksudkan 99 nama dalam hadis itu adalah Allah mempunyai sifat-sifat yang banyak yang mencakupi sifat-sifat zat dan *af'al* (perbuatan),[7] dan ia dinamakan *al-ḥusnā* kerana ia baik dan sedap pada pendengaran dan hati serta menunjukkan keesaannya, kemuliannya, rahmatnya, keagungannya."[8] Nama-nama Allah itu disebut sebahagiannya dalam surah al-Hasyr.[9]

Ketiga, ia bermaksud nama-nama sembahan atau berhala kaum musyrik. Makna bagi lafaz ini terdapat dalam surah *al-A'rāf*, ayat 71; *Yūsuf*, ayat 40; *al-Najm*, ayat 23. Al-Syawkani berkata berkenaan lafaz ini yang ada dalam surah *al-A'rāf*, "Ia adalah nama-nama berhala yang disembah oleh mereka."[10] Ibn Kathīr mentafsirkannya dengan patung-patung yang mereka dan nenek moyang mereka menamakannya dengan tuhan sedangkan ia tidak memberi manfaat dan mendatangkan kemudaratan[11] dan tidak memiliki apa-apa makna daripada nama itu, hanya sekadar nama sahaja bagi benda-benda mati itu.[12]

AṢNĀM (أَصْنَامٌ)

Lafaz ini adalah dalam bentuk jamak, *mufrad*nya *al-ṣanam* (الصَّنَمُ), ertinya sesuatu yang diperbuat daripada kayu, perak dan tembaga bagi disembah.[13] Al-Kafawī berkata, "Ia dijadikan daripada batu."[14] Dalam *Kamus al-Munjid* dijelaskan, *al-ṣanam* ialah setiap benda yang disembah selain Allah, atau setiap yang disembah oleh penyembah-penyembah berhala daripada gambar atau patung."[15]

Lafaz *aṣnām* disebut lima kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 74, *al-A'rāf* (7), ayat 138, *Ibrāhīm* (14), ayat 35, *al-Syu'ārāk* (26), ayat 71, *al-Anbiyāk* (21), ayat 57.

1 *Ibid.*, athar no. 543.

2 *Ibid.*, athar no. 540, 541.

3 *Ibid.*, athar no. 542.

4 Diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dalam *Kitāb al-Da'wāt* , j. 5, h. 530-532.

5 Diriwayatkan oleh Ibn Mājah dalam *Kitāb al-Du'ā'*, Bab Asmā' Allāh, j. 2, h. 1269-1270.

6 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 7, h. 309. Muqātil dan lainnya dari para mufassirin berkata, "Ayat ini turun pada seorang lelaki Muslim semasa dia membaca dalam sembahyangnya "Ya Rahmān, Ya Rahim", seorang lelaki musyrik Makkah berkata, "Tidakkah Muhammad dan sahabat-sahabatnya mendakwa mereka menyembah Tuhan yang Esa, mengapa lelaki ini berdoa kepada dua tuhan?" Maka Allah menurunkan ayat ini "وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى" (Dan Allah memiliki nama-nama yang baik).

7 *Ibid.*, h. 310.

8 *Ibid.*

9 Iaitu: al-Rahman, al-Rahim, al-Mālik, al-Quddūs, al-Salām, al-Mu'min, al-Muhaymin, al-'Azīz, al-Jabbār, al-Mutakabbir, al-Khāliq, al-Bāri', al-Musawwir, al-Hakīm. (Surah al-Hasyr (59): 22-24).

10 Al-Syawkani (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 278.

11 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 209.

12 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 275.

13 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 2, h. 314.

14 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 315.

15 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 438.

Al-Fayrūz berkata, "Ia bermaksud setiap tubuh yang dijadikan daripada perak atau tembaga. Orang musyrik menyembahnya bagi mendekatkan diri kepada Allah. Malah setiap sesuatu yang menyibukkan sehingga berpaling daripada Allah dikatakan *ṣanam*. Oleh itu, Nabi Ibrāhīm berkata, "Dan jauhkanlah aku dan anak-anakku daripada perbuatan menyembah berhala."[1] Nabi Ibrāhīm mendapat ilmu *makrifah* dan hikmah tetapi masih takut kembali kepada penyembahan berhala yang disembah oleh mereka, seakan-akan beliau berkata, "Jauhkanlah aku daripada disibukkan selain engkau."[2]

Ibn Juraij menjelaskan, "Maksud *aṣnām* dalam surah *al-A'rāf* ialah patung-patung sapi dan ia adalah anak patung yang pertama dibuat oleh kaum Lakhm atau kaum Kan'ān yang diperintahkan oleh Nabi Mūsā bagi memerangi mereka.[3] Mereka mendirikannya dan mengagungkannya sebagaimana orang yang duduk (mengagungkan Allah. *pen.*) di dalam masjid."[4] Al-Tabarī berkata, "Ia adalah patung daripada batu atau kayu dan sebagainya dalam bentuk manusia, dan ia adalah berhala *(wathan)*. Kadangkala gambar yang dilukis dalam bentuk manusia di atas dinding dikatakan *ṣanam* dan *wathan*."[5]

Kesimpulannya, maksud lafaz *aṣnām* ialah patung atau berhala yang menjadi tuhan bagi orang musyrik.

1 Surah Ibrāhīm (14): 35.

2 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 3, h. 445.

3 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 144.

4 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 172.

5 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 7, h. 317.

ASWAD (أَسْوَدُ)

Lafaz Aswad berasal daripada tiga huruf iaitu *sin* (س), *wau* (و) dan *dāl* (د), maknanya lawan kepada putih dalam warna iaitu hitam.[6] Ibn Fāris berkata, "Setiap sesuatu yang berlainan dengan putih apa jua warna, maka ia termasuk dalam bahagian *al-sawād*.[7] *Aswad al-kabid* ertinya musuh, *aswad min al-qalb* (hati) bermaksud biji mata hati.[8] Orang Arab menamakan warna hijau yang pekat atau amat hijau dengan *aswad* (hitam), kerana ia dilihat seperti itu.[9]

Lafaz *aswad* disebut sekali dalam al-Quran, iaitu pada surah *al-Baqarah* (2), ayat 187. Ibn Qutaibah berkata, "Maksud *aswad* di sini ialah gelapnya malam."[10] Direkodkan oleh Sahl bin Sa'ad, beliau berkata, "Diturunkan ayat di atas, "Dan makanlah serta minumlah sehingga jelas bagi kamu benang putih dan benang hitam" – tetapi belum diturunkan – *min al-fajr* (dari fajar) – di mana para sahabat apabila mahu berpuasa, salah seorang daripada mereka mengikat benang hitam dan benang putih pada kakinya. Mereka masih terus makan sehingga mereka jelas melihat kedua-duanya, maka Allah menurunkan selepasnya – *min al-fajr* – lalu mereka faham maksudnya ialah malam dan siang."[11]

Dalam *Tafsīr al-Jalālain*, penerangan *aswad* adalah tersembunyi dan maksudnya ialah dari malam.[12] Al-Qurtubī berkata,

6 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 3, h. 272 .

7 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 2, h. 114.

8 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 1, h. 461.

9 *Ibid.*

10 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 75.

11 Muhammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī (1997), *al-Lu'lu' wa al-Marjān fimā Ittafaqa 'Alayh al-Syaykhānī*, j. 2, c. 2. Kaherah: Dār al-Hadith, h. 7, hadis no. 661. Hadis ini diriwayatkan oleh Bukhari, pada Kitāb al-Saum, Bāb Qaul Allah "كُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ"

12 Al-Jalālain (t.t.), *op. cit.*, h. 42.

"Pentafsiran ayat di atas ialah *sawād al-layl* (hitamnya malam) dan *bayāḍ al-nahār* (putihnya siang)."[1] *Aswad* dalam ayat di atas dikaitkan dengan *al-khayṭ* (benang), yang membawa maksud malam, sebagaimana pentafsiran yang dikemukakan para ulama.

ASWĀQ (أَسْوَاقٌ)

Lafaz ini berbentuk jamak, *mufrad*nya adalah *al-sūq* (السُّوْقُ). Lafaz ini bersifat umum, digunakan bagi *mudhakkar* dan *mu'annath*.[2] Ertinya pasar barang-barang dan bekalan -bekalan. Dinamakan demikian kerana perniagaan dibuat di dalamnya, berlaku jual beli[3] dan kerana barangan diserahkan dan dihantar kepadanya. Al-Rāghib berkata, "Ia adalah tempat penyerahan bekalan-bekalan ke dalamnya untuk dijual dan dibeli."[4] *Aswāq al-ḥarb* ertinya medan perang.[5] Lafaz *aswāq* disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Furqān* (25), ayat 7 dan 20.

Lafaz ini dikaitkan dengan kalimah *al-masy* yang bererti (nabi) berjalan di pasar bagi mencari nafkah sebagaimana manusia berjalan. Maksudnya, sekiranya benar apa yang nabi dakwa, mengapa keadaannya tidak berlainan dengan keadaan manusia. Hal itu kerana orang kafir dangkal dan cetek penglihatan kepada perkara-perkara yang *ḥissī* (tampak), sedangkan perbezaan rasul-rasul dengan manusia lainnya bukanlah daripada segi jasmani, tetapi daripada segi *maknawi*,[6] sebagaimana Allah menyatakan:

> *"Katakanlah: Aku hanyalah seorang manusia seperti kamu juga, diwahyukan kepadaku Tuhan kamu adalah Tuhan yang Satu."*[7]

Perkara itu juga adalah salah satu daripada lima[8] alasan orang musyrik yang terdapat dalam ayat ketujuh yang menurut anggapan mereka seseorang itu tidak layak menjadi rasul dengan perkara itu, iaitu rasul tidak patut mencari sara hidup yang biasanya dilakukan dengan pergi ke pasar membeli belah atau berniaga bagi nafkah dirinya dan keluarganya.[9]

Dalam ayat 20, Ibn Kathīr berkata, "Dalam ayat ini, Allah menceritakan tentang kesemua rasul-rasul terdahulu yang mereka juga makan dan memerlukan kepada makanan, berjalan di pasar bagi mencari nafkah dan berjual beli. Hal itu bukanlah menafikan keadaan dan kedudukan mereka, kerana Allah menjadikan mereka mulia dengan karakter yang baik, sifat-sifat yang terpuji, pertuturan yang mulia dan perbuatan yang sempurna serta mukjizat yang agung."[10]

1 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 2, h. 319.

2 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 322.

3 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 365.

4 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 3, h. 281.

5 Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 680.

6 Al-Zuhailī (1991), *op. cit.*, j. 19, h. 20.

7 Surah al-Kahf (18): 110.

8 Pertama, pada sangkaan mereka tidak patut seorang rasul itu makan makanan dan juga minum minuman seperti manusia. Kedua, mereka menganggap mengapa tidak ada bangsa malaikat yang diturunkan bagi menyaksikan apa yang diserukan oleh Muhammad adalah benar, dan sekiranya perlu ditolak apabila perkara yang diserukannya itu salah. Ketiga, mengapa Allah tidak menurunkan harta kekayaan dari langit, yang dapat dibelanjakannya bagi menjamin hidupnya, sehingga rasul tidak perlu lagi ke pasar mencari nafkah hidup. Keempat, mengapa rasul tidak dibekalkan taman-taman perkebunan dan sawah ladang, supaya makan minumnya cukup dan hidupnya menjadi senang. Ahmad Sonhadji Mohammad (1997), *op. cit.*, j. 18, h. 261-263.

9 *Ibid.*

10 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 294. Direkodkan oleh al-Wahidi dan Ibn Jarīr daripada Ibn 'Abbās katanya, "Ketika orang musyrik mencela Rasulullah dengan kemiskinan, dengan mengatakan (Mengapa rasul ini makan makanan dan berjalan di pasar), beliau nampak sedih, maka turunlah

ASY'ĀR (أَشْعَارٌ)

Lafaz ini berbentuk jamak, *mufrad*nya adalah *al-sya'r* (الشَّعْرُ) atau *al-syi'r* (الشِّعْرُ) ertinya bulu -bulu yang tampak pada kulit manusia dan lainnya,[1] atau apa yang tumbuh pada badan, bukan seperti bulu domba atau bulu yang ada pada unta.[2]

Lafaz *asy'ār* disebut sekali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Nahl* (16), ayat 80. Al-Baidawi berkata, "Maksud *asy'ār* dalam ayat di atas ialah bulu-bulu yang ada pada kambing biasa."[3] Begitu juga dengan pendapat al-Khāzin, beliau mengungkapkan ayat ini adalah *kinayah* (kiasan) yang kembali kepada haiwan ternak, dan lafaz *asy'ār* disandarkan kepada bulu kambing biasa.[4] Pentafsiran yang demikian ditafsirkan oleh al-Nasafi[5] dan dilaporkan oleh Ibn 'Abbās.[6] Ayat ini menerangkan tentang dibolehkan menggunakan jenis-jenis bulu itu sebagai bekalan,[7] harta benda[8] atau pakaian[9] walaupun daripada bangkai haiwan.[10]

Kesimpulannya, makna *asy'ār* pada ayat di atas adalah **bulu-bulu kambing biasa.**

ASYHĀD (أَشْهَادُ)

Lafaz ini adalah jamak *al-syāhid* (الشَّاهِدُ) seperti kalimah *nāṣir* (نَاصِرٌ) jamaknya *anṣār* (أَنْصَارٌ), *ṣāhib* (صَاحِبٌ) jamaknya *aṣhāb* (أَصْحَابٌ),[11] maknanya malaikat yang menyampaikan apa yang disaksikan.[12] Ia juga bermakna lidah,[13] sebagaimana ungkapan "مَالَهُ رَأْيٌ وَلَا شَاهِدٌ." Maksudnya, "dia tidak mempunyai pandangan dan tidak pula punya lisan."[14] Ia juga bermakna sesiapa yang melaksanakan penyaksian atau dalil. *Salāh al -syāhid* adalah sembahyang Maghrib[15] kerana ia adalah sembahyang yang dikerjakan ketika bintang-bintang muncul[16] dan sembahyang fajr kerana seorang musafir menunaikannya seakan-akan seperti orang tempatan (syahid) yang tidak boleh mengqasarkannya.[17]

Lafaz ini disebut dua kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *Hūd* (11), ayat 18 dan surah *Ghāfir* (40), ayat 51. Ibn Manzur berkata, "Lafaz *asyhād* dalam ayat itu bermaksud para malaikat."[18] Pendapat lain mengatakan ia adalah para nabi dan orang yang beriman yang menjadi saksi ke atas pendusta -pendusta Muhammad.[19] Dalam surah *Ghāfir*, *asyhād* bermaksud malaikat sebagaimana yang direkodkan daripada Mujahid.[20]

Rasyīd Rida berpendapat, pentafsiran *asyhād* dalam surah *Ghāfir* adalah orang yang melaksanakan perintahnya daripada kalangan malaikat, para nabi dan rasul serta orang

ayat ini. Al-Wahidī (1998), *op. cit.*, h. 278; al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 18, h. 257.

1 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 1, h. 484.

2 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 391.

3 Hilmī (1979), *op. cit.*, j. 3, h. 629.

4 *Ibid.*

5 *Ibid.*

6 *Ibid.*

7 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 14, h. 201, direkodkan daripada Mujāhid, athar no. 16471, h. 202.

8 *Ibid.*, athar no. 16470, direkodkan daripada Ibn 'Abbās dan Qatādah, athar no. 16472.

9 *Ibid.*, athar no. 16473.

10 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 10, h. 162, sebagaimana yang direkodkan Umm Salamah daripada Nabi Muhammad, beliau berkata, "Tidak mengapa (menggunakan) kulit bangkai apabila disamak dan bulu-bulunya apabila dicuci." Hadis direkodkan oleh al-Dār al-Qutni, j.1, h. 47.

11 Ibn Manzur (1968), *op. cit.*, j. 3, h. 241.

12 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 406.

13 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*

14 Ma'lūf (1975), *loc. cit.*

15 Anīs *et al.* (1962)., *op. cit.*, j. 1, h. 497.

16 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 527.

17 Ibn Manzur (1968), *loc. cit.*

18 *Ibid.*

19 *Ibid.*

20 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 75.

beriman supaya menyaksikan atau menjadi saksi ke atas mereka (orang kafir).[1] Begitu juga dengan pentafsiran al-Zamakhsyarī, ia bermaksud penjaga-penjaga daripada kalangan para malaikat, para nabi dan orang beriman daripada umat Muhammad[2] yang bertugas sebagai "orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah)."[3]

Kesimpulannya, lafaz *asyhād* bermaksud **para malaikat, nabi** dan **orang beriman sebagai saksi ke atas orang kafir.**

ASYHUR(أَشْهُر)

Lafaz *asyhur* adalah jamak daripada *al-syahr* (الشَّهْر), ertinya satu bahagian dari bahagian tahun yang terdiri dari 12 bulan.[4] Ibn Fāris berkata, "*Al-syahr* menurut ungkapan Arab adalah *al-hilāl* (anak bulan). Kemudian, setiap 30 hari dinamakan *al-hilāl*. Hal ini disepakati sama ada orang Arab atau *'ajam*. Orang *'ajam* menamakan 30 hari dengan nama *al-hilāl* dalam bahasa mereka.[5] Ia dinamakan *al-hilāl* kerana ia tampak jelas dan terang[6] dan berlaku pada awal bulan.[7]

Kalimah *asyhur* disebut enam kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 197, 226, 234; *al-Taubah* (9), ayat 2, 5; *al-Talāq* (65), ayat 4.

Lafaz *asyhur* disandarkan dan dihubungkan dengan *al-ḥajj*,[8] *al-ḥurum*,[9] *thalāthah*[10] dan *arba'ah*.[11] Semuanya mengisyaratkan maksud bulan. Ibn Qutaibah berkata, "Maksud surah *al-Baqarah*, ayat 197 iaitu perkataan "*al-ḥajj asyhur ma'lumāt*" (الحَجُّ أَشْهُرٌ مَعْلُومَاتٌ) ialah bulan Syawal, Zulkaedah dan 10 Zulhijjah[12] sepertimana yang disebut dalam *Tafsir al-Qurtubi* berdasarkan rekod Ibn 'Abbās, al-Suddī, al-Sya'bī dan al-Nakh'ī.[13]

Dalam sebuah hadis, Rasulullah berkata, "صُوْمُوْا الشَّهْرَ وَسِرَّهُ" maksudnya, "Berpuasalah kamu pada awal bulan dan akhirnya."[14] Sepertimana juga dalam ayat Allah:

فَمَن شَهِدَ مِنكُمُ ٱلشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ

"Barang siapa antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu."

(Surah al-Baqarah, ayat 185)

Oleh itu, jelaslah maksud lafaz *asyhur* yang terdapat dalam al-Quran ialah bulan.

1 Rida (t.t.), *op. cit.*, j. 12, h. 55.

2 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 168.

3 Surah al-Baqarah (2): 143.

4 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 406.

5 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 3, h. 222.

6 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 499.

7 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 3, h. 357.

8 Surah *al-Baqarah* (2): 197.

9 Surah *al-Taubah* (9): 5.

10 Surah al-Talāq (65): 4.

11 *Al-Baqarah* (2): 226, 234 dengan ditambah lafaz *"wa 'Asyrā"* dan surah al-Taubah (9): 2.

12 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 78.

13 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 2, h. 398. Berdasarkan rekod Ibn Mas'ūd, Ibn 'Umar, 'Ata', al-Rabī', Mujāhid dan al-Zuhrī menyatakan bulan haji ialah Syawal, Zulkaedah dan keseluruhan bulan Zulhijjah.

14 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 3, h. 357

ASYHUR AL-ḤURUM (أَشْهُرُ الْحُرُم)

Lafaz di atas terdiri daripada dua perkataan. Pertama, lafaz *asyhur* dan kedua-dua lafaz *al-ḥurum*. Makna lafaz *asyhur* sudah dijelaskan, sedangkan *al-ḥurum* adalah lafaz dalam bentuk jamak, *mufrad*nya adalah *al-ḥirm* atau *al-ḥaram* iaitu lawan *al-ḥalāl* (halal)[1] atau *al-mamnū'* (yang dilarang).[2] *Al-bait al -ḥarām* adalah Kaabah, *al-Masjid al-Harām* ialah masjid yang di dalamnya Kaabah dan *al-balad al-ḥarām* ertinya Makkah.[3] Atau ia jamak *al-ḥarīm* yang membawa maksud apa yang diharamkan dan belum dipegang atau tempat yang luas di sekeliling istana raja yang perlu dijaga.[4]

Lafaz *asyhur al-ḥurum* disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 5. Para ulama sepakat menyatakan maksud *asyhur al-ḥurum* ialah bulan-bulan yang mana orang Arab melarang diri mereka daripada berperang. Ia terdiri daripada empat bulan iaitu Zulkaedah, Zulhijjah, Muharam dan Rejab.

Al-Zamakhsyarī[5] dan Ibn Kathīr men datangkan sebuah hadis yang direkodkan oleh Imām Ahmad daripada Ismail, daripada Ayyūb, daripada Muhammad bin Sirin, daripada Abī Bakrah, Nabi Muhammad berkhutbah ketika melaksanakan hajinya, beliau berkata, "Ingatlah, zaman beredar seperti biasanya semenjak Allah mencipta langit dan bumi, satu tahun terdiri daripada 12 bulan, antaranya empat yang haram iaitu tiga bulan daripadanya berurutan iaitu Zulkaedah, Zulhijjah dan Muharram, serta Rejab yang berada di antara Jumādī dan Sya'bān."[6]

Dalam ayat di atas, beliau mentafsirkan apabila berakhir empat bulan yang Kami haramkan kamu bagi mereka, maka perangilah mereka.[7] Sebagaimana juga yang direkodkan oleh Al-Tabari daripada Ibn 'Umar,[8] Abu Hurairah,[9] Abī Bakrah,[10] Abī Najih,[11] Qatādah[12] dan al-Suddī.[13] Beliau mengungkapkan orang Arab jahiliah mengagungkan dan memuliakan empat bulan itu serta mengharamkan di dalamnya berperang sesama mereka.[14]

ASYIDDĀ' (أَشِدَّاءُ)

Lafaz ini adalah jamak *al-syadīd* (الشَّدِيْدُ) yang mengandungi beberapa makna iaitu *al -qawiy* (yang kuat),[15] susah,[16] bakhil,[17] yang tinggi *(al-rafī')*, dan ungkapan *"huwa syadīd al-khunzuwānah"* ertinya dia angkuh dan bongkak.[18]

1 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 130.

2 Anīs *et al.* (1962), *op. cit*, j. 1, h. 169.

3 *Ibid.*

4 Ma'lūf (1975), *loc. cit.*

5 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 260.

6 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 322.

7 *Ibid.*, h. 307.

8 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 10, h. 161, athar no. 12961.

9 *Ibid.*, h. 162, athar no. 12962 .

10 *Ibid.*, athar no. 12963.

11 *Ibid.*, athar no. 12965.

12 *Ibid.*, athar no. 12966.

13 *Ibid.*, athar no. 12967.

14 *Ibid.*

15 Dalam ayat Allah ada disebut, "عَلَّمَهُ شَدِيْدُ الْقُوَى" (Surah al-Najm, ayat 5) yang membawa maksud malaikat Jibrail sebagaimana pendapat al-Fayrūz Ābādī (1986). *op. cit.*, h. 302.

16 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 1, h. 476.

17 Misalnya Allah menyatakan pada surah al-'Ādiyāt, ayat 8, "وَإِنَّهُ لِحُبِّ الْخَيْرِ لَشَدِيْدٌ". Ābādī (1986). *loc. cit.*

18 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 378.

Kalimah ini disebut sekali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Fath* (48), ayat 29. Ibn Fāris berkata, "Huruf *al-syīn* dan *al-dāl* mengisyaratkan kepada kekuatan pada sesuatu dan cabang-cabangnya kembali kepadanya.[1] Contohnya dalam ayat ini." Al-Syawkani berkata, "Ia adalah jamak bagi *al-syadīd*. Maknanya dalam surah ini adalah para sahabat keras dan tidak bertolak ansur kepada musuh mereka sepertimana kerasnya singa kepada mangsanya."[2] Dalam tafsir *Safwah al-Tafāsīr*[3] diterangkan, "Sahabat-sahabat nabi yang terpilih lagi mulia keras kepada orang kafir sebagaimana diterangkan dalam ayat Allah yang bermaksud, "Kaum yang bersifat lemah lembut kepada orang yang beriman dan berlaku tegas gagah kepada orang kafir."[4]

Al-Syanqiti[5] berkata, "Ini adalah sifat Rasulullah dan para sahabat kepada orang kafir, sebagaimana Allah menyatakan, "Wahai Nabi! Berjihadlah (menentang) orang kafir dan orang munafik, serta bertindak keras kepada mereka."[6] Allah menerangkan lagi, "... Dan biarlah mereka merasai sikap kekerasan (serta ketabahan hati) yang ada pada kamu...[7] Abū Sa'ūd berkata, "Maksudnya ialah para sahabat menampakkan kekerasan dan gagah kepada orang yang menentang mereka."[8]

Kesimpulannya, maksud lafaz *asyiddā'* ialah keras, tegas dan tidak bertolak ansur.

ASYIḤḤAH (أَشِحَّةٌ)

Lafaz ini adalah jamak *syaḥīḥ* (شَحِيحٌ), ertinya bakhil bersamaan dengan tamak,[9] ia juga bermakna jumlah yang kecil atau sedikit dan tidak kerap. [10] Ibn Fāris berkata, "Asal kalimah ini bermakna *al-man'* (halangan). Kemudian menjadi menghalang di samping loba. Ungkapan *"tasyaḥḥa al-rajula 'alā al-amr"*, maksudnya apabila seseorang mahu memenangkannya dan menghalang yang lainnya. Allah menyatakan, "وَمَن يُوقَ شُحَّ نَفْسِهِۦ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ."[11]

Lafaz ini disebut dua kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Ahzāb*, ayat 18 dan 19. Al-Fayrūz Ābādī berkata, "Lafaz ini adalah lawan *al-ithār* (dermawan) dan *al -syaḥīḥ* adalah orang yang tamak atas apa yang tidak ada pada tangannya. Apabila ia berada di tangannya, maka ia loba dan kikir mengeluarkannya. *Al-bukhl* (kikir) adalah buah daripada *al-syuḥḥ* (tamak) dan *al-syuḥḥ* (tamak) mengajak kepada kebakhilan."[12]

1 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 3, h. 179.

2 Al-Syawkani (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 69, beliau berkata, "Maksud sahabat dalam ayat itu ialah Ashab al-Hudaybiyyah.

3 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 228.

4 Surah al-Mā'idah (5): 54

5 Muhammad Amīn b. Muhammad al-Mukhtār al-Syanqiti, (1996), *Adwa' al-Bayān fi Idah al-Qur'ān bi al-Qur'ān*, j. 1. Beirut: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabī, h. 315 dan 5, h. 157.

6 Surah *al-Taubah*, ayat 73.

7 *Ibid.*: 123

8 Abī al-Su'ūd Muhammad b. Muhammad al-'Imādī (1994), *Irsyād al-'Aql al-Salīm ilā Mazāyā al-Qur`ān al-Karīm*, c. 4, j. 8, Beirut: Dār Ihya` al-Turāth al'Arabī, h. 114

9 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 230.

10 Rohi Baalbakī (1995), *al-Mawrid*, c. 7, Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, h. 663.

11 Maksudnya, "Barang siapa yang menjaga dan menghalang dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya maka merekalah orang yang berjaya." (Surah *al-Hasyr*, ayat 9).

12 Abadi (1986), *op. cit.*, j. 3, h. 300, seperti kata nabi, "Jauhkan diri kamu dari sifat tamak, kerana sifat tamak menghancurkan umat sebelum kamu, ia mengajak kepada kelobaan maka mereka bersifat kikir dan mengajak kepada pemutusan (silaturahim) maka mereka akan memutuskannya." Beliau juga berkata, "Kebakhilan adalah sesiapa yang menjawab panggilan tamak, dan dermawan adalah sesiapa yang memenuhi seruan kebaikan, ihsan dan murah hati."

Menurut al-Kafawī, ia adalah keadaan jiwa yang bersumber daripada halangan itu, dan jiwa yang menghalang itu disebut *al-bukhl.*[1]

Al-Qurtubī mentafsirkan lafaz *asyiḥḥah* dalam surah ini dengan lokek menimpa kamu iaitu mereka enggan menggali pada masa Perang Khandaq dan kedekut menafkahkan harta di jalan Allah, sebagaimana pendapat Mujāhid dan Qatādah.[2] Dalam rekod lain, mereka enggan ikut serta berjihad bersamamu, berkira-kira memberikan nafkah kepada orang fakir dan miskin antara kamu serta kikir kepada *ghanīmah* (harta rampasan) yang mereka dapat.[3] Ibn Kathīr berkata, "Ia bermakna *bukhalā'* (orang yang lokek) dengan kasih sayang ke atas kamu."[4]

Kesimpulannya, makna lafaz *asyiḥḥah* dalam ayat di atas ialah kikir dan loba pada harta, ghanīmah, lokek memberi kasih sayang dan sebagainya.

ASYTĀTĀ (أَشْتَاتًا)

Asytātā adalah bentuk jamak bagi *al-syatt* (الشَّتُّ), ertinya bercerai-berai, berpisah-pisah,[5] satu kelompok yang bercerai-berai.[6] Ibn Fāris berkata, "*al-syīn* dan *al-ta'* adalah asal yang menunjukkan ke atas bercerai-berai dan berpisah. Dari sini ungkapan *"tasytīt al-syai' al-mutafarriq"* yang membawa maksud "mencerai-beraikan sesuatu kelompok."[7] Al-Fayrūz Ābādī berkata, *"jā'ū asytātā"* bermaksud, "Mereka datang berpisah-pisah secara teratur."[8]

Lafaz *asytātā* disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Nūr* (24), ayat 61 dan surah *al-Zalzalah* (99), ayat 6. Ibn Qutaibah mentafsirkan lafaz yang terdapat dalam surah *al-Nūr* ini dengan menyatakan mereka akan kembali dengan berkelompok yang berpisah-pisah[9] dan dalam surah *al-Zalzalah* dengan bercerai-berai.[10]

Al-Tabarī merekodkan daripada 'Alī, daripada Abū Salih, daripada Mu'āwiyah, daripada 'Alī, daripada Ibn 'Abbās, beliau berkata, "Mereka berasa berat untuk makan makanan sendirian sehingga ada bersamanya orang lain. Maka Allah meringankan bagi mereka. Maka turunlah ayat dalam surah al-Nūr."[11] Maksud *asytātā* berdasarkan sebab turun ayat di atas adalah sendirian atau berpisah-pisah.

Manakala dalam surah *al-Zalzalah*, al-Tabarī berkata, "Ayat ini menceritakan berkenaan dengan keadaan manusia pada hari hisab. Mereka kelompok-kelompok yang berpisah-pisah dan bercerai-berai, satu kelompok *dhāt al-yamīn* (Golongan Kanan) ke dalam syurga dan satu kelompok *dhāt al-syimāl* (Golongan Kiri) ke dalam neraka."[12] Begitu juga pendapat Ibn Kathīr yang me-

1 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 242.

2 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 14, h. 150.

3 *Ibid.*

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 443.

5 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 328.

6 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 1, h. 472.

7 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 3, h. 177.

8 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 3, h. 298.

9 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 535.

10 *Ibid.*, h. 308.

11 Al-Tabari (1995), *op. cit.*, j. 18, h. 228, athar no. 19885, dalam rekod lain, daripada Ibn 'Abbās, "Seorang yang kaya masuk ke rumah saudaranya dan masuk pula sahabatnya yang fakir dan miskin, maka mereka memanggilnya untuk makan bersama mereka, lalu dia berkata, "Demi Allah aku keberatan makan bersamamu, aku kaya sedangkan kamu fakir dan miskin!" Maka mereka diperintahkan untuk makan secara bersama-sama atau sendirian." Athar no. 19884.

12 *Ibid.*, j. 30, h. 339.

nyatakan bahawa manusia kembali pada hari hisab bermacam-macam kumpulan dan golongan, iaitu yang sengsara dan bahagia, diperintahkan memasuki syurga dan diperintahkan untuk memasuki neraka.[1]

Kesimpulannya, lafaz *asytātā* di dalam al-Quran mengandungi dua maksud. Pertama, ia bermaksud sendirian sepertimana pengertiannya dalam surah *al-Nūr*. Kedua, ia bermaksud kumpulan atau golongan yang bercerai-cerai. Maksud ini terdapat dalam surah *al-Zalzalah*.

ASYYĀ‘ (أَشْيَاعُ)

Lafaz *asyyā‘* adalah jamak bagi *al-syī‘ah* (الشِّيْعَةُ) iaitu kelompok dan golongan[2] sebagaimana Allah menyatakan,

> *"Sesudah itu, sesungguhnya Kami akan mencabut dari tiap-tiap golongan (شيعة), orang yang sangat derhaka kepada Allah di antara mereka."*[3]

Syī‘ah al-rajul bermakna pengikut dan penolongnya.[4] Al-Kafawī berkata, "*Al-syī‘ah* adalah setiap golongan yang mempunyai satu perkara atau pendapat yang sebahagiannya mengikuti pendapat sebahagian lain dan ia biasanya digunakan pada perkara yang dicela."[5] Syī‘ah adalah nama kumpulan yang menjadikan ‘Alī bin Abī Talib dan keluarganya sebagai wali atau penguasa sehingga ia menjadi nama khusus bagi mereka,[6] atau ia adalah kelompok yang besar daripada orang Islam yang berhimpun atas kecintaan mereka kepada ‘Alī dan keluarganya serta beranggapan mereka lebih berhak menjadi Imam atau Khalifah.[7]

Lafaz *asyyā‘* disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Sabak* (34), ayat 54 dan *al-Qamar* (54), ayat 51. Ibn Abī Najih merekodkan maksud *asyyā’* dalam ayat itu ialah orang kafir.[8] Qatādah berkata, "Ayat ini menjelaskan di dunia apabila ditentukan dan ditimpakan azab ke atas mereka (orang kafir), maka iman mereka tidak diterima lagi."[9] Begitu juga dengan pentafsiran al-Tabarī, di mana maksud *asyyā‘* dalam surah Sabak ialah orang musyrik yang ditimpakan azab ke atas mereka disebabkan kekufuran mereka kepada Allah.[10]

Ibn Qutaibah berkata, "Maksud lafaz ini adalah orang yang sama seperti mereka daripada umat-umat terdahulu[11] sepertimana pentafsirannya yang terdapat dalam *Tafsīr al-Jalālain* iaitu orang yang sama dengan mereka dalam kekufuran daripada umat-umat terdahulu."[12]

Kesimpulannya, makna *asyyā‘* ialah kelompok, golongan atau orang musyrik.

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 492.
2 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 1, h. 503.
3 Surah Maryam, ayat 69.
4 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 353.
5 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 523.
6 *Ibid.*, h. 540.
7 Anīs *et al.* (1962), loc. cit.
8 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 22, h. 136, athar no. 22107.
9 *Ibid.*, athar no. 22108.
10 *Ibid.*, h 135.
11 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 331.
12 Al-Jalālain (t.t.), *op. cit.*, h. 700.

ĀṬFĀL (أَطْفَال)

Lafaziniadalahjamakbagi*al-ṭifl*(الطِفْل). Tetapi, *al-ṭifl* kadangkala digunakan bagi *mufrad* yang menunjukkan jamak sebagaimana Allah menyatakan, "أَوِ الطِفْلُ الَّذِيْنَ لَمْ يَظْهَرُوْا".[1] Ia mengandungi makna kecil daripada setiap sesuatu. Ungkapan *"huwa yas'ā lifī aṭfāl al-hajāt"* (هُوَ يَسْعَي لِي فِي أَطْفَالِ الْحَاجَاتِ) membawa maksud, "dia berusaha untukku untuk hajat yang kecil."[2] Ia juga bermakna anak yang dilahirkan (bayi),[3] anak daripada binatang yang liar-,[4] anak kecil sehingga baligh,[5] bahagian daripada segala sesuatu.[6]

Rih ṭifl bermakna, "Hembusan angin yang perlahan atau lembut."[7] *Al-ṭifl min al -'usyb* ertinya "yang pendek daripada rumput." Ungkapan *"wa ataituhū wa al-layl ṭifl"* (وَأَتَيْتُهُ وَالَّيْلُ طِفْلٌ) membawa maksud, "aku datang pada awal malam,"[8] disebut juga dengan *ṭifl al-zalām*. Ia dinamakan *ṭifl* kerana ia bahagian yang sedikit iaitu waktu sebelum datangnya keseluruhan malam.[9]

Lafaz *ṭifl* disebut sekali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Nūr* (24), ayat 59. Al-Fayrūz Ābādī berkata, "*Al-ṭifl* ialah anak kecil yang nampak dan jelas keanak-anakan,"[10] dan kanak-kanak dalam *Kamus Dewan* ialah budak kecil yang masih kecil dan biasanya yang belum berumur lebih daripada 7 atau 8 tahun.[11] Sa'īd Hawwā berkata, "Al-Nasafī berkata, "*Al-ṭifl* adalah mereka yang tidak cenderung atau mengerti kerana belum muncul syahwat dalam diri mereka atau belum sampai masanya melakukan persetubuhan."[12]

Ibn Kathīr berkata, "*Al-ṭifl* adalah mereka yang disebabkan kanak-kanak, tidak memahami keadaan perempuan dan aurat mereka daripada percakapan mereka, gerak mereka dan tingkah laku mereka,[13] Apabila mereka sudah baligh,[14] berubah menjadi seorang lelaki dan mencapai umur mukalaf, [15] maka mereka mesti meminta izin pada tiga keadaan yang termasuk aurat."[16] Muhammad 'Ali al-Sabuni berkata, "Mereka ialah anak-anak kecil yang belum mencapai batas syahwat dan tidak mengetahui tentang perkara-perkara persetubuhan kerana mereka mentah[17] dalam mengetahui perkara itu."

Kesimpulannya, *aṭfāl* ialah mereka yang belum mencapai umur baligh.

ATQĀ (أَتْقَى)

Lafaz ini adalah dalam bentuk *isim al-tafḍīl* (superlatif), berasal daripada *al-taqwā* atau daripada kata kerja *waqaya* (وَقَيَ) yang ber-

1 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 394.

2 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 467.

3 Al-Rāzī (1987), *loc. cit.*

4 *Ibid.*

5 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 2, h. 560.

6 *Ibid.*

7 Ma'lūf (1975), *loc. cit.*

8 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.* h. 560

9 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 3, h. 413.

10 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 3, h. 510.

11 Noresah bt. Baharom *et al.* (eds.) (2002), *op. cit.*, h. 570.

12 Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 7, h. 3732.

13 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 268.

14 *Ibid.*, h. 285. Tiga keadaan yang termasuk aurat bagi mereka sekiranya mereka sudah baligh. Pertama, sebelum sembahyang fajar, kerana pada masa itu seseorang tidur di atas katilnya. Kedua, pada masa Qailulah (sebelum waktu Zuhur), kerana seseorang menanggalkan bajunya pada masa itu bersama keluarganya. Ketiga, selepas sembahyang 'Isya' kerana masa itu adalah masa tidur.

15 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 349.

16 Ibn Kathīr (1998), *loc. cit.*

17 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*, h. 336.

makna menjaga,[1] menghalang daripada kesakitan,[2] takut dan khuatir.[3]

Ungkapan *"mā atqahu lillāh"* maksudnya "yang paling takut kepada Allah atau alangkah takutnya ia kepada Allah."[4] Ia juga bermakna ketaatan dan ibadah,[5] meninggalkan kemaksiatan dan kehinaan.[6] Al-Qurtubi berkata, "Lafaz *atqā* bermakna *al-muttaqī* atau *al-khā'if* (yang takut) atau *al-taqiy* seperti perkataan *akbar* yang bermakna *kabīr*."[7]

Kalimah *atqā* disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Lail* (92), ayat 17 dan surah *al-Hujurāt* (49), ayat 13.

Dalam surah *al-Hujurāt*, al-Qurtubi berkata, "Ayat ini menunjukkan ketakwaan adalah perkara yang dijaga di sisi Allah dan rasulnya, bukan harta dan keturunan."[8] Al-Syawkani berkata, "Sesungguhnya perbezaan antara kamu adalah dengan takwa. Sesiapa yang memakainya, maka dia berhak dimuliakan dan lebih baik daripada orang yang tidak memakainya."[9] Adapun dalam surah *al-Lail*, lafaz *atqā* mengandungi makna takut, atau Abu Bakar, sebagaimana yang direkodkan daripada Ibn 'Abbās.[10]

Ibn Kathir berkata, "Para mufassir hampir sependapat ayat ini "سَيُجَنَّبُهَا الْأَتْقَى"[11] diturunkan kepada Abu Bakar sebagaimana pendapat al-Syawkani.[12] Al-Wahidi merekodkan orang yang mendengar Ibn al-Zubair sedang ia berkhutbah di atas mimbar dan berkata, "Abu Bakar membeli hamba yang lemah, lalu membebaskannya, ayahnya berkata kepadanya, "Wahai anakku, sebaiknya engkau membeli sesiapa yang melindungi belakangmu." Beliau berkata, "Aku tidak menginginkan sesiapa yang melindungi belakangku," maka turunlah ayat di atas hingga akhirnya."[13]

Kesimpulannya, lafaz *atqā* mengandungi dua maksud yang saling terkait. **Pertama**, bermaksud **orang yang paling bertakwa** sebagaimana pengertiannya dalam surah *al-Hujurāt*. **Kedua**, bermaksud **Abu Bakar**, kerana ayat itu diturunkan kepada Abu Bakar. Walau bagaimanapun, kedua-dua maksud itu saling berkaitan, di mana Abu Bakar adalah seorang yang paling bertakwa dan jujur. Maka, makna umum daripada lafaz itu ialah orang yang paling bertakwa.

ATRĀBĀ (أَتْرَابًا)

Lafaz ini adalah jamak daripada *al-tirb* (التِّرْبُ) bagi *mudhakkar* dan *al-tirbah* (التِّرْبَةُ) bagi *mu'annath* seperti *al-syibh* jamaknya *asybāh* atau *maytah* jamaknya *amwāt*.[14] Ertinya sesiapa yang dilahirkan bersamamu, dan biasanya digunakan bagi *mu'annath*, seperti *"hādhihi tirbu fulānah"* (هَذِهِ تِرْبُ فُلَانَة) apabila ia seumur dengannya.[15] Dalam *al-Mu'jam al-Wasit*, lafaz *atrāb* bermakna sebaya dalam umur.[16]

1 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 733.
2 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 915.
3 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 2, h. 1052.
4 Ma'lūf (1975), *loc. cit.*
5 Surah al-Nahl, ayat 51 dan 52.
6 'Abd al-Rahman 'Umayrah (t.t.), *Al-Tafsīr al-Mawdu'i li al-Syeikh Ibn Taymiyyah*, j. 1. Kaherah: Dar al-I'tsam, h. 40-42. Contohnya dalam surah *al-Baqarah*, ayat 189.
7 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 20, h. 89.
8 *Ibid.*, j. 16, h. 329
9 Al-Syawkani (1994), op. cit., j. 5, h. 83.
10 Al-Qurtubī (1996), *loc. cit.*
11 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 646.
12 Al-Syawkani (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 5, h. 567.
13 Al-Wahidī (1998), *op. cit.*, h. 392, athar no. 915.
14 Al-Balkhī (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 491-492.
15 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 60.
16 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 1, h. 83.

Lafaz *atrābā* disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Wāqi'ah* (56), ayat 37 dan surah *al-Nabak* (78), ayat 33. Ibn Qutaibah berkata, "Maksudnya adalah umur yang sama atau satu umur."[1] Direkodkan daripada Ibn 'Abbās,[2] al-Dahhak,[3] Qatādah[4] dan Mujāhid[5] lafaz *atrāb* bermaksud pada umur yang sama atau sebaya dalam umur. Direkodkan daripada Umm Salamah, beliau berkata, "Aku bertanya, "Wahai Rasulullah, terangkan kepadaku berkenaan ayat "عُرُبًا أَتْرَابًا." Beliau berkata, "'*Urub* adalah yang saling berkasih sayang dan mencintai, dan *atrāb* ialah yang dilahirkan pada tarikh yang sama."[6]

Ibn Kathīr berkata, "Al-Dahhak berkata daripada Ibn 'Abbās, ia bermaksud satu umur, iaitu 33 tahun," dan al-Suddī berkata, "Ia seimbang atau sama dalam akhlak antara meraka, tidak ada rasa benci-membenci dan hasad dengki."[7] Lafaz *atrābā* dalam ayat al-Quran itu bermaksud sebaya.

ĀṬRĀF (أَطْرَافٌ)

Lafaz ini adalah jamak daripada *al-ṭarf* (الطَّرْفُ), digunakan bagi *mufrad* dan jamak. Ia mengandungi makna mata seperti pada makna ayat "لَا يَرْتَدُّ إِلَيْهِمْ طَرْفُهُمْ وَأَفْئِدَتُهُمْ هَوَاءٌ",[8] sisi sesuatu, penghabisan segala sesuatu,[9] pandangan,[10] daerah,[11] arah, golongan.[12] *Aṭrāf* juga jamak daripada *al-ṭirf* (الطِّرْفُ). Al-Asma'i berkata, "Ia bermaksud yang baik daripada seekor kuda,[13] manusia dan sebagainya."[14]

Lafaz ini disebut tiga kali dalam al-Quran, iaitu pada surah *al-Ra'd*, ayat 41, *Taha*, ayat 130, dan *al-Anbiyāk*, ayat 44.

Ibn Fāris berkata, "Ia mempunyai dua maksud. Pertama, *al-ṭarf* yang menunjukkan kepada batasan sesuatu dan tepinya. Kedua, *al-ṭarf* yang menunjukkan kepada pergerakan pada sebahagian anggota iaitu menggerakkan pelupuk mata."[15] Al-Fayrūz Ābādī berkata, "Maksud dalam surah *al-Ra'd* ialah tepi-tepinya dan ini berdasarkan pentafsiran siapa yang menjadikan maksud *"nanqusuhā min aṭrāfihā"* (نَنْقُصُهَا مِنْ أَطْرَافِهَا) adalah pembukaan negeri-negeri. Bagi sesiapa yang mentafsirkannya dengan kematian ulamanya, maka maksud *aṭrāf al-arḍ* ialah ulama-ulama dan pembesar-pembesarnya."[16]

Ibn 'Arafah menerangkan, "Maksud *min aṭrāfihā* ialah dibuka di sekitar Makkah ke atas Nabi Muhammad, maknanya, "Tidakkah kamu melihat kami membuka dan membebaskan kepada orang Islam bahagian dari bumi sebagaimana yang dijelaskan kepada

1 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 510.

2 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 27, h. 246, athar no. 25876.

3 *Ibid.*, athar no. 25877.

4 *Ibid.*, athar no. 25878.

5 *Ibid.*, athar no. 25879.

6 *Ibid.*, h. 245. Direkodkan oleh al-Tirmidhī dalam al-Syamā'il daripada 'Abd b. Hamid.

7 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 263.

8 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h.390.

9 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 464.

10 Anīs et al. (1962), *op. cit.*, j. 2, h. 555, contohnya Allah berkata, "قَالَ ٱلَّذِى عِندَهُۥ عِلْمٌ مِّنَ ٱلْكِتَٰبِ أَنَا۠ ءَاتِيكَ بِهِۦ قَبْلَ أَن يَرْتَدَّ إِلَيْكَ طَرْفُكَ", Maksudnya, "Berkata pula seorang yang mempunyai ilmu pengetahuan dari kitab Allah: "Aku akan membawakannya kepadamu dalam sekelip mata." (Surah *al-Naml*, ayat 40).

11 Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 847.

12 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 3. h. 502. Contohnya Allah menyatakan, "لِيَقْطَعَ طَرَفًا مِّنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا", ertinya, "(kemudian Badr itu) kerana Allah hendak membinasakan satu golongan dari orang kafir." (Surah *Āli 'Imrān*, ayat 127).

13 Al-Rāzī (1987), *loc. cit.*

14 Anīs *et al.* (1962), *loc. cit.*

15 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 3, h. 447-449.

16 Ābādī (1986), *loc. cit.*

mereka terangnya apa yang kami janjikan kepada Nabi Muhammad."[1]

Ibn 'Abbās dan Mujāhid berkata, "Ia bermaksud kematian ulama-ulama dan pembesar-pembesarnya, sebagaimana yang disebut Waki' bin al-Jarrah daripada Talhah bin 'Umayr, daripada 'Ata' bin Abī Rabah, di mana maksudnya ialah kematian ulama-ulamanya dan yang terpilih daripada penduduknya.[2]

Direkodkan juga daripada Ibn 'Abbās, Mujāhid dan Ibn Juraij, maksudnya ialah hilangnya keberkatan bumi, buah-buahannya dan penduduknya. Ada yang berpendapat, kerosakannya disebabkan kejahatan pembesar-pembesarnya dan makna ini yang dipersetujui oleh al-Qurtubi. Beliau berkata, "Kejahatan dan kezaliman merosakkan negeri dengan penduduknya yang terbunuh serta terangkatnya dari bumi sebuah keberkatan."[3] Sedangkan dalam surah *Taha* dihubungkan dengan *al-nahār* iaitu tengah hari.

Al-Fayrūz Ābādī berpendapat, maksudnya ialah dua jam dari awal tengah hari dan akhirnya.[4] Ia juga bermaksud lawan bagi *"ānā' al-lail"* iaitu pada saat dan waktu untuk bertahajjud.[5] Dalam *Tafsīr al-Jalālain*, ia bermaksud sembahyang Zuhur kerana waktunya masuk ketika matahari condong iaitu tepi dari bahagian yang pertama dan tepi dari bahagian kedua.[6]

Kesimpulannya, maksud lafaz *atrāf* ter bahagi kepada dua. **Pertama**, bermaksud kekalahan negeri sehingga terbunuhnya ulama serta para pembesar-pembesarnya sepertimana dalam surah al-Ra'd dan al-Anbiyāk. **Kedua**, bermaksud sembahyang Zuhur atau awal tengah hari dan akhirnya.

ĀṬWĀR (أَطْوَارٌ)

Lafaz ini adalah jamak bagi *al-ṭawr* (الطَّوْرُ) atau *al-ṭur* (الطُّوْرُ). *Al-ṭawr* ertinya suatu keadaan,[7] sekali, batas sesuatu, kondisi, bentuk, dan kadar.[8] Ungkapan *"al-nās aṭwār"* membawa maksud manusia itu bermacam-macam ragam dan situasi.[9]

Ungkapan "أَتَيْتُهُ طَوْرًا بَعْدَ طَوْرٍ" bermaksud "Aku mendatanginya berkali-kali." Al-Akhfasy berkata, "طَوْرًا عَلَقَةً طَوْرًا مُضْغَةً" ertinya, "Satu keadaan segumpal darah dan satu keadaan seketul daging."[10] Sedangkan *al-tur* ertinya bukit yang tumbuh di atasnya pepohonan, batas sesuatu atau tepinya dan halaman rumah.[11]

Kalimah *aṭwār* disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Nuh* (71), ayat 14. Ibn Fāris berkata, "Asal kalimah ini menunjukkan makna panjang atau batas sesuatu sama ada tempat atau zaman, *"'adā ṭawrah"* bermaksud melewati batas yang dimilikinya dari rumahnya dan *"fa'ala dhālik ṭawran ba'da ṭawr"* (فَعَلَ ذَالِكَ طَوْرًا بَعْدَ طَوْرٍ) bermaksud dia berbuat demikian perlahan-lahan.[12]

Al-Zamakhsyarī berkata, "Ia bermaksud

1 *Ibid.*

2 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 9, h. 344.

3 *Ibid.*

4 Abadi (1986), *loc. cit.*

5 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 498.

6 Al-Jalālayn (t.t.), *op. cit.*, h. 413.

7 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 399.

8 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 475; Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 2, h. 571.

9 Al-Rāzī (1987), *loc. cit.*

10 *Ibid.*

11 Anīs *et al.* (1962), *loc. cit.*

12 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 3, h. 430-431.

dalam keadaan iaitu dia menjadikan kamu dalam beberapa keadaan dan kondisi, dari satu keadaan kepada keadaan lain, mencipta kamu pertama sekali dari tanah, kemudian menciptakan kamu dari *nutfah* (air mani), lalu mencipta kamu menjadi segumpal darah, lalu seketul daging, kemudian mencipta kamu menjadi tulang belulang dan daging dan menjadikan kamu satu makhluk."[1]

Sa'īd Hawwā mentafsirkannya dengan beberapa tempoh dan keadaan, maknanya, "Tidakkah kamu beriman kepada Allah. Padahal ini adalah perkara yang perlu diyakini kerana dia mencipta kamu dalam beberapa keadaan dan tempoh iaitu mencipta kamu pertama sekali dari tanah, lalu menjadi segumpal darah. Kemudian berubah menjadi seketul daging dan dibalutinya dengan daging."[2] Ibn Qutaibah mentafsirkannya dengan berbagai-bagai macam atau keadaan, perubahan keadaan "dari *nutfah* kemudian menjadi *'alaqah*, lalu menjadi *mudghah* dan dibalutinya dengan daging."[3]

Kesimpulannya, lafaz *aṭwār* dalam ayat di atas bermaksud **beberapa tempoh dan keadaan penciptaan manusia.**

AWBĀR(أَوْبَارٌ)

Awbār adalah jamak daripada *al-wabar* (الْوَبَرُ), *mu'annath*nya adalah *al-wabarah* (الْوَبَرَةُ), ertinya bulu unta, arnab dan sebagainya seperti bulu kambing.[4] *Ahli al-wabār* maksudnya masyarakat pedalaman atau orang Badwi kerana mereka mendirikan rumah daripada bulu binatang.[5] Ungkapan "أَخَذَ الشَّيءَ بِوَبَرِهِ" ertinya mengambil ke seluruhannya.[6] Al-Kafawī berkata, "*Al-wabār* ialah bulu unta dan haiwan liar."[7]

Lafaz *awbār* disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Nahl* (16), ayat 80. Ibn 'Abbās, al-Khāzin, al-Nasafī, al -Baidawi berpendapat, maksud *awbār* dalam ayat di atas ialah bulu unta.[8] Begitu juga dengan pendapat al-Qurtubi,[9] Ibn Kathīr,[10] al-Syawkani,[11] dan yang disebut dalam *Tafsīr al-Jalālain*.[12] Lafaz *awbār* dalam ayat di atas membawa maksud **bulu unta.**

AWDIYAH(أَوْدِيَةٌ)

Lafaz ini adalah jamak daripada *al-wādī*, seperti kalimah *sariyy* jamaknya adalah *asriyah* (saluran) bagi sungai,[13] lembah di antara bukit-bukit atau bukit-bukit kecil yang menjadi tempat mengalir atau saluran dan jalan.[14] Dalam *al-Mu'jam al-Wasit*, ia adalah setiap ruang di antara gunung-ganang, bukit-bukau

1 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 605.

2 Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 11, h. 6155.

3 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 487.

4 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 884.

5 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 2, h. 1008.

6 Ma'lūf (1975), *loc. cit.*

7 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 538. Beliau juga berkata, "*Al-Sya'r* adalah bagi manusia, *al-Suf* adalah bahi kambing, *al-Mir'iza'* adalah bagi bulu kambing kacang (yang kecil), *al-'Ifā'* bagi bulu keledai, *al-Hulb* bagi khinzir, *al-Zaghab* bagi ayam, *al-Risy* bagi burung dan *al-Zif* bagi bulu burung unta."

8 Hilmī (1979), *op. cit.*, j. 3, h. 629.

9 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 10, h. 161.

10 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 533.

11 Al-Syawkani (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 228.

12 Al-Jalālain (t.t.), *op. cit.*, h. 348.

13 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 715.

14 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 894.

dan anak bukit. Ia dinamakan demikian disebabkan tempat mengalirnya air.[1] Dalam *Kamus Dewan,* ia bermakna sungai yang tidak berair di padang pasir (berisi air apabila turun hujan) atau lembah.[2]

Lafaz *awdiyah* disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Ra'd* (13), ayat 17 dan surah *al-Ahqāf* (46), ayat 24.

Al-Sabuni berkata, "Apabila air hujan turun, maka mengalirlah air membanjiri lembah yang bergantung pada kadar luasnya dan semuanya berdasarkan ketetapannya."[3] Mujāhid berkata, "Air membanjiri lembah bergantung pada kadar luasnya."[4] Ibn Juraij berkata, "Membanjiri lembah bergantung pada kecil dan besarnya."[5]

Al-Qurtubi berkata, "Ia dinamakan *wādī* kerana ia adalah jalan (air) keluar dan mengalir, dan lafaz *wādī* adalah nama bagi air yang mengalir. Oleh itu, Abu Ya'la berkata, "Mentafsirkan *fa sālat awdiyah* (فَسَالَتْ أَوْدِيَةٌ) dengan mengalir airnya.[6] Direkodkan daripada Ibn Ishaq,[7] katanya, "Allah menghantar awan yang hitam sebagaimana pendapat Qutail bin 'Anz kerana di dalamnya terdapat kesengsaraan dan azab kepada kaum 'Ad sehingga mereka keluar dari lembah mereka yang dikatakan dapat menolong. Ketika mereka melihatnya, mereka bergembira dan berkata, "Ini ialah awan yang akan membawa hujan kepada kita," lalu Allah mengatakan, "Tidak! Bahkan itulah azab yang kamu minta disegerakan kedatangannya iaitu angin yang membawa azab seksa yang tidak terperi sakitnya."[8]

Lafaz *awdiyah* dalam ayat al-Quran membawa maksud **lembah-lembah.**

AWLIYĀ' (أَوْلِيَاءُ)

Lafaz ini adalah jamak daripada *al-waliy* yang mengandungi makna setiap yang menguruskan urusan, penolong, yang dicintai, sahabat, jiran, pengikut, penolong, pembebas hamba, yang taat.[9] Ungkapan *"Allāh waliyyuk"* bermaksud Allah menjaga dan mengawasi kamu.[10]

Perkataan *"al-mu'min waliy Allāh"* membawa maksud "yang taat kepadanya."[11] *Waliyy al-'ahd* ertinya putera mahkota, *waliyy al -mar'ah* ertinya yang mewakilkan ikatan pernikahan ke atasnya dan tidak batal akad itu sekiranya ketiadaannya, *waliyy al-yatīm* bermaksud pengasuh anak yatim dan *awliyā' al-amr* ialah para penguasa.[12] *Al-waliyy* juga bermakna lawan kepada musuh[13] dan setiap orang yang mendekati kamu.[14]

Lafaz *awliyā'* disebut 42 kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 28, 175, 257; *al-Nisāk* (4), ayat 76, 89, 139, 144; *al-Mā'idah* (5), ayat 51, 51, 57, 81; *al-An'ām* (6), ayat 121, 128; *al-A'rāf* (7), ayat 3, 27, 30; *al-Anfāl* (8), ayat: 34, 34, 72, 73; *al -Taubah* (9), ayat 23, 71; *Yūnus* (10), ayat 62; *Hūd* (11), ayat 20, 113; *al-Ra'd* (13), ayat 16; *al*

1 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 2, h. 1022.
2 Noresah bt. Baharom *et al.* (eds.) (2002), *op. cit.*, h. 1541.
3 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 79.
4 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 10, h. 313.
5 *Ibid.*
6 *Ibid.*
7 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 26, h. 35.
8 Surah al-Ahqāf (46): 24.
9 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 2, h. 1058.
10 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 918.
11 Anīs *et al.* (1962), *loc. cit.*
12 Ma'lūf (1975), *loc. cit.*
13 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 736.
14 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 918.

-Isrāk (17), ayat 8; *al-Kahfi* (18), ayat 50, 102; *al-Furqān* (25), ayat 18; *al-'Ankabūt* (29), ayat 41; *al-Ahzāb* (33), ayat 6; *al-Zumar* (39), ayat 3; *Fussilat* (41), ayat 31; *al-Syūrā* (42), ayat 6, 9, 46; *al-Jāthiyah* (45), ayat 10, 19; *al-Ahqāf* (46), ayat 32; *al-Mumtahanah* (60), ayat 1; *al -Jumu'ah* (62), ayat 6.

Di dalam al-Quran, lafaz *awliyā'* dapat dikategorikan kepada empat golongan berdasarkan sandaran dan hubungannya dengan kalimah lain. **Pertama**, dihubungkan kepada Allah seperti dalam surah *Yūnus*, ayat 62.[1] **Kedua**, dihubungkan kepada orang kafir, musyrik dan Yahudi seperti ayat 28 surah *Āli 'Imrān* dan surah *al-Mā'idah*, ayat 57;[2] Ketiga, disandarkan kepada syaitan seperti dalam surah *al-Nisāk*, ayat 76.[3] Keempat, disandarkan kepada Mukmin seperti dalam surah *al -Anfāl*, ayat 72.[4]

Direkodkan oleh al-Dahhak daripada Ibn 'Abbās, ayat 28 surah *Āli 'Imrān* turun kepada 'Ubādah bin al-Samit al-Ansari. Beliau adalah sahabat yang turut serta dalam Perang Badar. Beliau memiliki perjanjian persahabatan dengan orang Yahudi. Ketika Nabi Muhammad keluar pada Perang Ahzāb, 'Ubādah berkata, "Wahai Rasulullah! Sesungguhnya bersamaku 500 lelaki daripada Yahudi dan aku melihat mereka mahu keluar bersamaku dan membantu menghadapi musuh, lalu Allah menurunkan ayat ini."[5]

Dalam ayat 72 surah al-Anfāl, al-Syawkani berkata, "Maksud *awliyā'* di sini ialah sesama Muslim menjadi saudara atau sahabat yang saling membantu dan menolong."[6] Dalam *Tafsīr al-Jalālain*, lafaz *awliyā'* dalam surah *al-Nisāk*, ayat 76, bermaksud penolong-penolong agamanya (yang batil) iaitu orang kafir.[7]

Ibn Kathīr berkata, "Sesungguhnya wali-wali Allah ialah orang yang beriman dan bertakwa, setiap orang yang bertakwa adalah wali bagi Allah."[8] Ibn Mas'ūd dan Ibn 'Abbās kedua-duanya berkata, *awliyā'* Allah ialah orang yang apabila dia memandang pasti ingat Allah."[9] Abū Hurairah melaporkan, Rasulullah berkata, "Sesungguhnya di kalangan hamba Allah, ada yang diinginkan seperti mereka oleh para nabi dan syuhada. Dikatakan, "Siapa mereka, wahai Rasulullah? Kami berharap supaya kami dapat mencintai mereka." Rasulullah berkata, "Mereka ialah golongan yang saling mencintai kerana Allah, jauh daripada harta keduniaan dan juga nasab, wajah-wajah mereka bercahaya di atas mimbar-mimbar dari cahaya, mereka tidak takut ketika manusia takut dan tidak bersedih apabila manusia bersedih." Lalu beliau membaca ayat di atas."[10]

Kesimpulannya, maksud umum lafaz *awliyā'* ialah penolong, sahabat dan pengikut.

1 Allah menyatakan yang bermaksud, "Ketahuilah! Sesungguhnya wali-wali Allah, tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita." (Surah *Yūnus*, ayat 62)

2 Allah menyatakan yang bermaksud, "Janganlah orang-orang yang beriman mengambil orang-orang kafir menjadi teman rapat dengan meninggalkan orang-orang yang beriman." (Surah *Āli 'Imrān*, surah 28).

3 Allah menyatakan yang bermaksud: "... Maka perangilah olehmu akan pengikut-pengikut syaitan itu..." (Surah *al-Nisāk* , ayat 76).

4 Allah menyatakan yang bermaksud, "Sesungguhnya orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah, dan orang-orang (Ansar) yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kepada orang Islam itu), mereka semuanya menjadi penyokong dan pembela antara satu dengan yang lain..." (Surah *al-Anfāl*, ayat 72).

5 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 4, h. 62.

6 Al-Syawkani (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 420.

7 Al-Jalālain (t.t.), *op. cit.*, h. 126.

8 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 384.

9 *Ibid.*

10 *Ibid.*

AWTĀD (أَوْتَادٌ)

Lafaz ini adalah jamak daripada *al-watīd* (الْوَتِيدُ),[1] ertinya apa yang ditanam di dalam bumi, dinding buku atau aur.[2] *Awtād al-arḍ* ertinya bukit-bukit, *awtād al-famm* maksudnya gigi-gigi, *awtād al-bilād* maksudnya para pemimpin.[3] *Awtād al-sufiyyah* membawa maksud empat lelaki di mana kedudukan mereka di atas kedudukan empat tiang di bumi, Timur dan Barat, Utara dan Selatan.[4]

Lafaz ini disebut tiga kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Sad* (38), ayat 12, *al-Fajr* (89), ayat 10 dan *al-Nabak* (78), ayat 7. Dalam surah *Sad*, *awtād* dikaitkan dengan *dhū* dan Firaun. Al-Zamakhsyarī berkata, "Ia bermaksud rumah yang kukuh yang berdiri dengan pasak-pasaknya."[5]

Al-Syawkani berkata, "Para mufassir berpendapat, *dhū al-awtād* bermaksud dia (Firaun) mempunyai tiang-tiang bagi mendera manusia dengannya iaitu apabila dia marah kepada seseorang, tangan dan kakinya diikat sedangkan kepalanya di atas bumi. Ada pendapat yang mengatakan, ia bermaksud kumpulan atau bala tentera yang ramai. Mereka menguatkan kerajaannya sepertimana menguatkan tiang-tiang sehingga tidak dapat dimusnahkan dan dikalahkan."[6]

Ibn Qutaibah berkata, "Ia bermaksud mempunyai bangunan yang tersusun dan kukuh dan asal dari ini rumah-rumah mereka kukuh dengan pasak-pasaknya."[7] Direkodkan daripada al-Suddī [8] dan al-Rabī' b. Anas[9], maksud *dhū al-awtād* ialah bagi mengazab dan menyeksa manusia dengan tiang-tiang, menyeksa mereka dengan empat tiang. Kemudian batu diangkat ke atas yang diikat dengan tali, lalu dilemparkan kepadanya, maka hancurlah ia.[10]

Al-Tabari berkata, "Maksud lafaz *awtād* dalam surah *al-Nabak* ialah gunung-ganang bagi bumi seperti pasak atau tiang, berfungsi menetapnya supaya tidak menghayun-hayunkan manusia[11] sepertimana Allah menyatakan dalam surah *al-Nahl*, ayat 15,

> *"Dan Dia mengadakan di bumi gunung-ganang yang menetapnya supaya ia tidak menghayun-hayunkan kamu."*

Ibn Kathir berkata, "Maksudnya menjadikan bagi bumi tiang atau pasak yang menguhkannya, menetapkannya dan menguatkannya sehingga menjadi tenang dan tidak menggoyangkan sesiapa yang berada di atasnya."[12]

Kesimpulannya, lafaz *awtād* mengandungi dua maksud. **Pertama**, ia bermaksud tiang-tiang kepunyaan Firaun bagi menyeksa manusia dengannya, atau rumah dan istana dengan bala tentera yang kuat. **Kedua**, ia bermaksud pasak bagi menstabilkan keadaan bumi.

1 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 707.
2 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 2, h. 1009.
3 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 885.
4 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*
5 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 72.
6 Al-Syawkani (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 528.
7 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 377.
8 Al-Tabari (1995), *op. cit.*, j. 23, h. 156, athar no. 22861.
9 *Ibid.*, athar no. 22862.
10 *Ibid.*
11 *Ibid.*, j. 30, h. 5.
12 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 418.

AWTHĀN (أَوْثَانٌ)

Lafaz ini adalah jamak daripada *al-wathan* (الْوَثَنُ), ertinya *al-sanam* (patung)[1] atau *al-timthāl* (berhala) yang disembah sama ada kayu, tembaga, perak dan sebagainya.[2] Ungkapan *"hiya wathan fulān"* (هِيَ وَثَنُ فُلَانٍ) membawa maksud isterinya.[3]

Al-Kafawī berkata, "*Al-wathan* adalah umum, *al-timthāl* ialah apa yang dibuat dan digambarkan seperti ciptaan Allah yang mempunyai roh. Manakala *al-ṣanam* adalah patung yang dibuat daripada batu."[4]

Lafaz *awthān* disebut tiga kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Hajj* (22), ayat 30 dan *al-'Ankabūt* (29), ayat 17, dan 25.

Ibn Qutaibah berkata, "*Al-wathan* ialah apa yang diperbuat daripada batu dan kapur batu."[5] Al-Zamakhsyari berkata, "*Awthān* adalah *al-asnam* (patung) dan orang kafir menamakannya dengan tuhan dan sekutu baginya atau pemberi syafaat bagi mereka. Oleh itu, perbuatan mereka (menyembahnya) dinamakan dusta *(al-ifk)*.[6] Malah, kepala daripada kedustaan *(al-zur)* serta kotor *(rijs)*, kerana syirik tergolong daripada perbuatan dusta disebabkan orang musyrik menyangka berhala layak dan berhak disembah[7] serta menduga ia menimbulkan kecintaan *(mawaddah)* antara mereka."[8]

Al-Tabari berkata, "*Awthān* ialah *muthul*, sebagaimana yang direkodkan daripada Qatādah, ia dinamakan *aṣnam* (patung)."[9] Direkodkan daripada Ibn 'Abbās [10] dan Ibn Juraij, "Makna ayat dalam surah al-Hajj ialah jauhilah ketaatan kepada syaitan dalam menyembah patung."[11] Lafaz *awthān* dalam ayat di atas ialah patung yang diperbuat dan diukir daripada batu, tembaga, perak, kayu dan sebagainya, kemudian disembah.

AWZĀR (أَوْزَارٌ)

Lafaz *awzār* adalah jamak daripada *al-wizr* (الْوِزْرُ), ertinya dosa, muatan yang berat, senjata, profesi,[12] salah, beban.[13] *Awzār al-ḥarb* maksudnya barangan-barangan perang dan alat-alatnya. Ungkapan *"Wada'at al-ḥarb awzārhā"* (وَضَعَتِ الْحَرْبُ أَوْزَارَهَا) membawa maksud peperangan berakhir disebabkan kedua belah pihak yang berperang meletakkan senjata pada masa itu.[14]

Kalimah *awzār* disebut lima kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 31; *al-Nahl* (16), ayat 25; *Taha* (20), ayat 87; *Muhammad* (47), ayat 4. Maksud lafaz *awzār* dalam ayat al-Quran dapat diklasifikasikan kepada tiga maksud.

Pertama, senjata atau beban-beban peperangan sebagaimana dalam surah Muhammad. Mujāhid berkata, "Peperangan tetap berlanjutan sehingga 'Īsā bin Maryam

1 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 708.
2 Anīs et al. (1962), *op. cit.*, j. 2, h. 1012.
3 *Ibid.*
4 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 315.
5 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 337.
6 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 432.
7 *Ibid.*, h. 151.
8 *Ibid.*, h. 436.
9 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 20, h. 167.
10 *Ibid.*, j. 17, h. 202, athar no. 19004.
11 *Ibid.*, athar no. 19005.
12 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 718; Anīs *et al.* (1962), j. 2, h. 1028.
13 Al-Marbawī (1350H), *op. cit.*, j. 2, h. 386.
14 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 898.

turun,"[1] seakan-akan ia mengambil kata-kata Rasulullah. "Satu golongan daripada umat-ku tetap berada dalam kebenaran sehingga yang akhir daripada mereka memerangi dajjal."[2] Qatādah berkata, "Sehingga tidak ada lagi kesyirikan."[3] Ulama lain berpendapat, "Sehingga orang yang memerangi umat Islam meletakkan beban dan senjata mereka supaya bertaubat kepada Allah."[4]

Al-Syawkani berkata, "*Awzār* dalam ayat ini bermaksud beban-beban peperangan yang tidak berlaku perang kecuali dengannya, daripada senjata dan kuda. *Al-wad'* disandarkan kepada orangnya adalah *majāz* atau *kināyah*."[5] Direkodkan daripada al-Hasan dan 'Ata', kedua-duanya berkata, "Dalam ayat itu wujud *taqdīm* dan *ta'khīr*, maksudnya, "Maka pukullah leher-leher mereka sehingga orangnya meletakkan senjatanya."[6]

Kedua, bermakna beban dosa. Pengertian ini terdapat dalam surah *al-An'ām* dan al-Nahl. Al-Sabuni mentafsirkan lafaz *awzār* pada ayat ini, "mereka membawa beban dosa mereka di atas belakang mereka."[7] Al-Baidawi berkata, "Ini adalah contoh bagi bentuk dosa yang mereka lakukan.[8] Sebagaimana yang dijelaskan Ibn Kathīr, mereka membawanya ke dalam neraka, seperti yang difahami daripada rekod yang lebih sahih daripada al-Suddi."[9]

Ketiga, bermaksud perhiasan kerana ia dikaitkan dengan *"min zīnah"*. Maksud ini terdapat dalam surah *Taha*. Al-Qurtubi mentafsirkannya dengan *athqāl* (beban dan muatan) daripada perhiasan dan mereka meminjamnya daripada Firaun ketika keluar bersama Mūsā dan menggunakannya ketika hari perayaan atau perkahwinan.[10] Ibn Qutaibah berkata, "Ia bermaksud *aḥmal* (beban) daripada perhiasan mereka."[11]

ĀYĀT (آيَاتٌ)

Lafaz ini adalah jamak daripada *al-āyah* (الآيَةُ), ertinya tanda dan *al-āyah* daripada Kitabullah ialah kumpulan-kumpulan huruf[12] atau perkataan daripadanya yang terpisah berdasarkan ungkapan secara lafaz. Al-Syaybani berkata, "Makna ungkapan *"kharaja al-qawm bi āyātihim"* adalah "satu kaum keluar dengan kumpulan atau golongan-golongan mereka."[13] Ia juga mengandungi maksud diri seseorang[14]

1 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 330.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 156, Direkodkan oleh Imām Ahmad dan al-Nasa'i daripada hadis Jābir bin Nafir daripada Salamah bin Nufayl.

3 Sebagaimana Allah menyatakan, "Dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi fitnah dan sehingga menjadilah agama itu semata-mata kerana Allah." (Surah *al-Baqarah*, ayat 193).

4 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*

5 Al-Syawkani (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 37.

6 *Ibid.*

7 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*, j. 1, h. 386.

8 *Ibid.*

9 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 120. Iaitu al-Suddi berkata, "Seorang lelaki yang zalim tidak masuk kubur kecuali datang kepadanya seorang lelaki yang hodoh wajahnya, hitam kulitnya, busuk baunya dan kotor bajunya, sehingga ia masuk bersamanya. Apabila ia melihatnya, dia berkata, "Alangkah hodohnya wajah engkau?" Dia pun menjawab, "Begitulah amalan engkau yang jelik." Dia berkata lagi, "Alangkah busuknya bau engkau?" Dia pun menjawab, "Begitulah amalan kamu yang busuk." Dia berkata lagi, "Alangkah kotornya baju kamu?" Dia pun menjawab, "Sesungguhnya amalan kamu kotor." Dia berkata lagi, "Siapa engkau?" Dia menjawab, "Amalan engkau," maka ia bersamanya di dalam kubur. Apabila dia dibangkitkan pada hari kiamat di berkata, "Sesungguhnya aku membawamu di dunia kepada kelazatan dan syahwat dan engkau sekarang membawaku," maka amalan tadi membawanya naik ke atas belakangnya dan membawanya sehingga masuk ke dalam neraka."

10 Al-Qurtubi (1996), *op. cit.*, j. 11, h. 250.

11 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 281.

12 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 37.

13 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 34.

14 Anīs et al. (1962), *op. cit.*, j. 1, h. 34.

seperti ungkapan *"āyah al-rajul"* yang bermaksud dirinya.[1]

Lafaz *ayāt* disebut sebanyak 295 kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 39, 41, 61, 73, 99, 118, 129, 151, 164, 187, 219, 221, 231, 242, 252, 266; *Āli 'Imrān* (3), ayat 4, 7, 11, 19, 21, 58, 70, 97, 98, 101, 103, 108, 112, 113, 118, 164, 190, 199; *al-Nisāk* (4), ayat 56, 140, 155; *al-Mā'idah* (5), ayat 10, 44, 75, 86, 89; *al-An'ām* (6), ayat 4, 21, 27, 33, 39, 46, 49, 54, 55, 65, 68, 93, 97, 98, 99, 105, 109, 118, 126, 130, 150, 157, 157, 158, 158; *al-A'rāf* (7), ayat 9, 26, 32, 35, 36, 37, 40, 51, 58, 64, 72, 103, 126, 133, 136, 146, 146, 147, 156, 174, 175, 176, 177, 182; *al-Anfāl* (8), ayat 2, 31, 52, 54; *al-Taubah* (9), ayat 9, 11, 65; *Yūnus* (10), ayat 1, 5, 6, 7, 15, 17, 21, 24, 67, 71, 73, 75, 92, 95, 101; *Hūd* (11), ayat 1, 59, 96; *Yūsuf* (12), ayat 1, 7, 35; *al-Ra'd* (13), ayat 1, 2, 3, 4; *Ibrāhīm* (14), ayat 5, 5; *al-Hijr* (15), ayat 1, 75, 81; *al-Nahl* (16), ayat 12, 79, 104, 105; *al-Isrāk* (17), ayat 1, 59, 59, 101, 98; *al-Kahfi* (18), ayat 9, 17, 57, 58, 105, 106; *Maryam* (19), ayat 58, 73, 77; Taha (20), ayat 23, 42, 56, 126, 54, 124, 127, 128; *al-Anbiyāk* (21), ayat 32, 37, 77; *al-Hajj* (22), ayat 16, 51, 52, 57, 71, 72; *al-Mukminūn* (23), ayat 30, 45, 58, 66, 105; *al-Nūr* (24), ayat 1, 18, 34, 46, 58, 59, 61; *al-Furqān* (25), ayat 36, 73; *al-Syu'arāk* (26), ayat 2, 15; *al-Naml* (27), ayat 1, 12, 13, 81, 82, 83, 84, 86, 93; *al-Qasas* (28), ayat 2, 35, 36, 45, 47, 59, 87; *al-'Ankabūt* (29), ayat 23, 24, 47, 49, 49, 50, 50; *al-Rūm* (30), ayat 10, 16, 20, 21, 21, 22, 22, 23, 23, 24, 24, 25, 28, 37, 46, 53; *Luqmān* (31), ayat 7, 2, 31, 31, 32; *al-Sajdah* (32), ayat 15, 22, 24, 26; *al-Ahzāb* (33), ayat 34; *Sabak* (34), ayat 5, 19, 38, 43; *Yāsin* (36), ayat 46; *Sad* (38), ayat 29; *al-Zumar* (39), ayat 42, 52, 59, 63, 71; *Ghāfir* (40), ayat 4, 13, 23, 35, 56, 63, 69, 81, 81; *Fussilat* (41), ayat 3, 15, 28, 37, 39, 40, 44, 53; *al-Syūrā* (42), ayat 29, 32, 33, 35; *al-Zukhruf* (43), ayat 46, 47, 69; *al-Dukhān* (44), ayat 33; *al-Jāthiyah* (45), ayat 3, 4, 5, 6, 6, 8, 9, 11, 13, 25, 31, 35; *al-Ahqaf* (46), ayat 7, 26, 27; *al-Dhāriyat* (51), ayat 20; *al-Najm* (53), ayat 18; *al-Qamar* (54), ayat 42; *al-Hadīd* (57), ayat 9, 17, 19; *al-Mujādalah* (58), ayat 5; *al-Jumu'ah* (62), ayat 2, 5; *al-Taghābun* (64), ayat 10; *al-Talāq* (65), ayat 11; *al-Qalam* (68), ayat 15; *al-Muddaththir* (74), ayat 16; *al-Nabak* (78), ayat 28; *al-Mutaffifīn* (83), ayat 13; *al-Balad* (90), ayat 19.

Lafaz *āyāt* dalam bentuk jamak ini mengandungi banyak makna antaranya adalah seperti berikut:

Pertama, bermakna tanda-tanda kebesaran Allah seperti dalam surah al-Baqarah, ayat 61 dan lainnya. Al-Tabarī berkata, "Maksud *āyāt* dalam surah ini ialah hujah-hujah Allah, tanda-tanda keagungannya dan dalil-dalilnya yang mengajak mentauhidkan Allah dan membenarkan kerasulan rasul-rasulnya."[2]

Kedua, tanda-tanda hari kiamat seperti dalam surah *al-An'ām*, ayat 158. Ibn Kathīr menjelaskan, "Ia adalah tanda-anda sebelum datang hari kiamat. Bukhari merekodkan hadis mengenai tafsiran ayat ini daripada Abu Hurairah, beliau berkata, "Rasulullah berkata, "Hari kiamat tidak akan berlaku sehingga matahari terbit dari sebelah Barat. Apabila manusia melihatnya dan beriman, maka iman mereka tidak berguna lagi.[3] Allah menyatakan, "Tidaklah berfaedah lagi iman seseorang yang tidak beriman sebelum itu."

Ketiga, bermaksud ayat-ayat Allah yang *muḥkam*. Jabir bin Abdillāh, al-Sya'bi dan Sufyan al-Thawri berpendapat, yang dimaksudkan dengan *āyāt muḥkamāt* ialah

1 Ma'lūf (1975), *op. cit.*

2 Al-Tabari (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 450.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 179.

ayat-ayat yang diketahui takwilannya, difahami maknanya dan tafsirannya dan ini yang dipersetujui oleh al-Qurtubi.[1]

Keempat, bermaksud mukjizat seperti dalam surah *al-Isrāk*, ayat 101. Dalam ayat ini, Allah mengutus kepada Nabi Mūsā sembilan mukjizat atau tanda-tanda sebagai dalil kebenaran kerasulannya. Ibn 'Abbās berkata, "Ia adalah tongkat, tangan, *al-jarād* (belalang), *al-qummal* (kutu), *al-dafādi'* (katak), darah, batu, terbelahnya laut, Tursina.[2]

Kesimpulannya, makna umum bagi *āyāt* adalah tanda-tanda kebesaran Allah sama ada ia berupa mukjizat, hari kiamat, ayat-ayat al-Quran dan sebagainya. Keseluruhannya adalah tanda dan bukti kebesaran Allah, keagungan dan keesaannya yang perlu diambil iktibar dan direnungkan.

Al-Kafawi berkata, "Asal makna *āyāt* adalah tanda yang jelas dan terang, digunakan bagi yang nampak atau tidak nampak. Pengetahuan tentangnya juga berbeza-beza berdasarkan taraf pemikiran dan renungan. Ia juga menunjukkan ke atas sesuatu hukum Allah sama ada yang terdapat dalam ayat, surah atau kumpulan dan jumlah darinya serta mencakupi tanda-tanda, dalil yang jelas akan kekuasaannya."[3]

ĀZIFAH (آزِفَةٌ)

Āzifah adalah *ism al-fā'il* daripada kata kerja *azifa* (أَزِفَ), ertinya perjalanan dekat.[4] *Azifa al-rajul* ertinya bersegera, *azifa al-jarh* maksudnya luka membengkak dan bernanah.[5] *Al-āzifah* maksudnya hari kiamat.[6]

Kalimah ini disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Ghāfir* (40), ayat 18 dan surah *al-Najm* (53), ayat 57. Para ulama bersepakat makna *āzifah* adalah hari kiamat. Ibn Qutaibah berkata, "Ia adalah hari kiamat dan dinamakan demikian kerana ia dekat."[7]

Muhammad Fu'ād berkata, "Makna ayat *"azifat al-āzifah"* (أَزِفَةُ ٱلْآزِفَةِ) ialah apabila hari kiamat sudah dekat.[8] Direkodkan daripada Ibn 'Abbās, beliau berkata, "Ia adalah salah satu nama daripada nama-nama hari kiamat, yang diagungkan Allah dan diperingatkan tentangnya."[9] Mujāhid berkata, "Ayat itu bermakna apabila hari kiamat sudah dekat."[10] Mujāhid,[11] Qatādah,[12] al-Suddī [13] dan Ibn Zaid[14] berkata *"yaum al-āzifah"* ialah hari kiamat.

1 Al-Qurtubi (1996), *op. cit.*, j. 4, h. 13-14. Mereka juga berkata, "Āyāt Mutasyābihāt ialah ayat-ayat yang tidak diketahui takwilannya dan tafsirannya kecuali Allah, seperti kedatangan hari akhirat, kemunculan Ya'juj dan Ma'juj, Dajjal, turunnya 'Isa dan sebagainya. Ulama lain berpendapat Āyat Muhkamāt ialah ayat al-Fatihah yang tidak sah sembahyang seseorang kecuali dengan membacanya. Ini adalah pendapat Abu 'Uthman. Muhammad b. al-Fadl berpendapat, ia adalah surah al-Ikhlas kerana tidak ada sesuatu di dalamnya melainkan tentang tauhid. Ada juga yang berpendapat ia adalah keseluruhan ayat-ayat al-Quran."

2 Al-Zamakhsyari (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 669. Ibn 'Abbās dan Mujahid berkata, "Ia adalah tangannya, tongkatnya, musim kemarau, kekurangan buah-buahan, taufan, belalang, kutu, katak dan darah." Ibn Kathīr berpendapat ia adalah tongkat, tangan, musim kemarau, laut, taufan, belalang, katak, kutu, dan darah. Al-Sabuni (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 403.

3 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 219-220.

4 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 14.

5 Anīs *et al.* (1962), j. 1, h. 16.

6 Ibid.; Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 9; Al-Rāzī (1987), *loc. cit.*

7 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 386.

8 Muhammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī (t.t.), *Mu'jam Gharīb al-Qur`ān*, Kaherah : Dār al-Hadīth, h. 33

9 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 26, h. 107, athar no. 25278.

10 *Ibid.*, athar no. 25279.

11 *Ibid.*, j. 24, h. 66, athar no. 23368.

12 *Ibid.*, athar no. 23369.

13 *Ibid.*, athar no. 23370.

14 *Ibid.*, athar no. 23371.

AZLĀM (أَزْلَام)

Lafaz ini adalah jamak daripada *al-zalam* (الزَّلَم). Ertinya anak panah yang tidak berbulu di mana orang Arab pada masa jahiliah menilik nasib dengannya.[1] Mereka meletakkannya dalam bejana. Apabila mahu melakukan sesuatu perkara, mereka memasukkan tangan ke dalamnya dan mengeluarkan salah satu anak panah itu. Apabila keluar perkara yang diperintahkan, mereka melakukannya dan apabila keluar larangan, mereka tidak melakukannya.[2] Ia juga bermakna kuku binatang seperti lembu, rusa dan lain-lain.[3]

Kalimah *azlām* disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah al-Mā'idah (5), ayat 3 dan 90.

Al-Kafawī berkata, "Anak panah yang satu bertulis *"amaranī rabbī"* bermaksud Allah menyuruh daku. Kedua, bertulis *"nahānī rabbī"* bermaksud Allah melarang daku. Ketiga bertulis *"al-ghafl"* (yang tidak ada tulisan). Apabila yang keluar adalah perkara perintah, mereka mengerjakannya. Apabila yang keluar perkara larangan, mereka meninggalkannya dan apabila yang keluar *al -ghafl*, mereka mengulanginya kali kedua."[4]

Al-Khāzin berkata, "Anak panah mereka itu ada tujuh,[5] lalu pergi ke *ḥabl* iaitu berhala yang paling besar milik orang Quraisy di dalam Kaabah dengan membawa 100 dirham dan memberikannya kepada yang menggoncangkan bejana yang terdapat anak panah itu, iaitu ketika mereka mahu berpergian atau ada perkara-perkara yang besar."[6] Dalam *Tafsīr al-Munīr* diterangkan *azlām* ialah usaha bagi mengetahui apa yang disumpah atau menentukan sesuatu perkara sama ada baik ataupun buruk. Amalan ini terbahagi menjadi dua makna.

Pertama, bersifat ibadah atau iktikad. Ia seperti *al-taṭayyur* (amalan meramal adanya hal-hal buruk) iaitu apabila mereka mahu memulakan pekerjaan, berpergian, berperang, berkahwin atau jual beli dan sebagainya, maka mereka pergi ke Kaabah yang terdapat berhala *habl* yang terdapat padanya tujuh anak panah, tertulis pada setiap anak panah apa yang mereka mahu tentukan daripada kemusykilan yang ada pada mereka. Apabila ia keluar, mereka merujuk dan kembali kepadanya (sebagaimana penjelasan terdahulu).

Kedua, bersifat kebendaan *(al-māddī)*, iaitu loteri. Ia adalah sejenis perjudian. Maksudnya ialah anak panah itu menjadi alat perjudian. Bilangannya 10. Tujuh daripadanya jelas dan 3 daripadanya *ghafl* (tidak ada tulisan di dalamnya). Pada masa jahiliah, ia adalah alat berjudi di mana mereka membeli anak panah dan bertaruh sebelum memulakan permainan itu, lalu mengundi sebanyak 28 undi atau 10 undi. Apabila salah satunya keluar dengan salah satu nama seseorang, bererti yang memilih anak panah itu menang dan rugilah bagi yang keluar dengan anak panah yang tidak ada baginya tulisan.[7]

Kesimpulannya, *azlām* bermaksud anak panah bagi mengetahui keputusan atau menilik nasib dan berjudi pada masa jahiliah.

1 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 305.

2 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 1, h. 398-399.

3 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 581.

4 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 82.

5 Satu tertulis *"Amranī Rabbī"*, dua tertulis *"Nahānī Rabbī"*, tiga tertulis *"Minkum* (dari kamu)", empat tertulis *"Min Ghayrikum* (dari selain kamu), lima tertulis "*Mulsiq* (di sisi atau anak angkat)", enam tertulis "*al-'Aql*" (akal atau fikiran), dan tujuh tertulis "*Ghafl* (tidak ada tertulis apa-apa tulisan di atasnya). Hilmī (1979), op. cit., j. 1, h. 463.

6 *Ibid.*

7 Al-Zuhailī (1991) *op. cit.*, j. 5-6, h. 82-83.

AZWĀJ (أَزْوَاجٌ)

Lafaz ini adalah bentuk jamak daripada *al-zawj* (الزَّوْجُ). Ibn Fāris berkata, "Kalimah ini pada mulanya bagi membandingkan sesuatu dengan sesuatu yang lain, antaranya adalah suami dan isteri.[1] Ia juga mengandungi makna setiap satu ada bersamanya yang lain daripada jenisnya, bentuk yang memiliki lawan baginya seperti, basah dan kering, lelaki dan perempuan, malam dan siang, pahit dan manis,[2] isteri, sahabat."[3] Al-Rāzī berkata, "Ia bermakna lawan daripada seorang dan setiap daripada kedua-duanya dinamakan *al-zawj* juga. Oleh itu, dikatakan bagi dua adalah *zawjān* dan kedua-duanya adalah *zawj*."[4]

Al-Quran tidak menyebut (ة) bagi lafaz *al-zawjah* (isteri). Al-Rāghib berkata, "Tidak ada dalam al-Quran perkataan yang menyebut "وَزَوَّجْنَٰهُم بِحُورٍ"[5] sebagaimana yang di katakan "زَوَّجْتُهُ امْرَأَةً." Hal ini adalah perkara yang perlu diperhatikan. Hal ini tidak berlaku seperti biasanya antara kita dengan jalan pernikahan."[6]

Kalimah *azwāj* disebut 52 kali di dalam al-Quran iaitu pada surah *al-Baqarah* (2), ayat 25, 234, 240, 232, 240; *Āli 'Imrān* (3), ayat 15; *al-Nisāk* (4), ayat 12, 57; *al-An'ām* (6), ayat 139, 143; *al-Taubah* (9), ayat 24; *al-Ra'd* (13), ayat 23, 38; *al-Hijr* (15), ayat 88; *al-Nahl* (16), ayat 72, 72; *Taha* (20), ayat 53, 131; *al-Mukminūn* (23), ayat 6; *al-Nūr* (24), ayat 6; *al-Furqān* (25), ayat 74; *al-Syu'arāk* (26), ayat 166; *al-Rūm* (30), ayat 21; *al-Ahzāb* (33), ayat 6, 14, 28, 37, 50, 50, 52, 53, 59; *Fatir* (35), ayat 11; *Yāsin* (36), ayat 36, 56; *al-Sāffāt* (37), ayat 22; *Sad* (38), ayat 58; *al-Zumar* (39), ayat 6; *Ghāfir* (40), ayat 8; *al-Syūrā* (42), ayat 11, 11; *al-Zuhkruf* (43), ayat 12, 70; *al-Wāqi'ah* (56), ayat 7; *al-Mumtahanah* (60), ayat 11, 11; *al-Taghābun* (64), ayat 14; *al-Tahrim* (66), ayat 1, 3, 5; *al-Ma'ārij* (70), ayat 30; *al-Nabak* (78), ayat 8.

Lafaz *azwāj* di dalam al-Quran mencakupi makna yang berbeza-beza, bersesuaian dengan kaitan dan hubungan perkara yang dibincangkan, antaranya adalah:

Pertama, ia bermakna bidadari-bidadari seperti dalam surah *al-Baqarah*, ayat 15. Dalam tafsir *Safwah al-Tafāsīr*, lafaz *azwāj* bermaksud wanita-wanita daripada bidadari-bidadari yang suci daripada kotoran dan najis yang *ḥissī* (nampak) dan *ma'nawī* (daripada segi kejiwaan), haid, nifas dan sebagainya.[7]

Kedua, ia bermaksud jenis atau macam sepertimana maksud daripada surah *Taha*, ayat 53; *al-An'ām*, ayat 143 dan *al-Zumar*, ayat 6. Al-Fayrūz Ābādī berkata, "Maksud *azwāj* dalam surah *Taha* ialah bermacam-macam tumbuhan yang sama,[8] pelbagai warna, di mana setiap warna terdapat yang sama."[9] Begitu juga dengan tafsirannya dalam surah *al-An'ām*, yang bermaksud lapan jenis haiwan.[10]

Ketiga, ia bermakna sahabat atau teman seperti pentafsirannya dalam surah *al-Saffat*, ayat 22 dan *Taha*, ayat 131. Pada surah *al*

1 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 3, h. 35. al-Zawj bererti isteri, misalnya kenyataan Allah "اسْكُنْ أَنتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ" maksudnya "Tinggallah kamu dan isterimu di dalam syurga." (Surah *al-Baqarah* (2): 35).

2 Anīs et al. (1962), *op. cit.*, j. 1, h. 405.

3 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, 310.

4 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 278.

5 Dalam al-Quran datang dengan perkataan "وَزَوَّجْنَٰهُم بِحُورٍ عِينٍ" (Surah *al-Dukhān* (44): ayat 54) bermaksud "Kami pemankan dan gandingkan mereka dengan bidadari."

6 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 486.

7 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*, j. 1, h. 43. Ada yang berpendapat, wanita-wanita Mukmin di dunia menjadi lebih cantik di hari akhirat daripada bidadari-bidadari sebagaimana yang disebut dalam ayat Allah surah *al-Wāqi'ah*, ayat 35-37.

8 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 3, h. 143.

9 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 279.

10 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*

-*Saffat*, Ibn Kathīr berkata, "Ia bermaksud sahabat-sahabat mereka sepertimana yang direkodkan oleh Sufyān al-Thawrī daripada Sammāk, daripada Nu'mān, daripada 'Umar bin al-Khattab. Al-Nu'mān b. Basyīr berkata, "Makna *azwāj* di sini ialah yang serupa dan sama seperti mereka." Syarīk merekodkan daripada Sammāk daripada Nu'mān, beliau berkata, "Aku mendengar 'Umar bin al-Khattab berkata, makna *azwāj* ialah *asybāhahum* (yang serupa dengan mereka), iaitu datang orang yang berbuat zina bersama orang yang berbuat zina, dan orang yang melakukan riba bersama dengan orang yang melakukan riba, dan orang yang meminum arak dengan orang yang meminum arak pula."[1]

Begitu juga dengan makna *azwāj* dalam surah *Tahā*. Allah mengkhabarkan kepada rasulnya supaya jangan melihat orang yang berada dalam kemewahan dan yang sama dengan mereka yang diberikan kepada mereka kesenangan atau nikmat yang banyak.[2]

Keempat, ia bermaksud golongan atau kelompok seperti dalam surah al-Wāqi'ah, ayat 7. Al-Tabarī berkata, "*Azwāj* di sini bermaksud tiga golongan atau kelompok manusia."[3] Qatādah berkata, "Maksud lafaz *"azwājan thalāthah"* ialah tiga golongan atau kelompok kedudukan manusia pada hari akhirat."[4]

Kelima, ia bermaksud wanita-wanita bagi lelaki atau anak-anak perempuan seperti dalam surah *al-An'ām*, ayat 139 dan lainnya. Al-Qurtubī menerangkan, "Maksud *azwāj* pada ayat ini adalah anak-anak perempuan mereka sebagaimana yang direkodkan daripada Ibn Zaid." Ulama yang lain berpendapat, ia bermaksud isteri-isteri mereka,[5] di mana susu yang keluar daripada perut haiwan ternak itu halal bagi mereka yang lelaki dan diharamkan bagi isteri-isteri mereka. Sekiranya yang lahir daripada perut kambing adalah jantan, mereka menyembelihnya untuk dimakan oleh lelaki mereka sahaja, tanpa mengajak wanita-wanita mereka, dan apabila yang lahir betina, mereka membiarkannya dan tidak menyembelihnya, dan apabila yang keluar adalah bangkai, maka mereka membolehkan wanita-wanita mereka ikut serta memakannya dan Allah melarang perbuatan itu.[6]

Keenam, bermaksud isteri-isteri nabi seperti dalam surah *al-Ahzāb*, ayat 6 dan 53. Abū Fadl al-Ma'inī berkata, "Lafaz *azwāj* dalam ayat ini bermaksud wanita-wanita yang berada dalam bilik-bilik nabi."[7] Al-Tabarī mentafsirkan ayat 6 dalam surah ini dengan "haramnya terhadap isteri-isteri Nabi Muhammad adalah sama dengan haramnya Muslim atas ibu mereka, di mana diharamkan menikahi mereka selepas wafatnya sebagaimana diharamkan bagi mereka menikahi ibu-ibu mereka."[8] Qatādah berkata, hal ini mengisyaratkan kewajipan mengagungkan hak-hak mereka.[9]

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 5.

2 *Ibid.*, j. 3, h. 162.

3 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 27, h. 220-221.

4 *Ibid.*, athar no. 25764 dan 25766. Tiga golongan itu ialah *Ashab al-Yamīn* (golongan kanan), *Ashab al-Masy'amah* (golongan kiri) dan *al-Sābiqūn* (yang awal memeluk Islam iaitu orang Muhajirin yang pertama sekali). Direkodkan daripada 'Uthmān bin 'Abdullāh b. Surāqah, beliau berkata, "Tiga golongan itu ialah dua di dalam syurga dan satu di dalam neraka." Beliau berkata lagi, "*Al-Hur* (bidadari) bagi *al-Sābiqūn* dan *al-'Urub al-Atrab* (wanita yang mulia yang cinta kepada suaminya) bagi Ashab al-Yamīn."

5 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 7, h. 97.

6 Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 3, h. 1769.

7 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 3, h. 145.

8 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 21, h. 147.

9 *Ibid.*, athar no. 21598.



حرف الباء

B



BA`ĪS (بَـئِـيْسٌ)

Kalimah ini dalam bentuk *fa'īl*. Asal katanya *ba`s* (بَأْسٌ) yang mengandungi makna kekuatan, keberanian, ketakutan, seksaan dan kesengsaraan.[1] Jamaknya *ab`us* atau *ba`sā`*. Ia disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah al-A'rāf (7), ayat 165. Allah menyatakan:

وَأَخَذْنَا ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ بِعَذَابٍۭ بَـِٔيسٍۭ بِمَا كَانُوا۟ يَفْسُقُونَ

Kalimah ini didahului dengan kalimah *'adhāb'* (عَذَابٌ) yang bermakna seksaan. Ibn Qutaibah dan al-Yazīdī berpendapat *'adhāb ba`īs'* membawa makna *'adhāb syadīd'* (عَـذَابٌ شَـدِيْدٌ) atau seksaan yang kuat dan kejam.[2] Ibn Kathīr berkata, terdapat lebih daripada satu makna bagi lafaz ini. Berdasarkan laporan daripada Mujāhid, ia bermakna *syadīd* iaitu yang kuat, kejam atau berat.

Menurut pendapat lain, ia bermakna *alīm* (أَلِيْمٌ) iaitu yang pedih. Qatādah berpendapat, ia bermakna *mūja'* (مُوْجِعٌ) iaitu yang menyakitkan. Beliau berkata, semua makna di atas saling berdekatan.[3] Al-Syawkānī berkata, seksaan itu berbentuk *al-maskh* (المَسْخُ) yang mengubah muka orang Yahudi, perangai mereka dan sebagainya seperti monyet sebagai balasan keingkaran mereka.[4]

Terdapat pelbagai *qiraat* atau bacaan bagi lafaz *ba`īs*. Abū 'Amrū, 'Āsim, al-Kisā`ī dan Hamzah membacanya dengan (بَئِيْسٌ) *ba`īs* berdasarkan *wazan fa'īl*. Ibn Kathīr membacanya dengan (بِئِيْسٌ) *bi`īs* atas *wazan fi'īl*. Ibn 'Āmir membacanya dengan (بَئْـسٌ) *ba`s* dan Nāfi' serta ulama Makkah membacanya dengan (بَيْـسٍ) *baisin*.[5] Kesimpulannya, maksud daripada ayat *'adhāb ba`īs* adalah seksaan yang kuat, menghinakan, pedih, kejam dan sebagainya.

Sedangkan dalam bentuk *fā'il*nya, *bā`is* berasal daripada kalimah di atas juga yang bererti apabila memerlukan, kuat keperluan dan hajatnya.[6] Disebut sekali dalam surah *al -Hajj*, ayat 28. Allah menyatakan:

فَكُلُوا۟ مِنْهَا وَأَطْعِمُوا۟ ٱلْبَآئِسَ ٱلْفَقِيرَ

Al-Qurtubī berpendapat *al-faqīr* adalah sifat bagi *al-bā`is* yang membawa maksud yang sukar dan amat memerlukan sesuatu hajat atau pemberian termasuklah kepada mereka yang ditimpa musibah dan bala walaupun mereka tidak fakir.[7]

Kesimpulannya, kalimah *ba`s* dengan berbagai-bagai perubahan bentuk lafaznya di dalam al-Quran seperti *bā`is*, *ba`īs*, *ba`s*, *ba`sā`* mengandungi makna yang berdekatan iaitu yang kuat, seksaan, pedih, kesengsaraan, kesulitan, kehinaan yang teramat memerlukan dan sebagainya.

BAHJAH (بَـهْـجَةٌ)

Ia dalam bentuk *maṣdar* berasal daripada kata *bahija - yabhaju* (بَـهِـجَ-يَبْـهَـجُ). Ia mem-

1 Anīs et al (t.t), *op. cit.*, h. 36, Ahmad Warson (1997), *op. cit.*, h. 54. Ibn Qutaibah (t.t), Ta`wīl Musykil al-Qur`ān, *op. cit.*, h. 505.

2 Al-Yazīdī (1985), *op. cit.*, h. 152, Ibn Qutaibah (1978), op. cit., h. 174

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 239

4 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 328

5 Muhammad Salīm al-Hājj (1985), (pentahkik kitab) *Gharīb al-Qur`ān* oleh al-Yazīdī, Beirut: 'Ālam al-Kitāb, h. 152

6 Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 36

7 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 12, h. 54

bawa makna kegembiraan, kesenangan, baik dan menawan.[1] *Ism fā'il*nya adalah *bahīj*. Dalam kamus *al-Mujam al-'Arabī*, *wajhun bahīj* bermaksud wajahnya kelihatan gembira dan *mandhar bahīj* bermakna pemandangan yang indah lagi menawan.

Kalimah *bahjah* disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah yang ke-27 daripada surah *al-Naml* ayat 60. Allah menyatakan:

فَأَنۢبَتۡنَا بِهِۦ حَدَآئِقَ ذَاتَ بَهۡجَةٖ

Sedangkan kalimah *bahīj* disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Hajj* (22), ayat 5 dan surah *Qāf* (50), ayat 7. Allah menyatakan dalam surah *al-Hajj*:

وَأَنۢبَتَتۡ مِن كُلِّ زَوۡجِۭ بَهِيجٖ

Kedua-dua kalimah yang terdapat di dalam al-Quran berkenaan dengan tumbuhan-tumbuhan yang Allah jadikan di muka bumi.

Al-Syawkānī mengatakan, *al-bahjah* adalah yang baik dan menarik bagi yang melihatnya. Maksud ayat dalam surah al-Naml, "Dan Kami menumbuhkan taman-taman yang baik dan menawan yang tertarik bagi yang memandangnya."[2] Sedangkan maksud ayat dalam surah *al-Hajj*, "Allah menumbuhkan berbagai macam tumbuhan dengan yang baik dengan berlainan warna yang indah lagi menawan."[3]

Kesimpulannya, lafaz *bahjah* ataupun *bahīj* membawa maksud yang **indah** lagi **menawan.**

BĀKHI` (بَاخِعٌ)

Ism fā'il daripada asal kata *al-bakh'u* (البَخْعُ) atau بَخَعَ - يَبْخَعُ yang mengandungi makna merendahkan diri untuknya, taat dan mengakui.[4] Disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Kahfi* (18), ayat 6 dan surah *al-Syu'arāk* (26)[5].

Allah menyatakan di dalam surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 3:

لَعَلَّكَ بَٰخِعٞ نَّفۡسَكَ أَلَّا يَكُونُواْ مُؤۡمِنِينَ

Lafaz *bākhi'* dalam kedua-dua surah dihubungkan dengan kalimah *al-nafs* (diri). Qatādah mentafsirkan ayat *bākhi' nafsak* dengan *qātala nafsak* قَاتِلٌ نَفْسَكَ (membunuh dirimu).[5] Begitu juga dengan pendapat Mujāhid, 'Ikrimah, 'Itiyyah, al-Dahhāk, al-Hasan dan yang lainnya.[6]

Ibn Kathīr berpendapat, lafaz *bākhi'* bermaksud membinasakan sehingga makna *bākhi' nafsak* bererti membinasakan dirimu.[7] Beliau berkata lagi, ayat di atas adalah penyejuk dan penghibur daripada Allah kepada rasulnya kerana dukacita dan sedih disebabkan oleh keingkaran orang kafir untuk beriman.[8]

Kesimpulannya, makna *bakhi' al-nafs* adalah **membinasakan diri** atau **membunuh diri.**

1 Ma`lūf (1975), *op. cit.*, h. 51, Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 179

2 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 181

3 *Ibid.*, j. 3, h. 542

4 Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 41.

5 Ibn Jarīr al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 9, h. 243, athar no. 17236

6 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 311

7 *Ibid.*

8 *Ibid.*

BANĀN (بَنَانٌ)

Ism mufrad mudhakkar, mu`annath*nya *banānah*, jamaknya *banānāt* (بَنَانَاتٌ), ertinya jari-jari atau bahagian hujung-hujung jari,[1] taman yang dipenuhi dengan bunga.[2] Al-Rāzī berkata, dikatakan *banān mukhaddab*[3] kerana setiap jamak yang tiada antaranya dan antara *mufrad*nya melainkan huruf *al-hā`, kalimah itu tergolong *mufrad* dan *mudhakkar*.

Disebut dua kali iaitu dalam surah *al -Anfāl* (8), ayat 12 dan surah *al-Qiyāmah* (75), ayat 4. Allah menyatakan dalam surah *al-Anfāl*:

فَاضْرِبُوا فَوْقَ الْأَعْنَاقِ وَاضْرِبُوا مِنْهُمْ كُلَّ بَنَانٍ

Mengikut pendapat Sa'īd Hawwā, *banān* dalam ayat ini membawa maksud hujung -hujung jari kerana memukul hujung-hujung jari dapat melumpuhkan golongan yang diperangi. Maka, dengan melumpuhkannya, barisan akan menjadi lemah.[4]

Terdapat dua pendapat mengenai per kara ini, adakah hal ini dilakukan oleh orang mukmin atau malaikat? Paling tepat adalah ia dilakukan oleh para malaikat kerana mereka ikut berperang semasa Perang Badar. Al-Rabī' bin Anas berkata, sahabat-sahabat yang berperang dalam Perang Badar mengetahui para malaikat membunuh orang yang diperangi dengan memukul leher-leher mereka dan memukul hujung-hujung jari mereka seperti jilatan api yang membakar nya.[5] Begitu juga makna *banān* dalam surah al-Qiyāmah. Kesimpulannya, kalimah *banān* membawa maksud **hujung-hujung jari.**

BĀQIYĀT (بَاقِيَاتٌ)

Lafaz *bāqiyāt* adalah jamak, *mufrad*nya adalah *bāqiyah* (بَاقِيَةٌ). Menurut al-Rāzī, *bāqiah* membawa maksud *baqā`* (kekal) sebagaimana Allah menyatakan dalam surah *al -Hāqqah* ayat 8,[6] (فَهَلْ تَرَىٰ لَهُم مِّن بَاقِيَةٍ). Apabila ia disandarkan kepada lafaz *āl-ḥāyāḥ* atau *āl -ḥāyāḥ āl-bāqīyāḥ* bermakna kehidupan hari akhirat yang kekal.[7] Dalam *Mu'jam al-'Arabī,* ia juga membawa maksud amalan yang tertinggal atau yang meninggalkan kesan.[8]

Lafaz *bāqiyāt* disebut dua kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Kahfi* (18), ayat 46 dan surah *Maryam*(19), ayat 76.

Perkataan *bāqiyāt* dalam kedua-dua surah dikaitkan dengan lafaz *al-sālihāt* (الصَّالِحَاتُ) (yang baik). Terdapat perbezaan pendapat ulama mengenai maksud *al-bāqiyāt al-sālihāt* (الْبَاقِيَاتُ الصَّالِحَاتُ) antaranya:

- Sufyān al-Thawrī daripada Ibn 'Abbās, Ibrāhīm al-Nakh'ī, Masrūq, Ibn Abī Mulaikah berpendapat *al-bāqiyāt al-sālihāt* adalah *al-salawāt al-khams* (sembahyang lima waktu).[9]
- Ibn 'Umar, Ibn Jurayj, 'Atā` bin Abī Rabāh, Sa'īd bin al-Musayyib, Sālim, Mujāhid, Qatādah dan jumhur ahli tafsir berpendapat, *al-bāqiyāt al-sālihāt* adalah:[10]

1 Ma`lūf (1975), *op. cit.*, h. 49, al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 65

2 Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 72

3 Maksudnya, "kuku-kuku hujung jari yang diwarna atau dicat."

4 Sa'īd Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 4, h. 2133

5 *Ibid.*

6 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 60.

7 'Āyid *et. al* (t.t), *op. cit.*, h. 169

8 *Ibid.*

9 Salāh al-Dīn Abī Sa'īd Khalīl bin Kaykaldī al-'Alā`ī al-Dimashqī (1987), *Juzz fī Tafsīr al-Bāqiyāt al-Sālihāt wa Fadluhā*, Beyrut: Dār Ibn Kathīr, h. 29-30

10 *Ibid.*, h. 30-31

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ، وَسُبْحَانَ اللَّهِ
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

- Ibn Zaid dan laporan daripada Ibn 'Abbās mengatakan *al-bāqiyāt al -sālihāt* adalah *al-kalām al-ṭayyib* (الكَلَامُ الطَّيِّبُ) (perkataan yang baik).[1]
- Sebahagian ulama berpendapat, ia adalah keseluruhan amalan-amalan yang baik daripada perkataan dan perbuatan. Ia adalah pendapat Ibn Zaid, laporan 'Atā` al-Khurasānī daripada Ibn 'Abbās dan dikuatkan oleh Ibn Jarīr al-Tabarī serta Ibn 'Itiyyah.[2] Ibn Jarīr mengatakan, pendapat yang paling utama adalah pendapat yang mengatakan *al-bāqiyāt al-sālihāt* adalah keseluruhan amalan-amalan yang baik sebagaimana yang dilaporkan oleh 'Alī bin Abī Talhah daripada Ibn 'Abbās[3] kerana semua amalan-amalan baik yang kekal bagi pelakunya di hari akhirat akan diberi ganjaran ke atasnya. Allah juga tidak mengkhususkan melalui ayat *al-bāqiyāt al-sālihāt* sebahagian tanpa sebahagian yang lain di dalam kitabnya dan tidak juga melalui berita daripada Rasulullah.[4]

BAWĀR (البَوَارُ)

Ism mufrad dan *masdar*nya daripada perkataan *bāra* (بَارَ - يَبُورُ), jamaknya *al-būr* mengandungi makna musnah, rugi, bumi yang tandus, bumi yang ditinggal selama setahun untuk ditanam tanaman pada tahun berikutnya dan sebagainya.[5]

Disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah yang ke-14 daripada surah *Ibrāhīm*, ayat 28. Allah menyatakan:

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ بَدَّلُوا نِعْمَتَ اللَّهِ كُفْرًا وَأَحَلُّوا
قَوْمَهُمْ دَارَ الْبَوَارِ

Lafaz *al-bawār* dihubungkan dengan *dār* atau *dār al-bawār*. Menurut Ibn Kathīr, *al -bawār* adalah *al-halāk* (kehancuran) sepertimana makna ayat 12 dalam surah *al-Fath*, (وَكُنْتُمْ قَوْمًا بُورًا) iaitu kaum yang hancur dan binasa.[6] Manakala dār al-Bawār adalah neraka jahanam.[7] Ibn Qutaibah, Ibn Manzūr dan al-Yazīdī juga berpendapat, *dār al-bawār* adalah *dār al-halāk* iaitu jahanam.[8]

Kesimpulannya, maksud *dār al-bawār* adalah *dār al-halāk* iaitu neraka jahanam. Daripada 'Atā, dia mendengar Ibn 'Abbās berkata mengenai ayat di atas, mereka adalah orang kafir daripada penduduk Makkah.[9] Dilaporkan daripada 'Umar bin al-Khattāb mentafsirkan ayat di atas, "mereka adalah orang kafir daripada Quraisy iaitu Banī al-Mughīrah dan Banī Umaiyah. Banī al-Mughīrah, dihancurkan semasa Perang Badar, manakala Banī Umaiyah akan dibalas

1 Ibn Jarīr al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 9, h. 318, athar no. 17415 dan 17416.

2 *Ibid*, h. 33-34.

3 Mu'āwiyah bin Sālih melaporkan daripada 'Alī bin Abī Sālih daripada Ibn 'Abbās, beliau berkata mengenai ayat (البَاقِيَاتُ الصَّالِحَاتُ) ia adalah berzikir kepada Allah, perkataan لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ، وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ وَتَبَارَكَ اللَّهُ وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ dan selawat ke atas nabi, puasa, sembahyang, haji, sedekah, memerdekakan hamba, jihad, silaturahim, dan semua amalan-amalan yang baik. Semua itu adalah *al-baqiyat al-salihat* yang tetap kekal bagi pelakunya di dalam syurga. *Ibid.*

4 *Ibid.*

5 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 183

6 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 492

7 *Ibid.*, h. 493

8 Ibn Qutaibah (t.t), *Ta`wīl Musykil al-Qur`ān*, *op. cit.*, h. 233, al-Yazīdī (1985), *op. cit.*, h. 197, Dār al-Bawār yang bermaksud Dār al-Hālak adalah bahasa Oman.

9 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 492

pada masa yang akan ditetapkan.[1]

BI`SAMĀ (بِئْسَمَا)

Imām al-Sayūtī berkata, *bi`sa* (بِئْسَ) adalah kata kerja yang mengisyaratkan celaan atau hinaan yang tidak dapat di-*tasrīf*kan,[2] lawannya adalah *ni'ma* (نِعْمَ).[3] Sedangkan *mā* (مَا) berfungsi sebagai pentafsir bagi kata kerja *bi`sa*, sebagaimana pendapat al-Zamakhsyarī *"bi`sa syai'an"* (بِئْسَ شَيْئًا) yang bererti sejahat-jahat sesuatu atau sehina-hina perkara.[4]

Kalimah ini disebut tiga kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 90 dan 93 serta dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 190. Manakala kalimah *bi`sa* yang berdiri dengan sendirinya tanpa wujud *"mā"* (مَا) disebut 37 kali di dalam al-Quran.

Contohnya, Allah menyatakan dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 90, "Sejahat-jahat perkara (yang mereka lakukan) ialah perbuatan mereka yang membeli kesenangan dirinya sendiri dengan mengingkari al-Quran yang telah diturunkan oleh Allah.

Al-Qurtubī mengatakan, terdapat empat bahasa yang sinonim maknanya dengan kalimat di atas iaitu *bi`sa, ba`sa, ba`isa* dan *bi`isa* seperti kata *ni'ma, na'ma, na'ima* dan *ni'ima*.[5] Sibawaih mengatakan *mā* adalah *fā'il* (pelaku bagi *bi`sa*). Al-Akhfash mengatakan *mā* adalah pada kedudukan *naṣb* sebagai *tamyīz* (penentu), sepertimana ungkapan *"bi`sa rajulan zaydun"* (بِئْسَ رَجُلُ زَيْدٌ). Oleh itu, *taqdir* kalimah *bi`sa* dalam al-Quran adalah *"bi`sa syay`an an yakfurū"* (بِئْسَ شَيْئًا أَنْ يَكْفُرُوا) ertinya "sejahat-jahat sesuatu yang mereka beli diri mereka dengannya adalah kufur kepada Allah". Dari sini, ayat (اشْتَرَوْا بِهِ أَنْفُسَهُمْ) adalah sifat bagi kalimah *"mā."*

Kesimpulannya, *bi`sa* adalah kata kerja yang tidak berubah yang membawa makna **hinaan** dan **celaan**, sedangkan *mā* adalah berfungsi sebagai pentafsir, penentu *(tamyīz)* atau pelaku *(fā'il)* bagi kata itu."

BIḌĀ'AH (بِضَاعَةٌ)

Lafaz *biḍā`ah* berbentuk mufrad, jamaknya adalah *baḍā`i'* (بَضَائِعُ), maknanya sesuatu yang diniagakan.[6] Al-Syawkānī mengatakan, *al-biḍā'ah* adalah harta benda yang diniagakan berasal daripada sesuatu yang dipotong, diambil daripada harta kerana ia adalah sebahagian daripada harta untuk diniagakan dengannya.[7]

Disebut lima kali dalam surah *Yusuf* (12), ayat 19, 62, 65, 65 dan 88. Terdapat beberapa makna *bidā'ah* dalam kelima-lima ayat ini berdasarkan kandungan dan isi ayat iaitu:

- *Biḍā'ah* bermaksud **Nabi Yusuf** sebagaimana terdapat dalam ayat 19. Allah menyatakan, (وَأَسَرُّوهُ بِضَاعَةً). Nabi Yusuf dikatakan *biḍā`ah* dalam

1 *Ibid.*, h. 493

2 Al-Sayūtī (1996), *op. cit.*, j. 1, h. 466. Makna *tasrif* adalah tidak dapat diubah kalimatnya.

3 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 127. *Ni'ma* bermaksud kata kerja yang tidak berubah yang mengisyaratkan akan kata pujian atau "alangkah baiknya." *Ibid.*, h. 1209.

4 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 165

5 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 1, h. 31

6 Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 60

7 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 15

ayat ini kerana ketika ia dijumpai oleh kafilah di dalam perigi, ia termasuk barang dagangan yang akan diniagakan oleh mereka.[1]

- Allah menyatakan dalam ayat 88, (وَجِئْنَا بِبِضَاعَةٍ مُّزْجَاةٍ). Kalimah *biḍā'ah* dihubungkan dengan lafaz *muzjāh* yang bermaksud yang **sedikit, jelik** atau **buruk**.[2] Mujāhid dan Hasan berpendapat *biḍā'ah muzjāh* adalah **harga makanan** yang murah.[3] Salah satu laporan Ibn 'Abbās, Qatādah dan al -Suddī mengatakan *biḍā'ah muzjāh* adalah **dirham-dirham** yang sedikit yang tidak dapat membeli keperluan kecuali sedikit.[4] Abū Sālih berpendapat, *biḍā'ah muzjāh* adalah bijirin tanaman dan pokok.[5] Ibn 'Abbās juga berkata ia adalah sandal-sandal, kulit dan bekalan -bekalan musafir. Kesimpulannya, *biḍā-'ah muzjāh* mencakupi semua makna yang disebut di atas.

BIYA'UN (بِيَعٌ)

Lafaz ini dalam bentuk jamak, *mufrad*nya adalah *bī'atun* (بِيْعَةٌ) ertinya tempat ibadah orang Nasrani.[6]

Disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Hajj,* (22), ayat 40. Allah menyatakan:

وَلَوْلَا دَفْعُ اللَّهِ النَّاسَ بَعْضَهُم بِبَعْضٍ لَّهُدِّمَتْ صَوَامِعُ وَبِيَعٌ وَصَلَوَاتٌ وَمَسَاجِدُ

Dilaporkan daripada Rafī', Qatādah dan al-Dahhāk berpendapat, *biya'* adalah gereja orang Nasrani.[7]

Mengikut pendapat al-Zamakhsyarī, *biya'* adalah tempat ibadah orang Nasrani, *sawāmi'* adalah tempat ibadah bagi ulama-ulama mereka, *salawāt* adalah ibadah orang Yahudi dan masjid adalah tempat ibadah orang Islam.[8] Al-Qurtubī menyatakan, tempat-tempat ini diambil menjadi tempat ibadah mereka sebelum penyelewengan mereka dan sebelum menghapuskan agama-agama itu dengan Islam. Sekiranya bukan kerana Allah mensyariatkan kepada para nabi dan orang yang beriman memerangi kaum kafir, sudah pasti robohlah pada zaman Nabi Musa *al-kanā'is* (gereja), dan pada zaman 'Isā *al-sawāmī'* dan *al-biya'* dan pada zaman Nabi Muhammad al -Masājid.[9]

Kesimpulannya, *biya'* adalah **tempat ibadah orang Nasrani.**

BURŪJ (البُرُوْجُ)

Lafaz ini dalam adalah bentuk jamak, *mufrad*-nya adalah *al-burj* (البُرْجُ) yang bermaksud bangunan yang tinggi berbentuk bundar atau petak sama ada berdiri sendiri atau bahagian daripada bangunan yang besar, benteng dan salah satu daripada bola langit yang dua

1 Ahmad Mustafā al-Marāghī (1974), *op. cit.*, j. 12, h. 113

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 445

3 *Ibid.*

4 *Ibid.*

5 *Ibid.*

6 Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 79

7 Ibn Jarīr al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 10, h. 231, athar no. 19115, 19116, 19117.

8 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 157

9 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 12, h. 75

belas.[1] Dalam Ilmu Falak, *al-burūj* bermakna kumpulan bintang.[2]

Disebut sebanyak empat kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 78; *al-Hijr* (15), ayat 16; *al-Furqān* (25), ayat 61 dan *al-Burūj* (85), ayat 1.

Daripada keempat-empat ayat yang me nyentuh lafaz *al-burūj*, ia mengandungi dua makna yang berlainan berdasarkan sandaran dan kaitan ayat itu iaitu:

- Allah menyatakan dalam surah a*l -Nisāk*:

  أَيْنَمَا تَكُونُوا يُدْرِكْكُمُ الْمَوْتُ وَلَوْ كُنْتُمْ فِي بُرُوجٍ مُشَيَّدَةٍ

  Terdapat perbezaan pendapat mengenai makna *al-burūj* dalam ayat di atas. Ada yang berpendapat, ia bermaksud benteng yang berada di dalam tanah. Ada yang berpendapat, ia adalah istana, dan ada yang berpendapat, ia bermakna istana-istana yang diperbuat daripada besi. Sedangkan *musyayyadah* bermaksud dicat dengan kapur atau yang tinggi.[3] Kesimpulannya, semua makna saling berdekatan, maksud ayat *burūj musyayyadah* adalah bangunan yang tinggi yang dicat dengan kapur, ataupun benteng dan istana yang diperbuat daripada besi.

- Ia bermakna paksi-paksi bintang seper-timana maksud ketiga-tiga ayat di atas. Contohnya, Allah menyatakan dalam surah *al-Burūj*, (وَالسَّمَاءِ ذَاتِ الْبُرُوجِ). Mengikut pendapat yang masyhur da-lam bidang ini, ia adalah **paksi-paksi planet** iaitu 12 bintang bagi 12 planet.[4] Paksi-paksi ini dilewati oleh matahari dalam masa setahun dan bulan dalam masa dua puluh lapan hari.[5]

1 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 143

2 Ahmad Warson (1997), *op. cit.*, h. 70

3 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 618

4 Iaitu: الدَّلْوُ (Aquarius), الحُوْتُ (Pisces), الحَمَلُ (Aries), الثَّوْرُ (Taurus), الجَوْزَاءُ (Gemini), السَّرَطَانُ (Cancer), الأَسَدُ (Leo), السُّنْبُلَةُ (Virgo), المِيْزَانُ (Libra), العَقْرَبُ (Scorpio), القَوْسُ وَالرَّامِي (Sagatarius), الجَدْيُ (Capricornus).

5 Wahbah Zuhailī (2001), *Juz 'Amma* (terj. oleh Zulkifli Hj. Mohd Yusoff, *et al*, c. 1, Kuala Lumpur, *op. cit.*, h. 150



حرف التاء

ت



TA'SAN (تَعْسًا)

Kalimah *ta'san* adalah *masdar*. Kata asalnya *ta'isa* (تَعِسَ) dan *ta'asa* (تَعَسَ). Al-Rāzī berkata, *al-ta's* bermaksud *al-halāk*, asalnya adalah *al-kabb*[1] (الكَبُّ) dan ia lawan daripada *al-intiʿāsy*[2] (الإِنْتِعَاشُ).[3] *Ta'san li fulān* membawa maksud Allah melazimkannya untuk binasa.[4]

Al-Zamakhsyarī mengatakan *ta'san lahū*[5] (تَعْسًا لَهُ) lawan daripada kata *la'ā lahū*[6] (لَعَا لَهُ) sebagaimana ungkapan *al-Asyā*,[7] (فَالتَّعْسُ أَوْلَى لَهَا مِنْ أَنْ أَقُولَ لَعَا).[8] Dalam *Kamus Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī*, maksud *ta'san lahū* (تَعْسًا له) adalah berdoa ke atasnya supaya mendapat kesengsaraan.[9]

Lafaz *ta'san* disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Muhammad*, (47) ayat 8.

Allah menyatakan:

وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ فَتَعْسًا لَّهُمْ وَأَضَلَّ أَعْمَـٰلَهُمْ

Ibn Zaid mengatakan, ayat *fata'san lahum* membawa maksud *syaqā lahum* (شَقَالَهُمْ) iaitu kesengsaraan bagi mereka.[10] Mengikut pendapat Ibn Jarīr, *fata'san lahum* membawa makna kehinaan, kesengsaraan dan bala bagi mereka.[11] Direkodkan daripada Ibn 'Abbās, *fata'san lahum* atau kesengsaraan dan kebinasaan membawa maksud di dunia mereka dibunuh dan di akhirat mereka akan diseret ke neraka Jahanam.[12] Dalam *Safwah al-Tafāsīr,* "Orang yang kafir kepada Allah dan ayat-ayatnya, bagi mereka kesengsaraan iaitu doa ke atas mereka dengan kesengsaraan, kehinaan dan kebinasaan.[13]

Kesimpulannya, *ta'san lahum* (تَعْسًا لَهُم) adalah **doa ke atas kesengsaraan, kehinaan** dan **kebinasaan.**

TABĀB (تَبَابٌ)

Lafaz *tabāb* adalah *masdar.* Berasal daripada kata *al-tabb* atau (تَبَّ-يَتُبُّ) yang bererti kebinasaan, kerugian, kekurangan dan sebagainya.[14] Sepertimana dalam surah al-Masad, (تَبَّتْ يَدَا أَبِي لَهَبٍ وَتَبَّ). Dalam bentuk *maṣdar* yang bermuara daripada asal kata di atas juga adalah lafaz *tatbīb*.

Al-Qurtubī berkata, lafaz *tatbīb* ditafsirkan sebagai *takhsīr* (kerugian).[15] Lafaz *tabāb* disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah surah *Ghāfir* (40), ayat 37 dan lafaz *tatbīb* disebut sekali juga dalam surah *Hūd* (11), ayat 101. Allah menyatakan dalam surah *Ghāfir*, (وَمَا كَيْدُ فِرْعَوْنَ إِلَّا فِي تَبَابٍ). Ibn 'Abbās, Mujāhid dan Qatādah berpendapat, lafaz *tabāb* ber

1 Al-Kabb bermaksud membanting, jatuh telungkup.

2 Al-Inti'āsy bermaksud menjadi tangkas siap kembali, berdiri atau bangkit kembali.

3 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 77

4 *Ibid.*

5 *Ta'san lahu* membawa maksud berdoa ke atasnya supaya jatuh atau binasa.

6 *La'ā lahū* membawa maksud berdoa untuknya supaya bersemangat dan bangkit.

7 Maksudnya berdoa ke atasnya lebih pantas daripada berdoa baginya.

8 Al-Zamaksyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 311

9 'Āyid et al (t.t), *op. cit.*, h. 200

10 Ibn Jarīr al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 13, h. 60, athar no. 24271

11 *Ibid.*, h. 59

12 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit*, j. 4, h. 311

13 Muhammad 'Alī al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 207

14 Ma`lūf (1975), *op. cit.*, h. 58

15 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 15, h. 302. Pentafsiran ayat 101 daripada surah *Hūd* (وَمَا زَادُوهُمْ غَيْرَ تَتْبِيبٍ) ditafsirkan dengan ayat 63 daripada surah yang sama iaitu (غَيْرَ تَخْسِيرٍ).

maksud kerugian.[1] Ibn Zaid berkata, lafaz *tabāb* sama ertinya dengan *al-ḍalāl* iaitu kesesatan.[2] Al-Syawkānī, al-Zamakhsyarī dan ulama lainnya berpendapat, lafaz *tabāb* membawa maksud *al-halāk* (الْهَلَاكُ) iaitu kebinasaan dan *al-khusrān* (الْخُسْرَانُ) (kerugian).[3]

Kesimpulannya, lafaz *tabāb* membawa maksud **kebinasaan** dan **kerugian**.

TABĀRĀ (تَبَارًا)

Lafaz *tabārā* adalah dalam bentuk *maṣdar* iaitu kata terbitan. Berasal daripada perkataan (تَبِرَ–يَتْبَرُ). Mengandungi makna kemusnahan dan kebinasaan.[4]

Disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Nūh* (71), ayat 28. Allah menyatakan:

رَّبِّ ٱغْفِرْ لِى وَلِوَٰلِدَىَّ وَلِمَن دَخَلَ بَيْتِىَ مُؤْمِنًا وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتِ وَلَا تَزِدِ ٱلظَّٰلِمِينَ إِلَّا تَبَارًا

Mengikut pendapat Ibn Qutaibah, lafaz *tabārā* membawa maksud *halākā* (هَلَاكًا) (kemusnahan), maknanya sama dengan lafaz *tatbīrā* iaitu yang terdapat dalam surah al-Furqān ayat 39 (وَكُلًّا تَبَّرْنَا تَتْبِيرًا).

Al-Suddī berpendapat makna bagi lafaz *tabārā* adalah *halākā* (kebinasaan).[5] Mujāhid berkata, ia bermaksud kerugian di dunia dan di akhirat.[6] Al-Qurtubī berkata, kebinasaan itu menimpa orang kafir mahupun orang musyrik.[7] Beliau juga berkata, lafaz *tabārā* yang membawa maksud kebinasaan sama dengan lafaz *mutabbar* dalam surah al-A'rāf ayat 139, iaitu (إِنَّ هَٰٓؤُلَآءِ مُتَبَّرٌ مَّا هُمْ فِيهِ).[8]

Kesimpulannya, lafaz *tabārā* sama maknanya dengan *tatbīrā*[9] dan mutabbar,[10] iaitu kebinasaan, kemusnahan dan kerugian.

TĀBŪT (تَابُوت)

Al-Zamakhsyarī berpendapat, *wazan tābūt* sama ada *fa'alūna* (فَعَلُونَ) atau *fa'ūlā* (فَعُولَ) dan bukan daripada *fa'ūlā* kerana jarang kedengaran dan digunakan. Jadi, ia daripada *fa'alūn* iaitu daripada *al-tūt* yang membawa maksud *al-rujū'* (الرُّجُوعُ) atau kembali kerana ia adalah tempat meletakkan sesuatu di dalamnya dan mengamankannya, dan pemiliknya akan kembali kepadanya apabila dia memerlukan apa yang di letakkan di dalamnya.[11]

Kalimah *tābūt* disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 248 dan surah *Tāha* (20), ayat 39. Imām Fakr al-Rāzī[12] menggambarkan keadaan *tābūt*. Beliau berkata, "Kedatangan *tābūt*

1 Ibn Jarīr al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 12, h. 84, athar no. 23405, 23406, 23407

2 *Ibid.*, athar no. 23408

3 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 163, al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 615

4 Anīs et al (t.t), *op. cit.*, h. 81. 'Āyid et al (t.t), *op. cit.*, h. 192

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 386

6 *Ibid.*

7 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 18, h. 301

8 *Ibid.*

9 *Tatbīrā* disebut satu kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Isrāk* (17), ayat 7.

10 *Mutabbar* disebut dua kali iaitu dalam surah *al-Furqān* (25), ayat 39 dan surah *al-A'rāf* (7), ayat 139

11 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 289

12 Al-Fakhr al-Rāzī (t.t), *op. cit.*, j. 6, h. 176-177.

sama ada mukjizat ataupun tidak. Apabila ia dikatakan mukjizat, maknanya kedatangan *tābūt* adalah luar biasa (*khāriq li al-'ādah*) sehingga dapat dibenarkan ia ayat atau bukti di sisi Allah sebagai dalil atas kebenaran dakwaan itu.

Para pencerita berkata, "Sesungguhnya Allah menurunkan *Tābūt* kepada Adam. Di dalamnya terdapat gambar-gambar para nabi daripada keturunannya, lalu diwarisi oleh anak-anaknya hingga sampai kepada Ya'qub. Kemudian, ia kekal di tangan Bani Israel. Apabila mereka berselisih mengenai sesuatu perkara, maka ia dibacakan dan dia mengadili perselisihan antara mereka. Apabila berhadapan dengan peperangan, mereka me nunjukkannya kepada musuh-musuh mereka, manakala malaikat membawanya kepada askar-askar mereka sedang mereka memerangi musuh-musuh.

Apabila mereka mendengar daripada *Tābūt* satu teriakan, pasti mereka akan menang. Apabila mereka berbuat maksiat dan kerosakan, dengan izin Allah, kaum 'Amāliqah menguasai mereka dan mengalahkan mereka ke atas *Tābūt* serta dapat merampasnya.

Ketika mereka menanyakan bukti atas Raja Tālūt, nabi itu berkata, "Sesungguhnya tanda kerajaannya ialah kamu akan mendapati *Tābūt* di dalam rumahnya. Orang kafir yang merampas *Tābūt* itu meletakkannya di tandas, lalu pada masa itu, nabi berdoa ke atas mereka sehingga Allah menimpakan bala ke atas mereka. Bagi yang membuang hajatnya di tandas itu akan terkena buasir dan orang kafir tadi tahu penyakit itu disebabkan mereka merendah-rendahkan *Tābūt* itu, lalu mereka mengeluarkannya dari tandas dan meletakkannya di atas dua ekor sapi jantan. Kedua-dua sapi itu pun berjalan. Pada waktu itu, Allah mengutus empat malaikat mengiringinya hinggalah mereka tiba di rumah Tālūt. Ketika kaum nabi itu melihat Tābūt di sisi Tālūt, maka mereka tahu ia adalah bukti dia adalah raja mereka. Kedatangan ini adalah *majaz* kerana kedatangannya melalui perantara.

Pada laporan kedua, *Tābūt* ialah kotak di mana Musa meletakkan Taurat di dalamnya. Ia terbuat daripada kayu dan mereka tahu akan hal itu. Kemudian, Allah mengangkatnya selepas kematian Musa di sebabkan kemarahannya kepada Bani Israel lalu nabi kaum itu berkata, "Sesungguhnya tanda kerajaan Tālūt adalah kedatangan *Tābūt* dari langit yang tidak dibawa oleh malaikat mahupun dua ekor sapi jantan, namun ia turun dari langit ke bumi manakala malaikat menjaganya. Kaum itu melihat kepadanya sehingga ia turun ke sisi Tālūt. Ini adalah kata-kata Ibn 'Abbās. Kedatangan *Tābūt* ini dalam bentuk hakikat.

Apabila ia tidak dikatakan sebagai mukjizat, tetapi apa yang terdapat di dalamnya adalah mukjizat. Maknanya, mereka melihat di dalam *Tābūt* itu kosong, lalu nabi itu meletakkannya di hadapan kaumnya di dalam rumah yang pintunya dikunci. Kemudian, nabi itu mengatakan Allah Ta'ala mencipta apa yang ada di dalamnya yang menunjukkan apa yang berlaku di antara kita. Apabila mereka membuka pintu rumah dan melihat *Tābūt* itu, mereka melihat sebuah kitab di dalamnya yang menunjukkan raja mereka adalah Tālūt. Allah Ta'ala akan menolong mereka menghadapi musuh-musuh mereka. Ini adalah mukjizat yang jelas, sebagai bukti ia datang daripada Allah.

Kesimpulannya, *Tābūt* ialah **sebuah peti yang mengandungi barang-barang peninggalan para nabi daripada keluarga Musa dan Harun.** Mengandungi naskhah

loh-loh Taurat yang dikurniakan Allah kepada Musa di atas bukit Tursina.[1] Ia adalah mukjizat dan bukti kerajaan *Tālūt* dan menjadi penenang hati Bani Israel, bagaikan simbol dalam peperangan yang sedang mereka hadapi,[2] serta rahmat daripada Allah yang dibawa oleh para malaikat.

Manakala dalam surah *Tāha*, Muqātil berkata, "Seorang Mukmin daripada keluarga Firaun yang membuat *Tābūt* dan mengukirnya, ia bernama Hizqail dan Tābūt berasal daripada pokok yang bernama Jummayz."[3]

Yang dimaksudkan *Tābūt* di sini ialah sebuah kotak yang diukir, tempat Nabi Musa diletakkan di dalamnya dan dialirkan di Sungai Nil, lalu dijumpai oleh wanita Firaun dan dijadikan anak angkatnya.

TAFATHAHUM (تَفَثَهُمْ)

Al-tafath (التَّفَثُ) adalah *maṣdar*, berasal daripada *tafitha-yatfathu* (تَفِثَ-يَتْفَثُ) ertinya meninggalkan kekotoran dengan memakai wangi-wangian dan bercukur. Yang kusut, berdebu dan kotor dinamakan *tafath*.[4]

Disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Hajj* (22), ayat 29. Allah menyatakan:

ثُمَّ لْيَقْضُوا۟ تَفَثَهُمْ وَلْيُوفُوا۟ نُذُورَهُمْ

Al-Rāzī berkata, *al-tafath* dalam amalan-amalan ibadah haji termasuk memotong kuku, misai, mencukur rambut, bulu ketiak, melontar jumrah, berkorban dan sebagainya.[5] Ibn 'Abbās, Mujāhid, Ibn Juraij, al-Dahhāk, dan yang lainnya menyatakan *al-tafath* adalah mencukur rambut, misai, bulu ketiak, memotong kuku, melontar jumrah, wukuf di Muzdalifah dan 'Arafah.[6]

Muhammad bin Ka'ab al-Qurazī berkata, *al-tafath* adalah melontar jumrah, berkorban, memotong kuku, merapikan janggut, tawaf dan saie antara Safa dan Marwah.[7] Sa'īd Hawwā menyatakan, ayat "*liyaqdū tafathahum*" لِيَقْضُوا تَفَثَهُمْ maksudnya hendaklah mereka (yang mengerjakan haji) menghilangkan daki dan kotoran dan menghilangkan *tafath* secara sempurna adalah dengan memotong kuku, misai, bulu ketiak dan sebagainya.[8] Dilaporkan oleh 'Ikrimah daripada Ibn 'Abbās, *tafathahum* adalah amalan-amalan haji.[9]

Kesimpulannya, *liyaqdū tafathahum* membawa maksud **membersihkan dan menghilangkan segala kekotoran badan sebelum menunaikan haji.** Sedangkan *hum* bermaksud kata ganti nama *(ḍamīr)* ضَمِيرٌ yang bermaksud mereka. Oleh itu, kata *tafathahum* bermaksud mereka yang hendak menunaikan haji mesti membersihkan dan menghilangkan segala kekotoran badan sebelum menunaikan haji.

1 Sayyid Qutb (2000), *Fī Dhilāl al-Qur'ān (Di Bawah Bayangan al-Qur'an)*, j. 2. (Yusoff Zaki Hj. Ya'qub (terj.)). Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn Bhd., h. 24.

2 Hamka (1984), *Tafsir al-Azhar*, j. 1-3, Surabaya: Yayasan Latimojong, h. 271-272.

3 Al-Qurtubī (1996), op. cit., j. 11, h. 206.

4 Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 85, Ahmad Warson (1997), *op. cit.*, h. 135

5 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 78

6 Ibn Jarīr al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 10, h. 196, athar no. 18973

7 *Ibid.*, h. 197, athar no. 18975

8 Sa'īd Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 7, h. 3545.

9 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 206

TAHLUKAH (تَهْلُكَةُ)

Ism maṣdar daripada kalimah ini bermaksud setiap sesuatu yang akibatnya kemusnahan.[1]

Disebut sekali iaitu dalam surah *al -Baqarah*, (2) ayat 195. Ayat ini dikaitkan dengan *al-ilqā`* (الإِلْقَاءُ) iaitu menghulurkan dan *al-yad* iaitu tangan.

Al-Yazīdī berkata, *tahlukah* bermaksud *al-halāk* (الهَلَاكُ) ertinya kemusnahan dan kebinasaan.[2] Abū Ayyūb al-Ansārī berkata, menjerumuskan tangan ke dalam kebinasaan adalah meninggalkan jihad di jalan Allah.[3] Daripada Hudhayfah, ayat ini bermaksud meninggalkan untuk membelanjakan harta di jalan Allah.[4] Daripada Sa'īd bin Jubair daripada Ibn 'Abbās katanya, *al-tahlukah* bukanlah seorang lelaki dibunuh di jalan Allah tetapi menahan untuk membelanjakan harta di jalan Allah.[5]

'Ikrimah berkata, ayat ini diturunkan berkenaan dengan membelanjakan harta di jalan Allah.[6] Mujāhid berkata, ayat ini berkenaan dengan halangan menginfakkan ke jalan yang hak kerana khuatir menjadi fakir.[7] Al-Barrā` bin 'Āzib berkata, ayat ini bermaksud seorang lelaki yang melakukan dosa lalu berkata, Allah tidak akan mengampunkanku dan tiada taubat bagiku.[8]

Abū Ishāq melaporkan, katanya, beliau mendengar al-Barrā` ditanya oleh seorang lelaki, "Wahai Abū 'Ammārah, apa pendapatmu mengenai ayat (وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ), adakah dia seorang lelaki yang maju ke hadapan untuk berperang dan terbunuh?" Beliau menjawab, "Tidak, tetapi dia seorang lelaki yang melakukan maksiat kemudian melemparkan tangannya kepadanya dan berkata, taubat aku tidak akan diterima."[9] Ubaidah berkata, *al-tahlukah* bermakna *al-qanūt* (القُنُوتُ) iaitu putus asa. Ia bermaksud jangan berputus asa.[10]

Al-Sya`rāwī berkata, maksud *infak* ialah mengeluarkan harta yang dapat dimanfaatkan di jalan Allah bagi membuat senjata, baju perang dan sebagainya. Oleh itu, tangan yang terikat daripada membelanjakan harta di jalan Allah adalah perkara yang melemparkan pemiliknya ke dalam kebinasaan.[11]

Beliau berpendapat, terdapat dua makna dalam ayat ini iaitu kamu membelanjakan harta di jalan Allah dan jangan melemparkan tanganmu dalam kebinasaan dengan me ninggalkan perang. Makna kedua ialah

1 Ma`lūf (1975), *op. cit.*, h. 871

2 Al-Yazīdī (1985), *op. cit.*, h. 88

3 Muhammad Salīm al-Hājj (1985), *op. cit.*, h. 88

4 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 273, athar no. 2575. Sebab turun ayat ini, dilaporkan daripada al-Sya'bī katanya, ayat ini diturunkan kepada kaum Ansar yang menahan daripada membelanjakan harta di jalan Allah maka turunlah ayat ini. Daripada al-Hakam bin 'Imrān katanya, kami berada di Konstantinopel di mana dari Mesir sahabat nabi yang bernama 'Uqbah bin 'Āmir dan dari Syam sahabat nabi bernama Fudālah bin 'Ubaid. Keluar dari Bandar pasukan yang besar dari Rom dan kami pun menyiapkan pasukan yang besar juga, lalu seorang lelaki membawa beberapa orang Muslim masuk ke barisan Rom untuk menyerang, maka sebahagian sahabat yang lain berteriak dan berkata, "Maha suci Allah dia melemparkan tangannya ke dalam kebinasaan." Maka Abū Ayyūb al-Ansārī (sahabat nabi) berkata, "Wahai manusia! Sesungguhnya kamu mentakwilkan ayat ini tidak pada tempatnya. Sesungguhnya ayat ini diturunkan kepada kami kaum Ansar iaitu ketika Allah mengagungkan agamanya dan banyak pengikutnya sebahagian kami berbisik dengan sebahagian yang lain dari Rasulullah, "Sesungguhnya harta kami hilang, jika kami berusaha ke atasnya dan mengembalikan apa yang hilang daripada kami, maka turunlah (وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ) sebagai teguran kepada apa yang kami inginkan, lalu kami diperintahkan untuk berperang, maka Abū Ayyūb masih berperang di jalan Allah sehingga rohnya diambil oleh Allah. Al-Wāhidī (1998), *op. cit.*, h. 52-53

5 *Ibid.*, h. 274,

6 *Ibid.*, athar no. 2577

7 *Ibid.*, h. 275, athar no. 2580

8 *Ibid.*, athar no. 2590

9 *Ibid.*, h. 277

10 *Ibid.*, h. 278, athar no. 2593

11 Muhammad Mutawallī al-Sya'rāwī (1991), *Tafsīr al-Sya'rāwī*, Kaherah: Ikhbār al-Yawm, j. 2, h. 832

jangan engkau melemparkan tanganmu ke dalam kebinasaan dengan maju ke hadapan untuk berperang tanpa ada persediaan yang lengkap.[1]

Kesimpulannya, *tahlukah* bermaksud **kebinasaan** dengan tidak membelanjakan harta di jalan Allah dan meninggalkan medan perang.

TĀLIYĀT (التَّالِيَاتُ)

Lafaz ini dalam bentuk *jamak mu'annath*, *mufrad*nya adalah *al-tāliyah* (التَّالِيَةُ), sedangkan *mufrad*nya *al-tālī* (التَّالِي). Ia adalah *ism fā'il* yang berasal daripada kata *talā-yatlū* (تَلَا-يَتْلُو), mengandungi makna membaca, mengikuti, mengusir, meninggalkan, memalukan dengan menggunakan *'an* selepasnya atau "*talā 'anhū*" (تَلَا عَنْهُ) dan sebagainya.[2]

Disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah yang ke-37 daripada surah *al-Sāffāt*, ayat 3. Allah menyatakan, التَّالِيَاتِ ذِكْرًا. Al-Qurtubī membentangkan pelbagai pentafsiran bagi lafaz *al-tāliyāt* iaitu:[3]

- Ibn 'Abbās, Ibn Mas'ūd, al-Hasan, Mujāhid, Ibn Jubair dan al-Suddī berpendapat, *al-tāliyāt* bermaksud para malaikat yang membaca al-Quran.
- Ada yang berpendapat, *al-tāliyāt* adalah Jibrail, disebut dengan lafaz jamak kerana dia adalah malaikat yang paling besar yang tidak terlepas daripada mempunyai tentera dan pengikut.
- Qatādah menyatakan, *al-tāliyāt* adalah setiap yang membaca *Kitābullāh*.
- Ada yang mengatakan ia adalah ayat-ayat al-Quran yang disifati dengan tilawah sepertimana Allah menyatakan,[4] (إِنَّ هَٰذَا الْقُرْآنَ يَقُصُّ عَلَىٰ بَنِي إِسْرَائِيلَ).
- Al-Qusyairī berkata, ia boleh ber maksud ayat-ayat al-Quran kerana se bahagian huruf mengikuti sebahagian huruf lain.
- Al-Mawardī berpendapat, *al-tāliyāt* adalah para nabi yang membaca kitab kepada umat mereka.

Kesimpulannya, lafaz *al-tāliyāt* membawa maksud para malaikat yang membaca *Kitābullāh* kerana permulaan surah ini mem bincangkan tentang Allah bersumpah dengan para malaikat.[5]

TANNŪR (التَّنُّورُ)

Lafaz *tannūr* (التَّنُّورُ) dalam bentuk *mufrad*, jamaknya adalah *tanānīr* (تَنَانِيرُ).[6] Mengikut ahli bahasa, *tannūr* adalah nama *'ajam* yang dimasukkan ke dalam bahasa Arab.[7] *Tannūr* mengandungi makna dapur api, permukaan tanah, tempat penyimpanan roti, tempat pancaran air dan sebagainya.[8]

1 *Ibid.*

2 Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 87. 'Āyid et al (t.t), *op. cit.*, h. 203

3 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 15, h. 65.

4 Maksudnya, *"Sesungguhnya al-Quran ini mengisahkan kepada Bani Israel tentang perkara yang banyak mereka perselisihkan."* (*al-Naml* (27), ayat 76).

5 Sa'īd Hawwā (1999), op. cit., j. 8, h. 4685

6 'Āyid et. al, (t.t), *op. cit.*, h. 204

7 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 634

8 'Āyid *et al*, (t.t), *loc. cit.*, Anīs *et al*,(t.t), *op. cit.*, hlm. 89.

Disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Hūd* (11), ayat 40 dan surah al -Mu`minūn (23), ayat 27. Allah menyatakan, (حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَ أَمۡرُنَا وَفَارَ ٱلتَّنُّورُ). Al-Imām al -Syawkānī membentangkan pendapat ulama mengenai maksud *al-tannūr*:[1]

- Dilaporkan oleh Ibn 'Abbās, 'Ikrimah, al-Zuhrī dan Ibn 'Uyainah, *al-tannūr* bermaksud permukaan bumi dan orang Arab menamakan permukaan bumi dengan *al-tannūr*.
- Mujāhid, 'Itiyyah dan al-Hasan berkata ia berasal daripada *tanawwar al-khubz* iaitu tempat pembuat roti.
- Dilaporkan daripada 'Alī bin Abī Tālib, ia bermaksud tempat terbitnya fajar berasal daripada perkataan mereka *tanawwar al-fajr*.
- Qatādah berpendapat ia adalah per mukaan bumi yang tinggi dan segala tempat-tempat yang tinggi.

Al-Nuhhās mengatakan pendapat-pendapat di atas tidak bertentangan kerana Allah mem beritakan air datang dari langit dan bumi[2] sepertimana Allah menyatakan, "Kemudian Kami bukakan pintu-pintu langit dengan air yang tertumpah (hujan yang lebat). Dan Kami pancarkan beberapa mata air di bumi, lalu bertemulah air itu (air langit dan bumi) menurut urusan yang telah ditetapkan."[3]

Para ulama menyatakan, *al-tannūr* adalah tanda keselamatan dan kemenangan bagi Nuh dan janji kebinasaan bagi kaumnya.[4] Menurut Ibn Kathīr, bumi menjadi mata air yang terpancar sehingga air pasang dan naik dari *al-tanānīr* iaitu dapur-dapur api yang menjadi pancaran air sepertimana pendapat ulama salaf mahupun khalaf.[5]

Kesimpulannya, *al-tannūr* mencakupi semua makna yang disebutkan di atas.

TARĀ`IB (التَّـرَابِـبُ)

Lafaz ini dalam bentuk jamak, *mufrad*nya adalah *tarībah* bermaksud tulang dada, tulang yang berada di sebelah atas dada ataupun tempat meletak kalung.[6]

Disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Tāriq*, (86) ayat 7. Allah menyatakan:

يَخۡرُجُ مِنۢ بَيۡنِ ٱلصُّلۡبِ وَٱلتَّرَآئِبِ

Mengikut pendapat Wahbah Zuhailī, manusia diciptakan daripada air mani yang terpancut dan terpancar ke dalam rahim, yang terdiri daripada air mani lelaki dan perempuan yang kemudian disatukan persenyawaannya. Ia adalah air yang keluar daripada tulang belakang lelaki melalui saluran saraf tertentu yang berhubung dengan otak dan air yang keluar di antara tulang dada (*al-tarā`ib*) wanita iaitu tempat kalung pada dadanya.[7]

Hamka menyatakan, *tarā`ib* adalah tulang dada bagi perempuan yang mana terletak susunya. Syahwat perempuan yang menimbulkan maninya lebih berpusat kepada susunya. Susu itu pula yang digunakan Allah menjadi 'magnet' penarik syahwat lelaki,

1 Al-Syawkānī (1994), *loc. cit.*

2 *Ibid.*

3 Surah *al-Qamar* (54), ayat 11-12.

4 Al-Sābūnī, (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 15

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 405

6 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 196. Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 83

7 Wahbah Zuhaylī (2001), Juz 'Amma, *op. cit*, h. 170

tetapi kemudian susu itu pula dijadikan tempat simpan makanan yang diminum oleh bayi.[1]

Kesimpulannya, *al-tarā'ib* adalah **tulang dada perempuan,** tempat meletak kalungnya.

TASBĪḤ (تَسْبِيحٌ)

Lafaz *tasbiḥ* (تَسْبِيحٌ) adalah bentuk *masdar* daripada kata kerja *sabbaḥa* (سَبَّحَ). Al-Rāzī berkata, "Maknanya ialah *al-tanzīh* (menyucikan)[2] iaitu menyucikan Allah. Asalnya jalan cepat dalam beribadah kepada Allah dan hal itu dijadikan untuk perbuatan kebaikan sebagaimana dijadikan bagi menjauhkan daripada kejahatan. Ada yang mengatakan maknanya semoga Allah menjauhkannya dan *al-tasbīḥ* dalam bentuk umum dalam ibadah sama ada perkataan, perbuatan dan niat."[3]

Lafaz ini disebut sekali dalam al-Quran dikaitkan dengan *ḍamīr* "ـه", iaitu dalam surah *al-Nūr* (24), ayat 41 dan disebut sekali yang digandingkan dengan *damīr* "هم", iaitu pada surah *al-Isrāk* (17), ayat 44.

Ibn Kathīr berkata, "Setiap sesuatu diberi petunjuk kepadanya jalan dan caranya beribadah kepada Allah,[4] mencakupi manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan benda. Setiap daripada mereka berlainan bahasa dalam bertasbih atau cara menyucikan Allah sebagaimana dalam hadis *Sahih al-Bukhārī* daripada Ibn Mas'ūd, dia berkata, "Kami mendengar tasbih atau cara menyucikan dan ibadah makanan sedangkan ia dimakan."[5]

Para ulama berbeza pendapat cara ber tasbih selain daripada manusia. Ada yang berpendapat maksud *tasbīḥ* mereka adalah *tasbīḥ dilālah* iaitu setiap yang dicipta bersaksi kepada dirinya, Allah adalah pencipta dan berkuasa. Ada juga yang berpendapat *tasbīh* mereka adalah hakikat, di mana setiap sesuatu secara umumnya bertasbih dengan cara yang tidak didengar oleh manusia dan tidak pula difahami.[6]

Kesimpulannya, lafaz *tasbīḥ* dalam surah al-Isrāk mencakupi segala sesuatu kecuali manusia. Dalam surah *al-Nūr*, ia mencakupi manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, benda dan sebagainya. Cara manusia bertasbih sebagaimana kita ketahui antaranya adalah sembahyang, sedangkan cara makhluk selain daripada manusia tidak diketahui oleh manusia.

*Ism fā'il*nya adalah *musabbih* (مُسَبِّحٌ) dan jamaknya *musabbihun* (مُسَبِّحُونَ) atau *musabbihin* (مُسَبِّحِينَ). Lafaz ini disebut dua kali dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Sāffāt* (37), ayat 166 dan 143. Ayat 143 bercerita mengenai Nabi Yunus, al-Rāghib berkata,"Ia bermaksud *al-musallūn* atau orang yang sembahyang."[7] Al-Syawkānī berpendapat, ia bermaksud orang yang berzikir kepada Allah atau orang yang bersembahyang untuknya."[8]

Dalam ayat 166 bercerita mengenai malaikat dan menurut al-Syawkānī, maksudnya menyucikan dan men*taqdis*kan Allah kepada apa yang disandarkan orang musyrik

1 Hamka (1984), *op. cit.*, j. 30, h. 102
2 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 282
3 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 221
4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 279.
5 *Ibid.*, h. 41.
6 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 10, h. 271.
7 Al-Isfahani (1961), *op. cit.*
8 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 513.

kepadanya. Manakala makna perkataan malaikat dengan lafaz *al-musabbiḥūn* mencakupi bertasbih dengan lisan dan sembahyang. Ini adalah sifat-sifat para malaikat dan mereka bukanlah seperti apa yang didakwa dan disifatkan orang kafir, sebagai anak-anak perempuan Allah.[1]

Dalam *Tafsīr al-Jalālayn*, lafaz *al-musabbiḥin* bermakna termasuk orang yang berzikir dengan banyak menyebut nama Allah ketika ia berada di dalam perut ikan (*al-Hūt*) *"Lā ilāha illā anta subḥānaka innī kuntu min al-zālimīn."* (لَا إِلَٰهَ إِلَّا أَنتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنتُ مِنَ الظَّالِمِينَ).[2] Sedangkan lafaz *al-musabbiḥūn* bermaksud yang menyucikan Allah daripada apa yang tidak layak baginya.[3]

Kesimpulannya, lafaz *al-musabbiḥīn* bermaksud **orang yang berzikir dan sembahyang.** Kalimah *al-musabbiḥūn* dalam ayat itu bermaksud para malaikat yang selalu bertasbih dan menyucikan Allah.

TAWWĀB (التَّوَّابُ)

Lafaz ini adalah *ism fā'il* sama dengan lafaz *tā'ib* (تَائِبٌ). Namun, lafaz *tawwāb* biasanya disandarkan kepada Allah sedangkan *tā'ib* kepada manusia.[4] Ia berasal daripada perkataan *al-taubah* atau *tāba-yatūbu* (تَابَ-يَتُوبُ), ertinya menyesal atas apa yang dia lakukan dan tidak kembali melakukan maksiat atau mengakui dosa dan menyesal ke atasnya serta berazam tidak kembali melakukannya. *Tāba ilā Allāh* (تَابَ إِلَى اللَّهِ) maknanya kembali kepadanya.[5]

Manakala *al-tawwāb* mengandungi dua makna. **Pertama**, bermaksud orang yang banyak kembali kepada Allah supaya jauh daripada maksiat dan menggunakan dengan lafaz jamak iaitu *tawwābīn* sebagaimana Allah menyatakan,[6] (إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ). **Kedua**, *al-tawwāb* bermaksud yang menerima taubat dan salah satu daripada sifat-sifat Allah.[7]

Lafaz *al-tawwāb* di dalam al-Quran disebut 11 kali iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 37, 54, 128, 160; surah *al-Nisā'* (4), ayat 16, 64; Surah *al-Taubah* (9), ayat 104, 118; surah *al-Nūr* (24), ayat 10; surah *al-Hujurāt* (49), ayat 12 dan surah *al-Nasr* (110), ayat 3.

Lafaz *al-tawwāb* di dalam al-Quran disandarkan kepada Allah dan salah satu daripada sifat-sifat Allah. Antaranya, Allah menyatakan,[8] (وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَحِيمٌ). Al-Sya'rāwī menuturkan, kalimah *tawwāb* menunjukkan Allah tidak mengambil kira hamba -hambanya yang melakukan dosa kerana Allah tetap *tawwāb* walaupun individu bertaubat daripada satu dosa yang ia lakukan. Sifat superlatif *(mubālaghah)* dilihat daripada dua sudut sama ada suatu perkara akan berulang pada beberapa orang ataupun suatu perkara itu berlaku sekali tetapi ia dilakukan oleh banyak orang.

Sebagaimana lafaz *akūl (banyak makan)*, seseorang yang makan makanan yang banyak dalam satu masa di luar daripada kebiasaan

1 *Ibid.*, h. 518.

2 Al-Jalālain (t.t.), *op. cit.*, h. 589.

3 *Ibid.*, h. 590.

4 Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 90

5 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 205, Anīs *et al* (t.t), *op. cit*

6 Surah *al-Baqarah* (2), ayat 222, maksudnya, *"Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertaubat."*

7 *Ibid.*

8 Surah *al-Hujurāt* (49), ayat 12, bermaksud, *"Bertakwalah kepada Allah sesungguhnya Dia Maha Penerima taubat dan Maha Penyayang."*

boleh dinamakan *akūl* seperti ia makan sepuluh roti pada waktu sarapan, makan tengah hari dan makan malam. Seseorang itu juga boleh dinamakan *akūl* apabila perbuatannya berulang banyak kali seperti ia makan makanan seperti biasa tetapi ia makan 15 kali dalam sehari.[1]

Allah *tawwāb* kerana hambanya banyak. Sekiranya setiap individu melakukan satu dosa dan dosa-dosa itu dihimpunkan, maka dosa itu membentuk bilangan yang besar, tetapi Allah tetap mengampuni mereka. Sekiranya seseorang melakukan dosa beberapa kali dalam satu hari, Allah tetap bersifat *tawwāb* dan tetap mengampuninya apabila dia bertaubat dan kembali kepadanya.

Kesimpulannya, Allah adalah *tawwāb* yang bermaksud **maha menerima taubat** walaupun seseorang melakukan banyak dosa dalam satu masa ataupun ramai orang yang melakukan satu dosa.[2]

TIJĀRAH (تِـجَارَةٌ)

Lafaz *tijārah* (تِـجَارَةٌ) adalah dalam bentuk *maṣdar*, berasal daripada kata *tajara-yatjuru* (تَجَرَ-يَتْجُرُ). Mengandungi makna mata pencarian penjual, amalan jual beli, barang yang diniagakan dan perniagaan.[3]

Lafaz *tijarah* disebut sembilan kali iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 16 dan 282; surah *al-Nisā'* (4), ayat 29; surah *al-Taubah* (9), ayat 24; surah *al-Nūr* (24), ayat 37; surah *Fatir* (35), ayat 29; surah *al-Saff* (61), ayat 10; surah *al-Jumʻah* (62), ayat 11. Lafaz *tijārah* di dalam al-Quran membawa beberapa maksud iaitu:

- *Tijārah* bermaksud amalan jual beli sepertimana kebanyakan maksud ayat-ayat di atas.
- *Tijārah* bermaksud kiasan bagi orang yang membeli petunjuk dengan kesesatan, sepertimana yang terdapat dalam surah *al-Baqarah* ayat 16. Allah menyatakan:

  أُولَٰئِكَ الَّذِينَ اشْتَرَوُا الضَّلَالَةَ بِالْهُدَىٰ فَمَا رَبِحَت تِّجَارَتُهُمْ وَمَا كَانُوا مُهْتَدِينَ

  Quraisy Shihab berkata, penukaran petunjuk dengan kesesatan diibaratkan dengan jual beli bagi mengisyaratkan apa yang dilakukannya itu terlaksana dengan kerelaan sebagaimana layaknya jual beli. Beliau menuturkan lagi ayat ini menggambarkan mereka tidak memperoleh keuntungan dalam perniagaan, malah mereka rugi dan hilang modal. Modal yang dimiliki setiap orang adalah fitrah kesucian. Ini diabaikan sedangkan sepatutnya modal itu dimanfaatkan bagi memperoleh keuntungan berupa amal-amal yang baik. Tetapi mereka bukan sekadar tidak memperoleh keuntungan, modal mereka juga lenyap kerana iman tidak menghiasi jiwa mereka.[4]
- *Tijārah* bermaksud kiasan bagi perniagaan yang tidak pernah rugi. Ibn Kathīr[5] mengatakan perniagaan itu ditafsirkan dengan ayat berikutnya iaitu dengan beriman kepada Allah dan rasulnya, berjihad di jalan

1 Al-Sya'rāwī (1991), *op. cit.*, j. 1, h. 275

2 *Ibid.*

3 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 195, Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 82.

4 M. Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, j. 1, h. 109-110

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 325

Allah dengan diri dan harta benda. Sepertimana terdapat dalam surah *al -Saff* ayat 10 dan 11

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ تِجَٰرَةٍ
تُنجِيكُم مِّنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿١٠﴾ تُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ
وَرَسُولِهِۦ وَتُجَٰهِدُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمْوَٰلِكُمْ
وَأَنفُسِكُمْ ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ
تَعْلَمُونَ ﴿١١﴾

Kesimpulannya, lafaz *tijārah* secara umumnya di dalam al-Quran membawa maksud **jual beli** atau **perniagaan**.

Perniagaan itu terdiri daripada tiga bentuk. **Pertama**, perniagaan yang diketahui umum boleh memperoleh keuntungan ataupun kerugian. **Kedua**, perniagaan yang tidak pernah menguntungkan iaitu perniagaan yang membeli petunjuk dengan kesesatan. **Ketiga**, perniagaan yang tidak pernah rugi dan selamanya memperoleh keuntungan iaitu perniagaan orang yang beriman dan berjihad.

TĪN (تِيْنٌ)

Lafaz ini hanya disebut sekali dalam al-Quran iaitu dalam ayat pertama surah *al-Tīn* (95). Lafaz ini mengandungi beberapa makna dan pentafsiran iaitu:

1. Sesuatu yang dimakan. Al-Hasan,[1] al-Mujāhid,[2] 'Ikrimah dan lainnya berkata, "Makna *al-Tīn* ialah buah tin yang kamu makan, sebagaimana yang dilaporkan juga oleh Ibn 'Abbās."[3]
2. Ia bukan bermaksud buah tetapi makna lain dan ini terbahagi menjadi dua:
   - Ibn 'Abbās berkata, "*Al-Tīn* adalah bukit di bumi Muqaddis yang dalam bahasa Suryāniyah dinamakan Tūrtīnā, dikhususkan untuk Nabi 'Īsā.[4] 'Ikrimah[5] dan Qatādah[6] berkata, ia adalah bukit yang berada di Syam kerana di atasnya tumbuh buah Tin.[7]
   - Ia bermakna masjid. Ibn Zayd berkata, "*Al-Tīn* adalah Masjid Damsyik.[8] Ibn 'Abbās berkata, "Ia adalah Masjid Nūh yang dibina di atas kapal."[9] Yang lain berpendapat, ia adalah masjid *Ashāb al-Kahfi*.[10]

Ibn Jarīr berkata, "Yang paling benar adalah pendapat yang mengatakan *al-tīn* adalah buah tin yang dimakan kerana ia terkenal di kalangan orang Arab dan tidak diketahui bukit yang dinamakan Tin."[11] Abū Hayyān berkata, "Yang zahirnya, *al-tīn* adalah nama buah yang dikenali ramai dan dalam hadis, *al-tīn* dipuji disebabkan ia dapat menghilangkan penyakit buasir dan bermanfaat bagi penyakit tulang."[12]

Menurut satu laporan, Rasulullah diberi hadiah sepinggan buah tin dan beliau memakannya, lalu beliau berkata kepada sahabat -sahabatnya, "Makanlah! Sekiranya kamu

1 Al-Ṭabarī (1995), *op. cit.*, j. 30, h. 301, athar no. 29082.

2 *Ibid.*, athar no. 29084.

3 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 80.

4 *Ibid.*, h. 9.

5 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, athar, 29090, h. 303.

6 *Ibid.*, athar no. 29088, h. 302.

7 Al-Rāzī (1987), *loc. cit.*; al-Zamakhsyarī (1995), op. cit., j. 4, h. 763.

8 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, athar no. 29089.

9 *Ibid.*, athar no. 29091.

10 Al-Rāzī (1987), *loc. cit.*

11 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, h. 303.

12 Al-Zuhailī (1991), *op. cit.*, j. 39, h. 302.

bertanya, buah apa yang turun dari syurga, pasti saya mengatakan ini. Jadi, makanlah ia kerana ia menghilangkan buasir dan ubat bagi penyakit tulang." 'Alī b. Mūsā al-Ridā 'alaihimā al-Salām berkata, "*Al-tīn* menghilangkan bau mulut, memanjangkan rambut dan ia aman daripada penyakit lumpuh serta ubat mengeluarkan sisa-sisa dan kotoran makanan dalam badan."[1]

Al-Tīn juga adalah nama surah yang ke-95 di dalam al-Quran. Ia adalah surah yang diturunkan di Makkah, terdiri daripada 8 ayat, 34 kalimah dan 150 huruf. Kandungan surah ini mencakupi sumpah ke atas ke indahan penciptaan manusia, kembalinya orang kafir kepada api neraka, memuliakan orang Mukmin dengan ganjaran-ganjaran yang besar, penerangan Allah maha bijaksana dan maha adil[2] iaitu yang terdapat dalam ayat 8 surah yang sama, "Bukankah Allah hakim yang seadil-adilnya."

Di dalam hadis Abī Hurairah diterangkan, "Apabila seseorang antara kamu membaca "وَالتِّينِ وَالزَّيْتُونِ" dan apabila sampai kepada ayat 8, أَلَيْسَ اللَّهُ بِأَحْكَمِ الْحَاكِمِينَ, ucapkanlah "بَلَى وَأَنَا عَلَى ذَلِكَ مِنَ الشَّاهِدِينَ", ertinya, "Ya, dan aku termasuk di kalangan orang yang menyaksikan."[3]

TUBBA` (تُبَّعٌ)

Lafaz *tubba`* (تُبَّعٌ) dalam bentuk *mufrad*, jamaknya *tabābī`* atau *tabābiah*. Berasal daripada kata *tabi'a-yatba'u* (تَبِعَ-يَتْبَعُ) yang bererti mengikuti, menyusul dan sebagainya. Manakala *tubba`* mengandungi makna bayangan, lebah yang paling besar dan gelaran raja-raja Yaman dahulu.[4]

Disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam Surah *al-Dukhān* (44), ayat 37 dan surah *Qāf* (50), ayat 14. Allah menyatakan:

وَأَصْحَابُ الْأَيْكَةِ وَقَوْمُ تُبَّعٍ

Dalam kedua-dua ayat yang menyentuh lafaz *tubba'*, disebut selepasnya lafaz *qaum* yang bererti golongan atau kaum atau penduduk.

Al-Jawharī berkata, *al-tabābi'ah* (التَّبَابِعَةُ) adalah gelaran raja-raja Yaman, *mufrad*nya adalah *tubba'*. Al-Suhailī berpendapat, *tubba'* adalah nama setiap raja yang memerintah negeri Yaman, al-Syihr dan Hadramaut.[5] Abū 'Ubaidah menyatakan, setiap satu daripada mereka dinamakan *Tubba'* kerana ia menggantikan yang lainnya.[6] Menurut pendapat al-Qurtubī, berdasarkan zahir ayat *Tubba'*, ia adalah salah satu daripada Raja Yaman dan orang Arab mengetahuinya dengan nama itu lebih daripada yang lain.

Oleh sebab itu, Rasulullah berkata, "Saya tidak mengetahui adakah *Tubba`* dilaknat ataupun tidak."[7] Dalam rekod lain, 'Āisyah menyatakan, "Janganlah kamu menghina *tubba`* kerana dia adalah seorang lelaki yang baik".[8] Begitu juga yang dilaporkan oleh Ibn 'Abbās, beliau berkata, "Janganlah kamu menghina *Tubba'* kerana dia masuk

1 *Ibid.*

2 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 1, h. 527.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 480.

4 Ma`lYf (1975), *op. cit.*, h. 59, Anīs et al (t.t), *op. cit.*, h. 82, Ahmad Warson (1997), *op. cit.*, h. 128

5 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 16, h. 142

6 *Ibid.*

7 *Ibid.*

8 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 130

Islam".[1] Qatādah berkata, "Disebutkan kepada kami Ka'ab bercerita mengenai *tubba'* dan menyatakan ia adalah lelaki yang baik. Allah menghina kaumnya dan tidak menghinanya".[2]

Sa'īd bin Jubair berkata, *tubba'* pernah menutupi Kaabah dan beliau melarang menghinanya. *Tubba'* adalah *tubba' al-awsat*, namanya As'ad Abū Kuraib bin Mulaikarb al-Yamānī. Dia adalah raja bagi kaumnya selama 326 tahun dan tidak pernah ada raja di *Ḥamīr* yang lebih lama memerintah selainnya. Meninggal dunia pada 700 tahun sebelum diutusnya Nabi Muhammad.[3]

Ibn 'Asākir mengatakan, sesungguhnya *Tubba'* yang diisyaratkan oleh al-Quran adalah raja yang mengislamkan kaumnya di tangannya. Apabila dia meninggal dunia, kaumnya kembali kepada kekufuran dengan menyembah berhala dan api, lalu Allah mengazab mereka sebagaimana yang diceritakan dalam surah *Sabak*.[4]

Sedangkan kaum *Tubba'* adalah kaum Sabak di mana Allah menghancurkan kaum itu dan membinasakan negerinya sebagaimana diceritakan dalam surah Sabak disebabkan ingkar kepada hari pembalasan. Mereka adalah orang Arab dari Qahtān, Adnān dan Hamīr. Setiap salah seorang raja yang memerintah negeri itu dinamakan *Tubba'* sepertimana dinamakan Kisrā bagi raja yang memerintah Parsi, Qaisar bagi raja yang memerintah Rom, Firaun bagi raja yang memerintah Mesir dan Najāsyī bagi raja yang memerintah al-Habsyah.[5]

Kesimpulannya, terdapat dua maksud daripada kalimah *tubba'*. **Pertama**, *tubba'* adalah salah seorang raja negeri Yaman yang baik dan beriman. **Kedua**, *tubba'* adalah kaum Sabak yang diseksa dan diazab disebabkan kekufuran mereka dan ini disebut dengan perkataan "*qaum tubba*" (قَومُ تُبَّعٍ).

ت

1 *Ibid.*

2 *Ibid.*

3 *Ibid.*

4 *Ibid.*

5 *Ibid.*, h. 129



حرف الثاء

TH



THAJJĀJĀ (ثَجَّاجًا)

Kalimah *thajjājā* adalah *maṣdar* dan sifat bagi kata *thajja-yathijju* (ثَجَّ-يَثِجُّ), ertinya mengalir dan menjadi tumpah. Dalam *Kamus al-Munjid, thajjājā min al-amtār* (ثَجَّاجًا مِنَ الأَرْضِ) membawa maksud air yang turun mencurah-curah atau hujan yang turun dengan lebatnya.[1]

Disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah al-Nabak, (78) ayat 14. Allah menyatakan, (وَ أَنزَلْنَا مِنَ ٱلْمُعْصِرَاتِ مَاءً ثَجَّاجًا).

Ibn 'Abbās, Mujāhid dan yang lainnya berpendapat *thajjājā* membawa maksud aliran yang berterusan. Al-Zujāj berkata, *al-ṣabbāb* (الصَّبَّابُ) bermaksud mencurah-curah.[2] Wahbah Zuhailī berpendapat *al-thajj* bermaksud aliran atau curahan yang banyak tanpa henti-henti. *Al-thajj* dengan pengertian ini dapat difahami melalui sebuah hadis yang direkodkan oleh al-Tirmidhī daripada Ibn 'Umar. Beliau berkata, (أَفْضَلُ الحَجِّ: العَجُّ وَ الثَّجُّ), "Sebaik-baik haji adalah *al-'ajj* dan *al-thajj*," iaitu mengangkat suara dengan bertalbiah dan pengaliran curahan darah binatang yang menjadi korban.[3]

THĀQIB (ثَاقِبٌ)

Lafaz *thāqib* dalam bentuk *ism fā'il* berasal daripada kata *thaqaba-yathqubu* (ثَقَبَ-يَثْقُبُ). Diceritakan oleh al-Kisā`ī, ia berasal daripada *thaqabat al-nār* (ثَقَبَتِ النَّارُ) yang bermaksud apabila api menyala.[4] Zaid bin Aslam berkata, *al-thāqib* bermakna yang dinyalakan.[5]

Dalam *Kamus al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī, al-thāqib* bermaksud bintang, pendapat dan yang menyala.[6] Perkataan *thāqib al-ra`y* bererti pendapat yang tepat.[7]

Disebut dua kali iaitu dalam surah *al -Sāffāt* (37), ayat 10 dan surah *al-Tāriq* (86), ayat 3. Allah menyatakan:

إِلَّا مَنْ خَطِفَ ٱلْخَطْفَةَ فَأَتْبَعَهُۥ شِهَابٌ ثَاقِبٌ

Dan Allah menyatakan (النَّجْمُ الثَّاقِبُ).

Al-Yazīdī berpendapat, *thāqib* ber maksud *mudī`* iaitu yang bersinar atau yang menyala.[8] Qatādah berpendapat, *thāqib min nār* bermaksud sinaran apinya.[9] Ibn Zaid berkata, *al-thāqib* adalah *al-mustayqid iaitu* yang dinyalakan. Seorang lelaki ber kata, "*athqib nāraka* (أَثْقِبْ نَارَكَ) atau *istathqib nāraka* (اِسْتَثْقِبْ نَارَكَ), kedua-duanya bermakna *istawqid nāraka* (اِسْتَوْقِدْ نَارَكَ) iaitu nyalakanlah apimu.[10]

Mengikut pendapat Hamka, *thāqib* mem bawa maksud yang menembus, maknanya di alam cakerawala itu ada satu bintang yang melancar dengan keras dan cepat seperti mengetuk pintu yang terkunci sehingga orang yang lena tidur terbangun daripada tidurnya. Sifatnya adalah menembus dan yang ditembusinya adalah kegelapan malam. Apabila bintang yang bergerak cepat itu lalu di dalam gelap gelita, tembuslah kegelapan itu

1 Ma`lūf (1975), *op. cit.*, h. 69

2 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 20, h. 168

3 Wahbah Zuhaylī (2001), Juz 'Amma, *op. cit.*, h. 7-8.

4 Muhammad Sālim al-Hājj (1985), (Pentahkik buku *Gharīb al-Qurān oleh al-Yazīdī*), h. 315

5 *Ibid.*

6 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 213

7 *Ibid.*, h. 214

8 Al-Yazīdī (1985), *op. cit.*, h. 315

9 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 12, h. 50, athar no. 22431

10 *Ibid.*, athar no. 22434

dan timbullah cahaya di sekelilingnya.[1]

Kesimpulannya, lafaz *thāqib* membawa maksud **yang menyala** atau **bersinar**. Maksud *syihāb thāqib* dan *al-najm al-thāqib* yang terdapat pada kedua-dua ayat di atas adalah bintang meteor atau bintang komet yang menyala dan bersinar.

AL-THARĀ (الثَّرَى)

Kalimah *al-tharā* adalah *ism* yang berasal daripada kata *thariya-yathrā* (ثَرِيَ-يَثْرَى). Asal kata ini mengandungi makna kaya, lunak, lembap, tanah yang basah.[2]

Ia disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Taha* (20) ayat 6. Allah menyatakan:

لَهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا وَمَا تَحْتَ ٱلثَّرَىٰ

Para ulama berbeza pandangan mengenai makna *al-tharā*. Muhammad bin Ka'ab menyatakan, *al-tharā* bermaksud apa yang ada di dalam tujuh lapisan bumi.[3]

Al-Suddī berpendapat, lafaz *al-tharā* membawa maksud batu dalam tanah (*al-ṣakhrah*) yang ada di bawah tujuh lapisan bumi.[4] Dalam *al-Asās fī al-Tafsīr, al-tharā* membawa maksud *al-turāb* (tanah) dan ayat "*wa mā tahta al-tharā* (وَمَا تَحْتَ ٱلثَّرَىٰ) membawa maksud apa yang ada di dalam tanah.[5] Dalam *Tafsīr al-Marāghī,* lafaz *al-tharā* bermakna tanah yang basah.

Dalam ayat di atas, ia bermaksud tanah secara umumnya. Tafsirannya apa yang tersembunyi di dalam tanah daripada tembaga, bijirin atau pun logam.[6]

THĀWIYĀ (ثَاوِيًا)

Lafaz *thāwiyā* adalah *ism fā'il,* berasal daripada kata *thawā-yathwī* (ثَوَى-يَثْوِي), mengandungi makna tinggal di, berdiam, binasa, mati.[7] *Athwā* (أَثْوَى) dan *thawā fī al-makān* (ثَوَى فِي المَكَانِ) maksudnya bertempat atau bermukim di suatu tempat.[8] Manakala *thāwiyā* membawa maksud yang tinggal atau berdiam di suatu tempat.

Disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah yang ke-28 daripada surah *al -Qasas* ayat 45.

Allah menyatakan:[9]

وَمَا كُنتَ ثَاوِيًا فِيٓ أَهْلِ مَدْيَنَ تَتْلُوا۟ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتِنَا وَلَٰكِنَّا كُنَّا مُرْسِلِينَ

Al-'Ajāj berkata, *thāwiyā* membawa maksud tetamu yang tinggal. Begitu juga dengan majoriti ulama tafsir, di mana mereka mentafsirkan kalimah *thāwiyā* dengan *muqīmā*

1 Hamka (1984), *op. cit.*, j. 30, h. 100

2 Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 95, Ahmad Warson (1997), *op. cit.*, h. 149

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 134

4 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 50

5 Sa'īd Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 7, h. 3344

6 Mustafa al-Marāghī (1974), *Tafsīr al-Marāghī*, c. 5, j. 16, Kaherah: Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Bābī al-Halabī, h. 94 dan 96

7 Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 103. Ahmad Warson (1997), *op. cit.*, h. 161

8 *Ibid.*

9 Maksudnya, *"Engkau bukan pula tinggal bersama penduduk Madyan untuk membacakan ayat-ayat Kami kepada mereka, tetapi engkau Kami utus menjadi rasul."*

(bermukim).[1] Al-Qurtubī mentafsirkannya bermukim sebagaimana Musa dan Syu'aib yang tinggal antara mereka.[2] Kalimah *thāwiyā* membawa maksud yang tinggal atau yang bermukim.

THAYYIBĀT (ثَيِّبَاتٌ)

Lafaz ini berbentuk jamak, *mufrad*nya adalah *thayyib* (ثَيِّبٌ). *Tathayyabāt al-mar`ah* (ثَيِّبَاتُ الْمَرْأَةِ) bermaksud apabila ia menjadi *thayyib* dan *thayyib* bermakna tidak perawan.[3]

Disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Tahrīm*, (66) ayat 5. Allah menyatakan, (تَائِبَاتٌ عَابِدَاتٌ سَائِحَاتٌ ثَيِّبَاتٌ وَ أَبْكَارًا). Ibn al-Sikkīt berkata, *imra`ah thayyib* adalah seorang perempuan yang sudah disetubuhi.[4]

Dalam *Kamus al-Mu'jam al-'Arabī*, *thayyib* adalah wanita yang berpisah dengan suaminya sama ada kerana penceraian atau kematian.[5] Dilaporkan daripada Ibn Buraidah daripada bapanya, beliau berkata, ثَيِّبَاتٌ وَ أَبْكَارًا bermaksud Allah menjanjikan nabi dalam ayat ini untuk mengahwinkannya, *al-thayyib* adalah Āsiyah isteri Firaun.[6] Al-Kalbī berpendapat, yang dimaksudkan *thayyib* adalah Āsiyah, wanita 'Imrān.[7]

Ada yang berpendapat dinamakan *thayyib* kerana ia akan kembali kepada suaminya sekiranya ia tinggal dengan suaminya atau kepada yang lainnya apabila ia berpisah dengannya.[8] Ada juga yang berpendapat, dinamakan *thayyib* kerana ia tetap tinggal bersama kedua-dua ibu bapanya.[9] Al-Qurtubī berkata, pendapat ini adalah yang paling benar kerana setiap *thayyib* tidak mesti kembali kepada suaminya.[10]

Kesimpulannya, yang dimaksudkan *thayyibāt* adalah **wanita-wanita yang tidak perawan**. Maknanya, Allah akan meng gantikan dengan wanita-wanita yang baik dan tidak perawan seperti Āsiyah, wanita 'Imrān pada hari akhirat.

THIQĀL (ثِقَالٌ)

Lafaz *thiqāl* adalah jamak, *mufrad*nya adalah *thaqīl* (ثَقِيلٌ). *Mu`annath*nya *thaqīlah* dan jamaknya *thaqīlāt* (ثَقِيلَاتٌ). Kalimah *thaqīl* mengandungi makna lawan daripada *khafīf* (ringan), bekalan para musafir, susah dibawa atau digerakkan sama ada secara materi mahupun maknawi seperti *nawmuhū thaqīl* (نَوْمُهُ ثَقِيلٌ). Ia juga bererti keadaan yang sukar,[11] bahaya dan penting.[12] *Thaqīl al-sam'*

1 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 13, h. 302, al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 219, al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 404

2 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.* j. 13, h. 302

3 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 224

4 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 89

5 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.* h. 224

6 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 352

7 Al-Qurtubī (1996), op. cit., j. 18, h. 185

8 *Ibid.*

9 *Ibid.*

10 *Ibid.*

11 Seperti maksud ayat Allah, (وَ يَذَرُونَ وَرَاءَهُمْ يَوْمًا ثَقِيلًا) ert - nya *"Dan meninggalkan di belakangnya hari yang berat". Al-Insān* (76), ayat 27. Yang dimaksudkan *yawm thaqil* adalah hari kiamat. Ibn Kathīr (1998); 4/414.

12 Seperti maksud ayat Allah, (إِنَّا سَنُلْقِي عَلَيْكَ قَوْلًا ثَقِيلًا) maksudnya, *"Sesungguhnya Kami akan menurunkan kepada engkau perkataan yang hebat"*. Mengikut pendapat Ibn Qutaibah, *qawlan thaqilā* bermaksud kalam Allah yang terdiri daripada *fārā`iḍ* (kewajipan-kewajipan) dan *hudūd.*

(ثَقِيلُ السَّمْعِ) bererti pendengarannya sukar. *Thaqīl al-fahm* (ثَقِيلُ الْفَهْمِ) bermakna bodoh dan sebagainya.[1]

Lafaz *thiqāl* disebut tiga kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 57; surah *al-Taubah* (9), ayat 41 dan surah *al-Ra'd* (13), ayat 12. Lafaz *thiqāl* mengandungi dua makna berdasarkan konteks ayat iaitu:

- *Ṣahāban thiqālan* (سَحَابًا ثِقَالًا) seperti dalam surah *al-A'rāf*:

  حَتَّىٰٓ إِذَآ أَقَلَّتْ سَحَابًا ثِقَالًا سُقْنَٰهُ لِبَلَدٍ مَّيِّتٍ

  Ṣahāban bermakna awan dan *thiqal* bererti berat. Sa'īd Hawwā menyatakan, *saḥāban thiqālan* ialah air.[2] Muhammad Rasyīd Ridā mengungkapkan, *ṣahāb* ialah awan, sedangkan *al-thiqāl minhu* (berat dengannya) disebabkan oleh terhimpunnya air yang menguap atau naik ke atas, maksudnya awan yang tebal hasil daripada wap air yang naik. Tafsirannya, Allah yang mentadbir semua urusan makhluknya yang mengirimkan angin untuk membentuk awan yang tebal dan menurunkan air hujan bagi hamba-hambanya sebagai rahmat buat mereka.[3]
- Allah menyatakan, (انْفِرُوا خِفَافًا وَثِقَالًا), lafaz *thiqāl* pada ayat ini berkenaan dengan perkara jihad. Dalam *Tafsīr al-Marāghī, thiqāl* dalam ayat ini bermaksud pergilah berjihad dalam keadaan yang berat seperti dalam keadaan sakit, sedikit harta, sibuk, miskin, sedikit anak, malas, tua, kurus dan sebagainya.[4]

Ibn Qutaibah, h. 493. Qatādah dan al-Hasan berkata, berat bagi mengamalkannya. Ibn Kathīr (1998); 4/393.

1 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 85. 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 216

2 Sa'īd Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 4, h. 1913.

3 Muhammad Rasyīd Ridā (t.t), *op. cit.*, j. 6, h. 467

4 Al-Marāghī (1974), *op. cit.*, j. 10, h. 113.

THU'BĀN (ثُعْبَانٌ)

Lafaz *thu'bān* adalah dalam bentuk *mufrad*, jamaknya *tha'ābīn* (ثَعَابِينُ). Berasal daripada *al-tha'b* (الثَّعْبُ)[5] atau *tha'iba al-mā`- yatha'bu* (ثَعِبَ الْمَاءُ-يَثْعَبُ) yang bererti pecah atau terpancar dan mengalir. *Thu'bān* ثُعْبَانٌ mengandungi makna tempat aliran air di dalam wadi. Ia juga bermakna sejenis ular secara umumnya, ular yang besar dan panjang. *Thu'bān al-samak* ertinya sejenis ikan yang hidup di dalam sungai atau laut yang bentuknya menyerupai ular.[6]

Lafaz ini disebut dua kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-A'raf* (7), ayat 107 dan surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 32. Allah menyatakan, (فَأَلْقَاهُ فَإِذَا هِيَ ثُعْبَانٌ مُّبِينٌ).Dilaporkan daripada Ibn 'Abbās, *thu'bān* adalah ular jantan.[7] Di dalam al-Quran, yang dimaksudkan *thu'bān* adalah ular.

Ibn Kathīr menceritakan sebagaimana yang dilaporkan oleh salah seorang daripada ulama salaf, ular itu besar dan tegap, lehernya besar dan bentuknya mengagumkan serta menakutkan, sehingga manusia yang ada pada masa itu segera menghindarkan diri daripadanya dan mundur ke belakang. Lalu, ular itu mendatangi apa yang dilemparkan daripada tali dan tongkat (yang berubah menjadi ular) oleh ahli sihir Firaun. Kemudian, ia memakan satu-persatu secepat kilat dengan gerakan yang pantas, sedangkan orang yang melihatnya berasa terkejut dan takjub.[8]

5 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 83, lafaz *al-tha'b* berbentuk *mufrad*, jamaknya ialah *thu'bān*.

6 Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 95, 'Ayid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 213

7 Ibn Jarīr al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 6, h. 20, athar no. 11577

8 Ibn Kathīr (1997), *Qisas al-Anbiyā`*, c. 1, Kaherah: Dār Umm al-Qurān, h. 297

Kesimpulannya, lafaz *thu'bān* (ثُعْبَانٌ) membawa maksud **tongkat Nabi Musa yang dengan izin Allah menjadi ular.**

THUBĀT (ثُبَاتٌ)

Lafaz *thubāt* adalah jamak selain *thubīn* (ثُبِيْنٌ), *mufrad*nya *thabtah* (ثَبْتَةٌ), berasal daripada kata *thabbā-yuthabīi* (ثَبَّي-يُثَبِّي).[1] *Thabbā al-jaysy* (ثَبَّي الجَيْشَ) bermakna membentuk kelompok-kelompok tentera, *thabbā al-māl* (ثَبَّي المَالَ) bererti menjaganya dan mengembangkannya, dan *thabbā al-syakhs* (ثَبَّي الشَخْصَ) ertinya memujinya berulang kali d - lam hidupnya.[2]

Manakala *thubāt* mengandungi makna kelompok-kelompok ataupun pasukan-pasukan berkuda khususnya.[3] Dalam ke doktoran, al-*thubāt* adalah ubat yang mem buat orang tidak bergerak.[4]

Disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah yang ke-4 daripada surah *al -Nisāk,* ayat 71.

Allah menyatakan:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ خُذُواْ حِذۡرَكُمۡ فَٱنفِرُواْ ثُبَاتٍ أَوِ ٱنفِرُواْ جَمِيعٗا

Ulama tafsir bersepakat seperti al-Tabarī, al-Qurtubī, Sa'īd Hawwā dan yang lain, kalimah *thubāt* membawa maksud berkelompok -kelompok atau berpasukan.[5] Maksud ayat, keluarlah berjihad secara berkelompok -kelompok secara terpisah dan berpasukan.[6] Ataupun keluarlah menghadapi musuh kamu secara berpasukan atau berkelompok -kelompok dengan membawa senjata.[7]

Kesimpulannya, lafaz *thubāt* membawa maksud **berpasukan** atau **berkumpulan.**

THUBŪRĀ (ثُبُورًا)

Lafaz *thubūr a*dalah *maṣdar* iaitu kata terbitan yang berasal daripada kata *thabara-yathburu* (ثَبَرَ-يَثْبُرُ). Ertinya membinasakan, menghancurkan, mengancam dengan kejahatan dan kebinasaan, mengusir dan memalukan. Apabila diiringi dengan kalimah "*anhu*" (عَنْهُ), ia bermakna menahannya.[8]

Mengikut pendapat al-Syawkānī, lafaz *thubūrā* adalah *maṣdar* yang dapat digunakan beberapa kali mahupun banyak kali, oleh itu, ia tidak dijamak.[9] Seperti perkataan "*darabtuhu darban kathīrā*" (ضَرَبْتُهُ ضَرْبًا كَثِيْرًا).[10] *Ism fā'il*nya adalah *mathbūr* (مَثْبُورٌ).[11]

Lafaz *thubūrā* disebut empat kali iaitu dalam surah *al-Furqān* (25), ayat 13, 14 dan su-

1 Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 94

2 *Ibid.*

3 *Ibid.*

4 Ma`lūf (1975), *op. cit.*, h. 68

5 Ibn Jarīr al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 227, al-Syawkānī (1994), *op.cit.*, j. 1, h. 614, Sa'īd Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 2, h. 1125.

6 Muhammad 'Alī al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 1, h. 289

7 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 227

8 Anīs et al (t.t), *op. cit.*, h. 93, 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 211

9 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 80

10 Ertinya, "Saya memukulnya banyak kali."

11 Menurut pendapat al-Yazīdī, pentafsiran al-mathbūr di dalam al-Qur`an adalah al-mal'ūn (yang dilaknat). Al-Yazīdī (1985), op. cit., h. 17, manakala dalam tafsir Zād al-Ma'ād al-mathbūr bermaksud kurang akal. Ibn al-Jawzī (1965), op. cit., j. 5/94.

rah *al-Insyiqāq* (84), ayat 11. Manakala lafaz *mathbūr* disebut sekali iaitu dalam surah *al -Isrāk* (17), ayat 102. Allah menyatakan, (دُعُوا هُنَالِكَ ثُبُورًا). Ibn Qutaibah berpendapat, lafaz *thubūrā* bermakna kehancuran seperti seorang yang bercakap, "*wāhālakāh!*" (وَاهَلَاكَاه) iaitu "celakalah!"[1]

Al-Syawkānī berpendapat, *thubūrā* adalah kecelakaan atau kebinasaan, maknanya mereka mahu mendapat kecelakaan atau kehancuran pada hari akhirat dan mengucapkan perkataan "Celakalah! Binasa lah disebabkan azab dan seksaan yang menimpa mereka."[2]

Ibn Kathīr mengatakan, makna *thubūrā* adalah ucapan dengan *al-wayl* (الوَيْلُ) iaitu kecelakaan, *al-khusrah* (الخُسْرَة) iaitu kerugian dan *al-khaybah* (الخَيْبَةُ) iaitu kehinaan.[3] Dilaporkan oleh al-'Ūfī daripada Ibn 'Abbās mengenai ayat (لَا تَدْعُوا الْيَوْمَ ثُبُورًا وَاحِدًا) maknanya janganlah kamu mengucapkan ucapan "Binasalah!" atau "Celakalah!" dengan sekali ucap, tetapi menjeritlah dengan banyak kali[4] kerana seksaan itu pelbagai.[5]

Al-Dahhāk berpendapat, maksud *al-thubūr* adalah *al-halāk* iaitu kebinasaan. Ibn Kathīr juga mengatakan, *al-thubūr* mencakupi *al-halāk* (kebinasaan), *al-wayl* (kecelakaan), *al-khasārah* (kerugian) dan *al-dimār* (kehancuran) sebagaimana ucapan Nabi Musa kepada Firaun[6] (وَإِنِّي لَأَظُنُّكَ يَا فِرْعَوْنَ مَثْبُورًا) maksudnya *hālikā* (binasa).

Kesimpulannya, *thubūrā* adalah ucapan atau jeritan orang yang berada di dalam neraka yang mengatakan, "Celakalah!" "Binasalah!", "Merugilah!" dan sebagainya.

THULLAH (ثُـلَّـةٌ)

Lafaz *thullah* adalah dalam bentuk *ism mufrad*, jamaknya adalah *thulal*. Al-Zujāj berkata asal katanya daripada *thallalta al-syay'* (ثَلَلْتَ الشَّيْءَ) yang bermakna apabila engkau memotongnya atau membahagikannya.[7] Manakala *thullah* bermaksud satu golongan manusia.[8] Dikatakan, "*fulān lā yufarriqu baina al-thallah wa al-thullah*" (فُلَانٌ لَا يُفَرِّقُ بَيْنَ الثَّلَّةِ وَالثُّلَّةِ) bermaksud "si fulan tidak membezakan antara sekumpulan kambing dan segolongan manusia."[9]

Lafaz *thullah* disebut tiga kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Wāqi'ah* (56), ayat 13, 39 dan 40. Allah menyatakan:[10]

ثُلَّةٌ مِّنَ الْأَوَّلِينَ ﴿١٣﴾ وَثُلَّةٌ مِّنَ الْآخِرِينَ ﴿٤٠﴾

Al-Syawkānī mengatakan, makna *thullah* adalah *firqah* (sekumpulan) atau segolongan yang tidak terhitung bilangannya.[11] Mengikut pendapat al-Yazīdī, ثُلَّةٌ مِنَ الْأَوَّلِينَ bermaksud satu kumpulan datang kemudian dan datang

1 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 310

2 Al-Syawkānī (1994), *loc it.*

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 292

4 *Ibid.*

5 Al-Syawkānī (1994), *loc. cit*

6 Maksudnya, *"Sesungguhnya aku menyangka engkau hai Fir'aun, seorang yang binasa."*

7 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5 h. 185

8 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 218

9 Ma`lūf (1975), *op. cit.*, h. 73

10 Dilaporkan oleh Abū Hurayrah, beliau berkata, tatkala turun ayat (ثُلَّةٌ مِّنَ الْأَوَّلِينَ وَثُلَّةٌ مِّنَ الْآخِرِينَ) maka hal itu merunsingkan para sahabat nabi, maka turunlah ayat (ثُلَّةٌ مِّنَ الْأَوَّلِينَ وَثُلَّةٌ مِّنَ الْآخِرِينَ) maka nabi berkata, "Sesungguhnya aku berharap kamu adalah satu perempat daripada penghuni syurga, satu pertiga penghuni syurga, bahkan setengah daripada penghuni syurga atau separuh daripada penghuni syurga dan ianya dibahagikan kepada separuh yang lain. Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 256

11 Al-Syawkānī (1994), *loc it.*

yang selebihnya.[1] Begitu juga dengan pendapat Ibn Qutaibah, di mana maksud *thullah* adalah *jamā'ah* (segolongan).[2]

Kesimpulannya, lafaz *thullah* membawa maksud satu **golongan** atau **kumpulan**.

1 Al-Yazīdī (1985), *op. cit.*, h. 366

2 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 446



حرف الجيم

ج



JABAL – JIBĀL (جَبَل - جِبَال)

Erti kalimah *jabal* (جَبَل) ialah bahagian bumi yang tinggi iaitu gunung. Bentuk jamaknya adalah *ajbāl* (أَجْبَال) dan *jibāl* (جِبَال).[1]

Kata (جَبَل) diulang enam kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 260; *al-A'rāf* (7), ayat 171, 143 (dua kali); *Hūd* (11), ayat 43; *al-Hasyr* (59), ayat 21. Adapun bentuk jamak yang disebut hanya (جِبَال).

Ia diulang 33 kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 74; surah *Hūd* (11), ayat 42; surah *al-Ra'd* (13), ayat 31; surah *Ibrāhīm* (14), ayat 46; surah *al-Hijr* (15), ayat 82; surah *al-Nahl* (16), ayat 68, 81; surah *al-Isrāk* (17), ayat 37; surah *al-Kahfi* (18), ayat 47; surah *Maryam* (19), ayat 90; surah *Tāhā* (20), ayat 105; surah *al-Anbiyāk* (21), ayat 79; surah *al-Hajj* (22), ayat 18; surah *al-Nūr* (24), ayat 43; surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 149; surah *al-Naml* (27), ayat 88; surah *al-Ahzāb* (33), ayat 72; surah *Sabak* (34), ayat 10; surah *Fātir* (35), ayat 27; surah *Sād* (38), ayat 18; surah *at-Tūr* (52), ayat 10; surah *al-Wāqi'ah* (56), ayat 5; surah *al-Hāqqah* (69), ayat 14; surah *al-Ma'ārij* (70), ayat 9; surah *al-Muzzammil* (73), ayat 14 (dua kali); surah *al-Mursalāt* (77), ayat 10; surah *al-Nabak* (78), ayat 7, 20; surah *al-Nāzi'āt* (79), ayat 32; surah *at-Takwīr* (81), ayat 3; surah *al-Ghāsyiah* (88), ayat 19 dan surah *al-Qāri'ah* (101), ayat 5.

Gunung adalah antara ciptaan Allah yang menjadi bukti kehebatan dan kekuasaannya. Allah menciptakan gunung begitu kukuh tertancap di bumi sehingga ia bagaikan paku pasak yang menancap dengan kuat (*An-Nabak* (78), ayat 7; surah *al-Nāzi'āt* (79), ayat 32; surah *al-Ghāsyiah* (88), ayat 19). Bahagian luarnya pun nampak indah kerana Allah menciptakan gunung-gunung itu dengan warna yang berbeza-beza, ada yang bergaris putih dan merah yang beraneka macam warnanya dan ada pula yang berwarna hitam pekat. (Surah *Fātir* (35), ayat 27). Gunung mempunyai banyak manfaat bagi makhluk hidup antaranya lebah. Allah memberi ilham kepada lebah menjadikan gunung sebagai tempat kediaman sehingga dapat menghasilkan madu yang berkhasiat bagi kesihatan manusia (Surah *al-Nahl*, ayat 68).

Gunung juga bermanfaat bagi manusia kerana gua-gua yang ada di atasnya dapat dijadikan tempat tinggal oleh manusia (*Al-Nahl*, ayat 81). Malah kaum Thamūd (kaum Nabi Sālih) mempunyai kemampuan memahat gunung bagi dijadikan rumah dan mereka merasa aman di dalamnya, namun mereka sombong dengan kehebatan itu. Keahlian mereka membuat rumah di gunung adalah satu anugerah, namun mereka mengingkarinya sehingga meskipun rumah mereka kukuh tetap tidak mampu melindungi mereka daripada azab Allah (surah *al-A'rāf* (7), ayat 74; surah *al-Hijr* (15), ayat 82 dan surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 149).

Meskipun gunung adalah ciptaan Allah yang besar, kuat dan tinggi, namun dia tetap tunduk dan patuh dan sujud kepada Allah bersama makhluk lain yang ada di langit dan di bumi (Surah *al-Hajj* (22), ayat 18). Malah, gunung-gunung pun mahu bertasbih dan memuji Allah bersama-sama dengan Nabi Daud pada setiap pagi dan petang (Surah *al-Anbiyāk* (21), ayat 79; surah *Sabak* (34), ayat 10 dan surah *Sād* (38), ayat 18).

1 Al-Husain bin Muhammad Rāghib Al-Isfahānī (1961), *al-Mufradāt fi Gharīb al-Qurān*. Muhammad Sayyid Kailānī (ed.), Mesir: Syarikah Maktabah wa Matba'ah Mustafā al-Bābī al-Halabī wa Awlāduh h. 87; Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah (1970), *Mu'jam Alfāz al-Qurān al-Karīm*, j. 1, Kaherah: al-Hay`ah al-Misriyyah, h. 190.

Bagi menggambarkan kepatuhan gunung, Allah menerangkan sekiranya al-Quran diturunkan kepada gunung, kemudian gunung itu memahami janji dan ancaman yang ada di dalamnya, lalu gunung itu tunduk dan pecah kerana takutnya kepada Allah (Surah *al-Hasyr* (59), ayat 21). Hancurnya gunung juga terjadi ketika Allah ber*tajalli* padanya. Ini terjadi selepas Bani Isrāel meminta Allah menampakkan dirinya. Namun, Allah menegaskan manusia tidak mampu melihatnya kemudian Allah ber*tajalli* pada gunung dan gunung itu pun tidak mampu dan hancur (Surah *al-A'rāf* (7), ayat 143).

Antara tanda ketaatan gunung yang lain adalah ia menjadi marah apabila ada orang yang mengatakan Allah mempunyai anak. Dalam surah *Maryam* (19), ayat 90 digambarkan gunung-gunung itu seperti mahu runtuh kerana marah dengan ucapan dusta itu. Meskipun gunung-gunung adalah makhluk Allah yang besar, kuat dan tinggi, namun ketika mereka ditawarkan amanah melaksanakan *taklīf* (perintah dan larangan hukum agama), mereka menolaknya kerana mereka merasa tidak sanggup menjalankan tugas yang berat itu. Akhirnya beban *taklīf* itu diberikan kepada manusia (Surah *al-Ahzāb* (33), ayat 72). Keadaan gunung yang seperti ini perlu menjadi pelajaran bagi manusia meskipun gunung adalah makhluk yang kuat, besar dan tinggi namun ia tetap patuh kepada Allah. Oleh itu, manusia tidak wajar sombong kerana ketinggian mereka tidak mampu menandingi tingginya gunung (Surah *al-Isrāk* (17), ayat 37).

Namun, orang yang hatinya sudah tertutup tidak akan dapat menerima cahaya iman. Dalam surah *ar-Ra'd* (13), ayat 31 menceritakan orang kafir yang hidup pada zaman Nabi Muhammad pernah meminta beliau menunjukkan mukjizat yang dapat dilihat oleh mata mereka. Namun, permintaan mereka itu dibantahi oleh Allah. Allah menegaskan, sekiranya al-Quran dibaca kemudian gunung-gunung menjadi hancur kerananya, orang kafir itu tetap tidak akan beriman. Al-Quran sering menggunakan gunung bagi menggambarkan ketinggian, kebesaran atau kekuatan sesuatu.

Antaranya dalam surah *Hūd* (11), ayat 42 diceritakan besar dan tinggi ombak banjir yang terjadi pada zaman Nabi Nūh disamakan dengan besar dan tingginya gunung -gunung. Begitu juga dalam surah *al-Nūr* (24), ayat 43 dijelaskan antara nikmat Allah adalah diciptakannya gumpalan-gumpalan awan yang besar bagaikan gunung kemudian darinya turunlah hujan salji (butiran-butiran ais) ke bumi.

Al-Quran juga menegaskan usaha orang musyrik mencelakakan Nabi Muhammad dan memadamkan ajaran Islam begitu lemah. Usaha dan daya upaya yang mereka lakukan itu digambarkan di dalam al-Quran sebagai daya upaya yang tidak mampu menggeser gunung-gunung kerana lemahnya, sehingga daya upaya mereka itu tidak membahayakan agama Allah (Surah *Ibrāhīm* (14), ayat 46). Gunung-gunung pernah menjadi saksi bagi kekuasaan Allah dalam menghidupkan semula makhluknya yang sudah mati.

Dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 260 diceritakan burung mati yang dipotong-potong oleh Nabi Ibrāhīm diletakkan di atas gunung yang berbeza-beza. Kemudian potongan -potongan burung yang terpisah itu disatukan semula dan dihidupkan kembali oleh Allah. Ini menunjukkan Allah maha kuasa menghidupkan semula makhluknya yang sudah mati. Dengan bukti ini, Nabi Ibrāhīm bertambah yakin kepada kekuasaan Allah.

Gunung juga pernah menjadi saksi kederhakaan manusia. **Pertama**, gunung pernah menjadi saksi bagi kederhakaan Banī Isrāel. Dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 171 diceritakan semasa kaum Banī Isrāel disumpah supaya mengikuti dan mentaati hukum-hukum Taurat, Allah mengangkat gunung di atas kepala mereka supaya mereka takut. Namun selepas itu, mereka lupa dengan janjinya dan kembali melakukan kezaliman.

Kedua, gunung juga pernah menjadi saksi kederhakaan putera Nabi Nūh. Dalam surah Hūd (11), ayat 43 menceritakan putera Nabi Nūh yang derhaka cuba berlindung pada gunung yang tinggi supaya selamat dari banjir. Namun, gunung itu tidak dapat menyelamatkannya kerana banjir yang me landa terlalu besar. Akhirnya, dia pun mati bersama orang yang ingkar kepada Nabi Nūh.

Meskipun gunung-gunung itu nampak kukuh dan kuat, tetapi ketika sangkakala tanda hari kiamat ditiup, gunung-gunung itu hancur lebur hingga menjadi debu atau pasir yang berterbangan, ia terlepas dari tempat asalnya berterbangan seperti bulu-bulu. Akhirnya, bumi menjadi hamparan padang yang luas dan rata, tidak ada dataran yang tinggi mahupun rendah. Fenomena hancurnya gunung pada hari kiamat ini banyak disebut di dalam al-Quran.

Ia disebut dalam surah *al-Kahfi* (18), ayat 47; surah *Tāhā* (20), ayat 105; surah *an-Naml* (27), ayat 88; surah *al-Tūr* (52), ayat 10; surah *al-Wāqi'ah* (56), ayat 5; surah *al-Hāqqah* (69), ayat 14; surah *al-Ma'ārij* (70), ayat 9; surah *al -Muzzammil* (73), ayat 14 (dua kali); surah *al -Mursalāt* (77), ayat 10; surah *al-Nabak* (78), ayat 20; surah *al-Takwīr* (81), ayat 3 dan surah *al-Qāri'ah* (101), ayat 5.

JABBĀR- JABBĀRĪN (جَبَّار - جَبَّارِيْن)

Asal erti lafaz (اَلْجَبْرُ) ialah memperbaiki sesuatu dengan cara memaksa.[1] Manakala erti kata (جَبَّار) apabila disifatkan kepada manusia ialah orang yang membangkang dan menentang kebenaran. Bentuk jamaknya adalah (جَبَّارُون). Apabila kata (جَبَّار) disifatkan kepada Allah ertinya ialah zat yang maha tinggi dan agung mengatasi segala sesuatu.[2]

Kata (جَبَّار) diulang lapan kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *Hūd* (11), ayat 59; surah *Ibrāhīm* (14), ayat 15; surah *Maryam* (19), ayat 14, 32; surah *al-Qasas* (28), ayat 19; surah *Ghāfir* (40), ayat 35; surah *Qāf* (50), ayat 45; surah *al-Hasyr* (59), ayat 23. Dalam bentuk jamak (جَبَّارِين) diulang dua kali sahaja iaitu dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 22 dan surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 130.

Kata (اَلْجَبَّار) di dalam al-Quran hanya sekali sahaja yang diertikan sebagai sifat Allah. Manakala yang lainnya dikaitkan dengan sifat-sifat yang dimiliki manusia. Kata (اَلْجَبَّار) yang disifatkan kepada Allah disebut dalam surah *al-Hasyr* (59), ayat 23. Dalam ayat ini disebutkan, Allah mempunyai sifat (اَلْجَبَّار). Maksudnya ialah Allah mempunyai sifat memaksa semua hambanya bagi mengikuti apa yang dikehendakinya. Imām Ibnu Kathīr menegaskan tidak ada zat yang layak dan berhak memaksa kehendak melainkan Allah kerana hanya Allah yang mempunyai kekuatan di atas segala-galanya.[3] Allah mempunyai hak memaksa sesuatu kepada hambanya hingga hambanya tidak dapat lari dari kehendak dan keputusan Allah itu. Contohnya ketetapan Allah menjadikan seseorang sakit, mati dan dibangkitkan kembali. Orang itu tidak

1 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 85.

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 189.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 344.

mampu menghindarinya. Ini semua dilakukan Allah berdasarkan kebijaksanaan dan hikmahnya kepada hambanya.[1]

Sifat (اَلْجَبَّار) adalah sifat tercela yang dimiliki oleh manusia kerana manusia se benarnya adalah makhluk yang tidak mempunyai kuasa apalagi di hadapan aturan Allah. Apabila seseorang memaksakan ke hendaknya menentang aturan Allah, maka dia termasuk orang yang sombong dan angkuh. Sifat ini dicela di dalam al-Quran. Antara kaum yang dicela oleh al-Quran kerana mempunyai sifat ini adalah kaum Nabi Nūh, kaum 'Ād, kaum Madyan, kaum Firaun dan juga penduduk Palestin yang hidup pada masa Nabi Mūsā.

Dalam surah *Ibrāhīm* (14), ayat 15 ditegaskan, umat-umat terdahulu seperti kaum Nabi Nūh, Hūd, Sālih dan juga kaum-kaum sesudahnya yang sombong, tidak mahu menerima kebenaran dan memaksakan kezaliman, malah menentang perintah Allah (جَبَّار عَنِيْد) selalunya mengalami kehancuran di dunia selepas para rasul meminta hukuman daripada Allah bagi mereka. Di akhirat nanti, azab yang pedih juga menunggu mereka.

Dalam surah *Ghāfir* (40), ayat 35 pula diterangkan sifat yang menyebabkan seseorang mengalami kesesatan adalah sifat sombong tidak mahu menerima kebenaran, malah menentang dan memaksa kezaliman dan kemaksiatan (مُتَكَبِّرٍ جَبَّار). Mereka ini seperti kaum Firaun. Meskipun sudah ramai nabi dan banyak ayat-ayat Allah yang dihadirkan kepada mereka, tetapi mereka tetap ingkar, suka mendebat ayat-ayat Allah tanpa bukti yang kukuh.

Kaum 'Ād juga diterangkan secara khas mereka adalah kaum yang mempunyai sifat (جَبَّارِين). Ini diterangkan dalam surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 130. Mereka terkenal dengan sikap yang bengis dan kasar. Mereka mempunyai sikap angkuh dan sombong yang menyebabkan mereka tidak mahu mendengar ajakan Nabi Hūd. Begitu juga dalam surah *Hūd* (11), ayat 59 yang menceritakan sifat kaum 'Ād yang lain iaitu mereka suka menurut perintah orang yang sombong, memaksa kehendak buruk dan menentang (جَبَّار عَنِيد) kepada Allah.

Manakala kesombongan penduduk Palestin pada zaman Nabi Musa diterangkan dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 22. Mereka disebut sebagai (قَوْمًا جَبَّارِيْن) iaitu kaum yang kuat dan kasar. Ketika Nabi Mūsā menyuruh Banī Israēl memasuki bumi Palestin mereka tidak berani masuk kerana ada penduduk Palestin yang kuat dan kasar. Ini menunjukkan kaum Banī Israel adalah kaum yang suka membangkang perintah nabinya dan kaum yang berjiwa pengecut dan penakut.

Kerana sifat (اَلْجَبَّار) adalah sifat yang tercela, maka sifat ini tidak dimiliki oleh para nabi. Para nabi yang secara jelas ditegaskan di dalam al-Quran tidak mempunyai sifat ini adalah Nabi Muhammad, Nabi Yahya dan Nabi 'Īsā. Dalam surah *Maryam* (19), ayat 14 dijelaskan Nabi Yahyā putera Nabi Zakariā tidak mempunyai sifat sombong di hadapan Allah ataupun di hadapan kedua-dua ibu bapanya, apalagi menentang mereka (وَلَمْ يَكُنْ جَبَّارًا عَصِيًّا). Dengan sifat itu, beliau beroleh anugerah kedamaian dan keselamatan sejak lahir hingga mati malah hingga dihidupkan kembali pada hari kiamat nanti.

Begitu juga dalam surah *Maryam* (19), ayat 32, diterangkan Nabi Īsā juga mempunyai sifat yang sama dengan Nabi Yahyā. Dalam ayat itu diceritakan, ketika masih bayi dalam gendongan Sayyidah Maryam, Nabi

1 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 86.

'Īsā berkata, "Allah tidak menjadikan aku seorang yang sombong lagi celaka." (وَلَمْ يَجْعَلْنِي جَبَّارًا شَقِيًّا).

Dalam surah *Qāf* (50), ayat 45 Allah menegaskan Nabi Muhammad tidak mempunyai sifat angkuh dan sombong apatah lagi memaksa kaum kafir memeluk Islam (وَمَا أَنْتَ عَلَيْهِمْ بِجَبَّارٍ). Nabi Muhammad hanya penyampai risalah dan bukan pemaksa. Sedangkan kata (الْجَبَّارُ) yang ada dalam surah *al-Qasas* (28), ayat 19 adalah sifat yang ditohmah seseorang kepada Nabi Mūsā. Dalam ayat itu diceritakan, semasa Nabi Mūsā masih muda dan belum menerima wahyu, beliau pernah memukul penduduk asli Mesir iaitu kaum Firaun hingga mati. Beliau berbuat begitu kerana menolong kawannya yang sebangsa dengannya iaitu Banī Isrāel. Kemudian beliau berasa bersalah dan bertaubat kepada Allah.

Pada lain hari beliau melihat kawannya bergaduh lagi dengan seorang penduduk asli Mesir yang lain. Ketika Mūsā hendak memukul orang Mesir itu, orang Mesir berkata, "Hai Musa, adakah kamu hendak membunuhku, seperti kamu membunuh manusia kelmarin? Kamu hendak menjadi orang yang berbuat sesuka hati dan sombong (جَبَّارًا) di negeri ini? Kamu bukan daripada golongan orang yang membuat perdamaian."

JABĪN (جَبِين)

Erti lafaz (جَبِين) ialah bahagian wajah yang berada di sebelah kanan dan kiri dahi, setiap wajah mempunyai dua (جَبِين) dan di antara dua (جَبِين) ada dahi.[1] Dalam bahasa Melayu disebut dengan pelipis.[2]

Kata (جَبِين) hanya disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Sāffāt* (37), ayat 103.

Ayat ini berada dalam rangkaian ayat yang menceritakan tentang tingginya kepatuhan dan kesabaran Nabi Ibrāhīm dan Nabi Ismāīl dalam mentaati perintah Allah. Ketika Allah memerintahkan Nabi Ibrāhīm menyembelih puteranya Nabi Ismāīl, beliau patuh dan hendak melaksanakannya. Begitu juga dengan Nabi Ismāīl, ketika ayahnya memberitahu beliau mendapat perintah daripada Allah supaya menyembelihnya, Nabi Ismāīl pun menerima dan mematuhinya. Nabi Ibrāhīm membaringkan anaknya dalam keadaan miring sehingga pelipisnya terkena tanah (وَتَلَّهُ لِلْجَبِينِ)[3] dan ketika beliau hendak menyembelih anaknya, Allah menggantikan Nabi Ismāīl dengan kibas. Allah menegaskan, dia memberi pahala kepada orang yang bertakwa hingga mematuhi apa pun yang diperintahkannya seperti kisah Nabi Ibrāhīm dan anaknya Nabi Ismāīl.

Ada juga yang mengertikan (وَتَلَّهُ لِلْجَبِينِ) dengan maksud yang lain. Ibnu Abbās, Mujāhid, Saīd bin Jabīr, al-Dahhāk dan Qatādah berpendapat, (وَتَلَّهُ لِلْجَبِينِ) adalah satu ungkapan yang bererti menundukkan wajah sehingga ketika Nabi Ismāīl hendak disembelih wajahnya berada dalam keadaan tertunduk dan menghadap ke tanah, dan Nabi Ibrāhīm menyembelih puteranya dari arah leher belakang. Beliau melakukan hal ini supaya wajah putaranya tidak dilihat ketika disembelih.[4]

1 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 405.

2 Noresah bt. Baharom *et al.* (eds.) (2002), *op. cit.*, h. 1001.

3 Al-Syaukānī (1994), *loc. cit.*

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 16

JADHWAH (جَذْوَة)

Erti lafaz *jadhwah* (جَذْوَة) ialah saki baki kayu selepas terbakar atau biasa disebut dengan bara api. Bentuk jamaknya adalah *jidhdhiy* (جِذِّى), *judhdha* (جُذَّى) dan *jidhdha* (جِذَّى). Manakala Abū Ubaid mengatakan erti (جَذْوَة) ialah potongan kayu yang besar sama ada di hujungnya ada api ataupun tidak.[1]

Kata (جَذْوَة) hanya disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Qasas* (28), ayat 29 dalam rangkaian kata (جَذْوَةٍ مِنَ النَّار). Imām Mujāhid mengertikannya d - ngan potongan bara api.[2] Imām Ibnu Kathīr mentafsirkannya dengan bara api yang menyala/ada kibaran api.[3]

Ayat itu menceritakan kisah Nabi Mūsā hidup bersama Nabi Syuaib dan bekerja dengannya selama sepuluh tahun di Madyan, beliau berasa rindu kepada keluarga dan negerinya Mesir. Kemudian beliau me mutuskan menemui keluarganya secara sembunyi supaya tidak diketahui oleh Firaun dan kaumnya. Dalam perjalanan itu, beliau membawa keluarga dan harta benda seperti kambing yang dihadiahkan oleh mertuanya Nabi Syuaib.

Pada satu malam dalam perjalanan, hujan turun. Beliau dan keluarganya berhenti di satu tempat. Apabila beliau hendak menyalakan api, ia tidak menyala. Beliau hairan dengan kejadian ini. Tiba-tiba, kelihatan dari arah tepi gunung seperti ada api yang bersinar dari jauh. Nabi Mūsā berkata kepada keluarganya, "Kalian diam dan tunggulah di sini. Saya lihat ada api dan saya akan ke sana. Semoga saya mendapat khabar gembira atau saya akan mengambil sepotong bara api (جَذْوَةٍ مِنَ النَّار) supaya kalian dapat memanaskan badan."[4]

JADĪD (جَدِيد)

Erti lafaz *jadīd* (جَدِيد) maksudnya ialah baru, lawan bagi lama.[5] Kata (جَدِيْد) diulang lapan kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al -Ra'd* (13), ayat 5; surah *Ibrāhīm* (14), ayat 19; surah *al-Isrāk* (17), ayat 49, 98; surah *as -Sajdah* (32), ayat 10; surah *Sabak* (34), ayat 7; surah *Fātir* (35), ayat 16 dan surah *Qāf* (50), ayat 15. Dalam surah *al-Ra'd* (13), ayat 5; surah *al-Isrāk* (17), ayat 49, 98; surah *as -Sajdah* (32), ayat 10; surah *Sabak* (34), ayat 7 dan surah *Qāf* (50), ayat 15.

Diceritakan tentang orang kafir yang tidak percaya pada hari kebangkitan hingga mereka berkata, "Apabila kami hancur men jadi tanah, adakah kami dikembalikan menjadi makhluk yang baru (خَلْقٍ جَدِيْد)?" dan mereka pun menghina nabi yang selalu mengingatkan mereka tentang hari kebangkitan. Orang kafir itu akan menjadi penghuni neraka dan kekal di dalamnya.

Dalam surah *Ibrāhīm* (14), ayat 19 dan surah *Fātir* (35), ayat 16 menegaskan Allah adalah maha kuasa, dialah yang menciptakan langit dan bumi dan sekiranya menghendaki, dia juga mampu membinasakan manusia dan menciptakan makhluk baru (خَلْقٍ جَدِيد). Ketika mentafsirkan surah *Fātir* (35), ayat 16, Imam Syaukānī berkata, "Apabila Allah menghendaki maka Dia akan memusnahkan

1 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 42; al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 90.

2 Al-Rāzī (1995), *op. cit.*, h. 42.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 144.

4 *Ibid.*, h. 388.

5 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 193.

kalian semua, kemudian Dia mendatangkan generasi baru yang taat kepadanya dan tidak bermaksiat kepadanya, atau kemudian Dia mendatangkan makhluk lain (yang bukan manusia) dari satu alam yang tidak kalian ketahui. Perkara itu adalah mudah bagi Allah."[1]

JĀHILIYYAH (جَاهِلِيَّة)

Erti lafaz *jāhiliyyah* (جَاهِلِيَّة) ialah keadaan manusia sebelum datangnya hidayah dan nabi.[2] Kata dasarnya (اَلْجَهْلُ) yang bererti tidak tahu atau bodoh.

Mengikut Isfahānī (اَلْجَهْلُ) ada tiga bentuk iaitu: (1) Tiada ilmu; (2) Meyakini sesuatu tetapi realitinya berbeza dengan apa yang diyakini; (3) Melakukan sesuatu yang tidak boleh dilakukan sama ada ketika me lakukannya dia mempunyai keyakinan yang benar atau salah contohnya orang yang me ninggalkan solat dengan sengaja.[3]

Kata (جَاهِلِيَّة) diulang empat kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Āli Imrān* (3), ayat 154; surah *al-Mā'idah* (5), ayat 50; surah *al-Ahzāb* (33), ayat 33 dan surah *al-Fath* (48), ayat 26. Di dalam al-Quran, perkara-perkara yang dikaitkan dengan (جَاهِلِيَّة) selalunya teruk sehingga tidak boleh dilakukan atau diikuti dan mesti dijauhi. Perkara-perkara itu adalah:

- **Sangkaan jahiliyyah** (ظَنَّ الْجَاهِلِيَّة), maksudnya ialah keraguan kepada Allah. Keraguan inilah yang dialami orang Munafik selepas tentera Muslim kalah dalam Perang Uhud. Selesai perang, mereka tidak dapat menikmati rasa mengantuk seperti yang dirasakan oleh orang yang kuat imannya kerana mereka bingung, cemas, khuatir dan bersangka buruk pada Allah, malah mereka yakin kemenangan kaum Musyrik dalam Perang Uhud menunjukkan agama Islam sudah berakhir. Mereka adalah orang yang ragu-ragu. Apabila terjadi peristiwa yang tidak menyenangkan, muncul sangkaan-sangkaan buruk kepada Allah. Inilah yang diterangkan dalam surah *Āli Imrān* (3), ayat 154.[4]
- **Hukum jahiliyyah** (حُكْمُ الْجَاهِلِيَّة), maksudnya ialah hukum-hukum selain yang ditetapkan oleh Allah. Imām Ibnu Kathīr mentafsirkan surah *al-Mā'idah* (5), ayat 50 dengan berkata, "(Pada ayat ini), Allah mengingkari orang yang tidak mahu mengikuti hukumnya yang jelas *(muhkam)*, yang meliputi semua bentuk kebajikan dan melarang semua bentuk keburukan, kemudian orang itu malahan berpindah mengikuti pendapat yang dibuat oleh manusia, mentaati keinginan-keinginan dan juga istilah-istilahnya yang tidak bersandarkan kepada syariat Allah seperti hukum-hukum buatan orang jahiliyah yang penuh dengan kesesatan dan kebodohan kerana mereka membuatnya berdasarkan pendapat dan keinginan peribadi mereka.

  Sepertimana hukum-hukum yang dipakai oleh kaum Tatar dalam masalah politik kerajaan yang dibuat oleh Jengis Khan, di mana dia membuat kitab

1 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 345.

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 230.

3 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 102.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 419.

undang-undang yang bernama *'Yāsiq*. Di dalamnya terdapat aturan-aturan campuran yang diambil daripada hukum-hukum yang beragama seperti hukum Yahudi, Nasrani, Islam dan lainnya. Di dalamnya juga terdapat banyak hukum yang diambil daripada pendapat dan keinginan Jengis Khan, kemudian hukum-hukum itu menjadi pegangan rakyat dan mereka lebih mengutamakan hukum-hukum itu daripada berhukum dengan Kitab Allah dan sunnah Rasulullah. Sesiapa yang melakukan perbuatan itu, maka dia adalah orang kafir yang wajib diperangi hingga dia kembali kepada hukum Allah dan rasulnya hingga dia tidak mahu lagi berhukum dengan selain dua perkara itu sama ada sedikit mahupun banyak."[1]

- Perhiasan dan tingkah laku perempuan jahiliyyah (تَبَرُّجَ الْجَاهِلِيَّة), iaitu perilaku perempuan yang mendedahkan per hiasan dan keindahan tubuhnya yang dapat menyebabkan syahwat lelaki terangsang. Perhiasan dan keindahan tubuh harus ditutupi.[2] Meskipun ada perbezaan pendapat dalam menetapkan masa jahiliyyah yang dimaksudkan dalam ayat ini, namun Imam Ibnu Atiyah menegaskan dengan mempertimbangkan konteks ayat, masa jahiliyyah yang dimaksudkan pada ayat itu adalah masa jahiliyyah yang pernah dijumpai oleh para isteri nabi ketika ajaran Islam belum tersebar hingga menyebabkan wanita berkelakuan buruk kerana kafir.[3]

Ada banyak perilaku negatif wanita yang termasuk al-Jahiliyyah (الْجَاهِلِيَّة) Imam Mujahīd dan Qatādah menyatakan, termasuk *tabarruj* apabila wanita keluar rumah dan berjalan lenggang -lenggok di hadapan kaum lelaki. Imām Muqātil bin Hayyān menyebutkan termasuk sikap *tabarruj* adalah meletakkan tudung di atas kepala, tetapi tidak mengikatnya sehingga rantai, anting-anting dan lehernya terdedah.[4] Imām Mubarrad pula menerangkan wanita-wanita jahiliyyah suka mendedahkan bahagian tubuh yang tidak patut didedahkan hingga perempuan itu terbiasa duduk bersama dengan suami dan juga kawan lelakinya. Kawan lelakinya bermain dengan tubuh wanita bahagian atas kain, manakala suaminya bermain dengan tubuh wanita yang berada pada bahagian bawah kain, malah lelaki itu kadang-kadang meminta bertukar isteri.[5] Intinya (تَبَرُّجَ الْجَاهِلِيَّة) adalah sikap tidak ada rasa malu dan tidak ada rasa cemburu pada isteri.

- **Kesombongan jahiliyyah** (حَمِيَّة الْجَاهِلِيَّة), adalah perasaan maruah diri yang tinggi sehingga tidak mahu menerima kebenaran. Sikap seperti inilah yang tertanam kuat di hati orang Musyrik Makkah, sehingga semasa Perjanjian (Sulh) Hudaibiyah, mereka menolak kalimah *Basmalah* bagi mengawali surat perjanjian dan juga menolak kata Rasūlullāh sebagai sifat Muhammad yang menyetujui perjanjian itu. Inilah yang diterangkan dalam surah *al-Fath* (48), ayat 26.[6]

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 68.

2 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 278.

3 *Ibid.*

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 484.

5 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 278.

6 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 195.

JAḤĪM(جَحِيم)

Kata kerja *jaḥuma* (جَحُمَ) bererti membesar, apabila dikatakan (جَحُمَتِ النَّارُ), ertinya ialah api yang menyala besar. Dengan itu, kata *jaḥim* (جَحِيم) mempunyai erti api yang panas dan besar. Kata (جَحِيم) sudah menjadi istilah yang digunakan bagi menyebut api neraka yang menyala-nyala.[1]

Di dalam al-Quran kata (جَحِيم) diulang 26 kali iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 119; surah *al-Mā'idah* (5), ayat 10, 86; surah *at-Taubah* (9), ayat 113; surah *al-Hajj* (22), ayat 51; surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 91; surah *al-Sāffāt* (37), ayat 23, 55, 64, 68, 97, 163; surah *Ghāfir* (40), ayat 7; surah *al-Dukhān* (44), ayat 47, 56; surah *al-Tūr* (52), ayat 18; surah *al-Wāqi'ah* (56), ayat 94; surah *al-Hadīd* (57), ayat 19; surah *al-Hāqqah* (69), ayat 31; surah *al-Muzzammil* (73), ayat 12; surah *al -Nāzi'āt* (79), ayat 36, 39; surah *al-Takwīr* (81), ayat 12; surah *al-Infitār* (82), ayat 14; surah *al-Mutaffifin* (83), ayat 16 dan surah a*l -Takāthur* (102), ayat 6.

Kesemua kata (جَحِيم) di dalam al-Quran menunjukkan erti api neraka yang menyala besar dan panas. Tidak ada satu pun kata (جَحِيم) di dalam al-Quran yang menyifatkan api yang ada di dunia. Keburukan neraka yang diterangkan di dalam al-Quran adalah di dasar neraka (أَصْلِ الْجَحِيمِ) ada pohon yang dinamakan dengan al-Zaqqūm. Bentuk buahnya buruk diibaratkan seperti bentuk kepala syaitan. Buah itu menjadi makanan orang yang suka melakukan dosa di dunia. Apabila buah tersebut dimakan, ia akan mendidih di dalam perut orang yang memakannya (Surah *al-Dukhān* (44), ayat 47 dan surah *al-Sāffāt* (37), ayat 64). Hebatnya nyalaan api neraka dan dahsyatnya seksaan di dalamnya menjadi sumpah yang digunakan Allah di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Takwīr* (81), ayat 12; "وَإِذَا الْجَحِيمُ سُعِّرَتْ" ertinya "Dan tatkala api neraka dinyalakan."

Al-Quran juga menetapkan sifat orang yang akan masuk ke dalam *āl-jāḥīm*. Mereka adalah orang yang berusaha dengan sekuat tenaga menentang dan mendustakan ayat-ayat Allah (*al-Hajj* (22), ayat 51) sehingga mereka tersesat, tidak mahu mengikuti petunjuk Allah, malah mereka melakukan perkara yang haram (Surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 91); kezaliman (surah *al-Sāffāt* (37), ayat 23, 55, 64, 68); tidak mempercayai berlakunya hari kiamat (Surah *al-Sāffāt* (37), ayat 55; surah *al-Mutaffifin* (83), ayat 16); sehingga mereka terbiasa mendustakan agama dan melakukan kesesatan (Surah *al-Wāqi'ah* (56), ayat 94; surah *al-Muzzammil* (73), ayat 12); lebih mengutamakan kehidupan di dunia (Surah *an-Nāzi'āt* (79), ayat 36, 39); suka berbangga -bangga dengan harta dan anak keturunannya hingga mereka melupakan agamanya (Surah *al-Takāthur* (102), ayat 6); dan mereka juga tidak memenuhi hak-hak Allah dan juga hak-hak sesama makhluk (Surah *al-Infitār* (82), ayat 14).

Allah juga melarang Nabi dan orang beriman meminta ampun dosa-dosa yang dilakukan oleh orang musyrik (meskipun mereka saudara dekat) kerana mereka termasuk calon penghuni neraka *(aṣḥāb al-jaḥīm)*, (Surah *at-Taubah* (9), ayat 113). Ringkasnya mereka adalah orang kafir dan mendustakan ayat-ayat Allah seperti yang ditegaskan dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 10, 86 serta surah *al -Hadīd* (57), ayat 19, iaitu:

وَٱلَّذِينَ كَفَرُواْ وَكَذَّبُواْ بِـَٔايَـٰتِنَآ أُوْلَـٰٓئِكَ أَصْحَـٰبُ ٱلْجَحِيمِ

1 Lihat *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 193. dan al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 88.

Orang yang tidak mempercayai keesaan Allah dan kebenaran ajaran Islam dan juga yang mendustakan tanda-tanda keesaan dan kekuasaan Allah menjadi penduduk neraka *(aṣḥāb al-jaḥīm)*. Antara tanda-tanda penghuni *al-Jaḥīm* di akhirat nanti adalah mereka akan menerima buku catatan amal dengan menggunakan tangan kiri (Surah *al-Hāqqah* (69), ayat 31).

Sementara itu orang yang beriman dan bertakwa kepada Allah akan selalu dilindungi Allah dari seksa api neraka (Surah *ad-Dukhān* (44), ayat 56; surah *at-Tūr* (52), ayat 18), dan para malaikat penjaga 'Arasy selalu mendoakan mereka supaya dilindungi daripada azab api neraka *(al-jahīm)* (Surah *Ghāfir* (40), ayat 7).

JAHR-JIHĀRĀ-JAHRATAN
(جَهْر - جِهَارًا - جَهْرَة)

Erti lafaz *jahr* (جَهْر), *jihāra* (جِهَارًا) dan *jahratan* (جَهْرَةً) ialah jelas dan terang sama ada jelas di hadapan mata atau terang pada pendengaran telinga. Apabila dikatakan (جَهَرَ بِكَلَامِهِ) ertinya ialah orang itu bercakap kuat sehingga suaranya dapat didengar oleh orang lain dengan jelas. Apabila dikatakan (رَأَيْتُهُ جَهْرَةً) ertinya ialah saya melihatnya dengan jelas tidak ada penghalang antara aku dan dia.[1]

Lafaz (جَهْر) diulang tujuh kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *an-Nisāk* (4), ayat 148; surah *al-An'ām* (6), ayat 3; surah *al-A'rāf* (7), ayat 205; surah *al-Nahl* (16), ayat 75; surah *al-Anbiyāk* (21), ayat 110; surah *al-Hujurāt* (49), ayat 2 dan surah *al-A'lā* (87), ayat 7. Manakala kata (جِهَارًا) disebut sekali iaitu dalam surah *Nūh* (71), ayat 8. Sedangkan kata (جَهْرَة) diulang tiga kali iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 55; surah *al-Nisāk* (4), ayat 153 dan surah *al-An'ām* (6), ayat 47.

Kata (جَهْرَة) di dalam al-Quran bererti terangnya sesuatu di hadapan mata sehingga dapat dilihat oleh manusia dengan jelas seperti yang terdapat dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 55 dan surah *al-Nisāk* (4), ayat 153. Dalam kedua-dua ayat ini diceritakan kaum Banī Isrāel pernah memohon kepada Nabi Mūsā supaya diperlihatkan Allah secara terang sehingga mereka dapat melihatnya dengan mata mereka (أَرِنَا اللَّهَ جَهْرَةً). Ini menunjukkan keingkaran dan kesombongan Banī Isrāel kerana itu mereka disambar petir sebagai azab daripada Allah. Begitu juga kata (جَهْرَة) yang dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 47. Dalam ayat ini diterangkan azab Allah datang secara mendadak dan terlihat jelas di depan mata (إِنْ أَتَىٰكُمْ عَذَابُ اللَّهِ بَغْتَةً أَوْ جَهْرَةً).

Kata (جِهَارًا) yang disebut dalam surah *Nūh* (71), ayat 8 juga bererti terang-terangan di hadapan ramai orang. Ayat ini menerangkan Nabi Mūsā berdakwah dengan sekuat tenaga dan pelbagai cara antaranya dengan cara terang-terangan di hadapan orang ramai (ثُمَّ إِنِّي دَعَوْتُهُمْ جِهَارًا),[2] namun kaumnya tetap tidak mahu beriman kepadanya, malah men jauhkan diri darinya.

Manakala kata (جَهْر) yang dikaitkan dengan terangnya sesuatu hingga dapat dilihat oleh mata manusia dengan jelas ada dalam surah *al-Nahl* (16), ayat 75. Dalam ayat itu, Allah menyebut orang merdeka yang dianugerahkan rezeki yang baik lalu dia mahu menafkahkan sebahagian daripada rezeki-

1 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 228 dan *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 228.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 426.

nya secara tersembunyi dan secara terang -terangan (فَهُوَ يُنفِقُ مِنْهُ سِرًّا وَجَهْرًا). Orang seperti ini tentulah berbeza dengan hamba yang tidak punya apa-apa dan tidak dapat berbuat apa-apa. Terangnya perbezaan ini adalah sama dengan terangnya perbezaan antara Allah dengan makhluknya.

Manakala kata (جَهْر) yang dikaitkan dengan kerasnya atau terangnya perkataan sehingga dapat didengar dengan jelas ada dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 148; *al-A'rāf* (7), ayat 205; *al-Hujurāt* (49), ayat 2. Dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 205, Allah mengajarkan kepada orang beriman mengenai adab berdoa kepadanya. Antaranya, hendaklah doa itu diucapkan dengan suara perlahan tidak perlu dengan suara yang keras (وَدُونَ الْجَهْرِ مِنَ الْقَوْلِ), kerana Allah maha mendengar dan maha dekat dengan hambanya. Dalam surah *al-Hujurāt* (49), ayat 2, Allah mengajarkan adab berbicara di hadapan Rasulullah. Orang beriman dilarang meninggikan suara ketika di hadapan nabi, sebagaimana mereka mengeraskan suara ketika berbual dengan kawan-kawannya:

وَلَا تَجْهَرُوا لَهُ بِالْقَوْلِ كَجَهْرِ بَعْضِكُمْ لِبَعْضٍ

Dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 148, diceritakan Allah tidak menyukai ucapan buruk seperti ucapan yang mencela orang lain, menerangkan keburukan orang lain dan sebagainya yang diucapkan dengan terang sehingga didengari oleh orang lain kecuali apabila perkataan itu diucapkan oleh orang yang teraniaya di hadapan hakim :

لَّا يُحِبُّ اللَّهُ الْجَهْرَ بِالسُّوءِ مِنَ الْقَوْلِ إِلَّا مَن ظُلِمَ

Al-Quran menegaskan semua perbuatan dan perkataan yang dilakukan manusia diketahui Allah kerana Allah adalah zat yang maha mengetahui segala sesuatu. Dia mengetahui secara jelas perbuatan-perbuatan manusia yang dirahsiakan dan juga perkataan yang disamarkan (يَعْلَمُ سِرَّكُمْ وَجَهْرَكُمْ), (*al-An'ām* (6), ayat 3; *al-A'lā* (87), ayat 7; *al -Anbiyāk* (21), ayat 110). Sehingga perbuatan apa pun yang dilakukan manusia dan perkataan apa pun yang diucapkan manusia sama ada secara sembunyi-sembunyi mahupun secara terang-terangan diketahui Allah dan dia akan membalasnya.

JALĀ' (جَلَاء)

Erti lafaz *jalā'* (جَلَاء) ialah meninggalkan satu tempat dan pergi menetap di tempat lain.[1] Imam al-Syaukāni membuat perbezaan penggunaan kata (جَلَاء) dan kata *ikhrāj* (إِخْرَاج), meskipun kedua-duanya mempunyai erti menjauh atau terusir dari satu tempat, namun (جَلَاء) dilakukan dengan keluarga dan anak-anak atau dilakukan secara berkumpulan. Manakala (إِخْرَاج) kadang-kadang dilakukan tanpa keluarga dan anak-anak sehingga mereka tetap berada di rumah. (إِخْرَاج) kadang-kadang dilakukan berseorangan dan kadang-kadang berkumpulan. Sehingga dapat disimpulkan kata (إِخْرَاج) lebih umum daripada kata (جَلَاء).[2]

Kata (جَلَاء) disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Hasyr* (59), ayat 3. Ayat ini berada dalam rangkaian ayat yang menceritakan tentang pengusiran Ahli Kitab dari Madinah buat pertama kalinya iaitu pada tahun keempat Hijriyah. Orang Yahudi yang

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 213.

2 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 196.

diusir itu adalah daripada Banī Nadīr kerana mereka mengkhianati perjanjian tidak memerangi Nabi Muhammad, malah mereka bekerjasama dengan kaum Musyrikin Makkah bagi menyerang kaum Muslimin. Pada peristiwa itu, Nabi Muhammad dan pasukan Muslimin mengepung benteng-benteng Banī Nadīr yang kukuh selama enam hari. Banī Nadīr percaya benteng-benteng mereka tidak akan dapat ditembusi dan dirobohkan oleh kaum Muslimin.

Di sisi lain, kaum Muslimin juga tidak menjangka Banī Nadīr akan menyerah. Namun, Allah menurunkan rasa takut ke dalam hati Banī Nadīr sehingga mereka tidak tahan berada dalam kepungan dan akhirnya bersedia meninggalkan Madinah dengan penuh kehinaan. Sebahagian mereka pergi ke Syām dan sebahagian lagi pergi ke Khaibar.[1] Dalam ayat ini, Allah menjelaskan sekiranya mereka tidak keluar (ٱلْجَلَاءَ) dari Madinah dengan keadaan hina dan cara yang demikian, a di dunia ini mereka akan merasakan seksa berupa kematian dan men jadi tawanan perang seperti yang terjadi pada Bani Quraizah yang mengkhianati perjanjian dengan nabi. Meskipun mereka terhindar daripada azab di dunia, tetapi azab neraka tetap menanti mereka di akhirat.[2]

JALĀBĪB (جَلَابِيب)

Lafaz *jalābīb* (جَلَابِيب) adalah bentuk jamak daripada kata *jilbāb* (جِلْبَاب), ertinya kain yang digunakan bagi menutupi tubuh badan dari atas hingga bawah atau semua bentuk kain yang digunakan bagi menutup tubuh badan seperti baju dan lain-lain.[3]

Kata ini dalam bentuk jamak (جَلَابِيب) disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Ahzāb* (33), ayat 59. Dalam ayat ini, Allah menerangkan cara berpakaian perempuan Muslimat sama ada isteri Rasulullah, puteri-puteri beliau mahupun wanita Muslimat yang lain. Dalam ayat ini ditegaskan hendaklah wanita Muslimat melabuhkan jilbabnya (جَلَابِيبِهِنَّ) ke seluruh tubuh mereka.

Para ulama berbeza pendapat mengenai batasan (جِلْبَاب). Imam al-Syaukānī berkata, "Yang dimaksudkan dengan (جِلْبَاب) ialah kain yang lebih lebar daripada tudung (ثَوْبٌ أَكْبَرُ مِنَ الْخِمَارِ)." Al-Jauharī berkata, "Yang dimaksudkan dengan (جِلْبَاب) ialah kain yang ditambahkan (اَلْمُلْحَفَة)." Ada yang mengertikannya dengan purdah. Ada juga yang berpendapat yang dimaksudkan dengan (جِلْبَاب) ialah baju yang menutup seluruh tubuh badan perempuan.

Imam al-Wāhidī mengatakan, pakar tafsir berpendapat wanita-wanita Muslimat mestilah menutup wajah dan kepalanya kecuali matanya sehingga mereka dikenali sebagai wanita merdeka dan tidak diganggu. Imām al-Hasan al-Basrī mengatakan wanita Muslimat mestilah menutup separuh wajahnya. Imām Qatādah mengatakan wanita Muslimat mestilah melingkarkan kain (جِلْبَاب) di atas dahinya kemudian mengikatnya dan menutupkannya di atas hidung meskipun kedua matanya kelihatan tetapi (جِلْبَاب) *jilbāb*nya itu menutupi dada dan sebahagian besar wajahnya.[4]

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 331- 333.

2 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 196.

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 212.

4 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 304.

Manakala Ibnu 'Abbās, Ibnu 'Umar, 'Atā', 'Ikrimah, Sa'īd bin Jabīr Abī al-Sya'thā', al -Dahhāk, Ibrāhīm al-Nakha'ī dan yang lain berpendapat, perhiasan wanita Muslimat yang boleh didedahkan adalah wajah, kedua -dua telapak tangan dan cincin.[1] Ini adalah bagi kepentingan wanita sendiri kerana seperti yang ditegaskan dalam ayat ini, yang mana aturan ini dibuat supaya mereka lebih mudah dikenali dan tidak diganggu.

JALĀL (جَلَال)

Erti lafaz *jalāl* (جَلَال) ialah keagungan dan kebesaran.[2] Di dalam al-Quran, lafaz (جَلَال) hanya disebut dua kali sahaja iaitu dalam surah *al-Rahmān* (55), ayat 27 dan 78.

Dalam kedua-dua ayat itu disebutkan, Allah mempunyai sifat (الْجَلَال) yang bermaksud mengikut pentafsiran Imām al-Qurtubī, Allah maha mulia, maha agung dan berhak mendapat puji-pujian.[3] Manakala Imām Ibnu Kathīr mentafsirkan, Allah adalah zat yang berhak dimuliakan sehingga tidak patut ditentang, Allah adalah zat yang perlu ditaati dan tidak boleh melanggar perintahnya.[4]

JALDAH (جَلْدَةٌ)

Apabila dikatakan (جَلَدَ الرَّجُلُ الْمُجْرِمَ), ertinya ialah "Penjenayah itu disebat oleh lelaki itu." Manakala bagi menyebut satu kali sebatan digunakan kata *Jaldah* (جَلْدَةٌ).[5]

Di dalam al-Quran, kata (جَلْدَةٌ) diulang dua kali iaitu dalam surah *an-Nūr* (24), ayat 2 dan 4. Ayat 2 menerangkan tentang hukuman orang yang melakukan zina sama ada lelaki mahupun perempuan yang belum menikah *(ghair muḥṣan)*, mereka dihukum dengan cara disebat 100 kali dan diasingkan *(taghrīb)* selama setahun.[6] Manakala ayat 4 menerangkan hukuman bagi orang yang menuduh orang lain melakukan zina, tetapi tuduhan itu tidak ada bukti. Orang itu dihukum dengan hukuman sebat sebanyak 80 kali. [7]

JĀLŪT (جَالُوت)

Jālūt atau Goliat adalah pemimpin perang Palestin yang kasar dan bengis. Dia mati di tangan Nabi Dāūd.[8] Kata (جَالُوت) diulang tiga kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al -Baqarah* (2), ayat 249, 250 dan 251.

Raja-raja yang terawal memimpin Banī Isrāel adalah Tālūt, Nabi Dāūd dan Nabi Sulaimān. Kisah kepemimpinan mereka dicatat dalam Bible Perjanjian Lama, kitab Samuel yang pertama, bab sebelas dan selepasnya; kitab Samuel yang kedua; kitab raja-raja yang pertama, bab satu sampai bab

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 284.

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 213.

3 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 17, h. 165.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 274.

5 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 213.

6 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 261

7 Ibid., h. 265.

8 Ma'lūf (1973), op. cit., h. 203.

dua belas; kitab Tawarikh yang pertama; dan kitab Tawarikh yang kedua bab satu sampai bab sepuluh.

Kerajaan Yahudi terbentuk lebih kurang pada tahun 1095 sebelum lahirnya Nabi 'Īsā dan raja pertamanya adalah Tālūt. Masa pemerintahan Tālūt dan dua raja selepasnya iaitu Nabi Dāūd dan Nabi Sulaimān terkenal dengan panggilan, zaman raja-raja yang pertama. Berakhirnya zaman ini adalah dengan wafatnya Nabi Sulaimān lebih kurang pada tahun 975 sebelum kelahiran Nabi 'Īsā. Manakala zaman selepas itu hingga zaman hancurnya kerajaan Banī Isrāel di tangan Bukhtunashar pada tahun 586 sebelum kelahiran Nabi 'Īsā dinamakan dengan zaman raja-raja yang kedua. Tālūt memimpin Banī Isrāel dengan gagah berani. Beliau sering memimpin perang melawan kaum-kaum yang ada di sekitarnya. Antara peperangan yang tersohor adalah peperangan beliau melawan rakyat Palestin yang pada masa itu berada di bawah kekuasaan Goliat pemimpin yang kasar dan bengis. Dalam peperangan itu, Nabī Daūd turut serta dalam pasukan Tālūt dan beliau yang berjaya membunuh Goliat.[1]

Kisah mengenai peperangan Banī Isrāel di bawah pimpinan Tālūt melawan tentera Palestin di bawah pimpinan Goliat diceritakan pada tiga ayat dalam surah al-Baqarah. Dalam ayat-ayat itu ditegaskan, kejayaan Banī Isrāel adalah disebabkan kemampuan mereka dalam menguasai hawa nafsu meskipun jumlah mereka sedikit, namun dengan kesabaran, ketabahan dan harapan yang tinggi kepada pertolongan Allah, mereka berhasil mendapat kejayaan yang besar.

1 Muhammad Sayyid Tantāwī (1997), *Banū Isrā'īl fī al-Qur'ān wa al-Sunnah*. Beirut: Dār al-Syurūq, h. 36-37.

JAM' (جَـمْع)

Erti asal lafaz *jam'* (جَمْع) ialah menggabungkan sesuatu dengan cara mendekatkan bahagian -bahagiannya sehingga ianya terkumpul.[2] Lafaz (جَمْع) pula biasa diertikan dengan sekumpulan manusia sehingga ianya mempunyai erti yang sama dengan (اَلْجَمَاعَة).[3]

Lafaz (جَمْع) diulang sembilan kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 48; surah *al-Kahfi* (18), ayat 99; surah *al-Qasas* (28), ayat 78; surah *al-Syūrā* (42), ayat 7, 29; surah *al-Qamar* (54), ayat 45; surah *al-Taghābun* (64), ayat 9; surah *al-Qiyāmah* (75), ayat 17 dan surah al-'Ādiyāt (100), ayat 5.

Dalam surah *al-Qiyāmah* (75), ayat 17 diterangkan, ketika malaikat Jibrail datang kepada Nabi Muhammad bagi menyampaikan wahyu, nabi selalu membaca al-Quran yang baru disampaikan dengan cara menggerak -gerakkan lidahnya sedangkan malaikat Jibrail belum selesai menyampaikan wahyu. Nabi melakukannya kerana beliau mahu cepat menghafal ayat al-Quran itu. Namun, Allah melarang perbuatan begitu dan meminta nabi supaya jangan khuatir akan lupa pada apa yang didengarnya. Allah menjamin akan mengumpulkan al-Quran dalam hati Nabi Muhammad (إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَه) sehingga tidak ada bahagian al-Quran yang terlupa.[4]

Meskipun lafaz (جَمْع) pada dua ayat iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 48 dan *al-Qasas* (28), ayat 78 disebut tanpa objeknya *(maf'ūl)* namun yang dimaksudkan

2 Al-Isfahānī (1961), op. cit., h. 96.

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 216.

4 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 338.

adalah mengumpul perkara dunia bagi tujuan maksiat. Dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 48 ditegaskan, harta dan sahabat yang dikumpulkan oleh orang kafir mungkin dapat menolongnya dan meringankan kesusahan ketika di dunia, tetapi di akhirat nanti harta dan sahabat itu tidak akan dapat membantu dan memberi manfaat kepada mereka apabila mereka menerima azab di neraka (مَآ أَغۡنَىٰ عَنكُمۡ جَمۡعُكُمۡ). Oleh itu, harta yang banyak tidak boleh menyebabkan seseorang menjadi lupa diri dan sombong. Dalam surah *al-Qasas* (28), ayat 78 pula diceritakan umat-umat terdahulu jauh lebih banyak mengumpulkan harta (أَكۡثَرُ جَمۡعًا), sehingga Qārūn dan juga yang lainnya tidak layak berasa sombong dengan harta yang dikumpulkan dan dimiliki mereka.

Pada hari akhirat nanti, Allah mengumpulkan semua makhluk di tempat yang dinamakan *Māḥṣyār* iaitu selepas tiupan sangkakala tanda hari kiamat. Selepas Allah mengumpulkan seluruh makhluknya (فَجَمَعۡنَٰهُمۡ جَمۡعًا) (Surah *al-Kahf* (18), ayat 99), dia meminta makhluknya bertanggungjawab tentang amal mereka selama hidup di dunia ini. Makhluk yang kafir dan derhaka akan menyesal dan berasa rugi manakala kaum yang beriman pasti gembira dan bahagia.

Hari pengumpulan semua makhluk ini dalam surah *al-Syūrā* (42), ayat 7; surah *al-Taghābun* (64), ayat 9 diistilahkan dengan (يَوۡمَ ٱلۡجَمۡعِ) kerana pada saat itu semua makhluk dikumpulkan oleh Allah. Ini adalah antara tanda kekuasaan Allah. Dia menciptakan pelbagai makhluk yang bertebaran di merata tempat di alam raya dan pada hari akhirat nanti dia mampu mengumpulkan semua makhluknya itu di suatu tempat.

Kalimah (جَمۡع) di dalam al-Quran juga digunakan bagi menunjukkan sekumpulan tentera perang sama ada tentera Muslim mahupun Kafir. Dalam surah al-'Ādiyāt (100), ayat 5, Allah bersumpah dengan menggambarkan kehebatan kuda-kuda perang *fisabīlillāh* yang sanggup menerjah dan menyerbu ke tengah -tengah kumpulan tentera musuh yang kafir (فَوَسَطۡنَ بِهِۦ جَمۡعًا).[1]

Kata (جَمۡع) dengan erti tentera kafir juga ada dalam surah *al-Qamar* (54), ayat 45. Dalam ayat itu diceritakan orang kafir Makkah sombong diri dengan berkata mereka adalah tentera yang tidak akan dikalahkan. Namun dalam Perang Badar, kumpulan tentera mereka tewas melawan tentera Muslimin (سَيُهۡزَمُ ٱلۡجَمۡعُ).

Manakala kata (جَمۡعَان) yang diulang empat kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 155, 166; surah *al-Anfāl* (8), ayat 41 dan surah *asy-Syu'arāk* (26), ayat 61 mengandungi erti dua kumpulan manusia yang berbeza dan di dalam al-Quran lebih cenderung kepada tentera perang. Yang dimaksudkan dengan dua tentera perang (جَمۡعَان) dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 155 dan 166 adalah dua kumpulan tentera yang berperang di Gunung Uhud iaitu tentera Muslimin dan tentera Musyrikin Makkah. Kedua-dua tentera itu bertemu pada tahun ketiga Hijrah, dan pada perang itu tentera Muslimin mengalami kekalahan.

Dua kumpulan tentera yang dimaksudkan dalam surah *al-Anfāl* (8), ayat 41 juga sama iaitu tentera Muslimin dan tentera Musyrikin Makkah. Namun kedua-dua kumpulan tentera yang dimaksudkan dalam ayat ini adalah dua kumpulan tentera yang bertemu semasa Perang Badar. Perang ini adalah perang pertama yang dilakukan oleh umat Islam sehingga ia menjadi penentu antara kebenaran

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 543.

dan kebatilan sehingga hari itu diistilahkan di dalam al-Quran dengan *Yaum al-Furqān*. Perang Badar terjadi pada tahun kedua hijrah dan pada perang itu tentera Muslimin beroleh kejayaan yang gemilang.

Manakala dua kumpulan manusia yang dimaksudkan dalam surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 61 adalah kaum Nabi Mūsā yang berlari -lari meninggalkan Mesir dan kaum Firaun yang mengejar mereka dan hendak membunuh mereka.

JAMĀL (جَمَال)

Erti lafaz *jamāl* (جَمَال) ialah indah, cantik atau elok.[1] Di dalam al-Quran, kata (جَمَال) hanya disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *an -Nahl* (16), ayat 6.

Binatang-binatang ternak yang diciptakan Allah banyak memberi manfaat kepada manusia. Dagingnya dapat dimakan, tenaganya dapat digunakan bagi mengangkut barang dan kulitnya dapat dimanfaatkan bagi membuat pakaian.

Selain itu, binatang-binatang ternak juga nampak indah (فِيهَا جَمَالٌ) semasa ia berjalan bersama-sama kembali ke kandangnya pada waktu petang mahupun semasa ia berjalan bersama-sama pergi ke padang rumput pada pagi hari. Pemandangan indah ini menyebabkan hati orang yang melihatnya gembira dan bahagia.[2]

JAMAL – JIMĀLAH (جَمَل - جِمَالَةٌ)

Erti lafaz *jamal* (جَمَل) ialah unta jantan yang mula tumbuh gigi taringnya, bentuk jamaknya adalah *jimāl* (جِمَالٌ), *ajmāl* (أَجْمَالٌ) dan *jimālah* (جِمَالَةٌ).[3]

Di dalam al-Quran, kalimah (جَمَل) hanya disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al -A'rāf* (7), ayat 40. Manakala bentuk jamaknya yang disebut di dalam al-Quran hanya (جِمَالَةٌ) ia disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al -Mursalāt* (77), ayat 33.

Lafaz (جَمَل) yang terdapat dalam surah *al -A'rāf* (7), ayat 40, digunakan bagi suatu perumpamaan yang menggambarkan kejadian yang mustahil. Dalam ayat itu disebutkan, unta masuk ke dalam lubang jarum. Ini adalah perkara yang mustahil dan sama dengan mustahilnya orang kafir masuk ke dalam syurga.

Manakala dalam surah *al-Mursalāt* (77), ayat 33, percikan api neraka yang asalnya terbang kemudian jatuh berwarna hitam dan warna hitam percikan api itu disamakan dengan warna hitam unta-unta (جِمَالَةٌ).[4] Api yang panas inilah yang menyeksa orang kafir yang tidak mengakui keagungan Allah.

JAMĪL (جَمِيل)

Jamīl (جَمِيل) ertinya ialah perkara baik. Menurut Imām al-Isfahānī, perkara baik pada diri manusia ada dua: **Pertama**, perkara baik yang ada pada diri manusia seperti pada jiwa, tubuh badan atau pekerjaannya,

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 213.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 148.

3 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 98.

4 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 359.

tetapi ia tidak memberikan manfaat secara langsung kepada orang lain. **Kedua**, perkara baik yang dimiliki manusia dan bermanfaat kepada orang lain.[1]

Lafaz (جَمِيل) diulang tujuh kali dalam al-Quran iaitu dalam surah *Yūsuf* (12): 18, 83; surah *al-Hijr* (15): 85; surah *al-Aḥzāb* (33): 28, 49; surah *al-Maʿārij* (70): 5 dan surah *al-Muzammil* (73): 10. Sikap-sikap yang dikaitkan dengan lafaz (جَمِيل) dalam al-Quran ada empat, iaitu:

1. **Kesabaran**; Surah *Yūsuf* (12), ayat 18 dan 83 menerangkan tentang kesabaran Nabi Yaʿqūb dalam menghadapi putera-puteranya yang derhaka dan sabarnya dalam menanggung rindu pada putera tercinta, Yūsuf. Kesabaran beliau bukan kesabaran yang biasa. Ia digambarkan di dalam al-Quran dengan *sabr jamil* (صَبْرٌ جَمِيلٌ) yang bererti kesabaran yang indah. Menurut Imām al-Qurtubī, maksud (صَبْرٌ جَمِيلٌ) adalah kesabaran yang tidak disertai dengan rasa sedih atau putus asa pada rahmat Allah dan tidak diikuti dengan keluhan-keluhan yang diutarakan kepada sesama manusia.[2] Kesabaran seperti ini diperintahkan Allah kepada Nabi Muhammad semasa menghadapi kaum Musyrikin yang selalu menghina dan menentangnya sepertimana ditegaskan dalam surah *al-Maʿārij* (70), ayat 5,

   فَاصْبِرْ صَبْرًا جَمِيلًا

2. **Memaafkan dan berlapang dada;** Selain diperintahkan bersabar menghadapi kaum kafir, Nabi Muhammad juga diperintahkan berlapang dada dengan cara yang baik (فَاصْفَحِ الصَّفْحَ الْجَمِيلَ) (Surah *al-Hijr* (15), ayat 85). Maksud ayat (الصَّفْحَ الْجَمِيلُ) ialah memaafkan kesalahan -kesalahan musuh tanpa mencela atau mencerca dan tanpa ada keinginan membalas dendam serta bermuamalah bersama mereka dengan penuh kerelaan, lapang dada dan kasih sayang.[3]

3. **Menjauh atau meninggalkan;** Bukan sekadar itu sahaja. Semasa menghadapi cemuhan dan tentangan, kaum kafir Nabi Muhammad tidak disuruh bersabar sahaja dan memaafkan mereka, namun beliau juga diperintahkan menjauhi mereka dengan cara yang baik. (وَاهْجُرْهُمْ هَجْرًا جَمِيلًا) (Surah *al-Muzammil* (73), ayat 10). Imām al-Qurtubī dan al-Alūsī menerangkan, maksud (هَجْرًا جَمِيلًا) ialah menjauhi mereka. Namun, tetap memujuk mereka dengan cara yang halus atau lembut tidak mencabar dan tidak berusaha membalas kejahatan yang mereka lakukan serta menyerahkan urusan mereka kepada Allah dan berdoa kepadanya.[4]

4. **Melepaskan isteri;** Dalam surah *al-Aḥzāb* (33), ayat 28, nabi diperintahkan Allah supaya melepaskan isterinya dengan cara yang baik apabila ada isterinya yang lebih mengutamakan nikmat dan keindahan dunia. Perbuatan melepaskan isteri dengan baik itu diistilahkan dalam al-Quran

1 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 97.

2 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 9, h. 152.

3 Al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 14, h. 77.

4 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 19, h. 45 dan Al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 29, h. 107.

dengan (سَرَاحًا جَمِيلا). Maksud (سَرَاحًا جَمِيلا) ialah melepaskan isteri dengan disertai kata-kata yang baik, tidak menyakiti hati dan tubuh dan juga tidak menghalangnya mendapatkan haknya.[1] Begitu juga dengan umat Islam yang lain apabila mereka mahu melepaskan isteri selepas ditalak, hendaklah mereka melepaskannya dengan cara yang baik iaitu (وَسَرِّحُوهُنَّ سَرَاحًا جَمِيلا) (Surah *al -Ahzāb* (33), ayat 49).

JAMM (جَمّ)

Erti lafaz *jamm* (جَمّ) ialah banyak atau lebih.[2] Lafaz ini hanya disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam bentuk (جَمًّا) dalam surah *al-Fajr* (89), ayat 20. Ayat ini berada dalam rangkaian ayat yang menceritakan tentang perkataan dan perbuatan yang biasa dilakukan manusia, tetapi mereka tidak patut mengucapkan dan melakukannya.

Pada masa Allah memudahkan rezeki dan memberi nikmat kepada manusia, kita tidak boleh mengatakan Allah sedang meninggikan darjat dan memuliakan kita. Pada masa Allah menyulitkan rezeki, kita juga tidak boleh mengatakan Allah menghina dan merendahkan kita. Kekayaan dan kemiskinan bukanlah tanda cinta Allah kepada hambanya. Manusia mestilah meyakini semuanya itu adalah ujian baginya, ketika kaya dia mestilah bersyukur dan ketika miskin dia juga mestilah bersabar.[3]

Manakala perbuatan yang biasa dilakukan manusia, namun tidak patut dilakukan adalah: (1) Tidak memuliakan anak yatim; (2) Tidak mengajak dan memberi makan orang miskin; (3) Memakan harta warisan dengan cara mencampurkan yang halal dan yang haram; (4) Mencintai harta benda dengan berlebihan (وَتُحِبُّونَ الْمَالَ حُبًّا جَمًّا).

Imām Ibnu Kathīr menerangkan, sebahagian pakar mengatakan, lafaz (جَمًّا) selain bermakna cinta yang berlebihan, ia juga mengandungi erti cinta yang keji dan kotor (فَاحِشًا).[4] Perbuatan seperti ini semestinya tidak patut dilakukan oleh manusia. Mereka mestilah melakukan perbuatan yang baik yang berlawanan daripada perbuatan ini.

JANB – JUNŪB (جَنْب-جُنُوب)

Erti asal lafaz *janb* (جَنْب) ialah tubuh manusia atau haiwan bahagian tepi iaitu yang berada di bawah ketiak hingga pinggul. Bentuk jamaknya adalah (جُنُوب).[5]

Kata (جَنْب) diulang tiga kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *Yūnus* (10), ayat 12; surah *al-Nisāk* (4), ayat 36 dan surah *al -Zumar* (39), ayat 56. Manakala dalam bentuk jamak (جُنُوب) diulang sebanyak lima kali iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 191; surah *al-Nisāk* (4), ayat 103; surah *al-Taubah* (9) 35; surah *al-Hajj* (22), ayat 36 dan *al-Sajdah* (32), ayat 16.

1 Al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 22, h. 51.

2 Al-Rāzī (1995), op. cit., h. 47.

3 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 439.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 510.

5 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 220.

Para ulama berbeza pendapat dalam memahami kalimat (فِي جَنْبِ اللهِ) yang terdapat dalam surah *al-Zumar* (39), ayat 56. Imām al-Syaukānī menyebutkan beberapa pendapat ulama mengenai masalah ini antaranya adalah pendapat Imām al-Farrā' dan al-Zujjāj yang mengatakan ertinya ialah "dalam mendekat di sisi Allah," kerana lafaz (جَنْبِ) mengisyaratkan erti dekat. Sehingga erti rangkaian kalimat (يَاحَسْرَتَىٰ عَلَىٰ مَا فَرَّطْتُ فِي جَنْبِ اللَّهِ) dalam ayat itu adalah di akhirat nanti orang kafir akan berkata, "Amat besar penyesalanku atas kelalaianku dalam usaha mendekat di sisi Allah," iaitu dalam meraih syurga.[1]

Ada pula yang mengatakan maksud (فِي جَنْبِ اللهِ) ialah "dalam masalah ketaatan kepada Allah; dalam masalah zikir kepada Allah; dalam masalah pahala yang diberikan Allah." Namun, pendapat ini sebenarnya mempunyai maksud yang sama iaitu perkara yang dapat mendekatkan diri kepada Allah.[2] Manakala pada ayat-ayat lain, kebanyakannya kata (جَنْب) dan (جُنُوْب) mengandungi makna asalnya, iaitu tubuh bahagian tepi (lambung atau pinggang). Dan sebahagian besarnya pula dikaitkan dengan kegiatan doa, zikir dan solat.

Dalam surah *Yūnus* (10), ayat 12 diterangkan, apabila manusia mengalami kesusahan, dia selalu berdoa kepada Allah sama ada dalam keadaan berbaring (دَعَانَا لِجَنْبِهِ) iaitu (di saat pinggangnya di tempat tidur) mahupun berdiri. Namun, apabila kesusahan sudah hilang, dia lupa dan seolah-olah dia tidak pernah memohon kepada Allah.

Dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 103, Allah memerintahkan orang beriman supaya selalu berzikir selesai mengerjakan solat. Zikir kepada Allah hendaklah dilakukan dalam semua keadaan sama ada dalam keadaan berdiri, duduk, mahupun berbaring (وَعَلَىٰ جُنُوبِكُمْ) dan ketika berbaring dalam keadaan miring. Orang yang beriman pada ayat-ayat Allah, apabila datang malam yang terakhir ketika orang lain tidur, dia mengerjakan solat malam (Tahajjud) dan berdoa kepada Rabbnya dengan penuh rasa takut pada azab Allah dan mengharap ampunannya.

Dalam surah *as-Sajdah* (32), ayat 16 digambarkan, orang yang tidak tidur itu adalah orang yang rusuknya jauh dari tempat tidurnya (تَتَجَافَىٰ جُنُوبُهُمْ عَنِ الْمَضَاجِعِ). Orang yang selalu ingat pada Allah dalam semua keadaan siang mahupun malam sama ada ketika berdiri, duduk mahupun berbaring (وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ) adalah tanda-tanda orang yang mempunyai akal yang sihat *(ūlū āl-ālbāb)* sepertimana yang ditegaskan dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 191.

Selain rusuk manusia, kata (جُنُوب) di dalam al-Quran juga digunakan bagi menunjukkan rusuk-rusuk haiwan. Haiwan-haiwan diciptakan Allah adalah bagi keperluan manusia. Oleh itu, hendaklah manusia memanfaatkannya dengan sebaik-baiknya sesuai dengan perintah Allah. Dalam surah *al-Hajj* (22), ayat 36, Allah menjelaskan apabila unta-unta disembelih dengan menyebut nama Allah, kemudian ia jatuh ke tanah (فَإِذَا وَجَبَتْ جُنُوبُهَا), hendaklah dagingnya dimakan dan sebahagiannya diberikan kepada fakir miskin. Ini adalah petunjuk Allah dalam mengendalikan harta kekayaan iaitu haiwan.

Manusia yang tidak mengikuti perintah Allah dalam mengelola harta, nasibnya di akhirat nanti amat menyedihkan. Orang yang suka mengumpul emas dan perak (harta kekayaan) dan tidak mahu menafkahkan bagi

1 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 471.

2 *Ibid.*

keperluan *fīsabīlillah* (فِي سَبِيلِ اللَّهِ) diseksa Allah di neraka. Seksanya adalah emas dan perak yang dikumpulkannya itu dibakar kemudian diletakkan di dahi, lambung (وَجُنُوبِهِمْ) dan belakangnya (Surah *al-Taubah* (9), ayat 35).

Selain itu, lafaz (جَنْب) juga bererti arah tepi. Dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 36 di mana Allah memerintahkan orang beriman selalu berbuat baik kepada beberapa golongan manusia antaranya adalah kepada (اَلصَّاحِبِ بِالْجَنْبِ) iaitu semua orang yang berada di samping seperti kawan dalam perjalanan, kawan hidup iaitu isteri, kawan mencari ilmu, kawan berniaga dan lain-lain.[1]

menciptakan aliran air di bawah pokok kurma dan memerintahkannya menggoyangkan pokok kurma ke arahnya. Lalu pokok itu menggugurkan buah kurma yang masak (رُطَبًا جَنِيًّا) kepadanya. Kemudian beliau meminum air dan makan buah kurma itu bagi mengembalikan tenaganya.

Ramai pakar yang berpendapat buah kurma bermanfaat bagi wanita selepas melahirkan bayi. Antaranya adalah 'Amr b. Maimūn yang berkata, "Tidak ada (makanan) yang lebih baik bagi wanita yang nifas selain *al-tamr* (التمر), buah kurma yang kering, dan *al-ruṭab* (الرطب), buah kurma yang masak."[4]

ج

JANIY (جَنِـيّ)

Erti lafaz *janiy* (جَنِيٌّ) adalah semua jenis buah-buahan yang sudah matang.[2] Al-Isfahānī menambahkan kebanyakan kata (جَنِيٌّ) menunjukkan buah-buahan yang sudah masak dan masih segar.[3]

Kata (جَنِيٌّ) disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Maryam* (19), ayat 25. Ayat ini berada dalam rangkaian ayat yang menceritakan keadaan Sayidah Maryam ketika hendak melahirkan Nabi 'Īsā. Pada masa itu, Sayidah Maryam berasa sakit sehingga ia perlu bersandar pada pokok kurma dan beliau pun mengeluh kerana rasa sakit itu. Dalam kepayahan itu, Allah memberi khabar gembira kepada beliau melalui malaikat Jibrail supaya jangan bersedih kerana Allah

JARĀD (جَرَادٌ)

Jarād (جَرَادٌ) ertinya serangga kecil yang dapat terbang, mempunyai kaki dan merosakkan tanaman.[5] Perkataan (جَرَادٌ) disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 133; dan *al-Qamar* (54), ayat 7.

Diterangkan dalam ayat itu Firaun dan kaumnya menentang Nabi Mūsā hinggakan sekiranya Nabi Mūsā sanggup mendatangkan bukti yang kukuh mengenai kenabiannya mereka tetap tidak beriman. Dan dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 133 diceritakan, Allah akhirnya mengirim azab kepada Firaun dan kaumnya yang berupa ribut taufan, belalang (جَرَادٌ), kutu, katak dan darah (air minum mereka berubah menjadi darah). Allah mengirim belalang (جَرَادٌ) memakan tanaman-tanaman mereka sehingga terjadilah kekurangan

1 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 465.

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 226.

3 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 101.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 118 dan Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 329.

5 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 197.

bekalan makanan.[1] Ini semua menjadi bukti yang jelas Nabi Mūsā adalah utusan Allah tetapi mereka tetap sombong diri dan tidak mahu beriman kepada Nabi Mūsā.

Manakala kata (جَرَادٌ) dalam surah *al -Qamar* (54), ayat 7 digunakan sebagai perumpamaan keadaan manusia selepas bangkit dari kubur. Pada masa dibangkitkan dari kubur, manusia bangun dengan menundukkan pandangannya kerana takut dan bingung. Selain itu, mereka datang dari berbagai-bagai arah, bergabung antara satu dengan lainnya dan berlari-lari menuju tempat perhitungan amal memenuhi panggilan yang menyuruh mereka berkumpul. Keadaan manusia seperti ini digambarkan di dalam al-Quran bagaikan belalang yang berterbangan (جَرَادٌ مُنْتَشِر) di udara.[2]

JĀRIYAH- JĀRIYĀT- JAWĀR
(جَارِيَة-جَارِيَات-جَوَار)

Erti lafaz *jāriyah* (جَارِيَة) ialah sesuatu yang berjalan. Bentuk jamaknya adalah *jāriyāt* (جَارِيَات) dan *jawār* (جَوَار).

Kata (جَارِيَة) disebut dua kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Hāqqah* (69), ayat 11 dan *al-Ghāsyiah* (88), ayat 12. Manakala bentuk jamaknya iaitu (جَارِيَات) disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Zāriyāt* (51), ayat 3. Bentuk jamaknya yang lain iaitu (جَوَار) diulang tiga kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *asy-Syūrā* (42), ayat 32; *ar-Rahmān* (55), ayat 24 dan *at -Takwīr* (81), ayat 16. Kesemua kata itu (جَارِيَة, جَارِيَات) dan (جَوَار) di dalam al-Quran be - maksud kapal yang berlayar di atas air kecuali pada tiga ayat iaitu dalam surah *al-Ghāsyiah* (88), ayat 12, surah *al-Takwīr* (81), ayat 16 dan surah *al-Zāriyāt* (51), ayat 3.

Dalam surah *al-Ghāsyiah* (88), ayat 12, kata (جَارِيَة) menjadi kata sifat bagi (عَيْنٌ) sehingga ertinya ialah mata air yang mengalir. Ayat ini menceritakan keadaan indahnya syurga yang terdapat pelbagai nikmat antaranya adalah mata air yang mengalir. Manakala dalam surah *al-Takwīr* (81), ayat 16, kata (اَلْجَوَار) menjadi kata sifat bagi (اَلْخُنَّس) sehingga ertinya ialah bintang-bintang yang beredar (pada orbitnya). Ini adalah kehebatan dan keagungan ciptaan Allah sehingga Allah bersumpah dengan ciptaannya itu.

Dalam surah *al-Zāriyāt* (51), ayat 3, kalimah (فَالْجَارِيَاتِ يُسْرًا) dijadikan sumpah oleh Allah tetapi para pakar berbeza pendapat dalam mentafsirkan kata (الجَارِيَات) itu. Sebahagian para pakar mengertikannya dengan bintang-bintang yang beredar pada orbitnya dengan mudah dan sebahagian yang lain mengertikannya dengan salah satu keagungan ciptaan Allah yang lain iaitu kapal -kapal yang dengan mudah berlayar di lautan bagi keperluan manusia dan yang terakhir ini adalah pendapat kebanyakan pakar.[3]

Manakala selain tiga ayat itu kata (جَارِيَة) dan (جَوَار) bererti kapal. Dalam, surah *al -Hāqqah* (69), ayat 11 menceritakan ketika air banjir mulai naik kaum Nabi Nūh yang beriman diselamatkan Allah dengan dinaikkan ke atas kapal (اَلْجَارِيَة). Dalam surah *al-Syūrā* (42), ayat 32 dan surah *al-Rahmān* (55), ayat 24 ditegaskan berjalannya kapal -kapal (اَلْجَوَار) di tengah lautan dengan layar

1 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 238.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 264; al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 122.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 233.

yang tinggi bagaikan gunung adalah tanda kekuasaan Allah.

JASAD (جَسَد)

Erti lafaz *jasad* (جَسَد) ialah tubuh badan yang tidak bergerak, tidak makan dan tidak minum.[1]

Kata (جَسَد) diulang empat kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 148; surah *Tāhā* (20), ayat 88; surah *al-Anbiyāk* (21), ayat 8; surah *Sād* (38), ayat 34. Dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 148 dan surah *Tāhā* (20), ayat 88 menceritakan perilaku Banī Isrāel ketika ditinggalkan oleh Nabi Mūsā ke Gunung Tūr. Mereka terpesong daripada ajaran Nabi Mūsā kerana mereka menyembah patung anak lembu yang bertubuh badan (عِجْلًا جَسَدًا) dan dapat bersuara yang dibuat oleh al-Sāmirī. Mereka menganggap patung anak lembu itu adalah tuhan mereka.

Pakar tafsir berbeza pendapat mengenai bentuk patung anak lembu itu. Sebahagian daripada mereka berpendapat patung itu kemudian berubah menjadi anak lembu yang mempunyai daging, darah dan dapat bersuara. Manakala sebahagian yang lain berpendapat patung itu tetap berbentuk emas dan suara yang muncul adalah akibat tiupan angin yang melalui rongga bahagian dalamnya. Diceritakan juga, ketika patung anak lembu itu bersuara, kaum Banī Isrāel menari-nari mengelilinginya dan mengatakan ia adalah tuhan yang dilupakan oleh Nabi Mūsā.[2]

Dalam surah *al-Anbiyāk* (21), ayat 8, Allah menegaskan para rasul yang diutuskan kepada manusia adalah daripada kalangan manusia sendiri, bukan daripada penduduk langit (malaikat) seperti yang diyakini oleh orang kafir.[3] Sehingga para rasul tidak ada tubuh badan yang tidak makan makanan (جَسَدًا لَّا يَأْكُلُونَ ٱلطَّعَامَ) melainkan mereka adalah manusia yang makan dan minum seperti manusia yang lain dan juga pergi ke pasar bagi bekerja dan berniaga. Hal itu tidaklah mengurangi kehormatan mereka seperti yang disangka oleh orang musyrik.[4]

Manakala dalam surah *Sād* (38), ayat 34 menerangkan dugaan yang dialami oleh Nabi Sulaimān. Dugaan itu adalah kerana Nabi Sulaimān berkata, "Pada malam ini saya akan menggilirkan isteri-isteriku seramai 90, nanti mereka akan melahirkan seorang anak yang menjadi tentera berkuda dan berperang di jalan Allah." Namun, beliau tidak mengucapkan *Insyā-Allāh*. Akhirnya, Allah menguji beliau dengan mendatangkan sesusuk tubuh badan *jasadan* (جَسَدًا) di singgahsana kerajaannya.

Pakar tafsir berbeza pendapat dalam mentafsirkan lafaz (جَسَدًا). Antara pendapat mereka dengan tubuh badan pada ayat itu adalah tubuh badan anak yang tidak sempurna yang dilahirkan oleh salah seorang daripada 90 isteri Nabi Sulaimān, manakala yang lainnya tidak melahirkan. Sebahagian ahli tafsir mengatakan sesusuk tubuh badan itu adalah syaitan yang wajahnya seperti Nabi Sulaimān. Hal ini terjadi semasa Nabi Sulaimān hendak membuang hajat, beliau menyerahkan cincinnya kepada isterinya. Lalu syaitan itu berubah wajah seperti Nabi Sulaimān dan meminta cincin itu daripada

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 203.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 248.

3 *Ibid.*, h. 497.

4 *Ibid.*, j. 3, h. 175.

isteri Nabi Sulaimān. Akhirnya, syaitan itu memerintah kerajaan selama 40 hari dan Nabi Sulaimān pula bersembunyi hingga cincinnya kembali kepadanya. Selepas itu, beliau pun meminta ampun kepada Allah atas kesalahan yang dilakukannya.[1]

JĀTHIM – JĀTHIMĪN (جَاثِمِين - جَاثِمٌ)

Kata kerja (جَثَمَ - يَجْثُمُ/يَجْثِمُ) bererti diam pada suatu tempat, terikat pada tanah dan tidak bergerak. Orang yang diam pada suatu tempat dan tidak bergerak disebut *jathim* (جَاثِمٌ) dan bentuk jamaknya adalah *jathimun* (جَاثِمُونَ) atau *jathimin* (جَاثِمِين).[2]

Lafaz ini di dalam al-Quran hanya disebut dalam bentuk jamaknya iaitu *jathimin* (جَاثِمِين). Ia diulang lima kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 78, 91; surah *Hūd* (11), ayat 67, 94 dan surah *al-'Ankabūt* (29), ayat 37.

Dalam kesemua ayat itu, lafaz *jathimin* (جَاثِمِين) berada dalam rangkaian kalimah yang berbentuk (فَأَصْبَحُوا فِي دَارِهِمْ جَاثِمِينَ) atau (فَأَصْبَحُوا فِي دِيَارِهِمْ جَاثِمِينَ) yang maksudnya ialah, "Dan jadilah mereka mayat-mayat yang ber gelimpangan, diam dan tidak bergerak[3] di tempat tinggal mereka." Keadaan seperti itu dialami oleh kaum-kaum yang mendustakan para nabi selepas mereka ditimpa bencana yang dahsyat. Kaum yang digambarkan di dalam al-Quran mengalami keadaan itu adalah kaum Madyan dan kaum Thamūd.

Kaum Madyan adalah kaum yang menentang dakwah Nabi Syu'aib yang menyembah Allah, memenuhi hak orang lain dengan menetapkan sukatan dan timbangan secara tepat, tidak merosakkan bumi, tidak merampas harta orang lain secara salah dan sebagainya. Oleh kerana mereka derhaka dan menentang Nabi Syu'aib, akhirnya Allah menimpakan azab kepada mereka berupa gempa bumi yang hebat sehingga mereka menjadi mayat-mayat yang bergelimpangan, diam dan tidak bergerak di tempat tinggal mereka. Inilah yang diceritakan dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 91; surah *Hūd* (11), ayat 94 dan surah *al-'Ankabūt* (29), ayat 37.

Kaum kedua yang mengalami keadaan yang sama adalah kaum Thamūd. Mereka adalah kaum yang menentang ajakan Nabi Sālih menyembah Allah. Malah ketika Nabi Sālih melarang mereka menyembelih unta yang merupakan mukjizatnya mereka melanggarnya dan berani menyembelih unta itu dan akhirnya Allah mengazab mereka dengan mengirim suara yang penuh dengan guntur seperti guruh. Akhirnya, mereka menjadi mayat-mayat yang bergelimpangan, diam dan tidak bergerak di tempat tinggal mereka. Inilah yang dikisahkan dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 78 dan surah *Hūd* (11), ayat 67.

JĀTHIYAH- JITHIY (جَاثِيَة - جِثِيّ)

Kata kerja *jathā - yajthū* (جَثَى - يَجْثُو) bererti duduk dengan tertumpu kepada kedua-dua lutut. Adapun orang yang duduk tertumpu kepada kedua-dua lututnya disebut dengan

1 Perbezaan pendapat mengenai pentafsiran "tubuh badan" dapat dilihat pada al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 15, h. 199 dan selepasnya.

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 192.

3 *Ibid.*

jāthiy (جَاثِيٌ), bentuk *mu'annath*nya adalah *jāthiyah* (جَاثِيَة). Manakala bentuk jamaknya adalah *juthi* (جُثِيّ) dan *jithi* (جِثِيّ).[1] Imam al -Syawkānī menjelaskan, yang dimaksudkan dengan *jathiah* (جَاثِيَة) ialah orang yang hanya kedua-dua lutut dan hujung-hujung jari kakinya sahaja yang menempel pada tanah.[2]

Di dalam al-Quran, lafaz *jathiah* (جَاثِيَة) disebut sekali sahaja dalam surah *al-Jātsiyah* (45), ayat 28. Manakala bentuk jamaknya yang disebut adalah *jathian* (جِثِيًّا). Ia disebut dua kali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Maryam* (19), ayat 68 dan 72. Kesemua ayat ini menerangkan keadaan lemahnya manusia pada hari kiamat nanti iaitu selepas dibangkitkan daripada kubur. Surah *al-Jātsiyah* (45), ayat 28 secara khas menerangkan keadaan manusia ketika dihitung amalnya *(al -ḥisāb)*.

Pada masa itu, semua manusia sama ada yang terdahulu mahupun yang terkemudian atau mereka yang taat kepada para rasul mahupun yang kafir akan berkumpul dalam keadaan (جَاثِيَة) iaitu hanya kedua-dua lutut dan hujung-hujung jari kakinya sahaja yang melekat pada tanah.[3] Pada masa itu, keadaan begitu dahsyat dan hebat[4] menyebabkan semua manusia berasa takut dan khuatir.

Dalam surah *Maryam* (19), ayat 68, Allah menjelaskan orang yang tidak percaya terjadinya hari kiamat dan hari kebangkitan akan dikumpulkan bersama syaitan, kemudian mereka dibawa mendekati neraka Jahanam. Ketika mereka dekat dengan neraka Jahannam itulah mereka berlutut (جَاثِيَة) kerana takut melihat keadaan yang begitu dahsyat.[5] Selepas Allah menegaskan semua manusia di akhirat nanti pasti melalui *ṣīrāṭ* di atas neraka Jahannam, kemudian Allah menjelaskan dalam surah *Maryam* (19), ayat 72, dia akan menyelamatkan orang yang bertakwa daripada jatuh ke dalam neraka itu dan dia akan membiarkan orang yang zalim masuk ke neraka dalam keadaan berlutut (جَاثِيَة) pasrah tidak ada daya dan kuasa.

JAWĀB – MUJĪB – MUJĪBŪN
(جَوَاب-مُجِيب-مُجِيبُوْن)

Jawāb (جَوَاب) mempunyai dua maksud. Pertama, lafaz (جَوَاب) adalah bentuk jamak daripada kata tunggal *jābiyah* (جَابِيَة), maka lafaz (جَوَاب) di sini bererti kolam-kolam air.[6] Kedua, kata (جَوَاب) adalah satu akar kata dengan kata *ijābah* (إِجَابَة), ertinya menjawab atau mengabulkan.

Lafaz (جَوَاب) diulang lima kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 82; surah *al-Naml* (27), ayat 56; surah *al-'Ankabūt* (29), ayat 24, 29 dan surah *Sabak* (34), ayat 13. Lafaz (جَوَاب) yang bererti kolam air hanya disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Sabak* (34), ayat 13. Dalam ayat itu diceritakan piring-piring yang dibuat oleh jin bagi Nabi Sulaimān. Besar dan luasnya piring itu disamakan dengan besar dan

1 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 88; *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *loc. cit.*

2 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 10.

3 Ada perbezaan pendapat mengenai erti kata (جَاثِيَة) pada ayat ini; Imam al-Farrā' mengertikannya dengan berkumpul sehingga maksud ayat itu adalah setiap pengikut agama (ummah) akan berkumpul dengan kelompoknya masing-masing. Imam 'Ikrimah mengertikannya dengan kelainan, sehingga setiap ummah tampak berbeza dari ummah yang lainnya. Ada juga yang mengertikannya dengan tunduk sehingga mereka semua pada masa itu kelihatan tunduk dan merendah diri. Lihat Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 10.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 152.

5 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 343.

6 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 87.

luasnya kolam air (كَٱلْجَوَاب).[1]

Manakala lafaz (جَوَاب) yang bererti menjawab diulang empat kali, tiga kali berkenaan dengan jawapan kaum Nabi Lut yang terdapat dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 82; surah *al-Naml* (27), ayat 56 dan surah *al-'Ankabūt* (29), ayat 29. Dalam tiga ayat itu diceritakan, selepas Nabi Lūt melarang kaumnya melakukan perbuatan homoseksual yang keji, jawapan kaumnya (وَمَا كَانَ جَوَابَ قَوْمِهِ) adalah mencabar Nabi Lut supaya segera diturunkan azab, malah mereka mengusir Nabi Lūt bersama orang yang beriman supaya meninggalkan negara tempat tinggal mereka.

Begitu juga yang terjadi pada Nabi Ibrāhīm selepas beliau mengajak kaumnya menyembah hanya kepada Allah yang esa dan meninggalkan patung berhala, kaumnya menjawab, "Bunuhlah Ibrahim atau bakarlah dia di dalam api!"

فَمَا كَانَ جَوَابَ قَوْمِهِۦٓ إِلَّآ أَن قَالُواْ ٱقْتُلُوهُ أَوْ حَرِّقُوهُ

(Surah *al-'Ankabūt* (29), ayat 24)

Lafaz yang satu akar dengan lafaz (جَوَاب) adalah *mujīb* (مُجِيب) yang bentuk jamaknya adalah *mujībūn* (مُجِيبُون). Kedua-dua lafaz ini disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah Hūd (11), ayat 61 dan surah *al-Sāffāt* (37), ayat 75. Kedua-dua lafaz itu adalah sifat Allah. Lafaz (مُجِيب) bererti Tuhan yang maha mengabulkan doa hamba-hambanya. Manakala lafaz (فَلَنِعْمَ ٱلْمُجِيبُونَ) bererti zat yang maha mengabulkan segala permintaan hamba-hambanya.

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 539.

JĀWĀRIḤ (جَوَارِح)

Lafaz *jāwārīḥ* (جَوَارِح) adalah bentuk jamak daripada *jāriḥah* (جَارِحَة) ertinya haiwan pemburu seperti burung, anjing atau singa. Haiwan-haiwan itu dinamakan dengan (جَارِحَة) kerana ia melukai (تَجْرَحُ) haiwan-haiwan yang diburu bagi tuannya.[2]

Lafaz (جَوَارِح) disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 4. Ayat ini menerangkan haiwan yang halal dimakan iaitu haiwan yang berhasil ditangkap oleh haiwan-haiwan pemburu (ٱلْجَوَارِح) seperti anjing, burung atau haiwan pemburu lainnya dengan syarat haiwan pemburu itu sudah terlatih dan ketika melepaskan haiwan buruan itu dibaca *Basmalah.*

Sebahagian ahli Fikah menetapkan beberapa syarat bagi anjing yang memburu binatang sehingga binatang yang ditangkap itu halal dimakan. Syarat-syarat itu adalah:

- Haiwan itu sudah dilatih dan ia datang apabila dipanggil dan mematuhi semua perintah tuannya.
- Haiwan yang diburu itu tidak dimakan oleh anjing pemburu.
- Semasa melepaskan anjing pemburu itu hendaklah membaca *Basmalah.*
- Orang yang melepaskan anjing pemburu ini mestilah Muslim.

Ada pula sebahagian ahli Fikah yang mensyaratkan anjing pemburu itu bukanlah anjing hitam. Namun, sebahagian syarat-syarat ini ada perbezaan pendapat di kalangan *fuqahā'* yang keterangannya terdapat dalam kitab-kitab fikah.[3]

2 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 90; *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 197.

3 Muhammad 'Alī al-Sābūnī (1977), *Rawā'i' al-Bayān: Tafsīr Āyāt al-Ahkām min al-Qur'ān*, j. 1. c. 2. Makkah: Mansyūrāt Maktabah al-Ghazālī, h. 530.

JAWF (جَوْف)

Erti lafaz *jawf* (جَوْف) ialah rongga badan bahagian dalam.[1] Lafaz (جَوْف) ini disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Ahzāb* (33), ayat 4. Rongga badan bahagian dalam yang dimaksudkan dalam ayat ini adalah rongga badan manusia. Allah menegaskan pada rongga bahagian dalam tubuh manusia (جَوْفِه) tidak mungkin ada dua hati. Maksud Allah mengungkapkan kalimah itu adalah sebagai permulaan memudahkan orang dalam memahami hukum yang akan diterangkan selepasnya. Dan ini adalah keindahan kalimah di dalam al-Quran dan ia adalah bentuk perumpamaan.[2]

Pada lafaz itu, Allah menerangkan perkara mustahil yang mudah difahami oleh manusia iaitu dalam rongga tubuh manusia tidak mungkin ada dua hati. Mustahil perkara ini adalah sama dengan mustahilnya isteri dianggap sebagai ibu kandung suaminya hanya kerana dia mengucapkan lafaz *ẓihār*, *"Anti kaẓahri ummī"* ertinya "Kamu seperti ibuku (sehingga tidak boleh saya setubuhi)." Dengan kata lain, mustahil suami itu mem punyai dua ibu kandung sama seperti mustahilnya satu rongga tubuh mempunyai dua hati.

Perkara itu juga sama mustahilnya anak angkat *(al-tabannī)* dihukum sebagai anak angkat. Dengan kata lain mustahil anak angkat itu mempunyai dua orang tua kandung sama seperi mustahilnya satu rongga tubuh mempunyai dua hati.[3] Sebelum Allah menerangkan satu masalah yang sukar Allah memulainya dengan mendedahkan perkara yang serupa dan yang lebih mudah difahami. Ini adalah keindahan di dalam al-Quran.

JAWW(جَوّ)

Erti lafaz *jaww* (جَوّ) ialah udara atau ruang yang ada antara langit dan bumi.[4] Lafaz (جَوّ) ini hanya disebut sekali sahaja di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Nahl* (16), ayat 79. Ayat ini berada dalam rangkaian ayat yang menceritakan kekuasaan Allah yang sempurna dan juga nikmat-nikmatnya yang diberikan kepada manusia. Dengan memahami perkara itu pasti manusia mahu beriman dan bersyukur kepada Allah.

Dalam surah *an-Nahl* (16), ayat 79 ini diterangkan ruang udara (جَوِّ ٱلسَّمَآءِ) menjadi tempat terbangnya burung-burung. Ini adalah tanda kekuasaan Allah yang sempurna kerana biasanya benda-benda bumi yang dilempar ke udara akan jatuh kembali ke bumi, namun tidak terjadi kepada burung-burung. Meskipun tanpa pengikat di atasnya dan tanpa penahan di bawahnya burung-burung dapat berada di udara, terbang bebas ini kerana burung-burung itu diilhamkan oleh Allah membuka dan menutup kedua-dua sayapnya sehingga ia dapat bertahan pada hembusan angin dan tidak jatuh ke bumi. Ini mestinya menjadi pelajaran bagi manusia, Allah adalah maha kuasa di atas segala kuasa yang ada.[5]

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 235.

2 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 260.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 466.

4 Al-Rāzī (1995), *op. cit.*, h. 50; al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 104; *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 235.

5 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 183.

JAYB (جَيْب)

Erti lafaz *jayb* (جَيْب) ialah saku dan bentuk jamaknya adalah *juyūb* (جُيُوْب). Lafaz (جَيْب) dalam bentuk tunggal diulang dua kali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Naml* (27), ayat 12 dan *al-Qasas* (28), ayat 32. Kedua-duanya disebut berkait rapat dengan mukjizat yang dimiliki oleh Nabi Mūsā.

Semasa Nabi Mūsā dalam perjalanan kembali ke Mesir dari Madyan, beliau diberi mukjizat oleh Allah iaitu apabila beliau memasukkan tangannya ke dalam saku (جَيْب) miliknya, terpancar warna putih bersinar daripada tangannya, bukan kerana penyakit. Pakar tafsir berbeza pendapat dalam mentafsirkan (جَيْب). Ada yang mentafsirkannya dengan saku pakaian yang dipakai Nabi Mūsā,[1] ada juga yang mengertikannya dengan ketiak kerana bentuknya adalah sama dengan saku iaitu sama-sama berbentuk seperti koyakan yang terbuka.[2] Dan ada juga yang mentafsirkannya dengan koyakan baju bahagian dada atas dekat dengan leher sehingga maksudnya ialah Nabi Sulaimān memasukkan tangannya ke dada melalui koyakan baju bahagian atas itu.[3] Ini adalah antara mukjizat yang ditunjukkan oleh Nabi Mūsā kepada Firaun dan kaumnya.

Manakala dalam bentuk jamak (جُيُوْب) disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *an-Nūr* (24), ayat 31. Ia berkaitan dengan cara berpakaian yang mesti dipatuhi oleh perempuan Muslimah iaitu mestilah mereka menutup (جُيُوْب) *jūyūb*nya dengan tudung yang dipakai. Imām Sa'īd b. Jubair mentafsirkan (جُيُوْب) dengan sebelah atas dada yang dekat dengan leher dan juga bahagian dada. Bahagian-bahagian ini mesti ditutup supaya tidak terdedah.[4]

JAZŪ (جَزُوْع)

Maksud lafaz *al-jaz'* (اَلْجَزْعُ) ialah tidak mampu menanggung musibah yang menimpa dan lawan bagi sabar.[5] Al-Isfahānī menegaskan, (اَلْجَزْعُ) bukan setakat kesedihan biasa (اَلْحُزْنُ). Lafaz (اَلْجَزْعُ) mempunyai maksud lebih khas iaitu kesedihan yang menyebabkan orang berpaling daripada matlamatnya sehingga dia terputus dari matlamat itu.[6]

Dalam bahasa Melayu dimaksudkan dengan keluh kesah. Bagi menyebut orang yang berkeluh-kesah digunakan lafaz *jāzi'* (جَازِعٌ) dan bagi menyebut orang yang sangat berkeluh-kesah digunakan lafaz *jazū'* (جَزُوْع) sehingga kata (جَزُوْع) adalah bentuk *Sīghah al-Mubālaghah* (bentuk kata superlatif yang bermaksud lebih atau sangat).[7]

Al-Quran hanya menyebut sekali sahaja lafaz (جَزُوْعا) iaitu dalam surah *al-Ma'ārij* (70), ayat 20. Ayat ini berada dalam rangkaian ayat yang menerangkan dua tabiat manusia yang negatif iaitu apabila mengalami kemiskinan, kesusahan atau sakit, dia banyak mengeluh (جَزُوْعا).[8] Imām Ibnu Kathīr men-

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 358 dan Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 368.

2 Al-Husayn b. Muhammad al-Damaghānī (1970), *Iṣlāḥ al-Wujūh al-Nadhā`ir fi al-Qurān al-Karīm*, Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, h. 113.

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 240.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 285.

5 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 201.

6 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 92.

7 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 201.

8 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 292

tafsirkan lafaz (جَزُوعا) ialah sifat orang itu terkejut, mengeluh, hatinya kosong kerana takut dan juga putus asa bagi mendapatkan kebaikan sesudah itu. Tabiat kedua adalah kedekut. Apabila manusia mendapat kebaikan atau nikmat daripada Allah, dia kedekut, tidak mahu berkongsi dengan orang lain dan tidak mahu menunaikan hak Allah.[1]

Manusia memang mempunyai sifat negatif seperti di atas. Namun ada orang yang dipelihara Allah daripada sifat-sifat buruk itu dan diberi petunjuk serta dipermudahkan mendapat rezeki dan kebaikan. Tanda-tanda orang yang dilindungi Allah dari tabiat-tabiat buruk itu antaranya adalah selalu menunaikan solat, memberikan sebahagian hartanya kepada orang yang berhak, percaya pada hari akhirat, takut kepada azab Allah, menjaga kemaluannya dari zina, menjaga amanah dan menepati janji dan sebagainya seperti yang diterangkan dalam ayat 22 hingga ayat 34 surah *al-Ma'ārij*.

JIBILL (جِبِلّ)

Al-Isfahānī mengatakan maksud lafaz *jibill* (جِبِلّ) ialah kumpulan yang besar atau ramai. Ia disebut begitu kerana disamakan dengan gunung (جَبَلٌ) kerana bentuknya juga besar.[2] Lafaz ini disebut sekali sahaja di dalam al-Quran dalam bentuk (جِبِلا) iaitu dalam surah *Yāsīn* (36), ayat 62. Imām Mujāhid, Qatādah, al-Suddī dan Sufyān bin 'Uyainah mentafsirkan lafaz (جِبِلا) pada ayat ini dengan makhluk yang banyak (اَلْخَلْقُ الْكَثِير).[3]

Dalam rangkaian ayat ini diterangkan, pada hari kiamat nanti orang kafir disuruh mengasingkan diri daripada kumpulan orang beriman. Kemudian mereka diingatkan semula oleh Allah ketika di dunia, para rasul melarang mereka mendengar pujuk rayu syaitan. Mereka pun tahu sesungguhnya syaian sudah menyesatkan sekumpulan besar (جِبِلًّا كَثِيرًا) manusia, namun mereka tidak mahu memikirkannya dan tetap ikut dan patuh kepada syaitan. Ungkapan ini adalah penghinaan Allah kepada orang kafir sehingga dengan penghinaan ini perasaan mereka di akhirat semakin sedih, terseksa dan merana.[4]

JIBILLAH (جِبِلة)

Erti lafaz *jibillah* (جِبِلة) ialah pembawaan, tabiat dan juga sekumpulan manusia.[5] Lafaz (جِبِلة) hanya disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 184. Imam Mujāhid dan juga yang lain menyatakan maksud (الجِبِلَّة الأَوَّلِين) dalam ayat itu ialah makhluk atau umat-umat terdahulu.

Ayat ini berada dalam rangkaian ayat yang menceritakan tentang *Ashāb al-Aykah*. Mereka tidak mahu mentaati Nabi Syu'aib yang diutus Allah bagi mengubah sikap mereka. Ada banyak perkara yang menjadi fokus dakwah Nabi Syu'aib antaranya adalah

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 422

2 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 87; *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 190.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 577.

4 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 377.

5 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 190.

perintah mencari harta secara halal, tidak boleh mengurangkan timbangan atau sukatan dan juga tidak melakukan kerosakan di muka bumi. Perkara lain yang ditekankan oleh Nabi Syu'aib semasa berdakwah kepada kaumnya adalah mengingatkan Allah yang mencipta mereka semua dan juga kaum-kaum sebelum mereka (الْجِبِلَّةَ الْأَوَّلِينَ). Ini menunjukkan Allah yang maha kuasa dan memberi rahmat kepada mereka sehingga mereka hendaklah bertakwa, taat dan patuh kepadanya.

JIBT (جِبْت)

Erti lafaz *jibt* (جِبْت) ialah semua perkara yang disembah selain Allah. Ada yang mengatakan kata itu adalah sebutan bagi berhala, dukun, penyihir dan yang seumpamanya.[1]

Kata *al-jibt* (الْجِبْت) hanya disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah al-Nisāk (4), ayat 51. Ahli tafsir berbeza pendapat tentang maksud kata *al-jibt* (الْجِبْت) namun, semua erti itu menunjukkan kepada perbuatan atau benda yang buruk. Di antara erti-erti itu adalah sihir, syaitan, musyrik, patung berhala dan dukun. Ada juga yang menganggapnya sebagai panggilan kepada dua tokoh Yahudi yang ingkar kepada nabi iaitu Hayy bin Akhtab dan Ka'ab bin al -Asyraf.[2]

Dalam hadis yang dilaporkan oleh Qubaisah bin Mukhāriq disebutkan Nabi Muhammad berkata, "الْعِيَافَةَ وَالطَّرْقَ وَالطِّيَرَةَ مِنَ الْجِبْتِ" (Meramal, meramal dengan cara m - lemparkan batu dan meramal akan datang-nya hal buruk (dengan berpandukan kepada datangnya burung tertentu) termasuk *al -jibt*).[3]

Hadis ini menerangkan akidah Yahudi adalah akidah yang tidak murni. Meskipun mereka percaya wujudnya tuhan dan mempunyai kitab suci, namun mereka juga percaya kepada (الْجِبْت). Kepercayaan mereka kepada (الْجِبْت) mengalahkan kepercayaan mereka kepada dakwah yang dibawa Nabi Muhammad.

JĪD (جِيْد)

Erti lafaz *jīd* (جِيْد) ialah leher.[4] Lafaz (جِيْد) disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Masad* (111), ayat 5. Ayat ini menerangkan di neraka nanti, leher isteri Abū Lahab akan diikat dengan tali (فِي جِيدِهَا حَبْلٌ مِّن مَّسَدٍ). Ini adalah seksaan yang pedih kepadanya kerana dia membantu suaminya, Abū Lahab dalam menentang dan menyakiti Rasulullah.

Imām Ibnu Kathīr menerangkan tali yang melilit leher isteri Abu Lahab dikumpulkan kembali bagi membakar suaminya pula. Ketika di dunia, dia adalah pembantu yang setia pada Abū Lahab bagi menyakiti Rasulullah, di akhirat dia juga menjadi penolong setia suaminya bagi merasakan azab dan seksa. Bentuk azab yang seperti ini amat pedih dan menyakitkan.[5]

1 Ibn Manzūr (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 21.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 513.

3 Hadis direkodkan Imām Ahmad b. Hanbal.

4 Ibn Manzūr (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 139.

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 352 dan j. 4, h. 565.

JIDĀR – JUDUR (جِدَار - جُدُر)

Erti lafaz *jidār* (جِدَار) ialah tembok bentuk jamaknya adalah *judur* (جُدُر).[1] Lafaz (جِدَار) dalam bentuk tunggal diulang dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Kahfi* (18), ayat 77 dan 82. Dalam bentuk jamak (جُدُر) ia disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al -Hasyr* (59), ayat 14.

Dalam surah *al-Kahfi* (18), ayat 77 dan 82 menerangkan kisah Nabi Mūsā dengan Nabi Khidir. Dalam ayat 77 diceritakan, Nabi Mūsā dan Nabi Khidir berjalan bersama hingga sampai ke sebuah negeri. Mereka minta dihidangkan makanan dan minuman sebagai tetamu kepada penduduk negeri itu tetapi penduduk negeri itu tidak mahu memberi hidangan kepada mereka. Kemudian mereka menjumpai tembok (جِدَار) rumah yang hampir roboh, lalu Nabi Khidir menegakkan semula tembok itu. Nabi Mūsā berkata, "Sekiranya kamu mahu kamu boleh mengambil upah." Ini adalah pelanggaran ketiga yang dilakukan Nabi Mūsā kerana sebelum itu beliau berjanji tidak akan bertanya tentang apa yang dilakukan Nabi Khidir sehinggalah Nabi Khidir menerangkan perbuatannya itu. Akhirnya, Nabi Khidir membuat keputusan Nabi Mūsā tidak sanggup belajar bersabar dengannya dan mereka pun berpisah.

Manakala ayat 82 menerangkan, Nabi Khidir menceritakan hikmah di sebalik perbuatannya. Tembok (جِدَار) rumah yang senget itu adalah kepunyaan dua orang anak yatim dan di bawahnya ada harta benda simpanan mereka berdua. Ayah mereka adalah orang yang soleh dan Allah menghendaki apabila mereka dewasa nanti dapat mengeluarkan harta simpanannya itu sebagai rahmat daripada Allah.

Manakala surah *al-Hasyr* (59), ayat 14 menceritakan orang Yahudi dan orang munafik adalah penakut dan pengecut kerana mereka tidak berani berperang menghadapi tentera Muslimin secara langsung kecuali mereka menyerang kaum Muslimin dari kawasan yang dikelilingi benteng atau di sebalik tembok pagar (مِنْ وَرَاءِ جُدُر).[2]

JIDH' - JUDHŪ' (جِذْع - جُذُوْع)

Lafaz *jidh'* (جِذْع) maksudnya ialah bahagian bawah dari pokok. Imām al-Qurtubī mengatakan semua kayu yang berada pada bahagian bawah pokok dinamakan dengan (جِذْع).[3]

Lafaz (جِذْع) disebut dua kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *Maryam* (19), ayat 23, 25. Bentuk jamaknya iaitu *judhū'* (جُذُوْع) disebut sekali sahaja dalam surah *Tāhā* (20), ayat 71. Semua bawah pokok yang disebutkan di dalam al-Quran adalah bawah pokok kurma (جِذْع النَّخْلة) dan (جُذُوْع النَّخْل).

Ayat ke 23 dan 25 surah *Maryam* menceritakan keadaan Sayidah Maryam ketika hendak melahirkan Nabi Īsā. Pada masa itu, Sayidah Maryam berasa sakit sehingga dia bersandar di bawah pokok kurma (جِذْع النَّخْلة). Beliau mengeluh kerana rasa sakit itu. Namun, Allah memberi khabar gembira kepada Maryam melalui malaikat Jibril supaya jangan bersedih kerana Allah

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 194.

2 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 204; Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 341.

3 *Ibid.*, j. 3, h. 329.

menciptakan aliran air di bawahnya dan memerintahkan Maryam menggoyangkan bawah pokok kurma (جِذْعِ النَّخْلَة) ke arahnya kerana pasti pokok itu akan menggugurkan buah kurma yang masak untuknya. Kemudian beliau minum air dan makan buah kurma yang jatuh bagi mengembalikan kekuatan tubuhnya.[1]

Dalam surah *Tāhā* (20), ayat 71 menceritakan kemarahan Firaun kepada tukang sihirnya selepas mereka menyatakan keimanan kepada Nabi Mūsā. Firaun mengancam, dia akan memotong tangan dan kaki mereka yang beriman secara bersilang dan dia akan menyalib mereka pada bawah pokok kurma (فِي جُذُوْعِ النَّخْل). Maksudnya adalah menyalib mereka di bawah pokok kurma supaya semakin pedih seksaannya dan menjadi pelajaran pada orang ramai. Ibnu 'Abbās mengatakan Firaun adalah orang pertama yang melakukan hukuman ini.[2]

JIFĀN (جِفَان)

Lafaz *jifān* (جِفَان) adalah bentuk jamak daripada *jafnah* (جَفْنَة) yang bermaksud piring yang digunakan bagi makanan.[3] Di dalam al-Quran hanya menyebut bentuk jamak daripada kata ini iaitu (جِفَان). Ia hanya disebutkan sekali sahaja iaitu dalam surah *Saba'* (34), ayat 13.

Ayat ini berada dalam rangkaian ayat yang menceritakan tentang anugerah dan nikmat Allah yang diberikan kepada keluarga Nabi Dāūd. Ayat ini menceritakan tentang nikmat yang diberikan kepada putera Nabi Dāūd iaitu Nabi Sulaimān. Antara nikmat yang disebutkan dalam ayat ini adalah Nabi Sulaimān mempunyai pekerja-pekerja daripada kalangan jin. Jin-jin itu melakukan apa yang diperintahkan Nabi Sulaimān seperti membina bangunan yang tinggi, membuat patung-patung, piring-piring (جِفَان) yang besarnya seperti kolam dan periuk yang tetap berada di atas tungku. Dengan nikmat yang besar ini sama ada nikmat agama mahupun nikmat dunia Allah menyuruh keluarga Nabi Dāūd supaya bersyukur.[4]

JIHĀD – MUJĀHIDŪN (جِهَاد-مُجَاهِدُون)

Erti *jīhād* (جِهَاد) ialah mencurahkan semua tenaga dan kemampuan dalam melawan musuh. Orang yang berjihad disebut *mujāhid* (مُجَاهِد) jamaknya adalah *mujāhidūn* (مُجَاهِدُون). Menurut al-Isfahānī bentuk jihād ada tiga. Pertama, jihad melawan musuh yang nampak. Kedua, jihad melawan syaitan. dan ketiga, jihad melawan hawa nafsu.[5]

Kata *jihād* (جِهَاد) diulang empat kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 24; surah *al-Hajj* (22), ayat 78; surah *al-Furqān* (25), ayat 52 dan surah *al-Mumtahinah* (60), ayat 1. Manakala kata *mujahidun* (مُجَاهِدُون) diulang tiga kali iaitu dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 95 (tiga kali) dan surah *Muhammad* (47), ayat 31.

1 *Ibid.*, h. 328.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.* j. 3, h. 160.

3 Al-Rāzī (1995), *op. cit.*, h. 45.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 529.

5 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 101.

Penggunaan kata *jihād* (جِهَاد) di dalam al-Quran mempunyai makna yang luas. Ia tidak hanya bermaksud perang melawan orang kafir sahaja. Ini nampak dalam keterangan pakar tafsir ketika mentafsirkan surah *al-Hajj* (22), ayat 78, di mana dalam ayat itu Allah memerintahkan orang beriman bersungguh -sungguh dalam berjihad di jalan Allah (وَجَاهِدُوا فِي اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ).

Imam al-Syaukāni menyenaraikan beberapa pendapat mengenai maksud *jihād* yang terdapat dalam ayat itu. Ada yang mengatakan, yang dimaksudkan dengan *jihād* dalam ayat itu adalah berperang me lawan orang kafir dan mempertahankan diri apabila mereka menyerang daerah umat Islam. Ada juga yang berpendapat, yang dimaksudkan *jihād* dalam ayat itu adalah bersungguh-sungguh dalam melaksanakan perintah Allah pada ayat sebelumnya iaitu solat (rukuk dan sujud), beribadah kepada Allah dan melakukan kebaikan. Ada juga yang berpendapat, maksud *jihād* itu adalah melaksanakan perintah Allah dan menjauhi larangannya secara umum.[1]

Manakala Imām Ibnu Kathīr cenderung berpendapat, yang dimaksudkan *jihād* dalam ayat itu adalah mencakup segala bentuk *mujāhadah* sama ada *jihād* dengan menggunakan lisan, harta mahupun jiwa.[2] Imām al-Alūsī juga sependapat dengan Imām Ibn Kathīr, malah beliau menambah termasuk *jihād* yang dimaksudkan dalam ayat itu adalah *jihād al-nafs* iaitu menyucikan jiwa dengan cara melaksanakan kewajipannya dan meninggalkan perkara yang tidak patut baginya; *jihād al-qalb*, iaitu membersihkan hati supaya tidak terikat dan tidak bergantung pada makhluk dan *jihād ar-rūh* iaitu dengan cara menyedari zat yang wujudnya hakiki hanyalah wujud Allah.[3]

Termasuk kategori pekerjaan yang dianggap jihad oleh al-Quran adalah menyebarkan ajaran al-Quran dengan sungguh -sungguh sepertimana yang diperintahkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad dalam surah *al-Furqān* (25), ayat 52. Dalam ayat itu, Allah memerintahkan Nabi Muhammad supaya berjīhad secara bersungguh-sungguh (وَجَٰهِدْهُم بِهِۦ جِهَادًا كَبِيرًا) menyebarkan al-Quran kepada orang kafir iaitu dengan cara melantunkan al-Quran yang di dalamnya terdapat *mau'izah*, perintah dan larangan di hadapan mereka.[4]

Antara pekerjaan yang juga dianggap *jihād* di dalam al-Quran adalah berhijrah ke Madinah yang dilakukan oleh para sahabat Nabi. Dalam surah *al-Mumtahinah* (60), ayat 1, Allah menegaskan apabila para sahabat berhijrah meninggalkan Makkah kerana *jihād* dan kerana ingin mendapatkan redanya (إِن كُنتُمْ خَرَجْتُمْ جِهَٰدًا فِي سَبِيلِي وَٱبْتِغَآءَ مَرْضَاتِي), mereka tidak boleh berkasih sayang dengan musuh -musuh Islam. Dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 24, Allah menegaskan orang beriman mesti menempatkan Allah, rasul dan jihād *fīsabīlillāh* berada di atas segala-galanya. Ia tidak boleh dikalahkan oleh kecintaan kepada keluarga, kawan, harta, usaha niaga mahupun rumah tempat tinggal.

Apabila seorang Mukmin bersungguh -sungguh dalam ber*jihād,* maka dia mendapat balasan yang agung daripada Allah. Antaranya adalah yang disebutkan dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 95. Dalam ayat itu kata (مُجَٰهِدُون) diulang tiga kali dan ditegaskan darjat orang yang berjihād *fīsabīlillah* sama

1 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 470.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 237.

3 Al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 17, h. 213.

4 Al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 19, h. 32 dan Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 81.

ada dengan harta mahupun jiwanya adalah jauh lebih tinggi dibandingkan dengan darjat orang yang tidak mahu berjihad. Ketinggian darjat itu berupa syurga yang lebih tinggi tingkatannya dan pahala yang lebih besar di akhirat nanti.

Dalam surah *Muhammad* (47), ayat 31, Allah menegaskan dengan adanya perang melawan musuh-musuh Islam, akan tampaklah orang yang memang mempunyai kesungguhan dalam berjihād *fisabīlillah* dan yang memang benar-benar mempunyai kesabaran yang tinggi:

حَتَّىٰ نَعْلَمَ ٱلْمُجَٰهِدِينَ مِنكُمْ وَٱلصَّٰبِرِينَ

JINN - JINNAH - JĀNN
(جِنّ - جِنَّة - جَانّ)

Rāghib al-Isfahānī menegaskan lafaz (ٱلْجِنُّ) mempunyai dua makna. **Pertama**, alam rohani yang tersembunyi dan tidak dapat dirasai oleh manusia. Oleh itu, malaikat dan syaitan dapat dimasukkan dalam kategori jin. Setiap malaikat adalah jin, tetapi bukan bererti setiap jin adalah malaikat. **Kedua**, jin adalah salah satu jenis makhluk di alam rohani.

Terdapat tiga makhluk di alam ini iaitu makhluk ghaib yang terbaik iaitu malaikat, makhluk ghaib yang paling buruk iaitu syaitan dan makhluk ghaib yang di tengah-tengah, ada yang baik dan ada yang buruk iaitu jin. Erti lafaz (جِنَّة) ialah sekumpulan jin dan ada pula yang bererti orang gila atau orang yang kemasukan jin (مَجْنُون). Manakala erti kalimah (ٱلْجَانّ) ialah jin dan ada pula yang bererti sejenis ular.[1]

Lafaz (ٱلْجِنُّ) diulang 22 kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 100, 112, 128, 130; surah *al-A'rāf* (7), ayat 38, 179; surah *al-Isrāk* (17), ayat 88; surah *al-Kahfi* (18), ayat 50; surah *al-Naml* (27), ayat 17, 39; surah *Sabak* (34), ayat 12, 14, 41; surah *Fussilat* (41), ayat 25, 29; surah *al-Ahqāf* (46), ayat 18, 29; surah *al-Zāriyāt* (51), ayat 56; surah *al-Rahmān* (55), ayat 33; surah *al-Jinn* (72), ayat 1, 5, 6.

Lafaz (جِنَّة) diulang sepuluh kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 184; surah *Hūd* (11), ayat 119; surah *al-Mukminūn* (23), ayat 25, 70; surah *al-Sajdah* (32), ayat 13; surah *Sabak* (34), ayat 8, 46; surah *al-Sāffāt* (37), ayat 158 (dua kali); surah *al-Nās* (114), ayat 6. Manakala kalimah (ٱلْجَانّ) diulang tujuh kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Naml* (27), ayat 10; surah *al-Qasas* (28), ayat 31; surah *al-Rahmān* (55), ayat 15, 39, 56, 74; surah *al-Hijr* (15), ayat 27.

Sebahagian besar ahli tafsir mengertikan kata (جِنَّة) yang terdapat dalam surah *as-Sāffāt* (37), ayat 158 dengan malaikat. Malaikat disebut dengan istilah (جِنَّة) kerana mereka termasuk makhluk yang tertutup daripada pandangan mata. Manakala Imām Mujāhid lebih mengkhususkan lagi yang dimaksudkan dengan (جِنَّة) pada ayat adalah sekelompok malaikat yang mempunyai sebutan (جِنَّة).[2] Pada ayat itu dijelaskan orang kafir menuduh Allah mempunyai hubung kait nasab dengan malaikat (جِنَّة); iaitu malaikat adalah anak perempuan Allah. Tuduhan itu adalah keliru dan malaikat mengetahui orang kafir itu pada hari akhirat nanti akan dihadirkan di hadapan Allah dan akan diminta ber-

1 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 98-99.

2 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 414.

tanggungjawab atas ucapannya itu.

Imām Ibn Kathīr pula menerangkan sahabat Ibn 'Abbās mengertikan (جِنَّة) dalam ayat itu dengan iblis. Ini kerana musuh-musuh Islam mengatakan Allah adalah saudara iblis. Maha suci Allah atas tuduhan mereka itu. Ketiga-tiga maksud tadi sesuai dengan maksud bahasa kalimah (جِنَّة) iaitu alam ghaib yang tersembunyi dan tidak dapat dilihat oleh manusia termasuk di dalamnya malaikat dan syaitan seperti yang dijelaskan oleh Rāghib al-Isfahānī.

Manakala lafaz (جَانّ) yang terdapat dalam surah *al-Naml* (27), ayat 10 dan surah *al-Qasas* (28), ayat 31 diertikan oleh para ahli tafsir sejenis ular yang besar dan geraknya begitu cepat.[1] Imam al-Syaukānī menekankan penggunaan kalimah (جَانّ) dalam ayat ini memberi isyarat ular itu mempunyai gerak yang cepat seperti cepatnya gerakan jin.[2] Ular yang bergerak cepat (جَانّ) yang dimaksudkan dalam kedua-dua ayat ini adalah ular yang asalnya berbentuk tongkat yang dipegang oleh Nabi Mūsā. Berubahnya tongkat menjadi ular adalah mukjizat yang dianugerahkan Allah kepada Nabi Mūsā.

Manakala lafaz (جِنَّة), (اَلْجِنّ) dan (اَلْجَانّ) yang terdapat pada selain tiga ayat yang disebut di atas bermaksud bangsa jin. Pada beberapa tempat, lafaz (جِنَّة) memang diertikan dengan orang yang gila dan ia juga mempunyai maksud orang yang dirasuk oleh jin.

Dalam surah *al-Hijr* (15), ayat 27 dan surah *al-Rahmān* (55), ayat 15, Allah menerangkan sebelum Allah menciptakan manusia, dia menciptakan jin daripada api yang menyala dan panas. Dalam surah *al-Kahfi* (18), ayat 50 dijelaskan pula iblis pada mulanya berasal daripada jenis jin yang derhaka pada perintah Allah. Tujuan Allah menciptakan jin dan juga manusia supaya mereka beribadah hanya kepada Allah (Surah *al-Zāriyāt* (51), ayat 56).

Namun, dalam kehidupan di dunia ini, jin terbahagi kepada dua golongan. Antara mereka ada yang beriman kepada Allah, para utusan Allah dan mahu mendengar serta menjalankan ajaran-ajaran di dalam al-Quran dan mengajarkannya kepada sesama mereka seperti yang disebutkan dalam surah *al-Jinn* (72), ayat 1 dan surah *al-Ahqāf* (46), ayat 29. Antara jenis jin yang seperti ini adalah jin yang menjadi tentera Nabi Sulaimān. Mereka membantu dan mematuhi semua yang diperintahkan oleh Nabi Sulaimān. Termasuklah Jin 'Ifrit yang mampu membawa singgahsana Ratu Balqis sebelum Nabi Sulaimān berdiri dari tempat duduknya (Surah *al-Naml* (27), ayat 17, 39; surah *Sabak* (34), ayat 12, 14).

Jin-jin yang beriman dan yang taat beribadah kepada Allah mendapat pahala iaitu syurga yang penuh dengan kenikmatan. Antara nikmat yang mereka peroleh adalah mereka didampingi oleh wanita-wanita yang selalu menjaga pandangan mata dan kehormatannya, wanita itu sebelumnya belum pernah disetubuhi oleh jin mahupun manusia (Surah *al-Rahmān* (55), ayat 56, 74).

Selain itu, ada juga jin yang derhaka kepada Allah. Mereka menyekutukan Allah (Surah *al-Jinn* (72), ayat 5, 6), malah ada yang mahu dijadikan sembahan oleh manusia (Surah *al-An'ām* (6), ayat 100). Mereka tidak mahu menggunakan hati mereka bagi memahami ayat-ayat Allah, tidak mahu mempergunakan mata bagi melihat tanda-tanda kekuasaan Allah, dan tidak mahu mempergunakan telinga bagi mendengar ayat

1 *Ibid.*, j. 3, h. 358.

2 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 170.

-ayat Allah. Mereka diumpamakan sebagai binatang ternakan, malah mereka lebih sesat lagi (Surah *al-A'rāf* (7), ayat 179). Mereka juga suka membisikkan kata-kata yang indah bagi menipu manusia. Mereka ini menjadi musuh para nabi dan orang soleh (Surah *al-An'ām* (6), ayat 112).

Namun, mereka menjadi kawan akrab orang yang derhaka, orang zalim dan tidak mempercayai kehidupan akhirat (Surah *al -An'ām* (6), ayat 112). Nasib jin dan manusia yang patuh pada pujuk rayu jin kafir di akhirat nanti menyedihkan kerana mereka saling menyalahkan dan bersama-sama dimasukkan ke dalam neraka Jahanam, mendapat seksaan yang pedih dan mereka tidak dapat menolong antara yang satu dengan yang lainnya. (Surah *al-An'ām* (6), ayat 128, 130; surah *al-A'rāf* (7), ayat 38; surah *Sabak* (34), ayat 41; surah *Fussilat* (41), ayat 25, 29; surah *al-Ahqāf* (46), ayat 18; surah *Hūd* (11), ayat 119; surah *al-Sajdah* (32), ayat 13).

Jin dan juga manusia tidak mampu lari daripada hukuman Allah di akhirat nanti. sehingga ditegaskan dalam surah *al-Rahmān* (55), ayat 33, semasa tiba hari kiamat, manusia dan jin tidak mampu keluar dari langit dan bumi sehingga hukuman Allah mengenai mereka. Dalam surah *al-Rahmān* (55), ayat 39 pula menegaskan, pada hari kiamat nanti, bagi mengetahui jin dan manusia yang derhaka, para malaikat tidak perlu bertanya kepada mereka satu persatu, kerana jin dan manusia yang derhaka mempunyai tanda khusus yang membezakannya daripada jin dan manusia yang beriman.

Jin sering kali dianggap sebagai makhluk yang mempunyai kemampuan bagi mengetahui perkara ghaib. Namun, anggapan ini ditolak oleh Allah kerana ketika kematian Nabi Sulaimān, mereka tidak dapat mengetahuinya secara pasti. Mereka mengetahui kematian Nabi Sulaimān selepas beberapa waktu kemudian, seperti yang ditegaskan dalam surah *Sabak* (34), ayat 14. Jin juga tidak mampu menyusun rangkaian kata-kata yang sama seperti di dalam al-Quran. Dalam surah *al -Isrāk* (17), ayat 88 ditegaskan, apabila jin dan manusia berkumpul dan saling membantu bagi mencipta kitab seperti al-Quran, mereka tidak mampu melakukannya. Dalam surah al -Nās (114), ayat 6, Allah memberikan cara kepada kita bagaimana berdoa memohon perlindungan daripada godaan syaitan sama ada daripada jenis jin mahupun manusia.

Lafaz (جِنَّة) dalam beberapa ayat diertikan dengan orang gila. Antara para nabi yang pernah dituduh oleh kaumnya sebagai orang gila atau orang yang dirasuk oleh jin adalah Nabi Muhmmad dan Nabi Nūh. Dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 184; surah *al-Mukminūn* (23), ayat 70 dan surah *Sabak* (34), ayat 8, 46 diterangkan orang kafir menuduh Nabi Muhammad sebagai orang gila (orang yang dirasuk jin) sehingga dia tidak menyedari apa yang diucapkan.

Namun, Allah menegaskan Nabi Muhammad bukan orang gila. Apa yang diucapkan oleh Nabi Muhammad adalah wahyu yang berasal daripada Allah. Begitu juga dengan Nabi Nūh. Dalam surah *al-Mukminūn* (23), ayat 25, Nabi Nuh dituduh kaumnya sebagai orang gila kerana mengajarkan hukum yang tidak sesuai dengan aturan-aturan yang berlaku pada kaumnya.

JIYĀD (جِيَاد)

Lafaz *jiyād* (جِيَاد) adalah salah satu bentuk jamak daripada lafaz *jayyid* (جَيِّد) yang ertinya ialah sesuatu yang baik atau elok. Bentuk jamaknya yang lain adalah *jayā'īd* (جَيَايِد).[1]

Di dalam al-Quran, lafaz yang disebut hanya bentuk jamaknya (جِيَاد), dan ia hanya disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *Sād* (38), ayat 31. Imām al-Syawkānī menyatakan, kata (جِيَاد) dalam ayat ini digunakan bagi menyifatkan kuda dan ertinya ialah kuda yang kuat melawan musuh.[2] Manakala Imām Ibn Kathīr menyatakan lafaz (جِيَاد) dengan yang bergerak cepat.[3]

Dalam ayat ini diceritakan, Nabi Sulaimān sedang ditunjukkan kepadanya kuda-kuda yang bagus, kuat melawan musuh dan bergerak cepat (الصَّافِنَاتُ الْجِيَاد) sehingga beliau lalai daripada mengingati Allah sehingga matahari tidak terlihat oleh mata kerana hilang di sebalik hijāb. Kemudian Nabi Sulaimān menyembelih kuda-kuda itu supaya tidak lagi melupakannya daripada mengingati Allah. Ini menunjukkan Nabi Sulaimān adalah orang yang bersegera dalam memohon ampun kepada Allah selepas melakukan satu kesalahan.[4]

JIZYAH (جِزْيَة)

Erti lafaz *jizyah* (جِزْيَة) ialah cukai yang wajib dibayar orang bukan Islam kepada umat Islam sebagai ganti kepada keamanan dan manfaat-manfaat lain yang mereka rasakan dan gunakan.[5] Bentuk jamaknya adalah *jizā* (جِزَى).[6]

Lafaz (جِزْيَة) hanya disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *at -Taubah* (9), ayat 29. Dalam ayat itu diterangkan, orang yang diberikan kitab (Ahli Kitāb) apabila membayar cukai (جِزْيَة) dengan patuh dan taat, umat Islam tidak boleh memerangi-nya kerana selepas membayar *jizyah,* mereka dianggap sebagai *mu'āhid* iaitu orang yang melakukan janji setia kepada kerajaan Islam sehingga jiwa, harta dan kehormatannya dilindungi.

Para pakar berbeza pendapat mengenai siapakah yang wajib membayar *jizyah* itu. Imām al-Syāfi'ī, Imām Ahmad, Abū Hanīfah, al-Thawrī dan Abū Thaur berpendapat, yang wajib membayar *jizyah* adalah Ahli Kitāb iaitu orang Yahudi dan Nasrani termasuk juga Majusi. Manakala Imām al-Auzā'ī dan Mālik berpendapat, yang wajib membayar *jizyah* adalah semua orang kafir.[7]

JŪ' (جُوْع)

Erti lafaz *jū'* (جُوْع) ialah lapar lawan bagi kenyang.[8] Lafaz (جُوْع) ini diulang empat kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al -Baqarah* (2), ayat 155; surah *al-Nahl* (16), ayat 112; surah *al-Ghāsyiyah* (88), ayat 7; su-

1 Al-Rāzī (1995), *op. cit.*, h. 49.

2 Al-Syaukānī (1994), *op.cit.*, j. 4, h. 431.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 292.

4 Al-Syaukānī (1994), *loc. cit.*

5 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 203.

6 Al-Rāzī (1987), op. cit., h. 44.

7 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 351

8 Al-Rāzī (1995), *op. cit.*, h. 49; *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 235.

rah *Quraisy* (106), ayat 4.

Dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 155 disebutkan beberapa dugaan dan cubaan yang diberikan Allah kepada manusia iaitu sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dugaan dan cubaan ini adalah bagi menguji manusia yang sabar di antara mereka.

Dalam surah *al-Nahl* (16), ayat 112 disebutkan kelaparan juga kadang-kadang menjadi azab iaitu bagi orang yang derhaka pada ajaran yang dibawa oleh nabi seperti yang dialami oleh Makkah, negeri yang dahulunya aman dan tenteram, rezeki yang datang kepadanya melimpah ruah dari segenap tempat, tetapi penduduknya mengingkari nikmat-nikmat Allah. Oleh sebab itu, Allah membiarkan mereka merasai kelaparan dan ketakutan.

Dalam surah *Quraisy* (106), ayat 4 ditegaskan, Allah yang menghilangkan rasa lapar dan memberi makan kepada manusia. Oleh itu, hendaklah manusia menyembahnya. Dalam surah *al-Ghāsyiah* (88), ayat 7 diterangkan, makanan penghuni neraka adalah pohon-pohon berduri yang tidak dapat menggemukkan tubuh badan dan tidak pula menghilangkan lapar.

JUDAD (جُدَدٌ)

Lafaz *judad* (جُدَدٌ) adalah bentuk jamak daripada lafaz *juddah* (جُدَّةٌ) maksudya jalan.[1] Al-Mubarrad mengatakan makna (جُدَّةٌ) ialah jalan dan garis. Manakala al-Jauharī memberi makna yang lebih khusus iaitu garis yang berada di belakang keldai yang warnanya berbeza daripada kulit keldai.[2]

Lafaz ini disebut sekali sahaja di dalam al-Quran dalam bentuk jamaknya sahaja iaitu (جُدَدٌ). Dapat ditemui dalam surah Fātir (35), ayat 27. Para mufassir mengertikan (جُدَدٌ) dalam ayat ini dengan jalan atau garis yang ada pada gunung-gunung dan menyamakannya dengan urat-urat darah dalam tubuh manusia.[3] Ayat ini berada pada rangkaian ayat yang menerangkan kekuasaan Allah yang sanggup menciptakan makhluk sama jenis namun bentuknya beragam. Makhluk ciptaannya yang disebut pada rangkaian ayat ini adalah buah-buahan yang mempunyai pelbagai warna; manusia dan haiwan juga mempunyai pelbagai warna; begitu juga dengan gunung-gunung.

Allah menciptakannya dengan pelbagai mempunyai warna dan ragam seperti yang dapat dilihat oleh mata. Sebahagian gunung itu mempunyai garis-garis (جُدَدٌ) yang warnanya juga bermacam-macam, ada yang putih dan ada juga yang merah. Sebahagian gunung juga ada yang berwarna hitam legam keseluruhannya.[4] Hati orang yang memahami dan menyedari kehebatan ciptaan ini tentu berasa takut kepada penciptanya.

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 194.

2 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 347.

3 *Ibid.*

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 554.

JUDHĀDH – MAJDHŪDH (مَجْذُوذ - جُذَاذ)

Erti lafaz *jadhdha* (جَذَّ) ialah memotong. Apabila dikatakan (جَذَّ الرَّجُلُ الشَّيْءَ) maksudnya lelaki itu memotong sesuatu. Bagi menyebut sesuatu yang dipotong digunakan lafaz "مَجْذُوذ" (yang dipotong). Sedangkan lafaz *judhādh* (جُذَاذ) ialah potongan-potongan yang hancur.[1]

Lafaz (جُذَاذ) disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Anbiyāk* (21), ayat 58. Manakala lafaz (مَجْذُوذ) juga disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *Hūd* (11), ayat 108.

Surah *al-Anbiyāk* (21), ayat 58 berada pada rangkaian ayat yang menceritakan tentang keberanian pemuda yang bernama Ibrāhīm dalam menghadapi tradisi musyrik yang dilakukan oleh kaumnya. Dalam ayat itu dikisahkan, Nabi Ibrāhīm berani menghancurkan berhala sembahan kaumnya hingga terpotong-potong (فَجَعَلَهُمْ جُذَاذًا) kecuali berhala yang paling besar.

Manakala dalam surah *Hūd* (11), ayat 108 disebutkan, orang beriman berbahagia dan ditempatkan di dalam syurga, mereka kekal di dalamnya. Ini semua ditegaskan oleh Allah sebagai kurnia atau anugerah yang tidak putus (غَيْرَ مَجْذُوذٍ) dan ia berterusan dan tidak ada akhirnya.[2]

JŪDIY (جُوْدِيُّ)

Lafaz *jūdiy* (جُوْدِيُّ) ialah nama gunung tempat berlabuhnya kapal Nabi Nūh selepas banjir besar.[3] Kata (جُوْدِيُّ) ini hanya disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Hūd* (11), ayat 44.

Selepas kaum Nabi Nūh binasa dan rumah-rumah mereka ditenggelami banjir besar, Allah memerintahkan bumi bagi menyerap air banjir itu dan menyuruh langit supaya menghentikan hujan. Akhirnya, air mulai berkurang dan kapal Nabi Nūh berlabuh di atas Gunung *al-Jūdiy* (اَلْجُوْدِيُّ).

Al-Isfahānī mengatakan Gunung *al-Jūdiy* (اَلْجُوْدِيُّ) berada di antara daerah Mosul dan Semenanjung Arab.[4] Imām Qatādah menceritakan kapal Nabi Nūh itu dikekalkan oleh Allah (dalam beberapa abad) di Gunung *al-Jūdiy* di tanah semenanjung supaya menjadi pelajaran dan bukti kekuasaannya. Umat-umat Islam generasi pertama sempat melihat kapal itu. Betapa banyak kapal-kapal selepas kapal Nabi Nūh yang rosak dan menjadi debu, sedangkan kapal Nabi Nūh tetap berada di Gunung *al-Jūdīy* hingga generasi Islam awal.[5] Imām Qatādah juga menceritakan, kaum Nabi Nūh yang beriman mulai naik ke atas kapal pada tarikh sepuluh Rejab. Kapal itu berlayar selama 150 hari, kemudian berlabuh di Gunung *al-Jūdiy* selama satu bulan dan mereka keluar dari kapal pada hari ke sepuluh bulan Muharram ('Āsyūrā').[6]

Dalam hadis yang dilaporkan oleh Abū Hurairah disebutkan, Nabi Muhammad melintasi orang Yahudi yang berpuasa pada hari 'Āsyurā'. Kemudian Nabi Muhammad

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 196.

2 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 526.

3 Al-Rāzī (1995), *op. cit.*, h. 49.

4 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 102.

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 447.

6 *Ibid.*, h. 448.

menanyakan alasan mengapa mereka ber puasa pada hari itu dan mereka menjawab, pada hari itu Allah menyelamatkan Nabi Mūsā dan Banī Isrāel dengan melintasi lautan sedangkan Firaun tenggelam di dalamnya. Pada hari itu juga, kapal Nabi Nūh berlabuh di Gunung *al-Jūdīy* sehingga Nabi Mūsā dan Nabi Nūh berpuasa pada hari itu sebagai tanda syukur kepada Allah. Kemudian Nabi Muhammad berkata, "Saya lebih ber hak daripada Nabi Mūsā dan lebih berhak untuk berpuasa pada hari itu." Kemudian beliau memerintahkan sahabat-sahabatnya berpuasa.[1]

JUFĀ' (جُفَاء)

Maksud lafaz kerja (جَفَأَ - يَجْفَأُ) ialah membuang sehingga makna kalimah (جَفَأَتْ الْقِدْرُ) adalah kendi itu membuang buih air di dalamnya semasa mendidih. Manakala lafaz (جُفَاء) ertinya ialah terbuang sia-sia.[2] Lafaz (جُفَاء) disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *ar-Ra'd* (13), ayat 17.

Dalam ayat ini, Allah membuat dua perumpamaan pada perkara hak yang terus berkekalan dan pada perkara batil yang berkurangan dan hilang. Perkara yang batil diumpamakan dengan buih-buih air dan kotoran-kotoran logam yang dibakar. Buih dan kotoran itu terbuang sia-sia kerana tidak dapat dimanfaatkan (فَأَمَّا الزَّبَدُ فَيَذْهَبُ جُفَاءً). Manakala perkara yang hak diumpamakan dengan air bersih dan logam murni yang akan berkekalan dan dapat dimanfaatkan oleh manusia.

Imām Ibn Kathīr menegaskan, apabila perkara yang hak dan yang batil berkumpul, perkara yang batil tidak lama berkekalan seperti buih yang tidak terus menyertai air, tercicir di kanan-kiri sungai, tersangkut pada kayu dan terhempas oleh angin. Perkara yang batil itu juga sama dengan kotoran-kotoran logam yang tidak terus bersatu dengan emas, perak atau logam-logam lainnya, ia terpisah selepas dibakar dengan api. Yang kekal dan dapat dimanfaatkan adalah air dan logam-logam murni itu.[3]

Imām al-Syaukānī pula menerangkan, meskipun kadang-kadang kebatilan tampak mengalahkan perkara yang hak, namun Allah tetap menghilangkan dan mengalahkan kebatilan itu. Kebatilan adalah sama seperti buih-buih air meskipun ia berada di atas aliran air, tetapi apabila tiba masanya air itu akan menghempaskannya dan menghilangkannya. Kebatilan juga sama seperti kotoran-kotoran logam meskipun ia berada di atas logam, namun selepas dibakar dengan api, kotoran-kotoran itu terpisah dan terbuang tiada guna.[4]

JULŪD (جُلُوْد)

Kalimah *julūd* (جُلُوْد) adalah bentuk jamak daripada kata tunggal (جِلْدُ), maknanya kulit sama ada kulit binatang mahupun manusia.[5]

1 Ahmad bin Hanbal (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 359, hadith no. 8702.

2 Ibn Manzūr (1968), *op. cit.*, j.1, h. 49.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 509.

4 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 75.

5 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 212.

Di dalam al-Quran, kalimah (جُلُوْد) diulang sembilan kali iaitu dalam surah *al -Nisāk* (4), ayat 56 (dua kali); surah *al-Nahl* (16), ayat 80; surah *al-Hajj* (22), ayat 20; surah *al-Zumar* (39), ayat 23 (dua kali); surah *Fussilat* (41), ayat 20, 21, 22.

Dalam surah *al-Nahl* (16), ayat 80, Allah menerangkan beberapa anugerah dan nikmat yang dia berikan kepada manusia. Antaranya adalah nikmat kulit-kulit binatang yang dapat dijadikan khemah-khemah berlindung dan juga dapat dipindahkan dengan mudah. Ini adalah anugerah Allah yang mesti disyukuri.

Dalam surah *al-Zumar* (39), ayat 23 menerangkan salah satu sifat orang yang bertakwa. Apabila al-Quran dibaca, kulit orang yang bertakwa bergetar kerana di hatinya muncul rasa takut kepada Tuhannya, namun kemudian kulit dan hati mereka itu menjadi tenang apabila mengingati Allah.

Manakala lafaz (جُلُود) yang berada dalam surah *Fussilat* (41), ayat 20, 21, 22 dikaitkan dengan keadaan musuh Allah semasa diiring ke neraka. Pada masa itu, mulut mereka tidak dapat berkata apa pun. Yang menjadi saksi atas semua perbuatannya di dunia adalah pendengaran, penglihatan dan kulit-kulit mereka.

Begitu juga kata (جُلُود) yang terdapat dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 56 dan *al-Hajj* (22), ayat 20. Diceritakan di neraka nanti, orang kafir dibuatkan pakaian bagi mereka daripada api neraka. Kemudian mereka disiram dengan air yang sedang mendidih ke atas kepala mereka. Air itu menghancurkan segala apa yang ada dalam perut mereka dan juga kulit-kulit mereka. Diceritakan juga, setiap kali kulit mereka hangus Allah mengganti kulit mereka dengan kulit yang lain, kemudian dihancurkan semula. Begitulah seterusnya supaya mereka merasakan azab yang pedih.

JUMLAH (جُمْلَة)

Maksud *jumlah* (جُمْلَة) ialah setiap sesuatu yang bahagian-bahagiannya terkumpul menjadi satu dengan sempurna.[1] Kalimah (جُمْلَة) disebut sekali sahaja di dalam al-Quran dan disifatkan dengan (وَاحِدَةً) sehingga menjadi (جُمْلَةً وَاحِدَةً) iaitu dalam surah *al-Furqān* (25), ayat 32.

Dalam ayat ini diceritakan, orang kafir menanyakan tentang cara turunnya al-Quran, "Mengapa al-Quran tidak diturunkan kepada Muhammad dengan sekali turun sahaja (جُمْلَةً وَاحِدَةً) seperti Taurat, Zabur dan Injil?" Imam al-Isfahānī mengertikan (جُمْلَةً وَاحِدَةً) pada ayat ini dengan turun secara terkumpul menjadi satu dan tidak terpisah-pisah dan tidak pula sedikit demi sedikit.[2] Ada perbezaan pendapat mengenai siapakah yang mengajukan pertanyaan ini, ada yang mengatakan mereka adalah orang kafir Quraisy dan ada juga yang mengatakan mereka adalah orang Yahudi.[3]

Namun, Allah menegaskan dia akan memberikan jawapan yang benar dan tepat atas setiap pertanyaan dan tohmahan yang ditujukan kepada Nabi Muhammad. Al-Quran tidak diturunkan sekali gus tetapi diturunkan secara beransur-ansur dalam 23

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), op. cit., j. 1, h. 219.

2 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 98.

3 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 73.

tahun adalah diselarikan dengan kejadian, permasalahan dan keperluan-keperluan hukum. Dengan itu, hati Nabi Muhammad (dan juga hati kaum beriman) menjadi mantap dengan ajaran al-Quran itu, mereka lebih mudah memahami dan menghayati maknanya serta mudah menghafalnya dengan baik.[1]

JUMU'AH (جُمُعَة)

Al-jumu'ah (اَلْجُمُعَة) atau *al-jum'ah* (اَلْجُمْعَة) ialah salah satu nama hari dalam seminggu, bentuk jamaknya adalah (جُمُعَات) dan (جُمَعٌ). Ia dinamakan begitu kerana pada hari itu orang berkumpul (اِجْتَمَعَ النَّاس) untuk solat dan mendengarkan khutbah.[2] Sebelum datangnya Islam, hari itu disebut dengan hari (اَلْعَرُوْبَة).

Dilaporkan orang pertama yang memberi nama hari itu dengan hari (اَلْجُمُعَة) adalah Ka'ab bin Lu'ai, datuk Nabi Muhammad. Pada hari itu Ka'ab bin Lu'ai mengumpulkan orang Arab, berkhutbah di hadapan mereka dan mengingatkan mereka tentang kedatangan seorang nabi di kalangan mereka.[3] Kata (اَلْجُمُعَة) disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Jumu'ah* (62), ayat 9.

Allah menetapkan satu hari yang di gunakan oleh pengikut setiap agama *(millat)* berkumpul bagi melakukan ibadah. Allah menetapkan hari Jumaat sebagai hari berkumpul bagi beribadah pada umat Islam kerana ia adalah hari keenam dalam hitungan satu minggu, di mana pada hari itu Allah menyempurnakan ciptaan makhluk dan mengumpulkannya sehingga hari itu adalah hari sempurnanya nikmat bagi hamba-hambanya.

Allah juga menetapkan hari Jumaat sebagai hari berkumpul bagi beribadah bagi kaum Banī Isrāel melalui perantaraan Nabi Mūsā. Namun, mereka mengubah ketetapan Allah itu dan memilih hari Sabtu sebagai hari besar. Kemudian Allah menetapkan pilihan mereka itu sebagai aturan yang disyariatkan dalam Taurat. Allah memerintahkan mereka memegang teguh aturan itu dan menjaganya. Di samping itu, Allah juga memerintahkan mereka mengikuti Nabi Muhammad apabila beliau diutus di muka bumi.

Selepas Nabi 'Īsā diutus Allah ada yang menceritakan, beliau memerintahkan Banī Isrāel memindahkan hari besarnya kepada hari Ahad. Ada juga yang menceritakan Nabi 'Īsā tetap mengikuti ajaran Taurat kecuali hukum yang dimansuhkan, dan beliau tetap menjadikan hari Sabtu sebagai hari besar hingga beliau diangkat ke langit. Adapun yang memindahkan hari besar kepada hari Ahad adalah orang Nasrani yang hidup selepas Nabi 'Īsā iaitu yang hidup pada zaman Raja Konstantin.[4]

Imām al-Syaukānī menceritakan pada masa nabi, hari Jumaat adalah hari yang dirasakan berat oleh orang munafik kerana pada hari itu mereka mesti berkumpul bagi solat Jumaat dan mendengarkan khutbah. Bahkan mereka melarikan diri dari solat Jumaat secara diam-diam.[5]

Dalam surah *al-Jumu'ah* (62), ayat 9, Allah memerintahkan orang beriman supaya

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 318.

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 218.

3 Ibn Manzur (1968), *op. cit.*, j .8, h. 58.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2 h. 592

5 *Ibid.*, j. 4, h. 58.

bersegera mengingati Allah dan meninggalkan jual beli ketika diseru menunaikan solat Jumaat. Imam Ibn Kathīr menerangkan, orang beriman jangan sampai sibuk dengan keindahan dan gemerlapnya dunia serta jangan sampai terlena dengan nikmat berniaga dan keuntungan hingga mereka lupa mengingati Tuhannya yang mencipta dan memberi rezeki kepada mereka. Allah mengetahui pahala yang akan diberikannya adalah lebih baik bagi orang beriman daripada apa yang ada di tangan mereka kerana apa yang ada di tangan mereka akan hilang, manakala kepunyaan Allah akan kekal selamanya.[1]

JUND – JUNŪD (جُنْدٌ-جُنُوْدٌ)

Erti asal kata *jund* (جُنْدٌ) ialah tanah yang keras dan kasar bercampur dengan batu-batu. Menurut al-Isfahānī, seorang tentera dalam bahasa Arab disebut dengan (جُنْدٌ) kerana ia mempunyai sifat yang keras dan kasar seperti tanah berbatu.[2] Selain maksud tentera, (جُنْدٌ) juga bererti penolong atau kawan. Bentuk jamaknya adalah *ajnād* (أَجْنَاد) dan *junūd* (جُنُوْد).[3]

Kata (جُنْدٌ) diulang tujuh kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Maryam* (19), ayat 75; surah *Yāsīn* (36), ayat 28, 75; surah *al-Sāffāt* (37), ayat 173; surah *Sād* (38), ayat 11; surah *al-Dukhān* (44), ayat 24; surah al-Mulk (67), ayat 20.

Manakala dalam bentuk jamak yang disebut hanyalah (جُنُوْدٌ). Ia diulang 22 kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 249 (dua kali), 250; surah *al-Taubah* (9), ayat 26, 40; surah *Yūnus* (10), ayat 90; surah *Tāhā* (20), ayat 78; surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 95; surah *al-Naml* (27), ayat 17, 18, 37; surah *al-Qasas* (28), ayat 6, 8, 39, 40; surah *al-Ahzāb* (33), ayat 9 (dua kali); surah *al-Fath* (48), ayat 4, 7; surah *al-Zāriyāt* (51), ayat 40; surah *al-Muddathsir* (74), ayat 31; surah *al -Burūj* (85), ayat 17.

Jenis tentera yang disebut di dalam al-Quran dapat dikelompokkan ke dalam dua bahagian. **Pertama**, tentera yang baik iaitu tentera yang mematuhi perintah Allah menolong kaum beriman dalam menegakkan agama Allah. Tentera inilah yang menjadi kawan orang beriman. **Kedua**, tentera yang buruk iaitu tentera yang menentang aturan-aturan Allah, mematuhi bisikan iblis, memusuhi dan memesongkan kaum beriman.

Tentera-tentera baik yang menegakkan kebenaran dan menolong perjuangan kaum beriman yang disebut di dalam al-Quran adalah:

- **Para Malaikat;** Antara para malaikat yang disebut dalam al-Quran dengan menggunakan istilah (جُنْدٌ) dan (جُنُوْدٌ) adalah malaikat-malaikat yang diutus Allah bagi membantu umat Islam dalam perang Ḥunain (Surah *al-Taubah* (9), ayat 26); Para malaikat yang turun melindungi Nabi Muhammad dan Abū Bakar ketika dalam perjalanan hijrah ke Madinah (Surah *al-Taubah* (9), ayat 40); Para malaikat yang diutus Allah bagi membantu pasukan Muslimin ketika Perang Ahzāb atau Khandaq (Surah *al-Ahzāb* (33), ayat 9); Malaikat-malaikat yang dapat meng-

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 296.

2 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 100.

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 222.

hancurkan suatu kaum sebagai bentuk azab daripada Allah (Surah *Yāsīn* (36), ayat 28); 19 malaikat yang bertugas menjaga neraka (Surah *al-Muddathsir* (74): 31). Dalam surah *al-Muddathsir* itu diterangkan juga yang mengetahui jumlah malaikat keseluruhannya hanyalah Allah,

وَمَا يَعْلَمُ جُنُودَ رَبِّكَ إِلَّا هُوَ

- **Tentera Talut;** Tentera-tentera Raja Ṭālūṭ adalah tentera-tentera beriman yang menghadapi tentera-tentera kafir yang dipimpin oleh Raja Jālūt. Antara tentera Raja Ṭālūṭ adalah Nabi Dāūd, yang akhirnya berjaya membinasakan Raja Jālūt. Kisah peperangan ini dihuraikan dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 249.
- *Tentera Nabi Sulaimān.* Dalam surah *al -Naml* (27), ayat 17, 18 dan 37 disebutkan tentera-tentera Nabi Sulaimān yang bertugas membantu beliau dalam melaksanakan tugas kerajaan dan keagamaan. Diterangkan juga tentera -tentera Nabi Sulaimān bukan hanya daripada kalangan manusia sahaja, bangsa jin juga menjadi tentera Nabi Sulaimān.
- **Tentera Allah yang ada di bumi mahupun di langit;** Allah mempunyai hamba-hamba yang taat dan patuh, sama ada di bumi mahupun di langit. Mereka itulah tentera-tentera Allah yang membantu hambanya yang beriman (Surah *al-Fath* (48), ayat 4 dan 7). Dalam surah *al-Sāffāt* (37), ayat 173, Allah berjanji tenteranya yang berjuang menegakkan agama Islam sama ada dengan lisan, harta mahupun jiwa akan selalu menang mengalahkan tentera-tentera kafir. Kemenangan itu akan semakin nampak jelas di akhirat nanti.

Adapun tentera-tentera jahat yang suka memesongkan manusia dan menentang kebenaran yang disebut di dalam al-Quran adalah:

- **Orang kafir yang hidup pada masa Nabi Muhammad;** Dalam surah *Sād* (38), ayat 11, Allah menegaskan orang kafir pada masa nabi adalah tentera yang mengalami kekalahan sama seperti kalahnya orang kafir terdahulu.
- **Tentera kafir sewaktu Perang Ahzab atau Khandaq;** Mereka adalah orang musyrik Makkah, orang Yahudi dan orang munafik. Mereka cuba menyerang tentera Muslimin sama ada dalam Madinah mahupun dari luar Madinah. Namun, Allah menolong kaum beriman dan akhirnya umat Islam mendapatkan kejayaan (*al -Ahzāb* (33), ayat 9).
- **Firaun dan pengikutnya;** Tentera-tentera Firaun sering disebut di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Yūnus* (10), ayat 90; surah *Tāhā* (20), ayat 78; surah *al-Dukhān* (44), ayat 24; surah *al-Qasas* (28), ayat 6, 8, 39, 40; surah *al-Zāriyāt* (51), ayat 40 dan surah *al-Burūj* (85), ayat 17. Dalam semua ayat itu diceritakan tentera-tentera Firaun yang mengejar Nabi Mūsā dan kaumnya adalah tentera-tentera yang kalah dan tenggelam di tengah lautan.
- **Tentera Jālūt;** Tentera Raja Jālūt adalah tentera kafir yang menentang pasukan Banī Isrāel yang dipimpin oleh Raja Tālūt. Dalam perang itu, tentera Raja Jālūt mengalami kekalahan dan tewas di tangan Nabi Dāūd. (Surah *al -Baqarah* (2), ayat 249 dan 250).

- **Kaum Thamūd;** Kaum Thamūd adalah kaum yang menentang ajakan Nabi Sālih bagi menyembah Allah. Malah ketika Nabi Sālih melarang mereka menyembelih unta yang merupakan mukjizatnya, mereka melanggarnya dan berani menyembelihnya. Akhirnya Allah mengazab mereka dengan mengirim suara yang penuh dengan guruh dan akhirnya mereka menjadi mayat-mayat yang bergelimpangan, diam dan tidak bergerak di tempat tinggal mereka. Kaumnya yang kafir dan mendustakan nabinya. Kaum Thamūd disebut sebagai (جُنُوْدٌ) dalam surah *al-Burūj* (85), ayat 17.
- **Sembahan orang kafir;** Sembahan orang kafir diistilahkan dengan (جُنْدٌ) kerana orang kafir menganggap mereka sebagai tentera yang akan menolong dan membantunya dalam pelbagai keadaan. Ini dapat difahami daripada apa yang tersirat dalam surah *al-Mulk* (67), ayat 20. Namun, anggapan mereka itu mengelirukan kerana sembahan mereka adalah tentera atau penolong yang lemah (اَضْعَفُ جُنْدًا).

  Dalam surah *Maryam* (19), ayat 75 diterangkan ketika azab Allah menimpa orang yang zalim sama ada azab di dunia mahupun di akhirat, mereka akan mengetahui siapakah orang yang paling jahat tempatnya dan paling lemah tentera yang menolongnya. Di akhirat nanti, orang kafir dan sembahannya menjadi satu pasukan yang akan dihadapkan azab yang pedih. Mereka tidak dapat saling menolong (*Yāsīn* (36), ayat 75).
- **Tentera Iblis;** Semua orang yang menentang aturan Allah, berusaha memesongkan umat manusia dari jalan benar adalah termasuk tentera iblis (جُنُوْدُ اِبْلِيس). Seperti yang diterangkan dalam surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 95, semua pengikut iblis dimasukkan ke dalam neraka Jahannam, tidak ada satu pun daripada mereka yang terlepas.

JUNNAH (جُنَّة)

Erti kalimah *junnah* (جُنَّة) ialah perisai yang digunakan bagi melindungi diri.[1] Kalimah (جُنَّة) disebut dua kali sahaja di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Mujādalah* (58), ayat 16 dan *al-Munāfiqūn* (63), ayat 2.

Dalam kedua-dua ayat ini, kalimah (جُنَّة) berada dalam rangkaian kalimah yang sama iaitu

اَتَّخَذُوْٓا اَيْمَانَهُمْ جُنَّةً فَصَدُّوْا عَنْ سَبِيْلِ اللّٰهِ

"Mereka menjadikan sumpah-sumpah mereka sebagai perisai, lalu mereka halangi (manusia) dari jalan Allah."

Ayat ini menegaskan, orang munafik suka berbohong. Mereka mengatakan beriman pada kerasulan Muhammad dan mereka menyatakan mereka adalah Muslim, malah bagi meyakinkan orang lain, mereka sampai bersumpah. Namun sebenarnya hati mereka tetap kafir dan membenci Nabi Muhammad. Sumpah mereka hanya dijadikan sebagai perisai sahaja supaya mereka aman dan dianggap sebagai umat Islam.

Imām Ibn Kathīr menegaskan sikap orang munafik ini membahayakan umat Islam kerana orang awam boleh tertipu sehingga

1 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 88.

boleh jadi mereka mengikuti perbuatan orang munafik itu dan mempercayai apa yang dikatakannya, sedangkan orang munafik itu sebenarnya ingin memesongkan umat Islam dengan cara dan sikapnya itu.[1]

JUNUB (جُنُبٌ)

Erti asal kalimah (جُنُبٌ) ialah jarak yang jauh, ia juga bererti orang jauh yang bukan termasuk ahli keluarga. Lafaz (جُنُبٌ) pula mempunyai erti orang yang sedang mengalami *jināhah*, iaitu hadas besar sama ada kerana keluar air mani atau berhubungan kelamin. Orang yang berhadas besar dinamakan dengan (جُنُبٌ), kerana dia tidak boleh melakukan solat.[2]

Kata (جُنُب) diulang empat kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 36, 43; surah *al-Mā'idah* (5), ayat 6; surah *al -Qasas* (28), ayat 11.

Kata (جُنُب) yang mempunyai erti tempat atau jarak yang jauh adalah yang terdapat dalam surah *al-Qasas* (28), ayat 11. Dalam ayat ini diceritakan ketika ibu Nabi Mūsā melepaskan Mūsā yang masih bayi ke sungai, beliau berpesan kepada saudara perempuan Mūsā mengawasi peti yang membawa Mūsā itu dari jauh (فَبَصُرَتْ بِهِۦ عَن جُنُبٍ) supaya orang tidak mengetahuinya.

Kata (جُنُب) yang bererti orang jauh yang bukan termasuk ahli keluarga terdapat dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 36. Dalam ayat ini, Allah memerintahkan kaum beriman supaya sentiasa berbuat baik kepada beberapa golongan tertentu antaranya kepada (ٱلْجَارِ ٱلْجُنُبِ). Yang dimaksudkan di sini ialah jiran yang bukan saudara mara atau ahli keluarga.[3]

Manakala kata (جُنُب) yang bererti orang yang mengalami *jināhah* atau hadas besar di sebut di dalam al-Quran sebanyak dua kali iaitu dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 43 dan surah *al-Mā'idah* (5), ayat 6. Dalam kedua -dua ayat ini ditegaskan, orang yang sedang mengalami hadas besar (جُنُب) tidak boleh solat. Dia boleh solat, selepas dia membersihkan diri dengan cara mandi besar (mandi *jināhah*) terlebih dahulu.

JURŪḤ (جُرُوح)

Kata *jurūḥ* (جُرُوح) adalah bentuk jamak daripada kata *jurh* (جُرْح) iaitu luka yang terdapat pada kulit akibat goresan pedang atau lainnya.[4] Di dalam al-Quran disebut bentuk jamak (جُرُوح) sahaja dan ia hanya disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al -Mā'idah* (5), ayat 45.

Dalam ayat ini, Allah mendedahkan hukum-hukumnya yang termaktub di dalam kitab Taurat yang perlu ditaati oleh orang Yahudi. Allah menetapkan hukum Qisās di dalam Kitab Taurat sehingga apabila ada nyawa yang dibunuh, maka dibalas dengan

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 369.

2 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 100 dan *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 220-221.

3 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 5, h. 183 dan Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 495.

4 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 90; *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 196.

nyawa, mata dengan mata, hidung dengan hidung, telinga dengan telinga, gigi dengan gigi, begitu juga luka-luka yang ada hukuman Qisās (وَالْجُرُوْحَ قِصَاص).

Namun, hukuman ini tidak dijalankan oleh Banī Isrāel pada masa kehidupan nabi, di mana yang dihukum dengan hukuman Qisās hanyalah Yahudi Banī Nadīr apabila mereka melakukan jenayah kepada Yahudi Bani Quraizah. Namun, apabila Yahudi Bani Quraizah melakukan jenayah ke atas Yahudi Banī Nadīr, hukuman itu tidak dilaksanakan. Oleh itu, dalam ayat ini, Allah mencela perbuatan kaum Banī Isrāel kerana mereka menyalahi ketetapan Allah dalam Taurat dan tidak bersikap adil pada semua orang.[1]

ج

JURUZ (جُرُز)

Erti kata *juruz* (جُرُز) ialah bumi gersang yang tidak ada tanaman di atasnya.[2] Kata (جُرُز) diulang dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Kahfi* (18), ayat 8 dan surah *al -Sajdah* (32), ayat 27.

Dalam surah *al-Kahfi* (18), ayat 8, Allah menerangkan dia menciptakan dunia sebagai tempat yang dihiasi dengan perhiasan namun ia akan musnah. Dunia hanya tempat ujian manusia, siapakah antara mereka yang terbaik amalnya. Dunia bukan tempat yang kekal. Dalam ayat ini, Allah menegaskan dunia ini akan hilang, hancur, kosong, berakhir, pergi dan rosak.

Allah berkata maksudnya, "Dan se sungguhnya kami benar-benar akan men jadikan apa yang di atasnya menjadi tanah rata lagi tandus (صَعِيْدًا جُرُزًا)." Maksudnya, selepas Allah menghiasi dunia dengan pelbagai perhiasan, nantinya dia akan meng hancurkannya dan merosakkan semua apa yang ada di atasnya. Ada juga yang meng ertikan (صَعِيْدًا جُرُزًا) dengan bumi itu tidak dapat ditanami dan tidak dapat dimanfaatkan semula.[3]

Manakala dalam surah *al-Sajdah* (32), ayat 27 Allah menerangkan salah satu kekuasaannya iaitu dia menghalau awan yang mengandungi air ke bumi yang tandus (اَلْأَرْضِ الْجُرُز), lalu kami tumbuhkan dengan air hujan itu tanaman yang dimakan oleh haiwan ternakan mereka dan mereka sendiri. Semestinya yang demikian ini difikirkan manusia sehingga dia beriman kepada Allah.

JUZ' (جُزْء)

Erti kata *juz'* (جُزْء) ialah bahagian daripada sesuatu. Bentuk jamaknya adalah (أَجْزَاء).[4] Kata (جُزْء) diulang tiga kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 260; *al -Hijr* (15), ayat 44 dan *al-Zukhruf* (43), ayat 15.

Dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 260 menceritakan bagaimana Allah memberitahu cara menghidupkan semula orang yang sudah mati kepada Nabi Ibrāhīm. Nabi Ibrāhīm disuruh mengambil em-

1 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 46

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 197.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 73.

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 200.

pat ekor burung, kemudian diperintahkan menyembelihnya, mencabut bulunya, memotong-motong bahagiannya, menghancurkannya dan mencampurkan bahagian -bahagian yang terpotong itu menjadi satu, kemudian memisahkannya lagi menjadi beberapa bahagian. Ada yang mengatakan menjadi empat bahagian, ada yang mengatakan menjadi tujuh bahagian, kemudian meletakkan setiap bahagian itu (جُزْءًا) ke empat atau tujuh gunung yang berjauhan.[1] Selepas itu Allah memerintahkan Nabi Ibrāhīm memanggil burung-burung yang sudah terpisah itu. Akhirnya burung-burung itu datang dengan bentuk sempurna seperti semula.

Manakala surah *az-Zukhruf* (43), ayat 15 menceritakan salah satu keyakinan kaum musyrikin yang mengatakan sebahagian hamba-hamba Allah adalah bahagian (جُزْءًا) daripada Allah. Maksudnya, orang musyrikin mengatakan malaikat itu adalah anak perempuan Allah sedangkan malaikat itu sebahagian daripada makhluk ciptaannya. Sehingga kata (جُزْءًا) diertikan dengan (اَلْبَنَات) "anak perempuan". Ini adalah pendapat Imam al-Zajjāj dan al-Mubarrad. Manakala Imām Qatādah berpendapat maksud (جُزْءًا) di sini ialah (عَدْلًا) "pengganti", sehingga maksudnya ialah orang musyrik menjadikan makhluk -makhluk Allah sebagai sembahan pengganti Allah.[2]

Dalam surah *al-Hijr* (15), ayat 44 disebutkan neraka Jahannam mempunyai tujuh pintu atau tujuh tingkatan, dan setiap tingkatan itu ditetapkan (جُزْءٌ مَقْسُوْم) bahagian tertentu yang berbeza daripada bahagian yang akan masuk tingkatan yang lain.[3] Maksudnya adalah satu pintu bagi orang Yahudi; satu pintu bagi kaum Nasrani; satu pintu bagi Sabi'īn; satu pintu bagi Majūsī; satu pintu bagi orang Musyrik; satu pintu bagi orang munafik dan satu pintu bagi orang yang mentauhidkan Allah. Orang yang mentauhidkan Allah dapat berharap keluar dari neraka, manakala selainnya tidak dapat berharap keluar dari neraka, mereka akan berada di dalamnya selama-lamanya.[4]

Imam al-Dāmaghānī menyatakan kata (جُزْء) di dalam al-Quran digunakan bagi dua erti iaitu: (1) Anak iaitu yang terdapat dalam surah *al-Zukhruf* (43), ayat 15; (2) Bahagian iaitu yang terdapat dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 260; surah *al-Hijr* (15), ayat 44.[5]

ج

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 316.

2 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 549.

3 *Ibid.*, j. 3, h. 132.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 553.

5 Al-Dāmaghānī (1970), *op. cit.*, h. 105.



حرف الحاء

H



ḤABBAH (حَبَّة)

Dalam bahasa Arab, lafaz *ḥabb* (حَبُّ) menunjukkan erti biji-bijian yang berada pada tangkai[1] seperti biji gandum, beras dan semua tumbuhan yang tidak mempunyai isi atau biji di dalamnya.[2] Manakala bagi menyebut satu biji sahaja, dalam bahasa Arab digunakan lafaz *ḥabbah* (حَبَّة).[3] Biji-bijian ini berbeza dengan buah-buahan yang ada isi atau biji di dalamnya seperti kurma, kismis dan lain -lain. Bagi menyebut isi buah-buahan seperti ini dalam bahasa Arab digunakan lafaz *nawa* (نَوَى), apabila menyebut satu isi buah sahaja digunakan lafaz *nuwāh* (نُوَاةٌ).[4]

Di dalam al-Quran, lafaz (حَبّ) disebut sebanyak tujuh kali iaitu dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 95, 99; *Yāsīn* (36), ayat 33; *Qāf* (50), ayat 9; *al-Rahmān* (55), ayat 12; *al-Nabak* (78), ayat 15 dan *Abasa* (80), ayat 27. Dalam tujuh ayat itu, Allah mengingatkan, aneka ragam biji-bijian yang tumbuh di muka bumi ini adalah diciptakan bagi keperluan manusia. Allah juga mengingatkan, tumbuhnya di atas permukaan bumi ini adalah tanda keagungan dan kekuasaannya. Dengan peringatan ini, diharapkan manusia sedar pada sifat kasih sayang Allah dan juga kekuasaannya sehingga mereka selalu bersyukur.

Manakala lafaz (حَبَّة) di dalam al-Quran disebut sebanyak lima kali iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 261 sebanyak dua kali; surah *al-An'ām* (6), ayat 59; surah *al-Anbiyāk* (21), ayat 47 dan surah *Luqmān* (31), ayat 16.

Dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 261, lafaz (حَبَّة) dijadikan perumpamaan bagi infak yang dikeluarkan bagi perjuangan di jalan Allah. Infak itu memberikan pahala berlipat kali ganda seperti satu biji (*ḥabbah*) yang menjadi tujuh cabang. Tiap-tiap cabangnya itu menghasilkan seratus biji. Ia adalah perumpamaan benda logik *(ma'qūl)* dengan menggunakan benda yang dapat dirasai *(mahsūs)*. Imam Ibn Kathīr menyatakan, perumpamaan seperti ini lebih terkenan di hati apabila dibandingkan menyebut secara jelas pahala itu digandakan sebanyak tujuh ratus kali ganda.[5]

Manakala dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 59, lafaz (حَبَّة) dikaitkan dengan sifat ilmu Allah yang luas tidak terkira. Dalam ayat itu digambarkan sebutir tanaman yang jatuh dalam kegelapan bumi pun diketahui oleh Allah, "Ayat ini adalah antara ayat-ayat agung yang menerangkan secara terperinci keluasan ilmu Allah."[6]

Sedangkan dalam surah *al-Anbiyāk* (21), ayat 47 dan surah *Luqmān* (31), ayat 16, lafaz (حَبَّة) digunakan bagi menerangkan amalan terkecil yang dilakukan oleh manusia sama ada amalan baik ataupun jelik. Digambarkan amalan individu meskipun seberat satu biji yang kecil, nantinya dibalas oleh Allah. Keterangan dalam kedua-dua ayat ini menunjukkan Allah begitu adil dalam menghukum dan menilai hambanya pada hari kiamat nanti sehingga tidak akan ada hamba yang dizalimi.[7]

1 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 105; *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 245.

2 Al-Baghawī (1993), *op. cit.*, j. 2, h. 117.

3 Ibn Manzur (1968), *op. cit.*, j.1, h. 293; *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*

4 Al-Baghawī (1993), *op. cit.*, j. 2, h. 117; al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j.2, h. 142; al-Jawzī (1404H), *op. cit.*, j. 3, h. 90.

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 317.

6 'Abd al-Rahman b. Al-Nasir al-Sa'dī (2001), *Taisīr al-Karīm al-Rahman fi Tafsīr Kalām al-Manān*, 'Abd al-Rahman b. Mu'allā al-Luwaihiq (ed.), j. 1, Riydh: Dār al-Salām, h. 629.

7 *Ibid.*, j. 2, h. 98.

ḤABL (حَبْلٌ)

Erti asal lafaz *ḥabl* (حَبْلٌ) ialah tali yang digunakan bagi mengikat, bentuk jamaknya adalah *ḥibal* (حِبَالٌ).[1]

Di dalam al-Quran, lafaz ini dalam bentuk tunggal (حَبْلٌ) disebut lima kali iaitu dalam surah *Āli Imrān* (3), ayat 103 dan 112 (diulang dua kali); surah *Qāf* (50), ayat 16 dan surah *al-Masad* (111), ayat 5.

Manakala dalam bentuk jamak (حِبَالٌ) disebut dua kali sahaja iaitu dalam surah *Tāhā* (20), ayat 66 dan surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 44 hanya digunakan di dalam al-Quran pada tiga tempat iaitu dalam surah *Tāhā* (20), ayat 66; surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 44 dan surah *al-Masad* (111), ayat 5.

Dalam surah *Tāhā* dan *al-Syu'arāk*, (حِبَالٌ) digunakan bagi menunjukkan tali-tali yang digunakan oleh tukang sihir Firaun dan tali -tali itu dilihat oleh Nabi Mūsā berubah menjadi ular. Manakala dalam surah *al-Masad*, lafaz (حَبْلٌ) menunjukkan erti tali yang diikat pada leher isteri Abū Lahab di neraka.

Selain tiga tempat itu, lafaz ini ada kalanya dipinjam *(isti'ārah)* bagi menyebut sesuatu yang dapat mengikat atau menyatukan secara maknawi[2] contohnya dalam surah *Āli Imrān* (3), ayat 103, di mana lafaz (حَبْلُ اللَّهِ) diertikan oleh Ibnu Mas'ūd dengan al-Quran;[3] lafaz (حَبْلٌ مِنَ الله) dalam surah *Āli Imrān* (3), ayat 112 diertikan dengan Islam dan lafaz (حَبْلٌ مِنَ النَّاسِ) pada ayat yang sama diertikan janji yang mengikat di antara sesama manusia.[4]

Selain itu, lafaz (حَبْلٌ) di dalam al-Quran juga digunakan bagi menyebut sesuatu yang bentuknya serupa atau hampir sama dengan tali (*tasybīh*). Hal ini dapat dilihat dalam surah *Qāf* (50), ayat 16, di mana lafaz (حَبْلِ الْوَرِيدِ) digunakan bagi menyebut urat leher yang dalam bahasa Arab biasanya disebut dengan (عِرْقُ الْوَرِيدِ). Hal ini kerana bentuk urat leher hampir sama dengan bentuk tali.[5]

ḤADĀ'IQ (حَدَائِق)

Lafaz *ḥadā'iq* (حَدَائِق) adalah bentuk jamak daripada lafaz tunggal *ḥadīqah* (حَدِيقَة) yang bererti kawasan tanah yang banyak pepohonan atau disebut taman.[6] Bentuk tunggal lafaz ini tidak disebut di dalam al-Quran. Manakala bentuk jamaknya (حَدَائِق) disebut sebanyak tiga kali iaitu dalam surah *al-Naml* (27), ayat 60; surah *al-Nabak* (78), ayat 32 dan surah *Abasa* (80), ayat 30. Lafaz (حَدَائِق) dalam surah al-Naml dan surah Abasa menunjukkan kepada taman-taman yang ada di dunia ini.

Dalam surah al-Naml, lafaz (حَدَائِق) diberi sifat *dhat bahjah* (ذَاتَ بَهْجَةٍ) yang bererti mempunyai pemandangan yang indah. Manakala dalam surah Abasa lafaz (حَدَائِق) diberi sifat *ghulban* (غُلْبًا), ertinya penuh dengan pepohonan lebat. Taman-taman itu ditegaskan oleh Allah sebagai tanda kekuasaan dan juga anugerahnya kepada manusia sehingga hanya dia yang berhak disembah. Lafaz (حَدَائِق) dalam surah a*l-Nabak* tidak diberi sifat apa pun dan ia menunjukkan kepada taman-taman

1 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 51; M*ajma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, h. 247.

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), op. cit., h. 247.

3 Al-Dāmaghānī (1970), *op. cit.*, h. 116.

4 *Ibid.*, h. 115, 116

5 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, h. 247; al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 107.

6 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j.2, h. 34.

di syurga yang dianugerahkan kepada orang yang bertakwa.

ḤADAB (حَدَب)

Lafaz *ḥadab* (حَدَب) erti asalnya ialah bahagian yang bengkok pada tulang belakang. Lafaz ini juga digunakan bagi merujuk bahagian bumi yang tinggi dan kasar kerana bentuk bumi serupa dengan bentuk tulang belakang yang bengkok.[1] Kedua-dua erti ini digunakan di dalam al-Quran.

Lafaz ini disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Anbiyāk* (21), ayat 96. Ayat ini menceritakan keadaan gawat dan sukar yang berlaku menjelang hari kiamat di mana Yakjūj dan Makjuj keluar dari tempatnya dan muncul di tempat-tempat tinggi (حَدَب). Kemudian bergerak dengan cepat melakukan penindasan kepada manusia dan membuat kerosakan di muka bumi ini. Pada masa itu, tidak ada yang mampu menandingi dan mengalahkan kekuatan mereka.[2]

ḤĀDHIRŪN (حَاذِرُوْن)

Lafaz *ḥādhirūn* (حَاذِرُوْن) adalah jamak daripada lafaz *ḥadhir* (حَاذِر) ertinya orang yang bersiap diri dan berwaspada pada sesuatu yang dikhuatiri terjadi.[3] Bagi menyebut perkara yang dikhuatirkan itu digunakan lafaz *maḥdhūr* (مَحْذُوْر).

Di dalam al-Quran, lafaz (حَاذِرُوْن) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 56. Lafaz itu digunakan Firaun semasa berpidato di hadapan rakyatnya. Antara lafaz-lafaz yang diucapkan Firaun adalah "وَإِنَّا لَجَمِيعٌ حَاذِرُونَ". Ini ditafsirkan oleh Imam al-Alūsī sebagai, "Sesungguhnya, kita adalah kaum yang selalu waspada, bersiap diri dan tegas dalam menghadapi masalah." Lafaz-lafaz ini digunakan Firaun bagi memberi semangat tenteranya yang akan mengejar Nabi Mūsā dan kaumnya. Lafaz-lafaz ini mengisyaratkan Firaun yakin tiada siapa yang mampu menghalangnya daripada mengejar Nabi Mūsā dan Banī Isrāel dan juga menunjukkan Firaun menginginkan kaumnya bersikap tegas dalam memusuhi Nabi Mūsā dan Banī Isrāel.[4]

Begitu juga dengan lafaz (مَحْذُوْر) disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Isrāk* (17), ayat 57. Lafaz ini dikaitkan dengan azab Allah. Ibnu Kathīr mentafsirkan ayat ini dengan mengatakan azab Allah adalah perkara yang mesti diwaspadai dan ditakutkan akan terjadi.[5] Imam al-Alūsī juga menegaskan azab Allah adalah perkara yang berhak diwaspadai dan dikhuatiri oleh sesiapapun sama ada malaikat, para rasul ataupun yang lainnya.[6]

1 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 110; Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 2, h. 36; *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 252; al-Rāzī (1995), *op. cit.*, h. 153.

2 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 2, h.11.

3 Ibn Manzūr (1968), *op. cit.*, j. 4, h. 176.

4 Al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 19, h. 82.

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j.3, h. 48.

6 Al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 15, h. 100.

ḤADĪD (حَدِيْد)

Lafaz *ḥadīd* (حَدِيْد) dalam bahasa Arab bererti logam besi, bentuk jamaknya adalah *ḥadā'id* (حَدَائِد).[1] Logam besi dinamakan (حَدِيْد) kerana mempunyai sifat menahan, menghalang dan kuat bererti (اَلْحَدُّ).[2] Namun, lafaz (حَدِيْد) dalam bentuk jamaknya (حِدَاد) mempunyai erti lain iaitu runcing dan tajam apabila ada orang mengatakan *saif hadid* (سَيْفٌ حَدِيْدٌ) atau *suyuf hidad* (سُيُوْفٌ حِدَادٌ) ertinya pedang atau pedang-pedang yang tajam. Apabila dilafazkan *basar hadid* (بَصَرٌ حَدِيْدٌ), ertinya penglihatan yang terbuka luas, terbelalak atau tercengang.[3]

Di dalam al-Quran, lafaz (حَدِيد) ini diulang sebanyak enam kali iaitu dalam surah *al-Isrāk* (17), ayat 50; surah *al-Kahfi* (18), ayat 96; surah *al-Hajj* (22), ayat 21; surah *Sabak* (34), ayat 10; surah *Qāf* (50), ayat 22 dan surah *al-Hadīd* (57), ayat 25. Empat daripadanya menerangkan perkara di dunia, manakala dua lagi menerangkan perkara di akhirat khususnya di neraka.

Dalam surah *al-Hadīd* (57), ayat 25, Allah menerangkan, dia menurunkan kitab bagi menjadi petunjuk dan juga menganugerahkan besi yang kuat dan memberi banyak manfaat dalam hidup manusia. Besi dapat digunakan bagi berjuang membela agama Allah dan dapat juga dijadikan alat membuat kerosakan di bumi sehingga dengan manfaat daripada besi dapat menjadi penentu manusia siapa antara mereka yang berada dalam kebenaran dan siapa yang berada dalam kesesatan.

Dalam surah *al-Kahfi*, lafaz (حَدِيْد) didahului dengan lafaz *zubar* (زُبَر) jamak daripada lafaz *zubrah* (زُبْرَةٌ) dan menjadi *zubar al -hadid* (زُبَرَ الْحَدِيد) ertinya potongan-potongan besi.[4] Potongan-potongan besi adalah salah satu bahan yang dipakai oleh *dhū al-Qarnain* bagi membuat benteng besar dan tinggi yang dapat menghalang Yakjūj dan Makjūj daripada membuat kerosakan. Ini adalah salah satu manfaat besi yang digunakan bagi tujuan kebaikan dan maslahat manusia.

Manakala lafaz (حَدِيد) dalam ayat 10, surah *Sabak* dikaitkan dengan salah satu anugerah Allah kepada Nabi Dāūd. Beliau mampu mencairkan besi dan memanfaatkannya menjadi baju perang, pedang dan sebagainya. Ini adalah salah satu mukjizat beliau.

Lafaz (حَدِيْد) dalam surah *al-Isrāk* (17), ayat 50 digunakan di dalam al-Quran bagi mencabar kaum kafir yang tidak percaya pada hari kebangkitan. Dalam ayat itu, Nabi Muhammad diperintahkan oleh Allah supaya berlafaz kepada orang kafir, "Jadilah kalian batu atau besi." Batu dan besi dipilih dalam ayat ini kerana kedua-dua benda itu begitu kuat dan keras sehingga apabila rosak, menurut perkiraan akal manusia sukar dikembalikan semula. Namun, Allah tetap berkuasa bagi mengembalikan ciptaannya.

Manakala ayat (مَقَامِعِ مِنْ حَدِيْد) dalam surah *al-Hajj*, (22), ayat 21 bererti tali bertangkai daripada besi, salah satu alat yang digunakan oleh malaikat bagi menyeksa penduduk neraka. Lafaz (حَدِيْد) dalam surah *Qāf* (50), ayat 22 dijadikan sifat bagi lafaz *al-basar* (اَلْبَصَر) sehingga erti gabungan kedua-dua lafaz itu ialah mata yang terbuka luas dan terbelalak kerana tercengang. Keadaan ini dialami oleh orang yang mendustakan kehidupan akhirat.

1 Ibn Manzūr (1968), *op. cit.*, j. 3, h. 141.

2 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j.2, h. 4.

3 Ibn Manzūr (1968), *loc. cit.*; *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 254; Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 110.

4 Al-Rāzī (1995), *op. cit.*, h. 113.

Akhirnya, mereka tercengang ketika melihat dahsyatnya seksa di neraka.

ḤADĪTH (حَدِيْث)

Lafaz *ḥadīth* (حَدِيْث) mempunyai beberapa erti antaranya adalah: (1) Sesuatu yang asalnya tidak wujud kemudian wujud; (2) Sesuatu yang baru; (3) Lafaz sama ada sedikit ataupun banyak. Bentuk jamak daripada lafaz ini yang biasa diguna pakai adalah *aḥādīth* (أَحَادِيْث). Selain itu, ia juga mempunyai bentuk jamak *ḥidthān* (حِدْثَان) dan *ḥudthān* (حُدْثَان), namun kedua-duanya jarang digunakan.[1]

Rāghib al-Isfahāni menyatakan, lafaz (اَلْحَدِيْث) bererti semua jenis lafaz yang sampai kepada manusia sama ada diterima melalui telinga atau wahyu sama ada diterima semasa terjaga daripada tidur mahupun semasa ter tidur.[2]

Di dalam al-Quran, lafaz (اَلْحَدِيْث) yang berbentuk tunggal diulang sebanyak 23 kali iaitu dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 42, 78, 87, 140; surah *al-An'ām* (6), ayat 68; surah *al-A'rāf* (7), ayat 185; surah *Yūsuf* (12), ayat 111; surah *al-Kahfi* (18), ayat 6; surah *Tāhā* (20), ayat 9; surah *Luqmān* (31), ayat 6; surah *al-Ahzāb* (33), ayat 53; surah al-Zumar (39), ayat 23; surah *al-Jātsiyah* (45), ayat 6; surah *al-Zāriyāt* (51), ayat 24; surah *al-Tūr* (52), ayat 34; surah *al-Najm* (53), ayat 59; surah *al-Wāqi'ah* (56), ayat 81; surah *al-Tahrīm* (66), ayat 3; surah *al -Qalam* (68), ayat 44; surah *al-Mursalāt* (77), ayat 50; surah *al-Nāzi'āt* (79), ayat 15; surah *al-Burūj* (85), ayat 17 dan surah *al-Ghāsyiah* (88), ayat 1.

Manakala dalam bentuk jamak (أَحَادِيْث), lafaz ini diulang sebanyak lima kali iaitu dalam surah *Yūsuf* (12), ayat 6, 21 dan 101; surah *al-Mukminūn* (23), ayat 44 dan surah *Sabak* (34), ayat 19.

Di dalam al-Quran, lafaz ini sama ada dalam bentuk tunggal mahupun jamak diguna pakai bagi menunjukkan lima maksud iaitu:

- **Kalām Allāh atau al-Qurān**[3]

Lafaz (حَدِيْث) yang mempunyai maksud Kalām Allāh terdapat dalam ayal-ayat berikut: Surah *Yūsuf* (12), ayat 111; surah *al-A'rāf* (7), ayat 185; surah *al-Kahfi* (18), ayat 6; surah *al-Zumar* (39), ayat 23; surah *al-Jātsiyah* (45), ayat 6; surah *al-Tūr* (52), ayat 34; surah *al-Wāqi'ah* (56), ayat 81; surah *al-Qalam* (68), ayat 44; surah *al-Mursalāt* (77), ayat 50; surah *al-Nisā'* (4), ayat 78, 87.

Secara umumnya, ayal-ayat itu membincangkan tentang sifat-sifat Kalām Allāh dan sikap yang sepatutnya dilakukan oleh manusia pada Kalām Allāh. Antara sifat-sifat Kalām Allāh yang disebut dalam ayat-ayat itu adalah Kalām Allāh iaitu lafaz yang paling benar (أَصْدَقُ الْحَدِيثِ), kisah-kisah yang ada di dalamnya menjadi pengajaran bagi orang yang mempunyai akal. Ia bukanlah cerita yang direka, menjelaskan segala sesuatu, menjadi petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman.

Al-Quran juga adalah lafaz yang paling baik dan indah (أَحْسَنُ الْحَدِيث). Di dalamnya terdapat lafaz-lafaz yang hampir serupa tetapi berbeza maksudnya *mutasyābih* (متشابه), keindahan dan kemuliaan al-

1 Ibn Manzūr (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 131, 133.

2 Al-Isfahānī (1961), *op.cit.*, h. 110.

3 Al-Dāmaghānī (1970), *op.cit.*, h. 120; Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 2, h. 439.

Quran menyebabkannya penuh dengan pujian *(mathānī)*, orang yang takut kepada Tuhannya gementar kulitnya apabila men dengar al-Quran, kemudian kulit dan hati mereka menjadi tenang ketika mengingati Allah. Dengan sifat-sifatnya yang begitu, al-Quran tidak mungkin ditandingi. Oleh itu, Kalām Allāh hendaklah difahami, diimani dan tidak boleh didustakan atau dianggap remeh.

- **Perkataan atau perbicaraan manusia;**[1]

Lafaz (حَدِيث) yang mempunyai maksud perkataan atau perbicaraan manusia terdapat dalam ayal-ayat ini: Surah *al-Nisā*k (4), ayat 140; surah *al-An'ām* (6), ayat 68; surah *Luqmān* (31), ayat 6; surah *al-Ahzāb* (33), ayat 53; surah *al-Tahrīm* (66), ayat 3. Pada ayat-ayat ini, lafaz (حَدِيْث) merujuk kepada perkataan-perkataan di dunia yang diucapkan oleh orang kafir, munafik, para sahabat dan juga perkataan Nabi Muhammad. Dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 42, lafaz (حَدِيْث) merujuk kepada pengakuan orang kafir di akhirat ketika mereka di dunia sebagai orang kafir dan melakukan maksiat.

- **Berita atau perkhabaran tentang ke jadian yang akan datang.**

Lafaz (حَدِيْث) yang mempunyai maksud perkhabaran tentang masa depan dalam surah *al-Najm* (53), ayat 59 dan *al-Ghāsyiah* (88), ayat 1. Dalam kedua-dua ayat ini, lafaz (حَدِيْث) menunjukkan erti hari kiamat dan hari pembalasan.

- **Kisah yang penuh pelajaran**[2]

Lafaz (حَدِيث) dan (أَحَادِيث) mempunyai maksud kisah atau kisah-kisah yang di dalamnya ada pengajaran bagi manusia dalam ayal -ayat berikut iaitu surah *Tāhā* (20), ayat 9; surah *al-Zāriyāt* (51), ayat 24; surah *al-Nāzi'āt* (79), ayat 15; surah *al-Burūj* (85), ayat 17. Kisah yang disebut dalam ayal-ayat ini adalah kisah malaikat yang bertamu kepada Nabi Ibrāhīm, kisah Nabi Mūsā, kisah Firaun dan kaum Thamūd. Semua ayat ini menggunakan lafaz (حَدِيث) dalam bentuk tunggal.

Manakala dalam surah *al-Mukminūn* (23), ayat 44 dan surah *Sabak* (34), ayat 19, lafaz yang digunakan dalam bentuk jamak (أَحَادِيْث). Dalam surah *al-Mukminūn* (23), ayat 44, kisah yang dimaksudkan adalah kisah-kisah kaum terdahulu secara umum yang mendustakan agama dan akhirnya mendapat seksaan Allah. Manakala kisah yang dimaksudkan dalam surah *Sabak* (34), ayat 19 adalah kisah kaum Sabak.

- **Mimpi**

Lafaz (أَحَادِيْث) mempunyai erti mimpi hanya ada dalam surah *Yūsuf* (12), ayat 6, 21 dan 101. Lafaz (أَحَادِيْث) diguna pakai bagi erti mimpi kerana hakikat mimpi adalah jiwa yang berbicara dalam tidur.[3] Kesemuanya dalam bentuk jamak dan dikaitkan dengan anugerah Allah yang diberikan kepada Nabi Yūsuf iaitu kemampuan mentafsirkan mimpi-mimpi.

ḤAJAR – ḤIJĀRAH (حَجَرٌ - حِجَارَةٌ)

Lafaz *ḥajar* (حَجَرٌ) bererti benda keras yang biasa disebut sebagai batu. *Ḥijārah* (حِجَارَةٌ) adalah bentuk jamak *kathrah* daripada lafaz tunggal. Maksud jamak *kathrah* adalah bentuk jamak yang menunjukkan jumlah yang

1 *Ibid.*

2 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 110; al-Dāmaghānī (1970), *op. cit.*, h. 120.

3 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 110; *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 253.

banyak melebihi had minimum. Selain itu, lafaz (حَجَرٌ) juga mempunyai bentuk jamak *qillah* (iaitu lafaz jamak yang menunjukkan jumlah banyak, namun setakat jumlah minimum sahaja) iaitu (أَحْجَارٌ).[1]

Selain lafaz (حَجَرٌ), lafaz *ṣafwān* (صَفْوَانٌ) juga menunjukkan erti batu, namun kedua-dua lafaz ini bukan sinonim *(murādif)*.[2] Ada perbezaan antara kedua-duanya. Lafaz (صَفْوَانٌ) khas digunakan bagi menunjukkan batu yang licin,[3] manakala lafaz (حَجَرٌ) lebih umum kerana ia mencakupi semua bentuk batu yang keras. Di dalam al-Quran hanya menyebut bentuk tunggal dan jamak *kathrah* sahaja daripada lafaz (حَجَرٌ) ini, manakala bentuk jamak *qillah* tidak disebut.

Bentuk tunggal (حَجَرٌ) disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah al-Baqarah (2), ayat 60 dan surah al-A'rāf (7), ayat 160. Dalam kedua-dua ayat ini, lafaz (حَجَرٌ) menunjukkan erti batu yang dipukul Nabi Mūsā dengan tongkatnya, kemudian batu itu memancarkan 12 sumber air sesuai dengan jumlah kabilah Banī Isrāel.

Banyak perbezaan pendapat mengenai jenis batu yang dipukul Nabi Mūsā ini antaranya adalah pendapat Hasan al-Basrī yang mengatakan batu itu bukanlah daripada jenis batu tertentu. Ada juga yang mengatakan batu itu adalah batu yang dibawa dari Gunung Tūr yang berbentuk empat segi, selepas dipukul Nabi Mūsā setiap sisinya mengeluarkan tiga sumber air. Imām al-Alūsī menegaskan mengenai jenis batu ini mempunyai banyak pendapat dan saling bercanggah, namun penentuan jenis batu itu bukanlah masalah agama. Oleh itu, sikap yang lebih baik dan lebih selamat adalah menyerahkan masalah ini kepada Allah.[4]

Manakala bentuk jamak *kathrah* (حِجَارَةٌ) diulang sepuluh kali iaitu dalam surah al *-Baqarah* (2), ayat 24, 74 (dua kali); surah *al -Anfāl* (8), ayat 32; surah *Hūd* (11), ayat 82; surah *al-Hijr* (15), ayat 74; surah *al-Isrāk* (17), ayat 50; surah *al-Zāriyāt* (51), ayat 33; surah *al-Tahrīm* (66), ayat 6; dan surah *al-Fīl* (105), ayat 4.

Dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 72, lafaz ini dijadikan perumpamaan bagi menggambarkan keras dan sombongnya hati Banī Isrāel. Abd Rahmān Hasan Habannakah al -Midānī memasukkan perumpamaan ini ke dalam kelompok perumpamaan yang diulang sekali sahaja di dalam al-Quran. Beliau berlafaz, "Dalam ayat ini, Allah mengumpamakan kerasnya hati yang tidak terlihat oleh mata dengan kerasnya batu-batu yang dapat dilihat oleh mata. Apabila dibandingkan hati -hati manusia, didapati antaranya ada yang lembut, lunak dan mudah menerima kebenaran, hidayah dan ajakan melakukan kebaikan. Ada juga hati yang tidak lembut dan lunak apabila dibandingkan dengan jenis hati yang pertama. Ada yang keras dan ada juga yang begitu keras.

Pada sudut yang lain, apabila diperhatikan benda-benda material, didapati antaranya ada yang lunak seperti adunan tepung yang masih basah, ada juga benda yang tidak begitu lunak seperti adunan tepung yang sudah kering, ada juga yang keras seperti tanah liat yang sudah mengeras dan ada juga benda yang begitu keras seperti batu.

Apabila dibandingkan perkara-perkara ini, didapati kerasnya hati Banī Isrāel (yang

1 Al-Rāzī (1995), *op.cit.*, h.. 52.

2 Muhammad Nūr al-Dīn al-Munajjid (1997), *al-Tarāduf fī al-Qur'ān bayn al-Nazariyyah wa al-Tatbīq*. Beirut: Dār al-Fikr, h. 239.

3 Al-Rāzī (1995), *op.cit.*, h. 153.

4 Al-Alūsī (t.t.), *op.cit.*, j. 1, h. 270.

disebut dalam ayat) menyamai kerasnya batu. Malah, hati mereka amat keras kerana tidak mahu menerima kebaikan sama sekali padahal antara batu-batu di gunung, ada yang mengalirkan air sungai dan antaranya ada yang terbelah (meskipun susah), lalu keluarlah mata air daripadanya. Oleh kerana hati Banī Isrāel penuh dengan kesombongan dan ego, tidak mahu tunduk pada keagungan Allah, tidak mahu sujud kepadanya dan tidak mahu bersimpuh takut kepadanya, sedangkan antara batu-batu yang berada di puncak-puncak gunung yang tinggi, ada yang jatuh meluncur ke kaki-kaki gunung dan ke lembah-lembah dibawa aliran air hujan. Turunnya batu-batu dari puncak gunung yang tinggi ini adalah kerana ia takut kepada Allah dan ini adalah bentuk sujudnya batu kepada Allah serta tunduk kepada kekuasaan qadak dan qadarnya."[1]

Dalam surah al-Baqarah (2), ayat 24 dan surah *al-Tahrīm* (66), ayat 6, lafaz (الحِجَارَةُ) digunakan bagi menunjukkan batu-batu yang dipakai sebagai bahan bakar api di neraka. Ini menunjukkan betapa hebat dan kuatnya panas api neraka. Berbeza dengan api di dunia yang tidak mahu menyala dengan bahan bakar batu.[2] Ibn Mas'ūd mentafsirkan lafaz (الحِجَارَةُ) dalam kedua-dua ayat itu dengan batu belerang *kibrīt* (كِبْرِيت)[3] iaitu sejenis benda keras kuning yang mudah hancur dan mudah terbakar dengan mengeluarkan nyalaan api yang biru.[4]

Dalam surah *Hūd* (11), ayat 82; surah *al-Hijr* (15), ayat 74 dan surah *al-Zāriyāt* (51), ayat 33, lafaz (حِجَارَة) dipakai bagi menunjukkan batu-batu yang digunakan bagi mengazab kaum Nabi Lūt yang derhaka. Dalam surah *Hūd* dan *al-Hijr*, lafaz (حِجَارَةٌ) diberi keterangan *min sijjil* (مِنْ سِجِّيلٍ), manakala dalam surah *al-Zāriyāt* diberi keterangan *min tin* (مِنْ طِينٍ). Kedua-dua keterangan ini tidak bercanggah kerana lafaz (سِجِّيل) ertinya batu yang bercampur dengan tanah liat[5] dan lafaz (طِين) ertinya tanah liat. Dapat disimpulkan, jenis batu-batu yang mengazab kaum Lūt adalah batu-batu yang bercampur dengan tanah liat. Hal ini terjadi kerana bumi, tempat hidup kaum Lūt diterbalikkan oleh Allah sehingga mereka terkubur di bawah tanah dan terkena runtuhan batu-batu yang bercampur dengan tanah liat yang menghujani mereka.

Lafaz (حِجَارَة) dalam surah *al-Fīl* (105), ayat 4 juga diberi keterangan dengan (مِنْ سِجِّيلٍ) sehingga ia juga mempunyai erti batu-batu yang bercampur tanah liat. Batu-batu ini dilempar oleh burung Abābil ke arah bala tentera gajah pimpinan Abrahah yang mahu meruntuhkan Kaabah. Al-Mīdānī menerangkan batu-batu yang bercampur tanah liat itu mengandungi wabak penyakit yang merosakkan dan menyeksa orang yang terkenanya.[6]

Manakala lafaz (حِجَارَة) dalam surah *al-Isrāk* (17), ayat 50 digunakan di dalam al-Quran bagi mencabar kaum kafir yang tidak percaya pada hari kebangkitan semula manusia. Dalam ayat itu, Nabi Muhammad diperintahkan Allah supaya berlafaz kepada orang kafir, "Jadilah kalian batu atau besi." Batu dan besi dipilih dalam ayat ini kerana kedua-dua benda itu kuat dan keras sehingga apabila rosak menurut perkiraan akal manusia, ia sukar dikembalikan semula. Namun, Allah tetap berkuasa mengembali-

1 Al-Mīdānī (1992), *op. cit.*, h. 174-175.

2 Al-Isfahānī (1961), *op.cit.*, h. 108.

3 Al-Dāmaghānī (1970), *op.cit.*, h. 118.

4 Noresah bt. Baharom *et al.* (eds.) (2002), *op. cit.*, h. 131.

5 Al-Isfahānī (1961), *op.cit.*, h. 224.

6 'Abd Rahmān Hasan Habannakah al-Mīdānī (2000), *Ma'ārij al-Tafakkur wa Daqā'iq al-Tadabbur*, j. 2. Damaskus: Dār al-Qalam, h. 17.

kan ciptaannya.

Dalam surah *al-Anfāl* (8), ayat 32 lafaz (حِجَارَة) digunakan oleh orang kafir pada zaman nabi dalam ucapannya yang melampau iaitu, "Ya Allah, sekiranya betul al-Quran ini, yang benar dari sisi engkau, maka hujanilah kami dengan batu dari langit, atau datangkanlah kepada kami azab yang pedih."

ḤĀJIZ (حَاجِز)

Lafaz *ḥājiz* (حَاجِز) dalam bahasa Arab bererti pembatas yang menghalang antara dua perkara.[1] Di dalam al-Quran, lafaz ini hanya disebut dua kali sahaja. Pertama, dengan menggunakan bentuk tunggal (حَاجِز) iaitu dalam surah *al-Naml* (27), ayat 61. Kedua, dengan menggunakan bentuk jamak (حَاجِزِيْن) iaitu dalam surah *al-Hāqqah* (69), ayat 47.

Ayat ke 61, surah *al-Naml* berada dalam rangkaian ayat yang menceritakan keagungan dan kekuasaan Allah dalam menciptakan alam semesta. Antaranya adalah kuasanya dalam mencipta pembatas yang menghalang antara air tawar dan air masin sehingga tidak bercampur antara satu dengan lain. Dengan adanya pembatas (حَاجِز) ini kedua jenis air itu mempunyai manfaat dan faedah tersendiri.[2]

Manakala ayat ke 47 dalam surah *al-Hāqqah* berada dalam rangkaian ayat yang menerangkan al-Quran adalah wahyu yang diturunkan Allah dan ia bukan ucapan penyair atau pawang, bukan juga karangan Nabi Muhammad. Allah menegaskan, apabila Nabi Muhammad membuat lafaz-lafaz rekaan dan mengatakannya atas nama Allah, Allah menghukumnya dengan menyentap dan memutuskan tali jantungnya dan tidak ada seorang pun yang mampu menghalangi (حَاجِزِيْن) Allah bagi melakukan hukuman yang sedemikian.

ḤANĀN (حَنَانٌ)

Lafaz ini adalah sifat daripada *ḥanna* (حَنَّ), membawa maksud hati yang lembut, rahmat, rezeki dan keberkatan,[3] kehebatan, kewibawaan dan kejahatan yang lama.[4] Asalnya *ḥannat al-nāqah ʿalā waladihā* (حَنَّتِ النَّاقَةُ عَلَى وَلَدِهِ) iaitu unta betina kasih kepada anaknya, *ḥannat al-marʾah ʿalā zawjihā* (حَنَّتِ الْمَرْأَةُ عَلَى زَوْجِهَا) iaitu isteri sayang dan cinta kepada suaminya dan *ḥanna al-rajul ilā watanih* (حَنَّ الرَّجُلُ إِلَى وَطَنِهِ) iaitu lelaki cenderung dan terpaut kepada kampung halamannya.[5] *Ḥanān allāh* (حنان الله) ertinya *maʿādhallah* (معاذالله) iaitu aku be - lindung pada Allah.

Lafaz *ḥanān* disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Maryam* (19) ayat 13. Jumhur mufassir berpendapat, *ḥanān* bermaksud kasih sayang, rahmat dan cinta; ia adalah sifat daripada perbuatan jiwa atau diri.[6] Al-Nuhhās berlafaz, "Menurut laporan daripada Ibnu ʿAbbās, lafaz *ḥanān* mengandungi dua makna: (1) Allah menaruh kecintaan kepadanya dengan rahmat (2) Apa yang diberikan kepadanya daripada kasih sa-

1 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 2, h. 139; Al-Isfahānī (1961), *op.cit.*, h. 109.

2 Al-Saʿdī (2001), *op. cit.*, j. 2, h. 317.

3 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 203, Maʿlūf (1973), *op. cit.*, h. 157.

4 Al-Kafawī, *op. cit.*, h. 407.

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 107.

6 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 11, h. 93.

yang manusia sehingga menghindarkan mereka daripada syirik dan kufur.[1]

Abū Ubaid berlafaz, "Orang Arab berlafaz, *'ḥanānaka ya rabb'* (حَنَانَكَ يَا رَبّ) maksudnya menginginkan rahmatmu."[2] Al-Qurtubī berpendapat, lafaz *al-ḥanān* ialah *al-'atf* bermaksud kasih sayang. Sebagaimana dilafazkan Mujāhid, ia bermakna kasih sayang yang kami berikan kepadanya atau rahmatnya yang diberikan kepada makhluk.[3] Ikrimah dan Ibnu Zaid berpendapat, ia bermaksud cinta kepadanya.[4] 'Atā' bin Abī Rabāh berlafaz, "Ia bermaksud kemuliaan daripada kami."[5]

Kesimpulannya, *ḥanān* bermaksud **kasih sayang, cenderung, rahmat** dan **cinta.**

ḤARAJ (حَرَج)

Rāghib al-Isfahānī menyatakan makna asal daripada lafaz (حَرَجٌ) ialah tempat berkumpul dan rapatnya sesuatu seperti tanah yang banyak dengan pepohonan sehingga antara satu pohon dengan pohon lainnya rapat hampir tidak bercelah, terasa sempit dan sukar dilewati. Oleh itu, lafaz ini juga diberi erti sempit dan sukar. Juga diberi erti maksud dosa dan haram kerana perbuatan dosa mengakibatkan hati menjadi sempit.[6] Imam Mujāhid dan Qatādah menyatakan, (حَرَجٌ) juga diertikan ragu kerana orang yang ragu hatinya juga terasa sempit.[7]

Di dalam al-Quran, lafaz ini diulang sebanyak 15 kali iaitu dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 65; surah *al-Mā'idah* (5), ayat 6; surah *al-An'ām* (6), ayat 125; surah *al-A'rāf* (7), ayat 2; surah *al-Taubah* (9), ayat 91; surah *al -Hajj* (22), ayat 78; surah *al-Nūr* (24), ayat 61 (tiga kali); surah *al-Ahzāb* (33), ayat 37, 38, 50; dan surah *al-Fath* (48), ayat 17 (tiga kali). Ketiga-tiga erti lafaz (حَرَج) iaitu sempit, dosa dan ragu digunakan di dalam al-Quran.[8]

Lafaz (حَرَج) yang mempunyai erti sempit atau sukar berada dalam empat ayat iaitu dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 125; surah *al -Hajj* (22), ayat 78; surah *al-Mā'idah* (5), ayat 6; dan surah *al-Ahzāb* (33), ayat 37. Dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 125 digambarkan dada orang kafir adalah teramat sempit. Allah menerangkan sesiapa yang dia kehendaki bagi memberi hidayah dan petunjuk kepadanya, pasti Allah lapangkan dadanya menerima Islam; dan sesiapa yang Allah kehendaki disesatkannya, pasti dia menjadikan dadanya sesak sempit, seolah-olah dia sedang naik ke langit dengan susah payah.

Manakala dalam tiga ayat lagi, Allah menafikan kesukaran dan kesempitan dalam ajaran dan aturan yang dia tetapkan bagi manusia. Dengan lafaz lain, ajaran-ajaran agama Islam contohnya wuduk dan pernikahan penuh dengan kemudahan dan kelonggaran. Dalam surah *al-Hajj* (22), ayat 78, Allah menerangkan dia tidak membuat kesempitan atau kesukaran apa pun dalam ajaran agama Islam. Dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 6, Allah menegaskan maksud perintah bersuci dengan air (wuduk) atau tanah debu *(tayammum)* bukanlah menyukarkan umat Islam

1 *Ibid.*

2 *Ibid.*

3 *Ibid.*

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*

5 *Ibid.*

6 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 112; Ibn Fāris (1971), op. cit., j.2, h. 50.

7 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 187.

8 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 2, h. 448.

dalam urusan agama, tetapi Allah mahu menyucikan mereka daripada dosa-dosa.[1]

Dalam surah *al-Ahzāb* (33), ayat 37, Allah menegaskan alasan dibolehkan menikahi wanita bekas isteri anak angkat sendiri adalah kemudahan, bukannya menyempit atau menyukarkan. Agama Islam adalah agama yang penuh dengan rahmat dan mudah. Dalam beberapa ayat, Allah memerintahkan nabi dan umat Islam selalu yakin dan tidak ragu dengan ajaran agama Islam. Dalam konteks ini, lafaz (حَرَج) diguna pakai. Lafaz (حَرَج) yang mempunyai erti ragu berada dalam dua tempat iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 2 di mana Allah memerintahkan Nabi Muhammad supaya jangan ragu-ragu. Apa yang diterimanya adalah wahyu daripada Allah dan jangan berasa berat hati menyampaikannya kepada manusia.[2]

Yang kedua adalah dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 65. Allah menegaskan seseorang belum dianggap beriman dengan sebenar -benarnya sehingga dia memenuhi tiga syarat iaitu (1) Menjadikan rasul sebagai hakim bagi perkara-perkara yang diperselisihkan dengan cara menjadikan al-Quran dan sunnah sebagai rujukan dan sandaran, (2) Hati orang beriman tidak berasa sempit dan ragu (حَرَج) semasa menerima keputusan rasul sehingga sikap menerima keputusan rasul itu bukan hanya sekadar sikap pura-pura, (3) Dia benar -benar menerima keputusan Rasulullah dengan penuh pasrah, hati terbuka dan lapang dada sehingga jiwanya benar-benar tenang ketika menerima keputusan itu sama ada daripada segi zahir ataupun batin.[3]

Abd Rahmān bin Nāsir al-Sa'dī menegaskan, syarat pertama adalah kayu ukur tingkat keislaman seseorang. Syarat kedua adalah tanda iman seseorang. Manakala syarat ketiga adalah tanda peringkat ihsan seseorang. Sesiapa yang mempunyai tiga tingkatan ini secara sempurna, sempurnalah agamanya.[4]

Manakala lafaz (حَرَج) yang bererti dosa dan haram berada dalam empat ayat iaitu dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 91; surah *al -Nūr* (24), ayat 61 (tiga kali); surah *al-Ahzāb* (33), ayat 38, 50 dan surah *al-Fath* (48), ayat 17 (tiga kali). Dalam kesemua ayat ini, lafaz (حَرَج) dinafikan sehingga ertinya adalah "tidak berdosa." Ungkapan ini digunakan bagi menghilangkan kesempitan atau kesusahan hati yang dirasakan orang beriman termasuk nabi, kerana dalam menjalankan perintah Allah, mereka berasa khuatir tidak dapat memenuhi perintah Allah dengan sempurna dan takut melakukan dosa.

Dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 91, surah *al-Fath* (48), ayat 17 dan surah *al-Nūr* (24), ayat 61 (tiga kali) disebutkan beberapa kelompok orang yang dianggap uzur sehingga apabila tidak ikut berperang (jihād), mereka tidak berdosa, tidak perlu bersedih dan berkecil hati. Mereka adalah orang yang lemah badannya, orang yang sakit, orang yang tidak mempunyai harta bagi biaya perang, orang yang buta dan orang yang pincang.[5]

Manakala dalam surah *al-Ahzāb* (33), ayat 38 diterangkan, selepas Rasulullah menikah dengan Zainab binti Jahsyi, ramai orang yang mencela dan merendahkan beliau. Hal ini kerana Zainab binti Jahsyi adalah bekas isteri Zaid bin Hārithah iaitu anak angkat Rasulullah. Namun, Allah menegaskan, me-

1 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 18.

2 *Ibid.*, j. 2, h. 187.

3 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 1, h. 434; Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 484.

4 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 1, h. 434.

5 *Ibid.*, j. 1, h. 870, 871 dan j. 2, h. 807.

nikahi bekas isteri anak angkat adalah boleh sehingga Rasulullah tidak berdosa dan tidak perlu berkecil hati melakukan ketetapan Allah ini.[1]

Dalam surah *al-Ahzāb* (33), ayat 50, Allah menerangkan dengan jelas wanita-wanita yang boleh dinikahi dan syarat-syarat yang mesti dipenuhi bagi menikahi mereka. Selain itu, diterangkan juga hukum pernikahan khas bagi Nabi Muhammad iaitu beliau boleh menikahi wanita beriman yang menghebahkan dirinya bagi dinikahi (wanita *mūhibah/* موهبة) dengan tanpa mahar, apabila memang beliau berkenan. Aturan ini adalah khas bagi nabi, bukan bagi umat Islam yang lain. Allah menerangkan perkara ini secara terperinci supaya nabi tidak merasa berdosa dan merasa berat ketika melakukan perkara itu, kerana memang dibolehkan Allah.[2]

ḤARAM (حَرَم)

Erti lafaz (حَرَم) ialah sesuatu yang dilindungi dan dibela seseorang. Ia juga bererti sesuatu yang tidak boleh dinodai kemuliaan dan kehormatannya. Kota Makkah dan sekitarnya juga dinamakan dengan (الحَرَم) yang bermaksud kota itu tidak boleh dinodai kemuliaan dan kehormatannya.[3]

Dalam al-Quran, lafaz ini disebut dua kali sahaja iaitu dalam surah *al-Qasas* (28), ayat 57 dan surah *al-'Ankabūt* (29), ayat 67. Dalam kedua-dua ayat ini, lafaz *haraman* (حَرَمًا) selalunya diikuti dengan lafaz *aminan* (ءَامِنًا) sehingga menjadi *haraman aminan* (حَرَمًا ءَامِنًا) yang bererti Tanah Haram atau Tanah Suci yang aman.

Yang dimaksudkan dengan Tanah Haram dalam ayat itu adalah kota Makkah dan sekitarnya. Tanah itu disucikan oleh Allah sejak diciptakan bumi sampai hari kiamat nanti. Rasulullah berkata, "Sesungguhnya negeri ini adalah negeri yang Allah jadikan kawasan haram sejak Allah menjadikan langit dan bumi. Ia akan tetap menjadi Tanah Haram dengan perintah Allah sehinggalah hari kiamat."[4]

Dikisahkan, Malaikat Jibrail memberitahu Nabi Ibrāhīm tentang batas-batas tanah suci dan menyuruhnya menandakannya dengan meletakkan batu sehingga Nabi Ibrāhīm disebut sebagai orang pertama yang menandai batas-batas kawasan suci Makkah iaitu batas yang memisahkan antara daerah yang suci (Tanah Haram) dengan yang lainnya. Selepas pembebasan Makkah (*Fath Makkah*), Rasulullah mengutus Tamīm bin Asad al-Khuza'ī bagi memperbaiki dan memperbaharui tanda-tanda itu, kemudian diteruskan oleh para khalifah sesudahnya sehingga tanda-tanda batas Tanah Suci itu mencapai 943 buah yang diletakkan di atas gunung, bukit mahupun lembah.

Panjang kawasan tanah suci Makkah ialah 127 km dan luasnya lebih kurang 550 km persegi. Jadual di bawah ini menerangkan jarak antara al-Masjid al-Harām dengan sebahagian batas-batas Tanah Suci.[5]

1 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 286; Ibn Kathir (1998), *op. cit.*, j.3, h. 493.

2 Al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 22, h. 61.

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h.; 263.

4 Hadith direkodkan Bukhāri dan Muslim daripada Ibn Abbās.

5 Muhammad Ilyās 'Abd al-Ghānī (2004), *Tārīkh Makkah al-Mukarramah Qadīman wa Hadīthan.* Anang Rikza Masyhadi (terj.) Sejarah Mekah, c. 3. Madinah: al-Rasheed Printers, h. 30, 31.

Tana'im	7.5 km
Nakhlah	13 km
Adāt Laban ('Aqīsyiyyah)	16 km
Ji'rānah (Mustawfirah)	22 km
Hudaibiyah (Syumaysyī)	22 km
Bukit 'Arafah	22 km

Ketika mentafsirkan surah *al-'Ankabūt* (29), ayat 67, Imam al-Alūsī berkata, "Kami jadikan negeri mereka sebagai Tanah Haram (حَرَمًا) iaitu tempat yang diharamkan melakukan perkara-perkara yang sekiranya dilakukan di tempat lain hukumnya tidak haram."[1] Tanah Haram Makkah mempunyai beberapa keistimewaan hukum antaranya adalah:

- Seseorang tidak patut memasuki kawasan ini melainkan dengan berniat ihram. Ia adalah sunat mengikut pendapat ulama Syafie dan wajib mengikut pendapat yang lain.
- Binatang di sini haram diburu sama ada oleh mereka yang berihram atau yang tidak berihram kecuali binatang berkenaan adalah binatang yang mem bahayakan dan biasanya menyerang manusia. Sekiranya binatang buruan dibunuh, wajib dibayar ganti.
- Setiap tumbuhan yang masih hidup dan tumbuh sendiri dan bukan ditanam manusia dalam kawasan Tanah Haram ini adalah haram dipotong. Sekiranya pemotongan dilakukan, wajib dibayar gantinya.
- Tanah serta anak batu dari kawasan tanah haram tidak dibenarkan untuk dibawa keluar.
- Mengikut pendapat jumhur ulama, orang kafir tidak dibenarkan memasuki Tanah Haram sama ada menetap ataupun hanya lalu sahaja.
- Sesuatu benda yang tercicir dan tidak diketahui tuannya di Makkah atau Tanah Haram, haram diambil untuk dimiliki. Ia halal diambil oleh orang yang mahu mengiklankannya sahaja. Ini berbeza daripada barang yang ter tinggal di tempat lain.
- Mereka yang melakukan pembunuhan di Tanah Haram dikenakan *diyat* yang lebih berat. Haram mengebumikan orang musyrik di Tanah Haram juga menggali kuburnya.[2]

ḤARAS (حَرَسٌ)

Lafaz *ḥaras* (حَرَسٌ) adalah bentuk jamak daripada lafaz tunggal *ḥaris* (حَارِسٌ). Bentuk jamaknya yang lain adalah *ḥurrās* (حُرَّاسٌ). Semua lafaz ini berasal daripada lafaz *ḥars* (حَرْسٌ) yang mempunyai dua erti iaitu (1) penjagaan (2) waktu atau masa.[3] Namun, lafaz (حَارِسٌ) hanya mengandungi makna yang pertama dan ertinya ialah penjaga suatu tempat.[4]

Dari beberapa bentuk yang ada, lafaz yang disebut di dalam al-Quran hanyalah lafaz (حَرَسٌ) dan hanya sekali sahaja disebut iaitu dalam surah *al-Jin* (72), ayat 8. Lafaz (حَرَسًا) dalam ayat ini maksudnya para malaikat yang bertugas menjaga langit[5] dan menghalau jin yang cuba mendekatinya. Dengan adanya penjaga langit, para jin tidak dapat lagi mendengar dan mengetahui khabar di

1 Al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 21, h. 13.

2 Penjelasan lebih terperinci mengenai masalah ini lihat Wahbah al-Zuhailī (2004), op. cit., h. 2390-2394

3 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 2, h. 38.

4 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 113; *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h.; 259.

5 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 19, h. 11.

langit mengenai kebaikan ataupun keburukan yang ditimpakan Allah kepada penduduk bumi.

ḤARB (حَرْب)

Erti lafaz *ḥarb* (حَرْب) ialah perang, pembunuhan dan kekacauan, lawan bagi lafaz damai. Bentuk jamaknya adalah *ḥurūb* (حُرُوْب). Lafaz (حَرْب) juga diertikan sebagai musuh, contohnya, "أَنَا حَرْبٌ لِمَنْ حَارَبَنِي" iaitu saya adalah musuh bagi orang yang memusuhiku atau "فُلَانٌ حَرْبٌ لِي" iaitu si fulan adalah musuhku.[1] Di dalam al-Quran, lafaz (حَرْب) dalam bentuk tunggal diulang sebanyak empat kali iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 279; surah *al-Mā'idah* (5), ayat 64; surah *al-Anfāl* (8):, ayat 57; surah *Muhammad* (47), ayat 4. Manakala dalam bentuk jamak tidak disebut.

Dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 64, diterangkan setiap kali kaum Yahudi menyalakan api perang, Allah memadamkannya. Dalam surah *al-Anfāl* (8), ayat 57, Allah menerangkan ketika berperang, kaum beriman hendaklah menghancurkan dan memporak-perandakan kaum kafir yang melanggar perjanjian damai supaya hal itu menjadi pengajaran bagi orang selepasnya.

Abd Rahmān bin Nāsir al-Sa'dī menyatakan, lafaz "فِي الْحَرْب" dalam ayat ini menunjukkan membunuh dan menghancurkan orang kafir hanya boleh dilakukan dalam kondisi perang (فِي الْحَرْب). Apabila mereka mengadakan perjanjian damai dengan kaum beriman, kaum beriman tidak boleh mengkhianatinya dan mereka tidak boleh diserang walaupun kaum kafir itu sering melakukan pengkhianatan.[2]

Dalam surah *Muhammad* (47), ayat 4 dijelaskan perintah membunuh kaum kafir dan juga menawan mereka selama terjadi perang sahaja. Apabila tidak dalam kondisi perang atau perang sudah berhenti kerana kesepakatan damai, membunuh dan menahan orang kafir sebagai tawanan tidak dibenarkan.[3] Dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 279, orang yang tidak mahu meninggalkan riba bererti dia mengisytiharkan dirinya memerangi Allah dan rasulnya.

ḤARD (حَرْد)

Lafaz *ḥard* (حَرْد) dalam bahasa Arab menunjukkan tiga maksud iaitu kehendak/ *qasd* (القَصْدُ), kemarahan/ *al-ghadb* (الغَضَب) dan berpaling (التَّنَحِّي والعُدُول).[4] Rāghib al-Isfahānī mengertikan lafaz (حَرْد) dengan lebih khusus iaitu kehendak bagi menghalang orang lain yang muncul akibat dorongan amarah dari hati.[5] Erti lafaz (حَرْد) berbeza dengan erti lafaz (القَصْدُ), lafaz (حَرْد) lebih khusus, manakala lafaz (القَصْدُ) lebih umum.[6]

Lafaz (حَرْد) ini disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Qalam* (68), ayat 25. Ayat ini berada dalam rangkaian ayat yang menggambarkan sikap bakhil dan kedekut pemilik kebun yang tidak mahu

1 Ibn Manzūr (1968), *op. cit.*, j. 1, h. 302, 303.

2 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j.1, h. 807.

3 *Ibid.*, j. 2, h. 785.

4 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 2, h. 51, 52.

5 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 113.

6 Al-Munajjid (1997), *op. cit.*, h. 239.

menginfakkan hasil kebunnya dan juga menceritakan azab yang menimpa mereka. Lafaz (حَرْد) dalam ayat ini digunakan bagi menggambarkan keadaan hati mereka yang kotor dan jahat. Sikap bakhil mereka digambarkan oleh ayat ini dengan jelas sekali sama ada dalam sikap zahiriah mahupun sikap batiniah mereka.

Pada awal pagi, dengan penuh optimis dan keyakinan mereka pergi ke kebun dengan tujuan memetik buah-buahan yang selama ini mereka tunggu. Mereka berbicara sepanjang perjalanan dengan suara yang rendah supaya pembicaraan mereka tidak didengari oleh fakir miskin. Dalam perjalanan itu, hati mereka penuh dengan niat jahat dan sifat yang kotor iaitu niat menghalang (عَلَىٰ حَرْدٍ) fakir miskin supaya tidak dapat ikut menikmati hasil kebun. Mereka sebenarnya mampu memberikan hasil kebun itu kepada fakir miskin tetapi mereka tidak mahu melakukannya. Apabila sampai di kebun, mereka mendapati kebun mereka terbakar lalu hampalah hati dan harapan mereka.[1]

ḤARF (حَرْف)

Erti lafaz (حَرْف) ialah hujung, pinggir dan batas.[2] Apabila ada orang mengatakan (حَرْفُ السَّيْفِ), (حَرْفُ الْجَبَلِ) dan (حَرْفُ السَّفِينَةِ) maksudnya ialah bahagian hujung paling atas (puncak) gunung, hujung pedang dan pinggir perahu.[3] Lafaz (حَرْف) juga dapat diertikan bentuk atau cara, contohnya (هُوَ مِنْ أَمْرِهِ عَلَى حَرْفٍ وَاحِدٍ) ertinya dia menyelesaikan urusannya hanya dengan satu cara.[4]

Lafaz (حَرْف) disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Hajj* (22), ayat 11, (وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يَعْبُدُ ٱللَّهَ عَلَىٰ حَرْفٍ). Ayat ini menggambarkan bentuk iman manusia yang lemah. Dalam menerangkan ayat ini, para pentafsir mempunyai banyak pendekatan yang antara satu dengan lainnya saling melengkapi iaitu:

- Maksud ayat di atas adalah antara manusia ada yang beribadah kepada Allah dalam satu bentuk. Maksudnya ialah seorang hamba wajib taat kepada Allah sama ada pada waktu susah mahupun pada waktu gembira. Apabila ada orang yang taat kepada Allah ketika bahagia sahaja sedangkan pada waktu susah dan sempit dia melakukan maksiat bererti dia menghambakan diri kepada Allah hanya dalam satu bentuk sahaja (عَلَىٰ حَرْفٍ).[5] Pemahaman ini didukung dengan maksud lafaz selepasnya dalam ayat yang sama menerangkan orang itu apabila mendapat kebaikan dia tetap dalam keadaan beriman, tetapi apabila ditimpa bencana, dia berbalik ke belakang iaitu meninggalkan iman dan menjadi kafir.
- Maksud ayat itu, ada antara manusia yang mengabdikan diri kepada Allah dengan hati yang ragu-ragu, tidak mantap dan tidak yakin sehingga dia seperti berada di tepi atau di pinggir agama, dia tidak masuk Islam dengan penuh keyakinan. Apabila dia mengalami musibah dan dugaan yang kecil sahaja dia akan keluar dari Islam

1 *Ibid.* Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 2, h. 1042.

2 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 2, h. 452.

3 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 113.

4 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 2, h. 42.

5 *Ibid.*

(murtad).[1]

Abd Rahmān Hasan Habannakah mengatakan, ibadah manusia adalah berperingkat. Peringkat yang pertama lebih tinggi apabila dibandingkan dengan peringkat selepasnya. Di kalangan manusia, ada yang menyembah Allah pada peringkat mengagungkan dan memuliakan Allah. Ada juga yang berada pada peringkat berterima kasih dan syukur atas nikmat dan anugerah Allah. Ada juga yang ibadahnya berada pada peringkat mengharap *(al-tam')* dan takut *(khauf)*. Orang yang beribadah pada peringkat yang tinggi, peringkat di bawahnya pun turut dilaksanakan sekali. Namun tidak sebaliknya.

Peringkat paling rendah adalah peringkat ibadah kerana mengharap *al-tam'* (التمع) dan takut *khauf* (خوف). Peringkat ini mempunyai bahagian tengah dan bahagian pinggir. Bahagian tengah peringkat ini adalah ibadah yang didorong oleh harapan pada nikmat di akhirat dan khuatir pada azab di akhirat. Manakala bahagian pinggirnya adalah ibadah yang didorong oleh harapan mendapat manfaat duniawi yang segera dan khuatir pada bahaya yang segera yang mengancamnya di dunia. Orang yang beribadah dalam peringkat bahagian pinggir ini tidak kuat menghadapi cabaran sama ada cabaran itu berbentuk godaan nikmat dunia mahupun ancaman musibah dan sakit dunia. Orang seperti inilah yang disebut dalam ayat ini. Dia beribadah kepada Allah di hujung harapannya dan bimbang pada perkara-perkara dunia yang sementara.

Oleh itu, orang yang beragama ini berada dalam keadaan yang ragu-ragu dan tidak kukuh. Apabila memeluk Islam, dia mendapat manfaat dunia sama ada mendapat nikmat segera ataupun terhindar daripada bahaya dunia, dia berasa tenang dengan memeluk Islam. Namun, apabila dengan keislamannya dia mendapat bahaya, dia akan keluar daripada agama Islam.[2]

ḤARĪQ (حَرِيْق)

Lafaz شكharīq (اَلْحَرِيق) ertinya sesuatu yang membakar iaitu api. Di dalam al-Quran, lafaz ini diulang sebanyak lima kali iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 181; surah *al-Anfāl* (8), ayat 50; surah *al-Hajj* (22), ayat 9, 22; surah *al-Burūj* (85), ayat 10. Dalam kesemua ayat itu, lafaz (اَلْحَرِيق) didahului dengan lafaz *azab* (عَذَاب) sehingga menjadi (عَذَابُ الْحَرِيق) yang bererti azab api yang membakar. Dalam ayal-ayat itu, Allah menegaskan azab jenis ini diberikan kepada:

- Orang Yahudi yang mengatakan Allah adalah fakir dan mereka adalah kaya kerana Allah meminta mereka mengeluarkan sedekah.
- Orang kafir dan juga orang munafik yang menghina kaum beriman dengan mengatakan orang Mukmin adalah orang yang tertipu oleh agamanya kerana mereka rela mengorbankan segala yang dimilikinya.
- Orang kafir yang mendebatkan masalah-masalah agama tanpa dalil dan bukti dengan maksud menghalang orang supaya tidak mengikut ke benaran agama Islam.
- Orang yang mendatangkan cubaan,

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h.; 260; Ābādī (1986),, j. 2. h. 452

2 Al-Mīdānī (1992), *op. cit.*, h. 186-190.

menyeksa, mendatangkan bencana, membunuh atau membakar orang Mukmin sama ada lelaki mahupun perempuan, kemudian mereka tidak bertaubat seperti yang dilakukan oleh Ashāb al-Ukhdūd yang membakar kaum beriman kerana tidak mahu memeluk agama mereka.

ḤARĪR (حَرِيْر)

Dalam bahasa Arab, lafaz *ḥarīr* (حَرِيْر) bererti jenis kain yang halus, yang biasa disebut sebagai sutera.[1] Lafaz ini disebut tiga kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Hajj* (22), ayat 23; surah *Fātir* (35), ayat 33; dan surah *al-Insān* (76), ayat 12.

Kesemuanya merujuk pada erti sutera yang menjadi pakaian orang beriman dan beramal soleh di syurga. Imam Syaukānī menegaskan, semua pakaian yang dipakai oleh penduduk syurga adalah sutera.[2] Pakaian ini berbeza dengan pakaian yang dikenakan oleh penduduk neraka yang diperbuat daripada api seperti yang diterangkan dalam surah *al-Hajj* ayat ke 19.[3]

Dalam ayat 21, surah *al-Insān* diterangkan sutera yang dipakai di syurga adalah sutera jenis *sundus* (سُنْدس) yang bentuknya tebal dan dipakai pada bahagian luar dan *istabraq* (اِسْتَبْرَق) yang bentuknya tipis dipakai pada bahagian dalam. Kedua-dua jenis sutera ini adalah jenis sutera yang paling bagus.[4]

ḤARĪṢ (حَرِيْص)

Lafaz *ḥarīṣ* (حَرِيْص) berasal daripada lafaz *ḥars* (حَرْص). Menurut bahasa ertinya ialah (1) Pembelahan iaitu menjadikan sesuatu menjadi dua atau lebih (2) Keinginan yang kuat.[5] Manakala lafaz *ḥarīṣ* (حَرِيْص) sendiri bererti orang yang berkeinginan kuat pada sesuatu dan mempunyai harapan besar padanya.[6] Lafaz (حَرِيْص) disebut sekali sahaja di dalam al-Qurān iaitu dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 128. Ayat ini menerangkan tiga sifat yang dimiliki Rasulullah iaitu:

- (عَزِيْزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ) yang bermaksud berasa **berat hati** atas kesusahan yang menimpa orang beriman.
- (حَرِيْصٌ عَلَيْكُمْ) ertinya ialah merasa **gembira** apabila orang Islam mendapat kebaikan dan dia berusaha dengan sekuat tenaga bagi mendatangkan kebaikan itu kepada mereka; mempunyai keinginan dan harapan yang besar supaya mereka selalu mendapat petunjuk iman; berasa sedih sekiranya orang Islam ditimpa perkara-perkara yang buruk dan beliau berusaha menghindarkan perkara itu daripada mereka.
- (بِالْمُؤْمِنِيْنَ رَؤُوْفٌ رَحِيْمٌ) iaitu Rasulullah begitu mengasihi dan menyayangi kaum Mukminin, malah kasih sayang

1 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 112; *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 258.

2 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 445.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, 214.

4 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 2, h. 1105.

5 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 2, h. 40.

6 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 259.

beliau melebihi kasih sayang ibu bapa kaum Mukminin sendiri.[1]

ḤARR–ḤARŪR (حَرّ - حَرُور)

Erti lafaz *ḥārr* (حَرّ) adalah keadaan panas, lawan bagi lafaz keadaan sejuk. Keadaan panas ini ada kalanya terjadi di ruang udara (persekitaran manusia) berpunca daripada benda yang panas seperti matahari atau api. Ada kalanya juga terjadi pada tubuh manusia seperti panas yang dialami oleh orang yang demam.[2] Manakala lafaz *ḥārūr* (حَرُور) bermaksud hembusan angin panas atau keadaan panas itu sendiri.[3] Sedangkan Abd Rahmān Hasan Habannakah mengertikan (الحَرُوْر) dengan panasnya sinar matahari yang sampai ke bumi.[4]

Di dalam al-Quran, lafaz (الحَرُّ) diulang tiga kali iaitu dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 81 (dua kali) dan dalam surah *al-Nahl* (16), ayat 81. Lafaz (الحَرُّ) dalam surah al-Taubah yang disebut dua kali digunakan bagi menggambarkan keadaan panas di dunia dan juga panasnya api neraka. Semasa umat Islam mempersiapkan diri bagi Perang Tabuk, cuaca begitu panas. Dalam keadaan yang sebegitu, orang munafik berusaha melemahkan semangat tentera Muslim dengan menyatakan, "Janganlah kalian berangkat ke medan perang dalam cuaca yang panas ini (فِي ٱلْحَرِّ)." Namun, Rasulullah membalas ucapan mereka dengan berlafaz, "Api neraka Jahannam itu lebih panas apabila dibandingkan dengan panas yang ada di dunia."

Manakala dalam surah *al-Nahl* (16), ayat 81, Allah menyebutkan beberapa nikmat dan anugerah yang diberikan kepada manusia antaranya adalah nikmat pakaian yang melindungi manusia dari rasa panas. Dalam ayat ini, Allah tidak menyebutkan fungsi pakaian yang dapat melindungi manusia dari cuaca sejuk kerana perkara itu disebutkan pada awal surah iaitu dalam surah *al-Nahl* (16), ayat 5. Pada awal surah, Allah menerangkan nikmat -nikmat asas yang utama yang dianugerahkan kepada manusia, antaranya adalah nikmat pakaian yang dapat melindungi daripada hawa dingin.

Manakala pada akhir-akhir surah, Allah menyebutkan nikmat-nikmat tambahan yang menyempurnakan nikmat asas itu. Antaranya adalah nikmat pakaian yang dapat melindungi manusia daripada hawa panas. Nikmat yang banyak didedahkan dalam surah ini menyebabkan surah ini juga diberi nama surah *al-Ni'am* (surah kenikmatan). Dengan menyebutkan nikmat-nikmat ini, Allah bermaksud mengingatkan manusia supaya mereka bersyukur, berserah diri, mengakui keagungan dan kasih sayang Allah kepada mereka.[5]

Sementara itu, lafaz (الحَرُور) disebut hanya sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Fātir* (35), ayat 21. Dalam ayat ini, Allah membandingkan dua perkara yang memang berbeza iaitu antara keteduhan dan perlindungan dengan panasnya sinar matahari. Perbezaan dua perkara ini dijadikan perumpamaan bagi jelasnya perbezaan antara iman dan kufur.

1 Lihat al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 1, h. 896.

2 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 111.

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 258.

4 Al-Mīdānī (1992), *op. cit.*, h. 236.

5 Lihat al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 1, h. 1107, 1133 dan 1134.

Abd Rahmān Hasan Habannakah berlafaz, "Keselesaan yang dirasakan oleh orang yang beriman mempunyai peringkat yang berbeza-beza. Kepenatan yang dirasakan oleh orang kafir juga mempunyai peringkat yang berbeza-beza. Keselesaan yang dirasakan orang beriman adalah serupa dengan keselesaan yang dirasakan orang yang berteduh dari panasnya matahari. Kepenatan yang dirasakan orang kafir pula serupa dengan kepenatan yang dirasakan oleh orang yang berdiri di bawah panasnya matahari. Sakitnya sengatan sinar matahari yang dirasakan oleh mereka juga berperingkat-peringkat sesuai dengan peringkat panasnya. Perbezaan peringkat panasnya sinar matahari ini adalah serupa dengan perbezaan peringkat-peringkat kekafiran yang dilakukan manusia."[1]

ḤARTH (حَرْثُ)

Dalam bahasa Arab, lafaz (اَلْحَرْثُ) maksu - nya ialah mengolah tanah dengan cara m - nanamnya atau menabur biji. Benda yang ditanam iaitu tanaman atau tumbuhan juga biasa disebut sebagai (اَلْحَرْثُ).[2]

Lafaz ini diulang sebanyak 13 kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 71, 205, 223 (dua kali); surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 14, 117; surah *al-An'ām* (6):, ayat136, 138; surah *al-Anbiyāk* (21), ayat 78; surah *al-Syūrā* (42), ayat 20 (tiga kali); dan surah *al-Qalam* (68), ayat 22.

Imam al-Alūsī[3] dan Imam al-Syaukānī[4] menegaskan maksud lafaz (اَلْحَرْثُ) dalam ayat ke 223 surah *al-Baqarah* ini adalah (مَوْضِعُ الْحَرْثِ) maksudnya ialah tempat me nanam atau (مزْدَرِعُ النَّبَات) ertinya tempat tumbuhnya tanaman. Dalam ayat ini, wanita yang menjadi isteri diibaratkan sebagai tempat menanam atau tempat tumbuhnya tanaman, manakala air mani suami diibaratkan sebagai benih yang ditanam. Dengan perumpamaan ini, Allah bermaksud membolehkan suami mendatangi isterinya dari berbagai-bagai arah, asalkan melalui *qubul* kerana *qubul* adalah tempat membesarnya anak, sama seperti tanah yang menjadi tempat tumbuhnya tanaman bukan melalui tempat yang lain.[5]

Lafaz (اَلْحَرْثُ) dalam surah *al-Syūrā* (42), ayat 20 juga digunakan sebagai perumpamaan. Dalam ayat ini, Allah mengibaratkan pahala dengan tumbuhan yang ditanam, yang ada kalanya tumbuh lebat dan berbuah di luar dugaan yang direncanakan, dan ada kalanya berbuah seperti biasa atau tidak berbuah sama sekali.

Sehingga maksud ayat ini, sesiapa yang melakukan amal dengan niat ingin mendapatkan pahala di akhirat *harth al-akhirah* (حَرْثُ الآخِرَةِ), Allah menggandakan setiap satu amalannya itu dengan sepuluh pahala hingga 700 kali ganda, malah lebih, sama seperti tanaman menghasilkan banyak buah. Sesiapa yang melakukan amal dengan niat mendapatkan manfaat di dunia sahaja *harth ad-dunya* (حَرْثُ الدُّنْيَا) iaitu kesenangan dan kenikmatan dunia, Allah memberi sebahagian daripada apa yang ditetapkannya sesuai dengan keinginan orang itu, manakala

1 Al-Mīdānī (1992), *op. cit.*, h. 238.

2 Ibn Manzūr (1968), *op. cit.*, j. 2, h. 134; Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 2, h. 445.

3 Al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 124.

4 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 226.

5 *Ibid.*, j. 1, h. 226.

di akhirat nanti dia tidak mendapat apa-apa. Hal ini kerana matlamatnya hanya setakat di dunia sahaja.[1]

Dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 117 diceritakan tentang tanaman yang rosak akibat terkena angin sejuk yang memporak -perandakan tanaman itu. Tanaman ini dijadikan perumpamaan bagi harta benda yang dikeluarkan (dinafkahkan) oleh orang kafir bagi memerangi agama Allah di mana harta benda itu tidak membuahkan pahala, malah rosak sama seperti tanaman yang terkena angin itu.[2]

Selain pada tiga ayat itu, lafaz (ٱلْحَرْثُ) tidak dipakai sebagai perumpamaan melainkan diertikan dengan maknanya yang asal iaitu tanaman. Contohnya dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 71 yang menceritakan salah satu sifat lembu betina yang ditanyakan oleh Banī Israel kepada Nabi Mūsā iaitu lembu yang tidak digunakan bagi mengairi tanaman. Dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 205 diceritakan, antara manusia apabila berkuasa mereka sombong dan melakukan kerosakan antaranya merosakkan tanaman.

Dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 14, ditegaskan tanaman adalah salah satu harta benda yang dicintai manusia dan ia termasuk kesenangan hidup di dunia sehingga perlu disedarkan supaya jangan sampai melenakannya dari kehidupan akhirat kerana di akhirat ada tempat kembali yang lebih baik.[3] Dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 136, menceritakan perilaku orang kafir yang mempersembahkan sebahagian haiwan-haiwan dan hasil tanaman pada berhala mereka dan sebahagian lagi bagi Allah. Dan dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 138, diceritakan perilaku orang kafir yang lain iaitu mereka mengharamkan haiwan dan tanaman menurut selera hati mereka.

Dalam surah *al-Anbiyāk* (21), ayat 78, disebutkan kisah kebijaksanaan Nabi Dāūd dan Nabi Sulaimān dalam menetapkan keputusan hukum ke atas kes tanaman anggur yang sudah siap dituai milik seseorang yang dicerobohi oleh kambing orang lain pada malam hari, di mana Nabi Dāūd memutuskan kambing itu diberikan kepada pemilik tanaman, manakala Nabi Sulaimān menetapkan kambing itu hendaklah diserahkan sementara waktu kepada pemilik tanaman supaya dia mengambil air susu dan bulunya dan pemilik kambing hendaklah merawat tanaman yang sudah dirosakkan itu hingga tanaman itu kembali baik seperti biasa dan apabila tanaman sudah elok kambing itu hendaklah dikembalikan kepada tuannya.[4]

Dalam surah *al-Qalam* (68), ayat 22 diceritakan tentang kebun tanaman yang terbakar milik orang bakhil kedekut yang tidak mahu mendermakan hasil kebunnya kepada fakir miskin padahal ketika itu kebunnya sudah boleh dituai.

ḤATHĪTH (حَـٰثِيثٌ)

Lafaz *ḥathīth* (حَـٰثِيثٌ) menurut bahasa ialah sesuatu yang bergerak dengan cepat.[5] Lafaz ini hanya disebut sekali sahaja di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 54.

1 Al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 25, h. 27.

2 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j.1, h. 329.

3 *Ibid.*, j. 1, h. 276.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 187.

5 Ibn Manzūr (tt), *op. cit.*, j. 2, h. 130; al-Rāzī (1995), *op. cit.*, h. 52.

Lafaz (يَطْلُبُهُ حَثِيثًا) dalam ayat itu bererti waktu malam yang selalu mengikuti waktu siang dengan cepat.

Dalam menggambarkan fenomena ini, pakar tafsir berbeza-beza pendapat, namun mereka menekankan pada cepatnya waktu malam mengikuti waktu siang. Imam al-Qurtubī menerangkan waktu malam selalu mengikuti waktu siang tanpa lelah, tanpa ada sela dan tanpa henti.[1]

Manakala Imām Ibn Kathīr menerangkan maksud ayat itu adalah gelapnya malam akan hilang dengan hadirnya siang yang terang, dan terangnya siang akan hilang dengan datangnya malam yang gelap. Masing-masing waktu siang dan malam selalu mengikuti yang lainnya dengan cepat dan tidak terlambat, apabila siang pergi malam terus datang, begitu juga sebaliknya.[2] Abū al-Su'ūd juga menerangkan maksud ayat itu adalah malam yang selalu mengikuti waktu siang dengan cepat seolah-olah waktu malam memburu siang dan tidak ada yang memisahkan di antara kedua-duanya.[3]

ḤATM (حَتْمٌ)

Menurut bahasa, lafaz *ḥatm* (حَتْمٌ) bermaksud keputusan yang sudah ditetapkan dan pasti terjadi.[4] Lafaz ini disebutkan sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Maryam* (19), ayat 71 dalam bentuk (حَتْمًا). Dalam ayat ini diterangkan, di akhirat nanti semua makhluk sama ada yang mukmin mahupun yang kafir akan melalui neraka. Ini adalah keputusan yang ditetapkan Allah bagi dirinya dan juga janji Allah kepada semua hambanya. Oleh itu, keputusan ini pasti akan terjadi.[5] Ibn Mas'ūd mengatakan yang dimaksudkan dengan (حَتْمًا مَقْضِيًّا) adalah sumpah wajib yang mesti dilaksanakan.[6]

ḤIDĀD (حِدَاد)

Lafaz *hidad* (حِدَاد) mempunyai beberapa erti, antaranya adalah: (1) Pakaian hitam yang dipakai oleh wanita yang sedang berdukacita;[7] (2) Bentuk jamak daripada lafaz *ḥadīd* (حَدِيد) dan *ḥadd* (حَادّ) yang bererti runcing dan tajam. Ada orang mengatakan *saif hadid* (سَيْفٌ حَدِيدٌ) atau *suyuf hadad* (سُيُوفٌ حِدَادٌ) ertinya ialah pedang atau pedang-pedang yang tajam. Lafaz *hadid* (حَدِيد) dan *hidad* (حِدَادٌ) dalam perkataan Arab juga biasa digunakan bagi menyifatkan lisan atau ucapan (اللِّسَان *al-lisan*), penglihatan (*al-basar* البَصَرُ), fikiran (*al-fahm* الفَهْمُ), kemarahan(*al-dhadab* الغَضَبُ) dan tindakan(*al-fi'l* الفِعْلُ) sehingga penggabungan dua kalimah di antara kalimah -kalimah itu mempunyai makna lidah atau ucapan yang tajam, penglihatan yang terbuka luas (terbelalak), pemikiran yang tajam, kemarahan yang tajam dan tindakan yang teliti dan cermat.[8]

1 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 7, h. 221.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 221-222.

3 Abū al-Su'ūd (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 232.

4 Ibn Manzūr (1968), *op. cit.*, j. 12, h.113; *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, h. 247; al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 107.

5 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 2, h. 29, 30; al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 344.

6 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 11, h. 41.

7 Al-Rāzī (1995), *op. cit.*, h. 53.

8 Ibn Manzūr (1968), *op. cit.*, j. 3, h. 141; *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 254; Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 110.

Di dalam al-Quran, lafaz (حِدَاد) disebut sekali sahaja bagi menyifatkan lafaz (اَلْسِنَة) yang terdapat dalam surah *al-Ahzāb* (33), ayat 19. Ayat ini berada dalam rangkaian ayat yang menceritakan beberapa sikap yang dilakukan oleh kaum munafik semasa terjadi Perang Ahzāb atau Khandaq. Dalam ayat ini didedahkan sikap kaum munafik yang bersikap bakhil, kedekut, tidak mahu mengorbankan jiwa raga berjihad dan juga tidak mahu mengeluarkan harta kekayaan bagi membantu pelaksanaan jihad. Mereka sebenarnya adalah orang yang penakut menghadapi peperangan meskipun pada saat keadaan aman dan tidak ada perang. Lisan mereka lantang dan tajam (اَلْسِنَة حِدَاد) mengeluarkan lafaz-lafaz yang menyakiti dan melukai hati orang yang beriman. Kelantangan dan ketajaman lisan mereka itu seakan-akan menunjukkan mereka adalah orang yang berani, tetapi sebenarnya mereka adalah penakut.[1]

'Abd Rahmān Hasan Habannakah menyatakan penggunan lafaz *alsinah hidad* (اَلْسِنَة حِدَاد) dalam ayat ini mengandungi unsur perumpamaan *tasybīh* (تشبيه). Lafaz (حِدَاد) biasanya digunakan bagi menyifatkan lafaz "سُيُوف" iaitu pedang yang tajam. Dalam ayat ini digunakan bagi menyifatkan lafaz (اَلْسِنَة) iaitu lisan yang tajam sehingga menyebabkan luka di hati diibaratkan dengan tajamnya pedang yang melukai badan.[2]

ḤIJĀB (حِجَابٌ)

Lafaz *ḥijāb* (حِجَابٌ) dalam bahasa Arab bererti pembatas yang menghalangi[3] sama ada pembatas itu *ḥissī* (dapat dicapai oleh pancaindera) mahupun *mā'nāwī* (tidak dapat dicapai oleh pancaindera).[4]

Di dalam al-Quran, lafaz (حِجَابٌ) disebut sebanyak tujuh kali iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 46; surah *al-Isrāk* (17), ayat 45; surah *Maryam* (19), ayat 17; surah *al-Ahzāb* (33), ayat 53; surah *Sād* (38), ayat 32; surah *Fussilat* (41), ayat 5 dan surah *al-Syūrā* (42), ayat 51.

Sebahagian ayat al-Quran di atas menggunakan (حِجَابٌ) bagi menunjukkan pembatas yang berbentuk *ḥissī* (dapat dicapai oleh pancaindera) iaitu dalam surah *Maryam* (19), ayat 17; surah *al-Ahzāb* (33), ayat 53 dan surah *Sād* (38), ayat 32. Dalam surah *Maryam* (19), ayat 17 diceritakan apabila Maryam mengandung, dia menjauhkan diri dan menyendiri daripada kaumnya dan pergi ke suatu tempat di sebelah timur Baitul Muqaddis bagi beribadah. Diceritakan juga Maryam duduk di atas dataran yang tinggi untuk bersuci dan berlindung di sebalik *ḥijab* berupa dinding atau gunung (sebagaimana yang dilaporkan dari Ibn 'Abbās) atau di sebalik kain.[5] Imam al-Syaukānī juga menegaskan, Maryam membuat tabir yang dapat menghalangnya daripada pandangan kaumnya supaya mereka tidak dapat melihatnya ketika dia beribadah atau bersuci.[6]

Dalam surah *al-Ahzāb* (33), ayat 53, Allah menerangkan adab bermuamalah de-

1 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 2, h. 458.

2 Al-Mīdānī (1992), *op. cit.*, h. 182.

3 Ibn Manzūr (1968), *op. cit.*, j. 1, h. 295; al-Rāzī (1995), *op. cit.*, h. 52.

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, h. 247; al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 107.

5 Al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 16, h. 74.

6 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 327.

ngan Rasulullah dan isteri-isterinya yang perlu dilakukan oleh para sahabat. Antaranya adalah apabila para sahabat meminta sesuatu keperluan kepada isteri- isteri nabi, mereka tidak boleh melihat isteri-isteri nabi dan hendaklah memintanya dari sebalik tabir (حِجَابٌ).[1] Kerana cara yang sedemikian itu lebih menjaga kesucian hati para sahabat dan juga hati isteri-isteri nabi.

Manakala dalam surah *Sād* (38), ayat 32 diceritakan Nabi Sulaimān menyukai kudanya sehingga beliau lalai mengingati Allah sehingga matahari tidak terlihat oleh mata kerana hilang di sebalik *ḥijāb*. Qatādah dan Ka'ab menyatakan yang dimaksudkan *ḥijāb* di sini adalah gunung hijau iaitu Gunung Qāf selain daripada itu waktu malam juga dinamakan dengan *ḥijāb* kerana ia menutupi segala sesuatu daripada pandangan mata.[2]

Adapun selain tiga ayat itu, lafaz (حِجَابٌ) digunakan bagi menunjukkan batas *ma'nawī* iaitu pembatas yang tidak dapat dicapai oleh panca indera. Lafaz (حِجَابٌ) dalam surah al-A'rāf maksudnya ialah perkara yang membatasi antara ahli syurga dan ahli neraka, namun maknanya bukan pembatas yang menghalangi pandangan mata mereka melainkan keadaan yang menyebabkan nikmat ahli syurga tidak dapat dirasakan oleh ahli neraka dan sakitnya seksa yang dideritai oleh ahli neraka tidak dirasakan oleh ahli syurga.[3]

Lafaz *hijaban* (حِجَابًا) dalam surah *al -Isrāk* (17), ayat 45 disifatkan dengan lafaz *masturan* (مَسْتُوْرًا) yang salah satu maknanya adalah pembatas yang tidak terlihat oleh mata. Pembatas seperti ini berada pada diri orang musyrik sehingga mereka terhalang daripada memahami al-Quran yang diajarkan oleh Rasulullah kerana mereka memang tidak mahu mendengar bacaan al-Quran dan juga kerana mereka tidak memperhatikan bacaannya.[4] Qatādah dan Ibn Zaid menerangkan yang dimaksudkan dengan حِجَابًا مَسْتُوْرًا dalam ayat ini adalah penutup atau penghalang yang menutupi hati.[5]

Lafaz (حِجَابٌ) dalam surah *Fussilat* (41), ayat 5 mempunyai makna yang serupa dengan yang berada dalam surah *al-Isrāk* (17), ayat 45 iaitu pembatas yang menghalangi sampainya ajaran Nabi Muhammad kepada orang musyrik.[6] Dalam ayat ini diceritakan orang musyrik memang enggan menerima ajaran Rasulullah dengan mengatakan, "Hati kami berada dalam tutupan (yang menutupi) apa yang kamu seru kami kepadanya dan telinga kami ada sumbatan dan antara kami dan kamu ada pembatas, maka bekerjalah kamu, sesungguhnya kami bekerja (pula)."

Maksud lafaz (حِجَابٌ) dalam surah *al -Syūrā* (42), ayat 51 adalah pembatas yang menyebabkan seseorang yang diajak bicara oleh Allah di sebalik *ḥijāb* tidak dapat melihatnya meskipun dia mendengar lafaz-lafaz Ilahi itu seperti yang dialami oleh Nabi Mūsā.[7]

HIJR (حِجْرٌ)

Menurut bahasa *ḥijr* (حِجْرٌ) maksudnya haram atau larangan.[8] Lafaz (حِجْر) diulang sebanyak

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j.3, h. 506.

2 Al-Syaukānī (1994), *op. cit*, j. 4, h. 431.

3 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 108.

4 Al-Syaukānī, *op. cit*, j. 3, h. 231.

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 44.

6 *Ibid.*, j.4, h. 91.

7 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 108; al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 2, h. 723.

8 Ibn Manzūr (1968), *op. cit.*, j. 4, h. 166; al-Rāzī (1995), *op. cit.*, h. 52.

tiga kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al -An'ām* (6), ayat 138; surah *al-Hijr* (15), ayat 80 dan surah *al-Fajr* (89), ayat 5. Lafaz (حِجْر) dalam ketiga-tiga tempat itu mempunyai erti yang berlainan. Lafaz (حِجْرٌ) dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 138 bererti haram atau terlarang sehingga kalimat (أَنْعَامٌ وَحَرْثٌ حِجْرٌ) dalam ayat itu maknanya binatang ternakan dan tanaman yang haram atau dilarang untuk dimakan.[1]

Manakala lafaz (لِذِى حِجْرٍ) dalam surah *al-Fajr* (89), ayat 5 maksudnya, "Bagi orang yang mempunyai akal." Lafaz حِجْرٍ diertikan dengan akal kerana akal dapat melarang dan menghalangi seseorang mengikuti hawa nafsunya.[2] Adapun maksud lafaz (الحِجْر) dalam surah *al-Hijr* (15), ayat 80 adalah nama perkampungan kaum Thamūd (kaum Nabi Sālih) yang berada di semenanjung Arab.[3] Tempat tinggal mereka dinamakan (الحِجْر) kerana mereka menjadikan gunung-gunung batu sebagai rumah.[4]

Lafaz *hijran* (حِجْرًا) disebut dua kali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Furqān* (25) ayat 22 dan 53. Dalam kedua -dua ayat itu, lafaz *hijran* (حِجْرًا) selalunya diikuti dengan lafaz *mahjuran* (مَحْجُوْرًا) sehingga menjadi *hijran mahjuran* (حِجْرًا مَحْجُوْرًا). Menurut bahasa, dua gabungan l - faz ini biasa diucapkan bagi mencegah atau melarang sesuatu yang diharamkan.[5]

Berdasarkan pertimbangan daripada sudut bahasa dan konteks pembicaraan *(al -siyāq),* kalimat (حِجْرًا مَحْجُوْرًا) yang terdapat dalam surah *al-Furqān* (25), ayat 22 dapat disandarkan kepada orang musyrik dan malaikat. Apabila yang mengucapkan lafaz itu adalah orang musyrik, ia mempunyai erti meminta perlindungan *(al-isti'ādhah)* kepada malaikat supaya mereka tidak mengazabnya. Kaum musyrik menyangka ucapannya ini mempunyai kesan yang sama seperti diucapkan di dunia.[6] Ini kerana, ketika di dunia lafaz (حِجْرًا مَحْجُوْرًا) itu biasa digunakan oleh orang musyrik Arab bagi mencegah orang lain melakukan perbuatan yang dilarang.

Apabila di bulan haram, seorang musyrik Arab berjumpa dengan musuh yang mungkin mengganggu mereka, maka orang Arab itu berkata (حِجْرًا مَحْجُوْرًا) dengan maksud meminta perlindungan serta me larang mereka melakukan perbuatan jahat di bulan haram.[7] Namun, apabila ditetapkan yang mengucapkan lafaz itu adalah malaikat bukannya orang musyrik Arab maksudnya ialah, "Wahai orang musyrik, kalian diharamkan mendapat segala bentuk khabar gembira."[8] Ucapan ini adalah bentuk seksaan.

Manaka lafaz (حِجْرًا مَحْجُوْرًا) dalam surah *al-Furqān* (25), ayat 53, maksudnya pembatas yang menghalangi dan tidak dapat dilewati[9] sehingga dengan pembatas itu. Apabila air tawar bertemu dengan air masin, namun kedua -duanya tidak bercampur antara satu sama lain.[10]

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, h. 251; al-Dāmaghānī (1970), *op. cit.*, h. 119.

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, h. 251; al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 109; al-Dāmaghānī (1970), *op. cit.*, h. 119.

3 Al-Dāmaghānī (1970), *op. cit.*; Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah (1970), *op. cit.*

4 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 1, h.1102; Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 108.

5 Ibn Manzūr (1968), *op. cit.*, j. 4, h. 167.

6 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *loc. cit.*; al-Isfahānī (1961), *op. cit.*

7 *Ibid.*

8 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *loc. cit.*

9 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, h. 251.

10 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 2, h. 258.

ḤIZB (حِزْبٌ)

Lafaz *ḥizb* (حِزْبٌ) adalah bentuk tunggal yang bentuk jamaknya adalah *āḥzāb* (أَحْزَاب). Dalam bahasa Arab ia digunakan bagi menunjukkan beberapa maksud iaitu: (1) Sekumpulan manusia yang hatinya bersatu dan tingkah lakunya sama meskipun antara mereka tidak saling bertemu; (2) Wirid atau bacaan seperti bacaan al-Quran dan selawat yang dibaca seseorang secara rutin dinamakan (الحِزْبُ); (3) Bahagian, contohnya apabila ada orang berlafaz (اعْطِنِي حِزْبِي مِنَ الْمَالِ) maksudnya, "Berikan bahagian hartaku kepadaku!"; dan (4) Aliran air.[1]

Di dalam al-Quran, lafaz ini dalam bentuk tunggal *(mufrad)* diulang sebanyak lapan kali iaitu dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 56; surah *al-Mukminūn* (23), ayat 53; surah *al-Rūm* (30), ayat 32 dan *Fātir* (35), ayat 6; surah *al-Mujādalah* (58), ayat 19 (dua kali), 22 (dua kali). Dalam bentuk ganda *(muthannā)* (حِزْبَين) diulang hanya sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Kahfi* (18), ayat 12. Dan dalam bentuk jamak diulang 11 kali iaitu dalam surah *Hūd* (11), ayat 17; surah *al-Ra'd* (13), ayat 36; surah *Maryam* (19), ayat 37; surah *al-Ahzāb* (33), ayat 20 (dua kali), 22; surah *Sād* (38), ayat 11, 13; surah *Ghāfir* (40), ayat 5, 30; dan surah *al-Zukhruf* (43), ayat 65.

Daripada empat makna yang dimiliki oleh lafaz (حِزْبٌ), secara bahasa, satu makna sahaja yang diguna pakai oleh al-Quran iaitu makna kelompok atau kumpulan. Namun, daripada sudut penggunaannya dan kelompok yang dimaksudkan adalah berbeza-beza. Dalam dua ayat iaitu *al-Mukminūn* (23), ayat 53 dan *al-Rūm* (30), ayat 32, lafaz (حِزْبٌ) berada dalam satu rangkaian lafaz yang sama iaitu (كُلُّ حِزْبٍ بِمَا لَدَيْهِمْ فَرِحُونَ).

Lafaz (حِزْبٌ) dalam ayat ini ertinya penganut agama yang memisahkan diri daripada agama tauhid yang diajarkan oleh para rasul termasuk yang diajarkan oleh Nabi Muhammad. Mereka ialah penyembah patung, matahari dan bulan, kaum Yahudī dan Nasrānī di mana masing-masing kelompok itu berasa bangga dengan kebenaran ajaran agamanya dan menganggap agama yang lain adalah agama yang batil. Sedangkan ajaran agama yang benar sama ada dalam masalah akidah, syariah mahupun akhlak adalah ajaran yang disebarkan oleh para rasul terdahulu dan diteruskan oleh Nabi Muhammad.[2]

Manakala (حِزْبٌ) dalam bentuk tunggal yang lain selalunya diikuti dengan lafaz lain. Tiga antaranya diikuti dengan *lafẓ al-jalālah*, menjadikannya (حِزْبُ الله). Bentuk ini terdapat dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 56; surah *al-Mujādalah* (58), ayat 22 (dua kali). Manakala pada tiga tempat yang lain (حِزْبٌ) selalunya diikuti dengan lafaz (الشَّيْطَان) sehingga menjadi (حِزْبُ الشَّيْطَان).

Bentuk ini ada dalam surah *Fātir* (35), ayat 6 dan surah al-Mujādalah (58), ayat 19 (dua kali). Maksud (حِزْبُ الله) adalah kelompok orang yang mengabdikan diri dan setia kepada Allah.[3] Dalam ayal-ayat itu diterangkan beberapa sifat yang dimiliki oleh (حِزْبُ الله) iaitu orang yang menjadikan Allah, rasulnya dan orang yang beriman sebagai penolongnya; tidak mahu berkasih sayang dengan orang yang menentang Allah dan rasulnya meskipun orang itu adalah bapa, anak, saudara ataupun keluarga mereka dan orang yang kuat imannya. Kelompok orang seperti ini dijanjikan mendapat pertolongan daripada Allah, mendapat kejayaan, dimasukkan ke syurga dan termasuk orang yang beruntung.

1 Ibn Manzūr (1968), *op. cit.*, j. 1, h. 308, 309.

2 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 2, h. 176 dan 406.

3 *Ibid.*, j. 1, h. 568.

Manakala maksud (حِزْبُ الشَّيْطَان) ialah kelompok orang yang mengikuti kehendak syaitan iaitu orang kafir dan munafik. Dalam ayal-ayat itu diterangkan beberapa sifat (حِزْبُ الشَّيْطَان) iaitu orang yang dipesongkan oleh dunia sehingga tidak mahu mengingati Allah; menentang Allah dan rasulnya, suka berkasih-sayang dengan orang yang menentang Allah dan rasulnya. Kelompok orang seperti ini ditetapkan sebagai orang yang rugi kerana mereka diperdaya oleh pujuk rayu syaitan yang mengajak mereka masuk ke dalam neraka.

Bentuk ganda *(muthannā)* (حِزْبَيْن) yang ada dalam surah *al-Kahfi* (18), ayat 12 bermaksud kaum *Aṣḥāb al-Kahfi* yang terpecah menjadi dua kelompok dan saling berdebat dalam menentukan lamanya *Aṣḥāb al-Kahfi* tidur di dalam gua. Antara mereka ada yang mendapat petunjuk dengan kejadian yang dahsyat ini dan ada juga yang terpesong daripada kebenaran.[1]

Manakala lafaz *al-ahzab* (الأَحْزَاب) dalam bentuk jamak digunakan bagi menunjukkan kelompok orang kafir yang mendustakan ayat-ayat Allah, mendustakan dan memerangi para nabi sama ada nabi-nabi terdahulu mahupun Nabi Muhammad. Kesemua kelompok ini mempunyai nasib yang sama iaitu mereka dikalahkan sama ada kalah dalam peperangan atau hancur binasa kerana azab dan di akhirat nanti mereka semua akan diseksa di neraka.

Dalam surah *Sād* (38), ayat 13 dan surah *Ghāfir* (40), ayat 5, 30, lafaz *al-ahzab* (الأَحْزَاب) digunakan bagi menunjukkan kaum kafir terdahulu iaitu kaum Nuh, 'Ād, Firaun, Thamūd, Lut dan Aṣḥab al-Aikah. Mereka semua adalah kaum yang menentang kebenaran, mendustakan dan memerangi para rasul yang diutus kepada mereka. Akhirnya, mereka semua diazab oleh Allah dengan pelbagai jenis azab yang dahsyat dan pedih.[2]

Manakala lafaz (الأَحْزَاب) dalam surah *Maryam* (19), ayat 37 dan surah *al-Zukhruf* (43), ayat 65 merujuk kepada kelompok yang berbeza pendapat mengenai kedudukan Nabi 'Īsā seperti kelompok dalam agama Yahudi dan Nasrani. Sebahagian daripada mereka mengatakan 'Īsā adalah Allah, sebahagian yang lain mengatakan beliau adalah anak Allah, ada juga yang mengatakan 'Īsā adalah salah satu daripada tiga kesatuan (triniti), malah ada yang mengatakan 'Isā adalah anak hasil zina. Mereka semua akan mendapatkan kecelakaan yang besar kerana di akhirat nanti mereka akan dimasukkan ke dalam neraka.[3]

Lafaz (الأَحْزَاب) dalam surah *Hūd* (11), ayat 17 dan surah *al-Ra'd* (13), ayat 36 merujuk kepada kelompok orang yang tidak beriman kepada al-Quran. Semasa mentafsirkan surah *Hūd* (11), ayat 17, Imām Ibn Kathīr berlafaz, "Maksudnya adalah semua penduduk bumi yang mengenal al-Quran, namun mereka tidak mahu mempercayainya sama ada mereka adalah orang musyrik, kafir, Ahl al-Kitāb mahupun keturunan anak Adam lainnya daripada pelbagai jenis warna kulit dan rupa."[4] Semasa mentafsirkan surah *al-Ra'd* (13), ayat 36, beliau berlafaz, "Di antara kelompok manusia ada yang mendustakan sebahagian wahyu yang turun kepadamu (Muhammad). Imām Mujāhid mengatakan mereka adalah sebahagian Yahudi dan Nasrani yang tidak mempercayai kebenaran yang datang kepadamu (Muhammad). Imam

1 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 274.

2 Al-Dāmaghānī (1970), *op. cit.*, h. 127.

3 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 2, h. 15, 16 dan j. 2, h. 742; al-Dāmaghānī (1970), *op. cit.*, h. 127.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 441 dan j. 3, h. 165.

Qatādah dan Imam 'Abd al-Rahmān bin Zaid bin Aslam juga berpendapat begitu."[1] Dalam ayat itu ditegaskan, Allah berjanji memasukkan mereka ke dalam neraka.

Sedangkan (الأَحْزَاب) dalam surah *al -Ahzāb* (33), ayat 20, 22 dan surah Sād (38), ayat 11 maksudnya kelompok yang bersekutu bagi menyerang dan menghancurkan umat Islam semasa Perang Ahzāb atau Khandaq. Mereka begitu kuat dan jumlahnya banyak. Mereka terdiri daripada Banī Ghatafān yang dipimpin oleh Mālik bin 'Auf dan 'Uyainah bin Hisan al-Fazārī; Banī Asad yang dipimpin oleh Tulaihah bin Khuwailid; penduduk Makkah dan kaum Quraisy yang dipimpin oleh Abū Sufyān, Yazīd bin Khalf dan al-A'war al-Sulamī dan juga kaum Yahudi Banī Quraizah yang dipimpin oleh Hayi bin Akhtab. Mereka semua mengepung bala tentera Muslimin yang berada di Madinah dari pelbagai arah.

Para sahabat yang kuat imannya menghadapi peperangan ini dengan penuh keyakinan, manakala orang munafik mencari alasan bagi menghindarkan diri daripada peperangan. Akhirnya, musuh Islam yang kuat dan banyak itu tidak berjaya kerana Allah mengirim angin besar yang memporak-peranda dan menghancurkan kekuatan mereka sehingga mereka pulang dengan hampa.[2]

ḤUBUK (حُبُك)

Lafaz *ḥubuk* (حُبُك) dalam bahasa Arab digunakan bagi menyebut jalur-jalur di permukaan air ataupun padang pasir yang muncul akibat hembusan angin. Manakala bagi menyebut satu jalur sahaja daripada jalur -jalur itu, orang Arab menggunakan lafaz (حَبِيكَة).[3] Adapun (حُبُك) maksudnya kukuh atau kuat.[4]

Al-Quran menyebut lafaz (حُبُك) sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Zāriyāt* (51), ayat 7. Manakala (حَبِيكَة) tidak disebutkan. Ayat 7 dalam surah *al-Zāriyāt* itu menggambarkan tentang langit yang mempunyai (حُبُك). Imām Qurtubī menyebut tujuh pendapat mengenai maksud (حُبُك) dalam ayat ini iaitu: (1) Mempunyai bentuk yang indah dan kemas; (2) Mempunyai perhiasan; (3) Mempunyai bintang; (4) Mempunyai jalur-jalur seperti yang ada pada permukaan air atau padang pasir apabila dihembus angin; (5) Yang kukuh dan kuat; (6) Mempunyai ketebalan (7) Mempunyai orbit planet.[5]

Ibn Kathīr mengatakan kesemua pendapat itu kembali kepada satu makna iaitu keindahan dan keelokan. Keindahan langit dapat dirasakan dengan memerhatikan tingginya, jernihnya, tebalnya, kukuhnya bangunan, hamparan yang luas dan juga keelokannya. Selain itu, langit juga dihiasi bintang yang berhenti dan juga bintang yang bergerak. Ia juga dihiasi dengan matahari, bulan, planet dan juga cahaya yang berkilau.[6]

Manakala Imām al-Syaukānī menega -kan para pakar bahasa mengertikan (حُبُك)

1 *Ibid*, j. 2, h. 519.

2 Al-Dāmaghānī (1970), *op. cit.*, h. 127, 128; al-Sa'dī (2001), *op. cit.* j. 2, h. 458, 459, 461.

3 Ibn Manzūr (1968), *op. cit.*, j. 10, h. 408; *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, h. 246.

4 Ibn Manzūr (1968), *op. cit.*, j. 10, h. 407.

5 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 17, h. 31.

6 Ibn Kathir (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 233.

dengan jalur-jalur. Meskipun ramai pakar tafsir yang memberi makna berbeza, namun penafsiran mereka boleh dikembalikan kep - da satu tafsiran langit mempunyai jalur-jalur dan jalur-jalur ini yang menambah keinda - annya, menjadikan penciptaannya teratur, mempunyai ada perhiasan dan menyebabkan bertambah kukuh dan kuatnya langit itu.[1]

ḤUDŪD (حُدُودٌ)

Lafaz *ḥudūd* (حُدُوْد) adalah bentuk jamak daripada lafaz tunggal *ḥadd* (حَدّ). Lafaz ini bermaksud sesuatu yang menghalangi dua benda sehingga kedua-duanya tidak dapat berkumpul antara yang satu sama lain.[2]

Lafaz ini dalam bentuk mufrad tidak disebut di dalam al-Quran tetapi dalam bentuk jamak sebanyak 12 kali lafaz (حُدُوْد) disebut dengan diikuti *lafẓ al-jalālah* menjadikannya (حُدُوْدُ ٱللَّهِ) iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 187, 229 (empat kali), 230 (dua kali); surah *al-Nisāk* (4), ayat 13; surah *al-Taubah* (9), ayat 112; surah *al-Mujādalah* (58), ayat 4; surah *al-Talāq* (65), ayat 1 (dua kali).

Hanya sekali sahaja disebut dengan diikuti lafaz ganti *(ḍamīr)* (حُدُوْده) iaitu dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 14. Manakala dalam bentuk (حُدُودَ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 97 sehingga jumlah keseluruhan ulangan lafaz (حُدُوْد) di dalam al-Quran adalah 14 kali.

Yang dimaksudkan dengan *hudud allah* (حُدُوْد ٱللَّهِ) atau (حُدُودَ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ) adalah atural-aturan Allah yang berbentuk perintah dan larangan.[3] Hukum-hukum Allah dan syariatnya dinamakan (حُدُود) kerana ia adalah pembatas yang ditetapkan oleh Allah dan tidak boleh dilalui.[4] Dalam dua ayat, (حُدُود) digunakan bagi menunjukkan hukum -hukum Allah secara umum, bukan hukum dalam kes tertentu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad.

Ia menjadi aturan bagi manusia sepertimana dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 97, di mana Allah menerangkan orang Arab yang tinggal di pedalaman adalah orang yang pengetahuannya begitu rendah tentang aturan Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad.[5] Begitu juga dalam surah surah *al-Taubah* (9), ayat 112, di mana Allah menjelaskan antara sifat orang beriman yang dijanjikan syurga adalah orang yang selalu mematuhi aturan Allah secara konsisten:

وَٱلْحَٰفِظُونَ لِحُدُودِ ٱللَّهِ

Selain dua ayat di atas, lafaz (حُدُوْد) selalunya digunakan bagi menegaskan aturan Allah secara khusus iaitu:

- Hukum dan aturan tentang puasa dan *iktikaf* yang terdapat dalam surah *al -Baqarah* (2), ayat 187.
- Hukum dan aturan talak, rujuk, khulu' dan 'iddah iaitu yang terdapat dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 229, 230 dan surah *al-Talāq* (65), ayat 1.
- Hukum dan aturan zihār dan kafaratnya iaitu yang terdapat dalam surah *al -Mujādalah* (58), ayat 4.
- Hukum dan aturan agihan waris iaitu

1 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 83.

2 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 106; Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 2, h. 437.

3 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j.1, h. 186.

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 253.

5 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j.1, h. 874.

yang terdapat dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 13 dan 14.

ḤUJURĀT (حُجُرَات)

Lafaz *ḥujurāt* (حُجُرَات) adalah bentuk jamak daripada lafaz tunggal *ḥujrah* (حُجْرَةٌ) yang bererti ruang dalam rumah yang dikelilingi tembok[1] atau tempat bagi melindungi harta daripada kerosakan.[2] Lafaz dalam bentuk tunggal tidak disebutkan di dalam al-Quran. Manakala dalam bentuk jamak hanya sekali sahaja disebut iaitu dalam surah *al-Hujurāt* (49), ayat 4.

Maksud (الْحُجُرَات) dalam ayat ini ialah ruangan atau bilik tempat tinggal isteri-isteri Rasulullah. Imām Ibn Kathīr menerangkan, dalam ayat ini Allah mencela orang yang memanggil Rasulullah di sebalik bilik tempat tinggal isteri-isteri Rasulullah seperti yang dilakukan oleh orang Arab yang kasar. Oleh itu, Allah berkata sebahagian besar daripada mereka adalah orang yang tidak menggunakan akalnya.[3] Sekiranya mereka bersabar menunggu Rasulullah keluar daripada bilik berjumpa dengan mereka dan mereka tidak memanggil Rasulullah dari luar bilik, itu adalah lebih baik bagi mereka sama ada bagi urusan agama mahupun urusan dunia mereka kerana itu menunjukkan sikap menjaga adab pada Rasulullah, menjaga kehormatannya dan memberikan hak peng hormatan yang sebenar kepadanya dan memuliakan beliau.[4]

Ayat ini turun kerana perbuatan Aqra' b. Hābis al-Tamīmī seperti yang direkodkan oleh lebih daripada satu imam.

Antaranya adalah yang direkodkan oleh Imam Ahmad bin Hanbal, Aqra' bin Hābis al-Tamīmī memanggil Rasulullah dan berlafaz, "Wahai Muhammad! Wahai Muhammad!" (dalam rekod lain disebutkan "Wahai Rasulullah!"), tetapi Rasulullah tidak menjawab panggilan itu. Selepas Rasulullah keluar, Aqra' berlafaz, "Wahai Rasulullah, sesungguhnya memujiku adalah perhiasan manakala mencela diriku adalah aib." Kemudian Rasulullah berlafaz, "Hak yang seperti itu adalah milik Allah." Kemudian Allah memberi petunjuk kepada umat Islam mengenai adab dalam bermuamalah dengan Rasulullah.[5]

ḤURR- MUḤARRARĀ (حُرٌّ-مُحَرَّرًا)

Ḥurr (حُرٌّ) maksudnya ialah orang yang merdeka dan bebas, lawan bagi hamba abdi.[6] Rāghib al-Isfahānī menegaskan, kebebasan atau kemerdekaan manusia (اَلْحُرِّيَّة) ada dua bentuk iaitu: (1) Bebas daripada belenggu hamba (2) Bebas daripada sifal-sifat yang tercela seperti bebas daripada sifat tamak pada perkara dunia. Dikatakan orang yang menjadi hamba hawa nafsu adalah lebih rendah dan hina daripada orang yang menjadi hamba abdi.[7]

Lafaz (الْحُرُّ) disebut dua kali sahaja di dalam al-Quran dan kedua-duanya dalam ayat

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, h. 250.

2 Ibn Manzūr (1968), *op. cit.*, j. 4, h. 168.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 209.

4 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 60.

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 209.

6 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 2, h. 6.

7 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 111.; Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 2, h. 442-443.

ke 178, surah *al-Baqarah* (2). Ayat ini menerangkan kewajipan pelaksanaan hukuman qisas bagi jenayah pembunuhan sama ada yang dilakukan oleh orang yang merdeka mahupun oleh hamba abdi. Al-Quran juga menyebut lafaz lain yang berasal daripada lafaz (الحُرُّ) iaitu (مُحَرَّرًا).

Lafaz ini disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Āli Imrān* (3), ayat 35. Ayat ini menceritakan tentang isteri 'Imrān yang bernazar anak yang dikandungkannya nanti dijadikan (مُحَرَّرًا) iaitu anak yang sentiasa taat kepada Allah, berkhidmat pada agama dan berkhidmat bagi memakmurkan masjid.[1]

ḤUZN- ḤAZAN (حُزْن - حَزَن)

Ḥuzn (حُزْن) dan *ḥazan* (حَزَن) maknanya ialah kesedihan dan kegundahan, lawan kepada kebahagiaan dan kegembiraan.[2] Lafaz (الحُزْن) di dalam al-Quran disebutkan dua kali iaitu dalam surah *Yūsuf* (12), ayat 84 dan 86. Manakala (الحَزَن) diulang tiga kali iaitu dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 92; surah *al-Qasas*(28), ayat 8; surah *Fātir* (35), ayat 34.

'Audat Allāh Manī' al-Qaisī menerangkan di dalam al-Quran penggunaan lafaz (الحُزْن) berbeza dengan penggunaan lafaz (الحَزَن). Kedua-dualafazinimempunyaipebezaan makna. Lafaz (الحُزْن) menunjukkan keadaan di mana perasaan sedih di dalam dada bergumpal tetapi orang yang mengalaminya tidak merintih dan menangis mengeluarkan air mata, dia berusaha menyembunyikan perasaan sedih yang dalam itu di hatinya. Boleh jadi orang yang melihatnya menyangka dia tidak bersedih, sedangkan kesedihannya menyayat hatinya. Ini disebabkan tanda-tanda zahir kesedihan seperti rintihan dan air mata tidak nampak.[3]

Kesedihan yang dialami oleh Nabi Ya'qūb yang diceritakan dalam surah *Yūsuf* ayat ke 84 dan 86, adalah bentuk kesedihan seperti ini. Nabi Ya'qub memendam kesedihannya di dalam hati. Beliau tidak menampakkan kesedihannya itu kepada ahli keluarga dengan menangis mahupun merintih. Beliau hanya mengadu kesedihannya kepada Allah sahaja. Kerana sikap beliau yang terlalu memendam kesedihan ini menyebabkan mata beliau buta dan menjadi putih.[4] Manakala lafaz (الحَزَن) di dalam al-Quran menunjukkan kepada satu keadaan di mana emosi kesedihan seseorang bergejolak sehingga rintihan mulut dan titisan air mata keluar.[5]

Kesedihan yang disebutkan dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 92; surah *al-Qasas* (28), ayat 8; surah *Fātir* (35), ayat 34 adalah kesedihan yang begini. Dalam surah *al-Taubah* diceritakan, antara kaum mukminin ada yang mahu ikut berjuang *fīsabīlillāh,* memenuhi perintah Rasulullah. Namun, mereka tidak mampu melakukannya kerana mereka berada dalam keadaan lemah, sakit atau tidak ada harta bagi biaya berperang sehingga mereka sedih dan menangis mengeluarkan air mata.

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 258.

2 Al-Rāzī (1995), *op. cit.*, h. 57; Ibn Manzūr (1968), *op. cit.*, j. 13, h. 111; *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 264.

3 'Audat Allāh Manī' al-Qaisī (1996), *Sirr al-I'jāz fi Tanawwu' al-Siyagh al-Musytaqqah min Aslin Lughawiyyīn Wahid fi al-Qurān*. Ammān: Dār al-Basyīr dan Beirut: Mu'assasah al-Risālah, h. 229.

4 *Ibid.*, 230.

5 *Ibid.*

Dalam surah *al-Qasas* diceritakan, Nabi Mūsā yang masih bayi dipungut oleh ahli keluarga Firaun. Dalam ayat itu ditegaskan Nabi Mūsā akan menjadi musuh mereka dan menyebabkan mereka bersedih. Dengan kehadiran Nabi Mūsā, Firaun dan tenteranya mati ditenggelami laut. Sudah tentu kematian Firaun ini menyebabkan ahli keluarganya bersedih dan menangis.

Begitu juga kesedihan yang disebutkan dalam surah *Fātir* (35), ayat 34 maksudnya juga kesedihan yang disertai dengan tangisan. Dalam ayat itu diceritakan, di syurga nanti orang beriman mengucapkan syukur kepada Allah kerana Allah menghilangkan kesedihan dalam diri mereka. Kesedihan yang dimaksudkan mereka adalah kesedihan ketika di dunia iaitu kesedihan dan kerisauan yang muncul ketika mereka membaca ayal-ayat Allah. Khususnya ayal-ayat tentang azab hingga mereka menitiskan air mata seperti yang digambarkan dalam surah *Maryam* (19), ayat 58 dan surah *al-Isrāk* (17), ayat 109. Di syurga nanti, kesedihan dan kerisauan itu tidak mereka rasakan lagi.[1]

1 *Ibid.*, 231



حرف الخاء

KH



AL-KHAB` (الـخَبْـئ)

Lafaz ini dalam bentuk kata nama yang berasal dari kata *khaba`a-yakhba`u* (خَبَأَ - يَخْبَأُ) yang bererti menutup, menjaga, menyimpan dan sebagainya. *Al-khab`* (الخَبْـئ) mengandungi makna sesuatu yang tersimpan dan di sembunyikan.[1] Majd al-Dīn Muhammad bin Ya'qūb al-Fayrūz Ābādī berkata, *al-khab`* (الخَبْـئ) adalah setiap sesuatu yang tersimpan dan disembunyikan.[2] Daripadanya kalimah *al-khuba`ah* (الخُبَأَة) iaitu wanita yang melazimkan dirinya di rumah dan menyembunyikan diri.[3]

Disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Naml* (27), ayat 25. Allah menyatakan:

أَلَّا يَسْجُدُوا لِلَّهِ الَّذِي يُخْرِجُ الْخَبْءَ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ

Ibn Qutaybah berpendapat *al-khab`* pada ayat di atas bermaksud yang tersembunyi iaitu sesuatu yang tersembunyi di langit dan di bumi. Ada yang mengatakan *khab` al-samā`* adalah hujan dan *khab` al-arḍ* ialah tumbuh -tumbuhan.[4] Sa'īd b al-Musayyab berkata, *al -khab`* bermaksud air.[5]

'Abd al-Rahmān bin Zayd bin Aslam berpendapat, *khab` al-samāwāt wa al-arḍ* adalah rezeki yang turun atau keluar dari langit dan bumi, hujan dari langit dan tumbuh -tumbuhan dari bumi. Hal ini sesuai dengan perkataan burung Hudhud di mana Allah memberinya kelebihan sebagaimana yang dilaporkan oleh Ibn 'Abbās ia mengetahui air mengalir di permukaan bumi dan di dalamnya.[6] 'Alī bin Abī Talhah melaporkan daripada Ibn 'Abbās; tafsiran ayat di atas adalah Allah mengetahui setiap yang tersembunyi di langit dan di bumi, begitu juga dengan pendapat 'Ikrimah, Mujāhid, Sa'īd b Jubayr dan Qatādah.[7]

Kesimpulannya, *al-khab`* bermaksud rezeki yang tersembunyi atau tersimpan di langit dan di bumi.

KHABĀLĀ (خَبَالا)

Lafaz *khabālā* adalah *maṣdar*, berasal daripada perkataan *khabila* (خَبِلَ) yang bererti rosak, hancur, menjadi gila dan sebagainya.[8] Majd al-Dīn Muhammad bin Ya'qūb mengatakan, *al-khabāl* (الخَبَال) mengandungi makna kerosakan yang menimpa haiwan secara mewarisi seperti gila, sakit yang memberi kesan kepada akal dan otak.[9] Ia juga bermakna kehancuran, kekurangan, kepayahan dan racun yang mematikan.[10]

Disebut dua kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 118 dan surah *al-Taubah* (9), ayat 47.

Allah menyatakan,[11]

1 Anīs et al (t.t), *op. cit.*, h. 213

2 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 2, h. 526

3 *Ibid.*

4 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 324

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 339

6 *Ibid.*

7 *Ibid.*

8 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 380

9 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 2, h. 525

10 *Ibid.*

11 Pada ayat ini, Allah melarang orang Mukmin untuk menjadikan orang kafir, orang Yahudi, kelompok-kelompok yang dikuasai oleh hawa nafsu mereka, sebagai teman-teman yang sangat akrab dengan meminta saran mereka atau menyerahkan urusan kaum Muslim kepada mereka. al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 4, h. 188

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَتَّخِذُواْ بِطَانَةً مِّن دُونِكُمْ لَا يَأْلُونَكُمْ خَبَالًا

Dalam *Tafsīr al-Jalālayn*, lafaz *khābālā* membawa maksud *al-fasād* (الفَسَاد) iaitu kerosakan.[1] Dalam *Tafsir al-Jāmi' li Ahkām al-Quran*, maksud *khabālā* adalah *al-fasād* iaitu kerosakan dan makna ayat لَا يَأْلُونَكُمْ خَبَالًا adalah mereka (orang kafir) tidak akan meninggalkan kesungguhan mereka merosakkan kamu atau memudaratkan kamu.[2] Beliau berkata lagi, lafaz *khabālā* yang bermakna kerosakan boleh terjadi pada perbuatan, anggota tubuh dan akal.[3]

Dalam *Tafsir Fath al-Qadīr* dijelaskan, lafaz *khabālā* mengandungi makna kerosakan, mengadu domba, perbezaan pendapat dan cerita-cerita bohong serta buruk.[4]

Kesimpulannya, keseluruhan makna-makna bagi lafaz *khabālā* yang disebutkan di atas adalah benar dan dapat disatukan kepada satu maksud iaitu **membuat kerosakan dan kemudaratan.**

KHĀMIDĪN / KHĀMIDŪN (خَامِدِينَ/ خَامِدُون)

Lafaz ini dalam bentuk jamak, selain *khawāmid* (خَوَامِدُ), *mufrad*nya *khāmid* خَامِدُ, berasal daripada perkataan *khamada-yakhmudu* (خَمَدَ - يَخْمُدُ) yang bererti mati, pengsan dan hina.[5] *Khamada al-mutakallūn* خَمَدَ المُتَكَلِّمُون maknanya orang yang bercakap menjadi diam. *Khamada al-nafs* خَمَدَ النَّفْسُ ertinya jiwa tenteram.[6] *Al-khāmid* bermaksud yang mati, pengsan dan yang tenang seperti ungkapan (هَذَا البُرُ كَانُ خَامِدٌ مُنذُ عَامٍ) "gunung berapi ini tidak aktif dan tenang sejak setahun."[7]

Disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Anbiyā'* (21), ayat 15 dan surah *Yāsin* (36), ayat 29. Allah menyatakan dalam surah *Yāsin*,

إِن كَانَتْ إِلَّا صَيْحَةً وَٰحِدَةً فَإِذَا هُمْ خَٰمِدُونَ

Qatādah berpendapat, maksud *khāmidīn* adalah yang binasa.[8] Ibn Jurayj mengatakan, lafaz *khāmidīn* berasal daripada kata *khumūd al-nār* خُمُودُ النَّارُ iaitu apabila api itu padam.[9]

Ibn Qutaybah menerangkan, lafaz *khāmidīn* membawa maksud orang yang mati.[10] Dilaporkan daripada Mujāhid, beliau berkata, mereka mati dengan pedang iaitu pentafsiran *khāmīdīn* dalam surah al-Anbiyā'.[11]

Kesimpulannya, makna asal bagi lafaz *khāmidīn* atau *khāmidūn* adalah orang yang binasa dan mati.

1 Al-Jalālayn (t.t), *op. cit.*, h. 922

2 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 4, h. 188.

3 *Ibid.*, h. 189

4 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 468

5 Ma`lūf (1975), *op. cit.*, h. 195

6 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 423

7 Ahmad Warson (1997), *op. cit.*, h. 79

8 Al-Tabarī (1995), op. cit., j. 10, h. 13, athar no. 18489

9 Ibid., athar no. 18491

10 Ibn Qutaybah (1978), op. cit., h. 284

11 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 10, h. 13. Mujāhid berkata, "Mereka adalah penduduk *Ḥaṣūn*, Allah mengutus ke atas mereka Bukhtanassar, lalu dia mengirimkan bala tentera kepada mereka dan membunuh mereka berserta nabi mereka dengan pedang, jadi mereka mati dengan pedang (di tangan tenteranya). Itulah pentafsiran ayat حَصِيدًا خَامِدِينَ dalam surah *al-Anbiyā'* iaitu (فَمَا زَالَتْ تِلْكَ دَعْوَاهُمْ حَتَّى جَعَلْنَاهُمْ حَصِيدًا خَامِدِينَ). Al-Tabarī mengatakan, mereka binasa, terpadam kejahatan mereka dan tidak wujud pergerakan mereka, lalu mereka menjadi mati seperti padamnya api. Itulah balasan daripada kezaliman yang mereka lakukan, di mana Allah membunuh mereka dan mereka mati dengan pedang seperti tanaman dipotong-potong masa panen.

KHANNĀS (الخَنّاس)

Lafaz ini dalam bentuk sifat, berasal daripada kata *khanasa-yakhnasu* (خَنَسَ - يَخْنُسُ) yang bererti mundur, bersembunyi dan menutupi.[1] Ibn Fāris mengatakan, asal makna lafaz ini mengisyaratkan ke atas penyembunyian dan tertutup.[2] *Al-Khunnas* bermaksud bintang -bintang. Ia dinamakan demikian kerana ia tersembunyi dan tertutup ketika siang dan nampak ketika malam.[3] Dalam kamus *al-Mu'jam al-Wasīt*, makna *khannās* bermaksud syaitan.[4]

Disebut sekali, iaitu dalam surah *al -Nās* (114), ayat 4. Allah menyatakan, (مِن شَرِّ ٱلْوَسْوَاسِ ٱلْخَنَّاسِ). 'Abdullāh b. Yahyā bin al-Mubārak al-Yazīdī berpendapat, *al-khannās* bermaksud yang mengganggu kemudian mundur.[5] Qatādah mengatakan, *al-khannās* adalah syaitan yang memiliki belalai seperti belalai gajah yang diletakkan di dada manusia, apabila manusia lalai, ia mengganggunya dan apabila ia mengingati Allah, ia pasti mundur.[6]

Ibn Fāris mengatakan, *al-khannās* adalah sifat syaitan kerana ia akan ber sembunyi apabila disebut nama Allah[7] atau ia disifatkan dengan *al-khannās* kerana ia selalu bersembunyi dan daripadanya ayat[8] (فَلَآ أُقْسِمُ بِٱلْخُنَّسِ) dan *al-khunnās* bermakna bintang-bintang disebabkan ia bersembunyi selepas ia timbul.[9]

Ada juga yang berpendapat *al-waswās al -khannās* adalah anak lelaki bagi iblis, datang bersamanya kepada Hawwā` dan meletakkannya di sisinya.[10] Berdasarkan laporan Sa'īd bin Jubayr daripada Ibn 'Abbās, *al-khannās* bermakna mundur dan mengecut, ayatnya, "Syaitan duduk di dalam hati manusia. Apabila lupa dan lalai daripada mengingati Allah, ia akan membisikkan kejahatan, tetapi apabila disebut nama Allah, dia mundur dan mengecut menjadi kecil.[11]

Kesimpulannya, *al-Khannās* membawa maksud **sifat syaitan** yang sentiasa ber sembunyi, mengecut dan mundur apabila disebut nama Allah.

KHARĀB (خَرَاب)

Lafaz *kharāb* adalah kata dasar, berasal daripada perkataan *khariba* (خَرِبَ). *Kharāb al -syay'* (خَرَابُ الشَّيْئ) bererti sesuatu itu tidak boleh dimanfaatkan seperti perkataan *kharabat al-ālah* خَرِبَتِ ٱلْآلَة iaitu alat tersebut rosak. *Kharāb al-makān* (خَرَابُ ٱلْمَكَان) bermakna tempat itu kosong.[12] Al-Fayrūz Ābādī mengatakan, *kharāb al-makān* lawan daripada memakmurkan tempat itu.[13]

Disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 114. Allah menyatakan, [14]

1 'Āyid et al (t.t), *op. cit.*, h. 427

2 Ibn Fāris (1971),*op. cit.*, j. 2, h. 223

3 *Ibid.*

4 Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 259

5 Al-Yazīdī (1985), *op. cit.*, h. 447

6 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 20, h. 259

7 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*

8 Surah al-Takwīr (81), ayat 15

9 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, h. 258

10 *Ibid.*

11 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 526.

12 'Āyid et al (t.t), *op. cit.*, h. 387

13 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 2, h. 532

14 Ulama mufassir berbeza pendapat mengenai maksud ayat ini, 1. Ibn 'Abbās, Mujāhid berpendapat, mereka adalah orang Nasrani yang meletakkan halangan-halangan di dalam Bayt al-Muqaddas dan melarang orang beribadah di dalamnya.

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّن مَّنَعَ مَسَـٰجِدَ ٱللَّهِ أَن يُذْكَرَ فِيهَا ٱسْمُهُۥ وَسَعَىٰ فِى خَرَابِهَآ

Kalimah *kharāb* dihubungkan dengan lafaz *masājid*. Hal ini jelas terdapat kata ganti atau *damīr 'hā'* yang merujuk kepadanya atau *kharāb al-masājid*.

Al-Qurtubī menerangkan maksud daripada *kharāb al-masājid* boleh mencakupi makna hakiki iaitu merobohkan masjid, seperti Bukhtanassar dan orang Nasrani yang merobohkan Bayt al-Muqaddas, dan boleh jadi ia membawa makna *majāzī* (kiasan) sebagaimana orang-orang Quraisy melarang orang Islam dan Rasulullah memasuki dan beribadah di Masjid al-Harām.[1]

Begitu juga tafsiran al-Sya'rāwī yang menyatakan *kharāb al-masjid* (خَرابُ المَسْجِدُ) membawa maksud menghilangkan peranannya supaya dapat digunakan untuk beribadah dan merobohkannya.[2] Dalam *Tafsīr al-Misbāh*, *kharāb al-masājid* yang bermakna merobohkan masjid-masjid bukan bererti menghancurkan bangunannya, tetapi juga dapat bererti menghalanginya berfungsi sesuai fungsi yang dikehendaki oleh Allah.[3]

Kesimpulannya, *kharāb al-masājid* mencakupi makna hakiki yang bererti **merobohkannya** dan makna kiasan yang bererti mengosongkannya dan membiarkannya tidak berfungsi untuk sembahyang dan menzahirkan syiar-syiar Islam.

AL-KHARRĀṢŪN (الخَـرَّاصُونَ)

Lafaz *al-kharrasūn* (الخَـرَّاصُونَ) berbentuk *ism fā'il* jamak, mufrad bagi lafaz ini ialah *al-kharrās* (الخَـرَّاصُ). Berasal daripada perkataan *kharasa* (خَرَصَ) dan *al-khars* (الخَرْصُ) yang bererti penipuan, tekaan, mereka-reka, perkiraan dan buah yang masam.[4]

Disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Dhāriyāt* (51), ayat 10. Allah menyatakan, (قُتِلَ ٱلْخَرَّاصُونَ). Al-Yazīdī berpendapat, *al-kharrāsūn* bermakna *al-mutakāhinūn* (الكَذَّبُون) (ahli dukun).[5] Ibn Qutaybah berpendapat, maksud *al-kharrasūn* adalah *al-kadhdhābūn* yang bererti penipu-penipu, iaitu mereka yang berkata kepada nabi seorang penipu, tukang sihir dan seorang penyair. Mereka menuduh tidak atas dasar pengetahuan.[6]

Al-Fayrūz berkata, hakikat maknanya, setiap orang yang berkata sesuatu perkataan yang didasari atas dugaan dan rekaan semata

Qatādah mengatakan, وَسَعَىٰ فِى خَرَابِهَا adalah Bukhtanassar dan orang-orangnya yang merobohkan Bayt al-Muqaddas dan dibantu oleh orang Nasrani. 2. Ibn Zayd berkata, mereka adalah orang Musyrik yang menghalang Rasulullah pada hari Hudaybiyyah untuk memasuki Makkah, sehingga beliau menyembelih korbannya di Zawī Ṭuwā. Manakala makna وَسَعَىٰ فِى خَرَابِهَا adalah tatkala mereka melarang orang yang mahu memakmurkannya dengan berzikir di dalamnya dan orang yang mahu menunaikan haji dan umrah. Direkodkan daripada Sa'īd b Jubayr daripada Ibn 'Abbās, orang Quraisy melarang Rasulullah bersembahyang di Kaabah di Masjid al-Ḥarām, maka Allah menurunkan ayat ini. Pendapat inilah yang paling benar mengikut Ibn Kathīr, dengan alasan jika orang Nasrani melarang orang Yahudi beribadah di Bayt al-Muqaddas, maka agama mereka lebih lurus daripada agama Yahudi dan lebih dekat berbanding mereka. Lagipun zikir orang Yahudi kepada Allah pada masa itu tidaklah diterima, kerana mereka dilaknat sebelumnya oleh Dāwūd dan 'Īsā b. Maryam. Dari sisi lain, Allah menghina orang Musyrik kerana mengeluarkan nabi dan sahabatnya dari Makkah dan melarang mereka beribadah di Kaabah. Perobohan mana yang lebih dahsyat daripada apa yang mereka lakukan dan yang meletakkan di sekelilingnya perbagai berhala tanda kesyirikan mereka. Ibn Kathīr (1998), op. cit., j. 1, h. 136

1 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 2, h. 84

2 Al-Sya'rāwī (1991), *op. cit.*, j. 1, h. 540

3 Muhammad Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, j. 1, h. 288

4 Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 227

5 Al-Yazīdī (1985), *op. cit.*, h. 348

6 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 421

disebut *khars*, sama ada perkataan itu sesuai dengan apa yang ia reka ataupun tidak kerana orang yang berkata itu tidak mengatakannya dengan ilmu dan tidak pula mendengar hal itu, tetapi bersandarkan kepada sangkaan dan dugaan semata-mata. Setiap orang yang berkata seperti ini dinamakan penipu walaupun ia tepat dengan apa yang ia reka atau pun tidak.[1]

Al-Zujāj berkata, *al-kharrāsūn* ber makna penipu-penipu.[2] Al-Farrā` berkata, makna *qutila* قُتِلَ adalah *lu'ina* لُعِنَ(dilaknat) dan *al-kharrāsūn* bererti penipu-penipu dan pendusta-pendusta yang mereka-reka apa yang tidak mereka ketahui dengan mengatakan Muhammad adalah orang gila, pendusta, penyair dan tukang sihir.[3]

Dilaporkan oleh al-Wāhidī daripada *mufassirīn* mengenai maksud قُتِلَ الْخَرَّاصُونَ adalah dilaknat orang yang menipu. Al-Anbārī mengungkapkan, *al-qatl* apabila ia diberitakan daripada Allah bermakna laknat, kerana sesiapa yang dilaknat oleh Allah maka kedudukannya seperti orang yang dibunuh dan binasa.

Kesimpulannya, para mufassirīn ber sepakat menyatakan lafaz *al-kharrāsūn* bermaksud pendusta-pendusta yang me ngatakan sesuatu atas dasar rekaan dan sangkaan belaka.[4]

KHĀSI`ĪN(خَاسِئِين)

Lafaz ini dalam bentuk jamak, mufradnya *khāsi`*(خَاسِئ). Berasal daripada perkataan *khasa`a-yakhsa`u* (خَسَأَ - يَخْسَأُ) atau daripada *al-khas`* (الخَسْأ) yang bermakna jauh dan hina. *Khasa`a al-basar* bermaksud mata menjadi lemah atau buta.[5] *Khasa`a al-kalb* (خَسَاءالكَلْب) bererti mengusir dan menghalau anjing. Perkataan *"khas`an lak"* (خَسْأً لَكَ) bermakna *cis, cis*! Dan *al-khāsi`* me - cakupi makna yang dihalau, yang diusir, yang hina dan terkutuk.[6]

Lafaz *khāsi`* disebut satu kali iaitu pada surah *al-Mulk* (67), ayat 4 dan lafaz *khāsi`īn (خاسئين)* diulang dua kali iaitu pada surah *al-Baqarah* (2), ayat 65 dan surah *al-A'rāf* (7), ayat 166. Allah menyatakan, (كُونُوا قِرَدَةً خَاسِئِينَ).

Mujāhid, Qatādah, al-Rabī' dan al-Dahhāk berpendapat maksud *khāsi`īn* adalah *sāghirīn* atau dalam keadaan rendah dan terhina.[7] Al-Yazīdī menjelaskan, *khāsi`īn* membawa maksud *mub'adīn* (مُبْعَدِين) iaitu yang terjauh dan terusir, dan mengikut ulama *mufassirin* makna *mub'adīn* adalah sinonim dengan *sāghirīn* (صَاغِرِينَ) iaitu rendah dan terhina.[8]

Ibn Jarīr al-Tabarī mengatakan, maknanya yang terjauh daripada segala kebaikan dalam keadaan rendah dan terhina, kerana asal makna *khāsi`* adalah yang terjauh dan terusir sepertimana anjing yang dihalau dan diusir.[9]

1 Ābādī (1978), *op. cit.*, j. 2, h. 533

2 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 103

3 *Ibid.*

4 *Ibid.*

5 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 395

6 Ahmad Warson (1997), *op. cit.*, h. 339

7 Ibn Jarīr al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 473-474, athar no. 956-959

8 Al-Yazīdī (1985), *op. cit.*, h. 72

9 Ibn Jarīr al-Tabarī (1995), *loc it.*

Kesimpulannya, lafaz *khāsi`īn* dalam ayat al-Quran membawa maksud orang terkutuk, terhina dan terjauh daripada segala kebaikan. Manakala dalam bentuk *mufrad* atau *khāsi`* sebagaimana yang terdapat dalam surah *al -Mulk* dikaitkan dengan lafaz *al-baṣar* yang membawa maksud penglihatan menjadi lemah dan letih untuk melihat kecacatan dalam penciptaan langit dan bumi seperti yang diungkap oleh Ibn Kathir.[1]

KHATTĀR (خَتَّار)

Lafaz Khattār (خَتَّار) adalah *ism fā'īl mūfrāḍ*, berasal daripada *al-khatr* (الخَتْرُ) atau *khatara* (خَتَرَ), jamaknya adalah *khattārūn* (خَتَّارُون).[2] Ahmad bin Fāris bin Zakariyā berkata, asal makna lafaz ini menunjukkan kepada lemah, lesu dan tidak bersemangat. Dikatakan *takhattar al-rajul fī misyyatihi* (تَخَتَّرَ الرَّجُلُ فِي مِشْيَتِهِ) bermaksud ia berjalan perlahan kerana malas.[3]

Adapun makna *khattār* mencakupi *al -ghaddār* (الغَدَّار) (pengkhianat) dan tidak menepati janji. Ibn Fāris berkata, *khattār* yang membawa maksud pengkhianat kerana apabila seseorang menjadi pengkhianat pasti akan malas dan tidak menepati janji.[4] Disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Luqmān* (31), ayat 32. Allah menyatakan:

وَمَا يَجْحَدُ بِـَٔايَـٰتِنَآ إِلَّا كُلُّ خَتَّارٍ كَفُورٍ

Mengikut pendapat Mujāhid, al-Hasan, Qatādah, al-Dahhāk dan Ibn Zayd, maksud *al-khattār* adalah *al-ghaddār* iaitu pengkhianat.[5] Qatādah berkata, *khattār* bermaksud yang mengkhianati janjinya dan setiap yang mengkianati tanggungjawab dan janjinya maka ia kufur kepada Tuhannya.[6]

Dilaporkan daripada 'Alī, beliau berkata, *makar* (مكر) adalah pengkhianatan dan pengkhianatan adalah kekufuran.[7] Ibn Jarīr al-Tabarī menjelaskan lafaz *al-khatr* menurut orang Arab lebih jelek daripada *al-ghadr* (pengkhianatan), tafsirannya *"Dan tidak kufur dengan ayat-ayat dan hujah-hujah Kami kecuali setiap pengkhianat dan melanggar janjinya."*[8]

Kesimpulannya, lafaz *khattār* membawa maksud **pengkhianat** dan setiap yang **melanggar janji.**

KHIYĀM (الخِيَام)

Lafaz ini dalam bentuk jamak, mufradnya *al-khaymah* (الخَيْمَة), berasal daripada *khāma-yakhīmu* (خَامَ - يَخِيمُ) atau daripada kata *al-khaym.*[9] *Khayyama bi al-makān* (خَيَّمَ بِالْمَكَانِ) bermakna mendirikan khemah di suatu tempat.[10]

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, hlm.

2 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 169, 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 380.

3 *Ibid.*

4 Ibn Fāris (t1971), *op. cit*, j. 2, h. 244.

5 Ibn Jarīr al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 11, h. 102-103, athar no. 21454-21458.

6 *Ibid.*, athar no. 21456.

7 *Ibid.*, athar no. 21460.

8 *Ibid.*

9 Ma`lūf (1975), *op. cit.*, h, 203

10 *Ibid.*

Mengikut Ibn Fāris, kalimah ini mengisyaratkan makna tinggal dan penetapan.[1] *Al-khaymah* katanya ia dikenali ramai.[2] Dalam *Kamus Dewan* disebut khemah iaitu tempat berteduh yang biasanya dibuat daripada kanvas yang disokong oleh tiang dan tali yang diikatkan pada pancang.[3] Disebut sekali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Rahmān* (55), ayat 72. Allah menyatakan:

حُورٌ مَّقْصُورَٰتٌ فِي ٱلْخِيَامِ

Al-Syawkānī mengatakan, *al-khiyām* adalah tiang-tiang yang dipasakkan dan didirikan lalu ditutupi dengan kain.[4] Makna lain adalah khemah. Dilaporkan daripada Abī al-Ahwas katanya, 'Umar bin al-Khattāb berkata, "Adakah kamu tahu makna حُورٌ مَقْصُورَةٌ فِي ٱلْخِيَامِ? *Al-khiyām* adalah muti - ra yang lekuk atau berbentuk cekung.[5] Begitu juga mengikut pendapat Mujāhid, al-Dahhāk, Qatādah daripada Khālid al-'Asrī, laporan daripada Sa'īd bin Jubayr, al-Hasan dan laporan daripada Ibn Mas'ūd.[6]

Menurut laporan Muhammd b. Ka'ab dan daripada al-Rabī', maksud *al-khiyām* adalah *al-hijāl* (الهِجَال), iaitu bilik-bilik mempelai.[7] Mengikut pendapat Mujāhid dan Ibn Zayd, *al-khiyām* adalah khemah-khemah yang dibuat daripada mutiara.[8] Salah satu laporan daripada Ibn 'Abbās, *al-khiyām* bermaksud rumah-rumah daripada mutiara.[9]

Laporan daripada Ibn 'Abbās juga menyatakan, *al-khiyām* adalah khemah-khemah yang dibuat daripada mutiara. Setiap 8km terdapat 4000 daun pintu yang terbuat daripada emas atau setiap 32 km terdapat 4000 daun pintu yang dibuat daripada emas.[10] Ibn Jarīr menyimpulkan maksud *al-khiyām* dalam ayat di atas adalah rumah-rumah dan orang Arab menamakan *hawādij al-nisā'* (حَوَادِر النِّسَاء) atau sekedup-sekedup perempuan dengan *al-khiyām*.

Kesimpulannya, lafaz *al-khiyām* adalah bilik-bilik, khemah-khemah atau rumah -rumah yang terbuat daripada mutiara sebagai kediaman penghuni syurga.

KHUSYUB[11](خُشُبٌ)

Lafaz ini dalam bentuk jamak, *mufrad*nya *khasyabah* (خَشَبَة). Al-Rāzī berkata, timbangannya seperti kata *badanah* (بَدَنَة). Ada yang mengatakan *mufrad*nya *khasybā'* (الخَشْبَاء).[12] Ibn Fāris mengatakan, asal kalimah ini mengisyaratkan makna keras, tegar dan kasar.[13] *Al-akhsyab* bermaksud gunung yang tegar. *Al-khasyīb* (الخَشِيبُ) adalah pedang yang mula dicetak pada masa itu keras.

1 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 2, h. 236

2 *Ibid.*

3 Noresah bt. Baharom *et al. (eds.)* (2002), *op. cit.*, (2002), h. 673

4 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 178

5 Ibn Jarīr al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 13, h. 209, athar no. 25701

6 *Ibid.*

7 *Ibid.*, athar no. 25711 dan 25711, h. 210

8 *Ibid.*, athar no. 25713 dan 25714

9 *Ibid.*, athar no. 25700

10 *Ibid.*, athar no. 25699 dan 25716.

11 Ini adalah qiraat Ibn Kathīr, Nāfi', Abū 'Āsim, 'Āmir dan Hamzah. Ini seperti *thumur* (ثُمُر) "buah-buahan". Ia adalah jamak daripada kata *thamarah* (ثَمَرَة). Al-Kisā`ī membacanya dengan '*khusyb*' iaitu dengan *sukūn( tanda mati)* huruf *al-syāy`*. Abū Bakr, 'Urwah dan Ibn Sīrīn membacanya dengan khasyab dengan huruf al-syāy` berbaris atas. Muhammad Salīm al-Hājj (1985), pentahkik kitab Gharīb al-Qur`ān wa Tafsīruh, h. 378

12 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 378

13 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 2, h. 185

Jamāl al-khasyīb (جَمَالُ الخَشِيبُ) bermakna unta yang tegap. *Asyyā' khasyīb* (أَشْيَاءُ الخَشِيبُ) bererti perkara-perkara yang berserat-serat. Lafaz *khasyabah* bermakna sepotong kayu.[1] Beliau berkata lagi, semuanya berasal daripada perkataan *al-khasyab*.[2] Lafaz *khusyub* disebut sekali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Munāfiqūn* (63), ayat 4. Allah menyatakan:

وَإِن يَقُولُوا تَسْمَعْ لِقَوْلِهِمْ ۖ كَأَنَّهُمْ خُشُبٌ مُّسَنَّدَةٌ

Kalimah *khusyub* pada ayat di atas dikaitkan dengan *musannadah* yang bermakna disandarkan atau tersandar di dinding, maksudnya kayu-kayu yang tersandar di dinding. Ayat خُشُبٌ مُّسَنَّدَةٌ yang bermaksud demikian adalah kiasan bagi hal ehwal pemimpin-pemimpin kaum munafik dan pengikutnya. Al-Kalbī mengatakan, mereka adalah 'Abdullāh bin Ubay, Jadd bin Qays dan Ma'tab bin Qays.[3] Mereka ikut serta majlis Rasulullah dalam keadaan bersandar di dinding disamakan dengan kayu-kayu yang tersandar di dinding yang tidak faham dan tidak mengetahui. Ini kerana hati dan fikiran mereka kosong untuk mengambil ilmu yang bermanfaat.[4]

Al-Nasafī berkata, tubuh mereka kosong daripada keimanan dan kebaikan dimisalkan dengan kayu-kayu yang tersandar di dinding. Hal ini kerana, kayu-kayu itu apabila ia dimanfaatkan, ia akan dibuat atap atau dinding atau selain daripada kedua-duanya. Selama ia ditinggalkan dan tidak dimanfaatkan, ia akan disandarkan ke dinding. Beginilah kiasan mereka yang tidak memanfaatkan (daripada majlis Rasulullah.[5]

Al-Zamakhsyarī berkata, *khusyubun musannadah* bermaksud berhala-berhala yang terpahat daripada kayu-kayu yang tersandar di dinding. Mereka dimisalkan sepertinya kerana bagus dan indahnya bentuk tubuh mereka, tetapi sedikit yang mengambil manfaat daripada majlis Rasulullah.[6]

Kesimpulannya, ayat خُشُبٌ مُّسَنَّدَةٌ bermaksud kayu-kayu yang tersandar di dinding, perumpamaan bagi orang munafik yang tidak memanfaatkan majlis Rasulullah kerana hati mereka kosong daripada kebaikan dan keimanan.

1 Ahmad Warson (1997), *op. cit.*, h. 340

2 Ibn Fāris (1971), *loc it.*

3 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 287

4 *Ibid.*

5 Sa'īd Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 10, h. 5930

6 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 528



حرف الدال

D



DĀ'I (دَاعٍ)

Lafaz ini adalah *ism fa'il* daripada kata kerja *da'ā* (دَعَا) ertinya pendakwah atau *da'i* yang mengajak manusia kepada agamanya atau pegangannya dan sebagainya.[1]

Ia disebut sebanyak tiga kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 186 dan surah *al-Qamar* (54), ayat 6 dan 8. Dalam surah *al-Baqarah*, ia bermaksud orang yang berdoa seperti penerangannya dalam pembahasan lafaz "*da'wah.*" Dalam surah *al-Qamar* ayat 6 dan 8, al-Zamakhsyarī[2] berkata, "Ia bermaksud malaikat Israfil atau Jibril seperti firman Allah "يَوْمَ يُنَادِ الْمُنَادِي مِنْ مَكَانٍ قَرِيبٍ", maksudnya, "Pada hari (kiamat) (malaikat yang menjadi) penyeru menyeru (makhluk-makhluk yang mati) dari tempat yang dekat."[3]

Al-Nasafī berkata, "Ia bermaksud malaikat Israfil,"[4] begitu juga dengan pendapat al-Syaukānī dalam tafsirnya.[5] Tafsirannya, "penyeru menyeru kepada sesuatu yang menggerunkan iaitu hari pembalasan yang di dalamnya berupa seksaan, goncangan yang dahsyat, mata mereka tunduk ke bawah, keluar dari kubur dan segera berjalan menyahut panggilan penyeru seperti belalang yang berterbangan, tidak menolak dan tidak terlambat."[6]

Kesimpulannya, lafaz *dā'i* di dalam al-Quran membawa dua maksud. Pertama, bermaksud orang yang berdoa; kedua, bermaksud malaikat Israfil.

DĀ'IRAH (دَائِرَةٌ)

Lafaz *dā'irah* (دَائِرَةٌ) adalah *ism mufrad* jamaknya adalah *al-dawā'ir* (الدَّوَائِرُ). Maksudnya apa yang dikelilingi oleh sesuatu, lingkaran, bulatan, halaqah, kekalahan, kejahatan, kayu yang dipacak di tengah-tengah padang yang ditimbuni dan dikelilingi lembu, apa yang ada di bawah hidung, bangunan yang mengatur hal-hal pertanian, titik tengah pada lingkaran, bencana, daerah dan lingkungan.[7] *Dā'irah al-ma'ārif* (دَائِرَةُ الْمَعَارِفِ) maksudnya ensiklopedia.[8]

Lafaz *dā'irah* disebut tiga kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 52; *al-Taubah* (9), ayat 98 dan surah *al-Fath* (48), ayat 6. Lafaz ini mengandungi dua makna iaitu:

- **Pertama**, bermaksud musibah dan bencana seperti yang terdapat dalam surah *al-Mā'idah*.[9] Al-Kalbī dan Ibnu Qutaibah berkata, maksudnya masa akan berpusing dan terbalik menimpa manusia dengan musibah dengan datangnya musim kelaparan sehingga mereka tidak menjual kepada kami dan berurusan dengan kami serta orang munafik akan berniat jahat kepada orang-orang Islam.[10] Mujāhid, Qatādah dan al-Suddī memberikan maksud ayat ini, kami khuatir sekiranya masa akan berputar dan menyebelahi orang kafir sehingga dapat mengalahkan dan menguasai orang Islam dan kami pun memerlukan mereka.[11]

1 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 216; Anīs et al. (1962), *op. cit.*, h. 286.

2 Al-Zamakhsyari (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 421-422.

3 Surah Qaf (50), ayat 41.

4 Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 9, h. 5605.

5 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 151.

6 Ibnu Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 237.

7 Ibnu Manzūr (1968), *op. cit.*, j. 4, h. 296-297; Anīs et al. (1962), *op. cit.*, h. 302.

8 *Ibid.*

9 Ayat ini berkenaan dengan orang munafik dan ketuanya iaitu 'Abdullāh bin Ubai. Lihat al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 378-379.

10 Ibnu Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 144.

11 Al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 158.

Al-Ṭabarī berkata, "*al-dā'irah* ber maksud *al-daulah* (الدَّوْلة) iaitu putaran keadaan. Maksudnya masa akan ber putar sehingga kami segera bersahabat dan membantu orang Yahudi dan Nasrani kerana bimbang bencana akan kembali kepada kami daripada musuh-musuh kami.[1] Ibnu 'Arafah berkata, "*Dā'irah* bermaksud *hādithah* (حَادِثَة) iaitu kejadian dan musibah."[2]

- **Kedua**, lafaz ini dihubungkan dengan lafaz *al-sū'* (السُّوْء) iaitu kejahatan. Maknanya dikelilingi oleh kejahatan seperti yang terdapat dalam surah *al-Taubah* dan *al-Fath*. Al-Fairūz berkata, "Maksud ayat ini adalah kejahatan mengelilingi mereka seperti dalam bulatan sehingga tidak ada jalan bagi mereka melepaskan darinya."[3] Al-Marāghī berkata, "Ia bermaksud apa yang dikelilingi dengan sesuatu maksudnya tiada jalan keluar daripada pergantian hari dan pusingannya, yang bencananya akan mengelilingi manusia.

  Ayat ini bermaksud doa ke atas mereka yang ditunggu-tunggu oleh orang Mukmin. Hanya ke atas mereka bulatan kejahatan mengelilingi mereka tanpa mengenai orang Mukmin dan bagi orang Mukmin tiada akibat melainkan kemenangan serta mendapat taufik dari Allah."[4] Ibnu Kathīr berkata, "Ia bermaksud kejahatan dan musibah akan menimpa dan mengelilingi mereka."[5]

Kesimpulannya, kedua-dua makna di atas adalah sinonim. Ia membawa maksud musibah, bencana dan bala. Namun dalam maksud pertama, orang munafik khuatir sekiranya musibah dan kemenangan menyebelahi orang Yahudi dan Nasrani sehingga mereka saling bersahabat. Dalam maksud yang kedua, musibah dan bala akan mengelilingi sebahagian orang Arab yang mendermakan harta dengan riyak bagi berjihad.[6]

DA'WAH (دَعْوَةٌ)

Da'wah adalah *ism maṣdar* daripada kata kerja *da'ā* (دَعَا). Maksudnya apa yang diseru kepadanya daripada jemputan makanan dan minum. Ia juga bermakna doa, sumpah, dekat. Contohnya, *"huwa minnī da'wata fulān"* (هُوَ مِنِّي دَعْوَةَ فُلَان) atau dia dekat dengan saya dan juga bererti tetamu. Ungkapan *"kunnā fī da'wah fulān"* (كُنَّا فِي دَعْوَةِ فُلَان) bermaksud kami dipanggil menjadi tetamunya.[7]

Lafaz ini disebut empat kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 186, surah *al-Ra'd* (13), ayat 14, surah *al-Rūm* (30), ayat 25 dan surah *Ghāfir* (40), ayat 43. Lafaz ini mengandungi beberapa makna:

- **Pertama**, bermakna doa seperti dalam surah al-Baqarah dan al-Ra'd. Al-Syawkānī berkata, "Dalam surah *al-Baqarah* di atas, ia menunjukkan permintaan bagi mengabulkan doa."[8] Al-Sya'rāwī mengatakan hamba yang

1 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, h. 378.

2 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 2, h. 614.

3 *Ibid.*

4 Al-Marāghī (1974), *op. cit.*, j. 11, h. 7-9.

5 Ibnu Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 348.

6 Al-Dahhāk berkata, "Mereka adalah Bani Asad dan Ghatfān." Al-Marāghī (1974), *loc. cit.*

7 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 216; Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 278.

8 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 231.

memegang erat *minhaj* (jalan) iman serta tidak meminta kepada Allah kecuali sesuatu yang tidak bertentangan dengan iman. Doa menuntut dikabulkan selama engkau mengharapkan supaya doa dikabulkan, bersopan santunlah dengan Tuhanmu di mana Allah menyerumu kepada *minhaj*nya, maka turutilah sekiranya engkau ingin Allah mengabulkan doamu."[1] Dalam *Safwah al-Tafāsīr* dijelaskan maksud daripada surah *al-Ra'd* iaitu doa kebenaran menuju kepada Allah kerana dia sahaja yang selayaknya disembah melalui doa dan kembali kepadanya (dalam segala keadaan)."[2]

- **Kedua**, bermakna seruan Allah dan tiupan malaikat Israfil seperti yang terkandung dalam surah *al-Rūm*. Dalam *Tafsīr al-Jalālain,* ia bermakna seruan dan tiupan malaikat Israfil bagi membangkitkan manusia dari kubur.[3] Manusia akan diseru keluar dari kubur dengan serta merta. Mereka keluar untuk dihisab dan dibalas (segala amalan yang dilakukan) iaitu pada tiupan yang kedua sebagaimana pentafsiran pakar tafsir.[4]

Manakala dalam surah *Ghāfir* mengadungi beberapa maksud. (1) Al-Fairūz berkata ia bermaksud kedudukan;[5] (2) Al-Zujāj berkata, "Tiada baginya (berhala) yang dapat mengabulkan doa yang bermanfaat;"[6] (3) Al-Kalbī berkata, "Tiada baginya syafaat di dunia dan di akhirat;"[7] (4) Mujāhid dan Qatādah berkata, "Berhala tidak memiliki sesuatu yang dapat memberi manfaat atau memudaratkan;"[8] (5) Al-Ṭabarī mentafsirkan ayat ini, "sungguh benar apa yang kamu katakan. Aku berdoa kepadanya dari berhala tidak dapat mengabulkan doa di dunia mahupun di akhirat kerana ia adalah benda yang tidak bercakap dan tidak memahami sesuatu."[9]

DĀBBAH (دَابَّةٌ)

Lafaz ini berasal daripada lafaz *dabba* (دَبَّ), jamaknya adalah *dawābb* (دَوَابّ) digunakan bagi *mudhakkar* dan *mu'annath* dan *al-tā'* adalah isyarat bagi menunjukkan *mufrad* (satu). Maksudnya setiap apa yang berjalan dengan perlahan di atas muka bumi dan majoritinya ditujukan kepada haiwan yang digunakan sebagai tunggangan.[10] Al-Kafawī berkata, "Ia *(dābbah)* bermaksud setiap yang berjalan di muka bumi secara amnya dan ke atas kuda, baghal dan keledai khususnya."[11]

Lafaz *dābbah* disebut sebanyak 14 kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 164; surah *al-An'ām* (6), ayat 38; surah *Hūd* (11), ayat 6, 56; surah *al-Nahl* (16), ayat 49, 61; surah *al-Nūr* (24), ayat 45; surah *al-Naml* (27), ayat 82; surah *al-'Ankabūt* (29), ayat 60; surah *Luqmān* (31), ayat 10; surah

1 Muhammad Mutawallī al-Sya'rāwī (1991), *Tafsīr al-Sya'rāwī*, j. 2. Kaherah: Akhbār al-Yawm, h. 783.

2 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 77.

3 Al-Jalālain (t.t.), *op. cit.*, h. 529.

4 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, h. 476.

5 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 2, h. 600.

6 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 15, h. 304.

7 *Ibid.*

8 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 12, h. 86-87, athar no. 23414 dan 23415.

9 *Ibid.*

10 Anīs et al. (1962), *op. cit.*, h. 268; Ma'luf (1975), *op. cit.*, h. 204.

11 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 448.

Sabak (34), ayat 14; surah *Fātir* (35), ayat 45; surah *al-Syūrā* (42), ayat 29 dan surah *al -Jātsiyah* (45), ayat 4.

Al-Qurtubī berkata, "*Dābbah* ber maksud merangkumi keseluruhan haiwan,"[1] sedangkan al-Syawkānī berkata, "Ia ber makna setiap haiwan yang berjalan di muka bumi."[2] Dalam *Tafsīr al-Manār,* maksud lafaz *dābbah* adalah semua benda yang hidup yang merayap dan merangkak di muka bumi yang tidak terhitung bilangannya.[3]

Al-Ṭabarī berpendapat, lafaz *dābbah* ber makna nama bagi setiap yang memiliki roh yang berjalan atau merangkak di atas bumi selain burung.[4] Hal ini dikuatkan pemisahan antara lafaz *dābbah* dan *al-ṭayr* (burung) dalam surah al-An'ām yang bermaksud, "Dan tidak seekor pun binatang yang melata di muka bumi, dan tidak seekor pun burung yang terbang dengan kedua sayapnya, melainkan (mereka ialah) umat seperti kamu."

Muhammad 'Alī al-Sābūnī berkata, "*Al-dābbah* dalam ayat ini bermakna haiwan yang melata di muka bumi dan burung yang terbang di udara." Namun, al-Qurtubī menerangkan sebahagian pakar ada yang mengeluarkan burung daripada termasuk ke dalam makna *dābbah* adalah ditolak. Allah berkata dalam surah *Hūd* yang bermaksud, "Dan tiadalah sesuatu pun dari makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jua yang menanggung rezekinya." Sesungguhnya burung dalam beberapa keadaan melata dan berjalan dengan kedua kakinya.[5]

Kesimpulannya, lafaz *dābbah* apabila disebut dengan sendirinya termasuk **haiwan yang melata**, bergerak di muka bumi dan bila disebut dengan haiwan yang lain seperti burung ia bermakna haiwan yang majoritinya hanya melata di muka bumi.

Dawābb disebut sebanyak empat kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Anfāl* (8), ayat 22, 55, surah *al-Hājj* (22), ayat 18, *Fātir* (35), ayat 28. Lafaz dalam bentuk jamak ini mengandungi dua makna:

- **Pertama**, lafaz ini adalah kiasan bagi orang kafir dan makna itu terdapat dalam surah *al-Anfāl.* Ibn Kathīr[6] berkata, "Sesungguhnya sehina-hina haiwan di muka bumi adalah mereka yang kufur dan tidak beriman di mana setiap kali mereka membuat perjanjian, mereka mengingkarinya dan setiap kali mereka diyakinkan dengan keimanan, mereka melanggar dan merosakkannya. Mereka adalah makhluk yang paling jahat dan hina kerana setiap binatang dan lainnya tunduk dan taat kepada Allah padahal dia menciptakannya bagi mereka sedangkan mereka dicipta bagi beribadah kepadanya namun mereka kufur.

  Oleh itu, mereka disamakan dengan binatang. Allah berkata, "Dan ban dingan (orang yang menyeru) orang kafir (yang tidak mahu beriman itu) samalah seperti orang yang berteriak memanggil binatang yang tidak dapat memahami selain daripada hanya mendengar suara panggilan sahaja."[7] Dalam ayat yang lain yang bermaksud, "Mereka itu seperti binatang ternak bahkan mereka lebih hina; mereka itu-

1 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 2, h. 201.

2 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 52.

3 Ridā (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 61.

4 Al-Ṭabarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 88.

5 Al-Qurtubī (1996), *loc. cit.*

6 Ibnu Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 293.

7 Al-Baqarah (2), ayat 171.

lah orang yang lalai".[1]

Dilaporkan daripada Ibnu 'Abbās, Mujāhid dan Ibnu Jarīr, yang dimaksudkan dalam ayat di atas adalah golongan Banī 'Abd al-Dār daripada suku Quraisy. Muhammad bin Ishāq berpendapat mereka ialah orang munafik.[2] Ibnu Kathīr berkata, "Kedua-duanya tidaklah bertentangan."[3]

- **Kedua**, lafaz *dawābb* bermaksud binatang yang melata di muka bumi seperti jamak dari pengertian di atas yang mencakupi semua haiwan. Ibnu Zaid berkata, lafaz *dawāb* bermaksud *al-khalq* ialah makhluk.[4] Namun, lafaz jamak yang disebutkan di dalam al-Quran majoritinya membawa maksud haiwan secara amnya.

DĀBIR (دَابِرٌ)

Lafaz ini adalah *ism fā'il* daripada *dabara* (دَبَرَ) ertinya pengikut, akhir segala sesuatu,[5] yang lalu, asal atau pangkal.[6]

Lafaz ini disebut sebanyak empat kali iaitu dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 45, surah *al-A'rāf* (7), ayat 72, surah *al-Anfāl* (8), ayat 7, surah *al-Hijr* (15), ayat 66. Lafaz *dābir* (دَابِر) dihubungkan dengan lafaz *"al-qaṭ"* (القط) iaitu memotong atau memusnahkan dan *"al-kāfirūn"* iaitu orang-orang kafir atau *"al-kādhibūn"* (الكَاذِبُون) iaitu pendusta -pendusta.

Al-Rāzi berkata, "Ia bermaksud Allah memusnahkan yang akhir yang tertinggal daripada orang kafir."[7] Al-Isfahānī berkata, "*al-dābir* bagi yang datang kemudian dan pengikut, sama ada dari sudut tempat, zaman atau tingkatan sehingga maksud ayat di atas adalah "Allah memusnahkan generasi terakhir mereka dan lainnya sehingga tidak tertinggal seorang pun."[8] Al-Yazīdī berkata, "*Dābir* bermaksud yang akhir daripada mereka."[9]

Dalam *Tafsīr al-Marāghī*, *dābir al-qawm* (دَابِرَ ٱلقَوم) bermaksud yang akhir daripada mereka yang berada di belakang mereka dan makna *qaṭa'a dābirahum* (قَطَعَ دَابِرَهُمْ) ialah mereka musnah dan hancur dengan azab yang menimpa mereka sampai ke generasi terakhir mereka dan tidak ada yang tertinggal.[10] Sayyid Qutb berkata, "*Dābir al-qawm* adalah orang yang terakhir daripada mereka yang datang kemudian dan apabila Allah memusnahkan generasi terakhir mereka maka yang awal daripada mereka tentu lebih utama iaitu orang yang melakukan kezaliman atau mensyirikkan Allah kerana kebanyakkan ungkapan di dalam al-Quran lafaz kezaliman membawa makna kemusyrikan dan orang musyrik membawa makna orang yang zalim."[11]

Kesimpulannya, lafaz *dābir* di dalam al-Quran membawa maksud **generasi yang terakhir dari satu kaum.**

1 Al-A'rāf (7), ayat 179.

2 Al-Ṭabarī (1995), *op. cit.*, j. 6, h. 280, athar no. 12324 dan 12325.

3 Ibnu Kathīr (1998), *op. cit.*, h. 173.

4 Al-Ṭabarī (1995), *op. cit.*, h. 279, athar no. 12320.

5 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 205; Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 269.

6 Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 385.

7 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 197.

8 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 302

9 Al-Yazīdī (1985), *op. cit.*, h. 137.

10 Al-Marāghī (1974), *op. cit.*, j. 7, h. 121.

11 Sayyid Qutb (1978), *Fī Zilāl al-Qur'ān*, j. 7, c. 7. Beirut: Dār al-Syurūq, h. 1090.

DĀFIQ (دَافِقٌ)

Al-Zujāj berkata, "*al-Dāfiq* (دَافِقٌ) adalah *dhū indifāq* (ذُوْ اِنْدِفَاقٍ),[1] Oleh itu, al-Zamakhsyarī mengatakan lafaz ini pada hakikatnya disandarkan kepada orangnya."[2] Al-Farrā', al -Akhfasy dan al-Qurtubī berpendapat, *dāfiq* membawa maksud *ism maf'ūl* iaitu *madfūq* (مَدْفُوقٌ).[3]

Berdasarkan pendapat pertama lafaz ini bermaksud orang yang memancarkan, menuangkan, menumpahkan dan sebagainya. Sedangkan mengikut pendapat kedua ia bermaksud terpancar atau dipancarkan, tertuang, ditumpahkan dan sebagainya. Ia hanya disebut sekali di dalam Al-Quran iaitu dalam surah *al-Tāriq* (86), ayat 6.

Al-Farrā' dan al-Akhfasy berkata, "Ia ber maksud terpancar dan dipancarkan ke dalam rahim."[4] Al-Baidāwī berpendapat *dāfiq* ber maksud yang memancar dan bercampur yang terdiri dari dua air dalam rahim.[5] Al-Khāzin berpendapat, ia bermaksud terpancar ke dalam rahim iaitu dari air sperma dan ovum kerana anak tercipta dari kedua-duanya. Ia disebutkan satu kerana persenyawaan kedua duanya.[6] Al-Qurtubī berkata, "*al-Dāfiq* ialah terpancar dengan deras dan kuat."[7] Dalam *Tafsir al-Azhar* tafsirannya ialah daripada air mani atau dalam bahasa lamanya Kama, dari puncak kelazatan bersetubuh, keluarlah mani dengan cepat seperti meloncat mendesak keluarnya.[8]

Kesimpulannya lafaz *dāfiq* di dalam al -Quran bermaksud **air mani yang terpancar dengan deras dan kuat.**

DAHR (دَهْرٌ)

Lafaz ini adalah *ism* (kata benda) dalam bentuk *mufrad*, jamak bagi kata ini adalah (دُهُوْرٌ وَأَدْهُرٌ) maksudnya masa, zaman, mengalahkan, memaksa, adat, malapetaka, bencana, 1000 tahun atau 100,000 tahun, kemahuan dan keinginan, tujuan dan sebagainya.[9]

Ibnu Fāris berkata, "Dinamakan *al-dahr* kerana ia datang kepada semua perkara dan menguasainya."[10] Al-Kafawī berkata, "Asal makna *al-dahr* adalah tempoh dan masa alam, bermula dari kewujudannya sehingga ketiadaannya dan ia dipinjam bagi makna adat yang kekal serta tempoh (masa) kehidupan."[11]

Ia disebut sebanyak dua kali di dalam Al-Quran iaitu dalam surah *al-Jathiyah* (45), ayat 24 dan *al-Insan* (76), ayat 1.

Ibnu Manzūr berkata, "Ia bermakna sepanjang masa, zaman yang panjang."[12] Al-Syāfi'ī berkata, "*al-ḥīn* (الحِيْنُ) diperuntukkan kepada tempoh dunia dan hari." Beliau berkata lagi, "Dan kami tidak mengetahui batas *al-ḥīn* begitu juga dengan *al-zamān* dan *al-dahr*."[13] Syamr, al-Jawharī dan al-Azharī berkata, "*al-Dahr* dan *al-zamān* adalah satu makna," namun, Khālid b. Yazīd menyangkal-

1 Al-Qurṭubī (1996), *op. cit.*, j. 20.

2 Al-Zamakhsyari (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 722.

3 Al-Qurṭubī (1996), *loc. cit.*

4 *Ibid.*

5 Hilmī (1979), *op. cit.*, j. 6, h. 491.

6 *Ibid.*

7 Al-Qurtubī (1996), *loc. cit.*

8 HAMKA (1984), *op. cit.*, j. 30, h. 102.

9 Anīs et al. (1962), *op. cit.*, h. 299; Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 2, h. 609.

10 Ibnu Fāris (1971), *op. cit.*, j. 2, h. 305

11 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 444.

12 Ibnu Manzūr (1968), *op. cit.*, j. 4, h. 292.

13 *Ibid.*

nya dan mengatakan al-Zamān adalah musim penuaian, musim buah, musim panas dan musim dingin. Oleh itu, ia bermula dari dua bulan hingga enam bulan manakala *al-dahr* tidak terputus.[1]

Al-Azharī mengatakan, "*al-dahr* menurut orang Arab berlaku pada sebahagian dan keseluruhan masa dunia." Al-Alūsī ber pendapat, ia bermakna sepanjang zaman. *Al-dahr* lebih khusus daripada *al-zamān* (الزَّمَانُ). Al-Raghīb berkata, "Asal makna *al-dahr* ialah nama bagi tempoh (masa) alam dari kewujudannya hingga kemusnahannya lalu diungkapkan terhadap keseluruhan masa yang panjang berbeza dengan *al-zamān* kerana ia berlaku ke atas zaman yang pendek atau yang panjang."[2]

Lafaz *al-dahr* yang terdapat dalam surah al-Jāthiyah yang mengandungi maksud edaran zaman, masa dan tahun,[3] di mana mereka (yang tidak beriman) menyandarkan dan menyalahkan masa atau zaman bagi setiap kejadian yang menimpa mereka. Al-Alūsī mengungkapkan sandaran kehancuran dan kejadian yang berlaku kepada zaman atau masa disebabkan pengingkaran mereka ter hadap malaikat maut yang mencabut nyawa mereka atas perintah Allah serta kebodohan diri mereka. Hal itu sudah ditakdirkan oleh Allah.[4]

Sesetengah pentafsir mengatakan, lafaz *al-dahr* yang terdapat dalam surah *al-Insān* bermaksud 40 tahun[5] ertinya seperti al-Qurtubī dan al-Rāzī nyatakan, "Yang dimaksudkan manusia dalam ayat ini adalah Adam di mana manusia yang belum menjadi sebutan itu ialah ketika 40 tahun lamanya tubuh Adam dibentuk daripada tanah masih terbaring belum bernyawa di antara Makkah dan Ṭā'if lalu ditelentangkan selama 40 tahun, kemudian ditempa menjadi tanah liat yang kering *(ḥama'in masnūn)* selama 40 tahun. Seterusnya dijadikan kering sebagai tembikar *(salsal)* selama 40 tahun, barulah disempurnakan kejadiannya sesudah 120 tahun. Waktu itu barulah ditiupkan pada dirinya roh."[6] Namun al-Ṭabarī mengatakan sebahagian pakar tafsir menyatakan tiada masa yang terbatas berkenaan hal itu dan beliau berkata, "*al-dahr* dalam ayat ini bermaksud waktu yang tidak diketahui berapa lamanya dan tempohnya.[7]

Kesimpulannya, *al-dahr* dalam surah al-Jāthiyah bermaksud **edaran zaman dan masa** sedangkan *al-dahr* dalam surah al-Insān membawa maksud zaman atau waktu sebelum penciptaan manusia.

1 *Ibid.*

2 Al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 25, h. 234.

3 Abū Bakr Al-Sijistānī (t.t), *Nuzhah al-Qulūb fi Tafsīr Gharīb al-Qurān*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 421.

4 Al-Alūsī (t.t.), *op. cit.* Telah sabit dalam beberapa hadis akan larangan mencela *dahr* (zaman atau masa). Direkodkan oleh Muslim, "Janganlah ada di antara kamu yang mencela masa atau zaman kerana Allah adalah zaman atau masa." Ibnu Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 136. Begitu juga laporan dari Abū Dāwūd dan al-Hākim di mana dalam sahih mengikut syarat Muslim, Allah berkata, "Anak Adam menyakitiku di mana dia berkata, Alangkah buruknya masa, maka janganlah di antara kamu ada yang mengatakan "alangkah buruknya zaman atau masa" kerana Aku adalah masa yang menggantikan malam dan siang." Hadis dilaporkan oleh Abū Hurairah. Ibnu Kathīr (1998), *op. cit.* Tafsirannya "janganlah kamu mencela masa yang menyebabkan kamu tertimpa sesuatu kerana bila kamu mencelanya maka kamu mencela Allah kerana dia yang mentakdirkan hal itu dan bukanlah masa." Ibn Manzūr (1968), *op. cit.*

5 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 445.

6 HAMKA (1984), *op. cit.*, j. 29, h. 271.

7 Al-Ṭabarī (1995), *op. cit.*, j. 14, h. 252.

DĀKHIRŪN / DĀKHIRĪN
(دَاخِرُوْنَ / دَاخِرِيْنَ)

Lafaz ini adalah *ism fā'il* daripada lafaz *dakhara* (دَخَرَ) maksudnya yang kecil, yang hina, yang rendah,[1] orang yang melakukan apa yang diperintahkan, atau enggan sehingga menjadikannya rendah dan hina.[2]

Lafaz ini disebut empat kali di dalam Al-Quran iaitu dalam surah *al-Nahl* (16), ayat 48, surah *al-Sāffāt* (37), ayat 18, surah *al-Naml* (27), ayat 87, surah *Ghāfir* (40), ayat 60. Mujāhid, Qatādah,[3] dan al-Suddī berkata, "Lafaz *dākhirūn* bermaksud *sāghirūn* iaitu merendah diri."[4]

Ibnu Qutaibah juga berpendapat, "*Dākhirūn* dalam surah al-Nahl bermaksud *sāghirūn* iaitu yang rendah dan patuh dan ini berkaitan dengan makhluk yang taat dan sujud pada Allah."

Muhammad 'Alī al-Sābūnī mentafsirkan segala sesuatu seperti gunung-ganang, pokok, batu dan sebagainya tunduk dan patuh pada kekuasaan Allah dan pentadbirannya serta sujud di hadapan Allah dan tidak keluar daripada kehendaknya serta kemahuannya.[5] Dalam *Tafsir al-Azhar,* ia membawa maksud alam beredar. Segala sesuatu berjalan tidak berhenti semuanya melaksanakan tugas apa yang ditentukan oleh Allah, semua patuh dan sujud tidak menyimpang menurut kemahuan sendiri dan tidak ada yang menyombongkan diri dan membantah apa yang ditentukan oleh Allah.[6]

Dalam surah Ghāfir menggambarkan keadaan orang yang sombong dan angkuh, tidak taat kepada Allah di mana mereka memasuki neraka dalam keadaan hina. Daripada semua lafaz *dākhirūn* atau *dākhirīn* yang disebut di dalam Al-Quran mengandungi tiga makna dalam dua keadaan.

Pertama, lafaz *dākhirūn* atau *dākhirīn* bermaksud patuh dan taat seperti dalam surah al-Nahl. Kepatuhan di sini datang dari seluruh makhluk ciptaannya di langit dan di bumi seperti pentafsiran di atas dan ini keadaan yang pertama.

Kedua, ia bermaksud merendahkan diri seperti dalam surah al-Saffat dan al-Naml. Ini adalah keadaan yang kedua di mana seluruh makhluk pada hari kiamat nanti kepada Allah dalam keadaan merendahkan diri. Ketiga, ia bermakna hina atau dalam keadaan hina seperti maksud dari surah Ghāfir. Ini adalah keadaan yang kedua, menceritakan hinanya orang sombong ketika memasuki neraka kerana keangkuhan dan tidak patuh kepada Allah.

DARĀHIM (دَرَاهِمُ)

Lafaz ini berasal daripada bahasa Parsi yang *mu'arrab* (sudah menjadi bahasa Arab). Ia adalah jamak daripada *al-dirham* (الدِّرْهَم),[7] membawa maksud mata wang, duit logam dari perak yang digunakan bagi jual beli.[8]

Ia hanya disebut sekali di dalam Al-Quran iaitu dalam surah *Yūsuf* (12), ayat 20. Lafaz ini

1 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 274; Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 208.

2 Muhammad Salīm al-Hājj (1985), pentahkik kitab Gharīb al-Qurān, *op. cit*, h. 207

3 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 8, h. 154, athar no. 16349 dan 16349.

4 *Ibid.*, j. 12, h. 55, athar no. 22453 dan 22454.

5 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 128.

6 HAMKA (1984), *op. cit.*, j. 13-14, h. 250.

7 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 204.

8 Anīs et al. (1962), *op. cit.*, h. 282, Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 214.

dihubungkan dengan lafaz *bakhs* (بَخْسٌ) dan *ma'dudāt* (مَعْدُودَاتٌ) yang mengisyaratkan harga yang murah dan wang yang sedikit.[1] Ayat ini berkenaan dengan penjualan Nabi Yūsuf dengan harga yang murah.

Ibnu Mas'ud mengatakan, lafaz *darāhīm ma'dūdāt* bermaksud 20 dirham begitu juga pendapat Ibnu 'Abbās, al-Suddī, Qatādah dan 'Atiyah al-'Ūfī.[2] Mujāhid berpendapat ia sebanyak 22 dirham.[3] Muhammad bin Ishāq dan 'Ikrimah berpendapat 40 dirham.[4] Al-Qurtubī berkata, "Apa yang dilaporkan para sahabat adalah lebih utama."[5]

DARAJAH (دَرَجَةٌ)

Ism mufrad daripada lafaz *daraja* (دَرَجَ), jamaknya *darajāt* (دَرَجَاتٌ). Maksudnya martabat sebahagiannya di atas sebahagian yang lain, kelas, kedudukan, pangkat, tingkatan, golongan, darjat dan unit ukuran (sudut atau suhu).[6]

Lafaz *darajah* disebut empat kali di dalam Al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 228, surah *al-Nisāk* (4), ayat 95, surah *al-Taubah* (9), ayat 20 dan surah *al-Hadīd* (57), ayat 10.

Al-Fayrūz[7] berkata, "Secara umumnya, lafaz *darajah* atau *al-darajāt* mengandungi lapan bentuk. (1) Kedudukan lelaki ke atas perempuan;[8] (2) Kedudukan orang yang berjihad ke atas orang yang tinggal di rumah;[9] (3) Martabat sahabat yang terlebih dahulu masuk Islam dan selalu berdamping dengan Nabi;[10] (4) Kelebihan tingkatan dan kedudukan sebahagian manusia ke atas sebahagian yang lain disebabkan kelebihan ketaatan dan kekurangannya;[11] (5) Darjat khusus seorang hamba;[12] (6) Kedudukan ulama;[13] (7) Martabat orang yang taat dan tambahan tingkatannya di dalam syurga.[14] (8) Mengangkat martabat dan kedudukan orang yang taat yang membezakan mereka dari yang lainnya.[15]

Dalam surah *al-Baqarah*, ia membincang-kan darjat dan tingkatan kedudukan lelaki ke atas perempuan, al-Syaukānī berkata, "Perbezaan tingkatan ini kerana kedudukan

1 Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 5, h. 2639.

2 Ibnu Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 430.

3 *Ibid.*

4 *Ibid.*

5 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*

6 Ma'lūf (197), *op. cit.*, h. 210, Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 396, Noresah bt. Baharom *et al.* (eds.) (2002), *op. cit.*, h. 273.

7 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 2, h. 593.

8 Maksud kata-kata Allah, "Dalam pada itu orang lelaki mempunyai satu darjat kelebihan atas orang perempuan". (*al-Baqarah* (2), ayat 228).

9 Maksud kata-kata Allah, "Allah melebihkan orang yang berjuang dengan harta dan benda dan jiwa mereka atas orang-orang yang tinggal duduk dengan satu darjah." (*al-Nisāk* (4), ayat 95).

10 Maksud kata-kata Allah, "Tidaklah sama di antara kamu, orang-orang yang membelanjakan hartanya serta turut berperang sebelum pembukaan kota Makkah, mereka itu lebih besar kedudukannya daripada orang-orang yang membelanjakan hartanya serta turut berperang sesudah itu." (*al-Hadīd* (57), ayat 10).

11 Maksud kata-kata Allah, "Dan bagi tiap-tiap seorang beberapa tingkatan balasan disebabkan (amal baik atau jahat) yang mereka telah kerjakan." (*al-An'ām* (6), ayat 132).

12 Maksud kata-kata Allah, "Mereka itu (yang menurut keredaan Allah dan yang mendapat kemurkaan) mempunyai kedudukan yang berbeza di sisi Allah." (*Āli 'Imrān* (3), ayat 163).

13 Maksud kata-kata Allah, "Dan dialah yang menjadikan kamu khalifah di muka bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat." (*al-An'ām* (6), ayat 165

14 Maksud kata-kata Allah, "Dan sesiapa yang datang kepadanya sedang ia beriman, serta ia telah mengerjakan amalan-amalan soleh, maka mereka itu akan beroleh kedudukan-kedudukan yang tinggi." (*Tāha* (20), ayat 75).

15 Maksud kata-kata Allah, "Dialah yang maha tinggi darjat kebesarannya yang mempunyai arsy." (*Ghāfir* (40), ayat 15).

yang tidak dimiliki perempuan iaitu bertanggungjawab memberikan nafkah kepadanya termasuk dari orang yang lebih berjihad dan akal serta kekuatan, mendapat lebih harta waris, wajib bagi perempuan (isteri) melakukan segala suruhannya dan berdiri di atas keredaannya. Sekiranya tidak ada kelebihan lelaki terhadap perempuan maka tidak sabit penciptaan Hawā dari tulang rusuk Adam."[1]

Muhammad Rasyīd Ridā berkata, "Maksud darjat di sini adalah darjat kepemimpinan dan yang menguruskan segala kemaslahatan yang ditafsirkan dalam surah *al-Nisak* ayat 34. Kehidupan rumah tangga adalah kehidupan masyarakat dan sebuah masyarakat mestilah wujud pemimpin. Setiap individu masyarakat memiliki perbezaan pendapat dan kemaslahatan. Ia tidak dapat disempurnakan dan diselesaikan kecuali ada seorang pemimpin yang dirujuk pendapatnya dalam menyelesaikan perbezaan itu sehingga setiap individu tidak melakukan perkara yang bertentangan dengan individu lain. Apabila ia terjadi, timbullah perpecahan. Seorang pemimpin itu lebih layak bagi lelaki kerana ia lebih mengetahui kemaslahatan dan lebih mampu bagi melaksanakan tugas dengan kekuatan dan hartanya. Oleh itu, ia dituntut syarak bagi melindungi perempuan dan memberikan nafkah serta lebih dahulu taat kepada kebaikan."[2]

Dalam surah *al-Nisāk* berkenaan dengan kelebihan satu kedudukan orang yang berjuang daripada orang yang duduk berdiam diri. Dalam *al-Sahīhain* daripada Abī Sa'īd al-Khudrī Rasulullah bekata, "Sesungguhnya di dalam syurga ada 100 tingkatan atau darjat yang disediakan Allah bagi orang yang berjuang di jalan Allah di antara setiap dua darjat jauhnya seperti antara langit dan bumi."[3] Al-A'masy melaporkan daripada 'Amrū bin Murrah daripada Abī 'Ubaidah daripada 'Abdullāh bin Mas'ūd, katanya, Rasulullah berkata, "Barang siapa yang melempar satu anak panah (di jalan Allah), maka baginya pahala satu darjat." Seorang lelaki berkata, "Wahai Rasulullah, apa itu satu darjat?" Beliau menjawab, "Tentunya ia adalah bukan di pangkuan ibumu. Di antara dua darjat jauhnya 100 tahun perjalanan."[4]

Dalam surah al-Taubah, ia berkaitan dengan martabat orang beriman, berhijrah serta berjihad *fī sabīlillāh* di sisi Allah. Dalam tafsir *Safwah al-Tafāsīr* makna *darajah* ini ialah *ajran* (ganjaran dan balasan) maknanya bagi orang yang bersifat demikian baginya ganjaran yang besar daripada Allah.[5] Sedangkan dalam *Tafsir al-Jalālain* ia bermakna *ratbah* iaitu kedudukan dan martabat.[6]

Dalam surah al-Hadīd membincangkan tentang kedudukan serta tingkatan yang berbeza antara satau darjat dengan satu darjat bagi orang yang berperang dan mem belanjakan harta sebelum pembukaan kota Makkah daripada orang yang berperang dan membelanjakan harta selepasnya. Al-Ṭabarī berkata, "Mereka yang menafkahkan harta di jalan Allah sebelum pembukaan kota Makkah dan memerangi orang musyrik mendapat darjat dan kedudukan yang tinggi di dalam syurga daripada orang yang menafkahkan selepas itu."7

Kesimpulannya, lafaz *darajah* membawa maksud **kedudukan, darjat, tingkatan** dan **martabat**.

1 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 297.

2 Ridā (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 380.

3 Ibnu Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 481.

4 *Ibid.*

5 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 1, h. 526.

6 Al-Jalālain (t.t.), *op. cit.*, h. 245.

7 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 13, h. 288.

DARK (دَرْكٌ)[1]

Lafaz *dark* (دَرْك) merupakan *Ism Masdar* yang berasal daripada lafaz *al-idrāk* (الإِدْرَاكُ) yang mengandungi maksud akibat, yang paling bawah daripada segala sesuatu yang begitu dalam contohnya, *"balagha al-ghawāṣ daraka al-bahr"* (بَلَغَ الغَوَّاصُ دَرْكَ البَحْرِ) iaitu penyelam itu sampai ke dasar laut. Ia juga bermakna satu tingkat daripada tingkatan api neraka dan penyusulan.[2] Ia hanya disebut sekali di dalam Al-Quran iaitu dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 145.

Al-Kafawī berkata, "*al-dark* bagi tingkat yang paling bawah maksudnya tingkat yang menjadi asas tingkatan seterusnya yang ber tambah."[3] Al-Baidāwī mentafsirkan lafaz ini dengan tingkatan api neraka yang paling bawah[4]. Begitu juga dengan pentafsiran al -Nasafī, mereka diletakkan di tempat itu kerana mereka lebih jahat daripada orang kafir. Mereka memperolokkan dan mempersendakan Islam sekiranya berkumpul dengan orang kafir dan menipu orang Islam.[5]

Dalam *Tafsīr al-Khāzin*, *al-dark* ber maksud lapisan atau tingkatan paling bawah api neraka. Api neraka terdiri dari tujuh *darakat* (lapisan) yang sebahagiannya di atas sebahagian yang lain. Lapisan dan tingkatan api neraka dinamakan *darakat* (دَرَكَاتٌ) kerana ia saling menyusul dan bertindih. Sekiranya dikatakan mengapa seksaan bagi orang munafik lebih kuat daripada orang kafir?

Aku menjawab, "Orang munafik seperti orang kafir dalam kekufuran, malah lebih daripada itu kerana apabila mereka berkumpul dengan orang kafir mereka mem perolok-olokkan Islam dan orang Islam serta membongkar rahsia-rahsia kelemahan orang Islam dan memberitahu kepada orang kafir."[6]

'Abdullāh bin Mas'ūd dan Abū Hurairah berkata, "Ia adalah rumah daripada besi yang ditutup dan berada di dalam api neraka,[7] dibakar dari atas dan bawahnya."[8] Al-Ṭabarī berkata, "Ia adalah tingkat api neraka yang paling bawah,"[9] begitu juga pentafsiran daripada Ibn 'Abbās.[10]

Kesimpulannya, lafaz *al-dark* ialah **lapisan api neraka yang paling bawah.**

DAYN (دَيْنٌ)

Lafaz ini adalah *ism* daripada lafaz *dāna* (دَانَ) dan jamaknya *duyūn* (دُيُوْنٌ). Maksudnya meminjamkan duit, dalam masa yang sementara sekiranya tidak maka ia dinamakan *al-qard* (القَرْد) atau pemberian, harga penjual-

1 Terdapat dua qiraat pada lafaz ini: Pertama, lafaz ini dibaca dengan berbaris atas pada huruf *al-rā'* (darak), jamaknya dalam bentuk jumlah yang sedikit (minimum) *(al-qillah)* adalah *"adrāk"* dan dalam bentuk jumlah yang maksimum (banyak) *(al-kathrah)* adalah *"al-durūk"*. Majoriti ulama qiraat Basrah dan Madinah membaca dengan qiraat ini. Kedua, ia dibaca dengan mematikan huruf *al-rā' (al-dark)*, jamaknya dalam *al-qillah* adalah *"ādrūk"* dan dalam *al-kathrah* adalah *"āl-durūk"*. Majoriti ulama Kufah membaca dengan qiraat ini. Al-Tabarī berkata, "Kedua-dua qiraat itu dikenali ramai dan membaca dengan salah satunya adalah benar kerana makna keduanya adalah sama namun pembacaan dengan berbaris atas dalam bahasa Arab lebih masyhur berbanding dengan sukūn." Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 454

2 Ibnu Fāris (1971), *op. cit.*, j. 2, h. 268; Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 281; Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 213.

3 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 450.

4 Al-Baidāwī dalam *Majma' al-Tafāsīr* (1979), *op. cit.*, j. 2, h. 190-191.

5 Al-Nasafī dalam *Ibid.*

6 Al-Khāzin dalam *Ibid.*

7 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 454, athar no. 8453 dan 8454.

8 Al-Khāzin dalam *Majma' al-Tafāsīr* (1979), *loc. cit.*

9 Al-Ṭabarī (1995), *loc. cit.*

10 *Ibid.*

an, setiap sesuatu yang tidak hadir, mati sebagaimana makna bagi ungkapan *"qadā daynahu"* (قَضَى دَيْنَهُ) iaitu mati.[1]

Al-Kafawī berkata, "Setiap apa yang ter maktub di dalam Al-Quran daripada lafaz *al-dayn* (الدَّيْن) bermaksud *al-hisāb* () iaitu pembalasan[2] ungkapan bagi harta dalam tanggungan. *Al-dayn* adalah hutang yang mempunyai masa sedangkan *al-qard* adalah hutang yang tidak ada masa atau waktu tertentu."[3]

Lafaz *dayn* disebut lima kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 282, surah *al-Nisāk* (4), ayat 11, 12 (tiga kali).

Al-Syawkānī berkata, "*al-Dayn* adalah ungkapan bagi setiap muamalah atau jual beli di mana salah satu daripadanya dalam bentuk duit, sedangkan yang lainnya dalam tanggungan atau berhutang yang dinamakan penundaan bayaran atau pembayaran dengan kredit *(nasi')*.[4] Dalam *Tafsir Mishbah* disebutkan, ia adalah muamalah yang tidak secara tunai iaitu berhutang.[5] Tafsirannya dalam surah al -Baqarah, sekiranya kamu berjual beli dengan hutang, membeli dengannya, saling memberi dengannya atau mengambil dengannya kepada waktu yang tertentu, maka tentukanlah masa pembayarannya antara kamu.[6]

Lafaz *al-dayn* dalam ayat-ayat yang lain berkenaan wasiat bagi membayar hutang si mati. Para ulama salaf dan khalaf menyatakan, hutang lebih didahulukan daripada wasiat dan ia diambil daripada zahir ayat. Direkodkan oleh Ahmad, al-Tirmidhī, Ibn Mājah dan para mufasir daripada hadis Ibn Ishāq daripada al-Hārith bin 'Abdullāh al-A'war daripada 'Alī bin Abī Tālib katanya, "Kamu sudah membaca ayat "مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوْصِي بِهَا أَوْ دَيْنٍ", sesungguhnya Rasulullah sudah melunaskan hutang sebelum wasiat ditunaikan."[7]

Kesimpulannya, *al-dayn* ialah **hutang**.

DIMĀ' (دِمَاءٌ)

Lafaz ini berbentuk jamak mufradnya *al -damm* (الدَّمُ) asal katanya *damayun* (دَمَيٌ) atau *damawun* (دَمَوٌ), lalu *al-yā'* (ي) dihilangkan dan diganti menjadi *mim* (م) ia mengandungi maksud aliran merah yang mengalir pada urat-urat haiwan dan darah.[8]

Lafaz *dimā'* disebut sekali bersendirian di dalam Al-Quran iaitu dalam surah *al -Baqarah* (2), ayat 30. Disebut dua kali yang disambungkan dengan *damīr* iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 84 dan surah *al-Hajj* (22), ayat 37.

Lafaz ini mengandungi makna umum dan khusus. Makna umum bagi lafaz ini terdapat dalam surah *al-Baqarah* yang dikaitkan dengan *"al-safk"* (السَّفْكُ) iaitu menumpahkan. Ibnu Kathīr berkata, "Sesungguhnya dari jenis ini (manusia) ada yang menumpahkan darah seakan-akan malaikat mengetahui hal itu kerana memiliki ilmu yang khusus atau mereka dapat memahami sebahagian daripa-

1 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 307; Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 231.

2 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 438.

3 *Ibid.*, h. 444.

4 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 377.

5 Muhammad Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, j. 1, h. 564.

6 Al-Ṭabarī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 158.

7 Ibnu Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 406

8 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 298; Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 225.

da tabiat manusia kerana di antara manusia wujud orang yang melakukan kezaliman dan berbuat maksiat serta dosa."[1] Al-Qurtubī berkata, "atau mereka membuat kiasan kepada orang yang wujud sebelumnya seperti yang direkodkan al-Dahhāk daripada Ibnu 'Abbās yang pertama yang mendiami bumi adalah para jin mereka pun membuat kerosakan dan berbunuhan serta menumpahkan darah, lalu Allah mengirimkan Iblis dan menghapuskan mereka sehingga mereka mendiami pulau -pulau dan di atas gunung-ganang.

Dalam rekod Mujāhid daripada 'Abdullāh Ibnu 'Umar, mereka mendiami bumi 1000 tahun tahun sebelum Adam diciptakan dan ketika mereka melakukan pertumpahan darah dan kerosakan Allah mengutus malaikat bagi memerangi mereka sehinggalah mereka mendiami pulau kemudian Allah berkata kepada malaikat, "Sesungguhnya aku akan menjadikan khalifah (Adam) di muka bumi," para malaikat pun berkata, "Adakah Engkau akan menjadikan di dalamnya orang yang akan menumpahkan darah?"[2]

Manakala makna khusus bagi lafaz ini terdapat dalam surah *al-Baqarah*, ayat 84 dan surah *al-Hajj*. Dalam surah *al-Baqarah*, lafaz *dimā'* ditujukan kepada Banī Isrāel, maksudnya, "Wahai Banī Isrāel! Janganlah kamu menumpahkan darah sesama saudara dan sebahagian kamu menumpahkan darah sebahagian yang lain."[3] Dalam surah *al-Hajj*, *al -dimā'* bermaksud darah binatang sembelihan. Tafsirannya, "Tidak akan mendapat reda Allah daging yang disedekahkan dan darah yang ditumpahkan dengan penyembelihan tetapi yang diterima adalah amal soleh dan keikhlasan di dalamnya dengan hanya mengharapkan reda Allah."[4]

DĪN (دِيْنٌ)

Lafaz *dīn* adalah *ism mufrad* dan jamaknya adalah *adyān* (أَدْيَانٌ). Ibnu Fāris berkata, "Ia adalah jenis dan bentuk daripada ketaatan dan kehinaan,[5] dipinjam bagi menunjukkan makna syariat[6]. Oleh itu, al-Kafawī memberikannya makna *al-qaḍā'* (القَضَاءُ)(hukum dan syariat), balasan dan keadaan."[7] *Al-dīn* (الدِين) juga mengandungi makna agama, nama bagi keseluruhan perantara bagi menyembah Allah, mazhab, perjalanan, adat, situasi, paksaan, mengalahkan, Islam, beriktikad dengan hati, diucapkan dengan lisan dan diamalkan dengan anggota tubuh dan sebagainya.[8]

Lafaz *dīn* disebut 62 kali di dalam Al-Quran iaitu dalam surah *al-Fātihah* (1), ayat 4; surah *al-Baqarah* (2), ayat 132, 193, 256; surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 19, 83; surah *al-Nisāk* (4), ayat 46; surah *al-A'rāf* (7), ayat 29; surah *al-Anfāl* (8), ayat 39, 72; surah *al -Taubah* (9), ayat 11, 29, 33 (dua kali), 36, 122; surah *Yūnus* (10), ayat 22, 105; surah *Yūsuf* (12), ayat 40, 76; surah *al-Hijr* (15), ayat 35; surah *al-Nahl* (16), ayat 52; surah *al-Hajj*

1 Ibnu Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 60-61.

2 *Ibid.* Kata-kata malaikat bukanlah kata-kata pengingkaran kepada Allah dan ungkapan hasad kepada Bani Adam tetapi perkataan itu merupakan soalan untuk mengetahui sesuatu atau ingin mengetahui hikmah di sebaliknya, "Wahai Tuhan kami! Apakah hikmah di sebalik penciptaan mereka padahal di antara mereka ada yang membuat kerosakan di bumi dan menumpahkan darah?"

3 Al-Sya'rāwī (1991), *op. cit.*, j. 1, h. 434.

4 Al-Marāghī (1974), *op. cit.*, j. 17, h. 115.

5 Ibnu Fāris (1971), *op. cit.*, h. 319.

6 Ābādī (1986), *op. cit.*, h. 615.

7 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 444.

8 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 231; Anīs *et al.* (1962), op. cit., h. 307.

(22), ayat 78; surah *al-Nūr* (24), ayat 2; surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 82; surah *al-'Ankabūt* (29), ayat 65; surah *al-Rūm* (30), ayat 30 (dua kali), 43; surah *Luqmān* (31), ayat 32; surah *al -Ahzāb* (33), ayat 5; surah *al-Sāffāt* (37), ayat 20; surah *Sād* (38), ayat 78; surah *az-Zumar* (39), ayat 2, 3, 11; surah *Ghāfir* (40), ayat 14; surah *al-Syūrā* (42), ayat 13 (dua kali), 21; surah *al-Fath* (48), ayat 28 (dua kali); surah *al-Zāriyāt* (51), ayat 6, 12; surah *al-Wāqi'ah* (56), ayat 56; surah *al-Mumtahanah* (60), ayat 8, 9; surah *al-Saff* (61), ayat 9 (dua kali); surah *al-Ma'ārij* (70), ayat 26; surah *al-Muddathsir* (74), ayat 46; surah *al-Infitār* (82), ayat 9, 15, 17, 18; surah *al-Mutaffifīn* (83), ayat 11; surah *al-Tīn* (95), ayat 7; surah *al-Bayyinah* (98), ayat 5 (dua kali); surah *al-Mā'ūn* (107), ayat 1 dan surah *al-Nasr* (110), ayat 2.

Lafaz *dīn* secara bersendirian disebut sebanyak lima kali iaitu dalam surah al-Kāfirun (109), ayat 6; surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 85; surah *al-Nisāk* (4), ayat 125; surah *al-Mā'idah* (5), ayat 3; surah *al-An'ām* (6), ayat 161.

Lafaz *dīnukum* (دِينُكُمْ) disebut sebanyak 11 kali iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 217; surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 73; surah *al-Nisāk* (4), ayat 171; surah *al-Mā'idah* (5), ayat 3 (dua kali), 57, 77; surah *al-Taubah* (9), ayat 12; surah *Ghāfir* (40), ayat 26; surah *al-Hujurāt* (49), ayat 16; surah *al-Kāfirun* (109), ayat 6.

Lafaz *dīnihi* (دِينِهِ) disebut dua kali, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 217 dan surah *al-Mā'idah* (5), ayat 54.

Lafaz *dīnihim* disebut sepuluh kali iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 24; surah *al -Nisāk* (4), ayat 146; surah *al-An'ām* (6), ayat 70, 137, 159; surah *al-A'rāf* (7), ayat 51; surah *al-Anfāl* (8), ayat 49; surah *al-Nūr* (24), ayat 25, 55, 32. Lafaz *dīni* disebut satu kali iaitu dalam surah *Yūnus* (10), ayat 104.

Lafaz *al-dīn* di dalam Al-Quran me ngandungi beberapa makna:

1. Al-dīn bermakna hari penghisaban dan pembalasan *(al-jazā')* seperti yang terdapat dalam surah *al-Fātihah* (1), ayat 4; surah al-Hijr (15), ayat 35; surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 82; surah *al-Sāffāt* (37), ayat 20; surah *Sād* (38), ayat 78; surah *al-Zāriyāt* (51), ayat 6, 12; surah *al-Wāqi'ah* (56), ayat 56; surah *al-Ma'ārij* (70), ayat 26; surah *al-Muddaththir* (74), ayat 46; surah *al-Infitār* (82), ayat 9, 15, 17, 18; surah *al-Mutaffifīn* (83), ayat 11. Ibnu Qutaibah berkata, "*Yaum al-dīn* adalah *yaum al-qiyāmah* (hari kiamat). Ia dinamakan demikian kerana hari itu adalah hari pembalasan dan penghisaban seperti ungkapan perumpamaan "*kamā tadīnu tudānu*" (كَمَا تَدِيْنُ تُدَانُ) maksudnya sebagaimana engkau buat engkau akan dibalas dengannya".[1] Ibnu 'Abbās, Ibnu Mas'ūd, Ibnu Juraij, Qatādah dan dilaporkan daripada Nabi, *al -dīn* bermakna pembalasan terhadap amalan-amalan dan penghisabannya. Allah menyatakan, "يَوْمَئِذٍ يُوَفِّيهِمُ ٱللَّهُ دِينَهُمُ ٱلْحَقَّ"[2] maksudnya *dīn -hum* dalam ayat ini adalah *hisābahum* (penghisaban mereka).[3]
2. *Al-dīn* membawa maksud hukum dan syariat seperti yang terdapat dalam surah *al-Nūr* (24), ayat 2. Lafaz ini dihubungkan dengan lafaz Allāh atau *"dīn Allāh."* Al-Fairūz berkata, "Ia bermaksud hukum dan syariat

1 Ibnu Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 38.

2 Al-Nūr (24), ayat 25.

3 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 1 h. 159.

Allah."[1] Mujāhid berkata, "Ia bermaksud melaksanakan hudūd."[2] Ibnu Kathīr berkata, "Ia bermaksud hukum dan syariat Allah."[3]

3. *Al-dīn* dalam surah *Yūsuf* mengandungi beberapa makna kerana ia dihubungkan dengan lafaz *al-Malik* atau "*Dīn al-Malik*", iaitu:

- Ibnu 'Abbās dan al-Dahhāk memberi kannya maksud "*Sultān al-Malik*" (سلطان المالك) (kekuasaan raja).[4]
- Qatādah, Muhammad bin Ka'ab al -Qurazī, Ma'mar, al-Suddī memberikannya maksud keputusan dan hukum raja.[5]
- Al-Ṭabarī berkata, "Keseluruhan makna di atas saling berdekatan kerana sesiapa yang mengambil sebahagian daripada kekuasaan raja, maka ia melaksanakan apa yang diperintah dan ia reda terhadap pelaksanaannya itu selagi tidak melaksanakan di luar dari apa yang diperintahkan. Hal itu menjadi hukum ke atasnya dan hukum ke atasnya adalah pelaksanaan dan keputusannya.[6]
- Al-Fairūz berkata, "*Din al-malik* bermaksud politik dan kebijaksanaan raja."[7]

Al-dīn bermaksud agama-agama selain agama Islam seperti yang disebutkan dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 193, surah *al-Anfāl* (8), ayat 39, surah *al-Taubah* (9), ayat 33, surah *al-Fath* (48), ayat 28, surah *al-Saff* (61), ayat 9. Ibnu Kathīr menjelaskan ayat, (وَيَكُونَ الدِّينُ لِلَّهِ) *"wa yakūn al-dīn lillāh"* atau (وَيَكُونَ الدِّينُ كُلُّهُ لِلَّهِ) *"wa yakūn al-dīn kullahu lillāh"* membawa maksud, "Sehingga agama Allah menang dan tinggi daripada semua agama."[8] Ibnu 'Abbās berkata, "Sehingga semuanya mentauhidkan Allah dengan ikhlas." Al-Hasan, Qatādah dan Ibn Juraij berkata: "Sehingga semuanya mengatakan *Lā Ilāha Illā Allāh*" (لا إله إلا الله). Muhammad b. Ishāq berkata, "Sehingga mentauhidkan Allah dengan ikhlas, tiada di dalamnya kesyirikan dan mencabut segala macam tuhan-tuhan."[9] Seperti dalam hadis sahih daripada Rasulullah di mana beliau bersabda, "Sesungguhnya Allah menghimpunkan bagiku bumi daripada timur dan barat dan raja dari umatku akan menyampaikan (menghimpunkan) apa yang diberikan kepadaku daripadanya."[10]

4. *Al-dīn* bermakna ketauhidan, syahadah, mazhab, jalan yang lurus dan semuanya terhimpun dalam agama Islam. Sebagaimana yang ter dapat dalam majoriti makna bagi lafaz *al-dīn* dan ia diungkapkan dengan lafaz:

- *Al-dīn al-qayyim*, (الدِّينُ الْقَيِّمُ) terdapat dalam surah *al-Rūm* (30), ayat 30. Dalam *Tafsīr al-Jalālain*, ia bermaksud agama yang lurus iaitu mentauhidkan Allah.[11] Al-Syawkānī berpendapat, ia bermaksud agama yang menyuruh mendirikan segala perintah kerana

1 Ābādī (1986), *op. cit.*, h. 617.

2 Ibnu Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 247.

3 *Ibid.*

4 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 8, h. 33, athar no. 14953 dan 14954.

5 *Ibid.*, athar no. 14955, 14956, 14957, 14958 dan 14959.

6 *Ibid.*

7 Ābādī (1986), *loc. cit.*

8 Ibnu Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 199.

9 *Ibid.*, j. 2, h. 283

10 *Ibid.*, h. 319

11 Al-Jalālain (t.t.), *op. cit.*, h. 530.

Allah atau berpegang dengan fitrah.[1]

- *Dīn al-haq* (دِينُ الْحَقِّ), terdapat dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 33, *al-Fath* (48), ayat 28 dan sebagainya. Dalam *Tafsīr al-Marāghī* ia bermaksud cahaya Allah iaitu agama Islam.[2]
- *Dīn al-qayyimah* (دِينُ الْقَيِّمَةِ), terdapat dalam surah *al-Bayyinah* (98), ayat 4. Dalam *Tafsir al-Azhar* bermaksud menyembah Allah, ikhlas beribadah, cenderung berbuat baik, sembahyang dan berzakat. Itulah dia inti agama yang dibawa oleh para nabi.[3] Al-Fairūz berkata, "Ia bermaksud agama yang lurus iaitu agama Islam."[4]
- *Al-dīn al-khālis,* (الدِّينُ الخَالِصُ) terdapat dalam surah *al-Zumar* (39), ayat 3. Qatādah berkata, "Ia bermaksud syahādah iaitu tidak diterima sesuatu amalan sehingga yang beramal itu ikhlas dalam amalannya bagi Allah dan tidak mensyirikkannya."[5]

DĪNĀR (دِيْنَارٌ)

Lafaz ini berasal daripada kata *dannara* (دَنَّرَ), jamaknya *danānīr* (دَنَانِيرُ) maksudnya salah satu mata wang dahulu yang dibuat daripada emas yang nilainya sekarang di negara-negara Islam 50 sen dan ia menjadi salah satu mata wang di negara Arab yang menyamai dengan satu pound sterling (mata wang Inggeris).[6]

Lafaz ini hanya disebut sekali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 75. Ayat ini berkenaan dengan Ahli Kitab yang mengkhianati amanah yang dititipkan walaupun satu dinar. Mālik b. Dīnār berkata, "Dinamakan *al-dīnār* kerana ia bermakna *dīn* (hutang) dan *nār* (api) maksudnya siapa yang mengambilnya dengan hak maka ia adalah hutangnya dan sesiapa yang mengambilnya tidak dengan hak maka baginya api neraka."[7]

Ibnu Kathīr berkata, "Daripada kalangan orang Yahudi, ada yang apabila diamanahkan kepadanya satu *dīnār,* maka yang menitipkan kepadanya perlu berulang kali dan terus menerus menuntut haknya daripadanya, apatah lagi jumlahnya lebih banyak daripada itu.[8] Al-Qurtubī berkata, "Yang dimaksudkan orang yang tidak menunaikan amanah yang dititipkan adalah Fanhās bin 'Āzūrā' al-Yahūdī yang diamanahkan seorang Arab satu *dīnār* tetapi mengkhianatinya.[9] Ada yang berpendapat, orang itu adalah Ka'ab b. al-Asyraf dan sahabat-sahabatnya.[10]

Kesimpulannya, *al-dīnār* bermaksud satu *dīnār* iaitu **mata (wang) emas** pada zaman dahulu dan sebahagian negara Arab masih menggunakannya.

1 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 280.

2 Al-Marāghī (1974), *op. cit.*, j. 10, h. 97.

3 HAMKA (1984), *op. cit.*, j. 30, h. 210-211.

4 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 2, h. 617.

5 Ibnu Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 41.

6 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 298; Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 226; Noresah bt. Baharom *et al.* (eds.) (2002), *op. cit.*, h. 306.

7 Ibnu Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 328.

8 *Ibid.*

9 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 2, h. 123.

10 *Ibid.*

DIYĀR (دِيَارٌ)

Lafaz *diyār* adalah jamak daripada *al-dār* (الدَّارُ) mencakupi erti tempat yang di dalamnya bangunan dan halaman, rumah, negeri, suku[1] dan nama bagi kota Nabi Muhammad.[2] Al-Fairūz berkata, "*Al-Dār* juga digunakan makna dunia dan akhirat dengan ungkapan "*Dār al-dunyā*" (دَارُ الدُّنْيَا) dan "*Dār al -ākhirah.*" *Dār al-salām* maknanya syurga dan *dār al-bawār* maksudnya neraka."[3]

Lafaz *diyār* disebut secara bersendirian sebanyak satu kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Isrāk* (17), ayat 5. Disebut empat kali dan disambungkan dengan *ḍāmīr* "*kum*" iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 84; *al-Nisāk* (4), ayat 66; surah *al-Mumtahanah* (60), ayat 8 dan 9.

Sekali pula disambungkan dengan *ḍāmīr* "*nā*" iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 246, dan sepuluh kali disambungkan dengan *ḍāmīr* "*hum*" iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 85, 243; surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 195; surah *al-Anfāl* (8), ayat 47; surah *Hūd* (11), ayat 67, 94; surah *al-Hajj* (22), ayat 40; surah *al-Ahzāb* (33), ayat 27; surah *al-Hasyr* (59), ayat 2 dan 8.

Al-Ṭabarī berkata, "Ia bermakna *masā kin* (مَسَاكِن) atau rumah-rumah tempat tinggal maksudnya mereka berulang-alik antara negeri dan rumah mereka.[4] Dalam *Tafsir al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān*, al-Qurtubī menukilkan daripada al-Ṭabarī di mana mereka[5] mengelilingi antara negeri-negeri bagi mencari dan membunuh mereka yang selalu pergi dan datang.[6] Ibnu 'Abbās berkata, "Mereka berjalan dan berulang-alik antara negeri-negeri dan rumah-rumah."[7] Al-Farrā' berkata, "Mereka membunuh mereka di antara rumah-rumah mereka."[8]

Kesimpulannya *diyār* membawa maksud **negeri-negeri** atau **rumah-rumah.**

DUKHĀN (دُخَانٌ)

Lafaz *dukhān* berasal daripada lafaz *dakhana* (دَخَنَ) membawa maksud apa yang naik dari api berupa bahagian kecil yang dinyalakan dan ia tidak membakar,[9] wap dan asap.[10]

Lafaz ini disebut dua kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah yang *Fussilat* (41), ayat 11 dan *al-Dukhān* (44), ayat 10. *Al-Dukhān* di dalam al-Quran membawa dua maksud:

Pertama, bermaksud wap yang daripadanya tercipta langit dan bumi sebagaimana yang terdapat dalam surah *Fussilat*. Ibnu Kathīr berkata, "*Al-dukhān* adalah wap air yang naik dan daripadanya bumi dicipta."[11] Dalam *Tafsīr al-Kasysyāf* dikatakan, 'Arasynya

1 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 302.

2 Ibnu Manzūr (1968), *op. cit.*, j. 4, h. 299.

3 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 2, h. 613-614.

4 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 9, h. 36.

5 Banyak pendapat mengenai orang yang membunuh orang Yahudi disebabkan kesombongan mereka. Qatādah berkata, "Mereka adalah Jālūt, Al-Mahdawī menukilkan dari Mujāhid mereka adalah Bakhtansar. Muhammad b. Ishāq berpendapat yang membunuh mereka adalah Sanhārīb raja Babilion yang membawa 600. 000 panji, dan di bawah satu panji 100,000 pasukan berkuda. Sa'īd b. Jubair berpendapat mereka adalah Sanhārīb dari penduduk Niyanawā iaitu raja Babilion. Al-Hasan berkata, "Mereka adalah 'Amāliqah." Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, h. 220-221.

6 *Ibid.*, j. 10, h. 222.

7 *Ibid.*

8 *Ibid.*

9 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 276.

10 Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 393.

11 Ibnu Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 83.

di atas air sebelum diciptakan langit dan bumi lalu dikeluarkan daripada air itu wap sehingga naik ke atas dan berada di atasnya. Air tadi dikeringkan dan ia menjadi bumi kemudian dipecahkannya sehingga menjadi bumi yang banyak. Manakala langit diciptakan daripada wap yang naik.[1]

Kedua, bermaksud kabus tebal sebagai azab bagi orang kafir dan tanda datangnya hari kiamat seperti yang terdapat dalam surah *al-Dukhān*. Al-Qurtubī[2] berkata, "Terdapat tiga pendapat mengenai maksud *al-dukhān* dalam ayat surah *al-Dukhān* iaitu:

- 'Alī, Ibnu 'Abbās, Ibnu 'Umar, Abū Hurairah, Zaid bin 'Alī, al-Hasan, Ibnu Mulaikah dan lainnya berpendapat, ia adalah salah satu tanda datangnya hari kiamat yang belum tiba. Berada di bumi selama 40 hari yang menutupi antara langit dan bumi. Bagi orang yang beriman, ia menimpanya seperti orang yang terkena penyakit selesema. Manakala bagi orang kafir dan *fājir*, ia masuk ke dalam telinga, mulut dan kepala mereka dan menjadi seperti orang gila atau mabuk[3] dan memanggang[4] serta menyekat pernafasan mereka. Itu adalah kesan api neraka pada hari kiamat.

  Dalam *Sahīh Muslim,* daripada Abī al -Tufail daripada Hudhaifah bin Usid al-Ghiffārī katanya, "Nabi Muhammad melihat kami sedang bermuzakarah lalu beliau bertanya, "Apa yang sedang kamu cakapkan?" Kami menjawab, "Kami bermuzakarah tentang hari kiamat." Beliau bersabda, "Tidak akan datang hari kiamat sehingga kamu melihat sepuluh tanda-tandanya iaitu, *al-dukhān* (asap wap yang tebal), Dajjal, *dābbah* (haiwan melata), matahari terbit dari barat, turunnya 'Īsā bin Maryam, keluarnya Yakjūj dan Makjūj, tiga gerhana iaitu gerhana di timur, barat dan negeri Arab. Terakhir, keluarnya api dari negeri Yaman yang mengusir penduduknya dari kediaman mereka.[5]

- Ibnu Mas'ūd mengatakan, ia bermaksud apa yang menimpa kaum Quraisy daripada kelaparan kerana doa Rasulullah, sehingga seorang lelaki melihat asap tebal antara langit dan bumi. Direkodkan oleh al-Bukhārī[6] hadis daripada 'Abdullāh bin Mas'ūd. Beliau berkata, "Hal ini berlaku disebabkan kaum Quraisy ingin berbuat jahat ke atas Nabi Muhammad, lalu nabi berdoa ke atas mereka agar mereka ditimpa musim kemarau dan kelaparan seperti yang menimpa pada zaman Nabi Yusuf dan mereka pun mengalami musim kemarau dan kelaparan sehingga memakan tulang -tulang dan ketika seorang daripada mereka menoleh ke langit maka terlihat asap tebal *(dukhān)* antara langit dan bumi.

- Abd Rahmān al-A'raj berpendapat, ia bermaksud pembukaan Kota Makkah ketika langit diselubungi debu dan awan tebal. Al-Qurtubī berkata, "Apa bila ianya berlaku ia dikhususkan kepada orang musyrik Makkah dan apabila ia bermaksud tanda-tanda hari

1 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 184.

2 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 16, h. 128.

3 Laporan daripada Huzaifah bin al-Yaman. Ibnu Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 125.

4 Laporan Ibnu 'Umar. *Ibid.*

5 Direkodkan Muslim dalam kitab *al-Fitan wa Asyrāt al-Sā'ah,* Bab tanda-tanda yang muncul sebelum datang hari kiamat.

6 Direkodkan oleh al-Bukhārī dalam kitab *al-Tafsīr.*

kiamat, maka ia adalah umum dan berita bagi keadaan yang berlaku pada masa hadapan.[1]

Lafaz *al-dukhān* juga adalah salah satu nama surah yang ke 44 mengikut urutan di dalam al-Quran yang terdiri daripada 59 ayat keseluruhannya dan diturunkan di Makkah kecuali ayat 15 iaitu "إِنَّا كَاشِفُوا الْعَذَابِ قَلِيلًا إِنَّكُمْ عَائِدُونَ". Terdapat laporan yang menyebut berkenaan kelebihan surah ini:

- Direkodkan oleh al-Tirmizī[2] hadis daripada Abi Salamah, daripada Abū Hurairah, katanya Rasulullah bersabda, "Barang siapa yang membaca *hamim ad-dukhan* "حم الدخان" pada malam hari maka 70,000 malaikat akan memohon keampunan baginya."
- Dilaporkan secara *marfū'* oleh al-Tha'labī hadis daripada Abū Hurairah Nabi Muhammad berkata, "Barang siapa yang membaca *al-dukhān* pada malam Jumaat, dosanya akan diampunkan."[3]
- Direkodkan dalam *Musnad al-Dārimī* hadis daripada Abī Rāfi', katanya, "Sesiapa yang membaca *al-Dukhān* pada malam Jumaat dosanya akan diampunkan dan dikahwinkan dengan bidadari."[4]
- Dilaporkan daripada Abī Umāmah, katanya, aku mendengar Nabi Muhammad berkata, "Sesiapa yang membaca "*ḥāmīm al-dukhān*" pada malam Jumaat, Allah membina baginya rumah di dalam syurga."[5]

DŪLAH (دُوْلَةٌ)

Lafaz ini adalah *ism maṣdar* daripada lafaz *dāla* (دَالَ) jamaknya *dūlāt* (دُوْلَاتٌ) atau *duwal* (دُوَلٌ). Ibnu Fāris berkata, "Lafaz ini menunjukkan perubahan dan perpindahan sesuatu dari tempat ke tempat yang lain serta menunjukkan kelemahan."[6]

Dalam *Kamus al-Munjid* dijelaskan, *al-dūlah* bermakna sesuatu yang bergiliran sehingga sesekali berada pada ini dan sesekali berada pada itu dan biasanya berkenaan dengan harta dan kemenangan.[7] Al-Fairūz berkata, "*Al-dūlah* ialah sesuatu yang bergilir dan berganti dengan sendirinya."[8] Al-Āzī berkata, "Ia berkenaan dengan harta."[9] Ia juga mengandungi makna bencana, sesuatu yang dipergilirkan daripada harta dan sebagainya.[10]

Lafaz *dūlah* hanya disebut sekali di dalam Al-Quran iaitu dalam surah *al-Hasyr* (59) ayat 7. Al-Kafawī berkata, "*Al-dūlah* ialah yang menguasai harta benda.[11] Maknanya kami bahagikan antara mereka yang disebut-

1 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, h. 129.

2 Direkodkan oleh al-Tirmidhī dalam kitab *Faḍā'il al-Qurān*, Bab *Fadilah (Hāmīm) al-Dukhān*, j. 5, h. 163, hadis no: 2889. 'Amrū b. Abī Khath'am yang merupakan salah satu pelapornya dilemahkan dan menurut al-Bukhāri hadis ini adalah Munkar.

3 Al-Tirmidhī berkata, "Hadis ini adalah *gharīb* mengikut pelapor-pelapornya dan salah seorang perawinya iaitu Husyām Abī al-Miqdam dilemahkan dan Hasan tidak mendengar daripada Abī Hurairah seperti yang dikatakan oleh Ayūb, Yūnus bin 'Ubaid dan 'Alī bin Zaid. Lihat Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, h. 123.

4 Dikeluarkan dalam kitab *Fadā'il al-Qurān*.

5 Disebutkan oleh al-Alūsī dalam *Rūh al-Ma'ānī* laporan Ibn Mardawaih daripada Abī Umāmah.

6 Ibnu Fāris (1971), *op. cit.*, h. 314.

7 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, j. 230.

8 Ābādī (1986), *op. cit.*, h. 614.

9 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 216.

10 Anīs et al. (1962), *op. cit.*, h. 304; Ma'luf (1973), loc. cit.

11 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 450.

kan agar harta itu tidak hanya berputar dan bergilir antara orang kaya sehingga orang fakir tidak mendapat bahagiannya dan orang kaya dapat memonopoli mereka. "[1]

Ibnu Kathīr mentafsirkan ayat ini, "Kami bahagikan harta rampasan ini sehingga tidak dimonopoli oleh orang kaya yang memutarkannya hanya mengikut hawa nafsu dan tidak mengeluarkan sesuatu pun daripadanya kepada orang fakir."[2] Ayat ini menjadi sebab pembahagian harta rampasan oleh Rasulullah.[3] Kesimpulannya, lafaz *dūlah* membawa maksud **memonopoli** dan **menguasai harta.**

DUNYĀ (دُنْيَا)

Lafaz *dunyā* (دُنْيَا) berasal daripada lafaz *al-dunuww* (الدُّنُوُّ) kemudian *al-waw* (و) diganti dengan *al-ya'* (ي) kerana lafaz yang ber*wazan fu'lā* (فُعْلَا), sekiranya memiliki *al-waw* pada akhirnya, maka ia diganti dengan *al-yā'*.[4] Dinamakan *dunyā* kerana dekatnya dan kedatangan akhirat. Ia juga bermakna lawan daripada akhirat, nama bagi kehidupan ini kerana akhirat jauh darinya,[5] bumi dan segala yang terdapat di permukaannya, alam tempat kita diami, perihal hidup, bidang dan lapangan.[6] Al-Kafawi berkata, "Ia adalah nama bagi apa yang ada di bawah bulan."[7]

Lafaz *dunyā* disebut sebanyak 115 kali di dalam Al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 85, 86, 114, 130, 200, 201, 204, 212, 217, 220; surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 14, 22, 45, 56, 117, 145, 148, 152, 185; surah *al-Nisāk* (4), ayat 74, 77, 94, 109, 134 (dua kali); surah *al-Mā'idah* (5), ayat 33, 41; surah *al-An'ām* (6), ayat 29, 32, 70, 130; surah *al-A'rāf* (7), ayat 32, 51, 152, 156; surah *al-Anfāl* (8), ayat 42, 67; surah *al-Taubah* (9), ayat 38 (dua kali), 55, 69, 74, 85; surah *Yūnus* (10), ayat 7, 23, 24, 64, 70, 88, 98; surah *Hūd* (11), ayat 15, 60; surah *Yūsuf* (12), ayat 101; surah *al-Ra'd* (13), ayat 26 (dua kali), 34; surah Ibrāhīm (14), ayat 3, 27; surah *al-Nahl* (16), ayat 30, 41, 107, 122; surah *al-Kahfi* (18), ayat 28, 45, 46, 104; surah *Tāha* (20), ayat 72, 131; surah *al-Hajj* (22), ayat 11, 15; surah *al-Mukminūn* (23), ayat 33, 37; surah *al-Nūr* (24), ayat 14, 19, 23, 33; surah *al-Qasas* (28), ayat 42, 60, 61, 77; surah *al-'Ankabūt* (29), ayat 79, 25, 27; 64, surah *al-Rūm* (30), ayat 7; surah *Luqmān* (31), ayat 15, 33; surah *al-Ahzāb* (33), ayat 28, 57; surah *Fātir* (35), ayat 5; surah *al-Saffāt* (37), ayat 6; surah *az-Zumar* (39), ayat 10, 26; surah *Ghāfir* (40), ayat 39, 43, 51; surah *Fussilat* (41), ayat 12, 16, 31; surah *al-Syūrā* (42), ayat 20, 36; surah *az-Zukhruf* (43), ayat 32, 35; surah *al-Jātsiyah* (45), ayat 24, 35; surah *al-Ahqāf* (46), ayat 20; surah *Muhammad* (47), ayat 36; surah *al-Najm* (53), ayat 29; surah *al-Hadīd* (57), ayat 20 (dua kali); surah *al-Hasyr* (59), ayat 3; surah *al-Mulk* (67), ayat 5; surah *al-Nāzi'āt* (79), ayat 38 dan surah *al-A'lā* (87), ayat 16.

Majoriti lafaz *dunyā* (دُنْيَا) digandingkan dengan akhirat dan juga kebanyakannya dihubungkan dengan *al-hayāh* maknanya kehidupan dunia. Apabila berhubung dengan kehidupan dunia, al-Quran memberinya beberapa gelaran iaitu:

1 Al-Zuhailī (1991), *op. cit.*, j. 28, h. 81.

2 Ibnu Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 302.

3 Al-Jalālain (t.t.), *op. cit.*, h. 722.

4 Ābādī (1986), *op. cit.*, h. 607; Ibn Manzūr (1968), *op. cit.*, j. 14, h. 272-273.

5 *Ibid.*

6 Noresah bt. Baharom *et al.* (eds.) (2002), *op. cit.*, h. 321.

7 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 449.

- Dunia hanyalah "*matā' al-ghurūr*" (مَتَاعُ الْغُرُورِ)[1] ertinya benda tipuan. Maknanya kehidupan ini selalu menipu dan merayu manusia sehingga sering kali manusia lupa pada kehidupan yang sebenarnya.[2] Tipu daya hidup ini sering kali menipu manusia sehingga hatinya terpaut dan terikat dengan dunia.[3] Oleh itu, ayat ini menerangkan kehinaan dunia dan kefanaannya yang sebentar lagi musnah.[4] Qatādah berkata, "Maknanya ia ialah benda (kenikmatan) yang akan ditinggalkan. Oleh itu, ambillah ia dan taat kepada Allah semampu kamu."[5] Dalam hadis dikatakan, "Demi Allah! Kehidupan dunia berbanding akhirat adalah bagaikan salah seorang kamu menenggelamkan jari ke dalam lautan, lalu lihatlah apa yang tertinggal di jari kamu (bila kamu mengangkatnya)."[6]
- Kenikmatan dan kebendaan yang "*qalīl*" (قَلِيلٌ) iaitu sedikit.[7] Kenikmatan dan kebendaan yang banyak sekiranya ia fana dan hilang ia dinamakan sedikit, apatah lagi dengan sedikit yang lenyap lagi fana,[8] atau apa yang dinikmati daripada kelazatan dunia cepat hilang dan terbatas serta fana.[9]
- Kehidupan dunia hanyalah "*la'ib wa lahw*"(لَعِبٌ وَ لَهْوٌ)[10] iaitu tempat senda gurau dan bermain-main sahaja serta menjadi tempat mencari kesenangan bagi orang yang menyekutukan Allah.[11] Al-Qurtubī berkata, "Dunia adalah sesuatu yang dipermainkan olehnya dan dilalaikan dengannya iaitu apa yang diberikan Allah kepada orang kaya daripada dunia, musnah dan lenyap seperti sebuah permainan yang tidak wujud dalamnya ketetapan dan hakikat."[12]

Dengan penerangan al-Quran pada hakikat dan kedudukan dunia, sekali lagi al-Quran menyamakan kebendaan dunia yang menipu, hilang dan fana seperti air hujan yang turun dari langit dan bersatu dengan bumi lalu keluar darinya tumbuh-tumbuhan yang lebat dan rimbun lalu ia menjadi kering, hancur dan bertebaran diterbangkan oleh angin ke kiri dan ke kanan.[13]

Bagi yang membelanjakan kebendaan demi mendapat kepentingan dunia, al-Quran juga mengumpamakannya seperti angin yang di dalamnya ada udara yang sejuk yang kering pada musim dingin, tidak membawa kesuburan melainkan kemusnahan. Bukan ajaran Ilahi yang dapat mereka kalahkan melainkan kebun dan tanaman mereka sendirilah yang akan punah dan musnah kerana apabila tanaman itu menjadi kering, ia mudah terbakar kerana zat air tidak ada lagi di dalamnya.[14]

Lafaz *al-dunyā* digandingkan dengan *al-samā'* iaitu "*al-samā' al-dunyā*" (السَّمَاءُ الدُّنْيَا) yang terdapat dalam surah *al-Sāffāt* (37), ayat 6, *Fussilat* (41), ayat 12 dan *al-Mulk* (67), ayat 5 maksudnya ialah langit yang dekat

1 Āli 'Imrān (3), ayat 185, al-Hadīd (57), ayat 20.

2 HAMKA (1984), *op. cit.*, j. 4, h. 200.

3 Ibid.

4 Ibnu Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 383

5 *Ibid.*

6 *Ibid.*

7 Al-Nisāk (4), ayat 77.

8 Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 2, h. 1130

9 Al-Marāghī (1974), *op. cit.*, j. 5, h. 95.

10 al-An'ām (6), ayat 32; Al-'Ankabūt (29), ayat 64; Muhammad (47), ayat 36; al-Hadīd (57), ayat 20.

11 Ahmad Sonhadji Mohammad (1997), *op. cit.*, j. 21, h. 43.

12 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 13, h. 375.

13 Al-Kahfī (18), ayat 45; Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 193.

14 Ālī 'Imrān (3), ayat 117; HAMKA (1984), *op. cit.*, j. 4, h. 7.

dengan kamu.[1] Ia dihiasi dengan keindahan planet-planet dan bintang-bintang yang bercahaya dan berkilau, berguna bagi melempar dan menghumban syaitan apabila ia mahu mencuri pendengaran datang kilat yang menyambar sehingga membakarnya.[2] Maksudnya "tahi bintang" melempar syaitan yang terlepas dari bintang itu kerana pada hakikatnya adalah satu bulatan seperti bumi juga yang tetap pada halnya.[3]

Sebagaimana fungsinya yang diterangkan dalam surah *al-Mulk*. Qatādah berkata, "Allah mencipta bintang-bintang bagi tiga kegunaan, iaitu: (1) Perhiasan langit; (2) Pemanah syaitan; (3) Memberi petunjuk dalam perjalanan. Sekiranya ada orang lain yang ingin menambahkannya orang itu mengada-adakan ilmu. Maksudnya Muhammad b. Ka'ab menerangkan, "Demi Allah! tidak ada orang di bumi mempunyai bintang di langit namun sebenarnya mereka ingin bermain tilik-menilik lalu dihubungkannya dengan bintang di langit."[4]

1 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 33.

2 Ibnu Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 4.

3 HAMKA (1984), *op. cit.*, j. 29, h. 67.

4 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 565.



حرف الذال

DH



DHĀ`IQAH (ذَائِقَة)

Lafaz ini adalah *ism fā`il mufradah*, jamaknya *dhā`iqāt* (ذَائِقَاتٌ), *mudhakkar* bagi kata ini *dhā`iq* (ذَائِقٌ) dan jamaknya *dhā`iqūn* (ذَائِقُونَ). Berasal daripada kata *al-dhawq* atau *dhāqa-yadhūqu* (ذَاقَ-يَذُوقُ) yang bererti merasakan dan mencuba.[1]

Rāghib berkata, *al-dhawq* bermakna wujudnya rasa di dalam mulut dan asal maknanya makan sedikit dari yang banyak. Apabila makan makanan yang banyak maka disebut *al-akl*.[2] Beliau berkata lagi, di dalam al-Quran penggunaan lafaz *al-dhawq* (الذَّوْقُ) lebih banyak menyentuh masalah azab atau seksaan. Walaupun lafaz ini pada asalnya bagi hal yang sedikit, namun berkenaan dengan azab, ia boleh digunakan bagi perkara yang banyak dan sedikit. Oleh itu, kecenderungan penggunaannya pada seksaan di dalam al-Quran mengisyaratkan makna universal.[3]

Al-dhawq juga bermakna dugaan dan cubaan sepertimana maksud kata-kata Allah yang mana dikaitkan dengan lafaz *libās* (baju) (فَأَذَقَهَا ٱللَّهُ لِبَاسَ ٱلْجُوعِ وَٱلْخَوْفِ).[4] Lafaz *al-dhawq* juga digunakan bagi rahmat seperti kata-kata Allah, (وَإِنَّا إِذَآ أَذَقْنَا ٱلْإِنسَـٰنَ مِنَّا رَحْمَةً) maksudnya, "Sesungguhnya manusia walau diberi sedikit nikmat boleh berlaku sombong dan bongkak."[5] Seperti kata-kata Allah, (كَلَّآ إِنَّ ٱلْإِنسَـٰنَ لَيَطْغَىٰٓ أَن رَّءَاهُ ٱسْتَغْنَىٰٓ).[6]

Lafaz *dhā`iqah* di dalam al-Quran disebut tiga kali iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 185; surah *al-Anbiyāk* (21), ayat 35 dan surah *al-Ankabūt* (29), ayat 57. Lafaz jamaknya disebut dua kali iaitu dalam surah *al-Sāffāt* ayat 31 dan 38. Kesemua lafaz *dhā`iqah* yang terdapat dalam ayat-ayat tadi disandarkan dengan lafaz *al-nafs* (diri atau jiwa) dan maut (kematian). Allah berkata, (كُلُّ نَفْسٍ ذَآئِقَةُ ٱلْمَوْتِ).

Dalam buku *Tafsīr al-Misbāh*, M. Quraish Shihab mengungkapkan, ayat ini menggunakan kata *dhā`iqah* bagi kematian yang diterjemahkan dengan merasakan kematian bagi mengisyaratkan ia adalah mukadimah daripada sesuatu. Bukankah sekiranya kita merasakan sesuatu, kita mengetahui sekelumit rasanya dan selepas dirasakan, ia dimakan dalam kadar yang lebih banyak daripada apa yang dirasakan. Sakit yang dirasakan dalam kematian atau kenikmatannya adalah bahagian kecil daripada kepedihan dan nikmat yang akan dirasakan kelak.[7]

Al-Qurtubī mengungkapkan, terdapat dua *qiraat* pada ayat ذَآئِقَةُ ٱلْمَوْتِ. Kebanyakan para sarjana membacanya ذَآئِقَةُ ٱلْمَوْتِ *(dhā`iqah al-mawti)*. Manakala al-A'masy, Yahyā dan Ibn Abī Ishāq membacanya dengan ذَآئِقَةُ ٱلْمَوْتَ *(dhā`iqah al-mawta)*. Hal ini kerana *ism fā'il* terdiri daripada dua bentuk makna iaitu *al-madī* (yang terdahulu) dan bermakna *al-istiqbāl* (sekarang atau akan datang).

Qiraat pertama mengandungi makna *madī* (sudah berlaku atau pasti berlaku), maknanya setiap jiwa pasti mengalami kematian. Sekiranya *ism fā'il* itu bermakna *istiqbāl*, boleh dibaca dengan dua qiraat itu. Maknanya setiap jiwa mengalami kematian kerana jiwa itu belum lagi merasakan kematian.[8]

1 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 489

2 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 332.

3 *Ibid.*

4 Surah al-Nahl (16), ayat 112.

5 Al-Isfahānī, *loc. cit.*

6 Surah al-'Alaq (96), ayat 6 dan 7.

7 M. Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, j. 2, h. 284

8 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 4, h. 306

Kesimpulannya, lafaz *dhā`iqah* boleh membawa dua makna iaitu **yang pasti merasakan** dan ***yang akan merasakan***, maknanya setiap jiwa pasti merasakan kematian atau setiap jiwa akan merasakan kematian.

DHAHĀB (ذَهَـاب)

Lafaz ini *maṣdar dhahaba-yadhhabu* (ذَهَبَ-يَذْهَبُ) yang mengandungi makna pergi, menjauh dan mati.[1] *Dhahaba bi al-syay`* (ذَهَبَ بِالشَّيئ) bermakna menghilangkannya[2] dan menemaninya. *Dhahaba anhu* (ذَهَبَ عَنْهُ) bermaksud meninggalkannya.[3] *Dhahaba ilayh* (ذَهَبَ إِلَيهِ) bererti menghadap. *Dhahaba alayhi* (ذَهَبَ عَلَيهِ) bermakna lupa. *Dhahaba ilā qawlih* bermaksud menarik balik perkataannya.[4] *Dhahaba fī al-dīn* (ذَهَبَ فِي الدِّين) bermakna mengemukakan pendapat dalam agama.[5]

Daripadanya lafaz mazhab iaitu cabang ajaran Islam yang diikuti oleh umat Islam[6] yang terdiri daripada pendapat-pendapat ulama seperti mazhab Malik, Syafie, Hanbali, Hanafi dan lainnya. Al-Rāghib mengungkapkan, lafaz ini boleh digunakan dalam perkara yang nampak *(a'yān)* dan maknawi.[7] Al-Husain al-Dāmaghānī berkata,[8] lafaz ini di dalam al-Quran mengandungi enam maksud iaitu perkataan,[9] dakwah,[10] hijrah,[11] *al-infirād* (pengasingan),[12] pergi,[13] *al-istīfā`* (mengambil hak dengan penuh).[14]

Lafaz *dhahāb* disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah yang ke 23, surah *al-Mukminūn*, ayat 18. Allah berkata, (وَإِنَّا عَلَىٰ ذَهَابٍ بِهِۦ لَقَٰدِرُونَ).

Di dalam ayat ini, lafaz *dhahāb* berkaitan dengan hujan. Al-Zamaksyarī berkata, lafaz *dhahāb* membawa maksud *izālah* atau menghilangkannya, maknanya sebagaimana kami berkuasa menurunkan hujan dan kami juga berkuasa menghilangkannya (tidak menurunkannya).[15] Dalam *Mu'jam li Alfāz al-Qurān al-Karīm*, lafaz ini juga membawa maksud menghilangkan dan mengangkatnya.[16]

Al-Syaukānī juga berpendapat demikian. Beliau mengungkapkan, ayat ini adalah ancaman berat yang mengisyaratkan ke atas kekuasaannya yang berkuasa meng hilangkannya dan tidak menurunkannya sehingga manusia dan haiwan ternakan mereka binasa disebabkan kehausan.[17]

Kesimpulannya, lafaz *dhahāb* dalam ayat ini membawa maksud **menghilangkan** dan **mengangkat** atau **tidak menurunkan hujan**.

1 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 487

2 Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 316, seperti kata-kata Allah: (ذَهَبَ اللهُ بِنُورِهِمْ) (*al-Baqarah* (2), ayat 17.

3 *Ibid.*

4 *Ibid.*

5 *Ibid.*

6 Noresah bt. Baharom *et al* (eds.) (2000), *op. cit.*, hlm. 871

7 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 332

8 Al-Husain al-Dāmāghanī (1970), *op. cit.*, h. 185

9 Seperti kata-kata Allah: (فَأَيْنَ تَذْهَبُونَ) iaitu iktikad kamu di dalamnya. (*al-Takwīr* (81), ayat 26).

10 Seperti kata-kata Allah: (اذْهَبَآ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُۥ طَغَىٰ) . (*Tāha* (20), ayat 43)

11 Seperti kata-kata Allah: (إِنِّي ذَاهِبٌ إِلَىٰ رَبِّي سَيَهْدِينِ) (Surah *al-Sāffāt* (37), ayat 99)

12 Seperti kata-kata Allah: (إِذًا لَّذَهَبَ كُلُّ إِلَٰهٍۭ بِمَا خَلَقَ)(Surah *al-Mukminūn* (23), ayat 91)

13 Seperti kata-kata Allah: (فَٱذْهَبْ أَنتَ وَرَبُّكَ فَقَٰتِلَآ) (Surah *al-Māidah* (5), ayat 24)

14 Seperti kata-kata Allah:(أَذْهَبْتُمْ طَيِّبَٰتِكُمْ) (Surah *al-Ahqāf* (46), ayat 20)

15 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 175

16 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j.1, h. 448

17 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 593

AL-DHĀKIRĀT (الذَّاكِرَات)

Lafaz ini dalam bentuk *ism fā'il* bagi jamak *mu`annath*, jamak *mudhakkar*nya adalah *al-dhākirūn*. *Mufrad al-dhākirāt* ialah *al -dhākirah* (الذَّاكِرَة) dan *mufrad al-dhākirūn* ialah *al-dhākir*. Berasal daripada *al-dhikr* atau *dhakarahu-yadhkuruhu* (ذَكَرَهُ - يَذْكُرُهُ) yang bererti bercakap, berkata-kata tentangnya, menghadirkannya, mengingat, menghafal, dan sebagainya.[1]

Dhikr al-nikmah (ذِكْرُ النِّعْمَة) bermaksud menghadirkannya dalam ingatan bersamaan dengan melakukan perkara yang patut dengannya. *Dhikr* Allāh bermaksud menghadirkannya di dalam hati seiring dengan *tadabbur* dan diikuti oleh lisan ataupun tidak. Allāh *yadhkur 'abdah* (اللهُ يَذْكُرُ عَبْدَه) bererti Allah membalasnya dengan kebaikan dan memujinya di hadapan malaikat.[2]

Di dalam al-Quran, lafaz *al-dhikr* membawa beberapa maksud iaitu mengingat di dalam hati yang diikuti dengan *tafakkur* dan *tadabbur*, kisah dan percakapan, kitab yang diturunkan oleh Allah, seorang nabi yang membawa peringatan dan kemuliaan.[3]

Lafaz *al-dhākirāt* disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Ahzāb* (33), ayat 35. Manakala lafaz *al-dhākirīn* disebut dua kali iaitu dalam surah *Hūd* (11), ayat 114 dan surah *al-Ahzāb* (33), ayat 35. Allah berkata:

وَٱلذَّٰكِرِينَ ٱللَّهَ كَثِيرًا وَٱلذَّٰكِرَٰتِ أَعَدَّ ٱللَّهُ لَهُم مَّغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا

Dilaporkan oleh Abū Sa'īd daripada Nabi Muhammad beliau berkata, "Apabila seorang lelaki membangunkan isterinya pada waktu malam, lalu kedua-duanya solat dua rakaat, maka pada malam itu mereka tergolong daripada وَٱلذَّٰكِرِينَ ٱللَّهَ كَثِيرًا وَٱلذَّٰكِرَٰتِ iaitu orang yang banyak mengingati Allah daripada lelaki mahupun perempuan.[4]

Daripada Abū Hurairah katanya, "Pada suatu hari, Rasulullah bersiar-siar di lorong -lorong kota Makkah, lalu beliau naik ke atas tanah tinggi yang keras dan berkata, 'Berjalanlah kalian, *al-mufarradūn* (orang yang mengasingkan diri) sudah mendahului.' Para sahabat bertanya, 'Siapa gerangan *al -mufarradūn*? Rasulullah berkata, 'Mereka adalah وَٱلذَّٰكِرِينَ ٱللَّهَ كَثِيرًا وَٱلذَّٰكِرَٰتِ, lalu beliau berkata, 'Ya Allah, ampunkanlah orang yang mencukur rambutnya.' Mereka berkata, 'Dan orang yang memendekkan rambut?' Beliau berkata, 'Ya Allah, berilah keampunan kepada orang yang mencukur rambut mereka.' Mereka berkata, 'Dan orang yang memendekkan (rambut mereka)?' Beliau berkata, 'Dan orang yang memendekkan (rambutnya).'"[5]

Ada yang berpendapat yang dimaksudkan *al-dhākirīn* dan juga *al-dhākirāt* adalah orang yang berzikir pada setiap akhir solat, pagi dan petang, dalam keadaan bangun ataupun ketika hendak tidur.[6] Mujāhid berkata, "Tidak dikatakan orang yang 'banyak berzikir kepada Allah' sehingga ia mengingatinya dalam keadaan berdiri, duduk dan baring."[7]

Berdasarkan laporan dan pendapat di atas, maksud lafaz *al-dhākirāt* adalah wanita yang tidak leka mengingati Allah pada setiap masa.

1 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 483

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 437

3 *Ibid.*, h. 439

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 456

5 *Ibid.*

6 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 14, h. 180

7 *Ibid.*, h. 181

DHALŪL (ذَلُولٌ)

Dhalūl adalah *mufrad*, jamaknya *dhulul* (ذُلُلٌ). Berasal daripada kata *al-dhillah* atau *dhalla-yadhullu* (ذَلَّ - يَذُلُّ) yang bererti rendah, hina, tunduk, patuh, belas kasihan, mudah dan sebagainya.[1] Al-Husain b. Muhammad al-Dāmaghānī[2] mengatakan, asal lafaz ini dengan pelbagai perubahannya di dalam al-Quran mengandungi beberapa makna, iaitu sedikit,[3] tawaduk dan lemah lembut,[4] kehinaan,[5] terbentang dan tersedia,[6] terbelenggu,[7] yang menurut dan patuh,[8] *ka'ābah* atau kedukaan.[9]

Disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 71 dan surah *al-Mulk* (67), ayat 15. Lafaz *dhalūl* yang terdapat dalam kedua-dua ayat ini berbeza maksud mengikut subjek perbincangan.

1. Dalam surah *al-Baqarah*, lafaz *dhalūl* dikaitkan dengan *al-baqarah* iaitu lembu betina. Allah berkata,

إِنَّهَا بَقَرَةٌ لَّا ذَلُولٌ تُثِيرُ ٱلْأَرْضَ وَلَا تَسْقِى ٱلْحَرْثَ

Ibn Qutaibah berkata, *Dābbah dhalūl* ialah haiwan yang jinak. *Baqarah lā dhalūl* ialah lembu betina yang tidak jinak.[10] Dalam *Tafsir al-Sya'rāwī*, *al-baqarah al-dhalūl* ialah lembu betina yang sudah terlatih mengerjakan kewajipannya tanpa rasa susah. Dalam ayat ini, sifat pertama bagi lembu itu adalah ia tidak terlatih, tidak ada yang mengendalikannya dan tidak digunakan bagi bekerja, ia berkeliaran secara tabiat tanpa ada pengendalinya.[11] Dalam *Tafsir al-Misbāh*, maksud *"baqarah lā dhalūl* adalah lembu yang tidak jinak, maknanya belum pernah ada yang menuntun atau membebaninya dengan pekerjaan tertentu.[12]

Kesimpulannya, *dhalūl* bermaksud yang menurut dan jinak, manakala maksud *baqarah lā dhalūl* adalah lembu yang tidak jinak.

2. Dalam surah *al-Mulk*, lafaz *dhalūl* disandarkan kepada *al-ard* (bumi), Allah berkata:

هُوَ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ ذَلُولًا فَٱمْشُوا۟ فِى مَنَاكِبِهَا

Dalam *Safwah al-Tafāsīr*, *dhalūl* pada ayat ini bermakna lunak dan mudah dijadikan tempat berjalan.[13] Al-Zujjāj berkata, makna *dhalūl* adalah mudah, ertinya Allah menjadikan bumi satu kemudahan bagi kamu berjalan di bukitnya, apabila kamu boleh berjalan di atas bukitnya, ia lebih mudah daripadanya (berjalan).[14] Dalam *Tafsir al-Azhar*, *dhalūl* diertikan dengan rendah, maknanya bumi rendah di bawah kaki manusia atau di bawah pijakan manusia. Bagaimana tingginya gunung, apabila manusia mendakinya, namun puncak gunung itu terletak di

1 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 223, Ahmad Warson (1997), *op. cit.*, h. 450

2 Al-Dāmaghānī, (1970), *op. cit.*, h. 184

3 (وَلَقَدْ نَصَرَكُمُ ٱللَّهُ بِبَدْرٍ وَأَنتُمْ أَذِلَّةٌ) (Surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 123)

4 (وَٱخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ ٱلذُّلِّ مِنَ ٱلرَّحْمَةِ) (Surah *al-Isrāk* (17), ayat 24)

5 (وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ ٱلذِّلَّةُ) (Surah *al-Baqarah* (2), ayat 61).

6 (فَٱسْلُكِى سُبُلَ رَبِّكِ ذُلُلًا) (Surah *al-Nahl* (16), ayat 69)

7 (وَلَنُخْرِجَنَّهُمْ مِّنْهَآ أَذِلَّةً) (Surah *al-Naml* (27), ayat 37).

8 (لَّا ذَلُولٌ تُثِيرُ ٱلْأَرْضَ وَلَا تَسْقِى ٱلْحَرْثَ) (Surah *al-Baqarah* (2), ayat 71)

9 (خَٰشِعَةً أَبْصَٰرُهُمْ تَرْهَقُهُمْ ذِلَّةٌ) (Surah *al-Qalam* (68), ayat 43)

10 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 54

11 Al-Sya'rāwī (1991), *op. cit.*, j. 1, h. 396

12 M. Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, j. 1, h. 217

13 Muhammad 'Alī al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 418

14 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 568

bawah kaki manusia juga.[1]

Kesimpulannya, maksud *dhalūl* dalam ayat ini membawa maksud **bumi yang rendah dan mudah dijadikan tempat berjalan.**

DHANŪB (ذَنُوبٌ)

Lafaz ini dalam bentuk mufrad, jamaknya adalah *adhnibah* (أَذْنِبَةٌ)dan *dhanānīb* (ذَنَانِيبُ), mengandungi makna baldi yang penuh dan berisi, bahagian dan nasib, ekor yang panjang. Dalam *Kamus al-Munjid* ia juga bermakna daging punggung,[2] kubur.[3] *Dhanūb min al-khayl* (ذَنُوبٌ مِنَ ٱلْخَيْلِ) bermakna kuda yang lebat ekornya.[4] *Dalw dhanūb* (ذَنُوبٌ دَلْوٌ) bererti baldi yang memiliki alat pemegang.[5] *Yaum dhanūb* (ذَنُوبٌ يَوْمٌ) membawa maksud hari yang penuh dengan kejahatan dan panjang.[6]

Disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Dhāriyāt*, surah yang ke 51, ayat 59. Allah berkata, (فَإِنَّ لِلَّذِينَ ظَلَمُوا ذَنُوبًا مِّثْلَ ذَنُوبِ أَصْحَابِهِمْ) . Terdapat beberapa maksud bagi lafaz *dhanūb*. Daripada Ibn 'Abbās dan al-Hasan, lafaz *dhanūb* bermaksud *al-dalw* iaitu bejana.[7] Daripada mereka juga dan Qatādah, makna *dhanūb* adalah *'adhāb* yang bererti seksaan, tafsirannya "Dikatakan kepada orang yang berbuat kezaliman dan kekufuran bagi mereka seksaan seperti seksaan orang terdahulu".[8]

Daripada Sa'īd b Jubair, *dhanūb* bermakna *sijlan* (سِجْلًا) iaitu sebahagian daripada seksaan dan azab.[9] Seperti pendapat Mujāhid dan Qatādah.[10] Al-Tabarī berkata, makna ayat itu, sesungguhnya bagi orang yang melakukan kezaliman balasan dan bahagian daripada seksaan Allah yang menimpa mereka seperti nasib orang yang terdahulu.[11]

Kesimpulannya, maksud daripada lafaz *dhanūb* sebagaimana yang dibentangkan di atas adalah *āl-'āḍhāb* (الذَّهَاب), *āl-sijil* (السِجْل), *āl-ḍālw* (الدَّلْو) dan kesemuanya bermakna satu iaitu **balasan dan seksaan** atau sebahagian daripada **seksaan Allah.**

AL-DHĀRIYĀT (الذَّارِيَاتُ)

Lafaz ini adalah jamak, mufradnya *al-dhāriyah*, berasal daripada kata *al-dharw* (الذَّرْوُ) atau daripada *dharat al-rīh al-syay'* (ذَرَتِ الرِّيحُ الشَّيءَ) yang bermaksud, apabila angin menerbangkannya, menerpanya dan menghilangkannya.[12] Al-Yazīdī mengatakan, *al-dhāriyāt* ialah *al-riyāh* iaitu angin.[13]

Disebutkan sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah yang ke 51, surah *al-Dhāriyat*,

1 HAMKA (1984), *op. cit.*, j. 29, h. 19

2 Pantat dalam *Kamus Dewan* bermakna dubur, punggung atau bahagian benda yang di sebelah bawah sekali. Noresah bt. Baharom *et al* (eds.) (2000), *op. cit.*, h. 876

3 Ma`lūf (1975), *op. cit.*, h. 239, Ahmad Warson (1997), *op. cit.*, h. 453

4 *Ibid.*

5 *Ibid.*

6 *Majma' al-Lughah al'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 447, 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 487

7 Ibn Jarīr al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 13, h. 19, athar no. 24985 dan 24987

8 Ibid, athar no. 24985 dan 24990

9 *Ibid*, athar no. 24986

10 *Ibid*, athar no. 24988 dan 24989

11 *Ibid.*

12 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 436, al-Isfahānī (1985), *op. cit.*, h. 327.

13 Al-Yazīdī (1985), *op. cit.*, h. 51

ayat 1. Allah berkata, (الذَّارِيَاتِ ذَرْوًا).

Al-Khāzin dan al-Nasafī berpendapat, maksud *al-dhāriyāt* ialah angin yang menerbangkan dan menerpa debu.[1] Al-Nasafī menjelaskan, *al-dhāriyāt* boleh jadi membawa maksud angin yang menerbangkan debu dan yang lainnya atau wanita yang melahirkan kerana mereka melahirkan anak atau sebab menghamburkan dan menerbangkan makhluk yang dilakukan oleh malaikat.[2] Begitu juga dengan pendapat al-Syaukānī, yang menyatakan *al-dhāriyāt* adalah angin yang menghamburkan debu, maksudnya Allah bersumpah dengan angin yang menghamburkan debu.[3]

Kesimpulannya maksud lafaz *al-dhāriyāt* ialah **angin yang menghamburkan debu-debu.**

DHAWĀTAY - DHAWĀTĀ
(ذَوَاتَـي)-(ذَوَاتَـا)

Lafaz ini dalam bentuk *muthannā mu'annath*, *mufradah*nya *dhāt* (ذَاتَ) dan jamaknya *dhawāt* (ذَوَاتٌ). *Dhāt* (ذَاتَ) digunakan bagi waktu, arah[4] dan keadaan[5] serta *sāhibah* (yang empunya).[6] *Mudhakkar* bagi *dhāt* (ذَاتَ) adalah *dhū* (ذُو), *muthannā*nya *dhawā* (ذَوَا) dan jamaknya *dhawū* (ذَوُو).

Al-Zarkasyī berkata,[7] ia bermakna *sāhib*[8] atau yang empunya atau yang memiliki, seperti ayat (ذُو الْعَرْشِ الْمَجِيدُ).[9] Lafaz *dhū* memiliki dua fungsi. **Pertama**, digunakan bagi dihubungkan kepada sifat seseorang dengan nama-nama jenis, disandarkan *(iḍāfah)* kepada yang zahir dan bukan kepada *ḍamīr* (kata ganti), tidak digunakan kecuali dalam keadaan *mudāf* (sandaran), berfungsi bagi penjelasan dan pengkhususan seperti ayat[10] (وَلَكِنَّ اللَّهَ ذُو فَضْلٍ).[11]

Kedua, *dhū* mengikut bahasa Tayy (طي) digunakan bagi makna penghubung seperti lafaz *allādhī* (الذِي) (penghubung) seperti syair (وَ بِئْرِي ذُو حَفَرْتُ وَ ذُو طَوَيْتُ - فَإِنَّ الْمَاءَ مَاءُ أَبِي وَ جَدِّي) . *Dhū* pada bait ini bermaksud الَّذِي yang

1 Hilmī (1979), *op. cit.*, j. 6, h. 73

2 *Ibid.*

3 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 101

4 Seperti firman Allah: وَنُقَلِّبُهُمْ ذَاتَ الْيَمِينِ وَ ذَاتَ الشِّمَالِ, (Surah *al-Kahfi*: 18/18) (*Dhāt al-Yamīn dan Dhāt al-Syimāl*) bermaksud "sebelah kanan dan sebelah kiri."

5 Seperti firman Allah: (وَ أَصْلِحُوا ذَاتَ بَيْنِكُمْ) (Surah *al-Anfāl*: 8/1) (*dhāt baynikum*) maknanya keadaan di antara kamu.

6 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j.1, h. 450

7 Badr al-Dīn Muhammad b 'Abdullāh al-Zarkasyī (t.t), *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur`ān*, j. 4, Kaherah: Dār al-Turath, h. 277

8 Al-Suhailī berkata; namun lafaz *dhū* lebih fasih dan lebih tinggi (kedudukannya) berbanding lafaz *sāhib* (صاحب), kerana *dhū* disandarkan kepada *al-tābi'* (yang mengikuti) sedangkan *sāhib* disandarkan kepada *al-matbū'* (yang diikuti). Oleh itu anda akan berkata: Abū Hurairah *sāhib* (sahabat) Nabi Muhammad. tetapi anda tidak boleh berkata: Nabi Muhammad *sāhib* Abū Hurairah. Manakala *dhū*, maka engkau akan berkata: *dhū al-māl* (memiliki banyak harta), *dhū al-'Arsy* (Yang memiliki kerajaan), di sini anda mendapati *ism* diikuti dan bukan yang mengikuti. Lagipun penggunaan lafaz *dhū* merupakan isyarat kemuliaan bagi sesuatu. Perbezaan ini dijelaskan di dalam al-Quran. Dalam surah al-Anbiyāk (21), ayat 87 berbunyi (وَ ذَاالنُّونِ), iaitu ia disandarkan *(iḍāfah)* kepada *al-nūn* yang bermakna *al-hūt*. Dalam surah *al-Qalam* (68), ayat 48 berbunyi (وَلَا تَكُنْ كَصَاحِبِ الْحُوتِ). Kedua-dua ayat itu bermakna satu, namun di antara kedua lafaz itu wujud perbezaan yang jelas. Ketika penyebutannya pada kedudukan 'pujian' maka digunakan lafaz *'dhū'* kerana sandaran kepadanya lebih mulia. sebab penyandarannya kepada lafaz *'nūn'* kerana lafaz ini lebih mulia dan tinggi kedudukannya berbanding lafaz *al-hūt* kerana nama *'nūn'* berada pada awal surah. Disebabkan lafaz *al-hūt* tidak wujud yang dimuliakannya maka ia didatangkan dengannya dan dengan lafaz *sāhib* iaitu tatkala penyebutannya pada larangan bagi mengikutinya.. Al-Zarkasyī (t.t), *op. cit.*, h. 279, Jalāl al-Dīn al-Sayūtī (1996), j. 2, h. 473

9 Surah *al-Burūj* (85), ayat 15, *dhū al-arsy* maksudnya: "Yang memiliki arasy yang mulia."

10 Surah al-Baqarah (2), ayat 251. *dhū fadl* bermaksud yang memiliki kemuliaan.

11 Al-Sayūtī (1996), *op. cit.*, j. 2, h. 473, al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 333

bermakna 'yang'.[1] Lafaz *dhū* juga digunakan bagi gelaran para nabi dan seseorang seperti *dhū al-qarnayn* (ذُو ٱلْقَرْنَيْنِ), *dhū al -kifl* (ذُو ٱلْكِفْلِ), *dhū al-nūn* (ذُو النُّونِ) dan sebagainya.[2]

Lafaz *dhawātay* atau *dhawātā* iaitu yang berbentuk *muthannā mu`annath* disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Sabak*, surah yang ke 34, ayat 16, Allah berkata, (وَبَدَّلْنَٰهُم بِجَنَّتَيْهِمْ جَنَّتَيْنِ ذَوَاتَيْ أُكُلٍ خَمْطٍ). Manakala *dhawātā* disebut sekali juga iaitu dalam surah *al-Rahmān* (55), ayat 48, Allah berkata, (ذَوَاتَآ أَفْنَانٍ). Sedangkan lafaz *dhū* dan *dhā* dan dhī yang berbentuk *mufrad mudhakkar* disebut 75 kali. Lafaz *dhawā* iaitu dalam bentuk *muthannā mudhakkar* disebut tiga kali. Dan lafaz *dhāt* iaitu dalam bentuk *mufradah (mufrad mu`annath)* disebut 30 kali.

Kedua-dua lafaz *dhawātay* ataupun *dhawātā* membawa maksud *sāhibah* iaitu yang empunya. Ayat جَنَّتَيْنِ ذَوَاتَيْ أُكُلٍ خَمْطٍ *(jannatayn dhawātay ukul khamt)* bermaksud dua kebun yang mempunyai buah yang pahit. Sedangkan ayat ذَوَاتَآ أَفْنَانٍ *(dhawātā afnān)* bermakna dua kebun (syurga) yang memiliki dahan-dahan.

DHIBH (ذِبْحٌ)

Lafaz ini *ism* bagi sesuatu berasal daripada kata *dhabaha-yadhbahu* (ذَبَحَ - يَذْبَحُ) yang bererti menyembelih. *Dhabaha sadīqahu* (ذَبَحَ صَدِيقَهُ) bermakna dia memuji temannya. Oleh itu, dalam perumpamaan, *"al-madh al-dhabh"* (المَدْحُ الذَّبْحُ) yang bermaksud "pujian adalah penyembelihan".[3] Dalam *Kamus al-Munjid*, *al-dhibh* adalah sesuatu yang disembelih ataupun *al-qatīl* (القَتِيلُ) bermaksud yang dibunuh.[4]

Makna *al-dhibh*, *al-dhabīh* atau *al-dhabīhah* adalah sinonim iaitu haiwan yang disembelih.[5] *Al-dhibhah, al-dhubahah, al-dhibahah, al-dhubhah, al-dhibāh, al-dhubbāh* dan *al-dhubāh* dalam ilmu kedoktoran bermaksud kesakitan di leher seperti ia menyembelih.[6]

Lafaz *al-dhibh* disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Sāffāt* (37), ayat 107. Allah berkata, (وَفَدَيْنَٰهُ بِذِبْحٍ عَظِيمٍ). Terdapat beberapa pendapat mengenai maksud *al-dhibh* iaitu:

- Imam 'Ali, Ibn 'Abbās, Mujāhid, Ibn Zayd, al-Dahhāk berpendapat, maksud *al-dhibh* adalah *al-kibasy* iaitu biri-biri jantan.[7] Dalam *Kamus Dewan* ditulis dengan kibas, iaitu kambing biri-biri di negeri Arab.[8] Mengikut rekod Imam 'Alī ia berwarna putih, tanduknya terikat di sebuah pokok Samurah di salah satu Bukit Thabīr.[9]
- Berdasarkan rekod Ibn 'Abbās, biri-biri itu adalah biri-biri yang dijadikan korban oleh anak Adam sebagai tanda ketaatan dan diterima oleh Allah.[10] Sa'īd

1 Al-Isfahānī (1996), *op. cit.*, h. 333, syair ini ditulis oleh Sinān b Fahl al-Tā`i, maksudnya; "dan perigiku aku yang menggalinya dan yang membinanya dengan batu, kerana sesungguhnya air di dalamnya adalah kepunyaan ayah dan datukku".

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 449

3 'Āyid et al (t.t), op. cit., h. 478

4 Ma`lūf (1975), *op. cit.*, 233

5 Anīs et al (t.t) *op. cit.*, h. 309

6 Ma`lūf (1975), *loc. cit.*

7 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 12, h. 103-104

8 Noresah binti Baharom *et al.* (eds.) (2002), *op. cit.*, h. 677

9 Ibn Jarīr al-Tabarī (1995), *loc. cit.*, athar no. 22649

10 *Ibid.*, athar no. 22651

bin Jubair melaporkan biri-biri itu dipelihara selama 40 di dalam syurga, berwarna putih yang bercampur dengan hitam dan bulunya seperti bulu keldai.[1] Hasan al-Basrī melaporkan nama biri -biri Nabi Ibrāhīm adalah Jurair.[2]

- Salah satu pendapat Mujāhid, *al-dhibh* adalah *syāh* (شَاة) iaitu kambing.[3]
- Dilaporkan oleh Abū Sālih daripada Ibn 'Abbās, *al-dhibh* adalah kambing hutan atau *wa'il*.[4] Ibn Kathīr berkata, kesimpulannya majoriti ulama men tafsirkan lafaz *dhibh* ialah *kibasy* atau biri-biri.[5] Manakala sifatnya menurut Ibn Jarīr adalah umum dan Allah tidak mengkhususkan sifatnya.[6]

ذ

DHIMMAH (ذِمَّة)

Ism mufrad, jamaknya *dhimam*, berasal daripada kata *al-dhamm* atau *dhamma-yadhummu* (ذَمَّ - يَذُمُّ) yang bererti mencela dan mengecam. *Al-Dhimmah* mengandungi makna perjanjian, perlindungan, hak dan kehormatan dan setiap perkara memastikan anda akan dicela apabila mensia-siakannya.[7] Ia juga bermakna hutang, hati, suara hati dan pesta perkahwinan.[8]

Dalam *Mu'jam Alfāz al-Qurān*, dinamakan *dhimmah* kerana menghilangkan hak perlindungannya akan dikecam dan dicela. Daripadanya lafaz *al-dhimmī* atau *zimmi* iaitu orang kafir yang tunduk (patuh) kepada pemerintah Islam seperti dengan membayar cukai.[9]

Lafaz *dhimmah* disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 8 dan 10. Allah berkata, (لَا يَرْقُبُوا فِيكُمْ إِلًّا وَلَا ذِمَّةً). Al-Yazīdī berpendapat, lafaz *dhimmah* membawa maksud *al-amān* atau perlindungan dan daripadanya yang dilindungi dinamakan *dhimmī* kerana ia diberi jaminan dan perlindungan.[10] Al-Baidāwī berkata, *al -dhimmah* mengandungi tiga maksud:[11]

- Ibn 'Abbās, Sa'īd bin Jubyar, Qatādah dan al-Dahhāk, lafaz *al-dhimmah* ber makna *al-'ahd* (العَهْدُ) iaitu perjanjian.
- Pendapat Abū 'Ubaidah, *al-dhimmah* bermaksud *al-tadhummum* iaitu celaan dan kecaman bagi yang tidak menepati janjinya.
- Ia bermakna *al-amān* iaitu perlindungan dan keamanan, sebagaimana pendapat al-Yazīdī, bersandarkan hadis (وَيَسْعَى بِذِمَّتِهِم أَدْنَاهُم) (dan berusaha dengan memberikan perlindungan dan keamanan kepada yang berada di bawah mereka).

Dalam *Tafsīr al-Marāghī*, *al-dhimmah* dan *al-dhimām* bermakna perjanjian yang pasti mendapat celaan dan kecaman bagi yang melanggar dan tidak memeliharanya. Pelanggaran dan tidak menepati janji mengikut mereka adalah tercela. Tidak wujud perlindungan bagi orang yang memiliki janji tetapi melanggarnya. Oleh itu, orang musyrik tidak ada dalam diri mereka sifat menepati

1 *Ibid.*, athar no. 22655
2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 15
3 Al-Tabarī (1995), *loc. cit.*, athar no. 22657
4 *Ibid.*
5 Ibn Kathīr (1998), *loc. cit.*, h. 16
6 Ibn Jarīr (1995), *loc. cit.*
7 'Āyid et al (t.t), *op. cit.*, h. 486
8 Ahmad Warson (1997), *op. cit.*, h. 452
9 Noresah binti Baharom *et al* (eds.) (2000), *op. cit.*, h. 1558
10 Al-Yazīdī (1985), *op. cit.*, h. 161
11 Al-Jawzī (1965), *op. cit.*, j. 3, h. 402

janji kerana kebencian dan kesungguhan permusuhan mereka terhadap orang mukmin sama ada dalam jangka masa yang pendek atau panjang.[1]

Kesimpulannya, *al-dhimmah* seperti yang disebut di dalam al-Quran membawa maksud **perjanjian** dan **perlindungan**.

DHIRĀ' (ذِرَاعٌ)

Lafaz ini dalam bentuk *mufrad,* jamaknya *adhru'*, digunakan bagi *mu'annath* dan *mudhakkar*,[2] berasal daripada kata *dhara'a -yadhra'u*(ذَرَعَ - يَذْرَعُ), *dhara'a al-thawb* (ذَرَعَ الثَّوْبُ)bermaksud mengukur dengan *dhira'* bagi mengetahui panjangnya, *dhara'a al-sā'ir al-tarīq* (ذَرَعَ السَّائِرُ الطَّرِيْقَ) ertinya melangkah, dan *al-dhar'* (الذَّرْعُ) bermakna muntah.[3] *Dhar'u al-bāīr* dan *al-fars* adalah lengan unta atau kuda. *Dhara'a al-ba'īra* bererti memukul lengan unta.[4]

Al-Rāghib berkata; *dhirā'* adalah anggota tubuh yang dikenali atau lengan dan diibaratkan dengan sesuatu yang disentuh. *Dhirā' al-asad* bermakna nama bintang yang diumpamakan dengan lengan haiwan. Ungkapan *anta 'alā habl dhirā'* (أَنْتَ عَلَى حَبْلٍ ذِرَاعٍ) bermaksud engkau datang mendekat.[5]

Dari sini, makna *dhirā'* terdiri daripada dua. Pertama, bermakna lengan iaitu dari siku hingga hujung jari. Kedua, alat pengukur yang panjangnya kira-kira 55 dan 80 cm mengikut negeri atau disebut juga dengan hasta (kira-kira 18 inci) 6 atau ¼ depa atau 45.72 sentimeter.[7]

Al-dhar'u (الذَّرْعُ) adalah *maṣdar* daripada asal kata di atas mengandungi beberapa makna iaitu pembentangan telapak tangan, jarak, panjang dan sebagainya.[8] *Abtartu fulān dhar'ah* (أَبْطَرْتُ فُلَانًا ذَرْعَهُ) bermaksud aku membebaninya melebihi kemampuannya.[9] *Dā'qa bi al-amr dhar'ā* (ضَاقَ بِالْأَمْرِ ذَرْعًا) membawa maksud dia tidak mampu atas perkara itu. [10]

Lafaz *dhirā'* disebut sekali iaitu dalam surah *al-Hāqqah* (69), ayat 32. Manakala *dhirā'ay* iaitu dalam bentuk *muthannā* disebut sekali juga iaitu dalam surah *al-Kahfi* (18), ayat 18. Adapun dalam bentuk *maṣdar* atau *al-dhar'u* (الذَّرْعُ) disebut tiga kali iaitu dalam surah *Hūd* (11), ayat 77; surah *al-Ankabūt* (29), ayat 33 dan surah *al-Hāqqah* (69), ayat 32. Allah berkata, (فِي سِلْسِلَةٍ ذَرْعُهَا سَبْعُونَ ذِرَاعًا فَاسْلُكُوهُ). Lafaz *dhirā'* dalam ayat ini dikaitkan dengan *sab'ūn* سَبْعُونَ iaitu tujuh puluh.

Dilaporkan daripada Nusir bin Da'lawaq, saya mendengar Nauf berkata, setiap *dhirā'* adalah 70 *al-bā'* dan *al-bā'* jaraknya lebih jauh antara Makkah dan Madinah.[11] Al-Nasafī berkata, *dhirā'* panjangnya sama dengan lengan malaikat.[12] Ibn Juraij berkata, tidak ada yang mengetahui jarak dan panjangnya (rantai itu) melainkan Allah.[13] Al-Dahhāk berkata, ayat di atas bermakna 'memasukkan

1 Al-Marāghī (1974), *op. cit.*, j. 10, h. 62-63

2 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 221

3 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 480

4 Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 310

5 'Āyid *et al* (t.t), *loc. cit.*,

6 Ahmad Warson (1997), op. cit., hlm. 445

7 Noresah binti Baharom (eds.) (2000), *op. cit.*, h. 445

8 Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*

9 Ahmad Warson (1997), *op. cit.*

10 *Ibid.*

11 Ibn Jarīr al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 14, h. 78, athar no. 26996

12 Sa'īd Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 11, h. 6113

13 *Ibid.*

rantai dari mulut dan keluar dari duburnya'.[1] Al-'Ūfī melaporkan daripada Ibn 'Abbās, memasukkan rantai ke duburnya hingga keluar dari tekaknya sehingga tidak dapat berdiri dengan kedua kakinya.[2]

Kesimpulannya, lafaz *dhirā'* yang ter dapat pada ayat ini mengisyaratkan jarak dan panjangnya rantai. Mengikut zahir ayat, rantai itu ukurannya 70 hasta. Namun, panjang dan jaraknya hanya Allah sahaja yang mengetahui.

1 Ibn Jarīr al-T)abarī (1995), *loc. cit.*

2 Sa'īd Hawwā (1999), *loc. cit.*



حرف الراء

R



RA`FAH (رَأْفَةٌ)

Lafaz ini adalah *masdar* daripada *ra`afa -yar`afu* (رَأَفَ-يَرْأَفُ) bererti mengasihi dan menaruh belas kasihan. Al-Rāzī berkata, makna *ra`fah* ialah amat mengasihi *(asyadd al-rahmah)*.[1] Daripadanya wujud lafaz *ra`ūf* (رُؤُوفٌ) iaitu salah satu daripada nama-nama Allah seperti ayat[2] (إِنَّ ٱللَّهَ بِٱلنَّاسِ لَرَءُوفٌ رَّحِيمٌ), maksudnya "Allah tidak menginginkan kamu mendapat kesusahan dan kepayahan[3] disebabkan kasih yang melimpah kepada kamu."

Lafaz *ra`fah* disebut dua kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Nūr* (24), ayat 2 dan surah *al-Hadīd* (57), ayat 27. Allah menyatakan, (وَلَا تَأْخُذْكُم بِهِمَا رَأْفَةٌ فِى دِينِ ٱللَّهِ) dan (وَجَعَلْنَا فِى قُلُوبِ ٱلَّذِينَ ٱتَّبَعُوهُ رَأْفَةً وَرَحْمَةً). Dalam *Mu'jam Alfāz al-Qurān*, *ra`fah* daripada Allah membawa maksud menolak kejahatan.[4] Perbincangan dalam kedua-dua ayat di atas adalah berbeza. Pertama, berkenaan lelaki dan wanita yang berzina. Kedua, berkaitan orang yang mengikuti kitab Injil yang diturunkan oleh Allah.

Ibn Jarīr menyimpulkan, Islam menjatuhkan hukuman kepada lelaki dan perempuan yang berzina. Arahan ini adalah sebatan ke atas mereka dengan seratus sebatan dan ayat (وَلَا تَأْخُذْكُم بِهِمَا رَأْفَةٌ) bermakna "Dan jangan menaruh belas kasihan walaupun sekali."[5]

Mengikut bahasa Arab, lafaz *ra`fah* mengandungi dua sebutan iaitu *al-ra`fah* dan *al-ra`āfah* seperti *al-ka`abah* dan *al-ka`ābah*. *Al-ra`fah* bererti menaruh belas kasihan.[6] Manakala dalam ayat kedua, Allah memasukkan *ra`fah* iaitu kasih sayang dalam hati mereka yang mengamalkan kitab Injil dengan melakukan kebaikan dan men jauhkan daripada menyakiti manusia.

Al-Qurtubī mengungkapkan, *ra`fah* mengandungi maksud *al-līn* iaitu kelembutan, meringankan kesusahan dan rahmat yang melimpah.[7] Daripada makna ini, maksud ayat dalam surah *al-Hadīd* adalah, "Kami akan menjadikan hati orang yang mengikuti ajaran dan agama Nabi 'Isa iaitu para ulamanya dan pengikut mereka kasih sayang antara satu sama lain.

Hal ini adalah isyarat melalui kitab Injil. Mereka diseru supaya berbuat baik dan meninggalkan perkara yang menyakiti manusia. Lalu, mereka berbuat demikian. Oleh itu, Allah melembutkan hati mereka.[8] Sedangkan maksud daripada surah al-Nūr adalah "Janganlah kamu enggan me laksanakan hukum hudud kerana simpati dan kelembutan kamu terhadapnya dan jangan pula meringankan hukuman itu sehingga tidak membuatnya sakit.[9]

Kesimpulannya, lafaz *ra`fah* pada kedua -dua ayat di atas berbeza makna. Dalam surah *al-Nūr*, lafaz *ra`fah* didahului dengan *"lā ta`khudhū"* yang bererti jangan menaruh simpati dan belas kesihan. Manakala makna *ra`fah* pada surah *al-Hadīd* adalah kasih sayang dan kelembutan.

1 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 226

2 Surah al-Baqarah (2): 143.

3 Al-Sya'rāwī (1991), *op. cit.*, j. 1, h. 629

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 454.

5 Mengikut pentafsiran ulama, (وَلَا تَأْخُذْكُم بِهِمَا رَأْفَةٌ) membawa maksud harus dikenakan hukuman seperti menyebat, memukul dengan kuat tetapi tidak dibunuh sepertimana pendapat Mujāhid, Ibn Juraij, 'Atā` Ibn Zaid dan lainnya. Ibn Jarīr al-Tabari (1995), *op. cit.*, j. 10, h. 88-89

6 Ibn Jarīr al-Tabarī (1995), *loc. cit.*, h. 90.

7 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 17, h. 252

8 *Ibid.*

9 *Ibid.*, j. 11, h. 171. Abū Hurairah berkata, "Melaksanakan hudud di satu negeri lebih baik bagi penduduknya daripada turunnya hujan selama 40 malam."

RĀBIYAH (رَابِيَةٌ)

Lafaz ini dalam bentuk *ism fā'il mufrad* dan *mu`annath*, jamaknya adalah *rawāb* (الرَّوَابُ), *mudhakkar* baginya *rābiyā* (رَابِيًا). Berasal daripada kata *rabā-yarbū* (رَبِي-يَرْبُو) yang bererti berkembang dan bertambah, tinggi dan naik.[1] *Masdar*nya adalah *rabwah* (الرَّبْوَةُ). Daripadanya lahir lafaz *al-ribā* (الرِّبَا)atau *riba* yang bermakna bunga wang.[2] Lafaz *rābiyah* bermaksud yang semakin bertambah, anak bukit atau *rabwah*.[3]

Lafaz *rābiyah* disebut sekali iaitu dalam surah *al-Hāqqah* (69), ayat 10. Manakala *rābiyā*[4] disebut sekali juga iaitu dalam surah *al-Ra`d* (13), ayat 17. Lafaz *rābiyā* dikaitkan dengan lafaz *zabad* yang bererti buih. Ayat (زَبَدًا رَابِيًا) membawa maksud buih yang semakin bertambah yang muncul di permukaan air. Al-Tabarī berkata, "Ini adalah perumpamaan Allah bagi kebenaran dan kebatilan, keimanan dan kekufuran. Ibarat air yang Allah turunkan dari langit ke bumi. Yang benar adalah air yang menyerap ke dalam tanah dan bermanfaat, sedangkan buih yang tidak dapat digunakan seperti kebatilan.

Lafaz *rabwah*[5] disebut dua kali iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 265 dan surah *al-Mukminūn* (23), ayat 50. Manakala lafaz *ribā* disebut lapan kali. Allah menyatakan, (فَعَصَوْا رَسُولَ رَبِّهِمْ فَأَخَذَهُمْ أَخْذَةً رَابِيَةً).

Lafaz *rābiyah* dikaitkan dengan lafaz *akhdhah* (أَخْذَةً) yang bermaksud seksaan. Mujāhid berkata, أَخْذَةً رَابِيَةً bermaksud seksaan yang mengerikan.[6] Al-Suddī berpendapat, ia bermaksud seksaan yang membinasakan.[7] Ibn Kathīr menyatakan, ia adalah seksaan yang dahsyat, kuat dan memeritkan.[8] Mengikut pendapat al-Syawkānī, seksaan itu naik dan bertambah ke atas seksaan-seksaan umat terdahulu iaitu seksaan yang berlipat ganda.[9] Al-Zamakhsyarī menjelaskan, seksaan itu semakin bertambah mengikut bertambahnya kejahatan dan kekufuran mereka.[10]

Kesimpulannya, lafaz *rābiyah* pada ayat di atas dikaitkan dengan *akhdhah*. Rangkaian lafaz ini iaitu *akhdhah rābiyah* membawa maksud seksaan yang semakin bertambah dan berlipat ganda.

AL-RĀJIFAH (الرَّاجِفَةُ)

Lafaz ini dalam bentuk *ism fā'il* berasal daripada *al-rajfah* atau *rajafa-yarjufu* (رَجَفَ-يَرْجُفُ) yang bermaksud bergerak dan

1 'Āyid et al (t.t), *op. cit.*, h. 502, Anīs (t.t), *op. cit.*, h. 326

2 Noresah binti Baharom *et al* (eds.) (2000), op. cit., h. 1137

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 470. Lafaz *rabwah* lebih umum maknanya kerana ia mengandungi makna kumpulan, kelompok, satu juta atau sepuluh ribu. Ahmad Warson (1997), *op. cit.*, h. 469

4 Muhammad 'Alī al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 79

5 Lafaz *rabwah* dalam surah al-Baqarah dikaitkan dengan *jannah* iaitu kebun dan *jannah rabwah* bermaksud kebun yang berada di dataran tinggi. Kedudukannya di dataran tinggi menjadikan pepohonan di kebun itu dapat menerima benih yang dibawa oleh angin yang mengahwinkan tumbuh-tumbuhan tanpa halangan serta tidak terpengaruh dengan air yang berada di dataran rendah, yang boleh merosakkan akar tanaman sehingga tidak dapat tumbuh subur. M. Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, j. 1, h. 536. Manakala dalam surah al-Mukminūn, lafaz *rabwah* mencakupi beberapa pendapat. Ibn 'Abbās, Mujāhid berpendapat, ia bermaksud sungai-sungai Damsyik dan sekitarnya. Laporan daripada Abū Hurairah, ia bermaksud tanah pasir di Palestin. Ibn Kathīr berkata, pendapat yang paling tepat adalah Bait al-Muqaddas sebagaimana yang dilaporkan oleh al-'Ūfī daripada Ibn 'Abbās, al-Dahhak dan Qatādah. Bersandarkan kepada ayat Allah (قَدْ جَعَلَ رَبُّكِ تَحْتَكِ سَرِيًّا). (Surah *Maryam* (19), ayat 24).

6 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 373

7 *Ibid.*

8 *Ibid.*

9 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 349

10 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 588

bergoncang dengan sangat kuat. *Rajafa fulān* (رَجَفَ فُلَانٌ) bererti tidak tenang disebabkan takut berulang apa yang dialaminya. *Rajafa yadahu* (رَجَفَ يَدَهُ) bermaksud tangannya gementar kerana sakit. *Rajafat al-arḍ* (رَجَفَتِ الأَرْضُ) ertinya gempa.[1]

Dalam *Mu'jam Alfāz al-Quran*, lafaz *al-rājifah* dengan banyak perubahan di dalam al-Quran mengandungi beberapa makna iaitu bergoncang, sekali goncangan, hari kiamat yang menggoncangkan semua perkara, menyebarkan fitnah dan berita-berita buruk. Daripadanya lafaz *murjif* dan jamaknya *al-murjifūn* yang bermaksud orang yang menyebarkan berita-berita buruk bagi menggemparkan dan menjadikan mereka hura-hara.[2]

Lafaz *al-rājifah* disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Nāzi'āt* (79), ayat 6. Manakala *al-rajfah* disebut empat kali iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 78, 91, 155 dan surah *al-Ankabūt* (29), ayat 37. *Al-murjifūn* disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Ahzāb* (33), ayat 60.

Allah menyebut (يَوْمَ تَرْجُفُ الرَّاجِفَةُ). Ibn 'Abbās, al-Hasan, Qatādah dan al-Dahhāk berpendapat, *al-rājifah* adalah tiupan pertama yang mematikan semua makhluk dengan izin Allah.[3] Al-Hasan menjelaskan, Allah menyebut:

وَنُفِخَ فِي ٱلصُّورِ فَصَعِقَ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَن فِي ٱلْأَرْضِ إِلَّا مَن شَآءَ ٱللَّهُ

"Dan sudah tentu akan ditiup sangkakala, maka pada waktu itu matilah makhluk-makhluk yang ada di langit dan yang ada di bumi kecuali sesiapa yang dikehendaki oleh Allah".[4] Mujāhid berkata, (يَوْمَ تَرْجُفُ الرَّاجِفَةُ) bermaksud hari bumi dan gunung digoncangkan.[5]

Kesimpulannya, kedua-dua pendapat ini benar kerana ia adalah tanda bermulanya hari kiamat. Al-Syawkānī mengatakan, *al-rājifah* bermaksud tiupan dahsyat yang meng goncangkan segala sesuatu seperti suara petir iaitu tiupan pertama yang mematikan seluruh makhluk.[6]

Al-RAQĪM (الـرَّقيم)

Al-raqīm dalam bentuk *fā'il* yang bermakna *maf'ūl* atau *marqūm* (مَرْقُومٌ). Berasal daripada kata *raqama-yarqumu* (رَقَمَ-يَرْقُمُ) yang bermaksud menulis. *Raqama al-sahīfah* (رَقَمَ الصَّحِيفَةَ) bererti memberi titik dan meneran - kan tanda-tanda penomboran. *Raqama al -sil'ah* (رَقَمَ السِّلْعَةَ) bermaksud memberi tanda harga pada barang dagangan.

Dalam *Mu'jam al-'Arabī*, *al-raqīm* me ngandungi tiga maksud iaitu (1) *Marqūm* iaitu yang tertulis. (2) *Kitāb* atau *sahīfah* kerana seorang penulis meletakkan baris dan garis. (3) Kaum atau negeri *Ashāb al-Kahf* iaitu bukit tempat mereka berlindung, anjing mereka, wadi, batu keras, papan yang diukir dan dicatat keturunan mereka, kisah-kisah mereka, nama-nama mereka, agama mereka dan sebab mereka melarikan diri.[7]

1 Anīs *et al* (t.t), op. cit., h. 231

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 476

3 Ibn Jarīr al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 15, h. 40-41, athar no. 28045-28050

4 Surah al-Zumar (39), ayat 68.

5 Ibn Jarīr al-Tabarī (1995), *loc.cit.*

6 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 464

7 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 544

Lafaz *al-raqīm* disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Kahfi* (18), ayat 9. Manakala lafaz *marqūm* disebut dua kali iaitu dalam surah *al-Mutaffifīn* (83), ayat 9 dan 20. Allah menyebut:

أَمْ حَسِبْتَ أَنَّ أَصْحَٰبَ ٱلْكَهْفِ وَٱلرَّقِيمِ كَانُوا۟ مِنْ ءَايَٰتِنَا عَجَبًا

Al-Khāzin berkata, *al-raqīm* ialah papan yang ditulis di dalamnya nama-nama *Ashāb al-Kahfi*, kisah mereka, kemudian diletakkan di atas pintu gua.[1] Al-Baidāwī menambah, *al-raqīm* adalah nama anjing mereka, negeri mereka, nama buku yang ditulis di dalamnya keadaan mereka dan nama bukit yang ter dapat gua di dalamnya.[2] Sa'īd bin Jubair berkata, *al-raqīm* ialah papan tanda daripada batu yang tertulis di dalamnya kisah-kisah *Ashāb al-Kahfi*, kemudian diletakkan di atas pintu gua.[3]

Kesimpulannya, *al-raqīm* membawa dua pengertian. **Pertama**, ia bermaksud nama bagi papan tanda yang tertulis kisah-kisah *Ashāb al-Kahfi*. **Kedua**, *al-raqīm* bermaksud *al-marqūm*.

RAṢADĀ (رَصَدًا)

Raṣadā adalah *ism* dalam bentuk *mufrad*, jamaknya *arṣād* (أَرْصَادٌ) . Asal makna bagi lafaz ini ialah mengawasi, mengintip, menjaga dan mengintai. *Al-raṣd* bererti jalan, rumput atau hujan yang sedikit. Daripadanya terbit lafaz *mirṣād* yang bermaksud jalan untuk pengawasan dan pengintaian dan lafaz *al-marṣad* yang bermakna tempat pengamatan dan pengintaian. Manakala lafaz *al-raṣad* bererti teropong bintang, pengintai dan pengawas.[4]

Lafaz *raṣadā* disebut dua kali iaitu dalam surah al-Jin (72), ayat 9 dan 27. Manakala lafaz *marṣad* disebut sekali iaitu dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 5. Lafaz *mirṣād*[5] disebut dua kali iaitu dalam surah *al-Fajr* (89), ayat 14 dan surah *al-Nabak* (78), ayat 21.

Allah menyebut:

فَمَن يَسْتَمِعِ ٱلْـَٔانَ يَجِدْ لَهُۥ شِهَابًا رَّصَدًا

Dalam ayat ini, lafaz *raṣadā* dihubungkan dengan *syihāb* (شِهَابٌ) yang bererti bintang-bintang yang berapi. Al-Qurtubī berkata, *al-raṣad* ialah penjaga bagi sesuatu.[6] Ada yang berpendapat, *al-raṣad* adalah *al-syihāb*, maknanya bola-bola api yang mengintai dan mengawasi. Tafsirannya sepertimana yang dikatakan oleh Ibn Qutaibah, "Bintang-bintang yang berapi yang sentiasa mengawasi dan sedia untuk memanah.[7] Begitu juga lafaz *raṣadā* dalam ayat 27 iaitu yang mengawasi dan mengintai.

Dalam *Tafsīr al-Marāghī*, *raṣadā* dalam ayat ini bermaksud *al-malā'ikah al-hafazah* iaitu malaikat penjaga yang menjaga ke kuatan zahir dan batin daripada syaitan dan

1 Hilmī (1979), *op. cit.*, j. 4, h. 83

2 Ibid.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 70

4 'Āyid et al (t.t), *op. cit.* h. 527. Ahmad Warson (1997), *op. cit.*, h. 501

5 Wahbah Zuhailī berkata, "*Al-mirsāda* boleh ditafsirkan dalam dua bentuk. Pertama, nama bagi suatu tempat yang mempunyai ruang pengintaian, Kedua, boleh jadi kata sifat yang memberi makna tempat di mana musuh-musuh Allah diintai dan ditunggu. Wahbah Zuhailī (2001), Juz 'Amma, *op. cit.*, h. 13

6 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 19, h. 16

7 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 489

menghalang daripada gangguan mereka.[1] Kesimpulannya, *raṣadā* membawa maksud yang mengawasi dan mengintai.

AL-RASS (الرَّسّ)

Lafaz ini berbentuk *mufrad*, jamaknya *risās*, berasal daripada *rassa-yarussu* (رَسَّ-يَرُسُّ). *Rassa fī* bermakna masuk dan menetap. *Rassa baina al-qaum* ertinya mengislahkan antara dua kaum. *Rassa al-bi`r* maksudnya menggali perigi dan sebagainya.[2] Asal makna *al-rass* adalah kesan atau bekas kecil yang terdapat pada sesuatu.

Lafaz *rass al-khabar fī al-nafs* iaitu kesan kecil berita di dalam diri, *rass al-mayyit* iaitu mayat yang ditanam dan dijadikan peninggalan dan *rass min al-hummā* ialah tanda kecil sakit demam.[3] *Al-rass* mengandungi beberapa maksud iaitu galian, perigi yang belum dibatu dan permulaan sesuatu.[4] Al-Rāzī berkata, *al-rass* adalah sentuhan pertama, perigi yang dibina dengan batu-batu dan nama perigi serta peninggalan kaum Thamūd.[5]

Manakala dalam *Mu'jam al-'Arabī al -Al-Asāsī*, lafaz *al-rass* bermaksud perigi lama yang musnah sekelilingnya. Lebih disandarkan ke atas perigi peninggalan kaum Thamūd.[6] Disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Furqān* (25), ayat 38 dan surah *Qāf* (50), ayat 12. Allah berkata dalam surah *Qāf*:

كَذَّبَتْ قَبْلَهُمْ قَوْمُ نُوحٍ وَأَصْحَٰبُ ٱلرَّسِّ وَثَمُودُ

Lafaz *al-rass* dihubungkan dengan lafaz *ashāb* iaitu kelompok dan golongan atau *ashāb al-rass* (أَصْحَابُ الرَّسِّ). Terdapat perbezaan ulama mengenai maksud *ashāb al-rass*,

- Ibn Juraij melaporkan daripada Ibnu 'Abbās, *ashāb al-rass* adalah penduduk Thamūd.[7]
- 'Ikrimah berkata, *ashāb al-rass* berada di Falj dan mengikut pendapat Qatādah adalah bahagian dari negeri al-Yamāmah.[8]
- Al-Tawrī merekodkan daripada Abī Bakr dan daripada 'Ikrimah, *al-rass* adalah perigi di mana mereka memasukkan dan menanam nabi mereka di dalamnya.[9]
- Wahab bin Munabbih berkata, mereka adalah penduduk perigi *al-rass*, tergolong dalam penternak-penternak yang menyembah berhala, lalu Allah mengutus Syuaib kepada mereka dan mengajak untuk beriman. Namun, mereka ingkar dan kufur serta menyakiti Syuaib. Apabila berada di sekeliling perigi di rumah-rumah mereka, tiba-tiba perigi itu runtuh dan menelan mereka semuanya.[10] Mengikut al-Baidāwī, ketika mereka berada di sekeliling *al-rass* iaitu perigi yang tidak berbatu itu, ia runtuh dan menelan mereka berserta rumah-

1 Mustafā al-Marāghī (1974), *op. cit.*, j. 29, h. 107
2 Anīs et al (t.t), *op cit.*, h. 343
3 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 352
4 Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*
5 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 242
6 'Āyid et al (t.t), *op. cit.*, h. 520
7 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 299
8 *Ibid.*
9 *Ibid.*
10 Hilmī (1979), *op. cit.*, j. 4, h. 443

rumah mereka.[1]

- Al-Suddī berpendapat, *al-rass* adalah perigi di Antaqiah di mana pen duduknya membunuh Habīb al-Najjār. Ia adalah sāhib Yāsin yang terdapat dalam ayat, (قَالَ يَٰقَوْمِ ٱتَّبِعُوا۟ ٱلْمُرْسَلِينَ).[2]
- Ibn Jarīr menyimpulkan, *Ashāb al-Rass* adalah *Ashāb al-Ukhdūd* yang diceritakan dalam surah al-Burūj.[3]

Kesimpulannya, *al-rass* membawa maksud perigi yang tidak berbatu atau perigi lama peninggalan kaum terdahulu yang temboknya musnah.

RID`AN (رِدْءًا)

Lafaz ini berbentuk *ism fā'il mufrad*, jamaknya *ardā`*, berasal daripada *rada`a bi al-syai` -yarda`u* (رَدَءَ بِالشَّيْءِ - يَرْدَؤُ) yang bererti menyokong dengan sesuatu. *Rada`a al-hā`it* (رَدَأَ الْحَائِطَ) bererti menguatkan dinding dan mengukuhkannya. *Rada`a al-syakhs* (رَدَأَ الشَّخْصَ) bermakna menolongnya.[4] *Tarāda`ā al-qaum* (تَرَادَءَ الْقَوْمُ) membawa maksud satu kaum saling bantu membantu.[5] Lafaz *al-rid'u* (الرِّدْء) bererti penolong dan pembantu.[6]

Lafaz (رِدْءًا) disebut sekali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Qasas* (28), ayat 34. Allah menyatakan:

وَأَخِى هَٰرُونُ هُوَ أَفْصَحُ مِنِّى لِسَانًا فَأَرْسِلْهُ مَعِىَ رِدْءًا يُصَدِّقُنِىٓ

Mujāhid dan Qatādah mengatakan, maksud lafaz *rid`ā* ialah *'awnā* (عَونًا) iaitu penolong.[7] Ibn 'Abbās dan al-Suddī mentafsirkan lafaz *rid`ā* adalah *kai* (كَيْ) iaitu untuk atau demi. Tafsiran رِدْءًا يُصَدِّقُنِي adalah pembantu untuk membenarkanku.[8]

Ibn 'Abbās mengatakan, *al-rid`u* dalam bahasa Arab bererti pertolongan. Frasa *arda`tu fulānan 'alā amrih* (أَرْدَأْتُ فُلَانًا عَلَى أَمْرِهِ) bermakna aku menolong dan membantunya ke atas sesuatu perkara.[9]

Kesimpulannya, maksud lafaz *rid`ā* ialah **penolong** dan **pembantu**.

RIJZ (رِجْز) - RUJZ (رُجْز)

Lafaz ini dalam bentuk *ism mufrad*, jamaknya *arjāz*. Berasal daripada kata *rajaza* (رَجَزَ) yang bererti mendendangkan syair dalam *bahar razj*.

Dalam *Mu'jam al-Wasīt*, lafaz *al-rijz* ataupun *al-rujz* mengandungi makna seksaan, syirik, penyembahan berhala dan

1 *Ibid.*

2 Surah *Yāsin* (36), ayat 20.

3 Ibn Jarīr al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 11, h. 20. Allah berkata, (قُتِلَ أَصْحَابُ الْأُخْدُودِ) (Surah *al-Burūj* (85), ayat 4). *Ashāb al-Ukhdūd* adalah golongan orang kafir di Najran, Yaman. Mereka menggali suatu parit *(ukhdūd)* iaitu liang yang memanjang di atas tanah. Mereka menyalakan api di dalamnya dan menyediakan kayu bakar bagi menyemarakkan api. Lalu mereka menghumbankan orang mukmin ke dalam api itu kerana enggan berpaling daripada agama yang mereka anuti. Wahbah Zuhailī (2001), Juz 'Amma, *op. cit.*, h. 151

4 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 514

5 Ma`lūf (1975), *op. cit.*, h. 255

6 *Ibid.*

7 Ibn Jarīr al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 11, h. 93, athar no. 20905-20906

8 *Ibid.*, athar no. 20907-20908

9 *Ibid.*

dosa.[1] Dalam *Mu'jam al-'Arabī*, *al-rijz* juga bermakna kotoran dan najis atau seperti rijs.[2] Al-Marāghī berkata, lafaz *al-rijz*, *al-rijs* dan *al-raks* adalah sesuatu yang kotor sama ada *hissī*[3] atau maknawi.[4]

Lafaz *al-rijz* disebut sembilan kali iaitu pada surah *al-Baqarah* (2), ayat 59; surah *al -A'rāf* (7), ayat 134, 135, 163; surah *al-Anfāl* (8), ayat 11; surah *al-Ankabūt* (29), ayat 34; surah *Sabak* (34), ayat 5; surah *al-Jāthiyah* (45), ayat 11. Lafaz *al-rujz* disebut sekali iaitu dalam surah *al-Muddaththir* (74), ayat 5.

Al-Husain al-Dāmaghānī menyatakan, lafaz *al-rijz* atau *al-rujz* terdiri daripada dua maksud. **Pertama**, ia ber maksud *al-'adhāb* atau seksaan seperti (لَئِن كَشَفْتَ عَنَّا الرِّجْزَ لَنُؤْمِنَنَّ لَكَ) dan juga seperti ayat dalam surah *al-Baqarah*, *al-A'rāf* dan *al -Ankabūt* iaitu (رِجْزًا مِنَ السَّمَاءِ) bermaksud seksaan yang datang dari langit. **Kedua**, *al -rujz* ialah berhala. Allah menyatakan dalam surah *al-Muddaththir*, (وَالرُّجْزَ فَاهْجُرْ). Ibn Qutaibah berkata, asal makna *al-rujz* ialah seksaan. *Al-rujz* dinamakan berhala kerana ia membawa penyembahnya kepada seksaan.[5]

Dalam *Mu'jam Alfāz al-Quran*, *al-rujz* ialah dosa secara keseluruhannya.[6] Di dalam surah *al-Anfāl*, lafaz *al-rijz* dikaitkan dengan *al-syaitan* (syaitan), maksudnya gangguan syaitan.[7]

Kesimpulannya, keterangan makna-makna bagi lafaz *al-rijz* mahupun *al-rujz* di atas dapat disimpulkan, *al-rijz* mahupun *al-rujz* membawa empat maksud iaitu **dosa, seksaan, berhala** dan **gangguan syaitan**.

RU'BAN (رُعْبًا)

Lafaz ini dalam bentuk *masdar* bagi kata asal *ra'aba-yar'abu* (رَعَبَ-يَرْعَبُ). *Ra'aba al -sakhsy* (رَعَبَ الشَّخْصُ) bererti orang itu takut, gentar, gerun dan berasa bimbang. *Ra'abahu* (رَعَبَهُ) bermakna menakutkannya dan menggerunkannya.[8]

Lafaz ini disebut lima kali iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 151; surah *al-Anfāl* (8), ayat 12; surah *al-Kahfi* (18), ayat 18, *al -Ahzāb* (33), ayat 26 dan *al-Hasyr* (59), ayat 2. Allah menyatakan:

سَنُلْقِي فِي قُلُوبِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ٱلرُّعْبَ بِمَآ أَشْرَكُوا۟ بِٱللَّهِ

Al-Syawkānī berkata, terdapat dua *qiraat* dalam lafaz *al-ru'b*. Majoriti ulama membacanya dengan *al-ru'b* (الرُّعْب) dengan mematikan huruf *'ain*. Daripada *qiraat* ini, ia boleh berbentuk *mar'ūb* bererti yang takut. Boleh juga dalam bentuk *maṣdar* yang bermakna ketakutan dan kegerunan. Ibn 'Āmir dan al-Kisā`ī membacanya dengan *al-ru'ub* (الرُّعُب) yang berbentuk *ism*. Asalnya *al-mil`u* (المِلْءُ) iaitu penuh. Dikatakan *sail rā'ib* bermaksud wadi yang penuh dan *ra'abtu al-*

1 Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 330

2 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, hlm. 506. Lafaz *rijs* dalam bentuk *mufrad*, jamaknya *arjās*, mencakupi makna najis dan kotoran. Lafaz ini juga disandarkan kepada setiap perkara yang dibenci dan dicela seperti melakukan perbuatan yang haram, jelek, kufur, laknat dan seksaan.

3 Sesuatu yang dapat dirasai atau sesuatu yang dapat dicapai dengan menggunakan pancaindera. Ahmad Warson (1997), *op. cit.*, h. 263

4 Mustafā al-Marāghī (1974), *op. cit.*, j. 7, h. 172

5 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 495

6 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 472

7 Mustafā al-Marāghī (1974), *op. cit.*

8 Ma`lūf (1975), *op. cit.*, h. 266

haiḍ (رَعَبَتُ ٱلْحَيْضَ) bermakna saya memenuhi kolah. Tafsiran ayat berdasarkan *qiraat* ini, "Kami akan memenuhi hati mereka dengan ketakutan dan kegerunan". [1]

Dalam *Sahīh Bukhari dan Muslim*, Jābir bin 'Abdullāh melaporkan, Rasulullah berkata, "Aku diberi lima kelebihan yang tidak diberi kepada nabi-nabi sebelumku iaitu aku dibantu dan dimenangi dengan ketakutan (yang dicampakkan ke dalam hati orang-orang kafir) selama satu bulan, diberikan kepadaku tanah sebuah masjid yang suci, halal untukku harta rampasan, memberikan syafaat dan kesemua nabi diutus untuk kaumnya dan aku diutus untuk seluruh manusia keseluruhannya.[2]

Kesimpulannya, lafaz *ru'bā* atau *al-ru'b* bermaksud **ketakutan** dan **kegerunan**.

RUKHĀ`Ā (رُخَـاءً)

Lafaz ini dalam bentuk *masdar*, berasal daripada kata *rakhuwa-yarkhū* (رَخُوَ-يَرْخُو) yang bermakna lunak, lembut dan kemewahan hidup. Oleh itu, *rakhā` al-'aisy* bermaksud hidup senang atau mewah.[3] Dalam *Mu'jam Alfaz al-Qurān*, *rukhā`* ialah angin yang bertiup silir-silir dan tidak merosakkan sesuatu[4] atau disebut juga angin sepoi-sepoi bahasa.[7]

Disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Sād* (38), ayat 36. Allah menyebut:

فَسَخَّرْنَا لَهُ ٱلرِّيحَ تَجْرِى بِأَمْرِهِۦ رُخَآءً حَيْثُ أَصَابَ

Lafaz *rukhā`* dalam ayat ini dihubungkan dengan lafaz *al-rīh* yang bermakna angin. Ibn Qutaibah dan al-Yazīdī berkata, maksud lafaz *rukhā`* ialah angin yang bertiup lembut dan lunak.[5] Ia seakan-akan bertiup kencang jika berkehendak dan bertiup perlahan-lahan jika berkehendak.[6]

Mengikut al-Qurtubī, lafaz *rukhā`* membawa maksud angin yang bertiup lembut yang diiringi dengan cepat dan laju, tetapi tidak memudaratkan sesiapa pun, membawa Sulaimān dan bala tenteranya, askarnya serta tunggangannya.[7]

Kesimpulannya, lafaz *rukhā`* bermaksud **angin yang bertiup sepoi-sepoi bahasa.**

1 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 489-490

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 362

3 'Āyid et al (t.t), *op. cit.*, h. 514.

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 485

5 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 378, al-Yazīdī, *op. cit.*, h.323.

6 Ibn al-Jawzī (1965), op. cit., j. 7, h. 140

7 Al-Qurtubī (1996), op. cit., j. 15, h. 196



حرف الزاي

Z



ZA'ĪM (زَعِيمٌ)

Ism fā'il mufrad, jamaknya *zu'amā'* (زُعَمَاءُ) mengandungi maksud pemimpin, penjamin, yang bertanggungjawab dan jeneral dalam askar.[1] Al-Ṭabarī berkata, "Asal makna *za'īm* dalam bahasa Arab ialah yang melaksanakan urusan suatu kaum, begitu juga dengan *al-kafīl* iaitu yang menguruskan dan *al-hamīl* iaitu penanggung. Oleh itu, pemimpin sesuatu kaum ialah *za'īmuhum* iaitu pemimpin dan pentadbir mereka.[2]

Disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Yūsuf* (12) ayat 72 dan *al-Qalam* (68), ayat 40.

Ibn 'Abbās, Sa'īd bin Jubair, Qatādah, al-Dahhāk dan Mujāhid mengatakan makna *za'īm* ialah *kafīl* iaitu penjamin dan orang yang bertanggungjawab.[3] Al-Kalbī berkata, *al-za'īm* menurut bahasa penduduk Yaman ialah *al-kafīl* iaitu penjamin.[4] Al-Baidāwī berkata, ia bermakna *kafīl* (penjamin) bagi yang mengembalikannya.[5] Sedangkan lafaz *al-za'īm* kembali kepada *al-mu'adhdhin* (penyeru) seperti pendapat Mujāhid.[6] Ibn Kathīr berkata, ayat (وَلِمَن جَآءَ بِهِۦ حِمْلُ بَعِيرٍ) adalah daripada bab *al-jī'ālah* (upah, hadiah atau komisen) dan ayat (وَأَنَا۠ بِهِۦ زَعِيمٌ) adalah daripada bab *al-Damān* dan *al-Kafālah* (penjamin).[7]

Al-Baidāwī berpendapat, dibolehkan memberi upah atau menjamin bagi memberikan komisen sebelum selesainya pekerjaan.[8] Al-Khāzin berkata, amalan ini adalah sah dalam syariat mereka dan juga diamalkan oleh Rasulullah. Beliau berkata, "الحَمِيلُ ٱلغَارِمُ وَٱلحَمِيلُ ٱلكَفِيلُ" bermaksud penjamin adalah yang membayar hutang dan penjamin adalah yang menanggung.[9]

Begitu juga makna dalam surah *al-Qalam*, Allah berkata, "سَلْهُمْ أَيُّهُم بِذَٰلِكَ زَعِيمٌ." Sa'īd Hawwā mentafsirkannya, "Katakanlah kepada mereka siapa yang menjamin dan bertanggungjawab dengan hal ini, sekiranya mereka tidak memiliki penjamin dan tidak pula perkara itu sedemikian, mengapa mereka mendustakan sehingga mereka tidak beriman, bertakwa dan beramal.[10]

Kesimpulannya, lafaz *za'īm* di dalam al-Quran membawa maksud *al-kafīl* atau **penjamin** dan **yang bertanggungjawab atas suatu perkara.**

ZABĀNIAH (زَبَانِيَةٌ)

Lafaz زَبَانِيَةٌ adalah bentuk jamak, *mufrad*-nya *zibniyah* (زِبْنِيَةٌ). Asal katanya adalah al-*zabān* (الزَّبَانُ) yang bermaksud *al-daf'* (الدَّفْعُ) iaitu menolak atau mendorong, seolah-olah mereka menolak dan mendorong ahli neraka kepadanya.[11]

Disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-'Alaq* (96), ayat 18.

Al-Wāhidī berkata, "Ayat ini diturunkan kepada Abū Jahal. Direkodkan oleh Imam

1 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 576, Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 394

2 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 8, h. 27

3 *Ibid*, h. 26, athar no. 14934, 14937 – 14939

4 Hilmī (1979), *op. cit.*, j. 3, h. 435-436

5 *Ibid.*

6 Al-Tabarī (1995), *loc. cit.*, athar no. 1935

7 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 442

8 Hilmī (1979), *loc it.*

9 *Ibid.*

10 Sa'īd Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 10, h. 6061

11 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 533

Ahmad, al-Tirmizī, al-Nasā`ī dan Ibn Jarīr. Ibn 'Abbās beliau berkata, ketika Rasulullah sedang bersembahyang, tiba-tiba Abū Jahal datang lalu berkata, "Tidakkah aku melarang kamu daripada mengerjakan amalan ini? Rasulullah mengherdik perbuatan Abū Jahal itu. Abū Jahal lantas berkata, "Hai, bukankah engkau tahu di Makkah ini tidak ada orang lain yang lebih ramai pengikut dan penyokongnya daripada aku." Lantas Allah menurunkan ayat ini, "Maka biarlah dia memanggil para penyokongnya (bagi menolongnya), kelak kami akan memanggil malaikat *Zabāniyyah*."[1]

Ibn 'Abbās berkata, "Demi Allah, se kiranya dia memanggil pengikutnya, pasti *Zabāniyyah* Allah menghentam dan memukul mereka pada masa itu.[2]

Mujāhid, Qatādah dan al-Dahhāk me ngatakan, *zabāniyyah* ialah malaikat.[3] Ibn Kathīr mengatakan, *zabāniyyah* ialah malaikat azab.[4] Abdullāh b Abī al-Hudhail mengatakan, *al-zabāniyyah* ialah malaikat yang kaki-kaki mereka menginjak bumi sedang kepala-kepala mereka berada di langit.[5]

Kesimpulannya, *al-zabāniyyah* ialah **malaikat azab**.

ZABŪR (زَبُور)

Zabūr (زَبُور) daripada segi bahasa bererti tulisan[6] atau kitab yang ditulis dengan baik. Majoritinya disandarkan kepada mushaf Nabi Dāūd.[7] Al-Syaukānī berkata, asal maknanya ialah *al-tauthīq* iaitu pengukuhan, perjanjian dan kepercayaan; sebuah kitab yang dinamakan *zabūr* kerana kuatnya pegangan padanya.[8] Al-Kafawī berkata, setiap kitab yang tebal tulisannya dikatakan *al-zabūr*.[9]

Disebut tiga kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Nisāk* (7), ayat 163, *al-Isrāk* (17), ayat 55 dan surah *al-Anbiyāk* (21), ayat 105. Dalam *Tafsīr al-Manār,* makna *al-zabūr* adalah *mazbūr.* Hamzah dan Khalf membacanya dengan *zubūr* berdasarkan *wazan*nya seperti *'araq* (keringat) jamaknya *'urūq* atau *kitāb* (buku) dan *maktūb* (tulisan atau yang ditulis). *Zabūr* adalah kitab khas yang diberikan kepada Nabi Dāūd dan juga ahli kitab.[10]

Menurut Cyril Glassē, *zabūr* ialah nama Arab kitab *Mazmun* kepunyaan Dāūd. Kata ini berasal daripada bahasa Hebrew, *zamir* (nyanyian) dan *mizmor* (melodi). Keduaduanya digunakan bagi menunjukkan pada *mazmur* kepunyaan Nabi Dāūd. *Zabūr* di gambarkan di dalam al-Quran sebagai wahyu yang diberikan oleh Allah kepada Nabi Dāūd. Allah berkata, (وَءَاتَيْنَا دَاوُۥدَ زَبُورًا) yang bermaksud, "Dan kepada Dāūd kami meng anugerahkan *zabūr*."[11]

Hal ini bererti *zabūr* diakui oleh Islam sebagai kitab suci yang diwahyukan bersama

1 Surah al-`Alaq (96), ayat 17 dan 18

2 Al-Wahidi (1998), *op. cit.*, h. 369, Wahbah Zuhayli (2001), Juzz Amma, *op. cit.*, h. 317

3 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 15, h. 325-326, athar no. 29171, 29174 dan 29175

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 481

5 Al-Tabarī (1995), loc. cit., athar no. 29173

6 M. Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, j. 2, h. 635

7 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 568

8 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 680

9 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 486

10 Muhammad Rasyīd Ridā (t.t), *op. cit.*, j. 6, h. 69

11 Surah al-Nisak (4), ayat 163

dengan Taurat dan Injil.[1] Kata-kata "menganugerahkan" dan bukan "mewahyukan" seperti kepada nabi yang disebut sebelum beliau membawa isyarat kitab suci itu adalah diwahyukan kepada beliau dalam bentuk kitab.[2]

ZĀD (زَادٌ)

Lafaz ini dalam bentuk *mufrad*, jamaknya *azwād* dan *azwidah* (أَزْوِدَةٌ). Berasal daripada kata (زَادَ-يَزُودُ) ertinya makanan musafir, apa yang diusahakan insan di dalam hidupnya daripada kebaikan atau kejahatan, bekalan, persediaan, keperluan asas tanpanya sesuatu itu tidak dapat maju atau berkembang.[3]

Disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 197. Allah berkata, (فَإِنَّ خَيْرَ ٱلزَّادِ ٱلتَّقْوَىٰ). Ayat ini berkenaan dengan persediaan sebelum menunaikan haji.

Dilaporkan daripada 'Amrū bin al-Dīnār, 'Ikrimah melaporkan daripada Ibn 'Abbās katanya, penduduk Yaman menunaikan haji tetapi mereka tidak mempunyai bekalan dan membuat persediaan, mereka berkata, "Kami bertawakal kepada Allah." Apabila sampai di Makkah, mereka meminta-minta kepada manusia, lalu turunlah ayat ini.[4]

Lafaz *al-zād* dikaitkan dengan kata *khair* iaitu sebaik-baik dan disandarkan kepada *al-taqwā* iaitu ketaqwaan. Dalam *Tafsīr al-Mishbāh*, *al-zād* yang bermakna bekalan mencakupi dua macam iaitu:

- **Bekalan material;** Setiap individu yang mengerjakan haji tidak terganggu fikirannya atau resah jiwanya, tidak perlu menebalkan mukanya dengan meminta-minta akibat kekurangan bekal, malah jemaah haji dituntut supaya saling membantu dan mem beri.[5] Daripada makna ini, ada beberapa pentafsiran *al-zād*. Sa'īd bin Jubair menyatakan, *al-zād* ialah minyak, roti, kuih dan tepung gandum. Al-Sya'bī berpendapat, *al-zād* ialah kurma dan tepung gandum. Hanzalah pula apabila ditanya oleh Sālim tentang bekalan haji, beliau berkata, roti, daging dan kurma.[6] Bekalan haji tidak terbatas kepada perkara di atas, ia ter masuk apa sahaja keperluan ketika menunaikan haji.
- **Bekal rohani;** Ia menuntut persiapan mental dan ilmu pengetahuan khususnya berkaitan ibadah yang hendak dilaksanakan. Kesempurnaan haji bukan terletak pada gerak badan, tetapi pada kemantapan jiwa meng hadap Allah.[7] Namun, di dalam hal ini, ketakwaan adalah sebaik-baik bekal. Dilaporkan daripada Qatādah, Hasan berkata, "Sesungguhnya pen duduk Yaman bermusafir dan pergi menunaikan haji, tetapi mereka tidak mempunyai bekalan. Lalu Allah me merintahkan mereka menyediakan nafkah dan bekal di jalan Allah serta memberitahu sebaik-baik bekal adalah

1 Cyril Glassē (1999), *op. cit.*, h. 445

2 M. Quraish Shihab (2000), *loc. cit.*

3 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 592, Ma`luf (1975), *op. cit.*, h. 310, Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 406.

4 Al-Wāhidī (1998), *op. cit.*, h. 56

5 M. Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, j. 2, h. 406

6 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 380-381, athar no. 2968-2973

7 M. Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, h. 407

ketakwaan.[1]

Al-Qurtubī menerangkan, maksud *al-zād* ialah menjauhkan daripada segala larangan-larangan bersama dengan bekal materi, menjauhkan daripada segala perkara yang membinasakan, tidak perlu mengemis dan meminta-minta.[2] Atau maknanya supaya meng hindari seksaan sama ada di dunia mahupun di akhirat dan menghindari daripada bekalan yang haram. Bekalan yang tidak dibenarkan Allah atau bekalan yang berlebihan yang menyebabkan membazir.[3]

ZĀHIDĪN (زَاهِدِينَ)

Ini dalam bentuk kata pelaku *(fā'il)* dan jamak, berasal daripada akar *al-zuhd* (الزُّهْدُ), *mufrad*nya *zāhid* (زَاهِدٌ), mencakupi makna orang yang zuhud atau tidak suka pada dunia, kembali kepada akhirat dan orang yang menolak sesuatu kerana tidak suka padanya.[4]

Al-Kafawī berkata, *al-zuhd* lawan kepada *al-raghbah* iaitu kecintaan dan *al-zāhid* bermaksud orang yang menolak kesenangan dunia dan nikmatnya.[5] Menurut ahli bahasa, *zahada fihi* (زَهَدَ فِيهِ) bermaksud tidak suka dan *zahada anhu* (زَهَدَ عَنْهُ) bermaksud suka. Dalam ayat *"zahada fih"* (زَهَدَ فِيهِ) iaitu (وَكَانُوا فِيهِ مِنَ الزَّاهِدِينَ), disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Yūsuf* (12), ayat 20. Ayat ini menceritakan tentang Nabi Yūsuf dijual dan orang yang menjualnya disifatkan oleh Allah dalam ayat ini dengan *al-zāhidīn*. Al-Syaukānī berkata, mereka tergolong dalam orang zuhud kerana mereka menjual Nabi Yūsuf dengan harga yang murah.[6]

Para pakar berbeza pendapat mengenai maksud lafaz *al-zāhidīn* yang menjual Nabi Yūsuf iaitu:

- Mereka adalah kafilah daripada pen duduk Madyan yang menemuinya di dalam perigi, lalu menjualnya di Mesir dengan harga yang murah supaya tidak berada lama bersama mereka kerana mereka bimbang sekiranya pemiliknya datang mengambilnya kerana dia orang yang merdeka. Lagipun mereka tidak tertarik dengannya.[7]
- Mereka adalah saudara Yūsuf. Mujāhid dan Qatādah berpendapat, orang yang menjual Nabi Yūsuf dengan harga yang murah adalah saudaranya. Ini kerana mereka tidak suka padanya, sekiranya ada orang yang memintanya sekalipun, mereka akan memberikannya.[8] Oleh itu, Ibn Kathīr berkata, *al-zāhidīn* kembali kepada saudara Nabi Yūsuf dan bukan kafilah kerana kafilah itu senang dengannya lalu membelinya. Sekiranya saudara Yūsuf tidak ter masuk di kalangan orang yang benci padanya, lalu mereka menjualnya dengan harga yang mahal, pasti kafilah itu tidak akan membelinya.[9]

Al-Nasafī berkata, lafaz ini kembali

1 Al-Tabarī (1995), *loc. cit.*, h. 382, athar no. 2978
2 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 2, h. 404-405
3 M. Quraish Shihab (2000), *loc. cit.*
4 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 588
5 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 490
6 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 15
7 Al-Marāghī (1974), *op. cit.*, j. 12, h. 114
8 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 430
9 *Ibid.*

kepada saudara Yūsuf kerana mereka benci padanya dan tanda kebencian mereka adalah iri hati dan ingin menjauhkannya daripada mereka. Mereka menjualnya bukan dengan maksud mencari keuntungan ataupun menampakkan rasa gembira mereka padanya sehingga kafilah itu membelinya dengan harga yang murah.[1] Di dalam Taurat, pada *Sifr al-Takwīn*, saudara Yūsuf menjualkannya kepada orang Arab Ismailiyyah.[2]

Al-Baidāwī mengatakan, sekiranya lafaz ini kembali kepada saudara Yūsuf, maksud itu bertepatan dengan zahir ayat kerana apabila Yusuf kembali kepada kafilah itu dan mereka berasa tidak suka padanya kerana mereka menjumpainya dan sesuatu barang yang ditemui yang rendah nilainya. Mereka bimbang Yusuf berada lama di sisi mereka lalu menjualnya dengan segera.[3]

ZAHRAH (زَهْـرَةٌ)

Ia adalah *ism maṣdar mu'annath, mudhakkar*-nya *al-zahr* (الزَّهْـرُ), daripada kata akar *zahira* (زَهِـرَ). Lafaz *zahrah* mengandungi makna permulaan, bunga daripada tumbuhan dan pokok, sejenis bunga matahari dan nama bunga *(prime rose)*.[4] Apabila disandarkan kepada *al-nard* ertinya dadu, apabila disandarkan kepada dunia ertinya keindahan dunia dan sebagainya.[5]

Disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Tāha* (20), ayat 131. Lafaz ini dihubungkan dengan lafaz *al-hayāh al -duniā*, Allah berkata:

وَلَا تَمُدَّنَّ عَيْنَيْكَ إِلَىٰ مَا مَتَّعْنَا بِهِۦٓ أَزْوَٰجًا مِّنْهُمْ زَهْرَةَ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا

Qatādah menjelaskan, *zahrah al-hayāh al-dunyā* bermakna *zīnah* iaitu keindahan atau perhiasan kehidupan dunia.[6] Ibnu Qutaibah berkata, ia bermaksud perhiasan kehidupan dunia, diambil daripada bunga tumbuh-tumbuhan dan kecantikannya.[7] Al-Yazīdī memberikan makna, ia adalah perhiasan dan keindahan kehidupan dunia.[8] Al-Syaukānī berkata, ia bermaksud perhiasan, keindahan dan kesenangan kehidupan dunia dengan tumbuh-tumbuhan dan lainnya.

'Īsā bin 'Umar membacanya dengan menjadikan *al-hā'* berbaris atas atau *zaharah* yang bererti bunga bagi tumbuh-tumbuhan.[9] Tafsirannya, "Janganlah engkau memandang apa yang kami berikan kepada segolongan orang kafir daripada nikmat dunia, perhiasan serta keindahannya yang menipu, kami uji mereka dengan kenikmatan ini sehingga mereka diseksa disebabkan kekufuran mereka.[10]

Kesimpulannya, *zahrah* atau *zaharah* membawa maksud **perhiasan**, **keindahan**, dan **kesenangan**.

1 Hilmī (1979), *op. cit.*, j. 3, h. 390

2 Al-Marāghī (1974), *loc. cit.*

3 Hilmī (1979), *loc. cit.*

4 Ahmad Warson (1997), *op. cit.*, h. 588, 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 589

5 Anīs et al (t.t), *op. cit.*, h. 404, *Ibid.*

6 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 9, h. 292, athar no. 18455

7 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 283

8 Al-Yazīdī (1975), *op. cit.*, h. 252

9 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 488

10 Muhammad 'Alī al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 251

ZAKĀH (زَكَاة)

Lafaz ini dalam bentuk *maṣdar*, diambil daripada kata kerja *zakā* (زَكَى) yang ertinya memperbaiki, menyucikan dan memuji.[1] Dalam *Ensiklopedi Islam*, *zakāh* ialah penyucian, tumbuh dengan subur, bermanfaat dan menjadi suci.[2] Al-Kafawī berkata, setiap sesuatu yang bertambah adalah *zakāh*. Sesuatu yang dikeluarkan daripada harta bagi orang miskin berdasarkan kewajipan daripada syarak adalah *zakāh* kerana ia menambahkan harta yang dikeluarkannya, mengembangkannya dan menjauhkannya daripada segala cacat dan kerosakan.[3]

Disebut 32 kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 43, 83, 110, 177, 277; surah *al-Nisāk* (4), ayat 77, 162; surah *al-Mā'idah* (5), ayat 12, 55; surah *al-A'rāf* (7), ayat 156; surah *al-Taubah* (9), ayat 5, 11, 18, 71; surah *al-Kahfi* (18), ayat 81; surah *Maryam* (19), ayat 13, 31, 55; surah *al-Anbiyāk* (21), ayat 73; surah *al-Hajj* (22), ayat 41, 78; surah *al-Mukminūn* (23), ayat 4; surah *al-Nūr* (24), ayat 37, 56; surah *al-Naml* (27), ayat: 3; surah *al-Rūm* (30), ayat 39; surah *Luqmān* (31), ayat 4; surah *al-Ahzāb* (33), ayat 33; surah *Fussilat* (41), ayat 7; surah *al-Mujādalah* (58), ayat 13; surah *al-Muzzammil* (73), ayat 20 surah *al-Bayyinah* (98), ayat 5.

Al-Qurtubī berkata, *al-zakāh* dipetik daripada *zakā al-syai'* apabila ia bertambah dan berkembang. Dikatakan *zakā al-zar' wa al-māl* ertinya apabila tanaman dan harta bertambah banyak. *Rajul zakiyy* (رَجُلٌ زَكِيٌّ) bermaksud kebaikan lelaki itu bertambah. Pengeluaran daripada harta ialah *zakāh* kerana ia berkembang daripada sudut keberkatan atau ganjaran pahala yang diberikan bagi pengeluarnya.[4]

Sebahagian ulama mengatakan *al-zakāh* diambil daripada *al-taṭhīr* iaitu penyucian dan pembersihan seperti perkataan *zakā fulān* yang bererti menyucikan dirinya daripada kekotoran dan kebodohan. Daripada makna ini, seolah-olah yang keluar daripada harta menyucikan dan membersihkannya dengan memberi kepada yang berhak dan Allah menjadikannya untuk orang miskin. Tidakkah engkau mendengar Nabi Muhammad menamakan bagi yang tidak mengeluarkan zakat dengan kotoran manusia.[5] Allah berkata:[6]

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِم بِهَا

Al-Sya'rāwī berkata, "Kewajipan menunaikan zakat pada hamba mukmin mesti bergerak dalam kehidupannya untuk bekerja dan ber amal sesuatu yang bermanfaat padanya dan orang yang tidak mampu bergerak dalam kehidupannya. Ketika Allah meminta manusia berusaha di muka bumi, tidak meminta berusaha setakat yang termampu sahaja, malah meminta bergerak dan berusaha lebih daripada sekadar keperluan, sehingga usaha ini meluas dan mencakupi kehidupan orang yang tidak mampu berusaha dan bergerak. Oleh itu, masyarakat meluas bagi semuanya, menghilangkan hasad dan dengki serta hasilnya dapat membersihkan jiwa."[7]

1 Anīs et al (t.t), *op. cit.*, h. 396

2 Cyril Glassē (1999), *op. cit.*, h. 445

3 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 486

4 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 1, h. 353

5 *Ibid.*

6 Maksudnya: "Ambillah sedekah daripada harta mereka untuk membersihkan dan menyucikan mereka dengannya." (Surah al-Taubah (9), ayat 103)

7 Al-Sya'rāwī (1991), *op. cit.*, j. 1, h. 302

ZAKARIYYĀ (زكريا)

Dia bernama Zakariyyā bin Azn bin Burkiyā.[1] Menurut laporan daripada Ibn 'Asākir, dia adalah Zakariyyā b Burkhiyā. Ada juga yang mengatakannya Zakariyyā b Dān.[2] Ada juga yang menyatakan dia bernama Zakariyyā bin Ladun bin Muslim bin. Sadūq bin. Hasybān bin Dāūd bin Sulaimān bin Muslim bin Sadīqah bin Burkhiyā bin Bal'ātah bin Yākhūr bin Syalūm bin Bahfāsyāt bin Īnāman bin Ruhai'am bin Sulaimān bin Dāūd.[3]

Disebut tujuh kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 37 (dua kali), 38; *al-An'ām* (6), ayat 85; *Maryam* (19), ayat 2, 7, al-Anbiyāk (21), ayat 89. Dalam *Dictionary of Islam*, dia adalah Zacharias, ayah kepada John Baptist (Yahya), suami kakak Hannah dan bapa saudara Virgin Marry.[4] Dia seorang nabi Banī Isrāel yang hidup pada akhir abad ke-6 sebelum Masihi. Tergolong dalam nabi terakhir dalam perjanjian lama bersama Hujjāy dan Malākhī. Kenabiannya adalah bagi memperbaharui kerohanian Israel,[5] memelihara Haikal yang disucikan di Baitulmuqaddis.[6]

Di dalam al-Quran, *Zakariyyā* adalah pengasuh Maryam dan berdoa kepada Allah supaya memberikannya anak sebagai pewarisnya. Allah mengabulkan doanya dengan mengurniakannya anak yang bernama Yahyā. Walaupun hairan kerana isterinya tidak dapat melahirkan anak kerana tua dan mandul, namun takdir Allah berkuasa ke atas segala sesuatu dan hal ini baginya sangat mudah. Allah berkata yang bermaksud,

"Hai Zakariyyā, sesungguhnya Kami beri khabar gembira kepadamu akan (beroleh) seorang anak yang namanya Yahya, yang sebelumnya kami belum pernah menciptakan orang yang serupa dengannya. Zakariyyā berkata, "Ya Tuhanku! Bagaimana akan ada anak bagiku, padahal isteriku adalah seorang yang mandul, dan aku sendiri sudah mencapai umur yang sangat tua. Allah berkata, "Dan demikianlah."

Allah berkata, "Hal itu adalah mudah bagi-Ku, dan sesungguhnya telah Aku ciptakan kamu sebelum itu, padahal kamu (di waktu itu) belum ada sama sekali." Zakariyyā berkata, "Ya Tuhanku, berilah aku suatu tanda". Allah berkata, "Tanda bagimu ialah kamu tidak boleh berkata-kata kepada manusia selama tiga malam. Maka dia keluar dari mihrab menuju kaumnya, lalu memberi isyarat kepada mereka, hendaklah kamu bertasbih di waktu pagi dan petang." [7]

Berdasarkan salasilah keturunannya, *Zakariyyā* berasal daripada *thabaṭ* (anak-anak atau keturunan) Yahūdha dan dia adalah salah seorang anak Ya'qūb daripada isterinya yang bernama Lailah. Sedangkan Ya`qūb adalah anak Ishak selain Iso atau al-Iṣ. Ishak adalah putera Ibrāhīm daripada isterinya yang bernama Sārah. Manakala Ismā'īl puteranya daripada isterinya yang bernama Siti Hajar.[8]

1 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 5, h. 340

2 Ibn Kathīr (1997), *op. cit.*, h. 486

3 *Ibid.*, h. 487

4 Thomas Patrick Hughes (1994), *Dictionary of Islam*, USA: KAZI Publications, h. 699

5 Ma`lūf (1975), *op. cit.*, h. 339

6 Afif Abdullah Dr. (1989), *Nabi-Nabi dalam al-Quran*, c. 1, Selangor: P.N. Klang Book Centre, hlm. 509

7 Surah *Maryam* (19), ayat 7 hingga 11

8 Afif Abdullah (1989), *op. cit.*, h. 241-243

ZALZALAH (زَلْزَلَةٌ)

Lafaz ini dalam bentuk *maṣdar,* berasal daripada kata akar *zalzala* (زَلْزَلَ)[1] yang bermaksud menggoncangkan, menggerakkan dengan kuat dan menakutkan.[2] Dalam *Tafsīr al-Marāghī*, ia bermaksud goncangan dahsyat yang memusnahkan segala sesuatu.[3]

Disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Hajj* (22), ayat 1. Allah berkata, (إِنَّ زَلْزَلَةَ ٱلسَّاعَةِ شَىْءٌ عَظِيمٌ). Lafaz *zalzalah* disandarkan kepada *al-sā'ah* iaitu hari kiamat.

Al-Zamakhsyarī berkata, *al-zalzalah* bermaksud gerakan dan goncangan yang dahsyat, goncangan sesuatu itu berlipat ganda dari tempat dan pusatnya. Yang membuatnya tergoncang adalah hari kiamat sehingga *al-sā'ah* adalah *fā'il* (subjek) baginya, seolah-olah dia yang menggoncangkan segalanya berdasarkan kiasan. Jadi, *al-zalzalah* adalah *maṣdar* yang disandarkan kepada *fā'il*nya. Yang dimaksud *al-zalzalah* dalam ayat ini adalah yang disebut dalam surah *al-zalzalah*, ayat 1, (إِذَا زُلْزِلَتِ ٱلْأَرْضُ زِلْزَالَهَا) bermaksud, "Apabila bumi digegarkan dan digoncangkan dengan gegaran yang sedahsyat-dahsyatnya."[4]

Terdapat perbezaan pendapat mengenai *zalzalah al-sa'ah*. Adakah ia berlaku sebelum manusia dibangkitkan atau ia berlaku selepas manusia dibangkitkan?

- Sebahagian pakar antaranya Ibn Jarīr daripada rekod 'Alqamah, rekod 'Atā' daripada 'Āmir al-Say'bī, Abu Hurairah dan yang lainnya menyatakan goncangan bumi pada hari kiamat ini sebelum manusia bangkit dari kubur, terjadi pada akhir umur dunia dan permulaan keadaan hari kiamat. Ia disandarkan kepada hari kiamat kerana ia dekat dengannya, dikatakan sebagai tanda hari kiamat dan sebagainya sebagaimana kata-kata Allah dalam surah *al-Zalzalah* (99), ayat 1;[5] *al-Wāqi'ah* (56), ayat 4,5;[6] *al-Hāqqah*, (69), ayat 14, 15.[7] Abū Kadīnah daripada 'Atā' daripada 'Āmir al-Sya'bī berkata, kejadian ini berlaku di dunia sebelum hari kiamat.[8] Begitu juga pendapat al-Marāghī dalam tafsirnya, beliau menyatakan, sesungguhnya goncangan terjadi ketika hari kiamat tiba sebelum manusia dibangkitkan dari kuburnya.[9]
- Ia berlaku selepas manusia dibangkitkan. Lafaz *zalzalah* membawa maksud apa yang berlaku di dalam diri manusia daripada ketakutan, gerun atau bermaksud keadaan yang dahsyat lagi menakutkan dan menggerunkan. Antara dalilnya, daripada 'Abdullāh katanya Rasulullah berkata, "Se sungguhnya Allah membangkitkan pada hari kiamat penyeru, wahai Adam! Sesungguhnya Allah me merintahkanmu membangkitkan daripada keturunanmu bagi memasuki api neraka." Nabi Adam bertanya, "Siapa mereka, ya Allah?" Dikatakan kepadanya, "Dari setiap 100 orang, 99 orang akan memasuki neraka. Seorang

1 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 581

2 Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 397

3 Al-Marāghī (1974), *op. cit.*, j. 17, h. 84

4 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 138

5 Maksudnya: "Apabila bumi digoncangkan dengan sedahsyat-dahsyatnya."

6 Maksudnya: "(Ia berlaku) semasa bumi bergoncang dengan sesungguh-sungguh goncangan dan gunung ganang dihancurkan leburkan dengan selebur-leburnya."

7 Maksudnya: "Dan bumi serta gunung ganang diangkat lalu dihancurkan keduanya dengan sekali hancur, maka pada saat itu berlakulah hari kiamat."

8 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 193.

9 Al-Marāghī (1974), *op. cit.*, j. 17, h. 85

lelaki berkata, "Wahai Rasulullah, siapa yang terselamat daripada kami selepas itu?" Beliau berkata, "Adakah kamu mengetahui kamu antara manusia bagaikan satu titik putih di dada seekor unta.[1]

Di dalam *al-Sahihain*, 'Āisyah me laporkan, Nabi Muhammad berkata, "Sesungguhnya kamu akan dihimpunkan kepada Allah pada hari kiamat dalam keadaan tidak berkasut atau selipar, telanjang dan tidak bersunat, 'Āisyah bertanya lagi, "Wahai Rasulullah, adakah lelaki dan wanita saling me lihat?" Beliau menjawab, "Wahai 'Āisyah, sesungguhnya keadaan pada hari itu lebih dahsyat untuk berkelakuan demikian.[2]

Kesimpulannya, lafaz *zalzalah* membawa maksud kedua-dua pendapat itu. Bagi yang berpendapat ia berlaku sebelum manusia dibangkitkan, ia membawa maksud goncangan bumi sebagai tanda datangnya hari kiamat. Bagi pendapat kedua iaitu selepas manusia dibangkitkan, ia bermaksud keadaan yang berlaku pada hari kiamat yang dahsyat, menakutkan dan menggerunkan jiwa bagi yang melihat dan menyaksikannya.

ZAMHARĪR (زَمْهَرِيرَ)

Lafaz ini diambil daripada kata akar *izmaharr* (اِزْمَهَرَّ). Ungkapan *izmaharrat al-'ain* (اِزْمَهَرَّتِ الْعَيْنُ) bermakna mata menjadi merah kerana sangat marah. *Izmaharr al-yaum* membawa maksud hari yang sangat sejuk.[3] Apabila disandarkan kepada *al-kaukab* (bintang) bererti sinarannya sangat terang dan sebagainya.[4] Kata akar bagi kata ini mengisyaratkan sesuatu yang sangat atau amat.

Disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah surah *al-Insān* ayat 13. Allah berkata (لَا يَرَوْنَ فِيهَا شَمْسًا وَلَا زَمْهَرِيرًا). Maksud lafaz ini mengandungi beberapa pendapat iaitu:

- Al-Rāzī[5] dan Qatādah[6] berkata, ia bermaksud sangat sejuk. Qatādah berkata, ayat ini bermaksud diketahui panas pasti menyakitkan dan juga sejuk yang amat menyakitkan dan Allah melindungi mereka daripada kesakitan yang berpunca daripada kedua -duanya.[7] Al-Zamakhsyarī berkata, tafsirannya, udara di dalam syurga seimbang dan sederhana, tidak panas yang dapat membakar dan tidak teramat sejuk yang dapat menyakitkan. Dalam hadis, udara di dalam syurga adalah *sajsaj* iaitu tidak panas dan tidak sejuk.[8]
- Al-Tha'lab berkata, ia bermakna bulan mengikut bahasa Tayy.[9] Daripada makna ini, sebahagian ahli tafsir mentafsirkan ayat di atas "Di dalamnya terdapat cahaya dan nur yang tidak memerlukan kewujudan cahaya matahari mahupun bulan.[10]

1 Ibn Kathir (1998), *op. cit.*, h. 194

2 *Ibid.*

3 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 586

4 Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 401

5 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 275

6 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 14, h. 265, athar no. 27754

7 *Ibid.*, athar no. 27754

8 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 658

9 Al-Rāzī (1987), *loc it.*, Al-Zamakhsyarī (1995), *loc it.*

10 *Ibid.*

- Daripada al-Suddī bin 'Abdullāh katanya, *zamharīrā* adalah tergolong daripada sejenis seksaan.[1] Abī Salamah melaporkan daripada Abī Hurairah, Nabi Muhammad berkata, "Api neraka mengadu kepada Tuhannya, ia berkata, wahai Tuhan, sebahagianku memakan se bahagian yang lain. Oleh itu, beri kanlah kepadaku rehat, lalu Allah mengizinkannya di mana setiap tahun diberikan kepada neraka dua kerehatan; dan mereka tidak temui sejuk yang melainkan ia daripada *zamharīr* Jahanam dan mereka tidak temui panas yang teramat melainkan ia daripada panas Jahanam.[2]

Kesemua makna di atas adalah bertepatan. Bagi maksud bulan, kerana sebelumnya disebut matahari, sedangkan bagi makna sejuk kerana matahari isyarat pada udara yang panas sehingga makna *zamharīrā* adalah lawan kepada sejuk. Kedua-dua makna ini dapat digabungkan di mana ia mengisyaratkan di dalam syurga terdapat udara yang seimbang, tidak panas, tidak sejuk dan mempunyai cahaya yang tidak perlu kepada matahari mahupun bulan.

ANJABĪLĀ (زَنجَبِيلًا)

Ibn Qutaibah berkata lafaz ini adalah nama bagi sesuatu.[3] Dalam *al-Mu'jam al-Wasīt,* ia bermakna tumbuhan daripada jenis *al -zanjābariyyah* yang memiliki akar yang besar, tertanam dan menjalar di tanah serta pedas rasanya iaitu halia. Ia juga bererti *khamar.*[4]

Disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Insān* (76), ayat 17. Allah berkata, (وَيُسْقَوْنَ فِيهَا كَأْسًا كَانَ مِزَاجُهَا زَنجَبِيلًا). Dalam ayat ini mempunyai dua maksud:

- Minuman yang bercampur dengan halia. Ibn Kathīr berkata, orang ber iman meminum khamar yang kadang kala minuman itu dicampur dengan *kāfūr* (كَافُور) bagi membuatkan mereka sejuk dan kadangkala dengan *zanjabīl* (halia) yang panas bertujuan supaya ia seimbang.[5]

  Dalam *Safwah al-Tafāsīr,* orang Arab berasa lazat ketika minum minuman yang dicampur dengan halia dan kerana baunya harum.[6] Al-Qurtubī berkata, kerana ia menyegarkan lidah dan menghadam makanan. Jadi, mereka menginginkan nikmat di akhirat berdasarkan keyakinan mereka ia adalah minuman yang nikmat dan lazat.[7]

  Dalam *Tafsir al-Azhar* menyebutkan, dari zaman dahulu orang Arab gemar meminum minuman yang di campurkan dengan halia yang dimasak dahulu, lalu diminum dalam keadaan panas, terutama pada musim sejuk. Mereka menamakannya *syarbat* yang bermakna minuman. Orang Banggali menamakannya *mandret.*[8]

1 Al-Tabarī (1995), *loc. cit.*, athar no. 27755

2 *Ibid.*, al-Bukhārī dalam *Bad` al-Khalq* bab 10, Muslim (*Masājid* hadis 185), al-Tirmidhī (*Jahanam* bab 9), Ibn Mājah (*Zuhd* bab 38), Mālik dalam Muwatta` *(Waqūt)* hadis 28).

3 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 503

4 Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 402, Ma`lūf (1975), *op. cit.*, h. 307

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 412

6 Muhammad 'Alī al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 494

7 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 19, h. 137

8 HAMKA (1984), *op. cit.*, j. 29, h. 289

- Ia bermaksud nama bagi mata air. Mujāhid dan Qatādah menyatakan, ia adalah nama bagi mata air iaitu minuman *ahl abrār* (أَهْلُ ٱلْأَبْرَار) di dalam syurga. Ada juga yang berpendapat, ia adalah mata air di dalam syurga yang rasanya seperti rasa halia.[1]

Kesimpulannya, makna *zanjabīl* adalah **halia**.

ZAQQŪM(زَقُّوم)

Lafaz ini dipetik daripada *al-tazuqqum* (التزقم) maksudnya menelan dengan payah kerana busuk dan pahit.[2] Dalam *Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī*, *al-zaqqūm* ialah setiap makanan yang membunuh pemakannya dan *syajarah al-zaqqūm* (الشَّجَرَةُ الزَّقُّوم) ialah pokok yang pahit dengan rasa yang tidak sedap, buahnya adalah makanan ahli neraka.[3]

Disebut tiga kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Sāffāt* (37), ayat 62; surah *al-Dukhān* (44), ayat 43; surah *al-Wāqi'ah* (56), ayat 52. Di dalam al-Quran, lafaz *al-zaqqūm* dikaitkan dengan pokok atau pokok *al-zaqqūm*. Al-Qurtubī menyatakan perbezaan pakar mengenai pokok ini, adakah ia pokok di dunia yang dikenali orang Arab atau tidak?

Pendapat pertama, sebahagian ulama ber pendapat, ia adalah pokok yang dikenali dan ia salah satu pokok di dunia. Tetapi, mereka berbeza pendapat dalam menentukannya. Ada yang berpendapat, ia adalah *qutrub* (قُطْرُب) iaitu pokok yang pahit rasanya dan berasal dari negeri Tahāmah iaitu pokok yang menjijikkan.[4] Ada yang berpendapat, ia adalah sejenis pokok yang mematikan.[5] Al-Baidāwī berkata, ia adalah sejenis pokok yang kecil daunnya dan pahit buahnya, berada di Tahāmah yang dinamakan dengan pokok *al-mauṣūfah* (ٱلْمَوْصُوفَة).[6]

Pendapat kedua, ia sejenis pokok yang tidak dikenali di dunia.[7] Ketika turun ayat ini, orang kafir Quraisy berkata, "Kami tidak mengetahui pokok ini." Lalu seorang daripada orang Afrika datang kepada mereka dan bertanya dan dia pun menjawab, "Bagi kami ia adalah keju dan tamar."[8]

Ibn al-Zab'ariyy menjelaskan, Allah memperbanyakkan *zaqqūm* di rumah kami.[9] Ibn 'Abbās berkata, ketika turun ayat al-Quran, (إِنَّ شَجَرَتَ ٱلزَّقُّومِ طَعَامُ ٱلْأَثِيمِ) daripada surah *al-Dukhan* (44), ayat 43 dan 44. Abū Jahal berkata, ia adalah tamar dan keju yang kami selalu makan. Allah juga menurunkan ayat, (إِنَّهَا شَجَرَةٌ تَخْرُجُ فِيٓ أَصْلِ ٱلْجَحِيمِ) daripada surah *al-Saffat* (37), ayat 64.[10] Al-Khāzin berkata, ia adalah sebatang pokok yang menjijikkan, rasanya pahit dan paling dibenci oleh ahli neraka untuk memakannya.[11]

Kesimpulannya, di dalam al-Quran, pokok *al-zaqqūm* adalah pokok yang akarnya di dalam neraka dan dahannya bercabang hingga ke beberapa tingkat neraka. Makanan

1 Al-Qurtubī (1996), *loc. cit.*
2 *Ibid.*, j. 15, h. 86
3 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 579
4 Hilmī (1979), *op. cit.*, j. 5, h. 236
5 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 15, h. 87
6 Hilmi (1979), loc. cit.
7 Al-Qurtubī (1996), loc. cit.
8 *Ibid.*
9 *Ibid.*
10 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 272-273
11 Hilmi (1979), *op. cit.*, j. 5, h. 236

bagi ahli neraka yang rasanya pahit tidak terhingga, yang memenuhi perut-perut mereka kerana kekufuran mereka dan pen dustaan mereka terhadap hari kebangkitan dan perhimpunan.[1]

ZAWĀL (زَوَالٌ)

Lafaz ini adalah *maṣdar,* diambil daripada kata akar *zāla* (زَالَ). Al-Rāzi berkata, *zāla al -syay` min makānih* (زَالَ الشَّيءُ مِن مَكَانِهِ) bermaksud, sesuatu itu bergerak dan berpindah dari tempatnya.[2] Lafaz *al-zawāl* bermaksud miring, waktu Zuhur iaitu bergesernya matahari dari tengah-tengah langit, keadaan yang lenyap, banyak bergerak dan pukul empat.[3] *Khat al-zawāl* bermaksud garisan meridian.[4] Al-Kafawī berkata, *wakt al-zawāl* ialah separuh daripada siang dan bukan separuh dari satu hari.[5]

Disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Ibrāhīm* (14), ayat 44. Allah berkata:

أَوَلَمْ تَكُونُوٓاْ أَقْسَمْتُم مِّن قَبْلُ مَا لَكُم مِّن زَوَالٍ

Dalam *Tafsīr al-Marāghī, zawāl* ber maksud perpindahan dari kehidupan dunia ke kehidupan akhirat bagi pembalasan dan hisab.[6] Dalam *Tafsīr al-Jalālain, min qabl* bermaksud dunia dan *zawāl* berpindah ke akhirat, maknanya berpindah dari dunia ke kampung akhirat.[7] Al-Zamakhsyarī berkata, maksudnya kamu bersumpah kamu akan kekal di dunia, tidak binasa dengan kematian dan fana.[8]

Mujāhid dan yang lain mentafsirkannya, "Kamu bersumpah kamu tidak berpindah dari dunia ke akhirat kerana kekufuran kamu pada hari kebangkitan[9] seperti kata-kata Allah, "Dan mereka bersumpah dengan nama Allah dengan bersungguh-sungguh sumpahan (sambil berkata): "Allah tidak akan membangkitkan semula orang-orang yang telah mati."[10]

Tafsiran ayat ini, "Tidakkah kamu telah bersumpah sebelumnya (di dunia) yang kamu tidak akan berpindah (kepada kampung akhirat) dari keadaan kamu sekarang, tidak ada hari untuk kembali dan tidak ada penghisaban, maka rasakanlah seksaanku".[11]

Al-Syaukānī berkata, ayat ini adalah ejekan dan celaan bagi mereka di mana "Tidakkah kamu bersumpah sebelumnya di dunia kamu tidak berpindah dari kampung dunia menuju ke kampung akhirat. Beliau berkata lagi, sumpahan mereka bukanlah hakikat tetapi hanya melalui lisan mereka kerana hanyut dalam syahwat dan beranggapan akan kekal hidup di dunia.[12]

1 Mahfum surah al-Wāqi'ah. Muhammad 'Alī al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 310

2 Al-Rāzī (1987) , *op. cit.*, h. 279

3 Ma`lūf (1975), *op. cit.*, h. 311, 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 594.

4 Ahmad Warson (1997), *op. cit.*, h. 595. Dalam Kamus Dewan, meridian adalah garis khayalan yang merupakan bulatan yang membelah bumi dari kutub utara ke kutub selatan. Noresah bt. Baharom *et al* (eds.) (2001), *op. cit.*, h. 884.

5 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 982

6 Al-Marāghī (1974), *op. cit.*, j. 13, h. 163

7 Al-Jalālayn (t.t), *op. cit.*, h. 327-328

8 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 543

9 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 496

10 Surah *al-Nahl* (16), ayat 38

11 Ibn Kathīr (1998), *loc. cit*

12 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 143

ZAYD (زَيْد)

Lafaz ini disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah al-Ahzāb (33), ayat 37. *Zayd* bernama Zaid bin Harithah, ibunya bernama Su'da dan mereka tinggal di Bani Ma'an. Ketika ayah Zaid pergi berniaga dengan kafilah lain, desa itu dikejutkan dengan serangan perompak Badwi yang memporak-perandakan desa itu dan Zaid diculik oleh perompak itu. Ayah Zaid iaitu Harithah mendengar berita itu jatuh tidak sedarkan diri. Dengan tongkat di bahunya, ia berjalan dari satu desa ke satu desa, dari satu kampung ke satu kampung dan bertanya setiap kabilah yang dijumpainya, namun dia tidak bertemu anaknya.

Perompak yang menyerang desa Bani Ma'an menjual hasil rompakannya di pasar Ukadh yang berlangsung waktu itu. Zaid dibeli oleh Hakim bin Hizam dan kemudian harinya, ia memberikannya kepada emak saudaranya Siti Khadijah. Pada masa itu, Khadijah menjadi isteri Nabi Muhammad sebelum beliau diangkat menjadi rasul. Selanjutnya, Khadijah memberikan khadamnya sebagai pelayan bagi Rasulullah. Beliau menerimanya dengan senang hati, lalu memerdekakannya serta mendidiknya dengan penuh kelembutan dan kasih sayang.

Pada salah satu musim haji, satu rombongan dari desa Harithah berjumpa Zaid di Makkah. Mereka menyampaikan kerinduan ayah bondanya. Zaid pulang menyampaikan pesan salam serta rindu dan hormat kepada kedua-dua orang tuanya dan meminta mereka menyampaikan pesanan, dia tinggal bersama ayah yang mulia. Apabila ayah Zaid mengetahui tempat anaknya berada, dia segera mengatur perjalanan ke Makkah bersama saudaranya.

Di Makkah, mereka bertanya rumah Muhammad al-Amīn. Sesudah berjumpa dengannya, Harithah berkata, "Wahai Ibn Abd al-Mutallib, wahai putera daripada pemimpin kaumnya! Kamu termasuk penduduk Tanah Suci yang biasa membebaskan orang tertindas, yang suka memberi makanan para tawanan. Kami datang kepada kamu mahu meminta anak kami. Sudilah kiranya menyerahkan anak itu kepada kami dan bermurah hatilah menerima wang tebusan seadanya?" Nabi berkata, "Panggilah Zaid ke sini, suruh dia memilih sendiri. Sekiranya dia memilih kamu, saya kembalikan kepada kamu tanpa tebusan. Sekiranya dia memilihku, demi Allah, aku tidak mahu menerima tebusan dan tidak akan menyerahkan orang yang memilihku." Mendengar ucapan Muhammad, wajah Harithah berseri-seri gembira.

Kemudian Nabi Muhammad menyuruh seseorang memanggil Zaid. Apabila Zaid tiba di hadapannya, beliau berkata, "Tahukah engkau, siapa orang ini?" "Ya," jawab Zaid, "Ini ayahku, yang seorang lagi adalah bapa saudaraku." Kemudian nabi mengulangi apa yang dikatakannya. Tanpa berfikir panjang Zaid menjawab, "Tidak ada orang pilihanku kecuali kamu! Kamulah ayah dan kamulah bapa saudaraku!" Mendengar kata-kata itu, kedua-dua mata Rasulullah basah dengan air mata, lalu dipegangnya tangan Zaid dan dibawanya ke halaman Kaabah, tempat orang Quraisy sedang berhimpun, lalu berseru, "Saksikanlah oleh kalian semua, mulai saat ini, Zaid adalah anakku yang menjadi ahli warisku dan aku jadi ahli warisnya."

Mendengar ucapan itu, hati Harithah girang. Kerana suka citanya, dia pulang dengan hati tenteram, meninggalkan anaknya pada seorang yang terkenal dengan *al-*

Sadiq al-Amin dan seorang pemimpin kota Makkah dalam keadaan aman dan sentosa. Selepas itu, dia dikenali dengan nama "Zaid bin Muhammad" di seluruh Makkah.

Selepas Nabi Muhammad diangkat menjadi rasul, Zaid memeluk Islam dan dikahwinkan dengan Zainab, anak ibu saudara Nabi Muhammad. Ternyata, Zainab memasuki alam perkahwinan dengan Zaid hanya kerana rasa enggan menolak anjuran dan syafaat Rasulullah, dan dia juga tidak sampai hati menyatakan enggan pada Zaid sendiri. Kehidupan rumah tangga dan perkahwinan mereka tidak bertahan lama sehingga berakhir dengan perceraian. Rasulullah bertanggungjawab pada per ceraian itu. Beliau akhirnya menikahi Zainab dan mencarikan isteri baru bagi Zaid iaitu dengan mengahwinkannya dengan Ummu Kalthum binti 'Uqbah. Disebabkan peristiwa itu, terjadi kegoncangan dalam masyarakat Madinah. Mereka melemparkan kecaman kenapa Rasulullah menikahi bekas isteri anak angkatnya?

Tentangan dan kecaman ini dijawab oleh Allah dengan wahyunya yang membezakan antara anak angkat dan anak kandung sekali gus membatalkan adat kebiasaan yang ber laku selama itu. Pernyataan wahyu itu ber bunyi, "Muhammad bukanlah bapa daripada seorang lelaki (yang bersama) kalian. Tetapi dia adalah Rasulullah dan penutup nabi." Dengan itu, Zaid dipanggil dengan nama asalnya semula "Zaid bin Harithah."

Beliau diangkat oleh Rasulullah men jadi komander dan panglima perang antara-nya dalam Perang Jumuh, al-Tharaf, al-'Isy, al-Hismi, Mu'tah dan lainnya. Di dalam Perang Mu'tah yang terkenal ini, Rasulullah melepaskan bala tentera dengan amanat, "Kalian perlu tunduk kepada Zaid bin Harithah sebagai pemimpin. Sekiranya beliau gugur, pimpinan dipegang oleh Jaafar bin Abī Talib, dan sekiranya Jaafar gugur pula, tempatnya dipimpin oleh 'Abdullāh b Ruwahah!" Dalam peperangan ini, Zaid gugur syahid menemui Tuhannya, begitu juga dengan Jaafar dan Abdullāh Ruwahah sesuai dengan urutan itu.[1]

ZAYGH (زَيْغٌ)

Lafaz ini adalah *maṣdar* daripada lafaz *zāgha* (زَاغَ). Dalam ilmu rohani ia bermakna ti-dak waras.[2] Al-Syaukānī berkata, *al-zaygh* (زَاغَ الشَّيْءُ) adalah kecondongan atau ke cenderungan. Daripadanya, perkataan *zāgha al-syams* (matahari condong) dan *zāgha al-absār* (kabur penglihatan). Ia juga mem bawa maksud apabila meninggalkan maksud sebenar.[3] Daripadanya ayat[4] (فَلَمَّا زَاغُوٓا أَزَاغَ ٱللَّهُ قُلُوبَهُمْ). Al-Isfāhanī dalam kitabnya mengat -kan *bahafa al-zaygh* bermaksud *al-mayl 'an istiqāmah* (المَيْلُ عَنِ اسْتِقَامَةٍ) maksudnya cende-rung atau lari daripada istiqamah iaitu pen-dirian ketika mereka memisahkan sebuah pendirian mereka dikatakan begitu.[5]

Disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 7. Al-Yazīdī berkata, *al-zaygh* ialah kekufuran kerana cen-

1 Khālid Muhammad Khālid (1981), *Karasteristik Perihidup Enam Puluh Sahabat Rasulullah* (terj. oleh Mahyuddin Syaf dkk dari buku *Rijāl Hawl al-Sahabah*), Bandung, h. 451-458

2 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 598

3 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 396

4 Mafhumnya: "Tatkala mereka condong, Allah mencondongkan hati mereka". (Surah *al-Saf* (61), ayat 5)

5 Al-Rāghib (1961), *op. cit.*, h. 217

derung lari dari jalan yang benar.[1]

Al-Zamakhsyarī berkata, mereka adalah ahli bid'ah.[2] Direkodkan oleh Muslim daripada 'Āisyah katanya, Rasulullah membaca ayat ini, (هُوَ الَّذِي أَنزَلَ عَلَيْكَ... إِلَّا أُولُو الْأَلْبَاب) 'Āisyah berkata, Rasulullah berkata yang bermaksud, "Apabila kamu melihat orang yang mengikuti (dengan sungguh-sungguh) sebahagian ayat -ayat *mutasyabih*, mereka adalah orang yang disebut oleh Allah (di dalam ayat ini), maka berhati-hatilah terhadap mereka."[3]

Qatādah menyatakan tafsiran ayat ini, sekiranya bukan al-Harūriyah[4] dan kelompok Khawarij aku tidak tahu siapa mereka.[5] Al-Qurtubī berkata, "Ayat ini mencakupi setiap kelompok daripada orang kafir, Zindiq, orang jahil dan ahli bidaah walaupun isyarat ayat ini pada masa itu kepada Nasrani Najran.[6] Demikian halnya dengan delegasi Najran itu. Boleh jadi akal logik mereka membenarkan penjelasan dan dalil-dalil yang dikemukakan Rasulullah tetapi hati mereka enggan menerimanya.[7]

Dalam *Tafsīr al-Manār,* mereka adalah *ahl al-zaygh* daripada orang musyrik dan *mujassamah* yang mengikuti ayat-ayat *mutāsyābih* seperti dalam kata-kata Allah (وَرُوحٌ مِنْهُ). Mereka mengambil pada zahirnya s - haja tanpa meneliti kepada hukum yang asal bagi membuat fitnah dengan mengajak mereka kepada hawa nafsu dan berkecimpung dalam permasalahan mereka, dan berkata, "Sesungguhnya Allah adalah roh dan *al -Masīḥ*. Roh adalah daripadanya dan ia sebahagian darinya yang tidak terpisah, oleh itu dia adalah Allah dan Allah adalah dia.[8]

Kesimpulannya, *al-zaygh* bermaksud **cenderung dan condong kepada kekufuran.**

ZAYTŪN (زَيْتُون)

Ism bagi sesuatu. Dalam kamus, ia bermaksud pokok yang buahnya berminyak, dimakan buahnya selepas dimasinkan dan diperah minyak daripadanya.[9] Ia juga bermaksud buah bagi pokok Zaitūn,[10] *mu`annath*nya *zayutūnah*.[11]

Jabal Zaytūn (الجَبَلُ زَيْتُون) bermaksud gunung yang berada di *al-Quds*. *Al-zaytūnah* juga membawa maksud sebuah universiti yang berada di Tunisia, dibina oleh 'Ubaidillah al-Habhab pada tahun 114H /732M. Ia menjadi pusat pengajian Islam dan pada tahun 1352H/1933M dijadikan universiti secara rasminya.[12] Dalam *Kamus Dewan*, ia bermaksud sejenis tumbuhan yang pokok yang buahnya dibuat minyak atau ia disebut dengan *olea europaea*.[13]

Disebut lima kali dalam bentuk *mudhakkar* iaitu dalam surah *al-Anām* (6), ayat 99, 141; *al-Nahl* (16), ayat 11; *al-Tīn* (95), ayat 1, *'Abasa* (80), ayat 29 dan dalam bentuk *muannath* iaitu

1 Al-Yazīdī (1987), *op. cit.*, h. 101

2 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 333

3 Muslim, dalam kitāb *al-'Ilm bāb al-Nahy 'An Ittibā' Mutasyābih al-Qurān*, 4/2053 hadis 2665

4 Nama bagi satu kelompok Khawarij; itu kerana apabila mereka berpisah dari 'Ali, ketika dia kembali dari Siffīn ke Kufah, mereka pergi ke Harārā` dan bergabung dengan satu golongan di sana, oleh itu mereka dinamakan al-Harūriyah.

5 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 4, h. 17

6 *Ibid.*

7 M. Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, j. 2, h. 14

8 Muhammad Rasyīd Ridā (t.t), *op. cit.*, j. 3, h. 166

9 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 595.

10 Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 408-409

11 *Ibid.*

12 'Āyid *et al* (t.t), *loc cit.*

13 Noresah bt Baharom *et al* (eds.) (2000), *op. cit.*, h. 1557

dalam surah *al-Nūr* (24), ayat 35.

Ka'ab al-Ahbār, Qatādah dan Ibn Zaid serta yang lainnya berkata, *zaytūn* adalah masjid Baitulmuqaddis.[1] Mujāhid, 'Ikrimah berkata, ia adalah *zaytūn* yang kamu perah sehingga mengeluarkan minyak.[2] Terdapat tafsiran yang menyatakan buah *zaytūn* banyak tumbuh di Palestin. Di Juresalem juga, ada sebuah bukit yang bernama *Bukit Zaytūn,* kerana di sana memang banyak tumbuh pohon *zaytūn*.[3] Al-Tabarī mengatakan *al-zaytūn* adalah buah *zaytūn* yang diambil minyaknya, kerana ia diketahui bangsa Arab.[4] Oleh itu, Ibn 'Abbās mengatakan buah *al-zaytūn* adalah yang ada pada kalian itu.[5]

Kesimpulannya, *al-zaytūn* ialah buah *zaytūn* iaitu tergolong daripada jenis buah -buahan. Dalam masa yang sama, ia juga termasuk dalam jenis makanan berat apabila ia menjadi lauk. Ia juga sejenis ubat-ubatan. Minyak yang diperah daripada buah ini menjadi kuah bagi sesetengah penduduk dunia. Minyak *zaytūn* juga dijadikan bahan campuran berbagai-bagai jenis ubat. Allah berkata maksudnya, "Dinyalakan dengan minyak dari pohon yang banyak berkatnya, (iaitu) pohon zaytun yang tidak tumbuh di sebelah timur (sesuatu) dan tidak tumbuh di sebelah barat (nya)."[6]

Diriwayatkan daripada Abū Na'īm di dalam kitab al-Tibb dari Abū Hurairah *(hadīs dha'īf)*: "Makanlah buah *al-Zaytūn* dan ambillah manfaat minyaknya kerana pokoknya pokok yang penuh berkat."[7]

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 479

2 *Ibid.*

3 HAMKA (1984), *op. cit.*, j. 30, h. 181

4 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 15, h. 303

5 Wahbah Zuhaylī (2001), Juz 'Amma, *op. cit.*, h. 298

6 Surah al-Nūr (24), ayat 35

7 *Ibid.*

ZUJĀJAH (زُجَاجَةٌ)

Ism mufrad, jamaknya *zujāj* (زُجَاجٌ) dan mengandungi maksud bahagian daripada *al -zujāj*. Ia adalah bentuk yang nipis lagi jernih, keras dan mudah pecah, dibuat daripada kaca atau ia bermakna botol, pelita atau lampu.[8]

Disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Nūr*, surah yang ke 24 ayat 35. Allah berkata, (المِصْبَاحُ فِي الزُّجَاجِ). Al-Zamakhsyarī berkata, maksud *al-zujāj* adalah pelita daripada kaca yang nipis.[9]

Al-Qurtubī menyatakan, ia dipanggil *al-zujāj* kerana memiliki bentuk yang nipis dan jernih.[10] Tafsirannya, cahaya terpancar daripada pelita yang jernih.[11] *Al-Zujāj* berkata, cahaya di dalam pelita atau kaca dan cahaya api lebih terang daripadanya pada setiap sesuatu, namun cahayanya di dalam pelita bertambah apabila berada di dalam kaca atau pelita. Ini kerana, pelita dalam bentuk yang nipis lagi jernih, memancarkan cahaya dengan sempurna.[12] Ubay bin Ka'ab berkata, ia seperti hati seorang mukmin.[13]

Kesimpulannya, *al-zujāj* bermakna **pelita**.

ZUKHRUF (زُخْرُفٌ)

Ism mufrad daripada kata akar *zakhrafa* (زَخْرَفَ), jamaknya *zakhārif* (زَخَارِفُ meng-

8 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 570, Ma`lūf (1975), *op. cit.*, h. 294

9 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 234

10 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 12, h. 259

11 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 273

12 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 967

13 Ibn Kathīr (1998), *loc. cit.*

andungi makna perhiasan sesuatu dan lafaz *zukhruf al-bait* (زُخْرُفُ الْبَيْتِ) bererti perabot atau barang yang menghiasi rumah.[1] Al-Rāzī berkata, maknanya emas, kemudian diibaratkan dengan setiap sesuatu yang dihias dan dicantikkan.[2]

Al-Zujāj berkata, *al-zukhruf* daripada segi bahasa bermaksud *al-zīnah* atau perhiasan, maksudnya sebahagian menghiasi sebahagian yang lain dengan amalan yang buruk.[3] Dalam *Kamus al-Munjid*, lafaz ini mengandungi makna sesuatu yang bagus dan apabila disandarkan kepada *al-kalām* membawa maksud percakapan yang batil, apabila disandarkan kepada *al-arḍ* (الأرض) bererti beraneka ragam warna tumbuh-tumbuhannya.[4]

Disebut empat kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 112; surah *Yūnus* (10), ayat 24; surah *al-Isrāk* (17), ayat 93; surah *al-Zukhruf* (43), ayat 35. Di dalam al-Quran, *zukhruf* mengandungi beberapa maksud mengikut sandarannya iaitu:

- Ia disandarkan kepada *al-qaul* (percakapan) seperti dalam surah al-An'ām. Ibn Qutaibah berkata, *zukhruf al-qaul* (زُخْرُفُ الْقَوْلِ) membawa maksud perkara yang dihiasi daripada percakapan dan diperindah lagi dengan kata-kata.[5] Oleh itu, al-Yazīdī menyatakan, setiap sesuatu yang engkau elokkan daripada perkataan adalah kebatilan.[6] Ibn Kathīr menyatakan, *zukhruf al-qaul* bermaksud sebahagian menceritakan kepada sebahagian yang lain dengan perkataan yang indah yang menipu pendengarnya sehingga tidak diketahui hakikat perkataan itu.[7] Dengan itu, 'Ikrimah dan Mujāhid menyatakan, *zukhruf al-qaul* ialah menghiasi kebatilan dengan ungkapan dan kata-kata.[8]

  Daripada Abī Umāmah, katanya, Rasulullah berkata, "Wahai Abū Dhar, berlindunglah engkau daripada syaitan, manusia dan jin." Beliau bertanya, "Wahai Rasulullah! Adakah pada manusia ada syaitan?" Beliau menjawab, "Ya." iaitu[9]

  شَيَٰطِينَ ٱلْإِنسِ وَٱلْجِنِّ يُوحِى بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ زُخْرُفَ ٱلْقَوْلِ غُرُورًا

  Kesimpulannya, *zukhruf al-qaul* membawa maksud perkataan yang dihiasi dengan kebatilan.

- Ia disandarkan kepada *al-bait* atau *al-buyūt* (rumah-rumah) seperti yang terdapat dalam surah *al-Isrāk* dan *al-Zukhruf*. Dalam surah *al-Isrāk*, al-Zamakhsyarī berkata, ia bermaksud emas, maknanya rumah daripada emas, dan dalam surah *al-Zukhruf*.[10] Allah berkata:

  لِبُيُوتِهِمْ سُقُفًا مِّن فِضَّةٍ وَمَعَارِجَ عَلَيْهَا يَظْهَرُونَ وَلِبُيُوتِهِمْ أَبْوَٰبًا وَسُرُرًا عَلَيْهَا يَتَّكِـُٔونَ وَزُخْرُفًا

  Beliau berkata, bagi menunjukkan kehinaan perhiasan dan keindahan kehidupan dunia di sisi kami, Allah

1 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 572

2 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 270

3 Muhammad Salīm al-Hajj (1985), Pentahkik kitab Gharīb al-Qur`ān oleh al-Yazīdī, *op. cit.*, h. 141

4 Ma`lūf (1975), *op. cit.*, h. 296

5 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 158

6 Al-Yazīdī (1985), *op. cit.*, h. 141.

7 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 155

8 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 5, h. 8, athar no. 10722

9 Ibn Kathīr (1998), *loc. cit.*

10 Al-Zamakhsyarī, *op. cit.*, j. 2, h. 666

jadikan bagi orang kafir atap, pintu, tangga, dan pagar yang kesemuanya diperbuat daripada perak dan emas sebagai perhiasan. Boleh juga asal maknanya atap daripada perak dan *zukhruf* iaitu sebahagian daripada perak dan sebahagian lagi daripada emas.[1] Begitu juga dengan pentafsiran al-Khāzin, maksudnya, "Dan kami jadikan kesemuanya daripada emas atau perhiasan segala sesuatu."[2]

- Ia disandarkan kepada lafaz *al-arḍ* yang terdapat dalam surah *Yūnus*. Allah berkata, (حَتَّىٰٓ إِذَآ أَخَذَتِ ٱلْأَرْضُ زُخْرُفَهَا). Al-Qurtubī menyatakan, maksudnya keindahan dan perhiasannya. *Al-zukhruf* menunjukkan kesempurnaan dan keindahan sesuatu dan daripadanya diungkapkan lafaz emas.[3] Al-Syaukānī juga mengatakan, *zukhruf al-arḍ* bererti beragam warnanya yang indah yang sebahagiannya menyerupai warna emas, sebahagian lagi menyerupai warna perak, sebahagian lagi menyerupai warna intan dan sebahagian lagi menyerupai warna berlian.[4] Dalam *Safwah al-Tafāsīr*, ia bermakna keindahan dunia dan perhiasannya.[5]
- Ia juga adalah salah satu nama surah di dalam al-Quran, iaitu surah yang ke 43 dan terdiri dari 89 ayat. Dilaporkan oleh al-Mardawayh daripada Ibn 'Abbās surah ini diturunkan di Makkah.[6] Ibn 'Itiyyah dan al-Qurtubī keduanya menyatakan mengikut ijmak ulama surah *al-Zukhruf* adalah surah Makkiah dan diturunkan selepas surah *al-Syura*.[7] Muqātil berkata, kecuali ayat 54 yang ia diturunkan di Madinah iaitu (وَاسْأَلْ مَنْ أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رُسُلِنَا).[8]

Sa'īd Hawwā menyatakan, surah *al-Zukhruf* merangkumi mukadimah yang terdiri dari tiga ayat iaitu,

حٰمٓ ﴿١﴾ وَٱلْكِتَٰبِ ٱلْمُبِينِ ﴿٢﴾ إِنَّا جَعَلْنَٰهُ قُرْءَٰنًا عَرَبِيًّا لَّعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٣﴾

Kemudian ayat-ayat berikutnya terdiri dari 3 perenggan *(maqāti')*, di mana setiap *maqāti'* dimulai dengan ayat (وإنه) yang ber makna al-Quran. *Maqāti'* pertama dimulai dari ayat 4 hingga 43, Allah berkata:

وَإِنَّهُۥ فِىٓ أُمِّ ٱلْكِتَٰبِ لَدَيْنَا لَعَلِىٌّ حَكِيمٌ ﴿٤﴾

Maqāti' kedua dimulai dari ayat 44 hingga 60, Allah berkata:

وَإِنَّهُۥ لَذِكْرٌ لَّكَ وَلِقَوْمِكَ ۖ وَسَوْفَ تُسْـَٔلُونَ ﴿٤٤﴾

Maqāti' ketiga dimulai dari ayat 61 hingga 89, Allah berkata:

وَإِنَّهُۥ لَعِلْمٌ لِّلسَّاعَةِ فَلَا تَمْتَرُنَّ بِهَا وَٱتَّبِعُونِ ۚ هَٰذَا صِرَٰطٌ مُّسْتَقِيمٌ ﴿٦١﴾

Setiap permulaan *maqāti'* menceritakan tentang karakter al-Quran dan didapati di dalamnya seruan bagi beriman, menerima dan beramal dengannya disertai penafian keraguan padanya. Tajuk pembahasannya tidak terlalu panjang dan meluas, namun ia isyarat pada penekanan kandungannya, memberikan dalil kesempurnaan al-Quran

1 *Ibid.*, j. 4, h. 243
2 Hilmi (1979), *op. cit.*, j. 5, h. 430
3 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 8, h. 304
4 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 558
5 Muhammad 'Alī al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 1, h. 580
6 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 682
7 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 16, h. 60
8 Al-Syaukānī (1994), *loc. cit.*

dan mukjizatnya, menerangkan paradigma dan karakternya dan inilah yang ditemui dalam dua surah iaitu surah *Yūsuf* dan *al-Zukhruf*.

Walaupun begitu, surah ini mempunyai peranan tersendiri di mana setiap ayat dan kumpulannya mengajak manusia berjalan di atas hidayah.[1]

ZULFĀ (زُلْفَى)

Ism maṣdar daripada akar lafaz *al-zalf* (الزَّلْفُ), dan ia adalah sifat seperti *al-taqwā* dan *al-khislah*.[2] *Al-zulfā* (الزُّلْفَى) mengandungi makna *al-qurbā* (القُرْبَى) iaitu dekat atau mendekatkan, kedudukan, posisi, taman dan sebagainya.[3]

Disebut empat kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Sabak* (34), ayat 37; surah *Sad* (38), ayat 25, 40 dan surah *al-Zumar* (39), ayat 3. Lafaz *al-zulfā* di dalam al-Quran mengandungi beberapa maksud iaitu,

- Dekat atau mendekatkan, dan kedudukan seperti yang terdapat dalam surah *Sabak* dan surah *Sād* ayat 25 dan 40. Allah berkata dalam surah *Sabak*:

  وَمَآ أَمْوَٰلُكُمْ وَلَآ أَوْلَٰدُكُم بِٱلَّتِى تُقَرِّبُكُمْ عِندَنَا زُلْفَىٰٓ

  Ibn Qutaibah memberikan makna lafaz ini dengan *al-qurbā* atau dekat.[4]

  Begitu juga dengan pendapat Mujāhid.[5] Al-Nasafī[6] berkata, *"tuqarribukum qurbatan"* atau seperti ayat *"wa Allāh anbatakum min al-ard nabātan"* (وَٱللَّهُ أَنۢبَتَكُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ نَبَاتًا).[7] Al-Badāwī mentafsirkannya sebagai "kumpulan harta kamu dan anak-anak kamu, bukan sesuatu yang mendekatkan kamu di sisi Kami atau menjadikan kamu benar-benar dekat ke sisi Kami."[8] Allah berkata dalam surah *Sād*, (وَإِنَّ لَهُۥ عِندَنَا لَزُلْفَىٰ).

  Al-Tabarī menyatakan maksudnya, sesungguhnya baginya di sisi kami (kedudukan) yang sangat dekat dari kami pada hari kiamat.[9] Muhammad b. Ka'ab dan Muhammad b. Qays menyatakan, maksud *zulfā* adalah (kedudukan yang dekat) selepas mendapat *maghfirah* (ampunan), dan demi Allah, sesungguhnya orang pertama yang minum *al-ka's* (gelas) pada hari kiamat adalah Nabi Dāūd.[10] Mujāhid daripada 'Abdullāh bin 'Umar, *al-zulfā* bermaksud *al-dunuww* (dekat) daripada Allah pada hari kiamat.[11]

- Syafaat seperti yang terdapat dalam surah *al-Zumar*. Allah berkata, (إِلَّا لِيُقَرِّبُونَآ إِلَى ٱللَّهِ زُلْفَىٰٓ). Al-Syaukānī berkata, makna *zulfā* adalah *al-syafā'ah* (syafaat) seperti yang diceritakan al-Wāhidī daripada ahli tafsir.[12] Qatādah

1 Sa'īd Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 9, h. 5118

2 Hilmi (1979), *op. cit.*, *j.* 5, h. 165

3 Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 398, 'Āyid et al (t.t), *op. cit.*, . 581

4 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 357

5 Muhammad Salīm al-Hājj (1985), pentahkik kitab Gharīb al-Qurān, *op. cit.*, h. 308

6 Hilmi (1979), *loc. cit.*

7 Mafhumnya: "Dan Allah telah menumbuhkan kamu dari bumi dengan pertumbuhan yang sungguh-sungguh". (*Nūh* (71), ayat 17).

8 Hilmi (1979), *loc cit.*

9 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 12, h. 180

10 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 15, h. 179

11 *Ibid.*

12 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 561

berkata, sekiranya dikatakan kepada mereka dari Tuhan mereka dan Pencipta mereka, "Siapa yang mencipta langit dan bumi serta menurunkan air hujan dari langit?" Mereka berkata, "Allah." Lalu dikatakan kepada mereka, "Apa makna ibadah kamu pada berhala?" Mereka berkata, "Bagi mendekatkan kami kepada Allah dan memberikan syafaat kepada kami di sisinya." Qatādah, al-Suddī, Mālik daripada Zaid b. Aslam dan Ibn Zaid menyatakan, maknanya bagi memberikan syafaat kepada kami dan mendekatkan kami di sisinya dengan kedudukan yang dekat.[1]

Kesimpulannya, makna umum bagi lafaz *zulfā* adalah perantara bagi mendekatkan diri dan juga bermaksud syafaat.

ZURRĀ' (زُرَّاع)

*Ism jamak, mufrad*nya adalah *zāri'* (زَارِعٌ) ertinya sesiapa yang menguruskan tanahnya sama ada menanam biji atau pokok dan sebagainya serta mengambil pekerja atau petani.[2]

Disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah ke 48 surah *al-Fath* ayat 29. Allah berkata:

كَزَرْعٍ أَخْرَجَ شَطْـَٔهُۥ فَـَٔازَرَهُۥ فَٱسْتَغْلَظَ فَٱسْتَوَىٰ عَلَىٰ سُوقِهِۦ يُعْجِبُ ٱلزُّرَّاعَ لِيَغِيظَ بِهِمُ ٱلْكُفَّارَ

Ibn 'Abbās berkata, orang mukmin seperti sebuah tanaman yang mengeluarkan pucuk, lalu tumbuh menjadi kuat, kemudian ia membesar dan tegap berdiri di atas batangnya sehingga menjadi tanaman yang elok, mengagumkan orang yang menanamnya kerana banyaknya dan pertumbuhannya yang sempurna.[3] Ibn Kathīr berkata, begitulah sahabat Rasulullah yang menolongnya, melindunginya dan membelanya; mereka bersama Nabi Muhammad bagaikan pucuk bersama penanam.[4]

Al-Nasafī berkata, ayat ini contoh yang Allah nyatakan bagi permulaan Islam, lalu semakin kuat dan kukuh kerana nabi berdiri dengan sendirinya. Lalu Allah me nguatkannya dengan orang-orang yang beriman dengannya sepertimana kekuatan tunas yang semakin membesar dan kuat yang mengagumkan penanam-penanamnya.[5]

Sa'īd Hawwā menyatakan, ayat ini me nerangkan pertumbuhan Islam sebagaimana ia menjelaskan karakteristik yang mereka bina bagi sebuah peranan daripada kasih kepada orang Muslim, keras pada orang kafir, rukuk, sujud, ikhlas, iman dan amal soleh.[6]

Daripada penjelasan ini, lafaz *zurrā'* membawa maksud penanam-penanam dan ia kiasan bagi orang yang kagum pada pertumbuhan Islam, sahabat nabi serta karakter orang yang beriman dengannya.

1 Ibn Kathīr (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 41

2 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 573

3 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 13, h. 148, athar no. 24510

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 183

5 Sa'īd Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 9, h. 5374

6 *Ibid.*, h. 5375

ZAWJ (زَوجٌ)

Lafaz *zawj* (زَوجٌ) adalah berbentuk *mufrad, jamak*nya ialah *azwāj* (أزواجٌ). Ia bermaksud sepasang, suami isteri, bentuk yang baginya lawan seperti lelaki dan perempuan, kering dan basah.[1]

Lafaz dalam bentuk *mufrad* ini diulang sebanyak 15 kali di dalam al-Quran. Tujuh kali dengan lafaz *zawj* iaitu dalam surah *al -Baqarah* (2), ayat 230; surah *al-Nisak* (4), ayat 20 (dua kali); surah *al-Hajj* (22), ayat 5; surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 7; surah *Luqmān* (31), ayat 10; surah *Qāf* (50), ayat 7.

Empat kali dengan menggunakan *ḍamīr (ka)* iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 230; surah *al-A'rāf* (7), ayat 19; surah *Tāha* (20), ayat 117; surah *al-Ahzāb* (33), ayat 37. Dua kali dengan menggunakan *ḍamīr (hu)* iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 102 dan surah *al-Anbiyāk* (21), ayat 90. Empat kali dengan menggunakan *ḍamīr (hā)* iaitu dalam surah *al-Nisak* (4), ayat 1, surah *al-A'raf* (7), ayat 189, surah *al-Zumar* (39), ayat 6, surah *al-Mujādilah* (58), ayat 1.

Terdapat banyak maksud yang ter kandung dalam lafaz ini di dalam al-Quran. Kepelbagaian makna-makna itu berdasarkan subjek ayat yang dibahas iaitu:

- Ia bermakna suami secara amnya seperti dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 230[2]:

  فَإِن طَلَّقَهَا فَلَا تَحِلُّ لَهُۥ مِنۢ بَعْدُ حَتَّىٰ تَنكِحَ زَوْجًا غَيْرَهُۥ.

- Ia bermaksud sepasang dari tumbuh -tumbuhan seperti maksud ayat dalam surah *Luqmān* (31), ayat 10[3]:

  وَأَنزَلْنَا مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَنۢبَتْنَا فِيهَا مِن كُلِّ زَوْجٍ كَرِيمٍ

- Lafaz *zawj* disandarkan kepadanya *ḍamīr ka (ك)* atau زَوجُكَ dan ia mempunyai dua maksud. Pertama, ia bermaksud Hawā, isteri Nabi Adam seperti dalam surah *al-Baqarah* (2), (وَقُلْنَا يَٰٓـَٔادَمُ ٱسْكُنْ أَنتَ وَزَوْجُكَ ٱلْجَنَّةَ). Kedua, ia bermaksud Zainab bt Jahsy al-Asadiyyah isteri Zaid b. Harithah, kemudian menjadi isteri Rasulullah, seperti dalam surah *al-Ahzāb* (33), ayat 37 iaitu[4] (أَمْسِكْ عَلَيْكَ زَوْجَكَ وَٱتَّقِ ٱللَّهَ). Anas bin Mālik berkata, ayat ini diturunkan berkenaan dengan Zaid bin Harithah dan Zainab binti Jahsy.[5]

- Lafaz ini disandarkan dengan *ḍamīr (hu)* atau زَوْجُهُ dan memiliki makna yang berbeza. Pertama, ia bermakna isteri Nabi Zakariyyā, maknanya terdapat dalam surah *al-Anbiyāk* (21), ayat 90, iaitu:

  فَٱسْتَجَبْنَا لَهُۥ وَوَهَبْنَا لَهُۥ يَحْيَىٰ وَأَصْلَحْنَا لَهُۥ زَوْجَهُۥٓ

  Ibn Kathīr mengatakan, maksud *zawjahu* adalah isteri Zakariyyā.[6] Ibn 'Abbās, Mujāhid dan Sa'īd bin Jubair berkata, isterinya dalam keadaan mandul yang tidak dapat hamil, namun ia mengandung (dengan izin Allah).[7] Kedua, ia bermaksud wanita secara amnya ter-

1 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 591

2 Maksudnya: "Maka seandainya dia mentalaknya (sesudah talak kedua), maka dia tidak halal lagi baginya sesudahnya hingga dia berkahwin dengan suami yang lain."

3 Maksudnya: "Dan Kami menurunkan hujan dari langit, lalu Kami tumbuhkan di bumi berbagai jenis tanaman yang memberi banyak manfaat."

4 Maksudnya: "Janganlah ceraikan isterimu itu dan bertakwalah kepada Allah."

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 458.

6 *Ibid.*, h. 184

7 *Ibid.*

dapat dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 102.[1]

- Lafaz ini menggunakan *ḍamīr (hā)* atau زَوْجَهَا yang mengandungi beberapa maksud. **Pertama**, ia bermaksud Hawā seperti dalam surah *al-Nisak* (4), ayat 1:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُوا۟ رَبَّكُمُ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ وَٰحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا

Majoriti ulama memahami ayat *"min nafs wahidah"* ialah Adam[2] dan kata *"zawjahā"* bermaksud pasangannya iaitu Hawā.[3]

Kedua, ia bermaksud isteri kepada Aus b. al-Samit saudara 'Ubādah b al -Samit iaitu Khaulah binti Tha`labah. Ada yang mengatakan Khaulah bt Khuwailid. Al-Qurtubi berkata, ia tidak bertentangan kerana salah satu adalah ayahnya dan yang lain datuknya.[4] Ibn 'Abbās mengatakan, ia adalah Khaulah binti Khuwailid al-Khazrajiyyah.[5] Maksud ini terdapat dalam surah *al -Mujādalah* (58), ayat 1, iaitu:

قَدْ سَمِعَ ٱللَّهُ قَوْلَ ٱلَّتِى تُجَٰدِلُكَ فِى زَوْجِهَا وَتَشْتَكِىٓ إِلَى ٱللَّهِ وَٱللَّهُ يَسْمَعُ تَحَاوُرَكُمَآ.[6]

1 Maksudnya: "Dalam pada itu ada juga orang-orang yang mempelajari dari mereka berdua: ilmu sihir yang boleh menceraikan antara suami isteri."

2 M. Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, j. 2, h. 314.

3 *Ibid.*, h. 315

4 Al-Qurtubi (1996), *op. cit.*, j. 17, h. 258-259.

5 *Ibid.*

6 Lihat sebab penurunan ayat ini pada kitab *Asbāb al-Nuzūl* oleh al-Wahidi (1998), h. 347. Maksud ayat: "Sesungguhnya Allah telah mendengar (dan memperkenankan) aduan perempuan yang bersoal jawab denganmu (wahai Muhammad) mengenai suaminya, sambil ia berdoa merayu kepada Allah (mengenai perkara yang menyusahkannya), sedang Allah sedia mendengar perbincangan kamu berdua. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Melihat."



حرف السين

س



SĀ'IL (سَائِلٌ)

Lafaz *sā'il* (سَائِلٌ) adalah *Ism Fā'il* daripada kata kerja *sa'ala* (سَأَلَ), ertinya yang bertanya untuk mendapatkan pengetahuan atau meminta untuk mendapatkan harta. Apabila mahu mendapatkan pengetahuan, jawapannya adalah dengan tulisan atau isyarat, dan apabila mahu mendapatkan harta, jawapannya dengan tangan dan lisan sebagai wakil baginya.[1]

Lafaz ini disebut empat kali dalam al -Quran iaitu pada surah *al-Dhāriyāt* (51), ayat 19; surah *al-Ma'ārij* (70), ayat 1, 25 dan surah *al-Duha* (93), ayat 10. Lafaz ini mencakupi dua makna.

Pertama, ia bermakna orang yang bertanya, sebagaimana yang terdapat dalam surah *al-Ma'ārij* (70) ayat 1. Dilaporkan daripada Ibn 'Abbās, *sā'il* dalam ayat ini adalah al-Naḍr bin al-Ḥārith.[2] Al-'Awfī melaporkan daripada Ibn 'Abbās, *sā'il* adalah pertanyaan orang kafir tentang azab Allah yang menimpa mereka.[3] Ibn Abī Najīḥ[4] melaporkan pula daripada Mujāhid, maksud perkataan *sā'il* dalam ayat itu adalah peminta yang meminta azab yang akan menimpa pada hari akhirat dan Allah berkata,

"Dan ingatlah, ketika mereka (kaum musyrik Makkah) berkata, "Wahai Tuhan kami! Jika betul al-Qur'an itu benar dari sisi-Mu, maka hujanilah kami dengan batu dari langit, atau datangkanlah kepada kami dengan azab seksa yang tidak terperi sakitnya."[5]

Ibn Kathīr berkata, "Pendapat yang benar adalah pendapat yang pertama[6] sebagaimana diterangkan dalam sebab turunnya ayat ini, di mana al-Naḍr bin al-Ḥārith berkata, "Wahai Tuhan kami! Jika benar...", maka dia berdoa untuk dirinya dan meminta azab, lalu azab itu menimpanya sebagaimana yang ia minta dengan terbunuhnya ia pada Perang Badar. Oleh sebab itu, turunlah surah al-Ma'ārij, ayat 1.[7]

Kedua, lafaz ini lebih cenderung dikaitkan dengan harta sebagaimana yang terdapat dalam ayat yang lainnya, maksudnya ialah anak yatim atau orang miskin. Ketika menjelaskan maksud *sa'il* dalam surah al-Ḍuḥā, Qatādah berkata, "Jadilah seorang ayah yang penyayang bagi anak yatim atau orang miskin."[8] Ibn Isḥāq berkata, "Jangan jadi orang yang bongkak, sombong, jahat dan keras terhadap orang yang lemah daripada hamba Allah."[9] Dalam surah al-Dhāriyāt, al -Syawkānī berkata, "Yang dimaksudkan *sā'il* adalah orang yang meminta kepada manusia kerana kefakiran dan kedaifannya."[10]

Bentuk jamak daripada *sā'il* ialah *sā'ilīn* (سَائِلِينَ) atau *sā'ilūn* (سَائِلُونَ), ertinya orang yang bertanya atau meminta. Ia disebut tiga kali dalam al-Quran iaitu dalam surah *al -Baqarah* (2), ayat 177; surah *Yūsuf* (12), ayat 7 dan surah *Fussilat* (41): ayat 10. Lafaz dalam bentuk jamak ini mengandungi dua maksud iaitu:

Pertama, bermaksud orang yang bertanya bagi mendapat pengetahuan sebagaimana yang terdapat dalam surah *Yūsuf* dan *Fussilat*. Dalam surah *Yūsuf*, dalam tafsir *al-Kasysyāf* diterangkan maksud orang yang bertanya mengenai kisah saudara-saudara Yūsuf dan

1 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 250.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h.. 476

3 *Ibid.*

4 *Ibid.*

5 Sūrah al-Anfāl (8): 32.

6 Ibn Kathīr (1998), *loc. cit.*

7 Al-Wāhidī (1998), *op. cit.*, h. 380.

8 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 476.

9 *Ibid.*

10 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 104.

mereka ingin mengetahuinya. Ada yang berpendapat, ayat ini adalah tanda-tanda kenabian Muhammad dan orang yang bertanya mengenainya adalah daripada kalangan Yahudi, lalu beliau mengkhabarkan kepada mereka dengan benar tanpa mendengar daripada sesiapapun dan tanpa membaca buku.[1]

Dalam *Tafsīr al-Jalālain* dijelaskan, lafaz *sā'ilīn* itu adalah orang yang bertanya mengenai berita dan kisah 11 saudara Yūsuf.[2] Dalam surah *Fussilat*, Maḥmūd berkata, batasan ini untuk tempoh atau masa bagi orang yang bertanya, "Berapa hari bumi dan apa yang ada di dalamnya dicipta?"[3] Dalam *Safwah al- Tafāsīr* diterangkan, dalam tempoh empat hari yang sempurna tanpa pengurangan dan penambahan bagi orang yang bertanya tentang tempoh penciptaan bumi dan apa yang ada di dalamnya.[4]

Kedua, lafaz ini bermaksud orang yang meminta untuk keperluan hidup sebagaimana yang terdapat dalam surah al-Baqarah. Al-Tabarī berkata, "Maksud *sā'ilīn* ialah orang yang meminta makanan."[5] Dalam *Tafsīr al -Manār* dijelaskan pula, ia bermaksud orang yang terdorong kepada sesuatu keperluan yang memaksa mereka untuk meminta kepada manusia dan kadangkala meminta kepada manusia bagi mendapatkan belas kasihan. Meminta-minta adalah haram menurut syarak kecuali dalam keadaan terpaksa.[6]

SAB' (سَبْعٌ)

Lafaz ini adalah bentuk *mudhakkar*, *mu'annath*nya adalah sab'ah (سَبْعَةٌ) iaitu bilangan tujuh, di antara enam dan lapan. Dikatakan *"Tāfa bi al-bait Sab'an"* maksudnya bertawaf mengelilingi Kaabah tujuh kali.[7]

Ia disebut 20 kali dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 29, 261; surah *Yūsuf* (12), ayat 43, 46, 46, 47, 48; surah *al-Isrāk* (17), ayat 44; surah *al-Mukminūn* (23), ayat 17, 86; surah *Fussilat* (41), ayat 12; surah *al-Talāq* (65), ayat 12; surah *al-Mulk* (67), ayat 3; surah *al-Hāqqah* (69), ayat 7; surah *Nūh* (71), ayat 15; surah *al-Hijr* (15), ayat 87 dan surah *al-Nabak* (78), ayat 12. Lafaz ini dikaitkan dengan beberapa perkara:

- Lafaz *sab'* dihubungkan dengan langit dan bumi yang membawa maksud tujuh lapisan langit dan tujuh lapisan bumi, terdapat dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 29; surah *al-Mukminūn* (23), ayat 86; surah *Fussilat* (41), ayat 12; surah *al-Talāq* (65), ayat 12; surah *al -Mulk* (67), ayat 3 dan surah *al-Isrāk* (17), ayat 44.
- Ia dikaitkan dengan *sanābil* ertinya tujuh tangkai. Terdapat dalam surah *al -Baqarah* (2), ayat 261 dan surah *Yūsuf* (12), ayat 46.
- Dikaitkan dengan lafaz *al-Baqarah* yang bererti tujuh sapi betina. Terdapat dalam surah *Yūsuf* (12), ayat 43, 43, 46, 46.
- Ia dihubungkan dengan *sinīn da'aban* dan *syidād* yang bermaksud tujuh tahun berturut-turut menanam tanaman dan tujuh tahun masa kemarau. Terdapat dalam surah *Yūsuf* (12), ayat 47 dan 48.

1 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 428.

2 Al-Jalalain (t.t), *op. cit.*, h. 297.

3 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 183.

4 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 117.

5 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 133.

6 Ridā (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 116.

7 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 319.

- Dihubungkan dengan *tarā'iq*. Mujāhid berkata, "Yang dimaksud *tarā'iq* di sini ialah langit,"[1] jadi maknanya tujuh lapisan langit.
- Ia dikaitkan dengan lafaz *layālī* iaitu malam dan maksudnya tujuh malam sebagaimana terdapat dalam surah *al -Hāqqah* (69), ayat 3.
- Dihubungkan dengan *al-Mathānī*. Terdapat dalam surah *al-Hijr* (15), ayat 87. Al-Rāghib berkata, "Maksudnya adalah surah *al-Hamd* (*al-Fātihah*) kerana bilangan ayatnya tujuh.[2] 'Alī bin Abī Tālib, Abū Hurairah, al-Rabī' bin Anas, Abū al-'Āliyah, al-Hasan dan lainnya berpendapat, maksud *al-sab' al-mathānī* adalah surah *al-Fātihah*, berdasarkan hadis hasan sahih daripada Abū Hurairah katanya, Rasulullah berkata, *"Al-hamd lillāh adalah umm al-Qurān, umm al-kitāb dan al-sab' al -mathānī."*[3] Jadi yang dimaksud al-*Sab' al-Mathānī* ialah surah *al-Fātihah*.
- Ia dikaitkan dengan *syidād*. Terdapat dalam surah *al-Nabak* (78), ayat 12. Dalam *Tafsīr al-Jalālain*, *sab'an syidādan* bermaksud tujuh langit yang kukuh dan kuat serta tersusun cantik, tidak berkurangan sepanjang masa.[4] Dalam *al-Asās fī al-Tafsīr*, ia bermakna tujuh langit yang kuat dan tersusun rapi serta teliti iaitu berkenaan dengan luasnya, tingginya, susunannya, ketelitiannya dan keindahannya.[5] Jadi, maksud lafaz *sab'an syidādan* adalah tujuh langit yang kuat lagi teliti dalam penciptaan.

Sedangkan lafaz *sab'īn* (سَبْعِينَ) atau *sab'ūn* (سَبْعُونَ) adalah lafaz puluhan dari bilangan tujuh, maksudnya tujuh puluh. Lafaz ini boleh digunakan untuk *mudhakkar* dan *mu'annath*.[6]

Lafaz *sab'ūn* disebut sekali dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Hāqqah* (69), ayat 32. Manakala lafaz *sab'īn* disebut dua kali iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 155 dan *al -Taubah* (9), ayat 80. Lafaz ini dikaitkan dengan beberapa perkara iaitu:

- Lafaz ini dihubungkan dengan *dhirā'*, sebagaimana terdapat dalam surah *al -Hāqqah*. Maksudnya 70 hasta di mana belenggu dan mata rantai itu panjangnya 70 hasta. Al-Hasan berkata, "Allah lebih mengetahui bagaimana panjang hasta itu." Nawf al-Syāmī berkata, "Setiap *dhirā'* (hasta) adalah 70 depa dan setiap satu depa lebih jauh dari Kufah ke Makkah. Muqātil berkata, "Kalaulah mata rantai itu diletakkan di puncak gunung, pasti ia mencair sebagaimana timah mencair.[7] Ka'ab b. al-Ahbār berkata, "Setiap satu mata rantai kadarnya adalah seperti batasan dunia."[8] Jadi, *sab'ūn dhirā'* bermaksud panjang rantai atau belenggu itu 70 hasta. Ibn 'Abbās berkata, "Ia (rantai itu) dimasukkan dari dubur dan keluar dari tekak kemudian digabungkan antara bahagian depan kepala dan kedua -dua kakinya.
- Dihubungkan dengan *rajul* sebagaimana terdapat dalam surah *al-A'rāf*. Maksudnya 70 pemuda atau orang daripada kaum Banī Isrā'el. Dalam *Safwah al-Tafāsīr* dijelaskan, Nabi

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 229.
2 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 222.
3 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 10, h. 59.
4 Al-Jalālayn (t.t.), *op. cit.*, h. 780.
5 Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 11, h. 6338.
6 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 319.
7 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 353.
8 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 376.

Musa memilih 70 orang daripada kaumnya yang menyembah patung untuk datang ke tempat di mana beliau berjumpa dengan Tuhannya.[1]

- Ia dihubungkan dengan *marrah* dan *istighfār*, terdapat dalam surah al -Taubah. Maksudnya 70 kali untuk meminta ampun bagi orang munafik. Dilaporkan, ketika ayat ini turun, Rasulullah berkata, "Pasti aku akan menambah dalam istighfar untuk mereka 70 kali lagi" dengan harapan Allah mengampunkan mereka. Lalu turunlah ayat 6 daripada surah *al -Munāfiqūn* yang mafhumnya, "Sama ada kamu beristighfar untuk mereka atau tidak beristighfar, Allah tidak akan mengampunkan mereka."[2]

SABḤ (سَبْحٌ)

Lafaz ini adalah *ism maṣdar* daripada kata kerja *sabaḥa* (سَبَحَ), yang makna asalnya mengandungi dua iaitu: (1) jenis atau bentuk dalam ibadah, (2) jenis atau bentuk daripada perbuatan dan usaha.[3] *Al-Sabḥ* juga bermakna kosong, bergerak untuk mencari penghidupan[4] dan tempat laluan yang cepat di dalam air dan udara.[5]

Ia disebut dua kali dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Muzzammil* (73), ayat 7 dan surah *al-Nāzi'āt* (79), ayat 3. Lafaz ini mempunyai dua makna iaitu:

1. Dalam surah *al-Muzzammil*, lafaz ini dikaitkan dengan lafaz *ṭawīlā* (طَوِيلا) iaitu:

- Al-Rāzī berkata, "Ia adalah masa yang luang dan kosong yang panjang. Ada yang mengatakan ia adalah masa yang kosong yang datang dan pergi."[6]
- Al-Rāghib berkata, "Lafaz ini dipinjam untuk mengisyaratkan cepatnya pergi dalam bekerja dan berusaha."
- Qutaibah berkata, "Maknanya ber gerak pergi dan balik dalam mencari keperluan-keperluan kamu."[7]

Kesimpulannya, maksud asal lafaz ini adalah masa yang panjang dan kosong. Dalam surah ini, ia bermakna keluar cepat untuk berusaha bagi mencari kehidupan pada masa yang kosong lagi panjang.

2. Dalam surah *al-Nāzi'āt*, lafaz ini dihubungkan dengan lafaz *al-sābiḥāt* dan membawa beberapa maksud:

- Al-Rāghib berkata, "Lafaz ini kiasan untuk kuda yang berlari kencang dan laju."[8]
- 'Alī berkata, "Ia bermakna malaikat yang berenang dan bergerak dengan roh-roh orang Mukmin.[9]
- Abū Ṣāliḥ berkata, "Ia bermaksud malaikat yang turun dari langit dengan cepat kerana perintah dari Allah seperti kuda yang berlari cepat."[10]
- Mujāhid berkata, "Ia ialah malaikat yang bergerak cepat dalam keadaan

1 Al-Ṣābūnī (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 474-475.
2 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 6, h. 253.
3 Ibn Zakariyā (1971), *op. cit.*, j. 3, h. 125.
4 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 282.
5 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 221.
6 Al-Rāzī (1987), *loc. cit.*
7 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 366.
8 Al-Iṣfahānī (1961), *loc. cit.*
9 Al-Qurṭubī (1996), *op. cit.*, j. 19, h. 185-186.
10 *Ibid.*

turun dan naik."[1]

- Ibn 'Abbās berkata, "Ia bermaksud roh -roh yang bergerak cepat ketika keluar dari jasad, tanda kerinduannya untuk berjumpa Allah."[2]

Kesimpulannya, lafaz *sabḥ* bermaksud bergerak cepat. Dalam surah ini bermaksud malaikat yang turun dengan cepat kerana perintah Allah sama ada bagi mencabut roh orang Mukmin atau sebagainya seperti kuda yang berlari laju dan cepat.

SABĪL (سَبِيْلٌ)

Lafaz *sabīl* (سَبِيلٌ) adalah dalam bentuk *mufrad*, maknanya jalan dan apa yang terang darinya, digunakan bagi *mudhakkar* dan *mu'annath*.[3] Ia juga bermakna sunnah dan cara, sebab dan wasilah,[4] mencari ilmu, setiap apa yang diperintahkan Allah berupa kebaikan. Penggunaan lafaz ini dalam perkara jihad lebih banyak, hujah dan sebagainya.[5]

Lafaz ini disebut 145 kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 108, 154, 190, 195, 217, 218, 244, 246, 246, 261, 262, 273; surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 13, 75, 97, 99, 146, 157, 167, 169; surah *al -Nisāk* (4), ayat 15, 22, 34, 43, 44, 51, 74, 74, 75, 76, 76, 84, 88, 89, 90, 94, 95, 98, 100, 115, 137, 141, 143, 150, 160, 167; surah *al-Mā'idah* (5), ayat 12, 54, 60, 77; surah *al-An'ām* (6), ayat 55, 116; surah *al-A'rāf* (7), ayat 45, 86, 142, 146, 146, 146, 146, 148; surah *al-Anfāl* (8), ayat 36, 47, 60, 72, 74; surah *al-Taubah* (9), ayat 19, 20, 34, 34, 38, 41, 81, 91, 93, 111, 120; surah *Yūnus* (10), ayat 89, 99; surah *al -Ra'd* (13), ayat 33; surah *Ibrāhīm* (14), ayat 3; surah *al-Nahl* (16), ayat 88, 94, 125; surah *al-Isrāk* (17), ayat 32, 42, 48, 72, 84, 110; surah *al-Hajj* (22), ayat 9, 25, 58; surah *al-Nūr* (24), ayat 22; surah *al-Furqān* (25), ayat 9, 17, 27, 34, 42, 44, 57; surah *al-Naml* (27), ayat 24; surah *al-Qasas* (28), ayat 22; surah *al -Ankabūt* (29), ayat 29, 38; surah *Luqmān* (31), ayat 6, 15; surah *al-Ahzāb* (33), ayat 4; surah *Sād* (38), ayat 26, 26; surah *Ghāfir* (40), ayat 11, 29, 37, 38; surah *al-Syūrā* (42), ayat 41, 42, 44, 46; surah *al-Zukhruf* (43), ayat 37; surah *Mūḥāmmad* (47), ayat 1, 4, 32, 34, 38; surah *al-Hujurāt* (49), ayat 15; surah *al-Hadīd* (57), ayat 10; surah *al-Mujādalah* (58), ayat 16; surah *al-Mumtahanah* (60), ayat 1; surah *al-Saff* (61), ayat 11; surah *al-Munāfiqūn* (63): 2; surah *al-Muzzammil* (73): 19, 20; surah *al-Insān* (76): 3, 29 dan surah *'Abasa* (80), ayat 20.

Manakala lafaz *sabīl* yang digandingkan dengan *ḍamīr* kamu (كَ) terdapat dalam surah *Yūnus* (10), ayat 88; surah *Ghāfir* (40), ayat 7; yang digandingkan dengan *ḍamīr* kami (نَا) terdapat dalam surah *al-'Ankabūt* (29), ayat 12; digandingkan dengan *ḍamīr* "nya" (ـه) terdapat dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 35; surah *al-An'ām* (6), ayat 117, 153; surah *al-Taubah* (9), ayat 9, 24; surah *Ibrāhīm* (14), ayat 30; surah *al-Nahl* (16), ayat 125; surah *al-Kahf* (18), ayat 61, 63; surah *al-Zumar* (39), ayat 8; surah *al-Najm* (53), ayat 30; surah *al-Saff* (61), ayat 4 dan surah *al-Qalam* (68), ayat 7; digandingkan dengan *ḍamīr* "mereka" (هم) terdapat dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 5; dan digandingkan dengan *ḍamīr* "saya" (ي) terdapat dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 195; *Yūsuf* (12), ayat 108 dan surah *al-Mumtahanah* (60), ayat 1.

1 *Ibid.*

2 *Ibid.*

3 Ibn Manẓūr (1968), *op. cit.*, j. 11, h. 319.

4 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 3, h. 185.

5 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 415.

Lafaz *sabīl* mengandungi beberapa maksud berdasarkan hubungan ayat itu dengan lafaz lain. Di dalam al-Quran, lafaz *sabīl* banyak dikaitkan dengan Allah atau *sabīl Allāh* bermaksud jihad. Namun, setiap yang diperintahkan oleh Allah daripada kebaikan termasuk dalam *sabīl Allāh* atau setiap jalan yang mahukan reda Allah semata-mata adalah kebaikan dan termasuk sebahagian daripadanya. Walaupun begitu, penggunaannya dalam perkara jihad lebih cenderung dan lebih banyak. Jadi, lafaz *sabīl Allāh* adalah jalan hidayah yang diajak dan diseru kepadanya[1] serta bersifat umum, yang mencakupi setiap amalan yang ikhlas mendekatkan diri kepada Allah dengan menunaikan perkara yang wajib, sunnah dan bermacam bentuk ketaatan.[2] Ini maksud yang **pertama**. Yang sinonim dengan lafaz *sabīl Allāh* adalah sebagai berikut:

- Lafaz *sawā' al-sabīl* (سَوَاءُ السَّبِيلِ) sebagaimana terdapat dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 108; surah *al-Mā'idah* (5), ayat 12, 60, 77; surah *al-Qasas* (28), ayat 22 dan surah *al-Mumtahanah* (60), ayat 1. Ibn Kathīr berkata, "Lafaz ini bermaksud jalan yang lurus. Jadi, tafsiran pada ayat ini adalah keluar dari jalan yang lurus kepada jalan kejahilan dan kesesatan. Ini adalah keadaan orang yang berpaling daripada membenarkan para nabi dan patuh serta mengikutinya kepada mendustakan kenabian mereka serta melontarkan pertanyaan-pertanyaan yang tidak perlu kepadanya atas dasar kekufuran dan ingkar."[3]
- *Sabīl al-rusyd* (سَبِيلُ الرُّشْدِ) iaitu jalan petunjuk dan hidayah sebagaimana terdapat dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 146 dan surah *Ghāfir* (40), ayat 29, 38. Al-Syawkānī berkata, "Ia bermaksud jalan kemenangan, kebaikan serta agama, lawannya adalah jalan kegagalan."[4]
- *Sabīl al-mukminīn* (سَبِيلُ الْمُؤْمِنِينَ) iaitu jalan orang mukmin sebagaimana terdapat dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 115.
- *Sabīl rabbik* (سَبِيلُ رَبِّكَ) terdapat dalam surah *al-Nahl* (16), ayat 125. Maknanya jalan Tuhan kamu iaitu jalan Allah.

Kedua, bermaksud jalan kesesatan dan terkandung dalam beberapa bentuk iaitu:

- *Sabīl al-tāghūt* (سَبِيلُ الطَّاغُوتِ) terdapat dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 76. Maknanya jalan syaitan yang mengajak kepada kekufuran dan kezaliman.[5]
- *Sabīl al-mujrimīn* (سَبِيلُ الْمُجْرِمِينَ) terdapat dalam surah *al-An'ām* (55). Ibn Zaid berkata, "Maknanya jalan orang yang meminta dan menyuruh kamu, wahai Muhammad untuk mengusir mereka daripada kalangan sahabat."[6] Al-Zamakhsyarī berkata, "Mereka adalah jalan orang yang tertutup hati mereka untuk tidak mengharapkan Islam dan orang yang memasuki Islam, tetapi tidak menjaga batasan-batasannya."[7]
- *Sabīl al-mufsidīn* (سَبِيلُ الْمُفْسِدِينَ) terdapat dalam surah *al-A'rāf* (142). Maksudnya jalan orang yang membuat kerosakan di muka bumi dengan maksiat dan mereka tidak patuh pada Tuhan mereka, menolong orang yang

1 Ibn Manẓūr (1968), *op. cit.*, j. 11, h. 320.

2 *Ibid.*

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 133.

4 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 312

5 Al-Ṣābūnī (1981), *op. cit.*, j. 1, h. 290; Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 466.

6 Al-Ṭabarī (1995), *op. cit.*, j. 5, h. 274.

7 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 28.

berbuat maksiat melakukan maksiat.[1]

- *Sabīl al-ghayy* (سَبِيلُ الغَيِّ) terdapat dalam surah *al-A'rāf* (146). Maknanya jalan kehancuran dan kebatilan yang menyebabkan orang yang berjalan di atasnya mengalami kesesatan dan kehancuran.[2]

Lafaz *sabīl* juga berdiri dengan sendirinya dan ia mengandungi makna jalan keluar daripada hukuman atas perbuatan keji, contohnya:

- Dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 15[3] bermaksud jalan yang dituju.
- Dalam surah *al-Kahfi* (18), ayat 61 dan 63 maksudnya uzur dan alasan.[4]
- Dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 34 bermaksud jalan hidayah.[5]
- Dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 88 bermaksud hujah.[6]
- Dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 90 bermaksud tujuan.[7]
- Dalam surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 41 iaitu jalan keluar dari rahim ibu ketika melahirkan.[8]
- Dalam surah *'Abasa* (80), ayat 20 bermaksud dosa dan maksiat[9] sebagaimana dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 61[10] dan *Āli 'Imrān* (3), ayat 75.[11]

Kesimpulannya, lafaz *sabīl* digunakan untuk setiap jalan yang menyampaikan kepada tujuan sama ada baik mahupun jahat.[12] *Jamak*nya adalah *subul* (سُبُلٌ) atau dalam erti bahasanya jalan-jalan atau cara-cara.

Lafaz *subul* disebut tiga kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 16; surah *al-An'ām* (6), ayat 153; surah *al-Nahl* (16), ayat 15. Dalam surah *al-Ma'idah*, lafaz *subul* dikaitkan dengan *al-salām*. Al-Fayrūz berkata, "Maksudnya ialah jalan ke syurga."[13] Al-Qurtubī berkata, "*Subul al-salām* (سُبُلَ السَّلَامِ) adalah jalan keselamatan yang menghubungkan kepada *Dār al-Salām* yang bersih daripada segala keburukan dan aman daripada segala yang menakutkan iaitu syurga."[14] Al-Hasan dan al-Suddī berkata, "Ia bermaksud agama Allah iaitu Islam[15] sebagaimana Allah berkata, "Sesungguhnya agama yang benar dan diredai di sisi Allah adalah agama Islam."[16]

Dalam surah al-Naḥl, lafaz *subul* dikaitkan dengan *"rabbik"* iaitu Tuhan kamu, maknanya jalan-jalan yang diilhamkan oleh Allah kepada lebah untuk diikuti bagi mem-

1 Al-Ṭabarī (1995), *op. cit.*, j. 6, h. 65.

2 *Ibid.*, h. 82.

3 Maksudnya: *"Atau hingga Allah mengadakan jalan untuk mereka jalan keluar (dari hukuman itu)."*

4 Maksudnya: *"Dan ikan itu telah menggelongsor menempuh jalannya di laut dengan cara yang menakjubkan."*

5 Maksudnya: *"Apabila mereka taat kepadamu maka janganlah kamu mencari jalan (sebagai alasan dan keuzuran) untuk menyusahkan mereka."*

6 Maksudnya: *"Padahal sesiapa yang telah disesatkan oleh Allah, maka engkau tidak sekali-kali akan mendapat jalan hidayah."*

7 Maksudnya: *"Jika mereka membiarkan kamu serta tidak memerangi kamu dan mereka menawarkan perdamaian kepada kamu, maka Allah tidak menjadikan bagi kamu hujah atau alasan yang membolehkan kamu memerangi atau menawan mereka."*

8 Maksudnya: *"Dan sesungguhnya orang yang bertindak membela diri setelah mereka dizalimi, maka mereka yang demikian keadaannya tidak ada sebarang tujuan hendak menyalahkan mereka."*

9 Maksudnya: *"Kemudian Ia mempermudah jalan keluar (anak yang ada di dalam rahim ibu) tersebut."* Jalan di sini juga boleh juga bermaksud jalan kebenaran. Lihat Ābādī (t.t.), *op. cit.*, h. 187.

10 Maksudnya: *"Tidak ada dosa bagi orang-orang yang berusaha untuk memperelok amalannya."*

11 Maksudnya: *"Tidak ada jalannya kami menanggung dosa mengenai orang-orang yang ummi."*

12 Ābādī (1986), *op. cit.*, h. 186-187.

13 *Ibid.*

14 Al-Qurṭubī (1996), *op. cit.*, j. 6, h. 119.

15 *Ibid.*

16 Surah *Āli 'Imrān (3), ayat 19.*

buat rumah atau sarang.[1] Dalam surah *al -An'ām*, makna *subul* ialah agama dan jalan -jalan yang banyak.[2]

Dilaporkan oleh Ibn Mas'ūd katanya, "Pada suatu hari, Rasulullah menggariskan kepada kami satu garisan lalu beliau berkata, "Ini adalah jalan Allah," kemudian menggariskan banyak garisan ke kiri dan kanan kemudian berkata, "Ini adalah jalan-jalan di mana setiap jalan wujud syaitan yang mengajak kepadanya lalu membaca ayat ini."[3] Lafaz *subul* di sini mencakupi Yahudi, Nasrani, Majusi, ahli bidaah, ajaran sesat dan sebagainya.[4]

Kesimpulannya, terdapat tiga makna *subul* iaitu (1) Jalan-jalan Allah yang menuju kepada keselamatan dan syurga; (2) Jalan kesesatan dan syaitan; (3) Jalan-jalan yang diilhamkan Allah kepada lebah sebagai petunjuk dalam membuat sarang atau mengambil makanannya.

Manakala lafaz *subulā* atau *subulan* disebut lima kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Nahl* (16), ayat 15; surah *Tāha* (20), ayat 53; surah *al-Anbiyāk* (21), ayat 31; surah *al-Zukhruf* (43), ayat 10 dan surah *Nūḥ* (71), ayat 20.

Kesemua lafaz ini dihubungkan dengan bumi di mana Allah menjadikan bumi dan gunung-ganang berserta kemudahan-kemudahan di atasnya. Ibn Kathir berkata, "Allah menjadikan pada gunung-ganang itu lubang atau lorong yang kamu dapat berjalan dari satu tempat ke tempat lain, dari satu negeri ke negeri yang lain. Sebagaimana yang nampak di muka bumi, di mana gunung menjadi penghalang antara negeri, dan Allah menjadikan padanya jalan yang luas untuk manusia berjalan di atasnya dari satu tempat ke tempat yang lain."[5]

Al-Ṣabūnī berkata, "Ia adalah lorong-lorong dan jalan-jalan yang luas sebagai petunjuk atau kemudahan bagi me nyampaikan mereka kepada maksud serta tujuan mereka di dalam perjalanan.[6]

Kesimpulannya, makna *subulā* atau *subulan* di dalam al-Quran cenderung kepada jalan-jalan atau lorong-lorong yang luas yang ada di muka bumi bagi memudahkan manusia dalam perjalanan mereka atau menghubungkan mereka dari satu tempat ke tempat lain.

Ada beberapa lafaz dan ungkapan yang berkaitan dengan lafaz *sabīl* iaitu:

1. AL-SABĪLĀ (السَّبِيْلَا)

Lafaz ini bahagian daripada lafaz *sabīl*, ia adalah kata nama yang makna bahasanya sudah dijelaskan sebelum ini. Al-Zamakhsyarī berkata, "Adapun penambahan huruf *alif* pada akhir lafaz ini adalah bagi menyamakan bunyi iaitu menjadikan bunyi akhir *(fawāsil)* ayat seperti potongan-potongan akhir pada syair. Faedahnya adalah *waqaf* atau untuk berhenti yang mengisyaratkan lafaz atau percakapan itu terputus dan percakapan atau lafaz selepasnya sebagai permulaan percakapan yang baru atau disebut *musta'naf*.[7]

Lafaz ini hanya disebut sekali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Ahzāb* (33), ayat 67. Al-Ṭabarī berkata, "Maksud *al-sabīlā* di sini ialah jalan kebenaran dan hidayah ser-

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 528.

2 Al-Ṣābūnī (1981), *op. cit.*, j. 1, h. 429.

3 Al-Qurṭubī (1996), *op. cit.*, j. 7, h. 137.

4 *Ibid.*

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 169.

6 Al-Ṣābūnī (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 261.

7 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 545.

ta perkara keimanan pada Allah, pengakuan akan keesaannya dan keikhlasan dalam mentaatinya. Tafsirannya, "Mereka (pemimpin -pemimpin) sudah menggelincirkan kami dari jalan kebenaran, hidayah, keimanan, pengakuan akan keesaanmu dan ketaatan terhadapmu."[1]

2. QASD AL-SABĪL (قَصْدُ السَّبِيْل)

Lafaz *al-sabīl* sudah dibentangkan maknanya pada pembahasan terdahulu. Manakala *qaṣd* bermakna jalan yang lurus dan *ṭarīq al -qaṣd* maksudnya jalan yang mudah dan lurus. Ia juga bermakna arah dan sedikit seperti ungkapan *"A'ṭāhu qaṣdā"* ertinya dia memberinya sedikit.[2]

Ungkapan ini hanya disebut sekali iaitu dalam surah *āl-Nāḥl* (16), ayat 9.

Al-Zujjāj berkata, "Maksud lafaz *qaṣd al-sabīl* adalah jalan yang terang lagi lurus serta mengajak kepadanya dengan hujah. *Al-sabīl al-qaṣd* bermaksud jalan yang lurus dan garisan yang lurus."[3] Begitu juga yang terdapat dalam *Tafsīr al-Jalālain* di mana maknanya ialah menerangkan jalan yang lurus.[4] Mujāhid berkata, "Ia bermaksud jalan kebenaran di sisi Allah." Al-Suddī berkata, "Ia bermaksud agama Islam."

Al-'Ūfī melaporkan daripada Ibn 'Abbās, ia bermaksud penerangan atau menerangkan jalan hidayah dan kesesatan. Ibn Kathīr berkata, "Pendapat yang paling benar adalah pendapat Mujāhid kerana ia bersesuaian dengan konteks ayat[5] dan makna ini seperti makna dalam ayat Allah yang bermaksud, "Dan sesungguhnya inilah jalanku yang betul dan lurus, maka hendaklah kamu menurutinya dan janganlah kamu menurut jalan-jalan kerana jalan-jalan itu mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah."[6]

Kesimpulannya, maksud *qaṣd al-sabīl* ialah **jalan kebenaran**.

3. IBN AL-SABĪL (ابْنُ السَّبِيل)

Makna *ibn* ialah seorang anak lelaki, manakala *al-sabīl* sudah dihuraikan terdahulu. Ibn 'Arafah berkata, "Lafaz ini bermaksud tetamu yang terputus bekalannya, diberikan bekalan sekadar sampai ke negerinya."[7] Ibn Manẓūr berkata, "*Ibn al-sabīl* ialah orang musafir yang banyak berjalan, dinamakan ia anak jalan kerana ia melazimkan dirinya dengannya."[8] Ibn Sayyidah berkata, "Ia bermakna anak jalan, dan takwilannya adalah yang banyak berjalan di atas jalan."[9]

Ungkapan ini disebut lapan kali dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 177, 215; surah *al-Nisāk* (4), ayat 36; surah *al-Anfāl* (8): 41; surah *al-Taubah* (9): 60; surah *āl-Īṣrāk* (17): 26; surah *al-Rūm* (30): 38 dan surah *āl-Ḥāṣyr* (59): 7.

Abī Ja'far berkata, "*Ibn al-Sabīl* adalah orang yang merentasi dari negeri ke negeri yang lain."[10] Mujāhid dan Qatādah[11] berkata, "Ia adalah orang yang bermusafir." Al-Ṭabarī berkata, "Dikatakan bagi yang bermusafir *Ibn al-sabīl* kerana ia melazimkan dirinya di jalan."[12]

1 Al-Ṭabarī (1995), *op. cit.*, j. 12, h. 61.

2 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 738.

3 Ḥawwā (1999), *op. cit.*, j. 6, h. 2918.

4 Al-Jalālain (t.t.), *op. cit.*, h. 337.

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 517.

6 Surah al-An'ām (6), ayat 153.

7 Ābādī (1986), *op. cit.*, h. 185.

8 Ibn Manẓūr (1968), *op. cit.*, h. 320.

9 *Ibid.*

10 Al-Ṭabarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 132-133, athar no. 2091.

11 *Ibid.*, athar no. 2092.

12 *Ibid.*

Kesimpulannya, *Ibn al-Sabīl* ialah **orang yang banyak melakukan perjalanan jauh.**

SĀBIQ (سَابِقٌ)

Lafaz ini adalah *ism fā'il* daripada kata kerja *sabaqa* (سَبَقَ). Asal makna lafaz ini ialah maju ke hadapan dalam perjalanan.[1] Menurut al -Fayrūz, *al-sabq* (السَّبَقُ) dalam al-Quran mengandungi beberapa makna iaitu: (1) Wajib;[2] (2) Berburu;[3] (3) Maju ke hadapan dengan niat melarikan diri;[4] (4) Mendahului atau meninggalkan;[5] (5) Mendahului dalam mukjizat dan kehinaan bagi musuh-musuh para nabi;[6] (6) Mendahului dalam tauhid dan iman.[7] Manakala lafaz *sābiq* bermakna yang mendahului dalam kebaikan.[8]

Lafaz ini disebut dua kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *Fātir* (35), ayat 32 dan surah *Yāsin* (36), ayat 40. Lafaz *sabiq* dalam surah *Fatir* dikaitkan dengan *'al-khairāt'* atau kebaikan dan ia mengandungi makna:[9]

- Yang mendahului dalam ketakwaan secara mutlak sebagaimana pendapat 'Ikrimah, al-Ḍaḥḥāk dan al-Farrā'.
- Yang mendahului manusia keseluruhannya dalam kebaikan sebagaimana pendapat yang dikemukakan oleh Mujāhid.
- Yang alim, ini pendapat Sahl bin 'Abd Allāh.
- Dhū al-Nūn al-Maṣrī berpendapat, ia bermaksud orang yang tidak pernah lalai daripada mengingati Allah.
- Ibn 'Aṭā' berpendapat, ia bermaksud orang yang menjatuhkan keinginannya kepada keinginan kebenaran.
- *Al-Sābiq* bermakna yang membaca al-Quran, beramal dengannya dan tahu makna-maknanya.
- *Al-Sābiq* bermaksud yang mencintai Tuhannya.
- 'Āisyah berkata, "*Al-Sābiq* adalah orang yang beriman sebelum hijrah."
- Dilaporkan daripada Ibn 'Abbās, Ibn Mas'ūd dan Abī al-Dardā', makna *sābiq bi al-khairāt* ialah orang yang memasuki syurga tanpa hisab.[10]
- Ibn Kathīr memberikan maksud lafaz ini dengan orang yang menunaikan perkara-perkara yang wajib dan sunat, meninggalkan yang haram dan makruh serta sebahagian yang harus.[11]

Kesimpulannya, maksud *al-Sābiq* di sini mencakupi semua makna di atas dan lebih dekatnya orang yang memasuki syurga tanpa hisab sebagaimana yang dilaporkan oleh Ibn 'Abbās, Ibn Mas'ūd dan Abī al-Dardā'.

Dalam surah *Yāsīn*, lafaz *sābiq* dikaitkan dengan malam dan siang. Allah berkata, "Dan malam tidak mendahului siang kerana tiap-tiap satunya beredar terapung di tempat edarannya masing-masing." Al-Zamakhsyarī berkata, "Maksudnya tanda-tanda malam

1 Al-Iṣfahānī (1961), *op. cit.*, h. 222.
2 Surah *al-Saffāt* (37), ayat 171.
3 Surah Yūsuf (12), ayat 17
4 *Ibid.*: 25.
5 Surah *al-'Ankabūt* (29), ayat 4.
6 Surah *āl-Ṣāffāt* (37), ayat 171.
7 Surah *al-Hasyr* (59), ayat 10.
8 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 414.
9 Al-Qurṭubī (1996), *op. cit.*, j. 14, h. 334-336.
10 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 517.
11 *Ibid.*, h. 516.

tidak akan mendahului tanda-tanda siang dan kedua-duanya adalah dua cahaya di mana siang tandanya terbitnya matahari dan malam wujudnya bulan. Apabila ditanya orang, "Mengapa matahari dijadikan tidak mudah mengejar (*idrāk*) dan bulan tidak mendahului?" Saya menjawab, "Kerana matahari tidak merentasi edarannya sehingga satu tahun sedangkan bulan merentasi edarannya dalam satu bulan. Oleh itu, matahari sudah tentu bersifat tidak mudah mengejar (*al-idrāk*), kerana perjalanannya lambat daripada perjalanan bulan dan bulan disifatkan dengan *al-sabq* kerana cepat perjalanannya.[1]

Muḥammad 'Abd al-Salām Syāhīn ber kata, "Maknanya di sini, setiap daripada kedua-duanya tidak memasuki yang lain dalam kekuasaannya sehingga cahayanya bercampur, tetapi kedua-duanya saling ber gantian di bawah pentadbiran Allah."[2]

س

Jamak mudhakkar daripada kata *sabiq* ialah *sābiqūn* (سَابِقُونَ) atau *sābiqīn* (سَابِقِينَ). Lafaz *sābiqūn* disebut empat kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 100; surah *al-Mukminūn* (23), ayat 61; dan surah *al-Wāqi'ah* (56), ayat 10. Dalam surah *al-Taubah*, lafaz ini dihubungkan dengan *"al-awwalūn min al-muhājirīn wa al-ansār"* (الْأَوَّلُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ) ertinya orang yang awal memeluk Islam daripada golongan Muhajirin dan Ansar. Dalam surah ini, lafaz ini mengandungi beberapa pentafsiran iaitu:[3]

- Mereka adalah orang yang membai'ah Rasulullah pada Bai'ah Ridwan atau yang hadir dan menyaksikan pada bai-'ah itu. Ini adalah pendapat 'Āmir dan al-Sya'bī.
- Mereka adalah orang yang sembahyang dengan Rasulullah di dua kiblat daripada kalangan Muhajirin. Ini adalah pendapat Abū Mūsā al-Asy'arī dan Sa'īd bin al-Musayyab.
- Al-Tabarī mentafsirkannya dengan orang yang mendahului manusia dengan menyatakan iman mereka kepada Allah dan rasulnya daripada kalangan Muhajirin yang berhijrah meninggalkan kaum dan keluarga mereka, memisahkan rumah dan negeri mereka serta kalangan Ansar yang membela dan menolong Rasulullah menghadapi musuh-musuhnya daripada kalangan orang-orang kafir.

Dalam surah yang lain, al-Rāghib al-Iṣfahānī berkata, maksud *al-sābiqūn* adalah orang yang lebih dahulu mendapat ganjaran daripada Allah dan syurga dengan amalan-amalan yang soleh.[4] Dilaporkan oleh Ibn Jarīr, Ibn al-Mundhir dan Ibn Abī Ḥātim daripada Ibn 'Abbās, mereka adalah orang yang lebih dahulu mendapat kebahagiaan daripada Allah.[5] Sa'īd Ḥawwā berkata, "Lafaz ini bermaksud mereka yang mendahului dalam berbuat kebaikan dan lebih dahulu memasuki syurga."[6] Muḥammad b. Ka'ab dan Abū Hirzah Ya'qūb b. Mujāhid berpendapat, mereka adalah para nabi.[7]

Menurut rekod daripada Ibn Abī Najīḥ daripada Mujāhid daripada Ibn 'Abbās berkata, "Mereka ialah Yūsya' bin Nūn yang lebih dahulu beriman kepada Mūsa, seorang mukmin daripada keluarga Yāsin yang lebih dahulu beriman kepada 'Īsā, dan 'Alī bin

1 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 17.

2 Muḥammad 'Abd al-Salām Syāhīn, pentahkik kitab tafsir Al-Zamakhsyarī. Lihat *ibid.*

3 Al-Ṭabarī (1995), *op. cit.*, j. 7, h. 10-12.

4 Al-Iṣfahānī (1961), *op. cit.*, h. 222.

5 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 610.

6 Ḥawwā (1999), *op. cit.*, j. 10, h. 5686.

7 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 255.

Abī Ṭālib yang lebih dahulu beriman kepada Nabi Muḥammad."[1] Al-Suddī berkata, "Mereka ialah yang mempunyai darjat yang tinggi."[2] Al-Awza'ī melaporkan daripada Abī Saudah, mereka ialah orang yang lebih dahulu pergi ke masjid dan lebih dahulu keluar di jalan Allah.[3] Ibn Kathīr berkata, "Kesemua makna di atas bagi lafaz *al-sābiqūn* adalah benar kerana makna umum bagi lafaz itu adalah orang yang bersegera melakukan kebaikan sebagaimana yang diperintahkan kepada mereka."[4]

Kesimpulannya, maksud *al-sābiqūn* terbahagi kepada dua, khusus dan umum. Maksud yang khusus terdapat dalam surah al-Taubah iaitu mereka adalah orang Muhajirin dan Ansar, manakala yang umum terdapat dalam surah lain yang bermaksud orang yang bersegera melakukan kebaikan sebagaimana yang diseru Allah kepadanya.

Manakala lafaz *sābiqīn* disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-'Ankabūt* (29), ayat 39. Al-Rāghib dan al-Fayrūz berkata, "Lafaz ini mengandungi makna peringatan dan penjelasan, mereka tidak akan mendahuluinya dan melepasinya."[5] Dalam sebuah hadis sahih, Rasulullah berkata, "Berjalanlah! Pasti orang yang menyendiri akan mendahului." Lalu beliau ditanya, "Siapa mereka, ya Rasulullah?" Beliau menjawab, "Mereka adalah orang yang bergoyang dan bergetar hati mereka dengan *zikrullah* (berzikir kepada Allah)."[6]

Al-Ṭabarī pula mentafsirkan ayat ini, "Ingatlah, wahai Muhammad! Tentang Qārūn, Firaun dan Hāmān, di mana Nabi Mūsā mendatangkan kepada mereka bukti-bukti dan ayat-ayat yang terang, tetapi mereka takbur di muka bumi dengan tidak mempercayai ayat-ayat itu dan tidak mahu mengikuti Mūsā, maka diri mereka tidak dapat mendahului kami sehingga melepaskan diri mereka dari kami, malah kami akan mengatasi mereka dengan menjatuhkan azab kepada mereka."[7] Dalam *Tafsir al-Jalālain* disebutkan, "Makna *sābiqīn* ialah mereka tidak dapat terlepas daripada azab kami."[8]

Kesimpulannya, lafaz *sābiqīn* dalam ayat ini bermaksud mereka iaitu **Qārūn, Firaun** dan **Hāmān yang tidak terlepas daripada azab Allah.**

SĀBIQĀT(سَابِقَاتٌ)

Lafaz ini adalah *jamak mu'annath* daripada *sābiqah* (سَابِقَةٌ) iaitu bentuk *mu'annath* bagi lafaz *sābiq*.

Ia disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Nāzi'āt* (79), ayat 4. Lafaz ini mengandungi beberapa makna berdasarkan pendapat para sarjana Islam:

- Muqātil, al-Mawardī dan al-Fayrūz berpendapat, maksud lafaz ini ialah malaikat Rahmah yang menghantarkan roh-roh orang mukmin ke dalam syurga dan malaikat Azab ke dalam neraka atau roh-roh mendahului jasad

1 *Ibid.*

2 *Ibid.*

3 *Ibid.*

4 *Ibid.*

5 Al-Iṣfahānī (1961), *op. cit.*, h. 223; Ābādī (1986), *op. cit.*, h. 182-183.

6 *Ibid.*

7 Al-Ṭabarī (1995), *op. cit.*, j. 11, hlm. 183-184

8 Al-Jalālain (t.t.), *op. cit.*, h. 521.

untuk pergi ke syurga atau neraka.[1]

- Dilaporkan daripada 'Alī, Mujāhid, Masrūq, Abī Sāliḥ dan al-Ḥasan al -Baṣrī, ia bermaksud malaikat[2] iaitu yang memintas dan mendahului syaitan dalam menyampaikan wahyu kepada para nabi.[3]
- Abu Rawq berkata, maksudnya malaikat yang mendahului anak Adam dalam berbuat baik dan amal soleh.[4]
- 'Aṭā' berpendapat, lafaz ini bermaksud kuda yang maju ke hadapan ketika berperang di jalan Allah.[5]
- Al-Jurjānī berkata, "Lafaz ini disebut dengan *al-fā'* kerana ia dipetik daripada lafaz sebelumnya, maknanya yang bertasbih sehingga mendahului."[6]

Kesimpulannya, maksud daripada *al-sābiqāt* ialah **para malaikat.**

س

SABT (السَّبْت)

Lafaz ini adalah kata nama yang berasal daripada kata kerja *sabata* yang bermakna tidur, rehat dan tinggal. Manakala *al-sabt* mengandungi makna salah satu nama hari daripada satu minggu, zaman, rehat, tidur, banyak tidur, pemuda yang berani dan sebagainya.[7] Al-Rāghib berkata, "Asal makna *al-sabt* ialah *al-Qaṭ'* (memotong), dikatakan hari itu dinamakan Sabtu kerana Allah mula menciptakan langit dan bumi pada hari Ahad selama enam hari dan memotong penciptaannya atau berehat pada hari Sabtu.[8]

Lafaz ini disebut lima kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 65; surah *al-Nisāk* (4), ayat 47, 154; surah *al-A'rāf* (7), ayat 163; surah *āl-Nāḥl* (16), ayat 124.

Lafaz *al-sabt* dalam ayat ini dikaitkan dengan hari dan sekali dihubungkan dengan lafaz *ashāb* iaitu dalam surah *al-Nisāk*, ayat 47. Al-Ḥasan berkata, "*Al-Sabt* adalah hari Sabtu dan berkenaan dengan hukum pada hari Sabtu, di mana kesemua ayat bercerita tentang mereka yang melanggar perintah Allah dengan memburu dan menangkap ikan pada hari Sabtu."[9]

Ibn Kathīr berkata, "Wahai orang Yahudi! Kamu mengetahui satu kaum yang menderhaka perintah Allah dan melanggar janji-janji mereka supaya mengagungkan hari Sabtu, di mana mereka membuat helah dengan menangkap ikan pada hari Sabtu dengan meletakkan jerat, jala dan pancing sebelum hari Sabtu itu. Pada hari Sabtu itu, mereka menarik jerat, jala dan pancing serta mengumpulkannya, lalu selepas Sabtu malam berlalu, mereka pun mengambilnya."[10]

Terdapat tiga pendapat mengenai maksud *Aṣḥāb al-Sabt* pada ayat iaitu:

- Dilaporkan daripada Ibn 'Abbās, 'Abd Allāh bin Kathīr, Mujāhid dan al-Suddī, *Aṣḥāb al-Sabt* adalah kaum Ailah, di antara Madyan dan al-Ṭūr,

1 Al-Qurṭubī (1996), *op. cit.*, j. 19, h. 186; Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 3, h. 183

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 422.

3 Al-Qurṭubī (1996), *loc. cit.*

4 *Ibid.*

5 *Ibid.*

6 *Ibid.*

7 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 412.

8 Al-Iṣfahānī (1961), *op. cit.*, h. 220.

9 Al-Qurṭubī (1996), *op. cit.*, j. 1, h. 443.

10 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 91.

atau di antara Mesir dan Madinah yang berada di tepi laut.[1]

- Qatādah berpendapat, ia adalah sebuah kampung di tepi laut Madyan.[2]
- Ibn Zaid berpendapat, ia adalah kampung yang dinamakan Maqnā iaitu antara Madyan dan 'Aynūnā.[3]
- Al-Ṭabarī berkata, "Kesemuanya boleh jadi benar, boleh jadi ia adalah Ailah, Madyan atau Maqnā kerana semuanya kampung yang berada di tepi laut. Tidak ada khabar daripada Rasulullah mengenai kampung ini. Yang penting, ia adalah sebuah bandar ataupun kampung yang berada di tepi laut."[4]

Kesimpulannya, lafaz *al-sabt* secara umumnya mempunyai dua makna iaitu memotong dan rehat. AYang dimaksudkan dalam al-Quran ialah hari Sabtu dan kampung atau bandar yang mengingkari larangan Allah supaya tidak menangkap dan menjala ikan pada hari Sabtu.

Manakala lafaz *sabtihim* (سَبْتِهِمْ) adalah bahagian daripada lafaz di atas, dan "هِمْ" adalah *ḍamīr* dan merujuk kepada kaum itu. Ia disebut sekali sahaja dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 163 dan dikaitkan dengan lafaz *"al-yaum"* atau hari. Al-Rāghib berkata, "Maksudnya hari di mana mereka berehat dan tidak bekerja."[5] Dalam tafsir *Safwah al-Tafasīr*, ikan-ikan banyak muncul dan mengambang pada hari Sabtu, di mana mereka diharamkan untuk menangkap ikan pada hari itu.[6]

Dalam *al-Asās fī al-Tafsīr* dijelaskan maksud ayat ini, "Ikan-ikan muncul di atas air dan hal itu menjadi cubaan daripada Allah untuk mereka. Manakala yang dimaksudkan dengan *"yaum sabtihim"* adalah hari Sabtu yang diperintahkan Allah untuk mengagungkannya dengan meninggalkan penangkapan ikan dan bekerja serta diperintahkan untuk beribadah. Ikan-ikan yang banyak muncul di atas air pada hari yang diharamkan bagi mereka untuk menangkap dan bekerja, sedangkan pada hari biasa, ikan-ikan itu tidak kelihatan.[7]

Kesimpulannya, *sabtihim* bermaksud **hari Sabtu yang mereka diharamkan untuk bekerja dan menangkap ikan.**

SABU' (سَبُعُ)

Lafaz ini adalah dalam bentuk jamak, *mufrad* -nya adalah *sibā'* (سِبَاعٌ)[8] iaitu haiwan yang buas secara umum.[9] Dalam *Mu'jam al-Wasīt* dijelaskan, ia adalah setiap haiwan yang memiliki taring, memburu manusia dan haiwan sehingga menerkamnya seperti singa, serigala dan harimau atau setiap yang memiliki cakar.[10]

Ia disebut sekali dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 3.

Al-Qurṭubī berkata, "*al-sabu'* ialah setiap binatang yang memiliki taring dan kuku yang bercakar seperti singa, harimau, serigala, be-

س

1 Al-Ṭabarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 471 dan j. 6, h. 122.
2 *Ibid.*
3 *Ibid.*, h. 123.
4 *Ibid.*
5 Al-Iṣfahānī (1961), *op. cit.*, h. 221.
6 Al-Ṣābūnī (1981), *op. cit.*, j. 1, h. 478.
7 Ḥawwā (1999), *op. cit.*, j. 4, h. 2038.
8 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 282.
9 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 319.
10 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 414.

ruang dan sebagainya."[1] Qatādah berkata, "Orang jahiliah, apabila binatang buas menerkam mangsanya dan makan sebahagian daripadanya, mereka memakan apa yang tinggal darinya." Al-Ṭabarī berkata, "Dan Allah mengharamkan untuk memakan apa yang telah dimakan oleh binatang buas yang tidak diajar sebagai binatang buruan.

Kesimpulannya, *al-sabu'* adalah **binatang buas yang memiliki taring dan cakar.**

SAḤĀB (سَحَابٌ)

Lafaz ini menunjukkan makna menarik sesuatu dan memanjangkannya.[2] Maknanya awan sama ada di dalamnya air mahupun tidak.[3] Dinamakan awan kerana ia berjalan dan saling tarik-menarik di udara[4] sehingga berkumpul menjadi satu dengan kehendak Allah.[5] Jamaknya ialah *suḥub* (سُحُب). Ia boleh digunakan untuk *mudhakkar* dan *mu'annath*, contohnya *saḥāb thaqīl* atau *thaqīlah*.

Ia disebut sembilan kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 164; surah *al-A'rāf* (7), ayat 57; surah *al-Ra'd* (13), ayat 12; surah *al-Nūr* (24), ayat 40, 43; surah *al-Naml* (27), ayat 88; surah *al-Rūm* (30), ayat 48; surah *Fātir* (35), ayat 9 dan surah *al-Ṭūr* (52), ayat 44.

Saḥāb ialah awan yang tunduk dengan kekuasaan Allah, berjalan berdasarkan kehendak Allah, membawa air yang lebat, lalu membasahi bumi sedikit demi sedikit. Ka'ab al-Aḥbār berkata, "Awan adalah tapisan hujan, sekiranya tidak wujud awan, pasti hujan itu akan membinasakan apa yang terdapat di bumi."[6]

Dalam surah *al-Nūr*, ayat 43, Allah menjalankan awan dengan kekuasaannya dan ia masih lemah, lalu dia mengumpulkannya selepas terpisah-pisah, dan menjadikannya bertindih-tindih sehingga menjadi tebal, kemudian turunlah hujan dari celah-celahnya ke bumi yang mati yang dibawa oleh angin.[7]

SAHARĀH – SAHHĀR (سَحَرَةٌ - سَحَّارٌ)

Kedua-dua lafaz ini adalah jamak bagi lafaz *sāḥir* (سَاحِرٌ), maknanya para ahli sihir.

Lafaz *saharah* disebut lapan kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 113, 120; surah *Yūnus* (10), ayat 80; surah *Tāha* (20), ayat 70; surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 38, 40, 41, 46. Sedangkan lafaz *sahhār* disebut sekali iaitu dalam surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 37.

Dalam al-Quran, penggunaan kedua-dua lafaz ini adalah untuk para ahli sihir Firaun yang dikumpulkan oleh Firaun dan dikirim bagi melawan Nabi Mūsā. Ibn 'Abd al-Hakam berkata, "Mereka berasal daripada 12 perwakilan, bersama setiap perwakilan 20 pemimpin dan di sisi setiap pemimpin 1000 ahli sihir." Muqātil berkata, "Kepala mereka ialah Syam'ūn." Ibn Juraij berkata, "Mereka

1 Al-Qurt)ubī (1996), *op. cit.*, j. 6, h. 52.

2 Ibn Zakariyā (1971), *op. cit.*, j. 3, h. 142.

3 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 323; Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 1, h. 418.

4 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 205.

5 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 89.

6 Al-Ṣābūnī (1981), *op. cit.*, j. 1, h. 111.

7 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 279.

mencecah 900 daripada al-'Arīsy, al-Fayyūm dan al-Iskandariyyah."

Ibn Ishāq dan laporan daripada Wahab menerangkan,"Bilangan mereka ialah 15000 ahli sihir."[1] Berdasarkan laporan Ibn Jarīr daripada al-Qāsim b. Abī Barrah, beliau berkata, "Firaun mengumpulkan 70000 ahli sihir, mereka mencampakkan 70000 tali dan 70000 tongkat lalu menyihirnya sehingga menjadi ular."[2]

Al-Zamakhsyarī berkata, "Mereka mendatangkan lafaz jamak ini iaitu lafaz *al-ihātah* dan *al-mubālaghah* (lafaz yang menunjukkan komplit dan superlatif) bagi melawan lafaz dalam bentuk *mufrad* iaitu *sāhir* yang bermaksud Nabi Mūsā. Hal ini bertujuan bagi menenangkan hati Firaun dan menutupi sebahagian kekhuatirannya.[3]

SĀHIR (سَاحِرٌ)

Lafaz ini adalah *ism fā'il* daripada *siḥr*, mengandungi makna orang yang melakukan sihir atau penyihir dan alim.[4]

Ia disebut 12 kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 109, 112; surah *Yūnus* (10), ayat 2, 79; surah *Ṭāhā* (20), ayat 69; surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 34; surah *Sād* (38), ayat 4; surah *Ghāfir* (40), ayat 24; surah *al-Zukhruf* (43), ayat 49 dan surah *al-Dhāriyāt* (51), ayat 39, 52. Lafaz ini mengandungi beberapa makna:

- Bermakna Nabi Mūsā. Terdapat dalam surah *al-A'rāf*, ayat 109;[5] surah *al-Syu'arāk*, ayat 34; [6] surah *Ghāfir*, ayat 24; [7]; surah al-Zukhruf, ayat 49;[8] surah al-Dhāriyāt, ayat 39. Dalam surah al-Zukhruf, al-Tabarī berkata, "Ayat ini adalah perkataan Firaun dan pengikutnya kepada Nabi Mūsā, mereka menamakan beliau penyihir *(sāhir)* sedang mereka memintanya untuk berdoa kepada Tuhannya supaya melepaskan mereka daripada azab, kerana maksud *al-sāhir* menurut mereka adalah seorang yang alim dan sihir bagi mereka tidaklah tercela, jadi mereka menamakannya dengan nama ini kerena menurut mereka maknanya ialah "Wahai orang yang alim atau cerdik pandai."[9]
- Bermaksud Rasulullah. Terdapat dalam surah Yūnus, ayat 2. Maksud ayat ini, "Walaupun wujud bukti yang jelas akan kebenaran kerasulan Nabi Muhammad dan mukjizat al-Quran, orang musyrik berkata, Muhammad adalah benar-benar penyihir dan apa yang didakwanya adalah batil."[10] Al-Baiḍāwī berkata, "Ayat ini meng-

1 Al-Qurṭubī (1996), *op. cit.*, j. 7, h. 247.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 220; al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 9, h. 28, athar no. 11602.

3 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, 3, h. 302.

4 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 323; Ibn Manẓūr (1968), *op. cit.*, j. 4, h. 349.

5 Ketika Nabi Mūsā melemparkan tongkat sehingga menjadi ular besar yang menggerunkan dan kemunculan cahaya di tangannya melebihi cahaya matahari maka Fir'aun dan orang-orangnya berkata bahawa Nabi Mūsā adalah ahli sihir.

6 Maksud ayat ini sama dengan maksud ayat di atas.

7 Nabi Mūsā telah diutus kepada Firaun, Hāmān dan Qārūn, lalu mereka berkata bahawa baginda adalah seorang penyihir kerana mukjizat yang ada padanya.

8 Maksudnya: *"Dan mereka berkata: "Wahai ahli sihir! Berdoalah kepada Tuhanmu untuk (melepaskan) kami sesuai dengan apa yang telah dijanjikan-Nya kepadamu; sesungguhnya kami benar-benar akan menjadi orang yang mendapat petunjuk."*

9 Al-Ṭabarī (1995), *op. cit.*, j. 25, hl. 102.

10 Al-Ṣābūnī (1981), *op. cit.*, j. 1, h. 573.

isyaratkan, pengakuan mereka iaitu Nabi Muhammad memiliki perkara yang luar biasa yang tidak dapat ditentang, ia adalah pengakuan yang tidak disedari mereka di mana apa yang didatangkan kepadanya di luar kemampuan manusia."[1]

- Bermakna ahli sihir Firaun atau yang alim dalam bidang sihir. Terdapat dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 112; surah *Yūnus* (10), ayat 79; surah *Tāha* (20), ayat 69. Dalam surah *Yūnus*, al-Syawkānī berkata, "Beginilah keadaannya ketika Firaun melihat tangan Nabi Mūsā bercahaya dan tongkatnya menjadi ular serta menganggap kedua-duanya adalah sihir. Lalu dia menyuruh kaumnya untuk mendatangkan ahli sihir[2] yang benar-benar alim dan teratas dalam ilmu sihir."[3]
- Bermaksud rasul-rasul yang diutus oleh Allah sebagaimana terdapat dalam surah *al-Dhāriyāt* (51), ayat 52. Ibn Kathīr berkata, "Ayat ini adalah penenang dan penghibur hati Nabi Muhammad, sebagaimana orang musyrik berkata, engkau adalah penyihir, begitu juga dengan orang terdahulu berkata demikian kepada rasul-rasul mereka."[4]

*Ism maf'ūl*nya (objek) adalah *masḥūr* (مَسْحُوْرٌ) dan mengandungi beberapa makna iaitu yang rosak daripada makanan atau tempat disebabkan banyaknya hujan atau selainnya. *Arḍ asḥūrah* ertinya tanah yang tandus. *'Anzah masḥūrah* pula maknanya kambing betina yang sedikit air susunya.[5]

Lafaz ini disebut tiga kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Isrāk* (17), ayat 47, 101 dan surah *al-Furqān* (25), ayat 8. Lafaz ini mengandungi dua makna iaitu:

- Bermaksud Rasulullah yang terdapat dalam surah *al-Isrāk*, ayat 7 dan dalam surah *al-Furqān*. Ertinya orang kafir beranggapan, beliau disihir sehingga menjadi gila. Sa'īd Ḥawwā berkata, "Beginilah keadaan mereka ketika mereka mendengar bacaan al-Quran, mereka berkata-kata secara sembunyi dengan menuduh Rasulullah sebagai penyihir, tidak bersungguh-sungguh ketika mendengarnya dan mempersendakan kebenaran serta tidak mengikutinya."[6] Oleh itu, mereka berkata kamu tidak mengikuti wahai orang mukmin, selain seorang penyihir yang akalnya sudah dikuasai sehingga mendakwa dia adalah utusan Allah.[7]
- Bermaksud Nabi Mūsā sebagaimana terdapat dalam surah *al-Isrāk*, ayat 101. Tafsirannya, ketika Nabi Mūsā didatangkan sembilan mukjizat yang menunjukkan kebenaran risalahnya dan disaksikan oleh Firaun, dia berkata, "Aku menganggap engkau wahai Musa sudah disihir dan sihir itu menguasai akalmu."[8]

1 *Ibid.*
2 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 593.
3 Al-Jalālain (t.t.), *op. cit.*, h. 276.
4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 212.
5 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 323.
6 Ḥawwā (1999), *op. cit.*, j. 6, h. 3081.
7 Al-Ṣābūnī (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 356.
8 Ḥawwā (1999), *op. cit.*, j. 6, h. 3131.

SANĀBIL (سَنَابِل)

Lafaz ini dalam bentuk jamak, *mufrad*nya adalah *sunbulah* (سُنْبُلَة). Al-Rāghib berkata, "Maknanya adalah apa yang ada di atas tanaman."[1] Ibn Manzūr berkata, "Maknanya adalah tanaman yang miring kerana berbuah atau berbunga. Makna *sanābīl* adalah mayang atau tangkai.[2]

Ia hanya disebut sekali dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 261. Ibn Kathīr berkata, "Ini adalah perumpamaan Allah melipat gandakan bagi orang yang berinfak di jalan Allah dengan mengharapkan keredaannya, dan setiap kebaikan sama dengan sepuluh balasan yang sama dengannya hingga 700 kali ganda[3] kerana setiap tangkai atau mayang terdiri daripada 100 biji dan setiap satu biji bercabang menjadi 700 biji."[4]

Sebagaimana dalam sebuah hadis yang dilaporkan oleh Ibn Mas'ūd katanya, "Rasulullah berkata, "Sesungguhnya Allah menjadikan kebaikan yang dilakukan anak Adam daripada 10 hingga 700 kali ganda kecuali puasa, kerana puasa adalah untukku dan aku sendiri akan memberikan ganjarannya...." Direkodkan daripadanya juga, seseorang bersedekah seekor unta yang hitam, Rasulullah berkata, "Pasti didatangkan pada hari kiamat dengan 700 unta yang hitam."[5]

Kesimpulannya, makna *sanābil* ialah **tangkai-tangkai** atau **mayang-mayang tumbuhan.** Di dalam al-Quran, ia dijadikan contoh bagi pahala orang yang berinfak di jalan Allah.

1 Al-Iṣfahānī (1961), *op. cit.*, h. 223.

2 Ahmad Warson Munawir (1997), *op. cit.*, h. 607.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 278.

4 Al-Ṣābūnī (1981), *op. cit*, j. 1, h. 168.

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*

SIḤR (سِحْرٌ)

Lafaz ini adalah kata terbitan daripada kata kerja *saḥara* (سَحَرَ), jamaknya adalah *asḥār* (أَسْحَارٌ) dan *suḥūr* (سُحُوْرٌ). Al-Azharī berkata, "Asal maknanya ialah memalingkan sesuatu daripada hakikatnya kepada yang lainnya, seakan-akan penyihir ketika ia memperlihatkan kebatilan dalam gambaran yang hak, ia membayangkan selain kebenaran sesuatu."[6] Maknanya yang lain ialah setiap perkara yang tersembunyi sebabnya dan mengkhayalkan, bukan hakikat dan berjalan di atas penipuan.[7] *Al-Sihr* juga bermakna ilmu sihir, mantera, faham kesesatan, dan perdukunan.[8]

Lafaz *sihr* disebut 23 kali dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 102; surah *al-Mā'idah* (5), ayat 110; surah *al-An'ām* (6), ayat 7; surah *al-A'rāf* (7), ayat 116; surah *Yūnus* (10), ayat 76, 77, 81; surah *Hūd* (11), ayat 7; surah *Tāha* (20): 57, 58, 63, 66, 71, 73; surah *al-Anbiyāk* (21), ayat 3; surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 35, 49; surah *al-Naml* (27), ayat 13; surah *al-Qasas* (28), ayat 36; surah *Sabak* (34), ayat 43; surah *al-Saffāt* (37), ayat 15; surah *al-Zuhkruf* (43), ayat 30; surah *al-Ahqāf* (46), ayat 7; surah *al-Tūr* (52), ayat 15; surah *al-Qamar* (54), ayat 2; surah *al-Saff* (61), ayat 6 dan surah *al-Muddaththir* (74), ayat 24.

Lafaz *siḥr* dalam al-Quran mengandungi dua makna iaitu (1) Tanda kebesaran Allah dan (2) Sihir atau mantera. Makna *al-siḥr* yang bererti bukti kebesaran dan keagungan Allah yang diungkapkan orang kafir terkandung dalam surah *al-Mā'idah*, surah *al-An'ām*, surah Yūnus, surah *Hūd*, surah *Tāha* ayat 57, 63, 71; surah *al-Syu'arāk*, surah

6 Ibn Manẓūr (1968), *op. cit.*, j. 4, h. 348.

7 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 1, h. 419.

8 Cyril Glassē (1999), *op. cit.*, h. 242.

al-Naml, surah *al-Qasas*, surah *Sabak*, surah *al-Sāffāt*, surah *al-Zukhruf*, surah *al-Ahqāf*, surah *al-Tūr*, surah *al-Qamar*, surah *al-Saff*, dan surah *al-Muddaththir*.

Lafaz *al-siḥr* yang mengandungi tanda kebesaran Allah dapat dibahagikan kepada tiga iaitu:

- Mukjizat Nabi 'Īsā sebagaimana ter dapat dalam surah al-Mā'idah dan dikaitkan dengan perkataan *al-bayyināt*. Ibn Kathīr berkata, "Allah menurunkan tanda-tanda yang jelas dan agung seperti dapat menyembuhkan penyakit buta dan pekak sejak lahir, menghidupkan yang mati dan sebagainya sebagai tanda kerasulanmu, namun orang kafir mendustakanmu dan menuduh engkau adalah ahli sihir."[1]
- Al-Quran dan risalah yang dibawa oleh Nabi Muhammad sebagaimana terdapat dalam surah *al-An'ām*, surah *Hūd*,[2] surah *Sabak*,[3] surah *al-Sāffāt*,[4] surah *al-Zukhruf*,[5] surah *al-Ahqāf*,[6] surah *al-Tūr*,[7] surah *al-Qamar*,[8] surah *al-Saff* dan[9] surah *al-Muddaththir*.[10] Al-Syawkānī memberikan maksud lafaz *siḥr* dalam surah al-Muddaththir ialah di mana ia (al-Quran) dinukilkan daripada selain Allah dan dilaporkan daripadanya.[11] Oleh itu, apa yang dikatakan oleh Muhammad adalah sihir atau mantera yang dinukilkan daripada ahli sihir.[12] Al-Alūsī berkata, "Maksudnya penafian al-Quran ia adalah *Kalāmullāh*."[13]
- Mukjizat dan risalah yang dibawa oleh Nabi Mūsā dan Hārūn. Ini terdapat dalam surah *Yūnus* (10), ayat 76,77; surah *Tāha* (20), ayat 57, 63, 71; surah *al-Syu'arāk*, surah *al-Naml* dan surah *al-Qasas*. Al-Zamaksyarī berkata mengenai makna *sihr* dalam surah *Yūnus*, "Selepas Nabi Mūsā dan Hārūn diberikan sembilan tanda[14] sebagai kebenaran risalah yang dibawanya daripada Allah, Firaun dan pengikutnya berkata berdasarkan cinta mereka kepada syahwat yang mana ia adalah sihir, sedangkan mereka tahu kebenaran jauh daripada sihir yang hanya tipu daya dan dalam kebatilan."[15]

Adapun *siḥr* yang bermakna mantera atau sihir yang bererti menampakkan kebatilan dalam bentuk yang hak ini terdapat dalam surah *al-Baqarah* (102), surah *al-A'rāf*, surah *Yūnus* (81), surah *Tāha* (58, 73) dan surah *al-Anbiyāk*.

Dalam surah *al-Baqarah*, Mujāhid berkata, "Syaitan mencuri dengar wahyu, lalu setiap satu lafaz yang mereka dengar, mereka menambahkan 200 lafaz sepertinya, maka Allah mengutus Sulaimān bagi mendapat-

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 108.

2 Mengenai pengingkaran orang kafir terhadap terjadinya hari kebangkitan yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad agar mengkhabarkannya kepada mereka.

3 Mengenai al-Quran.

4 Risalah Allah mengenai hari kebangkitan.

5 Mengenai al-Quran.

6 Berkenaan ayat-ayat Allah yang jelas.

7 Berkenaan dengan risalah Muhammad tentang neraka bagi orang kafir.

8 Diriwayatkan Laith daripada Mujāhid: "Bulan terbelah dua pada masa Nabi Muhammad, maka Nabi berkata kepada Abū Bakar: "Saksikanlah wahai Abū Bakar", lalu orang-orang musyrik berkata: "Muhammad telah menyihir bulan sehingga terbelah menjadi dua." Lihat Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 236.

9 Mengenai kerasulan Muhammad melalui lisan Nabi 'Īsā .

10 Berkenaan dengan al-Quran.

11 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 406.

12 Al-S)ābūnī (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 477.

13 *Ibid.*

14 Lihat pada pembahasan lafaz *Āyāt*.

15 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 348.

kan apa yang mereka tulis. Ketika Sulaimān wafat, para syaitan mendapatkannya semula dan mengajarkannya kepada manusia dan ia adalah mantera atau sihir."[1]

Dalam surah *Yūnus*, ayat 81, ketika para ahli sihir melemparkan tali-tali dan tongkat-tongkat mereka, Nabi Mūsā berkata, "Apa yang kamu datangkan atau lemparkan hanyalah sebuah sihir dan Allah akan menghapuskannya."[2]

Kesimpulannya, lafaz *siḥr* dalam al -Quran memgandungi dua maksud iaitu: (1) Tanda-tanda kebesaran Allah atau kebenaran yang dikatakan orang-orang kafir sebagai sihir. (2) Mantera atau sihir dalam kaedah dukun.

SIḤRĀNI (سِحْرَانِ)

Lafaz ini berbentuk *muthannā* (bilangan dua) daripada *siḥr*. Ia disebut hanya sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Qasas* (28), ayat 48, dan dibaca mengikut *qiraat* ulama al-Kūfiyyūn dan Ḥafs.

Qatādah berkata, "Maknanya ialah *al-Injīl* dan *al-Qurān*." Al-Farrā' berpendapat, maknanya ialah *al-Taurāh* dan *al-Furqān*. Abū Razīn berpendapat, maknanya ialah *al-Taurāh* dan *al-Injil*.[3] Ibn Qutaibah membacanya dengan "*Sāḥirāni*"[4] dan mengandungi tiga makna:

- Nabi Mūsā dan Muḥammad. Ini adalah perkataan orang musyrik Arab. Makna ini adalah pendapat Ibn 'Abbās dan al-Ḥasan.
- Sa'īd bin Jubair, Mujāhid dan Ibn Zaid berpendapat, maksudnya ialah Mūsā dan Hārūn. Ia adalah perkataan orang Yahudi pada permulaan kerasulan dan perkataan itu menjadi hujah ke atas mereka.
- Pendapat Qatādah iaitu maknanya 'Īsā dan Muhammad, perkataan ini adalah perkataan orang Yahudi sekarang. Al-Qurṭubī berpendapat, maknanya ialah Mūsā dan Muhammad yang saling membantu dalam perkara sihir.[5] Tafsirannya, "Tidakkah keseluruhan orang Yahudi kufur terhadap apa yang didatangkan kepada Musa di dalam kitab Taurat mengenai perkhabaran 'Isa, Injil dan al-Quran? Mereka mengatakan Mūsā dan Muhammad adalah penyihir dan kedua kitab mereka juga merupakan kitab sihir."[6]

SIJJĪL (سِجِّيلٌ)

Al-Zujjāj berkata, "Ia dipetik daripada *al -sijīll* (السِّجِلّ) bermaksud yang keras,[7] batu

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 118.

2 Ḥawwā (1999), *op. cit.*, j. 5, h. 2497.

3 Al-Qurṭubī (1996), *op. cit.*, j. 13, h. 304.

4 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 333. Aḥmad Saqr berkata: "Ia adalah qiraat jumhur ulama, dan Muhammad Ḥamīd 'Uthmān berkata: "Ia qiraat mutawatir sebagaimana yang terdapat dalam kitab *Taqrīb al-Nasyr*."

5 Al-Qurṭubī (1996), *op. cit.*, j. 13, h. 305. Al-Kalbī berkata: "Sebahagian orang-orang Quraisy diutus kepada orang-orang Yahudi untuk menanyakan mereka tentang kerasulan Muhammad dan perihal mengenainya, lalu mereka berkata: "Kami mendapatinya di dalam kitab Taurat dengan sifat-sifat dan perihalnya dengan mendetil. Tetapi mereka kembali (dari pernyataan yang pertama) dengan mengatakan (قَالُوا سَاحِرَانِ تَظَاهَرَا) (kedua-duanya (Mūsā dan Muḥammad) saling membantu dalam perkara sihir).

6 *Ibid.*, h. 395

7 Ibn Zakariyā (1971), *op. cit.*, j. 3, h. 139.

yang bercampur dengan tanah,[1] apa yang ditulis bagi mereka untuk diazab[2] dan batu seperti tanah yang keras.[3] Dilaporkan daripada Wahab, "*Sijjīl* adalah lafaz yang disebut dalam bahasa Parsi "*sink*", ertinya batu dan "*kil*" bermakna tanah.

Lafaz ini disebut tiga kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *Hūd* (11), ayat 82; surah *al-Hijr* (15), ayat 74 dan surah *al-Fīl* (105), ayat 4.

Ibn Qutaibah berkata, "Ayat "حِجَارَةٌ مِنْ سِجِّيْلٍ" maknanya seperti ayat Allah "حِجَارَةٌ مِنْ طِيْنٍ", maknanya batu dari tanah yang keras.[4] Qatādah dan 'Ikrimah berkata, "Ia bermakna tanah."[5] Ibn 'Abbās berkata, "Ia dalam bahasa Parsi "*sink*" iaitu batu dan "*jil*" iaitu tanah, jadi ia bermakna tanah dalam bentuk batu.[6] Ibn Zaid berkata, "Ia adalah langit bumi yang dinamakan dengan *sijjīl* iaitu yang dijatuhkan Allah kepada kaum Lut."[7] Al-Bukhārī berkata, "*Ṣijjīl* adalah yang besar lagi keras."[8] Jadi, *ṣijjīl* adalah batu yang keras lagi besar, asalnya daripada tanah kemudian menjadi keras.

SIJJĪN (سِجِّيْنٌ)

Abū 'Ubaidah berkata, "Lafaz ini adalah *wazan* (bentuk lafaz) *fi"īl* (فِعِّيْلٌ) daripada lafaz *sijn* (سِجْنٌ) dan *sijjīn* adalah tempat di dalamnya terdapat buku-buku orang yang berbuat maksiat.[9] Ia juga bermakna yang lama, keras,[10] *wadi* di dalam neraka dan terang.[11] Dikatakan "*jā'a sijjīnā*" ertinya "dia datang secara terang -terangan."[12] Ia disebut dua kali dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Mutaffifīn* (83), ayat 7 dan 8.

Sebuah hadis dilaporkan oleh al-Barrā' b. 'Āzib, "Allah berkata tentang roh orang kafir, tulislah bukunya di dalam *sijjīn*, dan *sijjīn* adalah di bawah lapisan bumi yang tujuh."[13] Ada yang berpendapat, ia adalah perigi di dalam neraka.[14] Ibn 'Abbās berkata, "*Sijjīn* ialah buku-buku orang kafir."[15]

Ibn Kathīr berkata, "Yang sahih, *sijjīn* dipetik daripada *sijn* iaitu sempit. Setiap kali makhluk-makhluk ke bawah, tempatnya semakin sempit dan setiap kali naik, tempatnya semakin luas. Sesungguhnya, setiap langit yang tujuh berbeza luasnya daripada yang lainnya, begitu juga dengan bumi, di mana setiap satu lebih luas daripada yang lainnya sehingga ke tempat yang paling sempit sampai kepada pusat di tengah-tengah bumi yang tujuh. Oleh itu, kerana tempat bagi orang yang *fajir* adalah neraka, ia adalah sehina -hina tempat dan paling sempit."[16]

Jadi, makna *sijjīn* ialah tempat yang sempit, terhimpun di dalamnya segala bentuk kesusahan dan kehinaan yang disediakan untuk orang kafir.

1 Al-Yazīdī (1985), *op. cit.*, h. 177.
2 Muḥammad Salīm al-Ḥājj dalam *Ibid.*
3 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, hlm. 322
4 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 207.
5 Al-Ṭabarī (1995), *op. cit.*, j. 7, h. 122-123, athar no. 14221.
6 *Ibid*, athar no. 14224.
7 *Ibid.*, athar no. 14225.
8 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 413.
9 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 287.
10 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 322.
11 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 418.
12 Ma'lūf (1973), *loc. cit.*
13 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 438.
14 *Ibid.*
15 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*
16 Ibn Kathīr (1998), *loc. cit.*

SIJN (سِجْنٌ)

Lafaz ini adalah *ism makān* (menunjukkan tempat) daripada kata kerja *sajana* (سَجَنَ), ertinya mengurung dan menahan,[1] dan *sijn* ialah tempat manusia dikurung dan ditahan[2] atau makna lain ialah penjara.

Lafaz ini disebut enam kali dalam al -Quran iaitu dalam surah *Yūsuf* (12) ayat 33, 36, 39, 41, 42 dan 100. Makna bagi lafaz *sijn* di atas dipersetujui oleh al-Imām al-Tabarī. Beliau berkata, "*Al-sijn* adalah penahanan dan ia bermaksud rumah tahanan. Oleh itu, takwil ayat "رَبِّ السِّجْنُ أَحَبُّ إِلَيَّ مِمَّا يَدْعُونَنِي إِلَيْهِ" adalah Yūsuf berkata, "Wahai Tuhanku, penahanan di dalam penjara lebih aku sukai daripada orang yang mengajakku berbuat maksiat kepadamu dan menggodaku untuk berbuat keji."[3]

*Ism maf'ūl*nya adalah *masjūn* (مَسْجُوْنٌ) dan *masjūnūn* (مَسْجُوْنُوْنَ) atau *masjūnīn* (مَسْجُوْنِيْنَ) adalah *jamak mudhakkar* daripadanya. Ia juga sinonim dengan *sajīn* (سَجِيْنٌ) dan *sujanā'* (سُجَنَاء), ertinya orang yang ditahan atau di penjara.[4]

Di dalam al-Quran, lafaz *al-masjūnīn* disebut sekali iaitu dalam surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 29. Lafaz ini dihubungkan dengan kisah Nabi Mūsā. Al-Tabarī berkata, "Firaun mengancam Nabi Mūsā dengan berkata, 'Sekiranya engkau mengakui ada tuhan selain aku, pasti aku memenjarakan kamu bersama orang yang aku penjarakan.'"[5] Dilaporkan, penjaranya lebih mengerikan daripada pembunuhan, apabila dia memenjarakan seseorang, ia tidak akan keluar sehingga mati.[6] Al-Syawkānī berkata, "Ketika Mūsā mendengar hal itu, maka dia berlemah-lembut dalam menjawabnya dan berdialog dengannya, mahu membantah dan mengalahkannya dengan hujah dan dalil kenabian iaitu dengan menzahirkan mukjizatnya."[7]

Maksud *al-masjūnīn* dalam ayat al-Quran adalah orang yang dipenjarakan oleh Firaun dan ancaman buat Nabi Mūsā.

SITR (سِتْرٌ)

Lafaz ini adalah *maṣdar* daripada lafaz *satara* (سَتَرَ) yang mengandungi beberapa makna, antaranya ialah apa yang ditutupi iaitu *al-hayā'* (malu), akal[8] dan ketakutan.[9] Ungkapan *"Mā lahu sitr walā hijr"* membawa maksud "Ia tidak memiliki rasa malu dan akal."[10] Jamak bagi *sitr* adalah *sutūr* (سُتُوْرٌ) atau *astār* (أَسْتَارٌ).

Lafaz *sitr* disebut sekali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Kahfi* (18), ayat 90. Al-Qurtubī berkata, "Makna *sitr* ialah penutup yang menutupi daripada sinaran matahari ketika terbit."[11] Lafaz ini dikaitkan dengan satu kaum atau kelompok. Qatādah berpendapat, tidak ada antara mereka dan matahari penutup; mereka di suatu tempat yang tidak dibina di atasnya bangunan, tetapi mereka berada di lubang-lubang bawah ta-

س

1 Ibn Zakariyā (1971), *op. cit.*, j. 3, h. 137.

2 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 418.

3 Al-Ṭabarī (1995), *op. cit.*, j. 7, h. 276.

4 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 322.

5 Al-Ṭabarī (1995), *op. cit.*, j. 11, h. 88.

6 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 13, h. 106.

7 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 122.

8 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 1, h. 416.

9 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 320.

10 *Ibid.*

11 Al-Qurṭubī (1996), *op. cit.*, j. 11, h. 58.

nah, apabila matahari terbenam, mereka keluar untuk mencari mata pencarian, maknanya mereka tidak tinggal di gua-gua gunung dan tidak pula di rumah-rumah yang melindungi mereka daripada sinar matahari.[1]

Al-Hasan berkata, "Bumi mereka tidak ada gunung dan pepohonan, dan tidak pula dibina di atasnya bangunan. Apabila matahari terbit, mereka turun ke air dan apabila matahari naik (tenggelam) mereka keluar dan mencari makanan seperti haiwan."[2] Sa'īd bin Jubair berkata, "Mereka berkulit coklat dan rendah, rumah-rumah mereka adalah tempat yang selalu dialiri air dan penghidupan mereka ialah ikan."[3]

Kesimpulannya, makna *sitr* di dalam al-Quran adalah **penutup yang dapat melindungi daripada panas matahari**, sedangkan yang dimaksudkan kaum di sini adalah kaum yang hidup di lubang-lubang bawah tanah atau air. Tidak ada rumah atau bangunan atau gunung atau pokok yang melindungi mereka daripada panas matahari dan apabila matahari terbit, mereka masuk ke dalam persembunyian mereka dan apabila terbenam, mereka mencari mata pencarian.

*Ism maf'ūl*nya adalah *mastūr* (مَسْتُورٌ) yang bermakna tertutup. Ia juga bermakna yang suci, bersih dan jujur.[4] Lafaz ini disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Isrāk* (17), ayat 45. Lafaz ini didahulukan sebutannya dengan lafaz *"hijāb."* Al-Zamakhsyarī berkata, ia bermakna tabir sebagai penutup. Ada yang berkata, tirai yang tidak dilihat dan ia tertutup. Boleh juga ia bermaksud tabir yang dilapisi dengan penutup, maknanya ia tertutup dengan yang lainnya, tabir yang menutupi atau dapat dilihat. Bagaimana orang yang ditutupi dapat melihat, ini adalah penceritaan terhadap apa yang mereka katakan, "Dan mereka berkata, 'Hati kami tertutup daripada apa yang engkau seru kami kepadanya, dan pada telinga kami ada penyumbat, serta di antara kami denganmu ada sekatan."[5]

Seakan-akan Allah berkata, "Apabila engkau membaca al-Quran, kami men jadikan sangkaan mereka berusaha untuk memahaminya padahal mereka benci akannya. Atau kerana perkataan *"di dalam hati kami ada penutup"* mengandungi makna menghalang untuk memahami, seakan akan dikatakan, "Kami menghalang mereka untuk memahaminya."[6] Iaitu penutup yang tersembunyi yang menghalang mereka bagi memahami al-Quran dan mengetahui rahsia-rahsia dan hikmah-hikmahnya.[7]

Jadi, maksud lafaz *hijābān mastūrān* adalah tabir yang menutupi atau menghalangi daripada memahami al-Quran.

SITTAH (سِتَّةٌ)

Lafaz ini mengisyaratkan bilangan antara tujuh dan lima, digunakan untuk *mudhakkar* dan *sitt* (سِتّ) untuk *mu'annath*.[8]

Lafaz *sittah* disebut tujuh kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat

1 *Ibid.*

2 *Ibid.*

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 97.

4 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*; Ma'lūf (1975), *op. cit.*

5 Surah *Fussilat* (41): ayat 5.

6 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 644.

7 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 161.

8 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 320; Anīs et al. (1962), *op. cit.*, h. 416.

54; surah *Yūnus* (10), ayat 3, surah *Hūd* (11), ayat 7; surah *al-Furqān* (25), ayat 59; surah *al-Sajdah* (32), ayat 4, surah *Qāf* (50), ayat 38 dan surah *al-Hadīd* (57), ayat 4.

Keseluruhan lafaz *sittah* di dalam al -Quran dihubungkan dengan lafaz *"ayyām"* iaitu hari dan kesemuanya bercerita mengenai penciptaan langit dan bumi serta apa yang wujud di antara kedua-duanya. Maksudnya, Allah mencipta langit dan bumi serta apa yang wujud di antara kedua-duanya selama enam hari. Muhammad Rasyīd Ridā berkata, "Enam hari adalah hari-hari Allah sebagai batasan penciptaannya dan tidak masuk akal enam hari itu bermaksud seperti hari-hari manusia di muka bumi ini yang dibatasi malam dan siang yang terdiri dari 24 jam. Ini kerana, hari-hari itu wujud selepas Allah menjadikan bumi ini."[1]

Mengenai zaman dan elemen penciptaan langit dan bumi, ia diterangkan dalam ayat lain yang bermaksud,

> *Katakanlah, "Sesungguhnya tidak patut kamu kufur kepada Tuhan yang menciptakan bumi dalam dua masa, dan kamu adakan sekutu-sekutu bagi-Nya! Yang demikian ialah Allah Tuhan sekalian alam. Dan Ia menjadikan di bumi gunung-gunung yang kukuh di atasnya, dan Ia memberkati padanya; dan Ia menentukan ada padanya bahan-bahan keperluan hidup penduduknya, sekadar yang menyamai hajat yang diminta oleh mereka; semuanya itu berlaku dalam empat masa. Kemudian Ia menujukan kehendak-Nya ke arah langit sedang langit itu masih berupa asap. Lalu Ia berfirman kepadanya dan kepada bumi: Turutlah kamu berdua akan perintah-Ku, sama ada dengan sukarela atau dengan paksa! Keduanya menjawab: Kami datang dengan sukarela. Lalu Ia menjadikannya tujuh langit dalam dua masa; dan Ia memberitahu kepada tiap-tiap langit akan urusan masing-masing. Dan Kami hiasi langit dunia dengan bintang-bintang serta Kami memeliharanya. Demikianlah ketentuan Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengetahui.*[2]

Allah juga menjelaskan asal penciptaan dan keadaan elemen kedua-duanya dalam ayat yang bermaksud,

> *"Dan tidakkah orang-orang kafir itu memikirkan dan mempercayai bahawa sesungguhnya langit dan bumi pada asal mulanya bercantum (sebagai benda -benda yang satu), lalu Kami pisahkan antara keduanya dan Kami jadikan dari air tiap-tiap benda yang hidup maka mengapa mereka tidak mahu beriman."*[3]

Dari sini diketahui, hari pertama atau masa pertama daripada hari-hari bumi dicipta adalah masa atau zaman yang wujud di dalamnya seperti asap ketika dipisahkan dari satu benda atau elemen yang bercantum. Dijadikan daripadanya segala sesuatu secara langsung mahupun tidak langsung. Hari kedua adalah zaman di mana dalam bentuk air selepas ia menjadi asap atau wap. Hari ketiga adalah zaman yang terbentuk di dalamnya sesuatu yang kering dan gunung-ganang yang menetap. Hari keempat adalah zaman yang tampak darinya jenis-jenis yang hidup daripada air iaitu tumbuh-tumbuhan dan haiwan.

Manakala langit secara umumnya menurut ahli bumi dicipta daripada elemennya yang berbentuk wap atau asap pada dua masa atau dua hari seperti dua masa dalam penciptaan bentuk bumi.[4] Kesimpulannya, makna *sittah* ialah **enam**.

1 Ridā (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 466-467.

2 Surah *Fussilat* (41), ayat 9-12.

3 Surah *al-Anbiyāk* (21): ayat 30.

4 Ridā (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 466-467

SITTĪN (سِتِّينَ)

Lafaz *sittīn* (سِتِّينَ) adalah puluhan daripada enam iaitu *sittah* (سِتَّةٌ), atau enam sebanyak sepuluh kali atau dengan kata lain, enam puluh. Ia digunakan bagi *mudhakkar* dan *mu'annath*, contohnya *sittūn rajulan* (enam puluh lelaki) dan *sittūn imra'atan* (enam puluh wanita).[1]

Ia disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Mujādalah* (58), ayat 4.

Lafaz ini dikaitkan dengan *"ita'ām"* (إِطْعَامٌ) iaitu memberi makan dan *"miskīn"* (مسكين) iaitu orang miskin. Apabila digabungkan, maksudnya "memberi makan 60 orang miskin." Perkara ini adalah hukuman bagi lelaki yang menziharkan[2] isterinya dan berbalik daripada apa yang mereka ucapkan (bahawa isterinya itu haram baginya) serta apabila mereka ingin menggaulinya, maka mereka tidak boleh menggaulinya kecuali perlu menunaikan kafārah (denda).

Oleh itu, zihār lelaki kepada isterinya menjadikan isterinya haram baginya untuk digauli dan tidak terangkat hukum haram itu kecuali dengan menunaikan salah satu daripada tiga kafārah sama ada memerdekakan seorang hamba, berpuasa dua bulan berturut-turut atau memberi makan 60 orang miskin.[3]

SU'L (سُؤْلٌ)

Lafaz ini dalam wazan *fu'lun* (فُعْلٌ) daripada *mā sa'alta* (مَاسَأَلْتَ) ertinya engkau diberi apa yang engkau minta.[4] Begitu juga yang disebut dalam *Kamus al-Munjid* yang bermaksud apa yang engkau minta.[5]

Ia hanya disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Tāha* (20), ayat 36.

Al-Zamakhsyarī berkata, "Lafaz ini dalam bentuk *fu'lun* (فُعْلٌ) yang mengandungi makna *maf'ūl* (مَفْعُولٌ) seperti *khubz* yang bererti *makbūz* iaitu roti yang dimakan. Begitu juga *aklun* yang bermakna *ma'kūl* iaitu yang dimakan. Jadi, *su'lak* membawa maksud permintaan kamu.[6] Ibn Qutaibah berkata, "Maksud *su'lak* ialah permintaan kamu."[7]

Al-Tabarī mentafsirkan ayat ini, "Allah berkata kepada Mūsā, "Aku telah memberikan apa yang engkau minta wahai Mūsā iaitu melapangkan dadamu, memudahkan urusanmu, melepaskan ikatan pada lidahmu, menjadikan saudaramu Hārūn sebagai pendamping kamu, menguatkanmu dengannya dan menyertaimu dalam menyampaikan risalah."[8]

Kesimpulannya, *su'lak* bermaksud **permintaanmu** (wahai Mūsā).

1 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 416; Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 321

2 *Zihār* adalah satu cara talak yang dilakukan oleh kaum Arab jahiliah, iaitu suami berkata kepada isterinya, "Persetubuhanku denganmu adalah haram seperti persetubuhanku dengan ibuku." Maka dengan serta merta isterinya itu menjadi haram kepadanya selamanya.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 291.

4 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 278.

5 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 316.

6 Al-Zamaksyarī, *op. cit.*, j. 3, h. 60.

7 Ibn Qutaibah (1978), *loc. cit.*

8 Al-Ṭabarī (1995), *op. cit.*, j. 9, h. 201.

SUBĀTĀ (سُبَاتًا)

Lafaz ini adalah kata nama daripada kata kerja *sabata* (سَبَتَ), yang bermaksud rehat, tidur ringan dan masa. Dalam ilmu *al-Tibb* atau kedoktoran, ia bermaksud keadaan pesakit yang hilang daya kesedarannya sama sekali.[1]

Lafaz ini disebut dua kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Furqān* (25), ayat 47 dan surah *al-Nabak* (78), ayat 9. Lafaz ini dikaitkan dengan lafaz *"al-naum"* atau tidur. Al-Rāghib berkata, "Ia bermaksud tidak bekerja, isyarat akan apa yang dikatakan dengan sifat malam."[2] Al-Zamakhsyarī berkata, "Ia bermaksud mati, kerana sifatnya yang memotong kehidupan dan ini seperti yang dinyatakan dalam ayat Allah "وَهُوَ ٱلَّذِى يَتَوَفَّىٰكُم بِٱلَّيْلِ", ditafsirkan sebagai, "Dan Dia yang mematikan kamu pada waktu malam."[3]

Ibn Kathīr berpendapat, ia bermaksud pemotong bagi pergerakan untuk merehatkan badan kerana anggota badan berasa penat disebabkan oleh pergerakan yang banyak dalam mencari nafkah pada waktu siang. Apabila malam menjelma dan keadaan tidak sibuk, pergerakan pun berhenti lalu hasilnya tidur yang terdapat di dalamnya kerehatan badan dan roh.[4]

Kesimpulannya makna *subātā* ialah rehat kerana ia dikaitkan dengan *al-naum* yang bererti tidur kerana dalam tidur ada kerehatan.

1 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 412.

2 Al-Iṣfahānī (1961), *op. cit.*, h. 221.

3 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 276.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 301.

SUBḤĀNA (سُبْحَانَ)

Lafaz ini dalam berbentuk *maṣdar* seperti *ghufrān*.[5] Al-Rāzī berkata, "Maknanya menyucikan Allah dan ia dalam keadaan nasab (isyarat akan objek) yang berbentuk *maṣdar* seakan-akan ia berkata, "Aku menafikan dan melepaskan Allah daripada segala keburukan."[6] Dalam *Kamus Dewan,* lafaz ini bermakna yang Maha Suci. Apabila dihubungkan dengan lafaz Allah atau *subhāna* Allah bererti Allah Yang Maha Suci.[7]

Ia disebut 41 kali dalam al-Quran iaitu dalam surah *Yūsuf* (12), ayat 108; surah *al -Isrāk* (17), ayat 1, 93, 108; surah *al-Anbiyāk* (21), ayat 22; surah *al-Mukminūn* (23), ayat 91; surah *al-Naml* (27), ayat 8; surah *al-Qasas* (28), ayat 68; surah *al-Rūm* (30), ayat 17; surah *Yāsin* (36), ayat 36, 83; surah *al-Sāffāt* (37), ayat 159, 180; surah *al-Zukhruf* (43), ayat 13, 82; surah *al-Tūr* (52), ayat 43; surah *al-Hasyr* (59), ayat 23 dan surah *al-Qalam* (68), ayat 29.

Lafaz *subḥāna* digandingkan dengan *ḍamīr* "ك" terdapat dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 32; surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 191; surah *al-Mā'idah* (5), ayat 116; surah *al-A'rāf* (7), ayat 143; surah *Yūnus* (10), ayat 10; surah *al-Anbiyāk* (21), ayat 87; surah *al-Nūr* (24), ayat 16; surah *al-Furqān* (25), ayat 18; surah *Sabak* (34), ayat 41.

Apabila digandingkan dengan *ḍamīr* "ـه", ia terdapat dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 116; surah *al-Nisāk* (4), ayat 171; surah *al -An'ām* (6), ayat 100; surah *al-Taubah* (9), ayat 31; surah *Yūnus* (10), ayat 18, 68; surah *al-Nahl* (16), ayat 1, 57; surah *al-Isrāk* (17), ayat 43; su-

5 Al-Iṣfahānī (1961), *op. cit.*, h. 221.

6 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 282.

7 Noresah binti Baharom *et al.* (eds.) (2002), *op. cit.*, h. 1308.

rah *Maryam* (19), ayat 35; surah *al-Anbiyāk* (21), ayat 26; surah *al-Rūm* (30), ayat 40 dan surah *al-Zumar* (39), ayat 4 dan 67.

Al-Ṭabarī berkata, "*Subḥāna Allāh*" bermakna mengagungkan Allah dan menyucikannya daripada wujud baginya sekutu dalam kekuasaan dan memiliki sembahan selainnya.[1] Dalam *Ṣafwah al-Tafāsīr,* lafaz *subḥāna* adalah nama untuk penyucian atau pembersihan, ertinya menyucikan Allah daripada segala keburukan dan kekurangan serta dari perkara-perkara yang tidak layak bagi keagungan Allah.[2]

Kesimpulannya, lafaz *subḥāna* ialah nama yang menunjukkan Allah Maha Suci daripada segala kekurangan dan menyucikan sekutu baginya dalam sembahan.

س

SUHT (سُحْتٌ)

Menurut bahasa, lafaz *suḥt* ini bermakna kebinasaan dan kehancuran. Menurut istilah, ia bermaksud penghasilan yang tidak halal dan lazimnya dicela seperti rasuah dan sebagainya[3] atau penghasilan yang haram.[4] Ia dinamakan demikian kerana ia tidak akan kekal baginya,[5] atau merosakkan ketaatan dan membinasakan maruah manusia.[6]

Dalam al-Quran, lafaz ini disebut tiga kali iaitu dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 42, 62 dan 63. Al-Qurtubī berkata, "*Al-suḥt* ialah harta yang haram kerana ia menghilangkan ketaatan terhadap agama. Apabila agama hilang, binasalah maruah dan tidak ada maruah bagi sesiapa yang tidak ada agama baginya."[7] Ibn Qutaibah berkata, "*Al-suḥt* adalah harta rasuah[8] berdasarkan laporan Ibn Mas'ūd dan lain-lainnya."[9] 'Umar bin al-Khattāb berkata, "Rasuah seorang hakim tergolong daripada *al-suḥt*."[10]

Dilaporkan daripada Nabi Muhammad, beliau berkata, "Setiap daging yang tumbuh dengan *al-suḥt,* maka api neraka lebih baik baginya." Sahabat bertanya, "Wahai Rasulullah, apa itu *al-suḥt*?" Beliau menjawab, "Ia adalah rasuah dalam penghakiman."[11] Ibn Khuwayz Mandād berkata, "Tergolong daripada *al-suḥt* adalah seorang lelaki memakan dengan kedudukannya iaitu apabila ia memiliki kedudukan dan pangkat, lalu seorang meminta kepadanya sesuatu hajat dan ia tidak memperolehnya kecuali dengan merasuah, maka lelaki tadi mengambilnya."[12]

SUJŪD (سُجُوْدٌ)

Lafaz ini adalah kata terbitan daripada kata kerja *sajada* (سَجَدَ), asal maknanya ialah ketenangan dan merendahkan, lalu dijadikan ungkapan untuk merendahkan diri bagi Allah

1 Al-Ṭabarī (1995), *op. cit.*, j. 8, h. 104.

2 Al-Ṣābūnī (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 151.

3 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 1, h. 419.

4 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 288.

5 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 3, h. 243.

6 Muḥammad Sālim al-Ḥājj, dalam al-, dalam al-Yazīdī (1985), *op. cit.*, h. 130.

7 Al-Qurṭubī (1996), *op. cit.*, j. 6, h. 177-178.

8 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 143.

9 Al-Qurṭubī (1996), *loc. cit.*

10 *Ibid.*

11 Dilaporkan oleh al-Baihaqī dalam Syu'ab al-Imān daripada Abu Bakar.

12 Al-Qurṭubī (1996), *op. cit.*

dan beribadah kepadanya.[1] Ia bersifat umum untuk manusia, haiwan dan benda.[2] Ia juga bermakna meletakkan kening di atas bumi.[3] Al-Fayrūz berkata, "*Al-sujūd* mengandungi dua jenis iaitu:

- *Sujūd bi ikhtiyār* (سُجُوْدٌ بِاِخْتِيَارٍ) iaitu sujud dengan cara ikhtiar dan ia dikhususkan untuk manusia serta berpahala.[4]
- *Sujūd bi taskhīr* (سُجُوْدٌ بِتَسْخِيْرٍ) iaitu sujud dengan cara menundukkan dan ia untuk manusia, haiwan dan tumbuh -tumbuhan.[5]

Lafaz *sujūd* disebut empat kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 125; surah *al-Fath* (48), ayat 29; surah *Qāf* (50), ayat 40; surah *al-Qalam* (68), ayat 42 dan 43. Dalam al-Quran, lafaz *sujūd* digunakan untuk manusia sama ada bagi orang kafir sebagaimana dalam surah al-Qalam dan bagi orang yang beriman sebagaimana yang terdapat dalam surah yang disebutkan di atas.

Dilaporkan daripada Abī Sa'īd al-Khudrī, beliau mendengar Nabi Muhammad berkata, "Pada hari kiamat, setiap orang mukmin dan Mukminah bersujud dan tinggallah orang yang sujud dengan riyak dan bongkak di mana ketika mereka hendak sujud, punggung mereka kembali semula bagaikan satu tingkat."[6] Ibn Kathīr berkata, "Ketika mereka diseru untuk sujud di dunia, mereka enggan sedangkan tubuh mereka sihat dan sempurna, lalu mereka dibalas dengan tidak dapat sujud pada hari akhirat. Apabila Allah menampakkan dirinya, orang mukmin bersujud dan orang kafir serta munafik tidak dapat sujud, punggung mereka kembali tegak."[7]

Manakala dalam surah al-Baqarah, ia disebut dalam bentuk jamak kerana salah satu jamak daripada *sājid* ialah *sujūd*[8] dan dikaitkan dengan *rukkā'* yang bererti orang yang rukuk. Maknanya, "Kami menyuruh mereka berdua (Ibrāhīm dan Ismā'īl) untuk menjaga Kaabah daripada najis dan berhala untuk menjadi tempat yang bersih bagi orang yang bertawaf mengelilinginya, orang yang beriktikaf dan orang yang mengerjakan sembahyang."[9] *Ism fā'il*nya ialah *ṣājid* (سَاجِدٌ), ertinya orang yang merendahkan diri dan patuh,[10] *mū'annāth*nya ialah *sājidah*.

Lafaz *sājid* disebut sekali dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Zumar* (39), ayat 9. Mafhumnya, "(Engkaukah yang lebih baik) atau orang yang taat mengerjakan ibadah pada waktu malam dengan sujud dan berdiri sambil takutkan azab hari akhirat serta mengharapkan rahmat Tuhannya." Ibn 'Abbās berkata, "Sesiapa yang ingin dipermudahkan Allah pada hari akhirat, hendaklah ia memperlihatkan dirinya kepada Allah pada gelapnya malam dengan bersujud dan berdiri takut akan azab hari akhirat serta mengharapkan rahmat Tuhannya."[11]

Jamak daripada *sājid* adalah *ṣujjād* (سُجَّدٌ) dan *sājidūn* (سَاجِدُوْنَ) atau *sājidīn* (سَاجِدِيْنَ), ertinya orang yang sujud, patuh dan merendahkan diri.

1 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 3, h. 188.

2 *Ibid.*

3 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 416.

4 Ābādī (1986) *op. cit.*, contohnya pada surah *al-Najm* (53) ayat 62: "فَاسْجُدُوا لِلّٰهِ وَاعْبُدُوْا", mafhumnya: "Maka sujudlah kepada Allah dan beribadahlah."

5 *Ibid.*, contohnya dalam surah *al-Rahmān* (55) ayat 6: "وَالنَّجْمُ وَالشَّجَرُ يَسْجُدَانِ", mafhumnya: "Bintang dan pokok keduanya sujud."

6 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 368.

7 *Ibid.*

8 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 321; Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 1, h. 416.

9 Al-Ṣābūnī (1981), *op. cit.*, j. 1, h. 94.

10 Ma'lūf (1975), *op. cit.*; Anīs *et al.* (1962), *loc. cit.*

11 Al-Qurṭubī (1996), *op. cit.*, j. 15, h. 229.

س

Lafaz *sujjad* disebut 11 kali dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 58; surah *al-Nisāk* (4), ayat 154; surah *al-A'rāf* (7), ayat 161; *Yūsuf* (12), surah ayat 100; surah *al-Nahl* (16), ayat 48, surah *al-Isrāk* (17), ayat 107; surah *Maryam* (19), ayat 58; surah *Tāha* (20), ayat 70; surah *al-Furqān* (25), ayat 64; surah *al-Sajadah* (32), ayat 15 dan surah *al -Fath* (48), ayat 29. Ia mengandungi beberapa makna iaitu:

- Ia bermakna rukuk atau tunduk.[1] Terdapat dalam surah *al-Baqarah*, surah *al-Nisāk*, surah *al-A'rāf* dan surah Yūsuf. Ibn 'Abbās berkata, "Mereka diseru untuk masuk dengan rukuk, kerana asal *sujūd* adalah membongkokkan tubuh badan kepada sesiapa yang dihormati atau diagungkan dan setiap yang membongkokkan badannya kepada sesuatu dengan diagungkannya disebut *sājid*.[2]
- Ia bermakna seperti sujud sembahyang dengan meletakkan dahi di atas tanah kerana melihat atau mendengar akan ayat-ayat tanda keagungan Allah seperti yang terdapat dalam surah *Ṭāḥā*, *Maryam*, *al-Isrāk*, *al-Sajdah*. Contohnya, dalam surah *al-Sajdah* disebut, orang yang bertakwa dan beriman dengan ayat-ayat Kami, apabila mereka diingatkan akan ayat-ayat Kami, mereka jatuh dengan bersujud kepada Allah tanda mengagungkan ayat-ayatnya.[3] Ibn Kathīr berkata mengenai surah *Ṭāḥā*, Nabi Mūsā khuatir pada fitnah manusia disebabkan sihir mereka, namun Allah mewahyukan pada saat-saat genting untuk mencampakkan tongkatnya, lalu menjadi seekor ular yang besar, menakutkan dan mempunyai leher, kepala dan taring atau gigi yang kuat. Ular itu mengekori tali-tali dan tongkat-tongkat sehingga menelan semuanya dan tidak ada satu pun yang tertinggal, sedangkan para ahli sihir dan manusia melihat hal itu dengan jelas dan terang. Para ahli sihir yakin, apa yang dilakukan oleh Nabi Mūsā bukanlah sihir ataupun helah dan ia adalah kebenaran yang tidak diragukan lagi dan tidak ada yang mampu melakukannya kecuali yang mengatakan kepada sesuatu, "jadilah engkau! Maka ia menjadi!" Pada masa itu, mereka sujud kepada Allah dengan mengatakan kami beriman dengan Tuhan Mūsā dan Hārūn.[4]
- Ia bermakna tunduk dan patuh mengikut peraturan dan kehendak Allah, sebagaimana terdapat dalam surah *al -Nahl*. Maksud ayat, *"Tidakkah mereka melihat dan memikirkan segala sesuatu yang telah dijadikan oleh Allah, beredar (berpindah-pindah) bayang-bayang ke kanan dan ke kiri dengan keadaan tunduk menurut peraturan dan kehendak Allah."* Al-Zujjāj berkata, "Di mana semua sesuatu ini selalu tunduk di atas ketaatan[5] berdasarkan kehendak dan keinginan Allah serta tidak keluar daripada kedua-duanya."[6]
- Ia bermakna sembahyang. Terdapat dalam surah *al-Furqān* dan surah *al -Fath*. Dalam surah *al-Furqān*, tafsirannya ialah pada waktu malam, mereka

1 Ābādī (1986), *op. cit.*

2 Al-Ṭabarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 427, athar no. 844.

3 Al-Ṣābūnī (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 504.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 150.

5 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 206.

6 Al-Ṣābūnī (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 128

beribadah dengan sujud dan berdiri yang ditujukan kepada Tuhan mereka dengan mengerjakan sembahyang.[1] Sa'īd Ḥawwā berkata, "Ayat ini menyebut sifat-sifat jemaah yang berhak mendapat bantuan dan kemenangan iaitu mesti ada sekelompok yang menegakkan kebenaran yang bersumber daripada keimanan, amal soleh, persatuan, perang, zuhud, keputihan wajah kerana beribadah, rukuk, sujud, mengasihi orang mukmin dan keras terhadap orang kafir."[2]

Manakala lafaz *sājidūn* hanya disebut sekali iaitu dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 112. Lafaz *sājidīn* disebut 10 kali iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 11, 125; surah *Yūsuf* (12), ayat 4; surah *al-Hijr* (15), ayat 29, 31, 32, 98; surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 46, 219; surah *Sād* (38), ayat 72. Kedua-dua lafaz ini mempunyai beberapa makna iaitu:

- Bermakna para malaikat. Terdapat dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 11; surah *al-Hijr* (15), ayat 29, 31, 32 dan dalam surah *Sād*. Dalam surah *al-Hijr*, ketika Allah menyempurnakan penciptaan Adam dan meniupkan roh ke dalam tubuhnya sehingga hidup, lalu para malaikat sujud kepadanya dengan maksud sujud tanda hormat dan memuliakannya iaitu dengan cara membongkok[3] bukan sujud ibadah.[4]
- Bermakna para ahli sihir sebagaimana dalam surah *al-A'rāf* (120) dan surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 46. Tafsirannya dibentangkan dalam perbahasan terdahulu di mana ketika para ahli sihir melihat mukjizat Nabi Mūsā, mereka jatuh dengan bersujud seakan-akan ada yang melemparkan mereka sehingga menjadikan mereka sujud.[5]
- Bermakna 11 bintang, matahari dan bulan secara *majazi*. Terdapat dalam surah *Yūsuf* (12), ayat 4. Al-Naqqāsy berkata, "Huruf *hā'* (ه) pada ayat "وَخَرُّوْا لَهُ سُجَّدًا" kembali kepada Yūsuf kerana Allah berkata pada permulaan ayat, iaitu "رَأَيْتُهُمْ لِي سَاجِدِيْنَ" dan pemberian salam mereka pada masa itu dengan membongkokkan badan, daripada yang rendah kepada yang mulia, yang muda kepada yang lebih tua. Jadi Ya'qūb, bapanya dan saudara-saudaranya sujud kepada Yūsuf, maka bergetarlah tubuhnya lantas berkata, "هَذَا تَأْوِيْلُ رُؤْيَايَ مِنْ قَبْلُ". Al-Thawrī, al-Dahhāk dan lainnya berkata, "Sujud di sini seperti sujud yang berlaku pada zaman kami iaitu sebagai tanda memberi salam dan penghormatan dengan membongkok sedikit seperti rukuk, bukan sujud dengan meletakkan dahi di atas tanah.[6]
- Bermakna orang yang mengerjakan sembahyang. Terdapat dalam surah *al-Taubah* dan *al-Hijr* (15), ayat 98. Dalam surah *al-Taubah*, Ibn Kathīr berkata, maksud *"al-rāki'īn al-sājidīn"* adalah ungkapan bagi orang yang mengerjakan sembahyang.[7] Begitu juga dalam surah *al-Hijr*, beliau mentafsirkan, "Wahai Muhammad! Kami mengetahui hati kamu sedang sakit kerana layanan buruk mereka. Oleh itu, bertawakkallah kepadanya, maka dia akan

1 Ahmad Sonhadji Mohammad (1997), *op. cit.*, j. 19, h. 73.

2 Ḥawwā (1999), *op. cit.*, j. 9, h. 5387.

3 Al-Jalālain (t.t.), *op. cit.*, h. 331.

4 Al-Ṣābūnī (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 109.

5 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 136.

6 Al-Qurṭubī (1996), *op. cit.*, j. 9, h. 270.

7 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 356.

mencukupi dan memberi pertolongan kepadamu serta sibukkanlah diri kamu dengan berzikir kepada Allah, bertasbih, bertahmid dan beribadah iaitu dengan sembahyang."[1]

- Bermakna para nabi-nabi, sebagaimana yang disebut dalam surah *al -Syu'arāk*(219). Al-Fayrūz berkata, "Lafaz *al-sājidīn* pada ayat ini bermaksud orang yang berasal daripada keturunan nabi-nabi."[2] Sa'īd b. Jubair berkata, "Makna ayat ini adalah sebagaimana para nabi sebelum kamu."[3] Qatādah Ibn Zaid, Mujāhid dan yang lainnya berpendapat, *al-sājidīn* di sini bermaksud orang yang mengerjakan sembahyang.[4] Al-Ḥasan berkata, "Ia bermaksud manusia."[5] Al-Ṭabarī berkata, "Maksud daripada lafaz *al-sājidīn* pada ayat ini yang benar adalah orang yang mengerjakan sembahyang dan ia adalah zahir maknanya, jadi takwilannya,"Bertawakallah kepada Allah yang Maha Perkasa dan Penyayang, Yang melihat kamu ketika kamu berdiri di dalam solat kamu dan melihat orang yang berada di belakang kamu yang mengikuti kamu berdiri, rukuk, sujud dan duduk."[6]

1 *Ibid.*, h. 513.

2 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 3, h. 190.

3 Al-Ṭabarī (1995), *op. cit.*, j. 11, h. 152, athar no. 20390.

4 *Ibid.*, h. 151.

5 *Ibid.*, athar no. 20389.

6 *Ibid.*



حرف الشين

ش



SYAFAQ (شَفَق)

Lafaz ini dalam bentuk *maṣdar*, berasal daripada kata *syafiqa-yasyfaqu* (شَفِقَ - يَشْفَقُ). *Syafiqa alayh wa minhu* (شَفِقَ عَلَيهِ وَ مِنْهُ) bererti takut dan berwaspada, berlemah lembut dan simpati.[1] *Syafiqa alā al-sya`* (شَفِقَ عَلَى الشَّيءِ) juga bermakna kikir dan bakhil.[2] Daripadanya lafaz *musyfiq* (مُشْفِقٌ)yang bermakna yang takut atau yang mengasihi. Jamaknya *musyfiqūn* (مُشْفِقُونَ).

Lafaz *al-syafaq* disebut satu kali di dalam al-Quran iaitu pada surah *al-Insyiqāq* (84), ayat 16. Sedangkan lafaz *musyfiqūn* atau *musyfiqīn* disebut lapan kali. Allah berkata (فَلَا أُقْسِمُ بِالشَّفَقِ). Lafaz *al-syafaq* pada ayat ini bermakna cahaya merah yang kerap terpampang selepas jatuhnya matahari sehingga Isyak.[3] Allah menjadikan *syafaq* ini menjadi sumpah supaya kita memperhatikan alam yang indah yang dijadikan oleh Allah dan bagi membulatkan ketundukan kepadanya.[4]

Manakala lafaz *musyfiqūn* atau *musyfiqīn* di dalam al-Quran membawa maksud orang gerun dan takut. Ketakutan ini sama ada daripada pihak orang kafir atau orang yang beriman. Ketakutan yang datang daripada pihak kafir sebagaimana Allah nyatakan dalam al-Quran yang bermaksud, "(Pada hari kiamat), Engkau akan melihat orang-orang yang zalim takut ngeri (akan balasan buruk) bagi kejahatan-kejahatan yang mereka lakukan, sedang azab seksa itu tetap menimpa mereka."[5]

Manakala daripada pihak orang yang beriman, Allah menyatakan dalam surah *al -Tūr* (52), ayat 26. (قَالُوا إِنَّا كُنَّا فِي أَهْلِنَا مُشْفِقِينَ). Ibn Kathīr berkata, "Kami di dunia yang berada di antara keluarga kami begitu takut kepada Tuhan kami dan gerun pada seksaan dan azabnya.[6]

SYAHĪQ (شَهِيقٌ)

Dalam *Mu'jam al-'Arabī*, lafaz *syahīq* adalah *maṣdar* daripada perkataan *syahiqa* (شَهِقَ) atau *syhaqa*(شَهَقَ). *Syahiqa al-binā`* atau *al -jabal* (شَهِقَ البِنَاءُ/الجَبَلُ) bermakna bangunan dan gunung itu begitu tinggi. *Syahiqa fulān* (شَهِقَ فُلَانٌ) bererti menarik nafas sehingga terdengar suara pernafasannya atau yang bernafas dan memasukkan udara ke dalam paru -paru.[7] Jadi, makna *syahīq* adalah perbuatan memasukkan nafas ke dalam paru-paru dengan lama.[8] Ia juga bermakna berteriak, sedu sedan dan esak.[9]

Disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Hūd* (11), ayat 106 dan surah *al-Mulk* (67), ayat 7. Allah menyatakan, (فَأَمَّا الَّذِينَ شَقُوا فَفِي النَّارِ لَهُمْ فِيهَا زَفِيرٌ وَشَهِيقٌ). Terdapat beberapa makna bagi lafaz *syahīq*:

- Al-Fayrūz Ābādī berpendapat, *syahīq* adalah tarikan nafas yang panjang dan lama.[10]
- Dalam *Mu'jam al-'Arabī*,[11] maksud lafaz *syahīq* menarik nafas, lawannya *zafīr*. iaitu menghembuskan nafas.

1 Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 487
2 Ahmad Warson (1997), *op. cit.*, h. 730
3 Wahbah Zuhaylī (2001), Juz 'Amma, *op. cit.*, h. 140
4 Hamka (1984), *op. cit.*, j. 30, h. 81.
5 Surah al-Syū`arāk (42), ayat 22.
6 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 218
7 'Āyid et al (t.t), *op. cit.*, h. 707
8 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah*, (1970), op. cit., j. 2, h. 36
9 Ahmad Warson (1997), *op. cit.*, h. 748
10 Al-Fayrūz Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 3, h. 358
11 'Āyid et al (t.t), *loc. cit.*,

- Ahli bahasa daripada ulama Kūfah dan Basrah berpendapat, *al-syahīq* akhir suara daripada suara keldai.[1]
- Ibn 'Abbās berpendapat, *syahīq* adalah suara yang lemah.[2]
- Abī al-'Āliyah berkata, *al-syahīq* adalah suara yang keluar dari dada.[3]
- Qatādah mengatakan suara orang kafir di dalam neraka seperti suara keldai, awal suaranya adalah *zafīr* dan akhir suaranya adalah *syahīq*.[4]
- Ibn Jarīr al-Tabarī menyimpulkan, lafaz *syahīq* membawa maksud akhir suara keldai dan lainnya apabila ia mengulangi suara itu beberapa kali di dalam rongga dada.[5] Hamka memberikan makna *syahīq* adalah suara gemuruh dan pekikan orang yang sedang menderita azab di dalam neraka.[6]

Kesimpulannya, *al-syahīq* ialah suara **esakan, jeritan, tarikan nafas ahli neraka** yang kuat, lama dan panjang seperti suara keldai di akhirnya.

SYĀKHISAH (شَاخِصَةٌ)

Lafaz ini dalam bentuk *ism fā'il*, berasal daripada *syakhasa-yasykhasu* (شَخَصَ - يَشْخَصُ). *Syakhasa al-rajulu* (شَخَصَ الرَّجُلُ) bermakna ia kelihatan daripada jauh. *Syakhasa basarahu* (شَخَصَ بَصَرُهُ) bererti melihat dalam dengan kedua-dua matanya tanpa berkedip. *Syakhasa al-musāfiru min baladih* (شَخَصَ الْمُسَافِرُ مِنْ بَلَدِهِ) ialah seorang musafir keluar dari negerinya.[7] Dalam *Mu'jam Alfāz al-Qur`ān*, ia bermakna naik dan membuka kedua-dua matanya dengan tidak berkedip dan menoleh.[8]

Lafaz *syākhisah* disebut sekali iaitu dalam surah *al-Anbiyā`* (21), ayat 97. Allah menyatakan:

وَٱقْتَرَبَ ٱلْوَعْدُ ٱلْحَقُّ فَإِذَا هِىَ شَٰخِصَةٌ أَبْصَٰرُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟

Al-Tabarī mengatakan, lafaz *syākhisah* terdiri daripada dua keadaan. Pertama, lafaz ini sebagai *kinayah (perumpamaan)* tentang penglihatan dan mata yang zahir sebagai penjelas baginya. Kedua, ia sebagai penguat sebagaimana Allah menyatakan, (فَإِنَّهَا لَا تَعْمَى ٱلْأَبْصَٰرُ).[9] Tafsirannya, mata-mata orang kafir terbeliak ketika datang janji yang benar. Ibn Kathīr mengatakan, mata mereka terbeliak disebabkan begitu dahsyat perkara yang mereka saksikan daripada perkara-perkara yang besar.[10]

Kesimpulannya, lafaz *syākhisah* berhubungan dengan absār iaitu mata atau penglihatan dan *syākhisah* adalah sifat daripada mata dan penglihatan. Di sini, maksud *Absār Syākhisah* membawa maksud mata dan penglihatan terbeliak.

1 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 668

2 Ibn Jarīr al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 7, h. 151, athar no. 14306, beliau berkata, *zafīr* bermaksud suara yang kuat.

3 *Ibid.*, athar no. 14307

4 *Ibid.*, athar no. 14308

5 *Ibid.*

6 Hamka (1984), *op. cit.*, j. 29, h. 13

7 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 674

8 *Majma` al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 8.

9 Ibn Jarīr al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 10, h. 122

10 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 187

SYĀMIKHĀT (شَامِخَات)

Lafaz ini adalah *ism fā'il jamak*, *mufrad*nya adalah *syāmikhah* (شَامِخَةٌ). *Mudhakkar*nya *syāmikh* (شَامِخٌ) dan jamaknya *syawāmikh* (شَوَامِخُ) dan *syummakh* (شُمَّخٌ).[1] Berasal daripada perkataan *syamakha-yasymakhu* (شَمَخَ يَشْمَخُ -). *Syamakha al-Jabal* (شَمَخَ ٱلْجَبَلُ) be - makna bukit itu tinggi.[2] *Syamakha bi anfih* (شَمَخَ بِأَنْفِهِ) bermaksud bongkak dan sombong.[3]

Disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Mursalāt* (77), ayat 27. Allah menyatakan,

وَجَعَلْنَا فِيهَا رَوَاسِيَ شَٰمِخَٰتٍ وَأَسْقَيْنَٰكُم مَّآءً فُرَاتًا

Lafaz *syāmikhāt* dihubungkan dengan lafaz *rawāsiya* yang bermakna gunung. Ibn 'Abbās menerangkan makna *rawāsiya syāmikhāt* رَوَاسِيَ شَامِخَاتٍ adalah gunung yang tinggi.[4] Al-Yazīdī berpendapat, *syāmikhāt* bermakna *tiwāl* (طِوَالٌ) atau gunung yang tinggi dan panjang.[5]

Al-Tabarī mentafsirkan ayat di atas, "Kami jadikan di muka bumi gunung-gunung yang kukuh dan tinggi."[6] Dalam *Tafsir al-Azhar*, gunung-gunung dan bukit-bukit yang dijadikan pasak pengukuh di muka bumi ini supaya manusia dan segala yang bernyawa sanggup hidup di muka bumi, sebab dengan adanya gunung-gunung, pantulan angin tidak keras lagi dan ia menghambat awan yang sedang berarak supaya berkumpul membentuk mega, yang kian lama kian tebal mengandungi hujan.[7]

Kesimpulannya, lafaz *syāmikhāt* dalam surah di atas membawa maksud tinggi dan makna *rawāsiya syāmikhāt* رَوَاسِيَ شَامِخَات adalah gunung-gunung dan bukit-bukit yang tinggi.

SYANA`ĀN (شَنَآنُ)

Lafaz ini dalam bentuk *maṣdar* dan *ism fā'il* jamak, *mufrad*nya *syāni`*, berasal daripada perkataan *syana`a-yasyna`u* (شَنَأَ - يَشْنَأُ) yang bermakna membencinya, memarahinya dan menjauhkannya.[8] Al-Fayruz berkata, *syūnī-`ā āl-rājūl* (شُنِئَ الرَّجُلُ) adalah lelaki yang dimarahi. *Rajul masyna`* (رَجُلٌ مَشْنَأٌ) bermaksud lelaki yang buruk perangainya. *Rajul syanā-`ah* (رَجُلٌ شَنَاءَةٌ) bermakna lelaki yang dibenci kerana akhlaknya yang buruk.[9]

Syana`ān* disebut dua kali di dalam al -Quran, iaitu dalam surah *al-Mā`idah (5), ayat 2 dan 8 dan lafaz *syāni`* disebut sekali dalam surah *al-Kawthar* (108), ayat 3. Allah menyatakan:

وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَآنُ قَوْمٍ عَلَىٰٓ أَلَّا تَعْدِلُوا۟

(Surah *al-Maidah* (5), ayat 8)

Lafaz *syana`ān* dihubungkan dengan lafaz *qawm* yang bermakna kaum atau golongan.

1 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 701

2 *Ibid.*

3 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 346, Ahmad Warson (1997), *op. cit.*, h. 739

4 Ibn Jarīr al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 14, h. 295, athar no. 27858

5 Al-Yazīdī (1985), *op. cit.*, h. 407

6 Ibn Jarīr al-Tabarī (1995), *op. cit*, j. 14, h. 294

7 Hamka (1984), *op. cit.*, j. 29, h. 320-321

8 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 32, Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 495

9 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 3, h. 348

Al-Zamakhsyarī berkata, *syana`ān* adalah sebab dan ia bermaksud kebencian yang teramat.[1] Mengikut pendapat al-Syawkānī, lafaz *syana`ān* membawa maksud kebencian atau kemarahan. *Syunīta al-rajul* maknanya apabila engkau membuat lelaki itu benci dan marah. Lafaz *syana`ān* di sini disandarkan kepada *maf'ūl* (objek) iaitu *qawm* (golongan), maknanya kebencian kaum daripada kamu dan bukan kebencian kaum bagi kamu.[2]

Ibn Kathīr menjelaskan tafsir ayat ini, "Janganlah kebencian suatu kaum kepadamu menjadi sebab kamu melampaui batas dalam menghukum dengan hukuman Allah" [3] dan tidak berlaku adil sehingga menjadikan kamu orang yang zalim.[4]

Kesimpulannya, lafaz *syana`ān* membawa maksud kebencian dan *syana`ān qawm* (شَنَآنُ قَوْمٍ) adalah kebencian suatu kaum.

SYAQIYY (شَـقِيّ)

Lafaz ini dalam bentuk *ism fā'il mufrad mudhakkar,* jamaknya *asyqiyā'* (أَشْقِيَاءُ). *Mu`annath*nya *syaqiyyah.* Berasal daripada perkataan *syaqiya-yasyqā* (شَقِيَ-يَشْقَى) yang bererti sesat dan kufur, mengalami kesusahan dan penat. *Maṣdar*nya adalah *syaqā'* (شَقَاءُ) dan *syiqwah* (شِقْوَةٌ).[5] Dalam *Mu'jam al-Wasīt, al-syaqā'* (الشَّقَاءُ) atau *al-syiqwwah* (الشِّقْوَةُ) bermakna kesusahan dan penat, kekerasan dan dugaan serta kesesatan. Manakala lafaz *syaqiy* bermaksud yang berputus asa dan tidak gembira.[6]

Lafaz *syaqiy* disebut empat kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *Hūd* (11), ayat 105 dan dalam surah *Maryam* (4), ayat 32, 48. Sedangkan lafaz *syiqwah* disebut sekali iaitu dalam surah *al-Mukminūn* (23), ayat 106. Allah menyatakan dalam surah *Hūd* (11), (يَوْمَ يَأْتِ لَا تَكَلَّمُ نَفْسٌ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ فَمِنْهُمْ شَقِيٌّ وَسَعِيدٌ) dan Allah menyatakan dalam surah *Maryam* (19), ayat 4, (وَلَمْ أَكُنۢ بِدُعَآئِكَ رَبِّ شَقِيًّا).

Terdapat dua makna bagi lafaz *syaqiy* di dalam al-Quran. Pertama, ia bermaksud yang sengsara. Al-Qurtubī berkata, lafaz *syaqiy* dalam surah *Hūd* (11), membawa maksud yang ditulis baginya kesengsaraan.[7] Ibn Kathīr mengatakan, lafaz *syaqiyy* bermakna kelompok orang yang berada di dalam neraka[8] sebagaimana Allah menyatakan,[9] (فَرِيقٌ فِى ٱلْجَنَّةِ وَفَرِيقٌ فِى ٱلسَّعِيرِ).

Beliau menambah lagi tafsiran bagi *lafaz syaqiy* terdapat pada ayat selepasnya[10] iaitu (فَأَمَّا ٱلَّذِينَ شَقُوا۟ فَفِى ٱلنَّارِ لَهُمْ فِيهَا زَفِيرٌ وَشَهِيقٌ) yang bermaksud, "Adapun orang yang celaka (disebabkan keingkaran dan maksiatnya), maka neraka tempatnya. Bagi mereka di situ hanya suara memekik-mekik dan mendayu-dayu seperti suara keldai." Makna **pertama** bagi lafaz ini ialah kesesatan dan kekufuran.

Kedua, ia bermaksud kesusahan sebagai mana makna ayat dalam surah Maryam di atas. Ibn Kathīr mentafsirkan ayat dalam surah ini "Aku tidak membuat sebuah permohonan kecuali engkau kabulkan dan

1 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 590

2 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 8

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 6.

4 Al-Syawkānī (1994), *loc. cit.*

5 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 697.

6 Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 490

7 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 9, h. 102

8 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 418

9 Bermaksud: "Satu golongan di dalam syurga dan satu golongan di dalam neraka." (Surah *al-Syūrā* (42), ayat 7)

10 Ibn Kathīr (1998), *loc cit.*

tidak menolak setiap apa yang aku pinta."[1] Al-Syawkanī berkata, ayat ini adalah nikmat bagi Zakariyyā dengan mengabulkan doanya pada setiap waktu, dikatakan *syaqiyy fī kadhā* (شَقِيٌّ فِي كِذَا) bermaksud susah dan penat dalam sesuatu perkara tetapi tidak mendapat apa yang diinginkan daripadanya.[2]

SYATATĀ (شَطَطًا)

Lafaz ini dalam bentuk *maṣdar*, berasal daripada perkataan *syatta-yasyuttu* (شَطَّ-يَشُطُّ). *Syatta al-makān* (شَطَّ الْمَكَانُ) bermakna tempat itu jauh. *Syatta fī al-amr* (شَطَّ فِي الْأَمْرِ) berarti melampaui batas dan *syatta fī al-hukm* (شَطَّ فِي الْحُكْمِ) bermakna berlaku zalim dalam hukum.[3] Al-Husain al-Dāmāghānī berkata, lafaz ini mempunyai dua makna asal. **Pertama** bermaksud dusta dan bohong. **Kedua** bermaksud penyimpangan dan ke zaliman.[4]

Disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Kahfi* (18), ayat 14 dan surah *al-Jin* (72), ayat 4. Qatādah berpendapat, *syatatā* membawa maksud pendustaan.[5] Ibn Zaid menyatakan, *syatatā* bermaksud silap dalam percakapan.[6] Ibn Jarir al-Tabarī menyimpulkan, lafaz *syatatā* bermaksud pendustaan yang melampau, kadar penipuannya berlebih-lebihan.[7]

Kesimpulannya, lafaz *syatatā* dalam kedua-dua surah dikaitkan dengan *al-qaul* atau perkataan. Kedua-duanya mempunyai satu makna iaitu perkataan yang tidak baik, dusta dan syirik. Namun, perkataan itu lahir dan keluar daripada dua makhluk ciptaan Allah.

Pertama, penyataan dan perkataan itu keluar daripada enam orang hamba yang soleh atau *Ashab al-Kahfi* sebagaimana ter dapat dalam surah al-Kahfi. Mereka hanya menyembah Allah dan tidak menyembah berhala sebagaimana yang diseru oleh raja mereka dan dilakukan oleh kaum mereka. Bagi menyembah Allah, mereka mendirikan tempat ibadah. Perkara itu diketahui oleh raja mereka, lalu mereka dipanggil menghadap bagi mengetahui apa yang mereka lakukan.

Dalam kesempatan itu, mereka mengajak raja menyembah Allah dengan ayat, "Tuhan kami adalah Tuhan yang menciptakan langit dan bumi." Mereka berkata lagi, (لَن نَّدْعُوَاْ مِن دُونِهِۦٓ إِلَٰهًا) iaitu "Sekali-kali dan selamanya kami tidak akan menyembah selain daripadanya. Sekiranya kami berbuat demikian, perbuatan itu adalah tidak benar dan sesat." Oleh itu, mereka berkata, (لَّقَدْ قُلْنَآ إِذًا شَطَطًا) iaitu sekiranya kami berbuat demikian, kami berkata dusta, tidak benar dan mengada-adakan.[8]

Kedua, perkataan *syatatā* keluar daripada mulut jin yang beriman kepada al-Quran. Allah menyatakan, (وَأَنَّهُۥ كَانَ يَقُولُ سَفِيهُنَا عَلَى ٱللَّهِ شَطَطًا). Jin berkata, "Maha suci Allah, apabila mereka masuk Islam dan beriman pada al-Quran daripada menjadikan sahabat dan anak baginya, kemudian mereka berkata, "Sesungguhnya orang yang bodoh daripada kalangan kami mengatakan satu perkataan yang melampau dan

1 *Ibid*, j. 3, h. 105

2 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 398

3 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 687

4 Al-Dāmaghānī (1970), *op. cit.*, h. 264.

5 Ibn Jarīr al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 9, h. 260, athar no. 17279

6 *Ibid.*

7 *Ibid.*

8 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 71

syirik."[1]

SYAWBĀ (شَوْبًا)

Lafaz *syawbā* adalah *maṣdar*, diambil daripada kata akar *syāba-yasyūbu* (شَابَ - يَشُوبُ) yang bererti mencampurkan sesuatu dengan yang lainnya. *Syābā āl-'āṣāl bīl mā'* (شَابَ ٱلْعَسَلُ بِٱلْمَاءِ) ertinya mencampurkan madu dengan air.[2] Dalam *Mu'jam Alfāz al -Qur`ān, al-syawb* juga bermakna *al-makhlūt* atau yang dicampurkan.[3] Madj al-Dīn al -Fayrūz Ābādī mengatakan, *al-syawb* mengandungi makna madu, bahagian daripada adunan roti yang dinamakan *al-farazdaqah* atau roti yang tebal dan campuran.[4]

Lafaz *al-syawb* disebut sekali iaitu dalam surah *al-Sāffāt* (37), ayat 67. Allah menyatakan, (ثُمَّ إِنَّ لَهُمْ عَلَيْهَا لَشَوْبًا مِّنْ حَمِيمٍ). Lafaz *al-syawb* dalam ayat di atas dikaitkan dengan lafaz *ḥamīm* iaitu yang begitu panas. Ibn 'Abbās mentafsirkan ayat (شَوْبًا مِّنْ حَمِيمٍ) dengan "minum-minuman panas di atas pokok *al-Zaqqūm*.[5] Salah satu daripada laporannya juga menyatakan, (شَوْبًا مِّنْ حَمِيمٍ) bermaksud minuman yang dicampurkan dengan air yang begitu panas.[6]

Ada yang berpendapat, minuman panas mereka dicampurkan dengan nanah yang bercampur darah, sesuatu yang busuk yang keluar daripada kemaluan dan mata mereka.[7] Dilaporkan oleh Abī Umāmah al-Bāhilī daripada Rasulullah, beliau berkata, "Akan didekatkan penghuni neraka kepada air yang begitu busuk. Apabila mereka dekat padanya, muka mereka terbakar dan kepala mereka masuk ke dalamnya. Apabila dia minum, akan terputus urat perut mereka dan terus keluar dari dubur mereka".[8]

Kesimpulannya, lafaz *syawbā* bermaksud minuman yang dicampurkan dan ayat "*syawban min hamīm*" membawa maksud minuman yang bercampur dengan air yang begitu panas yang diperuntukkan untuk penghuni api neraka.

SYAYĀTĪN (شَيَاطِينُ)

Lafaz ini dalam bentuk jamak, *mufrad*nya syaitan. Diambil daripada kata akar *syatana -yasytanu* (شَطَنَ-يَشْطَنُ). *Syatanat al-dār* (شَطَنَتِ ٱلدَّارُ) bermakna rumah itu jauh.[9] *Syatana al -rajul* (شَطَنَ الرَّجُلُ) bererti lelaki itu jauh daripada kebenaran. *Syatanahu* (شَطَنَهُ) ertinya menyimpang daripada niatnya. *Syatana fī al -ard* (شَطَنَ فِي ٱلْأَرْضِ) bererti masuk.[10]

Lafaz ini diambil daripada kata akar *syāta* (شَاطَ) yang bermaksud melakukan kerosakan atau terbakar.[11] Lafaz *syaitān* mengandungi mak-

1 *Ibid.*, j. 4, h. 387. "*Safīhunā* atau yang bodoh daripada kalangan kami menurut Mujāhid, Qatādah, 'Ikrimah dan al-Suddī adalah Iblis. Ibn Zayd mengatakan, boleh jadi perkataan mereka "*sāfīhunā*" adalah sebuah nama jenis bagi setiap yang menyangka Allah mempunyai sahabat dan anak.

2 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 708

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, h. 40

4 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 3, h. 359

5 Ibn Kathīr (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 11

6 *Ibid.*

7 *Ibid.*

8 *Ibid.*

9 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 687

10 Ma`lūf (1975), *op. cit.*, h. 387

11 M. Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, j. 1, h. 106

na roh yang jahat. Dinamakan demikian kerana ia jauh daripada kebenaran dan kebaikan.[1] Abū 'Ubaidah berkata, *syaitān* adalah nama bagi setiap yang kuat dan melampaui batas terdiri daripada jin, manusia dan haiwan.[2]

Lafaz *syayātīn* disebut 18 kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 14, 102, 102; surah *al-An'ām* (6), ayat 71, 112, 121; surah *al-A'rāf* (7), ayat 27, 30; surah *al-Isrāk* (17), ayat 27; surah *Maryam* (19), ayat 68, 83; surah *al-Anbiyāk* (21), ayat 82; surah *al-Mukminūn* (23), ayat 97; surah al-Syu'arāk (26), ayat 210, 221; surah *al-Sāffāt* (37), ayat 65; surah *Sād* (38), ayat 37; surah *al-Mulk* (67), ayat 5. Manakala lafaz *syaytān* iaitu dalam bentuk *mufrad* disebut 70 kali. Al-Fayrūz dan al-Dāmaghānī berpendapat, lafaz *syayātīn* dan juga *syaytān* di dalam al-Quran mengandungi beberapa maksud iaitu:[3]

- *Al-syayātīn* bermaksud kiasan bagi orang yang derhaka atau pemimpin-pemimpin kaum munafik.[4] Dalam ayat 14, surah *al-Baqarah* bermaksud, "Dan apabila mereka pergi menyendiri kepada syaitan-syaitan mereka."
- Ia bermaksud ular sebagaimana dalam surah *al-Sāffāt* yang bermaksud, "Bawahnya seolah-olah kepala-kepala syaitan atau seperti kepala ular-ular."
- *Al-syayātīn* adalah penzalim dan pendakyah kepada kesesatan terdiri daripada jin dan manusia seperti maksud dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 112 yang bermaksud, "Dan demikianlah Kami jadikan bagi tiap-tiap nabi itu musuh daripada syaitan-syaitan manusia dan jin."
- *Syayātīn* bermakna iblis dan anak-anaknya. Contohnya dalam surah *al-Mukminūn* (23), ayat 97, yang bermaksud, "Dan katakanlah, "Wahai Tuhanku! Aku berlindung kepadamu daripada hasutan syaitan-syaitan."

SYAYBĀ (شَيْبًا)

Lafaz ini dalam bentuk *maṣdar*, daripada kata akar *syāba-yasyību* (شَابَ - يَشِيْبُ) yang bermakna putih rambutnya.[5] Orang ramai menamakan bagi lelaki *asyyab* dan bagi perempuan *syamatā'*.[6] Al-Asma'ī berkata, lafaz *al-syayb* bermakna rambut menjadi putih, sedangkan *al-masyīb* adalah seseorang yang masuk kepada batas keputihan rambutnya dan ia bagi lelaki.[7] *Al-syayb* digunakan untuk kepala iaitu (شَابَ الرَّأْسُ) dan untuk rambut iaitu (شَابَ الشَّعْرُ). Lafaz *syaybā* disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Maryam* (19), ayat 4. Allah menyatakan, (قَالَ رَبِّ إِنِّي وَهَنَ الْعَظْمُ مِنِّي وَاشْتَعَلَ الرَّأْسُ شَيْبًا).

Al-Qurtubī menjelaskan, *al-syayb* bermaksud bercampurnya rambut putih dan hitam.[8] Al-Syawkānī berkata, ayat ini adalah isyarat tunduk, hina, menampakkan kelemahan, takut tidak mendapat apa yang dipinta dan tidak sampai apa yang diharapkan. Oleh itu, ulama berkata, seseorang digalakkan menyatakan di dalam doanya rasa tunduk atau rendah diri dan menyebut nikmat Allah

1 *Ibid.*
2 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 2, h. 320
3 Al-Dāmaghānī (1970), *op. cit.*, h. 264
4 Al-Jalālayn (t.t), *op. cit.*, h. 5
5 Anīs et al (t.t), *op. cit.*, h. 502
6 *Ibid.*
7 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 3, h. 359
8 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 11, h. 82

kepadanya.[1]

Kesimpulannya, *syaybā* bermaksud **rambut kepala menjadi putih.**

SYIQĀQ (شِـقَاقٌ)

Lafaz ini dalam bentuk jamak, *mufrad*-nya *syuqqah* (شُقَّةٌ). Ia dalam bentuk *maṣdar* daripada perkataan *syāqqa-yusyāqqu* (شَاقَّ - يُشَاقُّ). *Syāqqa al-rajula* (شَاقَّ الرَّجُلَ) bermakna dia menentang dan berselisih pendapat dengan lelaki itu serta memusuhinya. *Syāqqa al-manzil* (شَاقَّ الْمَنْزِلُ) bererti rumah itu retak dan kelihatan pecah dan berlubang.[2] Makna lafaz *al-syuqqah* ialah bahagian sesuatu yang retak. Mengikut pendapat al-Rāzī ia juga bermaksud perjalanan yang jauh.[3]

Lafaz *syiqāq* disebut tujuh kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 17, 176; surah *al-Nisāk* (4), ayat 35; surah *al-Hajj* (22), ayat 53; surah *Sād* (38), ayat 2, surah *Fussilat* (41), ayat 52 dan surah *Hūd* (11), ayat 89. Sedangkan lafaz *syuqqah* (شُقَّة) disebut sekali iaitu dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 42.

Al-Rāzī menerangkan, *al-syiqāq* membawa maksud perbezaan, perselisihan dan permusuhan.[4] Mengikut al-Husain al-Dāmaghānī, lafaz *syiqāq* yang terdapat dalam al-Quran mengandungi tiga maksud[5] iaitu:

- Ia bermaksud kesesatan seperti dalam ayat Allah dalam surah *al-Hajj*, (وَإِنَّ ٱلظَّٰلِمِينَ لَفِى شِقَاقٍ بَعِيدٍ). Muqātil bin-Hayyān menerangkan, "Orang-orang yang zalim" dalam ayat ini adalah orang-orang Yahudi. Tafsirannya, mereka dalam kesesatan, menyimpang dan jauh daripada kebenaran.[6]
- Ia membawa maksud perselisihan dan perbezaan pendapat sepertimana ayat Allah dalam surah *al-Nisāk*, (وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا). Al-Syawkānī berkata, ayat ini ditujukan kepada para pembesar dan hakim.[7] Dalam *Safwah al-Tafāsīr*, makna *syiqāq* dalam ayat ini adalah *mukhālafah* (persengketaan) dan *'adāwah* iaitu pertengkaran.[8] Tafsirannya, "Apabila kamu khuatir wahai para pembesar dan hakim berlaku persengketaan dan permusuhan antara mereka berdua (suami dan isteri)."[9]
- Lafaz *syiqāq* bermaksud permusuhan, seperti dalam ayat surah *Hūd*:

وَيَٰقَوْمِ لَا يَجْرِمَنَّكُمْ شِقَاقِىٓ أَن يُصِيبَكُم مِّثْلُ مَآ أَصَابَ قَوْمَ نُوحٍ أَوْ قَوْمَ هُودٍ أَوْ قَوْمَ صَٰلِحٍ

Dilaporkan oleh Ibn al-Mundhir daripada Mujāhid, beliau berkata, *syiqāqī* bermakana *'adāwatī* iaitu permusuhan kamu terhadapku atau kata lain

1 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 397

2 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 696

3 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 343

4 *Ibid.*

5 Al-Dāmaghānī (1970), *op. cit.*, h. 267

6 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 218

7 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 584

8 Al-Sabūnī (1981), *op. cit.*, j. 1, h. 275

9 *Ibid.*, Ayat ini menerangkan langkah menangani per sengketaan dan pertengkaran yang meruncing antara suami isteri dengan melantik juru damai yang bijaksana daripada pihak lelaki dan perempuan untuk menyelesaikan kemelut mereka dengan baik.

"memusuhiku."[1]

SYIRDHIMAH (شِرْذِمَةٌ)

Lafaz ini dalam bentuk *mufrad*, jamaknya adalah *al-syirādhim* ertinya kelompok atau golongan.[2] Al-Jawharī berkata, *al-syirdhimah* adalah golongan atau kelompok manusia serta bahagaian daripada sesuatu. Ungkapan *thaub syirādhim* (ثَوْبٌ شِرَاذِم) bermaksud bahagian daripada baju.[3]

Disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 54. Allah menyatakan, (إِنَّ هَـٰٓؤُلَآءِ لَشِرْذِمَةٌ قَلِيلُونَ). Al-Zamakhsyarī berkata, *syirdhimah* ialah kelompok yang sedikit bilangannya, maknanya kaum Mūsā terpisah dan mereka ber jumlah 600 070 orang.[4] Ibn Abī Hātim me laporkan daripada Ibn 'Abbās, menyatakan jumlah mereka 600 000 orang.[5]

Al-Mundhir melaporkan Rasulullah berkata, "Pengikut-pengikut Mūsa yang me rentasi laut sebanyak 12 suku. Setiap satu jalan berjumlah 12 000, keseluruhannya daripada anak Ya'qūb."[6] Al-Syawkānī berkata, banyak laporan seumpama ini yang direkodkan ulama salaf yang bertentangan dan bercanggah. Semuanya tiada satu pun yang sahih yang datang daripada Nabi Muhammad.[7]

Kesimpulannya, lafaz *syirdhimah* bermaksud **golongan yang sedikit jumlahnya**.

SYUWĀZ (شُوَاظٌ)

Dalam *Mu'jam al-Wasit*, lafaz *syuwāz* berasal daripada perkataan *syāza-yasyūzu* (شَاظَ يَشُوظُ –). *Syāza bihi al-maraḍ* (شَاظَ ٱلْمَرَضُ) bermakna penyakitnya naik dan bertambah. *Syāza al-ghadab* (شَاظَ ٱلْغَضَبُ) bererti kemarahannya berkobar.[8] Ia juga bererti mencaci.[9]

Disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Rahmān* (55), ayat 35 (يُرْسَلُ عَلَيْكُمَا شُوَاظٌ مِّن نَّارٍ وَنُحَاسٌ فَلَا تَنتَصِرَانِ). Terdapat beberapa makna bagi lafaz *syuwāz* iaitu:

- Dalam *Mu'jam al-'Arabī*, *syuwāz* adalah api yang berkobar-kobar.
- Ibn Qutaibah, al-Yazīdī dan al-Fayrūz berpendapat lafaz *syuwāz* membawa maksud nyala api yang tiada asapnya.[10]
- Ada yang berpendapat, makna *syuwāz* ialah ia memiliki angin yang kuat.[11]
- Qatādah berpendapat, *al-syuwāz* bermaksud nyalaan api yang berwarna hijau yang terpisah daripada api.[12]
- Al-Dahhāk berkata, *al-syuwāz* ialah

1 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 665. Ayat ini menjelaskan perkataan Nabi Syu'ayb kepada kaumnya yang tidak mahu beriman iaitu *"Wahai kaumku! Janganlah sampai permusuhan kamu kepadaku membawa kamu ditimpa azab sebagaimana yang berlaku kepada kaum Nuh, Hūd dan kaum Sālih."*

2 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 13, h. 108, al-Yazīdī (1985), *op. cit.*, h. 281

3 *Ibid.*

4 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 304

5 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 127-128

6 *Ibid.*

7 *Ibid.*

8 Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 500

9 Ahmad Warson (1997), *op. cit.*, h. 751

10 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 3, h. 362, Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 438, al-Yazīdī (1985), *op. cit.*, h. 361

11 *Ibid.*

12 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 17, h. 166

asap yang keluar daripada panasnya api dan bukan asap kayu yang keluar dari kayu yang dibakar.[1]

- Abū 'Amrū dan laporan al-Akhfasy daripada sebahagian orang Arab ber pendapat, *al-syuwāz* bermaksud api dan asap sekali.

Kesimpulannya, makna bagi lafaz *syuwāz* adalah **mata api atau api yang marak.**

1 *Ibid*, h. 167



حرف الصاد

ﺺ



ṢĀBĪYYĀ (صَبِيًّا)

Erti lafaz (ٱلصَّبِيّ) adalah anak yang belum sampai umur akil baligh.[1] Di dalam al-Quran, perkataan (صَبِيًّا) diulang dua kali sahaja iaitu dalam surah *Maryam* (19), ayat 12 dan 29. Kedua-dua ayat itu menceritakan tentang keadaan dua orang nabi semasa masih kecil belum mencapai umur baligh.

Ayat 12 menerangkan tentang Nabi Yahyā, di mana Allah menganugerahinya hikmah, ilmu pengetahuan, kesungguhan, tekad dan kecenderungan pada kebaikan semasa beliau masih kecil sebelum baligh (وَءَاتَيْنَٰهُ ٱلْحُكْمَ صَبِيًّا).[2]

Manakala ayat 29 menerangkan tentang Nabi 'Īsā, di mana Allah memberinya kemampuan berbicara semasa beliau masih berada di dalam buaian. Pada masa itu, Sayyidah Maryam dituduh melakukan zina oleh Banī Isrāel. Kemudian Sayyidah Maryam memberi isyarat kepada mereka supaya berbicara dengan bayi yang ada di dalam buaiannya. Perkara ini menyebabkan Banī Isrāel hairan dan mereka pun berkata, (كَيْفَ نُكَلِّمُ مَن كَانَ فِى ٱلْمَهْدِ صَبِيًّا) maksudnya "Bagaimana kami boleh berkata-kata dengan seorang kanak-kanak yang masih dalam buaian?"[3]

ṢĀḌ'(الصَّدْع) MŪṬĀṢĀḌḌĪ'Ā (مُتَصَدِّعًا)

Erti lafaz (الصَّدْع) ialah retakan, pecahan atau belahan pada benda yang keras seperti pecahan kaca, retakan tembok. Ia juga digunakan bagi menyebut retakan, pecahan atau belahan pada benda yang tidak keras seperti sungai dan gurun yang memecah bumi. Dalam bahasa Arab, sakit kepala juga disebut (ٱلصُّدَاع) kerana sakit itu seolah-olah memecahkan kepala. Lafaz (مُتَصَدِّعًا) digunakan bagi menyebut benda yang pecah atau retak.[4]

Di dalam al-Quran, lafaz (الصَّدْع) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Tāriq* (86), ayat 12. Manakala lafaz (مُتَصَدِّعًا) juga disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Hasyr* (59), ayat 21.

Dalam surah *al-Tāriq* (86), ayat 12, Allah memberi sifat kepada bumi dengan sifat yang begitu tepat, iaitu (وَٱلْأَرْضِ ذَاتِ ٱلصَّدْعِ) "*dan bumi yang mempunyai retakan.*" Ibn 'Abbās menerangkan, maksudnya ialah bumi yang mempunyai pokok-pokok dan tumbuhan yang menyebabkannya merekah dan pecah.[5] Manakala Imām Mujāhid menyatakan maksudnya bumi yang mempunyai jalan -jalan yang dipecahkan oleh air sungai. Ada juga yang menyatakan maksudnya bumi yang menyimpan mayat di dalamnya dan pada hari kiamat nanti ia keluar dan menyebabkan bumi retak dan merekah.

Imām al-Syawkānī menyimpulkan kata itu mempunyai dua makna. **Pertama**, lafaz (الصَّدْع) bermaksud nama tumbuhan sehingga erti ayat itu adalah bumi yang mempunyai tumbuhan. **Kedua**, lafaz (الصَّدْع) bermaksud pecahan atau retakan sehingga ayat itu bererti bumi yang mempunyai retakan-retakan di sebabkan tumbuhnya pokok, jalur-jalur air sungai dan sebagainya.[6]

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 55

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 114

3 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 332

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 58

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 499

6 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 421

Manakala dalam surah *al-Hasyr* (59), ayat 21 diterangkan meskipun gunung adalah ciptaan Allah yang besar, kuat dan tinggi, namun, ia tetap tunduk dan patuh kepada Allah. Bagi menggambarkan kepatuhan gunung, Allah menerangkan sekiranya al -Quran diturunkan kepada sebuah gunung, kemudian gunung itu memahami janji dan ancaman yang ada di dalamnya, gunung itu akan tunduk dan hancur (مُتَصَدِّعًا) disebabkan takut kepada Allah.

Imām Ibn Kathīr menegaskan, ia perlu menjadi pelajaran bagi manusia. Mengapa hati kita tidak mahu khusyuk dan patuh kepada Allah, sedangkan kita dapat memahami isi kandungan al-Quran?[1]

ṢĀḌĀFĀYN (اَلصَّدَفَيْنِ)

Erti lafaz (اَلصَّدَف) adalah sisi atau arah. Ia juga bererti lereng gunung sehingga lafaz (اَلصَّدَفَانِ) ertinya dua lereng gunung yang berhampiran.[2]

Di dalam al-Quran, kata (اَلصَّدَفَيْنِ) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Kahf* (18), ayat 96. Ayat ini menceritakan tentang *dhū al-Qarnain* yang memerintahkan tenteranya mengumpulkan potongan-potongan besi dan meletakkannya di antara dua lereng gunung. Selepas potongan-potongan besi itu memenuhi dua lereng gunung (إِذَا سَاوَى بَيْنَ الصَّدَفَيْنِ), *dhū al-Qarnain* memerintahkan untuk membakarnya sehingga ia menjadi benteng yang besar dan tinggi yang dapat menghalang Yakjūj dan Makjūj daripada melakukan kerosakan.

Imām Ibn Kathīr menerangkan, potongan -potongan besi itu disusun daripada bahagian bawah dua gunung yang berhampiran sehingga mencapai puncak dua gunung itu sehingga menutup semua bahagian lereng itu sama ada panjang ataupun lebarnya.[3]

ṢĀFĀ (صَفَا)

Erti asal lafaz (صَفَا) ialah bersih daripada kotoran. Batu yang licin dan halus juga disebut sebagai (صَفَا). Ia juga menjadi nama sebuah bukit yang berhampiran dengan Masjid al-Haram iaitu Bukit Safā.[4]

Lafaz (صَفَا) hanya disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 158. Dalam ayat itu ditegaskan, melakukan saie antara Bukit Safā dan Bukit Marwah sebanyak tujuh kali adalah sebahagian syariat yang ditetapkan oleh Allah kepada Nabi Ibrāhīm dalam perlaksanaan ibadah haji. Bukit Ṣafā terletak satu arah dengan sudut Hajarul Aswad pada Kaabah.

Imām Ibn Kathīr menerangkan, asal ibadah sai'e di antara Bukit Ṣafā dan Bukit Marwah adalah perbuatan Sayyidah Hajar yang berlari-lari di antara kedua-dua bukit itu bagi mencari air untuk anaknya, Ismā'īl yang masih bayi. Pada masa itu, beliau berasa rendah diri di hadapan Allah, takut, khuatir dan penuh harapan kepadanya sehingga Allah memberinya jalan keluar atas kesusahan dan kesedihannya dengan memberi sumber air

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 344

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 63

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 105

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 78

zamzam yang airnya adalah makanan dan juga sebagai ubat.

Atas dasar ini, bagi umat Islam yang melakukan sai'e di antara dua bukit itu hendaklah menghadirkan rasa rendah diri di hadapan Allah dan mengharap supaya hatinya mendapat petunjuk, perilakunya menjadi baik dan dosanya diampuni. Dia perlu menyandarkan harapan kepada Allah supaya dikeluarkan daripada kekurangan dan kesalahan-kesalahan serta diberi petunjuk kepada jalan yang benar dan konsisten kepada kebenaran hingga akhir hayat. Dia juga berharap semoga keadaannya yang penuh dengan dosa dan maksiat berubah menuju keadaan yang sempurna, penuh keampunan, kebenaran dan istiqamah sebagaimana yang dilakukan oleh Sayyidah Hajar. [1]

ṢĀFĪNĀṬ (الصَّافِنَات)

Erti asal lafaz (صَفَنَ) ialah menggabungkan. Apabila dikatakan (صَفَنَ الرَّجُلُ), ertinya lelaki itu menyamakan kedudukan kedua-dua telapak kakinya semasa berdiri. Apabila dikatakan (صَفَنَت الدَّابَّة), ertinya haiwan itu berdiri di atas tiga kakinya dan yang satu daripada kakinya diangkat ke atas.[2]

Di dalam al-Quran, lafaz (الصَّافِنَات) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *Sād* (38), ayat 31. Imam Mujāhid menyatakan, (الصَّافِنَات) bermaksud kuda-kuda yang mampu berdiri dengan tiga kakinya sahaja. Manakala kaki yang satu lagi terangkat dan menghentak -hentak tanah.[3] Imam al-Syawkānī menyatakan, kemampuan kuda seperti itu menunjukkan ia begitu tangkas dan cergas.[4]

Ayat itu menceritakan, Nabi Sulaimān sedang ditunjukkan kepadanya kuda-kuda yang bagus, tangkas dan cergas (الصَّافِنَات), sanggup melawan musuh dan geraknya begitu cepat (الْجِيَاد) sehingga beliau lalai daripada mengingati Allah, sehingga matahari tidak dapat dilihat oleh mata kerana hilang di sebalik hijāb. Kemudian, Nabi Sulaimān menyembelih kuda-kuda itu supaya beliau tidak lagi lupa daripada mengingati Allah. Ini menunjukkan Nabi Sulaimān adalah orang yang bersegera dalam meminta ampun kepada Allah selepas melakukan kesilapan.[5]

ṢĀKHKHAH (اَلصَّاخَّة)

Erti lafaz (اَلصَّاخَّة) ialah suara yang amat keras sehingga dapat merosakkan pendengaran.[6] Di dalam al-Quran, ia disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *'Abasa* (80), ayat 33.

Ayat itu menerangkan suatu keadaan yang akan terjadi pada hari kiamat iaitu adanya suara yang begitu keras (إِذَا جَاءَتِ الصَّاخَّة). Ibnu 'Abbās menerangkan, (اَلصَّاخَّة) adalah salah satu nama bagi menyebut hari kiamat. Manakala Imām al-Baghawī menerangkan, nama (اَلصَّاخَّة) adalah suara yang kedengaran pada hari kiamat itu begitu keras sehingga dapat memekakkan telinga.[7] Suara ini membuat manusia terkejut, bingung dan berlari ke

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 201

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 77

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 292

4 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 431

5 *Ibid.*

6 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), j. 2, *op. cit.*, h. 58

7 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 474

sana sini dan terpisah daripada keluarga dan kawan-kawannya.

ṢĀR'Ā (صَرْعَى)

Erti lafaz (اَلصَّرْع) ialah jatuh ke tanah. Bagi menyebut orang yang jatuh ke tanah, digunakan kata (اَلصَّرِيْعُ) dan (اَلْمَصْرُوْعُ). Manakala dalam bentuk jamaknya adalah (اَلصَّرْعَى).

Al-Quran hanya menyebut bentuk jamak (صَرْعَى) dan ia disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Hāqqah* (69), ayat 7. Ayat ini menceritakan tentang nasib kaum 'Ād, kaum Nabi Hūd yang tidak percaya pada hari kiamat. Mereka diazab oleh Allah dengan angin dingin yang begitu sejuk selama tujuh malam lapan hari. Pada hari-hari itu, kaum 'Ād mati binasa jatuh di atas bumi (صَرْعَى) seperti pangkal pokok kurma yang berlubang dan tumbang.[1]

ṢĀRĪM (اَلصَّرِيم) – ṢĀRĪMĪN (صَارِمِين)

Kata kerja (صَرَمَ - يَصْرِمُ) mempunyai dua maksud. Pertama, bermaksud memotong. Kedua, bermaksud bertekad atau bersemangat. Oleh itu, bagi menyebut orang yang memotong atau orang yang bersemangat, digunakan kata (صَارِمٌ) jamaknya (صَارِمُوْن). Lafaz (صَرِيم) bermaksud tanah hitam yang tidak ada tumbuhan di atasnya dan ia juga bermaksud malam yang gelap gelita.[2]

Lafaz (اَلصَّرِيم) disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Qalam* (68), ayat 20. Manakala lafaz (صَارِمِين) pula diulang sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Qalam* (68), ayat 22.

Kedua-dua ayat ini berada dalam rangkaian ayat yang menggambarkan sikap bakhil dan kedekut pemilik kebun yang tidak mahu menyedekahkan hasil kebunnya dan juga menceritakan azab yang menimpa mereka. Lafaz (صَارِمِين) yang bermaksud rangkaian orang yang bersemangat. Ia menggambarkan semangat kaum itu memetik buah daripada kebunnya. Manakala lafaz (اَلصَّرِيم) bermaksud malam yang gelap gelita menggambarkan keadaan kebun mereka selepas ditimpa azab.

Sikap bakhil mereka digambarkan dalam ayat ini dengan jelas sama ada sikap zahir mahupun sikap batin mereka. Pada awal pagi, dengan penuh optimis dan yakin, mereka pergi ke kebun bagi memetik buah-buahan yang ditunggu sekian lama. Mereka berbicara sepanjang perjalanan dengan suara yang begitu rendah supaya kata-kata mereka tidak didengari oleh fakir miskin. Dalam perjalanan itu, hati mereka penuh dengan niat jahat dan sifat yang kotor iaitu niat menghalang fakir miskin daripada menikmati hasil kebun itu.

Mereka sebenarnya mampu membahagikan hasil kebun itu kepada fakir miskin, tetapi mereka tidak mahu melakukannya kerana sifat sombong yang ada dalam diri mereka. Namun, selepas sampai di kebun, mereka mendapati kebun mereka terbakar dan menjadi hitam bagaikan malam yang gelap gelita (كَالصَّرِيم) dan mereka berasa hampa.[3]

1 Al-Alūsī (t.t), *op. cit.*, j. 29, h. 42

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 71

3 Al-Sa'dī (2001), *op.cit.*, j.2, h. 1042

ṢĪBGḤĀḤ (اَلصِّبْغَةُ)

Erti (اَلصِّبْغَةُ) ialah sesuatu yang digunakan untuk mewarnakan. Ia juga bermaksud bentuk atau keadaan asal sesuatu. Ayat (صِبْغَةَ اللّٰهِ) bermaksud dengan agama Allah, syariat Allah atau penciptaan Allah.[1]

Di dalam al-Quran, lafaz (اَلصِّبْغَةُ) disebut dua kali iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 138 sebanyak dua kali. Dalam ayat itu, Allah memerintahkan manusia berpegang teguh kepada (صِبْغَةَ اللّٰهِ) iaitu agama Allah. Imam al-Syawkānī menegaskan, yang dimaksudkan dengan (صِبْغَةَ اللّٰهِ) ialah penyucian Allah pada jiwa manusia. Hanya dengan beriman kepadanya, manusia menyucikan jiwanya daripada dosa-dosa.

Ahli tafsir menerangkan, orang Nasrani apabila mahu merasmikan anak mereka sebagai Nasrani, mereka selalunya mencelupkan (يَصْبِغُونَ) anak-anak mereka itu ke dalam air. Selepas itu, mereka mengatakan anak-anak itu suci dan secara rasmi memasuki agama Nasrani. Amalan ini biasanya disebut pembaptisan. Kemudian, Allah menolak pemahaman mereka itu dengan menegaskan penyucian manusia daripada dosa adalah dengan cara berpegang teguh kepada agama Islam yang diistilahkan sebagai صِبْغَةَ اللّٰهِ.[2]

ṢIBHG (الصِّبْغُ)

Erti lafaz (الصِّبْغُ) ialah sesuatu yang digunakan bagi mewarnakan dan juga bererti lauk-pauk.[3] Di dalam al-Quran, lafaz (الصِّبْغُ) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Mukminūn* (23), ayat 20.

Dalam ayat itu diterangkan, antara nikmat Allah yang diberikan kepada manusia adalah ditumbuhkan pokok-pokok Zaitun yang asal tumbuhnya di kawasan Gunung Tursina. Ia mengeluarkan minyak dan lauk-pauk bagi orang yang makan (وَصِبْغٍ لِّلْآكِلِينَ). Imam Ahmad melaporkan, Rasulullah berkata, كُلُوا الزَّيْتَ وَادَّهِنُوا بِهِ فَإِنَّهُ مِنْ شَجَرَةٍ مُبَارَكَةٍ iaitu "Makanlah buah Zaitun dan berminyaklah dengannya, sesungguhnya Zaitun adalah pokok yang barakah."[4]

ص

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 55

2 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 148

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), j. 2, *op. cit.*, h. 55

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 244



حرف الضاد

ض



ḌĀ'N (ضَأْنٌ)

Lafaz (ضَأْن) adalah bentuk jamak daripada perkataan (ضَائِنَةٌ) dan (ضَائِنٌ) yang bererti kambing yang mempunyai bulu kapas iaitu kambing biri-biri.[1]

Lafaz (ضَأْن) hanya disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 143. Ayat ini berada dalam rangkaian ayat yang menerangkan tentang anugerah Allah kepada manusia berupa buah-buahan dan juga haiwan-haiwan ternakan yang pelbagai. Allah menegaskan manusia hendaklah makan anugerah Allah yang halal itu dan tidak mengikuti bisikan syaitan sehingga mengharamkan sebahagian makanan yang dihalalkan oleh Allah sebagaimana yang dilakukan oleh kaum musyrik.

Mereka menghimpunkan jenis haiwan ternakan, mengharamkan sebahagiannya dan menghalalkan sebahagiannya. Mereka menghimpunkan kambing (ٱلْمَعْز), kibas (kambing biri-biri) (ٱلضَّأْن), lembu dan unta kepada jantan dan betina; sebahagian mereka mengharamkan yang jantan, sebahagian yang lain mengharamkan yang betina dan sebahagiannya lagi mengharamkan yang ada dalam kandungan.

Sebagaimana yang diterangkan oleh Ibn Kathīr, Allah tidak mengharamkan jenis -jenis haiwan itu dan juga tidak mengharamkan kandungan-kandungan haiwan itu. Semuanya diciptakan bagi dimanfaatkan oleh manusia sama ada dimakan, dibuat kenderaan, digunakan untuk membawa barang, diperah susunya dan manfaat-manfaat lain.[2]

ḌĀBḤĀ (ضَبْحًا)

Lafaz (ٱلضَّبْحُ) bermaksud berubahnya warna wajah disebabkan panas dan juga menyebabkan berubahnya suara. Apabila dikatakan (ضَبَحَتِ ٱلْخَيْلُ), ertinya kuda itu mengeluarkan suara nafas yang kencang dari mulutnya yang bukan suara rengekan.[3] Imam al-Syawkānī menerangkan, ulama berbeza pendapat dalam memberi maksud kata (ٱلضَّبْحُ). Antara mereka ada yang mengertikannya sebagai suara hentakan kaki kuda; suara nafas kuda semasa lari kencang; dan suara yang keluar dari dada kuda semasa berlari kencang.[4]

Lafaz ini hanya disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-'Ādiyāt* (100), ayat 1. Lima ayat pertama dalam surah *al-'Ādiyāt* menceritakan tentang kehebatan kuda-kuda yang digunakan untuk berperang *fisabīlillāh*. Digambarkan kuda-kuda itu berlari begitu pantas sehingga mengeluarkan bunyi nafas yang kencang (وَٱلْعَٰدِيَٰتِ ضَبْحًا); telapak kakinya mengeluarkan percikan api; ia berlari menuju musuh di waktu pagi; sehingga berterbangan debu-debu dan akhirnya kuda-kuda itu menggempur di tengah-tengah kumpulan musuh. Kehebatan kuda-kuda ini adalah bukti keagungan Allah dan surah ini dijadikan sumpah oleh Allah.

ḌĀFĀḌĪ' (ضَفَادِعُ)

Lafaz (ٱلضَّفَادِع) adalah dalam bentuk jamak daripada kata *mufrad* (ٱلضِّفْدَع) ertinya adalah haiwan yang dapat hidup di darat dan di

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), j. 2, *op. cit.*, h. 105

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 184

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 105

4 Al-Syawkānī (1994),*op. cit.*, j. 5, h. 482

air serta mempunyai suara yang khas. Haiwan ini biasa disebut sebagai katak.[1]

Lafaz ini dalam al-Quran disebut dalam bentuk jamak dan ia disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 133. Ayat ini menceritakan tentang azab yang diterima oleh kaum Firaun selepas mereka menentang Nabi Mūsā dan menyatakan tidak akan taat kepada Mūsā meskipun beliau dapat mendatangkan banyak mukjizat.

Azab-azab yang ditimpakan kepada mereka adalah Allah menghantarkan kepada mereka taufan yang menenggelamkan tanaman mereka. Kemudian Allah menghantar belalang sehingga tanaman mereka habis dimakan olehnya, juga kutu yang merosakkan tanaman dan haiwan-haiwan mereka. Kemudian katak-katak (اَلضَّفَادِع) yang memenuhi tempat-tempat makanan dan juga tempat istirahat mereka. Seterusnya darah sehingga perigi dan sungai mereka berubah menjadi aliran darah. Ini semua adalah sebagai tanda-tanda dan bukti yang jelas dan nyata. Namun, kaum Firaun tetap berlaku sombong dan menjadi kaum yang menderhaka.

Imām Ibn Kathīr menerangkan, katak -katak itu memenuhi rumah-rumah, makanan-makanan dan juga tempat-tempat penyimpanan mereka. Malah setiap kali mereka membuka pakaian atau makanan mereka menjumpai katak di dalamnya.[2]

ḌĀḤĪKĀ (ضَاحِكًا) – ḌĀḤĪKĀṬ (ضَاحِكَات)

Erti asal susunan huruf (ض-ح-ك) adalah terbuka dan ternampak. Atas dasar makna ini, lafaz itu juga bererti ketawa. Orang yang ketawa, wajahnya ceria dan gigi-giginya nampak. Orang yang ketawa dalam bahasa Arab digunakan kata (ضَاحِكٌ) dan (ضَاحِكَةٌ).[3]

Kata kerja (ضَحِكَ-يَضْحَكُ) dengan pelbagai bentuk *mufrad*, jamak, *mudhakkar* dan *mu'annath* banyak disebut di dalam al-Quran. Namun, kata nama (*ism*) yang disebut hanya (ضَاحِكٌ) dan (ضَاحِكَةٌ). Ia disebut dua kali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Naml* (27), ayat 19 dan surah *'Abasa* (80), ayat 39.

Dalam surah *al-Naml* (27), ayat 19, lafaz (ضَاحِكًا) digunakan bagi menggambarkan keadaan Nabi Sulaimān semasa mendengar perkataan seekor semut yang mengingatkan kawan-kawannya supaya tidak dipijak oleh bala tentera Nabi Sulaimān yang akan lalu. Mendengar perkataan itu, Nabi Sulaimān tersenyum (فَتَبَسَّمَ ضَاحِكًا) dan rasa keagungan nikmat Allah kepadanya sehingga beliau pun berdoa seperti yang disebut dalam ayat itu.

Dalam surah *'Abasa* (80), ayat 39, kata (ضَاحِكَةٌ) digunakan bagi menggambarkan kebahagiaan di akhirat. Sebahagian umat manusia nanti ada yang wajahnya bersinar, ketawa dan bahagia (ضَاحِكَةٌ مُسْتَبْشِرَةٌ). Mereka inilah orang yang mendapat limpahan nikmat di syurga kerana di dunia mereka beriman dan taat kepada peraturan-peraturan Allah.

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), op. cit., j. 2, h. 117

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 243

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), j. 2, op. cit., h. 105

ḌĀMĪR (ضَمِيرٌ)

Lafaz (اَلضُّمُوْر) digunakan bagi memberi sifat kepada tumbuhan, haiwan dan manusia. Ertinya adalah kecil atau yang kurus bentuknya. Apabila dikatakan (جَمَلٌ ضَامِرٌ), ertinya adalah unta yang badannya ringan dan lemah serta dagingnya sedikit.

Lafaz ini disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Hajj* (22) ayat 27. Dalam ayat ini, Nabi Ibrāhīm diperintahkan oleh Allah menyeru manusia supaya mengerjakan ibadat haji. Allah berjanji, manusia akan datang ke *Bait Allāh* dengan berjalan kaki dan dengan menunggang pelbagai jenis unta yang kurus (وَعَلَى كُلِّ ضَامِرٍ) yang datangnya daripada pelbagai jalan dan ceruk rantau yang jauh.

Imām al-Syawkānī mentafsirkan, lafaz ضَامِر itu dengan unta-unta yang kurus k - rana lelah mengharungi perjalanan yang begitu jauh.[1] Imam al-Alūsī pula menegaskan, penggunaan lafaz ضَامِر (menunggang unta yang kurus) bukan hanya sekadar رُكْبَانًا (menaiki kenderaan), tetapi ia mengisyaratkan kepada orang yang akan pergi haji ke *Bait Allāh* adalah ramai dan berasal dari negeri -negeri yang jauh dari Makkah.[2]

ḌĀNĪN (ضَنِين)

Erti lafaz (ضَنِين) ialah orang yang bakhil dan kedekut.[3] Lafaz ini disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Takwīr* (81), ayat 24. Imām al-Syawkāni menerangkan sebahagian pakar *qirā'at* menyebut perkataan ini dalam ayat itu dengan (ظَنِين) menggunakan huruf *zā'* seperti Ibn Kathīr, Abū 'Amr dan al-Kisā'ī. Lafaz (ظَنِين) ini bermaksud orang yang dituduh melakukan kesalahan.

Perbezaan bacaan ini membawa kepada perbezaan makna. Apabila ayat itu dibaca dengan menggunakan perkataan (ضَنِين), maksudnya ialah Nabi Muhammad bukan orang yang bakhil dan kedekut dalam menyampaikan wahyu. Apabila ayat itu dibaca dengan menggunakan perkataan (ظَنِين) ia bermaksud Nabi Muhammad bukan orang yang dapat dituduh menipu dalam menyampaikan wahyu. Dengan kata lain, nabi adalah orang yang dapat dipercayai dalam menyampaikan wahyu itu.[4]

Maka kedua-dua makna ini sama-sama benar dan tepat. Nabi Muhammad mempunyai sifat yang jujur dan dapat dipercayai dalam menyampaikan wahyu.

ḌĀNKĀ (ضَنْكًا)

Erti lafaz (ضَنْكٌ) ialah sempit atau lemah sama ada badan, jiwa mahupun minda.[5] Di dalam al-Quran, perkataan (ضَنْكًا) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *Tāhā* (20), ayat 124. Dalam ayat ini, Allah menegaskan manusia yang berpaling dan ingkar daripada ingatan dan petunjuknya, akan mengalami kehidupan yang sempit (مَعِيْشَةً ضَنْكًا) dan Allah akan

1 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 448

2 Al-Alūsī (t.t), *op. cit.*, j. 17, h. 144

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2 h. 123

4 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 392

5 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 123

menghimpunkannya pada hari kiamat dalam keadaan buta.

Imām Ibn Kathīr mentafsirkan ayat itu dengan mengatakan orang yang menentang perintah Allah dan tidak mematuhi aturan yang diturunkan kepada rasulnya, berpaling daripadanya serta melupakannya, malah menjadikan selain aturan Allah sebagai petunjuknya, orang itu akan hidup dalam kesempitan (مَعِيْشَةً ضَنْكًا) di dunia ini. Dia tidak berasa tenang dan dadanya tidak berasa lapang, malah dadanya terasa sempit dan susah kerana kesesatannya.

Meskipun secara zahirnya mereka mendapat nikmat yang banyak, memakai pakaian yang disukai, memakan makanan yang disukai, dapat singgah di tempat yang dikehendakinya, tetapi hati orang itu berada dalam keadaan bingung dan ragu-ragu selagi mereka tidak melepaskan diri menuju keyakinan dan petunjuk yang sebenar.[1]

ḌĀR'(ضَرْعٌ)

Erti lafaz (اَلضَّرِيْع) ialah tumbuhan berwarna hijau yang baunya busuk, ringan dan selalunya dibuang ke laut. Ia juga bermaksud rumput kotor dan berbau busuk sehingga haiwan pun tidak mahu mendekatinya.[2]

Di dalam al-Quran, lafaz (ضَرِيْع) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Ghāsyiyah* (88), ayat 6. Dalam ayat itu diterangkan makanan penduduk neraka ialah (ضَرِيْع). Ulama berbeza pendapat dalam memberi makna kata (ضَرِيْع) dalam ayat ini.

Antara pendapat itu adalah Ibn 'Abbās mengertikannya sebagai pokok yang berasal daripada api. Sa'īd bin Jabīr mengertikannya sebagai pokok *al-Zaqqūm*. 'Ikrimah mentafsirkannya sebagai pokok berduri yang melekat dengan tanah. Imam Qatādah mentafsirkannya sebagai pokok yang paling buruk dan paling kotor.[3]

Makanan itu tidak menggemukkan dan tidak dapat menghilangkan kelaparan.

ḌĀYR (ضَيْرٌ)

Erti lafaz (ضَيْر) sama dengan kata (ضَرَر) iaitu kesempitan, bahaya atau keadaan paling buruk sama ada pada jiwa, badan ataupun harta.[4]

Lafaz (ضَيْر) hanya disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 50. Dalam ayat ini, lafaz (ضَيْر) dinafikan sehingga ertinya adalah tidak ada bahaya atau tidak sukar. Ayat ini menceritakan tentang tingginya keyakinan tukang-tukang sihir Firaun yang sedar dan mahu beriman kepada Allah.

Firaun mengancam mahu menyeksa mereka dengan memotong tangan dan kaki mereka secara bersilang dan juga menyalib mereka. Namun, mereka dengan lantang menjawab, seksa di dunia seperti itu (لَا ضَيْرَ) tidak menyusahkan kami, tidak membahayakan kami dan kami tidak

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 169

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 112

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 503-504

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), op. cit., j. 2, h. 110 dan 124

mempedulikannya[1] kerana kami yakin akan kembali kepada Allah, pencipta alam dan kami yakin mendapat nikmat yang agung. (إِنَّا إِلَىٰ رَبِّنَا مُنْقَلِبُونَ).

ḌĪḌḌ (ضِـدّ)

Erti lafaz (ضِدّ) adalah lawan atau musuh yang mahu mengalahkan yang lainnya. Contohnya, hitam lawan (ضِدّ) kepada putih, malam lawan (ضِدّ) kepada siang. Apabila salah satu daripada dua perkara itu wujud, yang lainnya kalah ataupun hilang.[2]

Lafaz (ضِدًّا) disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Maryam* (19), ayat 82. Ayat itu dan ayat sebelumnya menceritakan alasan orang kafir menyembah makhluk selain daripada Allah sebagai tuhan-tuhan supaya benda-benda yang disembah itu dapat menjadi penolong-penolong yang memberi kemuliaan dan pengaruh kepada mereka. Namun, anggapan mereka itu silap kerana di akhirat nanti, makhluk yang disembah itu mengingkari perbuatan mereka, malah menjadi lawan yang memusuhi mereka (وَيَكُونُونَ عَلَيْهِمْ ضِدًّا).

Imām Ibn Kathīr menyenaraikan beberapa pentafsiran mengenainya ini. Antara makhluk yang mereka sembah itu akan memusuhi, mendustakan mereka dan mereka saling melaknat dan mengingkari. Keadaan ini jauh berbeza dengan apa yang mereka harapkan semasa di dunia, di mana mereka mengharapkan penolong dan penyelamat.[3]

ض

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 336

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 107

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 137



حرف الطاء

ط



ṬĀ'AH (طَاعَةٌ)

Lafaz ini adalah *ism maṣdar* daripada *ṭawa'a* (طَوَعَ). Ibn Fāris berkata, "Asal lafaz ini iaitu *al-ṭā', al-wāw dan al-'ayn* menunjukkan maksud menemani dan patuh."[1] *Ṭa'ah* bermaksud ketaatan, patuh dan muafakat, ia tidak berlaku kecuali melalui sesuatu perintah.[2] Lafaz ini dibakukan ke dalam bahasa Melayu yang dinamakan 'taat' dan ia mengandungi makna sentiasa menurut perintah sama ada pada Tuhan dan lain-lain, patuh, kuat beribadat dan soleh.[3]

Ia disebut tiga kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 81; surah *al-Nūr* (24), ayat 53 dan surah *Muhammad* (47), ayat 21.

Taat ialah patuh, setia ataupun tunduk. Taat kepada Allah bererti patuh, setia dan tunduk kepada Allah dengan memelihara syariatnya dan melaksanakan segala perintahnya, meninggalkan atau menjauhi segala larangannya; seterusnya mencontohi sunnah rasulnya.

Menurut Imam al-Ghazālī, maksud taat ialah melaksanakan apa sahaja yang ditetapkan oleh Allah dan menjauhi apa sahaja yang diharamkannya.[4] Al-Kafawī mengungkapkan, *ṭa'ah* ialah menyetujui sesuatu perkara dan ia lebih umum dari ibadah, kerana ibadah lebih banyak digunakan dalam mengagungkan Allah dengan sebenar-benarnya.

Ṭa'ah juga digunakan bagi menyetujui perintah Allah dan perintah selainnya, mengerjakan segala perintah walau ia *mandub* sekalipun, meninggalkan apa yang dilarang walaupun ianya *makruh*. Ketaatan kepada selain Allah di luar kemaksiatan dibolehkan. Ketaatan sekiranya mengakibatkan kepada kemaksiatan, wajib meninggalkannya kerana apa sahaja yang mengakibatkan kejahatan ia termasuk kejahatan.[5]

Dalam surah al-Nūr, lafaz ini dihubungkan dengan *ma'rūfah* (yang sedia maklum) dan bermaksud ketaatan yang dusta. Ibn Jarīr berkata, "Ketaatan di sini bermaksud ketaatan yang di dalamnya ada penipuan dan kebohongan."[6] Mujāhid mentafsirkan ayat ini dengan, "Ketaatan kamu kepadaku di mana sesungguhnya kamu berdusta dan menipu."[7]

Dalam *Tafsīr al-Jalālayn* diterangkan, ia membawa maksud ketaatan hanya dalam perkataan tetapi berlainan dalam perbuatan.[8] Begitu juga dalam surah *al-Nisāk* di mana orang munafik berkata, "Sekiranya mereka diperintahkan dengan sesuatu, keadaan mereka patuh dan tunduk, namun sekiranya mereka bertemu sesama mereka, mereka menampakkan kekufuran mereka dan bukan ketaatan."[9]

Kesimpulannya, lafaz *ṭa'ah* di dalam al-Quran menunjukkan **ketaatan yang dusta dan tipu**, kerana lafaz ini dikaitkan dengan ketaatan orang munafik.

1 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 3, h. 431.

2 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 2, h. 570.

3 Noresah bt. Baharom *et al.* (eds.) (2002), *op. cit.*, h. 1336.

4 Ensiklopedia Islam (1999), *op. cit.*, h. 142-143.

5 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 583.

6 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 18, h. 209.

7 *Ibid.*, athar no. 19834.

8 Al-Jalālayn (t.t.), *op. cit.*, h. 461.

9 Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 2, h. 1132.

ṬA'ĀM (طَعَامٌ)

Ṭa'ām adalah kata benda dalam bentuk *mufrad*, jamaknya ialah *aṭ'imah* (أَطْعِمَةٌ). *Ṭa'ām* ialah nama keseluruhan bagi setiap yang dimakan dan ada yang mengatakan ia dikhususkan bagi gandum. Al-Kafawī berkata, "*Ṭa'ām* kadangkala digunakan bagi menyebut minuman,[1] sebagaimana dalam kata-kata Allah "وَمَن لَّمْ يَطْعَمْهُ فَإِنَّهُ مِنِّي", maksudnya:

> *"Dan sesiapa yang tidak meminum airnya maka sesungguhnya ia dari pengikutku."* [2]

Dikatakan begitu kerana asal lafaz ini mengisyaratkan, merasakan sesuatu atau setiap apa yang dirasai seperti yang disebutkan dalam hadis Rasulullah mengenai air zamzam. "إِنَّهَا طَعَامُ طُعْمٍ وَشِفَاءُ سُقْمٍ", maksudnya:

> *"Sesungguhnya ia adalah makanan bagi kelaparan dan ubat bagi penyakit."*[3]

Lafaz *ṭa'ām* disebut 24 kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 61, 184, 259; surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 93, surah *al-Mā'idah* (5), ayat 5 (dua kali), 75, 95, 96; surah *Yūsuf* (12), ayat 37; surah *al-Kahfi* (18), ayat 19; surah *al-Anbiyāk* (21), ayat 8; surah *al-Furqān* (25), ayat 7, 20; surah *al-Ahzāb* (33), ayat 53; surah *al-Dukhān* (44), ayat 44; surah *al-Hāqqah* (69), ayat 34, 35, 36; surah *al-Muzzammil* (73), ayat 13; surah *al-Insān* (76), ayat 8; surah *'Abasa* (80), ayat 24; surah *al-Ghāsyiyah* (88), ayat 6; surah *al-Fajr* (89), ayat 18; surah *al-Mā'ūn* (107), ayat 3.

Ṭa'ām di dalam al-Quran mengandungi beberapa makna:

1. Sejenis makanan, iaitu *al-mann* (roti) dan *al-salwā* (madu). Maksud ini ada dalam surah al-Baqarah ayat 61, di mana *ṭa'ām* di sini dikaitkan dengan *"wāhid"* yang ertinya satu.; Ini adalah pendapat Ibn Kathīr dan al-Sābūnī.[4] Ibn Kathīr berkata, "Banī Isrāel mengatakan "*ṭa'ām wāhid*" iaitu *al-mann wa al-salwā* kerana mereka memakan kedua-duanya setiap hari dan tidak pernah berubah.[5]
2. *Ṭa'ām* juga bermaksud mencakupi semua jenis makanan seperti dalam surah *Āli 'Imrān* ayat 93. *Ṭa'ām* yang dihuraikan oleh al-Quran dapat dibahagi dalam tiga kategori utama iaitu *nabati, haiwani* dan *olahan*.[6]

- Yang termasuk dalam *nabati* terdapat dalam surah *'Abasa* (80), ayat 24 hingga 32 di mana surah ini memerintahkan manusia memperhatikan makanannya, disebutkan sekian banyak jenis tumbuhan yang dikurniakan Allah bagi kepentingan manusia dan binatang, Allah berkata yang bermaksud,

  "Maka hendaklah manusia memperhatikan makanannya. Sesungguhnya kami benar-benar mencurahkan air (dari langit), kemudian kami belah bumi dengan sebaik-sebaiknya. Lalu kami tumbuhkan biji-bijian di bumi itu, anggur dan sayur-sayuran, zaitun dan pohon kurma, kebun-kebun (yang) lebat, dan buah-buahan serta rumput-rumputnya, untuk kesenangan kamu dan untuk binatang ternakan."

- Manakala *ṭa'ām* yang termasuk dalam kategori *haiwani* al-Quran mengklasifikasikan dua kelompok besar iaitu yang berasal dari laut dan darat. Ayat yang menyentuh makanan yang berasal dari laut terdapat dalam surah

1 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 585.

2 Surah al-Baqarah (2), ayat 249

3 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 3, h. 410-411.

4 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 1, h. 62.

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 88.

6 Muhammad Quraish Shihab (1997), *Wawasan al-Qur'an*, c. 7. Bandung: Penerbit Mizan, h. 140-143

al-Mā'idah (5), ayat 96, maksud kata -kata Allah,

"Dihalalkan bagi kamu binatang buruan laut dan makanan yang berasal dari laut, sebagai makanan yang lazat bagi kau dan orang yang dalam perjalanan."

Yang termasuk dalam kategori haiwan terakam dalam kata-kata Allah dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 5 yang bermaksud,

"Pada masa ini dihalalkan bagi kamu (memakan makanan) yang lazat serta baik, dan makanan (sembelihan) orang yang diberikan kitab itu adalah halal bagi kamu, dan makanan (sembelihan) kamu adalah halal bagi mereka."

Al-Qurtubī berkata, "*Ṭa'ām* ialah nama bagi perkara yang dimakan dan di sini dikhususkan dengan sembelihan (daripada haiwan) menurut majoriti pakar."[1]

- Makanan *olahan*. Berdasarkan penjelasan terdahulu, minuman adalah salah satu jenis makanan. Oleh itu, khamar juga salah satu jenis makanan. Al-Quran menegaskan hal itu dalam surah *al-Nahl* (16), ayat 67,

  "Dan dari buah kurma dan anggur kamu olah minuman yang memabukkan dan rezeki yang baik. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda (kebesaran) Allah bagi orang yang memikirkan."[2]

Lafaz *ṭa'ām* juga dapat dibahagikan kepada dua keadaan iaitu makanan yang termasuk makanan di dunia dan makanan pada hari akhirat. Bagi makanan di dunia sudah disebutkan sebelum ini dan bagi makanan di akhirat, lafaz ini lebih cenderung digunakan bagi makanan yang diperuntukkan di dalam neraka.

Kategori ini terdapat dalam surah *al-Dukhān* (44), ayat 44; surah *al-Hāqqah* (69), ayat 34; surah *al-Ghāsyiyah* (88), ayat 6; surah *al-Muzzammil* (73), ayat 13. Contohnya dalam surah *al-Dukhān*, Allah berkata yang bermaksud,

"(Ingatlah!) sesungguhnya pokok zaqqūm, (buahnya) menjadi makanan bagi orang yang berdosa (dalam neraka)."

Kesimpulannya, lafaz *ṭa'ām* di dalam al-Quran mengandungi maksud makanan sama ada di dunia yang terdiri dari haiwan, tumbuhan atau olahan dan makanan pada hari akhirat bagi orang yang berdosa.

ṬĀ'IFAH (طَائِفَةٌ)

Dalam *Kamus al-Munjid* disebutkan, lafaz ini adalah *mu'annath* daripada *ṭā'if*[3] dan maknanya kembali kepada putaran, seolah-olah ia mengelilingi sesuatu. Setiap jemaah atau kelompok yang mengelilingi sesuatu dinamakan *ṭā'ifah*. Selain itu, *ṭā'ifah* daripada sesuatu bermakna sebahagiannya. Apabila disandarkan kepada manusia membawa maksud golongan dan setengah daripada mereka[4] yang dihimpunkan oleh mazhab atau pendapat yang membezakannya daripada golongan lain.[5]

Al-Kafawī berkata, "*Ṭā'ifah* adalah sebahagian daripada sesuatu, sepotong daripadanya, atau terdiri dari satu hingga se-

1 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 6, h. 78.

2 Muhammad Quraish Shihab (1997), *op. cit.*

3 Ma'lūf (1975), *op. cit.*

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 152-153

5 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 571.

terusnya, atau hingga seribu, paling sedikit dua lelaki atau satu, dan ia menjadi maksud diri. Apabila ia dimaksudkan jamak, ia adalah jamak dan apabila dimaksudkan satu ia boleh dikatakan jamak."[1]

Lafaz *ṭā'ifah* disebut 20 kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 69, 72, 154 (dua kali); surah *al-Nisāk* (4), ayat 81, 102 (dua kali), 113; surah *al-A'rāf* (7), ayat 87 (dua kali); surah *al-Taubah* (9), ayat 66 (dua kali), 83, 122; surah *al-Nūr* (24), ayat 2; surah *al-Qasas* (28), ayat 4; surah *al-Ahzāb* (33), ayat 13; surah *al-Saff* (61), ayat 14 (dua kali); surah *al-Muzzammil* (73), ayat 20.

Lafaz *ṭā'ifah* di dalam al-Quran merujuk kepada manusia dan ia dapat digolongkan kepada beberapa kelompok:

- Kelompok orang Yahudi atau Ahli Kitab seperti dalam surah *Āli 'Imrān*, ayat 69, 72; surah *al-Saff*, ayat 14; surah *al-Qasas*, ayat 4; di mana segolongan mereka diperhambai, dijadikan buruh kasar dan dipaksa bekerja oleh Firaun.[2]
- Kelompok orang mukmin sebagaimana yang terdapat dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 154; surah *al-Nisāk* (4), ayat 102; surah *al-A'rāf* (7), ayat 87; surah *al-Taubah* (8), ayat 122; surah *al-Nūr* (24), ayat 2 dan surah *al-Muzzammil* (73), ayat 20.
- Kelompok orang munafik seperti dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 81; surah *al-Taubah*, ayat 66, 83 iaitu seramai 12 orang yang balik daripada Perang Badar,[3] dan dalam surah *al-Ahzāb* (33), ayat 13. Mereka ialah Aus bin Qayzī, ayah kepada 'Arābah bin Aus[4] dan Ubayy bin Salūl serta kawannya.[5]
- Bermaksud Asīd bin 'Urwah dan sahabatnya. Dilaporkan daripada 'Āṣim bin 'Umar bin Qatādah al-Ansārī, daripada ayahnya daripada datuknya Qatādah bin al-Nu'mān, beliau menyebut kisah Banī Ubairiq, lalu turunlah ayat ini, yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah Asīd bin 'Urwah dan sahabatnya. Ketika mereka memuji Banī Ubairiq dan mencela Qatādah bin al-Nu'mān yang menuduh mereka ketika mereka bebas daripada tuduhan itu[6] seperti dalam ayat 113 daripada surah *Āli 'Imrān*. Ibn Jarīr berkata, "Mereka ialah golongan yang mengkhianati diri mereka[7] dan menyokong Banī Ubairiq."[8]
- Kelompok daripada kalangan orang kafir seperti dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 87.
- Kelompok yang bertaubat dengan ikhlas daripada kalangan orang munafik seperti dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 66:

إِن نَّعْفُ عَن طَآئِفَةٍ مِّنكُمْ

"Kami memaafkan satu kelompok dari kalangan mereka (munafik) disebabkan mereka bertaubat dengan ikhlas."[9]

1 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 585.

2 Ahmad Sonhadji Mohammad (1997), *op. cit.*, j. 20, h. 63.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 344.

4 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 14, h. 145.

5 Ahmad Sonhadji Mohammad (1997), *op. cit.*, j. 21, h. 232.

6 *Ibid.*, j. 1, h. 492.

7 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 5, h. 373.

8 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 649.

9 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 1, h. 546.

ṬĀGHIYAH (طَاغِيَةٌ)

Lafaz ini dalam bentuk *maṣdar*, seperti *al-'āfiyah, al-kādhibah* atau *al-āqibah*, sehingga makna *bi al-ṭāghiyah* (بِالطَّاغِيَةِ) ialah *bi al-ṭughyān* (بِالطُّغْيَانِ).[1] Ibn Fāris berkata, *'al-ṭā'* (ط), *al-ghayn* (غ) dan huruf *'illah* (ي) adalah asal lafaz ini yang mengandungi maksud melampaui batas dalam kemaksiatan,[2] dan *al-ṭā'* pada lafaz ini adalah bagi *mubālaghah* (superlatif).[3]

Dalam *Mu'jam al-Wasīt,* ia juga bermaksud kezaliman yang besar dan banyak maksiat.[4] Dalam *Kamus al-Munjid* dijelaskan, lafaz ini adalah *mu'annath* daripada lafaz *al-ṭāghī* (الطَّاغِي) yang bermaksud orang yang sombong, yang perkasa, yang bodoh, petir, gelaran bagi Raja Rom dan kemungkinan orang Arab menggelarinya ke atas orang lain.[5]

Lafaz *ṭāghiyah* hanya disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Hāqqah* (69), ayat 5. Mujāhid berkata, "lafaz *bi al-ṭāghiyah* bermaksud "dengan dosa mereka (kaum Thamūd atau Soleh)."[6] Ibn Zaid berkata, "Ia bermaksud dengan kezaliman dan kekufuran mereka pada ayal-ayat Allah, melampaui batas dalam maksiat kepada Allah dan menentang Kitabullah,[7] mereka hancur dan musnah dengan perbuatan salah seorang dari mereka yang melampaui batas, iaitu menyembelih unta, adapun semuanya hancur kerana mereka reda dengan perbuatan itu."[8]

Qatādah berkata, "Allah mengirim ke atas mereka satu teriakan dan pekikan sehingga mematikan mereka."[9] Al-Kalbī berkata, "Maksud *bi al-ṭāghiyah* ialah dengan petir."[10] Al-Hasan berkata, "Maksudnya ialah dengan kezaliman atau mereka hancur dengan kezaliman dan kekufuran mereka."[11]

Ibn Jarīr berpendapat, makna sebenarnya ialah mereka dihancurkan dengan teriakan atau pekikan yang melampau sebagai azab, kerana Allah menceritakan tentang punca yang menghancurkan kaum Thamūd, sebagaimana diceritakan tentang punca kehancuran kaum 'Ād, Allah berkata yang bermaksud, "Adapun 'Ād (kaum Nabi Hūd), mereka dibinasakan dengan angin ribut yang kencang, yang melampau kencangnya." Sekiranya berita tentang punca yang membinasakan kaum Thamūd, begitu juga berita punca kebinasaan kaum 'Ād, dan kedua-duanya disebut dalam satu redaksi. Seterusnya perkhabaran tentang pembinasaan kaum 'Ād dengan angin adalah adalah bukti yang jelas perkhabaran kebinasaan Thamūd adalah seperti yang diterangkan.[12]

Kesimpulannya, maksud *ṭāghiyah* ialah **suara pekikan yang melampau**, dikirimkan bagi membinasakan kaum Thamūd disebabkan kezaliman dan kekufuran mereka yang melampaui batas.

1 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 587.
2 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 3, h. 412.
3 Anīs *et al.* (1962), *op. cit*, j. 1, h. 559.
4 *Ibid.*
5 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 466.
6 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 29, h. 60, athar no. 26917.
7 *Ibid.*, athar no. 26918.
8 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 18, h. 247.
9 *Ibid.*, athar no. 26919.
10 Al-Qurtubī (1996), *loc. cit.*
11 *Ibid.*
12 Al-Ṭabarī (1995), *op. cit.*, h. 61.

ṬĀGHŪN (طَاغُوْنَ) - ṬĀGHĪN (طَاغِيْنَ)

Lafaz ini adalah *ism fā'il* dalam bentuk jamak *mudhakkar*, *mufrad*nya ialah *ṭāghī* (طَاغِي) maksudnya ialah orang yang zalim,[1] dan orang yang melampaui batas dalam kejahatan.[2]

Ia disebut enam kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Sāffāt* (37), ayat 30; surah *Sād* (38), ayat 55; surah *al -Zāriyāt* (51), ayat 53; surah *al-Tūr* (52), ayat 32; surah *al-Qalam* (68), ayat 31; surah *al-Nabak* (78), ayat 22.

Lafaz ini dihubungkan dengan perkataan *"qawm"* iaitu kaum atau golongan. Al-Syawkānī berkata, "*Qawm ṭāghīn* ialah kaum yang melampaui batas dalam kesesatan, kekufuran[3] dan mendustakan rasul Allah."[4] Begitu juga yang terdapat dalam *Tafsīr al-Jalālayn* yang mengandungi maksud orang yang sesat.[5]

Sa'īd Hawwā mentafsirkan lafaz ini pada surah *al-Tūr* dengan kaum yang melampaui batas dalam kedegilan dan kekufuran, walaupun mereka nampak kebenaran. Ibn Kathīr berkata, "Mereka adalah kaum yang sesat dan kufur, dan inilah yang membawa mereka ke atas apa yang mereka katakan padamu (Muhammad),[6] perkataan mereka itu bukanlah kesan dari akal tetapi kesan daripada kekufuran dan kezaliman nafsu, dan hasilnya mereka berkata Muhammad mencipta al-Quran dengan sendirinya kemudian menyandarkannya kepada Allah."[7]

Kesimpulannya, lafaz *ṭāghun* atau *ṭāghīn* membawa maksud **kaum atau golongan yang berada dalam kesesatan dan kekufuran yang melampau.**

ṬĀGHŪT (طَاغُوْت)

Lafaz ini boleh digunakan bagi *mufrad* dan jamak, *mudhakkar* dan *mu'annath*. Asal lafaz ini sudah dijelaskan sebelum ini dan di dalam al-Quran ia mengandungi dua maksud iaitu *al-hissī*, iaitu *ṭughyān al-mā'* (طُغْيَانُ ٱلْمَاءِ) yang membawa maksud banjir; dan *al-maknawī* iaitu *ṭughyān al-ṭughāh* (طُغْيَانُ ٱلطُّغَاة) yang membawa maksud orang kafir.[8] Ia mengandungi makna setiap sembahan selain Allah,[9] syaitan, ahli sihir atau seseorang yang menjadi kepala dalam kesesatan.[10]

Lafaz ini disebut lapan kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 256, 257; surah *al-Nisāk* (4), ayat 51, 60, 76; surah *al-Mā'idah* (5), ayat 60; surah *al-Nahl* (16), ayat 36, surah *al-Zumar* (39), ayat 17.

Al-Jauharī berkata, "Ia adalah seorang *kahin* dan syaitan."[11] Al-Isfahānī berkata, *ṭāghūt* ialah ungkapan bagi setiap yang disembah selain Allah.[12] Mr. Lane membuat

1 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 467

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 137.

3 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 511.

4 *Ibid.*, h. 549.

5 Al-Jalālayn (t.t.), *op. cit.*, h. 581.

6 Iaitu mereka berkata engkau adalah penyair, orang gila, tukang sihir dan sebagainya.

7 Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 10, h. 5549.

8 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 136-137

9 *Ibid.*

10 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 393.

11 Muḥammad Salīm al-Ḥāj, dalam *Gharīb al-Qurān* oleh al-Yazīdī (1985), *op. cit.*, h. 97.

12 *Ibid.*

kajian dalam *Layal al-'Arab atau Kehidupan Malam Orang Arab (Arabian Nights),* nama ini digunakan bagi mengungkapkan kejahatan, terutamanya berhala dan pujaan yang terlampau disanjung.[1] Dalam *Ensiklopedia Islam* dijelaskan *ṭāghūt* ialah syaitan, atau apa sahaja yang disembah selain Allah. Perkataan ini diletakkan bersama perkataan *al-jibt* yang membawa maksud objek yang disembah selain Allah, atau syaitan yang menghasut manusia supaya melakukan kejahatan.

Seorang sarjana Muslim zaman moden, Abū al-A'lā al-Mawdūdī, menerusi tafsir al-Quran menyatakan *ṭāghūt* merupakan makhluk yang melampaui batas dan menganggap dirinya sebagai tuan atau tuhan; makhluk begini bukan sahaja menentang kekuasaan Allah, tetapi juga menggunakan kekuasaan dirinya ke atas orang lain tanpa menghiraukan kekuasaan Allah. Dalam ajaran Syi'ah, *ṭāghūt* merujuk kepada mereka yang menentang imam yang sah, seperti Husain 'Ali Muntaziri, dan mereka ini biasanya ditujukan kepada pihak berkuasa Sunni. Cendekiawan Syi'ah moden, Muhammad Husain Tabataba'i misalnya, dalam tafsir al-Quran hasil tulisan beliau yang diberi judul *Mīzān al-Haqq,* bersama definisi biasa bagi berhala, syaitan dan jin, beliau mentakrifkan *ṭāghūt* sebagai pemimpin yang menyesatkan manusia dan dipatuhi walaupun Allah murka pada mereka. Di Iran, perkataan ini banyak digunakan semasa dan selepas Revolusi Islam Iran pada tahun 1979 yang dipimpin oleh Ayatullah Ruhullah Khomeini menentang Shah Iran. Dalam fahaman Syi'ah sesiapa yang merampas hak imam digelar *ṭāghūt*.[2]

Kesimpulannya, lafaz *ṭāghūt di* dalam al-Quran membawa maksud **berhala, syaitan dan segala sesuatu yang membawa dan mengajak kepada kejahatan serta kekufuran.**

ṬĀHĀ (طه)

Lafaz ini termasuk dalam kategori *al-hurūf al-muqāṭa'ah* (الحُرُوفُ المُقَاطَعَةُ) atau *fawātih al-suwar* (فَوَاتِحُ السُّوَرِ). Lafaz ini hanya disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Tāhā* ayat yang pertama. Surah ini diturunkan di Makkah seperti yang dilaporkan oleh al-Nuhhas dan Ibn Mardawaih daripada Ibn 'Abbās dan Ibn Mardawaih daripada Ibn al-Zubair.[3] Berdasarkan susunan al-Quran ia adalah surah yang ke 20.

Sebab turun ayat ini dilaporkan oleh Ibn Abbās, kaumnya berkata tentang Rasulullah, "Lelaki ini sengsara dan putus asa dengan Tuhannya, maka Allah menurunkan Tāhā."[4] Muqātil berkata, "Berkata Abū Jahl dan al-Nadr bin al-Harith kepada Nabi Muhammad, "Sesungguhnya engkau sangat malang dengan meninggalkan agama kami," disebabkan mereka melihat baginda banyak beribadah dan bermujahadah maka Allah menurunkan ayat ini. Begitu juga laporan daripada al-Dahhak berkata, "Ketika al-Quran turun ke atas nabi, baginda dan sahabatnya berdiri untuk solat, kafir Quraisy berkata, "Allah tidak menurunkan al-Quran ini ke atas Nabi Muhammad kecuali bagi menyeksanya, lalu Allah menurunkan "طه", Allah berkata, "Wahai lelaki

1 Thomas Patrick Hughes (1994), *Dictionary of Islam.* Chicago: USA KAZI Publications, Inc., h. 79

2 Ensiklopedia Islam (1999), j. 10, h. 164-165.

3 Jalāl al-Dīn al-Suyūtī (t.t), *al-Durr al-Manthūr fi al-Tafsīr bi al-Ma'thūr*, j. 4. Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 288.

4 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 16, h. 170, athar no. 18076.

"مَآ أَنزَلۡنَا عَلَيۡكَ ٱلۡقُرۡءَانَ لِتَشۡقَىٰٓ".[1]

Para pakar berbeza pendapat mengenai lafaz *ṭaha*:

- Bermaksud wahai lelaki. 'Ikrimah,[2] al -Ḍāḥḥāk,[3] al-Ḥasan dan Qatādah[4] mengatakan lafaz ini bermakna "wahai lelaki" dengan bahasa *al-Nabtiyyah*. Qatādah berkata: "Menurut bahasa *al-Suryāniyah* ia bermaksud "wahai lelaki."[5]
- Bermaksud "wahai Muhammad pijaklah bumi." Dilaporkan oleh Ibn Mardawaih daripada 'Alī berkata, "Ketika turun ke atas Nabi Muhammad ayat "يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡمُزَّمِّلُ قُمِ ٱلَّيۡلَ إِلَّا قَلِيلًا", maka beliau menghidupkan keseluruhan malam sehingga kedua kakinya bengkak, lalu baginda mengangkat kakinya dan meletakkan kakinya, lalu Jibril turun seraya berkata, *"ṭāhā"*, maknanya bumi yang berada di atas kedua kakimu wahai Muhammad, "مَآ أَنزَلۡنَا عَلَيۡكَ ٱلۡقُرۡءَانَ لِتَشۡقَىٰٓ" dan turun ayat "maka bacalah apa yang ringan daripada al -Quran."[6] Al-Qadi 'Iyād dalam kitabnya al-Syifā menyebut laporan daripada al-Rabī' bin Anas, berkata, "Apabila Nabi Muhammad solat, beliau berdiri di atas satu kaki dan mengangkat yang lainnya Allah menurunkan *"ṭaha"* iaitu pijak bumi wahai Muhammad.[7]
- Dilaporkan daripada 'Alī daripada Ibn 'Abbās beliau berkata, "Ia adalah sumpah yang dijadikan sumpahan oleh Allah dan ia merupakan salah satu dari nama-nama Allah."[8] Dilaporkan daripada Mujāhid beliau berkata, *"ṭāhā"* merupakan salah satu *Fawātih* (pembuka-pembuka) surah al-Quran." Dilaporkan daripada Muhammad b. Ka'ab, huruf *al-ṭa'* (ط) pada lafaz *"ṭāhā"* membawa maksud yang termasuk daripada yang panjang.
- Dilaporkan daripada Ibn Mardawaih daripada Abī al-Ṭufail ia berkata: "Rasulullah berkata, "Sesungguhnya aku mempunyai sepuluh nama di sisi Tuhanku," Abū al-Ṭufail berkata, "Aku menghafal lapan daripadanya iaitu Muhammad, Aḥmad, Abū al-Qāsim, al-Fātiḥ, al-Khātim, al-Māhī, al-'Āqib, al-Ḥāsyir," dan Abū Ja'far berkata, "Dua nama yang lain ialah Ṭāhā dan Yāsin."[9]

Surah ini terdiri dari 140 ayat menurut hitungan ahli Syam, 135 menurut hitungan ahli Kūfah, 134 menurut hitungan ahli Ḥijāz, dan 132 menurut hitungan ahli Basrah. Manakala hurufnya mencecah 5242. Surah ini mempunyai dua nama iaitu: (1) *Ṭāhā* kerana ia yang membuka surah ini, dan (2) Surah Mūsā kerana penceritaan kisah Mūsā di dalamnya secara terperinci.

Menurut sesetengah pakar, dalam surah ini ada tiga ayat yang dimansuhkan iaitu; (1) "Janganlah engkau (wahai Muhammad!) tergesa-gesa membaca al-Quran"[10] dimansuhkan dengan ayat "Kami akan membacakan kepadamu (wahai Muhammad), janganlah

1 Al-Wāhidī (1998), *op. cit.*, h. 255.

2 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, h. 170-171, athar no. 18079.

3 *Ibid.*, athar no. 18080.

4 *Ibid.*, athar no. 18082.

5 *Ibid.*, athar no. 18081.

6 Al-Suyūtī (t.t), *op. cit.*

7 Muhammad 'Alī al-Sabuni (1981), *Mukhtasar Tafsīr Ibn Kathīr*, *op. cit.*, j. 2, c. 7, Beirut: Dār al-Qurān al-Karīm, h. 469.

8 Al-Rijāl (1991) , *op. cit.*, h. 342.

9 Al-Sayūtī (t.t, *op. cit.*, h. 289.

10 Taha (20) ayat 14.

engkau melupakannya"[1]; (2) "Oleh itu, bersabarlah engkau (wahai Muhammad) dengan apa yang mereka katakan,"[2] dimansuhkan oleh ayat *"al-saif"* dalam surah *al-Taubah* ayat 5; (3) "Katakanlah (wahai Muhammad), "tiap-tiap seorang (di antara kita) sedang menunggu; maka tunggulah kamu!"[3] dimansuhkan oleh ayat *"al-saif"*.[4]

Kandungan surah ini mencakupi masalah keimanan iaitu al-Quran adalah peringatan bagi manusia terutama bagi orang yang bertakwa; Mūsā menerima wahyu dari Allah tanpa perantaraan Malaikat Jibrail; Allah menguasai 'Arsy, mengetahui sesuatu yang samar dan yang lebih samar; keadaan orang berdosa dihimpunkan pada hari kiamat; syafaat tidak bermanfaat pada hari kiamat, kecuali syafaat dari orang yang mendapat izin dari Allah. Dari segi hukum adalah seperti perintah mengerjakan sembahyang dan keutamaan waktunya; kewajipan menyuruh keluarga sembahyang. Dari sudut kisah seperti kisah Mūsā dan Hārūn dalam menghadapi Firaun dan Banī Isrāel, kisah Nabi Ādam dan Iblis. Dari sudut yang lain, iaitu perintah Allah kepada Nabi Muhammad supaya dia meminta tambahan ilmu kepada Allah sekalipun sudah menjadi rasul; Allah tidak akan mengazab sesuatu kaum sebelum diutus rasul kepada mereka; jangan terpengaruh oleh kesenangan hidup di dunia.[5] Kesimpulannya, Ibn Jarīr menyatakan lafaz *ṭāhā* membawa maksud **"wahai lelaki!"**[6]

1 Al-A'lā (87) ayat 6.

2 Taha (20) ayat 130

3 *Ibid.*, ayat 135

4 Ābādī (1986), *op. cit.*, h. 310-312.

5 Departemen Agama RI (1993), *op. cit.*, h. 475.

6 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, h. 171.

ṬALĀQ (طَلَاقٌ)

Lafaz ini adalah *ism maṣdar* dari kata kerja *ṭalaqa* (طَلَقَ), Ibn Fāris berkata, "Asal lafaz ini menunjukkan makna mengosongkan dan melepaskan.[7] Ungkapan *hiya ṭāliq* atau *ṭāliqah* bererti dia dilepas atau dikosongkan.[8] Oleh itu *al-ṭalāq* (الطَّلَاقُ) bermakna a*l-ṭatlīq* (التَّطْلِيقُ) iaitu pelepasan atau penceraian.[9] Lafaz *ṭalāq* disebut dua kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 227 dan 229. *Al-ṭalāq* adalah pelepasan ikatan perkahwinan,[10] mengangkat ikatan yang dijalin antara suami dan isteri dengan lafaz yang khusus,[11] atau membatalkan perkahwinan dan melepaskan ikatan dengan lafaz yang khusus.[12] Dalam ilmu fiqh, *al-ṭalāq* menurut syarak ialah melepaskan ikatan perkahwinan dan menamatkan hubungan suami isteri.[13]

Al-ṭalāq merupakan perkara yang halal yang paling dibenci oleh Allah seperti yang disebutkan dalam hadis yang dilaporkan dari Rasulullah.[14] Dalam Islam, perkahwinan dapat berakhir melalui: (1) penolakan atau pelepasan oleh pihak suami; (2) kesepakatan bersama; (3) perceraian oleh hakim selepas menerima tuntutan cerai daripada isteri. Ia dapat terjadi dengan ungkapan yang ditujukan kepada pihak isteri, ia mestilah dijatuhkan kepada isteri yang berada dalam keadaan suci dan dia tidak dalam keadaan hamil.

7 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 3, h. 420.

8 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 292.

9 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 2, h. 563.

10 Al-Syaukānī (1994), *loc. cit.*

11 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*

12 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 584.

13 Al-Sayyid Sābiq (t.t), *Fiqh al-Sunnah*, j. 2. Kaherah: Dār al-Turāth, h. 206.

14 Dilaporkan oleh Abū Dāūd dan al-Ḥākim daripada Ibn 'Umar Rasulullah berkata, *"Perkara halal yang paling dibenci oleh Allah adalah talak."*

Ṭalāq diiringi tempoh masa menunggu selama tiga kali suci yang dinamakan 'iddah. Pada masa itu pihak suami tetap wajib menyediakan nafkah sekurang-kurangnya tempat tinggal dan keperluan makanan. Isteri yang ditalak serta merta dapat dirujuk kembali oleh pihak suami selama masih dalam tempoh 'iddah. Selepas rujuk, mereka kembali kepada ikatan perkahwinan seperti sedia kala. Sekiranya *ṭalāq* diucapkan pada setiap tempoh suci sehingga ucapan *ṭalāq* menjadi tiga kali, mereka tidak dibenarkan rujuk kecuali pihak isteri dinikahi oleh lelaki lain dan kemudian lelaki itu menceraikannya. Secara hukum dipandang sah menjatuhkan tiga kali *ṭalāq* sekali gus, namun secara moral hal itu perlu dihindarkan.[1]

Talak terbahagi kepada tiga iaitu:

- *Ṭalāq Ṣarih* iaitu talak yang nyata dan jelas tanpa memerlukan niat seperti berkata suami kepada isterinya, "Aku talak engkau atau aku ceraikan engkau dengan talak satu, atau dua, atau tiga."
- *Ṭalāq Kināyah* iaitu talak yang memerlukan niat di mana maksud lafaz talak itu tidak nyata dan boleh diertikan kepada maksud yang lain seperti berkata suami kepada isterinya, "Aku kosongkan engkau" atau "engkau haram bagiku atau engkau seperti bangkai dan lain-lainnya." Sekiranya suami berniat lafaz yang dikatakan kepada isterinya itu adalah bermaksud talak maka jatuhlah talaknya tetapi sekiranya lafaz yang dikatakannya itu bukanlah niat talak, maka talak tidak jatuh.
- *Ṭalāq Ta'līq* iaitu talak yang bergantung dengan sesuatu atau perbuatan di mana perkara atau perbuatan itu dilakukan oleh isteri atau suami, seperti suami berkata kepada isterinya, "Sekiranya engkau keluar dari rumah tanpa kebenaranku, maka engkau tertalak." Atau suami berkata, "Sekiranya aku tidak kembali dalam masa satu bulan maka engkau tertalak." Kedua-dua contoh ini, sekiranya berlaku mengikut takliknya maka jatuhlah talaknya.[2]

Talak mempunyai dua nama atau kategori iaitu:

- *Ṭalāq Raj'ī,* iaitu talak yang membolehkan bagi suami rujuk kepada isterinya semula tanpa perlu akad nikah yang baru, iaitu talak satu atau dua ketika belum habis 'iddahnya.
- *Ṭalāq Bā'in,* iaitu talak yang tidak boleh suami rujuk kepada isterinya semula, sama ada talak itu talak tiga atau talak secara *khulu'* (tebus talak) atau talak isteri yang belum disetubuhi atau talak yang difasakh, sekiranya suami tadi berkeinginan lagi kepada isterinya itu hendaklah suami mengadakan akad nikah yang baru.[3]

Talak menurut Kristian Katolik[4] diharamkan sama sekali, tidak boleh memisahkan perkahwinan, sekalipun masalah itu besar hinggakan wujud pengkhianatan dalam perkahwinan. Apa yang dibolehkan ketika dalam keadaan terjadinya pengkhianatan suami atau isteri adalah memisahkan mereka dari segi jasmani sahaja di antara suami isteri sedangkan perkahwinan masih wujud di antara keduanya dari sudut syarak. Dalam keadaan seperti ini, tidak dibenarkan salah

1 Cyrl Glassé (1999), *op. cit.*, h. 412.

2 Ensiklopedia Islam (1999), *op. cit.*, j. 10, h. 214-215.

3 *Ibid.*, h. 216.

4 Iaitu mazhab agama Nasrani yang di bawah pimpinan Paus di Roma. Lihat Noresah binti Baharom *et al.* (2002), *op. cit.*, h. 587.

seorang dari mereka berkahwin lain kerana hal itu tergolong daripada poligami dan menurut agama Kristian tidak dibenarkan berpoligami. Mazhab ini bersandarkan kepada apa yang terdapat dalam Injil Markus yang disebut oleh al-Masih, beliau berkata, "(1) kedua-duanya (suami isteri) merupakan satu jasad, jadi bukanlah mereka dua jasad, tetapi satu jasad, (2) maka sesiapa yang disatukan Allah, tidak boleh dipisahkan oleh manusia." Manakala mazhab Kristian Ortodoks dan Protestan[1] berpendapat talak dibolehkan dalam beberapa keadaan tertentu, di antara yang terpenting adalah pengkhianatan suami isteri, tetapi kedua-duanya diharamkan ke atas lelaki atau perempuan berkahwin selepas itu. Mereka berpegang kepada apa yang terdapat dapat Injil Mathius melalui lisan al -Masih, beliau berkata, "Tidak boleh bagi sesiapa mentalak isterinya kecuali kerana zina yang menjadikannya berbuat zina." Pegangan mazhab Kristian dalam perkara pengharaman berkahwin bagi pentalak dan ditalak adalah apa yang terdapat dalam Injil Markus dan Mathius, ungkapannya "Sesiapa yang mentalak isterinya dan berkahwin lain maka ia berbuat zina dan sekiranya isteri mentalak suaminya dan berkahwin lain maka ia melakukan zina."[2]

Al-ṭalāq juga merupakan nama surah al -Quran yang ke 65 berdasarkan susunannya. Ia merupakan surah Madaniyyah secara sepakat, terdiri dari 15 ayat menurut hitungan ahli Basrah dan 12 ayat menurut yang lainnya. Mengandungi 240 lafaz dan 1060 huruf. Ia mempunyai dua nama: (1) *Al-ṭalāq* kerana surah ini dimulakan dengan "إِذَا طَلَّقْتُمُ النِّسَاءَ فَطَلِّقُوهُنَّ لِعِدَّتِهِنَّ" surah *al-Nisāk al-qusrā* sebagaimana yang dikatakan 'Abdullāh bin Mas'ūd. Kandungan surah ini berupa penerangan talak sunnah, hukum 'iddah, bertawakkal kepada Allah dalam setiap perkara, penerangan memberikan nafkah bagi yang hamil dan menyusui, menjelaskan balasan bagi orang yang melampaui batas dan mengazab mereka, penjelasan taklif berdasarkan kemampuan, bagi orang yang soleh ganjaran dan kemuliaan, penerangan penguasaan Allah atas segala pengetahuan dan kekuasaan yang terdapat dalam ayat "لِتَعْلَمُوا".[3] Kelebihan surah ini, seperti yang dilaporkan daripada Ubai, "Barang siapa membacanya maka ia mati di atas sunnah Rasulullah," dan juga daripada hadis 'Alī, "Wahai 'Ali! Sesiapa yang membacanya, ia bagaikan membela seribu anak yatim dan bagi setiap ayat yang dibacanya pahala seperti orang yang mentalkinkan seribu orang mati."[4]

ṬĀLŪT (طَالُوت)

Ada yang berpendapat *ṭālūt* berasal daripada kata *al-ṭīwāl* kerana dia mempunyai badan yang besar namun *wazan*nya bila berasal daripada *al-ṭūl* adalah *"fa'alūt"* sehingga menjadi *ṭūlūt*. Al-Zamaksyarī berkata ia merupakan nama *'ajam*, sama seperti Jālūt dan Dāūd. Lafaz ini tergolong lafaz yang tidak berubah *(mumtani' min al-sarf)* disebabkan ke'ajamannya dan tergolong *ism ma'rifah*,[5] boleh jadi ia juga nama 'Ibrani yang disesuaikan dengan

1 Mazhab agama Kristian yang pada mulanya dipelopori oleh Martin Luther yang keluar dari agama Roman Katolik. Lihat *Ibid.*, h. 1059.

2 Sābiq (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 210.

3 Maksudnya, *"bagi mengetahui Allah maha kuasa atas segala sesuatu, dan sesungguhnya Allah, ilmunya benar-benar meliputi segala sesuatu."* (*al-Talāq* (65), ayat 12).

4 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 1, h. 469-470.

5 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 288.

bahasa Arab.[1]

Lafaz ini disebut dua kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 247 dan 249. Dalam *Dictionary of Islam,* nama *ṭālūt* disebut juga dengan *saul,* atau *shaool* iaitu raja Israel. Termaktub di dalam al-Quran sebagai raja yang dipilih oleh Allah bagi memimpin Israel, seseorang yang diberi ilmu pengetahuan yang luas dan mempunyai perwatakan atau tubuh yang bagus dan perkasa.[2] Di dalam al-Quran, *saul* adalah utusan Allah sebagai raja Israel namun mereka mengingkarinya kerana mereka beranggapan mereka lebih berhak mengendalikan pemerintahan kerana dia tidak diberi kekayaan yang banyak.[3] Para mufassir berkata berkenaan punca pengingkaran mereka adalah kerana dia berasal daripada keturunan Bunyamin bukan berasal daripada rumah Yahuza iaitu rumah raja dan bukan juga dari rumah Lawi yang berasal dari rumah kenabian;[4] dengan kata lain, dia dipilih daripada salah seorang askar mereka, tidak berasal daripada rumah raja di antara mereka, kerana raja berasal daripada keturunan Yahuza dan dia juga bukan berasal dari keturunan tersebut.[5] Ibn Jarīr berkata, nabi mereka iaitu Syamuel berkata, "Sesungguhnya Allah memberikan apa yang kamu pinta dengan mengirimkan *ṭālūt* sebagai raja kamu, ketika nabi mereka Syamuel berkata begitu, mereka menjawab, "Kenapa dia menjadi raja kami sedangkan dia berasal daripada keturunan Bunyamin b. Ya'qūb, dan keturunan Bunyamin adalah keturunan yang tidak ada di antara mereka raja mahupun nabi. Kami lebih berhak darinya kerana kami berasal dari keturunan Yahuza bin Ya'qūb."[6]

Kesimpulannya, *ṭālūt* bernama **Shaool binQays bin Abyāl bin Sarār bin Yahrb bin Afiyyah bin Āyis bin Bunyamin bin Ya'qūb bin Ishāq bin Ibrāhīm**. Seorang raja Israel yang dipilih oleh Allah dalam kalangan mereka bagi memerangi Jālūt, keturunan Bunyamin yang tidak ada dari keturunannya raja.

ṬĀMMAH (طَامَّة)

Lafaz ini adalah *ism fā'il mu'annath* daripada kata *ṭamma* (طَمَّ). Ibn Fāris berkata, *ṭā'* (ط) dan *mīm* (م) yang merupakan asal lafaz ini menunjukkan maksud menutupi sesuatu dengan sesuatu sehingga menjadi sama, bumi mahupun yang lainnya.[7] Al-Rāzī berkata, "Setiap sesuatu bila banyak sehingga melampau atau tinggi dan mengalahkan yang lain dinamakan *al-ṭamm.*"[8] Bila disandarkan kepada air maknanya air sungai melimpah.[9]

Lafaz *ṭammah* hanya disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Nāzi'āt* (79), ayat 34. Al-Qurtubī berpendapat, *al-ṭāmmah* bermaksud bencana yang besar iaitu pada tiupan kedua, seiring dengan terjadinya hari kiamat seperti yang dikatakan Ibn 'Abbās dalam laporan al-Dahhāk daripadanya dan juga pendapat al-Hasan.[10] Diriwayatkan daripada Ibn 'Abbās dan al -Dahhāk juga, *al-ṭāmmah* ialah hari kiamat,

1 *Ibid.*

2 Hughes (1994), *op. cit.*, h. 565.

3 Maksud surah al-Baqarah (2), ayat 247.

4 Riḍā (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 477.

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 264.

6 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 814.

7 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 3, h. 406.

8 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 398.

9 Anīs et al. (1962), *op. cit.*, j. 2, h. 566.

10 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 19, h. 198.

dinamakan begitu kerana ia menutupi segala sesuatu sehingga menggamkan selainnya kerana keadaan yang dahsyat,[1] atau kerana ia mengatasi dan menutupi segala perkara yang dahsyat dan menakutkan.[2] Al-Qāsim bin al-Walīd al-Hamdānī berkata, "*al-ṭāmmah al-kubrā* iaitu ketika ahli syurga diiring ke dalam syurga dan ahli neraka pula diiring ke dalam neraka."[3] Sufiān berkata, "Ia adalah hari kiamat di mana di dalamnya ahli neraka diserahkan kepada malaikat Zabāniyah bagi menyeksanya.[4] Begitu juga dengan pendapat Ibn Kathīr, ia adalah hari kiamat, dinamakan seperti itu, kata Ibn 'Abbās kerana ia mengatasi dan menggamkan segala perkara yang dahsyat dan menggerunkan, sebagaimana kata-kata Allah yang bermaksud,[5] "Dan (azab seksa) hari kiamat itu amat dahsyat dan amat sedih." [6] Kesimpulannya, lafaz *al-ṭammah* di dalam al-Quran bermaksud hari kiamat.

ṬĀQAH (طَاقَةٌ)

Lafaz ini adalah *ism maṣdar* daripada kata kerja *ṭaqa* (طَاقَ) ertinya mampu melakukan sesuatu, dan *ṭāqah* bermaksud *al-qudrah* (kemampuan, kekuatan) yang kuat dari benang dan selainnya[7] atau seikat rambut, tumbuh-tumbuhan, bunga, tali, sepotong kayu dan apa yang dapat dikerjakan oleh manusia dengan susah payah.[8] Al-Rāzī berkata, "Ia bermakna apa yang berada di bawah kemampuannya."[9]

Lafaz ini disebut dua kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 249 dan 286. Di dalam al-Quran lafaz *ṭāqah* merangkumi dua keadaan: (1) bersumber daripada perkataan Banī Isrāel seperti yang terkandung dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 248; dan (2) Bersumber daripada mulut orang yang beriman seperti yang terdapat dalam maksud ayat surah *al-Baqarah* (2), ayat 286. Al-Zamakhsyarī menyatakan, "*ṭāqah* dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 286 ialah kepayahan atau beban yang kemungkinan hampir tidak mampu dilakukan. Tafsirannya ialah orang mukmin meminta diringankan daripada taklif yang membebankan dan berat yang dibebankan kepada orang sebelum mereka kemudian dari apa yang menimpa mereka kerana enggan dan tidak menjaganya."[10] Rasyīd Ridā berkata, "*al-ṭāqah* bermaksud di bawah darjat atau tingkatan kemampuan dan kekuatan."[11] Dalam *Tafsir al-Azhar* diterangkan orang mukmin berdoa, "Ya Tuhan kami! Janganlah Engkau bebankan ke atas kami perintah yang tidak mampu kami lakukan." Misalnya sembahyang 50 waktu, atau menunaikan haji setiap tahun, berpuasa terus menerus, atau dilarang kahwin, atau dilarang makan daging. Mungkin ada yang sanggup, tetapi "kami" bersama, janganlah mendapat perintah demikian."[12] Al-Kafawī berkata, "Ia adalah nama bagi kadar apa yang mungkin dapat manusia lakukan dengan susah payah, dan ayat di atas tidak bermakna apa yang kami tidak mampu, tetapi apa yang me-

1 *Ibid.*
2 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 516.
3 *Ibid.*
4 *Ibid.*
5 Surah al-Qamar (54), ayat 46
6 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 425.
7 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, 476.
8 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 2, h. 571.
9 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 400.
10 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 328.
11 Riḍā (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 487.
12 HAMKA (1984), *op. cit.*, j. 1, h. 91.

nyebabkan kami dalam kesusahan."[1]

Manakala dalam ayat 249, Ibn Jarīr[2] melaporkan daripada Ibn 'Abbās dan rekod daripada al-Suddī di mana yang merentasi sungai bersama *Ṭalūt* adalah orang Mukmin yang tidak meminum air sungai kecuali satu ceduk dengan tangan mereka dan orang kafir yang meminum air sungai itu dengan banyak. Kemudian terjadi perpecahan di antara mereka selepas melihat dan bertembung dengan Jālūt dan bala tenteranya lalu orang musyrik dan kafir memisahkan diri mereka dan mereka itulah yang berkata, "Sesungguhnya tidaklah ada kesanggupan bagi kami hari ini pada Jalut dan tenteranya." Menurut rekod al-Suddī, mereka seramai 76,000 tentera.[3] Sedangkan *Ahl al-Basirah* maju ke hadapan dengan perintah Tuhan mereka di mana mereka itu adalah orang yang tetap di atas keimanan iaitu mereka yang berkata, "Berapa banyak golongan yang sedikit mengalahkan golongan yang banyak dengan izin Allah." Menurut rekod Qatādah dan al-Barrā', bilangan mereka sebanyak bilangan sahabat nabi pada perang Badar, iaitu 315 orang.[4]

Kesimpulannya, makna umum daripada lafaz *ṭāqah* adalah **kemampuan** dan kekuatan. Namun lafaz ini didahulukan dengan perkataan *"lā"* yang bermaksud "tidak", jadi lafaz *"lā ṭāqah"* bermaksud tidak ada kemampuan, kekuatan dan kesanggupan.

1 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 586.

2 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 840.

3 *Ibid.*, h. 838, athar no. 4462.

4 *Ibid.* athar no. 4466 dan 4467.

ṬĀRIQ (طَارِقٌ)

Lafaz ini mengandungi empat makna asal iaitu yang datang pada waktu petang, pukulan, jenis dari sesuatu yang lunak atau empuk dan meletakkan atau menampal sesuatu ke atas sesuatu.[5] *Jabl Ṭāriq* maknanya Gibraltar dan *Bughāz Jabl Ṭāriq* ialah Selat Gibraltar.[6] Al-Māwardī berkata, "Asal lafaz *al-ṭurq* ialah *al-daqq* (الدَّقُّ) iaitu mengetuk, daripadanya diambil lafaz *al-mitraqah* (palu) dan dinamakan yang datang pada malam hari dengan *al-ṭāriq* kerana ia berhajat sampai kepada apa yang diingininya dengan cara mengetuk.[7]

Lafaz *ṭariq* disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah al-*Ṭ*āriq (86), ayat 1 dan 2. Al-Ṭāriq di dalam al-Quran bermaksud yang datang dan muncul pada waktu malam,[8] iaitu bintang. Setiap bintang dinamakan *ṭārīq* kerana ia kelihatan atau muncul pada waktu malam, oleh itu setiap yang datang pada waktu malam dinamakan *ṭāriq*.[9] Ibn Qutaibah memberikan makna *ṭāriq* dengan *al-najm* iaitu bintang, dinamakan begitu kerana ia muncul pada waktu malam.[10] Di dalam al-Quran lafaz ini ditafsirkan dengan ayat berikutnya iaitu *al-najm al-ṭhāqib* yang membawa maksud *al-mudī'* (yang bercahaya) seolah-olah ia menolak kegelapan dengan cahayanya.[11]

Lafaz ini juga merupakan nama bagi surah yang ke 86 yang diturunkan di Makkah, ia mengandungi 17 ayat, 61 lafaz dan 239 hu-

5 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 3, h. 449.

6 Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 850

7 Muhammad Sālim al-Hājj, dalam *Gharīb al-Qurān wa Tafsīruh* oleh al-Yazīdī (1985), *op. cit.*, h. 423.

8 *Ibid.*

9 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 133.

10 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 523.

11 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 721.

ruf. Kandungan surah ini ialah bersumpah atas penjagaan manusia, berita mengenai situasinya di permulaan dan di akhir, membongkar rahsia-rahsia pada hari penghisaban, bersumpah lafaz-lafaz al-Quran adalah fasih dan tidak sembarangan atau senda gurau. Menurut sesetengah pakar terdapat satu ayat iaitu ayat 17[1] "...فَمَهِّلِ الْكَافِرِينَ", yang dimansuhkan dengan ayat *al-sayf* (pedang) yang terdapat dalam surah *al-Taubah* ayat 5.[2] Ada dua hadis daif berkenaan fadilat surah ini iaitu daripada Ubai:

> *"Barang siapa yang membacanya maka Allah memberikan ganjaran sebanyak bintang di langit, setiap bintang adalah sepuluh kebaikan." Nabi berkata, "Wahai 'Alī! Sesiapa yang membacanya seperti dia membaca satu pertiga daripada al-Quran, dan setiap ayat yang dibacanya baginya ganjaran seperti orang yang mengajak kebaikan dan mencegah kemungkaran."*[3]

ṬARĪQAH (طَرِيقَةٌ)

Lafaz ini boleh digunakan bagi *mufrad* dan jamak contohnya *"huwa ṭarīqah qaumihi"* (هُوَ طَرِيقَةُ قَوْمِهِ) dan *"hum ṭarīqah qaumihim"* (هُمْ طَرِيقَةُ قَوْمِهِمْ) maksudnya, dia adalah pemuka kaumnya dan mereka adalah pemuka kaum mereka. Lafaz ini juga mengandungi makna jalan, mazhab, darjat atau kelas,[4] keadaan atau situasi, garis pada sesuatu, pemuka kaum.[5]

Lafaz *ṭarīqah* disebut tiga kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Tāha* (20), ayat 104 dan 63, dan surah *al-Jinn* (72), ayat 16. Lafaz ini mempunyai dua makna:

- Bermaksud pemuka kaum yang menjadi *qudwah* atau ikutan dan mazhab. Makna ini terdapat dalam surah *Taha* ayat 63 dan 104. Al-Kafawī berkata, "Maksud dari *"amthāluhum ṭarīqah"* (أَمْثَلُهُمْ طَرِيقَةً) ialah yang paling adil di kalangan mereka dan yang sama dari mereka dengan ahli kebenaran serta yang lebih berpengetahuan dari dirinya pada apa yang dikatakan."[6] Dalam *Mu'jam Alfāz al-Qurān* maksud kalimat *"bi ṭarīqatikum al-muthlā"* (بِطَرِيقَتِكُمُ الْمُثْلَى) ialah dengan golongan mereka yang dipandang lagi mulia.[7] Al-Syaukānī menyatakan daripada al-Kisā'ī makna ayat *"bi ṭarīqatikum"* adalah *"bi sunnatikum"* (dengan mazhab kamu). Orang Arab menyatakan fulan di atas *ṭarīqah al-muthlā* membawa maksud hidayah dan jalan yang lurus, makna ayat ini ialah apabila mereka berdua (Mūsā dan Hārūn) menang dengan mukjizat yang diberi, yang mulia dari kalangan mereka akan mengikuti kedua-duanya atau mereka berdua akan bermazhab dengan mazhab kamu yang merupakan mazhab yang patut diikuti lagi mulia.[8] Manakala dalam ayat 104, beliau mentafsirkan *"amthāluhum ṭarīqah"* de-

1 Maksudnya, *"Oleh itu, janganlah engkau hendakkan segera kebinasaan orang kafir itu"*

2 Iaitu Allah berkata yang bermaksud, *"Kemudian apabila habislah masa bulan-bulan yang dihormati itu, maka bunuhlah orang musyrik itu di mana sahaja kamu menemui mereka, dan tawanlah mereka, dan juga kepunglah mereka, serta tunggulah mereka pada tiap-tiap tempat mengintipnya..."* (*al-Taubah* (9), ayat 5).

3 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 1, h. 512-513.

4 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 2, h. 556.

5 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 465.

6 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 853.

7 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970) *op. cit.*, j. 2, h. 133.

8 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 462

ngan yang lebih baik akalnya dan lebih mengetahui pada dirinya.[1]

- Bermakna jalan kebenaran atau kesesatan. Pengertian ini terdapat dalam surah *al-Jinn*. Ibn Kathīr menyatakan pendapat pakar di mana tafsiran bagi lafaz *"wa allaw istaqāmū 'alā al -ṭarīqah"* (وَأَلَّوِ اسْتَقَامُوا عَلَى الطَّرِيقَةِ) mencakupi dua pengertian iaitu:[2]

1. Sekiranya orang yang adil beristiqamah di atas jalan Islam, ketaatan dan kebenaran, kembali kepadanya dan berterusan ke atasnya, pasti kami akan memberi mereka rezeki yang melimpah ruah seperti yang disebutkan dalam kata-kata Allah dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 66[3] dan surah *al-A'rāf* (7), ayat 96.[4] Mereka yang berpendapat demikian adalah al-'Aufī daripada Ibn 'Abbās, Sa'īd bin Jubair, Sa'īd bin al-Musayyab, 'Atā, al-Suddī, Muhammad bin Ka'ab, Qatādah, Mujāhid dan al-Dahhāk.
2. Jalan kesesatan, iaitu sekiranya mereka istiqamah di atas kesesatan maka kami akan meluaskan rezeki mereka sebagai azab *(istidrāj)* seperti yang disebut dalam kata-kata Allah dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 44[5] dan surah *al-Mukminūn* (23), ayat 55 dan 56.[6] Pendapat ini adalah pendapat Abī Majlaz Lāhiq bin Hamīd dan laporan daripada Ibn Jarīr serta Ibn Abī Hātim. Disokong oleh ayat berikutnya dengan perkataan *"li naftinahum"* (لِنَفْتِنَهُمْ) maksudnya bagi menguji mereka.[7]

ṬARIYY (طَرِيّ)

Lafaz ini dalam bentuk *mufrad,* jamaknya ialah *ṭirā'* (طِرَاءٌ). Ibn Fāris berkata, "Lafaz ini menunjukkan lunak dan tepi sungai, oleh itu *al-ṭariyy* bermakna sesuatu yang lunak atau lembut."[8] Ia juga bermakna lunak lagi baru dan bersih lagi suci.[9] Lafaz ini disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Nahl* (16), ayat 14 dan surah *Fātir* (35), ayat 12.

Lafaz *ṭariyyā* dikaitkan dan disandarkan kepada lafaz *al-laḥm* iaitu daging. Tafsirannya ialah kamu memakan dari laut bermacam jenis ikan yang lunak lagi lembut.[10] Begitu juga pendapat Ibn Jarīr, di mana ia bermaksud ikan yang lembut yang kamu pancing atau kail.[11] Manakala Qatādah memberikan maksudnya

1 *Ibid.*, h. 480.

2 Ibn Kathīr (1998), *op, cit.*, j. 4, h. 389. Muqātil berkata, "Ayat ini diturunkan kepada kafir Quraisy ketika tidak turun hujan selama tujuh tahun."

3 Maksudnya, *"Dan sekiranya mereka bersungguh-sungguh menegakkan Taurat dan Injil dan apa yang diturunkan kepada mereka dari Tuhan mereka, nescaya mereka makan rezeki yang mewah dari atas mereka dan dari bawah kaki mereka."*

4 Maksudnya, *"Dan sekiranya penduduk negeri itu beriman serta bertakwa, tentulah kami akan membukakan kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi."*

5 Bermaksud, *"Kemudian apabila mereka melupakan apa yang diperingatkan mereka dengannya, kami bukakan kepada mereka pintu-pintu segala kemewahan dan kesenangan, sehingga apabila mereka bergembira dan bersuka ria dengan segala nikmat yang diberikan kepada mereka, Kami timpakan ke atas mereka secara mengejut (dengan bala bencana yang membinasakan), maka mereka pun berputus asa."*

6 Bermaksud, *"Adakah mereka menyangka apa yang kami berikan kepada mereka dari harta benda dan anak pinak itu. (Bermakna dengan yang demikian) Kami menyegerakan bagi mereka pemberian kebaikan? (Tidak!) bahkan mereka tidak menyedari (hakikat yang sebenar)."*

7 Surah *al-Jinn* (72), ayat 17.

8 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 3, h. 454.

9 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 2, h. 556.

10 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 121 dan h. 569.

11 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 14, h. 118.

dengan ikan paus.[1]

Kesimpulannya, lafaz *ṭariyyā* membawa maksud yang lunak lagi enak dan lafaz "لَحْمًا طَرِيًّا" bermakna ikan yang lunak, lembut lagi lazat.

ṬĀ-SĪN (طس)

Lafaz ini merupakan permulaan awal surah yang ke 27 iaitu surah *al-Naml,* ia termasuk daripada *al-ḥurūf al-muqāṭṭa'ah* (huruf-huruf yang dibaca secara terputus) dan *fawātiḥ al -suwar* (pembuka surah-surah al-Quran). Menurut Ibn Kathīr, para pakar berbeza pendapat mengenainya,[2] di antaranya:

1. Lafaz begini merupakan perkara yang hanya Allah mengetahui maknanya dan mengembalikan maknanya yang sebenar kepada Allah serta tidak ada tafsirannya, sebagaimana pendapat al-Qurṭubī daripada Abū Bakar, 'Uthmān, 'Alī dan Ibn Mas'ūd, dan pendapat al-Sya'bī, Sufiān al-Thawrī, al-Rabī' bin Khaitham.
2. Sesetengah pakar memberikan tafsiran di antaranya:

- Ia merupakan nama surah sebagaimana pendapat 'Abd al-Raḥmān bin Zaid bin Aslam.
- Sufiān al-Taurī melaporkan daripada Ibn Abī al-Najīḥ daripada Mujāhid, beliau berkata, "الم، حم، المص، ص" merupakan huruf-huruf pembuka yang mana Allah membuka surah al-Quran dengannya.
- Mujāhid berkata, "Ia merupakan nama dari nama-nama al-Quran."
- Sālim bin 'Abdullāh, Ismā'īl bin 'Abd al -Raḥmān al-Suddī berpendapat ia adalah nama dari nama-nama Allah.

Dilaporkan dari Ibn Abī Hātim daripada Ibn 'Abbās perkataan *ṭāsīn* merupakan nama Allah yang agung.[3] Dilaporkan juga oleh 'Abd al-Razzāq, 'Abd bin Hamīd dan Ibn Abī Hātim daripada Qatādah beliau berkata ia adalah salah satu nama daripada nama -nama al-Quran.[4] Lafaz *ṭasīn* disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Naml* (27), ayat 1. Surah ini diturunkan di Makkah seperti yang dilaporkan daripada Ibn 'Abbās[5] dan disepakati oleh para pakar. Ia mengandungi 95 ayat menurut ahli Hijāz, 94 ayat menurut ahli Syām serta Basrah, dan 93 ayat menurut ahli Kūfah. Terdiri dari 1149 lafaz dan 4799 huruf. Ia dinamakan surah *al -Naml* kerana mengandungi peringatan ratu semut pada kaumnya tentang kedatangan Sulaiman dan bala tenteranya yang terakam dalam ayat 18.[6] Ayat ini mengandungi unsur keimanan di mana al-Quran adalah rahmat dan petunjuk bagi orang mukmin; Keesaan Allah, kekuasaannya dan keadaannya tidak memerlukan sekutu-sekutu dalam mengatur alam ini; hanya Allah yang mengetahui yang ghaib, adanya hari kebangkitan bukanlah cerita atau khayalan. Surah ini juga mengandungi kisah seperti kisah Nabi Sulaimān dengan semut, burung Hud dan Ratu Balqis, kisah Nabi Soleh dengan kaumnya, kisah

1 *Ibid.*, athar no. 16250.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 31-32.

3 Al-Sayūtī (t.t), *op. cit.*, j. 5., h. 102.

4 *Ibid.*

5 *Ibid.*

6 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 1, h. 348. Firman Allah yang be -maksud: "Hingga apabila mereka sampai ke Wadi al-Naml (lembah semut) berkatalah ratu semut: "Wahai sekalian semut! Masuklah ke sarang kamu masing-masing, janganlah Sulaiman dan tenteranya memijak serta membinasakan kamu, sedang mereka tidak menyedari."

Nabi Lut dengan kaumnya dan sebagainya.[1]

ṬĀ-SĪN-MĪM (طسم)

Lafaz ini merupakan salah satu daripada *al-ḥurūf al-muqāṭṭa'ah* atau *fawātiḥ al-suwar* seperti yang dibentangkan dalam pembahasan yang lalu. Ia disebut dua kali dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 1 dan surah *al-Qasas* (28), ayat 1. Dilaporkan oleh 'Abd al-Razzāq, 'Abd bin Ḥamīd, Ibn Jarīr, Ibn al-Mundhir dan Ibn Abī Ḥātim daripada Qatādah beliau berkata, "Ia adalah nama dari nama-nama al-Quran." Dilaporkan oleh Ibn Abī Ḥātim daripada Muḥammad bin Ka'ab beliau berkata, *ṭā'* daripada perkataan "الطَّوِيْلُ" (panjang), *sīn* (س) daripada hujung perkataan "القُدُّوْسُ" (suci) dan *mīm* (م) daripada perkataan "الرَّحْمَنُ" (penyayang).[2]

Surah *al-Syu'arāk* merupakan surah yang diturunkan di Makkah atau surah *Makkiyah* kecuali satu ayat iaitu ayat 224,[3] manakala menurut riwayat al-Nuhhās daripada Ibn 'Abbās di mana beliau berkata, "Surah al-Syu'arāk diturunkan di Makkah kecuali lima ayat terakhir yang diturunkan di Madinah."[4] Ia terdiri dari 227 ayat menurut hitungan ahli Kūfī dan Syām dan 226 ayat menurut hitungan yang lain. Lafaznya sebanyak 1277 dan hurufnya 5542. Di antara kandungannya ialah penyebutan sumpah ke atas penerangan al-Quran, menghiburkan hati Rasulullah tentang kelewatan orang yang ingkar beriman, cerita Nabi Mūsā dan Hārūn, perdebatan dengan Firaun, keimanan ahli sihir, perjalanan Nabi Mūsā dengan Banī Isrāel dari negeri Mesir dan sebagainya.[5]

Surah *al-Qasas* merupakan surah *Makkiyah* sebagaimana yang disepakati oleh ulama. Terdiri dari 88 ayat, 1401 lafaz dan 5800 huruf. Ia dinamakan surah *al-Qasas* kerana terkandung di dalamnya cerita Nabi Mūsā mengenai apa yang dialaminya kepada Syu'aib yang terakam dalam ayat 23. Antara kandungannya ialah penerangan kezaliman Firaun kepada Banī Isrāel, kelahiran Mūsā, kecintaan Āsiyah padanya, penyerahan Mūsā kepada ibunya, kejadian terbunuhnya seorang dari kaum al-Qibṭī, hijrahnya Mūsā ke Negeri Madyan, kemunculan tanda-tanda kerasulan dan sebagainya.[6]

TAWD (طَوْد)

Lafaz ini dalam bentuk *mufrad*, jamaknya ialah *aṭwād* (أَطْوَاد) dan *ṭiwādah* (طِوَادَة),[7] maksudnya ialah gunung yang besar,[8] anak bukit,[9] penetapan, sesuatu yang menyerupai yang lainnya dari segala yang tinggi atau besar atau pasak, yang tinggi dari pasir.[10] Lafaz ini hanya disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 63. Ibn Qutaibah[11] dan Ibn al-Mubārak al

1 Departemen Agama RI (1993), *Al-Qur an dan Terjemahannya*, h. 591.

2 Al-Sayūtī (t.t), *op. cit.*, j. 4, h. 82.

3 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 1, h. 344.

4 Al-Sayūtī (t.t), *loc. cit.*

5 Ābādī (1986), *op. cit.*, h. 344.

6 *Ibid.*, h. 353.

7 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 475.

8 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, h. 430.

9 Ma'lūf (1973), *loc. cit.*

10 Anīs *et al.* (1962), j. 2, *op. cit.*, h. 569.

11 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 317.

-Yazīdī[1] berkata, "*al-ṭawd* ialah gunung." Ibn Mas'ūd, Ibn 'Abbās, Muhammad bin Ka'ab, al -Dahhāk, Qatādah dan lainnya berpendapat ia adalah gunung yang besar.[2] 'Atā' al-Khurāsānī berkata, "Ia membawa maksud ruang di antara dua gunung."[3] Ibn 'Abbās berkata, "Laut menjadi 12 jalan dan setiap keturunan bagi mereka satu jalan."[4] Al-Suddī menambahkan, "di dalamnya tingkap-tingkap atau lubang yang sesetengah daripada mereka dapat melihat sesetengah yang lain, air menjadi naik dan mengalir bagaikan ikan paus, lalu Allah mengirimkan angin ke bawah laut kemudian menerpa dan menghembuskannya sehingga kering seperti muka bumi."[5] Al-Syaukānī mentafsirkan, ketika Mūsā memukul laut dengan tongkatnya, laut terbelah menjadi 12 lorong atau belahan sebanyak bilangan suku atau keturunan, air laut itu terangkat dan meninggi dari sebelah kanan lorong dan dari sebelah kirinya bagaikan gunung yang besar.[6]

Kesimpulannya, lafaz *al-ṭawd* membawa maksud bahawa **air laut terangkat sehingga tingginya bagaikan gunung yang besar.**

ṬAYR (طَيْرٌ)

Lafaz ini adalah jamak dari *ṭā'ir* (طَائِرٌ) seperti jamak *ṣāḥib* adalah *ṣāḥb* dan jamak *ṭayr* adalah *ṭuyūr* (طُيُوْرٌ) atau *āṭyār* (أَطْيَارٌ). Abū 'Ubaidah berkata, "*al-ṭayr* kadangkala menandakan *mufrad*."[7] *Al-ṭa'ir* mengandungi makna setiap haiwan yang terbang di langit[8] dengan kedua sayapnya, menilik nasib, nasib baik atau buruk.[9] Ungkapan "seolah-olah di atas kepada mereka *al-ṭayr*" ertinya mereka tenang dari kehebatan, asalnya burung singgah di atas kepala haiwan bagi memakan kutu, maka haiwan itu tidak menggerakkan kepalanya agar burung tadi tidak terbang.[10]

Lafaz *ṭayr* disebut 19 kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 260; *Āli 'Imrān* (3), ayat 49 (dua kali); *al-Mā'idah* (5), ayat 110 (dua kali); *Yūsuf* (12), ayat 36, 41; *al-Nahl* (16), ayat 79; *al-Anbiyāk* (21), ayat 79; *al-Haj* (22), ayat 31; *al-Nūr* (24), ayat 41; *al-Naml* (27), ayat 16, 17, 20; *Sabak* (34), ayat 10; *Sād* (38), ayat 19; *al-Wāqi'ah* (56), ayat 21; *al-Mulk* (67), ayat 19; *al-Fīl* (105), ayat 3. Maksud *al-ṭayr* dapat diklasifikasikan kepada beberapa bahagian iaitu:

- Ia bermaksud burung *Abābīl* seperti yang terdapat dalam surah *al-Fīl* (105), ayat 3. Maksud ini dibentangkan dalam pembahasan terdahulu pada lafaz *abābīl.*
- Ia bermaksud burung Hudhud seperti yang terdapat dalam surah *al-Naml* (27), ayat 20, iaitu dalam ayat "dan Sulaiman memeriksa burung-burung lalu dia berkata, "mengapa aku tidak melihat hudhud atau dia dari kalangan yang tidak hadir." Burung Hudhud di sini adalah jenis burung belatuk bawang.[11]
- Ia bermaksud burung-burung secara

1 Al-Yazīdī (1985), op. cit., h. 282.
2 Ibn Kathīr (1998), op. cit., j. 3, h. 316.
3 *Ibid.*
4 *Ibid.*
5 *Ibid.*
6 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 126-127.
7 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 402.
8 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, h. 158.
9 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 574 .
10 Al-Rāzī (1987), *loc. cit.*
11 Ahmad Sonhadji Mohammad (1997), *op. cit.*, j. 19, h. 213.

keseluruhannya dari berbagai bentuk atau jenis seperti yang terdapat pada majoriti lafaz ini di dalam al-Quran.

Pada lafaz *"mantiq al-tayr"* (مَنْطِقَ الطَّيْرِ) (percakapan burung) iaitu dalam surah *al -Naml* ayat 16, al-Khāzin menyenaraikan 14 ekor burung yang berbunyi dan diketahui oleh Nabi Sulaimān dan Dāūd (*Wallahu A'lam*) iaitu:[1]

- Burung Tekukur yang menyatakan, "Lawanlah bagi mati, bangunlah bagi roboh."
- Burung Merpati hutan yang menyatakan, "Alangkah baiknya kalau makhluk tidak diciptakan."
- Burung Merak menyatakan, "Bagaimana engkau berhutang begitulah engkau membayar."
- Burung Pelatuk menyatakan, "Siapa yang tidak kasihan, tidak dikasihani."
- Burung Alap-alap menyatakan, "Minta ampunlah kepada Tuhanmu wahai orang yang berdosa."
- Burung Taitowi menyatakan, "Semua yang hidup akan mati dan tiap-tiap yang baru akan lapuk."
- Burung Layang-layang menyatakan, "Hulurkanlah kebaikan, kamu akan dapat balasan."
- Burung Merpati menyatakan, "Maha suci Tuhanku yang maha tinggi sepenuh langit dan bumi."
- Burung Balam menyatakan, "Maha suci Tuhanku yang bersifat kekal."
- Burung Gagak menyatakan, "Doakan celaka kepada burung Isyar."
- Burung Helang rajawali menyatakan, "Segala sesuatu binasa kecuali zat Allah."
- Burung Qutoh (sebesar merpati) menyatakan, "Siapa diam selamat."
- Burung Kakak Tua menyatakan, "Celakalah bagi orang yang menjadikan dunia ini kepentingannya."
- Burung Helang menyatakan, "Maha suci Tuhanku dengan kepujiannya."

ṬAYYIB (طَيِّبٌ)

Lafaz ini adalah *maṣdar* daripada lafaz *ṭayyaba* (طَيَّبَ) iaitu menjadikan sesuatu baik dan suci. *Al-ṭayyib* mengandungi makna setiap sesuatu yang melazatkan deria atau diri, setiap sesuatu yang kosong dari yang menyakitkan dan kotor atau najis, orang yang lepas dari segala kehinaan dan bersifat dengan segala kemuliaan, ungkapan *"fūlān ṭayyib al-qalb"* (فُلَانٌ طَيِّبُ ٱلْقَلْبِ) membawa maksud si fulan batin (hatinya) bersih, begitu juga dengan *ṭayyib al-izār* atau kain yang bersih. *"Al- ṭayyib min al-bilād"* (الطَّيِّبُ مِنَ ٱلْبِلَادِ) ertinya tanah yang baik.[2]

Lafaz *ṭayyib* disebut 13 kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 168; *Āli 'Imrān* (3), ayat 179; *al-Nisāk* (4), ayat 2, 43; *al-Mā'idah* (5), ayat 6, 88, 100; *al-A'rāf* (7), ayat 58; *al-Anfāl* (8), ayat 37, 69; *al-Nahl* (16), ayat 114; *al-Haj* (22), ayat 24; dan *Fātir* (35), ayat 10. Al-Kafawī berkata, "*al-ṭayyib* mengandungi tiga makna, iaitu *al-ṭāhir* (suci atau bersih), *al-ḥalāl* (halal) dan *al-mustalidh*

1 *Ibid.*, h. 206-207.

2 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 2, h. 573

(yang melazatkan).[1] Oleh itu lafaz ini dapat digunakan pada perkara akhlak, percakapan dan manusia secara umumnya.[2] Di dalam al -Quran lafaz *ṭayyib* mengandungi beberapa makna:

- Halal,[3] ia dikaitkan dengan makanan. Makna ini terdapat dalam surah *al -Baqarah* (2), ayat 168; *al-Mā'idah* (5), ayat 88; *al-Anfāl* (8), ayat 69; *al-Nahl* (16), ayat 16 dan *al-Nisāk* (4), ayat 2. Muhammad Quraish Shihab menyatakan pakar-pakar tafsir ketika menjelaskan lafaz ini dalam konteks perintah makan menyatakan ia bererti makanan yang tidak kotor dari segi zatnya atau rosak *(expiry),* atau dicampuri benda najis. Ada juga yang mengertikannya sebagai makanan yang mengundang selera bagi yang memakannya dan tidak membahayakan fizik dan akalnya, jadi lafaz *ṭayyib* dalam makanan adalah makanan yang sihat, profesional dan selamat. Sihat bererti makanan yang memiliki zat yang cukup dan seimbang seperti madu (*al-Nahl* (16), ayat 69); padi (*al-Sajdah* (32), ayat 27); ikan (*al-Nahl* (16), ayat 14 dan sebagainya. Profesional bererti sesuai dengan keperluan pemakan, tidak lebih dan tidak kurang, dan erti selamat ialah dengan memperhatikan sisi takwa yang intinya adalah berusaha menghindari segala yang mengakibatkan seksa dan terganggunya rasa aman.[4] Dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 2, Sa'id bin Jubair berkata, "Janganlah kamu menggantikan harta manusia yang haram dengan harta kamu yang halal atau janganlah kamu menggantikan harta kamu yang halal dengan memakan harta mereka yang haram."[5]
- Suci, kerana lafaz ini dikaitkan dengan perkataan *ṣa'īd* (صَعِيدٌ) yang bererti debu atau tanah. Maksud ini terdapat dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 43 dan *al -Mā'idah* (5), ayat 6. Ibn Qutaibah berkata, "Lafaz *"ṣa'īdan ṭayyiban"* (صَعِيدًا طَيِّبًا) bermakna debu yang bersih."[6] Dalam *Tafsīr al-Jalālayn* ia bermakna debu yang suci, maka pukullah dengannya dua kali.[7]
- Perkataan yang baik kerana lafaz ini dikaitkan dengan *al-qaul* (القَوْلُ)dan *al -kalim* (الكَلِمُ). Maksud bagi lafaz ini terdapat dalam surah *al-Haj* (22), ayat 24 dan *Fātir* (35), ayat 10. Al-Syaukānī menukilkan laporan Ibn al-Mundhir dan Ibn Abī Hātim daripada Ismā'īl bin Abī Khālid beliau berkata, "Ia adalah al-Quran."[8] Dilaporkan Ibn Abī Hātim daripada Ibn Zaid beliau berkata, *"Lā Ilāha Illallāh, Wallāhu Akbar Walhamdulillāh* adalah tafsiran bagi *al-kalim al-ṭayyib* (الكَلِمُ الطَّيِّبُ), iaitu dalam surah *Fātir* (35), ayat 10."[9] Al-Sābūnī mentafsirkan ia bermakna kalam yang baik dan perkataan yang bermanfaat kerana di dalam syurga tidak ada perkataan yang sia-sia mahupun dusta.[10] Dalam surah *Fātir* ia bermaksud setiap perkataan yang baik berupa doa, zikir, membaca al-Quran,

1 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 586.

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 156.

3 *Ibid.*

4 Muhammad Quraish Shihab (1997), *op. cit.*, h. 148- 150.

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 397.

6 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 127.

7 Al-Jalālayn (t.t.), *op. cit.*, h. 120.

8 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 553.

9 *Ibid.*

10 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 287.

tasbih, tahmid dan sebagainya.[1]

- Bumi atau tanah yang baik. Ia dikaitkan dengan perkataan *"al-balad"* (الْبَلَدُ) iaitu negeri, seperti yang terdapat dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 58. Ibn Kathīr berkata, "Makna *al-balad al -ṭayyib* (الْبَلَدُ الطَّيِّبُ) ialah tanah yang baik dan subur yang mengeluarkan tumbuh-tumbuhannya dengan cepat dan elok," seperti kata-kata Allah yang bermaksud "Maka ia (Maryam) diterima oleh Tuhannya dengan didikan yang baik dan dibesarkannya dengan didikan yang baik". (*Āli 'Imrān*, ayat 37). Al-Zamakhsyarī berkata, "Ia adalah negeri yang baik dengan tanah yang subur lagi mulia."[2] 'Alī bin Abī Talhah melaporkan daripada Ibn 'Abbās ayat ini merupakan misalan bagi orang mukmin.[3]
- Misalan bagi orang Mukmin. Makna ini terdapat dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 179; *al-Mā'idah* (5), ayat 100; dan *al-Anfāl* (8), ayat 37. Ibn 'Abbās berkata: "Ia bermakna *ahl al-sa'ādah* (ahli kebahagiaan). Al-Qatādah berkata, "Orang yang berjihad dan berhijrah."[4] Muqātil berkata, "Ia bermaksud seorang mukmin." Abū Sālih melaporkan daripada Ibn 'Abbās ia bermaksud amalan yang soleh. Ibn Zaid dan al -Zujjāj berkata, "Ia adalah menafkahkan yang baik di jalan Allah."[5] Al-Fakh al-Rāzī berkata, "*al-ṭayyib* ada dua jenis: bersifat jasmani, dan ia sedia maklum bagi setiap individu; adapun yang bersifat rohani adalah perkara yang paling baik ialah mengenal Allah dan taat kepada perintah Allah, kerana rohani yang mengenal Allah dan berterusan berkhidmat kepada Allah akan bersinar dengan nur makrifat Ilahi yang selalu rindu mendekatkan diri di samping Tuhan pentadbir alam dan masuk ke dalam kumpulan para malaikat serta mendampingi nabi, para *ṣiddīqīn, syuhadā'* dan orang soleh.[6]

ṬAYYIBĀT (طَيِّبَاتٌ)

Lafaz ini adalah jamak dari *ṭayyibah* (طَيِّبَةٌ), iaitu *mu'annath* bagi *ṭayyib* (طَيِّبٌ). Makna asal kata ini sudah dibentangkan terdahulu pada pembahasan lafaz *ṭayyib* di mana ia mengandungi makna lazat, baik, sihat, mententeramkan dan paling utama.[7] *Dhū ṭayyibah* adalah lawan kepada *al-khabīth* (الْخَبِيثُ) (buruk dan kotor), atau ia bermakna halal.[8] Lafaz *ṭayyibah* membawa maksud lafaz yang tidak ada di dalamnya sesuatu yang membencikan atau makruh. *Baldah ṭayyibah* ertinya negeri yang aman dan banyak kebaikan.[9] *Nafs ṭayyibah* ertinya jiwa yang selalu reda pada apa yang ditakdirkan baginya. *Masākin ṭayyibah* maknanya tempat tinggal yang bersih dan suci, *ṭu'mah ṭayyibah* (طُعْمَةٌ طَيِّبَةٌ) ertinya makanan yang halal, *rih ṭayyibah* رِيحٌ طَيِّبَةٌ maknanya angin yang lunak atau lembut dan *turbah ṭayyibah* maknanya tanah atau debu

1 *Ibid.*, h. 568.

2 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 107.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*

4 Abī al-Tayyib Siddīq b. Hasan b. 'Alī al-Husayn al-Qīnūjī (1995), *Fath al-Bayān fi Maqāsid al-Qurān*, j. 2, c. 2. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah, h. 385.

5 Al-Jawzī (1965), *op. cit.*, j. 2, h. 356.

6 Al-Rāzī (t.t.), *op. cit.*, j. 11-12, h. 103.

7 Muhammad Quraish Shihab (1997), *op. cit.*, h. 148.

8 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 477.

9 *Ibid.*

yang baik lagi suci.[1]

Lafaz *ṭayyibāt* disebut 21 kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 57, 172, 267; *al-Nisāk* (4), ayat 160; *al-Mā'idah* (5), ayat 4, 5, 87; *al-A'rāf* (7), ayat 32, 157, 160; *al-Anfāl* (8), ayat 26; *Yūnus* (10), ayat 93; *al-Nahl* (16), ayat 72; *al-Isrāk* (17), ayat 70; *Tāha* (20), ayat 81; *al-Mukminūn* (23), ayat 51; *al-Nūr* (24), ayat 26 (dua kali); *Ghāfir* (40), ayat 64; *al-Jātsiyah* (45), ayat 16; *al-Ahqāf* (46), ayat 20. Lafaz dalam bentuk jamak ini mengandungi beberapa maksud iaitu:

- Yang halal dari segala jenis makanan dan sembelihan. Maksud ini terdapat dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 57, 172, 267; *al-Mukminūn* (23), ayat 51; *al-Mā'idah* (5), ayat 4, 5; *al-A'rāf* (7), ayat 32, 160; *al-Anfāl* (8), ayat 26; *Yūnus* (10), ayat 93; *al-Nahl* (16), ayat 72, *al-Isrāk* (17), ayat 70; *Tāha* (20), ayat 81; *Ghāfir* (40), ayat 64; *al-Jātsiyah* (45), ayat 16; *al-Ahqāf* (46), ayat 20. Dalam surah-surah ini lafaz *ṭayyibāt* digandingkan dengan lafaz *"al-rizq"* atau rezeki dan *"al-nafq"* atau nafkah serta perintah *"makanlah"*. Al-Fairūz Ābādī berkata, "Maknanya makanlah dari rezeki yang halal yang diberikan oleh Allah."[2] Dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 172, Ibn Kathīr berkata, "Ayat ini merupakan perintah bagi orang mukmin supaya makan makanan yang halal dan baik dari rezeki yang diberikan Allah kerana ia sebab utama doa dan ibadah dikabulkan."[3] Al-Ṭabarī berkata tentang surah *al-Mā'idah* (5), ayat 135, "Pada hari ini dihalalkan bagi kamu wahai orang mukmin yang halal dari binatang sembelihan dan jenis makanan."[4] Dalam surah *al-Ahqāf*, al-Kalbī berkata, "Maksud *ṭayyibāt* dalam ayat ini adalah kelazatan dan apa sahaja yang menjadi penghidupan serta kemewahan."[5]
- Daging dan lemak yang diharamkan kepada Banī Isrāel dengan nas Taurat dan dihalalkan Allah dengan nas al-Quran.[6] Makna ini terdapat dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 157; *al-Nisāk* (4), ayat 160. Al-Qurṭubī berkata,[7] "*al-ṭayyibāt* dalam ayat ini dinaskan dalam surah *al-An'ām* ayat 146 iaitu:

  "Dan kami haramkan atas orang Yahudi segala binatang yang berkuku, dan dari lembu dan kambing pula kami haramkan kepada mereka lemaknya, melainkan (lemak) yang ada pada belakang atau yang menyeliputi perkakas dalam perutnya."
- Apa sahaja yang dihalalkan Allah dari perkahwinan, makanan, minuman, pakaian dan sebagainya. Makna ini terdapat dalam surah *al-Mā'idah* ayat 87. Dilaporkan daripada 'Ikrimah, "Ada manusia yang berkata, "Kami tidak akan berkahwin, tidak akan makan dan tidak akan berbuat ini dan itu, maka turunlah ayat ini."[8] Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan lainnya daripada Ibn 'Abbās, "Seorang lelaki datang kepada Nabi Muhammad seraya berkata, "Wahai Rasulullah apabila aku

1 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 2, h. 573.

2 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 3, h. 531.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 178.

4 Al-Tabarī (1995), *op.cit.*, j. 6, h. 135.

5 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 25.

6 Ābādī (1986), *loc. cit.*

7 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 6, h. 15.

8 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 7, h. 13, athar no. 9628. Dalam satu rekod ayat ini turun kepada sahabat nabi, di antara mereka ialah 'Alī b. Abī Tālib, 'Uthmān b. Maz'ūn. Athar no. 9630.

memakan daging timbul syahwatku pada perempuan, oleh itu aku mengharamkan daging ke atas diriku maka turunlah ayat ini."[1] Ibn Jarīr berkata, "*al-ṭayyibāt* dalam ayat ini bermaksud kelazatan yang diingini oleh nafsu atau syahwat dan hati, lalu kamu mengharamkannya seperti apa yang dilakukan oleh paderi, yang mana mereka mengharamkan ke atas diri mereka perempuan, berbagai jenis makanan yang baik dan minuman yang enak serta memenjarakan diri mereka di tempat-tempat ibadah, maka janganlah kamu wahai orang-orang mukmin berbuat demikian."[2]

- Wanita mukmin. Makna ini terdapat dalam surah *al-Nūr* (24), ayat 26. 'Abd al-Rahmān bin Zaid bin Aslam berkata, "Wanita yang baik lagi suci adalah bagi lelaki yang baik lagi suci, dan begitu juga sebaliknya."[3] Dilaporkan daripada Mujāhid, 'Atā', Sa'īd bin Jubair, al-Sya'bī, al-Hasan al-Basrī, Habīb bin Abī Thābit, al-Dahhāk ayat ini diturunkan kepada 'Āisyah dan *ahl al-ifk*, yang menjelaskan dia bebas dari segala tuduhan orang munafik, lebih utama kesuciannya dan lebih bersih dirinya daripada orang mukmin yang lainnya.[4]

ṬIBĀQ (طِبَاقٌ)

Lafaz ini berbentuk jamak, *mufrad*nya adalah *ṭabaq* (طَبَقٌ) atau *ṭabaqah* (طَبَقَةٌ) seperti lafaz *jamal* (جَمَلٌ) jamaknya *jimāl* (جِمَالٌ),[5] ia mengandungi makna yang seimbang dan sesuai, penutup, hal atau keadaan,[6] kelas atau tingkatan,[7] muka bumi, golongan atau generasi dan sebagainya.[8] *Ṭībāq al-ard* bermaksud lapisan tanah.[9] *Al-ṭibāq* menurut istilah ahli *Balāghah (rhetoric)* ialah menghimpun dua makna yang bertentangan seperti menghidupkan dan mematikan.[10]

Lafaz *ṭibaq* dalam keadaan nasab (dibaca *ṭibaqa*) hanya disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu surah *al-Mulk* (67), ayat 3 dan surah Nūh (71), ayat 15. Lafaz ini dikaitkan dengan langit, al-Rāzī berkata, "Lafaz *ṭibāqā* bermaksud sebahagian langit di atas sebahagian yang lain,[11] begitu juga dengan pentafsiran al-Qurtubī beliau berkata, "Ia bermaksud sebahagiannya di atas sebahagian yang lain dan yang dilekatkan pada hujungnya seperti yang disebutkan dalam laporan daripada Ibn 'Abbās.[12] Al-Tabarī mentafsirkannya dengan *ṭabaq fawqa ṭabaq* (satu lapisan di atas lapisan lainnya).[13] Ada yang berpendapat lafaz ini adalah *maṣdar* (kata terbitan) yang membawa maksud serupa dan sesuai, maksudnya Allah mencipta tujuh langit yang disamakan

1 Al-Sayūtī (t.t.), *Lubāb al-Nuqūl fī Asbāb al-Nuzūl*, *op. cit.*, h. 177.

2 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, h. 12.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 262; al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 334.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 261.

5 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 18, h. 199.

6 Contohnya kata-kata Allah "لَتَرْكَبُنَّ طَبَقًا عَن طَبَقٍ" maksudnya *"Sesungguhnya kamu tetap melalui beberapa keadaan yang bertingkat-tingkat baik buruknya"* (al-Insyiqāq (84), ayat 19).

7 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, j. 2, h. 551, contoh lainnya adalah kata-kata Allah "وَتَحْسَبُهُمْ أَيْقَاظًا وَهُمْ رُقُودٌ", ertinya: *"Dan engkau sangka mereka sedar, padahal mereka tidur"* (al-Kahf (18), ayat 18).

8 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 460

9 Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 839.

10 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*

11 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 388.

12 Al-Qurtubī (1996), *loc. cit.*

13 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 29, h. 4.

lapisan-lapisannya.[1] Kesimpulannya, lafaz *ṭībāqā* di dalam al-Quran membawa maksud tujuh lapisan langit yang semuanya sama dan serupa.

ṬŪBA (طُوْبى)

Lafaz ini adalah *maṣdar* seperti *busyrā* (بُشْرَى) dan *rujʻā* (رُجْعَى), *wazan*nya ialah *fuʻlā* (فُعْلى), ia berasal daripada kata kerja *ṭābā* (طَابَ).[2] Ibn Fāris berkata, "Asal makna lafaz ini ialah lawan kepada *khabīth* (najis atau kotor)."[3] *Al-ṭīb* juga mengandungi makna sesuatu yang mengharumkan, seperti minyak wangi dan lainnya, perhiasan, yang baik dari segala sesuatu.[4] Lafaz *ṭuba* disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *ar-Raʻd* (13), ayat 29.

Lafaz *"ṭūbā lahum"* (طُوْبَى لَهُمْ) bermaksud setiap tempat yang baik dan menyeronokkan di dalam syurga, berkekalan tanpa fana, kemuliaan yang tidak hilang serta kekayaan tanpa kefakiran.[5] Al-Sijistani berkata, *"ṭūbā* menurut pandangan para ahli nahu adalah *fuʻlā* dari *al-ṭīb*, dan makna *"ṭūbā lahum"* iaitu kebaikan kehidupan bagi mereka, dikatakan ia adalah kebaikan dan harapan yang kemuncak atau tinggi, ada yang berpendapat ia adalah nama syurga dalam bahasa Hindi, dan ada pula yang mengatakan ia adalah nama pokok di dalam syurga."[6]

Dilaporkan daripada Ibn Jarīr dan lainnya, daripada Ibn ʻAbbās maksudnya ialah kesenangan, atau kegembiraan dan bidadari bagi mereka. Menurut al-Dahhak ia bererti *ghibṭah* (suka ria dan kegembiraan bagi mereka). Dan menurut Qatādah ia bererti kebaikan bagi mereka, dalam laporan yang lain pula daripadanya juga bererti mereka mendapat kebaikan. Begitu juga laporan daripada al-Nakhʻī, maknanya kebaikan yang banyak dan *karamah* bagi mereka. Menurut Sumait b. ʻAjalān, *"ṭūbā lahum"* membawa maksud kebaikan yang berterusan bagi mereka dan ia kembali kepada maksud kehidupan yang baik bagi mereka. Al-Qurtubī menjelaskan maksud sebenar *ṭūbā* ialah merupakan nama atau tanda bagi pokok di dalam syurga seperti yang dilaporkan daripada Ahmad, Ibn Jarīr, Ibn Abī Hatim, Ibn Hibbān, al-Tabrani, al-Baihaqī dalam *"al-baʻth wa al-nusyūr"* dan dibenarkan oleh al-Suhailī dan lainnya daripada ʻUtbah b. ʻAbd beliau berkata, "Seorang Arab datang kepada Rasulullah dan berkata, "Wahai Rasulullah! Adakah di dalam syurga ada buah-buahan?" Beliau menjawab, "Ya, di dalamnya ada pokok yang dipanggil dengan *Ṭūbā,* iaitu di tengah syurga Firdaus." Dia bertanya lagi, "Pokok apakah yang menyerupainya di bumi kita?" Beliau menjawab, "Tidak ada yang menyerupainya dari pokok yang ada di bumi engkau tetapi adakah engkau pernah datang ke Syam?" Dia menjawab, "Tidak." Beliau berkata: "Sesungguhnya ia menyerupai pokok yang ada di Syam yang dipanggil dengan *al-Jauzah*, tumbuh di atas batang kemudian bercabang di atasnya." Lelaki itu bertanya lagi, "Berapa besar akarnya?" Beliau berkata, " Sekiranya engkau bertolak dengan seekor unta keluargamu pasti engkau tidak dapat mengelilingi akarnya sehingga tulang selangkanya retak kerana tua."

1 Al-Qurtubī (1996), *loc. cit.*

2 Al-Sāfī (1991), *op. cit.*, j. 13, h. 127.

3 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 3, h. 435.

4 Anīs et al. (1962), op. cit., j. 2, h. 573.

5 *Ibid.*

6 Abū Bakr al-Sijistani (t.t), *Nuzhah al-Qulūb fi Tafsīr Gharīb al-Qurān*, Beirut: Dār al-Kutub al-ʻIlmiyyah, h. 208.

Dia bertanya lagi, "Adakah di dalamnya terdapat buah anggur?" Beliau menjawab,: "Ya". Dia bertanya lagi, "Berapa besar tandannya?" Beliau berkata, "Sama seperti sebulan perjalanan bagi burung kecuali burung gagak yang berwarna hitam berbelang putih."[1]

Kesimpulannya, makna umum bagi lafaz *ṭūbā* ialah **kebahagiaan, kehidupan yang senang, kegembiraan di dalam syurga, ganjaran bagi yang beramal soleh** dan makna khususnya ialah **pokok di dalam syurga.**

ṬŪFĀN (طُوْفَانٌ)

Lafaz ini *ism maṣdar* dari asal kata kerja *ṭafa* (طَافَ), oleh itu Ibn Fāris berkata, "Dari sini dikatakan sesuatu yang mengelilingi sesuatu dengan banyak dan menyelubungi atau menutupi yang terdiri daripada air dinamakan *ṭūfān*."[2] Dalam kamus *al-Munjid* diterangkan *al-ṭūfan* bermakna air atau aliran air yang menenggelamkan, malam yang gelap gelita dan kematian yang merata (umum).[3] Al-Kafawī berkata, "*ṭūfān* adalah setiap kejadian yang menimpa manusia dan ia menjadi perkara biasa yang ditujukan kepada air yang melimpah dan banyak, disandarkan kepada kejadian yang diterima oleh kaum Nuh adalah air." Dalam *Kamus Dewan* dikatakan taufan bererti angin ribut dan badai.[4]

Lafaz *ṭūfān* disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 133 dan surah *al-'Ankabūt* (29), ayat 14. *Ṭūfān* di dalam al-Quran merupakan azab yang menimpa negeri Firaun yang terdapat dalam surah *al-A'rāf* dan yang menimpa kaum Nuh yang terdapat dalam surah al-'Ankabūt. Menurut laporan yang dinukilkan oleh Ibn Kathīr dari Ibn 'Abbās, *ṭūfān* adalah turunnya hujan yang mencurah-curah dan lebat sehingga timbullah banjir dan disapunya tanaman yang diharapkan berbuah.[5] Menurut laporan daripada Mujāhid, *ṭūfān* ialah kedatangan banjir yang menghancurkan segala tanaman, dan kesannya meninggalkan penyakit taun atau kolera.[6] 'Ata' berkata *ṭūfān* adalah (penyebab) ramai orang yang mati.[7] Ibn Jarīr melaporkan daripada hadis 'Āisyah dan Ibn Mardawaih daripada hadis Yahyā bin Yamānī, Rasulullah bersabda, "*al-ṭūfān* ialah kematian."[8] Ibn Qutaibah berkata, "*ṭūfān* adalah hujan yang lebat."[9]

Dalam *Perjanjian Lama* (Kitab Keluaran) Bab 9 ayat 18 menyebutkan, "Sesungguhnya esok pagi hari begini, aku menurunkan hujan lebat yang besar, belum pernah ada dalam Negeri Mesir terjadi sampai sekarang ini." Dan di dalam ayat 25, "ditimpa hujan lebat segala sesuatu yang di luar, baik manusia, baik binatang, dan ditimpa hujan lebat segala tumbuh-tumbuhan dan dipatahkannya segala pokok di ladang."[10]

Kesimpulannya, *ṭūfān* ialah **hujan lebat sehingga menjadi air bah** yang meranapkan segala-galanya, daripada manusia, haiwan dan pepohonan, dikirimkan oleh Allah kepada Firaun dan kaum Nuh sebagai azab dan

1 Al-Alūsī (t.t), *op. cit.*, j. 7, h. 151, Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 9, h. 324

2 Ibn Fāris (1971), *op. cit.*, j. 3, h. 432.

3 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 475.

4 Noresah bt. Baharom *et al.* (eds.) (2002), *op. cit.*, h. 1384.

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 222.

6 *Ibid.*, h. 223.

7 *Ibid.*

8 *Ibid.*, Ibn Kathīr berkata, "Hadis ini adalah hadis gharib."

9 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 337.

10 HAMKA (1984), *op. cit.*, j. 7, h. 55.

balasan keingkaran dan kekufuran mereka.

ṬUWĀ (طُوَى)

Ada beberapa pendapat mengenai lafaz ini:

Pertama, yang mengatakan ianya dapat diṣaraf kan (diketahui perubahan lafaznya). *Wazan*nya ialah *fu'lā* (فُعْلَى) dan ini ada dua keadaan: (1) Ia bermakna nama bagi sebuah wadi, dan ia diṣaraf kan kerana dinamakan bagi memperingatkan satu peringatan;[1] (2) Ia menjadi sifat, iaitu menurut pendapat yang mengatakan *ṭuwā* bermaksud, "yang disucikan dua kali," sehingga lafaz *ṭuwā* sama seperti perkataan *"thanā"* (ثَنَى), yang bererti "yang dipanggil dua kali."[2] Al-Rāzī berkata, "*ṭuwā* ialah sesuatu yang disucikan dan disanjung, dan ayat *"al-muqaddas ṭuwā"* (المُقَدَّسِ طُوَى) ertinya "disucikan dua kali." Al-Hasan berkata, "Ia disanjung dan dipuji kerana di dalamnya ada keberkatan dan disucikan dua kali."[3] Dalam *Tafsir al-Azhar*, lafaz *ṭuwā* ertinya suci dan bukit itu adalah suci, jadi ia suci dan disucikan, maksudnya di lereng Bukit Tursina terdapat lembah yang suci lagi disucikan.[4]

Kedua, lafaz ini tidak dapat diṣaraf kan, maknanya ia merupakan nama bagi sebidang tanah, tempat atau lembah[5] yang berada di wilayah Syam.[6] Al-Khāzin berkata, "*ṭuwā* ialah nama bagi lembah yang Nabi Mūsā sampai ke dalamnya. Ada yang berpendapat ia adalah wadi yang bulat lagi dalam."[7]

Lafaz ini disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Tāha* (20), ayat 12 dan surah *al-Nāzi'āt* (79), ayat 16. Berdasarkan maksud yang kedua ini lafaz *ṭuwā* ialah lembah suci yang berada di lereng Bukit Tursina tempat Nabi Mūsā melihat api atau cahaya dan menerima wahyu dari Tuhannya. *Ṭuwā* juga merupakan nama sumur dan daerah yang terdapat di kota Makkah, tempat nabi berhenti beristirahat ketika hendak meraih kemenangan dalam penaklukan Makkah.[8]

ط

1 Al-Tibrisī (t.t.), *op. cit.*, j. 7, h. 3-4.

2 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 53.

3 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 401.

4 HAMKA (1984), *op. cit.*, j. 13-17, h. 28.

5 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, al-Tibrisī (t.t.), *op. cit.*

6 Al-Rāzī (1987), *loc. cit.*

7 Al-Khāzin dalam *Majma' al-Tafāsīr* (1979), *op. cit.*, j. 3, h. 250.

8 Cyril Glassē (1999), *op. cit.*, h. 413.



حرف الظاء

ظ



ẒA'N (ظَعْن)

Erti lafaz (ظَعْن) ialah berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain.[1] Ia disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Nahl* (16), ayat 80.

Dalam ayat itu, Allah menerangkan beberapa anugerah dan nikmat yang diberikan kepada manusia ketika di dunia. Antaranya adalah nikmat kulit binatang yang dapat dijadikan khemah bagi istirahat dan berlindung, ia dapat dibawa dengan mudah dan ringan dalam perjalanan dari satu tempat berpindah ke tempat yang lain (تَسْتَخِفُّونَهَا يَوْمَ ظَعْنِكُمْ).[2] Ini adalah anugerah Allah yang mesti disyukuri.

ẒAHIRAH (ظَهِيرَة)

Erti lafaz (ظَهِيرَة) adalah masa siang iaitu tengah hari.[3] Lafaz ini hanya disebut sekali sahaja dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Nūr* (24), ayat 58.

Ayat ini menerangkan tentang waktu di mana kerabat, anak-anak yang belum baligh, hamba abdi dan pembantu perlu meminta izin ketika masuk ke bilik orang tua, tuan atau kerabat yang lain. Waktu itu adalah: (1) Sebelum sembahyang Subuh kerana pada masa ini biasanya orang tidur; (2) Pada masa tengah hari (الظَّهِيرَة), iaitu masa tidur *qailūlah* kerana biasanya orang melepaskan bajunya pada masa itu bagi berehat (3) Pada masa selepas Isyak kerana masa ini adalah masa tidur.[4]

ẒĀLLĀM (ظَلَّام)

Lafaz (ظَلَّام) adalah bentuk *ṣīghah mubālaghah* daripada lafaz (ظَالِمٌ), ertinya ialah yang zalim atau yang suka melakukan kezaliman.[5]

Lafaz (ظَلَّام) diulang lima kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Āli Imrān* (3), ayat 182; *al-Anfāl* (8), ayat 51; *al-Haj* (22), ayat 10 dengan lafaz (وَأَنَّ ٱللَّهَ لَيْسَ بِظَلَّٰمٍ لِّلْعَبِيدِ), surah *Fussilat* (41), ayat 46 dengan lafaz (وَمَا رَبُّكَ بِظَلَّٰمٍ لِّلْعَبِيدِ); dan surah *Qāf* (50), ayat 29 dengan lafaz (وَمَآ أَنَا۠ بِظَلَّٰمٍ لِّلْعَبِيدِ).

Ayat-ayat itu menegaskan Allah tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hamba-hambanya. Imam Ibn Kathīr menerangkan maksudnya adalah Allah tidak melakukan. Kezaliman pada makhluknya dan Allah memutuskan segala sesuatu dengan cara yang adil.[6] Di tempat lain, beliau menegaskan maksudnya adalah Allah tidak menghukum seseorang kecuali atas dosa yang dilakukannya dan tidak mengazab seseorang kecuali selepas didedahkan hujah kepada mereka dan selepas Allah mengutus rasul kepada mereka bagi menerangkan mana yang hak dan mana yang batil.[7]

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 163.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 581

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 174

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 303-304

5 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 166

6 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 320

7 *Ibid.*, j. 4, h. 104

ẒALŪM (ظَلُوم)

Lafaz (ظَلُوم) adalah bentuk *ṣīghah mubālaghah* daripada lafaz (ظَالِمٌ) ertinya orang yang zalim. Maksud zalim ialah melakukan sesuatu yang tidak semestinya dilakukan sama ada dengan cara mengurangkan atau melebihkan, melakukannya tidak pada masanya atau tidak pada tempatnya. Dengan itu, zalim juga bererti melanggar kebenaran atau melakukan dosa.[1]

Kata terbitan daripada kata (ظُلْمٌ) dalam bentuk *isim fā'il* dengan pelbagai bentuknya banyak diulang di dalam al-Quran iaitu (ظَالِمٌ) diulang lima kali; manakala (ظَالِمَةٌ) diulang empat kali; (ظَالِمِين), (ظَالِمُوْنَ) dan (ظَالِمِي) secara keseluruhan diulang 126 kali. Sedangkan (ظَلَّام) diulang lima kali. Lafaz (ظَلُوم) diulang dua kali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Ibrāhīm* (14), ayat 34 dan surah *al -Ahzāb* (33), ayat 72.

Kedua-dua lafaz (ظَلُوم) itu dikaitkan al -Quran dengan sifat manusia. Surah Ibrāhīm (14), ayat 34 menegaskan Allah memberi pelbagai nikmat dan anugerah kepada manusia. Sekiranya nikmat Allah itu dihitung, pasti manusia tidak mampu menghitung bilangannya. Sesungguhnya manusia suka berlaku zalim dan kufur (إِنَّ ٱلْإِنسَـٰنَ لَظَلُومٌ كَفَّارٌ). Imām al-Syaukānī menerangkan manusia suka melakukan kezaliman iaitu lupa diri dan tidak mensyukuri nikmat Allah. Zahir ayat itu menunjukkan semua manusia mempunyai sifat seperti itu tetapi Imam al-Zajjāj mengatakan yang dimaksudkan adalah orang kafir.[2]

Surah *al-Ahzāb* (33), ayat 72 menegaskan Allah kemukakan tanggungjawab, perintah dan larangan kepada langit dan bumi serta gunung -ganang bagi memikulnya, tetapi mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya. Namun, manusia menerima amanah itu. Padahal tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka membuat perkara yang tidak patut dikerjakan (إِنَّهُۥ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا). Dengan terpikulnya amanah oleh manusia, orang yang patuh dan taat kepada perintah Allah mendapat pahala, sedangkan yang membuat maksiat pasti mendapat seksa.[3]

ẒAMA` (ظَمَأ) ẒAM`ĀN (ظَمْآن)

Maksud lafaz (ظَمَأٌ) ialah haus dahaga. Sedangkan lafaz (ظَمْآنُ) digunakan bagi menyebut orang yang sedang haus dahaga.[4] Lafaz (ظَمَأٌ) hanya disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 120. Begitu juga kalimah (ظَمْآنُ), ia diulang sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Nūr* (24), ayat 39.

Dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 120 Allah menegaskan apa pun yang dialami dan dilakukan oleh orang beriman ketika berperang di jalan Allah *(fīsabīlillāh)* sama ada berbentuk penat lelah atau rasa lapar dicatat sebagai amal soleh termasuklah rasa haus dan dahaga semasa dalam perjuangan.

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ لَا يُصِيبُهُمْ ظَمَأٌ وَلَا نَصَبٌ وَلَا
مَخْمَصَةٌ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَلَا يَطَـُٔونَ مَوْطِئًا يَغِيظُ
ٱلْكُفَّارَ وَلَا يَنَالُونَ مِنْ عَدُوٍّ نَّيْلًا إِلَّا كُتِبَ
لَهُم بِهِۦ عَمَلٌ صَـٰلِحٌ

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), loc. cit

2 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 110

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 309

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 170

Manakala dalam surah surah *al-Nūr* (24), ayat 39, Allah memberikan perumpamaan amal kebaikan yang dilakukan oleh orang kafir seperti sedekah, silaturahim dan lain -lain, bagaikan fatamorgana di tanah rata yang disangkanya air oleh orang yang dahaga (يَحْسَبُهُ الظَّمْآنُ مَاءً), lalu ia menuju ke arahnya sehingga apabila ia datang ke tempat itu, tidak ada sesuatu pun yang disangkanya itu. Demikianlah keadaan orang kafir, tidak mendapat faedah daripada amalnya sebagaimana yang disangkanya.[1]

ẒANN (اَلظَّنّ) ẒANŪN (اَلظُّنُون)

Erti lafaz (اَلظَّنّ) ialah pengetahuan yang diperoleh berdasarkan perkiraan. Ia bererti ragu-ragu, namun apabila diikuti dengan pemikiran yang mendalam dan dengan bukti yang kuat, ia menjadi sangkaan kuat dan dapat dikategorikan sebagai sebahagian daripada keyakinan, namun ia di bawah keyakinan yang diperoleh melalui ilmu yang pasti. Bentuk jamaknya adalah (اَلظُّنُون).[2]

Lafaz (اَلظَّنّ) diulang 20 kali di dalam al-Quran manakala dalam bentuk jamak (اَلظُّنُون), ia diulang sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Ahzāb* (33), ayat 10. Surah *al-Ahzāb* (33), ayat 10 menerangkan tentang keadaan umat Islam semasa perang Ahzāb atau Khandaq. Tentera Muslim ketika itu tidak tentu arah kerana bingung, serta hati mereka resah gelisah kerana cemas takut, dan mereka menyangka pada Allah dengan berbagai -bagai sangkaan (وَتَظُنُّونَ بِاللَّهِ الظُّنُونَا). Kerana pada masa itu umat Islam sedang dikepung musuh dari pelbagai arah.

Imām al-Syaukānī menerangkan pada masa itu sebahagian umat Islam menyangka mendapat kejayaan sedangkan sebahagian yang lain menyangka mengalami kekalahan. Imam al-Hasan al-Basrī pula menyebutkan orang yang menyangka mengalami kekalahan adalah orang munafik, manakala yang menyangka mengalami kejayaan adalah orang beriman.[3]

ẒĀNNĪN (اَلظَّانِّين)

Lafaz (اَلظَّانِّين) adalah bentuk jamak daripada (اَلظَّانّ) yang bermaksud orang yang menyangka.[4] Di dalam al-Quran, (اَلظَّانِّين) dalam bentuk *isim fā'il* jamak hanya disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Fath* (48), ayat 6.

Dalam surah ini diterangkan orang munafik dan orang musyrik sama ada lelaki mahupun perempuan suka bersangka pada Allah dengan sangkaan yang buruk (اَلظَّانِّينَ بِاللَّهِ ظَنَّ السَّوْءِ). Imam Ibn Kathīr dan Imam al-Syaukānī menerangkan mereka menyangka Allah mempunyai ketetapan hukum yang buruk kepada Nabi Muhammad, iaitu Nabi Muhammad dan para pengikutnya kalah dalam peperangan dan kekafiran mengungguli Islam.[5]

1 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 39

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 170

3 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 265

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 170

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 185 dan al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 45

ẒIHRIYY (ظِهْرِيّ)

Lafaz (ظِهْرِيّ) adalah bentuk pe*nisbat*an daripada (ظَهْرٌ), namun tidak mengikuti kaedah *qiyas*. Maksud (ظَهْرٌ) ialah anggota tubuh badan bahagian belakang. Sedangkan bentuk *nisbah*nya (ظِهْرِيّ) bererti sesuatu yang diletakkan di belakang dan dilupakan.[1]

Lafaz ظِهْرِيّ hanya disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Hūd* (11), ayat 92. Ayat ini berisi jawapan Nabi Syu'aib pada kaumnya, "Wahai kaumku! (Mengapa kamu bersikap demikian)? Patutkah kaum keluargaku kamu pandang lebih mulia daripada Allah serta kamu juga menjadikan perintahnya sebagai sesuatu yang dibuang dan dilupakan di belakang kamu? (وَٱتَّخَذْتُمُوهُ وَرَآءَكُمْ ظِهْرِيًّا). Imām Ibn Kathīr mentafsirkannya dengan, "Dan kamu juga membelakangi kitab Allah, tidak mahu mentaatinya dan tidak mahu mengagungkannya."[2]

Nabi Syu'aib menyatakan begitu selepas kaumnya tidak mahu menerima dakwahnya dan mereka menegaskan sekiranya bukan kerana faktor keluarga Nabi Syu'aib yang dimuliakan, mereka pasti membunuhnya dengan cara melemparnya dengan batu.

ẒUFUR (ظُفُر)

Maksud (ظُفُر) ialah tulang yang menutupi hujung jari atau yang biasa disebut dengan kuku.[3] Ia hanya disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 146.

Dalam ayat ini, Allah menerangkan beberapa makanan yang diharamkan bagi orang Yahudi. Antaranya adalah semua haiwan dan burung yang berkuku (وَعَلَى ٱلَّذِينَ هَادُوا۟ حَرَّمْنَا كُلَّ ذِى ظُفُرٍ) seperti unta, angsa dan itik. Pengharaman ini adalah kerana kezaliman dan keengganan mereka pada rasul-rasul mereka.[4]

ẒULLAH (ظُلَّةٌ) ẒULAL (ظُلَلٌ)

Erti lafaz (ظُلَّة) ialah sesuatu yang digunakan bagi berteduh seperti khemah. Bentuk jamaknya adalah (ظُلَلٌ).[5] Di dalam al-Quran (ظُلَّةٌ) diulang dua kali iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 171 dan surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 189.

Dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 171 diceritakan ketika Banī Isrāel disumpah berjanji taat kepada ajaran yang dibawa Nabi Mūsā, Allah mengangkat Gunung Tursina ke atas mereka seolah-olah ia tempat berteduh (كَأَنَّهُۥ ظُلَّةٌ) dan mereka menyangka gunung itu akan menimpa mereka.[6]

Sedangkan dalam surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 189 menceritakan tentang azab yang diterima oleh kaum Nabi Syu'aib kerana mereka mendustakan ajaran Allah. Azab yang diterima oleh mereka diistilahkan di dalam al-Quran sebagai (عَذَابُ يَوْمِ ٱلظُّلَّةِ), maksud

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 173

2 Ibn Kathīr (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 459

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 163.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 185-186

5 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 165

6 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 105

*harfiah*nya ialah "azab seksa hari awan mendung".

Imām Ibn Kathīr menerangkan kaum Nabi Syu'aib diazab dengan cuaca yang panas selama tujuh hari, kemudian didatangkan awan di atas mereka, dan mereka pun berlindung di bawah awan itu dari panas. Namun, selepas mereka berkumpul di bawah awan itu, turunlah titisan api, jilatan api yang menyala besar, manakala bumi yang di bawah mereka mengalami gempa yang dahsyat.[1]

Adapun lafaz (ظُلَلٌ) diulang di dalam al-Quran sebanyak empat kali iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 210; *al-Zumar* (39), ayat 16 (dua kali) dan *Luqmān* (31), ayat 32.

Surah *al-Baqarah* (2), ayat 210 menegaskan orang yang ingkar pada ajaran yang benar dihadapkan Allah pada awan-awan di hari kiamat yang berada di atas mereka (فِي ظُلَلٍ مِنَ الْغَمَامِ), kemudian mereka diberi hukuman secara adil oleh Allah.

Surah *al-Zumar* (39), ayat 16 pula menegaskan orang kafir di neraka nanti disediakan lapisan-lapisan daripada api yang menyerkup di atas mereka dan lapisan-lapisan dari api di bawah mereka.

لَهُمْ مِنْ فَوْقِهِمْ ظُلَلٌ مِنَ النَّارِ وَمِنْ تَحْتِهِمْ ظُلَلٌ

Surah *Luqmān* (31), ayat 32 menerangkan orang kafir apabila mereka dirempuh serta diliputi oleh ombak yang besar seperti kelompok awan menyerkup, (مَوْجٌ كَالظُّلَلِ). Pada saat itu, mereka semua berdoa kepada Allah dengan mengikhlaskan kepercayaan mereka kepadanya semata-mata. Kemudian apabila Allah menyelamatkan mereka ke daratan, sebahagian sahaja antara mereka yang bersikap adil lalu bersyukur kepada Allah serta mengesakannya.

1 *Ibid.*, j. 3, h. 347



حرف العين

ʿA



'ABASA (عَبَسَ)

Lafaz ini dalam bentuk *fi'il* (kata kerja) *mādī* (yang telah lalu) dan *fi'il mudāri'*nya adalah *ya'bisu* (يَعْبِسُ). Ertinya bermuka masam atau merungut atau berkerut muka.[1] Lafaz ini disebut sebanyak dua kali dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Muddaththir* (74), ayat 22 dan *'Abasa* (80), ayat 1. Allah menyatakan dalam surah *al-Muddaththir,* (عَبَسَ وَبَسَرَ). Tafsiran lafaz *'ābasa* dalam ayat surah *al-Muddaththir* di atas adalah bermuka masam kerana tidak berpeluang mencela al-Quran selepas berfikir dan bertadabbur.[2] Di dalam surah *'Abasa*, lafaz ini ditujukan kepada Nabi Muhammad di mana beliau bermuka masam ketika datang kepadanya Ibn Umm Maktūm untuk bertanya mengenai agama atau meminta diberi bimbingan sedang pada masa itu terdapat ramai para pembesar Musyrikin berada bersama nabi. Nabi berpaling daripadanya dan terus memberikan perhatian kepada para kenamaan itu. Beliau bertanya nabi, "Adakah pertanyaannya itu satu kesalahan." Nabi menjawab "Tidak." Lalu turunlah ayat itu,[3] iaitu (عَبَسَ وَتَوَلَّىٰٓ أَن جَآءَهُ ٱلْأَعْمَىٰ). Kesimpulannya, lafaz *'abasa* membawa maksud bermuka masam.

'ĀBID (عَابِدٌ)

'Ābid adalah *ism fā'il* (kata yang menunjukkan subjek pelaku perbuatan) daripada kata kerja *abada* (عَبَدَ), jamaknya adalah *'abdah, 'ubbād* dan *'abidūn*, ertinya yang berkhidmat,[4] yang mentauhidkan, [5]atau pelayan.[6] Al-Kafawī berkata, "'Ābid bermaksud orang yang melazimkan diri beribadah seperti sembahyang dan puasa."[7]

Lafaz 'Ābid disebut sekali di dalam al -Quran, iaitu dalam surah *al-Kāfirūn* (109), ayat 4. Ayat ini diturunkan kepada sekumpulan kaum Quraisy, mereka berkata, "Wahai Muhammad, mari! Ikutilah agama kami dan kami akan mengikuti agamamu, engkau menyembah tuhan kami sebagai sunnah dan kami akan menyembah Tuhanmu sebagai sunnah. Jika didapati ada kebaikan apa yang engkau bawa berbanding apa yang ada di sisi kami, kami akan menyertaimu dan kami akan mengambil kebaikan daripadanya, tetapi jika didapati kebaikan ada di sisi kami berbanding apa yang ada di sisimu, maka engkau mesti mengikuti kami dan mengambil kebaikan yang ada pada kami." Beliau berkata, "Maha suci Allah untuk menyekutukannya dengan yang lain." Maka turunlah surah ini sehingga ke akhir surah. Kemudian, Rasulullah pergi ke Masjid al-Haram yang penuh dengan kaum Quraisy, lalu membacakannya kepada mereka sehingga selesai. Pada saat itu mereka berputus asa.[8]

Al-Tabarī berkata, "Ayat ini diturunkan Allah kepada rasulnya supaya beliau menghampakan harapan mereka bagi mengikuti

1 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 828

2 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 406. terdapat perbez - an antara lafaz *'abasa* dan *basara*. Ada yang mengatakan *'abasa* bermakna menampakkan muka masam selepas perdebatan sedangkan *basara* menampakkan muka masa atau rungutan sebelumnya. Al-Rāghib berkata, *al-basar* adalah meminta kejahatan sebelum waktunya, daripadanya *'basara al-rajul hajatah* ertinya meminta keperluannya sebelum masanya. Daripadanya ayat (عَبَسَ وَبَسَرَ) yang bermaksud menampakkan muka masam atau rungutan sebelum masanya. Al-Syawkānī (1994), *Ibid.*

3 Wahbah Zuhaylī (2001), Juzz Amm (terj.), *op. cit.*, h. 55

4 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 483.

5 Anīs et al. (1962), *op. cit.*, j. 1, h. 579.

6 Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 887.

7 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 490.

8 Al-Wahidī (1998), *op. cit.*, h. 405.

agama mereka,[1] sehingga lafaz *'abid* bermaksud Nabi Muhammad" Al-Syawkānī berkata maknanya ialah, "Sekarang aku tidak akan menyembah sembahan kamu dan pada masa hadapan aku tidak akan menyembah sembahan kamu. Al-Zujjāj berkata, "Ayat ini adalah penafian Rasulullah pada penyembahan tuhan-tuhan mereka pada saat ini dan akan datang begitu juga mereka."[2] Muhammad 'Abduh menjelaskan perbezaan ini di dalam tafsirnya, "Dua jumlah kata yang pertama (ayat 2-3) adalah menjelaskan perbezaan yang disembah. Isi dua ayat berikutnya (ayat 4 dan 5) menjelaskan perbezaan cara beribadat. Tegasnya yang disembah lain dan cara menyembah pun lain. Tidaklah satu dan tidak pula sama."[3] Kesimpulannya, lafaz *'ābid* membawa maksud Nabi Muhammad. Namun, ia juga bagi orang Islam.

ع

'ABQARIY (عَبۡقَرِيّ)

Lafaz ini adalah *ism mufrad* (kata benda tunggal), jamaknya adalah *'abāqirah* (عَبَاقِرَةٌ), ertinya bijak.[4] *'Abqariy al-qawm* (عَبۡقَرِيُّ ٱلۡقَوۡمِ) bermaksud pemuka, pemimpin dan yang paling kuat di antara mereka.[5] Dalam hadis 'Umar, Rasulullah sujud di atas *'abqariy*, ertinya kain sutera atau permaidani daripada kulit binatang atau permaidani yang tebal,[6] yang terukir.[7] Lafaz ini disebut sekali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Rahmān* (55), ayat 76. Lafaz *'abqariy* mengandungi beberapa maksud:

- Ibn Qutaybah berkata, *al-'Ahqariy* bermaksud permaidani yang tebal. Abū 'Ubaydah berkata, "Setiap sesuatu yang berbentuk permaidani dinamakan *'abqariy*. Disebutkan *"'abqara"* adalah negeri yang di dalamnya dibuat tenunan, lalu disandarkan kepadanya setiap sesuatu yang baik dan bernilai.[8]
- Ibn 'Abbās, Sa'īd b. Jubayr, Qatādah, al-Dahhāk dan al-Suddī berpendapat, al-'Abqariy adalah al-Zarābiy (bantal yang bermutu yang dibentangkan sebagai tempat duduk).[9]
- Mujāhid berpendapat ia bermaksud permaidani daripada sutera.[10]
- Al-Hasan mentafsirkan lafaz ini, "Ia adalah permaidani penghuni syurga."
- Abū Harazah Ya'qūb b. Mujāhid berpendapat, ia bermaksud pakaian penghuni syurga yang tiada siapa yang dapat mengetahuinya.
- Abū 'Āliyah berkata, "Ia bermaksud al -Tanāfis (permaidani) yang halus."
- Al-Qaysī berkata, "Setiap pakaian yang ditenun menurut orang Arab adalah *'abqariy*."[11]

Kesimpulannya, *'abqariy* bermaksud **permaidani penghuni syurga**, dan al-Fayrūz berkata, "Ia dijadikan Allah perumpamaan hamparan atau permaidani syurga."

1 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 15, h. 429.
2 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 641.
3 Hamka (1984), *op. cit.*, j. 30, h. 263.
4 'Āyid, *et al.* (t.t.), *op. cit.*, h. 818.
5 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4., h. 16.
6 *Ibid.*
7 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 409.
8 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 444.
9 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 252.
10 *Ibid.*
11 *Ibid.*

'ĀD (عَادٌ)

Dalam al-Quran, lafaz *'Ād* dikaitkan dengan lafaz "*qawm*" iaitu kaum, bermaksud kaum 'Ād. Lafaz ini disebut sebanyak 20 kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 65, 74; *al-Taubah* (9), ayat 70; *Hūd* (11), ayat 50, 59, 60; *Ibrāhīm* (14), ayat 9; *al-Hajj* (22), ayat 42; *al-Syu'arā'* (26), ayat 123; *Sād* (38), ayat 12; *Ghāfir* (40), ayat 31; *Fuṣṣilat* (41), ayat 13, 15; *al-Ahqāf* (46), ayat 21; *Qāf* (50), ayat 13; *al-Dhāriyāt* (51), ayat 41; *al-Qamar* (54), ayat 18; *al-Hāqqah* (69), ayat 4 dan 6 dan *al-Fajr* (89), ayat 6. 'Ād adalah sebuah bangsa kuno yang berkali-kali dinyatakan di dalam al-Quran, "mereka membangun rumah di atas tempat-tempat yang tinggi." Dijelaskan kaum 'Ād tinggal di *Ahqāf,* Allah menyatakan yang bermaksud, "Dan ingatlah (Hūd) saudara kaum 'Ād, iaitu ketika dia memberi peringatan kepada kaumnya di *al-Ahqāf.*" (*Al-Ahqāf* (46), ayat 21). Menurut ayat ini, Allah mengutus kepada mereka Nabi Hūd bagi mengajarkan kepada mereka ajaran -ajaran Allah. Ahli sejarah mengatakan letak *al-Ahqāf* adalah antara Yaman dan 'Umman sampai ke Hadramaut dan al-Syajar, [1] iaitu di Arab Selatan. 'Ād dipandang sebagai salah satu di antara suku-suku Arab, iaitu suku Arab jauh (*'Arab al-bā'idah*).[2] Kota mereka dan mungkin juga suku mereka dinamakan ***Iram of the Pillar*** (sepuluh sendi). Hal ini dijelaskan dalam surah *al-Fajr* (89), ayat 6-7, "Apakah kamu tidak memerhatikan bagaimana Tuhanmu lakukan kepada kaum 'Ad? Iaitu penduduk Iram yang mempunyai bangunan -bangunan yang tinggi." Ahli Purbakala berdasarkan penelitian berpendapat kota Iram terletak di gunung Ram, kira-kira 25 mil dari *'Aqabah*. Di sisi gunung itu terdapat peninggalan Jahiliah Kuno.[3] Ibn Kathīr berkata, "Dalam surah ini kaum 'Ād yang dimaksudkan adalah 'Ād yang terdahulu dan terawal, iaitu anak 'Ād bin Iram bin 'Aws bin Sām bin Nūh."[4]

Kaum 'Ād adalah ahli di bidang binaan, mereka tinggal di khemah-khemah yang besar dan tinggi pada musim bunga dan mereka kembali semula ke rumah mereka apabila rumput-rumput berkurangan. Mereka mempunyai bentuk tubuh yang tegap, tinggi, kuat dan kaum yang paling gagah di zaman itu. Bandar-bandar mereka dibina dengan kukuh dan tiada bandingannya pada ketika itu. Sebenarnya tidak ada keturunan yang setinggi dan segagah mereka.[5] Hal ini diterangkan oleh Allah di dalam al-Quran yang bermaksud, "Dan ingatlah kamu sekalian di waktu Allah menjadikan kamu sebagai pengganti-pengganti (yang berkuasa) sesudah lenyapnya kamu Nuh dan Tuhan melebihkan kekuatan tubuh dan perawakan (daripada kaum Nuh itu), maka ingatlah nikmat-nikmat Allah supaya kamu mendapat keuntungan," (*al-A'rāf* (7), ayat 69) dan juga ayat Allah yang bermaksud, "Adapun kaum 'Ad mereka menyombongkan diri di muka bumi tanpa alasan yang benar dan berkata, "Siapakah yang lebih gagah daripada kamu?" Dan apakah mereka itu tidak memperhatikan Allah yang menciptakan mereka adalah lebih gagah daripada mereka." (*Fussilat* (41), ayat 15).

Ahli sejarah menyebut kaum 'Ād adalah penyembah tiga berhala, iaitu *Syada, Thamūd* dan *al-Habā'* sebagaimana yang disebut dalam *Tārīkh al-Tabarī*. Ringkasnya mereka kufur pada nikmat-nikmat Allah, ingkar pada

1 Dr. 'Afifi 'Abdullah (1989), op. cit., h. 123.

2 Cyrl Glassē (1999), op. cit., h. 10-11.

3 Dr. 'Afif 'Abdullah (1989), op. cit., h. 124.

4 Ibn Kathīr (1998), op. cit., j. 4, h. 461.

5 Wahbah al-Zuḥaylī (1991), *op. cit.*, j. 7, h. 218.

ajakan Nabi Hūd yang diutus kepada mereka dan menyembah berhala-berhala. Akhirnya, mereka ditimpa kemarau yang panjang selama tiga tahun. Selepas itu mereka ditimpa seksaan yang Allah datangkan kepada mereka, sebagaimana yang dijelaskan dalam ayat yang bermaksud, "Adapun kaum 'Ad, mereka dibinasakan dengan angin yang begitu dingin lagi kencang, di mana Allah menimpakan angin itu kepada mereka selama tujuh malam dan lapan hari terus menerus. Maka kamu lihat kaum 'Ad pada waktu itu mati bergelimpangan seakan-akan mereka tunggul-tunggul pohon kurma yang kosong (lapuk), maka kamu tidak melihat seorang pun yang tinggal di antara mereka." (*al -Haqqah* (69), ayat 6-8). Manakala Nabi Hūd dan pengikutnya keluar menuju ke Makkah sebelum turunnya seksaan itu.

ع

'ADHĀB (عَذَابٌ)

Ism mufrad daripada kata *'adhaba* (عَذَبَ), jamaknya *a'dhibah* (أَعْذِبَةٌ). Di dalam *al -Mu'jam al-'Arabī* lafaz *'adhāb* bermaksud kesakitan yang kuat menimpa jasad dan jiwa [1] atau ia bermaksud seksaan, hukuman dan setiap yang memberatkan diri atau jiwa. Oleh itu dalam hadis disebutkan, "السَّفَرُ قِطْعَةٌ مِنَ الْعَذَابِ", bermaksud, "perjalanan adalah bahagian daripada seksaan (diri)".[2] Lafaz ini diulang penyebutannya sebanyak 304 kali di dalam al-Quran dengan perbagai sandarannya dan 17 kali dengan menggunakan *damīr* (kata ganti). Sandaran lafaz *'adhāb* adalah sebagai berikut:

- *'Adhāb 'azīm* (عَذَابٌ عَظِيمٌ), seperti terdapat dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 7, 114, *Āli 'Imrān* (3), ayat 105, 176, *al-Mā'idah* (5), ayat 33, 41 dan sebagainya. Contohnya dalam surah *al -Baqarah* (2), ayat 7, ﴿وَعَلَىٰٓ أَبْصَٰرِهِمْ غِشَٰوَةٌ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ﴾. Makna 'Aẓīm adalah berat atau besar, sehingga erti daripada *'adhāb 'aẓīm* adalah seksaan yang begitu berat atau besar. Al-Sya'rāwī berkata, lafaz *'Aẓīm* disandarkan kepada kekuasaan Allah kerana kekuasaan manusia sifatnya terbatas sedangkan kekuasaan Allah tidak terbatas. Setiap perbuatan bersesuaian dengan pelakunya. Oleh itu, kekuasaan Allah adalah berat dan agung atau besar pada setiap perbuatan. Jadi, disebabkan seksaan itu daripada Allah, maka ianya menjadi seksaan yang begitu berat atau besar.[3]
- *'Adhāb alīm* (عَذَابٌ أَلِيمٌ), seperti terdapat dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 10, 104, 174, 178, *Āli 'Imrān* (3), ayat 21, 77, 91, 177, 188, *al-Mā'idah* (5), ayat 36, 73, 94, dan sebagainya. Misalnya Allah menyatakan dalam surah *al -Baqarah* (2), ayat 10, (وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ). *Alīm* bermakna yang pedih atau perit. Al-Sya'rāwī berkata, *'adhāb alīm* bermaksud seksaan yang menyebabkan keperitan dan kepedihan yang teramat.[4] Dalam *Tafsīr al-Misbāh*, seksaan yang menyakitkan disebabkan mereka terus menerus berdusta yang mengakibatkan ketidakseimbangan mental bahkan kematian rohani yang berpunca daripada penyakit hati seperti membenci nabi, iri hati, kesesat-

1 'Āyid *et al.* (t.t), *op. cit.*, h. 829

2 Anīs *et.al.* (t.t),, *op. cit.*, h. 589

3 Al-Sya'rāwī (1991), *op. cit.*, j. 1, h. 145

4 *Ibid.*

an, kebodohan dan sebagainya.[1]

- *'Adhāb muhīn* (عَذَابٌ مُهِينٌ), seperti terdapat dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 90, *Āli 'Imrān* (3), ayat 178, *al-Nisā'* (4), ayat 14, *al-Hajj* (22), ayat 57 dan sebagainya. contohnya Allah menyatakan dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 90:

فَبَآءُو بِغَضَبٍ عَلَىٰ غَضَبٍ ۚ وَلِلْكَٰفِرِينَ عَذَابٌ مُّهِينٌ

Muhīn bermakna kehinaan. Ibn Kathīr berkata, disebabkan penyebab kekufuran mereka adalah kesesatan dan iri hati yang berpunca daripada takabbur dan sombong, maka mereka menerima kehinaan dan kerendahan di dunia dan di akhirat.[2] Al-Sya'rāwī menyatakan, seksaan yang menghinakan adalah yang didatangkan kepada mereka yang Allah tinggikan kedudukan mereka di dunia. Kadangkala kehinaan itu teramat sakit dan perit bagi diri daripada kepedihan seksaan itu sendiri.[3]

- *'Adhāb syadīd* atau *syadīd al-'adhāb,* seperti yang terdapat dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 165, *Āli 'Imrān* (3), ayat 4, *al-An'ām* (6), ayat 124, *Ibrāhīm* (14), ayat 2 dan sebagainya. Contohnya, Allah menyatakan dalam surah *Ibrāhīm* (14), ayat 2, (وَوَيْلٌ لِّلْكَٰفِرِينَ مِنْ عَذَابٍ شَدِيدٍ). Lafaz "*syadīd*" bererti yang amat berat, kuat dan besar, sehingga makna "'*adhāb syadīd*" membawa maksud seksaan yang begitu berat dan kuat. Pada surah Ibrāhīm di atas makna *wayl* sebagaimana yang dikatakan al-Zujāj adalah perkataan kebinasaan dan seksaan dan ayat "*min 'adhāb syadīd*" kembali kepadanya, maknanya mereka berteriak-teriak kerana seksaan yang amat berat.[4] Dalam tafsir al-Tabarī, *wayl* bererti lembah yang bermuara dari neraka jahanam, disediakan kepada sesiapa yang ingkar kepada keesaannya dan menyembah selainnya berupa seksaan yang begitu berat.[5]

- *'Adhāb al-ḥarīq,* (عَذَابَ ٱلْحَرِيقِ) sebagaimana terdapat dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 181, *al-Hajj* (22), ayat 9, 22. Contohnya, (وَنَقُولُ ذُوقُوا۟ عَذَابَ ٱلْحَرِيقِ). Makna *al-ḥarīq* adalah yang membakar, dan maksud *'adhāb al-ḥarīq* adalah seksaan yang membakar. Dalam *Tafsir al-Misbāh* menyatakan maksud *'adhāb al-ḥarīq* dalam surah *Āli 'Imrān* adalah "rasakanlah seksaan yang membakar kerana dengan sifat kedekut kamu dahulu di dunia, kamu membakar hati hamba-hamba Allah yang begitu memerlukan."[6]

- *'Adhāb muqīm* (عَذَابٌ مُّقِيمٌ), sepertimana terdapat dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 37, *al-Taubah* (9), ayat 68, *Hūd* (11), ayat 39, *al-Zumar* (39), ayat 40, *al-Syūrā* (42), ayat 45. Contohnya,

1 M. Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, j. 1, h. 97

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 109

3 Al-Sya'rāwī (1991), *op. cit.*, j. 1, h. 145

4 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 114

5 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 8, h. 236

6 M. Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, j. 2, h.. 280. Menurut laporan Sai'īd bin Jubayr daripada Ibn 'Abbās, tatkala turun ayat (yang bermaksud), "Barang siapa yang berhutang kepada Allah dengan hutang yang baik (iaitu menafkahkan hartanya di jalan Allah), maka Allah akan melipatgandakan pahalanya beberapa kali ganda" (al-Baqarah (2), ayat 245). Yahudi berkata, "Wahai Muhammad! Tuhanmu begitu memerlukan sehingga meminta hambanya berhutang? Maka turunlah ayat di atas (yang bermaksud), "Sesungguhnya Allah mendengar perkataan orang yang berkata, "Sesungguhnya Allah miskin dan kami orang kaya. Nanti Kami tuliskan perkataan mereka dan pembunuhan mereka pada nabi-nabi tanpa kebenaran; dan Kami berkata, "Rasakanlah olehmu seksaan yang membakar." (Āli 'Imrān (3), ayat 181). Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 382

(وَمَا هُم بِخَٰرِجِينَ مِنْهَا ۖ وَلَهُمْ عَذَابٌ مُّقِيمٌ). *Muqīm* bermakna yang abadi dan selamanya. Maksud *'adhāb muqīm* adalah seksaan yang abadi, selamanya dan tidak terputus.[1]

- *'Adhāb al-Hūn,* (عَذَابَ ٱلْهُونِ), sepertimana terdapat dalam surah *al -An'ām* (6), ayat 93, contohnya:

ٱلْيَوْمَ تُجْزَوْنَ عَذَابَ ٱلْهُونِ بِمَا كُنتُمْ تَقُولُونَ عَلَى ٱللَّهِ غَيْرَ ٱلْحَقِّ

Maksud *'Adhāb al-hūn* adalah seksaan yang merasakan kehinaan yang teramat berserta dengan kesengsaraan yang pasti.[2]

- *'Aḍhāb ba`īṣ* (عَذَابٌ بَئِيسٌ), sepertimana terdapat dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 165. Allah menyatakan:

وَأَخَذْنَا ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ بِعَذَابٍۭ بَئِيسٍۭ بِمَا كَانُوا۟ يَفْسُقُونَ

Berdasarkan qiraat Abī 'Amrū, Hamzah dan al-Kisā`ī, bacaan *ba`īs* berdasarkan wazannya iaitu *fa'īl* yang bermakna *syadīd* (yang kuat dan berat) sehingga maksud *'adhāb ba`īs* adalah seksaan yang begitu kuat dan berat. 'Alī bin Sulaymān berkata, orang Arab menyatakan, (جَاءَ بِبَنَاتٍ بَيْبِيسٍ) maksudnya "ia datang dengan perempuan-perempuan yang hina". Sehingga makna " *'Adhāb ba`īs* bermaksud seksaan yang menghinakan dan merendahkan. Ini adalah sebutan penduduk Madinah iaitu بيس (*bīsin*).[3]

- *'Adhāb al-khuld* (عَذَابُ ٱلْخُلْدِ), seperti terdapat dalam surah *Yūnus* (10), ayat 52. Allah menyatakan, (ثُمَّ قِيلَ لِلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ ذُوقُوا۟ عَذَابَ ٱلْخُلْدِ). Al-Qurtubī berkata, al-Khuld bermakna yang tidak terputus, sehingga maksud *'adhāb al -khuld* adalah seksaan yang tidak terputus sebagai ganjaran bagi kekufuran mereka.[4]

- *'Adhāb al-khizy* (عَذَابُ ٱلْخِزْيِ), sepertimana terdapat dalam surah *Yūnus* (10), ayat 98, *Fussilat* (41), ayat 16. Allah menyatakan:

لَمَّآ ءَامَنُوا۟ كَشَفْنَا عَنْهُمْ عَذَابَ ٱلْخِزْيِ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا

Al-Rāzī berkata, *'adhāb al-khizy* bermaksud, "seksaan yang menghinakan dan menyengsarakan kerana mereka takabbur pada keimanan dan Allah membalas takabbur mereka dengan menjadikan mereka hina dan rendah di dunia.[5]

- *Sū` al-'adhāb* (سُوٓءَ ٱلْعَذَابِ), sepertimana terdapat surah *al-Baqarah* (2), ayat 49, *al-A'raf* (7), ayat 167, *Ibrāhīm* (14):, ayat 6, *al-Zumar* (39), ayat 24 dan 47. Contohnya, (وَإِذْ نَجَّيْنَٰكُم مِّنْ ءَالِ فِرْعَوْنَ يَسُومُونَكُمْ سُوٓءَ ٱلْعَذَابِ) dan Allah m - nyatakan (لَا فْتَدَوْا۟ بِهِۦ مِن سُوٓءِ ٱلْعَذَابِ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ). Al-Sya'rawi berkata, *al-sū`* bermakna mencakupi pelbagai bentuk seksaan. Lafaz *sū` al-'adhāb* dalam surah *al-Baqarah* datangnya daripada Fir'aun. Maknanya, dia menimpakan penghinaan dan penderitaan yang seberat-beratnya kepada Banī Isrā`īl berupa kerja paksa, ejekan, merejam dan sebagainya sehingga seluruh hidup mereka dalam kehinaan dan

1 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 1, h. 341

2 *Ibid.*, h. 406

3 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 7, h. 293-294

4 *Ibid.*, j. 8, h. 324

5 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 119

penyeksaan.[1] Sedangkan dalam surah *al-Zumar*, *sū' al-'adhāb* datangnya daripada Allah yang diberikan di hari kiamat. Maksudnya seksaan api neraka yang begitu pedih dan kuat.[2]

- *'Adhāb al-sa'īr* (عَذَابَ السَّعِيرِ), sepertimana terdapat dalam surah *al -Hajj* (22), ayat 4, *Saba'* (34), ayat 12 dan *al-Mulk* (67), ayat 5. Contohnya, (وَمَن يَزِغْ مِنْهُمْ عَنْ أَمْرِنَا نُذِقْهُ مِنْ عَذَابِ ٱلسَّعِيرِ). Ibn Kathīr berkata, *'adhāb al -sa'īr* membawa maksud seksaan yang panas, memeritkan, membimbangkan lagi sengsara.[3]
- *'Adhāb al-nār* (عَذَابَ النَّارِ) terdapat dalam surah *Saba'* (34), ayat 42, Allah menyatakan, (ذُوقُواْ عَذَابَ ٱلنَّارِ ٱلَّتِى كُنتم بِهَا تُكَذِّبُونَ). *Al-nār* bererti api, sehingga makna *'adhāb al-nār* bermaksud seksaan api neraka. Ibn Kathīr menjelaskan makna ayat di atas "Rasakanlah seksaan api neraka" adalah ancaman dan hinaan kepada mereka.[4]
- *'Adhāb wāsib* (عَذَابٌ وَاصِبٌ), sepertimana dalam surah *al-Sāffāt* (37), ayat 8 dan 9. Allah menyatakan, (وَيُقْذَفُونَ مِن كُلِّ جَانِبٍ دُحُورًا وَلَهُمْ عَذَابٌ وَاصِبٌ). *Wāsib* be - erti selamanya. Al-Nasafī berkata, "Di akhirat mereka dijanjikan dengan sejenis azab yang kekal tidak terputus[5] Ibn Kathīr mengatakan, bagi mereka di akhirat azab yang berterusan, menyakitkan selamanya,[6] sebagaimana Allah menyatakan,[7] (وَأَعْتَدْنَا لَهُمْ عَذَابَ ٱلسَّعِيرِ)
- Lafaz *al-'adhāb*, sepertimana terdapat dalam surah *al-Zumar* (39), ayat 19 dan 71. Lihat pentafsiran kalimat ini dalam pembahasan lafaz "*lafaz*".
- *'Adhāb ghalīz* (عَذَابٌ غَلِيظٌ) sebagaimana terdapat dalam surah *Fussilat* (41), ayat 50, Allah menyatakan, (فَلَنُنَبِّئَنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِمَا عَمِلُواْ وَلَنُذِيقَنَّهُم مِّنْ عَذَابٍ غَلِيظٍ). *Ghalīz* bermakna *syadīd*,[8] sehingga makna *'adhāb ghalīz* adalah seksaan yang begitu kuat dan dahsyat, iaitu mereka selamanya di dalam neraka.[9]
- *'Adhāb al-ḥamīm* (عَذَابُ ٱلْحَمِيمِ) sepertimana terdapat dalam surah *al -Dukhān* (44), ayat 48, Allah menyatakan, (ثُمَّ صُبُّواْ فَوْقَ رَأْسِهِۦ مِنْ عَذَابِ ٱلْحَمِيمِ). Ibn Qutaybah berkata, *al-ḥamīm* bermaksud air yang panas dan makna lafaz *'adhāb al-ḥamīm* adalah seksaan dengan air yang begitu panas yang disiramkan ke atas kepalanya (Abū Jahal).[10]
- *'Adhāb al-jaḥīm* (عَذَابُ ٱلْجَحِيمِ) sepertimana terdapat dalam surah *al -Dukhān* (44), ayat 56 dan al-Tur (52), ayat 18. Allah menyatakan, (لَا يَذُوقُونَ فِيهَا ٱلْمَوْتَ إِلَّا ٱلْمَوْتَةَ ٱلْأُولَىٰ وَوَقَىٰهُمْ عَذَابَ ٱلْجَحِيمِ). Al-Tabarī mentafsirkan *'adhāb al-jaḥīm* dengan seksaan api neraka. Makna ayat, "Mereka yang bertakwa mendapat perlindungan dari api neraka daripada Tuhan mereka, sebagai kemuliaan dan kebaikan daripadanya kepada mereka."[11]
- *'Adhāb al-samūm* (عَذَابُ ٱلسَّمُومِ) sebagaimana terdapat dalam surah

1 Al-Sya'rāwī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 325
2 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 77
3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 195
4 *Ibid.*, h. 505
5 Sa'īd Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 8, h. 4686
6 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 4
7 Surah al-Mulk (67), ayat 5
8 Al-Jalālayn (t.t), *op. cit.*, h. 627
9 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 128
10 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 403
11 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 13, h. 179

al-Tūr (52), ayat 27. Allah menyatakan, (فَمَنَّ ٱللَّهُ عَلَيْنَا وَوَقَىٰنَا عَذَابَ ٱلسَّمُومِ) Al-Zamakhsyarī menyatakan, *al -samūm* bererti angin panas yang masuk ke dalam liang roma dan ia dinamakan api neraka dengannya kerana ia bersifat demikian.[1] Jadi, *'Adhāb al-samūm* adalah seksaan dengan angin yang begitu panas yang masuk ke dalam pori-pori.

- *'Adhāb Mustaqirr* (عَذَابٌ مُّسْتَقِرٌّ) sebagaimana terdapat dalam surah *al-Qamar* (54), ayat 38, Allah menyatakan, (وَلَقَدْ صَبَّحَهُم بُكْرَةً عَذَابٌ مُّسْتَقِرٌّ). Al-Tabarī mengatakan bentuk *'adhāb* (seksaan) pada ayat di atas adalah bumi mereka dibalikkan sehingga yang bawah menjadi di atas, disertai dengan batu daripada api neraka yang dilemparkan kepada mereka, sebagaimana laporan daripada Sufyān. Manakala lafaz *mustaqirr* bererti tetap dan kekal.[2] Qatādah mentafsirkan ayat di atas, "Mereka ditimpa azab yang kekal dan terus kekal sehingga ke dalam api neraka.[3] Maksudnya "mereka tetap kekal dengan apa yang menimpa mereka sebagai seksaan dan azab sampai hari kiamat sehingga akan ditunaikan azab Allah yang lebih besar di neraka jahanam.[4]
- *Sawtal-'adhāb*(سَوْطَ الْعَذَابِ)sepertimana terdapat dalam surah *al-Fajr* (89), ayat 13, Allah menyatakan, (فَصَبَّ عَلَيْهِمْ رَبُّكَ سَوْطَ عَذَابٍ). *Sawt* bererti cemeti. Allah mengumpamakan apa yang menimpa mereka itu seperti sebatan cemeti yang menyakitkan yang digunakan bagi melaksanakan hukuman.[5] Allah menerangkan dengan terperinci bentuk azab yang menimpa mereka di dalam surah *al-Hāqqah*, 69, ayat 5-10.[6]
- *'Adhāban nukrā* (عَذَابًا نُّكْرًا), sepertimana terdapat dalam surah *al -Kahf* (18), ayat 87 dan *al-Talāq (65), ayat 8. Allah menyatakan,* (ثُمَّ يُرَدُّ إِلَىٰ رَبِّهِ فَيُعَذِّبُهُ عَذَابًا نُّكْرًا). Terdapat dua bentuk bacaan pada *nukrā* iaitu *nukrā* dan *nukurā*, ertinya *fadhī'ā* (mengerikan dan menakutkan).[7] Maksudnya, di akhirat akan diazab dengan seksaan yang mengerikan dan menakutkan. Dalam surah *al-Talāq* ada yang mengatakan *'adhāb nukrā* iaitu azab yang mengerikan dan menakutkan di dunia berupa kebuluran, pembunuhan, kehinaan, kehilangan nikmat Allah dan segala bentuk musibah dan bala.[8]
- *'Adhāban kabīran* (عَذَابًا كَبِيرًا), terdapat dalam surah *al-Furqān* (25), ayat 19, Allah menyatakan, (وَمَن يَظْلِم مِّنكُمْ نُذِقْهُ عَذَابًا كَبِيرًا). Al-Syawkānī me - tafsirkan *'adhābā kabīrā* dengan seksaan dan azab api neraka,[9] mereka yang zalim dan mensyirikkan Allah kekal di

1 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 402

2 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 13, h. 140, athar no. 25392

3 *Ibid.*, athar no. 25393

4 *Ibid.*

5 Wahbah Zuhaylī (2001), *Juzz Amma, op. cit.*, h. 219

6 Iaitu: Adapun Thamūd (kaum Nabi Salih), maka mereka telah dibinasakan dengan petir yang melampaui batas kedahsyatannya. Adapun 'Ād (kaum Nabi Hūd), maka mereka telah dibinasakan dengan angin ribut yang kencang, yang melampau-lampau kencangnya. Yang diarahkan menyerang mereka tujuh malam delapan hari terus menerus, maka engkau akan melihat kaum itu bergelimpangan mati, seolah-olah mereka batang-batang pohon kurma yang tumbang... dan datanglah Fir'aun dan orang-orang yang terdahulu daripadanya, serta penduduk negeri yang telah ditunggang balikkan dengan melakukan perkara yang salah. Iaitu masing-masing menderhaka kepada rasul Tuhan mereka, lalu Allah menyeksa mereka dengan azab yang sentiasa bertambah."

7 Al-Jalālayn (t.t), *op. cit.*, h. 738

8 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 18, h. 166

9 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 84

dalamnya.[1]

- *'Adhāban sa'adan* (عَذَابًا صَعَدًا), terdapat dalam surah *al-Jinn* (72), ayat 17. Allah menyatakan, (وَمَن يُعْرِضْ عَن ذِكْرِ رَبِّهِۦ يَسْلُكْهُ عَذَابًا صَعَدًا). Ibn 'Abbās dan Mujāhid berkata, *'adhāb sa'adā* bermaksud seksaan yang begitu berat.[2] Ibn 'Abbās berkata, ia adalah gunung yang berada di dalam api neraka.[3] Qatādah berkata, ia bermaksud seksaan yang tiada hentinya.[4] Ibn Zayd berkata, *'adhāb sa'adā* bermaksud seksaan yang begitu melelahkan lagi menyusahkan.[5]
- *'Adhāban qarīban* (عَذَابًا قَرِيبًا), terdapat dalam surah *al-Naba'* (78), ayat 40. Allah menyatakan, (إِنَّآ أَنذَرْنَٰكُمْ عَذَابًا قَرِيبًا). *Qarīb* bermakna dekat. *'adhā - an qarīban* membawa maksud seksaan yang hampir berlaku iaitu hari kiamat. Allah menyatakan ia adalah hampir bagi menunjukkan kepastian ianya berlaku. Dalam kaedah bahasa Arab, setiap suatu perkara yang pasti, ia dianggap sebagai *qarīb* iaitu hampir.[6] Ini jelas terdapat dalam ayat Allah seperti, "Pada hari mereka melihat hari kebangkitan itu, mereka berasa seakan -akan tidak tinggal di dunia melainkan sebentar saja dalam kadar sepetang atau sepagi."[7]

Kesimpulannya, lafaz *'ādhāb* bererti seksaan, hukuman dan ganjaran, sama ada ia berlaku di dunia dan di akhirat atau sama ada ia daripada manusia atau daripada Allah. Namun, kebanyakan lafaz ini merujuk kepada seksaan Allah kepada orang yang mendustakan Allah dan rasul-rasulnya.

'ADHB (عَذْبٌ)

Lafaz ini adalah *maṣdar* daripada *'adhaba* (عَذَبَ), jamaknya *'idhāb* (عِذَابٌ), mengandungi makna yang segar daripada makanan dan minuman,[8] tidak masin, tawar, rasa yang baik, sejenis pokok, manis dan sebagainya. *Mā' 'adhb* ertinya air yang baik dan segar.[9] Lafaz *'adhb* disebut sebanyak dua kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al -Furqān* (25), ayat 53 dan *Fātir* (35), ayat 12. Lafaz ini dikaitkan dengan *Furāt*. Al-Fayrūz berkata, "Ia bermakna air yang segar lagi baik."[10] Al-Khāzin dan al-Nasafī berkata, "Ia bermaksud air yang bersih dan segar yang menghilangkan dahaga."[11] Begitu juga yang disebut dalam *Tafsīr al-Jalālayn*.[12]

Ibn Kathīr berkata, "Allah menjadikan dua bentuk air, tawar dan masin. Air tawar seperti sungai, mata air dan air perigi. Inilah laut yang tawar lagi segar yang menghilangkan dahaga. Makna ini tidak diragukan lagi kerana tidak ada laut yang tenang melainkan airnya tawar dan dapat menghilangkan dahaga. Allah menceritakan perkara realiti ini bagi mengingatkan hambanya tentang nikmat yang diberikan supaya manusia mensyukurinya. *Al-bahr al-'adhb* adalah air yang berada di antara manusia. Allah memisah-

1 Sa'īd Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 7, hlm. 3849

2 Ibn Jarīr al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 14, h. 143-144, athar no. 27224

3 *Ibid.*, athar no. 27226

4 *Ibid.*, athar no. 27227

5 *Ibid.*, athar no. 27228

6 Wahbah Zuhaylī (2001), Juz 'Amma, *op. cit.*, h. 23

7 Surah al-Nāzi'āt (79), ayat 46

8 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 493.

9 Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 909, 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 829.

10 Ābādī (1986)), *op. cit.*, j. 4, h. 35.

11 Hilmī (1979), *op. cit.*, j. 5, h. 180.

12 Al-Jalālayn (t.t.), *op. cit.*, h. 471.

kan di antara makhluknya sungai, mata air di setiap muka bumi kerana mereka berhajat kepadanya.[1] Al-Baydāwī pula berkata, "Ia adalah kiasan bagi orang Mukmin."[2] Al-Syawkānī berkata, "Air tawar dinamakan *furāt* kerana ia menghilangkan dahaga."[3] Kesimpulannya, lafaz *'adhb* bermaksud tawar dan *al-bahr al-'adhb* membawa makna laut yang airnya tawar.

'ĀDIYĀT (عَادِيَاتٌ)

Lafaz ini berbentuk jamak, mufradnya adalah *al-'ādiyah* (الْعَادِيَةُ), *mu'annath* bagi al-'ādī (الْعَادِي), ertinya kuda yang menyerang,[4] kumpulan kaum yang menyerang untuk berperang, kesibukan yang memalingkanmu daripada sesuatu.[5] Ia disebut sekali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-'Ādiyāt* (100) ayat 1. Ibn Qutaybah berkata, "*al-'ādiyāt* bermaksud kuda-kuda."[6] Al-Yazīdī berkata, "Ia bermakna kuda dan ada yang mengatakan unta."[7] Ia dinamakan *al-'ādiyāt* dipetik daripada perkataan *al-'aduww* (menyerang), maknanya kuda-kuda yang menyerang. Begitu juga pendapat para mufasir dan ahli bahasa, ertinya kuda yang menyerang di jalan Allah.[8] Ibn Kathīr berkata, "Allah bersumpah dengan kuda-kuda yang berlari dan menyerang di jalannya."[9]

Al-'Ādiyat juga adalah salah satu nama daripada nama-nama surah al-Quran, iaitu surah yang ke-100. Terdiri daripada 11 ayat, diturunkan di Mekah. Sebab turunnya, Al-Bazzār, Ibn Abī Hātim dan al-Hākim melaporkan daripada Ibn 'Abbās katanya, "Rasulullah mengutus sekumpulan tentera berkuda. Selepas berlalu tempoh selama sebulan tidak ada sebarang berita yang diterima daripada mereka, lalu turunlah ayat yang bermaksud, "Demi kuda-kuda perang yang tangkas berlari dengan dengusan nafasnya yang kencang."[10] Al-Alūsī berkata, "Pada surah sebelumnya Allah menyebut balasan kebaikan dan kejahatan, maka ayat ini menceritakan tentang ancaman bagi orang yang mengutamakan dunianya daripada akhiratnya dan bagi yang tidak pernah berbuat kebaikan."[11] Sa'īd Hawwā berkata, "Surah ini bercerita tentang tabiat manusia yang selalu ingkar dan suka kepada keduniaan, lalu makna surah ini mengatasi permasalahan itu dengan mengingatkan mereka tentang hari pembalasan dan penghisaban serta mengenal Allah. Hal ini mempunyai pertalian dengan surah *al-Baqarah* di mana di dalamnya diceritakan tentang orang yang bertakwa, kafir dan munafik, sedangkan surah ini menceritakan tentang sebab kekufuran dan kemunafikan dan mengatasi perkara itu, supaya menjadi orang yang bertakwa. Inilah inti hubungan di antara surah *al-Baqarah* dan *al-'Ādiyat*."[12]

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 302.
2 Hilmī (1979), *op. cit.*
3 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 101.
4 'Āyid *et al.* (t.t.), *op. cit.*, h. 828.
5 Anīs et al. (1962), *op. cit.*, h. 588.
6 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 535.
7 Al-Yazīdī (1985), op. cit., h. 437.
8 Al-Qurtubi (1996), *op. cit.*, j. 20, h. 154.
9 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 100.
10 Al-Wāhidī (1998), *op. cit.*, h. 399.
11 Sa'īd Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 11, h. 6643.
12 *Ibid.*, h. 6644.

'ADL (عَدْلٌ)

Lafaz ini adalah *maṣdar* daripada perkataan *'adala* (عَدَلَ), jamaknya adalah *'udūl* (عُدُوْلٌ), ertinya keadilan yang diredai oleh hukum dan penyaksian,[1] yang semisal dan sepadan, tebusan, pembalasan.[2] Al-Kafawī berkata, "*Al-'adl* adalah setiap tempat yang disebutkan Allah di dalamnya timbangan dan penghisaban[3] dan ia juga dikatakan *al-qist* (القِسْطُ) (kejujuran atau keadilan),[4] ukuran, takaran, kesederhanaan, kelurusan, rata, sama dan sebagainya.[5] Lafaz ini disebut 14 kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 48, 123, 282, 282; *al-Nisā'* (4), ayat 58; *al-Mā'idah* (5), ayat 95, 95, 106; *al-An'ām* (6), ayat 70, 115; *al-Nahl* (16), ayat 76, 90, *al-Hujurāt* (49), ayat 9 dan *al-Talāq* (65), ayat 2. Lafaz *'ādl* di dalam ayat al-Quran memberi beberapa makna, iaitu:

- Ia bermaksud tebusan, sebagaimana yang terdapat dalam surah al-Baqarah (2), ayat 48. (وَلَا يُقْبَلُ مِنْهَا شَفَاعَةٌ وَلَا يُؤْخَذُ مِنْهَا عَدْلٌ). Ibn 'Abbās berkata, ma - na *'ādl* adalah *badl* (بَدْلٌ) dan makna *badl* ialah fidyah (tebusan).[6] Al-Suddī berkata, adapun *'ādl* ertinya yang dapat menggantikannya yang sepadan, beliau berkata, Jika datang dengan emas sebanyak isi bumi bagi menebus dosa yang dilakukan, maka tidak akan diterima.[7]
- Ia bermaksud sifat bagi orang iaitu adil, seperti maksud dalam surah *al -Baqarah* (2), ayat 282 iaitu, (وَلْيَكْتُب بَّيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ).
- Ia bermaksud semisal dan sepadan, seperti makna dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 95 iaitu, (أَوْ عَدْلُ ذَٰلِكَ صِيَامًا). Al-Kisa'ī berkata, *al-'ādl* dan *al-'idl* adalah dua bahasa yang sinonim maknanya iaitu sesuatu yang semisal dan serupa. Al-Farrā' berkata, *'idl al -syay'* (عِدْلُ الشَّيْءِ) bermaksud yang sama daripada satu jenis. Manakala *'ādl al-syay'* (عَدْلُ الشَّيْءِ) bermakna yang sama daripada jenis lain.[8] Pendapat al -Kisa'i adalah pendapat yang benar.[9] Ayat ini mengisyaratkan hukuman yang dikenakan kepada sesiapa yang membunuh binatang-binatang buruan ketika berihram, di antaranya adalah maksud ayat di atas, iaitu berpuasa sebanyak bilangan cupak yang diberikan kepada fakir miskin. Mālik dan Syafi'ī berpendapat, berpuasa setiap satu cupak satu hari, walaupun sampai dua atau tiga bulan.[10]
- Ia bermaksud adil di sisi Allah, seperti makna dalam surah *al-An'ām* (115), iaitu (وَتَمَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ صِدْقًا وَعَدْلًا). Maksud *'ādlā* dalam ayat di atas adalah adil setiap apa yang ditentukan dan ditetapkan oleh Allah.[11]

1 'Āyid, *et al.* (t.t.), *op. cit.*, h. 826.

2 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 588.

3 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 597.

4 *Ibid.*, h. 773.

5 Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, 905.

6 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 77

7 *Ibid.*

8 Al-Qurṭubī (1996), *op. cit.*, j. 6, h. 297

9 *Ibid.*

10 *Ibid.*

11 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*, j. 1, h. 414

'AIN (عَيْنٌ)

Lafaz ini adalah *ism mufrad* (kata benda tunggal), jamaknya ialah *a'yun* (أَعْيُنٌ), *'uyūn* (عُيُوْنٌ), *'iyūn* (عِيُوْنٌ), *ayān* (أَعْيَانٌ), ertinya penglihatan, ia juga disandarkan kepada ketajamannya atau ke atas kumpulan orang yang dermawan, tajam penglihatan, insan, penduduk bandar, kumpulan, penghuni rumah, sesuatu yang terpilih, orang terkemuka, keluruhan, mata-mata, komandan tentera, matahari, mata air, dinar dan sebagainya.[1] Ia disebut sebanyak 15 kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 60; *Āli 'Imrān* (3), ayat 13; *al-Mā'idah* (5), ayat 45, 45; *al-A'rāf* (7), ayat 160; *al-Kahf* (18), ayat 86; *Maryam* (19), ayat 26; *al-Qasas* (28), ayat 9; *al-Insān* (76):, ayat 6, 18; *Saba'* (34), ayat 12; *al-Mutaffifin* (83), ayat 28; *al-Ghāsyiyah* (88), ayat 5, 12 dan *al-Takāthur* (102), ayat 7.

Lafaz ini mengandungi beberapa makna mengikut sandarannya:

- Ia bermakna mata penglihatan, sebagaimana terdapat dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 13 dan *al-Ma'idah* (5), ayat 45.
- Mata cahaya, sebagaimana terdapat dalam surah *al-Qasas* (28), ayat 9.
- Tempat tenggelamnya matahari, terdapat dalam surah *al-Kahf* (18), ayat 86. Lafaz ini dikaitkan dengan *hami'ah* atau *'ayn hami'ah*, maknanya warna matahari tenggelam di barat bagaikan warna tanah hitam. Ada juga lafaz ini dibaca dengan *'ayn ḥamiyah*, Ibn 'Abbās berkata, ia bermaksud "*ḥarrah*" (panas). Ibn Kathīr berkata, "Kedua-dua makna ini tidak bertentangan, di mana kadangkala matahari menjadi panas kerana seakan-akan ia dekat dan ia nampak menyala disebabkan pertemuannya dengan sinaran tanpa batasan. Ia juga mata air yang sejuk dan berwarna hitam seperti warna tanah apabila tenggelam."[2] Tafsirannya melihat matahari pada pemandangannya tatkala tenggelam di lautan.
- Mata air, terdapat dalam surah *al -Ghāsyiyah* (88), ayat 5 disebut dengan lafaz (*'āyn āniyah*) (عَيْنٌ آنِيَةٌ)dan ayat 12 disebut dengan (*'āyn jāriyah*); (عَيْنٌ جَارِيَة) dalam surah *Saba'* (34), ayat 12 disebut dengan lafaz (*'āyn al-qitr*); (عَيْنٌ الْقِطْرِ) dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 60, *al-A'rāf* (7), ayat 160, *al-Insān* (76), ayat 6, 18 disebut dengan *'āyn* yang dinamakan *salsabīlā* (سَلْسَبِيلا) .
- Pemandangan mata, terdapat dalam surah *Taha* (20), ayat 39, 40, dan *al -Qasas* (28), ayat 13.
- Pandangan dan keinginan, terdapat dalam surah *al-Kahf* (18), ayat 28. Ibn 'Abbās berkata, "Ayat ini bermaksud, "Janganlah kamu mencari dan mengharap daripada orang kaya dan mempunyai kedudukan sebagai ganti daripada berpaling pandangan kepadamu,[3] atau jangan palingkan wajahmu kepada mereka yang kaya dan berkedudukan."[4]
- Ia bermakna diri, terdapat dalam surah *Maryam* (19), ayat 26. Ibn Kathīr berkata, "Ayat "*qarri 'aynan*" (قَرِّى عَيْنًا) bermaksud "*tayyibi nafsan*" (pe - baikilah dirimu). Oleh itu, 'Amrū b. Maymūn berkata, "Tidak ada sesuatu yang lebih baik bagi wanita-wanita

1 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 541; Ahmad Warson Munawwir (1997), op. cit., h. 992; Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 466.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 96.

3 *Ibid.*, h. 77.

4 Al-Sabuni (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 189.

dalam keadaan nifas untuk dimakan melainkan tamar dan *rutab*, lalu dia membaca ayat ini."[1]

'ALAQAH (عَلَقَةٌ)

Lafaz ini adalah dalam bentuk *mufrad*, jamaknya ialah *'alaq* (عَلَقٌ). Al-Rāzī dan al-Fayrūz berkata, *'alaqah* adalah bahagian daripada *al-'alaq* dan *al-'alaq* bermaksud darah yang tebal atau beku.[2] *'Alaqah* juga bermaksud lintah berwarna hitam yang berada di air yang menghisap darah dan segumpal darah beku.[3] Lafaz *'alaqah* disebut sebanyak 5 kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Hajj* (22), ayat 5; *al-Mu'minūn* (23), ayat 14, 14; *Ghāfir* (40), ayat 67 dan *al-Qiyāmah* (75), ayat 38. Al-Syawkānī berkata, "Ia bermakna darah beku yang berwarna merah tua yang berasal daripada mani."[4] Al-Marāghī menjelaskan ia adalah seketul darah beku,[5] atau disebut dengan *blastocyst*, di mana penciptaan itu bermula daripada setitis air mani, kemudian berubah menjadi darah yang kental[6] selama 40 hari di dalam rahim dengan izin Allah."[7]

Dalam kitab "*Kayfa Yunfakhu al-Rūh,*"[8] dijelaskan *'ālaqah* bermula kira-kira pada hari ke-7. Dalam fasa ini janin tergantung kepada beberapa perkara. **Pertama**, ia bergantung kepada dinding rahim yang begitu halus. **Kedua**, kepada sel-sel makanan dan vitamin yang begitu halus. **Ketiga**, pada dinding ari-ari yang begitu halus. **Keempat**, pada tempat pemakanan bayi yang disalurkan dari ari-ari kepada bayi.

Tambahan pula, setiap ketergantungan itu dapat dilihat melalui gambarnya masing-masing. Fasa ini memerlukan masa kira-kira dua minggu dan berakhir pada akhir minggu ketiga. Oleh itu, tidak dapat diragukan lagi kelebihan daripada fasa ini adalah sifatnya yang *'ālaqah* (ketergantungan). Pemberian nama *'ālaqah* pada fasa ini begitu sesuai dan begitu dalam maknanya, kerana adanya proses tergantung itu.

Ilmu kedoktoran moden sehingga kini menyebut fasa ini dengan fasa *al-inbāt* (pertumbuhan) yang dimisalkan kepada tanaman yang memulai pertumbuhannya daripada akar umbi dalam bumi, tetapi penamaan fasa ini dengan *'alaqah* lebih berkesan kerana tanaman memulai pertumbuhannya dari bawah ke atas, manakala janin memulakan pertumbuhannya dari atas ke bawah, kerana ia tergantung pada dinding rahim yang paling atas, maka ia lebih sesuai dinamakan *'alaqah*, yang secara bahasa bermakna tergantung.[9]

Demikian pula keadaan janin pada fasa ini berbentuk *'ālaqah* atau ulat (kepompong) yang selalunya hidup dalam air. Dari segi bentuknya maka ulat dan janin memiliki kesamaan bentuk, iaitu bentuk *'alaqah*, yakni panjang dan berdiameter. Manakala dari segi persekitaran, ulat hidup dalam air; sementara janin hidup dalam cairan **amnion**.[10]

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, h. 111.

2 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 450; Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 86.

3 'Āyid, *et al.* (t.t.), *op. cit.*, h. 859.

4 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 541.

5 Al-Marāghī (1974), *op. cit.*, j. 30, h. 199.

6 Al-Zuhaylī (1991), *op. cit.*, h. 309.

7 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 196.

8 Sharaf al-Qudāh Prof. (2007), Bilakah Waktu Janin ditiupkan (Zulkifli Haji Mohd Yusoff *et al* (*terj*), c. 1, Kuala Lumpur: PROSPECTA PRINTERS SDN. BHD, h. 50

9 *Ibid*, h. 51

10 *Ibid.*

Kesimpulannya, lafaz *'ālaqah* bermaksud seketul daging yang merah lagi kental seperti lintah penghisap darah yang letaknya tergantung di dalam rahim.

'ALĪM (عَلِيمٌ)

Ia adalah *Ism fā'il, mufrad*nya *'alima*, jamaknya *ulama'*. Menurut bahasa, lafaz *'alīm* bermakna yang banyak ilmunya. Apabila disandarkan kepada Allah, ia bermakna mengetahui segala sesuatu.[1] Disebut 162 kali di dalam al-Quran dengan berbagai makna berdasarkan sandarannya, iaitu:

- Di dalam al-Quran, kebanyakannya disandarkan kepada Allah. Diulang penyebutannya di dalam al-Quran sebanyak 155 kali. Maksudnya Allah maha mengetahui.
- Disandarkan kepada *sāhir* atau *sahhār*. Disebut 5 kali di dalam al-Quran. Lafaz *sāhir 'alīm* atau *sahhār 'alīm* membawa maksud tukang-tukang sihir yang begitu mahir dalam perbagai ilmu sihir atau dukun.[2] Lafaz *sāhir 'alīm* mengandungi dua maksud. Pertama, lafaz ini bermaksud Nabi Mūsā yang dapat mengubah tongkat menjadi ular yang besar dan mengeluarkan cahaya yang terang benderang dari tangannya, sebagaimana yang disebut dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 109 dan surah *al-Syu'arā'* (26), ayat 34. Kedua, bermaksud tukang sihir Fir'aun, sebagaimana disebut dalam surah *al -A'rāf* (7), ayat 112, surah *Yūnus* (10), ayat 79 dan surah *al-Syu'arā'* (26), ayat 37
- Ia bermaksud Nabi Mūsā. Disebut sekali, iaitu dalam surah *Yūsuf* (12), ayat 55. Allah menyatakan, (قَالَ ٱجۡعَلۡنِي عَلَىٰ خَزَآئِنِ ٱلۡأَرۡضِۖ إِنِّي حَفِيظٌ عَلِيمٞ). Lafaz *hafīz 'ālīm* حَفِيظٌ عَلِيمٌ bermaksud, "Sesungguhnya aku tahu menghitung dan menulis." Al-Qurtubī berkata, dia adalah orang pertama yang menulis di atas kertas.[3] Jubayr melaporkan daripada al-Dahhāk daripada Ibn 'Abbās, beliau berkata, Rasulullah berkata, "Allah mengasihi saudaraku Yusuf, jika dia tidak mengatakan "Jadikanlah saya penjaga gudang perbendaharaan di bumi Mesir, sungguh aku penjaga lagi berpengetahuan", pasti dia akan digunakan pada masa itu, tetapi jawatan itu ditunda selepas setahun".[4]
- Lafaz *'alīm* disandarkan kepada *ghulām*. Disebut sekali di dalam al -Quran, iaitu dalam surah *al-Dhāriyāt* (51), ayat 28. Allah menyatakan, (قَالُواْ لَا تَخَفۡ وَبَشَّرُوهُ بِغُلَٰمٍ عَلِيمٖ). Ibn Kathīr dan Ibn Jarīr berpendapat maksud *ghulām 'alīm* بِغُلَٰمٍ عَلِيمٍ adalah Nabi Ishāq.[5] Manakala laporan daripada Mujāhid mengatakan ia adalah Nabi Ismā'īl. Ibn Jarīr mengatakan, "Aku berpendapat Ishāq kerana khabar gembira dengan kelahiran anak lelaki adalah daripada Sārah, sedangkan Ismā'īl daripada Hajar dan bukan daripada Sārah".[6] Maksud ayat itu, Nabi Ibrāhīm diberikan khabar gembira dengan kelahiran

1 'Ayid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 862

2 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 1, h. 463

3 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 9, h. 219

4 *Ibid.*

5 Ibn Jarīr (1995), *op. cit.*, j. 13, h. 269-270. Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 211

6 *Ibid.*, athar no. 24922

Nabi Ishāq daripada isterinya Sārah. Lafaz *'alīm* pada ayat di atas membawa maksud anak itu menjadi orang yang berpengetahuan apabila dewasa kelak.[1]

'ALIY (عَلِيّ)

Lafaz ini berasal daripada perkataan *'alā* (عَلى), jamaknya *'aliyyūn* (عَلِيُّوْنَ) dan *'ilyah* (عِلِّيَّةٌ), ertinya yang tinggi, yang keras, dan amat kuat, berkedudukan tinggi[2] yang mulia.[3] Al-Fayrūz berkata, "Apabila lafaz *al-'aliy* disandarkan kepada Allah, maknanya salah satu nama daripada nama-nama Allah yang bermaksud Dia begitu tinggi dan jauh untuk diketahui hakikatnya oleh para ahli sufi dan oleh ilmu ahli makrifat."[4] Lafaz *'aliy* disebut sebanyak 11 kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 255; *al-Nisā'* (4), ayat 34; *Maryam* (19), ayat 50, 57; *al-Hajj* (22), ayat 62; *Luqmān* (31), ayat 30; *Saba'* (34), ayat 23; *Ghāfir* (40), ayat 12; *al-Syūrā* (42), ayat 4, 51 dan *al-Zukhruf* (43), ayat 4.

Al-Tabarī berkata, "*al-'aliy, wazan*nya (bentuk katanya) adalah *al-fa'īl* daripada ungkapan *'alā, ya'lū, 'uluwwan,* (- عَلَى - يَعْلُو عُلُوًّا) maknanya apabila ia naik, dan *ism fā'i* - nya ialah *'āli* dan *'aliy.* Makna *'aliy* adalah yang memiliki ketinggian di atas makhluknya dengan kekuasaannya."[5] Terdapat perbezaan pendapat berkenaan lafaz *al-'aliy.*[6]

- Sebahagian ulama berpendapat, makna *al-'aliy* adalah yang maha tinggi daripada segala apa yang serupa dengannya dan mereka tidak bersetuju jika ia diberi makna yang tinggi tempatnya kerana maksud itu boleh diertikan Allah berada di suatu tempat dan tidak berada di sesuatu tempat.
- Sebahagian yang lain mengatakan, makna *al-'aliy* adalah yang maha tinggi ke atas makhluknya dengan ketinggian tempatnya daripada tempat makhluknya kerana Allah di atas seluruh makhluknya dan makhluknya berada di bawahnya, sebagaimana Allah menyifatkan dirinya di atas *al-'Arsy*, iaitu yang tinggi tempatnya di atas mereka.

Ibn 'Atiyyah berkata, "Pendapat kedua di atas adalah daripada kalangan *Mujassimīn* yang jahil kerana sepatutnya ianya (makna *al-'aliy*) jangan diperselisihkan." Al-Syawkānī berkata, "Maksud lafaz *al-'aliy* adalah ketinggian, kekuasaan dan kedudukannya."[7] Kesimpulannya, lafaz al-'Aliy adalah salah satu nama daripada nama-nama Allah yang bermaksud yang maha tinggi daripada segala *tasybīh* (penyerupaan) dan *tamthīl* (penyamaan dengan yang lain) lagi maha mulia daripada segala sesuatu.

'ĀMIL (عَامِلٌ)

Lafaz ini adalah *ism fā'il* daripada kata kerja *'āmila* (عَمِلَ), jamaknya *'ummāl* (عُمَّالٌ), *'āmalah* (عَمَلَةٌ) dan *'āmilūn* (عَامِلُوْنَ), mengandungi makna orang yang bekerja dalam

1 *Ibid.*

2 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 625.

3 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 528.

4 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 96.

5 *Ibid.*, h. 20.

6 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 341.

7 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 628.

satu pekerjaan atau kilang, orang yang menguruskan harta seseorang, pekerjaannya dan pemilikannya. Ia juga bermaksud orang yang mengambil zakat daripada pembayar zakat.[1] Lafaz ini disebut sebanyak empat kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 195, *al-An'ām* (6), ayat 135, *Hūd* (11), ayat 93 dan *al-Zumar* (39), ayat 39. Pada surah *Āli 'Imrān* terdapat sebab turunnya yang dilaporkan daripada 'Amrū bin Dīnār, katanya, ***"Aku mendengar daripada seorang anak Umm Salamah isteri nabi berkata, "Umm Salamah berkata,*** "Wahai Rasulullah! Aku tidak mendengar Allah menyebut para wanita sedikit pun di dalam masalah hijrah?" Maka Allah menurunkan ayat yang bermaksud,[2] "Maka Tuhan mereka memperkenankan permohonan mereka. Sesungguhnya Aku tidak mensia-siakan amal orang yang beramal di antara kamu, baik lelaki mahupun perempuan." Kalimat orang yang beramal pada ayat ini adalah maksud daripada lafaz *'āmil.*

Dalam surah lain, perkataan *'āmil* di dahulukan dengan lafaz "*innī*" (sesungguhnya aku) dan kata ganti nama pada lafaz ini disandarkan kepada Nabi Muhammad.[3] Sa'īd Hawwā berkata, "Dalam ayat ini terdapat perintah Allah kepada rasulnya bagi menyatakan kepada orang kafir dan lafaz "*innī 'āmil*" (إِنِّي عَامِلٌ) membawa maksud sesungguhnya aku tetap di dalam agama Islam."[4] Maknanya, "Katakanlah wahai Muhammad! Wahai orang kafir! Tetaplah kamu di dalam kekufuran kamu, memusuhiku dan buatlah apa yang kamu mahu lakukan, sesungguhnya aku tetap akan mengerjakan apa yang diperintahkan oleh Tuhanku yang ditetapkan dalam agamaku."[5] Ibn Kathīr mentafsirkan lafaz "*innī 'āmil*" dengan "aku akan tetap terus." Beliau berkata, "Ayat ini adalah ancaman yang dahsyat dan pasti. Maksudnya, teruskanlah kamu di atas jalan dan arah kamu, jika sekiranya kamu berasa di atas petunjuk, sedangkan aku akan tetap terus di jalanku dan caraku." Kesimpulannya, lafaz *'āmil* dalam surah *Āli 'Imrān* bermaksud orang yang beramal soleh, sedangkan dalam surah yang lain membawa maksud Nabi Muhammad yang bererti "Aku tetap di atas agama yang diperintahkan oleh Tuhanku."

'ANKABŪT (عَنكَبُوتٌ)

Lafaz ini berbentuk *mu'annath* daripada lafaz *al-'ankab* (الْعَنْكَبُ), jamaknya adalah *'anākib* (عَنَاكِبُ).[6] Dalam *al-Mu'jam al-Wasīt* dijelaskan *al-ankabah* (الْعَنْكَبَةُ) adalah *mu'annatah* bagi *al-ankabūt* (الْعَنْكَبُوتُ) dan jamak *al-'ankabūt* adalah *al-ankabūtāt* (الْعَنْكَبُوتَاتُ), *'anākib* dan *'anākīb* (عَنَاكِيبُ). Ia dalam bentuk *mu'annath.* Namun, kadangkala ia dalam bentuk *mudhakkar.*[7] Lafaz *'ankabūt* bermakna labah-labah betina.[8] Lafaz ini disebut dua kali di dalam al-Quran, iaitu kedua -duanya dalam surah *al-Ankabūt* (29), ayat 41. Al-Zamakhsyarī berkata, "Maksud yang terkandung dalam ayat ini adalah perumpamaan bagi orang yang mengambil tuhan-tuhan di dalam agama mereka dan berpaling daripada Allah sama seperti lemahnya dan tidak

1 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 284, athar no. 6670.

2 Al-Sābūnī (1981), *op cit.*, j. 1, h. 420.

3 Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 3, h. 1765.

4 Al-Sābūnī (1981), *loc. cit.*

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 166.

6 'Āyid *et al.* (t.t.), *op. cit.*, h. 872.

7 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 632.

8 *Ibid.*

berdayanya sarang labah-labah.[1]

Maknanya jika benar perumpamaan sandaran agama mereka dengan sarang labah -labah, maka benarlah sarang labah-labah adalah rumah yang paling lemah, dan ini menjelaskan agama mereka adalah selemah -lemah agama, jika mereka mengetahui."[2] Al-Farrā' berkata, "Ia seperti perumpamaan yang Allah misalkan bagi sesiapa yang mengambil tuhan-tuhan selain Allah yang tidak dapat memberikan manfaat mahupun mudarat, seperti sarang labah-labah yang tidak dapat melindunginya daripada panas mahupun sejuk."[3]

'Ankabūt juga salah satu nama daripada nama-nama surah al-Quran, iaitu surah yang ke-29, terdiri daripada 99 ayat. Terdapat beberapa pendapat, adakah surah ini Makkiyah atau Madaniyah:[4]

- Al-Hasan, 'Ikrimah, 'Atā' dan Jābir berpendapat keseluruhan ayat dalam surah ini diturunkan di Mekah.
- Salah satu laporan daripada Ibn 'Abbās dan Qatādah berpendapat, ayat-ayat surah ini keseluruhannya di turunkan di Madinah.
- Yahyā b. Salām berpendapat ayat-ayat surah ini diturunkan di Mekah kecuali 10 ayat yang bermula daripada ayat pertama yang diturunkan di Madinah tentang keadaan sebahagian orang Muslim di Mekah.
- 'Alī bin Abī Tālib berkata ia diturunkan di antara Mekah dan Madinah.

Dilaporkan oleh al-Dār al-Qutnī di dalam *al-Sunan* daripada 'Ā'isyah, Rasulullah sembahyang gerhana matahari dan bulan empat rakaat dan empat rukuk, membaca pada rakaat pertama surah *al-'Ankabūt* atau *al-Rūm* dan rakaat kedua surah *Yasīn*."[5]

'AQABAH (عَقَبَةٌ)

Lafaz ini adalah *ism mufrad*, jamaknya ialah *'aqabāt* (عَقَبَاتٌ) dan *'iqāb* (عِقَابٌ), ertinya sukar, jalan pendakian gunung yang sukar, sesuatu yang diletakkan di jalan musuh bagi menghalangnya dan meranjaunya.[6] Ia disebut dua kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Balad* (90), ayat 11 dan 12. Al-Syawkānī berkata, "Asal makna *al-'aqabah* adalah jalan yang berada di gunung, ia dinamakan demikian kerana kesukaran untuk melaluinya dan Allah menggambarkan perumpamaannya dengan kesukaran melawan hawa nafsu dan syaitan dalam membuat kebaikan-kebaikan, sehingga ia dijadikannya perumpamaan bagi orang yang mengalami kesukaran dalam mendaki jalan pendakian itu.[7] Al-Hasan berkata, "'*Aqabah* adalah suatu kesukaran kerana ia mesti berjihad melawan hawa nafsu, musuhnya dan syaitan."[8] Ada juga yang menyamakannya dengan dosa besar, berat dan kesukarannya dengan *'aqabah*, apabila ia memerdekakan hamba dan beramal soleh, maka ia sama dengan orang yang sudah merentasi jalan yang sukar, iaitu dosa-dosa yang

1 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 440.

2 *Ibid.*

3 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 254.

4 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 13, h. 336.

5 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 238.

6 'Āyid et al. (t.t.), *op. cit.*, h. 852; Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 613.

7 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 556.

8 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 744.

memudaratkannya, menghinakannya dan menyukarkannya.[1] Terdapat juga beberapa pentafsiran tentang makna *'aqabah*:

- Ibn 'Umar mengatakan ia adalah gunung yang berada di dalam api neraka.
- Daripada Abī Rajā' katanya, "Diberitakan kepada kami, *'aqabah* adalah jalan mendakinya 7000 tahun, jalan menurunnya 7000 tahun."
- Al-Hasan dan Qatādah berkata, "'*Aqabah* adalah jalan yang sukar di dalam api neraka tanpa jambatan, maka rentasilah ia dengan taat kepada Allah."
- Mujāhid, al-Dahhāk dan al-Kalbī berkata, "Ia adalah jalan yang berada di neraka yang tajamnya seperti mata pedang, perjalanannya sama ada mendatar, mendaki dan menurun selama 3000 tahun. Bagi orang Mukmin, jaraknya seperti di antara sembahyang 'Asar hingga ke sembahyang 'Isya'.

Dalam ayat ini dijelaskan cara menempuh jalan yang sukar itu, al-Zamaksyarī berkata, "Dia tidak bersyukur pada nikmat-nikmat itu dengan beramal soleh dan memerdekakan hamba sahaya, memberi makan fakir miskin serta beriman. Ia adalah asas ketaatan dan kebaikan. Namun, dia ingkar dan kufur pada pemberi nikmat. Maknanya, berinfak dengan cara ini termasuk cara yang diredai dan bermanfaat di sisi Allah.[2] Oleh itu, tidakkah dia mengeluarkan hartanya dalam memerdekakan hamba sahaya dan memberi makan fakir miskin bagi menempuh dan merentasi jalan yang sukar itu, sehingga ia menjadi lebih baik baginya berbanding mengeluarkannya dalam memusuhi Muhammad."[3] Penjelasan di atas jelas menunjukkan lafaz *'aqabah* membawa maksud jalan yang sukar, sama ada di dunia dan di akhirat dan ianya dapat ditempuh dengan beramal soleh dan melakukan ketaatan kepada Allah.

'ARABIYY (عَرَبِيّ)

Asal perkataan ini adalah *'araba* (عَرَبَ)atau *'aruba* (عَرُبَ) yang bererti fasih dan petah bercakap selepas gagap.[4] *A'rab al-kalām* (أَعْرَبَ الْكَلَام) bermakna percakapan yang fasih. *'Arraba anhu lisānah* (عَرَّبَ عَنْهُ لِسَانَهُ) bererti ia memperjelas dan menerangkan percakapannya.[5] Kata *'arabiyy* dinisbahkan kepada keadaan mengenai negeri Arab sama ada dari segi bangsa, bahasa, orang atau pun universiti.[6] Disebut 11 kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *Yūsuf* (12), ayat 2; *al-Ra'd* (13), ayat 37; *al-Naḥl* (16), ayat 103; *Ṭāha* (20), ayat 113; *al-Syu'arā'* (26), ayat 195; *al-Zumar* (39), ayat 28; *Fuṣṣilat* (41), ayat 3, 44; *al-Syūrā* (42), ayat 7; *al-Zukhruf* (43), ayat 3; *al-Aḥqāf* (46), ayat 12. Terdapat pelbagai bentuk sandaran yang dikaitkan dengan lafaz *'arabiyy* di dalam al-Quran dan semuanya bermaksud al-Quran, iaitu:

- *Lisān 'arabiyy* (لِسَانٌ عَرَبِيٌّ), seperti ayat Allah dalam surah *al-Nahl* (16) ayat 103, (وَهَٰذَا لِسَانٌ عَرَبِيٌّ مُبِينٌ), dalam surah *al-Aḥqāf* (12), (وَهَٰذَا كِتَابٌ مُصَدِّقٌ لِسَانًا عَرَبِيًّا). Ibn Kathīr berkata, Ia bermakna al-Quran yang berbahasa Arab

1 Al-Qurtubī (1996), op. cit., j. 20, h. 67.

2 Al-Zamakshyarī (1995), op. cit.

3 Al-Qurtubī (1996), op. cit., j. 20, h. 67

4 Anīs *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 590

5 Ibid.

6 Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 830

yang fasih, jelas dan terang.[1]

- *'Qur`ānan 'arabiyyan'* (قُرْآنًا عَرَبِيًّا), seperti dalam surah *Yūsuf* ayat 2, (إِنَّا أَنزَلْنَاهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا) Al-Qurtubī mentafsirkan *Qur`ān 'arabiyy* dengan "Kami turunkan kepada kamu al-Quran yang berbahasa Arab, dibaca dengan bahasa kamu wahai orang Arab, yang fasih dan jelas, sehingga kamu mengetahui makna-maknanya dan faham kandungannya.[2]
- *Ḥukman 'Arabiyyan* (حُكْمًا عَرَبِيًّا), seperti dalam surah *al-Ra'd* (37), (وَكَذَٰلِكَ أَنزَلْنَاهُ حُكْمًا عَرَبِيًّا). Al-Syawkānī berkata, Kami turunkan al-Quran yang mencakupi asas-asas syariat dan cabang-cabangnya.[3] Ada juga yang berpendapat yang dimaksudkan *'ḥukm 'arabiyy'* adalah hukum-hukum atau hikmah-hikmah yang diterjemahkan dalam bahasa Arab.[4] Al-Tabarī berkata, maksud *ḥukm 'arabiyy* adalah hukum-hukum dan agama. Lafaz *hukm* disifatkan *'arabiyy* kerana ia diturunkan kepada Nabi Muhammad yang berbangsa Arab dan al-dīn (agama) disandarkan kepadanya kerana ke atasnya ia diturunkan.[5] Dari sini dapat disimpulkan maksud *'arabiyy* di dalam al-Quran adalah al-Quran yang berbahasa Arab yang mengandungi pelbagai asas-asas hukum, syariat dan sebagainya.

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 539 dan j. 4, h. 141.

2 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 9, h. 122-123

3 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 107

4 *Ibid.*

5 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 8, h. 215

'ARIM (عَرِمٌ)

Lafaz ini adalah jamak daripada *'arimah* (عَرِيمَةٌ), ertinya yang mengalir dengan deras yang tidak terbendung, empangan, yang melampaui batas, hujan yang begitu lebat.[6] Ia disebut sekali sahaja di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *Saba'* (34) ayat 16. Mujāhid berkata, "Al-'Arim bermaksud yang deras,[7] iaitu sifat bagi empangan penahan banjir di mana ia menjadi sebab taman, rumah dan bumi mereka rosak ditenggelami air kerana empangan itu tidak dapat menampung limpahan air yang ditentukan oleh Allah disebabkan kekufuran mereka."[8] Ibn 'Abbās, Qatādah dan al-Dahhāk berpendapat ia adalah nama sebuah lembah yang berada di Yaman yang mengalir ke Mekah, iaitu sebuah lembah yang mengumpulkan air dari beberapa lembah, lalu mereka membuat empangan bagi menahan air itu di antara dua bukit."[9] Ibn Kathīr berkata, "Ia adalah air."[10]

Dilaporkan oleh Wahhab bin Munabbih al-Yamānī, katanya, "Allah utus kepada kaum Saba' 13 orang nabi, tetapi mereka mendustakannya, lalu "Kami kirimkan ke atas mereka "*sayl al-'arim*", iaitu Kami hancurkan **empangan** yang menahan aliran air mereka."[11] Dilaporkan oleh Ibn 'Abbās, Wahhab b. Munabbih, Qatādah dan al-Dahhāk menyatakan tatkala Allah hendak menjatuhkan hukuman kepada mereka dengan mengirimkan *al-'arim* ke atas mereka, Allah mengirimkan tikus kepada **empangan** mereka lalu

6 Al-Yazīdī (1985), *op. cit.*, h. 307; Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 597; 'Āyid *et al.* (t.t.), *op. cit.*, h. 837; Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 923.

7 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 12, h. 87, athar no. 21988-21991.

8 Ibid., Laporan Ibn 'Abbās dan Wahhab b. Munabbih, h. 98, athar no. 21992.

9 *Ibid.*

10 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 496.

11 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, h. 96, athar no. 21985.

melubanginya,[1] (sehingga pecah dan menenggelamkan taman, rumah dan negeri mereka). Tafsirannya, "Kami kirimkan kepada mereka aliran air yang deras yang menghancurkan dan membinasakan, di mana tambak mereka tidak dapat menampung disebabkan banyaknya air itu sehingga menenggelamkan negeri mereka."[2] Kesimpulannya, *al-'arim* bermaksud air yang deras.

'ARSY (عَرْشٌ)

Lafaz *'arsy* adalah *maṣdar* daripada perkataan *'arasya* (عَرَشَ), jamaknya adalah *'urūsy* (عُرُوْشٌ) dan *a'rāsy* (أَعْرَاشٌ), ertinya singgasana raja, tahta,[3] inti perkara, payung, kerajaan dan sebagainya.[4] Lafaz 'arsy disebut sebanyak 22 kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 54; *al-Taubah* (9), ayat 129; *Yūnus* (10), ayat 3; *Yūsuf* (12), ayat 100; *al-Ra'd* (13), ayat 2; *al-Isrā'* (17), ayat 42; *Tāha* (20), ayat 5; *al-Anbiyā'* (21), ayat 22; *al-Mu'minūn* (23), ayat 86, 116; *al-Furqān* (25), ayat 59; *al-Naml* (27), ayat 23, 26; *al-Sajadah* (32), ayat 4; *al-Zumar* (39), ayat 75; *Ghāfir* (40), ayat 7, 15; *al-Zukhruf* (43), ayat 82; *al-Hadīd* (57), ayat 4; *al-Hāqqah* (69), ayat 17; *al-Takwīr* (81), ayat 20 dan *al-Burūj* (85), ayat 15.

Lafaz *'arsy* mengandungi dua makna berdasarkan sandarannya pada lafaz lain:

Jika ia disandarkan kepada Allah, maka bermakna singgahsana Allah (*'arsy Allāh*), sebagaimana terdapat dalam kebanyakan maksud lafaz *'arsy di* dalam al-Quran. Al-Fayrūz berkata, "'Arsy Allāh tidak dapat diketahui oleh manusia pada hakikatnya kecuali hanya sekadar nama dan ia tidak sebagaimana disangka kebanyakan orang. Oleh itu, lafaz "*dhū al-'arsy*" membawa maksud isyarat pada kerajaannya dan kekuasaannya dan tidak bermaksud tempat Allah bersemayam."[5]

Al-Syawkānī berkata, "Terdapat 14 pendapat mengenai 'arsy Allāh dan bagaimana Allah menetap dan bersemayam. Namun, pendapat yang paling benar adalah pendapat mazhab salaf yang meyakini Allah bersemayam di atas arsy tanpa diketahui hakikatnya dan jauh daripada tafsiran yang tidak patut ke atasnya,[6] sepertimana pendapat Abu al-Hasan al-Asy'arī dan *kinayah (perumpamaan)* tentang kekuasaan dan kerajaannya.[7] Manakala Allah menyatakan, "*Wa kāna 'arsyuhu 'alā al-mā'*" (وَكَانَ عَرْشُهُ عَلَى ٱلْمَآءِ) (Arsynya di atas air) maksudnya m - nyatakan 'arasy tetap wujud sejak ia diciptakan lagi tinggi di atas air."[8] Al-Zamakhsyarī berkata, "Ayat ini bermaksud kerajaan Allah wujud sebelum diciptakan langit dan bumi dan ia menunjukkan air dan singgahsananya adalah makhluk."[9] Direkodkan oleh al-Tirmidhī dan Ibn Majah daripada hadis Laqīt bin 'Amir bin al-Muntafiq al-'Uqaylī, katanya, "Aku berkata, "Wahai Rasulullah! Di mana Allah berada sebelum mencipta makhluknya?" Beliau menjawab, "Dia berada di *'amā* di mana di bawahnya tidak ada udara dan juga di atasnya Kemudian selepas itu Dia menciptakan *'arasy*."[10] Qatādah berkata, "Ayat ini adalah berita awal penciptaannya sebelum

1 Ibn Kathīr (1998), *loc. cit.*

2 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 550.

3 'Āyid *et al.* (t.t.), *op. cit.*, h. 832.

4 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 593.

5 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 42-43.

6 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 269.

7 *Ibid*, j. 3, h. 442.

8 Ābādī (1986), *op. cit.*

9 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 366.

10 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 397.

penciptaan langit dan bumi."[1] Anas b. Rabī' berkata, "Ketika langit dan bumi dijadikan, Allah membahagikan air itu kepada dua bahagian. Bahagian pertama dijadikan di atas arsynya dan ia adalah laut yang terbentang."[2]

Makna kedua adalah kerajaan makhluk atau singgahsana raja, sebagaimana yang terdapat dalam surah *Yūsuf* (12), ayat 100 dan *al-Naml* (27), ayat 23. Ibn 'Abbās, al-Suddī, Mujāhid, Qatādah mengatakan makna al-'Arsy di sini adalah *al-sarīr* (singgahsana) atau tempat duduk yang mulia bagi para pembesar. Ibn Zayd berkata, "Ia bermakna *majlisuh* (majlis Yūsuf).[3] Maknanya, Nabi Yūsuf mendudukkan ibu bapanya di singgahsana atau kerusi kebesaran di sebelahnya."[4] Al-Qurtubī berkata, "al-'Arsy bermaksud singgahsana raja yang megah dan ia adalah sifat bagi kedudukan dan kerajaan yang megah. Ada juga yang berpendapat ia bermaksud kerajaan, tetapi pendapat pertama lebih tepat."[5]

'ASAL (عَسَلٌ)

Lafaz ini dalam bentuk *maṣdar,* berasal daripada perkataan *'asala* (عَسَلَ). Jamaknya *a'sal* (أَعْسَلَ), *'usl* (عُسْلٌ), *'usul* (عُسُلٌ), *'usūl* (عُسُوْلٌ) dan *'uslān* (عُسْلَانٌ), ertinya air liur lebah[6] atau disebut juga dengan madu. *'Asal al-sukkar* bererti, gula cair atau sirap. *Syahr al-'asal* (شَهْرُ الْعَسَلِ) bermaksud bulan madu.[7] Disebut sekali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *Muhammad* (47), ayat 15. Allah menyatakan, (وَأَنْهَرٌ مِنْ عَسَلٍ مُصَفًّى). Lafaz *'asal* dalam ayat ini dikaitkan dengan *musaffā*. Ia adalah sifat bagi madu dan *anhar* yang bermakna sungai -sungai. *Musaffā* bererti madu itu begitu bersih, baik warnanya, rasanya dan baunya, tidak keluar dari perut-perut lebah sehingga ia bercampur dengan lilin dan benda lainnya.[8] Allah menciptakan demikian kerana ia tidak dimasak di atas api dan tidak dikotori oleh lebah itu.[9]

Ayat ini adalah kenikmatan yang diperoleh oleh orang yang bertakwa di dalam syurga, di mana bagi mereka sungai yang mengalir di dalamnya madu. Dilaporkan oleh Hakīm bin Mu'āwiyah daripada bapanya, beliau berkata, saya mendengar Rasulullah berkata, "Di dalam syurga terdapat sungai susu, sungai air, sungai madu dan sungai *khamar.* Kemudian, terpancar dan terpecah darinya sungai-sungai.[10] Kesimpulannya, lafaz *'asal* di dalam al-Quran bermakna madu yang diperuntukkan kepada penghuni syurga yang tidak keluar dari perut lebah.

'ĀSIF (عَاصِفٌ)

Lafaz ini adalah *ism fā'il* (kata yang menunjukkan subjek pelaku perbuatan) yang

1 *Ibid.*

2 *Ibid.*

3 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 8, h. 88-89, athar no. 15156-15159.

4 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 68.

5 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 13, h. 193.

6 Ma`lūf (1975) , *op. cit.*, h. 506

7 Ahmad Warson (1997), *op. cit.*, h. 931

8 Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 9, hlm. 5310. Madu di dalam syurga tidak keluar dari perut-perut lebah seperti biasanya adalah berdasarkan hadith *marfu`* yang dilaporkan oleh Ibn 'Abbās. Ibn Kathīr (1998), op. cit., j. 4, h. 158

9 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 16, h. 228

10 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 158

bermakna *maf'ūl* (objek perbuatan),[1] jamaknya adalah 'awāsif (عَوَاصِفُ), ertinya ditiup oleh angin, anak panah yang menyimpang daripada sasaran.[2] *Yawm 'āsif* (يَوْمٌ عَاصِفٌ) bermaksud hari yang banyak angin ribut atau taufan.[3] *Liqā' 'āsif* atau *ijtimā' 'āsif* bermaksud hari di dalamnya wujud banyak perbalahan dan perdebatan yang hangat.[4]

Lafaz 'asif disebut sebanyak dua kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *Yūnus* (10), ayat 22 dan *Ibrāhīm* (14), ayat 18. Ia dikaitkan dengan *al-rīh* (angin) dan *al-yawm* iaitu hari. Al-Baydāwī dan al-Nasafī berkata, "*rīh 'āsif* (رِيحٌ عَاصِفٌ)bermaksud angin yang bertiup dengan kencang dan menghamburkan debu."[5] Al-Khāzin pula berkata, "Asal makna *al-'asf* adalah kencang atau laju. Ia dinamakan *'Āsif* kerana ia memiliki hembusan yang kencang dan laju. Jadi, *rih 'āsif* bermaksud angin taufan yang menghilangkan angin yang tenang."[6] Ibn 'Abbās mengatakan *rīh 'āsif* bermaksud *rīh qāsif* (angin badai)[7] Menurut al-Qurtubī terdapat tiga pendapat mengenai *al-rīh* yang dinamakan dengan *al -'Usūf* (العُصُوفُ) atau *'āsif* (عَاصِفٌ) :[8]

- Walaupun *'āsif* digunakan bagi angin, tetapi kadangkala hari dapat juga dinamakan demikian kerana angin kencang wujud padanya. Oleh itu boleh dikatakan "*yawm 'āsif*" seperti ungkapan "*yawm ḥār* (hari yang panas dan *yawm bārīd* (hari yang sejuk).
- Maksud *yawm 'āsif* adalah angin kerana lafaz angin disebut sebelumnya.
- *'Āsif* adalah sifat bagi angin.

Beliau berkata lagi, "Ayat ini adalah perumpamaan bagi amalan orang kafir di mana ia akan dihapuskan seperti angin kencang menghamburkan debu-debu pada hari angin taufan. Maknanya amalan mereka dihapuskan dan tidak akan diterima."[9] Tegasnya, meskipun mereka mengerjakan amal yang mungkin baik, tetapi oleh kerana dasarnya tidak benar, tidak tumbuh atas dasar kepercayaan kepada Tuhan, hanya kerana sombong, mencari nama, mendabik dada, maka apabila tiba angin ribut yang kuat, amal itu akan dihembus habis, tumbang kerana ia hanya terletak di atas pasir, tidak berakar hingga ke bawah.[10] Kesimpulannya, *rīh 'asif* bermaksud angin taufan dan *yawm 'āsif* bermakna hari yang terdapat di dalamnya angin ribut.

'ATĪD (عَتِيد)

Lafaz ini adalah *ism fā'il* daripada *'atada* (عَتَدَ), maknanya yang hadir, yang tersedia,[11] yang ada, yang besar.[12] Ia disebut sebanyak dua kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *Qāf* (50), ayat 18 dan 23. Qatādah berkata, "'*Atīd* adalah nama malaikat."[13] Ibn Zayd berkata, "*al-'Atīd* adalah yang mengambilnya dan datang dengannya *sā 'iq* (malaikat yang mengiringi) dan malaikat penjaga (*al-hāfiz*)

1 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 509.

2 'Āyid *et al.* (t.t.), op. cit., 845; Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 938.

3 *Ibid.*

4 *Ibid.*

5 Hilmī (1979), *op. cit.*, j. 3, h. 242.

6 *Ibid.*

7 *Ibid.*

8 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 9, h. 365.

9 *Ibid.*

10 Hamka (1984), *op. cit*, j. 13, h. 131-132.

11 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 410; 'Āyid *et al.* (t.t.), *op. cit.*, h. 819.

12 Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 892.

13 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 13, h. 211.

bersama-sama." Al-Tabarī berkata, "Apa yang dilafazkan manusia daripada perkataan, tatkala ia berkata maka baginya ada *Raqīb* dan *'Atīd*, iaitu penjaga yang menjaga dan mengawasinya dan *'Atīd* yang disediakan untuk menulis."[1] Mujāhid berkata, "Di sebelah kanan ada malaikat yang menulis segala kebaikan dan di sebelah kiri ada malaikat yang menulis segala kejahatan."[2]

Al-Qurtubī menerangkan terdapat dua maksud bagi lafaz *'Atīd*. **Pertama**, *'Atīd* adalah yang selalu hadir (bersama manusia) dan tidak pernah ghaib atau alpa. **Kedua**, *'Atīd* adalah malaikat yang menjaga (*al-hāfiz*) dan tersedia sama ada bagi menjaga mahupun bagi menjadi saksi.[3]

Al-Jawharī berkata, "*Al-'Atīd* adalah sesuatu yang hadir dan tersedia,[4] maknanya malaikat yang diwakilkan berkata, ini dia daripada kitab amalan kamu yang ada, terjaga dan tersedia."[5] Mujāhid berkata, "Sesungguhnya malaikat berkata kepada Tuhannya, "Ini dia yang Engkau wakilkan kepadaku mengawasi anak Adam, aku hadirkan dan sediakan buku amalannya." Dari sini lafaz *'Atīd* adalah sifat bagi *Raqīb*.[6] Penjelasannya, *'Atīd* adalah yang selalu mengikuti manusia di mana sahaja berada dan bersedia menulis apa yang diperintahkan. Ibn 'Abbās berkata, "Yang sedia menulis setiap perkataan yang dilafazkan sama ada yang baik atau jahat."[7]

Kesimpulannya, *'Atīd* adalah **malaikat yang mengawasi dan bersedia,** disediakan untuk menulis setiap perbuatan dan percakapan manusia, tidak tertinggal walau sedikit pun[8] sebagaimana Allah menyatakan di dalam al-Quran yang bermaksud, *"Padahal sesungguhnya, ada malaikat-malaikat yang menjaga dan mengawasi segala bawaan kamu, (mereka adalah makhluk) yang mulia (di sisi Allah) dan ditugaskan menulis (amal-amal kamu)".*[9] Manakala dalam ayat 23, Allah memberitahu tentang malaikat yang diwakilkan kepada anak Adam ia akan menjadi saksi di atas apa yang dilakukan dengan mengatakan "ini dia anak Ādam, sudah tersedia dan hadir *('Atīd)* (bersama kitab amalannya) tanpa mengurangi atau menambah sebagaimana yang Engkau wakilkan kepadaku.[10] Dari sini, *'Atīd* dalam ayat 18 adalah malaikat yang menulis amalan manusia sama ada baik mahupun jahat dan dalam ayat 23 adalah sifat bagi anak Ādam yang tersedia atau *'Atīd* dengan buku amalannya yang diiringi oleh malaikat *al-Sā'iq* dan *al-Syahīd* tatkala menghadap Allah.

'AWRAH (عَوْرَةٌ)

Lafaz ini adalah dalam bentuk *mufrad*, jamaknya ialah *'awrāt* (عَوْرَاتٌ), ertinya keaiban, setiap apa yang ditutup oleh insan kerana malu apabila ia ternampak,[11] celah-celah yang berada di negeri yang ditakuti.[12] Dalam Kamus Dewan dinamakan aurat iaitu bahagian tubuh yang tidak boleh kelihatan atau wajib ditutup menurut hukum Islam, kemaluan

1 *Ibid.*, h. 204.

2 *Ibid.*, athar no. 24681.

3 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 17, h. 14.

4 *Ibid.*

5 *Ibid.*

6 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 94.

7 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 244.

8 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 200

9 Surah al-Infitar (82), ayat 10-11

10 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 202

11 'Āyid *et al.* (t.t.), *op. cit.*, h. 877.

12 Ma'lūf (1975), *op. cit.*, h. 537.

dan telanjang.[1]

Lafaz *'awrah* disebut sebanyak dua kali di dalam al-Quran, kedua-duanya dalam surah *al-Ahzāb* (33), ayat 13. Lafaz *'awrah* dikaitkan dengan lafaz *buyūt* (rumah-rumah). Al-Baydāwī berkata, "Ia bermaksud tidak terjaga dan asal perkataannya adalah celah -celah, sedang rumah menjadi aurat kerana dia kosong atau tidak berpenghuni."[2] Al-Nasafī berkata, "Maksud *"buyūtanā 'awrah"* ialah yang memiliki aurat, iaitu apabila kelihatan daripadanya celah-celah yang dikhuatiri daripada serangan musuh atau pencuri. Boleh juga ia bermakna rumah-rumah yang berkemungkinan diserang oleh musuh atau dimasuki pencuri kerana ia tidak terjaga. Oleh itu mereka[3] meminta izin daripada Rasulullah untuk menjaganya, lalu mereka pulang. Namun, Allah membongkar kebohongan mereka kerana mereka tidak khuatir sama sekali, tetapi mereka mahu lari daripada peperangan."[4] Dilaporkan daripada Ibn 'Abbās, ia bermakna kosong daripada kaum lelaki yang kami khuatir akan dimasuki oleh pencuri.[5] Dari penjelasan di atas, makna *'awrah* membawa maksud kosong, tidak terjaga kerana tidak berpenghuni.

'AẒĪM (عَظِيمٌ)

Lafaz ini berbentuk *mubālaghah ism fā'il* (superlatif) daripada kata *'azuma* (عَظُمَ), jamaknya *'izam* dan *'uzamā'*, mengandungi makna yang besar, yang agung,[6] yang penting, yang agung, yang mulia, yang begitu indah, yang bagus dan sebagainya.[7] Ia disebut sebanyak 107 kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 7, 49, 105, 114, 255; *Āli 'Imrān* (3), ayat 74, 105, 172, 174, 176, 179; *al-Nisā'* (4), ayat 13, 27, 40, 48, 54, 67, 73, 74, 93, 95, 113, 114, 146, 156, 166; *al-Mā'idah* (5), ayat 9, 33, 41, 119; *al-An'ām* (6), ayat 15; *al-A'rāf* (7), ayat 59, 116, 141; *al-Anfāl* (8), ayat 28, 29, 68; *al-Taubah* (9), ayat 22, 63, 72, 89, 100, 101, 111, 129; *Yūnus* (10), ayat 15, 64; *Yūsuf* (12), ayat 28; *Ibrāhīm* (14), ayat 6; *al-Hijr* (15), ayat 87; *al-Nahl* (16), ayat 94, 106; *al-Isra'* (17), ayat 40; *Maryam* (19): 37; *al-Anbiyā'* (21), ayat 76; *al-Hajj* (22), ayat 1; *al -Mu'minūn* (23) ayat 86; *al-Nūr* (24), ayat 11, 14, 15, 16, 23; *al-Syu'arā'* (26), ayat 63, 135, 156, 189; *al-Naml* (27), ayat 23, 26; *al-Qasas* (28), ayat 79; *Luqmān* (31), ayat 60; *al-Ahzāb* (33), ayat 29, 35, 53, 71; *al-Sāffāt* (37), ayat 60, 76, 107, 115; *Sād* (38), ayat 67; *al-Zumar* (39), ayat 13; *Ghāfir* (40), ayat 9; *Fussilat* (41), ayat 35; *al-Syūrā* (42), ayat 4; *al-Zukhruf* (43), ayat 31; *al-Dukhān* (44), ayat 57; *al-Jāthiyah* (45), ayat 10; *al-Ahqāf* (46), ayat 21; *al-Fath* (48), ayat 5, 10, 29; *al-Hujurāt* (49), ayat 3; *al-Wāqi'ah* (56), ayat 46, 74, 76, 96; *al-Hadīd* (57), ayat 12, 21, 29; *al-Saf* (61), ayat 12; *al -Jumu'ah* (62), ayat 4; *al-Taghābun* (64), ayat 9, 15; *al-Qalam* (68), ayat 4; *al-Hāqqah* (69), ayat 33, 52; *al-Naba'* (78), ayat 2 dan *al -Mutaffifīn* (83), ayat 5.

Lafaz *'azim* (عَظِيمٌ)mengandungi beberapa makna berdasarkan sandarannya pada sebuah lafaz, iaitu:

- Lafaz ini dihubungkan dengan *'adhāb* (عَذَابٌ) atau *'adhāb 'azīm*, ertinya seksa-

1 Noresah bt. Baharom et al. (eds.) (2002), *op. cit.*, h. 74.

2 Hilmī (1979), op. cit., j. 5, h. 97.

3 Al-Khāzin berpendapat mereka ialah Banī Hārithah dan Banī Salamah. Pendapat beliau dalam kitab *Majma' al-Tafāsīr* (1979). *Ibid.*

4 *Ibid.*

5 *Ibid.*

6 'Āyid *et al.* (t.t.), *op. cit.*, h. 850.

7 Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 947.

an yang besar. Contohnya terdapat dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 7.

- Ia dikaitkan dengan *ajr* (أَجْرٌ) atau *ajr 'azīm*. Misalnya terdapat dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 172. *Ajr* bermaksud pahala dan *'aẓim* adalah besar, jadi *ajr 'aẓim* membawa maksud pahala yang besar. Dalam *Tafsīr al-Jalālayn* ia bermaksud syurga.[1]
- Ia digandingkan *al-fawz* (الفَوْزُ)atau *al -fawz al-'aẓīm*. Terdapat dalam surah al-Nisā' (4), ayat 13. *Al-fawz* bererti keuntungan atau kemenangan. Maksud al-fawz al-'aẓīm adalah al-falāḥ al-'aẓīm iaitu kemenangan yang besar.[2]
- Ia disandarkan dengan lafaz *yawm* (يَوْمٌ)atau *yawm 'aẓīm*. Contohnya terdapat dalam surah al-An'ām (6), ayat 15. Maksud *yawm 'aẓīm* adalah hari kiamat.[3]
- Ia dihubungkan dengan lafaz *al-sihr* (السِّحْرُ)atau *sihr 'aẓīm*. Misalnya terdapat dalam surah al-A'rāf (7), ayat 116. sila lihat pembahasan lafaz *sihr*.
- Ia digandingkan dengan lafaz *al-'arsy* (العَرْشُ)atau *al-'arsy al-'aẓīm*. Contohnya terdapat dalam surah al-Tawbah (9), ayat 129. Lihat pembahasan ini pada lafaz *'arsy*.
- Ia disandarkan dengan lafaz *al -khizy* (الخِزْيُ)atau *al-khizy al-'aẓīm*. Contohnya terdapat dalam surah al-Tawbah (9), ayat 63. *Al-khizy al -'aẓīm* bermaksud kehinaan yang besar dan kesengsaraan yang agung iaitu neraka.[4]
- Ia dihubungkan dengan lafaz *al -kayd* (الكَيْدُ)atau *al-kayd al-'aẓīm*. Contohnya terdapat dalam surah Yūsuf (12), ayat 28. *Kayd* dalam ayat ini adalah tipu helah wanita *'Aziz* yang besar dengan menyuruh Yūsuf menyembunyikan kejadian yang sebenar.[5]
- Ia disandarkan dengan lafaz *al-balā'* (البَلاَءُ)atau *al-balā' al-'aẓīm*. Misalnya dalam surah Ibrāhīm (14), ayat 6. *Al-Balā' al-'aẓīm* boleh membawa maksud nikmat yang besar yang tidak mampu disyukuri kerana Allah menyelamatkan Banī Isrā'īl daripada kekejaman Fir'aun yang menyeksa mereka dan membunuh anak-anak lelaki mereka. Ia juga boleh membawa maksud cubaan yang besar.[6]
- Ia digandingkan dengan lafaz *al -karb* (الكَرْبُ)atau *al-karb al-'aẓīm*. Contohnya dalam surah al-Anbiyā' (21), ayat 76. *Al-karb* membawa maksud malapetaka atau bencana. Lafaz *al -karb al-'aẓīm* pada ayat ini bermaksud malapetaka yang besar yang menimpa kaum Nuh berupa air bah dan taufan.[7]
- Ia dikaitkan dengan lafaz *zalzalah al -sā'ah*. Misalnya terdapat dalam surah *al-Hajj* (22), ayat 1. Lihat pembahasan ini pada lafaz *zalzalah*.
- Ia disandarkan kepada lafaz *buhtān* (بُهْتَانٌ)atau *buhtān 'azīm*. Contohnya terdapat dalam surah *al-Nūr* (24), ayat 16. *Buhtān* bererti mengatakan sesuatu pada orang yang ia tidak melakukan. Pada ayat ini ayat *buhtān 'azīm* bermaksud fitnah dan pendustaan yang besar. Iaitu berkenaan dengan fitnah

1 Al-Jalālayn (t.t), *op. cit.*, h. 101

2 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 1, h. 264

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 117

4 *Ibid.*, h. 334

5 *Ibid.*, h. 433

6 *Ibid.*, h. 479

7 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 516

yang dilontarkan kepada 'Aisyah yang terkenal dengan '*Hadīth al-Ifk*'.[1]

- Ia dihubungkan dengan lafaz *al-tawd* (الطَّوْدُ) atau *al-tawd al-'aẓīm*. Contohnya terdapat dalam surah *al-Syu'arā'* (26), ayat 63. lihat pembahasan ini pada perbahasan lafaz *al-tawd*.
- Ia dikaitkan dengan lafaz *haz* (حَظٌّ) atau *haz 'aẓīm*. Misalnya terdapat dalam surah *al-Qasas* (28), ayat 79. *Haz 'aẓīm* membawa maksud kemewahan yang melimpah lagi banyak di dunia, dan dalam ayat ini ia ditujukan kepada kemewahan Qarun.[2]
- Ia dihubungkan dengan lafaz *al-zulm* (الظُّلْم) atau *zulm 'aẓīm*. Terdapat dalam surah *Luqmān* (31), ayat 13. Maksud *zulm 'aẓīm* ialah kezaliman yang besar iaitu syirik.[3]
- Ia disandarkan kepada lafaz *al-dhibh* (الذَّبْحُ) atau *dhibh 'Aẓīm*. Misalnya terdapat dalam surah *al-Sāffāt* (37), ayat 107. Lihat pembahasan ini pada perbincangan mengenai lafaz *dhibh*.
- Ia disandarkan kepada lafaz *al-naba'* (النَّبَأُ) atau *al-naba' al-'aẓīm*. Terdapat dalam surah *Sād* (38), ayat 67, *al-Naba'* (78), ayat 2. Maksud al-*naba' al-'aẓīm* adalah hari kiamat.[4]
- Ia dikaitkan dengan lafaz *al-khuluq* (الخُلُقُ) atau *al-khuluq al-'aẓīm*. Terdapat dalam surah *al-Qalam* (68), ayat 4. Maksud lafaz *khuluq* adalah budi pekerti atau akhlak dan makna *al-khuluq al-'aẓīm* ialah budi pekerti yang amat agung. Jarang taranya![5] Dan ayat *al -khuluq al-'aẓīm* ditujukan kepada Nabi Muhammad.
- Ia disandarkan kepada lafaz *al-mayl* (المَيلُ) atau *al-mayl al-'aẓīm*. Terdapat dalam surah *al-Nisā'* (4), ayat 27. *Mayl* bermaksud berpaling dan *'aẓim* pada ayat ini bermakna sejauh-jauhnya. Maksud *al-mayl al-'aẓim* dalam ayat ini adalah arahan bagi berpaling sejauh-jauhnya daripada orang yang mengikuti hawa nafsu.[6]
- Ia dikaitkan dengan lafaz *al-ithm* (الإِثْمُ) atau *ithm al-'aẓīm*. Terdapat dalam surah *al-Nisā'* (4), ayat 48. *Al-ithm* bererti dosa, maksud *al-ithm al-'aẓim* adalah dosa besar dan dalam ayat ini yang dimaksudkan dosa besar adalah syirik atau menyekutukan Allah. Tafsirannya, barang siapa yang menyekutukan Allah pada masa lalu, kini atau akan datang, maka ia berbuat kebohongan dengan sengaja kepada Allah dan kebohongan itu adalah dosa besar.[7]

Ia disandarkan dengan lafaz *al-mulk* (المُلْكُ) atau *al-mulk al-'aẓīm*. Terdapat dalam surah al-Nisā' (4), ayat 54. *Al-mulk* bermakna kerajaan. Ayat *al-mulk al-'aẓim* membawa maksud kerajaan yang besar. Ibn 'Abbās menyatakan maksud kerajaan yang besar di dalam ayat ini adalah kerajaan Sulaymān.[8]

- Ia dihubungkan dengan lafaz *al-fadl* (الفَضْلُ) atau *al-fadl al-'aẓīm*. Terdapat dalam surah *al-Nisā'* (4), ayat 113. Al-*Faḍl* bererti kurnia dan *al-fadl al -'aẓim* bermakna kurnia Allah begi-

1 *Ibid.*, j. 4, h. 16
2 *Ibid.*, h. 233
3 *Ibid.*, h. 296
4 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 508
5 Hamka (1984), *op. cit.*, j. 29, h. 47
6 Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, j. 2, h. 388-389
7 *Ibid.*, h. 444
8 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 5, h. 254

tu besar. Tāhir bin 'Āsyūr memahami kurnia dan rahmat yang dihuraikan ayat ini adalah anugerah kitab suci al-Quran yang menjelaskan tentang kebenaran dalam upaya menetapkan hukum serta 'Ismah, iaitu beliau terpelihara daripada kesalahan.[1]

- Ia digandingkan dengan lafaz *al-qawl* (القَوْلُ)atau *al-qawl al-'aẓīm*. Terdapat dalam surah *al-Isrā'* (17), ayat 40. *Al-qawl* bererti perkataan dan *al-qawl al- 'azim* bermakna perkataan yang begitu besar. Pada ayat ini yang dimaksud perkataan yang begitu besar adalah perkataan yang menisbahkan dan menyandarkan anak-anak kepada Allah serta menjadikan malaikat sebagai anak-anak perempuannya.[2]

'AZĪZ (عَزِيزٌ)

Lafaz ini bermakna yang disayangi, yang kuat dan penghalang, yang mulia, raja dan sebagainya. Apabila ia disandarkan kepada Allah maka ia bermaksud salah satu nama daripada nama-nama Allah yang membawa maksud yang mengalahkan dan tidak boleh dikalahkan.[3] Begitu juga dengan pendapat al -Fayrūz yang menyatakan ia bermakna yang mengalahkan dan tidak dapat dikalahkan.[4]

Lafaz 'Azīz disebut 99 kali di dalam al -Quran, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 129, 209, 220, 228, 240, 260; *Āli 'Imrān* (3), ayat 4, 6, 18, 62, 162; *al-Nisā'* (4), ayat 56, 158, 165; *al-Mā'idah* (5), ayat 38, 95, 118; *al -An'ām* (6), ayat 96; *al-Anfāl* (8), ayat 10, 49, 63, 67; *al-Taubah* (9), ayat 40, 71, 128; *Hūd* (11), ayat 66, 91; *Yūsuf* (12), ayat 30, 51, 78, 88; *Ibrāhīm* (14), ayat 1, 4, 20, 47; *al-Nahl* (16): 60; *al-Hajj* (22), ayat 40, 74; *al-Syu'arā'* (26), ayat 9, 68, 104, 122, 140, 159, 175, 191, 217; *al-Naml* (27), ayat 9, 78; *al-Ankabūt* (29), ayat 26, 42; *al-Rūm* (30), ayat 5, 27; *Luqmān* (31), ayat 9, 27; *al-Sajadah* (32), ayat 6; *al-Ahzāb* (33), ayat 25; *Saba'* (34), ayat 6, 27; *Fātir* (35), ayat 2, 17, 28; *Yasīn* (36), ayat 5, 38; *Sād* (38), ayat 9, 66; *al-Zumar* (39), ayat 1, 5, 37; *Ghāfir* (40), ayat 2, 8, 42; *Fussilat* (41), ayat 12, 41; *al -Syūrā* (42), ayat 3, 19; *al-Zukhruf* (43), ayat 9; *al-Dukhān* (44), ayat 42, 49; *al-Jāhtiyah* (45), ayat 2, 37; *al-Ahqāf* (46), ayat 2; *al-Fath* (48), ayat 7, 19; *al-Qamar* (54), ayat 42; *al-Hadīd* (57), ayat 1, 25; *al-Mujādalah* (58), ayat 21; *al-Hasyr* (59), ayat 1, 23, 24; *al-Mumtahanah* (60), ayat 5; *al-Saff* (61), ayat 1; *al-Jumu'ah* (62), ayat 1, 3; *al-Taghābun* (64), ayat 18; *al -Mulk* (67) dan ayat 2; *al-Burūj* (85), ayat 8.

Lafaz *'azīz* mengandungi beberapa makna:

- Ia disandarkan kepada Allah, sehingga lafaz itu dalam bentuk *superlatif* (*mubālaghah*), sebagaimana majoriti sebutan lafaz ini di dalam al-Quran. Dalam *Tafsīr al-Manār* dijelaskan *al-'Azīz* bermaksud yang perkasa atau kuat lagi mengalahkan ke atas setiap perkara yang dikehendakinya, tidak dapat ditandingi oleh suatu kekuatan serta tidak dikalahkan oleh sesuatu pun.[5] Ibn Kathīr mengatakan *al-'azīz* bermaksud tidak dapat dilemahkan oleh sesuatu dan Allah berkuasa di atas segala se-

1 Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, j. 2, h. 558

2 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 642

3 'Āyid *et al.* (t.t.), *op. cit.*, h. 838.

4 Ābādī (1986), *loc. cit.*

5 Muhammad Rasyīd Ridā (t.t), *op. cit.*, j. 1, h. 473.

suatu[1] atau dengan erti perkataan lain, Allah maha perkasa.

- Lafaz ini disandarkan kepada *imra'ah* atau *"imra'ah al-'Azīz"* (امْرَأَةُ الْعَزِيزِ). Terdapat dalam surah *Yūsuf* (12), ayat 30 dan 51. Perkataan *al-'azīz* dalam bahasa Arab bermaksud raja, dan *imra'ah* bermaksud isterinya. Dalam *Tafsīr al-Marāghī* diterangkan lafaz *'azīz* adalah gelaran orang yang menjawat jawatan Perdana Menteri pada masa itu,[2] iaitu Raja Mesir yang bernama al -Rayyān bin Walīd yang berasal daripada kaum 'Amālīq.[3] Sedangkan *imra'ah al-'Azīz* menurut laporan Ibn Ishāq bernama Rā'īl binti Ra'ā1īl.[4] Ada yang berpendapat namanya adalah Zalīkhah atau Zulaikhah.[5]
- Ia bermaksud gelaran Nabi Yūsuf, terdapat dalam surah *Yūsuf* (12), ayat 78 dan 88. Al-Marāghī berkata, "Dalam ayat ini, lafaz 'Azīz bermaksud gelaran yang diberikan kepada Nabi Yūsuf semasa beliau memimpin pentadbiran kerajaan Mesir."[6] Ibn 'Abbās, al -Nasafī, al-Khāzin berkata, "Ketika mereka (saudara-saudara Yūsuf) berjumpa Yūsuf kali ketiga, mereka berkata, *"Qālū ya ayyuha al-'Azīz"* (قَالُوا يَاأَيُّهَا الْعَزِيزُ) (Mereka berkata, "Wahai al-'Azīz (datuk menteri)."[7] Dalam satu laporan disebutkan Nabi Ya'qūb mendapat petunjuk dan mengetahui 'Azīz Mesir yang budiman itu adalah Yūsuf.[8]

'IFRĪT (عِفْرِيْت)

Lafaz ini adalah dalam bentuk *mufrad,* jamaknya *'afārīt* (عَفَارِيْت), bermakna yang begitu jelek atau jahat daripada segala sesuatu,[9] yang banyak tipu muslihat, jin yang paling kuat, yang keji, melakukan sesuatu dengan licik[10] **Yongkers (dalam permainan kartu),**[11] dan sebagainya. Ia hanya disebut sekali di dalam al -Quran, iaitu dalam surah *al-Naml* (27) ayat 39 iaitu, (قَالَ عِفْرِيْتٌ مِنَ الْجِنِّ أَنَا آتِيْكَ بِهِ قَبْلَ أَنْ تَقُوْمَ مِنْ مَقَامِكَ). *'Ifrīt min al-jinn atau 'ifrīt* darip - da jin bermaksud yang begitu keji akhlaknya dan ia dipinjam kepada manusia kerana ia adalah syaitan baginya.[12]

Ibn Qutaybah berkata, "'Ifrīt daripada jin dan ia bermaksud jin yang begitu kuat, asalnya *"'ifr"* lalu ditambah *al-tā'* di dalamnya."[13] Al-Zamakhsyarī berkata, "Ia juga dibaca *'ifriyah, al-'ifr, al-'ifrīt, al-'afariyah, al-'afarāh;* dan *al-'afāriyah min al-rijāl* (العَفَارِيةُ مِنَ الرِّجَالِ) bermaksud lelaki yang keji lagi jahat yang berbuat jahat kepada teman-temannya. Manakala daripada *al-syayātin* (الشَّيَاطِيْنُ) bermaksud syaitan yang licik lagi keji, dikatakan ia bernama *Dhakwan.*[14] Mujāhid, Qatādah, Mu'ammar, Ibn Ishāq dan Syu'aib al-Jubbā'ī berkata, "Ifrīt daripada jin adalah pemimpin jin yang der-

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 161.

2 Al-Marāghī (1974), *op. cit.*, j. 12, h. 125.

3 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 7, h. 228, Laporan Ibn Ishaq, athar no. 14536.

4 *Ibid.*, athar no. 14538.

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 431.

6 Al-Marāghī (1974), *loc. cit.*

7 Hilmī (1979), *op. cit.*, j. 3, h. 163.

8 Al-Zuhaylī (1991), *op. cit.*, j. 13, h. 55.

9 Al-Yazīdī (1985), *op. cit.*, h. 27.

10 'Āyid *et al.* (t.t.), *op. cit.*, h. 850.

11 Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 949.

12 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 339.

13 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 324.

14 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 355.

haka lagi licik, bernama Kawzan."[1]

Kesimpulannya, 'ifrīt daripada **jin** sebagaimana yang terdapat dalam ayat al-Quran membawa makna pemimpin jin yang derhaka, licik dan kuat yang dengan kemampuannya dapat mendatangkan singgahsana (Balqīs) dan memindahkannya sebagaimana yang dipinta oleh Sulaymān sebelum ia berdiri dari kursi kebesarannya.[2]

1 Al-Tabarī (1995), j. 11, h. 196-197, athar no. 20529-20533.

2 Menurut al-Suddī dan lainnya, kursi kebesaran itu adalah tempat dimana Nabi Sulaymān menguruskan perkara-perkara kerajaan seperti menghukum, memutuskan suatu perkara dan mengagihkan makanan yang bermula dari pagi hingga terbenam matahari. Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 341



حرف الغين

GH



GHABARAH (غَبَرَةٌ)

Erti lafaz *ghabarah* (غَبَرَةٌ) adakah saki baki debu yang berterbangan.[1] Perkataan ini dalam al-Quran hanya disebut sekali sahaja, iaitu dalam surah *'Abasa* (80), ayat 40.

Ayat ini menerangkan keadaan orang kafir di akhirat nanti. Digambarkan wajah mereka dipenuhi dengan debu pada masa itu. (وَوُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ عَلَيْهَا غَبَرَةٌ). Ungkapan ini adalah kiasan yang menggambarkan wajah mereka berubah masam dan pucat kerana berasa sedih.[2] Imām al-Syawkānī menyatakan kesedihan yang nampak dari wajah mereka itu disebabkan mereka melihat secara langsung seksa-seksa yang ditetapkan oleh Allah kepada mereka.[3]

GHADAQ (غَدَقٌ)

Erti lafaz *ghadaq* (غَدَقٌ) adalah air yang banyak dan melimpah sama ada air hujan atau lainnya.[4] Perkataan ini disebut sekali sahaja dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Jin* (72), ayat 16.

Pada ayat itu, Allah menetapkan barang-siapa (manusia dan jin) berjalan di atas jalan Islam, sudah pasti Allah akan menurunkan air yang melimpah ruah kepada mereka (لَأَسْقَيْنَاهُم مَّآءً غَدَقًا). Imām Ibn Kathīr menjelaskan ma - sud air yang melimpah adalah rezeki yang melimpah.[5] Imām al-Syawkānī menambah penggunaan perkataan air dalam ungkapan itu disebabkan air adalah sumber utama rezeki dan kekayaan.[6]

GHALY (غَلْيٌ)

Erti lafaz *ghali* (غَلْيٌ) adalah keadaan mendidih dan meluap-luap akibat panas. Apabila dikatakan (غَلَتِ الْقِدْرُ) ertinya adalah air dalam bekas itu mendidih dan membuak-buak disebabkan panas.[7] Lafaz ini diulang sekali sahaja di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Dukhān* (44), ayat 46.

Ayat ini menerangkan tentang sifat-sifat *zaqqūm* (زَقُّوم), iaitu makanan penduduk neraka yang penuh dengan dosa. Disebutkan *zaqqūm* itu panas seperti tembaga cair, mendidih dalam perut seperti mendidihnya air yang meluap-luap panasnya (كَغَلْيِ الْحَمِيمِ). Imām Mujāhid menggambarkan panasnya pokok *zaqqūm* dengan mengatakan sekiranya ada setitis sahaja dari pokok itu yang jatuh ke bumi, maka kehidupan di bumi ini hancur binasa.[8]

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 271.

2 Ibid.

3 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 386

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 272

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 432

6 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 308

7 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 292

8 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 146

GḤĀṢB (اَلْغَصْبُ)

Erti lafaz *al-ghasb* (اَلْغَصْبُ) adalah mengambil sesuatu dengan cara yang zalim.[1] Lafaz ini dalam al-Quran hanya diulang sekali sahaja, iaitu dalam surah *al-Kahfi* (18), ayat 79.

Ayat ini berada dalam rangkaian kisah mengenai pertemuan Nabi Khidir dan Nabi Mūsā. Pada ayat ini, Nabi Khidr menerangkan alasan tindakannya menebuk lubang pada perahu milik orang miskin yang ditemui di tengah-tengah laut. Ini adalah kerana perahu itu akan melewati daerah kekuasaan raja yang suka merampas perahu-perahu yang bagus secara zalim. (يَأْخُذُ كُلَّ سَفِينَةٍ غَصْبًا). Oleh itu, Nabi Khidir menebuk lubang pada perahu itu supaya ada aibnya dan raja tidak mahu mengambilnya, selepas melalui daerah itu orang miskin itu dapat membaikinya dan memanfaatkannya semula.[2]

GHAWL (غَوْلٌ)

Erti kata kerja *ghala - yaghulu* (غَالَ - يَغُولُ) adalah membinasakan (seseorang) tanpa disedari orang itu. Sedangkan erti bentuk *maṣdar*nya (غَوْلٌ) adalah **kebinasaan** dan **kerosakan**.[3]

Lafaz ini hanya diulang sekali sahaja di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Sāffāt* (37), ayat 47. Ayat ini berada dalam rangkaian ayat yang menerangkan sifat-sifat *khamr* yang akan dinikmati oleh penghuni syurga di akhirat nanti. Antara sifat-sifat *khamr* itu, ia di ambil dari aliran sungai *khamr*, berwarna putih bersih, lazat rasanya dan ia tidak mengandungi unsur yang membahayakan atau merosakkan orang yang meminumnya (لَا فِيهَا غَوْلٌ) dan juga tidak menyebabkan mabuk atau hilang akal. (وَلَا هُمْ عَنْهَا يُنزَفُونَ).

Para ulama berbeza pendapat dalam memberi maksud lafaz (غَوْلٌ) dalam ayat ini. Pendapat-pendapat mereka berkisar pada, pening kepala; sakit perut dan hilang akal. Namun, Imām Ibn Kathīr menetapkan pendapat yang mengatakan erti (غَوْلٌ) adalah sakit perut adalah pendapat yang benar.[4] Imām Ibn Kathīr pula menegaskan Allah membersihkan *khamr* akhirat daripada unsur -unsur membahayakan yang terkandung di dalam *khamr* dunia, seperti kandungan yang menyebabkan pening kepala, sakit perut dan juga hilangnya kuasa minda secara keseluruhan.[5]

GHAWWĀS (غَوَّاصٌ)

Erti kata kerja *ghasa - yaghisu* (غَاصَ - يَغِيصُ) adalah menyelam ke dalam air kemudian keluar semula dengan membawa sesuatu. Orang yang menyelam disebut *ghais* (غَائِصٌ). Orang yang dapat mengeluarkan benda-benda yang tersembunyi juga disebut (غَائِصٌ). Sedangkan lafaz *ghawwas* (غَوَّاصٌ) adalah bentuk *mubālaghah* (superlatif) daripada lafaz (غَائِصٌ), sehingga ertinya adalah **ahli selam**.[6]

Lafaz ini disebut sekali sahaja di dalam al -Quran iaitu dalam surah *Sād* (38), ayat 37.

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 281.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 99

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 298

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, hh. 7-8

5 *Ibid.*

6 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 297

Ayat ini berada dalam rangkaian ayat yang menerangkan mukjizat-mukjizat yang dimiliki oleh Nabi Sulaymān. Antaranya adalah Nabi Sulaymān dianugerahkan kemampuan memerintah golongan Jin yang pandai mendirikan bangunan dan sebahagiannya dan juga pandai menyelam ke dalam lautan. (وَٱلشَّيَٰطِينَ كُلَّ بَنَّآءٍ وَغَوَّاصٍ).

Imām Ibn Kathīr menerangkan tugas para jin ahli selam itu adalah mengambil mutiara dan permata di dalam laut dan juga benda-benda berharga lainnya yang tidak dapat dijumpai di tempat lain melainkan di dalam lautan.[1]

GHAZL (غَزْلٌ)

Erti lafaz *ghazl* (غَزْلٌ) adalah pemintalan benang tenun.[2] Lafaz ini dalam al-Quran disebut sekali sahaja, iaitu dalam surah *al-Nahl* (16), ayat 92.

Pada ayat ini, Allah melarang manusia menjadikan sumpahnya sebagai tipu daya bagi mencabuli perjanjian yang dimeterai di antara sesama mereka, hanya disebabkan ada satu golongan yang lebih memberi manfaat dan lebih kaya.

Orang yang mencabuli sumpah yang sudah ditetapkan dalam ayat ini diumpamakan dengan perempuan yang merungkai satu persatu benang yang dipintalnya, sesudah ia selesai memintalnya dengan kuat. (كَٱلَّتِى نَقَضَتْ غَزْلَهَا مِنۢ بَعْدِ قُوَّةٍ أَنكَٰثًا).[3]

GHULB (غُلْبٌ)

Lafaz *ghulb* (غُلْبٌ) adalah jamak daripada kata tunggal *mudhakkar aghlab* (أَغْلَبُ) dan kata tunggal *mu'annath ghalba'* (غَلْبَاء) yang ertinya adalah besar, rimbun dan lebat. Apabila dikatakan (أَسَدٌ أَغْلَب) maka ertinya adalah singa yang lehernya besar. Apabila dikatakan (حَدِيقَةٌ غَلْبَاء) maka ertinya adalah taman yang besar dan pokok-pokoknya lebat serta rimbun.[4]

Al-Quran hanya menyebut perkataan (غُلْبًا), dan ianya hanya disebut sekali sahaja, iaitu dalam surah *'Abasa* (80), ayat 30. Ayat itu menceritakan tentang nikmat-nikmat Allah yang dianugerahkan kepada manusia khasnya nikmat makanan, di mana asalnya Allah menurunkan air hujan kemudian tanah-tanah menjadi terbelah dan tumbuh pelbagai tanaman; dari pada mula tumbuhnya biji-bijian, pokok anggur, sayur-sayuran, pokok zaitun dan kurma dan juga taman -taman yang penuh dengan pokok-pokoknya yang subur, lebat dan rimbun (وَحَدَآئِقَ غُلْبًا). Itu semua adalah bagi manfaat manusia dan juga haiwan-haiwan ternaknya yang perlu disyukuri.[5]

GHŪṢṢĀḤ (غُصَّةٌ)

Erti lafaz *ghussah* (غُصَّةٌ) adalah sesuatu yang menyumbat atau melintang pada kerongkongan.[6] Lafaz ini disebut sekali sa-

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 39

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 278.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 585

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 289.

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 473

6 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 281.

haja dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al -Muzzammil* (73), ayat 13.

Ayat ini menerangkan azab-azab yang dipersiapkan oleh Allah bagi orang kafir yang mendustakan ayat-ayatnya dan mereka hidup bergelumang dengan harta di dunia. Antara bentuk azabnya adalah mereka disuruh makan makanan yang menyumbat kerongkong sehinga mereka tercekik (وَطَعَامًا ذَا غُصَّةٍ). Ibn 'Abbās menerangkan makanan itu berhenti dikerongkong dan tidak dapat masuk ke dalam perut dan tidak dapat pula keluar dari mulut.[1] Imām Mujāhid menerangkan makanan itu adalah pokok *zaqqūm.* Manakala al-Zajjāj mengatakan ianya adalah pokok (rumput) yang berduri.[2]

GHUZZĀ (غُزَّى)

Erti lafaz al-*ghazwu* (ٱلْغَزْوُ) adalah menuju atau mencari. Daripada lafaz (ٱلْغَزْوُ), muncul kata terbitan yang banyak dan antaranya adalah perkataan *al-maghza* (ٱلْمَغْزَى) yang bererti tujuan atau matlamat. Perkataan (الغَزْوُ) bererti pergi menuju peperangan melawan musuh; dan *ghazin* (غَازٍ) yang bentuk jamaknya adalah *ghuzza* (غُزَّى) dan ertinya adalah orang yang berperang.[3]

Dalam al-Quran hanya perkataan (غُزَّى) sahaja yang disebut dan ianya disebut sekali sahaja, iaitu dalam surah *Āli Imrān* (3), ayat 156. Ayat ini menerangkan sikap buruk orang munafik yang mesti dijauhi oleh orang yang beriman. Diterangkan apabila ada saudara -saudara mereka yang pergi mengembara di muka bumi untuk berniaga, atau keluar berperang (أَوْ كَانُوا غُزًّى) lalu mati atau terbunuh, maka mereka berkata, "Sekiranya mereka tinggal bersama-sama kita, tentulah mereka tidak mati dan tidak terbunuh." Sikap seperti ini adalah sikap yang tidak ada faedahnya dan hanya menimbulkan penyesalan dan kesedihan di hati mereka. Kematian harus diyakini sebagai kehendak, ketetapan dan keputusan Allah.[4]

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 438

2 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 318

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), op. cit., j. 2, h. 278.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 420



حرف الفاء

F



FĀ'IL (فَاعِل)

Erti kata *fi'l* (فِعْلُ) adalah pekerjaan yang menimbulkan kesan pada yang lain, sama ada berbentuk penciptaan mahupun tidak, dilakukan dengan ilmu mahupun tidak, dilakukan dengan sengaja mahupun tidak dan sama ada yang melakukannya adalah manusia, haiwan atau lainnya. Pihak yang melakukannya dinamakan dengan *fā'il* (فَاعِل) jamaknya adalah *fā'ilūn* (فَاعِلُون).[1] Kata (فَاعِل) hanya diulang sekali sahaja dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Kahf* (18): 23. Ayat tersebut menerangkan bahawa apabila seseorang hendak melakukan sesuatu (فَاعِل) pada masa hadapan, dia haruslah mengucapkan "*Insyā' Allāh*" (sekiranya Allah menghendaki). Kerana semua kejadian di masa hadapan yang menentukan hanyalah Allah sahaja.

Manakala dalam bentuk jamak (فَاعِلُون) dan (فَاعِلِين), ianya disebut lapan kali. Tiga di antaranya berkenaan dengan penegasan bahawa perbuatan dan keputusan Allah pasti terlaksana, iaitu yang terdapat dalam surah al-Anbiyā' (21): 17, 79 dan 104. Penggunaan bentuk jamak untuk menerangkan pekerjaan Allah adalah untuk mengagungkan Zat-Nya (*li al-Ta'zīm*).

Dua daripadanya berkenaan dengan perbuatan jelik manusia, iaitu perbuatan saudara-saudara Nabi Yūsuf yang membuang beliau ke dalam perigi (Yūsuf (12): 10) dan perbuatan kaum Nabi Ibrāhīm yang membakar beliau ke dalam kobaran api (al-Anbiyā' (21): 68). Manakala tiga ayat yang tersisa kata (فَاعِلُوْن) dan (فَاعِلِين) disebut berkenaan dengan perbuatan-perbuatan manusia yang harus atau wajib, iaitu: (1). Perbuatan saudara Nabi Yūsuf yang membujuk ayahnya supaya mengizinkan Benyamin pergi bersama mereka (*Yūsuf* (12): 61); (2). Menikah dengan perempuan, bukan dengan sesama jenis sepertimana yang diperintahkan Nabi Lūt kepada kaumnya (*al-Hijr* (15): 71); dan (3). Membayar zakat (*al-Mu'minūn* (23): 4).

Kata lain yang satu akar kata dengan kata (فَاعِل) adalah kata *fa'āl* (فَعَّال), ianya disebut dua kali dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *Hūd* (11): 107 dan surah *al-Burūj* (85): 16. Pada kedua ayat tersebut ditegaskan bahawa Allah (s.w.t.) adalah "فَعَّالٌ لِّمَا يُرِيدُ" (Maha Kuasa melakukan apa yang dikehendaki -Nya). Kata (فَعَّال) mengandungi arti sangat dan maha (*Mubālaghah*), sehingga ertinya adalah setiap sesuatu yang ingin dilakukan oleh Allah, maka akan dilakukan-Nya dan tidak ada sesiapapun yang mampu menghalangi-Nya. Berbeza dengan makhluk, apabila mereka mempunyai keinginan melakukan sesuatu maka mereka perlu penolong dan pembantu, manakala Allah tidak perlu penolong atau pembantu untuk melaksanakan kehendaknya.[2]

Erti di atas dipertegaskan lagi dengan penggunaan kata (مَفْعُولا) dalam al-Qur'an yang kesemuanya menerangkan bahawa semua keputusan dan janji Allah pasti terlaksana. Kata (مَفْعُوْلا) ini diulang tujuh kali dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah al-Nisā' (4): 47; al-Anfāl (8): 42, 44; al-Isrā' (17): 5, 108; al-Ahzāb (33): 37 dan al-Muzammil (73): 18.

1 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 383.

2 'Abd al-Rahmān b. Nāsir al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 1. h. 985 dan j. 2, h. 1151.

FADL (فَضْل)

Erti kata *fadl* (فَضْل) adalah saki baki sesuatu. Ia juga dapat diertikan dengan melebihi atau melampaui taraf kekurangan (keunggulan atau kelebihan). Al-Rāghib al-Isfahānī mengatakan bahawa "اَلْفَضْل" (kelebihan) ada dua macam, iaitu: (1). Kelebihan yang terpuji seperti **keutamaan dalam bidang ilmu dan kedermawanan,** dan (2). Kelebihan yang tercela seperti **kelebihan dalam masalah marah,** sehingga marahnya melampau melebihi had yang sewajarnya. Kata (اَلْفَضْل) biasa digunakan untuk menyebut kelebihan yang terpuji, manakala untuk menyebut kelebihan yang tercela maka digunakan (اَلْفُضُوْل).[1]

Dalam al-Qur'an kata (فَضْل) diulang sebanyak delapan puluh empat kali, iaitu dalam surah al-Baqarah (2): 64, 90, 105, 198, 237, 243, 251, 268; Āli Imrān (3): 73, 74, 152, 170, 171, 174 (dua kali), 180; al-Nisā' (4): 32, 37, 54, 70, 73, 83, 113 (dua kali), 173, 175; al-Mā'idah (5): 2, 54; al-A'rāf (7): 39; al-Anfāl (8): 29; al-Tawbah (9): 28, 59, 74, 75, 76; Yūnus (10): 58, 60, 107; Hūd (11): 3 (dua kali), 27; Yūsuf (12): 38; al-Nahl (16): 14; al-Isrā' (17): 12, 66, 78; al-Nūr (24): 10, 14, 20, 21, 22, 32, 33, 38; al-Naml (27): 16, 40, 73; al-Qasas (28): 73; al-Rūm (30): 23, 45, 46; al-Ahzāb (33): 47; Saba' (34): 10; Fāt)ir (35): 12, 30, 32, 35; Ghāfir (40): 61; al-Syūrā (42): 22, 26; al-Dukhān (44): 57; al-Jāthiyah (45): 12; al-Fath (48): 29; al-Hujurāt (49): 8; al-Hadīd (57): 21 (dua kali), 29 (tiga kali); al-Hasyr (59): 8; al-Jumu'ah (62): 4 (dua kali), 10; al-Muzammil (73): 20.

Mengikut Majd al-Dīn Muhammad b. Ya'qūb al-Fayrūz Ābādī kata (فَضْل) dan juga kata-kata yang satu akar dengannya dalam al-Qur'an digunakan dalam dua puluh bentuk pemakaian,[2] iaitu:

(1) Keutamaan dalam bentuk dan penciptaan manusia berbanding makhluk-makhluk lainnya;

(2) Keutamaan satu kaum berbanding kaum-kaum yang lain;

(3) Keutamaan berupa kenabian dan ilmu pengetahuan;

(4) Keutamaan berupa anugerah mu'jizat dan karamah;

(5) Keutamaan yang ada dia antara para Nabi berbanding yang lainnya;

(6) Anugerah ditangguhkannya azab di hari akhirat bagi orang-orang yang melakukan kesalahan dan dosa;

(7) Anugerah penambahan pahala dan kemuliaan;

(8) Anugerah harta kekayaan dan juga kenikmatan;

(9) Anugerah kebaikan dan sedekah;

(10). Keutamaan kaum lelaki berbanding kaum perempuan;

(11) Anugerah diutusnya seorang Nabi dan Rasul kepada umat manusia;

(12) Anugerah harta rampasan perang (*Ghanīmah*);

(13) Keutamaan melakukan jihad dan perang memperjuangkan agama Allah;

(14) Anugerah kekayaan dan melimpahnya kenikmatan;

(15) Anugerah pekerjaan dan perniagaan;

1 Al-Isfahānī (1961), op. cit., h. 381.

2 Ābādī (1986), op. cit., j. 4, h. 196-199.

(16) Anugerah keistimewaan dan menjadi orang yang terpilih;

(17) Anugerah pemberian ampunan;

(18) Anugerah dikabulkannya doa dan keinginan;

(19) Anugerah dekat kepada Allah dan melihat-Nya;

(20) Anugerah Islam, sunnah, tauhid dan makrifat kepada Allah.

Anugerah dan keutamaan tersebut semuanya berasal dari Allah. Allah memberikan semua itu kepada hamba-Nya untuk menguji siapakah di antara mereka yang bersyukur dan siapakah di antara mereka yang kufur.

FĀH (فَاه)

Erti kata *fāh* (فَاه) adalah mulut yang digunakan untuk bercakap.[1] Kata ini dalam bentuk tunggal (فَاه) diulang sekali sahaja dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Ra'd* (13): 14. Manakala dalam bentuk jamak, *afwāh* (أَفْوَاه), ianya diulang dua belas kali, iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3): 118, 167; *al-Mā'idah* (5): 41; *al-Taubah* (9): 8, 30, 32; *Ibrāhīm* (14): 9; *al-Kahfi* (18): 5; *al-Nūr* (24): 15; *al-Ahzāb* (33): 4; *Yāsīn* (36): 65; *al-Saff* (61): 8.

Dalam surah *al-Ra'd* (13): 14, kata (فَاه) dijadikan sebagai bahagian dari perumpamaan. Pada ayat tersebut orang-orang kafir yang berdoa kepada selain Allah diumpamakan seperti orang haus yang hendak mencedok air dengan kedua tapak tangannya tapi tempat airnya jauh dari sisinya, sehingga dia tidak dapat memperoleh air itu dan tidak dapat memasukkan air ke dalam mulutnya (فَاه). Dengan itu maka doa-doa orang kafir tidak akan dikabulkan oleh sesembahan-sesembahan mereka seperti berhala dan lain sebagainya sepertimana air tidak akan masuk ke mulutnya dalam perumpamaan di atas.[2]

Dalam surah *al-Ahzāb* (33): 4 kata (أَفْوَاه) berkaitan dengan hukum zihar dan anak angkat. Pada ayat itu ditegaskan bahawa ucapan seseorang bahawa isterinya adalah laksana ibunya (ucapan zihar) dan juga ucapan seseorang bahawa anak angkatnya adalah anaknya sendiri, hanyalah ucapan yang keluar dari lisan orang tersebut sahaja (ذَٰلِكُمْ قَوْلُكُم بِأَفْوَاهِكُمْ). Ianya tidak sesuai dengan realiti sebenar dan tidak akan merubah realiti sebenar bahawa wanita tersebut bukanlah ibunya dan anak tersebut bukanlah anaknya. Sehingga hukum-hukum mengenai ibu dan anak tidak berlaku bagi keduanya.

Manakala pada saki baki ayat-ayat yang lain, kata (أَفْوَاه) selalunya dikaitkan dengan sikap dan perilaku negatif yang dilakukan oleh orang-orang kafir, sama ada Yahudi, Nasrani, kaum Musyrik mahupun orang-orang Munafik. Sikap dan perilaku negatif tersebut adalah:

- Mereka suka meletakkan tangan mereka ke mulut mereka (memberi isyarat kepada Rasul supaya diam). (*Ibrāhīm* (14): 9).
- Mulut mereka hendak mengucapkan perkataan-perkataan yang dapat memadamkan cahaya Allah (agama Islam), sedang Allah tidak menghendaki melainkan menyempurnakan cahaya-Nya, sekalipun orang-orang

1 Al-Isfahānī (1961), op. cit., h. 389.

2 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 1, h. 1052.

kafir tidak suka (*al-Taubah* (9):32) dan (*al-Saff* (61): 8).

- Pertuturan mulut mereka nyata dengan kebencian, dan apa yang disembunyikan oleh hati mereka lebih besar lagi. (Surah *Āli 'Imrān* (3): 118).
- Mulut mereka selalu menyebut apa yang tidak ada dalam hatinya (Surah *Āli 'Imrān* (3): 167). Umpamanya adalah mereka berkata dengan mulutnya: "Kami tetap beriman," padahal hatinya sama sekali tidak beriman (*al-Mā'idah* (5): 41).
- Mulut mereka mengucapkan perkara -perkara yang manis sehingga dapat menyenangkan kaum beriman, sedang hati mereka tidak suka dengan apa yang mereka ucapkan dan mereka juga tidak suka dengan kebahagiaan kaum beriman (*al-Taubah* (9): 8).
- Mulut orang kafir selalunya mengeluarkan perkataan-perkataan yang sama dengan perkataan yang pernah dikeluarkan oleh orang kafir pendahulu -pendahulu mereka. Umpamanya orang-orang Yahudi berkata: "Uzair itu anak Allah" dan orang Nasrani berkata: "Al-Masih itu anak Allah." (*al -Taubah* (9):30)
- Mulut mereka suka mengeluarkan perkataan-perkataan yang tidak berdasar ilmu pengetahuan yang sah, dusta dan penuh dengan kemusyrikan dan dosa besar. (*al-Kahf* (18): 5) dan (*al -Nūr* (24): 15).

Manakala dalam surah *Yāsīn* (36): 65 ditegaskan bahawa besok di hari kiamat mulut-mulut manusia termasuk juga mulut orang kafir dan munafik akan ditutup oleh Allah (الْيَوْمَ نَخْتِمُ عَلَىٰ أَفْوَاهِهِمْ); dan yang memberi kesaksian adalah tangan-tangan dan kaki mereka yang akan menceritakan apa yang mereka telah usahakan di dunia.

FĀHISYAH - FAHSYĀ' – FAWĀHISY (فَاحِشَةٌ–فَحْشَاء–فَوَاحِش)

Erti kata *fuhsy* (فُحْش) adalah lebih atau banyak, ianya juga diertikan dengan melewati atau melampaui kadar dan batasan. Manakala kata *fahisyah* (فَاحِشَةٌ) dan *fahsyā'* (فَحْشَاء) ertinya adalah dosa yang paling jelek sama ada dalam bentuk perbuatan mahupun perkataan. Bentuk jamak (فَاحِشَةٌ) adalah *fawahisy* (فَوَاحِش).[1] Ianya termasuk dosa-dosa besar, namun apabila kata (فَوَاحِش) disebut bersama dengan kata "اَلْكَبَائِر" (dosa-dosa besar) maka kata (فَوَاحِش) ertinya adalah dosa-dosa besar yang memang disenangi oleh hawa nafsu seperti zina dan lain-lain, sedangkan erti kata (اَلْكَبَائِر) adalah dosa besar yang sebenarnya tidak disukai oleh seseorang seperti membunuh dan lain-lain.[2]

Kata (فَاحِشَةٌ) diulang sebanyak tiga belas kali dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3): 135; *al-Nisā'* (4): 15, 19, 22, 25; *al -A'rāf* (7): 28, 80; *al-Isrā'* (17): 32; *al-Nūr* (24): 19; *al-Naml* (27): 54; *al-'Ankabūt* (29): 28; *al -Ahzāb* (33): 30; *al-Talāq* (65): 1. Manakala kata (فَوَاحِش) diulang empat kali, iaitu *al -An'ām* (6): 151; *al-A'rāf* (7): 33; *al-Syūrā* (42): 37; *al-Najm* (53): 32. Adapun kata (فَحْشَاء) diulang sebanyak tujuh kali dalam al-Qur'an iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2): 169, 268; *al -A'rāf* (7): 28; *Yūsuf* (12): 24; *al-Nūh* (16): 90;

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 316.

2 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 2, h. 717.

al-Nūr (24): 21; *al-'Ankabūt* (29): 45.

Kata-kata tersebut disinggung oleh al-Qur'an berkenaan dengan perbahasan -perbahasan tertentu yang berhubung kait dengan perbuatan keji. Perbahasan-perbahasan tersebut secara umumnya ada lima, iaitu:

- Bentuk-bentuk perbuatan keji.

Meskipun kata (فَاحِشَةٌ) mempunyai erti umum, iaitu semua kemaksiatan yang keji seperti zina, minum arak, membunuh, menuduh zina, bakhil, hubungan seks sesama jenis dan perkara-perkara lain yang dianggap keji oleh akal sihat,[1] namun dalam beberapa ayat ianya digunakan secara khas untuk menunjukkan perbuatan zina, di antaranya adalah yang terdapat dalam surah *al-Nisā'* (4): 15, 22 dan 25. Ayat ke 15 menerangkan tentang aturan kesaksian dalam jenayah perzinaan, iaitu orang yang melakukan zina (فَاحِشَةٌ) dapat dihukum had apabila ada empat orang saksi laki-laki. Ayat ke 22 menerangkan bahawa berkahwin dengan perempuan-perempuan yang telah diperisterikan oleh bapa adalah perbuatan zina (فَاحِشَة). Dan ayat ke 25 menerangkan hukuman bagi hamba-hamba perempuan yang sudah berkahwin, lalu mereka melakukan zina (فَاحِشَةٌ), hukuman mereka adalah separuh hukuman wanita merdeka, sehingga hukuman mereka adalah lima puluh pukulan sebat. Dalam surah *al-Isrā'* (17): 32 juga diterangkan secara tegas bahawa zina merupakan perbuatan yang keji (فَاحِشَة). Sehingga umat Islam dilarang menghampirinya.

Pada surah *al-A'rāf* (7): 80; *al-Naml* (27): 54 dan *al-'Ankabūt* (29): 28 kata (فَاحِشَة) digunakan untuk menujukkan erti hubungan seks sesama jenis (liwāt) yang dilakukan oleh kaum Nabi Lūt. Ini merupakan perbuatan yang sangat keji yang belum pernah dilakukan oleh penduduk bumi sebelum mereka. Dalam surah *al-Nisā'* (4):19; *al-Talāq* (65): 1 dan *al-Ahzāb* (33): 30 kata (فَاحِشَة) disifati dengan kata (مُبَيِّنَة). Imām Ibn Kathīr menyatakan bahawa erti (فَاحِشَةٍ مُبَيِّنَة) pada ayat-ayat tersebut bukan setakat zina sahaja namun ia juga termasuk maksiat, nusyūz kepada suami, berakhlak tercela, mengeluarkan kata-kata dan melakukan perbuatan yang kotor dan keji sehingga menyakiti keluarga suami.[2] Apabila isteri melakukan perbuatan-perbuatan tersebut maka suami boleh menghukum dan memberi pelajaran kepada mereka (*al-Nisā'* (4): 19). Dan apabila isteri tersebut berada dalam masa 'iddah, mereka harus berada dalam rumah tempat 'iddah, dan suaminya tidak boleh menyuruhnya keluar rumah. Namun apabila isteri tersebut melakukan (فَاحِشَةٍ مُبَيِّنَة) maka suami boleh mengusir isterinya dari rumah. (*al-Talāq* (65): 1). Dan apabila yang melakukan (فَاحِشَةٍ مُبَيِّنَة) adalah isteri-isteri Rasulullah (s.a.w.) maka mereka di akhirat akan mendapatkan seksa dua kali ganda (*al -Ahzāb* (33): 30).

Manakala pada surah *al-Nūr* (24): 19 kata (فَاحِشَة) bererti perzinaan dan juga kata-kata kotor.[3] Ayat ini menceritakan tentang orang -orang munafik yang menyebarkan tuduhan bahawa isteri Nabi, 'Ā'isyah dan sahabat Safwān melakukan zina pada kejadian hadīth *al-'Ifk*.[4] Dan Allah mengancam mereka serta orang-orang yang suka agar (فَاحِشَة) tersiar di kalangan orang-orang yang beriman, dengan azab yang pedih di dunia dan di akhirat.

Apabila memperhatikan Asbāb al-Nuzūl surah *al-A'rāf* (7): 28, maka kata (فَاحِشَة) pada ayat tersebut menunjuk kepada erti perbuat-

1 *Ibid.*, j. 1, h. 163.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 467; j. 3, h. 483 dan j. 4, h. 379

3 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 14.

4 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 12, h. 206.

an keji orang-orang musyrik jahiliah yang melakukan tawaf mengitari Ka'bah dengan telanjang.[1] Kesimpulan ini juga diperkuat dengan memperhatikan pembahasan ayat-ayat sebelum dan sesudahnya yang menerangkan tentang masalah pakaian. Namun para mufassir cenderung mengertikan kata (فَاحِشَة) pada ayat tersebut secara umum seperti menyekutukan Allah, melakukan perbuatan -perbuatan keji termasuk juga bertawaf dengan telanjang. Orang-orang musyrik jahiliah melakukan perbuatan-perbuatan keji itu dengan alasan bahawa datuk nenek mereka biasa mengerjakannya.

- **Allah mengharamkan perbuatan keji.**

Dalam beberapa ayat yang lain, Allah menegaskan pengharaman perbuatan-perbuatan maksiat yang keji ini (فَوَاحِش) sama ada yang dilakukan secara terang-terangan mahupun secara sembunyi-sembunyi (مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ). Larangan ini ditujukan kepada umat Islam dan juga kepada Ahli Kitāb sebagai peringatan bahawa perbuatan-perbuatan tersebut juga diharamkan dalam kitab-kitab mereka. Di antaranya adalah yang terdapat dalam surah *al-An'ām* (6): 151, *al-A'rāf* (7): 33, *Nūh* (16): 90. Selain dari pada itu dalam surah *al-A'rāf* (7): 28, Allah juga menegaskan bahawa Dia tidak sekali-kali menyuruh manusia mengerjakan perbuatan yang keji. Khas pada surah *al-A'rāf* (7): 28 dan surah *Nūh* (16): 90, al-Qur'an menggunakan kata (فَحْشَاء) untuk menyebut perbuatan-perbuatan keji tersebut bukan dengan kata (فَوَاحِش).

- **Perbuatan keji adalah bisikan syaitan.**

Lebih dari pada itu, dalam surah *al -Baqarah* (2): 169, 268 dan *al-Nūr* (24): 21 Allah juga menjelaskan bahawa perbuatan syaitan adalah menyuruh dan membujuk manusia untuk melakukan perbuatan-perbuatan maksiat yang keji (فَحْشَاء) seperti bakhil tidak mahu bersedekah, zina, minum arak, membunuh, menuduh zina dan perkara-perkara lain yang dianggap keji oleh akal sihat.[2] Pada ayat-ayat tersebut Allah melarang manusia mengikuti jejak langkah setan, kerana arah matlamat langkah-langkah setan adalah ke neraka. Sehingga orang yang mengikuti arah langkahnya juga akan menuju ke neraka.

- **Cara mencegah perbuatan keji.**

Selain menerangkan bentuk perbuatan keji dan melarangnya Allah juga menerangkan cara untuk menghindari perbuatan tersebut. Ini merupakan wujud kasih sayang Allah kepada hamba-Nya. Pada surah *al -'Ankabūt* (29): 45 Allah menerangkan perkara yang dapat mencegah seseorang dari melakukan perbuatan-perbuatan dosa yang keji (فَحْشَاء), iaitu dengan cara mendirikan salat. Salat adalah bentuk zikir (ingat) kepada Allah yang paling agung sehingga ianya dapat menyinari hati, menambah keimanan, memperkuat hasrat untuk melakukan kebajikan dan mengurangi atau menghilangkan hasrat untuk melakukan perbuatan jelik dan kotor. Ingat kepada Allah – khasnya dengan melakukan salat- mempunyai faedah dan kesan yang sangat besar kepada jiwa dan hati manusia.[3] Hal ini sebagaimana yang terjadi pada diri Nabi Yūsuf, di mana beliau diselamatkan Allah dari perkara-perkara yang tidak baik dan perbuatan-perbuatan yang keji (فَحْشَاء) semasa beliau digoda oleh istri 'Azīz, kerana waktu itu beliau ingat kepada petunjuk-petunjuk Allah dan juga ikhlas dalam beribadah.

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 209.

2 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 1, h. 163.

3 Ibid., j. 2, h. 382.

- **Pahala orang yang menjauhkan diri dari perbuatan keji.**

Pahala orang yang menjauhkan diri dari perbuatan keji disebutkan dalam beberapa ayat dalam al-Qur'an. Di antaranya adalah dalam surah *Āli 'Imrān* (3): 135. Pada ayat tersebut dijelaskan, antara sifat orang bertakwa adalah apabila melakukan perbuatan keji (فَاحِشَة), atau menganiaya diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun akan dosa mereka, dan pahala yang akan diperolehnya di akhirat nanti adalah syurga yang luas bidangnya seluas segala langit dan bumi. Pahala syurga dan anugerah lainnya bagi orang yang mahu menjauhi perbuatan-perbuatan keji (فَوَاحِش) semasa hidup di dunia juga dijanjikan Allah dalam surah *al-Syūrā* (42): 37 dan surah *al-Najm* (53): 32.

FAJJ – FIJĀJ (فَجٌّ-فِجَاجٌ)

Kata *fajj* (اَلْفَجُّ) dapat digunakan untuk menunjukkan beberapa erti, di antaranya adalah jalan lebar yang berada di gunung-gunung, lembah luas yang berada di antara dua gunung dan juga jalan yang panjang dan jauh. Bentuk jamaknya adalah *fijaj* (فِجَاجٌ)[1]. Kata ini dalam bentuk mufrad diulang sekali sahaja dalam al-Qur'ān, iaitu dalam surah *al-Hajj* (22): 27. Manakala dalam bentuk jamak diulang dua kali, iaitu dalam surah *al-Anbiyā'* (21): 31 dan surah *Nūh* (71): 20.

Pada surah *al-Hajj* (22): 27 diterangkan bahawa Allah (s.w.t.) menyuruh Nabi Ibrāhīm menyeru seluruh umat manusia supaya mereka mendatangi Ka'bah untuk melakukan ibadah haji. Dan akhirnya pada setiap tahun para manusia datang ke Makkah untuk menunaikan haji sama ada dengan berjalan kaki, atau mengenderai kenderaan yang datang dari segenap penjuru jalan yang jauh (فَجٍّ عَمِيق).

Menurut Ibn 'Abbās, yang dimaksud dengan jalan-jalan lebar yang diterangkan pada surah *al-Anbiyā'* (21): 31, adalah jalan-jalan lebar *fijaja* (فِجَاجًا) yang berada di atas gunung -ganang2. Keberadaan gunung-ganang yang tinggi dan lebat seakan-akan menjadi penghalang bagi manusia untuk saling berjumpa dan beraktiviti, namun dengan adanya jalan -jalan tersebut, manusia dapat pergi dari satu daerah ke daerah lain dengan mudah, dapat melakukan berbagai aktiviti dan dapat saling mengenal dengan orang-orang yang berada di daerah lain[3]. Jalan yang diciptakan Allah ini merupakan anugerah yang seharusnya disyukuri dan dapat menyedarkan manusia akan kekuasaan, kasih sayang dan keesaan Allah (s.w.t.).[4] Manakala kata (فِجَاجًا) pada surah *Nūh* (71): 20 maksudnya adalah jalan -jalan lebar yang berada di atas hamparan bumi, yang menghubungkan satu daerah dengan daerah lain sehingga manusia dapat dengan mudah melaluinya.

FAJR (فَجْرٌ)

Erti asal kata *fajr* (فَجْر) adalah membelah, mengoyak atau membuka sesuatu dengan sa-

1 Ibn Manzur (1968), op. cit., j.2, h. 338-339; Al-Isfahānī (1961), op.cit., h. 373.

2 Al-Qurtubī (1996), op. cit., j. 11, h. 285.

3 Ibn Kathīr (1998), op. cit., j. 3, h. 178.

4 Al-Sa'dī (2001), op. cit., j. 2, h. 93.

ngat lebar.[1] Waktu subuh dinamakan dengan (ٱلْفَجْرِ) kerana ia membelah waktu malam.[2] Kata ini diulang sebanyak enam kali dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2): 187; *al-Fajr* (89): 1; *al-Qadr* (97): 5; surah *al-Isrā'* (17): 78 (dua kali) dan surah *al-Nūr* (24): 58. Fajar yang muncul di langit ada dua macam:

Pertama, fajar *kādhib*, iaitu fajar yang tidak benar dan tidak diambil kira sebagai akhir atau awal waktu untuk melaksanakan suatu ibadah. Tanda fajar ini adalah sinarnya tidak memancar luas. Keluarnya memanjang kecil jauh di langit. Pada bahagian tepinya terdapat warna gelap serupa dengan ekor serigala hitam yang bahagian ekornya terdapat warna putih dan di bahagian tepinya terdapat warna hitam.

Kedua, fajar *sādiq*, iaitu fajar yang benar dan dianggap sebagai batas akhir atau awal waktu untuk melaksanakan suatu ibadah. Tanda fajar ini adalah sinarnya memancar dan menyebar luas hingga memenuhi ufuk (kaki langit sebelah timur) seperti pancaran sinar matahari.[3]

Fajar merupakan waktu yang diistimewakan oleh Allah (s.w.t.). Dalam surah al-Fajr (89): 1, Allah (s.w.t.) bersumpah dengan waktu fajar (وَٱلْفَجْرِ). Para *mufassir* berbeza pendapat dalam memahami maksud fajar tersebut, kerana waktu fajar tersebut mestilah waktu fajar yang sangat istimewa. Imām al-Qurtubī dalam tafsirnya mengemukakan beberapa pendapat, di antaranya adalah:

- Waktu fajar yang muncul di setiap permulaan hari.
- Waktu fajar di hari Raya Qurban (*Idul Adha*). Sebagai batas akhir sepuluh malam yang terdapat dalam ibadah haji.
- Waktu fajar di awal bulan Dhulhijjah, sebab ayat kedua surat tersebut menyertakan sepuluh hari yang dianggap sebagai hari-hari yang besar dalam Islam untuk melaksanakan ibadah haji.
- Fajar di awal setiap tahun (tarikh 1 Muharram), kerana awal tahun ini dianggap sebagai hari yang mulia.
- Fajar di akhir *Laylah al-Qadar*, sebab pahala ibadah yang diperoleh pada malam ini sama nilainya dengan 1000 bulan yang lain. Makna ini difahami dari surah *al-Qadr*, 97: 1-5 yang di dalamnya terdapat kalimat "حَتَّىٰ مَطْلَعِ ٱلْفَجْرِ" (hingga terbit fajar). Manakala ayat kedua dari surat *al-Fajr* difahami sebagai malam sepuluh terakhir bulan Ramadan, sebab pada sepuluh malam terakhir bulan Ramadan ini Nabi (s.a.w.). lebih banyak beribadah dibandingkan dengan malam-malam sebelumnya.[4]

Selain kata fajar dikaitkan dengan masalah sumpah dan *laylah al-qadr*, ianya juga dikaitkan dengan masalah-masalah lain. Dalam surah *al-Isra'* (17): 78 waktu fajar dikaitkan dengan waktu salat, yaitu akhir waktu salat Isya' dan awal waktu salat Subuh. Dalam ayat tersebut, fajar menjadi pembatas antara salat Isya' dan salat Subuh. Kalimat "قُرْءَانَ ٱلْفَجْرِ" pada ayat ini diertikan dengan salat fajar (salat Subuh) kerana pada salat tersebut disunatkan membaca ayat-ayat al-Quran dengan panjang, dan juga kerana bacaan al-Quran pada waktu itu di saksikan oleh para Malaikat

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), op. cit., j. 2, h. 315.

2 Al-Isfahānī (1961), op. cit., h. 373.

3 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 175.

4 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.* j. 20, h. 38-39.

yang bertugas pada waktu malam dan juga yang bertugas pada waktu siang.[1]

Sedangkan surah *al-Baqarah* (2): 187 menerangkan tentang waktu imsak atau batas awal waktu melakukan puasa. Fajar dalam ayat tersebut dilukiskan sebagai sinar yang dapat membezakan antara benang putih dan benang hitam. Ketika hal itu terjadi maka bagi orang yang puasa dilarang melakukan sesuatu yang membatalkan puasa, seperti hubungan seks, makan, dan minum.

Dalam surah *al-Nūr* (24): 58 disebutkan tentang tatacara pergaulan dalam rumah tangga. Menurut ayat tersebut, dalam sehari semalam terdapat tiga waktu yang mana seseorang biasanya banyak membuka tubuhnya. Tiga waktu itu adalah sebelum salat Subuh (صَلَوٰةِ ٱلْفَجْرِ), tengah siang hari, dan setelah solat Isya'. Kerana itu Allah (s.w.t.) melarang pada hamba abdi dan anak-anak di bawah umur untuk memasuki kamar tidur orang dewasa tanpa keizinan mereka.

FAJWAH (فَجْوَةٌ)

Erti kata *fajwah* (فَجْوَة) adalah hamparan tanah atau halaman yang luas, bentuk jamaknya adalah *fajwāt* (فَجْوَات) dan *fijā'* (فِجَاءٌ).[2] Dalam al-Qur'an kata ini hanya disebut dalam bentuk tunggalnya, dan itupun hanya diulang sekali sahaja, iaitu pada surah *al-Kahf* (18): 17. Ayat ini menggambarkan kondisi gua tempat *Ashāb al-Kahf* tertidur selama tiga ratus (300) tahun *Syamsiyyah* atau tiga ratus sembilan (309) tahun *Qamariyyah*. Bahagian dalam gua tersebut selalu terlindung dari sinar matahari secara langsung, sehingga tubuh badan *Ashāb al-Kahf* itu tidak rosak terkena panas sinar matahari selama masa tidurnya yang sangat panjang itu. Selain dari pada itu, ruangan dalam gua tersebut juga sangat luas (فَجْوَة), sehingga udara dan angin mencukupi, tidak mengganggu dan tidak membahayakan kesihatan mereka. Apabila ruangan gua tersebut sempit maka kesihatan mereka tentu akan terjejas, terlebih lagi mereka tidur dalam masa yang sangat lama. Ini semua merupakan rahmat Allah kepada Ashāb al-Kahf, supaya tubuh mereka dan juga agama yang mereka anut terlindungi sehingga apa yang mereka alami dapat menjadi pelajaran bagi orang-orang setelahnya. Ini merupakan tanda keagungan dan kekuasaan Allah.[3]

FAKHKHĀR (فَخَّار)

Erti kata *fakhkhār* (فَخَّار) adalah tembikar (barang pecah belah yang dibuat daripada tanah liat).[4] Perkataan ini hanya diulang sekali sahaja dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Rahmān* (55): 14. Pada ayat ini, Allah menerangkan bahawa Dia menciptakan Nabi Ādam – yang merupakan asal semua manusia - dari tanah liat kering yang apabila dipukul ia mengeluarkan bunyi seperti bunyi tembikar (barang pecah belah yang dibuat daripada tanah liat) yang telah dipanaskan dengan api (كَٱلْفَخَّار).[5]

Imām al-Qurtubī berkata, "Allah men-

1 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 1, h. 1184.

2 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 176.

3 A-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 1, h. 1203.

4 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 374.

5 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 2, h. 903.

ciptakan Nabi Ādam dari tanah (تُرَاب) kemudian tanah itu diolah menjadi lumpur (طِين) kemudian diolah menjadi tanah kental yang berubah warna dan baunya (حَمَإٍ مَسْنُونٍ) dan kemudian diolah menjadi tanah liat yang kering seperti tembikar (صَلْصَال كَالْفَخَّار)."[1] Imām al-Alūsī mengatakan bahawa penggunaan kata (الْفَخَّار) pada ayat ini mengisyaratkan bahawa manusia mempunyai sifat tabi'i suka membangga-banggakan diri (اَلتَّفَاخُر) di antara sesama mereka.[2] Sifat seperti ini harus diketepikan kerana ianya dapat menyebabkan rosaknya hubungan antara manusia sama ada keluarga mahupun masyarakat, dan sifat seperti ini sangat dibenci oleh Allah (s.w.t.).

FAKHŪR - TAFĀKHUR (فَخُورٌ - تَفَاخُر)

Erti kata *fakhr* (فَخْرٌ) adalah sikap berbangga diri atau sombong atas sesuatu yang dimiliki seperti harta, pangkat atau yang lain. Untuk menyebut orang yang mempunyai sikap seperti itu digunakan kata *fākhir* (فَاخِرٌ), Fakhūr (فَخُوْرٌ) dan *fakhīr* (فَخِيْرٌ). Manakala untuk menyebut sikap saling berbangga dan sombong yang terjadi di antara manusia maka digunakan kata *tafākhur* (تَفَاخُر).[3]

Dari kelima kata di atas, al-Qur'an hanya menyebut kata (فَخُوْرٌ) dan (تَفَاخُر) sahaja. Kata (فَخُوْرٌ) diulang empat kali dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Nisā'* (4): 36; surah *Hūd* (11): 10; surah *Luqmān* (31): 18 dan surah *al-Hadīd* (57): 23. Manakala kata (تَفَاخُر) diulang sekali sahaja, iaitu pada surah *al-Hadīd* (57): 20. Pada surah *al-Hadīd* (57): 20, Allah menerangkan realiti kehidupan manusia di dunia yang sebahagian besar waktunya dihabiskan untuk permainan, melakukan perbuatan-perbuatan yang melalaikan hati dari ingat kepada Allah, menyombongkan diri dan berbangga-bangga di hadapan yang lain (تَفَاخُر) dan juga berlumba-lumba untuk memperbanyak harta dan keturunan. Padahal semuanya itu akan berakhir dan akan mendapat pembalasan di akhirat.[4]

Pada beberapa ayat berikutnya, iaitu ayat ke 23 surah *al-Hadīd*, Allah menegaskan secara khusus bahawa Dia tidak menyukai orang yang bersikap sombong (مُخْتَالٍ فَخُورٍ) dalam kehidupan di dunia. Kebencian Allah kepada (مُخْتَالٌ) dan (فَخُوْرٌ) juga disebut pada surah *al-Nisā'* (4): 36 dan surah *Luqmān* (31): 18. Erti kata (مُخْتَالٌ) dan (فَخُوْرٌ) adalah hampir sama iaitu orang yang sombong namun di antara keduanya ada perbezaan; (مُخْتَالٌ) adalah orang sombong yang kesombongannya tampak pada perilaku dan gerak tubuhnya, manakala (فَخُوْرٌ) adalah orang sombong yang kesombongannya tampak pada ucapannya umpamanya dengan menceritakan kebaikan -kebaikan yang pernah dilakukannya dengan penuh rasa kesombongan.[5] Dalam ketiga ayat tersebut ditegaskan bahawa sikap sombong seperti itu adalah sikap yang sangat tidak disukai oleh Allah.

Manakala pada surah *Hūd* (11): 10, Allah menerangkan bila biasanya seseorang menjadi sombong (فَخُوْرٌ), iaitu semasa Allah menghilangkan kepayahan dan kesusahan dari diri seseorang dan menggantinya dengan kemudahan dan kelapangan. Pada saat seperti ini biasanya pada diri manusia muncul rasa bangga dengan diri sendiri kerana

1 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 17, h. 161.

2 Al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 27, h. 105.

3 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 374.

4 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 2, h. 936.

5 Al-Zuhaylī (1991), *op. cit.*, j. 5, h. 63 dan 68.

merasa telah berjaya melewati cabaran dan dugaan, selanjutnya muncul rasa sombong dan merasa lebih hebat berbanding dengan orang lain. Padalah sebenarnya kejayaan yang diperolehnya itu adalah anugerah dan karunia Allah.[1]

FĀKIHŪN – FAKIHĪN (فَاكِهُوْن - فَكِهِين)

Erti kata *fakih* (فَكِهٌ) dan *fākih* (فَاكِهٌ) adalah orang yang hatinya gembira atau orang yang banyak tertawa.[2] Kata tersebut juga dapat diertikan dengan orang yang sombong dan congkak.[3] Kata (فَكِهِين) tanpa huruf alīf diulang sekali sahaja dalam al-Qur'ān, iaitu dalam surah *al-Mutaffifīn* (83): 31. Manakala kata *fākihūn* (فَاكِهُون) dan *fākihīn* (فَاكِهِين) dengan huruf alīf diulang tiga kali dalam al -Qur'an, iaitu dalam surah *Yāsīn* (36): 55; *al-Dukhān* (44): 27; *al-Tūr* (52): 18. Dalam al-Qur'an kata ini digunakan untuk menggambarkan keadaan orang kafir yang bahagia dan bersuka ria di dunia, dan keadaan orang beriman yang bahagia dan bersuka ria di akhirat.

Pada surah *al-Dukhān* (44): 27 diceritakan bahawa Fir'aun dan kaumnya adalah orang yang bersenang-senang (فَاكِهِين),[4] bahkan sombong dan congkak dengan kemudahan-kemudahan yang mereka miliki seperti taman, sumber air, kebun dan juga kedudukan yang tinggi. Namun akhirnya kenikmatan yang banyak itu mereka tinggalkan, kerana mereka tenggelam dalam laut semasa mengejar Nabī Mūsā dan Banī Isrā'īl.

Pada surah *al-Mutaffifīn* (83): 31 diterangkan bahawa orang yang derhaka sama ada orang kafir, munafik mahupun fasiq suka mentertawakan, menghina dan mencemuh di hadapan orang mukmin, dan apabila mereka kembali berkumpul dengan kelompoknya mereka merasa bahagia dan bersuka ria (فَكِهِين) dengan apa yang telah mereka lakukan. Ini menunjukkan bahawa hati mereka tertutup dari kebenaran dan mereka tertipu dengan amal perbuatannya sendiri, kerana mereka telah menyakiti orang mukmin, namun mereka merasa bahawa mereka lah yang benar dan mereka lah yang selamat.[5]

Manakala dalam surah *Yāsīn* (36): 55 dan *al-Tūr* (52): 18 kata (فَاكِهِين) digunakan untuk menggambarkan keadaan orang beriman di syurga, di mana mereka kagum, gembira dan bersuka ria dengan karunia Allah dan dengan kesibukan-kesibukan mereka sendiri di syurga.

FAKK – MUNFAKKĪN (فَكّ - مُنْفَكِّيْنَ)

Erti asal kata kerja *fakk* (فَكَّ) adalah melepaskan atau memisahkan. Contoh penggunaannya,

فَكَّ الرَّجُلُ الْقَيْدَ

"Seorang lelaki telah melepaskan ikatan tali."

فَكَّ الرَّجُلُ الْأَسِيرَ

"Seorang lelaki telah membebaskan tawan-

1 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 1, h. 953.

2 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 213.

3 Lihat al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 16, h. 139.

4 Lihat Ibid., j. 16, h. 139.

5 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 2, h. 1142, 1143.

an."

فَكَّ الرَّجُلُ الرَّهْنَ

"Seorang lelaki telah menebus gadai."

فَكَّ الرَّجُلُ الرَّقَبَةَ

"Seorang lelaki telah memerdekakan hamba abdi."[1]

Dengan itu maka erti kata *fakk* (فَكٌّ) adalah pelepasan, pemisahan atau pembebasan. Kata ini hanya diulang sekali sahaja dalam al-Qur'an, iaitu pada surah *al-Balad* (90): 13. Pada bahagian akhir surah *al-Balad* Allah menerangkan beberapa cara yang dapat dilakukan oleh manusia untuk menghindarkan diri dari susahnya hidup di akhirat (hidup dalam neraka), sama ada dengan cara menginfakkan harta kekayaan mahupun mengucapkan perkataan untuk kebajikan di dunia.

Dan pada ayat 13 surah *al-Balad* ini Allah secara khas menerangkan salah satu cara tersebut, iaitu dengan menafkahkan harta untuk membebaskan hamba abdi dari belenggu perbudakan atau membantu mereka membayar harga tebusan, terlebih lagi untuk membebaskan tentera perang Muslim yang ditawan oleh orang kafir. Amal kebajikan seperti ini dinamakan dengan (فَكُّ رَقَبَةٍ).[2] Imām Ahmad b. Hanbal meriwayatkan dari 'Uqbah bin 'Āmir al-Juhanī, bahawa Rasulullah bersabda: "Sesiapa yang memerdekakan hamba abdi Mukminah maka amalannya tersebut akan menjadi penebus (yang akan menyelamatkannya dari seksa) neraka."[3]

Selain daripada itu dalam al-Qur'an juga terdapat satu kata lain yang mempunyai akar kata yang sama dengan kata (فَكٌّ), iaitu kata *munfakkīn* (مُنْفَكِّيْن). Kata ini hanya diulang sekali sahaja dalam al-Qur'an, iaitu pada surah *al-Bayyinah* (98): 1. Pada ayat ini diterangkan bahawa orang kafir dari kaum Yahudi, Nasrani dan orang-orang musyrik tidak akan mahu melepaskan diri (مُنْفَكِّيْن) dari agama yang dianutinya, meskipun bukti yang nyata telah datang dan hadir di hadapan mereka, iaitu datangnya Nabi Muhammad sebagai Rasul yang sifat-sifatnya telah mereka ketahui dalam kitab-kitab suci mereka. Oleh itu mereka akan mendapat ganjaran seksa neraka di akhirat nanti.

FALAK (فَلَك)

Erti kata *falak* (فَلَك) adalah tempat berjalannya bintang dan planet. Al-Rāghib al-Isfahānī mengatakan, orbit bintang dan planet dinamakan dengan (فَلَك), kerana bentuknya bulat panjang seperti bentuk kapal (فُلْك).4 Kata (فَلَك) diulang dua kali sahaja dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Anbiyā'* (21): 33 dan *Yāsīn* (36): 40. Dalam kedua ayat ini dijelaskan bagaimana Allah telah mengatur alam raya ini dengan sangat teliti dan rapi, sehingga matahari, bulan, siang dan malam mempunyai garis edar atau orbitnya sendiri-sendiri, dengan itu maka munculnya siang dan matahari tidak akan mendahului munculnya malam dan rembulan.

Semuanya ini membawa kemanfaatan bagi manusia, iaitu munculnya waktu malam yang gelap sehingga mereka dapat istirahat dengan tenang, dan munculnya waktu siang yang terang sehingga mereka dapat bekerja

1 Al-Isfahānī (1961), op. cit., h. 384 ; *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op.cit.*, j. 2, h. 343

2 Lihat al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 2, h. 1168.

3 Ahmad b Hanbal al-Syaybānī (t.t.), *Musnad Ahmad*, j. 4. Musnad 'Uqbah bin 'Āmir al-Juhanī. Mesir: Mu'assasah Qurtubah, h. 150.

4 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 385.

dan mencari rezeki, wujudnya keseimbangan antara hawa sejuk dan panas, musim berputar dan berulang setiap tahun, dan waktu serta tarikh dapat ditetapkan dengan senang untuk keperluan ibadah mahupun muamalah. Ini semua merupakan tanda-tanda yang senang difahami oleh manusia yang menunjukkan bahawa Allah adalah Zat yang Maha Kuasa.[1]

FALAQ - FĀLIQ (فَلَقَ-فَالِقُ)

Kata *falaq* (فَلَقٌ) mempunyai beberapa erti namun kesemuanya mengandungi inti erti yang sama iaitu erti dari kata dasar (فَلَقٌ) membelah atau memisahkan dua benda dan menjauhkan di antara yang satu dari yang lain.[2] Di antara erti (اَلْفَلَقُ) adalah: (1). Tanah rendah yang berada di antara dua anak bukit, di mana tanah ini memisahkan dua anak bukit yang berada di kedua sisinya; (2). Semua makhluk, di mana semuanya diciptakan dan dipisahkan dari yang lain; (3). Waktu subuh, di mana waktu ini memisahkan siang yang terang dari malam yang gelap.[3]

Kata (اَلْفَلَقُ) hanya diulang sekali sahaja dalam al-Qur'an, iaitu pada surah *al-Falaq* (113): 1. Para mufassir berbeza pendapat dalam memaknakan kata ini. Ada yang mengatakan bahawa ertinya adalah waktu subuh, semua makhluk, rumah di neraka jahannam yang apabila dibuka pintunya maka penduduk neraka akan menjerit kerana sangat panas, perigi yang berada di bagian dasar neraka jahanam yang ditutup dan apabila tutup itu dibuka maka akan keluar api yang membakar neraka jahannan, dan ada juga yang mengatakan bahawa *al-Falaq* adalah nama lain dari neraka jahanam.[4]

Imām al-Alūsī merajihkan pendapat yang mengatakan bahawa erti kata (اَلْفَلَقُ) adalah semua makhluk ciptaan Allah,5 di mana semuanya diciptakan Allah dengan cara memunculkannya dari makhluk yang lain seperti mata air diciptakan dari pergunungan, subuh muncul dari kegelapan, tanaman tumbuh di atas hamparan tanah, haiwan lahir dari induknya dan lain-lain. Sehingga erti ini selari dengan erti kata dasar (اَلْفَلْقُ) iaitu membelah atau memisahkan.[6]

Pada surah *al-Falaq* (113): 1 tersebut ditegaskan bahawa Nabi Muhammad dan juga umat Islam diperintah untuk meminta perlindungan kepada Tuhan yang mencipta dan memelihara semua makhluk (رَبِّ الْفَلَقِ) dari bahaya dan kejelikan yang timbul dari semua ciptaan-Nya.

Dalam al-Qur'an surah *al-An'ām* (6): 95, 96 juga disebutkan bahawa Allah adalah Zat yang mewujudkan waktu subuh dan menciptakan butir-butir tumbuhan dan juga biji buah-buahan. Untuk menggambarkan penciptaan ini, al-Qur'an menggunakan ungkapan (فَالِقُ الْإِصْبَاحِ) dan (فَالِقُ الْحَبِّ وَالنَّوَى) yang ertinya adalah Allah adalah Zat yang memunculkan waktu subuh yang terang dengan cara memisahkannya dari waktu malam yang gelap.[7] Dan Allah adalah Zat yang membelah butir-butir tumbuhan dan juga biji buah-buahan sehingga muncullah tangkai dan daun yang hijau, dan Allah mem-

1 Al-Sa'dī (2001), *op.cit.*, j. 2, h. 92.

2 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 385.

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), op. cit., j. 2, h. 345.

4 Al-Qurt)ubī (1996), *op. cit.*, j. 20, h. 224-255.

5 Al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 30, h. 279.

6 Al-Qurt)ubī (1996), *op. cit.*, j. 20, h. 255.

7 Ibid., j. 7, h. 45.

belah tangkai dan daun yang hijau sehingga muncullah butir-butir tumbuhan dan juga biji buah-buahan.[1] Kesemuanya ini adalah tanda kekuasaan Allah dan juga tanda kasih sayang Allah kepada manusia.

FĀN (فَانٍ)

Erti kata *fān* (فَانٍ) adalah sesuatu yang pergi dan terputus.[2] Kata ini hanya diulang sekali sahaja dalam al-Qur'an, iaitu pada surah *al -Rahmān* (55): 26. Ayat ini menegaskan bahawa semua benda yang ada di atas bumi seperti manusia, jin, haiwan dan makhluk-makhluk yang lain akan mengakhiri hidupnya (rosak atau mati). Hanya Allah lah yang kekal. Dari mulai awal surah al-Rahmān hingga ayat ke 25, Allah menerangkan ciptaan-ciptaan-Nya yang sangat menakjubkan seperti manusia, matahari, bulan, bintang, tumbuh-tumbuhan, langit, jin, sungai, laut dan juga perhiasan. Dan pada ayat ke 26 ini, Allah menegaskan bahawa kesemuanya itu akan rosak dan berakhir, sehingga Imām Qatādah berkata: "Allah telah menerangkan ciptaan-ciptaan -Nya kepada kita, dan kemudian Dia mengkhabarkan bahawa semuanya itu akan rosak dan binasa."[3]

Imām al-Sya'bī berkata: "Apabila kalian membaca ayat "كُلُّ مَنْ عَلَيْهَا فَانٍ" (Semua yang ada di bumi itu akan binasa), janganlah kalian berhenti di situ, hendaklah kalian meneruskan membaca ayat selepasnya, iaitu "وَيَبْقَى وَجْهُ رَبِّكَ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ" (Dan tetap kekal Dzat Tuhanmu yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan).[4]

FĀQI' (فَاقِعٌ)

Asal erti kata *fāqi'* (فَاقِعٌ) adalah sesuatu atau suara yang sangat jelas dan nyata. Apabila ia digunakan untuk menyifatkan warna maka bererti warna yang sangat jelas.[5] Al-Fayruz Ābādī juga menegaskan bahawa erti kata *faqu'* (فُقُوْعٌ) adalah warna yang murni, dan apabila dikatakan (صَفْرَاءُ فَاقِعٌ) maka ertinya adalah warna kuning yang sangat kuning.[6]

Dalam al-Qur'an, kata ini hanya diulang sekali sahaja, iaitu pada surah *al-Baqarah* (2): 69. Diceritakan bahawa pada masa Nabi Mūsā (a.s.), ada seseorang yang terbunuh. Kemudian kaum Banī Isrā'īl berbantah-bantahan mengenai siapakah orang yang melakukan pembunuhan tersebut, hingga terjadi kekacauan di antara mereka. Lalu Nabi Mūsā menyuruh mereka supaya menyembelih lembu betina untuk mengetahui siapakah yang melakukan pembunuhan tersebut. Namun Banī Isrā'īl berdegil, tidak mahu terus melaksanakan nasihat dan perintah Nabinya, bahkan mereka mengajukan banyak pertanyaan kepada Nabi Mūsā mengenai sifat-sifat lembu betina tersebut.

Akhirnya Allah menetapkan beberapa sifat yang menyebabkan mereka sukar mendapatkannya. Di antara sifat tersebut adalah (صَفْرَاءُ فَاقِعٌ) yang ertinya adalah warna yang

1 Ibid., h. 44.

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op.cit.*, j. 2, h. 347

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 273.

4 Ibid.

5 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 327.

6 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 210.

sangat kuning. Sehingga warna ini menjadi salah satu sifat yang mesti dimiliki oleh lembu betina yang akan disembelih oleh Banī Isrā'īl supaya mereka mengetahui siapa pembunuh sebenar orang tersebut. Warna ini ditetapkan oleh Allāh setelah mereka mengutarakan pertanyaan-pertanyaan kepada Nabi Mūsā mengenai sifat-sifat lembu yang mesti mereka sembelih.

Dan pertanyaan-pertanyaan mereka ini menyebabkan kesukaran pada diri mereka sendiri, kerana mereka mesti mencari lembu betina yang mempunyai umur, warna dan sifat-sifat tertentu lainnya. Padahal kalau sahaja mereka terus melaksanakan perintah dan nasihat Nabinya dan tidak banyak bertanya maka Allah tidak akan menetapkan sifat -sifat yang menyukarkan tersebut.[1]

FĀQIRAH (فَاقِرَة)

Adapun erti *fāqirah* (فَاقِرَة) adalah bencana atau musibah yang besar.[2] Kata (فَاقِرَة) hanya disebut sekali sahaja dalam al-Qur'ān iaitu dalam surah *al-Qiyāmah* (75): 25. Pada ayat ini diterangkan bahawa di akhirat nanti wajah-wajah orang kafir menjadi muram, kerana yakin bahawa mereka akan mendapatkan malapetaka yang besar (فَاقِرَة). Para ulama berbeza pendapat dalam mengertikan kata (فَاقِرَة); Imām Qatādah mengertikannya dengan kejelekan; Imām al-Suddī mengertikannya dengan kehancuran; manakala Ibn 'Abbās dan Ibn Zayd mengertikannya dengan masuk ke dalam neraka. Imam al-Qurtubī menegaskan bahawa kesemua erti itu hampir sama.[3]

FAQR (فَقْرٌ)

Erti kata *faqr* (فَقْرٌ) adalah kefakiran iaitu lawan kepada kaya. Manakala orang yang berada dalam keadaan memerlukan dinamakan *faqīr* (فَقِيرٌ) dan bentuk jamaknya adalah *fuqarā'* (فُقَرَاء). Orang yang fakir biasanya bertumpu kepada tulang punggungnya (فَقَارُ ظَهْرِهِ) untuk memenuhi keperluan dan haja - nya.[4]

Kata (فَقْرٌ) diulang sekali sahaja dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2): 268. Allah memerintahkan kaum beriman untuk menginfakkan sebahagian harta-harta yang baik hasil usaha mereka dan juga sebahagian hasil tanaman yang baik. Allah melarang kaum beriman menginfakkan harta dan hasil tanaman yang buruk. Kemudian pada ayat ini Allah memerintahkan umat beriman untuk tidak mengikuti bujuk rayu syaitan yang menakut-nakuti mereka dengan kefakiran (الفَقْرَ) apabila mereka menginfakkan harta.

Manakala kata (فَقِيرٌ) diulang lima dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3): 181; *al-Nisā'* (4): 6, 135; *al-Hajj* (22): 28 dan *al-Qasas* (28): 24. Aturan-aturan Allah selalunya mengedepankan rasa kasih sayang kepada fakir miskin dan memperhatikan hak-haknya. Hal ini tampak pada surah *al -Nisā'* (4): 6. Ayat ini menerangkan tentang aturan pengurusan harta anak-anak yatim

1 Lihat al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 1, h. 94 dan 95.

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 342.

3 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 19, h. 110.

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 342.

yang masih kecil. Prinsip dasar yang harus dipatuhi oleh orang yang ditugasi mengelola (wali) harta anak yatim adalah dia tidak boleh mengambil sebahagian harta itu untuk keperluannya sendiri. Namun apabila orang yang bertanggungjawab mengurus harta tersebut fakir (فَقِيرٌ), maka dia boleh mengambil sebahagian harta tersebut untuk keperluan hidupnya, namun menurut kadar yang sewajarnya.

Begitu juga dengan aturan yang terdapat dalam surah *al-Hajj* (22): 28. Di awal ayat, Allah menegaskan bahawa binatang ternak adalah rezeki dan anugerah bagi manusia, oleh itu hendaklah manusia mengingat Allah semasa menyembelih binatang-binatang ternak tersebut pada hari-hari haji. Dan di akhir ayat Allah menegaskan apabila haiwan itu sudah disembelih, maka hendaklah mereka memakannya dan membagikannya kepada orang fakir (فَقِيرٌ).

Namun perasaan kasihan kepada fakir miskin ini tidak boleh menyebabkan seseorang kehilangan sikap tegas dan adil dalam menetapkan hukum. Perkara inilah yang ditekankan oleh Allah dalam surah *al-Nisā'* (4): 135, di mana Allah menyuruh kaum beriman untuk bertindak adil dalam menghukum seseorang. Jangan sampai kekayaan dan kefakiran seseorang mempengaruhi keputusan hukuman. Mengikuti perintah Allah untuk bersikap adil adalah lebih utama dibandingkan mengikuti kehendak hati hanya kerana takut kepada orang kaya atau kasihan kepada orang fakir (فَقِيرٌ).

Sementara itu pada surah *Āli 'Imrān* (3): 181, diterangkan salah satu sikap kaum Yahudi yang sangat keji, iaitu mereka menuduh bahawa Allah adalah fakir (فَقِيرٌ) memerlukan bantuan manusia, kerana Allah meminta manusia untuk bersedekah. Ini merupakan perkataan yang sangat keji dan akan mendapat balasan di akhirat nanti. Perkataan mereka itu sungguh keliru, kerana Allah (s.w.t.) adalah Zat yang Maha Kaya Penguasa alam raya manakala manusia sangat memerlukan bantuan dan anugerah-Nya.

Keyakinan seperti inilah yang semestinya mengakar di dalam hati orang beriman, sepertimana yang dicontohkan oleh Nabi Mūsā (a.s.) yang berdoa kepada Allah, "رَبِّ إِنِّي لِمَآ أَنزَلْتَ إِلَيَّ مِنْ خَيْرٍ فَقِيرٌ" (Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku sangat berhajat (sangat faqir) kepada sebarang rezeki pemberian yang Engkau berikan). (*al-Qasas*) (28): 24). Doa ini dibaca Nabi Mūsā semasa beliau berada di daerah Madyan, setelah beliau lari dari Mesir kerana takut kezaliman kaumnya. Sifat Allah yang maha kaya dan kefakiran manusia kepada-Nya juga ditegaskan dalam firman Allah pada surah *Fātir* (35): 15; *Muhammad* (47): 38. Pada kedua ayat tersebut manusia disifatkan dengan al-fuqara' (الفُقَرَاء).

Pada surah *al-Baqarah* (2): 271, 273 diterangkan mengenai cara terbaik memberikan sedekah kepada fakir dan kriteria-kriteria fakir yang berhak mendapat sedekah. Pada ayat 271 Allah menjelaskan bahawa memberikan sedekah secara umum boleh dilakukan dengan cara terang-terangan dan sembunyi-sembunyi. Namun ayat ini juga mengisyaratkan bahawa memberikan sedekah khas kepada fakir miskin (الفُقَرَاء) dengan cara sembunyi-sembunyi adalah lebih baik daripada dengan cara terang-terangan.[1] Ini menunjukkan bahawa aturan Allah sangat memihak dan mengambil kira perasaan hati fakir miskin. Manakala pada ayat ke 273 Allah menerangkan enam sifat orang yang paling berhak mendapatkan sedekah. Enam sifat tersebut adalah,

1 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 1, h. 255.

(1) *Fakir* (الْفُقَرَاء);

(2) Yang menentukan dirinya dengan menjalankan khidmat atau berjuang pada jalan Allah (membela Islam);

(3) Yang tidak mampu mengembara di muka bumi (untuk berniaga dan sebagainya);

(4) Mereka itu disangka sebagai orang kaya oleh orang yang tidak mengetahui halnya, kerana mereka menahan diri daripada meminta-minta;

(5) Mereka dikenali kefakirannya oleh orang yang pandai dengan sifat-sifat yang dimilikinya;

(6) Mereka tidak meminta kepada orang ramai dengan mendesak-desak.[1]

Pada surah *al-Taubah* (9): 60, Allah juga menyebutkan senarai lapan orang yang berhak mendapatkan sedekah wajib (zakat). Dan yang pertama adalah orang-orang fakir (الْفُقَرَاء). Begitu juga pada surah *al-Hasyr* (59): 8, orang-orang fakir (الْفُقَرَاء) ditetapkan sebagai salah satu dari lima pihak (kelompok) yang mendapatkan bahagian harta *al-Fay'*. Dan pada ayat itu orang fakir yang dimaksudkan adalah orang fakir kaum Muhajirin (لِلْفُقَرَاءِ الْمُهَاجِرِين) yang meninggalkan rumah dan hartanya kerana memenuhi perintah Allah (s.w.t.).

Manakala pada surah *al-Nūr* (24): 32, Allah menegaskan bahawa jika orang-orang yang berkahwin itu miskin (الْفُقَرَاء), maka Dia akan memberikan kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya kerana Allah Maha Luas (rahmat-Nya dan limpah kurnia -Nya), lagi Maha Mengetahui. Oleh itu jangan sampai seseorang tidak mahu menikah kerana khuatir akan menjadi fakir sebab tanggungan keluarga akan bertambah. Kekhuatiran menjadi fakir ini adalah sama dengan kekhuatiran yang dibisikkan oleh syaitan kepada orang yang bersedekah seperti yang terdapat pada surah *al-Baqarah* (2): 268 di atas. Dengan demikian maka ayat ini mengandungi anjuran untuk menikah dan juga janji Allah kepada orang-orang yang berkahwin bahawa Dia akan memberi karunia kepada mereka[2].

Dengan demikian maka bentuk jamak (فُقَرَاء) diulang sebanyak tujuh kali dalam al -Qur'an, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2): 271, 273; *al-Taubah* (9): 60; *al-Nūr* (24): 32; *Fātir* (35): 15; *Muhammad* (47): 38; *al-Hasyr* (59): 8.

FAR' (فَرْعُ)

Erti kata *far'* (فَرْعُ) adalah cawangan, apabila dikatakan (فَرْعُ الشَّجَر) ertinya adalah dahan atau ranting pokok, bentuk jamaknya adalah *furū'* (فُرُوْع).[3] Dalam bentuk tunggal, kata ini diulang sekali sahaja dalam al-Qur'an, iaitu pada surah *Ibrāhīm* (14): 24. Pada ayat ini, kata (فَرْعُ) yang bererti ranting bersamaan dengan kata akar dan kata buah, dijadikan sebagai perumpamaan untuk menggambarkan sifat, keuntungan dan kemanfaatan *Kalimah al-Tayyibah* (كلمة طيبة).

Ketika menghuraikan ayat tersebut, 'Abd al-Rahmān bin Nāsir al-Sa'dī menerangkan bahawa yang dimaksudkan dengan *al -Kalimat al-Tayyibah* adalah kalimat tauhid (لَا إِلَهَ إِلَّا الله). Kalimat ini diumpamakan seperti

1 Ibid., j. 1, h. 256.

2 Ibid., j. 2, h. 212.

3 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 377.

pokok yang ditopang oleh akar kuat, mempunyai ranting dan dahan (فَرْعٌ) yang menjulang tinggi ke langit serta menghasilkan buah yang selalu tumbuh pada setiap masa. Akar yang kuat tersebut menggambarkan keimanan dan keyakinan yang kuat, dahan dan rantingnya (فَرْعٌ) menggambarkan amal perbuatan yang mulia sama ada ucapan-ucapan yang baik mahupun perilaku dan akhlak yang terpuji yang kemanfaatannya dapat dirasakan oleh orang beriman dan juga yang lain, sepertimana kemanfaatan dahan dan ranting yang lebat, umpamanya untuk berteduh. Manakala buah yang selalu tumbuh setiap masa menggambarkan pahala yang selalu dilipatgandakan oleh Allah (s.w.t.).[1]

Manakala 'Abd al-Rahmān Hasan Habannakah al-Mīdānī mempunyai pendekatan lain dalam menerangkan ayat ini. Beliau berkata: "Yang dimaksudkan dengan *al-Kalimat al-Tayyibah* adalah seperti kalimat tauhid, seruan dakwah, seruan amar makruf dan nahi mungkar, ungkapan -ungkapan indah yang dapat menggembirakan sesama Muslim, huraian dan syarahan yang disampaikan oleh para guru kepada muridnya, kalimat-kalimat yang mendidik dan nasihat-nasihat yang diberikan kepada sesama Muslim.

Kalimat-kalimat baik (*al-Kalimah al -Tayyibah*) yang diucapkan oleh orang beriman ini diumpamakan oleh Allah dengan pokok yang baik yang ditanam pada tanah yang subur. Ianya mempunyai pangkal (akar tunjang) yang tetap teguh dan menghunjam ke dalam tanah. Pokok tersebut juga mempunyai dahan ranting (فَرْعٌ) yang menjulang tinggi ke langit dan ianya selalu berbuah pada setiap masa. Pangkal yang tetap dan teguh tersebut menggambarkan keimanan dan keikhlasan orang yang mengucapkan kalimat -kalimat tersebut, ranting dan dahan (فَرْعٌ) yang menjulang ke langit menggambarkan bahawa kalimat-kalimat tersebut berada pada kedudukan mulia kerana diterima di sisi Allah (s.w.t.), manakala buah-buahan yang selalu tumbuh pada setiap masa dari pokok tersebut menggambarkan pahala yang selalu berkembang dan bertambah yang dianugerahkan oleh Allah kepada orang beriman yang mahu mengucapkan kalimat -kalimat yang baik tersebut."[2]

FIRĀSY – FURUSY (فِرَش-فُرُش)

Erti kata *firāsy* (فِرَاش) adalah benda yang menghampar luas (permaidani), bentuk jamaknya adalah *furusy* (فُرُش). Dalam bentuk tunggal (فِرَاش) kata ini hanya disebut sekali sahaja dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2): 22. Manakala dalam bentuk jamak (فُرُش), iainya diulang dua kali iaitu dalam surah *al-Rahmān* (55): 54 dan *al-Wāqi'ah* (56): 34. Dalam surah *al-Baqarah* (2): 22 Allah menyebutkan kenikmatan-kenikmatan yang diberikan kepada manusia, khasnya yang berkenaan dengan penciptaan langit dan bumi. Di antaranya adalah Allah telah menciptakan bumi sebagai hamparan luas (فِرَاشا) yang tetap dan kukuh (tidak bergoyang) sama seperti permaidani yang dihamparkan,[3] sehingga manusia mudah berjalan di atasnya.

Manakala pada surah *al-Rahmān* (55): 54 dan *al-Wāqi'ah* (56): 34, Allah menjelaskan

1 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 1, h. 1079.

2 'Abd al-Rahmān Hasan Habannakah al-Mīdānī (1992), Amthāl al-Qur'ān wa Suwarun min Adabihi al-Rafī'. Damaskus: Dār al-Qalam, h. 78.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 58.

salah satu kenikmatan dan kemegahan penghuni syurga, di mana permaidani-permaidani (فُرُش) yang mereka pakai sangat empuk dan tebal, dan bahagian bawahnya –yang biasanya menempel dengan tanah- terbuat dari sutera yang sangat halus. Ini menunjukkan bahawa bahagian atasnya jauh lebih bagus dan lebih halus dari yang ada di bahagian bawah.[1]

FARATH (فَرَثٌ)

Erti kata *farath* (فَرَثٌ) adalah hampas makanan (kotoran) yang berada di dalam perut.[2] Ia juga bererti rasa mual yang dialami oleh wanita yang sedang hamil. Bentuk jamaknya adalah *furuth* (فُرُوْث).[3] Dalam al-Qur'an kata ini hanya disebut dalam bentuk tunggalnya sahaja dan ia hanya diulang sekali sahaja, iaitu pada surah *al-Nahl* (16): 66. Ayat tersebut berada dalam rangkaian ayat-ayat yang menerangkan kenikmatan dan juga keagungan ciptaan Allah (s.w.t.). Di antaranya adalah keagungan penciptaan binatang-binatang ternak seperti unta, sapi dan kambing. Binatang-binatang tersebut merupakan tanda-tanda kekuasaan Penciptanya dan juga menunjukkan kasih -sayang Allah kepada umat manusia.

Melalui binatang-binatang tersebut Allah menganugerahkan air susu yang bersih, mudah diminum lagi sedap rasanya kepada manusia. Air susu ini dihasilkan di dalam perut binatang-binatang ternak tersebut. Padahal selain susu, di dalam perut binatang terdapat benda-benda lain seperti hampas makanan (فَرَثٌ) dan darah, namun setiap material tersebut tidak bercampur dan dapat terpisah dengan rapi; darah mengalir ke urat-urat darah, air susu mengalir ke kantung kelenjar susu, air kencing mengalir ke kandung kemih dan hampas makanan mengalir ke usus besar. Antara satu dengan yang lainnya saling terpisah dan tidak saling bercampur.[4] Ini semua menunjukkan kekuasaan Allah yang maha sempurna, bukan hanya sekadar fenomena alam sahaja. Siapakah yang mampu merubah makanan dan minuman -yang masuk ke dalam perut binatang - menjadi darah merah yang mengalir, air kencing, hampas makanan dan di antara benda-benda itu juga terhasilkan air susu yang bersih, mudah diminum lagi sedap rasanya?[5]

FARD – FURĀDĀ (فَرْدٌ-فُرَادَى)

Kata *fard* (فَرْدٌ) adalah sesuatu yang tidak bersama dengan yang lain atau sesuatu yang tidak ada yang menyamainya. Bentuk jamaknya adalah *furādā* (فُرَادَى) dan *afrād* (أَفْرَادٌ).[6] Kata tunggal *farda* (فَرْدًا) diulang tiga kali dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *Maryam* (19): 80 dan 95 dan surah *al-Anbiyā'* (21): 89. Manakala bentuk jamak yang disebut dalam al-Qur'an hanya (فُرَادَى) dan ianya diulang dua kali sahaja, iaitu dalam surah *al-An'ām* (6): 94 dan surah *Saba'* (34): 46. Kata ini dalam al-Qur'ān digunakan untuk menerangkan keadaan kesendirian manusia, di mana dia tidak bersama dengan orang yang lain sama ada semasa di dunia mahupun di akhirat.

1 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 4, h. 205.

2 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 374; *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 318.

3 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 179.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 575.

5 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 1, h. 1128.

6 Ābādī (1986), *op.cit.*, j. 4, h. 179; al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h.375; *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op.cit.*, j. 2, h. 320

Pada surah *al-Anbiyā'* (21): 89 kata (فَرْدًا) terdapat dalam rangkaian doa yang diucapkan oleh Nabi Zakariyyā (a.s.) semasa umur beliau sudah tua. Doa tersebut adalah "رَبِّ لَا تَذَرْنِى فَرْدًا" (Ya Tuhanku janganlah Engkau membiarkan Aku hidup seorang diri). Maksudnya adalah hidup tanpa ada keturunan (anak).[1] Beliau mengucapkan doa ini kerana khuatir apabila beliau meninggal tidak ada lagi orang yang melanjutkan tugas dakwahnya.[2]

Pada surah *Saba'* (34): 46 diceritakan bahawa orang kafir yang hidup pada masa Nabi Muhammad (s.a.w.) mendakwa beliau sebagai orang gila. Oleh itu, Allah menyuruh Nabi menasihati mereka dengan satu nasihat, iaitu hendaklah mereka berniat dengan sungguh-sungguh dan ikhlas kerana Allah memikirkan apakah benar Nabi Muhammad mempunyai sifat dan perilaku yang dimiliki oleh orang gila. Dan hendaklah mereka memikirkan perkara itu secara kumpulan *mathna* (مَثْنَى) dan secara persendirian *furada* (فُرَادَى). Imām al-Suddī dan al-Qatbī turut menjelaskan bahawa yang dimaksudkan (مَثْنَى) adalah memikirkan perkara itu dengan cara bermesyuarat bersama orang lain, manakala (فُرَادَى) adalah memikirkannya sendiri.[3] Apabila mereka mahu melakukannya dengan tulus ikhlas dan mendengarkan suara hati nurani maka mereka akan menyedari bahawa Nabi Muhammad bukanlah orang gila.

Manakala keadaan keseorangan di akhirat diterangkan dalam surah *al-An'ām* (6): 94 dan surah *Maryam* (19): 80 dan 95, di mana diterangkan bahawa di akhirat nanti semua manusia akan menghadap Allah secara sendiri-sendiri (فَرْدًا) atau (فُرَادَى). Mereka tidak akan membawa perkara-pereka yang mereka bangga-banggakan semasa hidup di dunia, seperti harta, anak, keluarga, kawan sekutu atau yang lainnya. Mereka akan mempertanggungjawabkan semua perbuatannya sendiri dan tidak ada yang dapat membantu dan menolongnya.

FĀRID (فَارِضٌ)

Dalam bahasa Arab kata *fārid* (فَارِضٌ) digunakan untuk menyifatkan manusia, haiwan dan benda-benda lain yang bentuknya besar dan gemuk.[4] Al-Isfahānī mengertikan (فَارِضٌ) dengan lembu yang umurnya sudah tua.[5] Kata ini hanya diulang sekali sahaja dalam al-Qur'an, iaitu pada surah *al-Baqarah* (2): 68. Ayat tersebut menjelaskan salah satu sifat lembu betina yang harus disembelih oleh kaum Banī Isrā'īl, iaitu:

لَّا فَارِضٌ وَلَا بِكْرٌ عَوَانٌۢ بَيْنَ ذَٰلِكَ

"Tidak tua dan tidak muda; pertengahan antara itu".

Sifat ini ditetapkan oleh Allah kerana kaum Banī Isrā'īl banyak bertanya kepada Nabi Mūsā mengenai sifat-sifat lembu betina tersebut. Dan pertanyaan mereka itu menyusahkan mereka sendiri. Sedangkan sekiranya mereka segera melaksanakan perintah penyembelihan lembu betina itu tanpa banyak bertanya, lembu betina apa pun yang disembelih sudah mencukupi. Ini menunjukkan kaum Banī Isrā'īl adalah kaum yang de-

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 194.

2 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 2, h. 112.

3 Lihat al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 14, h. 311.

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 323.

5 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 376.

gil tidak sepenuh hati dalam melaksanakan perintah Allah, sehingga mereka tidak mahu segera melaksanakannya, sebaliknya mencari -cari pertanyaan yang malah menyusahkan diri mereka sendiri.

FARĪDAH (فَرِيضَة)

Erti kata *fard* (فَرْضٌ) adalah memotong sesuatu yang keras dan membuat kesan padanya. Ia juga mempunyai erti menerangkan, menetapkan ukuran dan mempastikan. Manakala kata *farīdah* (فَرِيضَة) dan *mafrud* (مَفْرُوض) adalah nama bagi bahagian yang telah ditetapkan ukurannya, dan secara khas ia kadang digunakan untuk menyebut harta yang wajib dikeluarkan zakatnya atau aturan -aturan yang telah diterangkan, ditetapkan dan diwajibkan oleh Allah (s.w.t.).[1]

Kata (فَرِيضَة) diulang enam kali dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2): 236, 237; *al-Nisā'* (4): 11, 24 (dua kali) dan *al-Taubah* (9): 60. Manakala kata (مَفْرُوضًا) diulang dua kali sahaja, iaitu dalam surah *al -Nisā'* (4): 7 dan 118. Pada surah *al-Nisā'* (4): 118 kata (مَفْرُوضا) berada dalam rangkaian kalimat sumpah yang diucapkan oleh setan di hadapan Allah (s.w.t.). Syaitan bersumpah untuk menggoda dan memesongkan sekelompok tertentu (نَصِيبًا مَفْرُوضًا) daripada hamba-hamba Allah. Ini menunjukkan, syaitan tidak mampu menggoda semua hamba -hamba Allah. Dia hanya mampu menggoda hamba-hamba yang lupa kepada Allah sahaja, dan dia tidak akan mampu menggoda hamba-hamba Allah yang ikhlas.[2]

Manakala kata (فَرِيضَة) dan (مَفْرُوضًا) pada selain ayat di atas menunjukkan kepada erti kewajipan yang telah ditetapkan Allah. Perkara-perkara yang diwajibkan Allah dengan menggunakan kedua kata tersebut adalah:

- Pembayaran mahar oleh pihak lelaki kepada pihak isteri sebagai syarat sah akad nikah, iaitu yang terdapat dalam surah *al-Baqarah* (2): 236, 237 dan *al -Nisā'* (4): 24 (dua kali).
- Agihan waris kepada ahli waris, iaitu yang terdapat dalam surah *al-Nisā'* (4): 7 dan 11.
- Pembayaran zakat, iaitu yang terdapat dalam surah *al-Taubah* (9): 60.

FĀRIH (فَارِهٌ)س

Kata kerja daripada *fārih* (فَارِهٌ) adalah *faruha* (فَرُهَ) yang bererti giat, pandai dan rajin. Perkataan ini digunakan untuk menyifatkan manusia atau yang lainnya[3]. Oleh itu, apabila dikatakan (رَجُلٌ فَارِهٌ), ertinya seorang lelaki yang pandai dan rajin. Manakala (دَابَّةٌ فَارِهَةٌ) ertinya, haiwan yang rajin dan kuat.[4] Kata ini dalam bentuk jamak (فَارِهِين) diulang sekali sahaja dalam al-Qur'an, iaitu pada surah *al-Syu'arā'* (26): 149. Ayat ini menceritakan tentang keahlian kaum Thamūd membuat rumah di gunung-gunung batu. Dalam salah satu riwayat disebutkan bahawa Ibn 'Abbās mengertikan kata (فَارِهِين) pada ayat tersebut

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 322, 323.

2 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 1, h. 482.

3 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 379.

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 327.

dengan erti mahir dan pandai. Manakala riwayat lain - yang juga berasal dari Ibn 'Abbās dan juga disokong oleh Mujāhid- menyebutkan, erti (فَارِهِين) pada ayat ini adalah sikap sombong dan congkak.

Ibn Kathīr menegaskan bahawa kedua pendapat ini tidaklah bercanggah, kerana maksud kaum Thamūd memahat gunung dan menjadikannya bentuk rumah adalah untuk menunjukkan kehebatan mereka sahaja, bukan kerana mereka memerlukan rumah untuk didiami. Ini menunjukkan kaum Thamūd adalah kaum yang sombong dan congkak (فَارِهِين) kerana bermegah-megah dalam membangun rumah.

Selain daripada itu, jika memperhatikan gunung-gunung yang dipahat itu, tidak dapat disangkal lagi kemahiran, kepandaian dan kerajinan mereka (فَارِهِين) memahat gunung, sehingga mereka mampu merubahnya menjadi rumah.[1] Dapat disimpulkan pada ayat tersebut kata (فَارِهِين) digunakan untuk menerangkan sikap dan kemampuan kaum Thamūd, kaum Nabi Sālih dalam memahat gunung. Sikap sombong akan kepandaian dan kehebatan mereka memahat gunung inilah yang menyebabkan mereka lupa untuk bersyukur kepada Allah dan tidak mahu mendengar nasihat Nabi Sālih, hingga mereka mendapat azab yang pedih.

FARIH (فَرِحٌ)

Kata *farih* (فَرِحٌ) bermakna orang yang sering merasa lapang dada (berbahagia) akibat memperoleh kenikmatan yang datang dengan serta-merta, dan biasanya terjadi apabila mendapatkan kenikmatan lahiriah. Bentuk jamaknya adalah *farihun* (فَرِحُون), *faraha* (فَرَاحى) dan *farha* (فَرْحى).[2] Bentuk tunggal dan jamak dari kata ini ada disebut dalam al-Qur'an, namun bentuk jamak yang disebut hanya (فَرِحُون). Kata tunggal (فَرِحٌ) diulang sekali sahaja dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *Hūd* (11): 10. Manakala dalam bentuk jamak (فَرِحُون) dan (فَرِحِين) ia diulang sebanyak lima kali, iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3): 170; *al-Taubah* (9): 50; *al-Mu'minūn* (23): 53; *al-Qasas* (28): 76 dan *al-Rūm* (30): 32.

Kebahagiaan yang disebut dalam surah *Āli 'Imrān* (3): 170 adalah kebahagiaan di akhirat yang dirasakan oleh para syuhada yang mati dalam perang *fī sabīlillāh*. Mereka akan mendapatkan beragam kenikmatan yang sempurna dari Allah (s.w.t.). Selain kenikmatan lahiriah berupa rezeki, Allah juga akan memberi mereka kenikmatan yang dirasakan oleh hati dan jiwa iaitu kebahagiaan (فَرِحِين).[3] Imām al-Dāmaghānī menegaskan bahawa kebahagiaan yang mereka rasakan adalah keredaan terhadap anugerah Allah.[4]

Kerana merasa senang dan bahagia yang berlebih terhadap kenikmatan di dunia menyebabkan manusia terpesong dari kebenaran, sehingga menimbulkan sifat dan sikap tercela seperti sombong dan zalim terhadap orang lain. Kerana itu, al-Qur'an mencela kebahagiaan seperti ini. Kebahagiaan yang dicela oleh al-Qur'an ini hanya terhad pada kesombongan[5], iaitu kebahagiaan atas musibah yang menimpa orang lain; senang dan terlalu bangga terhadap pendapat sendiri; se-

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 344.

2 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 178; al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 375; *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 319.

3 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 1, h. 362.

4 Al-Dāmaghānī (1970), *op. cit.*, h. 353.

5 Ibid., h. 352.

nang dan terlalu bangga dengan kejayaan dan kemudahan yang diperoleh; dan senang dan sombong terhadap harta kekayaan yang dimiliki.

Kebahagiaan atas musibah yang menimpa orang lain disebut dalam surah *al-Taubah* (9): 50. Pada ayat itu diterangkan salah satu sifat orang munafik adalah apabila kaum beriman mendapatkan kemenangan dan anugerah mereka merasa sedih dan apabila kaum beriman mendapatkan musibah dan dugaan maka mereka merasa senang dan bahagia (فَرِحُون) dan pada waktu yang sama mereka mencemuh kaum beriman, kerana –menurut mereka- kaum beriman tertimpa kesusahan dan mereka tidak ikut mengalami musibah dan kesusahan tersebut.

Perasaan senang dan terlalu bangga terhadap pendapat sendiri disebut dalam dua ayat, iaitu *al-Mu'minūn* (23): 53 dan *al-Rūm* (30): 32, di mana kata (فَرِحُون) berada dalam satu rangkaian kalimat yang sama, iaitu (كُلُّ حِزْبٍ بِمَا لَدَيْهِمْ فَرِحُون). Maksud rangkaian kalimat ini adalah penganut agama-agama yang memisahkan diri dari agama tauhid yang di ajarkan oleh para Rasul –termasuk Nabi Muhammad (s.a.w.) - (seperti penyembah patung, penyembah matahari dan bulan, kaum Yahudī dan Nasrānī), merasa bangga dan kagum dengan kebenaran ajaran agamanya sendiri dan menganggap bahawa agama yang lain adalah agama yang batil. Oleh itu, perkataan *farihun* (فَرِحُون) pada kedua ayat tersebut bererti orang yang bangga dan kagum dengan pendapatnya sendiri *mu'jibun* (مُعْجِبُون), seperti mana yang diterangkan oleh Imam al-Qurtubī.[1]

Perasaan senang dan terlalu bangga dengan kejayaan dan kemudahan yang dialami disebut dalam surah *Hūd* (11): 10. Pada ayat itu diterangkan bahawa apabila Allah melepaskan manusia daripada belenggu kepayahan dan kesusahan kemudian menggantinya dengan anugerah kemudahan, kejayaan dan kelapangan, manusia akan merasa senang (فَرِحٌ) dan sombong (فَخُوْرٌ). Imām al-Syawkānī menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan (فَرِحٌ) adalah orang yang senang dan bahagia secara melampau sehingga muncul rasa sombong dan berbangga diri.[2] Manakala Imām Ibn Kathīr menambahkan bahawa yang dimaksudkan (فَرِحٌ) di sini adalah orang yang merasa senang dan bahagia, dan kebahagiaan tersebut dirasakan oleh dirinya sendiri, sedangkan (فَخُوْرٌ) adalah rasa senang dan sombong yang ditampakkan di hadapan orang lain.[3]

Manakala surah *al-Qasas* (28): 76 menerangkan rasa senang dan sombong terhadap harta kekayaan. Pada ayat ini Allah menceritakan kisah Qarūn yang kaya raya, namun dia menganiaya dirinya sendiri sebab dia sombong dengan harta yang dimilikinya. Di akhir ayat ini ditegaskan bahawa Allah tidak menyukai (فَرِحِين). Maksud (فَرِحِين) pada ayat ini adalah orang yang sombong (مَرَحِين) sepertimana yang diterangkan oleh Ibn 'Abbās. Manakala Imām Mujāhid menambahkan bahawa yang dimaksudkan dengan (فَرِحِين) pada ayat ini adalah orang sombong yang tidak mahu mensyukuri nikmat yang dikurniakan Allah kepada mereka.[4]

1 Lihat Al-Qurt)ubī (1996), *op. cit.*, j. 14, h. 32.

2 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j.2, h. 485.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 435.

4 Ibid., j. 3, h. 400

FARJ – FURŪJ (فَرْج - فُرُوج)

Erti kata *farj* (فَرْج) adalah celah atau lubang yang berada di antara dua benda, seperti lubang pada pagar. Kata ini juga dapat diertikan dengan terbukanya kesusahan yang membelenggu. Namun perkataan ini seringnya digunakan untuk menyebut kemaluan lelaki mahupun perempuan yang berada di antara dua pangkal paha. Bentuk jamaknya adalah *furūj* (فُرُوج).[1] Kata ini sama ada dalam bentuk tunggal dan jamak, disebut dalam al-Qur'an. Kata tunggal (فَرْج) diulang dua kali, iaitu pada surah *al-Anbiyā'* (21): 91 dan surah *al-Tahrīm* (66): 12. Manakala kata jamak (فُرُوج) diulang enam kali dalam al-Qur'an, iaitu pada surah *al-Mu'minūn* (23): 5; *al-Nūr* (24): 30 dan 31; *al-Ahzāb* (33): 35; *Qāf* (50): 6; *al-Ma'ārij* (70): 29.

Pada surah *Qāf* (50): 6, Allah menggambarkan antara tanda kekuasaan-Nya, iaitu langit. Allah menyuruh orang kafir memikirkan bagaimanakah langit dibangunkan, bagaimanakah bintang dan planet-planet dapat menghiasi langit dan bagaimanakah langit yang luas tersebut tidak ada sedikit pun celah atau lubang (فُرُوج) padanya. Imām Mujāhid mengertikan (فُرُوج) pada ayat tersebut dengan lubang, manakala *mufassir* lain ada yang mengertikannya dengan keretakan dan terbelah, Namun Imām Ibn Kathīr menegaskan bahawa semua erti tersebut hampir sama,[2] dan semuanya menafikan kekurangan dan kecacatan pada penciptaan langit.

Pada selain surah *Qāf* (50): 6, maksud kata (فَرْج) dan (فُرُوج) adalah kemaluan sama ada kepunyaan lelaki mahupun perempuan. Pada surah *al-Anbiyā'* (21): 91 dan surah *al-Tahrīm* (66): 12, Allah menjelaskan bahawa Maryam -ibu Nabi Īsā- adalah wanita yang menjaga kemaluannya (أَلَّتِي أَحْصَنَتْ فَرْجَهَا) daripada perbuatan-perbuatan haram seperti zina. Allah menegaskan perkara ini untuk menolak kaum Yahudi yang menuduh Maryām melakukan zina sehingga beliau melahirkan Nabi Īsā (a.s.).

Pada surah *al-Nūr* (24): 30 dan 31 Allah menerangkan aturan-aturan yang harus diperhatikan oleh kaum beriman sama ada laki-laki mahupun perempuan dalam berinteraksi antara satu dengan lainnya. Di antara aturan itu adalah Allah menyuruh kaum beriman laki-laki dan perempuan untuk selalu menjaga kemaluannya, jangan sampai digunakan untuk melakukan perbuatan keji dan dosa.

Pada surah *al-Mu'minūn* (23): 5; *al-Ma'ārij* (70): 29 diterangkan bahawa salah satu sifat orang beriman adalah mereka selalu menjaga kemaluannya daripada perbuatan dosa (zina). Allah juga menegaskan bahawa orang beriman yang mempunyai sifat-sifat tersebut akan mendapatkan kebahagiaan dan akan dimuliakan di syurga.

Manakala pada surah *al-Ahzāb* (33): 35 Allah menerangkan orang-orang yang akan mendapatkan ampunan dan pahala yang besar dari Allah, salah satunya adalah kaum beriman lelaki dan perempuan yang selalu menjaga kemaluannya dari perbuatan dosa.

FARSY (فَرْش)

Kata *farsy* (فَرْش) mempunyai beberapa erti di antaranya adalah kain yang terbentang di atas tanah, tanah yang terhampar luas dan

1 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 375; *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 319.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 223.

juga haiwan-haiwan yang disembelih.[1] Kata (فَرْشا) diulang sekali sahaja dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-An'ām* (6): 142. Ayat ini berada dalam rangkaian keterangan yang menjelaskan tentang anugerah Allah kepada manusia sama ada dalam bentuk tanaman mahupun haiwan. Dan di antara haiwan tersebut ada yang dapat dijadikan alat pengangkutan dan ada yang disembelih (فَرْشا). Imam al-Qurtubī dan Imām Ibn Kathīr menjelaskan bahawa haiwan sembelihan dinamakan dengan (فَرْش) kerana setelah disembelih tubuh haiwan tersebut akan jatuh ke tanah, dan salah satu makna (فَرْش) adalah hamparan tanah yang dapat dipijak oleh manusia dengan mudah.[2]

FASĀD (فَسَاد)

Erti kata *fasād* (فَسَاد) adalah terkeluar dari batasan pertengahan (moderat, stabil), sama ada keluarnya sedikit mahupun banyak. Keadaan ini terjadi sama ada dalam jiwa, tubuh badan mahupun benda-benda lain semasa ia terkeluar dari keadaan stabil (istiqāmah). Kebalikannya adalah "اَلصَّلَاح" (kemaslahatan).[3] Kata (فَسَاد) dalam al-Qur'an diulang sebelas kali, iaitu dalam surah *al-Baqarah*(2): 205; *al-Mā'idah* (5): 32, 33, 64; *al-Anfāl* (8): 73; *Hūd* (11): 116; *al-Qasas* (28): 77, 83; *al-Rūm* (30): 41; *Ghāfir* (40): 26; *al-Fajr* (89): 12. Manakala kata *mufsid* (مُفْسِد) diulang sekali sahaja, iaitu pada surah *al-Baqarah* (2): 220. Sedangkan kata *mufsidun* (مُفْسِدُون) dan *mufsidin* (مُفْسِدِين) diulang dua puluh kali.

Tindakan merosak adalah tindakan yang sangat dibenci oleh Allah, dan Allah secara tegas melarang perbuatan tersebut sepertimana yang diterangkan dalam surah *al-Baqarah* (2): 205 dan *al-Qasas* (28): 77. Pada surah *al-Rūm* (30): 41 Allah menegaskan bahawa timbulnya berbagai kerosakan (فَسَاد) di darat dan di laut disebabkan apa yang dilakukan oleh tangan manusia; timbulnya yang demikian itu kerana Allah hendak merasakan kepada mereka sebahagian daripada balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka lakukan, supaya mereka kembali insaf dan bertaubat. Dalam surah *al-Anfāl* (8): 73 Allah juga menegaskan bahawa jika umat Islam tidak saling bantu-membantu sesama sendiri sepertimana yang diperintahkan oleh Allah, untuk menegakkan kebenaran dan menentang kemungkaran, nescaya akan berlaku fitnah (kekacauan) di muka bumi dan kerosakan (فَسَاد) yang besar.

Dalam al-Qur'an juga disebutkan beberapa contoh umat-umat terdahulu yang melakukan kerosakan (فَسَاد), iaitu kaum 'Ād, kaum Thamūd, Fir'aun dan pengikut-pengikutnya dan juga kaum Yahudi yang telah melakukan kerosakan-kerosakan dengan melakukan kemaksiatan di muka bumi sepertimana yang diterangkan dalam surah *al-Fajr* (89): 12 dan surah *al-Mā'idah* (5):64 dan akhirnya mereka mendapatkan azab di dunia ini.

Pada surah *al-Mā'idah* (5): 32 dan 33 ditegaskan bahawa membunuh dan merompak merupakan tindakan merosak dan pada kedua ayat ini diterangkan beratnya hukuman yang ditanggung oleh orang-orang yang melakukannya sama ada di dunia yang berupa hukuman *hadd* mahupun di akhirat yang be-

1 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 376 ; *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 322.

2 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 7, h. 112; Ibn Kathīr (1998), op. cit., j. 2, h. 183.

3 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 389.

rupa seksa di neraka. Hukuman yang demikian itu adalah suatu kehinaan di dunia dan kerugian di akhirat.

Kadang-kadang orang kafir juga menuduh kaum beriman sebagai orang yang melakukan kerosakan, seperti yang dikatakan oleh Fir'aun terhadap Nabi Mūsā (*Ghāfir* 40: 26), namun Allah mengetahui akan orang yang melakukan kerosakan *al-mufsid* (الْمُفْسِد) daripada orang yang hendak memperbaiki, seperti mana yang ditegaskan dalam surah *al-Baqarah* (2): 220. Allah juga menceritakan bahawa Dia selalu menyelamatkan kelompok umat-umat terdahulu yang melarang kaumnya dari melakukan kerosakan di muka bumi. Dan jumlah mereka hanyalah sedikit sahaja. Lebih daripada itu, Allah juga menjanjikan syurga kepada orang yang tidak mahu melakukan kerosakan di muka bumi ini, sepertimana yang dijelaskan dalam surah surah *Hūd* (11): 116 dan *al-Qasas* (28): 83.

FASL (فَصْل)

Erti kata *fasl* (فَصْل) adalah mengasingkan salah satu dua perkara dari yang lainnya sehingga di antara keduanya terdapat jarak.[1] Kata (فَصْل) diulang sembilan kali dalam al-Qur'ān, iaitu dalam surah *al-Tāriq* (86): 13; *Sād* (38): 20; *al-Syūrā* (42): 21; *al-Sāffāt* (37) 21; *al-Dukhān* (44): 40; *al-Mursalāt* (77): 13, 14 dan 38; *al-Naba'* (78): 17. Dalam surah *al-Tāriq* (86): 13 ditegaskan bahawa al-Qur'an adalah (قَوْلٌ فَصْلٌ), maksudnya al-Qur'an adalah ucapan yang memisahkan antara perkara yang haq dan perkara yang batil dengan menerangkan masing-masing perkara tersebut secara jelas.[2] Dalam surah *Sād* (38): 20 diterangkan bahawa Allah telah memberi beberapa anugerah kepada Nabi Dāwūd (a.s.), di antaranya adalah anugerah (فَصْلَ الْخِطَابِ). Para ulama berbeza pendapat dalam mengertikan (فَصْلَ الْخِطَابِ) ini. Di antara pendapat tersebut adalah: (1). Kemampuan memutuskan kes dalam mahkamah; (2). Perkataan yang jelas; (3). Ucapan yang dapat membezakan antara perkara yang *haq* dan perkara yang batil; (4). Perkataan yang singkat namun maknanya padat. Imam al-Qurtubī menegaskan bahawa pendapat-pendapat tersebut sebenarnya hampir sama maksudnya.[3]

Dalam surah *al-Syūrā* (42): 21 diterangkan bahawa orang musyrik bersama sekutu-sekutunya telah menetapkan aturan-aturan yang tidak dibenarkan oleh Allah, seperti menghalalkan apa yang diharamkan Allah dan mengharamkan apa yang dihalalkan Allah. Semestinya mereka patut mendapatkan azab dan seksa di dunia seketika ini juga, namun Allah telah menetapkan "ketentuan yang telah dipastikan" (كَلِمَةُ الْفَصْلِ), iaitu ketentuan bahawa azab mereka akan ditangguhkan hingga datangnya hari kiamat.[4]

Manakala dalam surah *al-Sāffāt* (37) 21; *al-Dukhān* (44): 40; *al-Mursalāt* (77): 13, 14 dan 38; dan surah *al-Naba'* (78): 17, perkataan *al-fasl* (الْفَصْل) selalunya didahului dengan perkataan *yaum* (يَوْم), sehingga menjadi (يَوْمِ الْفَصْلِ), yang ertinya adalah hari keputusan (hari kiamat). Pada hari itu Allah memutuskan nilai atau hukuman semua makhluk; orang yang kafir akan mendapatkan azab, manakala orang yang beriman akan men-

1 Al-Isfahānī (1961), op. cit., h.381.

2 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 421.

3 Lihat al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 15, h. 162.

4 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 533; Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 112.

dapatkan pahala.[1]

FATĀ – FITYAH (فَتَى – فِتْيَةٌ)

Erti kata *fatā* (فَتَى) adalah lelaki yang muda. Bentuk jamaknya adalah *fityah* (فِتْيَةٌ) dan *fityān* (فِتْيَان), manakala untuk wanita muda digunakan perkataan *fatah* (فَتَاةٌ) dan jamaknya adalah *fatayāt* (فَتَيَات). Kata (فَتَى) dan (فَتَاةٌ) juga digunakan untuk memanggil hamba abdi lelaki dan perempuan untuk menunjukkan rasa kasih sayang.[2]

Kata-kata tersebut dalam al-Qur'an diulang sebanyak sepuluh kali, dengan perincian sebagai berikut: Perkataan (فَتَى) diulang empat kali, iaitu dalam surah *Yūsuf* (12): 30; *al-Kahf* (18): 60, 62 dan *al-Anbiyā'* (21): 60. Perkataan *fatayan* (فَتَيَان) diulang sekali, iaitu dalam surah *Yūsuf* (12): 36. Perkataan *fityah* (فِتْيَةٌ) diulang dua kali, iaitu dalam surah *al -Kahf* (18): 10 dan 13. Kata *fityan* (فِتْيَان) diulang sekali sahaja, iaitu dalam surah *Yūsuf* (12): 62. Manakala kata *fatayat* (فَتَيَات) diulang dua kali, iaitu dalam surah *al-Nisā'* (4): 25 dan *al-Nūr* (24): 33.

Perkataan *fata* (فَتَى) pada surah *Yūsuf* (12): 30 merujuk kepada Nabi Yūsuf (a.s.), iaitu seorang pemuda yang sangat tampan dan pada masa itu sedang menjadi pembantu di Istana 'Azīz. Kerana ketampanan Nabi Yūsuf inilah akhirnya isteri 'Azīz jatuh cinta dan menggodanya. Namun keimanan pemuda Yūsuf sangat kuat sehingga dia tidak tergoda dengan rayuan isteri 'Azīz tersebut. Manakala yang dimaksudkan dengan (فَتَى) pada surah *al-Kahf* (18): 60, 62 adalah orang yang membantu Nabi Mūsā sama ada semasa mukim mahupun semasa dalam perjalanan, namanya adalah Yūsya' b. Nūn[3]. Manakala yang dimaksudkan dengan (فَتَى) pada surah *al-Anbiyā'* (21): 60 adalah Nabi Ibrāhīm semasa beliau menghancurkan berhala-berhala sesembahan kaumnya.

Perkataan *fatayan* (فَتَيَان) dalam surah *Yūsuf* (12): 36 adalah dua pembantu yang dipenjarakan bersama-sama dengan Nabi Yūsuf (a.s.). Salah seorang daripada mereka bermimpi memeras anggur, manakala seorang bermimpi roti di atas kepalanya dimakan burung, kemudian Nabi Yūsuf mentafsirkan mimpi mereka berdua.

Perkataan *fityah* (فِتْيَةٌ) dalam surah *al -Kahf* (18): 10, 13 adalah pemuda-pemuda mukmin *Ashāb al-Kahf* yang bersembunyi di dalam gua, kerana dikejar-kejar kaumnya yang kafir dan zalim. Kemudian Allah menjaga mereka dan juga keimanannya dengan menidurkan mereka dalam gua selama tiga ratus tahun Syamsiyyah atau tiga ratus sembilan tahun Qamariyah. Sedangkan yang dimaksudkan dengan (فِتْيَان) dalam surah *Yūsuf* (12): 62 adalah pembantu-pembantu (orang suruhan) Nabi Yūsuf yang membantu beliau menjalankan tugas.

Adapun yang dimaksudkan dengan *fatayat* (فَتَيَات) dalam surah *al-Nisā'* (4): 25 dan *al-Nūr* (24): 33 adalah hamba abdi perempuan Mukminah. Pada surah *al-Nisā'* (4): 25 diterangkan bahawa mereka boleh dinikahi apabila seorang lelaki tidak mempunyai biaya mahar untuk menikah dengan wanita merdeka. Manakala dalam surah *al-Nūr* (24): 33 dijelaskan bahawa para hamba abdi perempuan pada masa jahiliah biasanya di-

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 146.

2 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h.373.

3 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 1, h. 1227.

paksa oleh tuannya untuk berzina dan tuannya akan mendapatkan harta dari perzinaan itu. Setelah Islam datang, praktik seperti ini di larang, sehingga seorang tuan tidak boleh memaksa hamba abdi perempuan melakukan zina.[1]

FATH (فَتْحٌ)

Erti kata *fath* (فَتْح) adalah menghilangkan penutup dan kemusykilan. Ianya ada dua jenis: **Pertama**, perbuatan membuka yang dapat dikesan dengan mata, seperti (فَتَحَ الْبَاب) "membuka pintu" atau (فَتَحَ الْقُفْلِ) "membuka gembok". **Kedua**, yang hanya dapat difahami oleh akal, seperti (فَتَحَ الْغَمّ)" menghilangkan kesusahan." Manakala alat yang digunakan untuk membuka sesuatu dalam bahasa Arab dinamakan dengan (مِفْتَا ح) dan bentuk jamaknya adalah (مَفَاتِيح).[2]

Kata (فَتْح) diulang 12 dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Anfāl* (8): 19; *al-Sajdah* (32): 28, 29 ; *al-Nasr* (110): 1; *al-Nisā'* (4): 141; *al-Saff* (61): 13; *al-Mā'idah* (5): 52; *al-Hadīd* (57): 10; *al-Syu'arā'* (26): 118; *al-Fath* (46): 1, 18, 27. Manakala kata *al-Fatihin* (اَلْفَاتِحِين) diulang sekali sahaja iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7): 89. Begitu juga dengan kata *al-fattah* (اَلْفَتَّا ح) diulang sekali iaitu dalam surah *Saba'* (34): 26. Kata *mufattah* (مُفَتَّحَة) diulang sekali sahaja, iaitu dalam surah *Sād* (38): 50 dan perkataan *mafatih* (مَفَاتِيح) diulang tiga kali, iaitu dalam surah *al-An'ām* (6): 59 dan *al-Nūr* (24): 61 dan *al-Qasas* (28): 76.

Mengikut Majd al-Dīn Muhammad b. Ya'qūb al-Fayrūz Ābādī perkataan *fath* (فَتْح) dan juga kata-kata yang satu akar dengannya digunakan al-Qur'an untuk menyebut empat bentuk pemakaian, iaitu[3]: (1). Penetapan hukuman; (2). Penganugerahan rahmat; (3). Kejayaan; dan (4). Menghilangkan atau membuka penutup.

Pemakaian yang keempat dapat dikelompokkan lagi ke dalam sembilan belas macam, iaitu: (1). Terbukanya pintu kejayaan; (2). Terbukanya pintu harta ghanimah dan mendapatkannya; (3). Terbukanya kekuasaan Allah; (4). Terbukanya pintu kenikmatan; (5). Terbukanya pintu langit; (6). Memperjelas permasalahan dalam permusuhan; (7). Terbukanya pintu keberkatan; (8). Terbukanya pintu kematian dan kehancuran; (9). Terbukanya pintu tempat menyimpan barang; (10). Membuka pintu langit untuk menunjukkan kekuasaan Allah dan tujuan mencabar; (11). Terbukanya tembok Ya'jūj dan Ma'jūj di hari kiamat; (12). Terbukanya pintu azab dan seksa; (13). Membuka pintu rumah kawan dan kerabat; (14). Membuka pintu doa supaya dikabulkan; (15). Terbukanya pintu syurga; (16) Terbukanya pintu jahanam; (17). Terbukanya pintu pahala dan kemuliaan; (18). Terbukanya pintu angin taufan; (19). Dikuasainya suatu daerah oleh umat Islam.

FATĪL (فَتِيلٌ)

Erti kata *fatīl* adalah benda yang bentuknya seperti benang yang terdapat di antara belahan biji kurma yang telah diparuh menjadi dua, atau kulit tipis yang berada di antara biji

1 Ibid., j. 2, h. 214.

2 Al-Isfahānī (1961), *op.cit.*, h.371.

3 Ābādī (1986), op. cit., j. 4, h. 161-163.

dan buah kurma bahagian dalam yang belum matang. Dalam bahasa Arab kata ini biasa digunakan untuk menggambarkan sesuatu yang sangat sedikit dan tidak ada nilainya.[1]

Kata *fatīl* diulang sebanyak tiga kali dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Nisā'* (4): 49 dan 77 dan juga surah *al-Isrā'* (17): 71. Pada surah *al-Nisā'* (4): 49 dan surah *al-Isrā'* (17): 71, Allah berfirman "وَلَا يُظْلَمُونَ فَتِيلا", manakala pada surah *al-Nisā'* (4): 77 Allah berfirman "وَلَا تُظْلَمُونَ فَتِيلا". Kedua-dua bentuk susunan kalimat ini menegaskan bahawa Allah (s.w.t.). tidak akan menzalimi hamba -Nya sedikit pun, meskipun seukuran benda yang bentuknya seperti benang yang terdapat di antara belahan biji kurma yang diparuh menjadi dua. Oleh itu di akhirat nanti, semua amal kebajikan manusia akan mendapat pahala, dan perbuatan jelik manusia juga mendapatkan seksa, semuanya dinilai dengan sangat adil dan teliti, tidak ada seorang pun yang dizalimi oleh Allah (s.w.t.).

Dapat disimpulkan bahawa pada ketiga ayat tersebut kata *fatīl* digunakan untuk menunjukkan ukuran yang sangat kecil sekali, sehingga penggunaannya adalah sama dengan penggunaan perkataan *zarrah* (ذَرَّة) - butir-butir kecil yang nampak pada cahaya matahari yang masuk melalui jendela[2], *naqir* (نَقِير) - bintik kecil yang timbul pada bahagian atas biji buah-buahan,[3] dan *habbah khardal* (حَبَّة خَرْدَل) - biji sawi yang bentuknya sangat kecil. Keempat-empat kata ini digunakan al-Qur'an untuk menggambarkan ukuran yang sangat kecil sekali.

1 Al-Zuhaylī (1991), op. cit., j. 5, h. 115.

2 Ibid., j. 5, h. 75.

3 Ibid, j. 5, h. 115.

FĀTIR (فَاطِر)

Apabila dikatakan (فَطَرَ اللهُ الْخَلْقَ) maka ertinya Allah telah mereka cipta makhluk dengan satu bentuk yang siap melakukan perbuatan -perbuatan tertentu. Dengan itu maka dapat disimpulkan bahawa kata *fatir* (فَاطِر) bererti Zat yang menciptakan.[4] Perkataan (فَاطِر) dalam al-Qur'an diulang enam kali, iaitu dalam surah *al-An'ām* (6): 14; *Yūsuf* (12): 101; *Ibrāhīm* (14): 10; *Fātir* (35): 1; *al-Zumar* (39): 46; *al-Syūrā* (42): 11. Dalam keenam ayat tersebut perkataan (فَاطِر) selalunya berada dalam rangkaian kalimat (فَاطِرِ السَّمٰوٰتِ وَ الْاَرْض) yang bermaksud pencipta langit dan bumi. Imām al-Syawkānī menjelaskan bahawa Allah adalah Zat yang menciptakan dan mewujudkan langit dan bumi yang asalnya tidak ada. Zat yang mempunyai kuasa seperti itu tentunya sanggup untuk menghancurkan dan kemudian mewujudkannya semula.[5]

FATRAH (فَتْرَة)

Erti kata *fatrah* (فَتْرَة) adalah rentang masa di antara dua Nabi di mana pada masa tersebut tidak ada Rasul yang diutus oleh Allah (s.w.t.) kepada manusia.[6] Kata ini hanya diulang sekali sahaja dalam al-Qur'an, iaitu pada surah *al-Mā'idah* (5): 19. Pada ayat tersebut Allah. mengajak kaum Yahudi dan Nasrani supaya mengakui dengan penuh keimanan bahawa Muhammad (s.a.w.) adalah utusan Allah. Allah juga mengingatkan mereka supaya bersyukur dengan diutusnya Nabi Muhammad

4 Al-Is)fahānī (1961), *op. cit.*, h. 382.

5 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 97 dan j. 4, h. 337.

6 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), op. cit., j. 2, h. 310.

kepada mereka, kerana pada masa itu mereka memang sangat memerlukan petunjuk seorang Rasul, sebab sudah lama Allah tidak mengutus Rasul semenjak diutusnya Nabi 'Īsā (a.s.). Masa ketiadaan Rasul –iaitu di antara Nabi 'Īsā (a.s.) dan Nabi Muhammad dinamakan dengan masa (فَتْرَةٍ مِنَ الرُّسُلِ).

Imām Ibn Kathīr mengatakan bahawa pendapat yang masyhur mengenai lamanya masa *fatrah* ini adalah pendapat Imam 'Uthmān al-Nahdī yang merupakan salah satu riwayat dari Imām Qatādah. Pendapat itu menyatakan bahawa masa *fatrah* tersebut adalah enam ratus (600) tahun. Ada juga yang mengatakan bahawa lamanya masa *fatrah* tersebut adalah enam ratus dua puluh (620) tahun. Imām Ibn Kathīr menegaskan bahawa kedua pendapat ini tidaklah bercanggah kerana pendapat yang pertama adalah menggunakan hitungan tahun *Syamsiyyah*, manakala pendapat kedua menggunakan hitungan tahun *Qamariyyah*.

Pada masa *fatrah* ini ajaran-ajaran agama telah dipesongkan, ramai orang yang menyembah berhala, api dan salib. Kerosakan moral, kezaliman dan juga kebodohan telah melanda banyak negara, hanya sedikit sahaja manusia yang masih berpegang teguh dengan saki baki ajaran agama Nabi-nabi terdahulu, seperti yang dipraktikkan oleh sebahagian pendeta Yahudi, Nasrani dan juga para Sābi'ūn. Adalah kenikmatan dan anugerah yang agung, apabila pada masa seperti itu Allah mengutus seorang Rasul kepada umat manusia. Oleh itu hendaklah umat manusia –termasuk kaum Yahudi dan Nasrani– mahu mensyukuri kenikmatan ini, bukannya mengkufurinya.[1]

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 36.

FAWĀQ (فَوَاق)

Erti kata (فَوَاق) adalah pengulangan semula. Ia juga diertikan dengan kadar masa yang sekejap di antara dua kali melakukan perahan air susu.[2] Kata (فَوَاق) hanya diulang sekali sahaja dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *Sād* (38): 15. Ayat ini berada pada rangkaian ayat yang menegaskan bahawa kaum Nabi Nūh, kaum 'Ād, Fir'aun, kaum Thamūd, kaum Nabi Lūt, Ashāb al-Aykah (kaum Nabi Syu'aib) dan juga orang-orang kafir pada masa Nabi Muhammad adalah sekumpulan manusia yang mendustakan para Rasul, sehingga mereka berhak mendapatkan seksa sama ada di dunia mahupun di akhirat. Dan untuk merasakan seksa neraka di akhirat mereka harus menunggu datangnya satu jeritan suara malaikat Isrāfīl.[3]

Jeritan malaikat tersebut merupakan tanda azab sudah mulai dekat kepada mereka, dan apabila jeritan itu sudah dikumandangkan maka ianya tidak akan diulang semula dan tidak akan dihentikan meskipun sekejap sekadar masa di antara dua kali melakukan perahan air susu (مَا لَهَا مِنْ فَوَاق), sehingga tidak ada kesempatan bagi mereka untuk lari dan menghindar dari azab tersebut.[4]

FAWJ (فَوْجٌ)

Erti kata *fawj* (فَوْجٌ) adalah sekelompok manusia.[5] Manakala al-Rāghib al-Isfahānī

2 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 388.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 30.

4 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j.4, h. 424.

5 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 348.

mengertikannya dengan lebih khas, iaitu sekelompok manusia yang berjalan dengan cepat. Bentuk jamaknya adalah *afwāj* (أَفْوَاج), *afāwij* (أَفَاوِج), *afāwīj* (أَفَاوِيج) dan *fuwwūj* (فُوُّوْج)[1]. Bentuk tunggal (فَوْج) diulang tiga kali dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *Sād* (38): 59: *al-Mulk* (67): 8; *al-Naml* (27): 83. Manakala dalam bentuk jamak (أَفْوَاج) diulang sebanyak dua kali, iaitu dalam surah *al-Naba'* (78): 18 dan *al-Nasr* (110): 2.

Dalam surah *al-Naba'* (78): 18 diceritakan bahawa setelah malaikat Isrāfīl meniup sangkakala untuk kedua kalinya, maka manusia bangkit dari kubur dan kemudian datang berkelompok-kelompok (أَفْوَاجا) ke padang mahsyar. Setiap kelompok tersebut dipimpin oleh pemimpin masing-masing, iaitu para Rasul yang diutus kepada mereka sewaktu di dunia.[2] Perkara ini juga ditegaskan dalam surah *al-Naml* (27): 83 yang menceritakan bahawa orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Allah dari setiap umat akan dikelompokkan (فَوْجًا) secara tersendiri dan digiring ke mahsyar untuk mempertanggungjawabkan amalnya.[3]

Manakala dalam surah *Sād* (38): 59 dan *al-Mulk* (67): 8 diceritakan mengenai sekelompok manusia (فَوْج) yang dimasukkan ke dalam neraka dan mereka tidak diterima dengan baik oleh neraka dan juga oleh malaikat yang menjaganya. Adapun surah *al-Nasr* (110): 2 menceritakan bahawa Allah akan memberikan pertolongan dan kemenangan semasa *Fath Makkah* kepada Nabi Muhammad (s.a.w.) dan selepas itu berkelompok-kelompok manusia ramai (أَفْوَاجًا) yang masuk Islam. Apabila anugerah ini datang, Allah memerintahkan Nabi Muhammad untuk mensyukurinya dengan bertasbih dan beristighfar.[4]

FAWR (فَوْر)

Erti asal kata *fawr* (فَوْر) adalah keadaan panas yang mendidih. Kata ini digunakan untuk menggambarkan api yang panas, air dalam bekas yang mendidih dan juga kemarahan yang memuncak. Suatu perbuatan juga dapat disifatkan dengan kata (فَوْر) apabila ianya dilakukan dengan cepat pada seketika itu juga, sehingga ianya sama seperti gerakan air yang mendidih dalam bekas.[5]

Kata ini hanya diulang sekali sahaja dalam al-Qur'an, iaitu pada surah *Āli Imrān* (3): 125. Ayat ini menceritakan janji Rasulullah (s.a.w.) kepada tentera Muslimin semasa menghadapi tentera musyrikin pada perang Badr. Rasul berjanji bahawa Allah (s.w.t.) akan mengirim lima ribu Malaikat untuk membantu mereka jika tiga syarat berikut ini terpenuhi, iaitu: (1). Mereka mahu bersabar dalam menghadapi musuh; (2). Bertakwa dengan melaksanakan perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya; dan (3). Di saat musuh dengan cepat menyerang pada masa seketika itu juga (وَيَأْتُوكُمْ مِنْ فَوْرِهِمْ هٰذَا), iaitu ketika (persiapan) perang Badr.[6]

FAWT (فَوْت)

Erti kata *fawt* (فَوْت) adalah jarak atau ruang yang menjadi celah atau pemisah antara dua

1 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 386.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 464.

3 Ibid., j. 3, h. 377.

4 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 2, h. 1202.

5 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 387; *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 348.

6 Lihat al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 1, h. 334.

benda.[1] Contohnya adalah jarak benda yang jauh daripada seseorang sehingga dia tidak dapat mendekati atau menyentuh benda tersebut.[2] Kata ini hanya diulang sekali sahaja dalam al-Qur'an, iaitu pada surah *Saba'* (34): 51. Pada ayat ini kata (فَوْتٌ) dinafikan, sehingga menjadi (فَلَافَوْتَ) yang ertinya, mengikut Imām Mujāhid, adalah tidak ada tempat lari (untuk menjauh dan mengambil jarak), dan mengikut Ibn 'Abbās ertinya adalah tidak ada tempat untuk menyelamatkan diri.[3]

Ayat tersebut menggambarkan keadaan orang-orang kafir yang mendustakan ajaran agama di hari kiamat nanti, di mana mereka terperanjat ketakutan melihat seksa neraka yang ada di hadapannya, dan mereka tidak dapat melepaskan diri mahupun lari dari seksaan neraka kerana tidak ada tempat untuk lari dan tidak ada ruang yang dapat memisahkan mereka dari azab tersebut.[4]

FAWZ (فَوْزٌ)

Erti kata dasar *fawz* (فَوْزٌ) adalah mendapatkan kebaikan, kejayaan atau kemenangan disertai dengan keselamatan. Selain (فَوْزٌ) kata dasar lain yang sama maknanya adalah *mafāz* (مَفَاز) dan *mafāzah* (مَفَازَة).[5] Kata (مَفَاز) dan (مَفَازَة) juga dapat diertikan dengan tempat yang penuh dengan anugerah bagi orang yang berjaya dan juga dapat diertikan dengan alat yang menyebabkan berjaya.[6] Manakala orang mendapat anugerah dalam bahasa Arab disebut dengan *fā'iz* (فَائِزٌ) jamaknya *fa-'izun* (فَائِزُوْن).

Semua bentuk kata di atas disebut dalam al-Qur'an kecuali kata *faizah* (فَائِزٌ) dalam bentuk tunggal. Kata (الفَوْز) diulang sembilan belas kali dalam al-Qur'an. Sekali dalam bentuk (الفَوْزُ الْكَبِيرُ) yang ertinya adalah "kemenangan yang besar," iaitu dalam surah *al -Burūj* (85): 11. Dua kali dalam bentuk (الفَوْزُ الْمُبِينُ) yang ertinya adalah "kejayaan yang nyata," iaitu dalam surah *al-An'ām* (6): 16 dan *al-Jāthiyah* (45): 30. Sebanyak tiga belas kali ianya berbentuk (الفَوْزُ الْعَظِيمُ) dan tiga kali berbentuk (فَوْزًا عَظِيمًا) yang kedua-duanya bererti "kemenangan yang agung," iaitu dalam surah *al-Nisā'* (4): 13, 73; *al-Mā'idah* (5): 119; *al-Taubah* (9): 72, 89, 100, 111; *Yūnus* (10): 64; *al-Ahzāb* (33): 71; *al-Sāffāt* (37): 60; *Ghāfir* (40): 9; *al-Dukhān* (44): 57; *al-Fath* (48): 5; *al-Hadīd* (57): 12; *al-Saff* (61): 12 dan *al-Taghābun* (64): 9. Yang dimaksudkan dengan kejayaan yang nyata, besar dan agung pada sebahagian besar ayat-ayat tersebut adalah anugerah agung di akhirat berupa masuk ke syurga selama-lamanya yang di bawahnya mengalir sungai-sungai dan penuh dengan karunia serta rahmat Allah, dijauhkan dari api neraka dan diampuni semua dosa. Kejayaan seperti ini akan diperoleh orang -orang yang beriman, taat kepada Allah dan Rasul-Nya dan yang beramal salih.

Khas pada surah *Yūnus* (10): 64, diterangkan bahawa kejayaan agung yang diperoleh orang yang beriman dan bertakwa bukan hanya berupa kenikmatan di akhirat sahaja, melainkan ia termasuk kebahagiaan yang menggembirakan di dunia juga, seperti merasakan rasa kasih sayang di antara sesama

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op.cit.*, j. 2, h. 347

2 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 386.

3 Lihat al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 14, h. 314.

4 Lihat al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 2, h. 517.

5 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, , h. 378.

6 Al-Isfahānī (1961), *loc. cit.*

orang beriman, pujian yang baik, mimpi yang baik (*al-Ruʾyā al-Sālihah*) dan juga kemudahan yang diberikan Allah untuk melakukan amal kebajikan dan akhlak yang mulia serta dijauhkan dari perilaku yang tercela.[1]

Manakala dalam surah *al-Nisā'* (4): 73, yang dimaksudkan dengan (فَوْزًا عَظِيمًا) adalah kemenangan tentera Muslim dalam perang. Pada ayat tersebut diceritakan bahawa setelah tentera Muslim menang dalam peperangan dan memperoleh banyak harta rampasan perang, orang-orang munafik yang tidak ikut berperang menyesal dan berangan-angan sambil berkata: "Alangkah baiknya kalau aku turut serta bersama-sama mereka, supaya aku juga beroleh kemenangan yang amat besar?"

Kata *mafaz* (مَفَاز) disebut sekali sahaja dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Nabaʾ* (78): 31. Sama dengan sebahagian besar ayat di atas, kata (مَفَاز) pada ayat ini ertinya adalah tempat yang penuh kemenangan,[2] iaitu syurga. Tempat ini akan diperoleh oleh orang-orang yang bertakwa. Adapun kata *mafazah* (مَفَازَة) disebut dalam al-Qur'an dua kali, iaitu dalam surah *Āli ʿImrān* (3): 188 dan surah *al-Zumar* (39): 61. Ertinya juga hampir serupa dengan erti-erti sebelumnya, iaitu selamat dari neraka dan masuk ke dalam syurga. Pada surah *Āli ʿImrān* (3): 188 ditegaskan bahawa orang-orang kafir yang bergembira dengan perilaku dan ucapan dosa yang mereka lakukan, dan suka dipuji dengan apa yang mereka tidak lakukan, mereka tidak akan berada di tempat yang selamat (مَفَازَة) dari azab dan seksa Allah[3]. Namun sebaliknya orang yang bertakwa akan berada di tempat yang selamat (مَفَازَة) dari azab neraka, kerana mereka mempunyai alat untuk menyelamatkan diri (مَفَازَة), iaitu ketakwaan.[4]

Manakala kata *faizun* (فَائِزُون) diulang empat empat kali dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Taubah* (9): 20; *al-Muʾminūn* (23): 111; *al-Nūr* (24): 52; *al-Hasyr* (59): 20. Orang berjaya yang disebut dalam ayat-ayat tersebut adalah:

- Orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka. (surah *al-Taubah* (9): 20).
- Orang-orang yang memohon kepada Allah dengan berkata: "Wahai Tuhan kami, kami telah beriman; oleh itu ampunkanlah dosa kami serta berilah rahmat kepada kami, dan sememangnya Engkaulah jua sebaik-baik Pemberi rahmat." Mereka juga terus bersabar atas cemuhan dan ejekan orang-orang kafir terhadap keyakinan dan ucapan mereka. (*al-Muʾminūn* (23): 111).
- Sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya dan takut melanggar perintah Allah serta, menjaga dirinya jangan terdedah kepada azab Allah. (*al-Nūr* (24): 52).
- Mereka adalah ahli syurga (*al-Hasyr* (59): 20).

FAZA' (فَزَع)

Erti kata *fazaʿa* (فَزَع) adalah perasaan tidak suka dan tertekan yang dialami oleh seseorang kerana menghadapi sesuatu yang menakutkan. Perasaan seperti ini merupakan bentuk

1 Al-Saʿdī (2001), *op. cit.*, j. 1, h. 926.

2 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 19, h. 183.

3 Al-Saʿdī (2001), *op. cit.*, j. 1, h. 371.

4 Ibid., j. 2, h. 634

dari kekhuatiran, kecemasan dan kerisauan.[1] Al-Fayrūz Ābādī mengatakan bahawa erti (فَزَع) adalah kepanikan dan ketakutan, bentuk jamaknya adalah *afzā'* (أَفْزَاع).[2] Kata ini diulang dua kali dalam al-Qur'an, iaitu pada surah *al-Anbiyā'* (21): 103 dan *al-Naml* (27): 89. Dalam kedua-dua ayat tersebut kata (فَزَع) digunakan untuk menggambarkan dahsyatnya keadaan yang terjadi pada hari kiamat, sehingga semua manusia panik, takut, cemas, khawatir dan risau.

Ibn 'Abbās mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan (الفَزَعُ الأَكْبَر) adalah keadaan dahsyat yang menakutkan pada hari kiamat, ketika manusia dibangkitkan dari kubur. Manakala Imām al-Hasan al-Basrī mengatakan bahawa maksud (الفَزَعُ الأَكْبَر) adalah ketika manusia digiring menuju neraka.3 Abū al-Su'ūd turut menjelaskan bahawa rasa takut itu muncul setelah perhitungan amal selesai dan manusia diperlihatkan seksa dan azab.[4] Namun pada kedua ayat di atas Allah menegaskan bahawa orang yang beriman dan beramal kebajikan tidak akan merasa susah ataupun khawatir menghadapi keadaan tersebut. Mereka aman dari kecemasan dan kerisauan yang dirasakan oleh orang kafir.

FAZZ (فَظٌّ)

Erti asal kata *fazz* (فَظٌّ) adalah air (kotor) yang berada dalam perut. Air jenis ini sangat dibenci oleh orang dan tidak akan disentuh kecuali kerana terpaksa.[5] Kata (فَظٌّ) ini juga digunakan untuk menyebut orang yang keras perangainya, tercela akhlaknya dan kasar tutur katanya.[6] Orang yang mempunyai sikap seperti ini juga dibenci orang ramai dan tidak akan didekati kecuali terpaksa.

Perkataan *fazz* diulang sekali sahaja dalam al-Qur'an, iaitu pada surah *Āli Imrān* (3): 159. Pada ayat ini diterangkan lima sikap mulia yang dimiliki oleh Nabi Muhammad (s.a.w.) dan juga dua sikap tercela yang tidak dimiliki oleh beliau. Dengan sikap dan keperibadian sebagaimana yang diterangkan pada ayat ini, maka beliau tidak dijauhi atau dibenci oleh ramai orang bahkan mereka mendekat dan menyukai beliau, sehingga nasihat dan dakwah yang diajarkan pun berkesan.

Salah satu sikap tercela yang tidak dimiliki oleh Rasulullah adalah sikap (فَظٌّ). Imam Ibn Kathīr menerangkan bahawa erti (فَظٌّ) adalah sikap yang keras, namun yang dimaksudkan dalam ayat ini adalah perkataan yang kasar, kerana setelah itu Allah berfirman (غَلِيظَ الْقَلْبِ) yang ertinya adalah berhati keras. Sehingga sebahagian ayat ini dapat diertikan, "wahai Muhammad apabila perkataan kamu kasar dan hatimu keras terhadap mereka, maka mereka akan lari darimu dan akan meninggalkanmu. Namun Allah telah mendekatkan mereka kepadamu dan melemah lembutkan sikapmu supaya hati mereka suka kepadamu." Sikap Rasulullah ini adalah sesuai dengan yang diriwayatkan oleh 'Abdullāh bin 'Amr, "Saya melihat sifat-sifat Rasulullah (s.a.w.) dalam kitab-kitab (umat) terdahulu. Beliau tidak kasar ucapannya, tidak keras hatinya tidak berteriak di pasar -pasar, tidak membalas kejelikan dengan kejelikan melainkan beliau suka memberi am-

1 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 379.

2 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 191.

3 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 11, h. 346.

4 Abū al-Su'ūd (t.t), *op. cit.*, j. 6. h. 305.

5 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 382.

6 Ābādī (1986), *op.cit.*, j. 4, h. 200.

pun dan berlapang dada."[1]

FI'AH (فِئَة)

Erti kata *fi'ah* (فِئَة) adalah sekelompok manusia yang menunjukkan kebolehannya dan mereka saling membantu di antara satu dengan yang lainnya.[2] Bentuk tunggal (فِئَة) diulang sebanyak delapan kali dalam al-Qur'ān, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2): 249 (dua kali); surah *Āli 'Imrān* (3): 13; surah *al-Anfāl* (8): 16, 19, 45; *al-Kahf* (18): 43 dan *al-Qasas* (28): 81. Manakala bentuk *muthannā*-nya *fiatain* (فِئَتَيْن) dan *fiatan* (فِئَتَان) diulang sebanyak tiga kali, iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3): 13; *al-Nisā'* (4): 88 dan surah *al-Anfāl* (8): 48.

Pada surah *al-Qasas* (28): 81 diceritakan bahawa ketika Allah menimbus Qārūn bersama-sama dengan rumahnya di dalam tanah, maka ia tidak mendapat sebarang golongan *fiah* (فِئَة) yang boleh menolongnya, sama ada (فِئَة) tersebut berupa kawan-kawan sekutu, pembantu-pembantu mahupun tentera. Hanya Allah lah yang dapat menyelamatkan hamba dari azab dan seksa.[3]

Penggunaan kata (فِئَة) pada surah *al-Kahf* (18): 43 juga hampir sama dengan penggunaannya pada surah *al-Qasas* (28): 81 di atas. Pada surah *al-Kahf* (18): 43 ini, Allah menceritakan tentang nasib orang kaya pemilik kebun luas yang sombong dengan kekayaan dan anak-anaknya, dia tidak percaya hari kiamat dan tidak mahu mensyukuri nikmat Allah. Kebunnya yang luas itu akhirnya rosak binasa dan tidak dapat menghasilkan buah apa pun. Allah menegaskan bahawa orang tersebut tidak mendapat sebarang golongan (فِئَة) yang boleh menolongnya, selain dari pada Allah; dan ia pula tidak dapat membela dirinya sendiri.

Pada selain dua ayat tersebut kata (فِئَة) atau (فِئَتَيْن) digunakan untuk menunjukkan golongan yang bertelingkah dengan golongan yang lain, sama ada golongan-golongan tersebut berada dalam satu kelompok tertentu mahupun kedua-duanya memang sekumpulan tentera yang siap berhadapan dalam peperangan.

Pada surah *al-Nisā'* (4): 88 Allah melarang kaum beriman terpecah menjadi dua golongan (فِئَتَيْن) yang saling bertelingkah ketika menghadapi orang-orang munafik, iaitu orang-orang yang menampakkan keislaman pada sisi lahiriahnya namun mereka tidak mahu ikut hijrah ke Madinah kerana memang hati mereka masih kafir. Pada mulanya umat Islam berbeza pendapat mengenai mereka, ada yang menganggapnya sebagai orang beriman sehingga tidak boleh diperangi dan ada yang menganggapnya sebagai orang kafir. Kemudian Allah menegaskan bahawa orang-orang munafik tersebut adalah orang kafir, sehingga tidak boleh dikasihi atau dijadikan penolong, oleh itu umat Islam tidak perlu terpecah menjadi dua golongan yang saling bertelingkah dalam masalah ini.[4]

Dalam surah *al-Baqarah* (2): 249 kata (فِئَة) dikaitkan dengan perkataan sebahagian tentera perang raja Tālūt (termasuk juga Nabi Dāwūd (a.s.) yang jumlahnya sedikit ketika melawan tentera raja Jālūt yang jumlahnya banyak. Sebahagian pasukan raja Talūt

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 421.

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 307.

3 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 2, h. 361.

4 Ibid., j. 1, h. 451.

tersebut dengan penuh semangat dan dengan keimanan yang kuat berkata: "Berapa banyak (yang pernah terjadi), golongan yang sedikit (فِئَةٍ قَلِيلَةٍ) berjaya menewaskan golongan yang banyak (فِئَةً كَثِيرَةً) dengan izin Allah." Dan akhirnya mereka memperoleh kejayaan dalam perang tersebut. Perkataan pasukan raja Tālūt tersebut juga bersesuaian dengan apa yang terjadi pada perang Badr, di mana jumlah tentera Muslim sedikit manakala tentera musyrikin sangat banyak. Meskipun demikian dalam surah *al-Anfāl* (8): 19 Allah menegaskan bahawa Dia akan selalu menolong orang-orang yang beriman dan golongan angkatan perang kaum musyrikin (فِئَةً) tidak akan mendapatkan selamat, sekalipun mereka sangat ramai.

Perkataan (فِئَتَيْنِ) dan (فِئَتَانِ) "dua golongan" dalam surah *Āli 'Imrān* (3): 13 dan *al -Anfāl* (8): 48 juga masih berkaitan dengan kejadian perang Badr. Dua golongan yang disebut dalam kedua-dua ayat tersebut adalah tentera Muslim yang jumlahnya sedikit dan tentera musyrikin yang jumlahnya banyak semasa perang Badr. Allah menegaskan bahawa tentera Muslim (فِئَةً) berperang di jalan Allah bersama para malaikat, manakala tentera musyrikin (فِئَةً) berperang memperjuangkan kekafiran bersama setan yang membujuk dan menyokong mereka, namun kemudian setan berkhianat dan lari dari peperangan setelah melihat para malaikat yang membantu tentera Muslimin dalam perang tersebut.

Hampir sama dengan yang di atas, kata (فِئَةً) yang terdapat dalam surah *al-Anfāl* (8): 16 dan 45 mempunyai erti sekelompok tentera perang, namun ianya disebut untuk menerangkan aturan perang yang harus dipatuhi oleh umat Islam, supaya mereka mendapat kejayaan. Pada ayat 45 Allah menetapkan aturan-aturan yang mesti dilakukan oleh tentera Muslim semasa mereka bertemu dengan sesuatu pasukan musuh (فِئَةً), iaitu: (1). Hendaklah tetap teguh menghadapinya; (2). Hendaklah banyak menyebut serta ingat kepada Allah; (3). Hendaklah taat kepada Allah dan Rasul-Nya; (4). Jangan berbantah -bantahan dan bertelingkah; (5). Bersabar menghadapi segala kesukaran. Tujuan ditetapkannya aturan ini adalah supaya tentera Muslim tidak menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan, dengan itu maka mereka akan mendapatkan kejayaan.

Manakala ayat ke 16 menceritakan tentang strategi perang yang boleh dilakukan oleh tentera Muslim. Tentera Muslim sama sekali tidak boleh menghindar dari menghadapi musuh kecuali apabila bermaksud untuk melakukan tipu muslihat perang, iaitu lari ke arah atau ke tempat lain yang lebih strategis dan kemudian menyerang musuh semula, atau mereka lari dengan maksud bergabung dengan kelompok pasukan Muslim yang lain (فِئَةً) untuk kemudian menyerang musuh dengan kekuatan pasukan yang lebih besar. Tindakan seperti itu dibolehkan, karena ianya tidak termasuk melarikan diri dari perang, melainkan maksud tindakan itu adalah untuk mengungguli musuh dan menyusun kekuatan semula sama ada dengan cara menyerang musuh semula dari tempat yang lebih tepat atau bergabung dengan kekuatan kelompok tentera Muslim yang lain. Dengan strategi seperti ini maka kejayaan perang akan terwujud.[1]

1 Ibid., j.1, h. 788

FIDĀ'- FIDYAH (فِدَاءٌ - فِدْيَةٌ)

Erti perkataan *fidā'* (فِدَاءٌ) adalah perbuatan menebus. Manakala erti kata *fidyah* (فِدْيَةٌ) adalah perkara yang digunakan untuk menebus.[1] Al-Rāghib al-Isfahānī mengatakan bahawa erti (فِدَاءٌ) adalah melindungi seseorang dari suatu bencana dengan cara menyerahkan suatu benda sebagai pengganti orang tersebut. Manakala erti (فِدْيَةٌ) adalah sesuatu (umpamanya harta) yang diberikan oleh seseorang sebagai pengganti ibadah yang tidak dilakukan atau dilakukan dengan kecuaian dan kekurangan, dia memberikan (فِدْيَةٌ) ini dengan maksud untuk melindungi diri dari dosa, contohnya adalah *kaffārah* sumpah dan *kaffārah* puasa.[2]

Perkataan (فِدَاءٌ) diulang sekali sahaja dalam al-Qur'ān, iaitu dalam surah *Muhammad* (47): 4. Manakala kata (فِدْيَةٌ) dulang sebanyak tiga kali, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2): 184, 196 dan surah *al-Hadīd* (57): 15. Pada surah *Muhammad* (47): 4, Allah (s.w.t.) menerangkan cara menangani tawanan perang yang berhasil dikuasai oleh umat Islam. Allah memberikan dua pilihan untuk menangani mereka, iaitu: (1). Melepaskan mereka dengan tanpa membayar tebusan apa pun, atau (2). Melepaskan mereka setelah mereka membayar tebusan, sama ada tebusan itu berupa harta yang mereka berikan sendiri atau yang dibayar oleh kawan-kawannya mahupun dengan cara menukar mereka dengan tawanan perang Muslim yang dikuasai pihak musuh. Cara yang kedua ini diistilahkan dengan (فِدَاءٌ).

Ayat ke 184 surah *al-Baqarah* menerangkan salah satu bentuk kemurahan hukum Allah kepada hamba-Nya, di mana Allah membolehkan seseorang tidak berpuasa Ramadan apabila dia memang sudah tidak sanggup melakukannya, seperti orang yang sangat tua dan tidak ada kemampuan untuk berpuasa. Namun orang tersebut wajib membayar "فِدْيَةٌ" (tebusan) untuk mengganti setiap puasa yang ditinggalkannya. Bentuk (فِدْيَةٌ) tersebut adalah memberikan makanan kepada satu orang miskin untuk setiap satu puasa yang ditinggalkan. Menurut mazhab Hanafi jumlah fidyah tersebut adalah setengah *sā'* (1375.5 gram) gandum bagi setiap puasa yang ditinggalkan, manakala jumhur ulama menetapkan ukuran fidyah tersebut adalah satu *mudd* (675 gram) makanan pokok bagi setiap puasa yang ditinggalkan.[3]

Ayat ke 196 surah *al-Baqarah* juga menerangkan bentuk kemurahan hukum Allah yang lain. Ketika melakukan ibadah haji seseorang diharuskan khusyuk dan merasa rendah diri di hadapan Allah (s.w.t.), ini adalah untuk menghormati ibadah yang dijalankan. Oleh itu selama berihram mereka tidak boleh berhias diri, di antaranya adalah mereka tidak boleh memotong rambut hingga selesai masa ihram, iaitu hingga datangnya hari korban. Apabila ada orang yang sakit gatal di kepala padahal dia sedang berihram maka dia boleh mencukur rambutnya, namun dia wajib membayar ganti (فِدْيَةٌ). Bentuk (فِدْيَةٌ) tersebut adalah pilihan di antara tiga perkara berikut: (1). Puasa tiga hari; (2) Memberi makan kepada enam orang miskin; atau (3). Menyembelih kambing yang memenuhi syarat untuk korban. Ini merupakan kemurahan Allah, kerana Allah tidak menganggap ihram orang tersebut batal, melainkan Allah memberikan alternatif (فِدْيَةٌ) sebagai gantinya.

Manakala pada ayat ke 15 surah *al-Hadīd*,

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 317-318.

2 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 374.

3 Wahbah al-Zuhaylī, (2004), *Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, j. 3, c. 4. Damaskus: Dār al-Fikr al-Mu'āsir, h. 1743-1744.

Allah menerangkan bahawa di akhirat nanti orang-orang munafik dan orang-orang kafir akan dimasukkan neraka. Mereka tidak dapat keluar dari neraka dan tidak dapat menebus dirinya dengan membayar (فِدْيَةٌ) "tebusan" untuk keluar dari neraka.

FIDDAH (فِضَّة)

Erti perkataan *fiddah* (فِضَّة) adalah perak, iaitu sejenis logam yang berwarna putih dan berkilat (digunakan untuk membuat perhiasan, duit dan lain-lain).[1] Kata (ٱلْفِضَّةُ) diulang enam kali dalam al-Qur'ān, iaitu dalam surah *al-Taubah* (9): 34; *Āli 'Imrān* (3): 14; *al -Zukhruf* (43): 33; *al-Insān* (76): 15, 16 dan 21.

Pada surah *Āli 'Imrān* (3): 14 Allah menerangkan bahawa manusia mempunyai kecenderungan untuk mencintai perkara -perkara duniawi. Pada ayat ini Allah menyebutkan tujuh perkara yang menjadi daya tarik dunia paling utama bagi manusia, salah satu dari tujuh perkara tersebut adalah perak (ٱلْفِضَّةُ). Meskipun secara semula jadi manusia mempunyai kecenderungan untuk mencintai perkara-perkara tersebut namun Allah mengingatkan bahawa ada kenikmatan yang lebih baik daripada kenikmatan dunia tersebut, iaitu kenikmatan di akhirat yang berupa syurga dengan segala kenikmatan di dalamnya. Manusia dapat dikelompokkan menjadi dua dalam mengelola kecenderungannya mencintai dunia ini, iaitu: (1). Manusia yang menjadikan perkara-perkara dunia itu sebagai maksud dan matlamat utamakan dalam hidup di dunia ini, sehingga hati, fikiran dan perbuatannya selalu sibuk dengan urusan dunia dan lupa terhadap nasibnya di kehidupan akhirat; (2). Manusia yang menyedari bahawa perkara-perkara dunia tersebut merupakan ujian dari Allah untuk mengetahui siapakah hamba-hamba-Nya yang lebih mengutamakan ketaatan dan keredaan kepada Allah berbanding kenikmatan dan kelazatan dunia, sehingga mereka dapat menjadikan dunia sebagai alat untuk memperbanyak bekal untuk kehidupan di akhirat.[2]

Pada surah *al-Taubah* (9): 34 Allah menerangkan salah satu bentuk manusia yang tergoda dengan kenikmatan dan kemegahan duniawi. Mereka adalah orang-orang yang suka menyimpan emas dan perak (ٱلْفِضَّةُ) dan tidak mahu mengeluarkan zakat atau menafkahkannya untuk kebajikan. Kenikmatan sementara yang dirasakan oleh manusia di dunia sehingga dia lupa kepada Allah menyebabkannya tidak dapat merasakan kenikmatan di akhirat bahkan mereka akan dibalas oleh Allah dengan seksa yang pedih.

Pada surah *al-Zukhruf* (43): 33 hingga 35 diterangkan bahawa Allah mampu membuatkan rumah yang atap, tangga, pintu dan ranjang tidurnya terbuat dari perak (فِضَّةٌ) untuk orang-orang yang kufur kepada-Nya. Namun Allah tidak melakukannya kerana kenikmatan dunia tersebut adalah kecil nilainya apabila dibandingkan dengan kenikmatan di akhirat, sehingga kenikmatan hidup di akhirat semestinya menjadi matlamat utama manusia, bukannya kemegahan dunia. Selain dari pada itu kemegahan dunia sering kali menyebabkan manusia melampau dalam kekafiran dan kemaksiatan. Oleh itu tidak dibuatnya rumah megah untuk orang-orang yang kufur dan juga tidak diberikannya

1 Noresah bt. Baharom et al. (eds.) (2002), *op. cit.*, h. 1011.

2 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 1, h. 276.

kenikmatan-kenikmatan dunia yang lain kepada sebahagian manusia adalah untuk kemaslahatan manusia itu sendiri, iaitu supaya mereka tidak lupa diri dengan banyak melakukan kemaksiatan. Ini menunjukkan bahawa Allah sangat menyayangi hambanya.[1]

Manakala pada surah *al-Insān* (76): 15, 16 dan 21 Allah menggambarkan kenikmatan dan kemegahan hidup di syurga. Di antara kemegahan itu adalah bejana yang digunakan adalah terbuat daripada perak (فِضَّةٌ); piala-piala yang digunakan untuk minum bentuknya seperti kaca (nampak jelas isinya), namun ianya juga terbuat dari perak; dan juga gelang-gelang yang digunakan oleh penduduk syurga terbuat dari perak (فِضَّةٌ). Orang yang akan mendapatkan kenikmatan dan kemegahan hidup ini adalah orang-orang yang hati dan akhlaknya baik (*Abrār*), mempercayai hari akhir dan yang mahu memberi makan kepada orang miskin, anak yatim dan para tawanan perang dengan penuh keikhlasan, sepertimana yang diterangkan oleh ayat -ayat sebelumnya.[2]

FĪL (فِيْل)

Perkataan *fīl* (فِيْل) ialah bentuk kata tunggal yang merupakan nama sejenis haiwan yang disebut dalam bahasa Melayu sebagai gajah. Bentuk jamaknya adalah *afyāl* (أَفْيَال), *fuyūl* (فُيُوْل) dan *fiyalah* (فِيَلَةٌ).[3] Kata ini dalam bentuk tunggal diulang hanya sekali sahaja dalam al-Qur'ān, iaitu pada surah *al-Fīl* (105): 1. Surah ini menceritakan tentera penunggang gajah (أَصْحَابِ الْفِيلِ) yang hendak menghancurkan Ka'bah. Tentera ini berasal dari negara Yaman dan dipimpin oleh raja Abrahah. Mereka adalah penganut agama Nasrani, namun ajaran yang mereka amalkan lebih dekat dengan ajaran kaum Quraisy penyembah berhala. Pada waktu itu Abrahah membangun gereja yang sangat megah di San'ā' dan tidak ada duanya di dunia, dia ingin supaya gereja tersebut menjadi tempat tujuan ibadah bagi orang Arab sebagai pengganti Ka'bah di Makkah. Namun hasratnya tidak kesampaian kerana orang Arab masih tertarik untuk mengunjungi Ka'bah. Akhirnya Abrahah bersama tenteranya yang menunggang gajah menyerang kota Makkah dan hendak menghancurkan Ka'bah. Namun Allah menyelamatkan Ka'bah daripada serangan tentera penunggang gajah tersebut, dengan mengirim burung Abābil yang melempari mereka dengan batu bercampur dengan tanah yang mengandungi wabah penyakit.[4] Peristiwa ini terjadi ketika Nabi Muhammad (s.a.w.) lahir di Makkah.

Sepertimana yang ditegaskan oleh Imam Ibn Kathīr, maksud Allah menghancurkan tentera penunggang gajah ini bukanlah untuk menunjukkan bahawa kaum Quraisy pada waktu itu berada dalam ajaran yang benar sehingga perlu dilindungi, tetapi maksud Allah adalah untuk melindungi Ka'bah yang merupakan tempat mulia dan yang akan menjadi pusat dakwah Nabi terakhir yang sedang lahir, iaitu Nabi Muhammad (s.a.w.).[5]

1 Ibid., j. 2, h. 733.

2 Ibid., h. 1104

3 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 222.

4 Al-Qurt)ubī (1996), *op. cit.*, j. 2, h. 187.

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 550.

FIRĀR – MAFARR (فِرَار - مَفَرّ)

Erti perkataan *firār* (فِرَار) adalah lari dan sembunyi dari peperangan, manakala kata *mafarr* (مَفَرّ) bererti tempat atau masa berlari.[1] Kata (فِرَار) diulang empat kali dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Ahzāb* (33): 13, 16; *al -Kahfi* (18): 18; *Nūh* (71): 6. Manakala kata (الْمَفَرّ) diulang sekali sahaja dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Qiyāmah* (75): 10. Pada surah *al-Kahf* (18): 18 diterangkan bagaimana tubuh *Ashāb al-Kahf* dilindungi Allah dari kerosakan, sama ada kerosakan akibat kesan alam semula jadi mahupun akibat perbuatan manusia. Meskipun mereka tidur di atas tanah selama tiga ratus tahun *Syamsiyyah* atau tiga ratus sembilan tahun *Qamariyah*, tubuh mereka tetap selamat. Hal ini kerana Allah membolak-balikkan tubuh mereka ke kanan dan ke kiri sepanjang tidur mereka, sehingga bahagian tubuh mereka tidak terkena tanah secara terus-menerus yang dapat menyebabkan tubuhnya rosak. Selain itu Allah juga melindungi mereka dari jamahan tangan manusia, sehingga setiap kali ada orang yang melihat keberadaan mereka, Allah menimbulkan rasa takut di hati orang tersebut dan akhirnya orang itu akan lari dan pergi (فِرَارًا) menjauh dari gua tempat tidur mereka. Dengan itu maka mereka selamat berada dalam gua selama bertahun-tahun kerana tidak ada seorang pun yang sanggup mendekati mereka. Ini lah bukti kekuasaan Allah dalam menjaga tubuh *Ashāb al-Kahf* dan sekali gus dalam menjaga kelestarian ajaran keimanan hingga beberapa generasi.[2]

Diceritakan bahawa Nabi Nūh telah berdakwah kepada kaumnya bertahun-tahun, namun kaumnya menentang beliau dan tidak mahu mengikuti kebenaran. Oleh itu Nabi Nūh mengeluh atas kedegilan dan kekafiran kaumnya kepada Allah, antara keluhan beliau adalah yang disebutkan dalam surah *Nūh* (71): 5 dan 6, iaitu, "Ya Tuhanku sesungguhnya Aku telah berdakwah kepada kaumku malam dan siang, namun dakwahku itu hanyalah menambah mereka lari (فِرَارًا) dari kebenaran. "

Pada surah *al-Ahzāb* (33): 13 dan 16, kata (فِرَار) dikaitkan dengan sikap orang munafik semasa terjadi perang Ahzāb (Khandaq), di mana orang munafik pada masa itu minta izin kepada Rasulullah (s.a.w.) untuk pulang ke rumah dengan alasan rumah mereka berada dalam ancaman bahaya, padahal ucapan mereka itu hanyalah sebagai alasan untuk lari (فِرَار) dari peperangan. Sebenarnya mereka penakut, pengecut dan tidak mempunyai keimanan. Namun kemudian Rasulullah (s.a.w.) mencela mereka dengan mengatakan bahawa lari (فِرَار) dari peperangan tidak akan memberi manfaat apa pun, meskipun mereka jauh dari medan perang tapi kalau takdir Allah menetapkan kematiannya maka mereka juga pasti akan mati, dan meskipun masa itu mereka berjaya selamat dari kematian namun kenikmatan di dunia yang mereka rasakan hanyalah sebentar sahaja dan setelah itu mereka tidak akan dapat lari dari seksa di dalam neraka,[3] sepertimana yang digambarkan pada surah *al-Qiyāmah* (75): 10, di mana ketika hari kiamat datang dan dunia mengalami kehancuran, manusia terkejut dan bingung hingga bertanya-tanya, "Ke manakah tempat berlari, untuk menghindari kiamat yang menimpa kita ini?" (أَيْنَ الْمَفَرّ).[4]

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 321.

2 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 1, h. 1204.

3 Ibid, j. 2, h. 455, 456 dan 457.

4 Ibid., j. 2, h. 1096.

FIRĀSY – FURUSY (فِرَاش - فُرُش)

Erti perkataan *firasy* (فِرَاش) adalah benda yang menghampar luas (permaidani), bentuk jamaknya adalah *furusy* (فُرُش). Dalam bentuk tunggal (فِرَاش) kata ini hanya disebut sekali sahaja dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2): 22. Manakala dalam bentuk jamak (فُرُش), ianya diulang dua kali iaitu dalam surah *al-Rahmān* (55): 54 dan *al-Wāqi'ah* (56): 34. Dalam surah *al-Baqarah* (2): 22 Allah menyebutkan kenikmatan-kenikmatan yang diberikan kepada manusia, khasnya yang berkaitan dengan penciptaan langit dan bumi. Di antaranya adalah Allah telah menciptakan bumi sebagai hamparan luas (فِرَاشا) yang tetap dan kukuh (tidak bergoyang) sama seperti permaidani yang dihamparkan,[1] sehingga manusia mudah berjalan di atasnya.

Manakala pada surah *al-Rahmān* (55): 54 dan *al-Wāqi'ah* (56): 34, Allah menjelaskan salah satu kenikmatan dan kemegahan penghuni syurga, di mana permaidani-permaidani (فُرُش) yang mereka pakai sangat empuk dan tebal, dan bahagian bawahnya, yang biasanya menempel dengan tanah, terbuat daripada sutera yang sangat halus. Ini menunjukkan bahawa bahagian atasnya jauh lebih bagus dan lebih halus daripada yang ada di bahagian bawah.[2]

FIRDAUS (فِرْدَوْس)

Perkataan *firdaus* (اَلْفِرْدَوْس) mempunyai beberapa makna, antaranya ialah; (1) lembah yang subur; (2) taman; (3) kebun di syurga; (4) tempat yang ditumbuhi pohon anggur. Perkataan (اَلْفِرْدَوْس) ini tidak berasal dari bahasa Arab, tetapi dari bahasa Romawi[3] yang sudah diarabkan *mua'rrab* (مُعَرَّب).[4] Perkataan ini diulang dua kali dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Kahf* (18): 107 dan surah *al-Mu'minūn* (23): 11.

Yang dimaksudkan dengan (اَلْفِرْدَوْس) dalam kedua ayat tersebut adalah syurga paling tinggi darjatnya. Rasulullah (s.a.w.) bersabda, "Sesungguhnya di dalam syurga terdapat seratus tingkatan. Allah menyiapkannya untuk para mujahidin yang berjuang di jalan-Nya. Jarak antara satu tingkatan dengan tingkatan yang lain adalah sejauh langit dengan bumi. Apabila kalian meminta kepada Allah, mintalah al-Firdaus, ia adalah syurga yang paling tinggi dan berada di tengah. Sungai-sungai yang mengalir di syurga bersumber dari al-Firdaus ini dan di atasnya terdapat *'Arsy al-Rahmān*."[5]

Pada surah *al-Kahf* (18): 107 dijelaskan tentang orang yang akan mendapat tempat di dalam syurga *Firdaus* adalah orang yang beriman dan yang beramal salih. Manakala dalam surah *al-Mu'minūn* ayat ke-2 hingga ayat ke-9 dijelaskan secara terperinci sifat-sifat orang beriman yang akan mendapatkan syurga *Firdaus* tersebut, iaitu: (1). Mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya; (2). Mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia; (3). Mereka yang berusaha membersihkan hartanya dengan menunaikan zakat; (4). Mereka yang menjaga kehormatannya (tidak melakukan zina); (5). Mereka yang menjaga amanah dan janji-

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 58.

2 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 4, h. 205.

3 Sepertimana pendapat Imām Mujāhid yang mengatakan bahawa mengikut bahasa Romawi, erti Firdaus adalah kebun. Lihat Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 108.

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 321.

5 Hadith riwayat al-Bukhārī dan Muslim.

nya, dan (6). Mereka yang tetap memelihara sembahyangnya.

FIRQ (فِرْق)

Erti perkataan *firq* (فِرْق) adalah benda yang terpisah atau terbelah dari asalnya termasuk sekumpulan manusia yang terpisah dari kelompoknya.[1] Perkataan (فِرْق) hanya disebut sekali sahaja dalam al-Qur'an iaitu dalam surah *al-Syu'arā'* (26): 63. Pada ayat ini Allah menceritakan keadaan laut selepas dipukul oleh Nabi Mūsā dengan tongkatnya sehingga laut itu terbelah dan membentuk dua belas jalan. Setiap jalan tersebut berada di antara dua belahan air (كُلُّ فِرْقٍ) yang bentuknya seperti gunung yang besar dan tinggi, kemudian Nabi Mūsā bersama kaumnya yang terdiri daripada dua belas kelompok melalui jalan-jalan yang berada di antara dua belahan air laut tersebut meninggalkan Fir'aun dan bala tenteranya.[2]

FISQ (فِسْق)

Erti kata *fisq* (فِسْق) adalah terkeluar dari batasan aturan syarak. Kata (فِسْق) ini lebih umum daripada kata (كُفْر). Sifat fasik dapat timbul akibat melakukan dosa-dosa kecil mahupun dosa-dosa besar, namun biasanya kefasiqan ditetapkan bagi orang-orang yang melakukan dosa-dosa besar. Dan kebanyakannya kata *fāsiq* (فَاسِقٌ) digunakan untuk menyebut orang yang asalnya berpegang teguh dan mengakui hukum-hukum syarak, namun kemudian dia melanggar keseluruhan atau sebahagian hukum syarak tersebut. Orang kafir juga disebut dengan perkataan (فَاسِقٌ) kerana mereka melanggar hukum-hukum yang dapat diketahui oleh akal dan juga fitrah manusia.[3]

Perkataan (فِسْقٌ) diulang tiga kali dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Mā'idah* (5): 3; *al-An'ām* (6): 121, 145. Manakala kata *fusūq* (فُسُوْقٌ) diulang empat kali, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2): 197, 282; *al-Hujurāt* (49): 7, 11. Perkataan (فَاسِقٌ) diulang dua kali, iaitu dalam surah *al-Hujurāt* (49): 6 dan *al-Sajdah* (32): 18. dan kata *fasiqun* (فَاسِقُون) serta *fasiqin* (فَاسِقِيْن) diulang sebanyak tiga puluh empat kali. Pada surah *al-Mā'idah* (5): 3 dan *al-An'ām* (6): 145, Allah menerangkan beberapa perbuatan fasiq (فِسْقٌ), iaitu memakan bangkai binatang, darah, babi, binatang-binatang yang disembelih bukan dengan nama Allah, binatang yang mati tercekik, binatang yang mati dipukul, binatang yang mati jatuh dari tempat yang tinggi, binatang yang mati ditanduk, binatang yang mati dimakan binatang buas kecuali yang sempat disembelih (sebelum habis nyawanya), binatang yang disembelih atas nama berhala dan merenung nasib dengan undi batang-batang anak panah. Melakukan perbuatan-perbuatan ini termasuk kefasiqan. Demikian juga pada surah *al-An'ām* (6): 121, Allah menyebutkan satu bentuk kefasiqan yang lain, iaitu makan binatang-binatang halal yang disembelih tidak dengan menyebut nama Allah.

Jenis kefasiqan lain yang disebut oleh al-Qur'ān adalah yang terdapat dalam surah *al-Baqarah* (2): 282, iaitu kefasiqan-kefasiqan yang berhubung kait dengan masalah tran-

1 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h.377.

2 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 102.

3 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.h.* 380.

saksi kewangan, seperti masalah kesaksian dan penulisan palsu dalam hutang-piutang dan jual beli. Manakala dalam surah *al -Baqarah* (2): 197 Allah memerintahkan orang yang melaksanakan ibadah haji untuk menghormati dan mengagungkan ibadahnya, iaitu dengan tidak melakukan hubungan suami isteri atau perbuatan-perbuatan nafsu berahi lainnya, tidak melakukan kefasiqan (فُسُوْقٌ) dan tidak berbalah. Pada *mufassir* menegaskan maksud (فُسُوْقٌ) pada ayat ini adalah semua jenis maksiat termasuk larangan -larangan ketika ihram.[1]

Pada surah *al-Hujurāt* (49): 7, Allah memerintahkan orang yang beriman untuk bersyukur, kerana Allah menjadikan iman sebagai perkara yang dicintai mereka serta dihiaskan dalam hati mereka. Dia juga menjadikan kekufuran dan kefasiqan (فُسُوْقٌ) serta perbuatan maksiat itu, sebagai perkara -perkara yang dibenci mereka. Manakala pada surah *al-Hujurāt* (49): 11, Allah menegaskan bahawa orang yang asalnya beriman kemudian melakukan kefasiqan sehingga dia gelar orang fasik (الْفُسُوْق), berada dalam keadaan yang sangat buruk. Kerana orang *fasik* (فَاسِقٌ) itu sangat berbeza dengan orang beriman, terutamanya nasib mereka di akhirat nanti. Ini ditegaskan Allah dalam surah *al -Sajdah* (32): 18. Bahkan di dunia pun mereka harus diawasi. Dalam surah *al-Hujurāt* (49): 6, Allah menerangkan aturan penapisan berita, di mana jika datang seorang fasik (فَاسِقٌ) membawa berita, hendaklah diselidiki dahulu kebenarannya.

FITNAH – FUTŪN (فِتْنَةٌ - فُتُوْن)

Erti asal perkataan *fitnah* (فِتْنَةٌ) adalah memasukkan emas ke dalam api untuk menguji kualitinya. Perkataan ini biasa digunakan dengan makna ujian dan cubaan. Kadang-kadang *fitnah* (فِتْنَةٌ) ini datang dari Allah dan kadang-kadang pula dari manusia, seperti sakit, musibah, kematian, azab dan pelbagai tragedi lain.[2]

Perkataan (فِتْنَةٌ) dalam al-Qur'an diulang tiga puluh empat kali, iaitu dalam surah *al -Baqarah* (2): 191, 217, 102, 193; *Āli 'Imrān* (3): 7; *al-Nisā'* (4): 91; *al-Mā'idah* (5): 41, 71; *al-An'ām* (6): 23; *al-A'rāf* (7): 155; *al-Anfāl* (8): 25, 28, 38, 73; *al-Taubah* (9): 47, 48, 49; *Yūnus* (10): 85; *al-Isrā'* (17): 60; *al-Anbiyā'* (21): 35, 111; *al-Hajj* (22): 11, 53; *al-Nūr* (24): 63; *al-Furqān* (25): 20; *al-'Ankabūt* (29): 10; *al-Ahzāb* (33): 14; *al-Sāffāt* (37): 63; *al-Zumar* (39): 49; *al-Dhāriyāt* (51): 14; *al-Qamar* (54): 27; *al-Mumtahinah* (60): 5; *al-Taghābun* (64): 15; *al-Muddaththir* (74): 31. Manakala kata *futūn* (فُتُوْن) yang merupakan jamak dari *fitnah* hanya disebutkan sekali pada surah *Tāhā* (20): 40. Begitu juga dengan kata (فَاتِنِين) diulang sekali surah *al-Sāffāt* (37): 162. Perkataan (مَفْتُوْن) juga diulang sekali surah *al-Qalam* (68): 6. Mengikut al-Husayn bin Muhammad al-Dāmaghānī, perkataan (فِتْنَةٌ) dan perkataan-perkataan terbitannya digunakan dalam al-Qur'an dengan sebelas pemakaian, iaitu[3]: (1). Kemusyrikan; (2). Kekafiran; (3). Azab; (4). Ujian dan dugaan; (5). Dibakar dengan api; (6). Pembunuhan; (7). Dihalang-halangi dari jalan yang benar; (8). Kesesatan dan kebingungan; (9). Uzur; (10). Kesukaran; dan (11). Gila.

1 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 1, h. 192.

2 Ibid, j. 4, h. 166, 167 dan 169.

3 Al-Dāmaghānī (1970), *op. cit.*, h. 347, 348 dan 349.

FU'ĀD (فُؤَادٌ)

Erti kata *fu'ād* (فُؤَادٌ) adalah hati setiap makhluk hidup, sama ada manusia mahupun lainnya,[1] bentuk jamaknya adalah *af'idah* (أَفْئِدَةٌ). Kata (فُؤَادٌ) dalam bentuk tunggal diulang lima kali dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Qasas* (28): 10; *al-Najm* (53): 11; *al-Isrā'* (17): 36; *Hūd* (11): 120 dan *al-Furqān* (25): 32. Manakala dalam bentuk jamak (أَفْئِدَةٌ), ianya diulang sebelas kali, iaitu dalam surah *Ibrāhīm* (14): 37, 43; *al-Ahqāf* (46): 26 (dua kali); *al-An'ām* (6): 110, 113; *al-Nahl* (16): 78; *al-Mu'minūn* (23): 78; *al-Sajdah* (32): 9 *al-Mulk* (67): 23; *al-Humazah* (104): 7.

Pada surah *al-Isrā'* (17): 36; *al-Nahl* (16): 78; *al-Mu'minūn* (23): 78; *al-Sajdah* (32): 9 dan *al-Mulk* (67): 23, Allah menegaskan bahawa hati (فُؤَادٌ) atau (أَفْئِدَةٌ) adalah anugerah Allah yang mesti disyukuri. Ia perlu dimanfaatkan sebaik-baik dan sebenar-benarnya, umpamanya untuk meyakini apa yang diketahuinya, kerana di akhirat nanti semua anggota badan - termasuk hati - akan ditanya tentang apa yang dilakukannya. Namun realitinya ada orang yang tidak memanfaatkan hatinya dengan benar, seperti orang kafir, di mana hati mereka tidak memberikan faedah sedikit pun kepada mereka, kerana mereka sentiasa mengingkari dan memalingkan hati mereka dari ayat-ayat keterangan Allah, bahkan hati mereka lebih cenderung untuk mendengar dan menyetujui bisikan-bisikan syaitan, sehingga mereka terus-menerus melakukan kemungkaran - *al-An'ām* (6): 110; *al-Ahqāf* (46): 26 dan *al-An'ām* (6): 113). Akhirnya di akhirat nanti hati mereka sempit, bingung, cemas dan tidak bersemangat (وَأَفْئِدَتُهُمْ هَوَاءٌ) (*Ibrāhīm* (14): 43).

Pada surah *Ibrāhīm* (14): 37 kata (أَفْئِدَةٌ) berada dalam rangkaian doa Nabi Ibrāhīm, iaitu: "Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah (Tanah Suci Makkah) yang mengandungi tanaman padanya, di sisi rumah-Mu yang diharamkan mencerobohinya. Wahai Tuhan kami, (mereka ditempatkan di situ) supaya mereka mendirikan sembahyang (dan memakmurkannya dengan ibadat). Oleh itu, jadikanlah hati sebahagian dari manusia (أَفْئِدَةً مِنَ النَّاسِ) tertarik gemar kepada mereka, (supaya datang beramai-ramai ke situ), dan kurniakanlah rezeki kepada mereka dari berbagai jenis buah-buahan dan hasil tanaman, semoga mereka bersyukur."

Manakala pada surah *al-Qasas* (28): 10 Allah menerangkan keadaan hati ibu Nabi Mūsā setelah beliau mengetahui bahawa bayi Nabi Mūsā dipelihara oleh keluarga Fir'aun. Pada waktu itu hati ibu Nabi Mūsā menjadi kosong atau hampa (وَأَصْبَحَ فُؤَادُ أُمِّ مُوسَىٰ فَارِغًا).

Adapun pada surah *al-Najm* (53): 11 dan *Hūd* (11): 120 dan *al-Furqān* (25): 32 menceritakan tentang keadaan hati Nabi Muhammad (s.a.w.). Surah *al-Najm* (53): 11 menceritakan bahawa ketika Nabi Muhammad (s.a.w.) Mi'rāj, hati beliau tidak mendustakan apa yang dilihatnya. Manakala pada surah *Hūd* (11): 120 dan *al-Furqān* (25): 32 ditegaskan bahawa matlamat tiap-tiap berita dari berita Rasul-rasul terdahulu yang diceritakan Allah kepada Nabi Muhammad adalah untuk menguatkan hati beliau. Begitu juga dengan matlamat diturunkannya al-Qur'an kepada Nabi Muhammad secara beransur-ansur adalah untuk menetapkan al-Qur'an di hati beliau. Dan pada surah *al-Humazah* (104): 7 diterangkan bahawa neraka Hutamah selain membakar tubuh, ia juga

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 307.

akan membakar sampai ke hati.[1]

FUJŪR – FĀJIR - FUJJĀR - FAJARAH (فُجُوْر -فَاجِر – فُجَّار – فَجَرَة)

Erti kata *fujūr* (فُجُوْر) adalah perbuatan yang terpesong dari kebenaran,[2] kerana perbuatan tersebut melanggar aturan-aturan agama. Orang yang melakukan perbuatan ini namanya *fājir* (فَاجِر) dan bentuk jamaknya adalah *fujjār* (فُجَّار) dan *fajarah* (فَجَرَة).[3] Dalam al -Qur'an kata (فُجُوْر) diulang sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Syams* (91): 8. Manakala perkataan (فَاجِر) juga diulang sekali sahaja iaitu dalam surah *Nūh* (71): 27. Jamaknya yang berbentuk (فُجَّار) diulang tiga kali iaitu dalam surah *Sād* (38): 28; *al-Infitār* (82): 14 dan *al -Mutaffifin* (83): 7. Sedangkan bentuk jamak (فَجَرَة) diulang sekali sahaja iaitu dalam surah *'Abasa* (80): 42.

Dalam surah *al-Syams* (91): 8 diterangkan bahawa Allah (s.w.t.) menerangkan perbuatan-perbuatan jelik (فُجُوْر) dan perbuatan-perbuatan takwa berserta kebaikan dan keburukannya kepada jiwa manusia dan jin[4]. Oleh itu, siapa yang membersihkan jiwanya dengan ketaatan dan tidak melakukan maksiat dan dosa, dia orang yang beruntung. Sedangkan mereka yang mengotori jiwanya dengan dosa, dia pasti rugi

Dalam surah *Nūh* (71): 26 dan 27 diterangkan bahawa Nabi Nūh berdoa kepada Allah, "Ya Tuhanku, janganlah Engkau biarkan seorang pun di antara orang kafir itu tinggal di atas bumi. Sesungguhnya jika Engkau biarkan mereka tinggal, pasti mereka menyesatkan hamba-hamba-Mu, dan mereka hanya melahirkan anak yang berbuat maksiat lagi dan kafir (فَاجِرًا كَفَّارًا). Imām Ibn Kathīr mentafsirkan kalimat (فَاجِرًا كَفَّارًا) dengan jelik perbuatannya dan kafir hatinya. Nabi Nūh mengucapkan doa seperti ini, kerana beliau lama bergaul dengan orang kafir yang banyak melakukan dosa dan maksiat, iaitu selama 950 tahun. Sehingga beliau mengetahui kewujudan mereka akan menyebabkan generasi selepasnya rosak, sama ada merosak diri mereka sendiri atau orang lain. Kemudian Allah mengabulkan doa Nabi Nūh dan mengirimkan banjir besar yang menghancurkan kaumnya.[5]

Pada surah *Sād* (38): 28 Allah menegaskan bahawa tidak adil jika Dia menyamakan hukuman antara orang yang bertakwa dengan orang yang melakukan maksiat dan dosa (فُجَّار). Oleh itu, pada tiga ayat, iaitu surah *al -Mutaffifin* (83): 7; surah *'Abasa* (80): 42 dan surah *al-Infitār* (82): 14, Allah menerangkan bahawa kitab yang digunakan untuk mencatat amalan-amalan orang-orang yang melakukan dosa (كِتَابَ الْفُجَّار) adalah kitab khas yang dinamakan dengan *Sijjīn* yang memang digunakan untuk mencatat amal-amal buruk. Selain daripada itu keadaan orang kafir yang banyak melakukan dosa (الْكَفَرَةُ الْفَجَرَة) di akhirat nanti juga menyedihkan, penuh kehinaan dan kesusahan (digambarkan oleh al-Qur'an dengan wajah yang ditaburi debu dan ditutupi kegelapan). Dan akhirnya orang yang derhaka benar-benar akan berada dalam neraka selama-lamanya (وَإِنَّ الْفُجَّارَ لَفِي جَحِيمٍ). Ini tentunya berbeza dengan keadaan

1 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 2, h. 1196.

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op.cit.*, j. 2, h. 315.

3 Al-Isfahānī (1961), *op.cit.*, h.373.

4 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 449.

5 Ibn Kathīr (1998), *op .cit.*, j. 4, h. 428 ; A-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 2, h. 1070.

orang beriman dalam syurga yang penuh dengan kenikmatan.

FULK (فُلْك)

Fulk (فُلْك) ialah perahu atau kapal.[1] Kata ini diulang dua puluh tiga kali dalam al-Qur'an. Antara satu ayat tersebut menceritakan kapal yang dinaiki oleh Nabi Yūnus (a.s.), iaitu yang terdapat dalam surah *al-Sāffāt* (37): 140. Nabi Yūnus meninggalkan kaumnya dan pergi menaiki kapal yang penuh dengan penumpang dan barang. Keadaan penuh sesak ini menyebabkan kapal menjadi berat dan hampir tenggelam. Akhirnya pimpinan kapal membuat undian untuk membuang sebahagian orang ke dalam laut supaya kapal menjadi ringan. Nabi Yūnus termasuk orang yang mendapat undian tersebut. Akhirnya beliau dilempar ke laut dan ditelan oleh ikan. Ini merupakan hukuman dunia bagi Nabi Yūnus yang telah melakukan kesalahan, tetapi kesalahan tersebut tidak dijelaskan oleh Allah. Namun, akhirnya Allah menyelamatkannya kerana Nabi Yūnus adalah orang yang rajin beribadah, bertasbih dan memuji Allah sama ada pada waktu dahulu mahupun ketika di dalam perut ikan tersebut.[2]

Pada tujuh ayat yang lain perkataan (الْفُلْك) digunakan untuk menerangkan kapal Nabi Nuh (a.s.), iaitu yang terdapat dalam surah *al-A'rāf* (7): 64; *Yūnus* (10) 73; *Hūd* (11): 37, 38; *al-Mu'minūn* (23): 27, 28; *al-Syu'arā'* (26): 119. Pada ayat-ayat tersebut dijelaskan bahawa Nabi Nūh diperintah Allah untuk membuat kapal. Dan setiap kali kaumnya yang kafir melewati tempat pembuatan kapal, mereka mencemuh dan mentertawakan perbuatan Nabi Nūh itu. Namun kemudian Allah mendatangkan azab berupa banjir besar. Kaum Nabi Nūh yang tidak beriman mati tenggelam dalam banjir tersebut -termasuk putera beliau yang tidak beriman-, manakala orang yang beriman selamat kerana menaiki kapal besar itu. Selain orang beriman, dalam kapal itu juga ada semua jenis haiwan yang berpasangan (jantan dan betina). Akhirnya semua yang selamat di atas kapal bersyukur kepada Allah atas anugerah yang diberikan itu.

Manakala pada tiga belas ayat yang lain, perkataan (الْفُلْك) digunakan untuk menunjukkan kapal-kapal yang menjadi alat pengangkutan barang dan manusia, iaitu yang terdapat dalam surah *al-Jāthiyah* (45): 12; *al-Zukhruf* (43): 12; *Ghāfir* (40): 80; *Yāsīn* (36): 41; *Fātir* (35): 12; *Luqmān* (31): 31; *al-Rūm* (30): 46; *al-Mu'minūn* (23): 22 *al-Hajj* (22): 65; *al-Isrā'* (17): 66; *al-Nahl* (16): 14; *Ibrāhīm* (14): 32; dan surah *al-Baqarah* (2): 164. Dalam ayat-ayat ini, Allah menerangkan kemampuan kapal-kapal itu berlayar di lautan luas sebagai kenderaan manusia dan bagi mengangkut barang-barang dagangan dan lainnya, adalah tanda kasih sayang dan nikmat Allah kepada manusia yang mesti disyukuri. Kerana dengan adanya kapal-kapal itu, manusia dapat mencari rezeki bagi keperluan hidup mereka.

Adapun dalam dua ayat lain, iaitu surah *al-'Ankabūt* (29): 65 dan surah *Yūnus* (10): 22, perkataan (الْفُلْك), selain digunakan bagi menerangkan kurnia Allah, ia juga dikaitkan dengan sikap manusia yang hanya ingat kepada Allah semasa menghadapi kesukaran dan bahaya sahaja, namun apabila kesukarannya

1 Al-Isfahānī (1961), *loc. cit.*

2 Al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 2, h. 580.

hilang, dia mulai lupa terhadap Tuhannya.

Pada kedua-dua ayat ini diceritakan, apabila manusia menaiki kapal dan kapal itu bergerak laju membawa penumpang -penumpangnya dengan tiupan angin yang baik, mereka pun bersukacita dengannya. Namun, ketika angin ribut yang kencang datang, dan ombak mengepung mereka dari segala penjuru serta mereka percaya mereka diliputi oleh bahaya; maka pada saat itu mereka semua berdoa kepada Allah dengan mengikhlaskan kepercayaan mereka kepadanya sambil merayu dengan berkata: "Sungguh jika Engkau (Ya Allah) selamatkan kami dari bahaya ini, kami tetap menjadi orang-orang yang bersyukur." Namun setelah Allah menyelamatkan mereka dan mereka berjaya mendarat, mereka kembali berlaku syirik kepadanya dan tidak mahu mensyukuri nikmatnya.

FŪM (فُوْم)

Perkataan *fūm* (فُوْم) dalam bahasa Arab digunakan untuk menunjukkan erti bawang putih, biji gandum, *himmas* (jenis kacang), roti dan juga biji-bijian yang dapat digunakan sebagai bahan membuat roti.1 Kata ini hanya diulang sekali sahaja dalam al-Qur'an, iaitu pada surah *al-Baqarah* (2): 61. Ayat ini menceritakan sikap kaum Banī Isrā'īl yang cepat bosan, tidak sabar dan menganggap rendah nikmat yang dianugerahkan Allah kepada mereka. Allah telah menganugerahkan kepada mereka makanan yang terus turun dari langit yang dinamakan dengan Mannā dan Salwā, namun mereka tidak mensyukuri nikmat ini, malahan mereka meminta ganti makanan-makanan yang tumbuh dari bumi, di antaranya adalah (فُوْم).

Para *mufassir* berbeza pendapat dalam mengertikan kata (فُوْم) ini. Di antara erti yang diberikan adalah bawang putih, biji gandum, *himmas* (jenis kacang), roti dan juga semua jenis biji-bijian yang dapat digunakan sebagai bahan membuat roti.[2] Namun Imam al-Qurtubī menegaskan bahawa sebahagian besar *mufassir* berpendapat, erti kata (فُوْم) adalah biji gandum. Pendapat ini diutamakan oleh Imām al-Nuhhās dan juga merupakan pendapat yang diriwayatkan dari Ibn 'Abbās.[3] Disebabkan kaum Banī Isrā'īl tidak mahu bersabar bahkan meremehkan perintah Allah dan menganggap rendah nikmatnya, maka Allah menghukum mereka dengan balasan yang setimpal, iaitu mereka ditimpa kenistaan dan kehinaan, serta mereka mendapat kemurkaan dari Allah.[4]

FURĀT (فُرَات)

Furat (فُرَات) adalah air yang sangat tawar dan segar.[5] Perkataan ini diulang tiga kali dalam al -Qur'an, iaitu dalam surah *al-Furqān* (25): 53; surah *Fātir* (35): 12 dan *al-Mursalāt* (77): 27. Pada surah *al-Furqān* (25): 53 dan surah *Fātir* (35): 12, Allah (s.w.t.) menerangkan salah satu kekuasaan-Nya, iaitu kekuasaan menciptakan dua jenis air yang mempunyai sifat

1 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 221.

2 Lihat Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 102 dan Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 1, h. 425.

3 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 1, h. 425.

4 Lihat al-Sa'dī (2001), *op. cit.*, j. 1, h . 90.

5 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 374.

berbeza; air masin dan air tawar yang segar (عَذْبٌ فُرَاتٌ). Kedua jenis air ini mempunyai keistimewaan tersendiri yang berbeza dari jenis yang satunya; air tawar mudah diminum, dapat digunakan untuk mengairi tanaman atau persawahan dan juga di dalamnya terdapat ikan-ikan khas yang hanya dapat hidup di air tawar tersebut. Selain menunjukkan hebatnya kekuasaan Allah, penciptaan dua jenis air ini juga merupakan bentuk rahmat dan anugerah Allah kepada manusia. Oleh itu hendaknya manusia bersyukur atas nikmat ini dengan mengabdikan diri hanya kepada Allah.

Manakala pada surah *al-Mursalāt* (77): 27, Allah menerangkan bahawa asal air tawar yang segar tersebut adalah dari gunung -gunung yang tinggi di atas hamparan bumi. Pada gunung-gunung tersebut terdapat sumber mata air yang mengalirkan air tawar segar (فُرَات) ke sungai-sungai sehingga dapat diminum oleh manusia dan digunakan untuk mengairi persawahan. Imām al-Qurtubī menegaskan bahawa bersumbernya air tawar di atas puncak gunung yang tinggi ini lebih menakjubkan dan lebih menghairankan daripada kebangkitan manusia di hari kiamat nanti.[1]

FURUT (فُرُط)

Furut (فُرُط) ialah sikap berlebih-lebihan dan melampaui batas.[2] Kata ini hanya diulang sekali dalam al-Qur'an iaitu pada surah *al-Kahf* (18): 28. Pada ayat ini, Allah menerangkan tiga sifat orang yang tidak boleh diikuti dan ditaati oleh Nabi Muhammad termasuk juga oleh orang-orang yang beriman. Perkataan (فُرُط) dikaitkan dengan salah satu sifat tersebut. Ketiga-tiga sifat itu ialah: (1) Orang yang hatinya lupa kepada Allah; (2) Selalu mengikuti hawa nafsu, dan (3) Amal perbuatan serta tindakannya bodoh, berlebih -lebihan hingga melampaui aturan yang ditetapkan Allah dan menyebabkan waktu terbuang sia-sia (وَ كَانَ أَمْرُهُ فُرُطًا).[3] Orang yang mempunyai sifat-sifat seperti ini tidak boleh dijadikan sahabat, apalagi diikuti dan ditaati, kerana dengan mengikuti mereka maka sifat -sifat yang mereka miliki itu akan berkesan kepada diri kita.[4]

1 Al-Qurtubī (1996), op. *cit.*, j. 19, h. 162.

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), loc. cit.

3 Ibn Kathīr (1998), op. cit., j. 3, h. 83.

4 Al-Sa'dī (2001), op.cit., j. 1, h.1211.



حرف القاف

ق



QĀ'ID (قَاعِدٌ)

Lafaz ini adalah *ism fā'il mufrad* daripada kata kerja *qa'ada* (قَعَدَ), jamaknya *qā'idūn* (قَاعِدُونَ), ertinya orang yang tidak memerhatikan sesuatu atau mengundur dalam pelaksanaannya.[1] Al-Kafawī berkata, "*al-qā'id* adalah wanita yang sudah tidak datang haid lagi dan tidak boleh melahirkan anak *(menopaus)*."[2] Al-Fayrūz[3] berkata, *al-qu'ūd* (القُعُود) dalam al-Quran mengandungi tujuh makna. (1) Menetap pada sesuatu tempat;[4] (2) Tertinggal dan terkebelakang;[5] (3) Berhenti dan tidak mahu ikut serta;[6] (4) Kelemahan seorang perempuan;[7] (5) Tapak bangunan;[8] (6) Menghalang jalan;[9] (7) Lawan daripada perbuatan berdiri.[10]

Lafaz *qā'id* (قَاعِد) disebut sekali dalam al-Quran iaitu pada surah *Yūnus* (10), ayat 12. Ibn Kathīr berkata, "Allah mengkhabarkan dalam ayat ini tentang keadaan manusia ketika ditimpa kesusahan dan kejahatan. Apabila ditimpa kesusahan, dia berasa resah dan gelisah, lalu ia memperbanyakkan doa pada masa itu. Kemudian dia berdoa kepada Allah bagi menghilangkan kesusahan itu dalam keadaan dia baring, duduk, berdiri dan dalam semua keadaan. Apabila Allah menghilangkannya, dia kembali kepada keadaan yang dia tidak lagi ingat kepada Allah seakan-akan tidak ada apa-apa yang berlaku."[11]

Al-Syawkānī berkata, "Lafaz *qā'idan* (قَاعِدًا) dan *qā'iman* (قَائِمًا) memberikan isyarat seakan-akan dia berdoa kepada Kami dalam semua keadaan. Dikhususkan oleh al-Quran penyebutan lafaz "*qā'idan* dan *qā 'iman*" (duduk dan berdiri) kerana dua keadaan itu biasa dilakukan oleh manusia ketika ditimpa sesuatu kesusahan dan selain daripada itu jarang, atau makna ayat di atas, "dia berdoa kepada Allah dalam keadaan baring jika tidak mampu duduk dan dalam keadaan duduk jika tidak mampu berdiri dan dalam keadaan berdiri jika tidak dapat berjalan."[12] Kesimpulannya, makna *qā'id* dalam ayat di atas membawa maksud lawan daripada berdiri atau duduk ketika berdoa.

QĀBIL (قَابِل)

Lafaz ini adalah *ism fā'il mufrad*, ertinya yang sedia menerima dan melakukan, yang datang, yang berikut, ahli bidan dan sebagainya.[13] Al-Fayrūz Ābādī berkata, "*al-Qābil* (القَابِل) adalah yang menerima baldi daripada perigi dan mengambilnya."[14] Lafaz ini hanya disebut satu kali dalam al-Quran, iaitu dalam surah *Ghāfir* (40), ayat 3. Lafaz ini dihubungkan dengan lafaz *al-tawb* (التَّوْب). Ia jamak daripada *tawbah* (توبة), seperti jamak *al-dawmah* (الدَّوْمَة) adalah *al-dawm* (الدَّوْم) dan sebagainya. Maknanya sebagaimana yang dilaporkan daripada Abī Ishāq, katanya, "Seorang lelaki datang kepada 'Umar dan berkata, "Aku membunuh orang, adakah aku dapat

1 'Āyid et al. (t.t.), *op. cit.*, h. 999.
2 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 728.
3 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 285-286.
4 Al-Qamar (54), ayat 55.
5 Al-Nisā' (4), ayat 95.
6 al-Mā'idah (5), ayat 24.
7 Al-Nūr (24), ayat 60.
8 Al-Baqarah (2), ayat 127.
9 Al-A'rāf (7), ayat 86.
10 Ibid.: 18.
11 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 371.
12 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 547.
13 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 607, Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 1089.
14 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 234.

bertaubat?" Beliau menjawab, "ya, beramallah dan jangan berputus asa, lalu ia membaca ayat,

حمٓ ﴿١﴾ تَنزِيلُ ٱلْكِتَٰبِ مِنَ ٱللَّهِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْعَلِيمِ
﴿٢﴾ غَافِرِ ٱلذَّنۢبِ وَقَابِلِ ٱلتَّوْبِ شَدِيدِ ٱلْعِقَابِ

Maksud *'qābil al-tawb'* (قَابِلِ التَّوْبِ) adalah penerima taubat.[1] Ibn Kathīr memberi makna, "Dia pasti akan menerima taubat bagi orang yang bertaubat dan patuh serta tunduk kepadanya."[2] Al-Qurtubī berkata, "*Qābil al -tawb* bagi orang yang mengatakan *lā ilāha illā Allāh.*" Ahli tafsir Ishārī berkata, "*Qābil al -tawb* adalah janji."[3] Al-Zamakhsyarī berkata, "*qābil* adalah lafaz dalam bentuk *ma'rifah* (*definitif*),[4] dan ia sifat yang selalu lazim dan bukan disebabkan oleh terjadinya sesuatu kejadian atau perlakuan sehingga ia dibatasi masa sekarang atau akan datang kerana Allah menerima taubat sepanjang masa. Oleh itu sandarannya kepada lafaz *al-tawb* bukanlah hakikat kerana maksud lafaz *qābil* adalah kekal, tetap dan berterusan, sama seperti hukum Tuhan pencipta makhluk dan Tuhan yang berada di Arasy."[5] Kesimpulannya, lafaz *qābil* bermaksud **Allah sebagai penerima taubat.**

QABR (قَبْرٌ)

Lafaz ini adalah *ism mufrad*, jamaknya ialah *qubūr* (قُبُوْرٌ),[6] ertinya tempat menguburkan manusia yang sudah mati, dan tanah yang keras.[7] Al-Kafawī berkata, "Ia adalah lubang yang biasanya dijadikan kubur di dalamnya."[8] Al-Fayrūz Abadi berkata, "Ia adalah rumah orang mati."[9] Dalam *Kamus Dewan*, kubur bermaksud tempat menanam mayat, makam[10] dan lubang (liang). Lafaz *qabr* (قبر) disebut sekali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Taubah* (9) ayat 84.

Sebuah laporan daripada Nāfi' yang bersumber daripada Ibn 'Umar, katanya, "Ketika 'Abdullāh b. Ubay meninggal, anaknya datang kepada Rasulullah dan berkata, "Berikan kepadaku bajumu untuk aku mengapankannya. Sembahyangkanlah ia dan mohonkanlah ampunan baginya." Lalu beliau memberikan bajunya, kemudian beliau berkata, "Izinkanlah aku menyembahyangkannya." Beliau pun diizinkan. Ketika beliau hendak menyembahyangkannya, 'Umar b. al -Khaṭṭāb menariknya dan berkata, "Tidakkah Allah melarang menyembahyangkan orang munafik?" Beliau menjawab, "Aku berada di antara dua kebaikan. Adakah aku akan memohon ampunan baginya ataupun tidak. Kemudian, turunlah ayat ini،

وَلَا تُصَلِّ عَلَىٰٓ أَحَدٍ مِّنْهُم مَّاتَ أَبَدًا وَلَا تَقُمْ عَلَىٰ قَبْرِهِۦٓ ۖ
إِنَّهُمْ كَفَرُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَمَاتُوا۟ وَهُمْ فَٰسِقُونَ.[11]

Maksudnya, janganlah berdiri di atas kuburnya untuk menguburkannya atau menziarahinya.[12] Al-Khāzin menjelaskan,

1 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 12, h. 52, athar no. 23332.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 62.

3 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 15, h. 278.

4 Lafaz yang menunjukkan pengkhususan dan diketahui, lawannya adalah *nakirah* yang bermaksud umum.

5 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 144.

6 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 518.

7 Anīs et al. (1962), *op. cit.*, h. 710, Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 604.

8 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 828.

9 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 226.

10 Noresah bt. Baharom *et al.* (eds.) (2002), *op. cit.*, h. 718.

11 Al-Wāhiidī (1998), *op. cit.*, h. 211, direkodkan oleh al-Bukhārī daripada Musaddad dan Muslim daripada Abī Qudāmah 'Ubaydillāh b. Abī Sa'īd dan kedua-duanya daripada Yahyā b. Sa'īd.

12 Al-Baidāwī, dalam *Majma' al-Tafāsīr* (1979), *op. cit.*, j. 3, h. 172.

"Selepas turunnya ayat ini, nabi tidak pernah menyembahyangkan orang munafik dan tidak pernah juga berdiri di atas kubur mereka."[1] Al-Zujjāj berkata, "Makna ayat "وَلَا تَقُمْ عَلَى قَبْرِهِ" Rasulullah apabila hendak m - nguburkan mayat, beliau berdiri di atasnya untuk beberapa saat dan berdoa untuknya, beliau dilarang berbuat demikian (kepada jenazah orang munafik). Ada yang berpendapat maknanya, "Janganlah kamu melaksanakan segala urusan bagi menguburkan dan menguruskan atau membersihkan kuburnya."[2]

Kesimpulannya, lafaz *qabr* dihubungkan dengan *ḍamīr* "*hu*" (nya) atau kata ganti nama yang kembali kepada 'Abdullāh bin Ubay, sehingga makna "*qabrihi*" membawa maksud kuburnya.

QADĪM (قَدِيْمٌ)

Ia adalah *mubālaghah ism fā'il mufrad* daripada kata kerja *qadima* (قَدِمَ) dan jamaknya *qudamā'* (قُدَمَاء) atau *qudāmā* (قُدَامَى), mengandungi makna, yang kuno atau dahulu kala, salah satu nama daripada nama-nama Allah yang bermaksud yang wujud di mana kewujudannya tiada permulaan,[3] lawan daripada hadīth (yang baharu atau sekarang) dan yang abadi.[4] Al-Kafawī berkata, *al -qadīm* (القديم) adalah ungkapan kepada masa yang tidak wujud sebelumnya sama sekali. Kadangkala ia dikatakan ke atas tahun yang sudah berlalu. Ia juga boleh dikatakan ke atas yang ada yang kewujudannya bukan dari yang lain dan juga ke atas kewujudan yang kewujudannya tidak didahului dengan ketiadaan, iaitu: (1). *Al-qadīm bi al-dhāt* (القديم بالذات) (maksudnya Allah); (2). *Al-qadīm bi al-zamān* (القديم بالزمان) dan lawannya adalah *al-muhdith bi al-zamān* (المُحْدِث بِالزَّمَان).[5]

Lafaz *Qadīm* (قديم) disebut tiga kali dalam al-Qur'an, iaitu pada surah *Yūsuf* (12), ayat 95; Yāsīn (36), ayat 39; *al-Ahqāf* (46), ayat 11. Di dalam surah *Yūsuf*, *al-Qadīm* bermakna kesalahan yang terdahulu. Al-Khāzin, al-Nasafī dan al-Baydāwī berkata, "Sesungguhnya engkau (Ya'qūb) benar-benar jauh dari kebenaran yang terdahulu kerana terlampau cintakan *Yusuf*, banyak menyebut namanya, ingin berjumpa dengannya dan tidak pernah melupakannya.[6] Al-Fayrūz Ābādī berkata: "Sesungguhnya engkau berada pada kesilapan yang dahulu dalam menyebut Yūsuf."[7] Dalam *Tafsir al-Azhar* ia bermakna kekeliruan yang lama.[8]

Dalam surah *Yāsīn*, lafaz ini dikaitkan dengan *al-'urjūn* (tandan) dan *al-Qamar* (bulan) atau *al-'urjūn al-qadīm* (العُرْجُونُ الْقَدِيم) (tandan yang condong apabila kering). Al-Khalīl berkata, "Asal tandan adalah kuning dan lebar seperti bulan sabit apabila condong."[9] Hal ini menandakan awal bulan yang lain,[10] di mana awal bulan ia kelihatan begitu kecil seperti bulan sabit, kemudian beransur-ansur menjadi besar, hingga menjadi bulan purnama, kemudian ia beransur-ansur bertambah

1 Al-Khāzin, dalam *Ibid.*

2 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 497.

3 'Āyid *et al.* (t.t.), *op. cit.*, h. 973; Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 720.

4 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 614; Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 1098.

5 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 727.

6 Al-Baydāwī, dalam *Majma' al-Tafāsīr* (1979), j. 3, h. 453.

7 Al-Fayrūz Ābādī, *Tanwīr al-Miqbās* dalam *Majma' al-Tafāsīr* (1979), *op. cit.*, h. 453.

8 Hamka (1984), *op. cit.*, j. 13, h. 37.

9 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 462.

10 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 531.

kecil seperti bulan sabit kembali,"[1] seperti tandan yang kering dan mengecut apabila condong. Maknanya tandan itu menjadi kecil semula disebabkan kering dan mengecut dan ini sama seperti bulan yang bermula dengan bentuk bulan sabit dan berakhir dengan bentuk bulan sabit kembali.

Lafaz *al-Qadīm* dalam surah *al-Ahqāf* dikaitkan dengan "*ifk*" (إِفْك) (pembohongan). Al-Qurtubī berkata, "Maknanya sama dengan "*asātīr al-awwalīn*"(أَسَاطِيرُ ٱلْأَوَّلِينَ) (dongengan terdahulu) maksudnya "ketika orang kafir tidak mendapat petunjuk dengan al-Quran dan mereka tidak pula mengakui siapa yang membawanya maka mereka memusuhinya dan menyandarkannya. Ia adalah satu pembohongan yang lama."[2] Dalam *al-Asās fī al -Tafsīr* ia bermaksud penipuan yang dahulu yang dinukilkan daripada nenek moyang. Tohmahan pembohongan di sini tidak dilemparkan kepada Rasulullah, tetapi ditujukan kepada kandungan al-Quran.[3]

Kesimpulannya, lafaz *qadīm* (قديم) di dalam al-Quran membawa maksud yang dahulu atau terdahulu, lama dan tidak berkaitan dengan salah satu nama daripada nama-nama Allah.

QADĪR (قَدِيْرٌ)

Lafaz ini adalah *mubālaghah ism fā'il* (superlatif) daripada kata kerja *qadara* (قَدَرَ), bermaksud yang berkuasa, yang kuat, yang berkemampuan dan daging yang di masak dalam periuk dan sebagainya.[4] Ia disebut sebanyak 45 kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 20, 106, 109, 148, 259, 284; *Āli 'Imrān* (3), ayat 26, 29, 165, 189; *al-Nisa'* (4), ayat 133, 149; *al-Mā'idah* (5), ayat 17, 19, 40, 120; *al-An'ām* (4), ayat 17; *al-Anfāl* (8), ayat 41; *al-Taubah* (9), ayat 39; *Hūd* (11), ayat 4; *al-Nahl* (16), ayat 70, 77; *al-Hajj* (22), ayat 6, 39; *al-Nūr* (24), ayat 45; *al-Furqān* (25), ayat 54; *al-Ankabūt* (29), ayat 20; *al-Rūm* (30), ayat 50, 54; *al-Ahzāb* (33), ayat 27; *Fātir* (35), ayat 1, 44; *Fussilat* (41), ayat 39; *al-Syūrā* (42), ayat 9, 29, 50; *al-Ahqāf* (46), ayat 33; *al-Fath* (48), ayat 21; *al-Hadīd* (57), ayat 2; *al-Hasyr* (59), ayat 6; *al-Mumtahanah* (60), ayat 7; *al -Taghābun* (64), ayat 1; *al-Talāq* (65), ayat12; *al-Tahrīm* (66), ayat 8; *al-Mulk* (67), ayat 1.

Dalam al-Quran, lafaz *qadīr* (قدير) adalah salah satu daripada sifat Allah. Muhammad Rasyīd Ridā berkata, "Sebahagian mufassir mengatakan makna *qadīr* (قدير) adalah *qādir* (قادر) yang menunjukkan lafaz dalam bentuk superlatif yang disandarkan kepada salah satu nama daripada nama-nama Allah, maknanya kehendaknya berkaitan dengan kekuasaannya. Jika Dia berkehendak pasti menjadi, kerana sesuatu pun tidak ada yang dapat menghalangnya dan kesan sebab-sebab di dalam segala penyebab terpulang kepada kehendaknya."[5] Ahli Sunnah berkata, "al -*qādir* (القادر) dan *al-wāhid* (الوَاحِد) adalah satu di mana Allah adalah esa lagi tunggal, kekuasaannya yang berkaitan dengan perbuatan sehingga dia menciptakannya dan kemampuan seorang hamba bergantung dengan kekuasaannya, yang pada hakikatnya segala sesuatu yang dibuat oleh seorang ham-

1 Mahmud Yunus (1969), *Tafsir Quran Karim*. Djakart: P.T. Hidakarya Agung, h. 650.

2 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 16, h. 185.

3 Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 9, h. 5251.

4 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 612, Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 1096.

5 Ridā (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 189.

ba, pembuatnya yang sebenar adalah Allah.[1] Al-Ṭabarī berkata, "Makna *qadīr* (قدير) adalah *qādir* (قادر) sebagaimana makna *'alīm* (عليم) adalah *'alim'* (عالم) [2] Iaitu yang maha berkuasa.

QADR (قَدْرٌ)

Lafaz ini adalah *ism maṣdar* daripada kata kerja *qadara* (قَدَرَ), jamaknya *aqdār* (أَقْدَارٌ), mengandungi maksud kadar, jumlah, persamaan sesuatu tanpa ditambah atau dikurangkan, kehormatan dan kewibawaan, pangkat, darjat, kemampuan, kekuatan, kedudukan dalam masyarakat dan sebagainya.[3] Lafaz *qadr* (قدر) disebut sebanyak empat kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Qadr* (97), ayat 1, 2, 3; *al-Talāq* (65), ayat ke-3; tiga kali dengan menggunakan kata ganti "*al-hā*"" iaitu dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 91, *al -Haj* (22), ayat 74, *al-Zumar* (39), ayat 67. Lafaz *qadr di* dalam al-Quran mengandungi tiga makna,

- Lafaz *qadr* dikaitkan dengan "*laylah*" (ليلة) atau malam sehingga menjadi "*laylah al-qadr*" (ليلة القدر). Mujāhid berkata, "*laylah al-qadr* adalah *laylah al-hukm* (ليلة الحكم)(malam penetapan), maknanya *laylah al-taqdīr* (ليلة التقدير)(malam penentuan), ia dinamakan demikian kerana Allah mentakdirkan suatu perkara mengikut kehendaknya sehingga ke tahun yang akan datang; daripada perkara mati, ajal, rezeki dan lainnya, memberikan pengurusan perkara itu kepada empat malaikat, iaitu: Isrāfīl, Izrā`īl, Mikā'īl dan Jibrail.[4] Al-Zuhrī mengatakan ia dinamakan demikian kerana keagungannya, kemuliaannya dan kedudukannya. Abū Bakar al-Warrāq berkata, "Ia dinamakan demikian kerana sesiapa yang tidak mempunyai kedudukan dan kemuliaan maka ia menjadi mulia dan agung jika menghidupkannya. Ada juga yang mengatakan ia dinamakan demikian kerana di dalamnya diturunkan kitab yang mulia, kepada rasul yang agung dan kepada umat yang mulia atau kerana Allah menurunkan di dalamnya kebaikan, keberkatan dan keampunan atau kerana ketaatan di dalamnya begitu besar pahalanya."[5]

Terdapat tiga kelebihan yang terkandung dalam *laylah al-qadr* (ليلة القدر), iaitu:

- Al-Quran diturunkan di dalam malam yang penuh keberkatan sebagaimana dalam ayat Allah yang bermaksud, *Sesungguhnya Kami menurunkan al-Quran pada satu malam yang diberkati.*" (*al-Dukhān* (44), ayat 3) dan pada bulan Ramadan sebagaimana dalam ayat Allah yang bermaksud, "*Bulan Ramadan, bulan yang diturunkan (permulaan) al-Quran,*" (*al-Baqarah* (2), ayat 185).[6] Penurunan al-Quran pada malam ini secara keseluruhan ke langit dunia (*samā' al-dunyā*) dari Lawh Mahfūz dan kepada Nabi Muhammad selama 23 tahun.[7]

1 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 94.

2 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 232.

3 Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 1095; Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 718; 'Āyid, *et al.* (t.t.), *op. cit.*, h. 970.

4 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 20, h. 130-131.

5 *Ibid.*

6 Wahbah Zuhaylī (2001), Juz 'Amma, *op. cit.*, h. 328.

7 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 593.

- Ia lebih baik daripada seribu bulan, iaitu lebih daripada 80 tahun.[1] Majoriti ulama tafsir mengatakan beramal di dalamnya lebih baik daripada beramal seribu bulan yang tidak terdapat di dalamnya *laylah al-qadr*. Ada yang mengatakan seribu bulan bermaksud keseluruhan zaman kerana orang Arab menyebutkan seribu adalah untuk sesuatu yang melampau dan ketinggiannya.[2]
- Para malaikat ramai yang turun pada malam ini disebabkan banyak keberkatannya. Mereka turun membawa keberkatan dan rahmat,[3] begitu juga dengan malaikat Jibrail yang mendoakan manusia sehingga waktu fajar.[4] Qatādah berkata, "Ia adalah kebaikan yang sempurna, tidak ada kejahatan di dalamnya sehingga waktu fajar." 'Ubādah b. al-Sāmit melaporkan Rasulullah berkata, "Malam *laylah al-qadr* terdapat pada 10 malam terakhir (pada bulan Ramadan). Sesiapa yang menghidupkannya dengan penuh harapan dan ikhlas maka Allah akan mengampuni dosa yang lalu dan yang akan datang dan ia dalam malam yang ganjil, sembilan atau tujuh atau lima atau tiga atau malam terakhir."[5]
- *Qadr* membawa maksud kadar atau batasan tertentu sebagaimana yang terdapat dalam surah *al-Talāq*. Masrūq berkata, "*qadr* bermaksud ajal, *muntahā* (مُنْتَهَى) (batas terakhir)."[6] Al-Suddī memberikannya maksud batasan haid dan idah.[7] Al-Syawkānī berkata, "Ia bermaksud ketetapan, masa dan kadar. Tafsirannya, "Allah menjadikan sesuatu kesusahan batas dan masa yang akan berakhir serta bagi kesenangan batas dan masa yang akan berakhir juga."[8]
- Pengetahuan, sifat dan kadar sebenar, sebagaimana yang terdapat dalam surah *al-An'ām*, al-Haj dan al-Zumar. Al-Zamaksyarī berkata, "*Wa mā qadaru Allāha haqqa qadrihī*" (وَمَاقَدَرُوا اللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِ) bermaksud mereka tidak tahu dengan sebenar-benar pengetahuan pada pemberian rahmat kepada hambanya dan kasih kepada mereka ketika mereka ingkar perutusan rasul -rasul dan wahyu yang diturunkan kepada mereka. Ini kerana keagungannya dan ketinggian nikmatnya.[9] Al-Fayrūz berkata, "Maknanya, mereka tidak tahu kadar atau ketetapannya, Ini adalah peringatan bagaimana mereka dapat mengetahui kadar dan sifatnya."[10] Oleh itu Ibn Qutaybah mentafsirkannya dengan "mereka tidak dapat menyifatkannya dengan sebenar-benar sifatnya dan tidak mengetahuinya dengan sebenar-benar pengetahuan."[11]

QĀF (ق)

Qāf (ق) Adalah salah satu nama surah di dalam al-Quran yang terdiri dari 45 ayat, ke-

1 Hamka (1984), *op. cit.*, j. 30, h. 203.
2 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 20, h. 131-132.
3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 484.
4 l-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 20, h. 133.
5 Ibn Kathīr (1998), *loc. cit.*
6 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 14, h. 178.
7 *Ibid.*
8 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 300.
9 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 40.
10 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 246.
11 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 156.

seluruhan ayatnya adalah ayat Makkiyah mengikut pendapat al-Hasan, 'Atā', 'Ikrimah dan Jābir. Namun, Ibn 'Abbās dan Qatādah mengatakan kecuali satu ayat iaitu ayat Allah dalam ayat 38 yang bermaksud "*Dan demi sesungguhnya! Kami telah menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya dalam enam masa, dan Kami tidak mengalami sebarang susah payah*".[1]

Surah *Qāf* adalah awal *hizb al-mufassal* (حِزْب المُفَصَّل)(bahagian *mufassal*) di dalam al-Quran berdasarkan pendapat yang benar, dikuatkan dengan kata-kata Rasulullah di mana beliau berkata, "Terjadi *hizb* (bahagian) daripada al-Quran tanpa disangka-sangka dan aku tidak suka mendekatinya (membacanya) tanpa menyempurnakannya. Aws bertanya kepada sahabat-sahabat Rasulullah bagaimana mereka membuat *hizb* (bahagian) di dalam al-Quran? Mereka berkata, 3, 5, 7, 9, 11 dan 13 ayat. Dilaporkan oleh Imām Ahmad daripada 'Abd al-Rahmān bin Mahdī daripada 'Abdullāh bin 'Abd al-Rahmān (Ibn Ya'lā al-Tā'ifī), Jika ini diketahui dan engkau menghitung 48 surah, selepasnya adalah surah *Qāf*, penjelasannya adalah sebagai berikut:

- Tiga: *al-Baqarah, Āli 'Imrān* dan *al-Nisā'*;
- Lima: *al-Mā'idah, al-An'ām, al-A'rāf, al-Anfāl* dan *Barā'ah*;
- Tujuh: *Yūnus, Hūd, Yūsuf, al-Ra'd, Ibrāhīm, al-Hijr* dan *al-Nahl*;
- Sembilan: Subhāna (*al-Isrā'*), *al-Kahf, Maryam, Tāha, al-Anbiyā', al-Hajj, al-Mu'minūn, al-Nūr* dan *al-Furqān*;
- Sebelas: *al-Syu'arā', al-Naml, al-Qasas, al-'Ankabūt, al-Rūm, Luqmān, Alif Lām al-Sajdah, al-Ahzāb, Saba', Fātir, Yāsīn*;
- Tiga belas: *al-Sāffāt, Sād, al-Zumar, Ghāfir, Hāmīm al-Sajdah, Hāmīm 'Ain Sin Qaf, al-Zukhruf, al-Dukhān, al-Jāthiyah, al-Ahqāf, al-Qitāl, al-Fath, al-Hujurāt.*

Kemudian, selepas itu bermulalah *al-hizb al-Mufassal*, sebagaimana yang dikatakan oleh para sahabat, maka terbukti surah *Qāf* adalah awal bagi *al-hizb al-Mufassal*.[2] *Qāf* disebut sekali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *Qāf* (50) ayat 1.

Majoriti ulama membaca ق dengan mematikan huruf akhir *(jazm)* iaitu "*qāf*". Al-Hasan, Ibn Ishāq dan Nasr b. 'Āsim membacanya dengan berbaris bawah "*qāfi*" (قَافِ) kerana al-*kasrah* (baris bawah) adalah saudara *al-Jazm* (baris mati) dan ketika akhirnya berbaris *sukun* maka mereka menjadikannya berbaris bawah (*al-Khafd*) (الخَفْد) .[3] 'Īsā al-Thaqafī membacanya dengan berbaris atas pada huruf *fa'*, iaitu "*qāfa*" (قَافَ).

Para ulama berbeza pendapat mengenai maksud *qāf*:

- Ibn 'Abbās mengatakan ia adalah salah satu sumpah Allah oleh Allah dan salah satu nama daripada nama-namanya.[4]
- Qatādah mengatakan ia adalah salah satu nama daripada nama-nama al-Quran.[5]
- Ibn Zayd, 'Ikrimah dan al-Dahhāk berpendapat ia adalah nama bagi gu-

1 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 17, h. 5.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 197.

3 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 17, h. 6. *Qira'at qāf* dengan berbaris *jazm* adalah satu-satunya *qira'at mutawatir*, sedangkan *qira'at* selainnya tidak *mutawatir*. Dr. Muhammad Ibrāhīm al-Hafnawī dan Dr. Mahmūd Hāmid 'Uthmān. Pentahkik Tafsīr al-Qurtubī.

4 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 13, h. 189, athar no. 24625.

5 Ibid., j. 13, h. 189. athar no. 24626.

nung yang mengelilingi bumi.[1]

- Al-Sya'bī berpendapat ia adalah pembuka surah.[2]
- Abū Bakr al-Warrāq berkata, "Makna *Qāf* ialah berhentilah pada perintah Allah dan larangan Allah dan jangan melampaui kedua-duanya."[3]
- Ibn Kathīr berkata, "Semua pendapat di atas adalah buatan atau laporan daripada Banī Isrā`īl (*Isra'iliyyāt*) kerana kebanyakan para mufasir, sama ada salaf dan khalaf, banyak melaporkan daripada Ahli Kitab dalam mentafsir ayat-ayat al-Quran. Adapun laporan yang dikatakan berasal daripada Ibn 'Abbās sebenarnya jauh sama sekali bersumber daripada Ibn 'Abbās yang melaporkan pendapat itu.

Dalam hadis sahih yang direkodkan oleh Muslim daripada Umm Hisyām bt. Hārithah bin al-Nu'mān, beliau berkata, "Kami dan Rasulullah mengasah satu daripada dua mata lembing – atau satu, atau sebahagian mata lembing – di mana beliau (Umm Hisyām) tidak mengambil "*qaf wa al-Qur'ān al-'āzīm*" kecuali daripada Rasulullah. Beliau membacanya setiap hari Jumaat di atas mimbar apabila berkhutbah.[4] Daripada 'Umar Ibn al-Khattāb, beliau bertanya kepada Abū Wāqid al-Laythī tentang apa yang dibaca Rasulullah dalam sembahyang 'Īd al-Adhā dan 'Īd al-Fitr. Beliau berkata, "Beliau membaca *qāf* dan "*iqtarabat al-sā'ah wa insyaqqa al-qamar*".[5] Dilaporkan oleh Jābir daripada Rasulullah, beliau membaca surah Qāf dalam sembahyang *fajr*.[6]

Kesimpulannya, *qāf* adalah salah satu huruf *al-hijā'* sebagaimana huruf *al-hijā'* lainnya yang terdapat pada permulaan surah -surah, seperti, *sād, nūn, alif lām mīm* dan sebagainya.[7]

QAHHĀR (قَهَّارٌ)

Qahhār (قَهَّارٌ) adalah *mubālaghah ism fā'il* (dalam bentuk superlatif).[8] Maksudnya, yang mengalahkan yang tidak ada sesuatu yang mengalahkannya,[9] banyak mengalahkan, salah satu nama daripada nama-nama Allah yang bererti yang mengalahkan dan tidak ada sesuatu yang membatasi kekuasaannya.[10] Lafaz ini disebut enam kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *Yūsuf* (12), 39, *al-Ra'd* (13), 16, *Ibrāhīm* (14), 48, *Sād* (38), 65, *al-Zumar* (39) dan 4, *Ghāfir* (40) 16. Al-Khāzin berkata, "al-Khattābī mengatakan *al-qahhār* (القَهَّارُ) bermakna yang mengalahkan orang yang perkasa lagi bongkak daripada makhluknya dengan seksaan dan berkuasa kepada keseluruhannya dengan mendatangkan kematian. Ada yang berpendapat, *al-qahhār* (القَهَّارُ) adalah yang mengalahkan segala sesuatu dan menghinakannya sehingga menerima dan

1 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 17, h. 6-7.

2 *Ibid.*

3 *Ibid.*

4 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, direkodkan oleh Muslim dalam *Kitab al-Jumu'ah, Bab Takhfif al-Salāh wa al-Khutbah*. (Editor, oleh Muhammad Ibrāhīm al-Hafnawī dan Mahmud Hamid 'Uthmān).

5 Maksudnya adalah surah al-Qamar. Lihat al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, direkodkan oleh Muslim dalam *Kitab Salāh al-'Īdayn*, Bab Mā Yaqra' fī Salāh al-'Īdayn; Abū Dāwūd dalam *Kitab al-Salāh*, Bab Mā Yaqra' fī al-Adhā wa al-Fitr.

6 Ibid., direkodkan oleh Muslim dalam *Kitab al-Salāh*, Bab al-Qirā'ah fī al-Subh.

7 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 198.

8 Ma'lūf (1973), *op. cit*, h. 659.

9 Anīs et al. (1962), *op. cit.*, h. 764.

10 'Āyid et al. (t.t.), *op. cit.*, h. 1011.

tunduk serta merendahkan diri kepadanya."[1] Al-Baydāwī berkata, "*al-qahhār* (القَهَّارُ) adalah *al-ghālib* (الغَالِب) (yang mengalahkan dan perkasa) yang tidak ada yang dapat menyerupainya dan yang lainnya tidak dapat mengalahkannya."[2] Ibn Kathīr mentafsirkan *al-qahhār* dengan yang menghinakan segala sesuatu disebabkan keagungannya dan kebesaran serta kehebatan kekuasaannya.[3] Al-Syawkānī berkata, "al-*qahhār* adalah yang tidak dapat dikalahkan oleh orang yang kuat dan tidak dapat menentangnya oleh orang yang melawan."[4] Dalam tafsir 'Abr al-Athīr dijelaskan *al-Qahhār* bermaksud maha perkasa yang tidak dapat dikalahkan oleh sesiapa.[5]

Kesimpulannya, *al-Qahhār* adalah salah satu nama daripada nama-nama Allah yang bererti **maha perkasa yang tidak dapat dikalahkan oleh mana-mana kekuasaan dan kekuatan.**

QALĀ'ID (قَلَائِد)

Lafaz ini dalam bentuk jamak, *mufrad*nya *qilādah* (قِلَادَة), ertinya perhiasan yang diletakkan di leher dan sebagainya, tanda yang dikalungkan di leher oleh sesebuah negara atau kerajaan kepada sesiapa yang dikehendakinya (pingat). *Qalā'id al-syi'r* (قلائد الشعر) bermaksud bait-bait syair yang terpelihara kerana indahnya.[6] *Al-qalā'id min al-hady* (القلائد من الهدى) (bintang korban) bermaksud apa yang dikalungkan di leher daripada kulit pokok bagi berlindung daripada orang yang berbuat jahat.[7] *Dhū al-qilādah* (ذو القلادة) ialah al-Hārith bin Dubay'ah bin Rabī'ah bin Nizār.[8]

Lafaz *qalā'id* (قلائد) disebut dua kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Mā'idah* (5), dan ayat 2 dan 97. Lafaz yang terdapat di dalam al-Quran ini dikaitkan dengan binatang korban. Al-Zamakhsyarī berkata, "*Al-qalā'id* bermaksud sesuatu yang dikalungkan pada leher binatang korban daripada sendal atau kulit-kulit kayu atau tali-tali."[9] Dalam *Tafsir Azhar*, ia bermaksud kalung leher. Biasanya binatang-binatang yang hendak dijadikan korban itu dari awal sudah ditandai, iaitu dikalungkan pada lehernya. Ada yang digantung terompah oleh empunya, ada juga yang digantung daun-daun dan akar-akar kayu. Di waktu Rasulullah mengerjakan Haji Wada' pada tahun kesembilan Hijrah, Rasulullah memberi kalung tidak kurang daripada 60 ekor binatang ternak.[10] Kesimpulannya, lafaz *qalā'id* (قلائد) bermaksud **sesuatu yang digantungkan pada leher binatang yang hendak dijadikan korban sebagai tanda yang empunya.**

QALB (قَلْبٌ)

Lafaz ini adalah *ism maṣdar* daripada kata kerja *qalaba* (قَلَبَ), mengandungi makna

1 Al-Khāzin, dalam *Majma' al-Tafāsīr* (1979), *op. cit.*, j. 3, h. 408.

2 Al-Baydāwī, dalam *Ibid.*

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 436.

4 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 32

5 Ahmad Sonhadji Mohammad (1997), *op. cit.*, j. 12, h. 192.

6 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 754; Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 1148.

7 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 294.

8 *Ibid.*

9 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 589.

10 Hamka (1984), *op. cit.*, j. 6, h. 131.

hati,[1] akal; *qalb kulla syai'* (قَلْب كُلِّ شَيْءٍ) bererti tengah atau inti pati segala sesuatu.[2] Dinamakan *qalb* (قَلْب) kerana letaknya terbalik di dalam tubuh, dan *af'āl al-qulūb* (أفعال القُلُوب) maksudnya "*zanna* (ظَنَّ) dan *akhāw - tuhā*" iaitu kata kerja *zanna* (ظَنَّ) dan saudara -saudaranya.[3] Al-Kafawī berkata, "Secara etimologi *al-qalb* mempunyai dua makna iaitu: (1). Menjadikan sesuatu di atas ke bawah. Contohnya mengambil sebab menjadi hukum dan sebaliknya kerana sebab (*'illah*) lebih tinggi daripada hukum dan ia adalah asalnya, sedang hukum lebih rendah daripadanya kerana ia mengikutnya; (2). Menukar sesuatu yang zahir menjadi batin, contohnya membalikkan sarung kaki.[4]

Lafaz *qalb* disebut 6 kali di dalam al -Quran, iaitu terdapat dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 159, *al-Syu'arā'* (26), ayat 89, *al-Saffāt* (37), ayat 84, *Ghāfir* (40), ayat 35, *Qāf* (50), dan ayat 33, 37; dan 13 kali disebut dalam al-Quran yang dihubungkan dengan *damir* (kata ganti nama). Iaitu dalam surah *al -Baqarah* (2), ayat 97, 204, 260, 283; *al-Anfāl* (8), ayat 24; *al-Nahl* (16), ayat 106; *al-Kahf* (18), ayat 28; *al-Syu'arā'* (26), ayat 194; *al -Qasas* (28), ayat 10; *al-Ahzāb* (33), ayat 32; *al -Jāthiyah* (45), ayat 23; dan *al-Taghābun* (64), ayat 11.

Di dalam al-Quran lafaz *al-qalb* (القلب) mengandungi beberapa maksud:

- Ia bermaksud akal atau hati, sebagaimana yang terdapat dalam surah *Qāf* (50), ayat 37. Al-Farrā' berkata, "Makna *al-qalb* (القلب) pada ayat ini adalah akal."[5] Begitu juga pendapat Mujāhid.[6] Ibn Kathīr berkata, "Ia adalah isi hati yang dapat memberikan kesedaran."[7] Al-Zamakhsyarī berkata, "Ia bermakna *qalb wā'ī* (قلب وَاعِي) (hati yang sedar). Maknanya, sesiapa hatinya tidak sedar maka seolah-olah dia tidak mempunyai hati."[8] Al-Syawkānī berkata, "Kedua-dua makna di atas adalah benar. Dalam bahasa Arab penggunaan *qalb* boleh diertikan akal seperti ungkapan "*mā laka qalb*" (مَالَكَ قَلْبٌ) (engkau tidak mempunyai akal fikiran). *Al-qalb* bermaksud hati itu sendiri kerana apabila ia bersih maka ia dapat mengetahui hakikat dan berfikir sebagaimana mestinya.[9]
- Ia disandarkan kepada lafaz "*munīb*" مُنِيبٌ yang bermaksud hati yang be - taubat daripada dosa. Ini terdapat dalam surah *Qāf* (50), ayat 35. Qatādah berkata, "*qalb munīb* (قَلْبٌ مُنِيبٌ) ialah hati yang penuh dengan taubat kepada Allah dan diterima olehnya."[10] Dalam *Tafsīr al-Jalālayn* dijelaskan, *Qalb Munīb* bermaksud hati yang menerima untuk taat kepadanya dan ia dikatakan bagi orang yang bertakwa juga.[11] Al-Sābūnī berkata, "*qalb munīb* bermaksud hati yang bertaubat daripada segala dosa, hati yang taat kepada

1 Dalam *Kamus Dewan*, hati adalah organ dalam badan yang berwarna perang kemerah-merahan terletak di dalam perut di bahagian sebelah kanan (tugasnya mengeluarkan empedu, mengawal kandungan gula dalam darah, menyembuhkan kesan keracunan nitrogen, menghasilkan urea, menyimpan glikogen. Lihat Noresah bt. Baharom *et al.* (eds.) (2002), *op. cit.*, h. 445.

2 'Āyid *et al.* (t.t.), op. cit., h. 1002; Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 753.

3 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 68.

4 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 703

5 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 281.

6 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 205.

7 *Ibid.*

8 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 381.

9 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 98.

10 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 13, h. 222, athar no. 24743.

11 Al-Jalālayn (t.t.), *op. cit.*, h. 678.

Alah dan hati yang tunduk."[1]

- Ia disandarkan kepada lafaz "*salīm*" (سَلِيمٌ) atau *qalb salīm* (قَلْبٌ سَلِيمٌ), sebagaimana yang terdapat dalam surah *al-Syu'arā'* (26), ayat 89 dan *al-Saffāt* (37), ayat 84. Qatādah, Ibn Zayd dan majoriti ulama tafsir berpendapat ia bermaksud hati yang selamat daripada keraguan dan kesyirikan kerana tiada sesiapa pun yang hatinya terselamat daripada dosa.[2] Sa'īd bin al-Musayyab berpendapat ia adalah hati orang Mukmin kerana hati orang kafir dan munafik adalah sakit. Al-Hasan berkata, "Ia bermaksud hati yang selamat daripada kejahatan harta dan anak pinak." Abū 'Uthmān al-Sayyārī berkata, "Ia bermaksud hati yang selamat daripada bidaah dan berasa aman dan tenang pada sunnah." Al-Qurtubī berkata, "Semua makna di atas adalah benar di mana hati yang *salīm* adalah hati yang bersih daripada segala sifat -sifat tercela (*madhmūmah*) (مذمومة) dan bersifat dengan sifat-sifat yang terpuji (*mahmūdah*) (محمودة)."[3]
- Ia disandarkan kepada lafaz "*ghalīz*" (غَلِيظٌ) atau *ghalīz al-qalb* (غَلِيظُ القَلْبِ), sepertimana terdapat dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 159. Al-Marāghī berkata, "Ia bermaksud hati yang keras dan kasar. Ayat ini diturunkan selepas Perang Uhud di mana terdapat para sahabat yang tidak patuh pada arahan Rasulullah sehingga menyebabkan kekalahan. Oleh itu, Allah bercakap dengan rasulnya supaya tidak berhati kasar dan keras selepas kejadian itu dalam bergaul dengan mereka kerana tugas membimbing ke jalan yang benar tidak akan sempurna (apabila berlaku kasar dan keras, pen.),[4] dan kedua-dua sifat itu dinafikan daripada Rasulullah[5] dengan perantara ayat Allah yang bermaksud, "*Telah datang kepadamu seorang rasul daripada kaummu sendiri, berat terasa olehnya penderitaanmu, sangat menginginkan (keimanan dan keselamatan) bagimu, amat belas kasihan lagi penyayang kepada orang Mukmin.*"[6] M. Quraish Shihab berkata, "Ayat ini isyarat tentang sikap yang perlu diambil kira dalam bermesyuarat. Salah satunya adalah berlaku lemah lembut, tidak kasar dan tidak berhati keras."[7]
- Ia disandarkan kepada lafaz "*mutakabbir* (مُتَكَبِّرٌ)dan *jabbār*" (جَبَّارٌ), terdapat dalam surah *Ghāfir* (40), ayat 35. Ibn Kathīr berkata, "Ia bermaksud hati yang angkuh untuk mengikuti kebenaran."[8] Al-Tabarī berkata, "Maksudnya hati yang angkuh dalam mentauhidkan Allah dan membenarkan rasul-rasulnya."[9]
- Ia disandarkan kepada "*āthim*" (آثِمٌ), terdapat dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 283. Maksudnya hati yang berdosa disebabkan dia menyembunyikan kesaksian, iaitu dengan mengurangi, melebihkan, atau tidak menyampaikan sama sekali, baik yang diketahui oleh pemilik hak mahupun yang tidak diketahuinya. Jika hati berdosa maka

1 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 245.

2 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 13, h. 122.

3 *Ibid.*

4 Al-Marāghī (1974), *op. cit.*, j. 4, h. 111 dan 113.

5 M. Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, j. 2, h. 243.

6 Al-Tawbah (9), ayat 128.

7 M. Quraisy Shihab (2000), *op. cit.*, j. 2, h. 244.

8 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 71.

9 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 12, h. 81.

seluruh anggota akan berdosa, sebagaimana hadis nabi, "Sesungguhnya di dalam diri manusia ada "segumpal" daging, yang apabila ia baik maka baiklah seluruh jasad dan apabila ia buruk, buruklah seluruh jasad, iaitu hati (*qalb*)."[1]

- Ia bermaksud hati sahabat nabi iaitu 'Ammār bin Yāsir, terdapat dalam surah *al-Nahl* (16), ayat 106. Dilaporkan Ibn Abī Hātim daripada Ibn 'Abbās katanya, "Tatkala Rasulullah berhijrah ke Madinah, orang musyrik menangkap Bilāl, Khabbāb dan 'Ammār bin Yāsir. 'Ammār mengatakan kepada mereka kalimat kekufuran, lalu beliau menemui Rasulullah dan menceritakan apa yang berlaku.[2] Rasulullah berkata kepadanya, "Bagaimana hatimu ketika engkau mengatakannya, adakah ia dengan hati yang lapang?" Beliau berkata, "tidak!" Maka turunlah ayat ini.[3]
- Ia bermaksud hati Nabi Muhammad, sebagaimana terdapat dalam surah *al-Syu'arā'* (26), ayat 193-194. Allah menyatakan yang bermaksud, *"Ia dibawa turun oleh malaikat Jibrail yang amanah ke dalam hatimu, supaya engkau (wahai Muhammad) menjadi seorang dari pemberi-pemberi ajaran dan amaran (kepada umat manusia)."*

1 M. Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, j. 1, h. 571.

2 Qatādah berkata, "Beliau ditangkap oleh Banū al-Mughīrah dan menutupnya di dalam perigi Maymūn. Mereka berkata kepadanya, dustakanlah kenabian Muhammad. Beliau pun mengakuinya sedang hatinya dipaksa dan benci. Para sahabat mengkhabarkan kepada Nabi Muhammad, dia sudah kufur, tetapi beliau mengatakan, "tidak! Sesungguhnya hatinya penuh dengan keimanan dari hujung rambut hingga hujung kakinya dan mengalir dalam darah dan dagingnya." Lalu beliau datang kepada Nabi Muhammad sambil menangis, lalu beliau berkata, "Apa yang terjadi?" Jawabnya, "Keburukan wahai Rasulullah di mana aku mengatakan kekufuran kepadamu." Beliau berkata, "bagaimana hatimu?" Jawabnya, "yakin dengan keimanan." Lalu beliau berkata, "jika mereka menyeksamu kembali maka katakanlah apa yang kamu katakan." Al-Khāzin, dalam *Majma' al-Tafāsīr* (1979), *op. cit.*, j. 5, h. 644.

3 Al-Suyūtī (t.t.), *op. cit.*, h. 266-267.

QAMAR (قَمَر)

Lafaz ini adalah *ism maṣdar mufrad* daripada asal perkataan *qamira* (قَمِرَ), jamaknya adalah *aqmār* (أَقْمَار), ertinya planet yang bergerak yang mengambil cahayanya dari matahari, mengelilingi bumi dan menerangkannya pada waktu malam, atau disebut juga bulan.[4] Ia disebut 26 kali di dalam al-Quran, iaitu terdapat dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 77, 96; *al-A'rāf* (7), ayat 54; *Yūnus* (10), ayat 5; *Yūsuf* (12), ayat 4; *al-Ra'd* (13), ayat 2; *Ibrāhīm* (13), ayat 33; *al-Nahl* (16), ayat 12; *al-Anbiyā'* (21), ayat 33; *al-Haj* (22), ayat 18; *al-Ankabūt* (29), ayat 61; *Luqmān* (31), ayat 29; *Fātir* (35), ayat 13; *Yasīn* (36), ayat 39, 40; *al-Zumar* (39), ayat 5; *Fussilat* (41), ayat 37, 37; *al-Qamar* (54), ayat 1; *al-Rahmān* (55), ayat 5; *Nūh* (71), ayat 16; *al-Muddaththir* (74), ayat 32; *al-Qiyāmah* (75), ayat 8, 9; *al-Insyiqāq* (84), ayat 18; *al-Syams* (91), ayat 2; *al-Furqān* (25), ayat 61.

Lafaz *al-qamar* (الْقَمَر) di dalam al-Quran membawa makna bulan, melainkan satu ayat dalam surah *Yusuf* di mana *al-qamar* adalah kiasan kepada seseorang. Allah menyatakan yang bermaksud, "Wahai ayahandaku! Sesungguhnya anakanda mimpi melihat sebelas bintang dan matahari serta bulan; anakanda melihat mereka tunduk memberi hormat kepadaku." Para mufassir membincangkan berkenaan takwilan mimpi ini, di mana mereka menyatakan 11 bintang ungkapan bagi saudara-saudaranya, yang mana mereka ber-

4 'Āyid *et al.* (t.t.), *op. cit.*, h. 1007; Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 758.

jumlah 11 orang. Sedang matahari dan bulan ungkapan bagi bapa dan ibunya. Dilaporkan daripada Ibn 'Abbās, al-Dahhāk, Qatādah, Sufyān al-Thawrī dan 'Abd al-Rahmān bin Zayd bin Aslam berkata, "Takwilan mengenai mimpi itu terbukti selepas 40 tahun atau 80 tahun atau 70 tahun,[1] iaitu tatkala dia mendudukkan ibu bapanya di atas kerusi kebesaran dan saudara-saudaranya berada di antaranya lalu sujud (tunduk) memberi hormat kepada *Yusuf*."[2] Allah menyatakan yang bermaksud, "*Dan ia dudukkan ibu bapanya di atas kerusi kebesaran, dan selepas itu mereka sekaliannya tunduk memberi hormat kepada Yusuf, dan pada saat itu, Yusuf berkata, "Wahai ayahandaku! Inilah takbir mimpiku dahulu. Sesungguhnya Allah telah menjadikan mimpiku itu benar."* [3]

Ia juga adalah salah satu nama daripada nama-nama surah yang ada di dalam al-Quran, iaitu surah yang diturunkan di Makkah mengikut pendapat majoriti ulama. Muqātil berkata, "Kecuali tiga ayat diturunkan di Madinah, iaitu ayat yang ke-44 hingga 46."[4] Surah ini diturunkan selepas surah *al-Talāq* dan terdiri dari 55 ayat.[5] Dilaporkan oleh Ibn al-Durays daripada Ishāq bin 'Abdillāh bin Farwah secara *marfū'*, "Sesiapa yang membaca "*iqtarabat al-sā'ah*" (اِقْتَرَبَتِ السَّاعَةُ) pada setiap dua malam, nescaya Allah akan membangkitkannya pada hari kiamat dalam keadaan mukanya bercahaya seperti bulan pada malam purnama." Dilaporkan oleh Ibn al-Durays seperti di atas daripada Layth binMa'an daripada Syaikh daripada Hamdān secara *marfu'*, Nabi Muhammad membaca surah *Qāf* dan "*iqtarabah al-sā'ah*" (اِقْتَرَبَتِ السَّاعَةُ)(al-Qamar) pada waktu sembahyang *'Idil Adha* dan *'Idil Fitri*.[6]

QAMTARĪR (قَمطَرِير)

Lafaz ini bererti hari-hari yang begitu malang atau keburukan yang sangat.[7] Al-Zujjāj berkata, "Ia berasal daripada *al-qitr* (القِطر) dan "*mīm*" (م) adalah tambahan."[8] Al-Yazīdī berkata, "Ia bermakna hari-hari yang dahsyat dan ditimpa bala yang berterusan."[9] *Qamtarīr* (قَمطَرِير) hanya disebut sekali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Insān* (76) ayat 10. Para ulama berbeza pendapat dalam memberikan makna bagi lafaz ini,

- Ibn 'Abbās mengatakan, "Ia bermaksud panjang."[10]
- Al-Akhfasy berkata, "Hari yang penuh dengan penderitaan dan terlalu lama, terlalu panjang."[11]
- Mujāhid berkata, "*al-Qamtarīr* sesuatu yang kelihatan pada dahi dan kedua-dua kening; maka ia dijadikan sifat bagi muka yang berubah disebabkan hari-hari yang malang atau penderitaan."[12]
- Ada yang berpendapat ia bermakna begitu menderita. Orang Arab berkata, *yawm qamtarīr* (يَوْم قَمطَرِير) dan

1 Al-Zuhaylī (1991), *op. cit.*, j. 12, h. 69.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 426.

3 Surah Yūsuf (12), ayat 99.

4 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 148.

5 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 17, h. 122.

6 Al-Syawkānī (1994), *loc. cit.*

7 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 654; 'Āyid *et al.* (t.t.), *op. cit.*, h. 1008.

8 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 19, h. 132.

9 Al-Yazīdī (1985), *op. cit.*, h. 404.

10 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, h. 131.

11 *Ibid.*

12 *Ibid.*

qamātir (قَمَاطِر) membawa maksud hari yang penuh bala dan musibah.[1]

- 'Ikrimah berkata, "Kelihatan pada wajahnya penderitaan sehingga mengalir dari kedua-dua matanya air mata seperti titisan air hujan."[2]
- Sa'īd bin Jubayr dan Qatādah keduanya berpendapat ia bermakna menghilangkan keceriaan pada kedua-dua keningnya dan di antara kedua-dua matanya disebabkan rasa ketakutan yang teramat.[3]
- Al-Tabarī mentafsirkannya dengan penderitaan yang teramat dan terlalu lama.[4]

Kesimpulannya, lafaz *qamtarīrā* membawa maksud **penderitaan yang teramat, begitu lama dan panjang tempohnya.** Makna lain, **musibah yang timpa menimpa.**

QĀNI' (قَانِـعْ)

Lafaz *qāni'* (قَانِـعْ) adalah *ism fā'il mufrad*, jamaknya ialah *qāni'ūn* (قَانِعُونَ) atau *qunna'* (قُنَّاعٌ), ertinya yang reda dengan pemberian, peminta yang tidak meminta berkali-kali,[5] yang keluar dari tempat ke tempat,[6] yang berkhidmat kepada suatu kaum dan pengikut mereka.[7] Lafaz ini hanya disebut sekali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah al-Haj (22) ayat 36. Terdapat perbezaan pendapat di kalangan ulama berkenaan makna *al-qāni'* (القَانِـع):

- Al-Rāzī berkata, *al-qāni'* bermaksud *al-rādī* (الرَّاضِي) (yang reda), dan peminta (*al-sā'il*) (السَّائِل) boleh juga dinamakan *al-qāni'* (القَانِـع) kerana ia reda dengan pemberian sama ada sedikit atau banyak, ia menerimanya dan tidak menolaknya sehingga dua lafaz itu kembali kepada makna reda.[8]
- Dalam *Tafsīr al-Jalālayn* diterangkan *al-qāni'* (القَانِـع) bermaksud yang berasa puas dengan apa yang diberi, tidak meminta dan tidak pula menolak.[9]
- 'Uday b. Zayd mentafsirkannya dengan *al-sā'il* (السَّائِل) (peminta).[10]
- Al-Farrā' mentafsirkannya, "Orang yang meminta kepadamu dan apa yang engkau bagi ia akan menerimanya."[11] Begitu juga pendapat Ibn 'Abbās, 'Ikrimah, Zayd bin Aslam, al-Kalbī, al-Hasan al-Basrī, Muqātil bin Hayyān dan Mālik bin Anas.[12]
- Dilaporkan oleh al-'Ūfī daripada Ibn 'Abbās, "*al-qāni'* bermaksud yang merasa cukup dengan apa yang diberi dan dia berada di rumahnya. Begitu juga dengan pendapat Mujāhid dan Muhammad bin Ka'ab al-Qurazī."[13]
- Dilaporkan oleh 'Alī bin Abī Talhah daripada Ibn 'Abbās, "*al-qāni'* adalah *al-muta'affif* (المُتَعَفِّفُ) (orang yang begitu

1 *Ibid.*
2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 411.
3 *Ibid.*
4 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 14, h. 262.
5 'Āyid *et al.* (t.t.), *op. cit.*, h. 1010.
6 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 658.
7 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 763.
8 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 553.
9 Al-Jalālayn (t.t.), *op. cit.*, h. 433.
10 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 299.
11 *Ibid.*
12 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 211.
13 *Ibid.*

memerlukan tetapi tidak meminta).[1] Begitu juga pendapat Qatādah, Ibrāhim al-Nakh'ī dan Mujāhid.[2]

- Ibn Jarīr memilih untuk memberikan makna bagi lafaz ini, iaitu *al-sā'il* (peminta) kerana dia orang yang berasa puas apa yang didapatinya ketika mengangkat tangan bagi meminta. Para ulama berhujah dengan ayat ini di mana sembelihan dibahagikan kepada tiga golongan, iaitu satu pertiga bagi empunya, satu pertiga diberikan kepada orang yang meminta dan satu pertiga disedekahkan kepada orang fakir, kerana Allah menyatakan, "فَكُلُوا۟ مِنْهَا وَأَطْعِمُوا۟ ٱلْقَانِعَ وَٱلْمُعْتَرَّ" (*Maka maka - lah sebahagiannya dan beri makanlah orang yang rela dengan apa yang ada padanya (yang tidak meminta-minta) dan orang yang meminta*). (Surah *al -Haj* (22), ayat 36)

Kesimpulannya, lafaz *al-qāni'* bermaksud **peminta** dan **reda serta berpuas hati dengan pemberian.**

QĀNIT (قَانِتٌ)

Lafaz ini adalah *ism fā'il mufrad* daripada kata kerja *qanata* (قَنَتَ), jamaknya *qānitūn* (قَانِتُونَ) atau *qunnāt* (قُنَّاتٌ), mengandungi makna individu yang taat kepada Allah dan tunduk kepadanya,[3] orang yang sembahyang,[4] individu yang berdiri lama di dalam sembahyang dan berdoa.[5] Lafaz ini disebut dua kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Zumar* (39), ayat 9 dan *al-Nahl* (16), ayat 120. Pelbagai pendapat berkenaan tafsir lafaz *qānit:*

- Al-Zujāj berkata, "Yang masyhur dalam bahasa Arab *al-qanūt* (القُنُوتُ) adalah *al-du'ā'* (الدُّعَاءُ) (doa) dan *al -qānit* (القَانِت) bermakna orang yang berdoa."[6]
- Ibn al-'Arabī mengatakan, "*al-qānit* (القَانِت) bererti orang yang berdoa ke atas musuhnya, orang yang sembahyang dalam tempoh yang panjang, orang yang selalu mengerjakan haji, orang yang selalu berperang dan orang yang taat kepada Allah."[7]
- Ibn 'Umar berkata, "Ia bermaksud orang yang membaca al-Quran dan panjang dalam mengerjakan sembahyang."[8]
- Al-Baydāwī mentafsirkannya dengan orang yang menunaikan kewajipan-kewajipan sebagai tanda ketaatannya.[9]
- Ibn 'Abbās berkata, "Ia bermaksud Rasulullah dan para sahabatnya."[10]
- Dilaporkan oleh 'Atā' daripada Ibn 'Abbās, ayat ini turun kepada Abī Bakr al-Siddīq.[11]
- Dilaporkan Ibn Abī Hātim daripada Ibn 'Umar, ayat ini diturunkan kepada

1 Al-Rijāl (1991), *op. cit.*, h. 361.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, h. 211.

3 'Āyid et al. (t.t.), *op. cit.*, h. 1009.

4 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 656.

5 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 761.

6 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 298.

7 *Ibid.*

8 Al-Khāzin dalam *Majma' al-Tafāsīr* (1979), *op. cit.*, j. 5, h. 302.

9 *Ibid.*

10 Al-Fayrūz Ābādī, *Tanwīr al-Miqbās* dalam *Ibid.*

11 Al-Wāhidī (1998), *op. cit.*, h. 310.

'Uthmān bin 'Affān.[1] Ibn 'Umar berkata demikian kerana beliau begitu banyak melakukan sembahyang pada waktu malam dan membaca al-Quran, hinggakan berkemungkinan beliau membaca al-Quran pada satu rakaat sebagaimana yang dilaporkan oleh Abū 'Ubaydah.[2]

- Muqātil berkata, "Ayat ini diturunkan kepada 'Ammār bin Yāsir."[3]
- Dilaporkan oleh Jubayr daripada Ibn 'Abbās, ayat ini diturunkan kepada Ibn Mas'ūd, 'Ammār bin Yāsir dan Sālim maulā Abī Hudhayfah.[4]
- Dilaporkan oleh al-Thawrī daripada Farās daripada al-Sya'bī daripada Masrūq daripada Ibn Mas'ūd, beliau berkata, "*al-qānit* adalah orang yang taat kepada Allah dan kepada rasulnya."[5]
- Al-Syawkānī berkata, "Makna-makna di atas mencakupi keseluruhannya[6] dan ayat ini bersifat umum bagi semua orang yang menunaikan ketaatan."[7]

Dalam surah *al-Nahl*, *al-qānit* (القَانِت) dalam ayat ini adalah Nabi Ibrāhīm, di mana al-Quran menyebutnya umat yang taat kepada Allah dan melaksanakan segala perintahnya. Rasulullah dinamakan "*ummah*" iaitu umat kerana di dalam dirinya terhimpun kemuliaan-kemuliaan dan kesempurnaan. Ibn 'Abbās berkata, "Dalam dirinya ada kebaikan yang tidak dimiliki oleh umat. Beliau adalah pemimpin ketauhidan, menghancurkan berhala, menentang orang kafir, melihat bintang-bintang, mempelajari alam bagi menenangkan hatinya dengan Islam."[8] Kesimpulannya, makna *al-qānit* adalah orang yang taat kepada Allah dan melakukan segala perintahnya.

QANŪT (قَنُوطٌ)

Lafaz ini adalah *ism fā'il* atau *maṣdar* daripada perkataan *qanita* (قَنِطَ), ertinya yang begitu berputus asa.[9] Ia hanya disebut sekali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *Fussilat* (41) ayat 49. Al-Qurtubī berkata, "Ada yang berpendapat *qanūt* bermaksud orang yang berputus asa daripada rahmat Allah."[10] Ada juga yang berpendapat ia bermaksud orang berputus asa disebabkan bersangka buruk kepada Allah.[11] Terdapat juga yang mentafsirkannya dengan orang yang menduga keburukan selamanya akan menimpa dirinya.[12] Al-Zamakhsyarī berkata, "*al-qanūt* (القَنُوط) adalah orang yang menzahirkan kesan-kesan putus asa sehingga berasa lemah dan patah semangat atau memutuskan pengharapannya pada rahmat Allah dan rohnya."[13] Ini adalah sifat orang kafir bersandarkan ayat Allah yang bermaksud, "*Sesungguhnya tiadalah yang*

1 Al-Sayūtī (t.t.), *op. cit.*, h. 373.

2 Hawwā (1999), op. cit., j. 9, h. 4863. Imām Ahmad menulis kepada al-Rabī' b. Nāfi' ... daripada Tamīm al-Dārī katanya, "Rasulullah berkata, "Barang siapa yang membaca seratus ayat pada malam hari, ditulis baginya ketaatan sepanjang malam (*qanūt laylah*)."

3 Al-Wāhidī (1998), *op. cit.*

4 Al-Sayūtī (t.t.), *op. cit.*

5 Hawwā (1999), *op. cit.*, h. 4862.

6 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 566.

7 Al-Nasafī dalam *Majma' al-Tafāsīr* (1979), *op. cit.*

8 Al-Marāghī (1974), *op. cit.*, j. 14, h. 158.

9 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 657;, 'Āyid *et al.* (t.t.), *op. cit.*, h. 1010; Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 762.

10 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 15, h. 356.

11 *Ibid.*

12 *Ibid.*

13 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 199.

berputus asa daripada rahmat Allah, melainkan kaum yang kafir".[1] Begitu juga dengan pentafsiran *al-Jalālayn* di mana *qanūt* (قَنُوطٌ) bermaksud orang yang berputus asa daripada rahmat Allah. Ayat ini dan ayat selepasnya adalah bagi orang kafir.[2] Dalam *Safwah al-Tafāsīr* dijelaskan, *qanūt* bermakna *qānit* (orang yang berputus asa) daripada rahmat Allah). Tafsirannya, "Apabila manusia ditimpa kefakiran dan sakit, maka ia begitu berputus asa dan memutuskan untuk tidak mengharap rahmat Allah."[3] Kesimpulannya, *qanūt* membawa maksud sangat berputus asa daripada rahmat Allah dan ia adalah sifat orang kafir.

QARĀR (قَرَارٌ)

Lafaz ini adalah *ism maṣdar* daripada kata kerja *qarra* (قَرَّ), mengandungi makna memutuskan sesuatu masalah, tempat yang tetap lagi aman daripada bumi, kediaman, tempat yang rendah yang menyatukan air, suara muzik yang diulang-ulang di bahagian akhir daripada muzik.[4] *Ahl al-qarār* (أهل القَرَار) ertinya orang yang menetap, lawan daripada *ahl al-badwī*.[5] *Dār al-qarār* (دَارُ الْقَرَارِ) bermaksud akhirat.[6]

Lafaz *qarar* (قَرَارٌ) disebut sebanyak 9 kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *Ibrāhīm* (14), ayat 26, 29; *al-Mu'minūn* (23), ayat 13, 50; *al-Naml* (27), ayat 61; *Sad* (38), ayat 60; *Ghāfir* (40), ayat 39, 64; dan *al-Mursalāt* (77), ayat 21. Lafaz *al-qarār* (القَرَار) mengandungi beberapa makna,

- Ia dikaitkan dengan lafaz "*bi'sa*" (بِئْسَ) (seburuk-buruk), sebagaimana yang terdapat dalam surah *Ibrāhīm*, ayat 29, *Sād*, ayat 60, maksudnya neraka.[7] Al-Nasafī, al-Baydāwī dan al-Khāzin mengatakan *bi's al-qarār* (بِئْسَ الْقَرَارِ) bermaksud seburuk-buruk tempat, iaitu neraka jahanam.[8] Daripada Ibn 'Abbās, ia bermakna rumah dan tempat kembali yang buruk, iaitu neraka jahanam.[9]
- Ia bermaksud kukuh dan menetap, lafaz ini dikaitkan dengan lafaz *mā lahā min qarār* (مَالَهَا مِنْ قَرَارٍ), sebagaimana terdapat dalam surah *Ibrāhīm*, ayat 26. Al-Fayrūz berkata, "Tidak kukuh, tidak tetap dan berterusan."[10] Qatādah berkata, "Pokok ini tidak mempunyai akar yang kukuh di muka bumi untuk dapat tumbuh dan berdiri."[11] Al-Khāzin berkata, "Ayat ini bermakna pokok ini tidak kukuh di atas muka bumi kerana tidak ada baginya akar yang yang mengukuhkannya di bumi dan tidak pula mempunyai cabang yang menjulang ke langit. Demikianlah orang kafir, tidak ada di dalam dirinya kebaikan, tidak keluar dari mulutnya perkataan yang baik serta amal soleh, tidak mempunyai pegangan yang kukuh dan ini sebagai perumpamaan orang kafir de-

1 Surah *Yūsuf* (12), ayat 87.

2 *Al-Jalālayn* (t.t.), *op. cit.*, h. 627.

3 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 128.

4 Ma'luf (1973), *op. cit.*, h. 616; Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 725.

5 Ma'lūf (1973), *loc. cit.*

6 'Āyid et al. (t.t.), *op. cit.*, h. 978.

7 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 250.

8 Hilmī (1979), *op. cit.*, j. 3, h. 528.

9 *Ibid.*

10 Ābādī (1986), *loc.. cit.*

11 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 8, h. 278, athar no. 15696.

ngan pokok yang buruk."[1] Ibn 'Abbās berkata, "Allah memisalkan pokok yang buruk seperti orang kafir. Beliau berkata, "Sesungguhnya pokok yang buruk tidak kukuh berdiri di muka bumi." Beliau berkata, "Orang kafir tidak akan diterima amalannya, tiada baginya akar yang kukuh di bumi dan cabang di langit." Beliau juga berkata, "tiada baginya amal yang baik di dunia mahupun di akhirat."[2]

- Ia bermaksud hari akhirat, lafaz ini dikaitkan dengan *dār* atau *dār al-qarār* (دَارُ ٱلْقَرَارِ), maksudnya hari akhirat adalah rumah dan kediaman yang sebenar, sebagaimana terdapat dalam surah *Ghāfir*, ayat 39. Ibn Kathīr berkata, "Ia bermaksud rumah yang tidak fana, tidak berpindah dan tidak boleh pergi darinya kepada yang lainnya, tetapi hanya ada syurga atau neraka."[3]
- Ia bermakna tempat kediaman atau rumah, sebagaimana yang terdapat dalam surah *al-Mu'minūn*, ayat 50, *al-Naml*, ayat 61 dan *Ghāfir*, 64. Lafaz *qarar* dalam surah al-Mu'minūn dikaitkan dengan "*dhāt*" dan "*rabwah*" (tempat yang tinggi). Al-Syawkānī berkata, "Ia bermaksud tempat yang tinggi[4] sebagai rumah dan kediaman yang selesa bagi penghuninya."[5] Manakala lafaz *qarār* dengan *al-ard* (bumi), Muhammad 'Alī al-Sābūnī mentafsirkannya dengan "Allah menjadikan bumi tempat kediaman bagi manusia dan haiwan di mana mereka dapat tinggal dan menetap di atasnya."[6] Ibn Kathīr mentafsirkannya, "bumi dijadikan sebagai planet yang tenang dan tetap, tidak bergoncang dan bergerak dengan penghuninya, kerana jika ia bergerak dan bergoncang maka kehidupan di atasnya tidak aman, bahkan Allah menjadikannya terbentang dan terhampar serta tidak bergoncang."[7] Al-Marāghī berkata, "Ia dijadikan sebagai tempat bagi manusia dan haiwan."[8]
- Ia bermaksud rahim, sebagaimana terdapat dalam surah *al-Mu'minūn*, ayat 13 dan *al-Mursalāt*. Lafaz ini dikaitkan dengan "*nutfah*" (air mani). Al-Zamakhsyarī berkata, "Makna *qarār* di sini adalah *al-mustaqirr* (الْمُسْتَقِرُّ), iaitu tempat menetap dan maksudnya adalah rahim."[9] Al-Syawkānī berkata, "Maksud lafaz *qarār makīn* ialah rahim, dan ia diungkapkan dengan perkataan *qarār* (tempat menetapnya air mani)."[10]

QĀRI'AH (قَارِعَة)

Lafaz ini adalah *ism mufrad*, jamaknya *qawāri'* (قَوَارِع), mengandungi makna hari kiamat dan musibah. *Qāri'ah al-tarīq* (قَارِعَةُ الطَّرِيق) bermaksud tengah jalan.[11] Al-Fayrūz berkata, "Ia bermaksud masa atau zaman yang paling

1 'Ala` al-Din al-Qadi (t.t), *op. cit.*, j. 3, h. 524.

2 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, athar no. 15697.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 71.

4 Rabwah di sini mempunyai pelbagai pendapat ulama, ada yang mengatakan *Bayt al-Muqaddas*, ada yang mengatakan bumi Palestin dan ada yang berpendapat bumi Damsyik.

5 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 603.

6 Al-Sābūnī (1981), op. cit., j. 2, h. 414-415.

7 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 347.

8 Al-Marāghī (1974), *op. cit.*, j. 20, h. 8.

9 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 174.

10 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 592.

11 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 728.

dahsyat.[1] *Qawāri' al-Qur'ān* (قَوَارِعُ الْقُرْآنِ) bermaksud ayat-ayat yang sesiapa membacanya akan aman daripada syaitan, jin dan manusia, seperti ayat kursi dan sebagainya."[2] Al-Kafawī berkata, "Setiap musibah yang dahsyat yang menimpa manusia dikatakan *qāri'ah*."[3]

Lafaz *qāri'ah* disebut 5 kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Ra'd* (13), ayat 31, *al-Haqqah* (69), ayat 4, *al-Qāri'ah* (101), ayat 1, 2 dan 3. Lafaz al-*qāri'ah* mengandungi dua makna:

- Al-'Ūfī melaporkan daripada Ibn 'Abbās, ia bermakna seksaan dari langit yang turun menimpa mereka (orang kafir).[4] 'Ikrimah melaporkan daripada Ibn 'Abbās, *qāri'ah* bermaksud *nakbah* (bencana, musibah atau malapetaka).[5] Al-Syawkānī berkata, "Ini adalah ancaman bagi orang kafir keseluruhannya atau kafir Makkah khususnya, disebabkan kekufuran dan pendustaan kepada rasul-rasul. Mereka ditimpa musibah dan malapetaka yang mengejutkan dan membinasakan melalui pembunuhan, penawanan musibah atau sebagainya yang termasuk daripada seksaan."[6]
- Ia bermaksud hari kiamat. Ia dinamakan *qāri'ah* (قَارِعَة) kerana ia mengejutkan manusia dengan hal-hal yang menakutkan[7] berupa langit hancur dan terbelah, bumi bergoncang dan dibinasakan, dan bintang-bintang dimusnahkan.[8] Dalam *Tafsir Azhar* ia bermaksud "hari kegoncangan", kerana seluruh alam pada waktu itu akan bergoncang hebat, lebih hebat daripada gempa bumi dan lebih hebat daripada angin puting beliung kerana langit akan runtuh, bumi akan hancur, gunung ganang akan menjadi abu berterbangan.[9]

Ia juga adalah salah satu nama daripada nama-nama surah al-Quran yang diturunkan di Makkah dan mengandungi 11 ayat. Surah ini dinamakan *al-Qāri'ah* kerana pada permulaan surah ini Allah mencetuskan rasa gerun dan takut manusia tentang hari kiamat. *Al-Qāri'ah* adalah sebahagian daripada nama-nama hari kiamat seperti perkataan *al-hāqqah* (الحاقة), *al-tāmmah* (التامة), *al-sākhkhah* (الساخة), *al-ghāsyiah* (الغاشية) dan seumpamanya. Surah ini dinamakan dengan nama *al-qāri'ah* kerana boleh mengetuk dan menggugah hati manusia supaya takut menghadapi hari kiamat,[10] serta menggerunkan manusia tentang hal-hal yang menakutkan dan mengejutkan kerana asal katanya mengandungi makna pukulan yang dahsyat dan kuat.[11]

QARĪB (قَرِيْبٌ)

Lafaz *qarīb* (قَرِيْبٌ) adalah *mubālaghah ism fā'il* daripada lafaz *qaruba* (قَرُبَ), ia dapat digunakan bagi *mufrad* ataupun jamak, *mud-*

1 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 258.
2 *Ibid.*, h. 259.
3 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 702.
4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 471.
5 *Ibid.*
6 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 103.
7 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 18, h. 247.
8 Al-Zamaksyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 586.
9 Hamka (1984), op. cit., j. 29, h. 82.
10 Zuhaylī (2001), op. cit., h. 375.
11 Al-Sābūnī (1981), op. cit., j. 3, h. 595.

hakkar ataupun *mu'annath*. Ia mengandungi makna lawan dari yang jauh atau yang dekat, sama ada masa, tempat dan keturunan atau saudara. Ia disebut sebanyak 26 kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 186, 214; *al-Nisā'* (4), ayat 17, 77; *al-A'rāf* (7), ayat 56; *al-Taubah* (9), ayat 42; *Hūd* (11), ayat 61, 64, 81; *al-Ra'd* (13), ayat 31; *Ibrāhīm* (14), ayat 44; *al-Isrā'* (17), ayat 51; *al-Ahzāb* (33), ayat 63; *Saba'* (34), ayat 50, 51; *al-Syūrā* (42), ayat 17; *al-Fath* (48), ayat 18, 27; *Qāf* (50), ayat 41; *al-Hasyr* (59), ayat 15; *al-Saff* (61), ayat 13; *al-Munāfiqūn* (63), ayat 10; *al-Ma'ārij* (70), ayat 7; *al-Jinn* (72), ayat 25; *al-Naba'* (78), ayat 40.

Al-Fayrūz berkata, Lafaz *qarīb* digunakan bagi tempat, zaman, keturunan, penjagaan, kekuasaan (*qudrah*).[1] Dalam al-Quran, lafaz *qarīb* disandarkan kepada pelbagai perkara,

- Ia disandarkan kepada Allah, sebagaimana dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 186, *Hūd* (11), ayat 61, *Saba'* (34), ayat 50. Al-Fayrūz berkata, ayat "Maksud *qarīb* di sini adalah penjagaan Allah."[2] Al-Syawkānī berkata, "Sesungguhnya Aku dekat untuk mengabulkan doa atau dekat untuk mengetahui (doa hambanya) dan dekat dalam memberikan nikmatnya kepadanya." Al-Kasysyāf berkata, "Lafaz ini perumpamaan bagi keadaannya yang menunjukkan mudahnya Allah mengabulkan doa hamba yang berdoa kepadanya, cepat memberikan hajat bagi yang meminta kepadanya dan mendekatinya."[3] Ia juga adalah salah satu nama daripada nama-nama Allah. Ibn Kathīr berkata, "Ia bermakna dekat bagi mengabulkan doa orang yang berdoa. Direkodkan oleh al-Nasā'ī daripada hadis Abū Mūsā yang terdapat di dalam *al-Sahih*nya "Sesungguhnya kamu tidak berdoa (kepada) yang tuli lagi ghaib tetapi kamu berdoa (kepada) yang maha mendengar (*samī'an*- سَمِيعًا), dekat (*qarīban* - قَرِيبًا) dan pengabul doa (*mujīban*- مُجِيبًا)."[4]
- Ia disandarkan kepada *nasr Allāh* (pertolongan Allah) (نَصْرُ الله). Sepertimana yang terdapat dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 214. Al-Suddī dan Qatādah berkata, "Ayat ini turun pada hari peperangan Khandaq (*yawm al-Ahzāb*- يوم الأحزاب),[5] ketika mereka mengatakan "Tidak adalah janji Allah dan rasulnya kepada kami, melainkan semata-mata tipuan sahaja."[6] Lalu Allah menyatakan yang bermaksud, "*Sesungguhnya pertolongan Allah itu dekat." Ayat yang sinonim dengan ayat di atas adalah fath qarīb (kemenangan atau pembukaan yang pasti).* Terdapat dalam surah *al-Saff* (61), ayat13, *al-Fath* (48), ayat 18 dan 27. Qatādah dan Ibn Abī Layla berkata, "Maksud *fath qarīb* (فَتْحٌ قَرِيبٌ) dalam ayat ini adalah pembukaan *Khaybar* (خَيْبَر)."[7] Al-Zuhrī dan Mujāhid berkata, "Ia bermaksud perdamaian Hudaybiyyah."[8] Al-Tabarī berkata, "Yang paling benar adalah pembukaan (kemenangan) di sini bersifat umum, mencakupi semua kemenangan atau pembukaan bagi Rasulullah dan orang Mukmin."[9]

1 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 253.

2 *Ibid.*

3 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 231.

4 Ibn Kathīr (1998), op. cit., j. 3, h. 507.

5 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 463-464.

6 Al-Ahzāb (33), ayat 12.

7 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 13, h. 114.

8 *Ibid.*, h. 140.

9 *Ibid.*

- Ia disandarkan dengan taubat. Terdapat dalam surah *al-Nisā'* (4), ayat 17. Dalam *Tafsīr al-Jalālayn*, makna *qarīb* di sini adalah di mana mereka bertaubat dan Allah menerima taubat mereka sebelum masa nyawa berada di tenggorokan atau dalam keadaan sebelum mati.[1]
- Ia disandarkan kepada ajal. Terdapat dalam surah *al-Nisā'* (4), ayat 77, *Ibrāhīm* (14), ayat 44 dan *al-Munāfiqūn* (63), ayat 10. Maksudnya masa yang sedikit, waktu yang singkat dan sebagainya. Dalam surah *Ibrāhīm*, orang zalim mengatakan, "Berilah kami sedikit masa untuk kami isi apa yang kami sia-siakan bagi menyembahmu dan mengikuti rasulmu."[2] Quraish Shihab berkata, "Waktu yang dekat bermaksud beberapa waktu lagi."[3]
- Ia disandarkan kepada rahmat Allah. Terdapat dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 56, maknanya dekat dan disediakan. Al-Fayrūz berkata, "Maknanya adalah kemaafan, pengampunan dan kebaikan Allah dekat dengan orang yang berbuat baik."[4] Ibn Kathīr berkata, "Sesungguhnya rahmat atau pahala (*thawāb* - ثواب) Allah disediakan bagi orang yang berbuat kebaikan, iaitu mereka yang mematuhi segala perintahnya dan meninggalkan larangannya."[5]
- Ia disandarkan kepada lafaz *"'adhāb"* (عذاب) (seksaan) dan apa yang dijanjikan *(al-wa'd-* الوعد*)*. Terdapat dalam surah *Hūd* (11), ayat 64, *al-Naba'* (78), ayat 40, *al-Anbiyā'* (21), ayat 109, *al-Jinn* (72), ayat 25, *al-Ma'ārij* (70), ayat 7. Maksudnya seksaan dan janji yang akan disediakan begitu hampir. Hal ini adalah isyarat ianya pasti berlaku kerana dalam bahasa Arab, setiap sesuatu perkara yang pasti, ia dianggap sebagai *qarīb*, atau hampir.[6]
- Ia disandarkan kepada *al-subh* (الصبح) (waktu subuh), terdapat dalam surah *Hūd* (11), ayat 81, ia adalah perumpamaan (*kināyah*) tentang hampir dan pasti ada seksaan yang akan diperoleh oleh kaum Lut. Al-Baydāwī berkata, "Ia adalah sebab bagi dipercepat dan jawapan bagi gesaan Lut serta meminta supaya azab dilambatkan."[7] Oleh itu Allah menyatakan yang bermaksud *"Bukankah subuh itu begitu hampir?"*.
- Ia disandarkan kepada *"makān"* (tempat), *"al-dār"* (rumah). Terdapat dalam surah *Saba'* (34), ayat 51, *Qāf* (50), ayat 41 dan *al-Ra'd* (13), ayat 31.
  a. Dalam surah *Saba'* Al-Khāzin berkata, *"min makān qarīb* bermaksud dari kaki mereka, atau dari perut bumi hingga ke atasnya, atau ia bermaksud seksaan dunia, iaitu mereka dibunuh dalam Perang Badr.[8]
  b. Dalam surah *Qāf, min makān qarīb* bermaksud sebagaimana yang dilaporkan oleh Qatādah, Ka'ab al-Ahbār berkata, "Allah memerintahkan malaikat memanggil dari atas batu *Bayt al-Muqaddas*,

1 Al-Jalālayn (t.t.), *op. cit.*, h. 112.
2 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 101.
3 M. Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, j. 2, h. 491.
4 Ābādī (1986), j. 4, h. 252.
5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 206.
6 Zuhaylī (2001), *op. cit.*, h. 23.
7 Al-Baydāwī, dalam *Majma' al-Tafāsīr* (1979), *op. cit.*, j. 3, h. 349.
8 Al-Khāzin dalam *Majma' al-Tafāsīr* (1979), *op. cit.*, j. 5, h. 171.

"Wahai tulang-tulang yang tercerai berai dan berkecai, sesungguhnya Allah memerintahkan kamu bercantum kembali bagi menghadiri hari pembalasan."[1]

- *Min dārihim*, bermaksud dari rumah mereka, di mana kesengsaraan daripada perbuatan mereka pasti menimpa mereka dari rumah mereka.[2]
- Ia disandarkan kepada al-Qiyāmah (hari kiamat), terdapat dalam surah *al-Syūrā, al-Ahzāb* (33), ayat 63, *al -Isrā'* (17), ayat 51. Al-Qurtubī berkata, "Maknanya ia dekat darimu dan engkau tidak tahu (bila terjadi)." Lafaz *qarīb* (قريب) tidak menjadi "*qarībah*" (قريبة) kerana tanda *mu'annath* pada lafaz *sā'ah* bukanlah hakiki kerana ia seperti waktu. Al-Zujjāj berkata, "Maknanya adalah hari kebangkitan, atau kedatangan hari kiamat adalah hampir.[3]

Kesimpulannya, makna *qarīb* yang pelbagai mengikut kepada sandarannya mempunyai satu makna, iaitu hampir dan ia menunjukkan pasti berlaku sesuatu perkara itu.

QARĪN (قَرِيْن)

Lafaz *qarīn* adalah *mubālaghah ism fā'il mufrad* daripada kata kerja *qarana* (قَرَنَ), jamaknya *quranā'* (قُرَنَاء), ia mengandungi makna "yang terikat dengan yang lain, pendamping, teman, kawan, suami",[4] dan sebagainya. Ia disebut 5 kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Sāffāt* (37), ayat 51; *al-Zukhruf* (43), ayat 36, 38; *al-Nisā'* (4), ayat 38, 38; *Qāf* (50), ayat 23 dan 27. M. Quraish Shihab berkata, "Kata Qarīn menunjukkan sesuatu yang selalu menyertai seseorang, ia boleh berupa manusia, syaitan, jin, atau bahkan malaikat. Qarīn yang berupa syaitan akan menyesatkan manusia. Oleh kerana itu Nabi berpesan supaya bijak memilih teman."[5]

Lafaz *qarīn (قرين)* di dalam al-Quran mengandungi empat makna:

- Penolong, sekutu dan teman daripada syaitan, ini terdapat dalam surah *al-Nisā'* (4), ayat 38 dan *al-Zukhruf* (43), ayat 38; *Qāf* (50), ayat 27 dan *al -Sāffāt* (37), ayat 51. Al-Qurtubī berkata, "*al-qarīn* di sini bermaksud teman dan kawan, maknanya barang siapa yang menerima syaitan di dunia maka ia menjadi temannya dan ia adalah seburuk-buruk teman."[6] Al-Khāzin berkata, "*al-qarīn* dalam surah *al-Zukhruf* bermakna syaitan atau teman daripada syaitan."[7] Dalam surah *al-Sāffāt*, al-Sābūnī mentafsirkan, "penghuni syurga berkata, "sesungguhnya aku mempunyai teman dan kawan di dunia yang mengingkari hari kebangkitan."[8]
- Pengganggu daripada syaitan, ini terdapat dalam surah *al-Zukhruf* (43), ayat 36. Al-Baydāwī berkata, "*qarīn* dalam surah ini bermaksud syaitan

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 206.

2 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 83.

3 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 16, h. 18.

4 'Āyid *et al.* (t.t.), *op. cit.*, h. 983; Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 1114; al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 532.

5 M. Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, j. 2, h. 422.

6 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 5, h. 198.

7 Al-Khāzin dalam *Majma' al-Tafāsīr* (1979), *op. cit.*, j. 5, h. 432.

8 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 34.

yang mengganggu dan menyesatkan manusia selama-lamanya,[1] ia tidak akan melepaskannya bahkan selalu menghiasi matanya sehingga buta dan menyangka ia di atas petunjuk.[2] Oleh itu, ia tetap menjadi teman di dunia dan di dalam neraka."[3]

- Ia bermakna *al-kirām al-kātibīn*, terdapat dalam surah *Qāf* (50), ayat 23. Ibn Kathīr berkata, "Ia adalah malaikat yang diwakilkan bagi menulis amalan anak Adam dan ia menjadi saksi di hari kiamat pada amalan yang dikerjakan."[4] Begitu juga dalam *Tafsīr al-Jalālyan* di mana *qarīn* di sini bermaksud malaikat yang diwakilkan bagi manusia.[5]

Kesimpulannya, lafaz *qarīn* mengandungi dua makna utama, iaitu yang **pertama**, ia bermaksud teman, sekutu, pengganggu daripada syaitan, dan **kedua**, ia bermakna malaikat pencatat amalan baik dan jahat.

QARN (قَرْن)

Lafaz *qarn* (قَرْن) adalah *ism maṣdar* daripada perkataan *qarana* (قَرَنَ), mengandungi makna tanduk pada haiwan, seratus tahun, salah satu ahli zaman, gunung,[6] umat selepas umat, waktu daripada zaman, gunung kecil, dan benteng. *Qarn al-syams* (قَرْن الشمس) bermakna pertama yang nampak daripadanya, *qarn min al-qawm* (قَرْن من القوم) bermaksud pemimpin sebuah kaum, dan daripada *al -sayf* (pedang) bermaksud mata dan ketajamannya[7] dan sebagainya.

Ia disebut sebanyak 7 kali di dalam al -Quran, iaitu dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 6, 6; *Maryam* (19), ayat 74, 98; *al-Mu'minūn* (23), ayat 31; *Sād* (38), ayat 3; *Qāf* (50), ayat 36. Al-Kafawī berkata, "*al-qarn* bermaksud masa daripada penghujung zaman, iaitu lapan puluh tahun atau penduduk satu zaman."[8] Al-Fayrūz berkata, "*qarn* adalah satu abad, berdasarkan kata-kata Rasulullah kepada seorang pemuda, "hiduplah satu *qarn* (abad)." Maka dia hidup seratus tahun dan ia juga bermakna orang sekurun atau seabad.[9] Ibn Qutaybah berkata, "*al-qarn* adalah lapan puluh tahun."[10] Abū 'Ubaydah berkata, "sebahagian ulama berpendapat paling sedikit di antara dua *qarn* adalah tiga puluh tahun."[11]

Dalam al-Quran lafaz *qarn* dikaitkan dengan *al-nās* (manusia). Muhammad Rasyīd Ridā berkata, "*al-qarn min al-nās* (القَرْن من الناس) bermaksud kaum yang wujud pada suatu zaman. Para ulama berbeza pendapat tentang tempoh bagi sebuah masa atau abad. Pendapat yang paling sederhana adalah 70 atau 80 tahun, iaitu kadar umur manusia setiap zaman."[12] Ada sebahagian ulama yang membatasi al-*qarn* dengan tempoh masyarakat sebuah kaum di dalamnya. Al-Zujāj berkata, "al-*qarn* adalah ungkapan bagi penduduk suatu zaman, terdapat di antara mereka seorang nabi, orang alim atau raja dari-

1 Al-Baydawī dalam *Majma' al-Tafāsīr* (1979), *op. cit.*, h. 431.

2 Al-Khāzin, dalam *Ibid.*

3 Al-Fayrūz Ābādī, *Tanwīr al-Miqbās* dalam *Majma' al-Tafāsīr* (1979), *Ibid.*

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 202.

5 Al-Jalālayn (t.t.), *op. cit.*, h. 678.

6 'Āyid *et al.* (t.t.), *op. cit.*, h. 983.

7 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 625.

8 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 729.

9 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 260.

10 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 150.

11 *Ibid.*

12 Ridā (t.t.), *op. cit.*, j. 7, h. 305-306.

pada raja-raja.

Pendapat ini lebih dekat dengan penggunaan lafaz itu di dalam al-Quran. Zahirnya, kaum Nūh adalah satu masa atau tempoh atau abad walaupun zamannya berpanjangan hingga seribu tahun. Kaum 'Ād adalah satu *qarn* (tempoh atau zaman), kaum Sālih adalah satu *qarn*."[1] Kesimpulannya, lafaz *qarn* dalam al-Quran membawa maksud satu tempoh atau zaman sebuah kaum yang mana mereka hidup di dalamnya.

QĀRŪN (قَارُوْن)

Al-Rāzī berkata, "*Qārūn* (قَارُوْن) adalah nama seorang lelaki yang dijadikan misal dalam kekayaannya yang tidak lagi perlu dijelaskan dan diperkenalkan."[2] Dalam Kamus *al-Munjid* dikatakan dia bernama Kurayzus, akhir raja-raja Lydia, terkenal dengan kehebatan kekayaannya.[3] Lafaz ini disebut 4 kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Qasas* (28), ayat 76, 79; *al-Ankabūt* (29), ayat 39 dan *Ghāfir* (40), ayat 24. *Qārūn* nama yang sebenarnya ialah "Munawwir", disebabkan orangnya yang kacak.[4]

Al-Nakh'i, Qatādah dan selain daripada mereka mengatakan, namanya ialah Qārun bin Yashar bin Qāhath bin Lāwā bin Ya'qūb.[5] Dia masih mempunyai hubungan keluarga dengan Nabi Mūsā bin 'Imrān, iaitu pangkat saudara sepupunya.[6] Sekiranya Nabi Mūsā itu anak 'Imrān bin Qāhath bin Lāwā bin Ya'qūb, maka *Qārūn* adalah anak Yashar bin Qāhath hingga seterusnya sampai kepada Nabi Ya'qūb.[7] Yashar bin Qāhath berkahwin dengan Samīn binti Mārīb bin Barkiyā bin Yaqsyān bin Ibrāhīm. Lalu melahirkan anak iaitu 'Imrān bin Yashar dan Qārūn bin Yashar. 'Imrān berkahwin dengan Bakhnat binti Syamuel bin Barkanā bin Baqsyān bin Barkanā, kemudian melahirkan Hārūn bin 'Imrān dan Mūsā bin 'Imrān; jadi Mūsā sebagaimana yang disebut oleh Ibn Ishāq adalah anak saudara *Qārūn*, dan *Qārūn* adalah pakciknya, iaitu saudara bapanya dari sebelah bapanya dan ibunya.[8]

Di dalam al-Quran, *Qarūn* dikurniakan oleh Allah perbendaharaan (harta yang banyak), kerana anak-anak kunci (gudangnya) sahaja kalau dipikul oleh sekumpulan orang yang kuat maka mereka berasa berat.[9] Ibn 'Abbās, Qatādah, Abī Sālih dan al-Dahhāk mengatakan seramai 40 orang yang memikul anak kuncinya yang berbadan kuat dan tegap.[10] Dia seorang individu yang sombong dan angkuh, dia menganggap dirinya begitu pandai. Diceritakan *Qārūn* memang pandai dalam ilmu kimia, kerana dia mempelajarinya daripada Nabi Mūsā. Begitu juga Yūsya' dan Kalib yang mempelajari ilmu kimia itu daripada Nabi Mūsā, tetapi Qārūn mengkhianati mereka berdua, sehingga ilmunya lebih daripada ilmu mereka berdua. Qārūn dapat menukarkan timah kepada perak, dan menukarkan tembaga kepada emas. Bahkan

1 *Ibid.*

2 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 533.

3 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 625.

4 Ahmad Sonhadji Mohammad (1997), *op. cit.*, j. 20, h. 142.

5 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 13, h. 321.

6 Ibn Jurayj, Ibrāhīm, Qatādah dan Mālik b. al-Dīnār mengatakan Qārūn adalah anak bapa saudaranya. Lihat al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 11, h. 128-129, athar no. 20999, 21001, 21002, 21003.

7 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 11, h. 128.

8 *Ibid.*

9 Mafhum ayat 76.

10 Al-Tabarī (1995), *loc. cit.*

dia juga pandai berniaga, bertani dan mengusahakan pelbagai mata pencarian sehingga menjadikannya kaya raya.[1]

Kesimpulannya di dalam al-Quran, Allah membenamkan *Qārūn* ke dalam tanah disebabkan keangkuhan dan kesombongannya serta rasa bangga kepada kaumnya dan berbuat zalim kepada mereka, lalu dia dan rumahnya ditelan oleh bumi. Begitulah apa yang dikatakan oleh Rasulullah dalam hadis Sahih yang direkodkan oleh al-Bukhārī daripada al-Zuhrī, "Ketika seorang lelaki (*Qārūn*) menghela kainnya dengan sombong, maka pada masa itu dia terbenam ke dalam bumi, dan dia bergoyang sambil berteriak hingga hari kiamat."[2]

QARYAH (قَرْيَة)

Lafaz ini adalah *ism mufrad,* jamaknya ialah *qurā* (قُرَى), ertinya kumpulan penduduk yang kecil dari sesebuah bandar.[3] Setiap tempat yang terdapat di dalamnya bangunan dan dijadikan tempat tinggal, terletak di bandar -bandar atau selainnya.[4] *Umm al-Qurā* (أم القرى) adalah Makkah, *al-qaryatayn* (القريتين) adalah Makkah dan Tā'if.[5] Ia disebut 37 kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al -Baqarah* (2), ayat 58, 259; *al-Nisā'* (4), ayat 75; *al-An'ām* (6), ayat 123; *al-A'rāf* (7), ayat 4, 82, 88, 94, 161, 163; *Yūnus* (10), ayat 98; *Yūsuf* (12), ayat 82; *al-Hijr* (15), ayat 4; *al -Nahl* (16), ayat 112; *al-Isrā'* (17), ayat 16, 58; *al-Kahf* (18), ayat 77; *al-Anbiyā'* (21), ayat 6, 11, 74, 95; *al-Haj* (22), ayat 45, 48; al-Furqān (25), ayat 40, 51; *al-Syu'arā'* (26), ayat 208; *al -Naml* (27), ayat 34, 56; *al-Qasas* (28), ayat 58; *al-Ankabūt* (29), ayat 31, 34; *Saba'* (34), ayat 34; *Yāsin* (36), ayat 13; *al-Zukhruf* (43), ayat 23; *Muhammad* (47), ayat 13, 13 dan *al-Talāq* (65), ayat 8. Lafaz *qaryah* mengandungi beberapa maksud,

- Ia bermaksud penduduk sesebuah kampung atau bandar atau negeri bersifat umum. Makna ini adalah yang majoriti yang terdapat dalam al-Quran. Contohnya dalam surah *al-A'raf* (7), ayat 4 dan 94. Allah menyatakan yang bermaksud, "*Berapa banyaknya negeri yang telah Kami binasakan, lalu Kami datangkan kepadanya seksaan Kami pada waktu malam atau sedang mereka (tidur) beristirahat siang hari.*" Al-Sābūnī berkata, "Maksud negeri (*qaryah*) dalam ayat di atas adalah penduduknya."[6] Dalam *Tafsīr al-Jalālayn, qaryah* di atas bermaksud penduduknya[7]
- Ia bermaksud negeri Palestin atau *Bayt al-Muqaddas*, sebagaimana yang terdapat dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 58, 259. Al-Suddī, al-Rabī' bin Anas, Qatādah, Abū Muslim al-Isfahānī berpendapat yang dimaksudkan dengan *qaryah* dalam ayat ini adalah *Bayt al-Muqaddas*,[8] bersandarkan kepada ayat Allah yang menceritakan tentang Nabi Mūsā yang bermaksud, "*Hai kaumku, masuklah kamu ke tanah suci (Bayt al-Muqaddas) yang telah ditetap-*

1 Ahmad Sonhadji Mohammad (1997), *op. cit.*, h. 149.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 375.

3 'Āyid *et al.* (t.t.), *op. cit.*, h. 983.

4 Anīs et al. (1962), *op. cit.*, h. 732.

5 *Ibid.*

6 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j.1, h. 436.

7 Al-Jalālayn (t.t.), *op. cit.*, h. 201.

8 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 85.

kan Allah kepada kamu dan janganlah kamu mundur ke belakang, nanti kamu kembali menjadi orang yang rugi."[1] Ibn Kathīr berkata, "Ketika mereka keluar dari *al-Tīh* selepas 40 tahun bersama Yūsya' bin Nūn dan Allah membuka ke atas mereka kehidupan yang baik dan menahan sinaran matahari pada suatu saat sehingga memungkinkan mereka untuk membukanya, dan ketika mereka dapat membukanya maka mereka diperintahkan memasuki pintu negeri itu dan sujud tanda kesyukuran di atas kemenangan dan pembukaan.[2] Dalam *Tafsir al-Misbah* dijelaskan, "Masuklah kamu ke negeri ini, iaitu *Bayt al-Muqaddas* yang dinamai oleh orang Yahudi sebagai Yerussalem lama atau masukilah ke kota Hebron dalam keadaan menang menghadapi lawan -lawanmu."[3]

- Ia dimaksudkan dengan negeri Aylah. Antaranya terdapat dalam surah *al -A'rāf* (7), ayat 163 dan *al-Kahf* (18), ayat 77. 'Ikrimah, Mujāhid, Qatādah, al-Suddī dan Abdullāh b. Kathīr berpendapat ia adalah *Aylah* iaitu negeri di antara Madyan dan Tūrsinā.[4] Dalam *al-Asās fī al-Tafsīr*, majoriti ulama berpendapat yang dimaksudkan *qaryah* pada ayat di atas adalah negeri yang berdekatan dengan laut iaitu *Aylah* yang terletak di teluk Aqabah. Orang Yahudi menamakan negeri mereka sekarang yang terletak di Teluk Aqabah dengan *Īlāt*.[5] Pada surah *al-Kahf*, dilaporkan oleh Ibn Jurayj daripada Ibn Sīrīn ia adalah Aylah. Dalam sebuah hadis dijelaskan, "Sehingga tatkala kedua-duanya sampai ke negeri yang penduduknya bakhil."[6]
- Ia bermaksud negeri Nīnawā, iaitu negeri di mana Nabi Yūnus berdakwah dan satu-satunya negeri yang semua penduduknya beriman kepada Allah, sebagaimana yang terdapat dalam surah *Yūnus* (10), ayat 98. Allah menyatakan yang bermaksud, "*Mengapakah tiada beriman penduduk negeri, lalu keimanan itu bermanfaat baginya, kecuali kamu Yunus. Tatkala mereka beriman, Kami hilangkan seksa kehinaan dari mereka waktu hidup di dunia, dan Kami senangkan mereka hingga seketika.*" Qatādah berkata, "Penduduk Yūnus terletak di Nīnawā,[7] iaitu sebuah daerah di antara daerah-daerah yang menghubungkan ibu negeri Asyur, sebuah negeri yang mengembangkan sayap kekuasaannya sampai sebahagian besar negeri-negeri Asia dan tergolong negeri yang terkaya dan terbesar di bahagian Timur ketika itu.[8]
- Penduduk Negeri Mesir, sebagaimana terdapat dalam surah *Yūsuf* (12), ayat 82. Allah menyatakan yang bermaksud, "*Tanyakanlah kepada (penduduk) negeri yang kami telah berada di dalamnya, dan kepada kafilah yang bersama -sama dengan kami. Sesungguhnya kami orang yang benar.*" Al-Qurtubī berkata, "*Al-qaryah* dalam ayat di atas bermaksud penduduk negeri Mesir."[9] Begitu juga pendapat Qatādah dan

1 Surah al-Mā'idah (5), ayat 21.

2 Ibn Kathīr (1998), *loc. cit.*

3 M. Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, j. 1, h. 198.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 237.

5 Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 4, h. 2038.

6 Ibn Kathīr (1998),*op. cit.*, j. 3, h. 93.

7 Al-Tabarī (1995), op. cit., j. 7, h. 98, athar no. 13845

8 Afif Abdullah (1989), op. cit., h. 498.

9 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 9, h. 250.

laporan daripada Ibn 'Abbās di mana ia bermaksud penduduk Mesir.[1]

- Negeri Sodum iaitu kaum Nabi Lūt yang terletak di negeri Jordan.[2] Contohnya sebagaimana yang terdapat dalam surah *al-Anbiyā'* (21), ayat 74; *al-Furqān* (25), ayat 40; dan *al-'Ankabūt* (29), ayat 31, 34. Allah menyatakan yang bermaksud, "*Dan Kami selamatkan dia dari negeri yang penduduknya mengerjakan seburuk-buruk kejahatan*". (*Al-Anbiya'* (21), ayat 74). Al-Zamakhsyarī, al-Syawkānī[3] dan al-Sābūnī[4] berkata, "Maksud *al-qaryah* dalam ayat di atas adalah penduduk Sodum."[5]
- Penduduk negeri Antākiah, contohnya terdapat pada surah *Yāsīn* (36), ayat 13. Allah menyatakan yang bermaksud, "*Dan ceritakanlah kepada mereka satu keadaan yang ajaib mengenai kisah penduduk sebuah bandar (yang tertentu), iaitu ketika mereka didatangi oleh rasul-rasul Kami.*" Dilaporkan oleh Ibn Ishāq daripada Ibn 'Abbās dan Ka'ab al-Ahbār dan Wahab b. Munabbih, ia adalah Antākiah, di mana terdapat di dalamnya raja yang dinamakan Antayakhs b. Antayakhs b. Antayakhs dan dia menyembah berhala, lalu Allah kirimkan kepada mereka tiga rasul, iaitu itu Sādiq, Sadūq, dan Syalūm, namun mereka mendustakan rasul-rasul itu. Begitu juga yang dilaporkan daripada Buraydah b. al-Khasīb, 'Ikrimah, Qatādah dan al-Zuhrī.[6] Al-Nasafī, al-Khāzin dan al-Baydāwī berpendapat demikian.[7]
- Penduduk negeri Madyan, terdapat dalam surah al-A'rāf (7), ayat 88. Ayat Allah yang bermaksud, "*Sesungguhnya kami akan mengusirmu wahai Syu'aib dan orang yang beriman kepadamu dari negeri kami ini.*" Kaum Syu'aib adalah orang Madyan, suatu perkampungan di daerah Mi'an terletak antara Syām dan Hijāz dekat danau Lut. Mereka itu keturunan Madyan b. Ibrāhīm.[8]

QĀSIYAH (قَاسِيَة)

Lafaz ini adalah *ism fā'il mufrad mu'annath* daripada kata kerja *qasā* (قَسَى), *mudhakkar*-nya *qāsin* (قَاسٍ), jamaknya *qawās* (قَوَاس), maknanya yang keras. *Ard qāsiyah* (أرض قَاسية) ertinya tanah yang tidak tumbuh di atasnya sesuatu. *Laylah qāsiyah* (ليلة قَاسية) bermakna malam yang gelap gelita.[9] Ia disebut tiga kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 13, *al-Haj* (22), ayat 53, dan *al-Zumar* (39), ayat 22. Semua lafaz dalam ayat-ayat ini dikaitkan dengan hati. Muhammad Rasyīd Ridā berkata, "Maknanya pemungkiran janji orang Yahudi dan apa sahaja yang membawa kepada maksiat dan kufur adalah berdasarkan sunah Allah dalam memberi kesan kepada amalan di dalam hati yang menyebabkan jauh daripada rahmat Allah dan

1 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 8, h. 50, athar no. 15003-15004.

2 Afifi Abdullah (1989), *op. cit.*, h. 222.

3 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 516.

4 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 269.

5 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 124.

6 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 528.

7 Al-Khāzin, al-Baydāwī dan al-Nasafī dalam *Majma' al-Tafāsīr* (1979), *op. cit.*, j. 5, h. 198.

8 Afifi Abdullah (1989), *op. cit.*, h. 313.

9 'Āyid *et al.* (t.t.), *op. cit.*, h. 986.

kemuliaannya sehingga hati menjadi keras dan tidak dapat dipengaruhi apa jua nasihat, bimbingan dan hujah. Oleh itu pengingkaran janji sudah mengotorkan hati dan merosakkan fitrah mereka sehingga sanggup membunuh para nabi."[1]

Pada surah al-Hajj, Ibn Kathīr berkata, "Maksud "*qāsiyah qulūbuhum*" (قَاسية قلوبهم) adalah orang musyrik.[2] Maksudnya, hati mereka tidak lembut untuk menerima kebenaran buat selamanya dan tidak kembali kepada yang benar dalam apa jua keadaan."[3] Dalam surah *al-Zumar* "*al-qāsiyah qulūbuhum min dhikr Allāh*" (القَاسِيَةُ قُلُوبُهُمْ مِن ذِكْرِ اللَّهِ), al -Zamaksyarī berkata, "Maknanya tidak mengingati Allah kerana hatinya keras. Al-Nasafī dan al-Khāzin berkata, "Ia bermakna meninggalkan mengingati Allah atau oleh sebab tidak mengingati Allah. Maksudnya, setiap kali disebutkan ayat-ayat Allah atau nasihat dalam mengingati Allah maka bertambahlah kekerasan hati mereka."[4] Al-Baydāwī berkata, "Oleh itu lafaz "*min dhikr Allāh*" (من ذكر الله) lebih fasih dan dalam daripada lafaz "*'an dhikr Allāh*" (عن ذكر الله), kerana ia menunjukkan benar-benar dalam keengganan dan penentangan untuk menerima daripada orang yang hatinya keras."[5] Mālik bin Dīnār berkata, "Tidak ada hukuman yang paling besar dan agung yang ditimpakan kepada seorang hamba melainkan kekerasan hati dan apabila Allah murka kepada sesuatu kaum maka akan dicabut rahmat dari hatinya."[6]

Kesimpulannya, *al-qāsiyah* (القاسية) dalam surah *al-Mā'idah* bermaksud **orang Yahudi** dan dalam surah *al-Haj* bermaksud **orang musyrik,** sedangkan dalam surah *al-Zumar* bersifat umum. Semua makna bagi lafaz ini adalah **hati yang keras dan kesat.**

QASWAH (قَسْوَة)

Lafaz ini adalah *ism maṣdar* daripada perkataan *qasā* (قَسَى), bermakna keras, bengis, dan tidak bertolak ansur kepada segala sesuatu, kekerasan hati tanpa ada belas kasihan.[7] Al-Fayrūz berkata, "Asalnya daripada *al-hajar qāsin* (الحجر القاسين), ertinya batu yang keras, dan *qaswah* (قَسْوَة) bererti kasar, keras dan kuat.[8] Ia disebut sekali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2) ayat 74. Perkataan *qaswah* digunakan bagi menyifatkan benda mahupun hati. Maknanya adalah keberadaan sesuatu dalam satu keadaan yang sama, tidak dapat berubah kepada keadaan yang berbeza daripada keadaannya yang lalu.[9] Al-Quran mengaitkan lafaz ini dengan hati dan dimisalkan seperti batu bahkan lebih daripadanya. Dalam *Kamus Dewan* keras hati mempunyai dua makna: (a). tidak mahu menurut kata orang, (sangat) degil; (b). tidak mudah berasa kecewa (terus berusaha bersungguh-sungguh).

Al-Sya'rāwī berkata, hati adalah sumber keyakinan dan keimanan, seperti juga kekufuran dan kekerasan terletak di dalam hati. Hati yang selalu mengingat Allah akan dipenuhi dengan rahmat kasih sayang dan kelembutan. Tetapi apabila hati tidak meng-

1 Ridā (t.t.), *op. cit.*, j. 6, h. 282.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 218.

3 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 573.

4 Al-Khāzin dan al-Nasafī dalam *Majma' al-Tafāsīr* (1979), j. 5, h. 308.

5 Al-Baydāwī, dalam *Ibid.*

6 Al-Khāzin, dalam *Ibid.*

7 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 735.

8 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 270.

9 M. Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, j. 1, h. 223.

ingat Allah, akan menjadi keras kerana dia berkeyakinan tidak ada dalam hatinya melainkan kehidupan dunia dan kebendaan sehingga berusaha mendapatkannya walau dengan cara apa pun dan ia tidak dicapai kecuali dengan kezaliman serta mengambil hak-hak orang lemah. Jika iman keluar dari hati maka keluar pula darinya sifat rahmat kasih sayang dan belas kasihan serta keluar keimanan dari setiap anggota tubuhnya. Allah mengumpamakan hati yang keras lebih daripada batu, kerana batu masih terdapat di dalamnya kelembutan dan belas kasihan sehingga dari celah-celahnya mengeluarkan air. Namun, jika hati menjadi keras maka tidak wujud di dalam hatinya kelunakan dan kasih sayang dan tidak pula tunduk selamanya.[1]

Demikianlah ibarat hati orang Yahudi yang menolak kebenaran, tidak sedikit pun celah di hati mereka yang dapat dijadikan pintu masuknya petunjuk, tidak juga ada ruang untuk keluarnya rahmat kasih sayang yang dianugerahkan Allah melalui naluri manusia.[2] Kesimpulannya, *qaswah* membawa maksud keras hati yang tidak menerima kebenaran atau petunjuk.

QAWĀ'ID (قَوَاعِد)

Lafaz ini berbentuk jamak, *mufrad*nya adalah *qā'idah* (قَاعِدَةٌ), ertinya perempuan yang tidak lagi datang haid dan tidak melahirkan anak, asas, dasar-dasar, tapak sebuah bangunan, perkara umum yang sesuai dengan bahagian-bahagiannya, kaedah-kaedah, tempat bertolak dan kembali kepadanya, ibu kota.[3] Al-Kafawī berkata, "Ia bermakna kedah-kaedah dan asas bagi sesuatu di bawahnya, iaitu menghimpun cabang-cabang daripada pelbagai bentuk atau perkara."[4] Dalam Kamus Dewan, ia bermaksud cara atau peraturan membuat sesuatu (terutamanya yang bersistem atau yang biasa).[5]

Ia disebut 3 kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 127, *al-Nahl* (16), ayat 26, *al-Nūr* (24), ayat 60. Lafaz *qawā'id* dalam al-Quran mengandungi beberapa makna,

- *Qawā'id* membawa maksud **dasar** atau **tapak**. Terdapat dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 127 dan surah *al-Nahl* (16), ayat 26. *Mufrad* bagi lafaz ini adalah *qā'idah* (قَاعِدَة). Ibn Qutaybah berkata, "Ia bermaksud dasar-dasar atau **tapak** Kaabah (*Bayt Allāh* - بيت الله)."[6] Ibn Kathīr berkata, "*Al-Qawā'id* (القواعد) jamak daripada *qā'idah* (قاعدة), bermakna asas dan dasar Kaabah, Allah berkata, "Ingatkanlah wahai Muhammad kepada kaummu! Tentang pembinaan Kaabah oleh Ibrāhīm dan Ismā'īl dan mereka berdua meletakkan dan mendirikan dasar-dasar baginya dan mereka berdua berkata, "Wahai Tuhan kami, terimalah amalan kami ini, sesungguhnya Allah maha mendengar lagi maha mengetahui".[7] Dalam Surah *al-Nahl*, lafaz *qawā'id* dikaitkan dengan "*Bunyān*" (bangunan). Al-Syawkānī mentafsirkan *qawā'id* dalam ayat itu dengan dasar bangunan.

1 Al-Sya'rāwī (1991), *op. cit.*, j. 1, h. 403.

2 M. Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, j. 1, h. 224

3 'Āyid *et al.* (t.t.), *op. cit.*, h. 999.

4 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 728

5 Noresah bt. Baharom *et al.* (eds.) (2002), *op. cit.*, h. 557.

6 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 63.

7 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 153, mafhum ayat 127.

Tafsirannya, "Allah mencabut dasar bangunan-bangunan mereka dengan mendatangkan angin."[1] Al-Sābūnī berkata, "Ayat ini adalah perumpamaan bagi rosaknya apa yang mereka lakukan berupa perancangan jahat kepada rasul-rasul mereka dan penghibur bagi Rasulullah[2] di mana perancangan jahat yang mereka lakukan akan kembali kepada mereka sepertimana umat-umat terdahulu."[3]

- Perempuan tua. Terdapat pada surah *al-Nūr* (24), ayat 60. Al-Tabarī berkata, "*mufrad* bagi lafaz dengan makna ini adalah *qā'id*. Ertinya perempuan-perempuan tua yang tidak lagi melahirkan anak dan tidak datang haid."[4] Ibn Jurayj berkata, "Ia bermaksud wanita-wanita yang tidak datang haid dan melahirkan anak disebabkan sudah tua."[5] Mujāhid berkata, "Ia bermaksud wanita-wanita yang tidak berkeinginan untuk menikah."[6] Ibn Zayd berkata, "Ia adalah wanita -wanita tua yang tidak berkehendakkan lelaki dan lelaki tidak lagi tertarik dengannya."[7]

1 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 194-195.

2 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 123.

3 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*

4 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 10, h. 219.

5 Ibid., athar no. 19859.

6 *Ibid.*

7 *Ibid.*, athar no. 19860. Ayat ini menceritakan tentang b - leh bagi perempuan-perempuan tua untuk menanggalkan pakaian (tudung) mereka tanpa melahirkan perhiasan (berdandan).

QAWARĪR (قَوَارِيْر)

Qawarir adalah *ism jama'*, *mufrad*nya ialah *qārūrah* (قَارُوْرَة), iaitu bejana daripada kaca yang melindungi benda cecair di dalamnya.[8] Ia juga mengandungi makna bejana yang diletakkan di dalamnya minuman, wangian dan sebagainya, biji mata diumpamakan dengan botol daripada kaca disebabkan kejernihannya dan bagi orang yang berfikir akan dapat melihat dirinya di dalamnya, wadah kurma dan sebagainya.

Lafaz ini disebut dua kali di dalam al -Quran, iaitu dalam surah *al-Naml* (27), ayat 44 dan surah *al-Insān* (76), ayat 15 dan 16. Dalam surah *al-Naml* menceritakan mengenai istana Nabi Sulaymān, Ibn Qutaybah berkata, "Di mana lantainya yang panjang dan terhampar, dibuat daripada kaca yang jernih dan dijadikan di bawahnya air dan ikan,[9] atau kolam yang di dalamnya mengalir air yang begitu jernih dan cetek, sehingga kelihatan dari atas beraneka jenis ikan dan jenis binatang laut sedang berenang-berenang di dalamnya. Istimewa pula, kolam itu dilengkapi dengan selapis kaca yang tebal dan halus, bagi orang yang tidak memperhatikan kehalusan buatannya, pasti menyangka airnya di situ terbuka tidak bertutup."[10]

Manakala dalam surah *al-Insan* berkaitan dengan bejana dan gelas-gelas, tempat minuman ahli syurga. Ibn 'Abbās berkata, "bejana-bejana yang dibuat dari perak di mana kejernihannya seperti jernihnya kaca."[11] Al-Hasan berkata, "putihnya seperti perak dan jernihnya seperti kaca."[12] Qatādah

8 'Āyid *et al.* (t.t.),, *op. cit.*, h. 978.

9 Ibn Qutaybah (1987), *op. cit.*, h. 325.

10 Ahmad Sonhadji Mohammad (1997), *op. cit.*, j. 19, h. 244.

11 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 14, h. 267, athar no. 27761.

12 Ibid., h. 268, athar no. 27765.

dan Mujāhid berkata, "bejana-bejana dan cawan-cawan dari kaca yang jernih dan diperbuat dari perak yang begitu putih."[1] Kesimpulannya, lafaz *qawārīr* bermaksud kaca yang jernih lagi halus buatannya.

QAWIYY (قَوِيّ)

Lafaz ini adalah *mubālaghah ism fā'il* daripada kata kerja *qawā* (قَوَى), jamaknya *aqwiyā'*, mengandungi makna yang mempunyai kekuatan[2] dan ia salah satu nama daripada nama-nama Allah, *al-qawiyy* daripada kalimat yang tidak ada huruf "*layyin*",[3] yang bermaksud berkemampuan, yang boleh.[4] Lafaz ini disebut 11 kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Anfāl* (8), ayat 52; *Hūd* (11), 66; *al-Haj* (22), ayat 40, 74; *al-Naml* (27), ayat 39; *al-Qasas* (28), ayat 26; *al-Ahzāb* (33), ayat 25; *Ghāfir* (40), ayat 22; *al-Syūrā* (42), ayat 19; *al-Hadīd* (57), ayat 25; dan *al-Mujādalah* (58), ayat 21.

Lafaz *al-qawiyy* di dalam al-Quran mengandungi dua makna, iaitu:

- *Al-qawiyy* adalah salah satu nama daripada nama-nama Allah, sebagaimana yang terdapat pada keseluruhan ayat yang menyebut lafaz ini kecuali dua surah, iaitu surah *al-Naml* dan *al-Qasas*. Muhammad Rasyīd Ridā berkata, "Ia bermakna *al-qadīr* (القدير) (yang berkuasa) dalam melakukan sesuatu dan yang mampu yang tidak lemah dalam menunaikan janjinya."[5] Al-Zamaksyarī mentafsirkannya dengan *al-qadīr* (yang berkuasa).[6] Al-Tabarī berkata, "Ia bermakna tidak dapat mengalahkannya oleh yang mempunyai kekuatan dan tidak dapat menghalang oleh penghalang pada ketentuannya, pasti dapat melaksanakan segala apa yang dikehendakinya dan apa yang ditetapkan kepada makhluknya.[7] Al-Baydāwī berkata, "Ia bermaksud tidak ada sesuatu kekuatan pun yang dapat menghalangnya dan mengalahkannya."[8]
- Ia bermakna yang mampu dan kuat, yang disandarkan kepada selain daripada Allah. Dalam surah al-Qasas ia disandarkan kepada Nabi Mūsā. Dalam *Safwah al-Tafāsīr*, ia bermakna orang yang kuat. Abū Hayyān berkata, "Ungkapan salah satu daripada anak perempuan Nabi Syu'ayb adalah ungkapan yang bijaksana dan sempurna kerana apabila terhimpun di antara kekuatan dan amanah dalam melaksanakan sesuatu perkara maka tercapai maksud dan matlamatnya."[9] 'Umar, Ibn 'Abbās, Syurayh al-Qādī, Abū Mālik, Qatādah, Muhammad b. Ishāq berkata, "Ketika salah seorang daripada anak perempuan Nabi Syu'ayb berkata, "Sesungguhnya sebaik-baik pekerja adalah yang kuat lagi jujur", maka bapanya berkata, "Apa yang mengajarmu tentang hal itu?" Dia berkata, "Sesungguhnya dia mengangkat batu yang tidak dapat di-

1 *Ibid.*, athar no. 27762 dan 27763.

2 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 665.

3 Anīs et al. (1962), *op. cit.*, h. 769.

4 'Āyid et al. (t.t.), *op. cit.*, h. 1018.

5 Ridā (t.t.), *op. cit.*, j. 12, h. 125.

6 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 167.

7 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 6, h. 32.

8 Al-Baydāwī, dalam *Majma' al-Tafāsīr* (1979), *op. cit.*, j. 3, h. 58.

9 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 431.

angkat oleh sepuluh orang lelaki dan ketika dia berjalan bersamaku maka dia maju ke hadapanku dan berkata kepadaku, "Jalanlah engkau di belakangku dan apabila sesat maka tunjukkanlah kepadaku jalan yang benar dengan tongkat supaya aku dapat mengetahuinya."[1]

- Dalam surah *al-Naml* ia bermaksud 'Ifrīt atau syaitan daripada bangsa jin yang sangat kuat dengan mengatakan kepada Sulaiman, "Saya sanggup membawa singgahsana Ratu Balqis dalam masa yang tidak lama, sebelum tuanku selesai menguruskan tugas kehakiman dan berdiri meninggalkan tempat duduk tuanku."[2] Dalam *Tafsīr al-Marāghī*, ia bermaksud yang mampu membawanya dan tidak lemah, sebelum berdirinya Nabi Sulaymān dari majlis *tahkim* dan sebelum tengah hari.[3]

QAWL (قَوْلٌ)

Maṣdar daripada perkataan *qāla*, jamaknya *aqwāl*. Mengandungi makna perkataan, pendapat dan penyaksian.[4] Lafaz ini diulang penyebutannya 92 kali di dalam al-Quran, iaitu:

- 52 kali dengan lafaz *al-qawl*, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 263, *Āli 'Imrān* (3), ayat 181; *al-Nisā'* (4), ayat 108, 148; *al-An'ām* (6), ayat 112; *al-A'rāf* (7), ayat 205; *al-Taubah* (9), ayat 30; *Hūd* (11), ayat 40; *al-Ra'd* (13), ayat 10, 33; *Ibrāhīm* (14), ayat 27; *al-Nahl* (16), ayat 86; *al-Isrā'* (17), ayat 16, *Maryam* (19), ayat 34, *Taha* (20), ayat 7, *al-Anbiyā'* (21), ayat 4, 27, 110, *al-Haj* (22), ayat 24, 30; *al-Mu'minūn* (23), ayat 27, 68; *al-Nūr* (24), ayat 51; *al-Naml* (27), ayat 82, 85; *al-Qasas* (28), ayat 51, 63; *al-Sajadah* (32), ayat 13; *al-Ahzab* (33), ayat 32; *Saba'* (34), ayat 31; *Yāsin* (36), ayat 7, 70; *al-Saffāt* (37), ayat 31; *al-Zumar* (39), ayat 18; *Fussilat* (41), ayat 25; *al-Ahqāf* (46), ayat 18; *Muhammad* (47), ayat 21, 30; *al-Hujurāt* (49), ayat 2; *Qāf* (50), ayat 18, 29; *al-Dhāriyāt* (51), ayat 8; *al-Mujādalah* (58), ayat 1, 2; *al-Mumtahanah* (60), ayat 4; *al-Hāqqah* (69), ayat 40, 41, 42; *al-Muddaththir* (74), ayat 25; *al-Takwīr* (81), ayat 19, 25; *al-Tāriq* (86), ayat 13.
- *Qawlan* (قَولاً), disebut 19 kali, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 59, 235; *al-Nisā'* (4), ayat 5, 8, 9, 63; *al-A'rāf* (7), ayat 162; *al-Isrā'* (17), ayat 23, 28, 40; *al-Kahf* (18), ayat 93; *Taha* (20), ayat 44, 89, 109; *al-Ahzāb* (33), ayat 32, 70; *Yāsin* (36), ayat 58; *Fussilat* (41), ayat 33; *al-Muzzammil* (73), ayat 5.
- *Qawlika* (قَوْلِكَ), disebut sekali, iaitu dalam surah *Hūd* (11), ayat 53.
- *Qawlukum* (قَوْلُكُمْ) disebut dalam surah *al-Ahzāb* (33), ayat 4; *al-Mulk* (67), ayat 13.
- *Qawlunā*, (قَوْلُنَا) disebut dalam surah *al-Nahl* (16): 40.
- *Qawluhu*, (قَوْلُهُ) disebut dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 204, *al-An'ām* (6), ayat 73.

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 360.

2 Ahmad Sonhadji Mohammad (1997), *op. cit.*, j. 19, h. 236.

3 Al-Marāghī (1974), *op. cit.*, j. 19, h. 139-141.

4 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 1015

- *Qawlihā,* (قَوْلِهَا) disebut dalam surah *al -Naml* (27), ayat 19.
- *Qawluhum,* (قَوْلُهُمْ) disebut dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 113, 118, *Āli 'Imrān* (3), ayat 147; *al-Nisā'* (4), ayat 155, 156, 157; *al-Mā'idah* (5), ayat 63; *al-Taubah* (9), ayat 30; *Yūnus* (10), ayat 65; *al-Ra'd* (13), ayat 5; *Yāsin* (36), ayat 76; *al-Munāfiqun* (63), ayat 4.
- *Qawlī,* (قَوْلِي) disebut dalam surah *Taha* (20), ayat 28, 94.

Al-Fayrūz Ābādī berpendapat *al-qawl* ialah setiap lafaz yang dikatakan dengan lisan, sama ada ianya sempurna atau pun tidak.[1] Abū al-Qāsim berkata, lafaz *al-qawl* mengandungi beberapa pengertian dan makna, iaitu:

- Ia tersusun daripada huruf-huruf yang dijelaskan oleh perkataan, sama ada ada satu perkataan atau berbentuk *jumlah.* Satu lafaz daripada *ism,* kata kerja dan *harf* dinamakan al-*qawl,* sebagaimana qasidah dan khutbah dinamakan *al-qawl.*
- Gambaran di dalam diri sebelum ditunjukkan dengan lafaz dinamakan *al-qawl,* sebagaimana ayat Allah yang bermaksud, "*Mereka berkata di dalam hati mereka, Mengapa Allah tidak menyeksa kita kerana perkataan kita itu?*"[2]
- Ia bermakna sebuah iktikad dan pendapat, seperti ungkapan engkau, (Al-Syāfi'ī rahimahullāh berkata).
- Ia digunakan bagi penjagaan yang benar pada sesuatu; seperti perkataanmu, fulan berkata begini.
- Ia digunakan untuk makna ilham; seperti ayat Allah yang bermaksud, "*Kami berkata, Hai Zulkarnain, sama ada engkau seksa kaum yang kafir itu atau engkau perlihatkan kepada mereka kebaikan*".[3]
- Ia bukan sekadar perkataan, tetapi diiringi dengan iktikad dan perbuatan, sebagaimana Allah menyatakan yang bermaksud, "*Dan berilah berita gembira kepada orang yang sabar, iaitu apabila mereka ditimpa musibah, mereka berkata, bahawa sesungguhnya kita kepunyaan Allah dan kita akan kembali kepadanya*".[4]

Lafaz *al-qawl* di dalam al-Quran mencakupi berbagai makna, mengikut nisbahnya pada sesuatu lafaz, iaitu:

- *Haqqa al-qawl,* Allah menyatakaan dalam surah Yāsin (36) ayat 7, (لَقَدْ حَقَّ ٱلْقَوْلُ عَلَىٰٓ أَكْثَرِهِمْ فَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ), maknanya pemberitahuan Allah kepada mereka dan hukumannya ke atas mereka[5] atau disebut juga dengan kalimah ancaman yang datang daripada Allah.[6]
- *Qawl al-haqq* (حق القول) yang bermaksud Nabi Īsā, Allah menyatakan dalam surah *Maryam* (19), ayat 34,

  (ذَٰلِكَ عِيسَى ٱبْنُ مَرْيَمَ ۚ قَوْلَ ٱلْحَقِّ ٱلَّذِى فِيهِ يَمْتَرُونَ)

  Ia dinamakan *qawl al-haqq* sebagai peringatan pada apa yang Allah nyatakan yang bermaksud, "*Sesungguhnya (umpama) kejadian Isa di sisi Allah, seperti (kejadian) Adam, Allah jadikan dia dari tanah, kemudian Allah ber-*

1 Al-Fayrūz Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 303

2 Surah al-Mujādalah (58), ayat 8.

3 Surah *al-Kahf* (18), ayat 86.

4 Surah *al-Baqarah* (2), ayat 155-156

5 Al-Fayrūz Ābādī (1986), *op. cit.*, h. 304

6 *Majma` al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 439

kata kepadanya: Jadilah engkau maka ia menjadi".[1] Begitu juga ia dinamakan *al-qawl* seperti penamaannya dengan lafaz.[2]

- *Qawl mukhtalif* (قَوْلٌ مُخْتَلِف) , maksudnya adalah perkara hari kebangkitan,[3] sebagaimana maksud daripada surah *al-Dhāriyāt* (51), ayat 8, (إِنَّكُمْ لَفِي قَوْلٍ مُخْتَلِفٍ). Dalam *Mu'jam Alfāz al -Qur`ān*, ia juga bermaksud pendapat -pendapat yang bertentangan tentang hari kebangkitan.[4]
- Ia bermaksud al-Quran,[5] sepertimana pentafsiran Allah dalam surah *al -Qasas* (28), ayat 51, (وَلَقَدْ وَصَّلْنَا لَهُمُ ٱلْقَوْلَ) *(Sesungguhnya telah Kami perhubungkan (ulang-ulang) perkataan kepada mereka)*, dan dalam surah *al-Zumar*, ayat 17-18, (فَبَشِّرْ عِبَادِ ٱلَّذِينَ يَسْتَمِعُونَ ٱلْقَوْلَ فَيَ). (Maka berilah berita gembira kepada hamba-hambaku, yang mendengar perkataan).
- *Qawl balīgh* (قَوْلٌ بليغ), maksudnya perintah untuk membimbing dan mengingati mereka.[6] Sepertimana terdapat dalam surah *al-Nisā`* (4), ayat 63, iaitu Allah menyatakan, (وَ قُل لَّهُمْ فِيٓ أَنفُسِهِمْ قَوْلا بَلِيغًا)
- *Qawl sadīd* (قَوْلٌ سَدِيد), terdapat dalam surah *al-Ahzab* (33), ayat 70, Allah menyatakan, (يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَقُولُواْ قَوْلا سَدِيدًا). *Qawl sadīd* bermaksud l -faz tauhid.[7]
- *Qawl ma'rūf* (قَوْلٌ مَعْرُوف) Terdapat dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 263, Allah menyatakan, (قَوْلٌ مَّعْرُوفٌ وَمَغْفِرَةٌ خَيْرٌ مِّن صَدَقَةٍ يَتْبَعُهَآ أَذًى). Al-Qurtubī m -ngatakan; *qawl ma'rūf* bermaksud doa, berlemah lembut kepada orang lain dan mengharap apa yang ada di sisi Allah. Rasulullah berkata, "perkataan yang baik adalah sedekah, dan yang termasuk dalam kebaikan adalah engku berwajah manis ketika berjumpa dengan saudaramu".[8]
- Ia dinisbahkan kepada orang Yahudi atau perkataan orang Yahudi. Allah menyatakan, (لَقَدْ سَمِعَ ٱللَّهُ قَوْلَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓاْ إِنَّ ٱللَّهَ فَقِيرٌ وَ نَحْنُ أَغْنِيَآءُ). Maksudnya, "*Sesungguhnya Kami telah mendengar perkataan orang-orang yang berkata: Sesungguhnya Allah miskin dan kami orang kaya*". Dilaporkan oleh Sa'īd bin Jubayr daripada Ibn 'Abbās, tatkala Allah menyatakan,[9] (مَّن ذَا ٱلَّذِى يُقْرِضُ ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا) turun, orang Yahudi berkata, Wahai Muhammad, adalah Tuhanmu fakir sehingga meminta hambanya untuk memberikan pinjaman? Maka turunlah ayat di atas.[10]
- *Al-Jahr bi al-sū` min al-qawl* (الجهل بالسوء من القول). Terdapat dalam surah *al-Nisā`* (4), 148, Allah menyatakan, (لَّا يُحِبُّ ٱللَّهُ ٱلْجَهْرَ بِٱلسُّوٓءِ مِنَ ٱلْقَوْلِ إِلَّا مَن ظُلِمَ). Ibn Abī Talhah melaporkan daripada Ibn 'Abbās, beliau mengatakan maksud ayat di atas, "Allah tidak suka orang yang mendoakan ke atas seseorang kecuali dalam keadaan dizalimi, kerana hal itu dikecualikan baginya di mana boleh mendoakan ke atas seseorang

1 Surah Āli 'Imrān (3), ayat 59

2 Al-Fayrūz Ābādī (1986), *op. cit.*, h. 305

3 *Ibid.*

4 *Majma` al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 441

5 *Ibid.*

6 *Ibid.*

7 *Ibid.*

8 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 3, h. 309

9 Al-Baqarah (2,) ayat 245

10 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 382

yang menzaliminya. Jika ia bersabar maka ia adalah kebaikan baginya.[1]

- *Zukhruf al-qawl* (زُخْرُفَ الْقَوْلِ). Terdapat dalam surah *al-An'ām* (6) ayat 112, Allah menyatakan,(يُوحِي بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ زُخْرُفَ الْقَوْلِ غُرُورًا). Ibn 'Abbās, al -Suddī, 'Ikrimah, Mujāhid berkata, *zukhruf al-qawl* bermaksud perkataan yang dihiasi dengan kebatilan supaya mereka diikuti dalam fitnah mereka. Sepertimana syaitan menghiasi Adam apa yang datang daripadanya dan bersumpah ia termasuk dalam golongan pemberi nasihat.[2]
- *Bi zāhir min al-qawl* (بظاهر من القَوْل). Dalam surah *al-Ra'd* (13), ayat 33, Allah menyatakan, (أَمْ تُنَبِّئُونَهُ بِمَا لَا يَعْلَمُ فِي الْأَرْضِ أَمْ بِظَاهِرٍ مِنَ الْقَوْلِ). Muhammad 'Alī al-Sābūnī mentafsirkan "*bi zāhir min al-qawl*" dengan "Mereka menamakan sekutu-sekutu mereka berdasarkan sangkaan yang batil lagi rosak yang tiada hakikat baginya, disebabkan kejahilan yang teramat dan ia adalah khayalan akal semata."[3]
- *Al-qawl al-thabit* (القَوْل الثابت). Surah *Ibrāhīm* (14), ayat 27, Allah menyatakan, (يُثَبِّتُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ). Ia bermaksud hujah yang terang, iaitu lafaz yang baik.[4] Dalam hadis Sahih dinyatakan ia adalah lafaz syahādah. Ada yang berpendapat makna penetapan Allah kepada mereka adalah supaya mereka kekal di atas perkataan yang tetap.[5]
- *Al-Tayyib min al-qawl* (الطَّيِّب مِنَ القَوْل), sepertimana dalam surah *al-Haj* (22), ayat 24, Allah menyatakan, (وَهُدُوا إِلَى الطَّيِّبِ مِنَ الْقَوْلِ). Dilaporkan Ibn al -Mundhir dan Ibn Abī Hātim daripada Ismā'īl bin Abī, katanya, *al-tayyib min al-qawl* bermaksud al-Quran.[6] Ibn Abī Hātim daripada Ibn Zayd, beliau berkata, *lā llāha lllā Allāh, wa Allāh akbar, wa al-hamd* (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ وَالْحَمْدُ) adalah perkataan yang baik.[7] Di dalam *Tafsir Al-Jalālayn* disebut perkataan yang baik pada ayat itu adalah *lā ilāha illā Allāh* (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ).[8]
- *Lahn al-qawl* (لحن القَوْل), sebagaimana terdapat dalam surah *Muhammad* (47), ayat 30. Allah menyatakan, (وَلَتَعْرِفَنَّهُمْ فِي لَحْنِ الْقَوْلِ). Ibn Qutaybah berkata, *lahn al-qawl* bermaksud perkataan mereka dan maknanya (yang tersirat).[9] Al-Yazīdī berkata, *Fulān 'al-hanu bi hujjatih* bermaksud dia cerdik menggunakan hujahnya.[10] Tafsirannya, Wahai Muhammad! Hendaklah engkau mengetahui bahawa orang munafik daripada percakapan mereka dan gaya bahasanya, tatkala mereka mengemukakan sesuatu perkataan, zahirnya kelihatan menunjukkan keimanan sedangkan batinnya adalah kekufuran.[11]
- *Munkar min al-qawl* (مُنْكَر مِنَ القَوْل), terdapat dalam surah *al-Mujādalah* (58), ayat 2, Allah menyatakan, (وَإِنَّهُمْ لَيَقُولُونَ مُنْكَرًا مِنَ الْقَوْلِ). *Munkar min al-qawl* bermaksud mengingkari ke-

1 *Ibid.*, h. 508

2 Al-Tabarī (1998), *op. cit.*, j. 5, h. 8-9, athar no. 10722-10726

3 Muhammad 'Alī al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 84

4 Adapun lafaz yang baik atau lafaz tayyibah sudah dijelaskan pembahasannya pada lafaz "Lafaz".

5 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 131

6 *Ibid.*, h. 553

7 *Ibid.*

8 Al-Jalālayn (t.t), *op. cit.*, h. 431

9 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h.411

10 Al-Yazīdī (1985), *op. cit.*, h. 339-349

11 Muhammad 'Alī al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 213

benaran dan hukum-hukum syarak. Ibn Kathīr berkata, adapun keadaan yang ada pada kamu pada masa jahiliah, begitu juga keadaannya apa yang keluar dari mulut, sedangkan yang berkata tidak bermaksud demikian. Sebagaimana yang dilaporkan Abū Dāwūd, Rasulullah mendengar seorang lelaki berkata kepada isterinya; wahai saudara perempuanku, maka beliau berkata, "Adakah ia saudara perempuanmu?" ini adalah kemungkaran, tetapi ia tidak diharamkan ke atasnya dengan perkataan itu kerana ia tidak bermaksud demikian. Namun, jika ia bermaksud demikian maka ia diharamkan ke atasnya kerana ia tidak ada bezanya antara ibu dan antara yang lainnya daripada seluruh mahram daripada saudara, bapa saudara, emak saudara dan selainnya.[1] Kesimpulannya, *munkar min al-qawl* pada ayat di atas bermaksud **perkataan zihar.**

- *Qawl karīm* (قول كريم), *al-Isrā'* (17), ayat 23. Allah menyatakan, (وَقُل لَّهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا). Ibn Kathīr berkata, ia bermakna perkataan yang lemah lembut, baik berasaskan adab dan penghormatan.[2]
- *Qawlan maysūran* (قولا ميسورا), terdapat dalam surah *al-Isrā'* (17), ayat 28. Allah menyatakan, (فَقُل لَّهُمْ قَوْلًا مَّيْسُورًا). Mujāhid, 'Ikrimah, Sa'īd bin Jubayr, al-Hasan dan Qatādah berpendapat, *qawlan maysūrā* adalah janji.[3] Tafsirannya, jika saudara-saudaramu datang untuk meminta diberikan sesuatu sedang kamu tidak memiliki sesuatu apa pun, maka berjanjilah kepada mereka janji dengan mudah dan lemah lembut, iaitu dengan berkata, jika datang rezeki Allah maka *isyā'allāh* kami akan menghubungi kamu.[4]
- *Qawlan 'azīman* (قَوْلًا عَظِيمًا), *al-Isrā'* (17), ayat 40. Dalam *Mu'jam Alfāz al-Qur'ān*, *qawlan 'azīman* maknanya perkataan yang jauh daripada kebenaran, iaitu perkataan mereka yang menisbahkan anak-anak kepada Allah.[5] Perbahasan ini dijelaskan pada perbahasan lafaz *'azīm*.
- *Qawlan thaqīlan* (قَوْلًا ثَقِيلًا), terdapat dalam surah *al-Muzzammil* (73), ayat 5. Allah menyatakan, (إِنَّا سَنُلْقِي عَلَيْكَ قَوْلًا ثَقِيلًا). *Thaqīl* bererti berat dan al-Suddī mengatakan ia bererti mulia. Ada yang berpendapat, *qawlan thaqīlā* adalah al-Quran, maksudnya Kami akan mewahyukan kepadamu al-Quran. Qatādah berkata, Demi Allah! *Thaqīl* adalah kewajipan-kewajipan dan batasan-batasannya. Mujāhid berpendapat perkara-perkara yang halal dan haram. Al-Hasan berpendapat beramal dengannya. Ibn Zayd berkata, Demi Allah ia berat dan berkat, sebagaimana ia berat di dunia dan ia juga akan memberatkan timbangan di hari kiamat.[6]
- *Qawlan layyinan* (قَوْلًا لَّيِّنًا), terdapat dalam surah *Taha* (20), ayat 44. Allah menyatakan, (فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا). Dilaporkan daripada Ibn Abī Hātim daripada 'Alī berkenaan ayat "*qawlan layyinā*" dimana ia bermaksud perkataan per-

1 Sa'īd Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 10, h. 5782

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 34

3 *Ibid.*, h. 36

4 *Ibid.*

5 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1971), *op. cit.*, j. 2, h. 441

6 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 19, h. 38-39

umpamaan (*kinayah*).[1] Wahab bin Munabbah berkata, "Katakanlah engkau berdua kepadanya, Aku lebih dekat kepada kemaafan dan keampunan berbanding marah dan menghukum.[2] 'Amrū bin 'Ubayd daripada al-Hasan al-Basrī, "Katakanlah engkau berdua kepadanya, Sesungguhnya engkau memiliki Tuhan dan tempat kembali, dan sesungguhnya di sisimu neraka dan syurga.[3] Ibn Kathīr berkata, kesimpulan daripada pendapat-pendapat mereka, dakwah mereka berdua (Nabi Musa dan Nabi Harun) terbina di atas perkataan yang lemah lembut, halus, mudah dan menunjukkan kasih sayang. Hal itu akan menjadi lebih terkesan di dalam jiwa dan lebih mantap,[4] sepertimana ayat Allah yang bermaksud, "*Serulah (manusia) ke jalan (agama) Tuhanmu dengan kebijaksanaan dan pengajaran yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan (jalan) yang baik*".[5]

- *Qawl rasūl karīm* (قَوْلَ رَسُولٍ كَرِيمٍ), sebagaimana terdapat dalam surah *al-Hāqqah* (69), ayat 40. Allah menyatakan, (إِنَّهُۥ لَقَوْلُ رَسُولٍ كَرِيمٍ) Ibn Jarīr berkata, ia bermaksud sesungguhnya al-Quran ini benar-benar perkataan seorang rasul yang mulia, iaitu Muhammad yang dibacakan kepada mereka.[6] Al-Sābūnī mentafsirkan, sesungguhnya al-Quran ini adalah ayat Allah yang dibaca oleh seorang rasul yang mulia iaitu Muhammad.[7] Al-Qurtubī berkata, rasul pada ayat itu adalah Muhammad dan *al-qawl* dinisbahkan kepadanya kerana beliau adalah pembaca dan penyampainya daripada Allah.[8]
- *Al-Jahr min al-qawl* (الجَهْلِ مِنَ الْقَوْلِ), terdapat dalam surah *al-Anbiyā'* (21), ayat 110. Allah menyatakan, (إِنَّهُۥ يَعْلَمُ ٱلْجَهْرَ مِنَ ٱلْقَوْلِ). Ibn Kathīr mengatakan, *al-jahr min al-qawl* bermaksud perkataan yang ditonjolkan oleh seorang hamba. Tafsirannya, Allah mengetahui keseluruhan yang dilakukan oleh manusia sama ada yang tersembunyi mahupun yang jelas terang.[9] Kesimpulannya, makna *qawl* di dalam al-Quran mencakupi perkataan sama ada perkataan manusia atau Allah, baik atau jauh daripada kebenaran, yang tersembunyi atau yang terang, yang diucapkan oleh mulut atau yang tersembunyi di dalam dada, pendapat, ancaman dan sebagainya.

QAWSAYN (قَوْسَيْنِ)

Lafaz ini dalam bentuk *muthannā, mufrad* -nya *qaws* (قَوْسٌ) yang mengandungi makna alat memanah (busur), lengan bawah (*dhirā'*),[10] Sagitarius,[11] dua tanda kurungan ().[12]

1 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 454

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 146

3 *Ibid.*

4 *Ibid.*

5 Surah al-Nahl (16), ayat 125

6 Ibn Jarīr al-Tabarī (1998), *op. cit.*, j. 14, h. 81.

7 Muhammad 'Alī al-Sabūnī (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 438

8 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 18, h. 263

9 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 192

10 Dari siku hingga hujung jari, disebut juga dengan hasta (ukuran panjang lebih kurang 18 inci). Lihat Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 445.

11 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 766.

12 'Āyid *et al.* (t.t.), *op. cit.*, h. 1013.

Qaws quzah bererti pelangi, *qaws al-qasr* (قوس القصر) ertinya ***gapura*** yang dihiasi dengan lampu tanda kemenangan.[1] Ia disebut hanya sekali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Najm* (53), ayat 9. Al-Syawkānī berkata, "*qawsayn* (قَوْسَين) adalah *dhirā'ayn* (ذراعين) (dua lengan bawah) dan *al-dhirā'* (الذراع) adalah alat bagi mengukur segala sesuatu.[2] Al-Kisā'ī berkata, "*qawsayn* bermaksud *qaws wāhidah* (قوس واحد) (satu *dhirā'*) (satu lengan bawah).[3] Ibn Qutaybah berkata, "Ia bermaksud kadar dua *dhira'* (dua hasta), kerana Nabi Muhammad berkata, "kadar satu *dhirā'* salah seorang kamu daripada syurga lebih baik baginya daripada dunia dan apa yang ada di dalamnya."[4] Begitu juga dengan pendapat Qatādah dan Mujāhid di mana *qawsayn* bermaksud kadar dua *dhirā'* atau satu *dhirā'*.[5] Bagi maksud ayat ini:

- Dilaporkan oleh 'Abdullāh berkata, "Nabi Muhammad berkata, "Aku melihat Jibrail yang mempunyai 600 sayap."[6]
- Mujāhid berkata, "Ia bermakna kedekatan Allah dari Jibrail kadar dua *dhira'*.[7]
- Ibn Kathīr mentafsirkan ayat ini, "Jibrail mendekati Muhammad ketika turun ke bumi sehingga di antaranya dan Nabi Muhammad kadar dua *dhirā'*.[8]

Kesimpulannya, *qawsayn* bermaksud dua *dhira'* (lengan bawah, atau hasta), maknanya Jibril mendekati Nabi Muhammad sehingga dua *dhirā'*.

QAYYŪM (قَيُّوْمٌ)

Lafaz ini adalah *mubālaghah ism fā'il* daripada perkataan *qāma* (قَامَ). Ertinya yang melakukan dan menjaga segala sesuatu. Salah satu nama daripada nama-nama Allah,[9] iaitu yang berdiri dengan sendirinya dan penjaga segala sesuatu.[10] Ia disebut tiga kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 255, *Āli 'Imrān* (3), ayat 2, dan *Tāha* (20), ayat 111. Al-Kafawī berkata, ayat "*al-qayyūm* bermaksud yang berdiri lagi kekal dan tidak fana."[11] Al-Fayrūz berkata, "*al-qayyūm* (القيوم) adalah kesempurnaan ketuhanan dan kekuasaan atau yang berdiri dan penjaga segala sesuatu, pemberi segala kebaikan."[12] Al-Zamakhsyarī berkata, "*al-qayyūm* adalah yang kekal berdiri dengan mentadbir seluruh makhluk dan menjaganya."[13] Dalam *Tafsir al-Misbah* dijelaskan, "*al-qayyūm* bermakna yang terus menerus menguruskan makhluknya."[14] Al-Sya'rāwī berkata, "*qayyūm*" adalah sifat superlatif (*mubālaghah*) daripada "*al-qā'im*", makna asalnya secara bahasa adalah yang melakukan perkara rumahnya, yang menunaikan tanggungjawab kepemimpinannya, yang mengerjakan perkara sekolahnya, jadi makna "*qā'im 'alā*

1 *Ibid.*
2 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 132.
3 *Ibid.*
4 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 428.
5 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 13, h. 60-61, athar no. 25113 – 25115.
6 *Ibid.*, athar no. 25117.
7 *Ibid.*, h. 62.
8 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 223.
9 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 768.
10 'Āyid et al. (t.t.), *op. cit.*, h. 1017.
11 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, 732.
12 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 309.
13 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 295.
14 M. Quraish Syihab (2000), *op. cit.*, j. 1, h. 512.

amrihā" (قَامَ عَلَى أَمْرِهَا) dia yang menguruskan segala urusan-urusannya, seakan-akan *qiyām* adalah tanda kemuliaan. Jadi *qayyūm* mempunyai makna lebih luas dari *qiyām*, kerana *qā'im* kadang-kala berdiri dengan yang lainnya. Namun, apabila ia berdiri dengan sendirinya dan yang berdiri dan menguruskan mengambil daripadanya maka Dia berdiri di atas segala individu iaitu Allah. Allah berdiri dengan zatnya dan berdiri di atas yang lainnya, sedang yang lainnya walau berdiri tetapi ia mengambil daripadanya dan bukti ia berdiri dengan sendiri adalah ayat Allah, "لَا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ" (Dia tidak dapat dikalahkan oleh mengantuk dan tidur).[1]

Kesimpulannya, *al-qayyūm* bermaksud salah satu nama daripada nama-nama Allah yang baik, maknanya Dia berdiri sendiri dengan zatnya dan mentadbir segala urusan -urusan makhluknya.

QIBLAH (قِبْلَةٌ)

Lafaz ini adalah *ism maṣdar* daripada lafaz *qabala* (قَبَلَ), al-Fayrūz berkata, "Pada asalnya *al-qiblah* (قِبْلَةٌ) adalah suatu keadaan di mana orang yang menghadap akan mengarah kepadanya, kemudian ia menjadi nama tempat yang dihadapkan kepadanya ketika sembahyang."[2] Ia juga mengandungi makna arah dan setiap apa yang dihadapkan kepadanya sesuatu.[3] Al-Kafawī berkata, "*Al-qiblah* dari segi bahasa bermakna arah dan dari segi istilah mengerjakan sembahyang ke arahnya yang menghadap ke arah Kaabah."[4]

Lafaz ini disebut empat kali di dalam al -Quran, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 143, 144, 145, *Yūnus* (10), ayat 87 dan 3 kali dengan menggunakan *damir "ka"* dalam surah *al-Baqarah*, ayat 145 dan *"hum"* dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 142 dan 145. Lafaz *qiblah* dalam al-Quran mengandungi dua makna iaitu Kaabah dan *Bayt al-Muqaddas*. Dalam *Tafsīr al-Manār,* lafaz *qiblah* dalam surah *al-Baqarah* (2), 143 bermaksud *Bayt al-Muqaddas* (بَيْت المُقَدَّس), pentafsirannya, "Kami tidak menjadikan kiblat kamu yang terdahulu hingga sekarang lalu Kami perintahkan engkau berpindah kiblat ke Kaabah kecuali mahu melihat orang, Mukmin yang kekal dalam keimanan mereka dan orang yang tidak teguh keimanannya dan Rasulullah mengetahui orang yang kembali kepada kekufuran mereka."[5]

Al-qiblah bermaksud Kaabah sebagaimana yang terdapat dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 144. Al-Syawkānī berkata, "Tiada perselisihan di mana arah yang diredai dan diperintahkan bagi menghadap ke arah *Masjid al-Harām* adalah Kaabah. Lafaz "*Wa mā anta bi tābi'i qiblatahum*" (وَمَآ أَنتَ بِتَابِعٍ قِبْلَتَهُمْ) adalah pemberitahuan yang m -ngandungi makna larangan daripada Allah kepada rasulnya, iaitu "Janganlah engkau wahai Muhammad mengikuti kiblat mereka."[6] Manakala ayat yang berbunyi, "*Wa mā ba'-duhum bi tābi'in qiblata ba'din*" (وَمَا بَعْضُهُم بِتَابِعٍ قِبْلَةَ بَعْضٍ) mengisyaratkan orang Nasrani tidak mengikuti kiblat orang Yahudi, sebagaimana orang Yahudi tidak mengikuti kiblat orang Nasrani, kerana wujud di antara mereka permusuhan dan jurang perselisihan yang dalam

1 Al-Sya'rāwī (1991), *op. cit.*, j. 2, h. 1096-1097.

2 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 236.

3 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 607.

4 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 729.

5 Ridā (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 7.

6 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 193.

biarpun semuanya daripada Banī Isrā'īl."[1] Al-Zamakhsyarī berkata, "Itu kerana kiblat orang Yahudi adalah *Bayt al-Muqaddas* dan kiblat orang Nasrani adalah terbitnya matahari."[2]

Dalam surah Yūnus, *al-qiblah* dihubungkan dengan "*buyūt*" (rumah-rumah), tentang tafsirannya 'Ikrimah, Mujāhid melaporkan daripada Ibn 'Abbās, beliau berkata, "Jadikanlah rumah-rumah kamu sebagai masjid untuk kamu beribadah di dalamnya, di mana pada waktu itu kamu berasa takut dan diperintahkan kamu untuk beribadah di rumah-rumah kamu."[3] Al-Suddī melaporkan daripada Abī Mālik, orang Banī Isrā'īl takut kepada Fir'aun, lalu mereka diperintahkan supaya rumah-rumah mereka dijadikan masjid untuk mendirikan sembahyang di dalamnya.[4] Ibn Kathīr berkata, "Ketika Banī Isrā'īl takut dibunuh oleh Fir'aun di dalam gereja mereka maka diperintahkan supaya dijadikan rumah-rumah mereka masjid sebagai tempat sembahyang secara sembunyi dengan menghadap Kaabah, sebagaimana pendapat Qatādah dan al-Dahhāk.[5] Kesimpulannya, lafaz *qiblah* bermaksud Kaabah, *Bayt al-Muqaddas* dan tempat sembahyang (masjid).

QINTĀR (قِنْطَار)

Lafaz ini dalam bentuk *mufrad*, jamaknya adalah *qanātīr* (قَنَاطِير) mengandungi erti sukatan atau ukuran yang timbangannya atau beratnya berbeza mengikut tempat dan zaman, iaitu lebih kurang 100 *ritl* di Mesir dan 100 kg di Tunisia, harta yang banyak,[6] atau lebih kurang 100 kati.[7] Ia disebut dua kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 75 dan surah *al-Nisā'* (4), ayat 20. Para ulama berbeza pendapat mengenai makna *qintār*:

- Mu'ādh bin Jabl, Ibn 'Umar, 'Āsim bin Abī al-Najwad, Abī Hurayrah dan 'Ubay b. Ka'ab berpendapat *qintār* adalah 1200 dirham,[8] berdasarkan hadis Ubay b. Ka'ab, katanya, Rasulullah berkata, "al-*qintār* adalah 1200 dirham".[9]
- Al-Hasan, Ibn 'Abbās dan al-Dahhāk berpendapat *al-qintār* adalah harta yang banyak daripada emas dan perak, iaitu 1200 dinar dan 1200 seberat perak.[10]
- Ibn 'Abbās, al-Hasan, Qatādah, al-Dahhāk berpendapat *al-qintār* adalah 12.000 dirham atau 1000 dinar.[11] Abī Hurayrah berkata, "Rasulullah berkata, "*al-qintār* adalah 12.000 dirham dan setiap dirham lebih baik daripada apa yang ada antara langit dan bumi."[12]
- Sa'īd bin al-Musayyab, Qatādah, Abī Sālih, al-Suddī berpendapat *al-qintār* sebanyak 80.000 dirham atau 100 ritl daripada emas dan 80,000 dirham dari

1 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 1, h. 103.

2 Al-Zamkhsyarī (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 202.

3 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 7, h. 199, athar no. 13770-13774.

4 Ibid., h. 200.

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 398.

6 'Āyid *et al.* (t.t.), *op. cit.*, h. 1010.

7 *Ahmad Warson Munawwir (1997), op. cit.*, h. 1162. Dalam Kamus Dewan kati bermaksud ukuran berat yang sama dengan 16 tahil. Lihat Noresah bt. Baharom et al. (eds.) (2002), *op. cit.*, h. 586.

8 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 271.

9 Hadis dilaporkan juga oleh Abī Hurayrah daripada Nabi Muhammad. Lihat Ibn Mājah dalam *Kitab Adab*, Bab 1.

10 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 272.

11 *Ibid.*

12 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 308.

pada perak.[1]

- Ada yang berpendapat ia sebanyak 70.000, iaitu pendapat Mujāhid dan satu laporan daripada Ibn 'Umar.[2]
- Al-Rabī' b. Anas berpendapat *al-qintār* bermaksud harta yang banyak.

Kesimpulannya, al-Tabarī berkata, "yang benar adalah *al-qintār* membawa maksud harta yang banyak, tidak ada batasan kadar ukuran dan timbangannya yang tertentu."[3]

QIRADAH (قِرَدَةٌ)

Lafaz ini adalah *ism* dalam bentuk jamak, *mufrad*nya ialah *qird* (قِرْدٌ), ertinya kera.[4] Dalam kamus *al-Munjid* ia bermakna haiwan yang cepat faham dan belajar, kebanyakan orang menggunakan lafaz *al-qird* bagi maksud syaitan.[5] Lafaz ini disebut tiga kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 65, *al-Mā'idah* (5), ayat 60, *al-A'rāf* (7), ayat 166. Lafaz ini berkenaan dengan orang Yahudi yang melanggar larangan Allah supaya tidak menangkap ikan pada hari Sabtu. Namun, ada di antara mereka melanggarnya dengan cara yang licik, iaitu dengan memerangkap ikan dengan cara menggali kolam, sehingga air bersama ikan masuk ke kolam itu. Peristiwa ini terjadi di salah satu desa kota Aylah, yang kini dikenal dengan Teluk Aqabah. Selepas hari Sabtu berlalu, mereka menangkapnya.[6] Allah murka kepada mereka, maka Allah menyatakan kepada mereka, "Jadilah kamu kera yang hina lagi terkutuk".[7] Tidak jelas, apakah bentuk rupa mereka yang diubah menjadi kera atau hati dan fikiran mereka sahaja. Al-Fayrūz berkata, "Rupa mereka dijadikan seperti rupa kera, ada yang mengatakan tingkah laku mereka seperti tingkah laku kera walaupun rupa mereka tidak seperti kera."[8] Mujāhid berkata, "Hati mereka diubah seperti hati kera dan bukan bentuk mereka diubah seperti bentuknya,[9] sepertimana perumpamaan Allah "Seperti keldai yang memikul kitab".[10] Qatādah berkata, "Mereka menjadi kera yang mempunyai ekor selepas mereka dalam keadaan manusia biasa lelaki dan perempuan."[11] Al-Sya'rāwī berkata, "Sebahagian mufassir mengatakan perubahan itu sempurna sedangkan mereka tidak mengetahui. Ketika mereka mengetahui rupa sebenar, mereka tidak makan dan minum sehingga mereka mati.

Beberapa ulama mengatakan manusia apabila diubah (*al-maskh/* المسخ) ia tidak mempunyai keturunan, kerana Allah menyatakan, "*Tiadalah orang berdosa akan memikul dosa orang lain*".[12] Perkara yang diubah adalah sebahagian mereka yang melanggar larangan itu dan bukan keseluruhannya. Kemungkinan juga mereka yang melanggar diubah akhlak mereka seperti kera dan ia adalah haiwan yang selalu terlihat auratnya, kerana auratnya memiliki warna yang menonjol dan berbeza dengan seluruh warna

1 Ibid, h. 273.
2 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, h. 273.
3 *Ibid.*, h. 274.
4 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 724.
5 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 619.
6 M. Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, j. 1, h. 212.
7 Al-Baqarah (2), ayat 65 dan al-A'raf (7), ayat 166.
8 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 257.
9 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 91.
10 Al-Jumu'ah (62), ayat 5.
11 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, h. 92.
12 Al-An'ām (6), ayat 164.

kulitnya. Di sisi lain, kera harus disebat bagi mengikuti perintah dan tidak beradab kecuali dengan sebatan itu.

Demikian laporan orang Yahudi yang dikecam oleh al-Quran. Mereka tidak tunduk dan taat kecuali selepas dijatuhkan balasan atau diingatkan dengan ancaman. Oleh yang demikian, Allah memberikan gambaran kepada manusia tentang sifat-sifat Yahudi, seakan-akan mereka diubah, sama ada dari sudut rupa mahupun sifat.[1] Kesimpulannya, lafaz *qiradah* (قِرَدَة) bermaksud kera dan ianya disandarkan kepada orang Yahudi yang melanggar larangan Allah.

QIRTĀS (قِرْطَاسٌ)

Lafaz ini adalah *ism* daripada perkataan *qartasa* (قَرْطَسَ), jamaknya *qarātīs* (قَرَاطِيسُ), yang mengandungi makna lembaran (صحيفة) (*sahīfah*) yang ditulis di dalamnya, daun yang dilipat untuk meletakkan sesuatu di dalamnya.[2] Al-Kafawī berkata, "Tidak dikatakan *qirtās* melainkan jika tertulis di atasnya."[3] Al-Fayrūz berkata, "*qirtās* bermakna *al-kāghad* (kertas) yang ditulis di dalamnya."[4] Ia disebut sekali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 7. Ibn 'Abbās berkata, "Jika Kami turunkan dari langit *sahīfah* (lembaran) bagi sebuah kitab yang dapat mereka pegang dengan tangan mereka, pasti mereka akan menambahkan pembohongan mereka."[5] Al-Suddī dan Qatādah berkata, "*fī qirtās* maknanya di dalam *suhuf* (lebaran-lembaran kertas)."[6] Muhammad Rasyīd Ridā berkata, "Hakikatnya, sebab pembohongan mereka pada kebenaran adalah keingkaran pada ayat-ayat dan menutupi diri mereka untuk berfikir dan bertafakkur, padahal tanda-tanda kewujudan Allah dan kebesarannya adalah banyak, sama ada di alam semesta mahupun di dalam diri manusia, biarpun apabila diturunkan kepada mereka sebuah kitab dari langit yang berbentuk lembaran-lembaran, di mana mereka dapat melihatnya dan memegangnya ketika ia turun dari langit yang menjelaskan tentang kebenaran yang dibawa oleh para rasul bagi mentauhidkan (Allah). Maka ianya menambah pembohongan dan keingkaran mereka dan mereka akan berkata ini adalah sihir yang nyata."[7] Kesimpulannya, *qirtās* bermaksud lembaran atau kertas yang ditulis di dalamnya ayat-ayat ataupun wahyu Allah.

QISĀS (قِصَاصٌ)

Lafaz ini adalah *maṣdar* daripada kata kerja *qassa* (قَصَّ), ertinya mengenakan hukuman kepada penjenayah, seperti jiwa dihukum dengan jiwa dan sebagainya, kesalahan jenayah, hukuman, pembalasan yang sepadan pada sesuatu kelakuan yang diperbuat.[8] Dalam Kamus Dewan makna *qisas* ialah pembalasan dan hukum *qisas* bermakna hukuman

1 Al-Sya'rāwī (1991), *op. cit.*, j. 1, h. 384-385.

2 'Āyid et al. (t.t.), *op. cit.*, h. 980.

3 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 737.

4 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 257.

5 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 5, h. 201, athar no. 10186.

6 *Ibid.*, athar no. 10187.

7 Ridā (t.t.), *op. cit.*, j. 7, h. 310-311; al-Tabarī (1995), *op. cit.*, h. 200.

8 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 740; Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 1126; 'Āyid *et al.* (t.t.), *op. cit.*, h. 991.

bunuh sebagai pembalasan.[1] Lafaz *qisas* disebut 4 kali dalam di al-Quran, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 178, 179, 194 dan *al-Mā'idah* (5), ayat 45.

Al-Qisās di dalam al-Quran bermakna persamaan, maksudnya persamaan **hukuman** dengan perbuatan jenayah. Imam Syafie menegaskan perlunya persamaan penuh antara **agresi** yang mereka lakukan dengan pembalasan yang patut mereka dapatkan. Persamaan penuh itu bukan sahaja difahami daripada perintah Allah melakukan pembalasan dengan menamainya agresi supaya sesuai dengan agresi mereka, tetapi juga daripada penambahan huruf (ب) *ba'* yang dibaca *bi* (بِ) pada kata (بمثله) *bi mithlih*.[2] Beliau berpendapat cara pembalasan dalam pembunuhan, demikian juga alatnya, harus sepenuhnya sama dengan cara dan alat pembunuhan yang dilakukan oleh penjenayah.[3] Al-Sya'rāwī berkata, "Ketika hukuman disyariatkan oleh Allah, ianya disyariatkan bukan diharapkan untuk terjadi, tetapi ia disyariatkan bagi mencegah. Tatkala dilaksanakan hukum qisas kepada pembunuh, maknanya manusia menjaga seluruh individu masyarakat tentang berlakunya di antara mereka seorang pembunuh yang tidak menghormati kehidupan orang lain.

Pada masa yang sama, manusia juga akan menjaga *jinayah* itu sendiri; kerana ia akan berfikir 1000 kali untuk melakukan pembunuhan itu. Jadi, qisas kepada pembunuh adalah pengajaran bagi yang lainnya dan penjagaan bagi seluruh individu masyarakat. Oleh itu, Allah menyatakan, (وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حَيَاةٌ) (*Sesungguhnya di dalam qisas terdapat kelangsungan hidup*).[4] Ini kerana, setiap individu berlaku ke atasnya qisas dan setiap individu baginya qisas.[5] Kesimpulannya, makna qisas adalah hukuman kepada penjenayah dan ia harus dilakukan dengan persamaan **hukuman.**

QISSĪSĪN (قِسِّيسِينَ)

Lafaz ini dalam bentuk jamak, mufradnya *qissīs* (قِسِّيس), ertinya pemimpin daripada kalangan pemimpin dalam agama Nasrani, yang cerdik, yang alim,[6] pendeta atau paderi.[7] Ia disebut sekali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 82.[8] Al-Kafawī berkata, "*al-qissīs* adalah pemimpin Nasrani dalam bidang ilmu dan dia berada di antara *al-Asqaf* (Uskup) iaitu paderi agung dan al -Syammāsy (**Koster**)."[9] Dalam *Tafsīr al-Manār* dijelaskan *al-qissisīsīn* (القِسِّيسين) adalah para

1 Noresah bt. Baharom *et al.* (eds.) (2002), *op. cit.*, h. 1081.

2 Allah menyatakan yang bermaksud, "Bulan haram dengan bulan haram, dan pada sesuatu yang patut dihormati berlaku hukum qisas. Oleh sebab itu, barang siapa yang menyerang kamu, maka seranglah ia, seimbang dengan serangannya kepada kamu. (*al-Baqarah* (2), ayat 194)

3 M. Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, j. 1, h. 369 dan 396.

4 Al-Baqarah (2), ayat 179.

5 Al-Sya'rāwī (1991), *op. cit.*, j. 2, h. 752-753

6 Anīs et al. (1962), *op. cit.*, h. 734.

7 Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 1117.

8 Sa'īd b. Jubayr, al-Suddī dan selain mereka berkata, "Turunnya ayat ini adalah kepada delegasi al-Najāsyī kepada Nabi Muhammad untuk mereka mendengar tutur katanya dan melihat sifat-sifatnya. Ketika mereka sedang melihatnya, beliau membaca kepada mereka ayat-ayat al-Quran, lalu mereka pun masuk Islam, menangis dan tunduk. Kemudian mereka kembali kepada al-Najāsyī dan mengkhabarkan perkataan itu." Al-Suddī berkata, "Selepas itu, al-Najāsyi mahu berjumpa Nabi tetapi meninggal dunia di dalam perjalanannya, dan Nabi menyembahyangkannya dan mengkhabarkan kepada sahabat-sahabatnya untuk menyembahyangkannya serta memberitakan bahawa dia meninggal di bumi Habsyah." Ibn Kathīr (1998), op. cit., j. 2, h. 80.

9 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 250 dan 478. Paderi (Uskup) adalah pemimpin tertinggi di dalam agama Kristian, kemudian Pendeta atau Paderi dan yang paling bawah Koster iaitu penjaga gereja.

ulama yang menguruskan pengajaran dan pendidikan agama.[1] Ibn Kathīr berkata, "*al-qissīsīn* (القِسِّيسين) bermaksud ulama-ulama Kristian yang berpidato di hadapan mereka."[2] Al-Syawkānī berkata, "*al-qisisīsīn* bermaksud orang alim atau pemimpin agama Kristian di dalam bidang dan ilmu." Menurut beliau, *al-qissīsīn* di dalam al-Quran membawa maksud pengikut bagi ulama dan orang abid, sama ada *a'jam* yang bercampur dengan orang Arab atau orang Arab tulen.[3]

Kesimpulannya, lafaz *qissīsīn* membawa maksud **ulama orang Nasrani** yang berkhutbah di hadapan mereka atau dikenali juga dengan **Pendeta** atau **Pastor**.

QISTĀS (قِسْطَاس)[4]

Lafaz ini mengandungi maksud timbangan yang bersih dan adil.[5] Al-Kafawī berkata, "*al-qistās* (القِسْطَاس) kadangkala diguna pakai bagi mengetahui kadar atau jumlah dan kadangkala digunakan bagi mengawal dan menjaga daripada penambahan atau pengurangan."[6] Ia disebut dua kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Isrā'* (17), ayat 35 dan *al-Syu'arā'* (26), ayat 182. Ulama berbeza pendapat tentang makna *Qistās*:

- Al-Yazīdī mengatakan makna *qistās* adalah *al-'adl* (العدل) (keadilan).[7] Begitu juga dengan pendapat Mujāhid, beliau berkata, ia adalah bahasa Roma[8]
- Ibn Qutaybah berpendapat makna *qistās* adalah *al-mīzān* (الميزان) (timbangan) dan ia adalah bahasa Roma.[9]
- Al-Hasan berkata, "Ia bermakna *qubbān* (قُبَّان) (dacing)."[10]
- Ada juga yang memberikannya makna timbangan sama ada kecil atau besar.[11]
- Al-Zujjāj berpendapat, ia bermaksud timbangan yang adil atau timbangan daripada timbangan-timbangan dirham dan sebagainya.[12]

Tafsirannya, timbanglah dengan timbangan yang adil lagi jujur,[13] tidak ada di dalamnya kesamaran dan penipuan.[14] Kesimpulannya, *al-qistās* bermakna **dacing** atau **timbangan yang adil.**

QITĀL (قِتَالٌ)

Lafaz ini adalah *ism maṣdar* daripada kata kerja *qātala* (قَتَلَ). Ia mengandungi makna peperangan, permusuhan, pertempuran

1 Ridā (t.t.), *op. cit.*, j. 7, h. 7.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 81.

3 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 85.

4 Terdapat dua *qiraat* pada lafaz ini. Ibn Kathīr, Nāfi', Abī 'Amrū, Ibn 'Āmir, Abī Bakr daripada 'Āsim membacanya dengan Qustās. Sedangkan Hamzah, al-Kisā'ī, Hafsah daripada 'Āsim membacanya dengan Qistās. Al-Farrā' berkata, "Kedua-duanya adalah dua bahasa atau dua qiraat yang masyhur dan boleh dibaca." Al-Sayyid Ahmad Saqr dalam *kitab Ibn Qutaybah*.

5 Anīs et al. (1962), *op. cit.*, h. 734.

6 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 733.

7 Al-Yazīdī (1985), *op. cit.*, h. 215.

8 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 9, h. 108, athar no. 16834.

9 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 254.

10 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, h. 108, athar no. 16833. Dalam Kamus Dewan dacing adalah alat penimbang (yang terdiri daripada batang yang berskala atau bersenggat, batu penimbang serta tempat meletak barang. Noresah bt. Baharom *et al.* (eds.) (2002), *op. cit.*, h. 258.

11 *Ibid.*

12 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 281.

13 *Ibid*, j. 11, h. 131.

14 *Ibid*, h. 108.

dan sebagainya.[1] Ia disebut 13 kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 216, 217, 217, 246, 246; Ali 'Imran (3), ayat 121, 167; *al-Nisā'* (4), ayat 77, 77; *al -Anfāl* (8), ayat 16, 65; *al-Ahzāb* (33), ayat 25; *Muhammad* (47), ayat 20. Lafaz *qitāl* yang terdapat dalam surah-surah di atas adalah perintah yang berkaitan dengan orang Mukmin sebagaimana terdapat dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 216, 217; *Ali 'Imrān* (3), ayat 121; *al-Anfāl* (8), ayat 16, 65; *al-Ahzāb* (33); atau berkaitan dengan orang munafik dan orang yang enggan berperang sebagaimana dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 167; *al-Nisā'*, ayat 77; *Muhammad* (47), ayat 20; atau berkaitan dengan orang Yahudi (Banī Isrā`īl), sebagaimana terdapat dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 246.

Berperang yang berkaitan dengan orang Mukmin adalah perintah dan gesaan, iaitu perintah bagi memerangi orang musyrik dan pertanyaan mereka tentang berperang pada bulan-bulan haram. Al-Tabarī berkata, "telah diwajibkan ke atasmu memerangi orang musyrik."[2] Muhammad Rasyīd Ridā berkata, "Surah *al-Baqarah* (2), ayat 216 adalah ayat pertama yang mewajibkan berperang iaitu pada tahun kedua daripada Hijrah. Berperang dilarang sebelumnya, lalu diizinkan berperang selepas hijrah berdasarkan ayat Allah dalam surah *al-Haj* (22), ayat 39, lalu diwajibkan pada tahun ini."[3] Kemudian ia tidak diwajibkan kepada keseluruhannya apabila wujud orang yang mewakilinya seperti sembahyang jenazah dan sebagainya.[4] Hal ini berdasarkan ayat Allah dalam surah *al-Nisā'* (4), ayat 95. Manakala dalam surah Āli 'Imrān, ayat 121, berperang atau *al-qitāl* di sini bermaksud Perang Uhud. Tafsirannya, "Ingatlah wahai Muhammad ketika engkau keluar ke Uhud dari rumahmu dan orang Mukmin juga turun memerangi musuh mereka."[5]

Apabila turun ayat-ayat yang mengandungi perintah untuk berperang, maka orang munafik akan melihatmu (wahai Rasulullah) dengan mata terbeliak seakan -akan mati menimpa mereka disebabkan takut menyelubungi perasaan mereka dan disebabkan kecenderungan mereka kepada kekufuran.[6] Hal ini dijelaskan dalam surah *Āli 'Imrān*, 167 di mana ketika hari bertemunya dua pasukan, orang Mukmin mengajak mereka berperang, mereka berkata, "Sekiranya kami mengetahui akan terjadi peperangan tentulah kami mengikuti kamu." Jawapan ini menunjukkan sempurnanya kemunafikan mereka, kerana maksud sebenar daripada jawapan mereka itu adalah sebuah olokan dan sendaan[7] serta permainan kata-kata yang tidak bersumber dari hati, kerana hati mereka lebih dekat kepada kekufuran. Manakala dalam surah *al-Nisā'* (4), Sa'īd Hawwā berkata, "Muslim Makkah pada permulaan Islam diperintahkan bersembahyang, berzakat, meninggalkan perang dan sebagainya. Ketika mereka diperintahkan memerangi orang musyrik selepas mereka berada di Madinah, maka sebahagian mereka gentar dan takut." Al-Syaikh Abū Mansūr berkata, "Ketakutan mereka adalah tabiat semula jadi manusia biasa dan bukan kerana mereka benci hukum

1 'Āyid, et al. (t.t.), *op. cit.*, h. 967; Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 1091.

2 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 468.

3 Ridā (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 312.

4 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 469.

5 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 1, h. 227.

6 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 46.

7 Al-Marāghī (1974), op. cit., j. 4, h. 128. Dilaporkan ayat ini diturunkan kepada 'Abdullāh b. Ubay b. Salūl dan pengikut-pengikutnya yang keluar dari Madinah bersama Rasulullah dalam jumlah 1000 orang, lalu mereka kembali dan bilangannya 300 orang bertujuan memalukan orang Islam dan menjerumuskan mereka dalam kegagalan.

Allah dan perintahnya secara iktikad kerana ayat berikutnya menggambarkan mereka bertanya tentang hikmah dalam kewajipan berperang dan bukan menolak hukumnya. Terbukti dalam saranan mereka supaya ianya ditangguhkan kerana suka kepada dunia, menjauhi diri daripada pertumpahan darah serta menjadikan anak-anak, yatim piatu dan isteri-isteri menjadi janda."[1]

Ketakutan orang munafik dan mereka berpaling daripada peperangan adalah seperti ketakutan orang Yahudi dan mereka berpaling daripada peperangan ketika diajak berperang. Hal ini tergambar dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 246. Ibn Kathīr berkata, "Banī Isrā`īl meminta mengirimkan seorang raja yang memimpin mereka untuk memerangi musuh dan ketika seorang nabi berkata kepada mereka, "adakah mereka akan berperang bersamanya jika peperangan diwajibkan?" Mereka berkata, "ya," kerana musuh mereka menjajah negeri mereka dan membunuh anak-anak mereka. Ketika perang diwajibkan, kebanyakan mereka tidak menepati janji yang diucapkan bahkan berpaling daripada jihad.[2] Kesimpulannya, *al -qitāl* di dalam al-Quran membawa maksud **berperang** di jalan Allah melawan musuh.

QITMĪR (قِطْمِير)

Lafaz ini bermaksud kulit nipis pada buah-,[3] ia digunakan bagi menyebut sesuatu yang edikit dan hina.[4] Ia disebut sekali di dalam al -Quran, iaitu dalam surah *Fātir* (35) ayat 13. Para ulama memberikan makna yang berbeza bagi lafaz *qitmīr* (قِطْمِير) ini:

- Al-Rāzī,[5] al-Zamakhsyarī,[6] al -Syawkānī,[7] dan kebanyakan ulama tafsir dan bahasa berpendapat *qitmīr* bermakna kulit nipis pada buah, dan ia sebagai penutup bagi buah.
- Ibn 'Abbās dan al-Mubarrid berpendapat, *qitmīr* adalah tunas biji buah.[8]
- Qatādah berpendapat *qitmīr* bermaksud sesuatu yang berada di sekeliling kepala biji buah atau di sekitar tangkai buah.[9]
- Al-Jawharī berpendapat, ia bermaksud titik putih yang ada di dalam biji buah dan darinya tumbuh kurma.[10]

Para mufassir memberi perumpamaan *qitmīr* adalah sesuatu yang hina dan sedikit. Kelemahan berhala dan keadaannya yang hina serta tidak bermaya melakukan sesuatu apa pun dimisalkan dengan tidak memiliki walau sebesar benang dan sekadar kulit nipis pada buah. Tafsirannya, bagi yang menyembah selain daripada Allah berupa berhala dan patung, sesungguhnya ia tidak memiliki sesuatu apa pun walau berkadar kulit nipis pada buah.[11]

1 Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 2, h. 1129-1130.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 264.

3 Anīs et al. (1962), *op. cit.*, h. 747; al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 543.

4 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 285; 'Āyid *et al.* (t.t.), *op. cit.*, h. 998.

5 Al-Rāzī (1987), *loc. cit.*

6 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 587.

7 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, . 3, h. 429.

8 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 14, h. 324.

9 *Ibid.*

10 *Ibid.*

11 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 570.

QIYĀM (قِيَامٌ)

Lafaz ini adalah *maṣdar* daripada kata kerja *qāma* (قَامَ), ertinya sesuatu yang dengannya menguruskan perkara manusia dan memperbaiki keadaannya, [1] hal menguruskan perkara.[2] *Qiyām al-sā'ah* (قيام الساعة) maknanya hari kebangkitan, *qiyām min al-nawm* (قيام من النوم) bererti hal bangun tidur, *qiyām min al-qabr* bermakna hal bangkit dari kubur, *qiyām bi al-wājib* (قيام بالواجب) bermaksud menunaikan kewajipan.[3] Al-Kafawī berkata, "*qiyām al-amr* (قيام الأمر) adalah sesuatu yang dengannya berdiri sesuatu perkara dan ia adalah jamak daripada *qā'im* dan *maṣdar.*" [4]

Lafaz ini disebut tujuh kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 191; *al-Nisā'* (4), ayat 5, 103; *al-Furqān* (25), ayat 64; *al-Zumar* (39), ayat 68; *al-Dhāriyāt* (51), ayat 45. Lafaz ini mengandungi beberapa makna:

- Ia bermakna berkeadaan berdiri atau yang berdiri, sebagaimana terdapat dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 191; *al-Nisā'* (4), ayat 103; *al-Furqān* (25), ayat 64; *al-Zumar* (39), ayat 68 dan *al-Dhāriyāt* (51), ayat 45. Contohnya dalam surah *al-Zumar,* para mufassir mentafsirkannya dengan orang yang berdiri iaitu pada kalimat "*fa idhāhum qiyām yandhurūn*"(فَإِذَا هُمْ قِيَامٌ يَنْظُرُونَ).[5] Al-Qurtubī mentafsirkan lafaz ini dengan, "di mana penduduk bumi yang mati dan langit hidup kembali, dibangkitkan dari kubur mereka, dikembalikan anggota tubuh dan roh mereka, lalu mereka berdiri menunggu apa yang akan diperintahkan."[6] Al-Syawkānī berkata, "Makhluk sekalian berdiri di atas kedua-dua kaki mereka menunggu apa yang akan dikatakan kepada mereka atau menunggu apa yang akan dilakukan kepada mereka."[7] Manakala ia bermaksud dalam keadaan berdiri. Sebagai contoh, dalam surah *Āli 'Imrān*, ayat Allah yang bermaksud, "*(Iaitu) orang-orang yang mengingat Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadaan berbaring*".
- Ia bermaksud asas kehidupan, sebagaimana yang terdapat dalam surah *al-Nisā'* (4), ayat 5. Al-Tabarī berkata, "Asal makna *al-qiyām* adalah *al-qawām*, dikatakan "*fulān qawwām ahl baytih*" sinonim dengan lafaz "*fulān qiyām ahl baytih*" maksudnya fulan tonggak keluarganya,[8] iaitu yang bertanggungjawab dalam menyara keluarganya. Abī Mālik mentafsirkannya "ia (harta) itu menjadi tanggungjawab kamu dalam menguruskannya selepas Allah."[9] Al-Suddī mentafsirkannya "Sesungguhnya harta adalah asas manusia dan asas kehidupan mereka."[10] Begitu juga dengan pentafsiran al-Hasan dan Mujāhid di mana Qiyām bermaksud asas kehidupan.[11]
- Pusat mencari penghidupan, sebagaimana yang terdapat dalam surah *al-Mā'idah* (5). Al-Zamakhsyarī

1 'Āyid *et al.* (t.t.), *op. cit.*, h. 1016.

2 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 768.

3 'Āyid *et al.* (t.t.), *loc. cit.*; Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 1174.

4 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 731.

5 Maksudnya, "maka mereka berdiri sambil menunggu", iaitu pada tiupan yang kedua yang dinamakan tiupan kebangkitan dan penghidupan. Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 88.

6 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 15, h. 269.

7 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 594.

8 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 331.

9 *Ibid.*, h. 332, athar no. 6816.

10 *Ibid.*, athar no. 6817.

11 *Ibid.*, athar no. 6819-6820.

mentafsirkannya, "*bayt al-harām* (بيت الحرام)adalah penghidupan mereka dari aspek perkara dunia dan akhirat serta mencari keperluan-keperluan atau maksud mereka di dalam kehidupan, kerana di dalamnya menunaikan haji, umrah dan perniagaan mereka bahkan segala keperluan yang bermanfaat bagi mereka."[1] Dalam *Tafsīr al-Manār*, Allah menjadikan *bayt al-harām* sebagai sumber bagi manusia yang tinggal di sekelilingnya dan orang yang mengerjakan haji atau sebab mencari kemaslahatan dan keperluan mereka, iaitu dengan membesarkannya di dalam hati dan menariknya supaya cinta kepadanya, menjauhi permusuhan ke atas penduduk di sekelilingnya dan yang menunaikan haji serta ia menuntun mereka supaya mencari rezeki di dalamnya.[2]

QIYĀMAH (قِيَامَةٌ)

Lafaz ini adalah *maṣdar* daripada kata kerja *qāma* (قَامَ), ertinya keadaan menguruskan sesuatu perkara, atau harta, atau tanggungjawab, dan *yawm al-qiyāmah* (يوم القيامة) bermaksud hari dibangkitkan seluruh makhluk bagi dihisab,[3] menghidupkan daripada mati.[4] Lafaz ini diulang sebanyak 70 kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 85, 113, 174, 212; *Āli 'Imrān* (3), ayat 55, 77, 161, 180, 185, 194; *al-Nisā'* (4), ayat 87. 109, 141, 159; *al-Mā'idah* (5), ayat 14, 36, 64; *al-An'ām* (6), ayat 12; *al-A'rāf* (7), ayat 32, 167, 172; *Yūnus* (10), ayat 60, 93; *Hūd* (11), ayat 60, 98, 99; *al-Nahl* (16), ayat 25, 27, 92, 124; *al-Isrā'* (17), ayat 13, 58, 62, 97; *al-Kahf* (18), ayat 105; *Maryam* (19), ayat 95; *Tāha* (20), ayat 100, 101, 124; *al-Anbiyā'* (21), ayat 47; *al-Haj* (22), ayat 9, 17, 69; *al-Mu'minūn* (23), ayat 47; *al-Furqān* (25), ayat 69; *al-Qasas* (28), ayat 41, 42, 61, 71, 72; *al-Ankabūt* (29), ayat 13, 25; *al-Sajadah* (32), ayat 25; *Fātir* (35), ayat 14; *al-Zumar* (39), ayat 15, 24, 31, 47, 60, 67; *Fussilat* (41), ayat 40; *al-Syūrā* (42), ayat 45; *al-Jāthiyah* (45), ayat 17, 26; *al-Ahqāf* (46), ayat 5; *al-Mujādalah* (58), ayat 7; *al-Mumtahanah* (60), ayat 3; *al-Qalam* (68), ayat 39 dan *al-Qiyāmah* (75), ayat 1, 6.

Dalam al-Quran lafaz *al-qiyāmah* (القيامة) dikaitkan dengan *yaum* atau *yawm al-qiyāmah* (يوم القيامة), iaitu hari akhirat tempat penghisaban dan pembalasan semua amalan sama ada baik atau jahat. Ia juga adalah salah satu nama surah, iaitu surah yang ke- 75. Surah ini adalah surah Makkiyah, diturunkan selepas surah *al-Qāri'ah*, terdiri dari 40 ayat. Hubungan surah ini dengan surah sebelumnya di mana pada akhir surah *al-Muddaththir* menceritakan tentang orang kafir yang tidak takut hari akhirat serta tidak mempercayai wujudnya hari kebangkitan, sedangkan pada ayat ini mengisyaratkan tentang kepastian berlakunya hari kebangkitan dan dibentangkan di dalamnya sifat-sifat hari kiamat dan keadaan yang sebenar. Sebelum itu diceritakan berkenaan dengan keluarnya roh dari badan, lalu dikembalikan sebagaimana permulaan penciptaannya.[5]

Sa'īd Hawwā berkata, "Surah ini terdiri daripada mukadimah yang dimulai dengan dua ayat iaitu ayat 1-2, dan terdiri daripada

1 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 667.

2 Ridā (t.t.), *op. cit.*, j. 7, h. 117.

3 'Āyid et al. (t.t.), *op. cit.*, h. 1016.

4 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 663.

5 Al-Marāghī (1974), *op. cit.*, j. 29, h. 144.

dua perenggan yang setiap daripada kedua -duanya dimulai dengan lafaz *"ayahsabu"* (أَيَحْسَبُ), iaitu perenggan pertama dimulai daripada ayat 3-35 dan perenggan kedua dimulai daripada ayat 36-40. Maksudnya kedua-dua perenggan itu menunjukkan dua sangkaan dan dugaan orang kafir di mana pada perenggan pertama mereka menduga tidak akan dihidupkan kembali selepas mati dan perenggan kedua mereka menduga mereka akan dibiarkan begitu sahaja tanpa dibebani tanggungjawab. Kedua-duanya berkaitan dengan hari akhirat.[1]

Hamka berkata, "melalui ayat ini, Allah memperingatkan tentang hidup manusia itu sendiri, akan melalui pelbagai gelombang hidup. Sejak dari *nutfah* sehingga menjadi insan yang hidup di muka bumi dan sehingga datangnya maut yang tidak dapat dielakkan. Ia menerangkan, manusia itu tidak didatangkan Tuhan ke dunia ini hanya semata-mata datang, bahkan ditunjukkan pula kepadanya jalan yang mana mesti ditempuh supaya dia selamat, kerana hidup pasti disudahi dengan kematian dan perjalanan bukanlah semata -mata hingga mati sahaja. Di sebalik mati ada lagi sambungan hidup, iaitu hari kebangkitan, hari kiamat."[2]

QUDDUS (قُدُّوسٌ)

Lafaz ini adalah *mubālaghah ism fā'il* daripada *qudus* (قُدُّسٌ) dalam bentuk *wazan "fu'ūl"*,[3] ertinya yang suci dan bersih daripada segala kekurangan, ia adalah salah satu nama daripada nama-nama Allah.[4] Ia disebut dua kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al -Hasyr* (59), ayat 23, *al-Jumu'ah* (62), ayat 1. Al-Zamaksyarī berkata, "begitu suci daripada segala keburukan, dan sinonimnya adalah *al-subbūh*."[5] Al-Syawkānī mentafsirkannya dengan "yang suci daripada segala keaiban dan kecacatan serta bersih daripada segala kekurangan."[6] Wahhab bin Munabbih berkata, "Ia bermakna *al-tāhir* (الطاهر) (yang suci)."[7] Mujāhid dan Qatādah kedua-duanya berpendapat lafaz *quddūs* bermaksud *al -mubārak* (المبارك) (yang diberkati).[8] Ibn Jurayj berkata, "Ia bermakna para malaikat yang mulia menyucikannya."[9] Ibn Kathīr berkata, "yang suci daripada segala kekurangan dan bersifat dengan sifat kesempurnaan."[10] Kesimpulannya, *quddūs* adalah salah satu nama daripada nama-nama Allah yang bermaksud **yang maha suci.**

QUDUS (قُدُسٌ)

Lafaz *qudus* (قُدُسٌ) adalah *ism maṣdar* daripada kata kerja *qadasa* (قَدَسَ), mengandungi makna keberkatan, syurga, Yerussalem, tempat ibadat orang Yahudi yang dimasuki oleh para pendeta setahun sekali,[11] bersih dan berkat, *Bayt al-Muqaddas* (روح المقدس) iaitu

1 Hawwā (1997), *op. cit.*, j. 11, h. 6260.

2 Hamka (1984), *op. cit.*, j. 29, h. 235.

3 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 524.

4 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 719, Ahmad Warson Munawwir (1997), op. cit., h. 1097.

5 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 497.

6 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 256-257.

7 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 309.

8 *Ibid.*

9 *Ibid.*

10 *Ibid.*, h. 327.

11 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 612; Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 719.

ibu kota Palestin yang dibuka oleh Salman al -Farisi pada tahun 17H/ 638M pada zaman Khalifah 'Umar, kemudian direbut oleh tentera Salib pada tahun 583H/1099M, lalu dimerdekakan oleh Salāh al-Dīn pada tahun 583H/1187M, dan sekarang berada di tangan orang Israel yang berusaha menjadikannya Ibu kota mereka.[1] *Rūh al-qudus* (روح القُدُس) membawa maksud malaikat Jibrail dan mengikut agama Kristian adalah tiga tuhan, iaitu tuhan ibu, bapa dan anak.[2]

Lafaz *qudus* disebut empat kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 87, 253; *al-Mā'idah* (5), ayat 110; *al-Nahl* (16), ayat 102. Keseluruhan lafaz *qudus* dikaitkan dengan "*rūh*" atau *rūh al-qudus,* yang membawa maksud malaikat Jibrail. Hal ini ditafsirkan oleh majoriti ulama. Qatādah, al-Suddī, al-Dahhāk dan al-Rabī' mengatakan *rūh al-qudus* adalah Jibrail.[3] Begitu juga yang terdapat dalam *Tafsīr al-Jalālayn* dan *Tafsīr al-Misbāh* di mana ia bermaksud Jibril.[4] Al-Nuhhās berkata, "Jibrail dinamakan *ruh* (روح) dan disandarkan kepadanya *al-quds* (القدس) kerana Allah menciptakan baginya roh tanpa dari peranakan ibu dan bapa. Begitu juga 'Īsā dinamakan roh kerana hal itu."[5] Dilaporkan oleh Ghālib b. 'Abdullāh daripada Mujāhid dan laporan daripada al -Hasan di mana *al-quds* adalah Allah sedangkan rohnya adalah Jibrail.[6]

Ulama berbeza pendapat mengenai pandangan di atas. Dilaporkan oleh Rawq daripada al-Dahhāk daripada Ibn 'Abbās, beliau berkata, "*rūh al-qudus* (رُوحُ ٱلْقُدُسِ) adalah nama yang dengannya 'Īsā dapat menghidupkan orang mati."[7] Ibn Zayd berkata, "ia bermaksud Allah mengukuhkan kenabian 'Īsā dengan Injīl yang mempunyai roh, sebagaimana Dia menjadikan al-Qur'ān roh dan kedua-duanya adalah roh Allah.[8] Kesimpulannya, lafaz *rūh al-qudus* bermaksud Jibrail sebagaimana pendapat yang dikemukakan oleh al-Qurtubī dan al-Tabarī.[9]

QULŪB (قُلُوْبٌ)

Lafaz ini adalah dalam bentuk jamak daripada *qalb* (قَلْبٌ). Perkataan *qulūb* disebut 112 kali di dalam al-Quran, iaitu:

- Dalam bentuk *qulūb* قُلُوْبٌ disebut dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 151; *al-A'rāf* (7), ayat 101, 179; *al-Anfāl* (8), ayat 12; *al-Taubah* (9), ayat 117; *Yūnus* (10), ayat 74; *al-Ra'd* (13), ayat 28; *al-Hijr* (15), ayat 12; *al-Haj* (22), ayat 32, 46, 46; *al-Nūr* (24), ayat 37; *al -Syu'arā'* (26), ayat 200; *al-Rūm* (30), ayat 59; *al-Ahzāb* (33), ayat 10; *al -Zumar* (39), ayat 45; *Ghāfir* (40), ayat 18; *Muhammad* (47), ayat 24; *al-Fath* (48), ayat 4; *al-Hadīd* (57), ayat 27; *al -Nāzi'āt* (79), ayat 8.
- Dalam bentuk *qulūbukumā,* قُلُوْبُكُمَا disebut dalam surah *al-Tahrīm* (66), ayat [4].
- Dalam bentuk *qulūbukum,* قُلُوْبُكُمْ di-

1 'Āyid *et al.* (t.t.), *op. cit.*, h. 971.

2 Anīs *et al.* (1962), op. cit.; Ma'luf (1973), *loc. cit.*

3 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 569.

4 Al-Jalālayn (t.t), *op. cit.*, h. 19; M. Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, j. 1, h. 245.

5 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 2, h. 28.

6 *Ibid.*

7 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 2, h. 28.

8 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 569, athar no. 1231.

9 Al-Qurtubī (1996), *loc. cit.*; al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 570.

sebut dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 74, 225; *Āli 'Imrān* (3), ayat 103, 126, 154; *al-An'ām* (6), ayat 46; *al-Anfāl* (8), ayat 10, 11, 70; *al-Ahzāb* (33), ayat 5, 51, 53; *al-Fath* (48), ayat 12; *al-Hujurāt* (49), ayat 7, 14.

- Dalam bentuk *qulūbunā*, قُلُوْبُنَا disebut dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 88, *Āli 'Imrān* (3), ayat 8; *al-Nisā'* (4), ayat 155; *al-Mā'idah* (5), ayat 113; *Fussilat* (41), ayat 5; *al-Hasyr* (59), ayat 10.
- Dalam bentuk *qulūbuhum*, قُلُوْبُهُمْ disebut dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 7, 10, 93, 118; *Āli 'Imrān* (3), ayat 7, 156, 167; *al-Nisā'* (4), ayat 63; *al-Mā'idah* (5), ayat 13, 41, 41, 52; *al-An'ām* (6), ayat 25, 43; *al-A'rāf* (7), ayat 100; *al-Anfāl* (8), ayat 2, 49, 63, 63; *al-Tawbah* (9), ayat 8, 15, 45, 60, 64, 77, 87, 93, 110, 110, 125, 127; *Yūnus* (10), ayat 88; *al-Ra'd* (13), ayat 28; *al-Nahl* (16), ayat 22, 108; *al-Isrā'* (17), ayat 46; *al-Kahf* (18), ayat 14, 57; *al-Anbiyā'* (21), ayat 3; *al-Hajj* (22), ayat 35, 53, 53, 54; *al-Mu'minūn* (23), ayat 60, 63;, *al-Nūr* (24), ayat 50; *al-Ahzāb* (33), ayat 12, 26, 60; *Saba'* (34), ayat 23; *al-Zumar* (39), ayat 22, 23; *Muhammad* (47), ayat 16, 20, 29; *al-Fath* (48), ayat 11, 18, 26; *al-Hujurāt* (49), ayat 3; *al-Hadīd* (57), ayat 16, 16; *al-Mujādalah* (58), ayat 22; *al-Hasyr* (59), ayat 2, 14; *al-Saff* (61), ayat 5; *al-Munāfiqūn* (63), ayat 3; *al-Muddaththir* (74), ayat 31.
- Dalam bentuk *qulūbihinna*, قُلُوْبِهِنَّ disebut dalam surah *al-Ahzāb* (33), ayat 53.

Al-Fayrūz berkata, "Terdapat beberapa makna bagi lafaz *Qulūb*:[1]

- Ia bermakna roh, terdapat dalam surah *al-Ahzāb* (33), ayat 10.
- Ia bermakna pendapat dan idea. Terdapat dalam surah *al-Hasyr* (59), ayat 14.
- Ia bermakna hati orang kafir, contohnya terdapat dalam surah *al-Nahl* (16), ayat 22.
- Ia bermaksud hati orang munafik, contohnya pada surah *al-Baqarah* (2), ayat 10.
- Ia bermaksud hati orang yang berbuat maksiat, terdapat dalam surah al -Mutaffifīn (83), ayat 14.
- Ia bermaksud hati orang yang takut kepada Allah, misalnya dalam surah *al -Anfāl* (8), ayat 2.
- Ia bermaksud hati orang yang dalam keraguan dan hawa nafsu, contohnya terdapat dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 7.
- Ia bermaksud hati orang yang fasik, sebagaimana terdapat dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 156.
- Ia bermaksud hati orang yang beriman yang menunggu pertemuan di hari akhirat, sebagaimana terdapat dalam surah *al-Ra'd* (13), ayat 28.

QUR'ĀN (قُرْآنْ)

Dari sudut bahasa, *Qur'ān* adalah *maṣdar* daripada kata kerja *qara'a* (قَرَأَ) yang bererti *al-Maqrū'* (المَقْرُوء) (yang dibaca), mengikut bahasa Arab *al-maqrū'* - *Qur'ānan* (المَقْرُوء -قُرْءَانًا) dinamakan "*al-maf'ūl*". Apabila ia

1 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 290-291

dihubungkan dengan syarak maka *Qur'ān* menjadi *Kalāmullah* (كلام الله).[1] Al-Qur'ān juga adalah *ism 'alm* (nama yang diketahui) bagi kitab yang diturunkan Allah kepada Nabi Muhammad, sebagaimana lafaz Taurat. Ia adalah *ism 'alm* bagi kitab yang diturunkan kepada Nabi Mūsā dan juga Injil adalah *ism 'alm* bagi kitab yang diturunkan kepada Nabi 'Īsā ini adalah pendapat Imām Syāfi'ī,[2] Ibn Manzūr[3] dan Abī Hayyān.[4] Al-Fayrūz berkata, "Dinamakan *al-Qur'ān* kerana ia menghimpun surah-surah dan menggabungkannya. Ada juga yang mengatakan ia dinamakan *al-Qur'ān* kerana terhimpun di dalamnya kisah-kisah, perintah, larangan, janji, ancaman, atau kerana ia penghimpun kitab terdahulu yang diturunkan oleh Allah, atau ia menghimpun di dalamnya seluruh ilmu-ilmu."[5]

Lafaz *Quran* disebut 70 kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 185; *al-Nisā'* (4), ayat 82; *al-Mā'idah* (5), ayat 101; *al-An'ām* (6), ayat 19; *al-A'rāf* (7), ayat 204; *al-Taubah* (9), ayat 111; *Yūnus* (10), ayat 15, 37, 61; *Yūsuf* (12), ayat 2, 3; *al-Ra'd* (13), ayat 31; *al-Hijr* (15), ayat 1, 87, 91; *al-Nahl* (16), ayat 98, *al-Isrā'* (17), ayat 9, 41, 45, 46, 60, 78, 78, 82, 88, 89, 106; *al-Kahf* (18), ayat 54; *Tāhā* (20), ayat 2, 113, 114; *al-Furqān* (25), ayat 30, 32; *al-Naml* (27), ayat 1, 6, 76, 92; *al-Qasas* (28), ayat 85; *al-Rūm* (30), ayat 58; *Saba'* (34), ayat 31; *Yāsīn* (36), ayat 2, 69; *Sād* (38), ayat 1; *al-Zumar* (39), ayat 27, 28; *Fussilat* (41), ayat 3, 26, 44; *al-Syūrā* (42), ayat 7; *al-Zukhruf* (43), ayat 3, 31; *al-Ahqāf* (46), ayat 29; *Muhammad* (47), ayat 24; *Qāf* (50), ayat 1, 45; *al-Qamar* (54), ayat 22, 32, 40; *al-Rahmān* (55), ayat 2; *al-Wāqi'ah* (56), ayat 77; *al-Hasyr* (59), ayat 21; *al-Jinn* (72), ayat 1; *al-Muzzammil* (73), ayat 4, 20; *al-Qiyāmah* (75), ayat 17, 18; al-Insān (76), ayat 23; *al-Insyiqāq* (84), ayat 21; *al-Burūj* (85), ayat 21.

Menurut istilah, *al-Qur'ān* ialah *kalāmullāh* (كلام الله) yang diturunkan kepada Muhammad, melalui wahyu secara beransur-ansur dalam bentuk ayat mahupun surah selama 23 tahun kerasulannya. Ia bermula daripada *al-Fātihah* dan diakhiri dengan *al-Nās*, dinukilkan secara tersusun *(tawatur mutlaq)* تَوَاتُرٌ ٱلْمُطْلَق sebagai mukjizat dan bukti kebenaran risalah Islam serta mendapat pahala membacanya.[6] Wahyu al-Qur'ān mula diturunkan pada tahun 610. Nabi Muhammad menerimanya ketika sedang bersendirian di gua Hirā', pada pertengahan *Jabl al-Nūr* (جبل النور) (gunung cahaya) dalam bulan Ramadan. Pada suatu malam, pada akhir bulan itu, malaikat Jibrail datang kepadanya menyampaikan wahyu pertama, iaitu awal surah *al-'Alaq* (91), ayat 1-5.[7]

Penurunan al-Quran terbahagi kepada tiga tahap:[8]

- *Al-Qur'ān* turun ke *lawh al-mahfūz* (لوح المحفوظ). Buktinya Allah menyatakan yang bermaksud, "Bahkan dialah *al-Qur'ān* yang mulia, berada di *lawh mahfūz*". (*Al-Burūj* (85), ayat 21).
- *Al-Qur'ān* turun ke *bayt al-'izzah* (بيت العزة) di *samā' al-dunyā*. Allah menyatakan yang bermaksud, "Sesungguhnya Kami menurunkannya pada malam

1 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 2, h. 299-300.

2 Ahmad Hasan al-Bāqūrī (1986), *Al-Qur'ān Ma'dab Allāh li al-'Ālamīn*. Kaherah: Markaz al-Ahrām li al-Tarjamah wa al-Nasyr, h. 17.

3 Ibn Manzūr (1968), *op. cit.*, h. 129-130.

4 Abī Hayyān (t.t), *op. cit.*, j. 2. h. 40.

5 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 263.

6 'Abd al-Sabūr Syāhīn (1998), *Tārīkh al-Qur'ān*. Kaherah: Dār al-Nasr, h. 25. Muhammad 'Abd al-'Azīm al-Zurqānī (t.t.), *Manāhil al-'Irfān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, j. 1. Kaherah: Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, h. 14.

7 Cyril Glassē (1999), *op. cit.*, h. 331-332.

8 Al-Zurqānī (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 43-47.

yang penuh berkat."[1] Begitu juga dengan maksud ayat Allah menyatakan, "*Bulan Ramadan yang diturunkan di dalamnya al-Qur'ān*".[2] "*Sesungguhnya Kami menurunkannya (Qur'ān) pada malam al-qadr (laylah al-qadr)*."[3] Dilaporkan oleh al-Hākim dengan perekodnya daripada Sa'īd bin Jubayr daripada Ibn 'Abbās, beliau berkata, "Al-Quran mencakupi zikir dan peringatan. Maka ia diletakkan di *bayt al-'izzah* daripada *al-samā' al-dunyā*, lalu Jibrail menyampaikannya kepada Nabi Muhammad." Dilaporkan oleh al-Hākim dan al-Bayhaqī dan selain kedua-duanya daripada perekodnya Mansūr daripada Sa'īd b. Jubayr daripada Ibn 'Abbās katanya, "*Al-Qur'ān* diturunkan sekali gus ke *samā' al-dunyā*, dan dia berada di tempat bintang -bintang, lalu Allah menurunkan (dengan perantara Jibrail) kepada Nabi Muhammad secara beransur-ansur."

- *Al-Qur'ān* diturunkan dengan perantara Malaikat Jibrail kepada Nabi Muhammad, sebagaimana ayat Allah yang bermaksud, "*Dia turun bersama dengan al-ruh al-amin* (الروح الأمين) *(Jibrail), ke dalam hatimu (wahai Muhammad), supaya engkau memberi peringatan.*"[4]

Pembukuan *al-Qur'ān* berlaku pada zaman Khalifah Abu Bakar atas pandangan 'Umar, disebabkan peperangan al-Yamāmah pada tahun 12H dan peperangan demi membanteras orang murtad yang dipimpin oleh Musaylamah al-Kadhdhāb, iaitu peperangan Hāmiyah al-Watīs yang banyak mengorbankan para hafiz dan qurrā' daripada kalangan sahabat pada tahun 633M. Tugasan ini diserahkan kepada Zayd bin Thābit kerana beliau adalah salah seorang penghafal al-Quran dan penulis wahyu bagi Rasulullah. Dalam penulisan ini Abu Bakar dan 'Umar meletakkan dua syarat ketat dan teliti, iaitu: (1). Ditulis apa yang ditulis di depan Rasulullah; (2). Ia dihafal di dalam dada para sahabat. Tidak diterima apa yang ditulis melainkan terdapat dua saksi yang adil ia ditulis di depan Rasulullah.[5]

Di zaman Khalifah 'Uthmān bin 'Affān, kawasan pemerintahan Islam sudah meluas ke segenap penjuru negeri. Maka setiap negeri belajar dan membaca *qiraat* daripada sahabat yang tinggal di negeri itu. Misalnya penduduk Syam menggunakan *qiraat* Abī bin Ka'ab, penduduk Kūfah membaca dengan *qiraat* 'Abdullāh bin Mas'ūd dan sebagainya. Terdapat perbezaan antara *qiraat* itu sehingga ianya menimbulkan perselisihan dan perbalahan dalam membaca al-Quran, bahkan sampai ke tahap sebahagian mereka mengkafirkan sebahagian yang lain. Hal ini diketahui oleh Hudhayfah bin al-Yaman ketika pembukaan Armenia dan Azarbeijan, lalu ia mengadukannya kepada Khalifah 'Uthmān. Dengan wujudnya perselisihan ini, beliau khuatir ia akan meluas. Kemudian, beliau mengambil inisiatif menulis beberapa mushaf yang dikirimkan ke negeri-negeri dan menyuruh mereka membakar setiap mushaf yang ada serta tidak menggunakan selain mushaf yang dikirim. Bagi menyempurnakan idea ini, beliau mengadakan kumpulan bagi menyeragamkan teks al-Qur'ān itu yang diketuai oleh Zayd bin Thābit yang pernah menjadi juru tulis Nabi, bersama de-

1 Al-Dukhān (44), ayat 3.

2 Al-Baqarah (2), ayat 185.

3 Al-Qadr (97), ayat 1.

4 Al-Syu'arā' (26), ayat 193.

5 Al-Zurqānī (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 249-252.

ngan 'Abdullāh b. Zubayr, Sa'īd b. al-'Ās dan 'Abd al-Rahmān bin al-Hārith bin Hisyām. Kemudian, Khalifah 'Uthmān mengirimkan utusan kepada Hafsah binti 'Umar supaya diberikan kepadanya sebuah mushaf yang ada padanya, iaitu mushaf yang menghimpunkan al-Qur'ān pada zaman Khalifah Abū Bakar dan menyuruh empat kumpulan penulis menulisnya.

Di dalam penulisan ini, kumpulan penulis yang terdiri daripada empat sahabat tidak akan menulis di dalam mushaf kecuali ianya benar-benar al-Qur'ān, diketahui ia benar -benar diturunkan pada akhir penurunannya (*al-'ardah al-akhīrah*/الأرضة الآخرة) dan yakin kebenarannya daripada Nabi Muhammad" dengan "*fas'aw ilā dhikrillāh*". Apabila mereka berselisih dalam penulisan itu, mereka kembali kepada bahasa Quraisy kerana al -Qur'ān diturunkan dengan bahasa mereka sebagaimana yang dikatakan oleh 'Uthmān dalam hadis Sahih yang direkodkan oleh al -Bukhārī.[1] Selepas itu, beliau mengembalikan mushaf yang dipinjam daripada Hafsah tadi dan mengirimkan beberapa mushaf yang ditulis itu ke seluruh negeri dan beliau memerintahkan supaya mushaf lain dibakar.[2] Pembukuan dan suntingan al-Quran adalah berdasarkan resensi rasmi yang terjadi pada tahun 650M.

Al-Quran adalah sumber pertama bagi umat Islam. Ia adalah rujukan pertama daripada sudut hukum, pengajaran, pentafsiran dan sebagainya, sumber selanjutnya adalah hadis atau sunnah. Ia terdiri daripada 114 surah, di mana setiap surah itu tersusun daripada sejumlah ayat-ayat. Keseluruhan al-Qur'ān terbahagi kepada tiga puluh juzuk. Setiap juzuk terbahagi menjadi dua *hizb* (bahagian) dan jenis pembahagian ini biasanya disertai dengan tanda di tepi halaman muka surat mushaf al-Quran. Terdapat lafaz *qur'ān* yang disandarkan kepada lafaz "*fajr*" iaitu dalam surah *al-Isrā'* (17), ayat 78. Ibn Kathīr mentafsirkan lafaz "*qur'ān fajr*" dengan sembahyang subuh. Dilaporkan Sa'īd bin al-Musayyab daripada Abū Hurayrah, Nabi Muhammad berkata, "Kelebihan orang yang sembahyang berjemaah daripada orang yang bersembahyang bersendirian adalah 25 darjat dan malaikat berkumpul semasa sembahyang fajar pada waktu malam dan siang."[3] Al-Tabarī mentafsirkannya, "Sesungguhnya apa yang engkau baca di dalam sembahyang fajar (sembahyang subuh) daripada al-Qur'ān akan menjadi saksi dan disaksikan oleh malaikat pada waktu malam dan siang, sebagaimana laporan daripada Abū Hurayrah, Abī al-Dardā', Abū 'Ubaydah bin 'Abdullāh."[4] Ibn 'Abbās, Mujāhid, al-Dahhāk, Ibn Zayd berpendapat *qur'ān fajr* bermaksud sembahyang subuh.[5]

QURAISY (قُرَيْش)

Quraisy (قُرَيْش) adalah salah satu nama daripada nama-nama surah di dalam al-Quran. Ia diturunkan di Makkah dan mengandungi empat ayat. Ia dinamakan demikian kerana pada permulaannya Allah menceritakan

1 'Uthmān berkata keadaan tiga penulis daripada Quraisy, "Jika kamu berselisih dengan Zayd bin Thābit tentang sesuatu daripada al-Quran, maka tulislah dalam bahasa Quraisy, kerana ia turun dengan bahasa mereka". Direkodkan oleh al-Bukhārī dengan pelapornya daripada Ibn Syihāb daripada Anas b. Mālik.

2 Al-Zurqānī (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 255-260

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 52.

4 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 9, h. 173-175, athar no.17040-1703.

5 *Ibid.*, h. 175-176, athar no. 17046-17050.

tentang kurniaan nikmatnya kepada kaum Quraisy yang menjadi penduduk Makkah,[1] iaitu kebinasaan pasukan bergajah ketika ingin menghancurkan Makkah dan Ka'bah kerana Allah melindungi kaum Quraisy sebagai pemelihara Kaabah.[2] Lafaz ini disebut sekali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah Quraisy (106) ayat 1.

Kaum Quraisy pada umumnya adalah kaum saudagar perantara, yang negerinya (Makkah) terletak di tengah, di antara Utara (iaitu Syam) dan Selatan (iaitu Yaman). Sejak lama sebelum Islam, mereka menghubungkan kedua-dua negeri itu. Syam di Utara adalah pintu perniagaan yang berlanjutan sehingga ke Laut Tengah dan ke negeri-negeri sebelah Barat. Yaman yang ibu kotanya sejak dahulu di San'ā', di Selatan membuka pula jalan ke Timur sampai ke India, bahkan lebih jauh lagi sampai ke Tionghoa.[3] Terdapat tiga pendapat siapa kaum Quraisy:[4]

- Kaum Quraisy adalah Banū al-Nadr bin Kinānah bin Khuzaymah bin Mudrikah bin Ilyās bin Mudar. Setiap anak daripada anak al-Nadr dikatakan Quraisy kecuali Banī Kinānah dan orang yang di atasnya.
- Ada juga yang berpendapat, *al-taqrīsy* (التقريش) ertinya usaha, lafaz *taqarrasyū* (تَقَرَّشَ) ertinya mereka berhimpun. Maknanya, mereka sebelum ini berpisah-pisah di luar Makkah, maka Qusayy bin Kilāb menyatukan mereka di Makkah, sehingga menjadikannya tempat tinggal. Mereka daripada peniaga-peniaga yang makan daripada hasil perniagaan mereka kerana makna *al-taqrīsy* adalah berniaga dan berkumpul, oleh sebab itu al-Farrā' berkata, "Mereka dinamakan Quraisy."
- Kaum Quraisy adalah Banū Fihr bin Mālik bin al-Nadr. Setiap yang tidak dilahirkan daripada Banū Fihr bukanlah termasuk kaum Quraisy.
- Al-Qurtubī berkata, "Pendapat yang paling benar adalah pendapat pertama. Dilaporkan daripada Wā'ilah bin al-Asqā' katanya, Rasulullah berkata, "Sesungguhnya Allah memilih Kinānah daripada anak Ismā'il, memilih daripada Banī Kinānah Quraisy, memilih daripada Quraisy Banī Hāsyim dan memilihku daripada Banī Hāsyim."[5]

QURBĀ (قُرْبَى)

Lafaz ini adalah *ism maṣdar* daripada perkataan *qaruba* (قَرُبَ), maknanya dua orang yang di antara kedua-duanya ada pertalian keturunan,[6] sanak saudara, kerabat, ikatan dan pertalian keluarga.[7] Al-Kafawī berkata, "*al-qurbā* (القربى) adalah lafaz yang digunakan bagi sebuah pertalian saudara. Namun, ia juga boleh diertikan selain daripada itu,[8] sepertimana dalam ayat Allah yang bermaksud, "Ketahuilah! Sesungguhnya sesuatu yang kamu rampas (di medan peperangan) seperlima untuk Allah, rasulnya dan untuk

1 Zuhaylī (2001), *op. cit.*, h. 417.

2 Hamka (1984), *op. cit.*, j. 30, h. 250.

3 *Ibid.*, h. 251.

4 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 20, h. 200-201.

5 Direkodkan oleh Muslim dalam Kitab al-Fadā'il, Bab Fadl Nasab al-Nabi dan Taslīm al-Hajar 'Alayh Qabl al-Nubuwwah. Al-Tirmidhī pada awal Kitāb al-Manāqib.

6 'Āyid *et al.* (t.t.), *op. cit.*, h. 975.

7 Ahmad Warson, *op. cit.*, h. 1103.

8 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 724.

kerabat."[1] Beliau mengatakan yang dimaksudkan *al-qurbā* dalam ayat ini adalah orang yang membantu dalam peperangan dan bukan orang yang wujud persaudaraan antaranya dan Rasulullah."[2]

Lafaz *qurbā* disebut 16 kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 83, 177; *al-Nisā'* (4), ayat 8, 36, 36; *al-Mā'idah* (5), ayat 106; *al-An'ām* (6), ayat 152; *al-Anfāl* (8), ayat 41; *al-Taubah* (9), ayat 113; *al-Nahl* (16), ayat 90; *al-Isrā'* (17), ayat 26; *al-Nūr* (24), ayat 22; *al-Rūm* (30), ayat 38; *Fātir* (35), ayat 18; *al-Syūrā* (42), ayat 23; *al-Hasyr* (59), ayat 7. Semua makna *al-qurbā* dalam ayat-ayat di atas membawa maksud yang wujud pertalian darah, tetapi para ulama berbeza pendapat maksud *al-qurbā* dalam surah *al-Anfāl* di atas. Al-Qurtubī berkata, "Terdapat tiga pendapat mengenai makna *al-qurbā* dalam surah *al-Anfāl* di atas:[3]

- Keseluruhan orang Quraisy, sebagaimana pendapat yang dikemukakan oleh sebahagian ulama salaf, berdasarkan rekod daripada nabi ketika beliau mendaki gunung al-Safā, beliau berkata, "Wahai Banī fulān, Banī 'Abd Manāf, Banī 'Abd al-Muttalib, wahai Banī Ka'ab, Banī Murrah, Banī 'Abd al-Syams! Selamatkanlah dirimu daripada api neraka."
- Al-Syāfi'ī, Ahmad, Abū Thawr, Mujāhid, Qatādah, Ibn Jurayj dan Muslim b. Khālid berpendapat, *al-qurbā* bermaksud Banī Hasyīm dan Banī 'Abd al-Muttalib, kerana Nabi Muhammad mengatakan, "Kamu tidak memisahkanku sama ada pada zaman jahiliah mahupun selepas Islam, sesungguhnya Banī Hasyīm dan Banī 'Abd al-Muttalib adalah satu," lalu beliau mengikatnya.
- Mālik, al-Thawrī, al-Awzā'ī dan yang lainnya berpendapat *al-qurbā* adalah khusus Banī Hasyīm.

Al-Qurtubī menjelaskan lagi, "yang kecil, besar, lelaki dan perempuan adalah sama; dan Allah menjadikan hal demikian bagi mereka serta rasulnya membahagikannya kepada mereka semua."[4] Menurut beliau pendapat kedua adalah lebih dekat kepada kebenaran. Dalam *Tafsīr al-Marāghī* dijelaskan yang dimaksudkan *al-qurbā* di sini adalah Banī Hasyīm dan Banī al-Muttalib. Ini kerana Banī al-Muttalib melindungi beliau ketika dalam kepungan dan masuk ke dalam kepungan itu, sedangkan Banī lainnya tidak berbuat demikian.[5] Makna ini seperti makna yang terdapat dalam surah *al-Hasyr*, ayat 7. Kesimpulannya, keseluruhan lafaz *qurbā* dalam al-Quran membawa maksud sanak saudara atau kerabat yang mempunyai pertalian keturunan.

QURBĀN (قُرْبَانٌ)

Lafaz ini adalah *ism mufrad* dan jamaknya ialah *qarābīn* (قَرَابِيْنَ), mengandungi makna setiap perkara yang mendekatkan diri kepada Allah berupa penyembelihan dan yang lainnya.[6] Al-Kafawī berkata, "Asal maknanya adalah dekat dan *qurbān* (قربان) adalah setiap perkara yang dapat mendekatkan diri kepada

1 Al-Anfāl (8), ayat 41.

2 *Ibid.*

3 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 8, h. 16.

4 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 8, h. 16.

5 Al-Marāghī (1974), *op. cit.*, j. 10, h. 4-5.

6 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 617.

Allah[1] Ia disebut tiga kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 183, *al -Mā'idah* (5), ayat 27, *al-Ahqāf* (46), ayat 28. Al-Fayrūz berkata, "*qurbān* adalah setiap perkara yang dengannya dapat mendekatkan diri kepada Allah, lalu ia menjadi nama bagi upacara iaitu penyembelihan."[2] Muhammad Quraish Shihab berkata, "*qurbān* diambil daripada perkataan yang bererti dekat. Huruf *alif* dan *nūn* yang menghiasi akhir kata itu mengandung makna "agung" atau "kesempurnaan". Sesuatu yang dipersembahkan kepada Allah dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah dinamai *qurbān* dan dalam beberapa laporan dijelaskan dalam syariat Nabi Mūsā dan beberapa nabi yang dahulu, rampasan perang tidak dibenarkan kepada mereka untuk memanfaatkannya, melainkan dikumpulkan di satu tempat dan dibiarkan sehingga api membakarnya."[3]

Dalam *Tafsir al-Azhar*, korban dalam syariat Islam dilakukan ketika Hari Raya Haji, baik di Makkah ataupun di mana sahaja. Orang Yahudi juga mempunyai peraturan korban dengan membakar anak sapi muda dan kambing yang tidak ada cacatnya, bagi memohon ampunan dosa. Bagi orang Kristian menurut kepercayaan mereka, yang diajarkan Paulus, dengan datang 'Īsā al-Masih mengorbankan diri dengan disalib bagi menebus dosa manusia, tergantilah segala korban Yahudi itu.[4] Orang yang menyembah tuhan-tuhan selain Allah melakukan korban bagi mendekatkan diri kepada Allah di hadapan tuhan-tuhan mereka itu, mereka beranggapan mereka dapat menjadi syafaat di sisi Allah sebagaimana dalam ayat Allah yang bermaksud, "Mereka ini (berhala) memberi syafaat (pertolongan) kepada kami di sisi Allah",[5] dan beranggapan ia dapat menghalang daripada kemusnahan yang menimpa mereka.[6]

Kesimpulannya, lafaz *qurbān* dalam al -Quran adalah satu nama **upacara** bagi mendekatkan diri kepada Allah, sama ada secara langsung seperti perbuatan orang Islam dan tidak langsung seperti perbuatan orang yang menyembah berhala sepertimana penerangan di atas.

QURŪN (قُرُوْن)

Lafaz ini adalah jamak daripada *qarn* (قَرْنٌ). Dalam Kamus Dewan ia bermakna kurun, iaitu jangka waktu seratus tahun dan abad.[7] Ia disebut 13 kali di dalam al-Quran, iaitu dalam surah *Yūnus* (10), ayat 13; *Hūd* (11), ayat 116; *al-Isrā'* (17), ayat 17; *Tāha* (20), ayat 51, 128; *al-Qasas* (28), ayat 43, 78; *al-Sajadah* (32), ayat 26; *Yāsin* (36), ayat 31; *al-Ahqāf* (46), ayat 17; *al-Mu'minūn* (23), ayat 42; *al -Furqān* (25), ayat 38; *al-Qasas* (28), ayat 45. Penggunaan lafaz *qurūn* (قرون) dalam al -Quran membawa maksud kaum atau penduduk yang hidup pada satu zaman. Dalam surah *Yūnus*, al-Syawkānī mentafsirkan *al -qurūn* dengan umat-umat terdahulu yang ingkar dan kufur pada ajakan nabi-nabi bagi menyembah Allah.[8] Ibn Kathīr mentafsirkan, "Sekiranya ada saki baki kaum daripada umat -umat terdahulu yang mencegah daripada

ق

1 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 702 dan 723.

2 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 253.

3 M. Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, j. 2, h. 282.

4 Hamka (1984), *op. cit.*, j. 6, h. 253.

5 Yūnus (10), ayat 18.

6 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 15, h. 203.

7 Noresah bt. Baharom *et al.* (eds.) (2002), *op. cit.*, h. 735.

8 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 547.

kejahatan, kemungkaran dan kerosakan yang terjadi di antara mereka dan mereka itu amat sedikit."[1] Dalam surah *al-Qasas* (28), ayat 45, al-Tabarī juga mentafsirkan *al-qurūn* dengan umat-umat yang akan didatangkan selepas mereka.[2] Kesimpulannya, lafaz *qurūn* membawa maksud umat-umat yang hidup pada satu zaman dan dalam jangka waktu yang terhad.

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 422.

2 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 11, h. 99.



حرف الكاف

K



KA`S (كَأْسٌ)

Lafaz *ka`s* dalam bentuk *mu`annath mufrad*, jamaknya *ku`ūs* (كُؤُوسٌ) dan *ak`us* (أَكْؤُسٌ), ertinya bekas minuman yang diminum apa yang ada di dalamnya atau gelas yang di dalamnya terdapat *khamar* (arak). Ia juga mencakupi maksud *khamar* itu sendiri, piala yang diperbuat daripada emas atau perak yang dihadiahkan kepada pemenang dalam bidang sukan dan sebagainya.[1]

Lafaz *ka`s* digunakan dalam pelbagai bentuk ungkapan perkara yang buruk dan dibenci, contohnya meminum segelas daripada kehinaan, perpecahan dan kematian.[2] Diulang sebutannya sebanyak enam kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *as-Sāffāt* (37), ayat 45; *al-Wāqi'ah* (56), ayat 18; *al-Insān* (76), ayat 5, 17; *at-Tūr* (52), ayat 23 dan *an -Nabak* (78), ayat 34.

Al-Kafawī berkata, semua lafaz *al-ka`s* di dalam al-Quran membawa maksud *khamar*.[3] Ia selaras dengan pendapat al-Akhafasy dan salah satu laporan daripada Ibn 'Abbās[4] serta laporan daripada al-Dahhāk bin al-Mazāhim.[5] Al-Baidawī berkata, ia bermaksud *khamar* seperti maksud penyair yang bersyair (وَكَأْسٍ شُرِبْتُ عَلَى لَذَّةٍ) iaitu "Dan khamar diminum d -ngan begitu lazat."[6]

Al-Khāzin berkata, setiap yang terdapat di dalamnya air minuman dinamakan *ka`s* dan sekiranya tidak terdapat di dalamnya minuman, ia tidak dinamakan *ka`s* tetapi dinamakan *inā`* (bejana).[7] Makna ini sependapat dengan al-Suddī.[8] Qatādah berkata, tafsiran ka`s (gelas) daripada *khamar* yang mengalir[9] di sungai-sangai yang kelihatan seperti mata air.[10]

Kesimpulannya, ia memiliki dua maksud. **Pertama**, ia adalah gelas yang terdapat di dalamnya minuman *khamar* daripada sungai -sungai di dalam syurga. **Kedua**, bermaksud *khamar* sehingga maksudnya penghuni syurga meminum khamar. Kedua-dua maksud ini tidak bertentangan.

KA'BAH (كَعْبَةٌ)

Lafaz ini dalam bentuk *mufrad*, jamaknya *ka'abāt* (كَعْبَات), maksudnya setiap rumah dalam bentuk empat segi, arah dan sebagainya.[11] Dalam *Kamus Dewan*, *ka`bah* ialah bangunan suci berbentuk kiub yang terletak di tengah -tengah kota Makkah yang menjadi kiblat sembahyang dan tempat umat Islam bertawaf ketika menunaikan ibadah haji dan umrah.[12] Al-Fairūz berkata, ia juga dinamakan sebagai *al-Bait al-Harām* yang dimuliakan Allah.[13]

Disebutkan dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Mā`idah* surah yang ke-5, ayat 95 dan 97. Ia dinamakan *ka'bah* kerana ia *muka'ab* (مُكَعَّبٌ) iaitu berbentuk kubus.[14] Mujāhid dan 'Ikrimah menyatakan

1 Anīs et al (t.t), op. cit., h. 771, 'Āyid et al (t.t), *op. cit.*, h. 1021-1022

2 *Ibid.*

3 Al-Kafawī (1992) , *op. cit.*, h. 741

4 Hilmī (1979), *op. cit.*, j. 5, h. 233

5 Al-Tabarī (1995), *op. cit*, j. 12, h. 63, athar no. 22489

6 Hilmī (1979), *loc. cit.*

7 *Ibid.*

8 Al-Tabarī (1995), *loc. cit.*, athar no. 22490

9 *Ibid.*, athar no. 22488

10 Hilmī (1979), *loc. cit.*

11 Āyid et al (t.t), *op. cit.*, h. 1045

12 Noresah bt. Baharom *et al* (eds.) (2002), *op. cit.*, h. 552

13 Al-Fayrūz Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 357

14 Abu Ezzat al-Mubarak (2002), *History of Makkah (sejarah Makkah al-Mukarramah)*, Riyadh: Maktabah Dār al-Salām, h. 15-16.

ia disebut *ka'bah* kerana ia berbentuk *murabba'* (مُرَبَّعٌ) iaitu segi empat,[1] sedangkan kebanyakan rumah orang Arab yang berada di sekelilingnya berbentuk bulat.[2] Ia juga dinamakan *ka'bah* kerana terletak di atas tanah bertingkat dan juga dinamakan *Bayt 'Atīq* kerana Allah membebaskannya daripada pengawasan orang yang zalim[3] seperti yang terdapat dalam laporan daripada Ibn Zubair. Rasulullah berkata, "Tempat ini disebut Bait 'Atīq kerana Allah membebaskannya dari orang yang zalim dan tidak pernah orang zalim menguasai binaan itu".[4]

Dalam surah *al-Maidah* (5) ayat 95, *ka'bah* disandarkan kepada *hadyā* (هديا) iaitu haiwan yang dijadikan korban. Allah berkata, (يَحْكُمُ بِهِۦ ذَوَا عَدْلٍ مِّنكُمْ هَدْيًۢا بَٰلِغَ ٱلْكَعْبَةِ). Al-Qurtubī menyatakan, bukanlah yang dimaksudkan dalam ayat ini *ka'bah* itu kerana *al-hady* tidak dilaksanakan di dalamnya kerana ia berada di dalam masjid, yang dimaksudkan *ka'bah* di sini adalah *al-harām* iaitu tanah haram keseluruhannya.[5]

Manakala dalam ayat 97 ia disandarkan kepada al-Bait al-Harām, Allah berkata, (جَعَلَ ٱللَّهُ ٱلْكَعْبَةَ ٱلْبَيْتَ ٱلْحَرَامَ قِيَٰمًا لِّلنَّاسِ). *Ka'bah* dinamakan *al-bait* kerana ia mempunyai atap dan dinding yang menggambarkan rumah sebenar walaupun tidak ada penghuni di dalamnya. Allah menamakannya *al-harām* kerana dia mengharamkan berburu dan membunuh di dalamnya atau menyucikannya. Nabi Muhammad berkata, "Sesungguhnya Makkah diharamkan dan disucikan Allah, dan ia tidak disucikan oleh manusia."

Menurut sejumlah laporan, *ka'bah* wujud sebelum Nabi Adam dicipta, yang berada di atas air dan didirikan oleh para malaikat.[6] Manakala pembinaannya di dunia, menurut sejumlah laporan, *Ka'bah* didirikan oleh Nabi Adam. Sepeninggalannya, ia didirikan kembali oleh puteranya yang bernama Nabi Syis. Asas-asas *Ka'bah* yang ada sekarang ini dibangunkan oleh Nabi Ibrāhīm bersama puteranya, Ismāīl.

Ka'bah dibangunkan tanpa atap, namun dilengkapi dengan pintu yang terletak pada tepi sebelah barat dan timur. Ketika selesai mendirikan *Ka'bah*, Ibrāhīm diperintahkan Allah supaya mendekati Gunung Thabir bagi menyeru kepada manusia tentang kewajipan haji ke *Bait al-Atiq*. Selepas itu, *Ka'bah* didirikan oleh keluarga Amaliqah, anak cucu Nuh, dan kemudian oleh Bani Jurhum yang termasuk daripada keturunan Nuh melalui Qahtan. Di dalam Injīl disebut Joktan.

Beberapa tahun sebelum al-Quran diwahyukan, *Ka'bah* dibangunkan kembali oleh Qusayy bin Qilab yang berjawatan sebagai pimpinan tertinggi suku Quraisy di Makkah. Pada saat itu, menurut keterangan ahli sejarah Azraqī, bangunan *Ka'bah* yang tidak beratap ini adalah setinggi 4.5 meter. Pada setiap tepinya terdapat batu yang dimuliakan.

18 tahun sebelum Hijrah, *Ka'bah* dibaiki kembali. Kapal Bizantium yang terdampar di pelabuhan Syu'aibah di Makkah, kayunya dijadikan sebagai bahan pelengkap *Ka'bah*, yang dikerjakan oleh tukang kayu keturunan Kopti bernama Baqum. Umar adalah orang pertama yang membina pagar di sekitar *Ka'bah*, lebih kurang setinggi manusia, dengan sejumlah pintu gerbang dan lampu, sedangkan Usman membangunkan serambi beratap bagi me-

1 *Ibid.*

2 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 6, h. 305

3 Abu Ezzat al-Mubarak (2002), *loc. cit.*

4 *Ibid.*

5 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 6, h. 296

6 Abū al-Walīd al-Azraqī (1999), *Tārīkh Makkah*, j. 1, Makkah al-Mukarramah: al-Maktabah al-Tijāriyyah, h. 41-47.

lindungi orang yang sedang sembahyang.

Pada tahun 64 Hijrah atau 684 Masihi, ketika dalam pendudukan Abdullāh bin Zubair, Makkah dikepung oleh pasukan Yazid. Sebuah mata panah yang berapi menyebabkan kebakaran pada *Ka'bah*, sehingga mengalami kerosakan teruk dan Hajarul Aswad retak menjadi tiga bahagian. Bagi mengembalikan keaslian *Ka'bah* yang hancur ini, Abdullāh bin Zubair menyimpulkan *Ka'bah* mencakupi pagar di sekitarnya dan termasuk makam Ismāīl dan Hajar. Oleh sebab itu, Abdullāh mendirikannya kembali sehingga menjadi lebih luas.

Panjangnya dinaikkan dari 18 hasta menjadi 26 hasta; ketinggiannya dinaikkan dari 18 hasta menjadi 27 hasta, dan didirikan daripada batu yang dilengkapi dengan dua pintu. Menurut sejumlah keterangan, Abdullāh bin Zubair menutupi *Ka'bah* dengan kain berwarna hitam daripada jenis sutera. Pembangunan berikutnya adalah pada masa khalifah al-Mahdi, Mutamid dan Mu'tadid. Al-Mahdi memperluaskan *mathaf* (kawasan tawaf) dan menambahkan tiga baris tiang dan dia sendiri turut melakukan kerja-kerja pembangunan itu. Sejak itu, bangunan *Ka'bah* bertahan sampai sekarang.

Pada tahun 1030 Masihi, terjadi banjir besar yang menghanyutkan sebahagian lampu dan dinding-dinding *Ka'bah*. Sultan Murad memerintahkan pembangunan sekali gus perluasan *Ka'bah*. Semenjak tahun 1375 /1955, projek perluasan Masjid al-Harām secara besar-besaran dijalankan pada masa pemerintahan Raja Arab Saudi, iaitu Raja Faisal. Pada tahun 1377/1957, *Ka'bah* mengalami keretakan. Pembaikan terhadapnya adalah pembaikan pertama sejak tahun 1039/1629.

Di tepi-tepi *Ka'bah* sekarang ini adalah dinding sebelah timur laut 12.63 meter, dinding sebelah timur 11.22 meter, dinding sebelah barat 13.10 meter dan sebelah barat laut 11.03 meter. Manakala ketinggiannya 13 meter. Pintu di sisi utara setinggi 2 meter dari dasar dan luasnya 1.7 meter. Setiap tahun *kiswah* (kain penutup) diganti dengan yang baru. Ia diperbuat daripada kain berwarna hitam dengan sejumlah kaligrafi yang disulam. Di atasnya terdapat tulisan al-Quran yang melingkar sebelum *kiswah* yang baru dipasangkan, sementara waktu *Ka'bah* ditutup dengan *kiswah* putih.[1]

KABĀ`IR (كَبَائِرُ)

Lafaz *kaba'ir* (كَبَائِرُ) dalam bentuk jamak, *mufrad*nya *kabīrah* (كَبِيرَة), berasal daripada *kabura* (كَبُرَ). *Kabīrah* daripada sudut bahasa ialah dosa besar yang dicegah oleh syarak seperti membunuh jiwa.[2] *Al-kabīrah* (الكبيرة) juga digunakan pada sesuatu yang sukar dan berat pada jiwa. Ia juga peringatan tentang besarnya hal itu daripada dosa-dosa dan besar seksaannya.[3]

Disebut tiga kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *an-Nisāk* (4), ayat 31, *al -Syūrā* (42), ayat 37 dan *al-Najm* (53), ayat 32. Kalimah *kabā`ir* di dalam al-Quran disandarkan kepada *al-ithm* (الإثم) iaitu dosa. Ibn Mas'ūd berkata,[4] *al-kabā`ir* yang terdapat dalam surah ini mencakupi 33 ayat dan ke-

1 Cyril Glassē (1999), *op. cit.*, h. 199-200.

2 Anīs et al (t.t), *op. cit.*, h. 773, 'Āyid et al (t.t), *op. cit.*, h. 1025

3 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 325

4 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 5, h. 164

benaran hal ini melalui kata-kata Allah,[1] إِن تَجْتَنِبُواْ كَبَآئِرَ مَا تُنْهَوْنَ عَنْهُ.

Dilaporkan oleh Abū Hātim di dalam *musnad*nya yang sahih daripada Abī Hurairah dan Abī Sa'īd al-Khudrī, Rasulullah duduk di atas mimbar dan berkata, "Demi jiwaku yang berada di tangannya" diulang sebanyak tiga kali, kemudian diam. Para sahabat menangis kesedihan kerana sumpahan Rasulullah itu, kemudian beliau berkata lagi, "Sesiapa sahaja daripada hambaku yang mendirikan sembahyang lima waktu, berpuasa pada bulan Ramadan, menjauhkan *al-kabā`ir al-sab'* iaitu tujuh dosa besar, akan dibuka baginya lapan pintu syurga pada hari kiamat sambil bertepuk tangan,[2] lalu beliau membaca:

إِن تَجْتَنِبُواْ كَبَآئِرَ مَا تُنْهَوْنَ عَنْهُ نُكَفِّرْ عَنكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ.

Ibn Kathīr berkata, tafsiran tujuh dosa besar itu dijelaskan dalam *al-Sahīhain.* Hadis dilaporkan daripada Sulaimān bin Hilāl, daripada Thaur bin Zaid, daripada Sālim Abī al-Ghaith dan daripada Abu Hurairah Rasulullah berkata, "Jauhkan olehmu tujuh perkara yang membinasakan. Beliau ditanya, 'Wahai Rasulullah, apakah dia?' Beliau berkata, 'Mensyirikkan Allah, membunuh jiwa yang diharamkan kecuali dengan hak, belajar sihir, memakan riba, memakan harta anak yatim, berpaling daripada medan perang, dan memfitnah wanita-wanita suci yang beriman.'"[3]

Dilaporkan daripada Ibn 'Umar, *al -kabā`ir* ada sembilan iaitu membunuh jiwa, memakan riba, memakan harta anak yatim, memfitnah wanita-wanita suci yang beriman, penyaksian palsu, derhaka kepada orang tua, berpaling dari medan perang, (belajar) sihir dan kufur di dalam Masjid al-Haram.[4]

Al-Qurtubī berkata, "Para ulama berselisih dalam menyebut dan menghitungnya disebabkan pelbagai *athar* mengenainya, oleh itu, saya berpendapat sudah sabit daripada laporan yang sahih mahupun hasan di mana sebahagian dosa ada yang lebih besar daripada yang lainnya berdasarkan kadar mudarat yang besar. Mensyirikkan Allah adalah dosa yang paling besar daripada keseluruhannya dan ia tidak akan diampunkan oleh Allah. Selepas itu, berputus asa daripada rahmat Allah kerana di dalamnya mendustakan al -Quran.[5] Dia berkata, "Dosa ini tidak akan diampunkan," dan apabila ia beriktikad dengan hal itu, oleh itu, Allah berkata yang bermaksud, "Sesungguhnya tidak berputus asa seorang itu daripada rahmat Allah melainkan orang kafir."[6] Kemudian, al-Qanūt seperti kata-kata Allah dalam surah *al-Hijr* (15), ayat 56... dan sebagainya daripada apa yang kelihatan besar mudaratnya; setiap dosa yang diperbesar ancaman ke atasnya oleh syarak dengan seksaan, atau dibesarkan mudaratnya, ia termasuk daripada *kabīrah* dan selainnya adalah kecil.[7]

Oleh yang demikian, 'Abd al-Rahmān al -Qusyairī dan lainnya berkata, "Sebahagian dosa dikatakan kecil apabila disandarkan kepada apa yang lebih besar daripadanya. Contohnya, zina dianggap kecil apabila dibandingkan dengan kufur, ciuman yang haram dianggap kecil apabila dibandingkan dengan zina. Menurut kami, dosa tidak di-

1 Al-Nisāk (4), ayat 31

2 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, h. 163

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 425

4 Al-Qurtubī (1996), *loc. cit.*

5 Allah berfirman: قَالَ وَمَن يَقْنَطُ مِن رَّحْمَةِ رَبِّهِۦٓ إِلَّا ٱلضَّآلُّونَ (mafhumnya): "Nabi Ibrahim berkata: "Dan tiadalah sesiapa yang berputus asa dari rahmat TuhanNya melainkan orang yang sesat."(Surah al-Hijr (15), ayat 56)

6 Surah Yūsuf (12), ayat 87

7 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, h. 165

ampunkan dengan menjauhkan dosa yang lain, tetapi kesemuanya adalah besar dan pengamalnya akan diampunkan dengan izin Allah melainkan kekufuran[1] berdasarkan kata-kata Allah dalam surah *al-Nisak* (4), ayat 48 dan 116:

> *"Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan bagi sesiapa yang mensyirikkan dengannya (dengan sesuatu) dan akan mengampunkan selain daripada itu bagi sesiapa yang dikehendakinya."*

KĀDHIB (كَاذِب)

Perkataan *kādhib* (كَاذِب) adalah *ism fā'il* daripada asal kalimah *al-kidhb* (الكِذْبُ) atau *kadhaba* (كَذَبَ). Al-Fairūz Ābādī berkata, *al-idhb* di dalam al-Quran mencakupi maksud munafik,[2] syirik,[3] tuduhan pada wanita -wanita baik,[4] ingkar,[5] janji yang terlaksana[6] dan pendustaan menurut bahasa.[7] *Al-kādhib* (الكَاذِبُ) bermaksud orang yang berdusta, orang yang tidak percaya, orang yang berbuat kesalahan dan sebagainya.[8]

Lafaz ini disebut empat kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Hūd* (11), ayat 93; *al-Zumar* (39), ayat 3 dan *Ghāfir* (40), ayat 28 dan 37. Al-Tabarī menyatakan, lafaz *kādhib* (كَاذِبُ) bermaksud orang yang berdusta dalam perkataan dan khabarnya.[9] Al-Zamakhsyarī berkata, orang yang ingkar pada kenabian berdasarkan anggapan kamu dan dakwaan kamu.[10] Al-Khāzin berkata, ia bermakna orang yang berkata tuhan-tuhan mereka memberikan syafaat kepada mereka,[11] kerana hilang mata hatinya.[12]

Dalam *Tafsīr Safwah al-Tafāsīr*, *al -kādhib* dalam surah *Ghāfir* bermaksud Nabi Mūsā, maksudnya dia pendusta berdasarkan anggapan orang kafir, Allah berkata, (وَإِن يَكُ كَٰذِبًا فَعَلَيْهِ كَذِبُهُۥ). Ungkapan dalam ayat ini berasal daripada orang yang beriman daripada keluarga Firaun. Tafsirannya, "Apabila dia berdusta tentang risalah kenabiannya, mudarat penipuannya tidak mengenai yang lain.[13]

Al-Qurtubī berkata, ungkapan itu tidak mengisyaratkan rasa ragu tentang risalah kenabian Mūsā dan kebenarannya. Namun, berlemah lembut dalam mempertahankannya dan menjauhkannya daripada bahaya.[14]

Kesimpulannya, makna *kādhib* di dalam al-Quran mengandungi dua makna. **Pertama**, orang yang mendustakan risalah kenabian atau orang yang kufur. **Kedua**, Nabi Mūsā di mana orang yang tidak beriman dengannya menyatakan dia adalah pendusta dalam risalah kenabiannya. Contohnya, perkataan Firaun kepadanya, Allah berkata yang bermaksud, "Iaitu jalan-jalan yang menyampaikan ke langit, lalu aku lihat Tuhan Musa, sungguh aku menyangka dia seorang pendusta."[15]

1 *Ibid.*
2 Surah *al-Baqarah*, ayat 10
3 Surah *al-Zumar*, ayat 32
4 Surah *al-Nūr*, ayat 13
5 Surah *al-Najm*, ayat 11
6 Surah *al-Wāqi'ah*, ayat 2
7 Contohnya dalam surah *Qāf*, ayat 5, Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 340
8 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 1033
9 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 7, h. 141
10 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 409
11 Hilmi (1979)), *op. cit.*, j. 5, h. 299
12 *Ibid.*
13 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j, 3, h. 100
14 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 15, h. 294
15 Mafhum surah Ghāfir, ayat 37

KĀFFAH (كَافَّة)

Ism mansūb (berbaris atas) kerana dalam kedudukan *hāl* iaitu menggambarkan keadaan. Maksudnya *jamī'ā* (جَمِيعًا) iaitu keseluruhan.[1] Berasal daripada kalimah *al-kaff* (الْكَفُّ) dan asal maknanya ialah *al-man'* (الْمَنْعُ) iaitu penolakan, menghalang atau melindungi. Dikatakan bagi hujung tangan, *kaff* iaitu telapak tangan kerana ia melindungi seluruh anggota badan dengannya, *rajul makfūf* (الرَّجُلُ الْمَكْفُوفُ) bermaksud matanya menghalangnya daripada melihat.[2] Ibn Qutaibah dan al-Yazīdī memberikan makna lafaz ini dengan makna di atas.[3]

Ia disebut lima kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 208; *at-Taubah* (9); ayat 36 (dua kali) dan 122 dan *Saba* (34), ayat 28. Allah berkata, (ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَافَّةً).

Al-Qurtubī berkata, lafaz *kāffah* dalam ayat ini adalah hal atau keadaan bagi lafaz *al-silm* (Islam) yang bermakna *jamī'ā* iaitu keseluruhan. Dipetik daripada perkataan *kafafta,* maksudnya engkau menghalang iaitu "Janganlah engkau menghalang seseorang masuk Islam." Pakar tafsir menyatakan, ia dinamakan *kāffah* kerana ia melarang mereka daripada perpecahan.[4]

Lafaz *kāffah* dalam kesemua ayat-ayat ini membawa maksud keseluruhan, namun berbeza perkara dan keadaan. Dalam surah *at-Taubah*, ayat 36, adalah perintah Allah kepada orang mukmin bagi memerangi orang musyrik secara menyeluruh seperti mereka memerangi mereka. Allah berkata, (وَقَاتِلُوا الْمُشْرِكِينَ كَافَّةً كَمَا يُقَاتِلُونَكُمْ كَافَّةً).

Ibn Kathīr menyatakan, terdapat dua pentafsiran dalam ayat ini. Pertama, ayat ini terputus daripada kalimah sebelumnya dan membentuk hukum baru sehingga ia menjadi suruhan dan galakan. Tafsirannya, "Sebagaimana mereka berhimpun bagi memerangi kamu, apabila mereka memerangi kamu berhimpunlah kamu juga bagi memerangi mereka sepertimana mereka memerangi kamu". Kedua, ayat ini adalah izin bagi orang mukmin memerangi orang musyrik pada bulan Muharam, sekiranya mereka memulakannya seperti dalam kata-kata Allah yang bermaksud,

> *"Dan janganlah kamu memerangi mereka di dalam Masjid al-Haram, sehingga mereka memerangi kamu di dalamnya, sekiranya mereka memerangi kamu maka bunuhlah mereka"*[5] *dan juga Allah berkata yang bermaksud, "Bulan Muharam (dibalas) dengan bulan Muharam dan kehormatan itu berbalasan juga."*[6]

Dalam surah *at-Taubah*, ayat 122 menceritakan tentang larangan keseluruhan orang mukmin daripada keluar berperang. Allah berkata, (وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُوا كَافَّةً).Al-Syaukānī berkata, para pakar berbeza pendapat mengenai maksud dalam ayat ini.

Pertama, sebahagian pakar menyatakan ayat ini adalah sisa-sisa hukum berjihad. Ini kerana, apabila Allah menurunkan perintah berjihad dan berperang, orang Muslim apabila diseru oleh Rasulullah bagi memerangi orang kafir, kesemua mereka keluar berjihad sehingga Madinah menjadi kosong dan sunyi. Lalu Allah mengkhabarkan kepada mereka, tindakan mereka kurang tepat sekiranya mereka semua keluar berjihad. Sebaliknya,

1 'Āyid et al (t.t), *op. cit.*, h. 1047

2 Ibn al-Jawzī (1965), *op. cit.*, j. 1, h. 255

3 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 90, al-Yazīdī (1985), *op. cit.*, h. 81.

4 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 3, h. 28

5 Surah al-Baqarah (2), ayat 191

6 Surah al-Baqarah (2), ayat 194

hendaklah segolongan daripada mereka menetap dan belajar serta mendalami ilmu pengetahuan, seterusnya mengajarkan kepada orang yang berperang apabila mereka pulang daripada berperang.

Kedua, sebahagian lagi menyatakan ayat ini bukanlah sisa-sisa dari hukum berjihad, namun mempunyai hukum tersendiri berkenaan dengan suruhan keluar mencari dan mendalami ilmu agama sepertimana kewajipan keluar berjihad di jalan Allah. Dari sini, terdapat dua *safar* (keluar mengembara) iaitu, keluar bagi berjihad dan keluar bagi menuntut ilmu. Tentunya kewajipan keluar menuntut ilmu berlaku apabila tidak ada penuntut yang belajar di tempatnya melainkan dengan keluar mengembara untuk belajar.[1]

Manakala dalam surah *Saba*, lafaz *kāffah* berkaitan dengan perutusan Rasulullah bagi semua manusia. Allah berkata, (وَمَآ أَرۡسَلۡنَٰكَ إِلَّا كَآفَّةٗ لِّلنَّاسِ بَشِيرٗا وَنَذِيرٗا). Muhammad 'Alī al-Sābūnī mentafsirkan ayat ini, "Kami tidak mengutusmu wahai Muhammad, bagi orang Arab sahaja, namun kami mengutusmu bagi keseluruhan makhluk, membawa berita gembira bagi orang yang beriman dengan nikmat syurga dan membawa peringatan bagi orang kafir tentang seksaan api neraka."[2]

KĀF(كَافٍ)

Ism fā'il mufrad, jamaknya *kāfūn* (كَافُوْن) atau *kufāh* (كُفَاه), berasal daripada kata akar *kafā* (كَفَى). Al-Fairūz berkata, asal makna lafaz ini terdapat di dalamnya penutupan dan pemenuhan hajat.[3] Selain itu, ia juga bermaksud mencegah.[4] Lafaz *kāf* bermaksud sesiapa yang mencukupkanmu dan mengayakan mu daripada yang lain.[5]

Disebut sekali sahaja di dalam al -Quran iaitu dalam surah ke-39, surah *az-Zumar*, ayat 36. Lafaz ini disandarkan kepada Allah. Allah berkata, (أَلَيۡسَ ٱللَّهُ بِكَافٍ عَبۡدَهُۥ). Al-Baidāwī menyatakan, kata *istifhām* (أَلَيۡسَ) dalam ayat ini adalah pertanyaan penafian yang iaitu isyarat pengisbatan yang sempurna, sedangkan lafaz *"al -'abd"* (العَبْدُ) bermaksud Rasulullah. Hal ini disokong oleh *qiraat* Hamzah dan al-Kisā`ī iaitu (عِبَادَهُ) yang ditafsirkan sebagai para nabi.[6]

Hal ini sependapat dengan al-Khāzin dan al-Nasafī, di mana Al-Khāzin mentafsirkan, "Kaum mereka bermaksud berbuat jahat kepada mereka, lalu Allah mencegah mereka daripada kejahatan orang yang memusuhi mereka."[7] Al-Nasafī mentafsirkannya, "Aku mencegahmu daripada orang yang mempersendakan."[8] Manakala Ibn Kathīr mentafsirkan ayat ini, "Sesungguhnya Allah mencukupi daripada hambanya dan ia bertawakal kepadanya."[9]

Dilaporkan oleh Ibn Abī Hātim daripada hadis Fudālah bin 'Ubaid al-Ansārī di mana ia mendengar Rasulullah berkata, "Beruntunglah bagi sesiapa yang diberi hidayah kepada Islam, di mana kehidupannya cukup dan ia merasa puas dengannya."[10]

1 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 530-531

2 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 554

3 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 368

4 Ahmad Warson (1997), *op. cit.*, h. 1221

5 'Āyid et al (t.t), *op. cit.*, h. 1048

6 Hilmī (1979), *op. cit.*, j. 5, h. 317

7 *Ibid.*

8 *Ibid.*

9 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 49

10 *Ibid.*, Beliau berkata, direkodkan oleh al-Tirmidhī dan

Kesimpulannya, lafaz *kāf* dalam ayat ini bermaksud, Allah yang mencegah hambanya daripada segala kejahatan dan mencukupi kehidupannya.

KĀFIR (كَا فِرٌ)

Ism fā'il mufrad daripada kalimah *kafara* (كَفَرَ), maksud bahasanya tidak beriman dengan ketuhanan, kenabian, syariat atau tidak beriman dengan kedua-duanya. Apabila disandarkan kepada *al-ni'mah*, ia bermaksud ingkar pada nikmat dengan tidak mensyukurinya.[1]

Al-Kafawī berkata, setiap sesuatu yang menutupi sesuatu dinamakan *al-kufr* (الكُفْرُ). Daripadanya terbit lafaz *al-kāfir* (الكَافِرُ) kerana dia menutupi nikmat Allah.[2] Al-Razī berkata, *al-kufr* dalam maksud bahasa mempunyai dua maksud. **Pertama**, lawan kepada keimanan. **Kedua**, *juhūd al-ni'mah* atau ingkar pada nikmat dan lawan bagi syukur.[3] Manakala lafaz *al-kāfir* mencakupi makna malam yang gelap kerana ia menutupi segala sesuatu.[4] Ibn al-Sikkīt berkata, daripadanya dinamakan *al-kāfir* kerana ia menutupi nikmat Allah.[5]

Kalimah dalam bentuk *fā'il* juga mengandungi makna orang yang tidak beriman kepada Allah, rasul dan orang yang tidak mensyukuri nikmat Allah.[6] Dalam bentuk ini, ia disebut lima kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 41, 217; *al-Furqān* (25), ayat 55; *at-Tagāhbun* (64), ayat 2 dan *an-Nabak* (78), ayat 40.

M. Quraish Shihab berkata,[7] al-Quran menggunakan *kufur* bagi pelbagai makna. Sementara pakar menghuraikan lima jenis kekufuran. **Pertama**, apa yang mereka namakan (كُفْرُ جُحُودٌ) *kufur juhūd* yang terdiri daripada dua macam iaitu mereka yang tidak mengakui wujud Allah seperti para ateis dan orang komunis. **Kedua**, mereka yang mengetahui kebenaran tetapi menolaknya kerana dengki dan iri hati kepada pembawa kebenaran itu. Kufur **ketiga** dalam maksud tidak mensyukuri nikmat Allah seperti yang diisyaratkan dalam kata-kata Allah yang bermaksud,

> *"Sekiranya kamu bersyukur, pastilah-ku tambah bagi kamu (nikmatku) dan apabila kamu kafir, maka sesungguhnya seksaanku pastilah amat pedih".*[8]

Keempat adalah kufur dengan meninggalkan atau tidak mengerjakan tuntunan agama, walaupun percaya. Ini seperti kata-kata Allah yang bermaksud,

> *"Apakah kamu percaya kepada sebahagian al-Kitab dan kafir terhadap sebahagian lainnya."*[9]

Kelima adalah kufur dalam maksud tidak merestui dan melepaskan diri seperti kata-kata Allah yang mengabadikan ucapan Nabi Ibrāhīm kepada umatnya,

> *"Kami kafir kepada kamu dan telah jelas antara kami dan kamu permusuhan dan*

al-Nasā`ī daripada hadis Haywah bin Syurayh daripada Abī Hāni` al-Khūlānī, al-Tirmidhī menyatakan hadis sahih.

1 'Āyid et al (t.t), *op. cit.*, h. 1046

2 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 742

3 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 573

4 *Ibid.*

5 *Ibid.*

6 'Āyi et al (t.t), *op. cit.*, h. 1046

7 M. Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, j. 1, h. 95

8 Surah Ibrāhīm (14), ayat 7

9 Surah al-Baqarah (2), ayat 85

kebencian untuk selama-lamanya."[1]

Di dalam al-Quran, ayat yang menyebut kalimah dalam bentuk ini iaitu kāfir mengandungi makna *juhud* atau ingkar bagi beriman kepada Allah dan pada apa yang diturunkan daripadanya berupa kenabian, kitab, syariat dan sebagainya. Sepertimana Allah berkata,[2]

وَءَامِنُوا۟ بِمَآ أَنزَلْتُ مُصَدِّقًا لِّمَا مَعَكُمْ وَلَا تَكُونُوٓا۟ أَوَّلَ كَافِرٍۭ بِهِۦ

Ibn Kathīr berkata, pertama kali yang *kufur* dalam ayat ini adalah daripada Banī Israel kerana orang Yahudi Madinah terlebih dahulu diperintahkan beriman dengan al-Quran, tetapi mereka kufur padanya. Oleh itu, lazimnya mereka yang pertama sekali ingkar daripada keturunan mereka.[3]

Ataupun yang dimaksudkan *awwala* (أَوَّلَ) iaitu pertama bukan bermaksud yang paling dahulu, tetapi maknanya yang tampil ke depan dan giat mengingkarinya, hingga maksudnya orang Yahudi adalah orang yang giat dan tampil ke depan sebagai pemimpin dalam mengingkari penurunan al-Quran.[4]

KĀFŪRĀ (كَافُورًا)

Ism mufrad, jamaknya *kawāfīr* (كَوَافِرُ), maksudnya pokok yang diambil daripadanya kapur yang berwarna putih dan wangi baunya, pahit rasanya, dipakai bagi melawan bau busuk dan sebagainya.[5] Al-Fairūz Ābādī menyatakan *kāfūr* (كَافُورُ) dan *al-qāfūr* (القَافُورُ) adalah sesuatu yang putih lagi wangi. Terdapat di dalam pokok yang terkenal di negeri India dan ia bermacam jenis.[6]

Disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Insān* (76), ayat 5. Allah berkata, (إِنَّ ٱلْأَبْرَارَ يَشْرَبُونَ مِن كَأْسٍ كَانَ مِزَاجُهَا كَافُورًا). Al-Tabarī menyatakan, *kāfūr* adalah sifat bagi minuman. Tafsirannya, campuran minuman khamar itu yang diminum oleh orang beriman dengan sesuatu yang wangi baunya seperti kapur daripada mata air yang diminum oleh hamba-hamba Allah yang masuk syurga, sehingga minuman itu wangi baunya.[7]

Ada juga yang menyatakan *kāfūr* adalah mata air di dalam syurga yang dinamakan *al-kāfūriyy* (الكَافُورِي). Air mata ini dicampurkan dengan khamar syurga.[8] Qatādah dan Mujāhid menyatakan, dicampurkan pada minuman mereka kapur dengan wangian.[9] 'Ikrimah menyatakan, dicampur rasanya dengannya.[10]

Dalam *Tafsir al-Azhar*, *kāfūr* maksudnya kapur atau *Kamver*. Zat putih dan wangi dikeluarkan dari dalam pohon kayu yang biasanya tumbuh di hutan-hutan. Lebih dikenali dengan kapur barus. Dari sini, *kāfūr* dalam ayat ini yang menjadi campuran minuman orang berbuat kebaikan di dalam syurga itu kelak, namanya serupa dengan *kāfūr* yang ada di dalam dunia ini. Tetapi, ia adalah *kāfūr* akhirat atau *kāfūr* syurga yang berlipat ganda wanginya, lebih harum dan dapat dijadikan

1 Surah al-Mumtahanah (60), ayat 4

2 Surah al-Baqarah (2), ayat 41

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 72

4 M. Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, j. 1, h. 168

5 'Āyid et al (t.t), *op. cit.*, h. 1046

6 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 365

7 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 14, h. 257-258

8 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 431

9 *Ibid.*

10 *Ibid.*

campuran minuman.[1]

Hal ini dijelaskan oleh Allah dalam surah *al-Baqarah*, ayat 25 iaitu ketika penghuni syurga diberi makanan buah-buahan yang lazat rasanya. Mereka berkata, "Inilah yang pernah diberikan kepada kami dahulu." *Kāfūr* bermaksud kapur yang wangi yang dicampurkan ke dalam khamar sebagai minuman penduduk syurga.

KAHF (كَهْف)

Ism mufrad, jamaknya *kuhuf* (كُهُفٌ), maksudnya lubang besar di kaki bukit dan gunung atau disebut juga gua. Ia juga bermakna tempat kembali.[2] Dalam *Kamus al-Munjid*, apabila lubangnya kecil, ia dinamakan *al-ghār*.[3]

Disebut enam kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Kahfi* (18), ayat 9, 10, 11, 16, 17 dan 25. Salah satu lafaz *al-kahf* disandarkan kepada lafaz *ashab* iaitu dalam ayat 9. Allah berkata, أَمْ حَسِبْتَ أَنَّ أَصْحَابَ الْكَهْفِ وَ الرَّقِيمِ كَانُوا مِنْ آيَاتِنَا عَجَبًا).

Kisah *Ashab al-Kahfi* diceritakan di dalam al-Quran. Menurut sejarah, peristiwa ini berlaku pada abad ke-4 sebelum Masihi atau abad ke-9 sebelum Hijriyah. Pada masa itu, raja berkuasa yang zalim bernama Raja Dikyanus (Decius). Dia berkuasa di negeri Upsus termasuk wilayah kerajaan Yunani. Kekejamannya begitu dahsyat sehingga ia mengaku dirinya sebagai tuhan yang perlu ditaati, sesiapa yang menentang perintahnya akan diseksa. Namun, terdapat tujuh pemuda yang berani membangkang dan menentang perintahnya. Mereka tetap teguh beriman kepada Allah.

Berita tentang keengganan tujuh pemuda itu akhirnya sampai ke telinga raja. Raja pun mengutus beberapa orang kepercayaannya bagi menangkap dan membawa mereka menghadapnya. Mereka bersedia dihadapkan kepada raja tanpa melawan. Cacian dan sumpah seranah meluncur keluar bertubi-tubi dengan tujuan supaya pemuda-pemuda itu bersedia mempertuhankan dirinya. Tetapi mereka dengan tegas menyatakan,

> *"Tuhan kami adalah Tuhan langit dan bumi; kami sekali-kali tidak menyeru tuhan selain dia. Sesungguhnya kamu kalau demikian telah mengucapkan perkataan yang amat jauh daripada kebenaran!"*[4]

Mendengar jawapan itu, raja menjadi gementar dan kemurkaannya pun mereda. Kerana keadaan yang demikian, raja memberikan waktu kepada pemuda-pemuda itu mempertimbangkan keimanan mereka.

Kesempatan itu digunakan oleh mereka untuk keluar dari negeri Upsus bagi menyelamatkan iman mereka. Sehingga habis waktu yang ditentukan oleh raja, ketujuh-tujuh pemuda itu berjaya menghilangkan diri, malah pasukan tentera tidak berhasil menemukan mereka. Pemuda-pemuda itu melarikan diri dengan anjing.

Dalam perjalanan yang begitu melelahkan, mereka menjumpai sebuah gua. Mereka yakin gua itu selamat bagi berlindung dan beribadah sehingga mereka bebas daripada

1 HAMKA (1984), *op. cit.*, j. 29, h. 278

2 'Āyid et al (t.t), *op. cit.*, h. 1058

3 Ma`lūf (1975), *op. cit.*, h. 701

4 Surah al-Kahfi (18), ayat 4

dikejar oleh tentera raja. Di dalam gua itu, mereka berdoa kepada Allah,

> *"Wahai Tuhan kami, berikanlah rahmat kepada kami dari sisimu dan sempurnakanlah bagi kami petunjuk yang lurus dalam urusan kami."*[1]

Akhirnya ketujuh-tujuh pemuda itu ditidurkan oleh Allah selama 309 tahun, namun mereka tidak menyedarinya. Apabila mereka terbangun, masing-masing merasakan begitu lapar, lalu salah seorang daripada mereka segera pergi ke kota bagi membeli makanan. Namun, ketika dalam perjalanan, dia menemukan hal-hal yang mengagumkan.

Jalan-jalan yang dilaluinya jauh berbeza dibandingkan ketika ia meninggalkan kota itu. Bangunan-bangunan begitu indah sedangkan baru kelmarin atau beberapa hari sahaja dia meninggalkan kota itu. Apabila sampai di tempat jualan makanan, dia pun segera membelanjakan wangnya bagi membeli makanan yang diperlukan. Tetapi anehnya, penjual makanan tidak mahu menerima wangnya. Dia menyatakan wang itu sudah tidak laku. Lalu pemuda itu membeli makanan di tempat lain, tetapi penjual yang lain juga tidak menerimanya.

Akhirnya, pemuda itu dikerumuni orang ramai yang saling mengumpat, ada yang menyatakan pemuda itu gila, penipu dan pelbagai lagi umpatan. Ternyata, kekecohan itu berpunca daripada wang yang bergambar Raja Dikyanus yang memang sudah tidak laku lagi, malah tidak ada seorang pun antara mereka yang mengenalinya.

Secara kebetulan, tidak jauh daripada kerumunan penduduk itu, ada petugas kerajaan yang sedang membuat rondaan. Petugas itu segera mendekati dan dengan ramah menanyakan masalah yang timbul. Pemuda itu menceritakan dia bersama enam orang temannya melarikan diri daripada tentera Raja Dikyanus kerana mereka tidak mahu menyembahnya demi menyelamatkan iman mereka. Petugas itu terpegun mendengar penjelasan pemuda itu.

Raja lantas segera bersujud kepada Allah sebagai tanda syukur kerana memberikan kesempatan padanya melihat secara langsung salah satu daripada tanda-tanda kekuasaannya. Bagi mengungkapkan rasa syukur yang mendalam, raja menghimpunkan rakyatnya supaya menyambut para pemuda yang berani itu dari gua tempat persembunyian mereka. Raja berserta rakyat Upsus benar-benar menyaksikan dengan nyata, ketujuh-tujuh pemuda Ashab al-Kahfi dan anjing kesayangan mereka masih hidup tanpa cacat sedikit pun.

Namun, pertemuan itu tidak lama kerana pemuda Ashab al-Kahfi dan anjing mereka segera tidur kembali buat selama-lamanya. Mereka dipanggil ke ribaan Allah dengan membawa kesaksian iman yang tulus. Sebagai tanda penghormatan kepada pemuda Ashab *al-Kahfi* itu, raja berserta rakyat Negeri Upsus membuat batu peringatan di hadapan pintu gua yang dikenali dengan nama ***Raqīm***.[2]

KĀHIN (كَاهِن)

Ism fā'il mufrad daripada akar kata *kahana* (كَهَنَ). Ibn Kafawī menyatakan, ia bermakna orang yang menceritakan keadaan-keadaan

1 Surah al-Kahfi (18), ayat 10

2 Fuad Kauma dan Drs. Nipan (1999), *Kisah-kisah Rukum Islam*, c. 2, Mitra Pustaka: Yogyakarta, h. 8.

pada masa lalu.[1] Di dalam *al-Mu'jam al-Wasīt*, lafaz *kāhin* (كَاهِن) mengandungi makna setiap orang yang memiliki ilmu yang mendalam. Menurut orang Arab, setiap *kāhin* adalah orang yang dikatakan penilik dan tabib iaitu orang yang menguruskan urusan seseorang yang berusaha menunaikan hajatnya.

Menurut orang Yahudi, *kāhin* adalah sesiapa yang meningkat kepada darjat *al -kahanūt* (الكَهَنُوتُ). Sedangkan menurut agama-agama lain selain agama Islam, *kāhin* adalah orang yang menguruskan penyajian sembelihan-sembelihan dan ketua yang menguruskan upacara-upacara keagamaan.[2]

Lafaz ini disebut dua kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *at-Tūr* (52), ayat 29 dan surah *al-Hāqqah* (69), ayat 42.

Allah berkata dalam surah at-Tūr,

فَذَكِّرْ فَمَآ أَنتَ بِنِعْمَتِ رَبِّكَ بِكَاهِنٍ وَلَا مَجْنُونٍ

Dalam surah *al-Hāqqah* Allah berkata, (وَمَا هُوَ بِقَوْلِ شَاعِرٍ قَلِيلًا مَّا تُؤْمِنُونَ). *Ḍamīr* dalam surah *at-Tūr* merujuk kepada Muhammad. Al-Qurtubī berkata, *kāhin* adalah orang yang mengkhabarkan apa yang berlaku pada masa hadapan tanpa wahyu.[3] Maksudnya, nabi bukanlah *kāhin* yang mengkhabarkan perkara-perkara yang akan berlaku pada masa hadapan tanpa wahyu daripada Allah.

Dalam *Tafsīr Safwah al-Tafāsīr*, ia bermakna mengkhabarkan berita-berita ghaib, bukan daripada wahyu Allah.[4] Tafsiran dalam surah *at-Tūr*, "Ingatkanlah kaummu wahai Muhammad dengan al-Quran, engkau tidak mengada-adakan sebuah perkataan tentang nikmat risalah Tuhanmu dan mengkhabarkan dengan apa yang berlaku pada masa hadapan tanpa wahyu."[5]

Al-Qurtubī menambah lagi, ayat ini adalah bantahan bagi tuduhan yang dilemparkan kepada Nabi Muhammad. 'Uqbah bin Abi Mu'ait berkata, sesungguhnya dia adalah *majnūn* (gila), sedangkan Syaibah ibn Rabī'ah berkata, sesungguhnya dia adalah *sāhir* (penyihir). Manakala selain daripada mereka menyatakan dia adalah *kāhin*. Lalu Allah mendustakan mereka dan membantah tuduhan mereka dengan ayat ini.[6]

Ada juga yang berpendapat, *kāhin* bermakna jāhil iaitu bodoh dan lalai sehingga tafsiran ayat ini, "Wahai Muhammad, engkau tidaklah lupa akan pujian Allah; maknanya Allah telah membebaskanmu daripada berbuat demikian."[7] Ada juga yang berpendapat, (فَمَا أَنتَ بِنِعْمَةِ رَبِّكَ) adalah redaksi *al-qasam* atau dalam bentuk sumpah yang membawa maksud, "Demi nikmat Allah, engkau bukanlah seorang *kāhin* lagi *majnūn*".[8]

Begitu juga dalam surah al-Hāqqah, al-Quran bukanlah daripada perkataan seorang *kāhin* yang mendakwa dirinya tahu perkara-perkara yang ghaib kerana susunan kalimah-kalimahnya berlainan dengan sajak seorang *kāhin*.[9]

Dari sini, dapat dibuat kesimpulan, lafaz *kāhin* berkaitan dengan Nabi Muhammad dan al-Quran di mana ia bukan daripada perkataan *kāhin*, melainkan wahyu yang diturunkan kepada Muhammad. Lafaz *kāhin* secara umumnya bermaksud orang yang mendakwa

1 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 773

2 Anīs et al (t.t), *op. cit.*, h. 803

3 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 17, h. 72

4 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 266

5 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*

6 *Ibid.*

7 *Ibid.*

8 *Ibid.*

9 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 349

dirinya tahu tentang perkara-perkara yang ghaib sama ada perkara yang lalu atau yang akan datang.

KALĀLAH (كَلَالَةٌ)

Lafaz ini dalam bentuk *maṣdar* yang bermakna *al-kalāl* (الكَلَال) iaitu kehilangan kekuatan kerana letih dan lemah.[1] Lalu ia dipinjamkan bagi sanak saudara yang bukan daripada pihak anak atau kedua-dua ibu bapa. Daripada pihak perhubungan dengan kedua -duanya, ia seperti alat yang lemah. Oleh itu, apabila ia dijadikan sifat bagi pewaris atau yang mewarisi, ia bermakna *dhī kalālah* iaitu yang mewarisi atau diwarisi.[2]

Disebut dua kali dalam surah *an-Nisā* (4), ayat 12 dan 176. Dalam *Tafsīr al-Misbāh*, lafaz *kalālah* adalah lafaz yang paling banyak diperselisihkan oleh pakar-pakar tafsir sehingga dilaporkan daripada Umar bin al -Khattab berkata, "Tiga hal yang sekiranya dijelaskan keterangannya oleh Rasulullah, menjadi hal-hal yang lebih saya senangi daripada kenikmatan duniawi, *kalālah*, riba dan khalifah.[3] Antara pendapat pakar mengenai makna *kalālah* adalah:

- Ibn al-'Arabī berpendapat, *kalālah* adalah anak bapa saudara yang jauh.[4]
- Abū Bakr, 'Umar bin al-Khattāb, Ibn 'Abbās, Qatādah, al-Zuhrī, Abī Ishāq dan lainnya berpendapat, *kalālah* adalah yang mati yang tidak meninggalkan dan memiliki anak dan bapa.[5]
- Syu'bah berpendapat, *kalālah* adalah yang tidak memiliki bapa.[6]
- Laporan daripada Tāwūs daripada Ibn 'Abbās, *kalālah* adalah yang mati tanpa meninggalkan anak, di mana satu per enam diwarisi oleh saudara-saudara daripada ibu bersama kedua-dua ibu bapa.[7]
- Kesemua pendapat di atas mengisyaratkan, *kalālah* adalah *al-maurūth* iaitu yang mati. Ia dinamakan demikian apabila ahli warisnya mewarisi kerana ketiadaan anak dan bapa.
- Ada juga yang berpendapat, *kalālah* adalah ahli waris bagi si mati apabila mereka saudara-saudara lelaki dan perempuan dan lainnya apabila tidak ada di tepi mereka anak dan bapa. Sepertimana pendapat Ibn Jarīr dan Ibn Zaid.[8]

Al-Syaukānī berkata, sesiapa yang membaca ayat (يُوْرِثُ كَلَالَة) dengan berbaris bawah dan *syiddah* pada huruf *rā'* atau *"yūwarrithu"* (يُوَرِّثُ) iaitu bacaan ulama Kūfah atau dengan berbaris bawah sahaja pada *ra'* atau *"yūrithu"* (يُوْرَثُ) iaitu bacaan al-Hasan dan Ayyūb, ia bermaksud ahli waris si mati. *Qiraat jumhur* iaitu dengan berbaris atas pada huruf *rā'* atau *"yūrathu"*(يُوْرَثُ), ia mempunyai dua makna. Boleh jadi ia bermaksud ahli waris, boleh jadi ia bermaksud *al-maurūth* iaitu yang mati.

Dilaporkan daripada 'Alī, Ibn Mas'ūd, Zaid bin Thābit, Ibn 'Abbās dan al-Sya'bī, *al -kalālah* bermakna selain daripada anak dan

1 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 475

2 *Ibid.*

3 M. Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, j. 2, h. 349

4 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 576

5 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 376-378, athar no. 6957, 6961, 6963, 6966

6 *Ibid.*, athar no. 6967

7 *Ibid.*, athar no. 6949

8 *Ibid.*

bapa daripada ahli waris.

Al-Tabarī menyatakan, *al-kalālah* adalah mereka yang mewarisi si mati selain daripada anak dan bapanya berdasarkan kebenaran hadis Jābir, "Aku berkata, Wahai Rasulullah, sesungguhnya *kalālah* mewarisi hartaku, patutkah aku mewasiatkan kesemua hartaku? Beliau menjawab, "Tidak."[1]

Dalam satu lagi laporan, Sa'ad mengalami sakit tenat di Makkah. Dia mengatakan Rasulullah menziarahinya, lalu dia berkata, "Wahai Rasulullah, saya memiliki harta yang banyak, namun saya tidak memiliki ahli waris melainkan *kalālah*, adakah aku mewasiatkan kesemua hartaku?" Beliau menjawab, "Tidak".[2]

Kesimpulannya, terdapat dua makna lafaz *kalālah* iaitu (1) Sekiranya merujuk kepada yang mati dan meninggalkan warisan, kebanyakan pakar berpendapat *kalālah* adalah yang mati tidak meninggalkan ayah dan dan tidak meninggalkan anak. (2) Sekiranya merujuk kepada ahli waris, *kalālah* membawa maksud ahli waris selain kedua-dua ibu bapa dan anak.

KALĀM (كَلَام)

Lafaz ini dalam bentuk *maṣdar* daripada lafaz kalimah *kalama* (كَلَمَ). Menurut asal bahasa, *kalām* adalah suara-suara yang sempurna atau maknanya *al-qaul* (القَوْلُ) iaitu perkataan. Menurut ilmu nahu, *al-kalām* ialah jumlah atau ungkapan yang sempurna maknanya. Daripada segi lain, ilmu *Kalām* adalah ilmu yang berbicara tentang pengisbatan akidah dengan berlandaskan hujah-hujah.[3]

Diulang lafaz *kalām* sebanyak empat kali iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 75; *at -Taubah* (9), ayat 6; *al-Fath* (48), ayat 15 dan *al-A'rāf* (7), ayat 144 dengan menggunakan *ḍamir "ya"* bagi "saya". Lafaz *kalām* dalam semua ayat-ayat di atas disandarkan kepada Allah atau "kalām Allāh".

Dalam surah *al-Baqarah*, al-A'masy membacanya dengan *"kalim Allāh"* dan *kalim* adalah jamak dari kalimah. Allah berkata,

وَقَدْ كَانَ فَرِيقٌ مِّنْهُمْ يَسْمَعُونَ كَلَٰمَ ٱللَّهِ ثُمَّ يُحَرِّفُونَهُۥ

"Segolongan daripada mereka mendengar kalam Allah, lalu mereka mengubahnya selepas mereka memahaminya, sedang mereka mengetahui."

Kalām Allāh dalam ayat ini bermaksud Taurat. Ibn Zaid berkata, ia adalah Taurat yang diturunkan kepada mereka, lalu mereka mengubahnya dengan menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal, menjadikan yang batil kebenaran dan kebenaran menjadi kebatilan.[4] Begitu juga dengan pendapat al-Suddī, di mana *kalām* Allāh dalam ayat ini adalah Taurat yang mereka telah mengubahnya.[5]

Namun, Ibn Ishāq menyatakan, (يَسْمَعُونَ كَلَامَ اللَّهِ) bukan bermakna mereka mendengar Taurat kerana setiap daripada mereka mendengarnya, tetapi yang dimaksudkan adalah mereka meminta Nabi Mūsā me-

1 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 547

2 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, h. 380, athar no. 6972

3 Anīs et al (t.t), *op. cit.*, h. 796, 'Āyid et al (t.t), *op. cit.*, h. 1052

4 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 520, athar no. 1099

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 100

lihat Allah, lalu mereka dipanah petir.[1] Begitu juga dengan pendapat Ibn Jarīr yang berkata, sekiranya ia bermaksud Taurat, pasti ayat ini berbunyi,

وَقَدْ كَانَ فَرِيقٌ مِّنْهُمْ يَسْمَعُونَ كَلَٰمَ ٱللَّهِ ثُمَّ يُحَرِّفُونَهُۥ مِنۢ بَعْدِ مَا عَقَلُوهُ وَهُمْ يَعْلَمُونَ

Segolongan dari mereka telah mengubah kalam Allah setelah mereka memahaminya, sedang mereka mengetahui.[2]

Rasyīd Ridā menyatakan penggunaan kata kerja (يَسْمَعُونَ) memiliki hikmah yang tersendiri.[3] Ibn Jarīr menambah lagi, Allah mengkhabarkan tentang orang Yahudi yang terpilih mendengar terus kata-kata Allah yang tidak diberikan kepada sesiapa pun melainkan nabi-nabi dan rasul-rasul, lalu mereka mengubah dan menyelewengkannya. Oleh itu, mereka disifatkan sebagaimana yang Allah sifatkan kerana kelebihan yang diberikan kepada segolongan daripada mereka.[4]

Ibn Kathīr menyatakan, tidak semestinya mendengar *kalām* Allāh adalah mendengar terus daripadanya sebagaimana yang didengari oleh Nabi Mūsā. Allah berkata dalam surah *at-Taubah*, ayat 6 yang bermaksud,

> *"Apabila seseorang antara orang musyrik meminta perlindungan kepadamu, hendaklah engkau memberikan perlindungan kepadanya, sehingga dia mendengar kalām Allāh."*

Yang dimaksudkan (حَتَّىٰ يَسْمَعَ كَلَٰمَ ٱللَّهِ) adalah menyampaikan *kalām* Allāh kepadanya sehingga dia mendengarnya."[5]

Al-Qurtubī juga menyatakan, pendapat yang menyatakan 70 orang Yahudi yang terpilih mendengar *kalām* Allāh adalah pendapat yang lemah. Manakala pendapat yang menyatakan 70 orang Yahudi yang terpilih mendengar seperti Nabi Mūsā mendengar *kalām* Allāh adalah pendapat yang salah kerana dengan sendirinya menghilangkan kelebihan dan kemuliaan Nabi Mūsā serta pengkhususan kepadanya dengan gelaran *"al -taklīm"* (التَّكْلِيمُ).[6]

Al-Suddī dan lainnya berpendapat, mereka sebenarnya tidak mampu mendengar *kalām* Allāh kerana fikiran mereka berserabut. Lalu mereka menginginkan Mūsā mendengarnya dan mengulanginya bagi mereka. Selepas mereka selesai mendengarnya daripada Mūsā, mereka keluar dan sebahagian mereka mengubahnya daripada apa yang mereka dengar melalui nabi mereka Mūsā seperti kata-kata Allah dalam surah *at-Taubah*, ayat 6.[7]

Manakala hadis yang dilaporkan oleh al -Kalbī daripada Abī Sālih daripada Ibn 'Abbās kaum Mūsā memintanya agar memohon kepada Tuhannya supaya mereka mendengar *kalām* Allāh, lalu mereka mendengar suara seperti suara trompet, "Sesungguhnya saya adalah Allah, tiada tuhan melainkan saya yang maha hidup dan berdiri..." adalah hadis yang batil dan tidak benar. Ini kerana, laporan Marwān daripada al-Kalbī adalah lemah yang tidak dijadikan hujah.

Al-kalām adalah sesuatu yang dikhususkan kepada Nabi Mūsā daripada keseluruhan anak Adam. Sekiranya Allah memperdengarkan *kalam*nya kepada kaum Mūsā, maka tidak ada kelebihan Mūsā ke atas mereka, se-

1 *Ibid.*, athar no. 1102

2 *Ibid.*, h. 521

3 Rasyīd Ridā (t.t), *op. cit.*, j. 1, h. 356

4 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*

6 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 1, h. 6

7 *Ibid.*

dangkan Allah berkata dalam surah al-A'rāf, ayat 144 yang bermaksud, "Wahai Musa! Sesungguhnya Aku telah memilihmu (menjadi rasul) bagi manusia dengan membawa risalahku dan kalamku."[1]

Kesimpulannya, lafaz *kalām* Allāh membawa maksud kata-kata Allah yang berupa wahyu-wahyunya. Banī Isrāel tidak langsung mendengar *kalām* Allāh tetapi mereka mendengar *kalām* Allāh berupa wahyu-wahyu daripadanya melalui kitab Taurat yang dibacakan oleh Nabi Mūsā kepada mereka, namun selepas itu sesetengah mereka menyelewengkannya.

KALB (كَلْب)

Ism mufrad, jamaknya *kilāb* (كِلَاب). Daripada segi bahasa, ia mengandungi maksud haiwan yang menyalak atau menggonggong.[2] Nama bintang yang sudah terkenal, seperti *al-kalb al-akbar, al-kalb al-asghar, kalb jabbār, kalb al-rā'ī,*[3] permulaan bertambahnya air dalam wadi, singa[4] dan sebagainya.

Disebut lima kali di dalam al-Quran. Satu tidak digandingkan dengan *ḍamīr* iaitu dalam surah *al-A'raf* (7), ayat 176 dan empat kali digandingkan dengan *ḍamīr "hum."* Terdapat dalam surah *al-Kahfi* (18), ayat 18 dan 22 (tiga kali). Kalimah *al-kalb* di dalam al-Quran dikaitkan dengan dua keadaan. Pertama, sebagai contoh bagi orang yang mendustakan ayat-ayat Allah sepertimana yang terdapat dalam surah *al-A'rāf*. Kedua, berkaitan dengan *Ashāb al-Kahfi* sepertimana yang terdapat dalam surah *al-Kahfi*.

Allah menyatakan dalam surah *al-'Arāf*,

فَمَثَلُهُۥ كَمَثَلِ ٱلْكَلْبِ إِن تَحْمِلْ عَلَيْهِ يَلْهَثْ

Ibn Kathīr menyatakan, ayat ini diturunkan kepada Bal'am bin Bā'ūrā`[5] di mana dia sudah menghafal kitab yang diturunkan.

Ada yang menyatakan, dia diberi risalah kenabian dan doanya diterima, diutus oleh Allah kepada penduduk Madyan bagi mengajak mereka kepada keimanan. Lalu mereka memberikannya harta yang banyak sehingga dia mengikuti agama mereka dan meninggalkan apa yang diutus kepadanya. Semasa Mūsā dan Banī Isrāel keluar bagi memerangi al-Jabbārūn, mereka meminta Bal'am supaya mendoakan kehancuran ke atas Mūsā. Lalu Bal'am pun berdoa ke atasnya, namun lidahnya berubah dan berdoa kepada sahabat-sahabatnya.

Pada saat itu, Bal'am berkata, aku tidak mampu melakukan lebih daripada apa yang kamu dengar. Tiba-tiba, lidahnya menjulur hingga ke dadanya dan berkata, sekarang sudah hilang dunia dan akhirat daripada diriku, tidak tertinggal kecuali helah dan tipu yang aku lakukan kepada mereka. Aku berpendapat, kamu memerintahkan anak-anak perempuan kamu keluar kepada mereka kerana Allah marah pada zina. Sekiranya mereka terjerumus ke dalamnya, mereka akan hancur, lalu Banī Isrāel pun terjerumus ke dalam perbuatan zina. Pada masa itu, Allah menimpakan taun ke atas mereka dan seramai 70 000 ribu daripada mereka mati.[6]

1 *Ibid.*

2 'Āyid *et al* (t.t), *op. cit.*, h. 1049

3 *Ibid.*

4 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 375

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 246

6 Al-Syaukānī (1994), op. cit., j. 2, h. 337-338

Ibn Kathīr menyatakan, mengikut redaksi Ibn Ishāq daripada Sālim daripada Abu al -Nadr, Bal'am menjulurkan lidahnya hingga ke dada sama seperti lidah anjing yang terjulur dalam dua keadaan sama ada dihalau ataupun dibiarkan.[1]

Al-Qutaibī berkata, setiap sesuatu yang termengah-mengah tidak berbuat demikian kecuali dalam keadaan penat atau haus, tidak seperti anjing kerana ia tercungap-cungap dengan menjulur lidahnya kerana haus, kenyang, lapar, rehat, sihat ataupun dalam keadaan sakit.

Allah memberi contoh bagi orang yang kufur pada ayat-ayatnya. Dia berkata, sama ada engkau memberi peringatan dan nasihat ataupun engkau biarkan, pasti ia tetap sesat, dan dia seperti anjing yang termengah -mengah biarpun engkau halau atau engkau biarkan.[2] Allah berkata, "Sekiranya engkau menyeru mereka (penyembah berhala) kepada petunjuk, dan mereka tidak mengikutimu sama ada bagimu, kamu seru mereka atau kamu diam sahaja."[3]

Sa'īd Hawwā menyatakan, ayat ini merupakan contoh kehinaan orang yang cenderung kepada nilai dunia dan mengutamakannya daripada akhirat, sehingga mereka menjadi anjing yang selalu dalam kehinaan dan termengah-mengah (dengan menjulur lidahnya) dalam dua keadaan.[4] Telah sabit hadis mengenai makna ayat ini, dilaporkan Abū Yu'lā daripada Hudhaifah bin al-Yamanī katanya; Rasulullah berkata, "Sesungguhnya aku mengkhuatirkan oleh kamu, lelaki yang membaca al-Quran. Apabila dilihatkan keindahan ke atasnya sedangkan pakaiannya adalah Islam, lalu dia menanggalkannya sehingga Allah menghendaki, berpaling daripadanya dan melemparkannya di belakangnya, lalu dia menghunuskan pedang ke atas jirannya dan menuduhnya dengan syirik", beliau berkata, Aku bertanya, "Wahai Nabi Allah! Siapa di antara keduanya yang lebih syirik, adakah yang menuduh atau yang dituduh? Beliau menjawab, "Bahkan yang menuduh."[5]

Manakala kalimah *al-kalb* dalam surah *al-Kahfi* menceritakan anjing yang mengikuti *Ashab al-Kahfi* yang lari dari raja yang zalim bagi menyelamatkan iman mereka. Allah berkata, (وَكَلْبُهُم بَاسِطٌ ذِرَاعَيْهِ بِالْوَصِيدِ), maksudnya: "Dan anjing mereka yang mengikuti mereka meletakkan tangannya di depan pintu gua seakan-akan dia menjaga mereka".[6] Kesimpulannya, lafaz *al-kalb* membawa maksud anjing.

KĀLIHŪN (كَالِحُونَ)

Ism fā'il jamak *mudhakkar* dari *kālih* (كَالِحٌ), berasal daripada kalimah *kalaha* (كَلَحَ). Menurut ulama bahasa, *al-kulūh* bermaksud menampakkan gigi dalam keadaan muram.[7] Lafaz *kālih* mencakupi makna orang yang muram, sengsara, dan penat sehingga nampak pada wajah yang pucat seperti warna kekuningan.[8] Disebut sekali di dalam al -Quran iaitu dalam surah yang ke 23 daripada surah al-Mukminūn ayat 104. Allah berkata,

1 Ibn Kathīr (1998), op. cit.
2 Al-Syaukānī (1994), loc. cit.
3 Surah al-A'rāf (7: 193)
4 Sa'īd Hawwā (1999), op. cit., j. 4, h. 2062
5 Ibid.
6 Al-Sābūnī (1981), op. cit., j. 2, h. 186
7 Al-Rāzī (1987), op. cit., h. 576
8 'Āyid et al (t.t), op. cit., h. 1049

(تَتَلَفَّحُ وُجُوهَهُمُ النَّارُ وَهُمْ فِيهَا كَلِحُونَ). Al-Qurtubī menyatakan al-kālih bermakna orang yang membuka mulutnya sehingga menampakkan gigi-giginya.[1]

Daripada Ibn 'Abbās (وَهُمْ فِيهَا كَالِحُونَ) bermaksud seperti orang yang memberengut dan terbuka mulutnya serta mengalir nanah yang bercampur darah daripadanya.2 Dilaporkan oleh al-Thaurī daripada Abī Ishāq daripada al-Ahwas daripada 'Abdullah bin Mas'ūd, "Tidakkah engkau melihat kepala yang dipanggang dengan api, giginya pasti ternampak dan mulutnya pasti terbuka.3 Dilaporkan al-Tirmidhī daripada Abī Sa'īd al-Khudrī daripada Nabi Muhammad katanya, (وَهُمْ فِيهَا كَالِحُونَ), Beliau berkata yang bermaksud, wajah mereka dipanggang oleh api neraka sehingga bibir yang atas terbuka sampai ke pertengahan kepalanya, sedangkan bibir yang bawah menjulur ke bawah sehingga sampai ke pusatnya."[4] Tafsirannya, "Wajah mereka dibakar dengan api yang panas, dan di neraka mereka begitu sengsara dan bermuram sehingga mulut terbuka dan menampakkan gigi-gigi seperti dipanggang".5 Kesimpulannya, lafaz *kālihūn* membawa maksud wajah mereka bermuram dan kelihatan begitu sengsara.

KALIMAH (كَلِمَة)

Lafaz ini dalam bentuk mufrad, jamaknya *kalimāt* (كَلِمَاتٌ). Dari segi bahasa, kalimah bermaksud satu lafaz yang menunjukkan ke atas makna, ungkapan yang sempurna maknanya, perkataan yang terbentuk panjang,[6] atau disebut juga dengan kata dan perkataan.[7] Lafaz kalimah dalam bentuk mufrad disebut 28 di dalam al-Quran sedangkan dalam bentuk jamak atau *kalimāt* disebut 14 kali. Lafaz kalimah dalam bentuk mufrad mencakupi beberapa makna mengikut sandarannya iaitu:

1. Lafaz k*alimah* disandarkan kepada *Allāh* atau *al-Rabb*, mengandungi beberapa makna dan pentafsiran, iaitu:

- Dalam surah surah *Āli 'Imrān* (2), ayat 39, Allah berkata: (مُصَدِّقًا بِكَلِمَةٍ مِنَ اللَّهِ). Al-Qurtubī menyatakan, majoriti pakar tafsir menyatakan, ayat ini bermaksud Yahyā[8] yang membenarkan kalimah daripada Allah iaitu membenarkan kerasulan dan kenabian 'Īsā.[9]
- Ia bermakna Nabi 'Īsā terdapat dalam surah *Āli 'Imrān* ayat 45 dan dalam surah *an-Nisāk* (4), ayat 171. Kata (كَلِمَةٌ مِنهُ) dalam kedua-dua ayat ini yang d - terjemahkan dengan "kalimat yang datang darinya" menceritakan kelahiran 'Īsā tidak seperti kelahiran manusia biasa, tetapi melalui penciptaan luar biasa yang dilukiskan dengan kalimat (kata) "kun".[10] Dan hal ini dijelaskan di dalam surah *Āli 'Imrān* ayat 47

1 Al-Qurtubī (1996), op. cit., j. 12, h. 158

2 Ibid.

3 Ibn Kathīr (1998), op. cit., j. 3, h. 243

4 Ibid., Al-Qurtubī (1996), loc. cit., al-Sayūtī (1996), op. cit., j. 4, h. 523, athar no. 6570. Al-Tirmidhī dalam kitab al-Tafsīr, sedangkan kedudukan hadis adalah hadis hasan sahīh gharīb.

5 Al-Sābūnī (1981), op. cit., j. 2, h. 320

6 'Āyid et al (t.t), op. cit., h. 1052

7 Ahmad Warson (1997), op. cit., h. 1227

8 Yahya seorang nabi yang pertama sekali beriman dengan 'Īsā (a.s) dan membenarkannya. Yahyā lebih tua 3 tahun dari 'Īsā. Al-Qurtubī (1996), op. cit., j. 4, h. 82.

9 Al-Qurtubī (1996), op. cit., j. 4, h. 81

10 M. Quraish Shihab (2000), op. cit., j. 2, h. 86

yang bermaksud, "Demikianlah, Allah mencipta apa yang dikehendakinya. Apabila Dia berkehendak menetapkan sesuatu, maka Dia berkata kepadanya, "Jadilah", lalu jadilah ia". Al-Qurtubī menyatakan, 'Īsā dinamakan kalimah kerana dia tercipta dengan kalimah Allah iaitu "kun" tanpa bapa. Ada juga yang berpendapat, dia dinamakan kalimah kerana manusia mendapat hidayah dengannya sepertimana mereka mendapat hidayah dengan perkataan Allah.[1]

- Dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 115 Allah berkata: (وَتَمَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ صِدْقًا وَعَدْلًا). Qatādah berpendapat, ayat ini bermaksud benar dalam perkataannya dan adil dalam hukuman. Ada juga yang berpendapat benar dalam perkhabaran dan adil dalam pemberian. Setiap apa yang diberitakan adalah haq yang tiada keraguan di dalamnya, setiap apa yang diperintahkan adalah adil yang tiada yang lebih adil selainnya, dan setiap apa yang dilarang adalah batil kerana ia tidak dilarang kecuali mendatangkan kemudaratan.[2]
- Di dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 137 Allah berkata: (وَتَمَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ ٱلْحُسْنَىٰ عَلَىٰ بَنِيٓ إِسْرَٰٓءِيلَ بِمَا صَبَرُوا۟). Mujāhid berkata, maksud dari kalimah Tuhan yang baik ke atas Banī Israel terlaksana kepada mereka yang sabar adalah kata-kata Allah yang bermaksud, "Dan Kami hendak berihsan dengan memberikan pertolongan kepada kaum yang tertindas di negeri itu, dan hendak menjadikan mereka pemimpin -pemimpin, serta hendak menjadikan mereka orang yang mewarisi (apa yang dimiliki oleh Firaun dan kaumnya. Dan Kami hendak memberi mereka kedudukan yang kukuh di negeri itu." (*al-Qasas*, (28), ayat 5).[3]
- Dalam surah *at-Taubah* (9), ayat 40 Allah berkata: (وَكَلِمَةُ ٱللَّهِ هِىَ ٱلْعُلْيَا). Al-Syaukānī berpendapat, kalimah Allah yang tinggi adalah kalimah tauhid dan menyeru kepada Islam. Dilaporkan oleh Ibn al-Mundhir, Ibn Abī Hātim dan al-Baihaqī daripada Ibn 'Abbās, Allah berkata: (وَكَلِمَةُ ٱللَّهِ هِيَ ٱلْعُلْيَا) adalah kalimah *"Lā Ilāha Illā Allāh"* (لَا إِلَٰهَ إِلَّا ٱللَّهُ).[4]
- Kalimah Allah ditujukan kepada orang kafir, yang bermaksud kalimah *al-'adhāb* (penetapan penyeksaan dan azab buat mereka). Terdapat dalam surah *Yūnus* (10), ayat 19, 33, 96, *Hūd* (11), ayat 110, 119, *Tahā* (20), ayat 129, *Ghāfir* (40, ayat 6, *Fussilat* (41), ayat 45, *asy-Syūrā* (42), ayat 14. Misalnya dalam surah *Yūnus* ayat 33, (كَذَٰلِكَ حَقَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ عَلَى ٱلَّذِينَ فَسَقُوٓا۟). Tafsirannya; sebagaimana orang musyrik kufur dan terus dalam kekufuran serta syirik dalam penyembahan sedangkan mereka mengakui hanya dia pencipta, pemberi rezeki, dan hanya dia sahaja yang berkuasa mengutus rasul-rasul bagi mentauhidkannya, oleh itu benar kalimah Allah di mana mereka sengsara sebagai penghuni api neraka, sepertimana Allah berkata yang bermaksud, "Mereka menjawab, "Ia telah datang! Tetapi telah ditetapkan hukuman azab atas orang yang ka-

1 Al-Qurtubī (1996), loc it.

2 Ibn Kathīr (1998), op. cit., j. 2, h. 156

3 Al-Sābūnī (1981), op. cit., j. 2, h. 47.

4 Al-Syawkānī (1994), op. cit., j. 2, h. 465-466

fir." (*az-Zumar*, (39), ayat 71).[1] Dalam Tafsīr al-Jalālayn, tafsiran ayat di atas adalah sebagaimana kata-kata Allah yang bermaksud, "Dan dengan demikian sempurnakan janji Tuhanmu, "Sesungguhnya Aku akan memenuhi neraka jahanam dengan sekalian jin dan manusia (yang berdosa)." (*Hūd*, (11), ayat 119).[2]

- Dalam surah *as-Sāffāt* (37), ayat 171, kalimah Allāh ditujukan kepada rasul-rasulnya, Allah berkata: (وَلَقَدْ سَبَقَتْ كَلِمَتُنَا لِعِبَادِنَا ٱلْمُرْسَلِينَ). Di dalam *al-Asās fī al-Tafsīr*, tafsiran bagi kalimah dalam ayat ini adalah kata-kata Allah yang bermaksud, "sesungguhnya merekalah orang yang diberikan pertolongan mencapai kemenangan",[3] Iaitu di dunia dan di akhirat. Dijelaskan kemenangan mereka ke atas orang yang mendustakan dan menentang mereka melalui kata-kata Allah yang bermaksud, "Dan sanya tentera Kami (pengikut-pengikut rasul), merekalah orang yang mengalahkan (golongan yang menentang kebenaran).[4] Di mana pada akhirnya mereka mendapat kemenangan. Al-Nasafī berkata, "Maksudnya janji dengan kemenangan ke atas musuh mereka di dalam hujah dan medan perang di dunia, kemenangan ke atas mereka di akhirat juga. Ibn 'Abbās berkata, sekiranya mereka tidak mendapat kemenangan di dunia sekalipun, pasti mereka mendapat kemenangan di hari kemudian. Natijahnya, asas dan kaedah perkara mereka adalah kemenangan dan pertolongan berpihak kepada mereka, walaupun berlaku berbagai macam dugaan dan cubaan, pengajaran adalah bagi yang menang.[5]

2. Lafaz kalimah disandarkan kepada *al-kufr* (kekufuran), atau berasal dari mulut orang yang kufur. Terdapat dalam surah *at-Taubah* (9), ayat 40 dan ayat 74. Ibn 'Abbās melaporkan kalimah *al-kufr* adalah kalimah kesyirikan pada Allah.[6] Manakala dalam ayat 47 Allah berkata: (وَلَقَدْ قَالُوا۟ كَلِمَةَ ٱلْكُفْرِ). Maksud dari k - limah *al-kufr* dalam ayat ini adalah sebagaimana yang dilaporkan oleh Qatādah, ayat ini diturunkan kepada 'Abdullāh bin Ubayy bin Salūl, beliau menyatakan, disebutkan kepada kami dua orang yang bertarung, salah satunya dari Jahīnah dan yang lainnya dari Ghaffār, sedangkan Jahīnah adalah sekutu Ansar. Seorang dari Ghaffār mengalahkan orang yang berasal dari Jahīnah, maka 'Abdullāh bin Ubayy berkata kepada Aus, tolonglah saudara kamu, demi Allah kita tidak seperti Muhammad melainkan sepertimana orang yang berkata, gemukkan anjingmu, pasti dia akan memakanmu! Dia berkata: "Demi sesungguhnya! Sekiranya kita kembali ke Madinah (dari medan perang), sudah tentu orang yang mulia lagi kuat (pihak kita) akan mengusir keluar dari Madinah orang yang hina lagi lemah."[7] Lalu lelaki dari kalangan Muslim pergi berjumpa nabi dan mengadu perkara tersebut. Kemudian beliau mengutus utusan

1 Al-Sābūnī (1981), op. cit., j. 2, h. 193

2 Al-Jalālayn (t.t), op. cit., h. 270

3 Sūrah al-Sāffāt, 37: 172.

4 Sūrah al-Sāffāt, 37: 173

5 Sa'īd Hawwā (1999), op. cit., j. 8, h. 4742

6 Al-Tabarī (1995), op. cit., j. 6, h. 177, athar no. 13002.

7 Sūrah al-Munāfiqūn, (63): 8

dan bertanya mengenai perkara tersebut, namun dia bersumpah dia tidak menyatakan hal tersebut, maka turunlah ayat ini.[1] Yang dimaksudkan kalimah kekufuran dalam ayat 74 adalah kalimah yang keluar dari mulut 'Abdullāh bin Ubayy yang dirakam al-Quran dalam surah *al -Munāfiqūn* ayat 8.

3. Lafaz kalimah berdiri dengan sendirinya, terdapat dalam surah *Āli 'Imrān* (2), ayat 64, surah *al-Kahfi* (18), ayat 5, dan surah *al-Mukminun* (23), ayat 100. Allah berkata dalam surah *Āli 'Imrān*: (يَٰٓأَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ تَعَالَوۡاْ إِلَىٰ كَلِمَةٖ سَوَآءِۭ بَيۡنَنَا). Maksud kalimah di sini adalah ketetapan yang lurus, adil, tidak ada perselisihan antara kami dan kamu, kerana itulah yang diajar oleh para nabi dan rasul yang kita akui bersama, dan pentafsiran kalimah dalam ayat ini dijelaskan dalam ayat berikutnya iaitu, "Tidak kita sembah kecuali Allah, tidak kita menyekutukan dan tidak pula sebahagian kita menjadikan sebahagian yang lain sebagai tuhan-tuhan selain Allah.[2] Kalimah dalam surah *al-Kahfi* bermaksud perkataan yang keluar daripada orang kafir atau musyrik, Ibn Ishāq berkata iaitu perkataan mereka "kami menyembah malaikat kerana mereka adalah anak-anak perempuan Allah". Allah berkata: (كَبُرَتۡ كَلِمَةٗ تَخۡرُجُ مِنۡ أَفۡوَٰهِهِمۡ). Al-Syaukānī berkata, ayat ini menggambarkan keberanian mereka menyatakan perkataan tersebut, yang ianya hanya berdasarkan hawa nafsu,[3] yang tidak ada sandaran bukti ke atasnya melainkan pendustaan dan pembohongan mereka.[4] Manakala dalam surah *al-Mukminūn*, kalimah merujuk kepada perkataan orang kafir dalam keadaan nazak, kalimah tersebut adalah "Wahai Tuhanku! Kembalikanlah daku (hidup di dunia), supaya aku mengerjakan amal-amal yang salih dalam perkara-perkara yang yang telah aku tinggalkan".[5] Al-Qurtubī menyatakan, perkataan ini tidaklah bermanfaat kerana Allah tidak menangguhkan ajal seseorang bila sudah tiba masanya. Sekalipun permintaan mereka dikabulkan, pasti mereka tidak menepati janji mereka[6] sepertimana kata-kata Allah yang bermaksud, "Dan kalaulah mereka dikembalikan (ke dunia sekalipun), tentulah mereka akan mengulangi lagi apa yang mereka dilarang dari (melakukannya), dan sesungguhnya mereka adalah tetap pendusta."[7]

4. Kalimah disandarkan kepada *tayyibah* (baik). Terdapat dalam surah *Ibrāhīm* (14), ayat 24. Allah berkata: (ضَرَبَ ٱللَّهُ مَثَلٗا كَلِمَةٗ طَيِّبَةٗ). 'Alī bin Abī Talhah melaporkan daripada Ibn 'Abbās, "*kalimah tayyibah*" adalah penyaksian tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah.[8] Qatādah menceritakan seorang lelaki berkata, wahai Rasulullah, orang hartawan pergi bagi mengumpulkan harta benda; beliau berkata, adakah engkau melihat sekiranya bersandar

1 Al-Tabarī (1995), op. cit., h. 237, athar no. 13194

2 M. Quraish Shihab (2000), op. cit., j. 2, h. 107

3 Al-Syawkānī (1994), op. cit., j. 3, h. 334

4 Al-Sābūnī (1981), op. cit., j. 2, h. 408

5 Surah al-Mukminūn (23), ayat 98-99.

6 Al-Qurtubī (1996), op. cit., j. 12, h. 156

7 Surah al-An'ām (6): 28

8 Ibn Kathīr (1998), op. cit., j. 2, h. 485

kepada kenikmatan dunia lalu dihimpunkan dan disusun sebahagian ke atas sebahagian yang lain, ia akan sampai ke langit. Tidakkah engkau mahu aku khabarkan dengan sebuah amalan yang akarnya di bumi dan dahan atau cabangnya menjulang ke langit?" dia bertanya, apa dia wahai Rasulullah? Beliau menjawab, "Katakanlah (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ، وَسُبْحَانَ اللَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ) sepuluh kali selepas solat, itulah akarnya di bumi dan cabangnya menjulang ke langit.[1]

5. Kalimah disandarkan kepada lafaz "*khabīthah*". Terdapat dalam surah Ibrāhīm (14), ayat 26. Allah berkata: (وَمَثَلُ كَلِمَةٍ خَبِيثَةٍ كَشَجَرَةٍ خَبِيثَةٍ اجْتُثَّتْ). Ibn Kathīr menyatakan k - limah *khabīthah* adalah kekufuran orang kafir yang tidak ada akarnya dan tidak pula kukuh, ianya seperti pohon al-hanzal[2] yang dinamakan al-syarayān.[3] Al-Zamakhsyarī menyatakan "*kalimah khabīthah*" adalah kalimah kesyirikan. Ada yang menyatakan setiap kalimah yang teruk.[4]

6. Kalimah disandarkan kepada lafaz *al-'adhāb*. Terdapat dalam surah *az -Zumar* (39), ayat 19 dan 71. Yang dimaksudkan kalimah *al-'adhāb* adalah ketetapan seksaan Allah pada orang yang tidak beriman. Penjelasan ini dihuraikan pada bahagian pertama daripada pembahasan lafaz ini.

7. Kalimah disandarkan kepada *al-fasl*, atau kalimah *al-fasl*, terdapat dalam surah asy-Syūrā iaitu surah yang ke 42 ayat 21. Ibn Qutaibah menyatakan, kalimah a*l-fasl* adalah ketetapan yang ditetapkan oleh Allah pembalasan (setiap amalan) berlaku pada hari kiamat.[5]

8. Kalimah disandarkan kepada *bāqiyah* (kekal dan berterusan), terdapat dalam surah *az-Zukhruf*, surah yang ke 43 ayat 28. Yang dimaksudkan kalimah *bāqiyah* adalah perkataan Ibrāhīm: (فَإِنَّهُ سَيَهْدِينِ) iaitu kalimah tauhid di mana kalimah ini akan berterusan hingga ke generasi selanjutnya di mana masih ada yang mentauhidkan Allah dan mengajak kepadanya.[6]

9. Kalimah disandarkan kepada *al -taqwā*, atau kalimah *al-taqwā*. Terdapat dalam surah *al-Fath*, surah yang ke-48. Terdapat beberapa pentafsiran tentang kalimah *al-taqwā*, (A) Dilaporkan oleh Ibn Jarīr dan Imam Ahmad daripada al-Tufail - Ibn Ubayy bin Ka'ab - daripada ayahnya dia mendengar Rasulullah berkata, kalimah *al-taqwā* adalah "L*ā Ilāha Illā Allāh*". (B) Mujāhid berkata, kalimah *al-taqwā* adalah kalimah Ikhlas. (C) Sa'īd bin Jubair berkata, ia bermaksud *Lā Ilāha Illā Allāh* dan berjihad di jalan Allah. (D) 'Atā` al-Kharāsānī berkata, ia bermaksud "Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan Muhammad adalah rasulnya". (E) Al-Zuhrī berpendapat kalimah *al-taqwā* adalah *basmalah* (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ).[7]

1 Ibid.

2 Sejenis Labu yang pahit rasanya

3 Ibn Kathīr (1998), op. cit., j. 2, h. 486

4 Al-Zamakhsyarī (1995), op. cit., j. 2, h. 532

5 Ibn Qutaibah (1978), op. cit., h. 392

6 Sa'īd Hawwā (1999), op. cit., j. 9, h. 5130

7 Ibid., h. 5380-5381

Kesimpulannya, secara umumnya kalimah bermaksud perkataan dan ketetapan dan keseluruhannya dapat dikategorikan kepada empat, iaitu kalimah ketauhidan, kalimah kekufuran, kalimah penyesalan dan ketetapan Allah berupa kemenangan atau seksaan.

KALLĀ (كَلَّ)

Menurut pendapat *tha'lab*, kalimah ini terdiri daripada dua huruf iaitu huruf *kāf al-tasybīh* (*kāf* dalam bentuk misalan) dan *lā*. Huruf *lā* disiyddahkan bagi memperkuat makna dan menghilangkan kesamaran makna pada dua kalimah.[1] Disebut 33 kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Maryam* (19), ayat 79 dan 82, surah *al-Mukminūn* (23), ayat 100, *asy-Syu'arāk* (26), ayat 15 dan 62, *Sabak* (34), ayat 27, *al-Ma'ārij* (70), ayat 15 dan 39, *al-Muddatsir* (74), ayat 16, 32, 53 dan 54, *al-Qiyāmah* (75), ayat 11, 20 dan 26, *an-Nabak* (78), ayat 4 dan 5, *'Abasa* (80), ayat 11 dan 23, *al-Infitār* (82), ayat 9, *al-Mutaffifin* (83), ayat 7, 14, 15, dan 18, *al-Fajr* (89), ayat 17dan 21, *al-'Alaq* (96), ayat 6, 15, 19, *at-Takāsur* (102), ayat 3, 4, dan 5 surah *al-Humazah* (104), ayat 4.

Para ulama berbeza pendapat mengenai lafaz *kallā*:

1. Sibawaih berkata, *kallā* adalah *harf* (huruf) yang mengandung makna penghalang, pencegahan dan peringatan.[2] Begitu juga dengan pendapat Ibn Qutaibah, al-Akhfasy.[3] Al-Sayuti berkata, bahkan kebanyakan menyatakan tiada makna selain darinya sehingga mereka membolehkan bagi menjadikan wakaf padanya dan kalimah selepasnya adalah permulaan. Bahkan di antara mereka ada yang menyatakan apabila engkau mendengar lafaz *kallā* di dalam surah maka ayat tersebut adalah Makkiyah kerana di dalamnya terdapat makna ancaman dan peringatan dan makna ini kebanyakannya diturunkan di Makkah.[4]
2. Ibn Hisyām berkata, tidak selamanya kalimah ini bermakna peringatan dan pencegahan, seperti dalam surah *al-Infitar* ayat 23, *al-Mutaffifin* ayat 6 dan 7.[5]
3. Al-Nadr bin Syamuil berkata, ia adalah huruf jawapan yang mengandungi makna "atau" dan "ya."
4. Al-Farrā` dan Ibn Sa'dan berkata, ia adalah huruf yang bermakna *saufa* (سَوْفَ) yang bermakna akan.[6]
5. Makki berkata, ia adalah *ism* yang bermakna *haqqan* (حَقًّا) (benar).[7]
6. Al-Saffār berkata, ia adalah ism penolakan, sama ada penolakan kalimah sebelum atau sesudahnya. Seperti kata-kata Allah (كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ ثُمَّ كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ). Redaksi ini bantahan pada redaksi sebelumnya, ini kerana, tatkala Allah berkata: (أَلْهَىٰكُمُ ٱلتَّكَاثُرُ حَتَّىٰ زُرْتُمُ ٱلْمَقَابِرَ) ia merupakan perkhabaran mereka tidak beriman pada hari akhi-

1 Al-Sayūtī (1996), op. cit., j. 2, h. 494
2 Al-Zamakhsyarī (1995), op. cit., j. 4, h. 313
3 Ibn Qutaibah (1978), op. cit., h. 558
4 Al-Sayūtī (1996), op. cit., j. 2, h. 494
5 Ibid.
6 Ibid., h. 495
7 Ibid.

rat dan tidak mempercayainya, oleh itu Allah berkata: (كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ). Di sini, ia sebaiknya tidak dijadikan wakaf padanya melainkan bagi penjelasan perkara sesudahnya, namun apabila ia bukan penjelasan perkara selepasnya maka padanya boleh dijadikan wakaf.[1]

Para ulama *qiraat* berbeza pendapat tentang *wakaf* padanya, ada yang menyatakan setiap yang ada kalimah *kallā* ia mesti berhenti dan kebanyakan maknanya ialah peringatan dan pencegahan. Ada yang berpendapat, berhenti sebelum kalimah *kallā*; lalu dimulakan dengan kalimah ini, majoriti maknanya adalah *al-zajr* (peringatan dan bentakan). Ada juga yang berpendapat seperti makna yang ke dua, namun maknanya adalah bagi pentahkikan perkara selepasnya. Ada juga yang berpendapat kedua-duanya boleh dan mencakupi dua makna di atas, di mana bagi yang berpendapat berhenti padanya sekiranya ia bermakna *al-rad'* (pencegahan dan penolakan). Adapun bagi yang berpendapat tidak berhenti padanya dan bermula pada kalimah *kallā* sekiranya ia bermakna *al-tahqīq* (pengukuhan) perkara selepasnya dan inilah yang lebih baik, ungkap al-Zamakhsyarī.[2]

KARĪM (كَرِيمٌ)

Ism mufrad daripada asal kata *karuma* (كَرُمَ), maknanya seseorang yang dermawan lawannya adalah bakhil (بَخِيلٌ), cerdik dan mulia lawannya adalah rendah dan hina, sifat yang diredai dan dipuji dan sebagainya.[3] dalam hal ini, Majd al-Dīn al-Fairūz Ābādī menyatakan lafaz ini dengan berbagai bentuknya di dalam al-Quran mengandungi 12 makna[4] iaitu: Lebih mulia,[5] mulia dan agung,[6] yang baik,[7] menakjubkan dan aneh,[8] tersusun yang mengalahkan,[9] hina dan rendah,[10] Jibrail,[11] malaikat alam semesta,[12] malaikat yang diwakilkan bagi anak Adam,[13] anak Adam,[14] Nabi Yūsuf [15] dan yang agung, pengampun serta penerima taubat.[16] Lafaz ini diulang penyebutannya sebanyak 27 kali dan disandarkan kepada beberapa sandaran:

1. Ia disandarkan kepada kalimah "*rizq*" (rezeki), sebagaimana terdapat dalam surah *al-Anfāl* (8), ayat 4, 74, *al-Hājj* (22), ayat 50, *an-Nūr* (2), ayat 26, *Sabak* (34), ayat 4 dan *al-Ahzāb* (33), ayat 31. Ada yang menyatakan "*rizq karīm*" membawa maksud syurga. Al-Tabarī berpendapat ia membawa maksud apa yang disediakan oleh Allah di dalam syurga bagi mereka (orang yang beriman) daripada makan dan minum serta kehidupan yang selesa dan bahagia.[17]
2. Ia disandarkan kepada *'arsy*, se-

1 Al-Zarkasyī (t.t), op. cit., j. 4, h. 313

2 Ibid., h. 314

3 'Āyid et al (t.t), op. cit., h. 1037-1038

4 Ābādī (1986), op. cit., j. 4, h. 344-345

5 Seperti makna dalam surah al-Hujurāt, ayat 13

6 Seperti dalam surah al-Anfāl, ayat 74

7 Seperti maksud dalam surah Luqmān, ayat 10

8 Seperti makna dalam surah an-Naml, ayat 29

9 Seperti maksud dalam surah al-Wāqi'ah, ayat 77

10 Seperti maksud dalam surah ad-Dukhān, ayat 49

11 Seperti makna dalam surah at-Takwīr, ayat 19

12 Seperti maksud dalam surah 'Abasa, ayat 15 dan 16

13 Seperti maksud dalam surah al-Infiṭār, ayat11

14 Seperti makna dalam surah al-Isrāk, ayat 70

15 Seperti maksud dalam surah Yūsuf, ayat 31

16 Seperti makna dalam surah an-Naml, ayat 40

17 Al-Tabarī (1995), op. cit., j. 6, h. 240

bagaimana terdapat dalam surah *al-Mukminūn* (23), ayat 116). Allah berkata: (لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ رَبُّ ٱلْعَرْشِ ٱلْكَرِيمِ). Ibn Kathīr menyatakan, disebut dalam ayat ini *al-'Arsy* kerana ia sebagai atap bagi semua makhluk dan ia diberi sifat "*karīm*" kerana ia kelihatan cantik dan megah bentuknya.[1]

3. Ia disandarkan kepada Allah, seperti dalam surah *an-Naml* (27), ayat 40, dan *al-Infitār* (82), ayat 6. Lafaz *karīm* bila disandarkan kepada Allah maka ia menjadi salah satu daripada sifat-sifat Allah, Ibn Kathīr menyatakan, maknanya Allah maha mulia pada dirinya, walaupun tidak ada hamba yang menyembahnya, kerana keagungannya tidak memerlukan kepada sesiapa pun,[2] serta maha pemurah, dengan memberikan nikmatnya kepada hamba walaupun ia kufur kepadanya.[3]

4. Lafaz *karīm* bermaksud Abū Jahal, sebagaimana terdapat dalam surah *ad-Dukhān* (44), ayat 49. Allah berkata: (ذُقْ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْكَرِيمُ). Dilaporkan daripada 'Ikrimah, ia berkata nabi menemui Abū Jahal, lalu ia berkata, "Engkau mengetahui aku adalah paling berkuasa daripada kalangan ahli *al-buthā'*, dan aku yang paling terhormat dan berpengaruh," beliau berkata, lalu Allah membunuhnya dalam perang Badar dan menghinakannya serta merendah -rendahkannya dengan kalimahnya, dan ayat ini turun kepadanya.[4] Al-Sabuni menyatakan; penyandaran sifat "*karīm*" kepadanya sebagai ejekan dan penghinaan.[5]

5. Ia disandarkan kepada rasul, atau "*Rasūl Karīm*" sepertimana terdapat dalam surah *ad-Dukhān* (44), ayat 17, *al-Hāqqah* (69), ayat 40 dan dalam surah *at-Takwīr* (81), ayat 19. Di dalam surah *ad-Dukhān*, Allah berkata: (وَلَقَدْ فَتَنَّا قَبْلَهُمْ قَوْمَ فِرْعَوْنَ وَجَآءَهُمْ رَسُولٌ كَرِيمٌ). Dalam *al-Asās fī al-Tafsīr*, *rasūl karīm* dalam ayat di atas bermakna rasul yang mulia di tepi Allah dan mulia ke atas hamba-hambanya yang beriman atau mulia dan pemurah pada dirinya sama ada akhlak dan nasab, ini kerana Allah tidak mengutus nabi melainkan orang terpilih dan mulia dari kalangan kaumnya. Dan yang dimaksudkan rasūl *karīm* di sini adalah Nabi Mūsā.[6] Dalam surah *al-Hāqqah* Allah berkata: (إِنَّهُۥ لَقَوْلُ رَسُولٍ كَرِيمٍ). Ibn Kathīr berkata: *rasūl karīm* dalam ayat ini bermaksud Nabi Muhammad, ia disandarkan kepadanya kerana mem-

1 Ibn Kathīr (1998), op. cit., j. 3, h. 244. Dilaporkan oleh Ibn Abī Hātim daripada Hasan bin 'Abdullāh seorang lelaki tertimpa penyakit dan menjumpai 'Abdullāh bin Mas'ūd, lalu beliau membaca ayat di bawah ini di telinganya iaitu: أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبَثًا... لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ رَبُّ ٱلْعَرْشِ ٱلْكَرِيمِ.. وَقُل رَّبِّ ٱغْفِرْ وَٱرْحَمْ وَأَنتَ خَيْرُ ٱلرَّٰحِمِينَ. Maka dia pun sembuh dari penyakinya. Beliau menceritakan perkara itu kepada Rasulullah, lalu beliau berkata, "Dengan apa engkau membaca di telinganya? Beliau menceritakan hal tersebut (di atas), Beliau berkata, "Demi jiwaku berada di tangannya, sekiranya seseorang berkeyakinan penuh pada ayat ini, lalu membacanya di atas gunung maka ia pasti musnah dan cair. Ibn Kathīr (1998), ibid.

2 Ibid., h. 342

3 Al-Zamakhsyarī (1995), op. cit., j. 3, h. 356

4 Al-Wāhidī (1998), op. cit., h. 318. Pada rekod yang lain, yang dilaporkan oleh 'Ikrimah, nabi berjumpa Abū Jahal, lalu beliau berkata, Sesungguhnya Allah memerintahkanku menyatakan kepadamu (أَوْلَىٰ لَكَ فَأَوْلَىٰ), maka dia berkata, dengan apa engkau mengancamku! Demi Allah, engkau dan Tuhanmu tidak dapat berbuat apa-apa kepadaku, sesungguhnya aku adalah orang yang paling terhormat dan berpengaruh ke atas kaum di wadi ini, lalu Allah membunuhnya dalam perang Badar dan menghinakannya, maka turunlah ayat di atas. Al-Qurtubī (1995), op. cit., j. 17, h. 148

5 Al-Sābūnī (1981), op. cit., j. 3, h. 177

6 Sa'īd Hawwā (1999), op. cit., j. 9, h. 5190

bawa makna penyampaian, kerana rasul tugasnya adalah menyampaikan dari pengutus.[1] Manakala dalam surah *at-Takwīr* Allah berkata: (إِنَّهُۥ لَقَوْلُ رَسُولٍ كَرِيمٍ ذِى قُوَّةٍ عِندَ ذِى ٱلْعَرْشِ مَكِينٍ). Yang dimaksudkan *rasūl karīm* dalam ayat di atas adalah Jibrail. Dalam *Tafsīr al-Munīr*, ayat ini bermaksud: "sesungguhnya al-Quran adalah suatu yang disampaikan oleh penyampai yang mulia dan dibaca oleh malaikat yang mulia iaitu Jibrail."[2]

6. Lafaz ini disandarkan kepada lafaz "*ajr*" (balasan atau ganjaran). Terdapat dalam surah *Yāsin* (36), ayat 11, *al-Hadīd* (57), ayat 11 dan 18, *al -Ahzāb* (33), ayat 44. Al-Qurtubī berpendapat yang dimaksudkan ajr karim ialah syurga.3 Al-Tabarī dan Ibn Kathīr juga menyatakan yang dimaksudkan *ajr karīm* adalah syurga di hari akhirat berdasarkan amalan kebaikan yang ia dilakukan.[4]

7. Ia disandarkan kepada lafaz "malak" disebut dalam surah *Yūsuf* (12), ayat 31. Allah berkata yang bermaksud, "Mereka berkata, "Jauhnya Allah dari kekurangan! Ini bukanlah manusia, ini tidak lain, melainkan malaikat yang mulia." Dalam ayat ini yang dimaksudkan malaikat yang mulia adalah Nabi Yūsuf. Al-Zamakhsyarī berkata, para wanita yang melihat beliau menafikan kemanusiaan padanya kerana kecantikan dan bagus bentuknya sehingga menghukum beliau adalah malaikat, hal ini kerana Allah memfokuskan bentuk penciptaan yang tidak lebih cantik dan bagus daripada malaikat sebagaimana memfokuskan bentuk penciptaan yang tidak lebih teruk daripada syaitan.[5]

Namun al-Syaukānī berkata, Tidak semestinya perkataan wanita-wanita itu menggambarkan penciptaan bentuk malaikat lebih baik dan cantik daripada bani Adam, kerana mereka berkata tanpa hujah, bahkan mereka menghukum ke atas perkara yang ghaib mengikut keyakinan pada bentuk para malaikat dan hal ini adalah dilarang, kerana Allah berfirman yang bermaksud, *"Sesungguhnya Kami menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik -baiknya."*[6] Zahir ayat ini mengisyaratkan tidak ada makhluk yang serupa dengannya dalam keindahan bentuk dan kesempurnaan penciptaannya. Apa yang diungkapkan oleh al-Zamakhsyarī adalah didasarkan fanatiknya kerana tertanam di akalnya perkataan-perkataan Mu'tazilah. Lagipun permasalahan perbandingan antara malaikat dan manusia dalam bentuk bukanlah permasalahan agama dan hamba-hamba Allah tidak perlu kepada perkara tersebut atau kepada perkara lainnya melainkan perkara yang ditaklifkan.[7]

8. Ia disandarkan kepada kalimah "*zawj*" atau "*zawj karīm*" disebut di dalam surah *asy-Syu'arāk* (26), ayat 7 dan dalam surah *Luqmān* (31), 10.

1 Ibn Kathīr (1998), op. cit., j. 4, h. 376

2 Wahbah Zuhaylī (2001), Juzz 'Amma (terj.), op. cit., h. 83. Ibid.

3 Al-Qurtubī (1996), op. cit., j. 15, h. 15

4 Al-Tabarī (1995), op. cit., j. 12, h. 183, Ibn Kathīr (1998), op. cit., j. 4, h. 276

5 Al-Zamakhsyarī (1995), op. cit., j. 2, h. 448

6 Surah at-Tīn; (95), ayat 4

7 Al-Syaukānī (1994), op. cit., j. 3, h. 27

Kalimah di atas dalam kedua-dua ayat di atas dikaitkan dengan tumbuh -tumbuhan. Dalam *Tafsīr al-Jalālayn* dan *Safwah al-Tafāsīr*, kalimah "*jawz karīm*" membawa maksud tumbuh -tumbuhan yang berbagai bentuk yang baik dan berpasangan yang banyak memberikan faedah dari segi ubat dan pemakanan yang baik.1 Jadi, makna Karīm pada kedua-dua ayat di atas membawa maksud yang memberikan faedah dan manfaat.

9. Ia disandarkan kepada kalimah "*kitāb*" atau "*kitāb karīm*" disebut dalam surah *an-Naml* (27), ayat 29. Ibn Kathīr berkata: Kitāb bermaksud buku yang ditulis oleh Sulaiman pada Ratu Balqis yang diberikan kepada Hudhud bagi disampaikan kepadanya.[2] Al-Tabarī berkata, sebahagian ulama menyatakan ia bersifat karīm kerana buku tersebut dicap, kerana kemuliaan buku disebabkan khatamnya.[3] Dan yang lainnya berpendapat kerana ia berasal dari raja yang memiliki sifat yang agung dan mulia.[4] Ibn Kathīr berkata, kerana dia melihat perkara yang menakjubkan di mana kitab tersebut dibawa oleh burung dan memberikannya kepadanya dengan penuh adab, kerana mengikut anggapannya perkara ini tidak mampu dilakukan oleh mana-mana raja.[5] Ada juga yang berpendapat ia bersifat karīm kerana di dalam mengandungi perkataan -perkataan yang mulia lagi baik.[6]

10. Disandarkan kepada "Qurān" atau "Qurān Karīm". Terdapat dalam surah *al-Wāqi'ah* (56), ayat 77. Al-Qurtubī mengungkapkan; ia dinamakan karīm kerana dia bukanlah dari sihir atau suatu pembohongan, tetapi mulia yang dijadikan mukjizat bagi Nabi Muhammad. Ia juga mulia ke atas orang mukmin, kerana ia merupakan perkataan Tuhan mereka, penawar bagi hati-hati mereka. Ia mulia ke atas penghuni langit kerana ia penurunannya dari Tuhan mereka dan berbentuk wahyu. Ada yang berpendapat; ia bersifat karīm kerana ia bukanlah makhluk. Ada juga yang berpendapat; ia bersifat karīm kerana terdapat di dalamnya perkara-perkara yang mulia dan bermakna. Atau ia mulia kerana ia akan memuliakan penjaganya dan mengagungkan pembacanya.[7]

11. Lafaz ini disandarkan kepada lafaz *maqām* (مَقَامٌ) disebut dalam surah *asy-Syu'arāk* (26), ayat 58, *ad -Dukhān* (44), ayat 26. Lafaz *maqām karīm* dalam kedua-dua surah di atas membawa maksud tempat yang baik di dunia. Allah berkata dalan surah *ad-Dukhān*: (وَزُرُوعٍ وَمَقَامٍ كَرِيمٍ). Qatādah berkata: Yang dimaksudkan dengan *maqām karīm* adalah tempat -tempat yang selesa dan baik (di dunia) daripada tempat-tempat rehat dan rumah-rumah.[8]

12. Lafaz karīm di dalam surah *al-Wāqi'ah* (56), ayat 44 menggambarkan akan

1 Al-Jalālayn (t.t), op. cit., h. 475, al-Sābūnī (1981), op. cit., j. 2, h. 489

2 Ibn Kathīr (1998), op. cit., j. 3, h. 339

3 Al-Syaukānī (1994), op. cit., j. 3, h. 169

4 Al-Tabarī (1995), op. cit., j. 11, h. 186

5 Ibn Kathīr (1998), loc. cit.

6 Al-Syawkānī (1994), loc. cit.

7 Al-Qurtubī (1996), op. cit., j. 17, h. 216

8 Al-Sābūnī (1981), op. cit., j. 3, h. 174

keadaan di dalam api neraka. Allah berkata: (وَظِلٍّ مِّن يَحْمُومٍ لَّا بَارِدٍ وَلَا كَرِيمٍ). Karīm dalam ayat ini disandarkan kepada lafaz "zill" yang bermakna "naungan". Al-Dahhāk berkata, setiap minuman yang tidak manis atau segar maka ia bukanlah dikatakan '*karīm*' (minuman yang baik).[1] Qatādah mengungkapkan, tempat yang tidak sejuk atau selesa dan tidak ada pemandangan yang baik.[2] Al-Tabarī menyatakan, "Naungan tersebut tidak menyenangkan tetapi panas kerana ia adalah kabut yang berasal dari api neraka, dan tidak pula menyenangkan atau baik kerana ia menyakitkan bagi sesiapa yang bernaung dengannya."[3]

13. Kalimah *karīm* disandarkan kepada lafaz *mudkhal* atau "*mudkhalā karīmā*", sebagaimana terdapat dalam surah *an-Nisāk* (4), ayat 31. Ibn Kathīr berkata, ia bermakna syurga. Tafsiran ayat ini, "sekiranya kamu meninggalkan dosa-dosa besar yang kami larang (kamu melakukannya) maka kami akan menghapuskan segala dosa-dosa kecil kamu dan memasukkan kamu ke dalam syurga."[4]

14. Lafaz ini disandarkan kepada kalimah "*al-qaul*", disebut sekali iaitu dalam surah *al-Isrāk* surah yang ke 17 ayat 23. Allah berkata: (وَقُل لَّهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا). Ayat ini bercerita berkenaan dengan adab bercakap dengan ibu bapa. Dalam *al-Asās fī al-Tafsīr*; lafaz "*qaulā karīmā*" bermaksud perkataan yang baik, lemah lembut, indah yang penuh dengan adab, diiringi dengan rasa penghormatan sepertimana yang terkandung dalam adab-adab yang baik, di antaranya janganlah memanggil keduanya dengan nama keduanya kerana ia tidak beradab tetapi ia mesti berkata, wahai ayah, wahai emak.[5]

KĀSYIFAH (كَاشِفَة)

Ism fā'il mufradah daripada kalimah al -kasyf (الْكَشْفُ) atau kasyafa (كَشَفَ). *Mudhakkar*nya adalah *kāsyif* (الْكَاشِفُ). Dalam *Gharīb al-Qurān*, kalimah kāsyifah bermakna *kāsyif* dan *al-ā`* (ـة) sebagai tanda superlatif (*mubālaghah*).[6] Ada juga yang menyatakan *kāsyifah* adalah masdar yang bermakna *al-kasyf* seperti *al-'afiyah* yang bermakna *al-'afw*[7] dan seperti kalimah *bāqiyah* yang bermakna *baqā`*[8] seperti dalam kata -kata Allah (فَهَلْ لَّهُم مِّن بَاقِيَةٍ).[9]

Lafaz *kāsyifah* disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *an-Najm* (53), ayat 58, dalam bentuk *kāsyif* disebut dua kali iaitu dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 17 dan dalam surah *Yūnus* (10), ayat 107, sedangkan dalam bentuk *kasfy* disebut sekali iaitu dalam surah *al-Isrāk* (17), ayat 56. Sedangkan dalam bentuk jamak atau *kāsyifāt* disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *az-Zumar* (39), ayat 38. *Al-kāsyifah* dalam maksud ba-

1 Al-Tabarī (1995), op. cit., j. 14, h. 251, athar no. 25895

2 Ibid., athar no. 25896

3 Ibid.

4 Ibn Kathīr (1995), op. cit., j. 1, h. 425

5 Sa'īd Hawwā (1999), op. cit., j. 6, h. 3059

6 Al-Yazīdī (1985), op. cit., h. 356

7 Al-Zamakhsyarī (1995), op. cit., j. 4, h. 419

8 Ibn Qutaibah (1978), op. cit., h. 430

9 Surah al-Hāqqah: 8

hasa mengandungi makna penyingkap dan penerang.[1] Al-Laith berkata, *al-kasyf* bermakna engkau mengangkat sesuatu dari apa yang menghalanginya dan menutupinya.[2] Ibn Duraid menyatakan "*kasyfa fulān kadhā wa kadhā*" membawa maksud apabila engkau benci si Fulan menampakkannya ini dan itu.[3] Allah berkata:

أَزِفَتِ ٱلْآزِفَةُ لَيْسَ لَهَا مِن دُونِ ٱللَّهِ كَاشِفَةٌ

Ibn Qutaibah mentafsirkannya "Tiada pengetahuan mengenainya (hari kiamat) daripada penyingkap dan penerang melainkan Allah,"[4] sebagaimana dalam kata-kata Allah yang bermaksud, "Tiadalah yang menerangkan waktunya (hari kiamat) melainkan Dia sendiri."[5] Al-Zamakhsyarī berkata, tidak ada diri yang mampu menjelaskannya apabila hari kiamat terjadi melainkan Allah, kerana Dia memang tidak menerangkannya, atau sekarang tidak ada baginya penyingkap dan penjelas pada akhirnya.[6] Al-Syaukānī berkata, kalimah *kāsyifah* merupakan sifat bagi *fā'il* yang tidak disebut (*li mausūf mahdhūf*) iaitu diri, sehingga maknanya tiada seorang pun yang mampu bagi menyingkap dan menerangkannya apabila ditutupi kepada makhluk akan kedahsyatannya dan keadaannya melainkan Allah seperti pendapat 'Atā`, al -Dahhāk, Qatādah dan yang lainnya.[7]

Kesimpulannya, makna kāsyifah dalam ayat di atas bermaksud **penyingkap** dan penerang atau menyingkap dan menerangkan (bila terjadinya hari kiamat).

KĀTIB (كَاتِبٌ)

Ism fā'il daripada asal kata *kataba* (كَتَبَ), membawa maksud penulis, orang tahu dan bagi sesiapa yang pekerjaannya menulis,[8] pengarang,[9] juru tulis setiausaha, penyalin dan *Kātib al-'Uqūd al-Rasmiyyah* (كَاتِبُ ٱلْعُقُودِ الرَّسْمِيَّةِ) bermaksud penulis dan sebagainya.[10]

Disebut tiga kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 282 (tiga kali) dan 283. Di dalam surah ini, kalimah *kātib* berkaitan dengan hutang piutang. Ibn Kathīr menyatakan, ayat ini adalah ayat yang terpanjang di dalam al-Quran[11] yang dikenali dengan *ayāt al-mudāyanah* (ayat hutang piutang). Al-Syaukānī berkata, ayat ini merupakan penerangan syarak pada situasi hutang piutang yang berlaku di antara manusia[12] dan bimbingan kepada orang mukmin bagi menulis apabila bermuamalah dengan urusan-urusan yang akan datang atau tidak tunai, sehingga ia dapat terjaga bagi kadarnya, masanya, dan menetapkan kesaksian di dalamnya.[13] Makna lain kewajipan menulis hutang piutang dan mempersaksikannya di hadapan pihak ketiga yang dipercayai disertai dengan jumlah dan ketetapan waktunya.[14]

Muhammad Quraish Shihab berkata, ayat ini ditempatkan setelah huraian tentang anjuran bersedekah dan berinfak (ayat 271-274), kemudian disusuli dengan larangan melakukan transaksi riba (275-279), serta anjuran memberi tangguh kepada yang tidak mampu membayar hutangnya sampai mereka mampu atau bahkan menyedekahkan sebahagian

1 Al-Fairūz Ābādī (1986), op. cit., j. 4, h. 354
2 Ibid.
3 Ibid.
4 Ibn Qutaibah (1978), loc. cit.
5 Surah al-A'rāf (7), ayat 187
6 Al-Zamakshyarī (1995), op. cit.
7 Al-Syaukānī (1994), op. cit., j. 5, h. 146
8 Ma`lūf (1975), op. cit., h. 671
9 'Āyid et al (t.t), op. cit., h. 1027
10 Ahmad Warson (1997), op. cit., h. 1188
11 Ibn Kathīr (1998), op. cit., j. 1, h. 293
12 Al-Syaukānī (1994), op. cit., . 1, h. 376
13 Ibn Kathīr (1998), loc. cit.,
14 M. Quraish Shihab (2000), op. cit., j. 1, h. 562-563

atau hutang itu (280). Penempatan huraian tentang anjuran atau kewajipan menulis hutang piutang selepas anjuran dan larangan di atas mengandungi makna tersendiri. Anjuran bersedekah dan melakukan infak di jalan Allah merupakan gambaran kasih sayang yang murni. Selanjutnya, larangan riba merupakan gambaran kekejaman dan kekerasan hati. Maka, dengan perintah menulis hutang piutang yang mengakibatkan terpeliharanya harta, tercermin keadilan yang didambakan al-Quran, sehingga lahir jalan tengah antara rahmat murni yang diperankan oleh sedekah dengan kekejaman yang diperagakan oleh pelaku riba.[1]

Al-Sya'rāwī berkata, kewajipan menulis tidak bermaksud menjaga harta yang memberi hutang, tetapi maksud yang terpenting adalah menjaga penghutang, kerana bila penghutang tahu hutangnya ditulis, maka ia akan berusaha bekerja bagi membayar hutangnya, namun bila hutang tidak ditulis, kemungkinan besar penghutang malas bekerja dan membayar hutangnya.[2] Kalimah *kātib* dalam ayat ini dikaitkan dengan "*al -'adl*" (adil). Ia bermakna penulis yang adil. Al-Syaukānī menyatakan, maknanya menulis dengan sifat yang adil, tidak mengurangi, tidak menambahkan dan tidak memihak kepada salah satu dari keduanya sama ada pada hatinya mahupun penanya.[3] Dari sini, diperlukan tiga kriteria bagi penulis iaitu kemampuan menulis, pengetahuan tentang aturan serta tata cara menulis perjanjian, dan kejujuran.[4]

Kesimpulannya, *kātib* bermaksud **penulis yang menjadi orang tengah bagi yang berhutang dan penghutang.**

KAWTHAR (كَوْثَر)

Ism dari kalimah *kathura* (كَثُرَ), dalam bahasa ia mengandungi makna bilangan yang banyak, kebaikan yang besar dan lelaki yang kaya.[5] Al-Rāzī berkata, *al-kawthar min al -rijāl* (الكَوْثَرُ مِنَ الرِّجَالِ) bermaksud majikan yang banyak kebaikannya dan *al-kawthar min al-ghubār* membawa maksud debu yang banyak.[6] Lafaz ini disebut sekali di dalam al -Quran iaitu dalam surah yang ke 108 ayat 1. Allah berkata: (إِنَّآ أَعْطَيْنَٰكَ ٱلْكَوْثَرَ). Terdapat beberapa pendapat mengenai makna al -kawthar, di antaranya:

1. Ia bermaksud sungai di dalam syurga. Imam Muslim dengan lafaznya, Abū Dāwūd dan al-Nasā`ī melaporkan daripada Anas, beliau berkata, "Ketika Rasulullah berada bersama kami dalam masjid, tiba-tiba beliau melelapkan matanya seketika, kemudian mengangkat kepalanya dalam keadaan tersenyum. Kami bertanya, "Apakah yang menyebabkan anda tersenyum, wahai Rasulullah." Beliau menjawab, "Sesungguhnya diturunkan kepadaku sebentar tadi satu surah, lalu membacanya:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ، إِنَّآ أَعْطَيْنَٰكَ ٱلْكَوْثَرَ
فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَٱنْحَرْ إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ ٱلْأَبْتَرُ

1. Seterusnya beliau bertanya, "Apakah kalian tahu apa itu *al-kawthar*? Kami

1 Ibid.

2 Al-Sya'rāwī (1991), op. cit., j. 2, h. 1213

3 Al-Syawkānī (1994), op cit.

4 Muhammad Quraish Shihab (2000), op. cit., j. 1, h. 565

5 Anīs et al (t.t), op. cit., h. 777

6 Al-Rāzī (1987), op. cit., h. 564

menjawab, "Allah dan rasulnya lebih mengetahui." Nabi menjawab: "Sesungguhnya ia adalah sebuah sungai yang dijanjikan oleh Allah kepadaku dan mempunyai banyak kebaikan. Di situ ada takungan air (minum) yang dikunjungi umatku pada hari akhirat, bekas air yang disediakan sebanyak bintang di langit, sebahagian daripada umatku ditegah mendapatkannya." Aku berkata, "Tuhanku, sesungguhnya mereka adalah umatku," lalu Allah menjawab, "Sesungguhnya engkau tidak mengetahui apa yang mereka lakukan sepeninggalanku".[1]

2. 'Ikrimah mentafsirkan *al-kawthar* ialah *al-nubuwwah* (kenabian).[2]
3. Al-Hasan menyatakannya dengan al -Quran.[3]
4. Mujāhid berkata: Ia bermakna kebaikan yang banyak di dunia dan di akhirat.[4]
5. Al-Mughīrah mentafsirkannya dengan Islam.[5]
6. Husain bin Fadl menyatakannya kemudahan syariat.[6]
7. Dilaporkan oleh al-Bukhārī daripada hadis Sa'īd bin Jubair daripada Ibn 'Abbās dia berkata mengenai *al-kawthar*, dia adalah kebaikan yang banyak yang diberikan Allah kepadanya. Abū Basyar berkata, aku berkata kepada Sa'īd bin Jubair, "Sesungguhnya manusia menyangka ia adalah sungai di dalam syurga, maka Sa'īd berkata, sungai yang terdapat di dalam syurga daripada kebaikan yang diberikan Allah kepadanya.[7]

Ibn Kathīr berkata, pentafsiran ini mencakupi sungai dan yang lainnya kerana al-kawthar berasal dari al-kathrah yang bermakna kebaikan yang banyak dan daripadanya bermakna sungai.[8]

KAWĀFIR(كَوَافِرُ)

Lafaz ini dalam bentuk jamak, mufradnya *kāfirah* (كَافِرَةٌ),[9] maknanya wanita-wanita kafir.[10] Disebut sekali sahaja di dalam al -Quran iaitu surah yang ke 60 daripada surah *al-Mumtahanah* ayat 10. Lafaz *al-kawāfir* digandingkan dengan kalimah *'isam* (jamak dari *al-'ismah*, maksudnya tali dan sebab). Allah berkata: (وَلَا تُمْسِكُوا۟ بِعِصَمِ ٱلْكَوَافِرِ). Al-Tabarī mentafsirkan ayat ini, "Janganlah kamu wahai orang yang beriman memegang dengan tali (perhubungan) wanita-wanita kafir dan sebab-sebab kekufuran mereka".[11] Al-Zujāj berkata, maknanya sekiranya wanita kembali kepada kekufuran, maka hilang perlindungan di antaranya dan di antara mukmin atau ikatan pernikahan putus.[12] Ibn Kathīr menyatakan, ayat ini merupakan pengharaman daripada Allah kepada orang muk-

1 Wahbah Zuhayī (2001), Juz Amma (terj), op. cit., h. 435
2 Ibn Kathīr (1998), op. cit., j. 4, h. 509
3 HAMKA (1984), op. cit., j. 30, h. 258
4 Ibn Kathīr (1998), loc. cit.
5 HAMKA (1984), loc. cit.
6 Ibid.
7 Ibn Kathīr (1998), op. cit., j. 4, h. 309
8 Ibid.
9 Al-Yazīdī (1985), op. cit., h. 375
10 Anīs et al (t.t), op. cit., h. 791
11 Al-Tabarī (1995), op. cit., j. 14, h. 91
12 Ibn al-Jawzī (1965), op. cit., j. 8, h. 242

min menikahi wanita-wanita musyrik dan meneruskan perhubungan dengan mereka.[1] Di dalam hadis sahih daripada al-Zuhrī daripada 'Urwah daripada al-Miswar daripada Marwān bin al-Hakm ketika Rasulullah membuat perjanjian dengan orang kafir Quraisy pada hari Hudaibiyyah, maka dia didatangi wanita-wanita mukmin, maka Allah menurunkan ayat:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا جَآءَكُمُ ٱلْمُؤْمِنَٰتُ مُهَٰجِرَٰتٍ فَٱمْتَحِنُوهُنَّ ۖ ٱللَّهُ أَعْلَمُ بِإِيمَٰنِهِنَّ ۖ فَإِنْ عَلِمْتُمُوهُنَّ مُؤْمِنَٰتٍ فَلَا تَرْجِعُوهُنَّ إِلَى ٱلْكُفَّارِ

Kemudian 'Umar mentalak dua isterinya, yang satu dikahwini oleh Mu'āwiyah bin Abī Sufyān, yang ke dua dinikahi oleh Safwān bin 'Umayyah.

Muhammad bin Ishāq melaporkan daripada al-Zuhrī, pada masa itu 'Umar menceraikan Qarībah binti Abī Umayyah bin al -Mughīrah, lalu dikahwini oleh Mu'āwiyah, dan Umm Kalthūm binti 'Amrū bin Jarwal al-Khuzā'iyyah, iaitu ibu Abdullah, kemudian dinikahi oleh Jahm bin Hudhayfah bin Ghānim, sedangkan kedua-duanya pada masa itu masih musyrik. Talhah bin 'Ubaydillah menceraikan Arwā binti Rabī'ah bin al-Hārith bin 'Abd al-Mutallib, lalu dikawini oleh Khālid bin Sa'īd bin al-'Ās.[2]

Kesimpulannya, *al-kawāfir* membawa maksud **wanita-wanita kafir atau musyrik.**

KAWKAB(كَوْكَب)

Ism mufrad jamaknya *kawākib* (كَوَاكِب). Asal maknanya *kaukaba al-hadīd* (كَوْكَبَ الحَدِيدُ) iaitu besi yang menyala dan bercahaya. *Al-kawkab* (الكَوْكَب) dari sudut bahasa mengandungi makna planet, bintang, lelaki yang bersenjata, anak yang menginjak dewasa, pedang, kepala, pemimpin, batalion, bunga-bunga kebun, tumbuh-tumbuhan yang tinggi, gunung, yang besar dari sesuatu seperti: *kawkab al-usyb* (rumput yang banyak), *kawkab al-mā'* (كَوْكَبَ المَاءُ) (kejernihan mata air), *kawkab al-jaisy* (كَوْكَبَ الجَيْشُ) (askar yang ramai) dan ungkapan "*ghulām kawkab*" (غُلَامٌ كَوْكَبٌ) membawa maksud wajah pemuda itu berseri dan sebagainya.[3] Lafaz dalam bentuk mufrad atau *kawkab* disebut tiga kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *an-Nūr* (24), ayat 35, *al-An'ām* (6), ayat 76 dan surah *Yūsuf* (12), ayat 4.

Sedangkan dalam bentuk jamak iaitu *kawākib* disebutkan dua kali iaitu dalam surah *as-Sāffāt* (37), ayat 6 dan surah *al-Infitār* (82), ayat 2. Lafaz ini sama ada dalam bentuk mufrad atau jamak mengandungi makna planet atau bintang, kecuali dalam surah *Yūsuf*. Al-Zamaksyarī dan al-Syaukānī menyatakan, *al-kawkab* atau *al-kawākib* diketahui orang seperti bintang, matahari, bulan, Marikh, Musytari dan sebagainya.[4] Oleh itu dalam surah *as-Sāffāt* ayat 6 dan 7, menceritakan planet-planet tersebut kesemuanya menjadi perhiasan langit, Allah berkata yang bermaksud, "Sesungguhnya Kami menghiasi langit yang hampir ke dunia dengan perhiasan bintang-bintang, dan bagi memelihara daripada setiap syaitan yang derhaka." Adapun dalam surah *Yūsuf*, sebahagian ulama men-

1 Ibn Kathīr (1998), op. cit., j. 4, h. 316

2 Ibid.

3 Anīs et al (t.t), op. cit., h. 793, Ahmad Warson (1997), op. cit, h. 1240

4 Al-Zamakhsyarī (1995), op. cit., j. 3, h. 234-235, al-Syawkānī (1994), op. cit., j. 2, h. 169

tafsirkan *kawkab* bukan pada zahirnya tetapi ianya bermaksud saudara-saudara Nabi Yūsuf. Allah berkata:

إِذْ قَالَ يُوسُفُ لِأَبِيهِ يَٰٓأَبَتِ إِنِّي رَأَيْتُ أَحَدَ عَشَرَ كَوْكَبًا

Dilaporkan daripada Ibn 'Abbās, Qatādah, al-Dahhāk, Ibn Zaid dan Ibn Juraij, yang dimaksudkan أَحَدَ عَشَرَ كَوْكَبًا (sebelas planet atau bintang) adalah saudara-saudara Yūsuf yang berjumlah sebelas orang.[1] Makna umum bagi lafaz *kawkab* atau *kawākib* adalah planet-planet atau bintang-bintang.

KAYL (كَيْل)

Masdar (kata terbitan) dari kalimah *kāla* (كَالَ), ia dalam bentuk mufrad, jamaknya akyāl (أَكْيَال). Maksudnya sesuatu yang ditakar dengannya daripada besi, kayu atau keduanya,[2] apa yang bertaburan dari hujung batang pokok yang dibakar.[3] Atau disebut juga dengan alat takaran dan alat timbangan.[4] Al-Fairūz berkata, Ia juga bermakna keadaan yang ditakar dengannya dan kadar.[5] Lafaz ini diulang sebanyak 10 kali iaitu dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 152; *al-A'rāf* (7), 85; *Yūsuf* (12), 59, 60, 63, 65 (dua kali), 88; *al-Isrāk* (17), ayat 35; dan dalam surah *asy-Syu'arāk* (26), ayat 181. Al-Qurtubī menyatakan, lafaz *kayl* bermakna *mikyāl* iaitu alat sukatan atau takaran.[6]

Allah berkata: (وَأَوْفُوا۟ ٱلْكَيْلَ وَٱلْمِيزَانَ بِٱلْقِسْطِ). Al-Syaukānī berkata, maknanya, adil dalam pengambilan dan pemberian ketika berjual beli.[7] Di dalam surah *Yūsuf* ayat 65, lafaz *kayl* disandarkan dengan *ba'īr* (unta).[8] Allah berkata, (وَنَزْدَادُ كَيْلَ بَعِيرٍ).

Ibn Juraij berkata, maknanya setiap orang dari mereka mendapat sesuatu seberat unta.9 Al-Tabarī menyatakan, tafsiran ayat ini "muatan-muatan makanan kami ditambah seberat unta yang ditakar bagi kami apa yang dibawa oleh unta yang lain daripada unta kami".[10]

Kesimpulannya, *kayl* bermakna **alat penyukat** dan **kadar berat.**

KAZĪM (كَظِيم)

Al-Zamakhsyarī berkata, ia dalam wazan *fa'īl* yang bermakna *maf'ūl* seperti kata-kata Allah (وَهُوَ مَكْظُومٌ)11 12 dari *kazama* (كَظَمَ), asal maknanya adalah penuh dan menutupnya dengan rapat seperti wadah yang penuh air lalu ditutup rapat agar tidak tumpah.[13] Manakala dalam bentuk *fa'īl* ini, ia mengandungi makna tutup pintu,[14] yang

1 Al-Tabarī (1995), op. cit., j. 7, h. 198-199, athar no. 14442-14447.

2 'Āyid et al (t.t), op. cit., h. 1064

3 Anīs et al (t.t), op. cit., h. 808

4 Ahmad Warson (1997), op. cit., h. 1244

5 Ābādī (1986), op. cit., j. 4, h. 404

6 Al-Qurtubī (1996), op. cit., j. 7, h. 135

7 Al-Syawkānī (1995), op. cit., j. 2, h. 225

8 Ibn Juraij berkata, Mujāhid menyatakan, makna "himl ba'īr" adalah seberat keledai. Beliau berkata: himār (keledai) mengikut beberapa bahasa disebut dengan ba'īr. Al-Tabarī (1995), op. cit., j. 8, h. 16.

9 Ibid., athar no. 14888

10 Ibid.

11 Surah al-Qalam, ayat 48

12 Al-Zamakhsyarī (1995), op. cit., j. 2, h. 479

13 M. Quraish Shihab (2000), op. cit., j. 2, h. 207

14 Ma`lūf (1975), op. cit., h. 688

sedih lagi berduka.[1] Disebut tiga kali iaitu dalam surah *Yūsuf* (12), ayat 84; *an-Nahl* (16), ayat 58 dan surah *az-Zukhruf* (43), ayat 17. Di dalam surah *Yūsuf*, lafaz *kadhīm* disandarkan kepada Nabi Ya`qūb. Allah berkata:

وَٱبۡيَضَّتۡ عَيۡنَاهُ مِنَ ٱلۡحُزۡنِ فَهُوَ كَظِيمٌ

Al-Zamakhsyarī mentafsirkannya dengan, "di dalam dirinya penuh dengan kemarahan ke atas anak-anaknya dan tidak menampakkan apa yang menyakitkan mereka".[2] Mujāhid berkata; ia bermakna *kazīm al -huzn* (penuh kesedihan) atau al-huzn (dia bersedih).[3] Al-Dahhāk pula menyatakan, maknanya *al-kamīd* (amat berduka).[4] Qatādah mentafsirkan, dia menyembunyikan kesedihan di dalam dirinya dan tidak berkata -kata dengan sesuatu yang tercela atau tidak berkata-kata kecuali kebaikan.[5] Al-Suddī menyatakan, dan dia berduka kerana marah.[6] Ibn Zaid berkata: al-kazīm adalah yang tidak berkata-kata, amat berduka dan sedih sehingga dia tidak bercakap dengan mereka.[7] Manakala dalam surah *an-Nahl* dan *az -Zukhruf*, kalimah ini menceritakan tentang adat orang kafir yang apabila mendapat anak perempuan, mereka bersedih dan berduka. Allah berkata:

وَإِذَا بُشِّرَ أَحَدُهُم بِٱلۡأُنثَىٰ ظَلَّ وَجۡهُهُۥ مُسۡوَدًّا وَهُوَ كَظِيمٌ

Al-Marāghī mentafsirkan, "Apabila salah seorang dari mereka yang menjadikan bagi Allah anak-anak perempuan dianugerahkan dengan kelahiran anak perempuan, wajah mereka menjadi hitam kerana bersedih hati, dipenuhi dengan kemarahan yang teramat lebih daripada kedukaan."[8]

Kesimpulannya, kalimah *kazīm* membawa maksud **amat berduka** dan **bersedih disebabkan kebencian atau kemarahan kepada sesuatu.**

KIBRIYĀ`(كِبْرِيَاء)

Dalam *mu'jam* lafaz *al-kibriyā'* (الكِبْرِيَاءُ) dalam bentuk *mu`annath*, membawa maksud keagungan, kehebatan, tinggi bagi tunduk, kerajaan dan sebagainya.[9] Majd al-Dīn al-Fairūz Ābādī menyatakan: lafaz ini bermaksud tinggi bagi tunduk dan ia hanya dimiliki oleh Allah.[10] Disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Yūnus* (10), ayat 78 dan *al-Jātsiyah* (45), ayat 37. Di dalam al -Quran, kalimah ini disandarkan kepada dua sandaran, iaitu:

Pertama, disandarkan kepada manusia sebagaimana di dalam surah *Yūnus*, Allah berkata: (وَتَكُونَ لَكُمَا ٱلۡكِبۡرِيَاءُ فِي ٱلۡأَرۡضِ). Mujāhid berkata: Ia bermakna al-mulk (kerajaan).[11] Al-Khāzin berpendapat, ia membawa maksud kerajaan dan kekuasaan,[12] oleh itu al-Nasafī berkata: ia dinamakan demikian kerana raja-raja mempunyai sifat kesombongan, ketinggian dan keagungan[13] ke

1 'Āyid et al (t.t), op. cit., h. 1044
2 Al-Zamakhsyarī (1995), op. cit., j. 2, h. 479
3 Al-Tabarī (1995), op. cit., j. 8, h. 53, athar no. 15015
4 Ibid., athar no. 15016
5 Ibid., athar no. 15017
6 Ibid., athar no. 15019
7 Ibid., athar no. 25020
8 Al-Marāghī (1974), op. cit., j. 14, h. 97
9 'Āyid et al (t.t), op. cit., h. 1025
10 Ābādī (1986), op. cit., j. 4, h. 326
11 Muhammad Fu`ād 'Abd al-Bāqī (t.t), op. cit., h. 204
12 Hilmī (1979), op. cit., j. 3, h. 276
13 Ibid.

atas manusia dengan mengikuti mereka.[1]

Kedua, disandarkan kepada Allah sepertimana dalam surah *al-Jātsiyah*, Allah berkata: (وَلَهُ ٱلْكِبْرِيَآءُ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ). Dalam *Tafsīr al-Jalālayn*, makna *al-kibriyā'* dalam ayat ini adalah *al-'azamah* (keagungan).[2] Al-Syaukānī menjelaskan *al-kibriyā'* di sini bermakna baginya kebesaran, kemuliaan, keagungan dan kekuasaan.[3] Dalam makna ini, ianya hanya dimiliki oleh Allah sebagaimana sabda nabi yang direkodkan dari Tuhannya: Keagungan adalah kainku dan *al-kibriyā'* (kesombongan atau ketinggian) adalah pakaianku, barang siapa yang menentang salah satu dari keduanya pasti Aku akan membinasakannya atau menyeksanya.[4]

Kesimpulannya, *al-kibriyā'* membawa maksud **ketinggian, kekuasaan dan keagungan**. Bila disandarkan kepada manusia maka ia bermaksud **kerajaan** dan **kesombongan** yang bukan dalam maksud sebenar kerana dalam maksud sebenarnya sifat *al-kibriya'* hanya dimiliki oleh Allah.

KIRĀM (كِرَام)

Jamak daripada lafaz *karīm* (كَرِيمٌ). Disebut tiga kali iaitu dalam surah *al-Furqān* (25), ayat 72; 'Abasa (80), ayat 16; dan dalam surah *al-Infitār* (82), ayat 11. Allah berkata dalam surah *al-Furqān*: (وَإِذَا مَرُّوا۟ بِٱللَّغْوِ مَرُّوا۟ كِرَامًا). Sa'īd Hawwā menyatakan, makna *kirāmā* adalah mereka menolak lagi mulia diri mereka untuk menodai dengan perkara yang lagha.[5] Dalam *Tafsīr al-Marāghī*, tafsirannya "diri mereka mulia dari mendengar perkara-perkara yang lagha lagi melalaikan seperti mempersendakan al-Quran, menghina Rasulullah dan bercampur di dalam perkara yang tidak patut."[6] Ayat ini sama maknanya dengan kata-kata Allah yang bermaksud, "Dan apabila mereka mendengar perkataan yang sia-sia mereka menjauhkan diri daripadanya dan berkata: Bagi kami amalan kami dan bagi kamu amalan kamu, selamat untuk kamu, kami tiada menjadi orang yang bodoh."

Dilaporkan Ibn Abī Hātim daripada Ibrāhīm bin Maisarah Ibn Mas'ūd lalu di hadapan perkara yang sia-sia dan tidak berhenti, maka Rasulullah bersabda, "Ibn Mas'ūd menjadi mulia pada waktu pagi dan petang."[7] Ibn Kathīr menyatakan, "mereka (hamba-hamba Allah) berjalan secara mulia kerana apabila mereka terserempak di dalam perjalanan mereka dengannya (perkara yang sia-sia), mereka tidak mengotori dengan sesuatu apa pun daripadanya."[8]

Dalam surah 'Abasa dan *al-Infitār*, kalimah *kirām* merujuk kepada malaikat, Allah berkata: (بِأَيْدِى سَفَرَةٍ كِرَامٍ بَرَرَةٍ) dan Allah berkata lagi: (وَإِنَّ عَلَيْكُمْ لَحَٰفِظِينَ كِرَامًا كَٰتِبِينَ).

Al-Qurtubī berkata, lafaz *kirām* bermakna yang tinggi lagi mulia[9] dan dalam kedua-dua ayat ini ia membawa maksud malaikat-malaikat yang yang mulia lagi tinggi serta penulis bagi amalan-amalan seluruh hamba

1 Ibid.

2 Al-Jalālain (t.t), op. cit., h. 653

3 Al-Syaukānī (1994), op. cit., j. 5, h. 13

4 Ahmad b. Taymiyyah al-Harrānī (1998), Majmu'ah al-Fatāwā, j. 16, c. 2, Manthūrah: Dār al-Wafā', h. 72. Hadis direkodkan oleh Muslim bab al-Birr dan Abū Dāūd dalam al-Libās.

5 Sa'īd Hawwā (1999), op. cit., j. 8, h. 3880

6 Al-Marāghī (1974), op. cit., j. 19, h. 40

7 Ibn Kathīr (1998), op. cit., j. 3, h. 309

8 Ibid.

9 Al-Qurtubī (1998), op. cit., j. 19, h. 236

di dalam buku-buku.[1] Wahab bin Munabbah menyatakan ayat dalam surah *'Abasa* di atas bermaksud sahabat-sahabat nabi, tetapi beliau (al-Qurtubī) menegaskan di mana mereka bukanlah yang dimaksudkan dalam ayat di atas, kerana lafaz ayat di atas menunjukkan makna yang khusus yang ditujukan kepada para malaikat,[2] sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Jamaah daripada 'Āisyah katanya, Rasulullah berkata:

الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَهُوَ مَاهِرٌ بِهِ مَعَ السَّفَرَةِ الْكِرَامِ الْبَرَرَةِ وَالَّذِي يَقْرَؤُهُ وَهُوَ عَلَيْهِ شَاقٌّ لَهُ أَجْرَانِ

Maksudnya, "Orang yang membaca al-Quran dengan penuh kemahiran tentangnya ia akan bersama malaikat *safarah* yang mulia dan berbakti. Manakala orang yang membaca al-Quran tetapi tidak mahir ia mendapat dua pahala."[3]

Kesimpulannya, lafaz *kirām* adalah dalam bentuk jamak, dan makna umum baginya "**yang mulia lagi tinggi**". Manakala makna khusus baginya terdiri dari dua iaitu bermaksud **hamba-hamba yang mulia** yang tidak bercampur dan mengotori diri mereka dengan perkara yang sia-sia. Kedua, ia bermakna **para malaikat yang mulia**, berbakti lagi tinggi serta penulis setiap amalan manusia.

KITĀB(كِتَابٌ)

Lafaz ini dalam bentuk mufrad, jamaknya kutub, masdar daripada *kataba* (كتب) dan kitāb dari segi bahasa karangan, surat, al-Quran dan sebagainya.[4] Dalam *Tafsīr al-Misbāh,* majoriti *kitāb* diletakkan di depannya "al" dan ia mengisyaratkan maksud kesempurnaan. Dengan demikian, *al-kitāb* adalah kitab yang sempurna. Sempurnanya sehingga tidak ada kitab yang wajar dinamai *al-kitāb* kecuali yang diturunkan kepada Nabi Muhammad.[5] Disebut 253 kali di dalam al-Quran. 230 dengan lafaz *al-kitāb*, 12 kali dengan lafaz *kitāb* dan 11 kali dengan menggunakan damīr iaitu lima kali dengan menggunakan damīr *hu* (ـهُ), dan sekali dalam damīr *ka* (كَ), *kum*(كُمْ), *nā* (نا) , *hā*(هَـا), *hum* (هُمْ), dan *yā' al-mutakallim* (ي) atau "*Kitabi*" (كِتَابِي). Perinciannya sebagai berikut:

Al-Baqarah (2), ayat 2, 44, 53, 78, 79, 85, 87, 89, 101 (dua kali), 105, 109, 113, 121, 129, 144, 145, 146, 151, 159, 17, 176 (dua kali), 177, 213, 231, 235; *Āli 'Imrān* (3), ayat 3, 7 (dua kali) 19, 20, 23 (dua kali), 48, 64, 65, 69, 70, 71, 72, 75, 78 (tiga kali), 79 (dua kali) 81, 98, 99, 100, 110, 113, 119, 164, 184, 186, 187, 199; *an-Nisāk* (4), ayat 24, 44, 47, 51, 54, 105, 113, 123, 127, 131, 136 (dua kali), 140, 153, 159, 171; *Al-Mā'idah* (5), ayat 5 (dua kali), 15 (dua kali) 19, 44, 48 (dua kali), 57, 59, 65, 68, 77, 110; *Al-An'ām* (6), ayat 20, 38, 59, 89, 91, 92, 114 (dua kali), 154, 155, 156, 157; *Al-A'rāf* (7), ayat 2, 37, 52, 169 (dua kali), 170, 196; *Al-Anfāl* (8), ayat 68, 75; *at-Taubah* (9), ayat 29, 36; *Yūnus* (10), ayat 1, 37, 61, 94; *Hūd* (11), ayat 1, 6, 17, 110; *Yūsuf* (12), ayat 12. *Ar-Ra'd* (13), ayat 1 (dua kali), 36, 38, 39, 43; *Ibrāhīm* (14), ayat 1; *Al-Hijr* (15), ayat 1, 4; *An-Nahl* (16), ayat 64, 89. *Al-Isrāk*

1 Ibid., h. 206

2 Ibid., h. 207

3 Wahbah Zuhaylī (2001), Juzz 'Amma (terj), op. cit., h. 60.

4 'Āyid et al (t.t), op. cit., h. 1027

5 Al-Sābūnī (1981), op. cit., j. 1, h. 86

(17), ayat 2, 4, 58. Al-Kahfi (18), ayat 1, 27, 49 (dua kali); *Maryam* (19), ayat 12, 16, 30, 41, 51, 54, 56; *Tāha* (20), ayat 52. *Al-Hajj* (22), ayat 8, 70; *Al-Mukminūn* (23), ayat 49, 62; *An-Nūr* (24), ayat 33; *Al-Furqān* (25), ayat 35; *Asy-Syu'arāk* (26), ayat 2; *An-Naml* (27), ayat 1, 29, 40, 75; *Al-Qasas* (28), ayat 2, 43, 49, 52, 86; *Al-Ankabūt* (29), ayat 27, 45, 46, 47 (dua kali), 48, 51; *Ar-Rūm* (30), ayat 56; *Luqmān* (31), ayat 2, 20; *As-Sajadah* (32), ayat 2, 23. *Al-Ahzāb* (33), ayat 6 (dua kali), 26; *Sabak* (34), ayat 3; *Fātir* (35), ayat 11, 25, 29, 31, 32; *As-Sāffāt* (37), ayat 117; *Sād* (38), ayat 29. *Az-Zumar* (39), ayat 1, 2, 41, 69; *Ghāfir* (40), ayat 2, 53, 70; *Fussilat* (41), ayat 3, 41, 45; *Asy-Syūrā* (42), ayat 15, 17, 52; *Az-Zukhruf* (43), ayat 2, 4; *Ad-Dukhān* (44), ayat 2; *Al-Jātsiyah* (45), ayat 2 (dua kali), 16; *Al-Ahqāf* (46), ayat 2, 4, 12 (dua kali); *Qāf* (50), ayat 4; *At-Tūr* (52), ayat 2; *Al-Wāqi'ah* (56), ayat 78; *Al-Hadīd* (57), ayat 16, 22, 25, 26, 29; *Al-Hasyr* (59), ayat 2, 11; *Al-Jumu'ah* (62), ayat 2; *Al-Qalam* (68), ayat 37; *Al-Muddatsir* (74), ayat 31 (dua kali); *Al-Mutaffifīn* (83), ayat 7, 9, 18, 20; *Al-Bayyinah* (98), ayat 1, 4, 6.

Lafaz *kitāb* disebut 12 kali iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 145, *an-Nisāk* (4), ayat 103, 153, *al-An'ām* (6), ayat 7, *al-Isrāk* (17), ayat 13, 93, *al-Anbiyāk* (21), ayat 10, *Fātir* (35), ayat 40, *az-Zumar* (39), ayat 23, *az -Zukhruf* (43), ayat 21, *al-Ahqāf* (46), ayat 30, *an-Naba* (78), ayat 39.

Manakala lafaz *kitāb* yang menggunakan damīr "ka" terdapat dalam surah *al-Isrāk* (17), ayat 14, *damīr "kum"* terdapat dalam surah *as-Sāffāt* (37), ayat 157, *damīr "nā al -mutakallim* untuk *nahnu* (kami)" terdapat dalam surah *al-Jātsiyah* (45), ayat 29, damīr "*hu* untuk dia (l)" disebut lima kali iaitu dalam surah *al-Isrāk* (17), ayat 71, *al-Hāqqah* (69), ayat 19, 25, *al-Insyiqāq* (84), ayat 7, 10, dengan menggunakan damīr "*hā* untuk dia (p)" disebut dalam surah *al-Jātsiyah* (45), ayat 28, dengan *damīr* "hum untuk mereka (l)" disebut dalam surah *al-Isrāk* (17), ayat 71, dan dengan *damīr yā' al-mutakallim* iaitu bagi makna ana (saya) atau kitābī disebut dalam surah *an-Naml* (27), ayat 28.

Majd al-Dīn bin Ya'qūb al-Fayrūz Ābādī menyatakan, sebahagian ulama berpendapat terdapat beberapa makna bagi lafaz al-k*itāb* atau *kitāb* di dalam al-Quran:

- Ia bermakna *al-lawh al-mahfūz.* Seperti dalam surah an-An'ām ayat 59, Allah berkata: (وَلَا رَطْبٍ وَلَا يَابِسٍ إِلَّا فِي كِتَٰبٍ مُّبِينٍ).
- Ia bermakna Taurat, seperti dalam surah *Āli 'Imrān* ayat 78, Allah berkata: (لِتَحْسَبُوهُ مِنَ ٱلْكِتَٰبِ وَمَا هُوَ مِنَ ٱلْكِتَٰبِ).
- Ia bermakna Injil, seperti dalam surah *Āli 'Imrān* ayat 64, Allah berkata: (قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ تَعَالَوْا۟ إِلَىٰ كَلِمَةٍ سَوَآءٍۭ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ). Namun dalam ayat ini al -kitāb disandarkan kepada "*ahl*" sehingga ia menjadi *ahl al-kitāb*. Dalam *Tafsīr al-Misbāh*, *ahl al-kitāb* bukanlah hanya golongan Kristian tetapi *ahl al -kitāb* terdiri dari semua orang Yahudi dan Nasrani.[1] Abū Hanīfah dan majoriti pakar-pakar hukum menyatakan siapa pun yang mempercayai salah seorang Nabi, atau kitab yang pernah diturunkan Allah, maka ia termasuk *Ahl al-Kitāb*. Dengan demikian *ahl al -kitāb* tidak terbatas pada kelompok penganut agama Yahudi dan Nasrani. Dengan demikian, bila ada satu kelompok yang hanya percaya kepada suhuf Ibrāhīm atau Zabūr (yang diberikan kepada Nabi Dāūd) sahaja,

1 M. Quraish Shihab (2000), op. cit., j. 2, h. 107

maka ia pun termasuk dalam jangkauan pengertian *ahl al-kitāb*.[1]

- Ia bermakna surat yang ditulis oleh Nabi Sulaimān kepada Balqīs. Terdapat dalam surah *an-Naml* ayat 29. Allah berkata: (إِنِّيٓ أُلۡقِيَ إِلَيَّ كِتَٰبٞ كَرِيمٌ)
- Ia bermakna al-Qurān. Seperti dalam surah *al-An'ām* ayat 155. Allah berkata: (وَهَٰذَا كِتَٰبٌ أَنزَلۡنَٰهُ مُبَارَكٞ). Al-Qurān dinamakan kitāb kerana terhimpun di dalamnya daripada kisah-kisah, perintah, larangan, *al-amthāl* (perumpamaan), syariat dan *al-mawā'iz* (nasihat -nasihat dan pengajaran), atau kerana di dalamnya terhimpun segala ajaran atau syariat kitab-kitab terdahulu yang diturunkan kepada nabi-nabi.[2]
- Ia bermaksud penetapan dan penulisan rahmat dan maghfirah (ampunan), seperti terdapat dalam surah *al-Anfāl* ayat 68, Allah berkata: (لَّوۡلَا كِتَٰبٞ مِّنَ ٱللَّهِ سَبَقَ).
- Ia bermaksud cara penulisan yang dikenali, seperti dalam surah *Āli 'Imrān* ayat 48. Allah berkata: (وَيُعَلِّمُهُ ٱلۡكِتَٰبَ وَٱلۡحِكۡمَةَ).
- Ia bermaksud sejarah orang yang mendapat kehidupan yang bahagia, sepertimana yang disebut dalam surah *al-Mutaffifīn* ayat 18. Allah berkata: (كَلَّآ إِنَّ كِتَٰبَ ٱلۡأَبۡرَارِ لَفِي عِلِّيِّينَ).
- Ia bermaksud sejarah orang yang mendapat kesengsaraan, sepertimana yang disebut dalam surah *al-Mutaffifīn* ayat 7. Allah berkata: (كَلَّآ إِنَّ كِتَٰبَ ٱلۡفُجَّارِ لَفِي سِجِّينٖ).
- Ia bermaksud rezeki yang sementara seperti umur dan kenikmatan. Misalnya disebut dalam surah *al-Hijr* ayat 4. Allah berkata: (وَمَآ أَهۡلَكۡنَا مِن قَرۡيَةٍ إِلَّا وَلَهَا كِتَابٞ مَّعۡلُومٞ).
- Ia bermakna kefarduan pada ketaatan atau syariat, seperti dalam surah *an-Nisāk* ayat 103, Allah berkata: (إِنَّ ٱلصَّلَوٰةَ كَانَتۡ عَلَى ٱلۡمُؤۡمِنِينَ كِتَٰبٗا مَّوۡقُوتٗا).
- Ia bermaksud catatan amalan yang diperlihatkan kepada orang yang berbuat taat dan orang yang berbuat maksiat pada hari kiamat. Seperti yang terdapat dalam surah *al-Isrāk* ayat 13-14, Allah berkata: (وَنُخۡرِجُ لَهُۥ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ كِتَٰبٗا يَلۡقَىٰهُ مَنشُورًا ﴿١٣﴾ ٱقۡرَأۡ كِتَٰبَكَ).

Beliau menegaskan lagi asal *al-kitāb* adalah nama bagi sebuah sahifah dan ia disebut di dalam al-Quran yang mencakupi makna penetapan, takdir, kewajipan dan kefarduan yang ditetapkan oleh Allah.[3]

KUFFĀR (كُفَّارٌ)

Lafaz ini merupakan salah satu jamak dari kalimah *kāfir* (كَافِرٌ). Majd al-Dīn al-Fairūz Ābādī menyatakan, lafaz *al-kuffār* lebih superlatif daripada lafaz *al-kafūr* dan *al-kafūr* membawa maksud yang ingkar dan kufur pada nikmat, sepertimana dalam kata-kata Allah[4] (إِنَّ ٱلۡإِنسَٰنَ لَكَفُورٞ). Al-Kafawī berkata: Lafaz *al-kuffār* yang merupakan jamak dari *kāfir* banyak digunakan bagi lawan keimanan, sedangkan lafaz kafarah yang juga merupakan jamak dari *kāfir* banyak digunakan

1 M. Quraish Shihab (1997), op. cit., h. 366-367.

2 Ābādī (1986), op. cit., j. 4, h. 329

3 Ābādī (1986), op. cit., j. 4, h. 332

4 Bermaksud: "Sesungguhnya manusia benar-benar ingkar (akan nikmat Allah)." Surah *al-Hājj* (22, ayat 66).

bagi lawan kepada kufur nikmat.[1]

Disebut 20 kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 109, 161; *Āli 'Imrān* (3), ayat 91; *an-Nisāk* (4), ayat 18; *al -Mā 'idah* (5), ayat 57; *at-Taubah* (9) ayat 68, 73, 120, 123; *ar-Ra'd* (13), ayat 42; *Muhammad* (47), ayat 34; *al-Fath* (48), ayat 29; *al-Hadīd* (57), ayat 20; *al-Mumtahanah* (60), ayat 10, 11, 13; *at-Tahrīm* (66), ayat 9; *al-Mutaffifin* (83), ayat 3, 36.

Lafaz *al-kuffār* di dalam ayat-ayat al -Quran menunjukkan kepada mereka yang kufur dan ingkar kepada Allah, rasul dan syariat Islam dari kalangan Yahudi, Nasrani dan golongan lainnya. Mereka yang kufur dan mati dalam kekufuran, dosa mereka tidak akan diampunkan seperti dalam surah *Muhammad* (34), ayat 2 dan akan mendapat seksaan dan balasan yang dahsyat di akhirat, di antaranya mereka akan dilaknat, seperti dalam surah *al-Baqarah* (161), ayat 3 mendapat seksaan yang pedih seperti dalam surah *an-Nisāk* (18),4 serta masuk ke dalam api neraka seperti dalam surah *at-Taubah* (68).[5] Oleh yang demikian, Allah mewahyukan orang yang beriman memerangi orang yang kufur, seperti dalam surah *at-Taubah* (123).[6]

Ayat al-Quran menerangkan juga tentang sikap Rasulullah dan pengikutnya yang keras dan tegas pada mereka sebagaimana yang terakam dalam surah *al-Fath* (29).[7] Salah satu punca kekufuran adalah hasad dengki yang lahir dari diri mereka selepas terang sebuah kebenaran dan ianya dijelaskan dalam surah *al-Baqarah* (109).

Al-Qurtubī menyatakan hasad dengki lahir dari diri mereka sedang mereka tidak mendapatinya di dalam kitab mahupun tidak diperintahkan dengannya. Kalimah "dari diri mereka sendiri" merupakan penekanan dan kelaziman yang wujud pada diri mereka (orang Yahudi), sebagaimana yang terdapat dalam ayat-ayat al-Quran, seperti: (يَقُولُونَ بِأَفْوَاهِهِم)[8] (يَكْتُبُونَ الْكِتَابَ بِأَيْدِيهِمْ)[9] (وَلَا طَائِرٌ يَطِيرُ بِجَنَاحَيْهِ)[10]. Kesemua ayat-ayat ini berkenaan dengan sikap orang Yahudi.[11]

Kesimpulannya, lafaz *kuffār* membawa maksud **orang yang amat kufur kepada Allah** dan apa sahaja yang turun darinya.

KUNŪZ (كُنُوزٌ)

Lafaz ini dalam bentuk jamak, mufradnya adalah *kanz* (كَنْزٌ), berasal daripada akar kata

1 Al-Kafawī (1992), op. cit., h. 763

2 Mafhumnya: "Sesungguhnya orang yang kafir dan menghalangi manusia daripada jalan Allah, kemudian mereka mati, sedang mereka dalam kekufuran, maka Allah tiada akan mengampuni mereka."

3 Maksudnya: "Sesungguhnya orang kafir dan mati dalam kekufuran, bagi mereka itu laknat Allah, para malaikat dan manusia sekaliannya."

4 Maksudnya: "Tiada diterima taubat orang mati sedang mereka dalam kekufuran. Bagi mereka itu kami sediakan seksaan yang amat pedih."

5 Mafhumnya: "Allah telah menjanjikan neraka jahanam bagi orang munafik, lelaki mahupun perempuan dan orang kafir serta mereka kekal di dalamnya. Itu cukup (untuk balasannya). Allah melaknat mereka dan untuk mereka seksaan yang abadi."

6 Maksudnya: "Wahai orang yang beriman, perangilah orang yang di sekeliling kamu daripada orang kafir dan hendaklah mereka mendapati kekerasan pada diri kamu. Ketahuilah, Allah bersama orang yang bertakwa."

7 Maksudnya: "Muhammad itu adalah rasul Allah. orang yang bersamanya (orang mukmin) sangat keras terhadap orang kafir, berkasih sayang sesame mereka."

8 Mafhumnya: "Mereka menyatakan dengan mulut-mulut mereka." (Surah Āli 'Imrān: 167)

9 Maksudnya: "Mereka menulis kitab kitab dengan tangan mereka sendiri." (Surah al-Baqarah: 79)

10 Maksudnya: "Tiada pula burung yang terbang dengan kedua sayapnya." (Surah al-An'ām: 38)

11 Al-Qurtubī (1996), op. cit., j. 2, h. 77-78

kanaza (كَنَزٌ). *Kunūz* membawa makna harta karun, setiap barang yang berharga yang disimpan daripada harta, emas dan sebagainya.[1] Majd al-Dīn al-Fairūz Ābādī berkata: setiap sesuatu yang dapat engkau raba dengan tangan atau kaki yang tersimpan dalam bejana atau tanah dan ia juga bermakna perak serta emas, seperti mana dalam hadis yang dilaporkan oleh Abū Dhar, "Berilah khabar gembira kepada al-Kannāzīn (penyimpan -penyimpan) dengan batu yang membakar di atas bahu." Maknanya mereka yang menyimpan emas dan perak, tetapi tidak menafkahkannya di jalan Allah.2 Dalam bentuk jamak di atas, ia diulang penyebutannya sebanyak dua kali iaitu dalam surah *asy-Syu'arāk* (26), ayat 58 dan dalam surah *al-Qasas* (28), ayat 76. Sedangkan dalam bentuk mufrad, ia disebut tiga kali iaitu dalam surah *Hūd* (11), ayat 12; *al-Kahfi* (18), ayat 82; dan dalam surah *al-Furqān* (25), ayat 8.

Al-Zamakhsyarī berpendapat ia bermakna harta benda.[3] Al-Syaukānī menyatakan ia bermakna harta yang disimpan.[4] 'Atā` menyatakan dalam surah *al-Qasas,* Qārūn menjumpai harta daripada harta Nabi Yūsuf yang tersimpan.[5] Begitu juga pendapat Ibn Kathīr dalam tafsirnya, di mana makna kunūz adalah harta yang banyak dan melimpah.[6] Namun terdapat perbezaan makna *kanz* dalam surah *al-Kahf,* ada yang berpendapat ia adalah *sahīfah* yang terdapat di dalamnya ilmu pengetahuan.

Ada juga yang berpendapat ia adalah laut daripada emas yang tertulis di atasnya "engkau berasa hairan bagi sesiapa yang beriman kepada qadar, bagaimana ia masih bersedih, engkau berasa hairan bagi sesiapa yang beriman dengan rezeki bagaimana ia bersusah payah, engkau berasa hairan bagi siapa yang beriman dengan kematian bagaimana ia boleh bergembira, engkau berasa hairan bagi siapa yang beriman dengan hari penghisaban bagaimana ia boleh lalai, engkau berasa hairan bagi siapa yang mengetahui dunia dan penghuninya banyak terjerumus ke dalamnya bagaimana ia boleh merasa tenang dengannya. Tiada Tuhan yang *haq* melainkan Allah, Muhammad adalah pesuruh Allah.[7]

Kesimpulannya, kalimah *kanz* atau *kunūz* membawa makna harta yang tersimpan sama ada daripada wang, emas, perak dan sebagainya.

KUSĀLĀ (كُسَالَىٰ)

Lafaz ini dalam bentuk jamak dari *al-kaslān* (الكَسْلَانُ) atau *al-kasil* (الكَسِلُ), dan *kaslān* (الكسلان) masdar dari *kasila* (كَسِلَ), maksudnya orang yang merasa berat, lemas dan lesu atau kata lain pemalas.[8] Al-Fairūz berkata: Ia bermaksud merasa berat dari

1 'Āyid et al (t.t), op. cit., h. 1056

2 Ābādī (1986), op. cit., j. 4, h. 390-391

3 Al-Zamakhsyarī (1995), op. cit., j. 2, h. 713

4 Al-Syawkānī (1994), op. cit., j. 4, h. 231

5 Ibid.

6 Ibn Kathīr (1998), op. cit., j. 3, h. 373

7 Al-Zamakhsyarī (1995), op. cit., j. 2, h. 713. Diriwayatkan oleh al-Bazzār daripada Ibn Hajīrah daripada Abū Dhar secara marfū'. Diriwayatkan al-Dār Qutnī dalam Gharā`ib Mālik daripada sanad Muhammad bin Sālih bin Fayrūz daripada Mālik daripada Nāfi' daripada Ibn 'Umar, katanya: "Ibn 'Abbās ditanya mengenai al-Kanz, beliau menyebutnya demikian". Beliau berkata: ini adalah kebatilan daripada riwayat Malik. Diriwayatkan 'Adī daripada riwayat Abyan bin Sufyān dan al-Tabrānī dalam al-Du'ā` daripada riwayat Rasydayn bin Sa'ad dan keduanya berasal dari riwayat Ibn Hazim daripada Ibn 'Abbās (dan matan) sepmaksud di atas.

8 Ahmad Warson (1997), op. cit., h. 1210, 'Āyid et al (t.t), op. cit., h. 1042

apa yang tidak sepatutnya dan berasa lesu di dalamnya.[1]

Disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *an-Nisāk* (4), ayat 142) dan dalam surah *at-Taubah* (9), ayat 54. Lafaz *kusālā* dalam kedua-dua ayat di atas berkaitan dengan sifat orang munafik ketika mendirikan solat fardu. Allah berkata: (وَإِذَا قَامُوٓاْ إِلَى ٱلصَّلَوٰةِ قَامُواْ كُسَالَىٰ). Qatādah menyatakan, "Demi Allah, sekiranya bukan kerana dilihat oleh manusia, orang munafik tidak solat atau sekiranya mereka solat mereka melakukannya kerana riyak dan dipuji.[2]

Ibn Zaid menyatakan, sekiranya bukan kerana riyak mereka tidak akan mendirikan sembahyang.[3] Maknanya mereka tidak bersemangat, tidak senang dan kurang peduli, tidak pula merasa dekat dan perlu kepada Allah,[4] ini kerana sebagaimana yang dikatakan Ibn Jarīr, mereka tidak mengetahui sesuatu pun daripada amalan-amalan yang difardukan Allah kepada orang mukmin yang bertujuan mendekatkan diri kepadanya, kerana mereka tidak yakin akan hari kebangkitan, tidak yakin kepada pahala dan seksaan, mereka hanya beramal dengan amalan yang keuntungannya kembali kepada diri mereka secara lahir dan juga kewaspadaan dari orang mukmin agar mereka tidak membunuh dan merampas harta-harta mereka. Ketika mengerjakan solat fardu, mereka merasa malas, dan ingin dilihat oleh orang mukmin, agar disangka mereka termasuk dari mereka padahal mereka bukanlah dari orang mukmin; kerana mereka tidak berkeyakinan akan kefarduan dan kewajipannya.[5]

Kesimpulannya, *kusālā* bermakna **orang munafik yang mendirikan sembahyang fardu dengan malas dan kerana riyak serta mahu dilihat.**

1 Ābādī (1986), op. cit., j. 4, h. 352

2 Al-Tabarī (1995), op. cit., j. 4, h. 450, athar no. 8439

3 Ibid., athar no. 8440

4 M. Quraish Shihab (2000), op. cit., j. 2, hl. 601

5 Al-Tabarī (1995), loc. cit.



حرف اللام

ل



LABAN (اَللَّبَنُ)

Erti lafaz (اَللَّبَنُ) ialah cecair yang rasanya lazat, yang keluar dari buah dada wanita atau haiwan betina. Cecair ini biasa disebut dengan air susu.[1] Di dalam al-Quran lafaz ini hanya diulang dua kali sahaja iaitu dalam surah *al-Nahl* (16), ayat 66 dan surah *Muhammad* (47), ayat 15. Surah *al-Nahl* (16), ayat 66 menerangkan tentang air susu di dunia. Manakala surah *Muhammad* (47), ayat 15 menerangkan tentang air susu di akhirat.

Dalam surah *al-Nahl* (16), ayat 66 diterangkan salah satu kekuasaan Allah iaitu penciptaan air susu binatang ternak. Di mana diterangkan air susu yang bersih tersebut terbit dari dalam perut binatang ternak yang lahir daripada hampas makanan dengan darah (مِنۢ بَيۡنِ فَرۡثٖ وَدَمٖ لَّبَنًا خَالِصٗا). Air susu tersebut mudah diminum dan sedap rasanya bagi orang yang meminumnya. Ini merupakan tanda-tanda kekuasaan Allah yang perlu diperhatikan dan juga anugerahnya yang perlu disyukuri. Imām Ibn Kathīr menerangkan meskipun air susu itu terbit di antara darah dan hampas makanan namun warnanya putih bersih, dan rasanya lazat, tidak seperti warna dan rasa darah serta hampas makanan.[2]

Dalam surah *Muhammad* (47), ayat 15 diterangkan keadaan syurga yang akan menjadi tempat orang beriman di akhirat nanti. Disebutkan juga di syurga terdapat sungai yang mengalir, dan di antara sungai tersebut adalah sungai yang mengalirkan air susu yang rasanya tidak berubah (وَأَنۡهَٰرٞ مِّن لَّبَنٖ لَّمۡ يَتَغَيَّرۡ طَعۡمُهُۥ). Maksudnya adalah warnanya p - tih dan nikmat serta tidak berubah.[3]

1 Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 564

2 Ibn Kathīr (1998), op. cit., j. 2, h. 575

3 *Ibid.*, j. 4, h. 177

LAḤN AL-QAWL (لَحۡنُ ٱلۡقَوۡلِ)

Apabila dikatakan (لَحَنَ الرَّجُلُ فِي كَلَامِهِ لِزَمِيلِهِ) maka ertinya lelaki itu mengucapkan perkataan yang hanya difahami oleh kawannya itu, dan selain itu perkataannya, tidak dapat difahami. Dengan demikian maka lafaz (لَحۡنُ ٱلۡقَوۡلِ) dapat diertikan dengan perkataan yang diucapkan seseorang dalam bentuk kiasan atau sindiran yang samar sehingga hanya orang tertentu sahaja yang memahaminya.[4]

Di dalam al-Quran lafaz ini hanya disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *Muhammad* (47), ayat 30. Ayat ini berada dalam rangkaian ayat yang menerangkan sifat orang munafik. Di antara sifat tersebut adalah mereka suka menyembunyikan maksud buruk tertentu di sebalik perkataan mereka. Dalam ayat tersebut Allah menegaskan sekiranya Allah menghendaki, maka Nabi Muhammad akan diberitahu maksud buruk di sebalik setiap perkataan mereka (وَلَتَعۡرِفَنَّهُمۡ فِي لَحۡنِ ٱلۡقَوۡلِ).[5] Allah mengetahui semua amal perbuatan manusia.

LAẒĀ (اَللَّظَى)

Erti (اَللَّظَى) ialah nyalaan api yang besar. Kalimah ini juga merupakan nama salah satu neraka di akhirat nanti.[6] Ia hanya disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Ma'ārij* (70), ayat 15.

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 567

5 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 40

6 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 572

Ayat tersebut menerangkan salah satu sifat neraka iaitu ianya menyalakan api yang panas dan besar (إِنَّهَا لَظَى), dan akan mengelupaskan kulit kepala dan juga bahagian tubuh badan yang lain. Neraka yang seperti itu adalah tempat kembali orang yang enggan menerima kebenaran dan tidak mahu mentaati Allah dan rasulnya. Kata لَظَى dalam ayat tersebut juga ada yang mentafsirkannya sebagai salah satu nama neraka.[1]

LĀZIB (لَازِبٌ)

Erti kata kerja (لَزِبَ - يَلْزُبُ) ialah saling terikat atau saling melekat antara satu bahagian dengan bahagian yang lain. Apabila dikatakan (لَزِبَ الطِّيْنُ) ertinya tanah liat itu saling terikat antara satu bahagian dengan bahagiannya yang lain. Dengan demikian kata (لَازِبٌ) sesuatu yang saling terikat dan saling melekat antara satu bahagian dengan bahagian lainnya.[2]

Di dalam al-Quran kata (لَازِبٌ) hanya disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Sāffāt* (37), ayat 11. Dalam ayat tersebut diterangkan manusia pertama (Nabi Ādam) diciptakan Allah daripada tanah liat yang bahagiannya saling lengket antara satu dengan lainnya (مِنْ طِيْنٍ لَازِبٍ).[3] Ini merupakan salah satu bukti kekuasaan Allah dan juga bukti bagi membangkitkan manusia dari alam kubur adalah lebih mudah baginya.

LIBADĀ (لِبَدًا)

Kata (لِبَدٌ) merupakan bentuk jamak daripada kata (لِبْدَةٌ). Ianya mempunyai beberapa erti; [1] Bulu yang tumbuh lebat dan berkumpul di antara dua bahu singa; [2] Rambut atau bulu yang tumbuh lebat dan berkumpul pada suatu tempat; [3] Secara *majāz* ianya juga bererti kumpulan jemaah yang saling berasak -asak satu sama lain.[4]

Lafaz (لِبَدٌ) hanya disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Jinn* (72), ayat 19. Ayat ini menceritakan tentang keadaan bangsa jin pada masa Nabi Muhammad hidup. Apabila Nabi Muhammad membaca al-Quran maka jin-jin itu berasak-asak satu dengan lainnya kerana ingin mendengar bacaan Nabi Muhammad secara dekat (كَادُوْا يَكُوْنُوْنَ عَلَيْهِ لِبَدًا).[5]

LUBAD (اَللُّبَدُ)

Erti lafaz (اَللُّبَدُ) ialah banyak dan menumpuk -numpuk.[6] Lafaz ini disebut sekali sahaja di dalam al-Quran dan digunakan bagi menyifatkan harta kekayaan iaitu dalam surah *al-Balad* (90), ayat 6.

Ayat ini menerangkan salah satu kebiasaan manusia yang suka bersikap sombong dengan harta yang dimilikinya, sehingga sanggup berkata, "Aku habiskan harta benda yang banyak." (أَهْلَكْتُ مَالًا لُبَدًا).[7] Padahal da-

1 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 290

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 569

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 4

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 562

5 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 309

6 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 562

7 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 513

lam surah tersebut Allah menegaskan harta banyak yang dikeluarkan itu tidak akan ada manfaatnya di akhirat nanti kecuali ia digunakan bagi perbuatan baik seperti membebaskan hamba abdi, memberi makan fakir miskin dan anak-anak yatim dan perbuatannya itu juga mestilah disertai dengan keikhlasan dan keimanan kepada Allah.

LUDDĀ(لُدًّا)

Erti kata kerja (لَدَّ-يَلُدُّ) ialah memusuhi dan bersemangat dalam berdebat. Lelaki yang mempunyai sifat ini dalam bahasa Arab disebut (sedangkan bagi perempuan, disebut dengan (لَدَّاءُ). Adapun bentuk jamak daripada kedua -dua kata tersebut adalah (لُدٌّ).[1]

Di dalam al-Quran kata (لُدًّا) hanya disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *Maryam* (19), ayat 97. Dalam ayat tersebut diterangkan di antara fungsi al-Quran yang dibawa oleh Nabi Muhammad adalah memberi khabar gembira kepada orang yang bertakwa, dan memberi amaran kepada kaum yang memusuhi dan suka mempersoalkan ajaran Islam (قَوْمًا لُدًّا). Abu 'Ubaidah mengertikan lafaz لُدًّا dengan orang yang tidak mahu menerima kebenaran dan mengajak kepada kebatilan.[2]

LUJJAH (لُجَّةٌ)

Maksud lafaz (لُجَّةٌ) ialah air yang banyak dan ombaknya saling bertumbukan. Bentuk jamaknya adalah (لُجَجٌ).[3] Lafaz (لُجَّة) disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Naml* (27), ayat 44.

Ayat ini menceritakan tentang hebatnya istana Sulaimān yang menunjukkan beliau memang nabi yang mempunyai mukjizat sehingga ratu negeri Sabak pun takjub dengan istana tersebut dan akhirnya beriman. Diterangkan juga lantai istana tersebut terbuat daripada kaca dan di bawahnya ada air yang banyak dan berombak. Semasa ratu negeri Sabak dipersilakan memasuki istana oleh Nabi Sulaimān, dia menyangka yang dipijaknya adalah air yang berombak (حَسِبَتْهُ لُجَّةً) sehingga dia mengangkat kain bajunya supaya tidak terkena air. Kemudian Nabi Sulaimān menerangkan lantai terbuat dari kaca, sedangkan air berada di bawahnya.[4]

LUJJIY (لُجِّيّ)

Erti lafaz (لُجِّيّ) ialah laut yang banyak ombaknya.[5] Ada juga yang mengertikan dengan laut yang dalam.[6] Di dalam al-Quran kata ini hanya disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Nūr* (24), ayat 40.

Ayat ini menerangkan tentang perumpamaan pengikut orang kafir yang tidak mahu menggunakan akal fikirannya. Mereka

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 567

2 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 353

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 565

4 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 141

5 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *loc. cit.*

6 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 297

seperti keadaan orang yang di dalam gelap -gelita di lautan yang dalam, (فِي بَحْرٍ لُجِّيٍّ) yang diliputi oleh ombak bertindih ombak; di sebelah atasnya pula awan tebal, sehingga keadaannya gelap-gelita berlapis-lapis. Apabila orang itu mengeluarkan tangannya, ia tidak dapat melihatnya sama sekali.

Imām Ibn Kathīr menegaskan, begitulah keadaan hati orang kafir yang gelap sebab mereka tidak mahu berfikir dan hanya mengikuti pimpinan-pimpinannya, sehingga mereka tidak tahu keadaan sebenar pimpinan mereka dan tidak tahu ke mana arah tujuan.[1]

LUMAZAH (اَللُّمَزَة)

Erti lafaz (اَللُّمَزَة) ialah orang yang suka menghina atau mencari aib orang lain.[2] Kata ini hanya disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Humazah* (104), ayat 1.

Ayat pertama surah tersebut menegaskan orang yang suka mencaci (ghībah) (هُمَزَة), dan suka mencari aib orang (لُمَزَة) adalah celaka. Sebenarnya para pakar berbeza pendapat dalam mengertikan kedua-dua kata tersebut, (هُمَزَة) dan (لُمَزَة). Abū 'Ubaidah dan al-Zajjāj menyatakan kedua-duanya mempunyai erti yang sama iaitu orang yang suka mencaci orang lain (ghībah). Abu al-'Āliyah, al-Hasan, Mujāhid dan 'Atā' bin Abī Ribāh mengertikan (هُمَزَة) dengan mencela orang di hadapannya, manakala (لُمَزَة) ialah mencela orang di belakang. Adapun Qatādah memberikan makna yang sebaliknya. Imam Mujāhid pula dikatakan mempunyai pendapat, erti (هُمَزَة) ialah mencela seseorang dengan isyarat tangan, manakala (لُمَزَة) ialah mencela seseorang dengan ucapan lisan.[3]

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 297

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 591

3 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 492-493



حرف الميم

M



MĀ'ŪN (مَاعُوْن)

Daripada segi bahasa, lafaz *ma'un* (مَاعُوْن) mempunyai banyak erti iaitu: (1) Taat dan patuh, contohnya (هذا الرَّجُلُ يَعْصِي السُّلْطَانَ وَيَمْنَعُ الْمَاعُوْنَ) iaitu lelaki ini menentang sultan dan tidak mahu patuh kepadanya; (2) Sesuatu yang ringan dan kecil, contohnya ضِيَاعُ الْمَالِ لَيْسَ بِالْمَاعُوْن iaitu kehilangan harta kekayaan bukanlah perkara yang ringan. Zakat dan sedekah juga disebut (الْمَاعُوْن) kerana ia hanya harta sedikit yang dikeluarkan daripada harta yang banyak; (3) Benda yang biasanya dipinjamkan kepada orang lain bagi tolong-menolong seperti kapak, tali, timba, bekas dan lain-lain.[1]

Di dalam al-Quran, lafaz (الْمَاعُوْن) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Ma'ūn* (107), ayat 7. Surah *al-Mā'ūn* menerangkan tentang sifat yang dimiliki oleh orang yang mendustakan hari kiamat dan hari penghitungan amal. Antara sifatnya adalah (وَيَمْنَعُوْنَ الْمَاعُوْنَ). Sebahagian besar pakar tafsir mentafsirkan lafaz (الْمَاعُوْن) dalam ayat ini dengan barang yang biasanya dipinjamkan dan digunakan oleh masyarakat bagi tujuan saling membantu, contohnya timba, kapak dan bekas. Begitu juga barang seperti air dan garam. Ada juga yang berpendapat, lafaz (الْمَاعُوْن) dalam ayat itu ialah zakat. Ada pula yang mentafsirkannya dengan semua perkara yang bermanfaat termasuk ketaatan dan ibadah kepada Allah.[2]

Manakala Imām Ibn Kathīr mentafsirkan ayat (وَيَمْنَعُوْنَ الْمَاعُوْن) dengan erti yang lebih luas iaitu mereka tidak mahu melakukan ibadah kepada Allah dan juga tidak mahu berhubungan baik dengan makhluk Allah, meskipun sekadar meminjamkan sesuatu yang dapat dimanfaatkan kemudian dikembalikan semula. Mereka tidak mahu membayar zakat dan tidak mahu melakukan perkara yang mendekatkan diri kepada Allah.[3]

MA'Z (مَعْز)

Erti lafaz *ma'z* (مَعْز) ialah kambing yang berbulu nipis dan berekor pendek, manakala biri-biri yang berbulu lebat dan berekor panjang namanya *ḍa'n* (ضَأْن).[4] Di dalam al-Quran, lafaz (الْمَعْز) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 143.

Ayat ini menerangkan tentang kejahilan orang Arab sebelum datangnya Islam, di mana mereka mengumpulkan beberapa jenis haiwan peliharaan seperti kambing dan unta, kemudian mereka mengharamkan sebahagian kelompok itu tanpa bukti. Mereka menganggap hukum yang mereka tetapkan itu adalah bersumber daripada Allah, tetapi itu hanya kebohongan mereka sahaja dan mereka tidak mempunyai bukti yang kuat bagi mengharamkan beberapa jenis haiwan itu.

Antara jenis haiwan yang diharamkan oleh mereka adalah kambing (الْمَعْز) jantan. Namun, kadangkala mereka juga mengharamkan kambing (الْمَعْز) betina dan kadangkala mereka mengharamkan semua yang berada dalam kelompok kambing (الْمَعْز) sama ada jantan mahupun betina. Allah menegaskan, dia tidak pernah mengharamkan jenis

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 643.

2 Ibn Kathīr (1998), op. cit., j. 4, h. 556-557 dan al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 500.

3 Ibn Kathīr (1998), *loc. cit.*

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 643.

haiwan itu. Semuanya dapat dimanfaatkan oleh manusia sama ada dengan cara dimakan dagingnya, ditunggangi, diminum air susunya atau dimanfaatkan bagi keperluan yang lain.[1]

MĀ'IDAH (مَائِدَة)

Erti lafaz *mā'idah* (مَائِدَة) ialah meja makan yang di atasnya dihidangkan makanan. Lafaz (مَائِدَة) kadang-kadang digunakan bagi menyebut makanan-makanan yang ada.[2]

Di dalam al-Quran, lafaz (مَائِدَة) diulang dua kali iaitu dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 112 dan 114. Dalam ayat yang ke 112, diceritakan tentang para pengikut Nabi 'Īsā *(āl-ḥāwārīyyūn)* meminta kepada Nabi 'Īsa supaya memohon kepada Allah bagi menurunkan مَائِدَة iaitu meja yang penuh dengan makanan dari langit. Mereka meminta hal yang sedemikian kerana mereka memerlukan makanan dan memang mereka dalam keadaan miskin. Dengan makanan itu, mereka mahu menambah kekuatan bagi beribadah kepada Allah.

Akhirnya, seperti diterangkan dalam ayat 114, Nabi 'Īsā memohon kepada Allah supaya menurunkan (مَائِدَة) bagi para pengikutnya. Turunnya *al-mā'idah* dari langit ini menjadi bukti yang kukuh bagi kenabian 'Īsā.[3]

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 184.

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 670.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 117.

MADAD – MIDĀD (مَدَد - مِدَاد)

Erti asal lafaz *madad* (مَدَد) ialah tambahan.[4] Manakala lafaz *midād* (مِدَاد) bererti cecair yang dapat digunakan sebagai alat tulis iaitu tinta atau dakwat).[5] Lafaz (مِدَاد) ini mempunyai kaitan erti dengan kata (مَدَد), kerana tinta adalah cecair yang selalu dituangkan oleh penulis dan selalu ditambah.[6]

Di dalam al-Qurān, lafaz (مِدَادًا) dan (مَدَدًا) masing-masing disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Kahfi* (18), ayat 109. Ayat ini menerangkan keluasan dan kepelbagaian ilmu Allah. Imām Ibn Kathīr mentafsirkan ayat ini dengan berkata, "Sekiranya lautan menjadi dakwat (مِدَادًا) bagi pena yang digunakan bagi menulis lafaz Allah, hikmahnya dan tanda-tanda keagungannya, habislah lautan itu sebelum habis ditulis semua lafaz, meskipun didatangkan tambahan (مَدَدًا) tinta sebanyak lautan itu berkali-kali, kemudian digunakan bagi menulis lafaz Allah lagi, maka lafaz Allah tetap tidak akan habis.

Ini sama dengan kata-kata Allah yang bermaksud, *"Dan seandainya pohon-pohon di bumi menjadi pena dan laut (menjadi tinta), ditambahkan kepadanya tujuh laut (lagi) sesudah keringnya, nescaya tidak akan habis (dituliskan) kalimat Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."*[7]

Al-Rabi' bin Anas menyatakan, perumpamaan ilmu yang dimiliki oleh hamba Allah dengan ilmu Allah adalah bagaikan setitis air dibandingkan dengan semua air di lautan."[8]

4 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 318.

5 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 619.

6 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 318.

7 Surah Luqmān (31), ayat 27.

8 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 109.

MAHĪL (مَهِيْلٌ)

Lafaz ini adalah *ism maf'ūl* daripada lafaz *hāla* (هَالَ), membawa maksud yang ditaburkan dan ditumpahkan. *Raml mahīl* bermaksud pasir yang ditaburkan dan ditumpahkan.[1] Ia hanya disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Muzzammil* (73), ayat 14.

Al-Farrā' berkata, "*Al-Mahīl* adalah yang tergoyang di bawahnya sehingga apa yang ada di atasnya tertumpah ke atasmu." Ibn Qutaibah[2] berkata, "Ia bermaksud pasir yang tumpah seperti dalam kata-kata Allah yang bermaksud, "Dan gunung-ganang dihancur -leburkan dengan selebur-leburnya, lalu jadilah ia debu yang berterbangan."[3] Dalam *Tafsīr al-Jalālain,* lafaz *mahīlā* bermakna hancur dan lebur selepas terhimpun dan bersatu.[4]

Al-Fakhr al-Rāzī berkata, "Kebanyakan pakar bahasa menyebutnya *mahīl* seperti perkataan *makīl* dan *madīn.* Hal demikian kerana huruf *al-yā'* yang berbaris *ḍammah* dihilangkan dan diganti dengan *sukun* seperti pendapat al-Farrā' dan al-Zujjāj. Maksudnya *maṣbūb* iaitu yang ditumpahkan dan *masīl* iaitu yang dihancurkan. Tafsirnya adalah, Allah menghancurkan dan memecahkan susunan bahagian gunung dan menghamburkannya, menjadikannya seperti bulu yang berterbangan sedangkan pada masa itu ia menjadi timbunan pasir, kemudian Allah menggoncangkannya seperti yang disebutkan dalam al-Quran, "يَوْمَ تَسِيرُ الْأَرْضُ"[5] dan "وَهِيَ تَمُرُّ مَرَّ السَّحَابِ"[6] dan "وَسُيِّرَتِ الْجِبَالُ",[7] maka pada masa itu, ia menjadi *mahīlā* (hancur lebur).[8]

Kesimpulannya, lafaz *mahīlā* membawa maksud **serpihan gunung** yang berkecai kerana dihancur leburkan dan berterbangan.

MAHZŪM (مَهْزُومٌ)

Lafaz ini adalah *ism maf'ul* daripada kata kerja *hazama* (هَزَمَ) yang bererti mengalahkan, membunuh, memukul kembali, menggali, memporak-perandakan dan memisahkan. *Mahzūm min al-jaysy* bermaksud pasukan yang dikalahkan dan dipecahbelahkan kekuatannya.[9]

Ia disebut sekali sahaja di dalam al -Quran iaitu dalam surah *Sād* (38), ayat 11. Lafaz ini dihubungkan dengan *al-Aḥzāb* dan *jund* iaitu pasukan, golongan atau kelompok. Al-Zamakhsyari mentafsirkan ayat ini, "Mereka hanyalah sepasukan orang kafir yang disusun bagi menentang Rasulullah yang pasti dihancurkan dan dikalahkan dalam masa yang terdekat."[10]

Muhammad 'Abd al-Salām Syāhīn berkata tentang maknanya, "Sesungguhnya mereka hanyalah pasukan yang dihimpunkan bagi memerangi Rasulullah yang dalam masa terdekat akan diporak-perandakan dan

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 812.

2 Ibn Qutaibah (1978), *op. cit.*, h. 494.

3 Al-Wāqi'ah (56), ayat 5 dan 6.

4 Al-Jalālain (t.t.), *op. cit.*, h. 764.

5 Maksudnya, *"Dan ingatlah Hari Kami cabut dan terbangkan gunung ganang".* Al-Kahfi (18), ayat 47.

6 Maksudnya, *"Padahal ia (gunung ganang) bergerak cepat seperti awan".* Surah al-Naml (27), ayat 88.

7 Maksudnya, *"Dan gunung-ganang (setelah dihancurkan menjadi debu) diterbangkan ke angkasa".* Surah al-Nabak (78), ayat 20.

8 Al-Rāzī (t.t.), *op. cit.*, j. 32, h. 182 Maksudnya, *"Dan gunung ganang (setelah dihancurkan menjadi debu) diterbangkan ke angkasa".* Surah al-Nabak (78), ayat 20.

9 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 985; Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 865, Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 1505.

10 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 72.

dipukul kembali serta dipecahbelahkan.[1] Dalam *Safwah al-Tafāsīr* dijelaskan mereka dikalahkan bagi dihina dan diaibkan.[2] Qatādah mentafsirkan Allah menjanjikan kepada Rasulullah semasa beliau berada di Makkah, di mana pada suatu hari pasukan orang musyrik akan dikalahkan, maka terjadilah tafsiran itu untuk Perang Badar.[3]

Kesimpulannya, makna *mahzūm* ialah **dikalahkan, dipukul kembali, dipecahbelahkan** dan sebagainya.

MAJĪD (مَجِيد)

Erti lafaz *majīd* (مَجِيْد) ialah yang mulia dan yang banyak pemberiannya.[4] Di dalam al-Quran, lafaz (مَجِيْد) diulang empat kali iaitu dalam surah *al-Burūj* (85), ayat 15, 21; *Hūd* (11), ayat 73; dan *Qāf* (50), ayat 1. Di dalam al-Quran, lafaz (مَجِيد) menjadi sifat bagi tiga perkara iaitu:

1. Ia menjadi sifat Allah. Maksudnya Allah adalah zat yang mulia dan kemuliaannya melebihi kemuliaan makhluk ciptaannya. Selain itu, Allah juga zat yang besar kurnia dan anugerahnya kepada makhluk. (Surah *Hūd* (11), ayat 73).[5]
2. Ia menjadi sifat al-Quran. Maksudnya al-Quran adalah kitab yang mulia apabila dibandingkan dengan kitab-kitab lain sama ada daripada susunan bahasa mahupun kandungannya. Selain itu, al-Quran juga banyak keberkatannya, ia memberi faedah dan manfaat sama ada di dunia mahupun di akhirat kerana Allah menerangkan aturan-aturan hidup di dunia dan juga hukum agama di dalam al-Quran. (Surah *al-Burūj* (85), ayat 21 dan *Qāf* (50), ayat 1).[6]
3. Ia menjadi sifat 'Arasy Allah. Maksudnya, 'Arasy Allah adalah agung dan mulia. (Surah *al-Burūj* (85), ayat 15).

MAJŪS (مَجُوس)

Erti lafaz *majūs* (مَجُوس) ialah kaum terdahulu yang mempunyai hukum agama yang khusus. Antara prinsip dalam agama mereka adalah meyakini cahaya adalah sumber kebaikan, manakala gelap adalah sumber kejahatan. Dengan keyakinan ini, mereka menyembah api. Antara aliran agama ini adalah aliran *zaradusta*.[7]

Di dalam al-Quran, lafaz (الْمَجُوْس) hanya disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Hajj* (22), ayat 17. Dalam ayat ini, Allah menerangkan di akhirat nanti orang yang beriman kepada Allah dan rasulnya, orang Yahudi, orang Sābi'ūn (penyembah bintang), orang Nasrani, orang Majusi (الْمَجُوْس) dan orang musyrik dipisahkan oleh Allah antara

1 Muhammad 'Abd al-Salām Syāhīn (1995), (editor kitab tafsir al-Zamakhsyari), *op. cit.*, j. 4, h. 72.

2 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 52.

3 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 12, h. 155, athar no. 22858.

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 614.

5 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 511.

6 *Ibid.*, j. 5, h. 414.

7 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 614.

yang satu dengan yang lain menjadi dua kelompok iaitu pengikut jalan yang benar dan pengikut jalan yang sesat.

Terdapat tanda khusus yang dapat membezakan mereka daripada yang lain. Kemudian Allah menetapkan hukuman kepada setiap mereka; yang beriman dimasukkan ke dalam syurga, manakala yang kafir dimasukkan ke neraka.[1]

MAKHTŪM (مَخْتُوم)

Makhtūm (مَخْتُوم) dapat dirujuk kepada yang bererti akhir daripada sesuatu (خِتَامُ الشَّيْئ). Oleh itu, lafaz (مَخْتُوم) bererti "sesuatu yang diakhiri." Selain itu, kata (مَخْتُوم) juga boleh dirujuk kepada (خَتْمُ الشَّيْئ) yang bererti penutup atau penanda sesuatu. Oleh itu, kata (مَخْتُوم) bererti sesuatu yang ditutup atau ditandai.[2]

Lafaz (مَخْتُوم) di dalam al-Quran hanya disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Mutaffifīn* (83), ayat 25. Dalam ayat ini, Allah menjelaskan salah satu nikmat yang akan dirasakan oleh orang yang beriman semasa hidup di syurga. Mereka akan diberi minum (رَحِيق) iaitu sejenis arak yang paling baik dan murni yang mempunyai kelainan dan sifat yang hebat. Antara sifat itu adalah (مَخْتُوم خِتَامُه مِسْك).

Para pakar berbeza pendapat dalam mentafsirkan lafaz (مَخْتُوم) dalam ayat itu. Ada yang mentafsirkannya dengan yang diakhiri dan ada pula yang mentafsirkannya dengan yang ditutup atau ditandai. Bagi yang menyetujui pendapat pertama, maka erti lafaz (رَحِيق مَخْتُوم خِتَامُه مِسْك) adalah khamar itu diakhiri dengan rasa wangian (مِسْك), sehingga apabila seseorang selesai meminumnya, dia akan menghidu bau (مِسْك) yang wangi.

Manakala mengikut pendapat kedua, erti lafaz (رَحِيق مَخْتُوم خِتَامُه مِسْك) adalah tempat minuman khamar sama ada botol atau lainnya, ditutup dengan penutup yang diperbuat daripada (مِسْك), sehingga ia menjadi cop atau tanda yang menunjukkan peminumnya adalah orang yang istimewa. Manakala orang lain tidak boleh menyentuhnya dan ia juga dapat menjaga minuman itu daripada sebarang kerosakan.[3]

MALIY (مَلِيّ)

Erti lafaz *maliy* (مَلِيّ) ialah masa yang lama.[4] Di dalam al-Quran, lafaz ini disebut dalam keadaan berbaris di atas (مَلِيًّا), dan hanya disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *Maryam* (19), ayat 46.

Dalam ayat ini diceritakan, Nabi Ibrāhīm mengajak ayahnya iaitu Āzar meninggalkan kebiasaan menyembah berhala supaya ayahnya terhindar daripada seksa neraka di akhirat nanti. Namun, ayahnya tidak mahu menerima ajakan anaknya. Dalam ayat ke 46, surah *Maryam* diceritakan Āzar memarahi Nabi Ibrāhīm supaya jangan menghina dan mencela berhala sembahannya lagi. Malah dia mengancam akan membunuh Nabi Ibrāhīm

1 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 443.

2 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 402-403.

3 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 402-403 dan al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 30, h. 74.

4 Al-Rāzī (1998), *op. cit.*, h. 264.

dengan cara melempari batu sekiranya Nabi Ibrāhīm tidak mahu menghentikan dakwahnya. Āzar juga mengusir Nabi Ibrāhīm supaya menjauhinya dalam masa yang lama (وَاهْجُرْنِي مَلِيًّا). Akhirnya, Nabi Ibrāhīm meninggalkan ayahnya dan tetap mendoakan supaya ayahnya mendapat hidayah dan ampunan daripada Allah.[1]

MAMDŪD (مَمْدُود)

Erti kata kerja *madda* (مَدَّ) ialah memanjangkan atau membentangkan. Apabila dikatakan (مَدَّ الرَّجُلُ الشَّيْءَ), ertinya lelaki itu memanjangkan sesuatu. Manakala lafaz *mamdūd* (مَمْدُود) ertinya sesuatu yang dipanjangkan atau dibentangkan.[2] Di dalam al-Quran, lafaz (مَمْدُود) diulang dua kali sahaja iaitu dalam surah *al-Muddatsir* (74), ayat 12 dan surah *al-Wāqi'ah* (56), ayat 30.

Dalam surah *al-Muddaththir* (74), ayat 12, lafaz (مَمْدُود) dikaitkan dengan harta benda sehingga lafaz (مَالًا مَمْدُودًا) yang terdapat dalam ayat ini maksudnya harta benda yang melimpah banyak. Ayat ini berada pada rangkaian ayat yang menceritakan seorang kafir bernama al-Walīd bin al-Mughīrah. Dia dianugerahi Allah dengan harta yang melimpah (مَالًا مَمْدُودًا), anak-anak yang selalu berkumpul dengannya dan kekuasaan yang besar, namun anugerah ini tidak disyukuri, malah dia memusuhi Nabi Muhammad dan juga membenci al-Quran. Allah berjanji akan menghukum dia di akhirat nanti dengan hukuman yang berat.[3]

Manakala lafaz (مَمْدُود) yang terdapat dalam surah *al-Wāqi'ah* (56), ayat 30 dikaitkan dengan atap atau naungan sehingga lafaz (وَظِلٍّ مَمْدُودٍ) ertinya naungan yang terbentang luas. Ayat ini berada dalam rangkaian ayat yang menceritakan tentang nikmat yang akan diperoleh oleh orang beriman di syurga. Antaranya adalah naungan yang terbentang luas (وَظِلٍّ مَمْدُودٍ).

Imām al-Syaukānī menjelaskan, naungan ini kekal, tidak hilang dan tidak terjejas oleh sinar matahari.[4] Manakala Imām al-Alūsī menjelaskan naungan ini terbentang luas, tahap teduhnya tidak menyusut dan rasa teduhnya tidak terpaut antara satu masa dengan masa yang lain. Ia seperti rasa teduh yang terjadi dari mulanya waktu fajar hingga menjelang waktu terbitnya matahari. Dan berdasarkan hadis, dapat diketahui naungan itu berbentuk pepohonan.[5]

MAMNŪ'AH (مَمْنُوعَة)

Erti *mamnū'ah* (مَمْنُوعَة) ialah sesuatu yang dilarang atau dihalangi sehingga tidak dapat diperoleh.[6] Di dalam al-Quran (مَمْنُوعَة) disebutkan sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Wāqi'ah* (56), ayat 33. Ayat ini menjelaskan salah satu nikmat yang diperoleh orang yang beriman di syurga. Disebutkan juga, di syurga nanti terdapat pelbagai jenis buah-buahan dan

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 124.

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 616.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 443.

4 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 152.

5 Al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 27, h. 140.

6 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 656.

ia sentiasa ada setiap masa dan tidak ada perkara yang menghalangi bagi mengambilnya (لَا مَمْنُوعَة).

Imām Qatādah menerangkan maksud (لَا مَمْنُوعَة) dalam ayat ini adalah orang yang di dalam syurga itu tidak terhalang bagi mengambil buah-buahan di syurga kerana tidak ada duri, tidak ada dahan pokok yang tinggi dan tempatnya juga tidak jauh.[1] Ibn Qutaibah menambah, buah-buahan yang pelbagai itu tidak ada larangan bagi mengambilnya, ia tidak seperti buah-buahan yang terdapat di kebun-kebun dunia, kadang-kadang dilarang mengambilnya.[2]

MANĀH (مَنَاة)

Erti *manāh* (مَنَاة) ialah patung berhala yang diperbuat daripada batu yang berada di antara Makkah dan Madinah. Ia disembah oleh orang Arab pada masa jahiliah.[3]

Lafaz (مَنَاة) disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Najm* (53), ayat 20. Allah mencela perbuatan orang Arab jahiliah yang menyembah patung berhala dan sengaja membuat bangunan khas sebagai tempat berhala itu bagi menandingi Kaabah yang dibangunkan oleh Nabi Ibrāhīm. Antara patung berhala yang masyhur sebagai sembahan mereka adalah al-Lāt, al-'Uzzā dan Manāh.

Manāh (مَنَاة) ialah sebuah berhala daripada batu yang disembah oleh penduduk Yathrib (kaum Aus dan Khazraj) dan juga kaum Khuzā'ah. Berhala itu berada di daerah yang bernama Qadīd, suatu daerah yang berada di antara Makkah dan Madinah. Pada zaman jahiliah, kaum-kaum itu mengagungkan berhala dan juga menjadikan tempat itu sebagai tempat haji, pengganti kepada Kaabah.[4] Allah mencela perbuatan mereka ini kerana berhala itu tidak memberi manfaat kepada orang yang menyembahnya.

MANIY (مَنِيّ)

Erti lafaz *maniy* (مَنِيّ) ialah air yang keluar daripada kemaluan lelaki atau perempuan semasa nafsu syahwat mereka memuncak. Air itu dinamakan mani kerana ia tertumpah (يُمْنَى)

Di dalam al-Quran, lafaz (مَنِيّ) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Qiyāmah* (75), ayat 37. Dalam ayat ini Allah mengingatkan manusia, mereka semua diciptakan daripada jumlah yang sedikit iaitu daripada air mani yang hina dan lemah yang ditumpahkan ke dalam rahim perempuan (نُطْفَةً مِنْ مَنِيٍّ يُمْنَى).[5] Daripada air itu terbentuklah manusia yang susunan tubuh badannya elok dan kuat.

Ini menunjukkan Allah maha agung dan berkuasa. Dia menciptakan sesuatu daripada tidak ada menjadi ada, meniadakan apa yang sudah ada dan menghidupkan kembali apa yang tiada. Selain itu, dengan mengingati asal penciptaan ini, manusia semestinya tidak sombong dan menentang perintah Allah.

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 291.

2 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 153.

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 405.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 254.

5 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 342.

MANNĀ' (مَنَّاع)

Maksud kata kerja *mana'a - yamna'u* (مَنَعَ - يَمْنَعُ) ialah melarang atau menghalang.

Apabila dikatakan (هذَا يَمْنَعُ الْخَيْرَ), ertinya "Orang ini kedekut pada hartanya kerana dia menghalang atau melarang orang lain menikmati hartanya." Manakala bagi menyebut orang yang kedekut dengan hartanya, digunakan kata (مَنَّاع لِلْخَيْرِ) atau (مَنُوع لِلْخَيْرِ).[1]

Di dalam al-Quran, lafaz *mannā'* (مَنَّاعٍ) diulang dua kali iaitu dalam surah *Qāf* (50), ayat 25 dan *al-Qalam* (68), ayat 12. Dalam surah *al-Qalam* (68), ayat 12, Allah menyuruh Nabi Muhammad supaya tidak mematuhi orang yang derhaka. Antara tanda orang yang derhaka adalah (مَنَّاع لِلْخَيْرِ), kedekut pada hartanya, mereka tidak mahu memanfaatkannya demi kebaikan.

Manakala dalam surah *Qāf* (50), ayat 25, Allah menjelaskan sifat-sifat orang yang dimasukkan ke dalam neraka. Antara sifat ini adalah (مَنَّاع لِلْخَيْرِ), kedekut pada hartanya. Imām Ibn Kathīr mentafsirkan (مَنَّاعٍ لِلْخَيْرِ) dengan, "Mereka tidak mahu menunaikan kewajipan *māliyah* (kewajipan yang berkenaan dengan harta seperti zakat), mereka tidak berbuat baik dengan harta itu, mereka tidak memanfaatkan hartanya bagi menyambung hubungan silaturahim dan mereka tidak bersedekah."[2]

MANŪ'Ā (مَنُوعًا)

Lafaz *manū'ā* (مَنُوعًا) adalah daripada kata kerja (مَنَعَ - يَمْنَعُ) sebelum ini yang bererti kedekut, menghalang dan melarang orang lain menikmati hartanya. Di dalam al-Quran, lafaz (مَنُوعًا) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Ma'ārij* (70), ayat 21.

Ayat ini berada dalam rangkaian ayat yang menerangkan dua tabiat manusia yang negatif iaitu apabila mengalami kefakiran, kesempitan atau sakit, dia banyak berkeluh kesah. Tabiat kedua adalah kikir atau kedekut (مَنُوعًا). Apabila manusia mendapatkan kebaikan dan nikmat daripada Allah, dia kedekut dan tidak mahu memberi sebahagian hartanya kepada orang lain dan juga tidak mahu menunaikan hak Allah.[3]

Manusia memang pada dasarnya mempunyai tabiat negatif ini. Namun, ada orang yang dipelihara oleh Allah daripada sifat buruk itu dan diberi petunjuk dan kemudahan bagi mendapat kebaikan. Tanda-tanda orang yang dilindungi Allah daripada tabiat buruk ini antaranya adalah mereka yang selalu menunaikan sembahyang, memberikan sebahagian hartanya kepada orang yang berhak, percaya kepada hari akhirat, takut kepada azab Allah, menjaga kemaluan daripada zina, menjaga amanah dan menepati janji dan lain -lain. Keterangannya dihuraikan dalam ayat 22 hingga ayat 34 surah *al-Ma'ārij*.

MAQṬŪ'- MAQṬŪ'AH (مَقْطُوع - مَقْطُوعَة)

Makna asal kata kerja *qaṭa'a* (قَطَعَ) ialah memisah atau memotong antara satu benda de-

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 405.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 227.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 422.

ngan yang lain. Bagi menyebut sesuatu yang dipisahkan atau dipotong, digunakan lafaz *maqṭū'* (مَقْطُوع) atau *maqṭū'ah* (مَقْطُوعَة).[1]

Di dalam al-Quran, lafaz (مَقْطُوع) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Hijr* (15), ayat 66. Dalam ayat ini disebutkan (أَنَّ دَابِرَ هَـٰٓؤُلَآءِ مَقْطُوعٌ) yang erti asalnya ialah, *"Sesungguhnya bahagian terakhir daripada kaum Lūt akan terputus."* Namun, lafaz (قُطِعَ الدَابِر) atau (اَلدَّابِرُ مَقْطُوعٌ) dalam bahasa Arab sudah menjadi ungkapan khas bagi menggambarkan kehancuran suatu kaum hingga habis dan tidak ada yang hidup, sehingga lafaz dalam ayat ini bererti, *"Sesungguhnya kaum Lūt ini akan hancur sampai habis."* Ini yang terjadi pada kaum Lūt apabila mereka diazab oleh Allah pada waktu Subuh hingga tidak ada satu pun daripada mereka yang hidup dan selamat.[2]

Manakala lafaz (مَقْطُوعَة) juga disebutkan sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Wāqi'ah* (56), ayat 33. Dalam ayat ini, Allah menerangkan salah satu nikmat yang diperoleh oleh orang beriman di syurga. Di sana, orang beriman mendapat buah-buahan yang pelbagai jenis dan banyak. Ia sentiasa ada sepanjang masa, tidak habis atau berhenti berbuah (لَا مَقْطُوعَة). Setiap kali penduduk syurga menginginkannya, ia sentiasa ada. Ia tidak seperti buah di dunia, yang pada musim tertentu berbuah, tetapi berhenti pada musim yang lain.[3]

MAR'Ā (مَرْعَى)

Maksud kata kerja *ra'ā* (رَعَى) ialah menjaga, melindungi dan memelihara. Biasanya kata kerja ini dikaitkan dengan kerja menggembala binatang. Apabila dikatakan (رَعَى الرَّجُلُ الْغَنَمَ) ertinya, *"Orang itu menggembala kambing."* Apabila dikatakan (رَعَتِ الْمَاشِيَة) ertinya, *"Binatang-binatang ini makan rumput di padang gembala."* Bagi menyebut tempat menggembala binatang yang biasanya banyak rumput digunakan kata *mar'ā* (مَرْعَى).[4]

Di dalam al-Quran, lafaz (مَرْعَى) diulang dua kali sahaja iaitu dalam surah *al-Nāzi'āt* (79), ayat 31 dan *al-A'lā* (87), ayat 4. Dalam kedua-dua ayat ini, Allah menerangkan dialah yang menciptakan padang (مَرْعَى) sama ada yang penuh dengan rumput atau tumbuh-tumbuhan lainnya yang hijau. Padang rumput itu dapat digunakan manusia bagi menggembala binatang-binatang ternak sehingga manfaatnya besar bagi hidup manusia.[5]

Oleh itu, manusia mestilah bersyukur dengan cara menyembah Allah dan memperbanyakkan ibadah kepadanya. Sekiranya tidak, Allah mampu mengubah padang rumput yang subur menjadi tanah kering yang tidak dapat dimanfaatkan lagi bagi menggembala binatang.

MARAḤ (مَرَحٌ)

Maksud lafaz *maraḥ* (مَرَحٌ) ialah gembira atau sukacita yang berlebihan hingga disertai rasa sombong dan bangga pada diri sendiri.[6] Di

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 405.

2 Al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 14, h. 71.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 291 dan al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 153.

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 50.

5 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 427.

6 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h.

dalam al-Quran, lafaz (مَرَحًا) diulang dua kali sahaja iaitu dalam surah *al-Isrāk* (17), ayat 37 dan surah *Luqmān* (31), ayat 18.

Dalam kedua-dua ayat ini, lafaz (مَرَحًا) berada dalam rangkaian lafaz yang sama iaitu (وَلَا تَمْشِ فِي ٱلْأَرْضِ مَرَحًا) maksudnya, *"Dan janganlah kamu berjalan di muka bumi ini dengan sombong."* Kedua-dua ayat ini menerangkan di muka bumi ini manusia dilarang bersikap sombong, angkuh dan merasa diri paling hebat kerana sikap seperti itu dibenci Allah dan tidak perlu bagi manusia untuk sombong yang merupakan makhluk yang lemah dan tidak berkuasa.[1]

MARĪ' (مَرِيْئٌ)

Maksud kata kerja (مَرَأَ - يَمْرَأُ) ialah sedap, lazat, baik dan bermanfaat. Kata sifatnya adalah (مَرِيْئٌ).

Apabila dikatakan (طَعَامٌ مَرِيْئٌ), ertinya makanan yang mudah ketika melalui tekak mempunyai kesan yang baik bagi yang memakannya dan tidak menyusahkan.[2]

Lafaz (مَرِيْئًا) disebutkan sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 4. Dalam ayat ini diterangkan, selepas suami memberikan mahar kepada isteri, kemudian isteri memberikan sebahagian mahar itu kepada suaminya dengan penuh rela dan ikhlas, suami boleh memakan atau memanfaatkan harta yang diberikan isterinya itu sebagai makanan atau pemberian yang هَنِيْئًا dan مَرِيْئًا.

Para pakar berbeza pendapat dalam mentafsirkan kedua-dua perkataan ini. Sebahagian pakar mentafsirkan lafaz (هَنِيْئًا) dengan *"yang terasa sedap apabila dimakan, diminum, dimanfaatkan."* Manakala (مَرِيْئًا) maksudnya *"yang mempunyai kesan yang baik bagi pemakainya, tidak bahaya dan tidak sakit."* Ada pula yang memberi maksud (هَنِيْئًا) dengan *"yang tidak ada dosa (memanfaatkannya),"* manakala (مَرِيْئًا) maknanya *"tidak menyebabkan penyakit."*[3]

Imām 'Āli b. Abī Tālib berkata, *"Apabila salah seorang antara kalian ingin sembuh (dari penyakit), hendaklah menulis satu ayat daripada al-Quran di atas kertas kemudian memadamkannya dengan air hujan, kemudian ambillah dirham (wang) yang diberikan oleh isteri dengan penuh rela dan ikhlas, kemudian wang itu hendaklah digunakan bagi membeli madu, kemudian minumlah. Itu semua adalah ubat."*

Ini kerana, dengan berkumpulnya keempat-empat perkara ini, berkumpullah (مُبَارَكًا), (مَرِيْئًا), (هَنِيْئًا) dan (شِفَاء), sesuai dengan keterangan di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Isrāk* (17), ayat 82; *Qāf* (50), ayat 9; *al-Nahl* (16), ayat 69 dan *al-Nisāk* (4), ayat 4.[4]

622.

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 41 dan 447; al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 239 dan j. 3, h. 228.

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 619.

3 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 5, h. 27 dan al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 4, h. 199.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 577.

MĀRID – MARĪD (مَارِد - مَرِيد)

Imām al-Zujjāj berkata, makna asal lafaz *mārid* (مَارِد) dan *marīd* (مَرِيْد) ialah tempat tinggi yang rata atau halus. Ia bermaksud sunyi, kosong atau bersih daripada sesuatu. Apabila dikatakan (شَجَرَةٌ مَرْدَاء), maksudnya ialah, "*pokok yang tidak mempunyai daun*"; dan (رَمْلَة مَرْدَاء) maksudnya ialah, "*tanah pasir yang tidak ada pokok yang tumbuh di atasnya.*"[1]

Lafaz (مَارِد) disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Sāffāt* (37), ayat 7. Manakala lafaz (مَرِيْد) diulang dua kali iaitu dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 117 dan *al-Hajj* (22), ayat 3.

Kedua-dua lafaz ini digunakan bagi menyifatkan syaitan sehingga di dalam al -Quran disebutkan (شَيْطَان مَرِيد) dan (شَيْطَان مَارِد), maksudnya syaitan yang pada dirinya tidak ada sifat baik sedikit pun, selalu membangkang dan derhaka kepada Allah hingga melampaui batas atau syaitan yang tidak pernah taat kepada Allah.[2]

Dalam surah *al-Sāffāt* (37), ayat 7 diterangkan bintang-bintang yang berada di langit juga digunakan bagi menjaga syaitan yang derhaka (شَيْطَان مَارِد) supaya tidak dapat mendengar perbicaraan para malaikat dan mereka juga dilempari dengan bintang -bintang dari setiap penjuru. Manakala dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 117 diceritakan yang disembah orang Musyrik adalah syaitan yang derhaka (شَيْطَانا مَرِيدا). Dan dalam surah *al-Hajj* (22), ayat 3 diterangkan sebahagian manusia suka membantah dan ragu dengan kuasa Allah dan mereka juga patuh kepada syaitan yang membangkang (شَيْطَان مَرِيْد).

1 Al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 17, h. 114.

2 *Ibid.* dan j. 23, h. 69; lihat juga al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 436.

MĀRIJ – MARĪJ (مَارِج - مَرِيج)

Makna kata kerja *maraja* (مَرَجَ) atau *marija* (مَرِجَ) ialah bercampur, kacau-bilau atau bercelaru. Bagi menyatakan sesuatu yang kacau -bilau atau bercelaru digunakan kata *mārij* (مَارِج) atau *marīj* (مَرِيج). Lafaz (مَارِج) diertikan sebagai nyala atau kobaran api. Api yang berkobar disebut (مَارِج) kerana nyalaannya bercelaru dan warnanya kelihatan kacau -bilau.[3]

Lafaz (مَرِيج) disebut hanya sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Qāf* (50), ayat 5. Kata (مَارِج) juga disebutkan sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Rahmān* (55), ayat 15.

Orang kafir pada zaman Nabi Muhammad tidak konsisten dalam menilai, menuduh dan menyifatkan Nabi Muhammad. Kadang-kadang mereka menilai nabi sebagai penyihir. Kadang-kadang mereka menuduh nabi sebagai orang gila, penyair dan kadang -kadang mereka menuduh beliau sebagai bomoh dan dukun. Sehingga dalam surah Qāf (50), ayat 5 ditegaskan orang kafir berada dalam kebingungan, kecelaruan dan kacau -bilau (فَهُمْ فِي أَمْرٍ مَرِيجٍ).[4]

Imam Ibn Kathīr menambahkan, semua orang yang keluar daripada perkara *haq* (kebenaran) selalunya berada dalam keadaan bingung dan bercelaru kerana semua ucapannya yang tidak *haq*, berisi kebatilan yang bercampur dengan kemungkaran.[5]

Manakala dalam surah *al-Rahmān* (55), ayat 15, Allah menjelaskan bahan asas penciptaan jin adalah nyalaan api yang menyala (مِنْ مَارِجٍ مِنْ نَارٍ). Imām Ibn Kathīr menerang-

3 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 495 dan *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 622.

4 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 72.

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 223.

kan, yang dimaksudkan dengan (مَارِج) ialah lidah api yang berada di hujung nyalaannya.[1]

MARJĀN (مَرْجَان)

Erti lafaz *marjān* (مَرْجَان) ialah jenis mutiara yang kecil dan bagi menyebut satu mutiara digunakan lafaz (مَرْجَانَة).[2] Di dalam al-Quran, lafaz (اَلْمَرْجَان) diulang dua kali iaitu dalam surah *al-Rahmān* (55), ayat 22 dan 58. Sebahagian pakar tafsir mentafsirkan (اَلْمَرْجَان) dengan mutiara yang kecil. Ia adalah perhiasan yang indah dan disukai oleh orang ramai.

Dalam surah *al-Rahmān* (55), ayat 22 dijelaskan batu mutiara (اَلْمَرْجَان) itu berada di dasar lautan. Ini adalah tanda kekuasaan Allah dan juga nikmat yang mesti disyukuri oleh manusia.[3] Ayat ke 58 pula menerangkan salah satu sifat yang dimiliki oleh bidadari yang berada di syurga. Dalam ayat ini, bidadari disamakan dengan batu (اَلْيَاقُوت) dan batu (اَلْمَرْجَان). Para pakar tafsir berbeza pendapat dalam mentafsirkan maksud perumpamaan ini, namun yang jelas semuanya menunjukkan bidadari yang berada di syurga itu begitu indah.

Antaranya tafsiran yang dikemukakan oleh Imām Mujāhid, al-Hasan al-Basrī, Ibn Zaid dan yang lain. Mereka menerangkan kesamaan antara bidadari dan kedua-dua batu itu adalah pada bersih dan putih warnanya kerana batu (اَلْيَاقُوت) mempunyai warna yang bersih, manakala batu (اَلْمَرْجَان) iaitu mutiara kecil berwarna putih. Oleh yang demikian, bidadari ini mempunyai kulit yang bersih dan putih.[4]

Diterangkan alasan al-Quran menggunakan lafaz (اَلْمَرْجَان) yang bermaksud mutiara yang kecil adalah bagi menggambarkan putihnya kulit bidadari kerana warna mutiara yang kecil lebih putih daripada mutiara yang besar, sehingga warna kulit bidadari itu memang benar-benar putih.[5]

MASAD (مَسَد)

Masad (مَسَد) bermaksud tali yang diperbuat daripada anyaman sabut, kulit binatang, daun kurma kering dan lain-lain. [6] Di dalam al-Quran, lafaz (مَسَد) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Masad* (111), ayat 5.

Ayat ini menerangkan di neraka nanti, leher isteri Abū Lahab akan diikat dengan tali (فِي جِيدِهَا حَبْلٌ مِّن مَّسَدٍ). Imām al-Dahhāk menyatakan, tali itu berbentuk api yang panas dan diikatkan pada leher isteri Abū Lahab.[7] Ini adalah seksaan yang pedih kepadanya kerana ketika di dunia, dia sering menolong suaminya, Abū Lahab dalam menentang dan menyakiti Rasulullah.

Imām Ibn Kathīr menerangkan, tali yang melingkar pada lehernya itu digunakan bagi mengumpulkan bahan bakar di neraka yang kemudian digunakan bagi membakar Abū

1 *Ibid.*, j. 3, h. 90.

2 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 495.

3 Mengenai perbezaan pendapat pakar dalam mentafsirkan kata (اَلْمَرْجَان), lihat Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 273.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 279.

5 Al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 27, h. 120.

6 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 630.

7 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 512.

Lahab. Ketika di dunia, isteri Abū Lahab adalah penolong setia suaminya dalam menyakiti Rasulullah, maka di akhirat kelak, dia juga menjadi penolong setia suaminya bagi merasakan azab dan seksa. Bentuk azab seperti ini begitu pedih dan menyakitkan.[1]

MASBŪQĪN (مَسْبُوقِينَ)

Lafaz ini adalah *ism maf'ūl* yang mempunyai makna *ism fā'il,* maksudnya terlepas atau yang lemah. Ia diulang dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Wāqi'ah* (56), ayat 60 dan surah *al-Ma'ārij* (70), ayat 41.

Al-Zamakhsyarī mentafsirkan lafaz ini dalam surah *al-Wāqi'ah, "Aku berkuasa berbuat demikian bagi menggantikan kamu dan tempat kamu dengan makhluk yang serupa dengan kamu dalam penciptaan."*[2]

Sedangkan dalam surah *al-Ma'ārij, "Dia berkuasa menghancurkan mereka dan menggantikan mereka dengan manusia yang lebih baik dari mereka dan ianya tidak terlepas dari apa yang Dia kehendaki dan tidak ada sesuatu pun yang mengalahkannya."* Maksudnya dia yang berkuasa melakukan yang demikian tentulah tidak susah dan lemah bagi mengembalikannya semula atau menciptanya semula.[3]

Ibn Kathīr berkata, "Kami tidak lemah bagi mengubah penciptaan kamu pada hari kiamat[4] seperti kata-kata Allah yang bermaksud, *"Patutkah manusia (yang kafir) menyangka kami tidak dapat mengumpulkan tulang-tulangnya, bukan seperti yang disangka itu, bahkan kami berkuasa menyusun (dengan sempurnanya segala tulang) jarinya, (tulang yang lebih halus dari yang lain)."*[5]

Al-Syaukānī berkata, ia bermaksud, "*maghlūbīn* atau dikalahkan dan lemah, tafsirannya, *"Kami tidak dikalahkan atau lemah bagi mendatangkan makhluk seperti kamu."*[6]

Kesimpulannya, lafaz *masbūqīn* adalah lafaz jamak yang mempunyai makna satu iaitu Allah dan ia berbentuk jamak bertujuan bagi mengagungkan *(ta'ẓīm)* Allah dan bukan bermaksud banyak *(takthīr).* Makna asalnya ialah yang lemah dan dikalahkan, namun lafaz *"wa mā naḥnu bi masbūqīn"* (وَمَا نَحْنُ بِمَسْبُوقِينَ) membawa maksud *"kami tidak dapat dikalahkan dan tidak lemah."*

MASJID (مَسْجِدٌ)

Lafaz ini adalah *ism makān* dalam bentuk *mufrad,* berasal daripada lafaz *sajada* (سَجَدَ). Al-Rāzī berkata, "Ia dikenali[7] sebagai tempat sembahyang bagi jemaah."[8] Dalam *Kamus al-Munjid,* ia bermaksud tempat bersujud di dalamnya dan setiap yang digunakan bagi beribadah di dalamnya.[9] Pada zaman sebelum Islam, tempat di sekitar Kaabah dinamakan *al-masjid,* namun prototaip masjid pertama

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 352 dan j. 4, h. 565.

2 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 453.

3 *Ibid.*, h. 601-602.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 266 dan 382.

5 Surah al-Qiyāmah (75), ayat 3 dan 4.

6 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 195.

7 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 286.

8 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 416-417.

9 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 321.

dalam Islam adalah Masjid Quba' di Madinah yang didirikan nabi setibanya di Madinah.[1]

Lafaz *masjid* disebut 22 kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 144, 149, 150, 191, 196, 217; *al-Mā'idah* (5), ayat 2; *al-A'rāf* (7), ayat 29, 31; *al-Anfāl* (8), ayat 34; *at-Taubah* (9), ayat 7, 19, 28, 107, 108; *al-Isrāk* (17), ayat 1 (dua kali), 7; *al-Kahfi* (18), ayat 21; *al-Hajj* (22), ayat 25; *al-Fath* (48), ayat 25, 27. Di dalam al-Quran, *al-masjid* mengisyaratkan kepada beberapa masjid tertentu atau khusus iaitu:

- Ia bermaksud *Masjid al-Harām* seperti yang terdapat dalam surah *al-Baqarah*, ayat 144, 149, 150, 191, 196, 217; *al -Mā'idah* ayat 2; *al-Anfāl; al-Taubah* ayat 7, 19, 28; *al-Isrāk* ayat 1; *al-Hajj* ayat 25; dan *al-Fath* ayat 25 dan 27.
- Ia bermaksud *Masjid al-Aqsā* dalam surah *al-Isrāk* ayat 1 dan 7.
- Ia bermaksud *Masjid Qubā'*, terdapat dalam surah *al-Taubah* ayat 108. Ibn Kathīr berkata, "Masjid Qubā' adalah masjid yang dibina atas ketakwaan semenjak ia didirikan buat pertama kali sebagai tanda ketaatan kepada Allah dan rasulnya serta menjadi penyatuan orang mukmin. Oleh itu, Rasulullah berkata, *"Sembahyang di Masjid Qubā' seperti mengerjakan umrah."* Dalam satu laporan, ketika Rasulullah membinanya dan mengasaskannya ketika pertama kali datang dan berehat di kampung Banī 'Amrū b. 'Auf, Jibrīl datang menentukan baginya arah kiblat."[2]
- Ia bermaksud *Masjid Ḍirār* seperti yang terdapat dalam surah *al-Taubah*, ayat 107. Masjid ini dibina oleh orang munafik atas arahan Pendeta Abū 'Āmir[3] yang berasal daripada kaum al -Khazraj yang berkata kepada nabi, "Aku pasti mendapatkan kaum yang memerangi kamu dan aku bersama mereka, dan dia masih memerangi nabi sehingga pada Perang Hunain. Ketika Hawāzin diserang, dia keluar ke Rom meminta bantuan dan mengirim risalah kepada orang munafik dan berkata, "Persiapkan apa-apa yang kamu mampu daripada kekuatan dan senjata dan binalah masjid kerana aku akan pergi kepada raja dan datang dengan bala tentera dari Rom bagi mengeluarkan Muhammad dari Madinah, lalu mereka pun membina *Masjid Ḍirār*.[4] Ia dibina di sebelah *Masjid Qubā'*.

Selesai pembinaannya sebelum nabi pergi ke Tabuk dan mereka memintanya bersembahyang di dalam masjid itu, namun Allah melindunginya dan beliau berkata, "Kami berada dalam perjalanan dan *insya-Allah* kami akan bersembahyang ketika kami kembali." Ketika nabi dalam perjalanan pulang dari Tabuk yang tinggal satu hari atau setengah hari, Jibrail turun mengkhabarkan tentang masjid itu dibina bagi memecahbelahkan kesatuan umat Islam lalu beliau mengutus seorang utusan bagi merobohkan masjid itu.[5]

1 Cyril Glassē (1999), *op. cit.*, h. 262.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 354.

3 Dia dinamakan seperti itu kerana dia ahli ibadah dan membacakan ilmu Ahli Kitab kepada penduduk Madinah, tetapi dia mati dalam keadaan kafir di Qannasirīn di daerah Rum pada tahun ke 9. Dia adalah ayah kepada sahabat nabi yang bernama Hanzalah yang syahid dalam perang Uhud yang digelar dengan *"Ghasīl al-Malā'ikah."* Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*

4 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 8, h. 238-239.

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 353.

Al-Syaukānī berkata, "Terdapat empat tujuan dalam pembinaan masjid ini iaitu bagi membahayakan orang lain, kufur pada Allah dan memerangi orang Islam kerana pembinaannya bagi menguatkan ahli nifak, memecah belah kesatuan orang mukmin, kerana mereka berharap orang Islam tidak lagi pergi ke *Masjid Qubā'* sehingga jemaah orang Islam sedikit dan berpecah kesatuan mereka, serta dijadikan tempat persiapan dan menunggu bagi memerangi Allah dan rasulnya.[1]

Manakala orang yang membangunkan masjid ini terdiri daripada 12 orang iaitu:

(1) Khadhām b. Khālid dari Banī 'Abd bin Zaid iaitu salah satu daripada Banī 'Amrū bin 'Auf dan daripada rumahnya dibina Masjid al-Syiqāq;

(2) Tha'labah bin Hātib dari Bani 'Ubaid dan Mawālī Bani Umayyah binZaid;

(3) Ma'tab bin Qusyair dari Bani Dabī'ah bin Zaid;

(4) Abū Habibah bin al-Az'ar dari Bani Dabī'ah bin Zaid;

(5) 'Ubād bin Hanīf saudara Sahl bin Hanīf dari Bani 'Amrū bin 'Auf;

(6) Hārithah bin 'Āmir;

(7) Dua orang anak Majma' bin Harithah;

(8) Zaid bin Harithah, mereka dari Bani Dabī'ah dan Mukhraj;

(9) Nabil al-Hārith dari Bani Dabī'ah;

(10) Bijād b. 'Imrān dari Bani Dabī'ah;

(11) Wadī'ah b. Thābit dan (12) Mawālī Bani Umaiyah Raht Abī Lubābāh bin-'Abd al-Mundhir.[2]

- Ia bermaksud *Masjid* yang dibina di depan pintu gua *Ashab al-Kahfi* seperti yang terdapat dalam surah *al-Kahfi*, ayat 21. Maksudnya, "Maka berkata kelompok yang lain yang lebih banyak, "Kita hendaklah membina di atas pintu gua masjid bagi kita bersembahyang dan menghadap Allah di dalamnya."[3]
- Bermaksud semua masjid, tidak ditentukan pada salah satu masjid. Maksud ini terdapat dalam surah *al-A'rāf* ayat 29 dan 31. Daripada Ibn 'Abbās, beliau berkata, "Di kalangan orang Arab ada yang bertawaf dalam keadaan telanjang termasuk wanita dan hanya terdapat cebisan atau potongan kain di faraj mereka lalu turunlah ayat di atas kepada Nabi dan menyuruh mereka berpakaian.[4]

Bentuk jamak daripada *masjid* adalah *masajid* (مَسَاجِدُ) ertinya masjid-masjid. Lafaz dalam bentuk jamak ini disebut enam kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 114, 187; *al-Taubah* (9), ayat 17, 18; *al-Hajj* (22), ayat 40 dan *al-Jinn* (72), ayat 18. Dalam surah *al-Baqarah*, ayat 114, para pakar berbeza pendapat mengenai *masajid*, antaranya: (1) Ibn 'Abbās,[5] Mujāhid,[6] Qatādah[7] dan al-Suddī[8] berpendapat ia adalah *Bait al-Muqaddas*; (2). Ia bermaksud *al-Masjid al-Harām* seperti pendapat Ibn Zaid.[9]

1 Al-Syaukānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 514.

2 Ibn Kathīr (1998), *loc. cit.*

3 Al-Sābūnī (1981), op. cit., j. 2, h. 187.

4 Al-Wāhidī (1998), *op. cit.*, h. 185.

5 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 696, athar no. 1509.

6 *Ibid.*, athar no. 1510.

7 *Ibid.*, athar no. 1511.

8 *Ibid.*, athar no. 1512.

9 *Ibid.*, athar no. 1513.

Al-Tabarī berkata, "Yang dimaksudkan *masajid* di sini ialah *Bait al-Muqaddas* dan orang yang ingin merobohkannya adalah orang Nasrani dan dibantu oleh Bakhtansar. Mereka melarang orang mukmin daripada kalangan Israel sembahyang di dalamnya selepas ia dikuasai, lagipun orang musyrik Makkah tidak berusaha merobohkan *al -Masjid al-Haram*, dan memang sabit mereka melarang Rasulullah dan sahabat-sahabatnya beberapa ketika untuk sembahyang di dalamnya. Mereka membina *al-Masjid al-Haram* pada zaman jahiliah dan menjadi kebanggaan mereka. Walaupun begitu, ia juga bersifat umum di mana setiap yang melarang orang daripada sembahyang di masjid sama ada wajib atau sunat dan setiap yang berusaha merobohkannya, dapat dikatakan termasuk orang yang zalim lagi melampaui batas.[1]

Manakala maksud *masajid* dalam surah yang lain bersifat umum yang mencakupi rumah-rumah Allah yang dikhususkan untuk beribadah dan menyebut serta membesarkan Allah di dalamnya.

MASJŪR (مَسْجُورٌ)

Lafaz ini adalah *ism maf'ūl* daripada *sajara* (سَجَرَ), maksudnya menjadikan penuh, meluap, dinyalakan dan sebagainya.[2] Ia hanya disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Tūr* (52), ayat 6. Lafaz ini mengandungi beberapa pentafsiran:

- Al-Yazīdī berkata, "*Al-Masjūr* maksudnya yang penuh dengan api[3] seperti yang terdapat dalam *Tafsir al-Jalālain*.[4] Dinukilkan di dalam hadis, Allah menjadikan seluruh lautan menjadi api sehingga menambah api di dalam neraka.[5] Dalam satu laporan dijelaskan, "Sesungguhnya laut dinyalakan pada hari kiamat sehingga menjadi api."[6] Sa'id bن al-Musayyab berkata, "Berkata 'Ali kepada lelaki Yahudi, "Di mana jahanam?" Dia berkata, "Di laut." Lalu 'Ali berkata, "Aku tidak melihat pada kamu kecuali yang benar, lalu dia membaca *"al -baḥr al-masjūr."*[7]
- Dilaporkan daripada al-Hasan, makna *al-baḥr al-masjūr* ialah laut yang menjadi kering dan tidak ada yang tinggal walau sedikit pun.[8] Ibn 'Abbās berkata, "Maknanya ialah yang kering atau kosong, seorang budak keluar untuk mengambil air, namun ia pulang dan berkata, "Sesungguhnya perigi *masjūr,*" ertinya kering;[9] airnya kering kerana api dinyalakan di dalamnya."[10]
- Mujāhid berkata, "*al-Masjūr* maksudnya yang dinyalakan atau dipanaskan."[11] Begitu juga dengan pendapat al-Dahhāk, Syamr bin 'Atiyyah, Muhammad binKa'ab dan al-Akhfasy.[12] Al-'Alā' bin Badr berkata, "Dinamakan *al-baḥr al-masjūr* kerana airnya tidak

1 *Ibid.*, h. 697-698.

2 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 287, Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 417.

3 Al-Yazīdī (1985), *op. cit.*, h. 350.

4 Al-Jalālayn (t.t.), *op. cit.*, h. 686.

5 Al-Jawzī (1965), *op. cit.*, j. 8, h. 48.

6 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 17, h. 63.

7 *Ibid.*

8 Muhammad Salīm al-Hājj dalam Al-Yazīdī (1985), *loc. cit.*

9 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 215.

10 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 3, h. 191.

11 Al-Qurtubī (1996), *loc. cit.*

12 *Ibid.*

dapat diminum dan tidak dapat menyiram tanam-tanaman."[1]

- Al-Rabī' bin Anas, *"al-baḥr al-masjūr"* ialah air yang berada di 'Arasy yang turun darinya hujan, menghidupkan semua jasad dari kubur mereka pada hari kiamat dan kebanyakan pakar berkata inilah laut itu."[2]

Kesimpulannya, maksud *masjūr* ialah **yang dipanaskan** dan **dinyalakan** sehingga laut menjadi kering dan bertukar menjadi api.

MAS'ŪL(مَسْؤُولٌ)

Lafaz ini adalah *ism maf'ūl* daripada lafaz *sa'ala* (سَأَلَ), maksudnya yang ditanya atau diminta.

Ia disebut empat kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Isrāk* (17), ayat 34, 36, *al-Furqān* (25), ayat 16, dan *al-Ahzāb* (33), ayat 15. Lafaz ini dikaitkan dengan perkara *al-'ahd* iaitu perjanjian seperti yang terdapat dalam surah *al-Isrāk* (17), ayat 34, *al-Ahzāb* (33), ayat 15. Dikaitkan dengan *al-wa'd* iaitu janji seperti yang terdapat dalam surah *al-Furqān* (25), ayat 16. Dikaitkan dengan *al-baṣar* iaitu penglihatan, *al-fu'ād* iaitu hati dan *al-sam'* iaitu pendengaran seperti yang terkandung dalam surah *al-Israk* (17), ayat 36.

Ibn Kathīr mentafsirkan lafaz ini yang terdapat dalam surah *al-Isrāk* (17), ayat 36 dengan seorang hamba ditanya pendengarannya, penglihatannya dan hatinya pada hari kiamat dan ditanya apa yang dibuat dengannya.[3] Al-Nasafi berkata, "Dikatakan kepada manusia, mengapa engkau mendengar apa yang tidak dihalalkan bagimu, kenapa engkau melihat pada apa yang tidak dibolehkan melihatnya dan mengapa engkau berniat dan berazam di atas apa yang tidak dibolehkan bagi berazam dengannya?"[4] Dalam ayat 34, seorang hamba yang berjanji diminta supaya tidak melanggar janjinya[5] dan orang yang berjanji itu ditanya dan dipertanggungjawabkan mengenainya.[6]

Sedangkan dalam surah *al-Furqān*, al-Tabari mentafsirkan, "Ayat ini menunjukkan orang mukmin meminta kepada Tuhan mereka hal itu di dunia ketika mereka berkata, "Datangkanlah kepada kami apa yang engkau janjikan melalui rasul-rasulmu!" Lalu Allah berkata, "Sesungguhnya pemberian Allah kepada orang mukmin berupa syurga yang kekal pada hari akhirat adalah janji Allah atas ketaatan mereka di dunia."[7] Ibn Zaid berkata, "Ketika mereka meminta kepadanya apa yang ingin diberikan kepada mereka, maka dia pun menepati dan memberikannya (syurga) kepada mereka dan itulah yang dinamakan *"wa'dan mas'ūlan."*[8]

Kesimpulannya, lafaz *mas'ūl* mengandungi dua maksud iaitu: **Pertama**, bermaksud perkara yang akan ditanya dan dipertanggungjawabkan. **Kedua**, bermaksud janji yang ditepati seperti yang terdapat dalam surah *al-Furqān*.

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*

2 *Ibid.*

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 39.

4 Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 6, h. 3063.

5 Yang dimaksudkan 'Ahd Allāh adalah perintah-perintahnya, larangan-larangannya.

6 Hawwā (1999), *loc. cit.*

7 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 10, h. 249.

8 *Ibid.*, h. 250, athar no. 19942.

Bentuk jamak daripada *mas'ūl* adalah *mas'ulūn* (مَسْؤُولُونَ) atau *mas'ulīn* (مَسْؤُولِينَ). Lafaz *mas'ulūn* hanya disebut sekali dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Sāffāt* (37), ayat 24. Ketika menjelaskan pengertiannya, al-Qurazī dan al-Kalbī berkata, "Mereka dibawa ke neraka terlebih dahulu, lalu mereka dikumpulkan untuk disoal ketika menghampiri neraka berkenaan tentang perbuatan, percakapan dan amalan mereka."[1]

Al-Dahhāk berkata, "Mereka ditanya tentang kesalahan dan kesilapan mereka."[2] Ibn 'Abbās berkata, "Mereka ditanya tentang lafaz *Lā ilāha illā Allāh*.[3] Ibn Kathīr mentafsirkan ayat (وَقِفُوهُمْ إِنَّهُمْ مَسْؤُولُونَ) iaitu dikumpulkan mereka sehingga mereka ditanya tentang perbuatan dan perkataan mereka yang keluar dari mulut mereka di dunia, atau mereka dikumpulkan kerana mereka akan dihisab.[4]

Kesimpulannya, lafaz *mas'ūlūn* bermaksud orang kafir akan disoal dan dihisab segala perkataan dan perbuatan mereka di dunia.

MATHULĀT (مَثُلَات)

Erti lafaz *muthlah* (مُثْلَةٌ) ialah bencana atau azab yang menimpa seseorang, kemudian ia dijadikan contoh untuk menakut-nakutkan orang lain. Bentuk jamaknya adalah *mathulāt* (مَثُلَات).[5]

Al-Quran hanya menyebut bentuk jamaknya sahaja iaitu (الْمَثُلَات) dan hanya disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Ra'd* (13), ayat 6. Dalam ayat ini diterangkan, Allah menurunkan azab-azab kepada umat-umat terdahulu yang derhaka supaya azab dan seksa itu menjadi teladan dan pelajaran (الْمَثُلَات) bagi umat-umat selepasnya termasuk kaum Musyrikin yang hidup pada masa nabi. Meskipun demikian, kaum Musyrikin tidak mahu mengambil pelajaran *(i'tibār)*, malah mereka mengejek nabi dan meminta beliau untuk memohon kepada Allah supaya segera diturunkan azab kepada mereka. Ini menunjukkan mereka adalah sangat kafir dan sangat ingkar kepada Nabi selalu menentang dakwah Nabi dengan pelbagai macam cara.[6]

MAW'IL (مَوْئِل)

Apabila dikatakan (وَأَلَ الرَّجُلُ إِلَى مَكَانٍ - يَئِلُ إِلَيْهِ), ertinya, "Lelaki itu pergi mencari pelindungan di suatu tempat." Untuk menyebut tempat untuk berlindung, digunakan lafaz *maw'il* (مَوْئِل).[7]

Di dalam al-Quran, kata (مَوْئِلا) hanya disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Kahfi* (18): 58. Dalam ayat ini, Allah menerangkan dia adalah maha pengampun dan mempunyai rahmat. Apabila dia mahu mengazab

1 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 16, h. 76.

2 *Ibid.*

3 *Ibid.*

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 5. Dilaporkan daripada Anas bin Mālik (r.a.) katanya Rasulullah (s.a.w.) telah bersabda: "Mana-mana penyeru yang mengajak kepada sesuatu akan berdiri dan dihimpunkan bersamanya hingga ke hari kiamat, tidak akan menjauhinya dan tidak pula akan memisahkannya walaupun seorang lelaki memanggil lelaki lain." diriwayatkan oleh al-Tirmizī daripada hadis Layth b. Abī Sālim.

5 Al-Is)fahānī (1961), *op. cit.*, h. 463.

6 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 67.

7 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 817.

orang yang derhaka kerana perbuatan mereka, tentu dia akan menyegerakan azab bagi mereka di dunia ini. Namun, kerana Allah mempunyai rahmat yang luas, maka dia menetapkan azab mereka akan dirasakan pada waktu tertentu iaitu pada hari kiamat nanti. Pada waktu itu, mereka tidak akan dapat lari dan tidak dapat menemukan tempat berlindung (مَوْئِلاً) bagi menghindarkan diri daripada seksa dan azab itu.[1]

anak-anak perempuan yang ditanam hidup-hidup itu akan dibangkitkan dan ditanya (وَإِذَا الْمَوْءُ وْدَة سُئِلَتْ). Imām Ibn Kathīr menerangkan, anak-anak perempuan itu adalah pihak yang dizalimi, apabila pihak yang dizalimi ditanya di hadapan orang yang menzalimi, orang yang menzalimi itu berasa takut.[3] Ini adalah satu bentuk seksaan yang dirasakan oleh orang yang menanam anak perempuan mereka hidup-hidup.

MAW'ŪDAH (مَوْءُوْدَة)

Apabila dikatakan (وَأَدَالْبِنْتَ - يَبِدُهَا), ertinya "Dia telah menanam anak perempuannya dalam keadaan hidup-hidup." Bagi menyebut anak perempuan yang ditanam hidup-hidup digunakan lafaz (مَوْءُوْدَة).[2] Dalam al-Quran, lafaz (اَلْمَوْءُوْدَة) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Takwīr* (81), ayat 8.

Sebahagian orang Arab Jahiliah tidak suka kelahiran anak perempuan sehingga mereka sanggup menanam anak perempuan dalam keadaan hidup-hidup. Mereka melakukan sebegitu kerana mereka takut anak perempuan itu nanti dizina oleh orang lain apabila sudah dewasa, ataupun mereka takut nanti anak perempuan mereka menjadi tawanan perang dan menjadi hamba sahaya, ataupun mereka takut hidup miskin kerana anak perempuan tidak mempunyai kemampuan yang sama dengan lelaki dalam mencari rezeki.

Dalam surah *al-Takwīr* (81), ayat 8, Allah menerangkan, pada hari kiamat nanti

MAWĀKHIR (مَوَاخِر)

Apabila dikatakan (مَخَرَتِ السَّفِيْنَة), ertinya kapal itu berjalan membelah air (ombak) sehingga terdengar suaranya. Bagi menyebut benda yang membelah air digunakan lafaz *makhirah* (مَاخِرَةٌ), jamaknya *mawākhir* (مَوَاخِر).[4]

Lafaz (مَوَاخِر) diulang dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Nahl* (16), ayat 14 dan *Fātir* (35), ayat 12. Dalam kedua-dua ayat ini diterangkan, salah satu nikmat yang diberikan oleh Allah kepada manusia adalah kapal-kapal yang berjalan membelah perairan (مَوَاخِر) sama ada di sungai-sungai atau lautan. Dengan kapal-kapal itu, manusia dapat berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain, kemudian kembali ke tempatnya semula. Dengan kapal-kapal yang membelah perairan itu pula, mereka dapat memindahkan barang-barang dari satu tempat ke tempat lain untuk keperluan berniaga atau lainnya.[5] Ini adalah nikmat Allah yang patut disyukuri.

1 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 296.

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 817.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 478.

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), op. cit., j. 2, h. 616.

5 Al-Syawkānī (1994), op. cit., j. 3, h. 153 dan j. 4, h. 343.

MAWR (مَوْرٌ)

Erti lafaz kerja *māra – yamūru* (مَارَ - يَمُورُ) ialah bergerak atau bergoncang dengan sangat cepat. Bentuk kata dasarnya iaitu *maur* (مَورٌ) bererti pergerakan atau goncangan yang sangat hebat dan sangat cepat.[1]

Di dalam al-Quran, lafaz (مَوْرًا) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Tūr* (52), ayat 9. Dalam ayat itu, Allah menerangkan satu keadaan alam yang akan terjadi pada hari kiamat. Pada hari itu, langit bergoncang dan bergerak dengan hebat dan cepat (يَوْمَ تَمُورُ ٱلسَّمَآءُ مَوْرًا).

Ibn 'Abbās dan Mujāhid menyatakan, langit itu bergerak dengan gerakan yang hebat. Ibn 'Abbās pula menerangkan, maksudnya ialah langit terpecah-pecah. Manakala Imām Mujāhid pula menerangkan maksudnya ialah langit itu berputar-putar dan bergulung-gulung. Imām al-Dahhāk menerangkan maksudnya ialah langit bergerak dengan membentuk putaran atau lingkaran.[2]

MIHĀL (مِحَال)

Erti lafaz *mihal* (مِحَال) ialah pentadbiran Allah dalam menghancurkan dan mengazab orang yang derhaka dengan azab yang kuat dan tidak dapat ditentang.[3]

Di dalam al-Quran, lafaz (مِحَال) disebut hanya sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Ra'd* (13), ayat 13. Dalam ayat ini diterangkan Allah adalah (شَدِيدُ ٱلْمِحَال). Imām Ibn Kathīr menyatakan, Imām Ibn Jarīr al-Tabarī mentafsirkan (وَهُوَ شَدِيدُ ٱلْمِحَال) yang terdapat dalam ayat itu dengan tafsiran, "Allah sangat keras azabnya kepada orang yang menentangnya, orang yang derhaka dan orang yang melewati batas dalam melakukan kekafiran." Imām 'Alī mempunyai pendapat yang hampir sama, iaitu maksud (شَدِيدُ ٱلْمِحَال) adalah sangat keras dalam menyeksa. Manakala Imām al-Mujāhid mentafsirkannya dengan sangat kuat.[4]

MIHRĀB (مِحْرَاب)

Dalam bahasa Arab, lafaz *mihrab* (مِحْرَاب) digunakan bagi menunjukkan beberapa erti iaitu; (1) Bahagian hadapan rumah; (2) Bahagian yang paling mulia dari suatu tempat; (3) Bangunan yang tinggi; (4) Ruangan; (5) Istana; (6) Tempat khas bagi seorang raja yang digunakan untuk menyendiri dan menjauhkan diri daripada orang ramai.[5] Bentuk jamak daripada lafaz (مِحْرَاب) adalah *maharib* (مَحَارِيب).

Al-Rāghib al-Isfahāni menyatakan, bahagian hadapan suatu masjid dinamakan dengan (مِحْرَاب) kerana ia adalah tempat bagi memerangi (مُحَارَبَة) syaitan dan hawa nafsu.[6]

Lafaz ini dalam bentuk tunggal diulang sebanyak empat kali di dalam al-Quran iaitu

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 667.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 241.

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 615.

4 Ibn Kathīr (1998), op. cit., j. 2, h. 508.

5 bn Manzūr (1968), *op. cit.*, j. 1, h. 305, 306; *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 256.

6 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 112.

dalam surah *Āli Imrān* (3), ayat 37, 39; surah *Maryam* (19), ayat 11; dan surah Sād (38), ayat 21. Manakala dalam bentuk jamak ia disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *Saba'* (34), ayat 13. Lafaz (مِحْرَاب) dan (مَحَارِيب) dalam al-Quran selalunya dikaitkan dengan kisah para Nabi.

Dalam surah *Āli Imrān* (3), ayat 37, 39; dan surah *Maryam* (19), ayat 11, lafaz ini dikaitkan dengan kisah Nabi Zakariyyā. Manakala dalam surah *Sād* (38), ayat 21, lafaz (مِحْرَاب) dikaitkan dengan kisah Nabi Dāūd, dan dalam surah Sabak (34), ayat 13 dikaitkan dengan kisah Nabi Sulaimān. Namun, maksud lafaz (مِحْرَاب) menunjukkan erti yang berbeza-beza.

Lafaz (مِحْرَاب) yang berada dalam ayat ke 37 surah Āli Imrān adalah ruangan tinggi yang untuk sampai kepadanya perlu menggunakan tangga. Ruangan ini diperbuat oleh Nabi Zakariyyā, khas untuk mengasuh Maryam sehingga beliau dewasa.[1] Kata (مِحْرَاب) yang terdapat dalam surah *Āli Imrān* (3), ayat 39 dan surah *Maryam* (19), ayat 11 ertinya adalah tempat sembahyang Nabi Zakariyyā,[2] di mana di tempat itu ketika beliau beribadah, beliau diberi khabar gembira oleh malaikat, beliau akan dianugerahkan seorang putera bernama Yahyā.

Manakala lafaz (مِحْرَاب) dalam surah *Sād* (38), ayat 21 ialah ruangan[3] milik Nabi Dāūd. Ibn al-'Arabī berkata, "Ruangan milik Nabi Dāūd adalah tinggi dan sukar dimasuki, tidak ada orang yang mungkin menaikinya kecuali dalam beberapa hari hingga satu bulan sesuai dengan kemampuan yang dimiliki, dan itu pun memerlukan bantuan dan alat yang banyak dan beragam.[4]

Lafaz (مَحَارِيب) dalam surah *Sabak* (34), ayat 13 ertinya bangunan-bangunan dan istana-istana yang besar dan tinggi.[5] Bangunan dan istana ini dibangunkan oleh para jin atas perintah dan arahan Nabi Sulaimān.

MILH (مِلْحٌ)

Erti lafaz *milh* (مِلْحٌ) ialah garam yang masin.[6] Di dalam al-Quran, lafaz (مِلْحٌ) diulang dua kali iaitu dalam surah *al-Furqān* (25), ayat 53 dan *Fātir* (35), ayat 12. Dalam kedua-dua ayat ini, Allah menjelaskan dia menciptakan dua jenis air. Pertama adalah air tawar seperti air sungai, air sumur, mata air dan lain -lain. Kedua adalah air masin seperti air laut (مِلْحٌ أُجَاج).[7]

Dalam kedua-dua jenis air ini terdapat anugerah-anugerah Allah yang berbeza-beza seperti ikal-ikan yang pelbagai dan juga perhiasan yang bermacam-macam. Selain menunjukkan hebatnya kekuasaan Allah, penciptaan dua jenis air ini juga adalah bentuk rahmat dan anugerah Allah kepada manusia. Oleh itu, hendaklah manusia bersyukur atas nikmat ini dengan mengabdikan diri dan beribadah hanya kepada Allah.

1 Al-Syawkānī (1994), *op..cit.*, j. 1, h. 335.

2 *Ibid.*, j. 1, h. 339 dan j. 3, h. 324.

3 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 5, h. 165.

4 *Ibid.*, j. 15. h. 170

5 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 316.

6 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 649.

7 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 322.

MISĀS (مِسَاس)

Lafaz *misās* (مِسَاس) mempunyai erti yang sama dengan kata *mumāssah* (مُمَاسَّة) iaitu saling bersentuhan badan antara seorang dengan yang lainnya.[1]

Di dalam al-Quran, lafaz (مِسَاس) disebut hanya sekali sahaja iaitu dalam surah *Tāhā* (20): 97. Ayat ini menerangkan hukuman yang diterima oleh Sāmirī sama ada hukuman semasa di dunia mahupun di akhirat. Ini kerana, Sāmirī menjadikan berhala anak lembu sebagai alat penyembahan dan menyuruh Bani Israel menyembah berhala itu. Hukuman dunia yang diberikan oleh Nabi Mūsā kepada Sāmirī adalah Samīrī diusir dari kaumnya sehingga dia hidup sendiri dan terasing sampai mati. Apabila dia bertemu dengan orang lain, dia mesti berkata (لَا مِسَاس) maksudnya, "Saya tidak boleh menyentuh orang lain, dan orang lain tidak boleh menyentuh diriku."

Nabi Mūsā juga melarang Banī Israel mendekati, berkumpul atau berbincang dengan Sāmirī. Ini semua adalah sebagai hukuman atas perbuatan keji yang dilakukan. Manakala hukumannya di akhirat adalah dimasukkan ke dalam neraka dan diseksa di dalamnya.[2]

MISK (مِسْك)

Dalam bahasa Arab, lafaz *misk* (مِسْك) digunakan bagi menunjukkan sejenis wangian yang dibuat daripada bahagian tubuh haiwan tertentu.[3]

Lafaz (مِسْك) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah al-Mutaffifīn (83), ayat 26. Ayat ini menerangkan salah satu nikmat yang akan dirasakan oleh orang yang beriman semasa hidup di syurga. Mereka diberi minum (رَحِيْق) iaitu jenis khamar yang paling baik dan murni yang mempunyai kelainan dan beberapa sifat yang hebat, antara sifat itu adalah (مَخْتُوْم خِتَامُه مِسْك).

Para ulama berbeza pendapat dalam mentafsirkan lafaz itu. Ada yang mentafsirkannya rasa terakhir daripada minuman khamar adalah rasa wangi (مِسْك) sehingga apabila seseorang selesai meminumnya, dia akan menghidu bau (مِسْك) yang wangi. Ada juga yang mentafsirkannya tempat minuman khamar itu sama ada botol atau sebagainya ditutup dengan penutup yang diperbuat daripada (مِسْك), sehingga ia menjadi cop yang menunjukkan peminumnya adalah orang yang sangat istimewa, dan ia juga dapat menjaga minuman itu daripada sebarang kerosakan.[4]

MU'ṢADAH (مُؤْصَدَة)

Apabila dikatakan (آصَدَ الْبَابَ يُؤْصِدُهُ), ertinya dia menutup pintu. Manakala lafaz (مُؤْصَدَة) bermaksud sesuatu yang tertutup sangat rapat.[5]

1 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 383.

2 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 11, h. 240.

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 635.

4 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 402-403 dan al-Alūsī (t.t.), op. cit., j. 30, h. 74.

5 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 39.

Di dalam al-Quran, lafaz (مُؤْصَدَة) diulang sebanyak dua kali iaitu dalam surah *al-Balad* (90), ayat 20 dan *al-Humazah* (104), ayat 8. Dalam kedua-dua ayat ini, lafaz (مُؤْصَدَة) menjadi sifat bagi neraka sehingga ertinya adalah keadaan neraka sebagai tempat penyeksaan orang yang zalim adalah tertutup rapat, sehingga orang-orang yang berada di dalamnya tidak dapat lari atau keluar daripadanya. Imām Qatādah menerangkan, keadaan neraka adalah tertutup rapat, di dalamnya tidak ada cahaya, tidak ada celah dan tidak ada jalan untuk keluar.[1]

MUḌIYYĀ (مُضِيًّا)

Erti lafaz *mudiyya* (مُضِيًّا) ialah melewati, berjalan atau pergi.[2] Di dalam al-Quran, lafaz (مُضِيًّا) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *Yāsīn* (36), ayat 67. Ayat ini menerangkan tentang kemurkaan Allah kepada orang kafir yang suka melakukan kezaliman. Allah menerangkan, sekiranya dia berkehendak, dia akan mengubah bentuk orang zalim itu di tempat mereka sedang berdiri melakukan maksiat menjadi benda mati, umpamanya menjadi batu yang tidak dapat bergerak, sehingga mereka tidak dapat pergi berjalan ke depan dan juga tidak dapat mundur ke belakang (فَمَا ٱسْتَطَٰعُوا۟ مُضِيًّا وَلَا يَرْجِعُونَ).[3]

MUHAYMIN (مُهَيْمِنٌ)

Lafaz *muhaymin* adalah *ism fā'il* yang berasal daripada *haymana* (هَيْمَنَ), mempuyai maksud menguasai, mengawal dan menjaga.[4] Al-Quran adalah *muhaymin* di atas semua kitab samawi, maksudnya mengawal dan mengawasinya. Apa yang terdapat di dalamnya yang semuafakat dengannya, ia adalah kebenaran dan perkara yang menentangnya akan diketahui ia diselewengkan dan diubah.[5]

Al-Wāhidī berkata, "Kebanyakan ahli tafsir berpendapat, asal lafaz *muhaymin* dan *muhayminā* adalah *mu'aymin* (مُؤَيْمِنٌ) iaitu daripada *āmana* iaitu aman atau beriman,[6] atau *mu'a'min* (مُؤَئْمِنٌ), kemudian dihilangkan *hamzah* kedua dan diganti *al-Yā'* (ي) disebabkan pertemuan dua *hamzah*, lalu *hamzah* pertama diubah menjadi *al-Hā'* (ه) seperti pendapat al-Mubarrad, al-Zujjāj dan Abū 'Alī al-Fārisī."[7]

Lafaz *muhaymin* disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Hasyr* (59), ayat 23. Lafaz *muhayminā* juga disebut sekali iaitu dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 48. Al-Rāzī berkata, "*Muhaymin* bermaksud *al-syāhid* iaitu yang menyaksikan."[8] Ibn 'Abbās,[9] Muqātil, Mujāhid dan Qatādah berpendapat, "*Muhaymin* bermaksud yang menyaksikan segala perbuatan hambanya dan menjaga mereka."[10]

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 515-516.

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 638.

3 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 378.

4 Anīs et al. (1962), *op. cit.*, h. 1005, *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 807.

5 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *ibid.*

6 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 257.

7 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 26; Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 59.

8 *Ibid.*, h. 699.

9 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 309.

10 Al-Syawkānī (1994), *loc. cit.*

Muhaymin di dalam al-Quran yang terdapat dalam surah *al-Hasyr* adalah salah satu daripada sifat Allah atau salah satu daripada namanya. Ia bermaksud yang mengawasi, menyaksikan segala perbuatan hambanya, yang menguasai segala sesuatu serta menjaganya. Manakala dalam surah al-Mā'idah, ia berkaitan dengan al-Quran yang menjadi *muhaymin* bagi Kitab Samawi lain. Al-Syawkānī berkata, "Lafaz *muhayminā* bermaksud *al-rāqib* (mengawasi), yang lebih tinggi dan *al-hāfiz* (menjaga). Al-Zamakhsyarī berkata, "Lafaz *muhayminā* bermaksud mengawasi kesemua kitab samawi kerana ia mengakui baginya dengan kesahihan dan penetapan."[1]

Dalam *Safwah al-Tafāsīr*, *muhayminā* bermaksud mengakui ke atasnya dan menjadi hakim terhadap keseluruhan kitab yang datang sebelumnya,[2] menghimpun di dalamnya keseluruhan kebaikan dan menambahkannya kesempurnaan-kesempurnaan daripada apa yang tidak terdapat dalam kitab yang lain.[3] Al-Jumhūr berkata, "Sesungguhnya al-Quran menjadi saksi bagi kesahihan kitab samawi yang diturunkan dan menetapkan kandungan di dalamnya yang belum dimansuhkan serta memansuhkan perkara yang bertentangan dengannya, mengawasi ke atasnya dan menjaga apa yang terdapat di dalamnya daripada asas-asas syariat."[4]

1 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 627.

2 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 1, h. 346.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 62. Para ulama banyak berpendapat mengenai makna Muhaymina 'alayh, iaitu: (1). Riwayat Sufyān al-Thawrī dan lainnya daripada Abī Ishaq daripada al-Tamīmī daripada Ibn 'Abbās, maknanya Mu'taman 'alayh (yang melindungi ke atasnya) (2). Riwayat 'Alī b. Abī Talhah daripada Ibn 'Abbās, riwayat dari 'Ikrimah, Sa'īd b. Jubayr, Mujāhid, Muhammad bin Ka'ab, 'Atiyyah, Qatādah, 'Ata' al-Khurāsānī, al-Hasan, al-Suddī dan Ibn Zayd, maknanya al-Amīn (yang membenarkan) terhadap kitab sebelumnya, apa yang semuafakat dengannya adalah benar dan apa yang bertentangan dengannya maka ia adalah batil; (3). Riwayat al-Walibi daripada Ibn 'Abbās maknanya Syahīdan (sebagai saksi).

4 Al-Syawkānī (1994), *loc. cit.*

Kesimpulannya, *al-muhaymin* adalah salah satu daripada nama-nama Allah yang bermaksud mengawal, menyaksikan segala perbuatan hambanya dan menjaganya. Manakala *muhayminā* dikaitkan dengan al-Quran yang membawa maksud al-Quran mengakui, menjadi saksi dan hakim bagi kitab samawi terdahulu yang diturunkan.

MUHĀN – MUHĪN (مُهَانٌ - مُهِيْنٌ)

Lafaz ini adalah *ism fā'il* daripada kata kerja *ahāna* (أَهَانَ), maksudnya menghinakan, merendahkan dan sebagainya.

Ia disebut 14 kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 90; *Āli 'Imrān* (3), ayat 178; *al-Nisāk* (4), ayat 14; *al-Hajj* (22), ayat 57; *Luqmān* (31), ayat 6; *Sabak* (34), ayat 14; *al-Dukhān* (44), ayat 30; *al-Jāthiyah* (45), ayat 9; *al-Mujādalah* (58), ayat 5, 16; *al-Nisāk* (4), ayat 37, 102, 151; dan *al-Ahzāb* (33), ayat 57.

Lafaz ini dikaitkan dengan lafaz *"Adhāb"* iaitu seksaan atau azab. Ibn Kathīr mentafsirkan lafaz ini dalam surah al-Baqarah, "Manakala sebab kekufuran mereka kezaliman dan hasad yang dilahirkan daripada sifat takbur dan bongkak, lalu mereka menerima kehinaan di dunia dan di akhirat."[5]

Al-Tabarī berkata, "Ia bermaksud yang menghinakan pelakunya yang zalim lagi hina serta selalu berpakaian kehinaan." Beliau berkata, "Apabila ditanya seksaan mana yang bukan menghinakan?" Jawapannya, "Sesungguhnya maksud *al-muhīn* sudah

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 109.

kami terangkan di mana ia yang mewarisi pelakunya dengan kehinaan dan kekal bersamanya serta tidak berpindah daripada kehinaan kepada kemuliaan dan keagungan selama-lamanya. Ia dikhususkan kepada orang yang kufur kepadanya dan kepada rasul-rasulnya. Adapun seksaan yang tidak menghinakan iaitu yang dapat membersihkan pelakunya seperti pencuri daripada kalangan orang Islam, di mana ketika dia mencuri, wajib baginya dikenakan hukuman potong tangan seperti orang yang berzina yang dikenakan hukuman ke atasnya dan sebagainya daripada seksaan. Ia dijadikan Allah sebagai kafarah atau pembersih dosa-dosa yang merupakan azab bagi pelakunya."[1]

Kesimpulannya, *muhīn* ertinya yang menghinakan dan *'adhāb muhīn* bermaksud seksaan yang menghinakan pelakunya.

Adapun *ism maf'ūl*nya adalah *muhān* (مُهَانٌ). Ia disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah al-Furqān (25), ayat 69. Al-Qurtubī berkata, "Maksud lafaz ini ialah dalam keadaan hina, diusir dan dihalau daripada kemuliaan dan keagungan."[2] Dalam *Tafsīr al-Marāghī*, ia bermaksud dia akan kekal di dalam neraka dengan kehinaan dan direndahkan sehingga terhimpun baginya seksaan daripada segi jasmani dan rohani.[3]

Hal itu disebabkan melakukan tiga perkara yang terdapat dalam ayat sebelumnya iaitu menyembah selain Allah, membunuh jiwa yang diharamkan dan melakukan zina. Begitu juga dalam *Safwah al-Tafāsīr*, mereka yang melakukan perkara ini mendapat seksaan yang menghinakan dan merendah-rendahkan mereka serta ia kekal selama-lamanya bagi mereka.[4] *Muhānā* bermaksud dalam keadaan terhina.

MUHLAKĪN (مُهْلَكِيْنَ)

Lafaz ini adalah *ism maf'ūl* dalam bentuk jamak *mudhakkar* yang berasal daripada perkataan *halaka*, ertinya orang yang dibinasakan.

Ia disebut sekali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Mukminūn* (23), ayat 48. Al-Tabarī mentafsirkan ayat ini dengan "Firaun dan pengikutnya termasuk daripada orang yang dimusnahkan dan dihancurkan oleh Allah disebabkan pendustaan terhadap Mūsā dan Hārūn seperti umat-umat terdahulu disebabkan mendustakan rasul-rasul mereka.[5]

Dalam *Safwah al-Tafāsīr*, lafaz *muhlakīn* bermaksud, mereka ialah Firaun dan pengikutnya termasuk orang yang dibinasakan dengan menenggelamkan mereka di laut.[6] Al-Syawkānī mentafsirkan lafaz ini "Mereka dimusnahkan dan dibinasakan oleh Allah dengan menenggelamkan mereka di laut."[7]

Kesimpulannya, lafaz *muhlakīn* dalam al-Quran bermaksud **orang yang dibinasakan dengan menenggelamkan mereka di laut.**

1 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 588.

2 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 13, h. 83.

3 Al-Marāghī (1974), *op. cit.*, j. 13, h. 40.

4 Al-Sābūnī (1981), *op, cit.*, j. 2, h. 370.

5 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 10, h. 33.

6 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 310.

7 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 602.

MUHTADĪ (مُهْتَدِى)

Lafaz ini adalah *Ism Maf'ūl* yang berasal daripada kata kerja *hadā* (هَدَى) di atas, ia mengandungi makna "yang diberi hidayah" atau "yang mendapat hidayah." Ia disebut satu kali dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 178.

Dalam *al-Asās fī al-Tafsīr*, Sa'īd Hawwā berkata: "Tidak ada hidayah kecuali mendapat taufik daripada Allah.[1] Oleh itu, barang siapa yang mendapat hidayah daripada Allah, dia adalah seorang yang bahagia yang dirahmati."[2] Dalam *Tafsīr al-Manār,* barang siapa yang diberi taufik untuk berjalan di atas jalan hidayah dengan menggunakan akalnya dan anggota tubuhnya berdasarkan fitrah serta petunjuk agama maka ia telah mendapat hidayah, iaitu orang yang bersyukur di atas nikmat Allah Ta'ala, orang yang mendapat kemenangan dengan meraih kebahagiaan di dunia dan di akhirat."[3]

Al-Tabarī pula berkata, "*Al-muhtadī* ialah orang yang diberi hidayah dan taufik oleh Allah untuk berjalan di atas kebenaran dan berlindung di bawah naungan agama."[4]

Kesimpulannya, *al-muhtadī* membawa maksud orang yang mendapat taufik dan hidayah bagi mengikuti kebenaran dan agama.

MUHṬI'ĪN (مُهْطِعِينَ)

Lafaz ini adalah *ism fā'il* yang berbentuk jamak *mudhakkar*, berasal daripada lafaz *hat-'a* (هَطَعَ), bermaksud menerima secara cepat dengan diiringi rasa takut, memanjangkan lehernya dan mengangkat kepalanya, menerima ke atas sesuatu dengan pandangan yang tidak berpaling darinya.[5] Al-Yazīdī berkata, "Maknanya memandang lama dengan tidak menoleh atau berganjak daripada pandangannya.[6]

Lafaz ini disebut tiga kali di dalam al -Quran iaitu dalam surah *Ibrāhīm* (14), ayat 43; *al-Qamar* (54), ayat 8; *al-Ma'ārij* (70), ayat 36. Ibn Qutaibah berkata, "*Muhti'īn* bermakna *musri'īn* iaitu orang yang bersegera."[7] Dalam *Tafsīr al-Jalālain*, ia juga bermaksud orang-orang yang bersegera.[8] Al-Zamakhsyarī berkata, "Ia bermaksud orang yang bersegera kepada pemanggil."[9]

Tha'lab berpendapat, *al-Muhti'* bermaksud yang melihat dalam keadaan hina dan khusyuk atau rendah diri.[10] Yang lain berpendapat, ia bermakna yang melamakan pandangannya. Ulama lain berpendapat, ia bermaksud yang tidak mengangkat kepalanya. Al-Nuhhās berkata, "Yang masyhur dalam bahasa Arab ia bermakna apabila dia bersegera.[11] Abū 'Ubaidah berkata, "Semuanya berkemungkinan di mana ia membawa maksud bersegera dengan melamakan pandangannya."[12]

Kesimpulannya, *muhti'īn* adalah **orang yang bersegera datang kepada pemanggil dengan rasa takut dan rendah diri serta**

1 Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 4, h. 2063.

2 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 1, h. 483.

3 Rīdā (t.t.), *op. cit.*, j. 9, h. 417.

4 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 6, h. 175.

5 Anīs et al. (1962), *op. cit.*, h. 988; Ābādī (1986), *op. cit.*, h. 329.

6 Al-Yazīdī (1985), *op. cit.*, h. 358.

7 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 43.

8 Al-Jalālayn (t.t.), *op. cit.*, h. 327.

9 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 541.

10 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 142.

11 *Ibid.*

12 *Ibid.*

memanjangkan pandangan kepadanya tanpa menoleh.

MUKĀ' (مُكَاء)

Erti kata kerja *makā – yamkū* (مَكَا - يَمْكُو) ialah bersiul dengan menggunakan mulut. Manakala kata *muka'* (مُكَاء) adalah bentuk kata terbitan yang bererti pekerjaan bersiul.[1]

Di dalam al-Quran, lafaz (مُكَاء) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Anfāl* (8), ayat 35. Ayat ini menerangkan tatacara ibadah orang Arab jahiliah di sekitar Kaabah sebelum datangnya Islam. Ibn 'Abbās menerangkan bentuk ibadah mereka adalah berputar mengelilingi Kaabah dalam keadaan telanjang sambil bersiul (مُكَاء) dan bertepuk tangan.[2] Semasa dakwah Islam sampai kepada mereka, mereka tetap meneruskan praktik ini sehingga apa yang mereka lakukan itu juga mengganggu sembahyang yang dilakukan oleh umat Islam di sekitar Kaabah, malah mereka melakukan itu dengan maksud memperolok-olok dan menghina umat Islam.[3]

MUMADDADAH (مُمَدَّدَة)

Erti kata kerja *Madda* (مَدَّ) adalah memanjangkan atau membentangkan. Apabila dikatakan (مَدَّ الرَّجُلُ الشَّيْئَ), ertinya, "Lelaki itu memanjangkan sesuatu." Manakala erti kata *mumaddadah* (مُمَدَّدَة) adalah sesuatu yang dipanjangkan hingga sangat panjang.[4]

Di dalam al-Quran, lafaz (مُمَدَّدَة) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Humazah* (104), ayat 9. Dalam ayat ini, lafaz (مُمَدَّدَة) menjadi sifat bagi (عَمَد) sehingga menjadi (عَمَد مُمَدَّدَة) yang bererti, "Tiang-tiang yang sangat panjang."

Para pakar tafsir menerangkan tiang -tiang yang sangat panjang ini berada dalam neraka dan digunakan bagi mengikat orang yang sedang diseksa di dalamnya. Dengan tiang ini, ia menjadi lebih kuat bagi menahan orang yang sedang diseksa berbanding dengan tiang yang pendek. Ada pula yang mentafsirkan, tiang-tiang yang sangat panjang ini digunakan bagi menutup neraka secara rapat sehingga tidak ada celah dan ruang untuk keluar dan tidak dapat dibuka.[5]

MUMAZZAQ (مُمَزَّق)

Erti kata kerja *mazzaqa* (مَزَّقَ) ialah mengoyak atau memisahkan antara satu bahagian dengan bahagian yang lain. Apabila dikatakan (مَزَّقَ الرَّجُلُ الثَّوْبَ) ertinya, "Lelaki itu mengoyak bajunya." Apabila dikatakan (مُزِّقَ الْمَيِّتُ) ertinya, "Mayat itu hancur sehingga menjadi debu." Apabila dikatakan (مُزِّقَ الْقَوْمُ) ertinya, "Penduduk kaum itu terpisah-pisah ke pelbagai tempat." Manakala kata *mumazzaq* (مُمَزَّق) adalah bentuk *maṣdar*

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 648.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 307.

3 *Ibid.*, h. 308.

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 618.

5 Al-Syawkānī (1994), op. cit., j. 5, h. 494.

yang bererti perbuatan mengoyak. Apabila dikatakan (مَزَّقَ الرَّجُلُ كُلَّ مُمَزَّق) ertinya, "lelaki itu mengoyak dan menghancurkan dengan sehancur-hancurnya."[1]

Dalam al-Quran, lafaz (مُمَزَّق) diulang dua kali sahaja iaitu dalam surah *Sabak* (34), ayat 7 dan 19. Lafaz (مُمَزَّق) yang terdapat dalam ayat 7 digunakan bagi menggambarkan tubuh manusia selepas mati, di mana tulang dan daging terkoyak dan dihancurkan sehancur-hancurnya. Orang kafir menganggap tubuh yang terkoyak dan hancur tidak mungkin disatukan semula sehingga mereka tidak percaya dengan kedatangan hari kiamat dan hari kebangkitan semula manusia dari alam kubur. Dalam ayat ini, mereka mencemuh Nabi Muhammad yang meyakini adanya hari kebangkitan semula.[2]

Manakala lafaz (مُمَزَّق) yang terdapat dalam ayat 19 digunakan bagi menggambarkan keadaan kaum Sabak selepas Allah mendatangkan azab berupa banjir besar kepada mereka. Pada masa itu, bandar dan kebun-kebun mereka hancur sehancur-hancurnya dan penduduknya terpisah-pisah ke merata tempat.[3] Ini kerana, mereka tidak mahu mensyukuri nikmat yang diberikan Allah kepada mereka sedangkan pada mulanya mereka hidup dengan aman, sejahtera penuh dengan kenikmatan dan anugerah.

MUMSIK – MUMSIKĀT
(مُمْسِك - مُمْسِكَات)

Erti kata kerja *amsaka – yumsiku* (أَمْسَكَ - يُمْسِكُ) ialah menahan sesuatu pada tempatnya dan tidak memberi orang lain mendapatkannya. Apabila dikatakan (أَمْسَكَ عَنِّي بِرَّه) ertinya, "Dia menghalangiku merasakan kebaikan daripadanya." Bagi menyebut pihak yang menahan, digunakan kata *mumsik* (مُمْسِك), bentuk jamaknya adalah *mumsikūn* (مُمْسِكُون) bagi *mudhakkar* dan *mumsikāt* (مُمْسِكَات) bagi *mu'annath*.[4]

Di dalam al-Quran, lafaz (مُمْسِك) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *Fātir* (35), ayat 2. Manakala lafaz (مُمْسِكَات) juga disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Zumar* (39), ayat 38. Dalam surah *Fātir* (35), ayat 2, Allah menegaskan hanya dia yang maha kuasa. Apabila Allah menganugerahkan rahmat kepada manusia sama ada berbentuk hujan, rezeki atau yang lain, tidak ada seorang pun dapat menahannya (فَلَا مُمْسِكَ لَهَا).

Begitu juga sebaliknya apa sahaja yang ditahan oleh Allah, tidak ada seorang pun yang sanggup melepaskannya.[5] Dalam surah *al-Zumar* (39), ayat 38, Allah juga menegaskan tuhan-tuhan selain Allah yang disembah oleh orang kafir tidak akan sanggup menahan rahmat Allah (مُمْسِكَاتُ رَحْمَتِه) yang diberikan kepada Nabi Muhammad. Ini kerana, Allah menetapkan anugerah rahmat itu kepadanya.[6]

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 628.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 527.

3 *Ibid.*, h. 535.

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 633-634.

5 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 338.

6 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 55.

MUNHAMIR (مُنْهَمِرٌ)

Berasal daripada lafaz *al-hamr* (الْهَمْرُ) atau *hamara al-mā'* yang bererti mencurahkan air atau mencucurkan air mata.[1] *Inhamar al-mā'* bermaksud air mengalir dengan banyak dan berterusan, *inhamar al-maṭar* membawa maksud hujan turun dengan deras, sifatnya ialah *munhamir*.[2]

Lafaz ini hanya disebut sekali dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Qamar* (54), ayat 11. Al-Suddī berkata, "*Munhamir* bermaksud banyak dan mencurah-curah."[3] Ibn 'Abbās berkata, "Kami membuka pintu-pintu langit dengan air yang bercucuran tanpa awan yang tidak terputus selama 40 hari[4] atau mencurahkan dan menurunkan air hujan dengan deras dan berterusan yang tidak terputus selama 40 hari."[5] Ibn Qutaibah berkata, "Air bercucuran dengan banyak dan deras."[6]

Kesimpulannya, lafaz *munhamir* dikaitkan dengan *al-samā'* (langit) dan *al-mā'* (air). Ia membawa maksud air hujan diturunkan dari langit dengan banyak, deras dan berterusan.

MUSTAHZI'ŪN / MUSTAHZI'ĪN (مُسْتَهْزِؤُونَ / مُسْتَهْزِينَ)

Lafaz ini adalah *ism fā'il* daripada kata kerja dan *istahza'a* (اسْتَهْزَأَ) ertinya mempersendakan, mengejek, mempermainkan, mentertawakan, mencemuh, memecahkan, mati dan sebagainya.[7] Rasyīd Ridā berkata, "Asal *al-istihzā'* ialah *al-istikhfāf* iaitu merendah-rendahkan dan tiada perhatian terhadap sesuatu di dalam diri walaupun orang yang merendah-rendahkan tadi menampakkan kebaikan dan keredaan."[8]

Lafaz ini disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 14 dan surah *al-Hijr* (15), ayat 95. Dalam *Tafsīr al-Manār*, tafsiran lafaz ini adalah kami (orang munafik) mempersendakan orang Islam dan memperolok-olokkan agama mereka.[9]

Al-Dahhāk melaporkan daripada Ibn 'Abbās dan al-Rabī' b. Anas serta Qatādah berkata, "Makna *mustahzi'ūn* adalah *sākhirūn* iaitu orang yang mempersendakan sahabat-sahabat Nabi."[10] Ibn Kathīr berkata, "Maknanya orang-orang yang merendah-rendahkan sahabat-sahabat nabi dan mempermainkan mereka."[11]

Dalam surah al-Hijr, lafaz *al-mustahzi'īn* bermaksud orang musyrik.[12] Al-Syawkānī berkata, "*Al-mustahzi'ūn* terdiri daripada lima pembesar ahli Makkah iaitu al-Walīd bin al-Mughīrah, al-'Ās bin Wā'il, al-Aswad bin al-Mutallib bin al-Harith bin Zum'ah, al-Aswad bin 'Abd Yaghūth dan al-Harith bin al-Talātalah."[13]

Kesimpulannya, secara umumnya lafaz *mustahzi'ūn* atau *mustahzi'īn* membawa maksud orang yang **mempersendakan** dan

1 Ibid., h. 342; al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 699.

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, h. 805.

3 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 17, h. 129.

4 *Ibid.*

5 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 423.

6 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 431.

7 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 864; Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 984.

8 Ridā (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 163.

9 *Ibid.*

10 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 45.

11 *Ibid.*

12 *Ibid.*, j. 2, h. 513.

13 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 178.

mempermainkan agama Allah dan penganutnya sama ada daripada kalangan munafik atau orang musyrik, khususnya lima pembesar yang disebutkan di atas.

MUTAHARRIF (مُتَحَرِّف)

Menurut bahasa, kata kerja (تَحَرَّفَ) ertinya adalah condong (مَالَ) dan berpindah (عَدَلَ)[1] sehingga erti lafaz (مُتَحَرِّف) ialah orang atau sesuatu yang condong atau berpindah.

Lafaz (مُتَحَرِّف) disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Anfāl* (8), ayat 16. Lafaz (مُتَحَرِّفًا لِقِتَالٍ) dalam ayat ini maksudnya orang yang berpindah ke arah lain ketika menghadapi musuh, dengan maksud melakukan tipu muslihat atau strategi peperangan sehingga mereka lebih berkuasa dalam menghadapi musuh. Tindakan seperti ini dibolehkan, kerana ia tidak termasuk tindakan melarikan diri daripada perang, melainkan maksud tindakan ini adalah bagi mengungguli musuh dengan melakukan penyerangan semula dari tempat yang lebih tepat sehingga musuh tertipu atau untuk maksud-maksud lain demi kejayaan dalam perang.[2]

MUTANĀFISŪN (مُتَنَافِسُون)

Apabila dikatakan (تَنَافَسَ الرَّجُلَان) ertinya, "kedua-dua orang itu berlumba bagi mendapatkan sesuatu atau mendahulukan yang lain, masing-masing daripada mereka ingin menguasai sesuatu dan ingin mengungguli lawannya." Lafaz (تَنَافَسَ) juga ada kaitan dengan lafaz (اَلنَّفَاسَة) iaitu sesuatu yang bernilai, kerana suatu perlumbaan biasanya bagi merebutkan sesuatu yang bernilai tinggi. Bagi menyebut orang yang sedang melakukan perlumbaan, digunakan kata (اَلْمُتَنَافِس), bentuk jamaknya adalah (اَلْمُتَنَافِسُوْن).[3]

Lafaz (اَلْمُتَنَافِسُون) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Mutaffifin* (83), ayat 26. Ayat ini berada dalam rangkaian ayat-ayat yang menggambarkan pelbagai nikmat syurga yang diterima oleh orang beriman yang berkelakuan baik *(al-abrār)* dan yang dekat dengan Allah *(al-muqarrabūn)*, antara nikmat adalah minuman khamar yang murni (رَحِيق).

Nikmat-nikmat yang hebat dan kekal ini semestinya sangat menarik hati manusia. Oleh itu di tengah-tengah keterangan nikmat syurga ini, Allah berkata, (وَفِي ذَالِكَ فَلْيَتَنَافَسِ الْمُتَنَافِسُوْن) *"Dan untuk (mendapatkan kenikmatan khamar syurga) itu hendaklah orang yang berlumba itu melakukan perlumbaan."* Iaitu dengan bersegera melakukan ketaatan kepada Allah. Ayat Allah ini juga dapat difahami sebagai larangan iaitu janganlah orang yang hidup di dunia ini melakukan perlumbaan hanya bagi mendapatkan nikmat-nikmat duniawi sahaja, termasuk berlumba-lumba untuk meminum khamar dunia.[4]

1 Al-Rāzī (1995), *op. cit.*, h. 55.

2 Al-Sa'dī (2001), *op.cit.*, j. 1, h. 788.

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 641.

4 Al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 30, h. 76.

MUZN (مُزْن)

Erti lafaz *muzn* (مُزْن) ialah awan secara umum. Ada pula yang mentafsirkannya secara khas iaitu awan yang putih.[1] Di dalam al-Quran, lafaz (الْمُزْن) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Wāqi'ah* (56), ayat 69.

Ibn 'Abbās, Mujāhid dan yang lain mentafsirkan lafaz (الْمُزْن) dalam ayat ini dengan awan yang berada di langit.[2] Dalam ayat ini ditegaskan Allah yang menurunkan air hujan yang asalnya berkumpul di awan (الْمُزْن) yang bergantungan di langit, kemudian menjadi air hujan yang turun ke bumi dan dapat dimanfaatkan oleh manusia sama ada untuk minum, menyuburkan pokok dan sebagainya. Allah dengan kuasanya sendiri yang menurunkannya, bukan manusia atau makhluk -makhluk lainnya. Ini adalah bentuk nikmat dan juga rasa kasih sayang Allah kepada manusia.

Oleh itu, semestinya manusia perlu bersyukur dengan mengikhlaskan ibadah hanya kepada Allah sahaja. Selain daripada itu, ini juga adalah bukti kekuasaan Allah yang semestinya mendorong manusia bagi mengakui keesaannya dan mengimani datangnya hari kebangkitan.[3]

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 628.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 297.

3 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 17, h. 221 dan al-Syawkānī (1994), op. cit., j. 5, h. 518.



حرف النون

ن



NA'JAH –NI'ĀJ (نَعْجَة - نِعَاج)

Erti lafaz (نَعْجَة) ialah kambing biri-biri betina. Bentuk jamaknya adalah (نَعْجَات) dan (نِعَاج).[1] Di dalam al-Quran, lafaz (نَعْجَة) diulang tiga kali iaitu dalam surah *Sād* (38), ayat 23 (dua kali) dan 24. Manakala bentuk jamaknya iaitu (نِعَاج) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *Sād* (38), ayat 24. Sedangkan bentuk jamak (نَعْجَات) tidak disebut dalam al-Quran.

Kesemua ayat ini menceritakan tentang pertelingkahan dua orang yang menghadap Nabi Dāud berkenaan dengan masalah kambing biri-biri betina (نَعْجَة) mereka. Salah satu daripada dua orang ini mempunyai (99) kambing, manakala yang satu lagi hanya memiliki seekor kambing. Orang yang memiliki seekor kambing melaporkan kepada Nabi Dāūd, kambingnya hendak diambil oleh orang yang memiliki 99 kambing supaya genap menjadi seratus ekor kambing. Dia melaporkan kepada Nabi Dāūd supaya mendapatkan keputusan hukum yang adil.

Akhirnya, Nabi Dāūd memutuskan dan berkata kepadanya, "Sesungguhnya dia (orang yang mempunyai 99 ekor kambing biri-biri) telah berbuat zalim kepadamu dengan meminta kambingmu (نَعْجَتِكَ) itu untuk ditambahkan kepada kambing-kambingnya (نِعَاجِهِ)."[2]

NA'L (نَعْل)

Erti lafaz (نَعْل) ialah selipar iaitu alat yang digunakan bagi melindungi kaki daripada kotoran atau pelbagai bahaya yang ada pada tanah. Selipar tidak menutupi semua bahagian kaki. Manakala yang menutupi semua bahagian kaki dinamakan *al-khuff*. Biasanya seseorang mempunyai selipar sepasang untuk kaki kanan dan kaki kiri. Bentuk gandanya *(tathniyah)* adalah (نَعْلاَن) dan (نَعْلَيْن), manakala bentuk jamaknya adalah (نِعَال).[3]

Di dalam al-Quran, lafaz (نَعْلَي) dalam bentuk *tathniyah* (ganda) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *Tahā* (20), ayat 12. Dalam ayat ini diterangkan, semasa Nabi Mūsā menerima wahyu daripada Allah di tempat yang suci dan penuh keberkatan iaitu Wādī Tuwā, beliau diperintah oleh Allah supaya membuka kedua-dua seliparnya (فَاخْلَعْ نَعْلَيْكَ).

Imām 'Alī bin Abī Tālib, Abū Dharr, Abū Ayyūb dan lain-lain melaporkan, selipar yang dipakai oleh Nabi Mūsā diperbuat daripada kulit himar. Maksud Nabi Mūsā diperintah membuka kedua-dua seliparnya adalah bagi menghormati dan memuliakan tempat yang penuh barakah itu. Keadaan ini sama seperti apabila seseorang hendak masuk ke dalam Kaabah juga diperintahkan untuk membuka kedua-dua selipar. Ada juga yang berpendapat, maksudnya adalah supaya kedua -dua kaki Nabi Mūsā dapat bersentuhan langsung dengan tempat yang penuh berkah itu.[4]

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 732.

2 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 426.

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 733.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 144.

NADĀMAH – NĀDIMĪN (نَدَامَة - نَادِمِين)

Erti lafaz (نَدَامَة) ialah rasa menyesal kerana berubah fikiran daripada masa lalu.[1] Orang yang menyesal disebut (اَلنَّادِم), jamaknya (اَلنَّادِمُون) atau (النَّادِمِين).

Lafaz (نَدَامَة) disebut dua kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Yūnus* (10). ayat 54 dan *Sabak* (34), ayat 33. Manakala lafaz (نَادِمِين) di dalam al-Quran diulang lima kali iaitu dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 31, 52; *al-Mukminūn* (23), ayat 40; *al-Syu'arāk* (26), ayat 157 dan *al-Hujurāt* (49), ayat 6.

Dalam surah *Yūnus* (10), ayat 54 dan surah Sabak (34), ayat 33, lafaz (نَدَامَة) iaitu penyesalan dikaitkan dengan perasaan hati orang kafir di akhirat. Pada kedua-dua ayat ini ditegaskan, semasa orang zalim sama ada para pemimpinnya mahupun para pengikutnya diperlihatkan dahsyatnya azab yang akan menimpa mereka. Lalu di dalam hati mereka tersimpan rasa penyesalan yang luar biasa (وَأَسَرُّوا النَّدَامَةَ لَمَّا رَأَوُا الْعَذَابَ). Penyesalan mereka hanya tersimpan dalam hati dan mereka tidak sanggup mengungkapkannya. Ini adalah sejenis seksaan tersendiri bagi jiwa mereka.

Manakala orang yang disebut dalam al -Quran sebagai orang yang menyesal (نَادِمِين) ada lima iaitu:

1. **Qābīl**, putera Nabi Adam yang membunuh saudaranya sendiri iaitu Hābīl. Setelah membunuh saudaranya, Qābīl merasakan penyesalan dalam hati (فَأَصْبَحَ مِنَ النَّادِمِينَ).[2] Namun, penyesalan ini bukanlah penyesalan sebagai bentuk taubat mengakui kesalahan,[3] tetapi penyesalan ini adalah bentuk seksa daripada Allah, kerana dengan rasa penyesalan yang mendalam itu, dia merana.

2. **Orang munafik** yang suka memihak kepada orang Yahudi dan Nasrani. Mereka yakin dalam hati, kekuatan kaum Yahudi dan Nasrani jauh lebih besar apabila dibandingkan dengan kekuatan kaum Muslimin sehingga kaum Yahudi dan Nasrani lebih mempunyai kemampuan untuk mengalahkan umat Islam. Namun, perkiraan mereka keliru. Umat Islam mampu mengalahkan kaum Yahudi dan Nasrani, dan apabila Allah memberikan kemenangan kepada umat Islam, orang munafik ini menyesali keyakinan yang mereka simpan dalam hati mereka. (فَيُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا أَسَرُّوا فِي أَنفُسِهِمْ نَادِمِينَ).[4]

3. Kaum Nabi Hūd yang tidak mempercayai perintah Nabi Hūd. Mereka akhirnya mendapat azab Allah yang sangat dahsyat, iaitu angin kencang yang menghancurkan, sehingga di hati mereka muncul rasa penyesalan (لَيُصْبِحُنَّ نَادِمِينَ), namun penyesalan mereka sudah tidak berguna.[5]

4. Begitu pula dengan **kaum Nabi Sālih**. Disebabkan mereka derhaka kepada perintah-perintah Allah, akhirnya mereka mendapat azab Allah dan mereka menyesal dengan turunnya azab itu. (فَأَصْبَحُوا نَادِمِينَ).[6]

5. Orang yang tidak berhati-hati dalam menerima khabar berita sehingga dia menzalimi orang yang tidak bersalah. Dalam surah *al-Hujurāt* (49), ayat 6, Allah memerintahkan kaum beriman supaya

1 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 486.

2 Surah *al-Mā'idah* (5), ayat 31.

3 Lihat al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 6, h. 142.

4 Surah al-Mā'idah (5), ayat 52.

5 Surah al-Mukminūn (23), ayat 40.

6 Surah al-Syu'arāk' (26), ayat 157.

berhati-hati dalam menerima khabar berita yang disampaikan oleh orang fasik. Berita itu mestilah diteliti terlebih dahulu supaya kaum beriman tidak melakukan kezaliman kepada orang yang tidak bersalah. Apabila mereka terburu-buru mempercayai berita itu dan tidak mahu bersabar, mereka akan berasa menyesal.[1] (فَتُصْبِحُوا۟ عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَٰدِمِينَ).

NĀDĪ –NADIYY (نَادِي - نَدِيّ)

Erti lafaz (نَادِي) dan (نَدِيّ) adalah sama iaitu satu tempat yang digunakan bagi berkumpul dan bersembang. Orang yang bercakap-cakap di majlis pertemuan juga disebut (نَادِي).[2]

Di dalam al-Quran, lafaz (نَادِي) diulang dua kali iaitu dalam surah *al-'Ankabūt* (29), ayat 29 dan *al-'Alaq* (96), ayat 17. Manakala lafaz (نَدِيّ) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *Maryam* (19), ayat 73.

Dalam surah *al-'Ankabūt* (29), ayat 29 disebutkan, perbuatan yang biasa dilakukan oleh kaum Lut adalah berkumpul di satu tempat pertemuan dan mereka melakukan kemungkaran di situ. (وَتَأْتُونَ فِى نَادِيكُمُ ٱلْمُنكَرَ). Perbuatan ini antara yang menyebabkan mereka mendapat azab Allah.

Diceritakan, Abū Jahl adalah pemimpin kafir Quraisy yang suka melarang dan menghalang Nabi Muhammad melakukan sembahyang. Di akhirat nanti, ubun-ubun kepala Abū Jahl akan ditarik kemudian dia dimasukkan ke dalam neraka. Manakala dalam surah *al-'Alaq* (96), ayat 17 diceritakan, semasa Abū Jahl dimasukkan ke dalam neraka, dia dicabar oleh Allah supaya mendatangkan kawan-kawannya yang biasa menolong dan bersembang dengannya dalam satu majlis (فَلْيَدْعُ نَادِيَهُۥ) semasa di dunia dulu. Tetapi, kawan-kawan yang dibanggakannya tidak dapat didatangkan dan tidak ada manfaatnya sedikit pun di akhirat.[3]

Manakala dalam surah *Maryam* (19), ayat 73 diceritakan, apabila ayat-ayat Allah yang terang maksudnya itu dibacakan di hadapan orang kafir, mereka menyombongkan diri dengan ramainya pengikut yang berkumpul di tempat-tempat pertemuan mereka, dan mereka pun berkata kepada orang yang beriman, "Manakah antara kita yang lebih baik tempat tinggalnya dan lebih indah tempat pertemuannya?" (أَىُّ ٱلْفَرِيقَيْنِ خَيْرٌ مَّقَامًا وَأَحْسَنُ نَدِيًّا).

Maksudnya, mereka merasakan tempat-tempat mereka berkumpul lebih indah dan lebih ramai apabila dibandingkan dengan tempat berkumpul sahabat nabi di Dār al-Arqam bin Abu al-Arqam sehingga mereka menganggap, mereka berada dalam kebenaran kerana pengikut yang ramai, manakala Nabi Muhammad berada dalam kebatilan kerana pengikutnya sedikit.[4] Nabi menjawab, tempat yang baik dan buruk bukanlah di dunia ini, semuanya akan jelas apabila hari kiamat tiba dan mereka akan mengetahui tempat mereka adalah tempat yang paling buruk iaitu neraka.

1 *Op. cit.*, j. 16, h. 312.

2 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 486 dan *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 694.

3 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 470.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 135.

NAḌĪD – MANḌŪD (نَضِيدٌ-مَنْضُود)

Apabila dikatakan (نَضَدَ الرَّجُلُ الشَّيْءَ) ertinya, "Orang itu menyusun sesuatu sehingga sesuatu itu tersusun dengan rapi." Bagi menyebut sesuatu yang tersusun secara rapi digunakan lafaz (مَنْضُود) dan (نَضِيدٌ).[1] Lafaz (نَضِيدٌ) disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Qāf* (50), ayat 10. Manakala lafaz (مَنْضُود) disebut dua kali iaitu dalam surah *Hūd* (11), ayat 82 dan *al-Wāqi'ah* (56), ayat 29.

Dalam surah *Qāf* (50), ayat 10, lafaz (نَضِيد) dikaitkan dengan mayang yang bergantungan di atas pokok kurma yang tinggi-tinggi. Digambarkan, mayang pokok kurma ini bentuknya bersusun-susun[2] (طَلْعٌ نَضِيد) sehingga kelihatan rapi dan indah. Diciptakannya pokok kurma yang sedemikian itu adalah anugerah Allah kepada manusia.

Dalam surah *Hūd* (11), ayat 82, lafaz (مَنْضُود) menerangkan bagaimana keadaan batu-batu yang mengazab kaum Nabi Lūt yang derhaka. Diceritakan, batu-batu yang bercampur tanah liat itu menghujani kaum Nabi Lut tidak hanya sekali sahaja, tetapi berulang-ulang dan bertubi-tubi. Selepas satu kumpulan batu menghentam mereka, kemudian disusuli pula dengan kumpulan batu yang lain (وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهَا حِجَارَةً مِّن سِجِّيلٍ مَّنضُودٍ).

Ini adalah bentuk azab yang menyakitkan. Manakala lafaz (مَنْضُود) yang terdapat dalam surah *al-Wāqi'ah* (56), ayat 29 digunakan bagi menerangkan salah satu nikmat yang terdapat di syurga. Diterangkan, di syurga nanti orang beriman akan dianugerahkan dengan banyak nikmat. Antaranya adalah pokok pisang yang buahnya bersusun-susun (وَطَلْحٍ مَّنضُود) dari bawah tangkai hingga atasnya sehingga tangkai panjang tempat tumbuhnya buah-buah pisang tersebut tidak terlihat dari luar.[3]

NAḌRAH –NĀḌIRAH (نَضْرَة - نَاضِرَة)

Erti lafaz (نَضْرَة)ialah bagus, indah, bersinar, berkilau dan berseri-seri. Lafaz ini dapat digunakan bagi menyifatkan beberapa perkara antaranya daun dan wajah. Apabila dikatakan (نَضَرَ الْوَرَق) ertinya, "Daun itu telah hijau dan nampak indah." Apabila dikatakan (نَضَرَ الْوَجْهُ) ertinya, "Wajah itu bersinar dan berseri-seri." Manakala bagi menyebut sesuatu yang indah atau bagus, digunakan lafaz (نَاضِر) dan (نَاضِرَة).[4]

Di dalam al-Quran, lafaz (نَضْرَة) diulang dua kali iaitu dalam surah al-Insān (76), ayat 11 dan *al-Mutaffifin* (83), ayat 24. Manakala lafaz (نَاضِرَة) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Qiyāmah* (75), ayat 22. Di dalam al-Quran, lafaz (نَضْرَة) dan (نَاضِرَة) selalunya dikaitkan dengan keadaan wajah orang beriman di akhirat nanti. Dalam surah *al-Insān* (76), ayat 11, disebutkan antara nikmat akhirat yang akan diperoleh oleh orang beriman yang suka memberi makan dan bantuan kepada orang miskin, anak yatim dan para tawanan adalah wajah mereka bersinar dan hati mereka bahagia (وَلَقَّاهُمْ نَضْرَةً وَسُرُورًا).

Begitu juga dalam surah *al-Mutaffifin* (83), ayat 24, disebutkan orang beriman

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 725.

2 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 17, h. 7.

3 Al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 27, h. 140.

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 726.

di akhirat nanti wajahnya nampak cahaya kebahagiaan yang penuh nikmat (فِي وُجُوهِهِمْ نَضْرَةَ النَّعِيمِ). Lafaz (نَاضِرَة) dalam surah *al-Qiyāmah* (75), ayat 22 juga digunakan untuk menggambarkan wajah orang beriman di akhirat. Dijelaskan, wajah-wajah mereka pada masa itu bercahaya dan berseri-seri (وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَاضِرَة). Ini semua sesuai dengan kata-kata Allah dalam surah *'Abasa* (80), ayat 38-39, "Banyak muka pada hari itu berseri -seri, tertawa dan bergembira ria." Imām Ibn Kathīr menegaskan, apabila seseorang sedang berbahagia, wajahnya akan bercahaya dan berseri-seri.[1] Keadaan seperti itu yang akan dialami oleh orang beriman di akhirat nanti.

NAFAQ (نَفَقٌ)

Erti lafaz (نَفَقٌ) ialah jalan yang tersembunyi, contohnya, lubang atau gua dalam tanah yang menembus ke tempat lain. Bentuk jamaknya adalah (أَنْفَاق).[2]

Di dalam al-Quran, lafaz (نَفَقًا) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 35. Dalam ayat ini, Allah menegaskan, semua makhluk berada dalam kuasa dan kehendaknya. Sekiranya Allah berkehendak, dia akan menjadikan semuanya mengikut petunjuknya. Namun, dia tidak lakukan. Oleh itu, Allah menasihati Nabi Muhammad supaya tetap bersabar meskipun kaumnya berpaling daripada dakwahnya.

Sekiranya nabi berasa berat dengan sikap kaumnya itu, Allah mencabar beliau. Nabi disuruh mendatangkan satu mukjizat selain mukjizat yang diberikan Allah kepadanya iaitu dengan cara mencarinya ke mana pun jua hingga digambarkan sampai membuat lubang bawah tanah (نَفَقًا فِي الْأَرْضِ) dan membuat tangga ke langit untuk mencari mukjizat itu. Namun, nabi tidak sanggup melakukannya kerana beliau tidak mempunyai kuasa bagi mengatur hati mereka. Semuanya berada dalam kuasa Allah. Oleh itu, nabi dilarang bersedih dalam berdakwah dan menghadapi sikap umatnya.[3]

NAFAQAH – NAFAQĀT (نَفَقَة - نَفَقَات)

Erti lafaz (نَفَقَة) ialah harta yang dikeluarkan oleh seseorang dengan maksud memberi derma atau mendapat ganti atau harta itu digunakan bagi membiayai keperluan dirinya sendiri dan tanggungan keluarganya. Bentuk jamaknya adalah (نِفَاقٌ) dan (نَفَقَات).[4]

Di dalam al-Quran, lafaz (نَفَقَة) diulang dua kali sahaja iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 270 dan *al-Taubah* (9), ayat 121. Manakala bentuk jamak ialah (نَفَقَات). Ia hanya disebut sekali sahaja dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 54.

Dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 270, Allah menegaskan, dia mengetahui derma atau sumbangan apa pun yang diberikan oleh seseorang (وَمَا أَنفَقْتُم مِّن نَّفَقَةٍ). Imām al-Alūsī menegaskan, derma yang diketahui oleh Allah adalah semua bentuk derma sama ada besar, kecil, secara sembunyi-sembunyi atau-

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 456.

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 751.

3 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 112.

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 750.

pun dengan secara terang-terangan dan juga sama ada derma itu untuk kebaikan mahupun untuk kebatilan, semuanya diketahui oleh Allah.[1]

Dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 121, Allah menerangkan derma-derma yang disalurkan untuk kebaikan. Allah menegaskan, derma atau nafkah dalam bentuk yang kecil mahupun besar semuanya dicatatkan sebagai amal soleh dan Allah akan membalasnya di akhirat nanti.

Manakala dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 54, Allah menerangkan jenis derma yang tidak diterima iaitu segala harta yang didermakan oleh orang munafik. Harta yang didermakan itu tidak akan diterima oleh Allah. Punca tidak diterimanya derma itu adalah kerana mereka masih menyimpan kekafiran dalam hati mereka; mereka tidak percaya kepada Allah dan rasulnya, berasa malas melaksanakan sembahyang dan rasa terpaksa apabila mengeluarkan derma.

NAFAR – NAFĪR (نَفَرٌ - نَفِيْر)

Erti lafaz (نَفَرٌ) ialah sekumpulan manusia iaitu keluarga atau kerabat daripada seseorang. Mereka membantu orang itu dalam menghadapi masalah dan peperangan. Jumlahnya adalah antara tiga hingga sepuluh orang.[2]

Lafaz (نَفِيْر) juga mempunyai erti yang hampir sama, namun ia lebih umum dan lebih banyak. Semua orang sama ada keluarga ataupun bukan datang menolong dan membantu orang lain. Ada juga yang mengatakan, lafaz (نَفِيْر) adalah bentuk jamak daripada lafaz (نَفَرٌ).[3]

Lafaz (نَفَر) diulang empat kali dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 122; *al-Kahfi* (18), ayat 34; *al-Jinn* (72), ayat 1 dan *al-Ahqāf* (46), ayat 29. Dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 122, Allah memerintahkan sebahagian orang daripada suatu kelompok kaum beriman (نَفَرٍ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ) untuk mendalami pengetahuan agama. Allah melarang semua kaum itu pergi berperang melawan musuh. Sebaliknya sekelompok orang yang belajar itu nantinya dapat memberi peringatan kepada kaum mereka apabila mereka telah kembali.[4]

Manakala dalam surah *al-Kahfi* (18), ayat 34 menceritakan tentang seorang kafir yang mempunyai dua kebun yang subur. Dia sangat sombong dengan harta dan pengikut-pengikutnya yang bertugas menjaga dirinya dan juga kebunnya. Dia juga menganggap kebunnya itu akan kekal dan tidak akan rosak, sehingga dia berkata kepada seorang yang beriman, "Hartaku lebih banyak daripada hartamu dan pengikut-pengikutku lebih kuat." (أَنَا۠ أَكْثَرُ مِنكَ مَالًا وَأَعَزُّ نَفَرًا).

Imām al-Qurtubī menerangkan maksud (نَفَر) di sini ialah sekumpulan orang yang kurang daripada sepuluh yang terdiri daripada para pengikut, pembantu dan anak.[5] Namun, anggapan orang itu salah kerana tidak lama kemudian, kedua-dua kebunnya hancur ditimpa azab Allah.

Lafaz (نَفَر) yang terdapat dalam surah *al-Jinn* (72), ayat 1 dan surah *al-Ahqāf* (46), ayat 29 dikaitkan dengan bangsa jin. Dalam kedua

1 Al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 42.

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 740.

3 Lihat al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 10, h. 217.

4 Lihat al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 416.

5 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 10, h. 403.

-dua ayat ini diceritakan, sekumpulan jin (نَفَرٌ مِنَ الْجِنِّ) daripada satu kaum bangsa jin te -tentu, ada yang mahu mendengar al-Quran, mengimaninya dan mengajarkannya kepada kaum mereka. Mengikut rekod Ibn Mas'ūd, sekumpulan jin ini mendengar bacaan al-Quran yang dilantunkan oleh Rasulullah semasa beliau berada di daerah Nakhlah sebaik pulang dari Tāif pada tahun ke sepuluh kenabian. Jumlah mereka ialah sembilan jin. Kemudian mereka diperintahkan oleh nabi supaya menyebarkan Islam kepada bangsa mereka.[1]

Manakala lafaz (نَفِير) disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Isrāk* (17), ayat 6. Dalam ayat ini diceritakan, selepas Banī Isrā'el melanggar perintah -perintah Allah yang terdapat dalam Taurāt, Allah menghancurkan mereka sehingga mereka dikuasai oleh pemimpin yang bengis dan kejam. Namun, sesudah Banī Isrā'el bertaubat, Allah memberi anugerah kepada mereka dengan mengembalikan kekuasaan kerajaan kepada mereka, harta yang berlimpah dan juga anak yang banyak serta (أَكْثَرَ نَفِيرًا)iaitu "jumlah yang besar melebihi jumlah tentera musuh." Sehingga semasa tentara Banī Isrā'el dipimpin oleh Tālūt, mereka berhasil mengalahkan tentera Jālūt, malah Jālūt berjaya dibunuh oleh Nabi Dāūd.[2]

NAFFĀTHĀT (نَفَّاثَات)

Erti kata kerja (نَفَثَ - يَنْفِثُ - نَفْثٌ) ialah meniup dengan menyemburkan sedikit air ludah atau tanpa menyemburkan air ludah. Orang yang melakukannya dinamakan dengan (اَلنَّافِثُ) dan (اَلنَّافِثَةُ). Manakala (اَلنَّفَّاث) dan (اَلنَّفَّاثَة) ertinya orang yang sering melakukan pekerjaan itu, atau tiupan nafas yang semburannya sangat kuat.[3]

Di dalam al-Quran, lafaz (اَلنَّفَّاثَات) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Falaq* (113), ayat 4. Dalam ayat ini, (اَلنَّفَّاثَات) ialah wanita-wanita tukang sihir yang suka menghembuskan nafas mereka kepada simpulan -simpulan tali yang biasa digunakan sebagai perantara menyihir orang lain.[4]

Manakala Imām al-Alūsī lebih cenderung menjadikan (اَلنَّفَّاثَات) sebagai sifat tiupan nafas sehingga ertinya "tiupan nafas yang menyembur dengan kuat," sama ada tiupan nafas itu daripada mulut penyihir lelaki mahupun perempuan. Hal ini kerana, kesan sihir disebabkan oleh nafas-nafas yang kotor dan keji serta roh-roh jahat.[5] Dalam surah ini, Allah mengajar kaum beriman mengenai cara menjaga diri daripada pelbagai kejahatan makhluk. Antaranya adalah para penyihir iaitu melalui cara meminta perlindungan kepada Allah dengan membaca surah *al-Falaq* ini.

ن

1 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 27 dan Muhammad Ilyās 'Abd al-Ghānī (2004), *Tārīkh Makkah Mukarramah* (Sejarah Mekah), Anang Rikza Mesyhady (terj.). Madinah: al-Rasheed Printers, h. 183-184.

2 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 10, h. 217 dan al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 210.

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 737 dan al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 500.

4 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 20, h. 257.

5 Al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 30, h. 282.

NAFHAH (نَفْحَة)

Erti kata kerja (نَفَحَ) ialah berhembus. Apabila dikatakan (نَفَحَتِ الرِّيحُ) ertinya "angin itu berhembus." Manakala lafaz (نَفْحَة) ertinya hembusan angin atau hembusan bau sekali sahaja. Apabila dikatakan (نَفْحَةٌ مِنَ السَّمُوم) ertinya, "sekali hembusan angin panas yang membawa kesusahan dan kepayahan." Apabila dikatakan (نَفْحَة مِنَ الْعَذَاب) ertinya secebis azab yang hanya sedikit sahaja, seakan -akan ia diumpamakan dengan bau yang melintasi sekejap sahaja.[1]

Di dalam al-Quran, lafaz (نَفْحَة) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Anbiyāk* (21), ayat 46. Para ulama tafsir berbeza pendapat dalam mengertikan lafaz ini (نَفْحَةمِنَ الْعَذَاب) dalam ayat itu. Ibn Kaisān berpendapat, maksud lafaz (نَفْحَة مِنَ الْعَذَاب) ialah "sedikit azab." Manakala al-Mubarrad berpendapat, maksudnya ialah azab sekali dan ringan yang bukan termasuk azab sepenuhnya. Al-Mubarrad menyamakan dengan ucapan (نَفَحَهُ نَفْحَةً بِالسَّيْفِ) ertinya "orang itu menusukkan pedang dengan tusukan yang ringan (menggores)."

Ada pula yang mengertikannya dengan bahagian dan ada pula yang berpendapat dengan hujung azab yang kecil. Imām Ibn Kathīr menegaskan, pendapat-pendapat ini hampir sama sehingga ertinya adalah bentuk azab yang paling kecil atau sedikit. Dalam ayat ini diterangkan, apabila orang kafir itu mendapatkan bentuk azab yang paling kecil, mereka akan menyesali dan mencerca diri mereka sendiri, juga akan mengakui mereka melakukan kezaliman.[2]

NĀFILAH (نَافِلَة)

Lafaz (نَافِلَة) mempunyai banyak erti iaitu: (1) Tambahan anugerah dan kebaikan; (2). Bertambahnya tingkatan, darjat dan kesempurnaan; (3) Sunat dalam ibadah, sehingga ia menjadi tambahan bagi ibadah -ibadah wajib; (4). Cucu kerana dia adalah tambahan atas anak yang sudah dimiliki.[1] Di dalam al-Quran, lafaz (نَافِلَة) diulang dua kali iaitu dalam surah *al-Isrāk* (17), ayat 79 dan *al-Anbiyāk* (21), ayat 72.

Dalam surah *al-Isrāk* (17), ayat 79 dijelaskan, sembahyang malam (sembahyang Tahajud) adalah (نَافِلَة) bagi Rasulullah. Para ahli tafsir berbeza pendapat dalam mengertikan lafaz (نَافِلَة) ini. Antara mereka ada yang mengatakan maksudnya adalah sembahyang Tahajud bagi nabi adalah tambahan bagi ibadat fardu, sehingga ia menjadi sembahyang fardu bagi beliau, bukan untuk umatnya.

Ada pula yang berpendapat, yang dimaksudkan dengan (نَافِلَة) dalam ayat ini adalah bertambah kesempurnaan dan kemuliaan. Hal ini kerana dosa-dosa nabi sama ada yang terdahulu mahupun yang akan datang sudah terhapus, sehingga apabila Nabi Muhammad melakukan sembahyang Tahajud, ia akan menambahkan kesempurnaan dan kemuliaan beliau. Ada pula yang mengertikan (نَافِلَة) dengan sunat; tambahan bagi sembahyang wajib sehingga sembahyang Tahajjud adalah sunat bagi rasul dan juga bagi umatnya.[2]

Manakala dalam surah *al-Anbiyāk* (21), ayat 72 menerangkan tentang pelbagai anugerah yang diberikan oleh Allah kepada Nabi Ibrāhīm. Antara anugerah itu adalah beliau dikurniakan keturunan yang soleh iaitu Nabi Ishāk dan Nabi Ya'qūb. Mereka berdua dianggap sebagai tambahan anugerah dan pemberian (نَافِلَة) daripada Allah. Sebahagian

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 737.

2 Lihat Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 410.

ahli tafsir ada yang mengaitkan lafaz (نَافِلَة) hanya kepada Nabi Ya'qūb sahaja sehingga erti (نَافِلَة) di situ adalah Nabi Ibrāhīm juga dianugerahkan cucu, iaitu Nabi Ya'qūb (putera dari Nabi Ishāk) yang juga soleh. Hal ini kerana Nabi Ibrāhīm asalnya hanya meminta anak yang soleh sahaja, namun Allah menganugerahkannya juga dengan cucu yang soleh dan cucu itu adalah tambahan anugerah (نَافِلَة).[1]

NAFKHAH (نَفْخَة)

Erti lafaz (نَفَخَ - يَنْفُخُ) ialah meniup. Apabila dikatakan (نَفَخَ بِفَمِهِ فِي النَّارِ وَفِي الشَّرَابِ) ertinya, "Dia telah meniup api dan minuman dengan mulutnya." Manakala erti lafaz (نَفْخَة) ialah satu kali tiupan. Apabila dikatakan (نَفَخَ نَفْخَةً) ertinya, "Dia telah meniup satu kali tiupan."[4]

Di dalam al-Quran, lafaz (نَفْخَة) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Hāqqah* (69), ayat 13. Ayat ini menerangkan situasi pada hari kiamat. Antara tanda kiamat bermulanya adalah semasa malaikat meniup sangkakala satu kali tiupan (فَإِذَا نُفِخَ فِي الصُّورِ نَفْخَةٌ وَاحِدَةٌ).

Imām Ibn Kathīr menerangkan, tiupan sangkakala dalam ayat itu adalah tiupan sangkakala yang ketiga iaitu tiupan kebangkitan semula semua makhluk selepas kematian. Kemudian mereka dibawa ke Padang Mahsyar bagi dipertanggungjawabkan ke atas semua amalnya. Pada hari akhir nanti, ada tiga kali tiupan sangkakala. Tiupan pertama adalah tiupan yang menakutkan (نَفْخَةُ الْفَزَعِ); tiupan kedua adalah tiupan yang menyebabkan semua penduduk langit dan bumi tewas (نَفْخَةُ الصَّعَقِ); dan yang ketiga adalah tiupan sebagai tanda dibangkitkan semula semua makhluk untuk dipertanggungjawabkan ke atas amalnya (نَفْخَةُ الْقِيَامِ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ).

Yang dimaksudkan dengan (نَفْخَةٌ) dalam ayat ini adalah tiupan yang ketiga, di mana tiupan itu hanya dilakukan sekali sahaja (نَفْخَةٌ وَاحِدَةٌ). Ini menunjukkan, perintah dan ketetapan Allah tidak akan ada yang mampu melawan dan menghalanginya sehingga ia tidak perlu diulangi dan ditegaskan semula.[2]

NAHB (نَحْب)

Erti lafaz *nahb* (نَحْب) ialah nazar atau janji yang diwajibkan seseorang ke atas dirinya sendiri. Apabila seseorang bernazar untuk pergi haji ke Makkah, kemudian dia selesai melaksanakannya, dalam bahasa Arab orang itu dapat dikatakan "قَضَى نَحْبَه" iaitu dia berjaya melaksanakan nazarnya. Lafaz (نَحْب) juga bererti kematian. Apabila dikatakan "قَضَى نَحْبَه" ertinya orang itu sudah mati.[3]

Di dalam al-Quran, lafaz (نَحْب) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Ahzāb* (33), ayat 23. Ayat ini menerangkan satu sifat yang dimiliki oleh orang beriman iaitu apabila mereka berjanji kepada Allah, mereka akan konsisten memegang janji sama ada dalam keadaan senang mahupun susah. Satu janji atau nazar yang pernah diucapkan oleh para sahabat rasul adalah mereka ingin berperang *fīsabīlillah* hingga mati syahid.

1 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 11, h. 305.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 415.

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 688.

Tekad dan janji ini mereka ucapkan semasa hendak melaksanakan Perang Uhud. Namun, dalam peperangan itu tidak semua sahabat mati syahid. Antara mereka ada yang selamat dan masih hidup seperti Uthmān b. 'Affān, Talhah, Zubair dan lain-lain. Meskipun mereka selamat dan masih hidup, namun hati mereka masih selalu bersemangat bagi menunggu kematian syahid dalam peperangan.

Ini menunjukkan, mereka selalu konsisten dengan janji mereka tidak seperti orang munafik. Manakala sahabat-sahabat yang berjaya mendapat mati syahid dalam Perang Uhud itu seperti Hamzah, Mus'ab bin 'Umayr, Anas bin Nadr dan lain -lain. Diistilahkan oleh al-Quran dengan "مَنْ قَضَى نَحْبَه" iaitu orang yang sudah mendapatkan cita-citanya, melaksanakan hajatnya dan memenuhi nazar dan janjinya.[1]

NAHL (نَحْل)

Erti lafaz (نَحْل) ialah lebah. Mengikut Imām al-Zujjāj, lebah dinamakan (نَحْل) kerana Allah memberinya anugerah madu yang dapat keluar daripada tubuhnya (نَحَلَهُ اللَّهُ الْعَسَلَ الَّذِي يَخْرُجُ مِنْه).[2]

Lafaz (نَحْل) disebut sekali sahaja dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Nahl* (16), ayat 68. Dalam ayat ini dan juga ayat seterusnya, Allah menerangkan satu ciptaannya yang sangat hebat iaitu lebah. Allah memberi ilham kepada lebah untuk mencari tempat tinggal sama ada di gunung-gunung, pokok atau rumah-rumah yang dibangunkan oleh manusia. Kemudian ia berterbangan ke merata tempat bagi mencari makan. Meskipun tempat makannya jauh, tetapi ia dapat kembali ke tempatnya semula, tidak tersesat. Dari perut lebah ini keluar madu yang lazat, warnanya pelbagai dan dapat dijadikan ubat bagi penyakit yang dideritai oleh manusia.

Imam al-Syawkāni menjelaskan, apabila madu diminum secara sendiri (tidak dicampurkan dengan yang lain), ia menjadi ubat bagi penyakit tertentu. Apabila ia dicampurkan dengan adunan-adunan ubat lain, ia akan menjadi ubat bagi banyak penyakit.

Madu adalah makanan yang paling berkualiti dan juga ubat yang sangat mujarab. Hanya sedikit sahaja makanan dan minuman yang mempunyai dua fungsi sekali gus seperti madu.[3] Fenomena lebah ini adalah tanda keagungan dan kekuasaan Allah yang ditunjukkan kepada manusia supaya mereka mahu berfikir dan sedar, Allah adalah Tuhan penguasa alam raya.

NAHR – ANHĀR (نَهْر - أَنْهَار)

Erti lafaz (نَهْر) ialah lubang di atas bumi yang memanjang yang dialirkan oleh air. Bentuk jamaknya adalah (أَنْهَار).[4] Di dalam al-Quran, lafaz (نَهْر) diulang tiga kali iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 249; *al-Qamar* (54), ayat 54 dan *al-Kahfi* (18), ayat 33. Manakala dalam bentuk jamak (أَنْهَار), ia diulang sebanyak 51 kali.

1 Lihat al-Syawkānī (1994), *op. cit.*,, j. 4, h. 272.

2 Lihat Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h.175.

3 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h.176.

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 765.

Dalam beberapa ayat di dalam al-Quran, Allah menegaskan, dia menciptakan sungai -sungai di muka bumi ini bagi kepentingan manusia sama ada untuk diminum, binatang ternak, mengairi tanaman, kebun dan sebagainya. Selain itu, sungai-sungai adalah bukti kekuasaan Allah. Seterusnya manusia perlu memikirkan nikmat ini dan mensyukurinya sepertimana disebutkan dalam surah *al-Naml* (27), ayat 61; *al-Nahl* (16), ayat 15; *al-Ra'd* (13), ayat 3 dan *Ibrāhīm* (14), ayat 32.

Namun, antara umat manusia ada yang tidak mahu mensyukuri nikmat sungai-sungai ini sehingga Allah menghancurkan mereka dengan menurunkan azab kepada mereka (*al -An'ām* (6), ayat 6). Antara orang yang tidak mensyukuri nikmat sungai ini adalah Firaun yang sangat sombong dengan kerajaannya yang besar, dan negaranya subur kerana ada Sungai Nil yang mengalir di tengah-tengah daerahnya.[1]

Nabi Nūh pernah mengingatkan kaumnya dengan nikmat sungai-sungai ini supaya mereka bersyukur kepada Allah, namun kaumnya tetap membangkang (*Nūh* (71), ayat 12. Pengingkaran nikmat ini nampak pula pada diri seseorang yang diceritakan dalam surah *al-Kahfi* (18), ayat 33, di mana dia dianugerahkan kebun yang luas, di tengah -tengahnya terdapat aliran sungai sehingga untuk mengairi kebunnya sangat senang. Namun, dia tidak mahu bersyukur dan tidak meyakini hari kiamat. Kemudian kebunnya itu dimusnahkan oleh Allah sebagai hukuman atas kesombongannya.

Dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 74 disebutkan, orang Yahudi juga termasuk di kalangan orang yang derhaka. Meskipun banyak mukjizat yang diperlihatkan oleh Nabi Mūsā kepada mereka, tetapi hati mereka tetap keras seperti batu, tidak mahu beriman. Malah, sebenarnya hati mereka lebih keras daripada batu, kerana antara gunung-gunung batu, ada yang boleh pecah dan terbelah kemudian menjadi sungai-sungai yang mengalirkan air (وَإِنَّ مِنَ ٱلْحِجَارَةِ لَمَا يَتَفَجَّرُ مِنْهُ ٱلْأَنْهَٰرُ).

Kaum Banī Isrā'el juga pernah diuji oleh Allah dengan air sungai iaitu semasa mereka berada di bawah pimpinan Raja Talūt dan hendak berperang melawan tentera Jālūt. Sesampainya mereka di Sungai al-Syarī'ah (yang berada di antara Jordan dan Palestin), Allah melarang mereka meminum air sungai itu kecuali hanya satu minuman dengan telapak tangan. Orang yang minum melebihi had itu tidak boleh mengikuti perang; dan yang mematuhi perintah ini hanyalah sedikit.[2]

Dalam surah *al-Isrāk* (17), ayat 91 disebutkan pula, orang musyrik Makkah tidak sanggup menandingi al-Quran, meskipun mereka tersohor sebagai sasterawan yang terkemuka. Disebabkan mereka memang tidak beriman, mereka mencari alasan-alasan lain bagi menolak dakwah Nabi Muhammad. Mereka mencabar Nabi Muhammad supaya menunjukkan mukjizat-mukjizat lain. Antara yang mereka pinta adalah supaya nabi membuat kebun-kebun kurma yang subur di daerah Makkah dan di tengah-tengah kebun itu ada sungai-sungai yang mengalir dengan deras. Ini menunjukkan orang musyrik sangat derhaka dalam menentang dakwah nabi.

Sebahagian besar lafaz (أَنْهَار) yang terdapat dalam al-Quran digunakan bagi menggambarkan keadaan syurga, di mana di tengah-tengah syurga terdapat sungai-sungai yang mengalir. Antara sungai-sungai ini ada-

1 Surah al-Zukhruf (43), ayat 51.

2 Ibn athīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 303.

lah sungai-sungai dari air yang tidak berubah rasa dan baunya, sungai-sungai daripada air susu yang tidak berubah rasanya, sungai -sungai daripada khamar yang lazat rasanya bagi peminumnya dan sungai-sungai daripada madu yang disaring.[1] Syurga dengan aliran sungai seperti ini akan dianugerahkan kepada orang yang bertakwa.[2]

NAḤS – NAḤISĀT (نَحْس - نَحِسَات)

Erti asal lafaz (نَحْس) ialah keadaan di mana ufuk barat berwarna merah seperti nyalaan api tanpa asap. Kemudian lafaz ini digunakan untuk mengungkapkan keadaan sial, celaka atau sengsara yang tidak ada tuah dan kebahagiaan. Apabila dikatakan (يَوْمُ نَحْسٍ) maka ertinya adalah hari yang penuh kesengsaraan bagi yang melaluinya.[3]

Kata (نَحْس) disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Qamar* (54), ayat 19. Manakala bentuk jamaknya (نَحِسَات) juga disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *Fussilat* (41), ayat 16. Dalam kedua-dua ayat ini, lafaz (نَحْس) dan (نَحِسَات) dikaitkan dengan hari-hari, di mana kaum 'Ād iaitu kaum Nabi Hūd mengalami kesengsaraan dan kecelakaan. Pada hari-hari itu, mereka ditimpa azab Allah berupa angin dingin yang kencang dan keras suaranya sehingga tubuh mereka terlempar dari tempat mereka berdiri dan akhirnya mati.

Azab ini ditimpakan Allah kepada mereka kerana mereka tidak mahu mematuhi perintah-perintah Nabi Hūd untuk menyembah Allah. Mereka berasa hina apabila ditimpa azab itu sehingga hari -hari itu menjadi hari-hari yang sengsara (أَيَّامٍ نَحِسَاتٍ) atau hari sial yang berterusan (يَوْمِ نَحْسٍ مُسْتَمِرٍّ). Imam Ibn Kathīr menerangkan, azab ini terjadi selama tujuh malam lapan hari sepertimana yang dijelaskan dalam surah *al-Hāqqah* (69), ayat 7.[4]

NAJD – NAJDAYN (نَجْد - نَجْدَيْن)

Erti lafaz *najd* (نَجْد) adalah bahagian bumi yang tinggi, seumpama bukit atau gunung. Ada pula yang mengertikannya dengan jalan yang terang.[5] Bentuk jamaknya adalah *nujūd* (نُجُوْد), manakala bentuk gandaan *(tathniyah)*nya adalah *najdān* (نَجْدَان) dan *najdain* (نَجْدَيْن). Bentuk yang terakhir ini yang disebut dalam al-Quran, iaitu (نَجْدَين). Ia disebut sekali sahaja dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Balad* (90), ayat 10.

Dalam surah ini dijelaskan, Allah memberikan anugerah dua mata dan mulut kepada manusia. Selain itu, Allah juga menerangkan (نَجْدَيْن) kepada mereka. Para ahli tafsir menjelaskan, yang dimaksudkan dengan (نَجْدَيْن) dalam ayat ini adalah dua jalan yang sangat jelas iaitu jalan kebenaran dan jalan kesesatan.[6]

Imam Mujāhid pula berpendapat, yang

1 Surah *Muhammad* (47), ayat 15.

2 Surah *al-Qamar* (54), ayat 54.

3 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 485 dan *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 689.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 96.

5 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, , h. 683.

6 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 444.

dimaksudkan dengan (نَجْدَين) adalah dua jalan yang membawa individu kepada bahagia ataupun sengsara di akhirat.[1] Dengan anugerah dan kemurahan Allah ini, manusia dapat berfikir dan memanfaatkannya untuk kebaikan dan kebahagiaan dirinya sama ada di dunia mahupun di akhirat nanti.

NAJM – NUJŪM (نَجْم - نُجُوم)

Erti lafaz *najm* (نَجْم) ialah bintang. Bentuk jamaknya adalah *nujūm* (نُجُوم).[2] Lafaz (نَجْم) diulang di dalam al-Quran sebanyak empat kali iaitu dalam surah *al-Nahl* (16), ayat 16; *al-Najm* (53), ayat 1; *al-Rahmān* (55), ayat 6 dan *al-Tāriq* (86), ayat 3. Manakala lafaz (نُجُوم) diulang sembilan kali iaitu dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 97; *al-A'rāf* (7), ayat 54; *al-Nahl* (16), ayat 12; *al-Hajj* (22), ayat 18; *al-Sāffāt* (37), ayat 88; *al-Tūr* (52), ayat 49; *al-Wāqi'ah* (56), ayat 75; *al-Mursalāt* (77), ayat 8 dan *al-Takwīr* (81), ayat 2.

Bintang adalah makhluk Allah yang bermanfaat bagi manusia. Dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 97 dan surah *al-Nahl* (16), ayat 16 dijelaskan, bintang-bintang yang diciptakan Allah di langit dapat dijadikan petunjuk oleh manusia bagi menentukan arah sama ada di tengah lautan mahupun di daratan. Bintang dapat dijadikan tanda mulainya waktu sembahyang sunat dua rakaat sebelum Subuh, iaitu ketika bintang akan terbenam (pada masa-masa akhir bintang nampak di langit) (إِدْبَارَ النُّجُوم) sepertimana disebutkan dalam surah *al-Tūr* (52), ayat 49.[3]

Allah juga menerangkan, bintang -bintang adalah makhluk yang tunduk kepada perintahnya sepertimana disebutkan dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 54; *al-Nahl* (16), ayat 12 sehingga bintang-bintang itu pun bersujud kepada Allah bersama makhluk -makhluk lain. Ini dinyatakan dalam surah *al -Hajj* (22), ayat 18 dan *al-Rahmān* (55), ayat 6.

Bintang ini nampak pada waktu muncul dan terbenamnya. Ia terbenam pada waktunya dan akan datang lagi pada malam hari juga pada waktunya. Ini menunjukkan, bintang-bintang ini mempunyai jalur yang teratur sebagai tempat terbit dan terbenamnya (مَوَاقِعِ النُّجُوم).[4] Waktu muncul dan terbenamnya bintang juga tempat kedudukan bintang dijadikan sumpah oleh Allah dalam surah *al -Najm* (53), ayat 1; *al-Tāriq* (86), ayat 3 dan *al-Wāqi'ah* (56), ayat 75.

Bintang-bintang ini pula sangat indah sehingga nikmat untuk dipandang oleh mata, di samping ia juga dapat membantu seseorang untuk berfikir. Dalam bahasa Arab, orang yang sedang memikirkan sesuatu juga dikatakan "نَظَرَ فِي النُّجُوم" iaitu melihat bintang. Ini yang dilakukan oleh Nabi Ibrāhīm semasa beliau diajak kaumnya untuk pergi menyembah berhala, beliau berfikir bagi mencari alasan. Apa yang dilakukan oleh Nabi Ibrāhīm ini diistilahkan oleh al-Quran dalam surah *al-Sāffāt* (37), ayat 88 dengan (فَنَظَرَ نَظْرَةً فِي ٱلنُّجُومِ).[5]

Namun bintang-bintang itu tidak kekal. Pada hari kiamat, nanti bintang-bintang

1 Lihat al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 19, h. 122; lihat juga Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 454.

2 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 483.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 247.

4 Perbezaan pendapat mengenai makna (مَوَاقِعِ النُّجُوم) dapat dilihat pada *ibid.*, h. 298-299.

5 *Ibid.*, h. 14.

akan hancur, hilang cahaya dan berguguran sepertimana yang diterangkan oleh Allah dalam surah *al-Mursalāt* (77), ayat 8 dan surah *al-Takwīr* (81), ayat 2.

NAJWĀ (نَجْوَى)

Erti lafaz *najwā* (نَجْوَى) ialah pembicaraan yang dilakukan secara sembunyi-sembunyi atau berbisik-bisik.[1] Lafaz (نَجْوَى) diulang sebelas kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Mujādalah* (58), ayat 7, 8, 10, 12, 13; *al-Nisāk* (4), ayat 114; *al-Taubah* (9), ayat 78; *al-Zukhruf* (43), ayat 80; *al-Isrāk* (17), ayat 47; *Tāhā* (20), ayat 62; *al-Anbiyāk* (21), ayat 3.

Dalam ayat-ayat ini, Allah menerangkan beberapa permasalahan yang berhubung kait dengan ucapan yang dilakukan secara perlahan-perlahan atau berbisik-bisik. Allah menerangkan, antara bisikan-bisikan yang dilakukan oleh manusia ada yang buruk seperti pembicaraan yang mendorong untuk berbuat dosa, menimbulkan permusuhan dan derhaka kepada rasul sepertimana dinyatakan dalam surah *al-Mujādalah* (58), ayat 8.

Bisikan-bisikan ini seperti yang dilakukan oleh para penyihir pada zaman Nabi Mūsā, di mana mereka saling berbisik kepada yang lain untuk meyakinkan Nabi Mūsā hanya seorang penyihir dan bukan nabi. Ini disebut dalam surah *Tahā* (20), ayat 62.

Begitu juga dengan bisikan-bisikan yang dilakukan oleh orang kafir Quraisy yang berusaha meragukan kenabian Muhammad dan menyebarkan berita tentang Muhammad hanya manusia biasa. Ini diceritakan dalam surah *al-Anbiyak*, (21), ayat 3. Allah menegaskan, bisikan-bisikan yang penuh dengan dosa seperti ini sumbernya adalah daripada syaitan yang terkutuk dan tidak membahayakan keimanan orang yang imannya kuat. Ini dijelaskan dalam surah *al-Mujādalah* (58), ayat 10.

Selain itu, bisikan-bisikan yang dilakukan oleh manusia juga ada yang baik, iaitu bisikan-bisikan yang mendorong seseorang melakukan kebaikan dan ketakwaan, bukan bisikan yang menyebabkan dosa, permusuhan dan kederhakaan kepada Allah. Bisikan jenis ini diperintahkan oleh Allah kepada orang beriman sepertimana disebut dalam surah *al-Mujādalah* (58), ayat 9.

Dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 114, Allah menjelaskan bentuk-bentuk bisikan yang baik iaitu: (1) Menyuruh manusia memberi sedekah; (2) Menyuruh manusia berbuat kebaikan; dan (3) Menyuruh manusia mengadakan perdamaian antara mereka. Allah menegaskan, dia mengetahui dan mendengar semua jenis bisikan-bisikan itu sama ada yang baik mahupun yang buruk dan dia akan membalas semua yang dikatakan oleh manusia tersebut. Ini diterangkan dalam surah *al-Mujādalah* (58), ayat 7; *al-Taubah* (9), ayat 78; *al-Zukhruf* (43), ayat 80 dan *al-Isrāk* (17), ayat 47.

Selain itu, dalam surah *al-Mujādalah* (58): 12 dan 13, Allah pula menerangkan adab berbicara dengan Rasulullah terutamanya perbicaraan khas mengenai masalah yang dihadapi. Allah menganjurkan kepada orang yang hendak berbicara dengan rasul secara khas supaya memberikan sedekah terlebih dahulu kepada orang miskin. Orang yang memberi sedekah sebelum berbicara kepada

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 685

rasul hendaklah jangan takut menjadi fakir.

NAKHL –NAKHLAH –NAKHĪL
(نَخْل - نَخْلَةٌ - نَخِيْل)

Erti lafaz (نَخْل) ialah pokok kurma. Apabila hendak menyebut sebatang pokok kurma digunakan lafaz (نَخْلَةٌ) dan jamaknya ialah (نَخِيْل).[1]

Lafaz (نَخْل) diulang sebelas kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Rahmān* (55), ayat 11 dan 68; *al-An'ām* (6), ayat 99 dan 141; *Qāf* (50), ayat 10; *Tāhā* (20), ayat 71; *al-Kahfi* (18), ayat 32; *al-Syu'arāk* (26), ayat 148; *al -Qamar* (54), ayat 20; *al-Hāqqah* (69), ayat 7 dan *'Abasa* (80), ayat 29. Manakala dalam bentuk jamak (نَخِيل) diulang tujuh kali iaitu dalam surah *al-Ra'd* (13), ayat 4; *al-Nahl* (16), ayat 11 dan 67; *al-Baqarah* (2), ayat 266; *al -Isrāk* (17), ayat 91; *al-Mukminūn* (23), ayat 19; *Yāsīn* (36), ayat 34. Manakala lafaz (نَخْلَةٌ) disebut dua kali iaitu dalam surah *Maryam* (19), ayat 23 dan 25.

Di dalam al-Quran, Allah mengingatkan manusia mengenai pokok kurma yang tumbuh di muka bumi ini adalah salah satu tanda kekuasaannya. Oleh itu, manusia mestilah memperhatikan ciptaan Allah yang luar biasa itu, kemudian mengakui keagungan dan ketuhanannya. Selain itu, pokok kurma yang tumbuh dengan subur dan menghasilkan banyak buah juga adalah nikmat dan rezeki bagi manusia yang wajib disyukuri. Ini dinyatakan dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 99; *Qāf* (50), ayat 10; *al-Rahmān* (55), ayat 11; *'Abasa* (80), ayat 29; *al-Ra'd* (13), ayat 4; *al-Nahl* (16), ayat 11, 67; *al-Mukminūn* (23), ayat 19; *Yāsīn* (36), ayat 34. Cara mensyukurinya adalah dengan memberi bersedekah atau mengeluarkan zakat sebahagian hasil buah kurma itu kepada fakir miskin apabila musim menuai tiba sepertimana disebut dalam *al-An'ām* (6), ayat 141.

Namun, nikmat yang Allah berikan ini kadang-kadang disalahgunakan oleh manusia. Mereka tidak mahu mengakui itu adalah anugerah Allah dan mereka tidak mahu mensyukurinya. Ini yang diceritakan dalam surah *al-Kahfi* (18), ayat 32. Seorang lelaki dianugerahkan kebun yang luas, antaranya kebun kurma. Namun, dia tidak mahu bersyukur dan tidak meyakini hari kiamat. Kemudian, kebunnya itu dimusnahkan oleh Allah sebagai hukuman atas kesombongannya.

Begitu juga yang terjadi kepada kaum Thamūd. Allah menganugerahkan mereka dengan pelbagai nikmat. Antaranya kebun -kebun kurma yang subur. Namun, mereka derhaka dan menentang dakwah Nabi Saleh dalam surah *al-Syu'arāk* (26), ayat 148. Akhirnya, Allah menurunkan azab kepada mereka.

Kaum 'Ād juga derhaka dan menentang dakwah Nabi Hūd. Kemudian Allah menurunkan azab kepada mereka berupa angin yang kencang selama tujuh malam lapan hari sehingga mereka pun berterbangan dan jatuh bergelimpangan. Jatuhnya mereka digambarkan seperti pokok kurma yang terlepas dari akarnya (كَأَنَّهُمْ أَعْجَازُ نَخْلٍ مُنْقَعِرٍ) dan bagaikan pokok kurma yang sudah lapuk (كَأَنَّهُمْ أَعْجَازُ نَخْلٍ خَاوِيَةٍ). Keadaan ini disebutkan dalam surah *al-Qamar* (54), ayat 20 dan *al-Hāqqah* (69), ayat 7.

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 690 .

Dalam surah *al-Isrāk* (17), ayat 91 disebutkan pula, orang Musyrik Makkah tidak sanggup menandingi al-Quran meski pun mereka tersohor sebagai sasterawan yang terkemuka. Oleh kerana mereka memang tidak beriman, mereka mencari alasan-alasan lain bagi menolak dakwah Nabi Muhammad. Mereka mencabar Nabi Muhammad supaya menunjukkan mukjizat-mukjizat lain. Antara yang mereka pinta adalah supaya nabi membuat kebun-kebun kurma yang subur di daerah Makkah dan di tengah-tengah kebun ada sungai-sungai yang mengalir dengan deras. Ini menunjukkan orang musyrik derhaka dalam menentang dakwah nabi.

Manakala dalam surah *Tāhā* (20), ayat 71 diceritakan kemarahan Firaun kepada tukang-tukang sihirnya selepas mereka menyatakan beriman kepada Nabi Mūsā. Firaun mengancam akan memotong tangan dan kaki tukang-tukang sihirnya yang sudah beriman secara bersilang dan menyalib mereka pada pangkal pokok kurma (وَلَأُصَلِّبَنَّكُمْ فِي جُذُوعِ ٱلنَّخْلِ). Maksudnya menyalib mereka di atas pangkal pokok kurma supaya semakin pedih seksanya, menjadi pelajaran dan diketahui oleh ramai orang. Ibn 'Abbās menyatakan, Firaun adalah orang pertama yang melakukan hukuman seperti ini.[1]

Ayat ke 23 dan 25, surah *Maryam* menceritakan keadaan Maryam semasa hendak melahirkan Nabi Īsā. Pada masa itu, Maryam berasa sakit sehingga ia mesti bersandar pada pangkal pokok kurma (جِذْعِ النَّخْلَة). Dia pun mengeluh kerana rasa sakit itu. Namun, Allah memberi khabar gembira kepadanya melalui malaikat Jibrail supaya jangan bersedih kerana Allah menciptakan aliran air di bawahnya dan memerintahkannya untuk menggoyangkan pangkal pokok kurma (جِذْعِ النَّخْلَة) ke arahnya, kemudian pokok itu akan menggugurkan buah kurma yang masak kepadanya. Kemudian beliau meminum air dan makan buah kurma yang jatuh bagi mengembalikan kekuatan tubuhnya.[2]

Dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 266, Allah mengumpamakan orang yang menafkahkan hartanya dengan tidak ikhlas seperti seorang pemilik kebun yang luas. Antara kebun yang dimiliki adalah kebun kurma (لَهُۥ جَنَّةٌ مِّن نَّخِيلٍ), namun dia sudah tua sehingga dia tidak dapat menguruskan kebunnya kerana anak-anaknya masih kecil. Kemudian kebunnya musnah kerana terkena angin yang kencang dan terbakar oleh api. Maksudnya, orang yang bersedekah tidak dengan niat ikhlas tidak akan mendapatkan pahala di akhirat sama seperti kebun itu, meskipun luas dan subur tetapi kemudian hilang terbakar.

Di syurga terdapat banyak buah-buahan dan pokok-pokok, antaranya adalah pokok kurma dan delima sebagaimana yang diterangkan dalam surah *al-Rahmān* (55), ayat 68. Imām al-Qurtubī menjelaskan, kedua-dua pokok itu disebut secara khusus sedangkan pokok-pokok yang ada di syurga berbagai -bagai ragam dan banyak kerana pokok itu menghasilkan buah yang lazat.[3]

NAKĪR (نَكِيْر)

Erti lafaz (نَكِيْر) ialah membenci atau mengingkari.[4] Lafaz (نَكِيْر) diulang lima kali di da-

1 Lihat Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 160.

2 Lihat al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 328.

3 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 2, h. 51.

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h.

lam al-Quran iaitu dalam surah *al-Hajj* (22), ayat 44; *Sabak* (34), ayat 45; *Fātir* (35), ayat 26; *al-Mulk* (67), ayat 18 dan *al-Syūrā* (42), ayat 47.

Dalam surah *al-Hajj* (22), ayat 44; *Sabak* (34), ayat 45; *Fātir* (35), ayat 26 dan *al-Mulk* (67), ayat 18, lafaz (نَكِير) berada dalam satu rangkaian ayat yang sama iaitu (فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرِ). Sebelum ayat ini, Allah menyebut umat-umat terdahulu yang kafir dan derhaka kepada rasul-rasulnya seperti umat Nabi Nūh, kaum Thāmūd, kaum 'Ād dan lain -lain, kemudian diakhiri dengan ayat (فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرِ) ertinya "Cuba perhatikan bagaim - na besarnya kebencian dan keingkaranku kepada mereka, sehingga aku turunkan azab yang luar biasa kepada mereka."[1]

Manakala dalam surah *al-Syūrā* (42), ayat 47, Allah mengingatkan kepada orang kafir supaya segera bertaubat dan mematuhi perintah Allah, sebelum datangnya hari kiamat. Pada hari itu, tidak ada tempat bagi mencari pertolongan dan perlindungan. Mereka juga tidak dapat mengingkari dosa-dosa yang mereka lakukan (وَمَا لَكُم مِّن نَّكِيرٍ)[2], sebab semua anggota badan mereka akan memberitahu semua yang sudah mereka lakukan semasa di dunia.

NAMLAH – NAML (نَمْلَة - نَمْلٌ)

Erti lafaz (نَمْلَة) ialah semut iaitu jenis serangga kecil yang bertempat tinggal di bawah tanah. Mereka hidup berkelompok, tekun dalam mengerjakan sesuatu dan suka tolong- menolong. Bentuk jamaknya adalah (نَمْلٌ) dan (نِمَالٌ).[3] Semut dinamakan (نَمْلَة) kerana لِتَنَمُّلِهَا iaitu ia banyak bergerak dan sedikit diamnya).[4]

Di dalam al-Quran, lafaz (نَمْلَة) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Naml* (27), ayat 18. Manakala bentuk jamak (نَمْل) diulang dua kali iaitu dalam surah *al-Naml* (27), ayat 18 (dua kali). Ayat ini menceritakan satu bentuk anugerah yang diperoleh oleh Nabi Sulaimān iaitu beliau dapat mendengar percakapan semut. Semasa rombongan pasukan Nabi Sulaimān berjalan dan sampai di salah sebuah lembah tempat berkumpulnya semut -semut (وَادِ النَّمْلِ), ada seekor semut (نَمْلَة) yang berkata kepada kawan-kawannya,

"Hai semut-semut (اَلنَّمْلُ), masuklah kalian ke dalam sarang-sarang kalian, supaya kalian tidak dipijak oleh Sulaimān dan tenteranya, sedangkan mereka tidak menyedari." Kata-kata semut ini didengari oleh Nabi Sulaimān sehingga beliau tersenyum dan bersyukur kepada Allah atas nikmat yang dianugerahkan kepada beliau secara istimewa dan beliau berdoa semoga dapat mensyukuri nikmat itu. Imām Ibn Kathīr menegaskan, anugerah yang diperoleh oleh Nabi Sulaimān ini adalah nikmat yang luar biasa.[5]

NĀQAH (نَاقَة)

Erti lafaz (نَاقَة) ialah unta betina. Ada yang mengatakan, unta betina dinamakan (نَاقَة)

760-761.

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 228, 554; j. 4, h. 399.

2 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 544.

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 764.

4 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 13, h. 169.

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 360.

apabila ia sudah mencapai umur lima tahun. Bentuk jamaknya adalah (نِيَاق), (أَنْوَق), (أَيْنَق) dan (نُوق).[1]

Di dalam al-Quran, yang disebut hanya bentuk tunggal sahaja iaitu (نَاقَة). Ia diulang tujuh kali iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 73, 77; *Hūd* (11), ayat 64; *al-Isrāk* (17), ayat 59; *al-Syu'arāk* (26), ayat 155; *al-Qamar* (54), ayat 27 dan *al-Syams* (91), ayat 13.

Kesemua lafaz (نَاقَة) yang disebut di dalam al-Quran menunjukkan kepada unta betina Nabi Sāleh. Kadang-kadang, lafaz (نَاقَة) ini dikaitkan dengan lafaz *al-Jalālah* sehingga menjadi (نَاقَةَالله). Ini menunjukkan, unta adalah mulia di sisi Allah. Unta ini adalah mukjizat yang dianugerahkan Allah kepada Nabi Sāleh. Kaum Thamūd pada awalnya meminta Nabi Sāleh bagi menunjukkan mukjizatnya sebagai nabi iaitu dengan cara mengeluarkan seekor unta dari batu.

Dengan izin Allah, keluar seekor unta dari dalam batu sepertimana yang diharapkan kaum Thāmud. Namun sebahagian besar kaum Thāmūd tetap ingkar dan kafir terhadap Nabi Sāleh. Meskipun Allah memerintahkan kaum Thāmūd untuk tidak mengganggu unta itu, namun mereka tetap melanggar perintah Allah itu dan menyembelihnya. Akhirnya, mereka diazab oleh Allah.[2]

NAQĪR (نَقِير)

Erti lafaz (نَقِير) ialah bintik kecil yang berada pada bahagian atas biji buah-buahan. Daripada bintik ini, tumbuh benih tumbuhan seperti pokok kurma. Lafaz (نَقِير) dalam bahasa Arab juga sering digunakan bagi menggambarkan sesuatu yang sedikit dan tidak berharga. Contohnya dikatakan (فُلَانٌ لَا يَمْلِكُ نَقِيرًا) ertinya "si polan tidak mempunyai apa pun, meskipun benda yang seukuran naqīr."[3]

Di dalam al-Quran, lafaz (نَقِيرًا) diulang dua kali sahaja iaitu dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 53 dan 124. Dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 53, Allah menjelaskan, sekiranya sebahagian orang Yahudi mendapat anugerah kekuasaan, mereka tidak akan memberikan kebaikan dan manfaat sedikit pun kepada orang lain, terutamanya lagi kepada Nabi Muhammad, meskipun yang mereka berikan itu hanya seukuran (نَقِير) iaitu "bintik kecil yang timbul pada bahagian atas biji buah-buahan" (وَلَا يُؤْتُونَالنَّاسَنَقِيرًا). Ini menunjukkan , sebahagan kaum Yahudi mempunyai sifat bakhil, kedekut dan hasad kepada Rasulullah.[4]

Dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 124, Allah menegaskan, orang yang beriman sama ada lelaki mahupun perempuan, yang mahu melakukan amal soleh dimasukkan ke dalam syurga yang penuh dengan nikmat dan mereka sama sekali tidak akan dizalimi oleh Allah sedikit pun, meskipun seukuran (نَقِير) "bintik kecil yang timbul pada bahagian atas biji buah-buahan" (وَلَا يُظْلَمُونَنَقِيرًا).

Dapat disimpulkan, dalam kedua-dua ayat ini, lafaz (نَقِيرًا) digunakan bagi menunjukkan ukuran yang sangat kecil atau sedikit sangat sehingga penggunaannya adalah sama dengan penggunaan lafaz (ذَرَّة) iaitu "butiran-butiran kecil yang nampak pada ca-

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 776.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 229.

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 754.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 514.

haya matahari yang masuk melalui jendela,"[1] (اَلْفَتِيْل) iaitu "benda yang bentuknya seperti benang yang terdapat di antara belahan biji kurma yang dibelah menjadi dua, atau kulit tipis yang berada antara biji dan buah kurma bahagian dalam yang belum matang"[2] dan (حَبَّةَ خَرْدَل) iaitu "biji sawi yang bentuknya sangat kecil."

Keempat-empat lafaz ini digunakan di dalam al-Quran bagi menggambarkan ukuran yang sangat kecil atau sedikit.

NĀQŪR (نَاقُور)

Erti lafaz (نَاقُور) ialah alat sejenis trompet yang apabila ditiup akan mengeluarkan suara.

Di dalam al-Quran, lafaz (النَّاقُوْر) hanya disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Muddaththir* (74), ayat 8. Ia mempunyai makna yang sama dengan (اَلصُّوْر) iaitu trompet atau sangkakala. Ayat ke-8 daripada surah *al-Muddaththir* menceritakan mengenai keadaan yang terjadi pada hari kiamat. Pada hari itu, trompet (النَّاقُوْر) ditiup oleh malaikat.

Mengikut pendapat Imām al-Mujāhid, bentuk trompet ini seperti bentuk tanduk binatang.[3] Para pakar tafsir berbeza pendapat mengenai apakah tiupan trompet yang disebut dalam ayat ini adalah tiupan trompet yang menyebabkan kematian semua penduduk alam raya, atau pun tiupan trompet yang menandakan dibangkitkan semula semua makhluk daripada kematian untuk dipertanggungjawabkan amal-amalnya?[4]

Namun yang jelas, semasa trompet ini ditiup adalah masa kesusahan dan kesedihan bagi orang kafir yang tidak mahu beriman kepada Nabi Muhammad kerana mereka sudah mula mendekati azab neraka yang akan menimpanya.

NASAB – ANSĀB (نَسَب - أَنْسَاب)

Erti lafaz (نَسَب) ialah hubungan kerabat yang berasal daripada salah satu daripada kedua -dua orang tua.

Mengikut al-Isfahānī, hubungan kerabat (نَسَب) ada dua jenis. Pertama, hubungan kerabat atas-bawah iaitu hubungan kerabat antara yang melalui bapa-anak. Kedua, hubungan kerabat menyamping iaitu hubungan kerabat dengan anak-anak saudara sama ada daripada pihak ibu atau bapa.[5] Bentuk jamak lafaz (نَسَب) adalah (أَنْسَاب).

Lafaz (نَسَب) diulang dua kali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Furqān* (25), ayat 54 dan *al-Sāffāt* (37), ayat 158. Manakala bentuk jamaknya iaitu (أَنْسَاب) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Mukminūn* (23), ayat 101. Dalam surah *al-Furqān* (25), ayat 54 disebutkan salah satu kekuasaan Allah iaitu dia sanggup menciptakan manusia sama ada lelaki mahupun perempuan daripada air mani yang hina. Kemudian, antara manusia ini terjalinlah hubungan kerabat (نَسَبًا). Mengikut

1 Al-Zuhailī (1991), *op. cit.*, j. 5, h. 75.

2 *Ibid.*, j. 5, h. 115.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 442.

4 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 325.

5 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 490 .

Imām al-Syawkānī, yang dimaksudkan dengan hubungan nasab (نَسَبًا) adalah kerabat yang tidak boleh dinikah.[1]

Selain itu, antara manusia juga muncul hubungan *musāharah* iaitu hubungan kekeluargaan yang berasal daripada perkahwinan seperti menantu, ipar, mertua dan sebagainya. Ini adalah bukti kekuasaan Allah, tidak ada makhluk yang mampu menandingi kekuasaannya. Oleh itu, hanya dia yang berhak disembah dan dijadikan Tuhan. Namun, orang musyrik tidak mahu menggunakan akalnya. Mereka tetap derhaka kepada Allah dan tidak mahu mengikuti petunjuk Rasulullah.

Dalam surah *al-Sāffāt* (37), ayat 158 dijelaskan, orang musyrik menuduh Allah mempunyai hubung kait nasab dengan malaikat iaitu malaikat adalah anak perempuan Allah (وَجَعَلُوا بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْجِنَّةِ نَسَبًا)[2]. Tuduhan ini adalah dusta. Malaikat mengetahui orang musyrik pada hari akhir nanti dihadapkan di hadapan Allah dan akan diminta bertanggungjawab atas ucapannya itu.

Di akhirat nanti, selepas hari kiamat datang dan manusia dihidupkan semula, antara manusia sudah tidak ada lagi hubungan kerabat yang dapat dibanggakan sepertimana yang terjadi di dunia (فَلَا أَنسَابَ بَيْنَهُمْ يَوْمَئِذٍ). Apabila di dunia kita berbangga dan megah dengan nasab dan keturunan, di akhirat nanti kita semua akan bertanggungjawab ke atas amalan masing-masing. Ketinggian dan kemuliaan nasab di dunia tidak memberi manfaat dan tidak menolong kita daripada hukuman Allah yang sangat adil. Ini disebutkan dalam surah *al-Mukminūn* (23), ayat 101.[3]

NASF (نَسَفَ)

Kata kerja (نَسَفَ) mempunyai dua erti iaitu: (1) Mencabut daripada tempat asalnya. Contohnya, (نَسَفَ الْبَعِيرُ الْكَلَأَ) ertinya, "Unta itu mencabut rumput (semasa makan)." (2) Menghancurkan sesuatu sehingga menjadi bahagian yang kecil-kecil, kemudian menghambur-hamburkannya. Contohnya, (نَسَفَتِ الرِّيحُ التُّرَابَ) ertinya, "angin itu menghamburkan debu hingga ia berserakan dan (terpisah-pisah)." Manakala lafaz (نَسْف) ialah bentuk *maṣdar* daripada kata kerja ini yang bererti pencabutan, penghancuran dan penghamburan.[4]

Lafaz (نَسْف) disebut dua kali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Tāhā* (20), ayat 97 dan 105. Dalam ayat 97 diterangkan, anak lembu yang dibuat oleh Sāmirī dan disembah oleh Banī Isrā'el akhirnya dibakar oleh Nabi Mūsā, kemudian serpihan abunya dihamburkan ke dalam laut (لَنَنسِفَنَّهُ فِي الْيَمِّ نَسْفًا). Apa yang dilakukan oleh Nabi Mūsā ini adalah bagi membuktikan lembu itu bukanlah Tuhan, kerana dia tidak dapat berbuat apa-apa bagi melindungi dirinya sendiri.[5]

Begitu pula dengan keadaan gunung-gunung pada hari kiamat nanti. Ibn al-'Arabī menerangkan, Allah akan mencabut gunung-gunung itu dari tempat asalnya dan menghancurkannya (يَنسِفُهَا رَبِّي نَسْفًا) hingga

1 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 82.

2 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 414.

3 Lihat Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 257.

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 708.

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 153.

menjadi serpihan-serpihan debu, kemudian dihamburkan oleh angin-angin yang bertiup kencang ke udara sehingga menjadi seperti bulu yang berterbangan.[1]

NASIYAH – NAWĀSĪ (نَاصِيَة - نَوَاصِي)

Erti lafaz (نَاصِيَة) ialah rambut yang berada di kepala bahagian hadapan sehingga ia adalah kaki rambut dan menyambung terus dengan dahi. Bentuk jamaknya ialah (نَوَاصِي). Lafaz ini dalam bahasa Arab juga digunakan bagi mengungkapkan kalimat kiasan, contohnya dikatakan (أَخَذَ بِنَاصِيَةِ فُلَانٍ) ertinya, "Dia sudah mengalahkan dan menguasai si polān sehingga dia dapat melakukan apa sahaja kepada si polān."[2]

Di dalam al-Quran, lafaz (نَاصِيَة) diulang tiga kali iaitu dalam surah *Hūd* (11), ayat 56; *al-'Alaq* (96), ayat 15, 16. Manakala bentuk jamaknya (نَوَاصِي) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Rahmān* (55), ayat 41. Dalam surah *Hūd* (11), ayat 56 ditegaskan, Allah adalah Zat yang menguasai semua makhluk hidup. Dia dapat melakukan apa sahaja kepada makhluk hidup ciptaannya. (مَّا مِن دَآبَّةٍ إِلَّا هُوَ ءَاخِذُۢ بِنَاصِيَتِهَآ).

Imām al-Qurtubī mentafsirkan ayat (مَّا مِن دَآبَّةٍ إِلَّا هُوَ ءَاخِذُۢ بِنَاصِيَتِهَآ) dengan "Allah memperlakukan makhluknya sesuai dengan kehendaknya, dan dia akan melindungi makhluknya daripada segala apa pun yang mengancam." Manakala Imam al-Farrā' mengertikannya dengan "Allah yang memiliki makhluk itu dan yang berkuasa ke atasnya."[3] Imām al-Syawkānī menjelaskan, ayat ini menggambarkan kemuncak kuasa Allah dalam menundukkan makhluknya.[4]

Manakala lafaz (نَاصِيَة) dalam surah *al-'Alaq* (96), ayat 15 dan 16 digunakan bagi menceritakan bentuk seksa yang diberikan kepada Abū Jahl iaitu bahagian kaki rambutnya akan ditarik dengan sangat kuat (لَنَسْفَعًا بِالنَّاصِيَةِ), kemudian dia dilemparkan ke d - lam neraka. Ini kerana, kaki rambut Abū Jahl penuh dengan kebohongan dan dosa (نَاصِيَةٍ كَاذِبَةٍ خَاطِئَةٍ). Imam Muqātīl mentafsirkan ayat (نَاصِيَةٍ كَاذِبَةٍ خَاطِئَةٍ) dengan "pemilik kaki rambut itu adalah pembohong dan pelaku dosa."[5]

Begitu juga dengan azab orang derhaka yang lain di akhirat nanti. Bahagian kaki rambut dan telapak kaki mereka akan ditarik dengan keras dan diangkat oleh malaikat, kemudian mereka dilemparkan ke dalam api neraka. (فَيُؤْخَذُ بِالنَّوَاصِي وَالْأَقْدَامِ). Ibn Kathīr menerangkan, malaikat Zabāniyah akan merapatkan telapak kaki dengan kaki rambut orang yang derhaka itu dengan cara menarik sekuat-kuatnya, kemudian melemparkannya ke dalam neraka. Manakala Imām al-Dahhāk menjelaskan, malaikat ini akan melipat tulang belakang orang kafir itu ke bahagian belakang sehingga telapak kaki dan kaki rambut mereka bertemu, kemudian mereka dilempar ke neraka.[6]

1 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 11, h. 245.

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 724.

3 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 9, h. 52.

4 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 505.

5 *Ibid.*, j. 5, h. 470.

6 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 276.

NASL (نَسْل)

Erti asal lafaz (نَسْل) ialah terlepas daripada sesuatu yang lain. Anak atau keturunan juga disebut (نَسْل) kerana anak dan keturunan asalnya keluar daripada orang tuanya.[1]

Lafaz (نَسْل) hanya disebut dua kali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 205 dan surah *al-Sajdah* (32), ayat 8. Dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 205 menerangkan sifat-sifat yang dimiliki oleh orang munafik iaitu hatinya ingin selalu membuat kerosakan *(fasād)* di muka bumi, merosakkan tanah-tanah kebun dan sawah, juga merosakkan anak-anak binatang ternak (وَيُهْلِكَ الْحَرْثَ وَالنَّسْلَ). Sedangkan tanah sawah dan binatang ternak adalah sumber kehidupan umat manusia yang berharga.

Imām Mujāhid menyatakan, apabila orang munafik melakukan kerosakan *(fasād)* di muka bumi, Allah akan menghentikan turunnya air hujan sehingga tanah sawah dan binatang-binatang ternak mati binasa.[2]

Manakala dalam surah *al-Sajdah* (32), ayat 8 diterangkan, keturunan-keturunan Nabi Adam (نَسْلَهُ) diciptakan daripada air mani yang hina. Begitu seterusnya, anak keturunan yang dilahirkan oleh manusia juga berasal daripada air mani yang bersumber daripada tulang punggung (صُلْب) lelaki dan tulang dada (تَرَائِب) perempuan.[3] Penciptaan mereka tidak seperti penciptaan Nabi Adam kerana Nabi Adam diciptakan dari tanah.

NAṢRĀNĪ – NAṢĀRĀ (نَصْرَانِي - نَصَارَى)

Lafaz *naṣrani* (نَصْرَانِي) dalam bahasa Arab adalah para pengikut ʿĪsā al-Masīh. Ada yang mengatakan, istilah ini dikaitkan dengan satu daerah di Syām yang bernama (نَصْرَان) atau (نَاصِرَة) tempat asal Nabi ʿĪsā al-Masīh.[4]

Lafaz (نَصْرَانِي) disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Āli Imrān* (3), ayat 67. Manakala lafaz (نَصَارَى) diulang 14 kali iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 62, 111, 113 (dua kali), 120, 135, 140; *al-Mā'idah* (5), ayat 14, 18, 51, 69, 82; *al-Taubah* (9), ayat 30; dan *al-Hajj* (22), ayat 17. Dalam beberapa ayat ini diterangkan beberapa pendapat, pemikiran dan sikap orang Nasrānī yang negatif iaitu:

1. Orang Naṣrānī mengatakan, Nabi Ibrāhīm, Ismāʿīl, Isḥāq, Yaʿqūb dan anak cucunya adalah penganut agama Naṣrānī sepertimana dinyatakan dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 140. Namun, dalam ayat ini dan juga surah *Āli Imrān* (3), ayat 67, anggapan itu ditolak oleh Allah. Allah menegaskan, Nabi Ibrāhīm bukan seorang Naṣrānī. Beliau adalah orang yang beragama lurus *(ḥanīf)* dan seorang Muslim yang berserah diri kepada Allah.
2. Orang Naṣrānī yakin, hanya mereka yang akan masuk syurga sepertimana disebut dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 111.
3. Mereka suka berbantah-bantah dengan orang Yahudi. Dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 113 disebutkan, orang Naṣrānī berkata, "Orang-Yahudi tidak mempunyai se-

1 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 491.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 247-248.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 458.

4 *Majmaʿ al-Lughah al-ʿArabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 724 dan al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 495.

suatu pegangan."

4. Orang Naṣrānī tidak suka kepada Nabi Muhammad sehinggalah beliau masuk agama Naṣrānī. Malah, mereka pernah memujuk nabi untuk masuk agama Naṣrānī dan menjanjikan, apabila nabi masuk agama Naṣrānī, beliau akan mendapatkan petunjuk. Ini dinyatakan *al-Baqarah* (2), ayat 120 dan 135.
5. Orang Naṣrānī mengatakan, mereka adalah anak-anak Allah dan kekasih -kekasihnya sepertimana dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 18.
6. Orang Naṣrānī mengatakan, 'Īsā al-Masīh adalah putera Allah sepertimana dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 30.
7. Orangg Naṣrānī yang mengaku sebagai pengikut Nabi 'Īsā melanggar dan melupakan ketetapan-ketetapan Allah sehingga mereka saling membenci, bermusuhan dan terpecah -belah. Ini dinyatakan dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 14.

Meskipun demikian dalam surah *al -Mā'idah* (5), ayat 82, Allah menjelaskan kepada Nabi Muhammad, orang Naṣrānī adalah orang yang paling dekat persahabatannya dengan orang yang beriman apabila dibandingkan dengan orang Yahūdī. Ini kerana, Injil mengajar kasih sayang terhadap sesama manusia dan sebahagian pemimpin-pemimpin agama mereka mempunyai ilmu yang luas, rajin beribadah, tawaduk dan mudah menerima ajaran yang benar.[1] Ini juga berlaku pada masa kehidupan Nabi Muhammad.

Allah melarang umat Islam menjadikan orang Nasrānī sebagai pemimpin. Ini disebut dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 51. Namun demikian, Allah tetap mengambil kira amal -amal orang Nasrānī, iaitu pengikut Nabi 'Īsā yang percaya kepada Allah, hari akhirat dan mahu beramal soleh sebelum datangnya Nabi Muhammad. Allah berjanji akan memberi pahala kepada mereka sepertimana dinyatakan dalam *al-Baqarah* (2), ayat 62.

Selepas datangnya Nabi Muhammad, mereka wajib meyakini dan melaksanakan syariat-syariat Islam. Apabila mereka mahu melakukan demikian, mereka termasuk di kalangan orang yang beriman kepada Allah, hari akhirat dan beramal soleh dan diberi pahala oleh Allah. Ini dijelaskan dalam surah *al -Mā'idah* (5), ayat 69.

Allah juga menegaskan, di akhirat nanti, dia akan menetapkan hukuman bagi setiap orang yang beriman, orang Yahudi, Sabi'ūn, orang Nasrānī, orang Majūsī dan juga orang musyrik, sesuai dengan keyakinan dan amal perbuatannya. Ini diterangkan dalam surah *al-Hajj* (22), ayat 17.[2]

NATĪHAH (نَطِيْحَة)

Apabila dikatakan (نَطَحَ الْحَيَوَانُ ذُوْ الْقَرْنِ غَيْرَه) ertinya, "haiwan yang bertanduk itu menyerang haiwan yang lain dengan tanduknya dan melukainya." Kadang-kadang serangan

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 87 dan al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 67-68.

2 Perbahasan lebih mendalam mengenai pentafsiran tiga ayat (surah *al-Baqarah* (2), ayat 62; *al-Mā'idah* (5), ayat 69 dan *al-Hajj* (22), ayat 17). Lihat Ahmad Hasan Farhāt (1987), Ta'wīl Thalāth Āyāt Mutasyābihāt, dalam *Majallah al-Syarī'ah wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah*, tahun ke-4, vol. 8, 1407 H./1987 M., h. 15-52.

itu menyebabkan haiwan lain tewas. Apabila haiwan itu tewas sebelum sempat disembelih, ia dinamakan (نَطِيْحَة).[1]

Lafaz (نَطِيْحَة) disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 3.

Dalam ayat ini, Allah menerangkan sebelas perkara yang diharamkan dalam agama Islam. Sepuluh daripadanya berupa makanan yang diharamkan. Makanan yang diharamkan ini dapat dikelompokkan menjadi dua. Pertama, makanan yang memang haram semula jadi (haram kerana zatnya) seperti babi dan darah. Kedua, makanan yang asalnya halal tetapi kerana ada sesuatu yang lain menyebabkannya menjadi haram. Contohnya, haiwan halal yang menjadi bangkai, haiwan halal yang disembelih tidak dengan menyebut nama Allah dan lain-lain. Antara makanan haram yang termasuk jenis kedua adalah (اَلنَّطِيحَة), iaitu haiwan yang mati kerana dilanggar oleh haiwan yang lain, meskipun matinya kerana terkena tanduk dan yang luka adalah bahagian leher.[2]

NAWĀ (نَوَى)

Dalam bahasa Arab, lafaz (نَوَى) bererti isi yang berada dalam buah-buahan seperti isi atau biji yang terdapat dalam buah kurma, kismis dan lain-lain.

Bagi menyebut satu isi buah sahaja digunakan lafaz (نَوَاةٌ).[3] Isi buah-buahan ini berbeza dengan biji-biji tumbuhan yang berada pada tangkai seperti biji gandum, beras atau semua tumbuhan yang tidak mempunyai isi atau biji di dalamnya. Bagi menyebut butir-butir tumbuhan ini digunakan lafaz (الحَبُّ).[4] Bagi menyebut sebutir sahaja, dalam bahasa Arab digunakan lafaz (حَبَّة).[5]

Di dalam al-Quran, lafaz (نَوَى) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 95. Dalam ayat ini, Allah menegaskan, dialah Zat yang menciptakan aneka ragam biji (اَلنَّوَى) yang terdapat di dalam buah-buahan . Kemudian biji ini dapat membesar, menjadi pokok atau tumbuhan yang berdaun hijau. Ini menunjukkan, Allah adalah maha agung dan maha kuasa, mampu menghidupkan sesuatu yang asalnya mati. Tidak ada makhluk yang mampu melakukan seperti itu. Oleh itu, hanya dia yang berhak disembah oleh manusia.[6]

NĀZI'ĀT - NAZZĀ'AH (نَازِعَات - نَزَّاعَة)

Kata kerja (نَزَعَ - يَنْزِعُ) ertinya mencabut. Apabila dikatakan (نَزَعَ الرَّجُلُ الشَّيْئَ) ertinya, "Seseorang menarik, mencabut dan memindahkan sesuat dari tempat asalnya." Orang yang menarik dan mencabut dinamakan (النَّازِعُ) dan (اَلنَّازِعَة). Apabila orang itu

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 726.

2 Kāmil Mūsā (t.t.), *Ahkām al-At'imah fī al-Islām*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, h. 58-59. Lihat juga Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 11.

3 Al-Baghāwī (1993), *op.cit.*, j. 2, h. 117; al-Syawkānī (1994), op. cit., j. 2, h. 142; Ibn al-Jawzī (1965), op. cit., j. 3, h. 90.

4 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 105; *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 1, h. 245.

5 Ibn Manzur (1968), *op. cit.*, j.1, h. 293; *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op.cit.*, j. 1, h. 245.

6 Lihat al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 7, h. 44.

sangat keras atau kuat semasa mencabut, disebut dengan (نَزَّاع) dan (نَزَّاعَة).[1]

Di dalam al-Quran, lafaz (النَّازِعَات) adalah bentuk jamak daripada (النَّازِعَة). Ia hanya disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Nāzi'āt* (79), ayat 1. Manakala lafaz (نَزَّاعَة) disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Ma'ārij* (70), ayat 16. Yang dimaksudkan dengan (النَّازِعَات) dalam surah *al-Nāzi'āt* (79), ayat 1 adalah malaikat yang menarik dan mencabut roh-roh orang kafir daripada jasadnya. Lafaz (النَّازِعَات) ini menunjukkan, malaikat ini mencabut roh orang kafir dengan cara yang sangat kasar dan kuat (وَالنَّازِعَاتِ غَرْقًا). Ini adalah satu bentuk seksa untuk mereka.

Manakala lafaz (نَزَّاعَة) dalam surah *al-Ma'ārij* (70), ayat 16 adalah satu daripada beberapa sifat yang dimiliki oleh api neraka. Diterangkan, api neraka sangat panas hingga ia mampu membakar kulit manusia hingga kulit mengelupas daripada tempat asalnya (نَزَّاعَةً لِلشَّوَى).

NIFĀQ – MUNĀFIQŪN – MUNAFIQĀT
نِفَاق - مُنَافِقُون - مُنَافِقَات

Erti lafaz (نِفَاق) ialah sikap menampakkan keislaman, tetapi menyembunyikan kekafiran di dalam diri. Apabila dikatakan (نَافَقَ الرَّجُلُ نِفَاقًا) ertinya, "lelaki ini menampakkan keislamannya dengan mengamalkan amalan-amalan Islam, namun dia menyembunyikan kekafiran di dalam hatinya."[2]

Manakala orang munafik lelaki disebut dengan (مُنَافِق), bentuk jamaknya (مُنَافِقُون), dan orang munafik perempuan disebut (مُنَافِقَة), bentuk jamaknya (مُنَافِقَات).

Lafaz (نِفَاق) diulang tiga kali iaitu dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 77; 97 dan 101. Dalam ayat-ayat ini, Allah menerangkan sifat-sifat orang munafik dan juga balasan bagi mereka sama ada di dunia mahupun di akhirat. Antara tanda-tanda orang munafik adalah suka mengingkari janji termasuk mengingkari janji untuk bersedekah apabila sudah mendapatkan anugerah kekayaan yang banyak. Balasan orang seperti ini adalah hati mereka akan terus ditambahkan dengan kemunafikan (نِفَاق) dan mereka tidak akan terlepas daripada sifat itu hingga mereka akhirnya bertemu Allah dalam keadaan hati mereka masih penuh dengan kemunafikan. Ini kerana, mereka suka mengingkari janji dan suka berbohong. Ini diterangkan dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 77.

Manakala dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 97, Allah menerangkan, orang Arab Badwi pedalaman adalah orang yang tinggi tahap kekafiran dan kemunafikannya (اَلْاَعْرَابُ اَشَدُّ كُفْرًا وَنِفَاقًا) apabila dibandingkan dengan penduduk Arab yang tinggal di kota Madinah, tempat nabi berdakwah. Ini kerana, mereka tinggal jauh dari pusat tamadun, jarang mendapat nasihat dan petunjuk serta jarang juga mendengar al-Quran.[3]

Manakala dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 101, Allah menjelaskan, semasa nabi hidup antara penduduk Madinah dan sekitarnya, terdapat orang yang berterusan dalam melakukan kemunafikan dan mahir dalam menyembunyikan kemunafikan

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 698.

2 *Ibid.*, h. 751.

3 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 395.

(مَرَدُوْا عَلَى النِّفَاقِ).[1] Allah menegaskan, balasan bagi orang tersebut ialah kehinaan di dunia dan juga seksa di akhirat.

Lafaz (المُنَافِقُون) dalam al-Quran disebut lapan kali dan dalam bentuk (المُنَافِقِين) disebut 19 kali. Manakala lafaz (اَلْمُنَافِقَات) disebut lima kali sahaja. Al-Quran banyak menyebutkan sifat-sifat dan perilaku yang menjadi karakter khas orang munafik, antaranya:

- Mereka suka berbohong, apa yang diucapkan oleh mulut tidak sama dengan apa yang ada dalam hati. Mereka mengatakan beriman kepada Allah dan hari akhirat, tetapi hati mereka tidak percaya.
- Mereka suka membuat kerosakan di muka bumi sama ada dengan ucapan mahupun perbuatan.
- Mereka menganggap diri mereka sebagai orang yang cerdik, pandai dan menuduh orang-orang beriman sebagai orang yang bodoh.
- Mereka mengharapkan kaum beriman mendapat bencana dan musibah sehingga apabila umat Islam mendapat kejayaan, maka mereka berasa sedih dan susah.
- Mereka tidak mahu ikut berperang bersama orang beriman semasa melawan musuh-musuh Islam.
- Suka melemahkan semangat umat Islam yang sedang berjuang di jalan Allah sama ada dengan ucapan mahupun dengan perbuatan.
- Suka menyebarkan rahsia-rahsia umat Islam.
- Mereka bekerjasama dengan musuh -musuh Islam bagi menghancurkan umat Islam.
- Bersikap malas ketika hendak melaksanakan sembahyang dan lain -lain.[2]

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 385; al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 397.

NIHLAH (نِحْلَة)

Erti lafaz (نِحْلَة) ialah pemberian atau memberi dengan tulus daripada hati yang ikhlas tanpa ada ganti imbalan apa pun. Lafaz (نِحْلَة) pula kadang-kadang diertikan dengan agama dan kewajipan. Contohnya, (صَدَقَةُ الْفِطْرِ نِحْلَة) iaitu "Zakat fitrah adalah kewajiban agama.[3] Lafaz (نِحْلَة) disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 4.

Dalam ayat ini, Allah menerangkan salah satu cara yang mesti dilakukan oleh pihak lelaki apabila hendak menikahi seorang wanita iaitu pihak lelaki hendaklah menyerahkan mahar kepada pihak perempuan. Mahar itu adalah kewajipan agama yang mesti diberikan oleh pihak lelaki dan menjadi rukun akad nikah. Mahar hendaklah diberikan dengan penuh kerelaan tanpa ada paksaan (وَءَاتُوا النِّسَاءَ صَدُقَاتِهِنَّ نِحْلَةً).

Jumlah maksimum mahar yang mesti diberikan tidak ada batasannya, manakala jumlah minimumnya pula, para ulama berbeza pendapat seperti yang dijelaskan panjang lebar dalam kitab-kitab fikah.[4]

2 Keterangan mengenai *nifāq* dan orang munafiq dapat dilihat secara lengkap dalam, 'Abd al-Rahmān Hasan Habannakah al-Mīdānī (1993), *Zāhirat al-Nifāq wa Khabā'ith al-Munāfiqīn fī al-Tārīkh*, j. 1 dan 2.

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 690.

4 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 422.

NIKĀH (نِكَاح)

Erti lafaz (نِكَاح) ialah berkahwin dan juga diertikan sebagai bersetubuh atau berjimāk. Namun, di dalam al-Quran, lafaz (نِكَاح) digunakan bagi menunjukkan erti berkahwin.[1] Di dalam al-Quran, lafaz (نِكَاح) diulang lima kali iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 235, 237; *al-Nisāk* (4), ayat 6; dan *al-Nūr* (24), ayat 33, 60.

Dalam surah *al-Nūr* (24), ayat 33 diterangkan, orang yang belum mampu menikah (اَلَّذِينَ لَا يَجِدُونَ نِكَاحًا), hendaklah menjaga kehormatan dirinya hingga Allah memudahkan jalan baginya untuk menikah. Imam al-Qurtubī menerangkan, punca-punca yang dapat menghalang seseorang daripada melangsungkan pernikahan sangat banyak. Kebanyakannya adalah masalah perbelanjaan. Oleh itu, yang disebut dalam ayat ini adalah masalah kewangan sehingga yang dimaksudkan dengan lafaz (نِكَاح) dalam ayat ini adalah (طَوْلُ النِّكَاحِ) iaitu perbelanjaan untuk nikah seperti mahar, nafkah dan lain-lain.[2]

Dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 235, Allah menetapkan larangan melakukan akad nikah semasa pihak wanita masih dalam tempoh 'iddah.

Manakala dalam surah al-Baqarah (2), ayat 237 dijelaskan, orang yang menceraikan isterinya sebelum dia sempat bersetubuh (jimā') dengan isterinya, mahar yang wajib diberikan adalah separuh mahar yang disebutkan dalam akad nikah. Tetapi apabila suami (اَلَّذِي بِيَدِهِ عُقْدَةُ النِّكَاحِ) rela memberikan semua maharnya, itu adalah lebih baik.[3]

Dalam surah *al-Nūr* (24), ayat 60, Allah menetapkan hukum khusus bagi perempuan-perempuan tua yang terhenti daripada haid, tidak dapat mengandung lagi dan yang sudah tiada hasrat untuk berkahwin (اَلَّتِي لَا يَرْجُونَ نِكَاحًا). Mereka boleh menanggalkan sebahagian pakaian-pakaian luar yang dikenakan seperti *jilbāb* dan *ridā'*, namun mereka tetap wajib menutup aurat utamanya.[4]

Manakala dalam surah *al-Nisāk* (4), ayat 6 diterangkan, apabila anak-anak yatim yang berada dalam jagaan seseorang sudah sampai umur baligh (umur menikah) (إِذَا بَلَغُوا النِّكَاحَ), dan mereka sudah mampu mengelola hartanya sendiri, harta itu hendaklah diberikan kepada mereka. Majoriti ulama mengatakan, tanda seseorang sudah baligh adalah apabila dia bermimpi dan mengeluarkan air mani.[5] Umur baligh juga ditandakan dengan munculnya bulu di sekitar alat kemaluan.[6]

NU'ĀS (نُعَاس)

Erti lafaz (نُعَاس) ialah mengantuk iaitu keadaan tidur tetapi tidak sampai nyenyak.[7]

Di dalam al-Quran, lafaz (نُعَاس) disebut dua kali sahaja iaitu dalam surah Āli Imrān (3), ayat 154 dan al-Anfāl (8), ayat 11. Mengantuk (نُعَاسًا) yang disebut dalam surah *Āli Imrān* (3), ayat 154 adalah keadaan yang dialami oleh tentera Muslimin selepas mereka mengalami kekalahan dalam Perang

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 758-759.

2 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 12, h. 243.

3 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 254.

4 *Ibid.*, j. 4, h. 52.

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 453.

6 *Ibid.*, h. 455.

7 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 732.

Uhud. Ini hanya dirasakan oleh orang yang imannya kuat dan meyakini Allah akan tetap menolong mereka dan menjayakan perjuangan Islam, meskipun dalam Perang Uhud mereka mengalami kekalahan dan kesusahan. Rasa ngantuk ini adalah salah satu anugerah daripada Allah kepada tentera Muslimin sehingga hati mereka tetap berasa aman dan yakin pada kekuasaan Allah.[1]

Manakala lafaz (النُّعَاس) yang disebut dalam surah *al-Anfāl* (8), ayat 11 adalah keadaan yang dialami oleh tentera Muslimīn sebelum berperang melawan kaum Musyrik dalam Perang Badar. Meskipun perang yang dihadapi berat kerana jumlah tentera Musyrikin jauh lebih banyak, namun tentera Muslimin masih sempat mengantuk. Ini menunjukkan, hati mereka tenang dan penuh keyakinan Allah akan selalu menolong mereka. Mengantuk semasa menghadapi peperangan ini adalah salah satu anugerah dan rasa kasih sayang Allah kepada umat Islam.[2]

NUFŪR – MUSTANFIRAH
(نُفُوْر - مُسْتَنْفِرَة)

Apabila dikatakan (نَفَرَتْ الدَّابَّة) ertinya, "Haiwan itu terkejut dan lari menjauh." Dalam bentuk *maṣdar* (نُفُوْر) ertinya menjauh. Begitu juga dengan lafaz (مُسْتَنْفِرَة) yang bererti sesuatu yang lari menjauh.[3]

Lafaz (نُفُوْر) diulang lima kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Isrāk* (17), ayat 41, 46; *al-Furqān* (25), ayat 60; *Fātir* (35), ayat 42 dan *al-Mulk* (67), ayat 21. Di dalam al-Quran, lafaz (نُفُوْر) selalunya dikaitkan dengan sikap orang-kafir dan orang Musyrik yang menolak dan menjauhi al-Quran dan dakwah Nabi.

Al-Quran adalah kitab yang penuh dengan peringatan, contoh dan hukum yang bermanfaat bagi manusia. Semestinya manusia dapat mengambil pelajaran daripada al-Quran untuk manfaat hidupnya sama ada di dunia mahupun di akhirat. Meskipun al-Quran bersifat seperti itu, tetapi sebagaimana diterangkan dalam surah *al-Isrāk* (17), ayat 41, orang kafir malah semakin menjauh daripada al-Quran (وَمَا يَزِيدُهُمْ إِلَّا نُفُورًا). Mereka tidak mahu mengambil pelajaran kerana berkeyakinan al-Quran adalah hasil kerja sihir.[4]

Begitu pula apabila Nabi Muhammad menyebut Asmā` Allāh yang terdapat dalam al-Quran, orang musyrik berpaling dan semakin menjauhi al-Quran (وَلَّوْا عَلَى أَدْبَارِهِمْ نُفُورًا) sepertimana dalam surah *al-Isrāk* (17), ayat 46. Apabila orang kafir diperintah sujud kepada Allah yang maha pengasih, mereka malah semakin jauh daripada keimanan dan lari daripada perintah itu (وَزَادَهُمْ نُفُورًا) sepertimana dalam surah *al-Furqān* (25), ayat 60. Ini disebabkan mereka benci dan memusuhi ajaran Islam dan keterlaluan dalam kekafiran.[5]

Dalam surah *Fātir* (35), ayat 42 diterangkan, orang kafir Quraisy pernah bersumpah apabila Allah mengirim rasul untuk mereka, mereka akan lebih taat dan lebih baik daripada orang Yahudi dan Nasrani, namun semasa Rasulullah diutus di tengah-tengah mereka, mereka semakin jauh daripada kebenaran,

1 Lihat Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 419.

2 *Ibid.*, j. 2, h. 292.

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 740.

4 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 10, h. 265.

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 22.

(مَا زَادَهُمْ إِلَّا نُفُورًا). Maksudnya adalah kekafiran mereka semakin meningkat.[1]

Ini disebabkan mereka mereka sangat sombong dan bongkak dengan diri mereka sendiri. Sebenarnya, banyak bukti dan dalil yang menunjukkan Allah adalah Tuhan semesta alam, namun orang kafir tetap dalam kesombongan dan menjauhkan diri daripada kebenaran (بَل لَّجُّوا فِي عُتُوٍّ وَنُفُورٍ). Inidinyatakan dalam surahal-Mulk(67), ayat 21. Bukti-bukti ini tidak berkesan kepada mereka, malah mereka semakin sombong dan menjauhi kebenaran, tidak mahu mengambil pelajaran dan tidak mahu berfikir.[2]

Lafaz (مُّسْتَنفِرَة) disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surahal-Muddaththir (74), ayat 50. Dalam ayat ini, Allah mengumpamakan orang kafir yang berpaling daripada al-Quran seperti keldai yang ingin melarikan diri (حُمُرٌ مُّسْتَنفِرَة) daripada terkaman singa atau kejaran pemburu.[3] Sedangkan di dalam al-Quran terdapat banyak peringatan yang bermanfaat sama ada bagi kehidupan di dunia mahupun di akhirat.

NUHĀ (نُهَى)

Lafaz (نُهَى) adalah bentuk jamak daripada kata tunggal (نُهْيَةٌ) yang bererti akal atau minda. Minda dinamakan (نُهَى) kerana ia berfungsi melarang atau mencegah manusia melakukan perbuatan yang tercela (يَنْهَى عَنِ الْقَبِيحِ).[4]

Lafaz (النُّهَى) diulang dua kali sahaja, iaitu dalam surah *Tāhā* (20), ayat 54 dan 128. Dalam surah *Tāhā* (20), ayat 53-54 Allah menegaskan, dialah Zat yang memberikan banyak nikmat kepada manusia. Antaranya diturunkan hujan dari langit, tumbuhnya pelbagai tanaman dan diciptakan pelbagai jenis haiwan. Semuanya adalah bagi manfaat manusia dan semuanya adalah petunjuk yang jelas bagi manusia yang berakal sihat (أُولِي النُّهَى) tiada Tuhan yang berhak disembah selain Allah.[5]

Begitu juga dengan umat-umat terdahulu yang derhaka seperti kaum Nabi Lūt, kaum Thamūd, kaum 'Ād dan lain-lain. Meskipun mereka mempunyai kelebihan yang luar biasa, namun mereka diseksa oleh Allah dengan azab yang menyakitkan disebabkan kezaliman mereka. Semuanya itu juga dapat dijadikan pelajaran bagi orang yang berakal (أُولِي النُّهَى) supaya mereka tidak mengikuti jejak kezaliman mereka. Ini disebut dalam surah *Tāhā* (20), ayat 128.

NUKR – NUKUR- ANKAR (نُكْر - نُكُر - أَنْكَر)

Erti lafaz (نُكْر) dan (نُكُر) adalah sama iaitu sesuatu yang sangat sukar untuk diterima oleh diri manusia. Bagi menyebut sesuatu yang paling dibenci dan paling sukar diterima oleh manusia, digunakan lafaz (أَنْكَر).[6]

1 *Ibid.*, j. 3, h. 563.

2 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 263.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 448.

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 769 dan al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 507.

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 157.

6 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 760.

Di dalam al-Quran, lafaz (نُكْرًا) diulang tiga kali iaitu dalam surah *al-Kahfi* (18), ayat 74, 87 dan *al-Talāq* (65), ayat 8. Lafaz (نُكُر) ini disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Qamar* (54), ayat 6.

Pada beberapa bahagian daripada surah *al-Kahfi*, Allah menceritakan tentang perjalanan dua orang nabi iaitu Nabi Mūsā dan Nabi Khidir. Dalam ayat 47, disebutkan Nabi Mūsā menganggap Nabi Khidir melakukan perbuatan yang sukar diterima oleh jiwa manusia (شَيْـًٔا نُّكْرًا). Ini kerana, Nabi Khidir membunuh seorang anak kecil yang masih suci dan tidak berdosa. Beliau melakukan perkara itu kerana beliau diberitahu oleh Allah yang anak itu nanti akan menjadi anak yang derhaka, walaupun kedua-dua orang tuanya adalah orang mukmin. Tindakan itu diambil kerana khuatir anak itu akan mendorong orang tuanya ke arah kesesatan dan kekafiran.[1]

Manakala dalam surah *al-Kahfi* (18), ayat 87 dan *al-Talāq* (65), ayat 8 diterangkan, azab di akhirat nanti yang dirasakan oleh orang zalim dan orang yang menentang perintah dan aturan Allah adalah (عَذَابًا نُّكْرًا) iaitu "Azab yang sangat sukar, sangat berat dan sangat tidak disukai oleh jiwa manusia."[2] Hari perhitungan amal *(Yaum al-Hisāb)* juga sangat sukar dan berat. Dalam surah *al-Qamar* (54), ayat 6, *Yaum al-Hisāb* disebut (شَيْءٍ نُّكُرٍ) iaitu "Sesuatu yang sangat berat dan sukar untuk dihadapi oleh manusia." Beratnya hari penghitungan amal ini dirasakan oleh orang kafir sebab mereka tidak percaya dan tidak menduga berlakunya hari perhitungan amal ini.[3]

Manakala lafaz (أَنْكَر) hanya disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Luqmān* (31), ayat 19. Dalam ayat ini, terdapat salah satu perkara yang dinasihatkan oleh Luqmān kepada anaknya iaitu supaya mereka merendahkan suara semasa berbicara dan tidak mengeraskan suara kecuali ada faedah atau kepentingan tertentu. Suara yang keras tanpa ada kepentingan tertentu boleh menyakitkan telinga orang yang mendengar. Dalam ayat ini disamakan dengan suara keldai kerana suara keldai yang tinggi itu adalah suara yang paling buruk (إِنَّ أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ لَصَوْتُ الْحَمِيرِ).[4]

NŪN (ن)

Nūn (ن) adalah huruf *hijā'iyyah* yang ke-25. Huruf (ن) secara persendirian disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Qalam* (68), ayat 1. Huruf (ن) pada awal surah *al-Qalam* (68), ayat 1 adalah salah satu daripada beberapa *hurūf al-muqatta'ah* yang disebut dalam al-Quran.

Huruf-huruf yang disebut pada awal -awal surah dalam al-Quran ada 14 huruf iaitu *alīf; lām; mīm sād; rā'; kāf; hā'; yā'; 'ayn; sīn; tā'; qāf; hā'* dan *nūn*. Surah-surah dalam al-Quran yang diawali dengan *hurūf al -muqatta'ah* pula ada 29 surah.[5]

Para ulama berbeza pendapat dalam menerangkan maksud *hurūf al-muqatta'ah* pada awal-awal surah ini. Pendapat yang disokong oleh sebahagian besar ulama tafsir, antaranya

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 98.

2 *Ibid.*, h. 103 dan *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 760.

3 Lihat al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 121.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 447 dan al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 239.

5 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 29.

adalah Ibn Kathīr dan al-Syawkāni adalah pendapat yang mengatakan hanya Allah yang mengetahui maksud *hurūf al-muqatta'ah* pada awal surah.

Antara ulama-ulama salaf yang berpendapat seperti ini adalah al-Sya'bī, al-Sufyān al-Thawrī dan apara ulama hadis. Mereka menegaskan, *hurūf al-muqatta'ah* pada awal surah adalah salah satu rahsia Allah yang terdapat di dalam al-Quran. Dalam setiap kitab yang diturunkan oleh Allah terdapat rahsia dan *hurūf al-muqatta'ah* ini termasuk *al-mutasyābih* dan hanya Allah sahaja yang mengetahui maksudnya. Imām Abū Hātim juga mengatakan, "Di dalam al-Quran, *hurūf al-muqatta'ah* hanya ditemukan pada awal surah sahaja dan saya tidak tahu apa yang dimaksudkan Allah dengan *hurūf al-muqatta'ah* ini."[1]

NUṢḤ - NĀṢIḤ – NĀṢIḤŪN – NAṢUḤĀ
نُصح - نَاصِحٌ - نَاصِحُوْن - نَصُوْحًا

Kata kerja (نَصَحَ - يَنْصَحُ) mempunyai tiga erti iaitu:

- Mengharapkan datangnya kebaikan dan faedah kepada seseorang, contohnya apabila dikatakan (نَصَحَ الرَّجُلُ لِفُلَان) maka ertinya adalah, "Seseorang itu mengharapkan datangnya kebaikan dan kemaslahatan bagi si Fulān."
- Menjahit untuk menutupi bahagian yang berlubang. Umpamanya dikatakan (نَصَحَ الْأُمُّ الثَّوْبَ) maka ertinya adalah "ibu tersebut menjahit baju (memperbaiki bahagian yang berlubang)."
- Habis dan bersih, contohnya adalah (خَلَصَ الشَّيْئُ) ertinya "*barang itu habis.*"[2]

Dalam al-Qur'an, kata-kata yang berasal dari kata dasar (نُصْح) seperti kata (نَاصِحٌ) banyak yang mengandungi erti yang pertama. Kata (نُصْح) hanya diulang sekali sahaja, iaitu dalam surah *Hūd* (11): 34. Pada ayat ini dijelaskan bahawa Allah adalah maha kuasa dan penentu segala-galanya, termasuk penentu baik dan buruknya seseorang. Diceritakan bahawa meskipun Nabi Nūh telah berusaha sedaya upaya untuk berdakwah dan mengajak kaumnya kepada kebajikan, namun kaumnya tetap membangkang. Beliau tidak punya kuasa untuk memaksakan keinginan baiknya supaya kaumnya berubah mengikuti kebenaran. Nabi Nūh pun menegaskan bahawa apabila Allah telah menetapkan kesesatan kaumnya maka keinginan baik untuk kaumnya, usaha dakwah serta nasihat yang ia lakukan tidak ada kesannya. (وَلَا يَنفَعُكُمْ نُصْحِيٓ إِنْ أَرَدتُّ أَنْ أَنصَحَ لَكُمْ إِن كَانَ ٱللَّهُ يُرِيدُ أَن يُغْوِيَكُمْ).[3]

Manakala kata (نَاصِحٌ) disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 68. Bentuk jamaknya iaitu (نَاصِحُون) diulang dua kali iaitu dalam surah *Yūsuf* (12), ayat 11 dan *al-Qasas* (28), ayat 12. Manakala jamak yang berbentuk (نَاصِحِين) diulang tiga kali iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 21, 79 dan *al-Qasas* (28), ayat 20.

Dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 68, Nabi Hūd mengatakan kepada kaumnya, dirinya adalah penasihat yang dapat dipercayai

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 36 dan selepasnya; al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 29 dan selepasnya.

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 718.

3 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 9, h. 28 dan al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 495.

(وَأَنَا لَكُمْ نَاصِحٌ أَمِينٌ). Imāmal-Alūsīmenerangkan maksud Nabi Hūd sebagai (نَاصِحٌ أَمِينٌ) adalah beliau mempunyai keinginan yang baik kepada umatnya semasa menyampaikan dakwah, dan apa yang didakwahkan itu adalah benar, tidak bohong dan dapat dipercayai.[1] Dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 79 diterangkan, kaum Nabi Sāleh adalah kaum yang kafir dan mereka tidak menyukai orang yang memberi nasihat (وَلَٰكِن لَّا تُحِبُّونَ ٱلنَّٰصِحِينَ).

Seorang yang memberitahu Nabi Mūsā semasa masih muda, pemuka-pemuka kaum Firaun sedang mencari beliau dan mahu membunuh beliau juga termasuk orang yang memberi nasihat. Dalam surah *al-Qasas* (28), ayat 20, orang itu berkata (إِنِّي لَكَ مِنَ ٱلنَّٰصِحِينَ) maksudnya "Sesungguhnya saya termasuk orang yang memberi nasihat kepadamu." Ini kerana dia menasihatkan Nabi Mūsā untuk keluar dari Mesir supaya selamat daripada kezaliman pemuka-pemuka kaum Firaun.

Dalam surah *al-Qasas* (28), ayat 12, ibu Nabi Mūsā juga disifatkan sebagai ahli keluarga yang (نَاصِحُوْنَ). Diceritakan, selepas tidak ada seorang wanita pun yang dapat menyusukan Mūsā, saudara perempuan Nabi Mūsā memberitahu keluarga Firaun, ada ahli keluarga yang sanggup menyusukan Nabi Mūsā. Lalu mereka pun akan berbuat baik kepada beliau (وَهُمْ لَهُ نَاصِحُوْنَ). Ahli keluarga ini tidak lain adalah ibu Nabi Mūsā sendiri. Maksud lafaz (نَاصِحُوْنَ) dalam ayat itu sepertimana yang diterangkan oleh Imam al-Syawkānī adalah, ibu Nabi Mūsā tidak hanya menyusukan dan mendidik bayi Mūsā, tetapi beliau juga mengasihi dan selalu mengharapkan kebaikan kepada bayi Mūsā.[2]

Namun lafaz (نَاصِحُوْنَ) juga kadang-kadang disalahgunakan oleh pihak-pihak yang berhati jahat bagi menipu seseorang. Antaranya adalah yang dikatakan oleh iblis semasa memujuk Nabi Adam dan isterinya. Iblis bersumpah dia hanya menginginkan kebaikan untuk kedua-duanya (وَقَاسَمَهُمَآ إِنِّي لَكُمَا لَمِنَ ٱلنَّٰصِحِينَ) sepertimana disebutkan dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 21.

Begitu juga dengan saudara-saudara Nabi Yūsuf yang mahu berbuat jahat kepada beliau. Mereka menipu ayah mereka dengan mengatakan, mereka adalah orang yang menginginkan kebaikan kepada Yūsuf dan orang yang menyayangi Yūsuf (وَإِنَّا لَهُ لَنَاصِحُوْن). Sedangkan hati mereka penuh dengan kebencian dan iri hati kepada Nabi Yūsuf.[3] Ini disebutkan dalam surah *Yūsuf* (12), ayat 11.

Lafaz (نَصُوْح) juga satu akar dengan lafaz (نُصْح). Ia adalah bentuk *mubālaghah* daripada lafaz (نُصْح), atau merupakan bentuk jamak daripada lafaz (نَاصِحٌ) sehingga ertinya, "Sangat memberi nasihat."[4] Lafaz (نَصُوْحًا) hanya disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Tahrīm* (66), ayat 8. Dalam ayat ini, Allah memerintahkan orang beriman bagi melakukan taubat nasūhā. Yang dimaksudkan dengan (تَوْبَةً نَّصُوْحًا) dalam ayat ini adalah taubat yang benar-benar ikhlas dilakukan oleh seseorang dan disedari taubat itu adalah untuk kebaikan dirinya sendiri. Erti ini sesuai dengan erti lafaz (نُصْح) yang pertama.

Taubat nasūhā juga diertikan sebagai taubat yang dapat menampal, menutup dosa atau kerosakan-kerosakan yang terdapat pada diri seseorang. Erti ini sesuai dengan erti lafaz (نُصْح) yang kedua. Ada juga yang mengerti-

1 Al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 8, h. 156.

2 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 161.

3 Al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 12, h. 193.

4 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 254.

kan taubat nasūhā dengan taubat yang dapat menghilangkan atau menghapuskan kesalahan dan dosa-dosa. Ini sesuai dengan erti lafaz (نُصْح) yang ketiga.[1] Imam al-Kalbī berkata, yang dimaksudkan dengan taubat nasūhā adalah taubat yang ditandakan dengan penyesalan dalam hati, mengucapkan istighfār dengan lisan, menjauhkan tubuh badan daripada dosa-dosa yang pernah dilakukan dan ketetapan hati daripada melakukan semula dosa-dosa.[2]

NUSKHAH (نُسْخَةٌ)

Erti lafaz (نُسْخَةٌ) ialah tulisan yang ditiru dari tulisan yang lain, atau biasa disebut dengan salinan tulisan.[3] Imām al-Isfahāni menegaskan bahawa (نُسْخَةٌ) bererti tulisan yang dipindah dari tulisan lain yang sedia ada, dan tulisan yang sedia ada itu tidak dihilangkan, melainkan ianya dibuatkan tulisan yang sama di tempat yang lain.[4]

Di dalam al-Qur'an kata (نُسْخَةٌ) hanya diulang sekali sahaja, iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7): 154. Pada ayat tersebut diterangkan bahawa di dalam papan-papan (الأَلْوَاحِ) Taurat, terdapat salinan tulisan (وَفِي نُسْخَتِهَا) yang berisi petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang takut kepada Allah.

Antara ahli tafsir ada yang menerangkan bahawa tulisan Taurat yang terdapat dalam papan-papan yang dibawa oleh Nabi Mūsā adalah dinukilkan dari apa yang tertulis di *al-Lauh al-Mahfūz*. Sehingga apa yang terkandung di dalamnya sama dengan apa yang tercatat dalam al-Lawh al-Mahfūz. Oleh itu ianya disebut dengan (نُسْخَةٌ).[5]

NUSUK – MANSAK – MANĀSIK - NASIK (نُسُك - مَنْسَك - مَنَاسِك - نَاسِك)

Erti asal kata kerja (نَسَكَ) adalah mencuci. Apabila dikatakan (نَسَكَ ثَوْبَهُ) maka ertinya adalah *"dia telah mencuci bajunya."*[6] Adapun lafaz (نُسُك) erti awalnya adalah ibadah secara umum, kerana ibadah dapat menyucikan seseorang dari dosa. Lafaz (نُسُك) juga diertikan dengan jenis ibadah yang lebih khas, iaitu haiwan korban. Begitu pula dengan kata (مَنْسَك) yang jamaknya adalah (مَنَاسِك), ianya kadang -kadang diertikan dengan ibadah (syariat) secara umum, atau tempat-tempat ibadah khasnya di musim haji, dan kadang-kadang pula dikhaskan kepada penyembelihan korban.[7]

Lafaz (نُسُك) diulang dua kali dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2): 196 dan *al-An'ām* (6): 162. Lafaz (نُسُك) dalam surah *al-Baqarah* (2): 196 diertikan dengan menyembelih haiwan korban. Haiwan korban yang dimaksudkan adalah satu ekor kambing. Ini adalah salah satu bentuk fidyah pilihan yang wajib dilakukan oleh orang yang

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 718-719 .

2 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 254.

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 707.

4 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 490.

5 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 708, lihat pula beberapa pendapat ulama mengenai erti kata (نُسْخَةٌ) dalam al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 250.

6 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 142.

7 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 708.

melakukan kesalahan semasa ihrām, seperti memotong rambut, memakai wewangian dan sebagainya.[1]

Manakala lafaz (نُسُك) yang terdapat dalam surah *al-An'ām* (6): 162 diertikan oleh sebahagian besar ahli ilmu termasuk al-Zujjāj dengan ibadah. Manakala Imam Mujāhid, al-Dahhāk, Sa'īd bin Jabīr dan lainnya berpendapat bahawa ertinya adalah haiwan yang dikorbankan semasa haji dan umrah. Adapun al-Hasan al-Basrī berpendapat bahawa erti (نُسُك) pada ayat itu adalah agama. Dengan itu maka maksud kalimat yang diucapkan oleh Rasulullah (إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ) adalah "Sesungguhnya sembahyan - ku, ibadatku atau korbanku atau agamaku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan semesta alam."[2]

Adapun kata (مَنْسَك) diulang dua kali dalam al-Quran, iaitu dalam surah *al-Hajj* (22): 34, 67. Dalam ayat yang ke 67 juga terdapat lafaz (نَاسِكُ). Para ulama berbeza pendapat dalam mengertikan lafaz (مَنْسَك) dalam ayat ke 34. Ada yang mengertikannya dengan haiwan korban, tempat menyembelih korban, mazhab, hari raya dan ada juga yang mengatakan bahawa maksudnya adalah haji. Namun mengikut Imām al-Syawkānī, erti yang pertama iaitu "haiwan korban" adalah erti yang lebih tepat, sebab lebih sesuai dengan konteks ayat tersebut.[3] Ayat tersebut menyatakan bahawa syariat korban sudah dilakukan oleh umat-umat terdahulu sebagai cara untuk mengingat Allah.

Adapun lafaz (مَنْسَك) yang terdapat dalam ayat ke 67 diertikan dengan aturan-aturan agama atau syariat. Pada ayat tersebut dijelaskan bahawa Allah telah menetapkan (مَنْسَكًا) "syariat" yang berbeza-beza kepada setiap umat-umat terdahulu. Dan yang wajib melaksanakannya adalah umat-umat tersebut pada masa itu bukannya umat-umat yang lain (هُمْ نَاسِكُوه). Oleh itu aturan-aturan yang terdapat dalam kitab Taurat adalah wajib dilaksanakan oleh umat yang hidup pada masa Nabi Mūsā hingga Nabi 'Īsā. Aturan-aturan yang terdapat dalam Injil wajib dilaksanakan oleh umat yang hidup pada masa Nabi 'Īsā hingga datangnya Nabi Muhammad. Dan aturan-aturan al-Quran wajib dilaksanakan oleh orang-orang yang hidup pada masa Nabi Muhammad dan setelahnya.[4]

Manakala kata (مَنَاسِك) diulang dua kali, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2): 128, 200. Yang dimaksudkan dengan (مَنَاسِكَنَا) dalam ayat 128 adalah ibadah-ibadah dalam musim haji. Ada pula yang mengatakan bahawa maksudnya adalah tempat-tempat menyembelih korban atau semua jenis ibadah. Imām al-Syawkānī lebih cenderung kepada pendapat yang pertama. Pada ayat tersebut diceritakan tentang doa yang diucapkan oleh Nabi Ibrāhīm dan Nabi Ismā'īl. Antara doanya adalah (وَأَرِنَا مَنَاسِكَنَا) *"Dan tunjukkanlah kepada kami cara-cara ibadah haji kami."*[5] Begitu pula dengan kata (مَنَاسِكَكُمْ) yang terdapat dalam surah *al-Baqarah* ayat ke 200, ertinya adalah ibadah-ibadah dalam musim haji (فَإِذَا قَضَيْتُمْ مَنَاسِكَكُمْ). Pada ayat tersebut Allah memerintahkan para jemaah haji apabila telah selesai melaksanakan ibadah-ibadah haji hendaklah mereka tetap mengingat atau berzikir kepada Allah.[6]

1 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 198.

2 *Ibid.*, j. 2, h. 185.

3 *Ibid.*, j. 3, h. 452.

4 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 467.

5 *Ibid.* j. 1, h. 142.

6 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 206.

NUSYŪR – NASYRĀ – NĀSYIRĀT – MANSYŪR – MUNASYSYARAH - MUNSYARĪN – MUNTASYIR

Erti kata kerja (نَشَرَ - يَنْشُرُ) adalah membentang, membuka atau menyebarkan. Apabila dikatakan (نَشَرْتُ الصَّحِيْفَةَ) maka ertinya adalah, "saya membuka sahifah/kitab." Dan apabila dikatakan (وَاللهُ يَنْشُرُ رَحْمَتَه) maka ertinya adalah "Allah menyebarkan rahmat -Nya." Apabila dikatakan (نَشَرَ الْمَيِّتُ) maka ertinya adalah "mayat itu bangkit dari kubur (dan pergi meninggalkan kuburnya)."[1]

Di dalam al-Quran, lafaz yang berasal kata kerja ini banyak disebut, iaitu kata نُشُور, اَلنَّاشِرَات, نُشُرًا, مَنْشُور, مُنَشَّرَة, مُنْشَرِين dan مُنْتَشِر.

Dalam al-Qur'an lafaz (نُشُور) diulang lima kali, iaitu dalam surah *Fātir* (35): 9; *al-Mulk* (67): 15; *al-Furqān* (25): 3, 40, 47. (اَلنَّاشِرَات), ia diulang sekali sahaja, iaitu dalam surah *al-Mursalāt* (77): 3, pada ayat yang sama lafaz (نُشُرًا) juga disebut. Lafaz yang lain adalah (مَنْشُور), ianya diulang dua kali, iaitu dalam surah *al-Tūr* (52): 3 dan al-Isrā' (17): 13. Lafaz (مُنَشَّرَة) disebut sekali iaitu dalam surah *al-Muddaththir* (74): 52. Lafaz (مُنْشَرِين) diulang sekali sahaja, iaitu dalam surah *al -Dukhān* (44): 35 dan lafaz (مُنْتَشِر) diulang sekali, iaitu dalam surah *al-Qamar* (54): 7.

Empat dari lima ayat yang menyebut lafaz (نُشُوْر), menerangkan tentang kebangkitan manusia dari kematian. Dan lafaz (نُشُوْر) pada keempat ayat tersebut bererti kebangkitan manusia dari alam kubur pada hari kiamat nanti. Semasa manusia keluar dari kubur mereka bertebaran di merata tempat yang sangat luas. Allah menerangkan bahawa kebangkitan manusia dari kubur bukanlah perkara yang mustahil sebab Allah maha kuasa. Di dunia ini, Allah dapat menumbuhkan pokok-pokok dari tanah yang asalnya kering dan mati sehingga membangkitkan manusia dari kubur adalah perkara biasa bagi Allah (*Fātir* (35): 9). Manakala Tuhan-tuhan yang disembah oleh orang kafir tidak mempunyai kuasa apa pun, mereka juga tidak sanggup membangkitkan manusia dari kubur (*al -Furqān* (25): 3). Meskipun telah banyak bukti dan hujah, namun orang-orang kafir –termasuk kaum Musyrik Makkah- tetap tidak percaya terjadinya kebangkitan manusia dari kubur (*al-Furqān* (25): 40). Namun Allah menegaskan bahawa semua manusia yang hidup di dunia ini, nantinya akan kembali kepada Allah dan akan dibangkitkan dari alam kubur untuk dipertanggungjawabkan ke atas semua amal perbuatannya. (*al-Mulk* (67): 15).

Manakala lafaz (نُشُوْر) yang terdapat dalam surah *al-Furqān* (25): 47, ertinya adalah bangkit dan bangun, namun yang dimaksudkan adalah bangkit dan bangun dari tidur di malam hari. Pada ayat tersebut dijelaskan bahawa Allah telah menjadikan malam untuk tidur dan istirahat, dan Dia menjadikan siang untuk bangun dan bangkit dari tidur, (وَجَعَلَ النَّهَارَ نُشُوْرًا) dan juga bertebaran (اِنْتِشَار) di atas bumi untuk berikhtiar mencari rezeki dan kelebihan dari Allah. Rasulullah juga mengajarkan doa selepas bangun tidur, iaitu (اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِيْ أَحْيَانَا بَعْدَ مَا أَمَاتَنَا وَإِلَيْهِ النُّشُوْر), "segala puji milik Allah yang telah menghidupkanku (membangunkanku) selepas Dia mematikanku (membuatku tidur). Dan hanya kepada -Nya lah kita nanti dibangkitkan." Sehingga pada ayat ini keadaan tidur diumpamakan dengan kematian manakala bangun dari tidur diumpamakan dengan bangkit dari alam kematian.[2]

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 714.

2 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 13, h. 39 dan al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 4, h. 80.

Lafaz (مُنْشَرِين) yang terdapat dalam surah *al-Dukhān* (44): 35 juga dikaitkan dengan hari kebangkitan manusia dari alam kubur. Pada ayat tersebut dijelaskan bahawa kaum Musyrik Makkah meyakini bahawa setelah mati, orang tidak akan dihidupkan kembali. Dengan sombong mereka berkata, "Kami sekali-kali tidak akan dibangkitkan." (وَمَا نَحْنُ بِمُنْشَرِين). Padahal hari kiamat dan hari kebangkitan dari kubur pasti terjadi. Dalam surah *al-Qamar* (54): 7 diterangkan bahawa semasa bangkit dari kubur manusia bangun dengan menundukkan pandangannya kerana takut dan bingung. Selain daripada itu, mereka datang dari berbagai arah, bergabung antara satu dengan lainnya dan berlari-lari menuju tempat penghitungan amal memenuhi panggilan yang menyuruh mereka untuk berkumpul. Keadaan manusia semacam ini digambarkan oleh al-Qur'an bagaikan belalang yang berterbangan (جَرَادٌ مُنْتَشِر) di udara.[1]

Pada hari penghitungan amal, semua manusia akan diberi kitab-kitab yang terbuka (كِتَابًا يَلْقَاهُ مَنْشُورًا) yang berisi catatan -catatan amal mereka semasa di dunia. Yang soleh akan menerimanya dengan tangan kanan, manakala orang yang derhaka akan menerimanya dengan tangan kiri (*al-Isrā'* (17): 13). Lafaz (مَنْشُور) yang terdapat dalam surah *al-Tūr* (52): 3 ditafsirkan oleh sebahagian ulama, antaranya adalah oleh Imām al-Farrā', juga dikaitkan dengan kitab-kitab terbuka yang berisi catatan amal. Namun sebahagian besar ulama mengertikan (وَكِتَابٍ مَسْطُور فِي رَقٍّ مَنْشُور) pada surah *al-Tūr* dengan "kitab (al-Qur'an) yang tertulis pada lembaran yang terbuka." Ini menunjukkan bahawa al-Quran dapat dibaca oleh ramai orang. Oleh itu akan terselamat dari kesalahan-kesalahan dan terlindung dari perubahan-perubahan.[2]

Dalam surah *al-Muddaththir* (74): 52 diceritakan bahawa orang kafir Quraisy tidak mempercayai kenabian Muhammad, sehingga mereka pun meminta kepada Nabi supaya Allah menurunkan kitab-kitab yang terbuka, dapat dilihat oleh orang ramai (صُحُفًا مُنَشَّرَة) kepada setiap orang yang di dalam kitab tersebut tertulis bahawa Muhammad adalah benar seorang Nabi.[3] Ini menunjukkan bahawa kaum Musyrikin Makkah sangat memusuhi dakwah Nabi hingga mereka meminta perkara-perkara yang tidak perlu.[4]

Adapun ungkapan (وَالنَّاشِرَاتِ نَشْرًا) yang terdapat dalam surah *al-Mursalāt* (77), ayat 3, para ulama berbeza pendapat dalam mengertikannya. Ada antara mereka yang mengertikannya dengan angin yang menyebarkan awan di langit sehingga turun hujan, ada pula yang mengertikannya dengan malaikat yang bertugas menggerakkan dan menyebarkan awan.[5]

NUTFAH (نُطْفَة)

Apabila dikatakan (نَطَفَ الْمَاءُ) ertinya, "air itu telah mengalir." Manakala lafaz (نُطْفَة) digunakan bagi menyebut air mani yang sedikit sama ada yang keluar daripada kemaluan lelaki mahupun perempuan. Air mani dinamakan (نُطْفَة) kerana ia mengalir.[6]

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 264; al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 122.

2 Al-Alūsī (t.t.) *op. cit.*, j. 27, h. 27 dan al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 94.

3 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 333.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 163.

5 Lebih lanjut mengenai perbezaan makna kata tersebut lihat al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 356.

6 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 342 dan *Majma' al-*

Di dalam al-Quran, lafaz (نُطْفَة) diulang 12 kali iaitu dalam surah *al-Mukminūn* (23), ayat 13, 14; *al-Qiyāmah* (75), ayat 37; *al-Nahl* (16), ayat 4; *al-Kahfi* (18), ayat 37; *al-Hajj* (22), ayat 5; *Fātir* (35), ayat 11; *Yāsīn* (36), ayat 77; *Ghāfir* (40), ayat 67; *al-Najm* (53), ayat 46; *al -Insān* (76), ayat 2; dan *'Abasa* (80), ayat 19.

Dalam kesemua ayat ini, Allah mengingatkan manusia, mereka asalnya terbentuk daripada jumlah yang sedikit daripada air mani (نُطْفَةٍ مِنْ مَنِيٍّ) yang hina dan lemah.[1] Daripada air yang seperti itu kemudian terbentuklah manusia dengan susunan tubuh badan yang elok dan kuat.

Ini menunjukkan Allah maha agung dan berkuasa. Selain itu, dengan mengingat asal penciptaan ini, manusia semestinya tidak patut untuk sombong apatah lagi menentang perintah Allah.

Lughah al-'Arabiyyah (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 726.

1 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 342 dan Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 562.



حرف الواو

الواو



WADD (وَدّ)

Lafaz *wadd* (وَدّ) ialah nama salah satu tuhan yang disembah oleh kaum Nabi Nūh yang kafir. Lafaz ini hanya disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Nūh* (71), ayat 23.

Ayat ini menerangkan mengenai kedegilan pemimpin-pemimpin kafir di kalangan kaum Nabi Nūh. Mereka berkata kepada para pengikut mereka,

لَا تَذَرُنَّ ءَالِهَتَكُمْ وَلَا تَذَرُنَّ وَدًّا وَلَا سُوَاعًا
وَلَا يَغُوثَ وَيَعُوقَ وَنَسْرًا

"Jangan kalian meninggalkan (penyembahan) tuhan-tuhan kalian, terutama (penyembahan) kepada Wadd, dan Suwā', dan Yaghūth, dan Ya'ūq, serta Nasr."

Nama-nama itu sebenarnya adalah nama -nama orang soleh sebelum mereka. Selepas mereka mati, syaitan menggoda orang selepas mereka supaya membuat gambar dan patung -patung orang itu dengan tujuan mereka bersemangat melakukan ketaatan dan ibadah apabila melihat gambar dan patung itu. Namun lama-kelamaan, mereka menyembah patung-patung itu dan menganggap patung -patung itu yang menyebabkan turunnya rezeki.[1]

WĀJIFAH (وَاجِفَة)

Erti kata kerja *wujafa - yajifu* (وَجَفَ - يَجِفُ) ialah kalut atau bingung. Apabila dikatakan *wajita al-qalb* (وَجِفَ الْقَلْبُ), ertinya hatinya sedang kacau, sedih dan berdebar. Oleh yang demikian, lafaz *wajif* (وَاجِف) dan *wajifah* (وَاجِفَة) ertinya orang yang bingung, kalut dan berdebar.[2]

Di dalam al-Quran, lafaz (وَاجِفَة) hanya disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Nāzi'āt* (79), ayat 8. Ayat ini menceritakan tentang kebingungan orang kafir semasa terjadinya hari kiamat nanti. Digambarkan, pada hari itu, hati orang kafir kalut, takut dan bingung (قُلُوبٌ يَوْمَئِذٍ وَاجِفَةٌ) kerana mereka khuatir dengan amal perbuatan yang mereka lakukan.[3]

WAJĪHĀ (وَجِيهًا)

Lafaz *wajih* (وَجِيهٌ) adalah bentuk kata adjektif daripada *wajh* (وَجْهٌ) dan bentuk jamaknya adalah *wujaha* (وُجَهَاء). Ertinya orang yang mulia dan mempunyai kedudukan.[4] Di dalam al-Quran, lafaz *wajihan* (وَجِيهًا) diulang dua kali sahaja iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 45 dan surah *al-Ahzāb* (33), ayat 69.

Dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 45 menerangkan tentang sifat-sifat yang dimiliki oleh Nabi 'Īsā. Antaranya, beliau adalah orang yang mulia dan berkedudukan sama ada di dunia mahupun di akhirat (وَجِيهًا فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ). Maksudnya, Nabi 'Īsā mulia dan mempunyai kedudukan di hadapan Allah sama ada di dunia dengan diberi wahyu yang berupa syariat dan juga diberi kitab dan juga di akhirat, dengan diberi izin untuk memberi syafaat kepada orang yang

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 427

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 826

3 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 377

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 826

dikehendaki Allah.[1]

Dalam surah *al-Ahzāb* (33), ayat 69 juga menerangkan kemuliaan seorang nabi iaitu Nabi Mūsā. Ditegaskan, Nabī Mūsā di hadapan Allah adalah hamba yang mulia dan mempunyai kedudukan yang tinggi (وَكَانَ عِندَ ٱللَّهِ وَجِيهًا). Penegasan Allah ini adalah bagi menolak tuduhan-tuduhan Banī Isrā'el yang menganggap Nabi Mūsā mempunyai penyakit kulit dan juga tuduhan beliau yang membunuh Nabi Hārūn di gunung dan juga tuduhan-tuduhan lain. Namun, tuduhan -tuduhan itu tidak benar dan tidak terbukti.[2]

WASĪD (ٱلْوَصِيد)

Erti lafaz (وَصِيد) ialah halaman rumah atau halaman gua. Ada juga yang mengertikannya sebagai ambang pintu rumah atau gua.[3] Perkataan ini hanya disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Kahfi* (18), ayat 18.

Ayat ini menceritakan tentang keadaan anjing *Ashāb al-Kahfi* yang setia dengan tuannya sehingga ia sanggup menunggu tuannya di pintu gua dan menghulurkan dua kaki depannya dekat pintu gua (وَكَلْبُهُم بَٰسِطٌ ذِرَاعَيْهِ بِٱلْوَصِيدِ). Ibn Kathīr menyatakan anjing itu menjaga *Ashāb al-Kahfi* di pintu sepertimana kebiasaan anjing-anjing lain. Ia berada di pintu (tidak di dalam gua) kerana malaikat tidak mahu masuk tempat yang di dalamnya ada anjing. Selain itu, selama menunggu tuannya, anjing itu juga tidur sama seperti *Ashāb al-Kahf.*

Kejadian ini memberi pengajaran dan pelajaran iaitu berkawan dengan orang yang baik memberi manfaat yang besar sepertimana anjing itu akhirnya selalu disebut bersama dengan *Ashāb al-Kahfi.*[4]

WAT'Ā (وطئا)

Erti lafaz *wath'*(وَطْأٌ) ialah memijakkan telapak kaki di atas bumi. Apabila dikatakan (شَدِيدُ ٱلْوَطْءِ فِي أَمْرِهِ), ertinya orang yang teguh dan kukuh dalam mengerjakan sesuatu sepertimana orang yang kukuh semasa memijakkan telapak kakinya di atas bumi.[5] Lafaz ini hanya disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-Muzzammil* (73), ayat 6.

Ayat ini menerangkan tentang manfaat beribadah di tengah malam yang ditegaskan sebagai (أَشَدُّ وَطْئًا وَأَقْوَمُ قِيلًا), maksudnya lebih kuat kesannya kepada jiwa dan lebih tetap betul bacaannya. Imām Ibn Kathīr mentafsirkan ayat ini dengan mengatakan, ibadah pada tengah malam lebih memberi kesan kepada yang melakukannya. Ini kerana yang diucapkan oleh lisan dengan yang terlintas dalam hati lebih selaras, sehingga yang melakukannya lebih dapat memahami bacaannya dan lebih terkesan di hatinya daripada dilakukan pada siang hari kerana banyak gangguan suara dan ramai orang.[6]

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 365

2 *Ibid.*, j. 3, h. 521-522

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 852

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 77

5 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970),*op. cit.*, j. 2, h. 858

6 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 436

WATĪN (اَلْوَتِين)

Erti lafaz *al-watin* (اَلْوَتِين) ialah urat dalam jantung yang apabila dipotong, pemilik jantung itu akan mati. Dengan kata lain, ia adalah urat nadi utama yang membekalkan darah dari jantung ke seluruh bahagian tubuh badan manusia.[1]

Di dalam al-Quran, lafaz (اَلْوَتِين) disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Hāqqah* (69), ayat 46. Ayat ini berada dalam rangkaian ayat yang menegaskan, al-Quran adalah wahyu daripada Allah, bukan karangan Nabi Muhammad. Ditegaskan, sekiranya Nabi Muhammad yang menyampaikan al-Quran itu mengatakan atas nama Allah secara dusta dengan membuat sebarang kata-kata rekaan, sudah tentu Allah menyentapnya, kemudian memutuskan tali jantungnya (ثُمَّ لَقَطَعْنَا مِنْهُ الْوَتِينَ) supaya ia mati dengan serta-merta. Dan tidak ada seorang pun antara manusia yang dapat menghalang tindakan Allah itu daripada menimpanya.[2]

WATR (اَلْوَتْرُ)

Erti lafaz *al-watr* (اَلْوَتْرُ) atau (اَلْوِتْرُ) ialah angka ganjil, lawan angka genap.[3] Lalu (اَلْوَتْرُ) di dalam al-Quran hanya disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Fajr* (89), ayat 3.

Ayat ini berada dalam rangkaian beberapa perkara yang digunakan oleh Allah untuk bersumpah, iaitu demi waktu Subuh, demi sepuluh malam pertama bulan Dhu al-Hijjah, demi angka genap dan ganjil (وَالشَّفْعِ وَالْوَتْرِ), dan demi malam apabila mulai gelap.

Ulama tafsir berbeza pendapat dalam mengertikan lafaz (الشَّفْعِ) dan (الْوَتْرِ). Antara pendapat ini adalah pendapat Ibn 'Abbās, Ikrimah dan al-Dāhhāk yang memberi makna (الشَّفْعِ) sebagai Hari Raya Korban, kerana ia terjadi pada tarikh 10 Dhu al-Hijjah. Manakala lafaz (الْوَتْرِ) diertikan sebagai Hari 'Arafah, kerana ia terjadi pada tarikh 9 Dhu al-Hijjah.

Manakala Ibn Zubair mengertikan (الشَّفْعِ) sebagai *nafar awwal*, sebab orang berhaji yang melakukan *nafar awwal* hanya duduk di Mina dua hari, manakala (الْوَتْرِ) ditafsirkan dengan *nafar thānī* sebab orang berhaji yang melakukan *nafar thānī* duduk di Mina selama tiga hari. Al-Hasan al-Basrī mentafsirkan dengan bilangan genap dan bilangan ganjil.[4]

Imām Ibn Kathīr menegaskan, perkara -perkara yang dijadikan sumpah oleh Allah pada awal surah ini adalah berkaitan dengan waktu-waktu ibadah yang mulia, khasnya ibadah haji, sembahyang dan juga bentuk ibadah *taqarrub* lainnya yang dilakukan oleh orang yang bertakwa, takut kepada Allah dan khusyuk di hadapannya.[5]

WIJHAH (وِجْهَةٌ)

Erti lafaz *wijhah* (وِجْهَةٌ) ialah arah atau tempat seseorang menghadap kepadanya.[6] Di da-

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 819

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 418

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *loc. cit.*

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 506-507

5 *Ibid.*, h. 508

6 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h.

lam al-Quran, lafaz ini hanya disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 148.

Dalam ayat ini, Allah menegaskan setiap penganut agama mempunyai kiblat mereka sendiri (وَلِكُلٍّ وِجْهَةٌ هُوَ مُوَلِّيهَا), sama ada kiblat itu ditetapkan dengan syariah yang benar mahupun dengan syariah yang salah. Oleh itu, orang kafir tidak akan menghadap kiblat umat Islam, dan umat Islam tidak boleh menghadap kiblat mereka.[1]

Abū al-'Āliyah mengatakan kaum Yahudi mempunyai kiblat tersendiri, begitu juga dengan kaum Nasranī mereka juga mempunyai kiblat tersendiri, sedangkan kiblat umat Islam adalah kiblat yang ditetapkan oleh Allah.[2]

WUDD (وُدّ)

Erti kata *wudd* (وُدّ) ialah rasa cinta yang ada di dalam hati.[3] Lafaz ini hanya disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Maryam* (19), ayat 96. Ayat ini menerangkan, sesungguhnya orang yang beriman dan yang beramal soleh akan dianugerahkan Allah perasaan cinta dan kasih sayang antara mereka (سَيَجْعَلُ لَهُمُ الرَّحْمَٰنُ وُدًّا).

Imām al-Syawkānī menerangkan maksud ayat ini adalah Allah menimbulkan rasa cinta dan kasih sayang kepada orang yang beriman dan beramal soleh di hati hamba-hambanya dengan tanpa ada alasan mahupun permintaan, sepertimana Allah menimbulkan rasa takut kepada orang yang beriman dan beramal soleh di hati musuh-musuh Islam.[4]

WUHŪSY (وُحُوش)

Lafaz *wuhusy* (وُحُوش) adalah bentuk jamak daripada *wahsy* (وَحْشٌ). Ertinya haiwan -haiwan darat yang biasanya tidak jinak dengan manusia atau biasa disebut binatang buas.[5]

Di dalam al-Quran, lafaz (الوُحُوش) hanya disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-Takwīr* (81), ayat 5. Ayat ini menerangkan salah satu keadaan yang terjadi pada hari kiamat iaitu haiwan-haiwan buas akan dikumpulkan menjadi satu (وَإِذَا الْوُحُوشُ حُشِرَتْ).[6]

829

1 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 156

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 195

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 834

4 Al-Syakānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 353

5 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 830

6 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 477



حرف الهاء

H



HĀ (هَا)

Menurut al-Rāzī, *hā* (هَا) adalah salah satu huruf daripada huruf *mu'jam*, iaitu sebagai huruf tambahan. Ia juga dikatakan sebagai huruf peringatan (*harf tanbīh*) yang menghimpun antara dua peringatan (*tanbīhayn*) untuk memberi penekanan (*tawkīd*), dikhususkan untuk yang dekat.[1] Dalam *Mu'jam al-Wasīt*[2] dijelaskan hā mengandungi beberapa maksud:

- Bermaksud *ism fi'il* yang bererti "ambillah!"
- Bermaksud *damīr mu'annath*, contohnya "فَأَلْهَمَهَا"
- Ia sebagai peringatan dan ia mengandungi empat maksud, iaitu:

  1) Isyarat untuk yang dekat, misalnya, هٰذَا

  2) Bermaksud *damīr* yang berkedudukan *marfū'* yang memberi berita mengenainya dengan *ism isyārah*, seperti "هَا أَنْتُمْ"

  3) Sifat bagi *ayy* dalam al-nidā' (panggilan), misalnya "أَيُّهَا الرَّجُلُ".

  4) Ia masuk ke dalam *qasm* (sumpah) ke atas lafaz *al-Jalālah* ketika dihilangkan dari *qasm* (huruf yang digunakan untuk bersumpah), contohnya "هَاأَللَّهِ".

Lafaz *hā* yang dihubungkan dengan *damīr* "*antum*" disebut empat kali di dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *Āli 'Imrān* (3), ayat 66, 119, *al-Nisā'* (4), ayat 109 dan *Muhammad* (47), ayat 38. Al-Rāghib berkata, "*hā* adalah bagi peringatan (*tanbīh*) dalam perkataan *hādhā* dan *hādhihi*. Manakala hā yang dihubungkan dengan *antum* membawa maksud *istifhām* (pertanyaan)."[3] Al-Sayūtī berkata, "iā adalah huruf yang membawa makna peringatan dan masuk ke dalam isyarat."[4] Al-Zamakhsyarī berkata, "*hā* adalah sebuah peringatan."[5]

Kesimpulannya, *hā* adalah huruf yang menunjukkan peringatan dan *istifhām* (pertanyaan) bagi yang dekat serta digunakan bagi *mudhakkar* dan *mu'annath*.

HĀ'UM (هَاؤُمُ)

Hā'um adalah *ism* (kata benda) yang bermakna *fi'il* (kata kerja), iaitu lafaz yang bererti mengambil, lawan kata *hāt* atau berilah.[6] Dalam bahasa lain ialah *hā'* (هَاء), *hā'ā* (هَاآ), *hā'u* (هَاؤُا), *hā'ī* (هَايِ), *ha'na* (هَأَنَ). Ia boleh dijadikan *muthannā* dan jamak, iaitu "هَاؤُمَا" dan "هَاؤُمُوا". Lafaz ini disebut sekali di dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Hāqqah* (69) ayat 19.

Al-Zamakhsyarī berkata, "ia adalah suara yang dapat difahami daripadanya makna "ambillah" seperti "*uf*" dan "*hiss*". Maksud asalnya, "Ambillah kitabku dan kamu bacalah kitabku."[7] Ibn Qutaybah berkata, "ia dalam kedudukan "ambillah dan raihlah" dan asalnya ialah "*hākum iqra'u*," dihilangkan al-kāf dan digantikan kepada hamzah.[8] Begitu juga dengan pendapat al-Sayūtī dan al-Zarkasyī[9]

1 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 688.

2 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 968.

3 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 548.

4 Al-Sayūtī (1996), *op. cit.*, j. 2, h. 522.

5 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 364 dan 551.

6 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 549.

7 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 590.

8 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 554.

9 Al-Zarkasyī (t.t.), *op. cit.*, j. 4, h. 432.

di mana ia adalah *ism fi'il* yang mengandungi makna "ambillah!" dan boleh dijadikan *muthannā* dan jamak.[1] Kesimpulannya, *hā'um* bermaksud kamu ambillah dan raihlah.

HABĀ' (هَبَاءٌ)

Habā' adalah *masdar* daripada perkataan *habā* (هَبَا), ertinya tanah yang halus atau debu dan apa yang ada di udara, ia tidak kelihatan kecuali di bawah sinaran Matahari.[2] Dalam *Mu'jam*, *al-habā'* ialah debu yang diterbangkan angin dan bersatu dengan sesuatu. *Al-Habā'* daripada manusia adalah orang yang cetek akalnya, jamaknya *ahbiyah* (أهبية).[3] Lafaz *habā'* disebut dua kali di dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Furqān* (25), ayat 23 dan *al-Wāqi'ah* (56), ayat 6. Dilaporkan oleh al-Hārith daripada 'Alī, beliau berkata, "*al-habā' al-manthūr* adalah sinaran matahari yang masuk dari lubang."[4] Al-Azharī berkata, "*al-habā'* ialah apa yang keluar daripada lubang di celah-celah sinaran matahari seperti debu."[5] Ibn 'Arafah berkata, "*al-habā'* adalah debu yang begitu halus."[6] Al-Qurtubī mentakwilkan ayat dalam surah *al-Furqān* di atas, "Sesungguhnya Allah menghilangkan amalan-amalan mereka sehingga menjadi seperti debu yang berterbangan." Manakala *al-habā' al-munbath* adalah debu yang diterbangkan dan dipisah-pisahkan oleh kuda."[7]

Dilaporkan oleh Abū Ishāq daripada al-Hārith daripada 'Alī, *al-habā' al-munbath* adalah seperti debu yang halus yang berterbangan dan berhamburan dan hilang sehingga tidak tinggal sedikit pun.[8] Qatādah berkata, "*al-habā' al-munbath* ialah seperti pokok yang kering yang diterbangkan oleh angin."[9]

Kesimpulannya, dalam surah *al-Furqān*, lafaz *al-habā'* dihubungkan dengan *al-manthūr*. Ertinya debu yang halus yang berterbangan dan ia kelihatan apabila berada di bawah sinaran matahari. Makna ini adalah kiasan bagi amalan yang rosak. Sedangkan dalam surah *al-Wāqi'ah*, lafaz ini dihubungkan dengan *munbath*. Maknanya adalah debu yang diterbangkan oleh angin. Ayat ini ada kaitannya dengan keadaan gunung pada masa datangnya hari kiamat yang ia akan dihancurkan sehingga menjadi debu yang berhamburan yang diterbangkan oleh angin.

HĀD – HĀDĪ – HĀDIYAN (هَادٍ-هَادِي-هَادِياً)

Lafaz ini adalah *ism fā'il* daripada *hadā* (هَدَى). Pada lafaz *hād* dihilangkan huruf *al-yā'* (ي) kerana dalam keadaan *sukūn* (tanda mati pada ayat) dan bertemu dengan tanwin.[10] Manakala lafaz *hādī* (هادي) dengan mengekalkan huruf *al-yā'* adalah bacaan *al-kūfiyyūn* dan sebahagian mazhab ahli bahasa ada yang mengatakan, "*hādhā hādī, wālī, dā'ī*" kerana menghilangkan *al-yā'* dalam keadaan wasl (bersambung dengan lafaz lain) disebabkan

1 Al-Sayūtī (1996), *op. cit.*

2 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 536.

3 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 971.

4 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 13, h. 27.

5 *Ibid.*

6 *Ibid.*

7 *Ibid.*

8 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 254.

9 *Ibid.*

10 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 9, h. 333.

bertemu dengan tanwin, dan kami menjadikannya dalam keadaan waqaf sehingga *al-yā'* diisbatkan."[1] Lafaz *hādiyan* adalah *hāl* (keadaan) bagi lafaz "al-Rabb."

Lafaz di atas mengandungi beberapa makna, iaitu sebagai salah satu daripada nama -nama Allah, orang yang memberi petunjuk, leher, singa dan sebagainya.[2] Asalnya daripada perkataan *hādī al-faras* iaitu leher kuda yang memimpin seluruh anggota badannya.[3]

Lafaz *Hād* (هاد) disebut 7 kali di dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Ra'd* (13), ayat 7, 33; *al-Zumar* (39), ayat 23, 36; *Ghāfir* (40), ayat 33; *al-Haj* (22), ayat 54; *al-Rūm* (30), ayat 53 dan lafaz *Hādī* disebut dua kali, iaitu dalam surah *al-Naml* (27), ayat 81, *al-A'rāf* (7), ayat 186. Manakala lafaz Hādiyan disebut sekali iaitu dalam surah *al-Furqān* (25) ayat 31. Lafaz *hād*, *hādī* dan *hādiyan* mengandungi beberapa makna:

- Al-Rāghib berpendapat ia bermaksud penyeru kepada petunjuk Allah.[4]
- Al-Qurtubī,[5] al-Zamakhsyarī[6] dan al -Syawkānī[7] berpendapat maksud lafaz hād adalah nabi yang menyeru kepada agama Allah yang di dalamnya terdapat hidayah dan petunjuk bagi mereka.
- Ia bermaksud Allah, kerana Dia memberi petunjuk kepada setiap kaum, jika ia menghendakinya, mereka mendapat petunjuk. Sebagaimana pendapat Sa'īd bin Jubayr[8] Mujāhid,[9] Ibn 'Abbās[10] dan al-Dahhāk.[11]
- Abī al-Duhā, al-Suddī dan 'Ikrimah berpendapat hādī bermaksud Nabi Muhammad.[12]
- Al-Tabarī mentafsirkan surah *al-Ra'd* (13), ayat 7, Allah berkata kepadanya, "Wahai Muhammad! Engkau adalah pemberi peringatan bagi mereka" dan Dia berkata, "Dan bagi setiap kaum atau golongan terdapat imam yang mereka ikuti dan pemberi jalan atau petunjuk di mana menunjukkan mereka, sama ada kepada jalan kebaikan mahupun jalan kejahatan."[13]

Kesimpulannya, makna asal *hād*, *hādī* dan *hādiyan* adalah Allah kerana tiada siapa yang dapat memberikan petunjuk dan hidayah kepada manusia kecuali Dia dengan taufik serta bantuannya. Manakala dalam surah *al-Rūm* dan *al-Naml*, lafaz *hād* atau *hādī* dikaitkan dengan "anta" iaitu *damīr mukhātab* (kata ganti nama kedua) yang ditujukan kepada Muhammad. Tafsirannya, "Engkau (wahai Muhammad) tidak dapat memberi petunjuk kepada sesiapa yang Allah butakan daripada petunjuk," [14] sebagaimana ia juga disebut dalam surah *al-Naml*. Manakala dalam surah *al-Ra'd* (13), ayat 7, lafaz *hād* atau *hādī* mengandungi semua makna dan maksud di atas.

1 *Ibid.*, h. 334.

2 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 859, Anīs et al. (1962), op. cit., h. 979.

3 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 8, h. 139.

4 Al-Isfahānī (1961), *op. cit.*, h. 539.

5 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 9, h. 293.

6 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 495.

7 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 83.

8 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, h. 140, athar no. 15303.

9 *Ibid.*, athar no. 15304.

10 *Ibid.*, athar no. 15305.

11 *Ibid.*, h. 140, athar no. 15306.

12 *Ibid.*, ahthar no. 15301 dan 15302.

13 *Ibid.*, h. 139.

14 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 483.

HAḌĪM (هَضِيمٌ)

Lafaz ini adalah dalam bentuk *mubālaghah ism fā'il* daripada kata kerja *hadama* (هَضَمَ), yang bermaksud mencerna, marah dan menzalimi; *al-hadīm* mengandungi maksud kezaliman, yang masak, tercerna, sebahagian masuk ke sebahagian yang lain dan kemarahan.[1] *Hadīm* untuk wanita bermaksud perempuan yang kecil perutnya. *Al-hadīmah* adalah makanan yang dibuat untuk si mati.[2] Lafaz ini disebut sekali di dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Syu'arā'* (26), ayat 148. Al-'Ūfī melaporkan daripada Ibn 'Abbās, lafaz ini bermaksud matang dan sampai masanya.[3] Dalam laporan 'Alī bin Abī Talhah daripada Ibn 'Abbās, ia bermaksud kering.[4] Abū Ishāq merekodkan daripada Abī 'Alā', ia bermakna bahagian yang kering.[5] Mujāhid berkata, "ia bermaksud apabila kering akan pecah bertaburan."[6] 'Ikrimah dan Qatādah berpendapat, *hadīm* (هضيم) bermaksud yang matang lagi lunak.[7] Al-Dahhāk berkata, "ia bermakna apabila banyak akan mengeluarkan buah yang bertindih-tindih."[8] Al-Hasan al-Basrī berkata, "*hadīm* adalah yang tidak ada baginya biji."[9] Abū Sakhr berkata, "adakah engkau pernah melihat mayang ketika terpecah dari seludang mayang? [10] Kamu akan melihat mayang melekat antara satu dengan yang lainnya."[11] Al-Fayrūz Ābādī berkata, "ia bermaksud yang matang yang bergabung di hujung mayang."[12] Kesimpulannya, *hadīm* pada ayat di atas dikaitkan dengan *nakhl* yang bermakna pohon kurma dan maksudnya pohon kurma yang menampakkan buah yang bertindih-tindih lagi matang. Ia adalah makanan bagi penghuni syurga.

HADIYYAH (هَدِيَّةٌ)

Lafaz ini berasal daripada lafaz *hadā* (هَدَى), mencakupi maksud sepasang pengantin, apa yang diberikan oleh teman atau sahabat daripada benda yang berharga, atau makanan ringan[13] sebagai tanda penghormatan dan kecintaan.[14] Dalam *Kamus Dewan,* hadiah adalah pemberian kerana penghargaan, untuk kenang-kenangan atau sebagai penghormatan, ganjaran kerana menang dalam perlumbaan, pertandingan dan lain-lain.[15] Jamaknya *hadāyā* (هَدَايَا).

Lafaz *hadiyyah* disebut dua kali di dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Naml* (27) ayat 35 dan 36. Disebutkan oleh salah seorang ulama salaf, *hadiyyah* pada kedua-dua ayat ini berupa emas, intan, permata dan sebagainya.[16] Mujāhid, Sa'īd bin Jubayr dan yang lain berkata, "Dia (Ratu Balqis) mengirim pelayan wanita dengan berpakaian pelayan lelaki dan pelayan lelaki memakai pakaian wanita, ia berkata, "Jika dia (Nabi Sulaiman) dapat mengetahui mereka itu maka ia adalah seorang nabi." Kemudian, Nabi Sulaiman meminta

1 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 988.
2 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 867.
3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 322.
4 *Ibid.*
5 *Ibid.*
6 *Ibid.*
7 *Ibid.*
8 *Ibid.*
9 *Ibid.*
10 Maksudnya kelopak bunga.
11 *Ibid*
12 Ābādī (1986), *op. cit.*, h. 329.
13 Anīs et al. (1962), *op. cit.*, h. 979.
14 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 860.
15 Noresah bt. Baharom *et al* (eds.) (2002), *op. cit.*, h. 425.
16 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 340.

mereka berwuduk, maka pelayan wanita mengambil air dengan tangan mereka sedang pelayan lelaki menggunakan gayung, lalu Nabi Sulaiman dapat membezakan pelayan lelaki dan perempuan."[1] Ibn Jurayj berkata, "*hadiyyah* ini dalam bentuk 200 pelayan lelaki dan wanita."[2] Abī Sālih berkata, "*hadiyyah* di sini adalah batu bata daripada emas."[3] Ibn Kathīr berkata, "yang mendekati kebenaran ialah cerek daripada emas."[4]

Kesimpulannya, maksud *hadiyyah* adalah harta benda sebagaimana pentafsirannya dalam ayat selanjutnya dan yang penting tujuan *hadiyyah* tersebut bagi menguji Nabi Sulaymān adakah beliau seorang nabi atau raja. Jika beliau menolak hadiah itu, maka beliau seorang nabi dan jika beliau menerima hadiah itu, maka beliau adalah seorang raja.

HADM (هَضْمٌ)

Lafaz ini berasal daripada kata kerja *hadama* (هَضَمَ). Makna asal *al-hadm* (الهَضْم) adalah *al-kasr* (الكسر) atau memecahkan, menzalimi, merampas dan mengurangkan,[5] dan *al-hadm* ialah pengurangan haknya dengan tidak memenuhi apa yang harus baginya.[6] Lafaz ini disebut sekali di dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *Tāhā* (20) ayat 112. al-Fayrūz berkata, "*al-hadm* dalam ayat ini bermakna *al-zulm*, iaitu kezaliman atau perampasan."[7] Al-Qurtubī berkata, "*al-hadm* adalah mengurangkan dari haknya sedangkan *al-zulm* adalah mengurangkan pahala daripada ketaatannya dan tidak bertambah kejahatannya."[8] Al-Mawardī berkata, "*al-zulm* menghalang daripada semua hak-haknya sedangkan *al-hadm* menghalang sebahagian dari haknya."[9] Dalam *Tafsīr al-Jalālayn*, makna lafaz *al-hadm* adalah mengurangkan daripada kebaikan-kebaikannya.[10]

Kesimpulannya, lafaz *hadm* bermaksud mengurangkan hak atau sebahagian kebaikan yang dilakukan. Dalam ayat ini dihubungkan dengan ungkapan "*falā yakhāfu*" yang bererti tidak khuatir. Jadi, makna keseluruhannya "(bagi yang beramal soleh) tidak khuatir akan dikurangkan keseluruhan kebaikannya mahupun sebahagiannya.

HADY (هَدْيٌ)

Lafaz *hady* (هَدْيٌ) mengandungi beberapa makna, iaitu apa yang dihadiahkan di Tanah Haram atau Makkah untuk disembelih terdiri daripada haiwan ternak;[11] lelaki yang mulia; jalan dan cara serta perangai atau akhlak.[12] Ia disebut sekali di dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Mā'idah* (5) ayat 95. Dalam *Tafsīr al-Jalālayn* dijelaskan, *hady* adalah balasan (di atas kesalahan memburu di Tanah Haram

1 *Ibid.*, Ibn Kathīr berkata, "ia adalah cerita Isrāiliyyāt, yang zahirnya Nabi Sulaymān tidak melihat keseluruhan apa yang didatangkan kepadanya dan tidak mempedulikannya tetapi menolaknya dan berkata sebagai penolakan ke atas apa yang mereka berikan."

2 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 11, h. 189, athar no. 20509.

3 *Ibid.*, h. 191, athar no. 20515.

4 Ibn Kathīr (1998), *loc. cit.*

5 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 867.

6 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*

7 Ābādī (1986), op. cit., j. 2, h. 329.

8 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j.11, h. 266.

9 *Ibid.*

10 Al-Jalālayn (t.t.), *op. cit.*, h. 411.

11 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 693.

12 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 978.

dalam keadaan berihram).[1] Ibn Kathīr berkata, "*hadyan bāligh al-Ka'bah* (هَدْيًا بَالِغَ الْكَعْبَةِ) bermaksud haiwan yang hendak disembelih itu dikirimkan hingga sampai ke Kaabah. Maksudnya haiwan itu sampai ke Tanah Haram dengan menyembelihnya sebagai korban di sana dan dagingnya dibahagi-bahagikan kepada orang miskin yang berada di Tanah Haram dan ini adalah perkara yang disepakati."[2] Dalam 'Abr al-Athīr, *hady* adalah denda atau gantian, iaitu berupa binatang yang sah dijadikan korban, lalu disembelih di Tanah Haram Makkah, kemudian dagingnya dibahagi-bahagikan kepada fakir miskin di sana.[3] Kesimpulannya, *hady* membawa maksud denda atau gantian daripada haiwan ternak disebabkan memburu buruan dalam keadaan berihram.

HĀLIK (هَالِكٌ)

Lafaz *hālik* (هَالِك) adalah *ism fā'il* daripada kata kerja *halaka* (هَلَكَ), jamaknya *halkā* (هَلْكَى), hullāk (هُلَّاكٌ) dan *hawālik* (هَوَالِكُ), maknanya fana, musnah, mati dan sebagainya.[4] Ia disebut sekali dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Qasas* (28), ayat 88. Hadis sahih daripada Abū Hurayrah katanya, Rasulullah berkata, "lafaz yang paling benar yang diungkapkan oleh seorang penyair ialah lafaz *labīd*, iaitu di mana segala sesuatu selain Allah akan batil (binasa)."[5]

Dalam *al-Asās fī al-Tafsīr*, ayat ini bermaksud sesungguhnya semua zat akan fana dan hilang (musnah) kecuali zat Allah.[6] Ibn Kathir[7] berkata, "ayat ini mengkhabarkan Allah kekal selama-lamanya hidup dan Qayyūm, di mana semua makhluk pasti mati, sedang Dia tidak mati, sebagaimana ayat Allah yang bermaksud, "segala yang ada di muka bumi itu akan binasa; dan akan kekallah zat Tuhanmu yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan."[8] Kesimpulannya, lafaz *hālik* bermaksud binasa, batil dan fana.

HALŪ' (هَلُوْعٌ)

Lafaz ini adalah *mubālaghah ism fā'il* daripada perkataan *hali'a* (هَلِعَ),[9] bermaksud yang begitu gelisah ketika ditimpa sesuatu yang tidak diingini,[10] yang sangat gelisah, sedih, lapar, yang terkejut daripada kejahatan, orang yang bakhil, yang sedih tidak sabar pada musibah yang menimpa.[11] Ia disebut sekali di dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Ma'ārij* (70), ayat 19. Al-Rāzī berkata, "*halū'ā* bermaksud orang yang paling gelisah dan dalam keadaan sedih seperti hari yang banyak angin ribut dan malam yang hening."[12] Al-Yazīdī

1 Al-Jalālayn (t.t.), *op. cit.*, h. 166.

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 93.

3 Ahmad Sonhadji Mohammad (1997), *op. cit.*, j. 7, h. 45.

4 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 991; Ma'lūf (1973), *op. cit.*, 871; Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 697.

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 377.

6 Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 7, h. 4121.

7 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 377, Abū al-Walīd berkata, "Apabila Ibn 'Umar hendak membuat perjanjian dengan hatinya, ia akan datang ke tempat reruntuhan, lalu berdiri di depan pintunya seraya memanggil dengan suara yang sedih, kemudian dia berkata, "Di mana yang binasa?" Lalu dia pun tunjuk dirinya dan kembali kepada dirinya dengan membaca "كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُ".

8 Surah *al-Rahmān* (55), ayat 26-27.

9 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 871

10 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, h. 799

11 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, Anīs et al. (1962), *op. cit.*, h. 991

12 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 697

berkata, "ia bermakna yang sangat gelisah."[1] Abū 'Ubaydah berkata, "*al-Halū'* bermaksud siapa yang tidak bersyukur ketika mendapat nikmat dan kebaikan dan tidak sabar ketika ditimpa musibah."[2] Tha'lab berkata, "Allah mentafsirkan *al-halū'* dengan orang yang apabila mendapat apa yang tidak baik akan menampakkan sedih dan gelisah yang teramat, apabila mendapat kebaikan dia kikir dan menghalangnya (dirinya untuk memberi) kepada manusia."[3] Al-Dahhāk berkata, "ia bermakna orang kafir dan yang tidak kenyang."[4] Qatādah, Mujāhid dan yang lainnya berpendapat, ia bermakna orang yang tidak sabar pada kebaikan dan keburukan sehingga berbuat yang tidak patut pada kedua-duanya.[5] Rasulullah berkata, "Sesuatu yang paling buruk yang diberikan kepada seorang hamba adalah *Syuhha Hāli'* (kikir yang teramat) dan *Jubn Khāli'*[6] (sangat takut).[7] Ibn Kaysān berkata, "Allah mencipta manusia yang suka pada apa yang mudah bagi dirinya dan lari daripada apa yang ia tidak suka serta benci."[8] Lafaz *halū'ā* membawa maksud orang yang begitu gelisah dan teramat sedih apabila keburukan atau musibah menimpanya.

HĀMĀN (هَـامَان)

Lafaz *hāmān* (هَامان) disebut 6 kali, iaitu dalam surah *al-Qasas* (28), ayat 6, 8, 38, *al-Ankabūt* (29), ayat 39 dan *Ghāfir* (40), ayat 24, 36. Di antara ayat Allah itu ialah, "Dan Firaun pula berkata, "Wahai pengikutku! Aku tidak mengetahui ada bagi kamu sebarang tuhan yang lain melainkan daripadaku; oleh itu, wahai Haman! Bakarkanlah untukku batu bata, serta binalah untukku sebuah bangunan yang tinggi, supaya aku naik melihat Tuhan Musa (yang dikatakannya itu); dan sesungguhnya aku percaya adalah Musa dari orang-rang yang berdusta"[9] Lafaz *hāmān* dalam al-Quran mengandungi makna nama menteri dalam kerajaan Firaun. Ibn Kathīr berkata, *hāmān* adalah ketua menteri Firaun yang menguruskan segala perkara dan penasihat kerajaannya.[10]

HĀMIDAH (هَامِدَةٌ)

Lafaz ini adalah *ism fā'il* daripada *hamada* (هَمَدَ), asalnya daripada perkataan *humūd al-nār* (هُمود النار), iaitu api yang mati atau padam, hilang panasnya dan menjadi abu. Bumi seperti api yang menjadi abu. Hal itu kerana bumi kadang-kala hilang sumber-sumber sandaran bagi tumbuh-tumbuhan, iaitu lembap, seperti api yang hilang asas-asasnya iaitu panas atau kehangatan.[11] *Thamarah hāmidah* ialah buah yang hitam dan busuk. Apabila ia dikaitkan dengan bumi maknanya bumi yang tandus atau mati.[12]

Lafaz ini disebut sekali di dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Haj* (22) ayat

1 Al-Yazīdī (1985), *op. cit.*, h. 389.

2 Muhammad Salīm al-Hājj dalam *Ibid.*, h. 389.

3 *Ibid.*

4 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 18, h. 277

5 *Ibid.*

6 Ertinya seakan-akan hatinya tercabut disebabkan rasa takut yang teramat.

7 *Ibid.*

8 *Ibid.*

9 Surah *al-Qasas* (28), ayat 38

10 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, hlm. 365

11 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 804.

12 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 993.

5. Al-Alūsī berkata, "*hāmidah* dari bumi bermaksud bumi yang mati dan tandus."[1] Al-Fayrūz berkata, "*al-ard al-hāmidah* (الأرض الهامدة) bermaksud bumi yang kering yang berdebu dan *humūd al-ard* (هُمود الأرض) membawa maksud tiada kehidupan di bumi, tiada tumbuh-tumbuhan, tiada gunung dan tidak terkena hujan."[2] Kesimpulannya, *hāmidah* dalam ayat di atas dikaitkan dengan *al -ard* dan ia membawa maksud bumi yang gersang lagi tandus.

HAMS (هَمْسٌ)

Lafaz ini adalah masdar daripada lafaz *hamasa* (هَمَسَ), *al-hams fī al-masy* (الهمس فى المشى) ertinya berjalan perlahan-lahan, *al-hams fī al-ta'ām* (الهمس فى الطعام) mengunyah dengan mulut terkatup dengan perlahan, *al-hams fī al-kalām* (الهمس فى الكلام) bermaksud bercakap sesuatu percakapan yang hampir tidak didengar.[3] Maksudnya menggerakkan kedua -dua bibirnya mahu bercakap tetapi tidak berkata atau tidak bersuara.[4]

Lafaz ini disebut sekali di dalam al -Qur'an, iaitu dalam surah *Tāha* (20) ayat 108. Lafaz ini dikaitkan dengan *al-sawt* (suara) dan *al-sam'* (pendengaran). Mujāhid berkata, "*al-hams* adalah suara yang tersembunyi atau perlahan."[5] Ibn 'Abbās berkata, "yang perlahan atau lembut."[6] Al-Hasan dan Ibn Jurayj berkata, "*al-hams* adalah seperti suara langkah kaki yang bersatu antara satu dengan yang lainnya ketika hendak menuju ke perhimpunan. Ada yang berpandangan, ia seperti suara tapak kaki unta ketika berjalan."[7] Dalam *Tafsīr al-Jalālayn*, ia bermaksud suara injakan kaki-kaki menuju ke perhimpunan seperti suara tapak kaki unta ketika berjalan.[8] Makna ayat ini adalah tidak terdengar kecuali suara yang lembut lagi perlahan sehingga hampir tidak mendengarnya.[9] Ibn Qutaybah berkata, "*al-hams* adalah *al-sawt al-khaffiy* (الصوت الخفي) dan dikatakan ia seperti suara langkah kaki."[10]

Ibn Kathīr menjelaskan, Sa'īd b Jubayr menggabungkan makna-makna di atas di mana makna *hams* adalah suara yang begitu perlahan yang dinamakan *al-kalām al-khafiy* (الكلام الخفي) dan bunyi langkah kaki yang dinamakan *wat' al-aqdām* (وَطْءُ ٱلْأَقْدَامِ).[11] Adapun *wat' al-aqdām*. Beliau berkata, ia bermaksud tatkala manusia menuju ke padang mahsyar maka mereka berjalan dalam keadaan senyap dan penuh khudu'. Manakala maksud *al-kalām al-khafiy*, ia dalam satu keadaan dan tidak pada keadaan yang lain,[12] Allah menyatakan yang bermaksud, "Pada masa datangnya (hari kiamat itu), tiadalah seorang pun dapat berkata-kata (untuk membela dirinya atau memohon pertolongan) melainkan dengan izin Allah."[13] Kesimpulannya, pada ayat di atas menggambarkan keadaan manusia yang sedang menuju ke suatu perhimpunan atau mahsyar ketika menghadap Allah pada hari kiamat di mana tidak kedengaran suara mereka kecuali suara lang-

1 Al-Alūsī (t.t.), *op. cit.*, j. 17, h. 119.
2 Ābādī (1986), *op. cit.*, h. 342.
3 Anīs et al. (1962), *op. cit.*, h. 994.
4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, h. 805.
5 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 11, h. 262-263.
6 *Ibid.*
7 *Ibid.*
8 Al-Jalālayn (t.t.), *op. cit.*, h. 411.
9 Al-Sābūnī (1981), *op. cit*, j. 2, h. 248.
10 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 282.
11 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 157
12 *Ibid.*
13 Surah Hūd (11), ayat 105

kah kaki dalam keadaan senyap dan khudu', atau kedengaran suara yang begitu perlahan di atas izin Allah. Oleh itu maksud lafaz *hams* adalah yang perlahan dan lembut. Ia dikaitkan dengan *al-sawt* yang membawa maksud suara yang perlahan lagi lembut sehingga hampir tidak kedengaran seperti suara langkah kaki ketika berjalan dengan perlahan.

HANĪ' (هَنِيْءً)

Lafaz *hanī'* (هَنِيْءً) adalah sifat daripada *hanū' al-syay'* (هنؤ الشيء). Maksudnya kemudahan tanpa ada kesukaran dan kepayahan.[1] Pada asalnya ia berkaitan dengan makanan. Oleh itu, al-Fayrūz berkata, "*al-hanī'* adalah makanan yang tidak dijumpai di dalamnya kesusahan dan kepayahan oleh yang memakan."[2] Lafaz ini disebut empat kali di dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Nisā'* (4), ayat 4; *al-Tūr* (52), ayat 19; *al-Hāqqah* (69), ayat 24; dan *al-Mursalāt* (77), ayat 43. Lafaz ini dikaitkan dengan lafaz *al-akl* (makan) sebagaimana dalam surah *al-Nisā'* dan lainnya dihubungkan dengan lafaz al-akl dan *al-syurb* (minuman). Dalam *Mu'jam al-Wasit, ta'ām al-hanī'* (طعام الهانئ) adalah makanan yang tidak ada unsur kemudaratan selepas memakannya dan *syarāb al-hanī'* (شرب الهانئ) adalah peminum merasakan kelazatannya.[3] Al-Kafawī berkata, "*al-hanī'* bermaksud sesuatu yang membuat pemakan merasakan kelazatan dan kenikmatannya."[4] Al-Fayrūz berpandangan ia bermaksud makanan yang diperoleh tanpa rasa penat, begitu juga setiap perkara yang dapat diperoleh tanpa kepayahan dan tanpa rasa penat.[5] Dalam *Tafsīr al-Manār, al-Hanī'* adalah makanan yang lazat, tidak tersekat pada kerongkong dan tanpa kesusahan.[6] Ibn 'Abbās berkata, "ia bermaksud tanpa kemudaratan."[7] Ada yang berpandangan *al-hanī'* adalah makanan yang lazat yang baik bagi diri, serta tiada unsur dosa di dalamnya.[8] Dalam tafsir *Safwah al -Tafāsīr,* "makan dan minumlah tanpa rasa sedih dan cemas."[8]

Kesimpulannya, lafaz *al-hanī'* dikaitkan dengan perintah untuk makan dan minum. Namun dalam dua keadaan. Pertama perintah makan dalam keadaan *hanī`* di dunia berkenaan dengan mahar atau mas kahwin sebagaimana dalam surah al-Nisa`. Maksudnya, jika mereka (wanita-wanita yang kamu kahwini itu dengan senang hati, tanpa paksaan atau penipuan, menyerahkan kepada kamu sebahagian daripadanya atau seluruh mas kahwin itu maka makanlah atau ambil dan gunakanlah ia sebagai pemberian yang mudah tanpa mudarat lagi baik akibatnya.[9] Kedua, perintah makan dan minum bagi penghuni syurga di akhirat nanti. Maksudnya makanlah dan minumlah dengan rasa lazat dan nikmat tanpa ada kemudaratan di dalamnya dan baik untuk diri serta tanpa rasa cemas dan bimbang ketika makan atau pun minum.

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, h. 807.

2 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 4, h. 351.

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *loc. cit.*

4 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 963.

5 Ābādī (1986), *op. cit.*

6 Rida (t.t.), *op. cit.*, j. 4, h. 377.

7 *Ibid.*

8 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 264.

9 Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, j. 2, h. 329. Ayat ini berpesan kepada semua orang, khusunya para suami dan wali yang sering mengambil mas kahwin perempuan yang berada dalam perwaliannya.

HĀR (هَارٌ)

Lafaz ini adalah *ism fā'il* daripada lafaz *hāra* (هَارَ) yang membawa makna *hā'ir*, maksudnya yang roboh atau hampir jatuh, asalnya *hāra al-binā'*, apabila bangunan itu roboh atau runtuh,[1] dan *hāra al-juruf*, apabila sesuatu hampir jatuh ke lereng atau tepi sesuatu tetapi belum jatuh.[2] Ia disebut sekali di dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Taubah* (9) ayat 109. Al-Zamakhsyarī berkata, "*hār* bermaksud *hā'ir* iaitu yang hampir mengalami keruntuhan dan jatuh. Ia adalah kiasan bagi lemahnya panduan dan pegangan serta perkara yang menafikan ketakwaan.[3] Ibn Qutaybah berkata, "Lafaz *hār* bermakna *hā'ir* iaitu yang jatuh."[4] Dalam *Tafsir al-Jalālayn* ia bermakna hampir jatuh atau roboh.[5]

Ayat ini menggambarkan keadaan masjid yang dibina tidak di atas ketakwaan di mana seperti bangunan yang dibina di tepi jurang yang hampir runtuh. Al-Syawkānī berpendapat *hār* bermaksud yang jatuh, dikatakan *hār al-binā'* iaitu apabila bangunan itu roboh. Ini adalah misalan yang dijadikan Allah bagi mereka yang membina agama mereka yang batil yang akan roboh dan musnah dengan cepat seperti bangunan yang dibina di tepi benteng air yang akan runtuh.[6] Kesimpulannya, *hār* bermaksud *hā'ir* dan ia membawa makna yang jatuh atau roboh.

HARABĀ (هَرَباً)

Lafaz ini adalah *ism masdar* daripada kata kerja *haraba* (هَرَبَ). Ia bermaksud *al-firār* (الفِرَارُ) atau lari, atau melarikan diri,[7] menjauhkan diri dan berjalan cepat.[8] Ia disebut sekali di dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Jin* (72) ayat 12. Al-Qurtubī berkata, "Lafaz *haraba* adalah masdar (kata terbitan) dalam kedudukan "*al-hāl*" ertinya *hāribīn* iaitu orang yang melarikan diri."[9] Al-Zamakhsyarī berkata, "Lafaz *harabā* mencakupi dua keadaan, iaitu kami tidak dapat melepaskan diri sebagai makhluk di muka bumi ke mana kami berada dan tidak dapat melarikan diri darinya ke langit. Ada yang berpendapat kita tidak dapat melepaskan diri jika Allah menghendaki sesuatu daripada kita dan tidak dapat melarikan diri. Ini adalah sifat dan keadaan para jin dan akidah mereka. Antara mereka ada yang terpilih, jahat dan sederhana dan mereka berkeyakinan Allah maha agung dan perkasa yang tidak dapat melepaskan diri serta melarikan diri daripadanya."[10] Dalam *Safwah al-Tafāsīr* dikatakan, "Tidak dapat melarikan diri dari azab jika Allah menghendaki keburukan."[11] Dalam *Tafsīr al-Jalālayn* dijelaskan lafaz *harabā* ertinya melarikan diri ke langit.[12]

Kesimpulannya, lafaz *harabā* bermaksud melarikan diri. Tafsirannya dalam ayat di atas adalah para jin berkeyakinan mereka tidak dapat melarikan diri ke langit atau ke mana sahaja bagi menghindar daripada kehendak Allah.

1 Al-Yazīdī (1985), *op. cit.*, h. 167
2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, h. 809.
3 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 2, h. 301.
4 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 192.
5 Al-Jalālayn (t.t.), *op. cit.*, h. 261.
6 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 515.
7 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 693.
8 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 861.
9 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 19, h. 18.
10 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 615.
11 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 459.
12 Al-Jalālayn (t.t.), *op. cit.*, h. 760.

HĀRŪN (هَارُوْنَ)

Hārūn dalam kitab Injil dan di kalangan masyarakat Eropah di kenali sebagai Aaron, saudara lelaki Nabi Mūsā. Hārūn terkadang dipandang sebagai Nabi yang berpandangan esoterik. Area esoterisme[1] meliputi hikmah yang luar biasa dan mistik, kesedaran yang bersumber daripada pengetahuan secara langsung. Pengetahuan secara maknawi melekat di dalam jiwa secara tiba-tiba sebagai kurnia Allah, ia adalah hasil daripada pengalaman kejiwaan. Jadi, proses pengetahuan maknawi menggambarkan adanya kesatuan yang luar biasa antara jiwa dan kebenaran.[2]

Lafaz Hārūn disebut 20 kali di dalam al -Qur'an, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 248; *al-Nisā'* (4), ayat 163; *al-An'ām* (6), ayat 84; *al-A'rāf* (7), ayat 122, 142; *Yūnus* (10), ayat 75; *Maryam* (19), ayat 28, 53; *Tāha* (20), ayat 30, 70, 90, 92; *al-Anbiyā'* (21), ayat 48; *al -Mu'minūn* (23), ayat 45; *al-Furqān* (25), ayat 35; *al-Syu'arā'* (26), ayat 13, 48; *al-Qasas* (28), ayat 34; dan *al-Sāffāt* (37), ayat 114, 120.

Di dalam al-Qur`an, Nabi Hārūn diutus menjadi pendamping Mūsā. Beliau diutus menjadi rasul adalah di atas permohonan Mūsā kepada Tuhannya, Allah menyatakan yang bermaksud, "Dan Jadikanlah untukku seorang pembantu dari keluargaku, iaitu Harun saudaraku, teguhkanlah dengan dia kekuatanku, dan jadikanlah dia sekutu dalam urusanku". (Surah *Tahā* (20), ayat 29-32). Kemudian, Allah mengabulkan permohonan Mūsā dan diberikan Hārūn kepadanya. Sebagai rahmat Allah kepadanya, maka diberikan pula kenabian kepada Hārūn. Ayat Allah yang bermaksud, "Dan Kami telah menganugerahkan kepadanya sebahagian rahmat Kami, iaitu saudaranya, Harun menjadi seorang nabi." (Surah *Maryam* (19), ayat 53).

Al-Thawrī melaporkan daripada Abī Sa'īd daripada 'Ikrimah daripada Ibn 'Abbās, dia berkata, "Hārūn diangkat menjadi nabi sejurus Mūsā diangkat menjadi nabi.[3] Nabi Hārūn dilahirkan pada tahun ketika tidak ada pembunuhan bayi lelaki. Sedangkan Mūsā dilahirkan pada tahun ketika semua bayi lelaki yang lahir harus dibunuh. Oleh itu beliau dihanyutkan ke sungai.[4] Manakala kematian Hārūn terlebih dahulu berbanding Mūsā. Kematian Hārūn direkodkan oleh al -Suddī dari Abī Malik, Abī Sālih daripada Ibn 'Abbās, Murrah daripada Ibn Mas'ūd dan laporan sebahagian sahabat, mereka berkata, "Allah mewahyukan kepada Mūsā, aku mahu mematikan Hārūn di bukit ini dan ini. Kemudian mereka berdua berangkat ke bukit itu dan mendapati sebuah pokok yang tidak pernah dilihat sebelumnya, mendapati rumah yang dibina dan di dalamnya terdapat katil dan tilam di atasnya dan keluar dari rumah itu bau yang begitu wangi. Tatkala Hārūn melihat bukit dan rumah itu, dia tertarik dan berkata, Wahai Mūsā, sesungguhnya aku mahu tidur di atas katil ini. Mūsā berkata kepadanya, tidurlah engkau di atasnya. Namun Hārūn berkata, Sesungguhnya aku khuatir tuan yang memiliki rumah ini akan marah kepadaku. Mūsā berkata kepadanya, Jangan takut, aku akan bercakap dengan tuan rumah ini. Tidurlah! Hārūn berkata, Wahai Mūsā! Tidurlah bersamaku, jika tuan rumah ini datang, dia akan memarahi kita berdua. Ketika mereka berdua tidur, malai-

1 Esoterisme adalah inti "al-lubb" di mana terkadang al-Qur'an menggunakan kata ini bagi menunjukkan "orang yang memiliki pengetahuan yang mendalam." (Ulū al-Albāb).

2 Cyril Glassē (1999), *op. cit.*, h. 126.

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 140

4 Afif Abdullah Dr. (1989), *op. cit.*, h. 341-342

kat maut datang kepada mereka. Ketika beliau dapat merasakan hal itu, beliau berkata, Wahai Mūsā! Engkau menipuku dan tatkala dia meninggal dunia, rumah itu diangkat dan pokok itu juga hilang serta katil itu juga diangkat ke langit ..."[1]

HĀRŪT (هَارُوْت)

Lafaz ini disebut sekali di dalam al-Qur`an, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 102, Allah menyatakan yang bermaksud, "Mereka (syaitan-syaitan) mengajarkan sihir kepada manusia dan apa yang diturunkan kepada dua malaikat, Hārūt dan Mārūt di negeri Bābil (Babilion), sedangkan kedua-duanya tidak mengajarkan (sesuatu) kepada seseorang pun sebelum mengatakan, "Sesungguhnya kami hanya cubaan (bagimu), sebab itu janganlah kamu kafir."

Terdapat dua tafsiran berkenaan hārūt iaitu; Pertama, harūt adalah salah seorang hamba soleh[2] selain mārūt yang berada di Babilion. Diberikan kepadanya ilmu sihir pada zaman yang berleluasa pengamalan ilmu sihir. Dia mengajarkannya kepada manusia ilmu sihir yang memiliki berbagai -bagai perkara yang menakjubkan supaya mereka dapat membezakan di antara sihir dan mukjizat, serta memberitahu orang yang mendakwa diri mereka nabi adalah ahli sihir dan bukan para nabi. Dia mengajarkannya kepada manusia disertai dengan peringatan sehingga dia tidak mengajarkannya kecuali dia akan berkata, sesungguhnya kami adalah ujian dan cubaan daripada Allah. Oleh itu, janganlah kamu mengamalkan sihir dan jangan pula terpengaruh dengannya. Apabila kamu tidak mengendahkannya maka kamu akan menjadi kafir. Namun, jika kamu belajar hanya sekadar untuk mengetahuinya sahaja tanpa yakin pada hakikatnya dan tanpa terpengaruh dengannya serta mengamalkannya maka ia tidak berbahaya bagi kamu. Lalu, manusia belajar daripadanya dan mengamalkannya sehingga dapat memisahkan antara suami isteri dan sebagainya. Dia dikatakan *malak* (malaikat) lantaran terkenal dengan kebaikannya sehingga dia diumpamakan sebagai malaikat.

Kedua, hārūt adalah seorang malaikat yang diturunkan oleh Allah kepada manusia sebagai fitnah bagi mereka dalam pengajarannya terhadap ilmu sihir. Ia tergolong daripada malaikat yang paling baik daripada segala malaikat yang bernama 'Azā.[3] Namun, sebelum mengajarkannya dia mengingatkan mereka yang mahu belajar tentang buruknya sihir itu dan jangan mengamalkannya.[4]

Al-Zujāj berkata, dua malaikat itu mengajarkan tentang larangan mempelajari ilmu sihir, seakan mereka berdua berkata, jangan berbuat begini dan begitu yang dapat memisahkan antara seseorang daripada isterinya.[5] Adapun kisah-kisah yang berkaitan dengannya adalah daripada kisah *Isrāiliyyāt*, seperti dongeng *Hārūt* dan *Mārūt* dengan bintang Zuhrah yang begitu cantik pada zamannya yang mahu berbuat jahat dengan kedua-dua malaikat itu atau kedua-duanya menaruh cinta kepadanya ketika melihat kecantikannya sehingga menjerumuskan

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, h. 318

2 Wahbah Zuhaylī (1991), *op. cit.*, j. 1, h. 244-245, Hilmī (1979), *op. cit.*, j. 1, h. 168

3 Hilmī (1979), *op. cit.*, j. 1, h. 169. sedangkan Mārūt bernama 'Azāyā

4 Hamka (1984), *op. cit.*, j. 1, h. 253

5 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 1, hlm. 58

mereka berdua kepada berbuat tiga perkara iaitu minum arak, berzina dan membunuh.[1] Kisah ini terdapat dalam Talmud, dalam kitab *Madrasa Yadkul* Fasal 33.[2]

HASYĪM (هَشِيْمٌ)

Lafaz ini berasal daripada lafaz *hasyama* (هَشَمَ), ertinya memecahkan, meremukkan, menghormati atau memuliakan. *Hashīm* daripada tumbuh-tumbuhan bererti yang kering lagi remuk dari yang basah, sama ada pokok, daun atau rumput.[3] Al-Kafawī berkata, "*al-hasym* adalah menghancurkan sesuatu yang lunak."[4] Al-Fayrūz berkata, "*al-hasyīm* adalah tumbuh-tumbuhan yang kering lagi hancur atau setiap rumput yang kering, manakala *al-hasyīmah* iaitu bumi yang tandus dengan pokok-pokoknya yang kering."[5]

Lafaz ini disebut dua kali di dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah al-Kahf (18), ayat 45 dan *al-Qamar* (54), ayat 31. Ibn Qutaybah berkata, "makna *hasyīm* adalah bahagian daripada tumbuh-tumbuhan yang terbelah-belah atau hancur.[6] Manakala dalam surah al-Qamar ia bermakna tumbuh-tumbuhan yang kering lagi hancur berkecai."[7] Al-Syawkānī berkata, "Ia bermakna tumbuh-tumbuhan yang kering dan hancur disebabkan terputusnya air yang mengalir kepadanya."[8] Dalam *Safwah al-Tafāsīr* dalam surah al-Qamar, di mana mereka (kaum Thamūd) menjadi hancur lagi berkecai seperti pokok yang kering.[9] Ibn Kathīr berkata, "Tiada yang tinggal, mereka pengsan dan mati seperti pokok dan tumbuh-tumbuhan yang kering lalu mati."[10]

Kesimpulannya, lafaz *hasyīm* dalam kedua-dua ayat di atas menggambarkan dua misalan pada dua perkara. Misalan pertama terdapat dalam surah *al-Kahf* iaitu misalan berkenaan dengan kehidupan dunia, iaitu misalan kehidupan dunia pada keindahan, kemakmuran, dan cepat hilangnya seperti air yang turun dari langit dan bersatu ke dalam tumbuh-tumbuhan yang berada di bumi lalu tumbuh dengan cepat. Kemudian, tumbuh-tumbuhan itu menjadi kering yang mudah remuk kerana terputusnya air dan mudah diterpa angin.[11] Misalan kedua terdapat dalam surah *al-Qamar*, berkaitan dengan azab yang menimpa kaum Thamūd sebagaimana yang ditafsirkan oleh Ibn Kathir di atas. Jadi makna umum bagi lafaz *hasyīm* adalah yang hancur, kering atau mati seperti pokok atau tumbuh-tumbuhan yang kering lagi hancur lalu mati.

HAWĀ' (هَوَاءٌ)

Ia adalah *ism mufrad*, jamaknya *ahwiyah* (أَهْوِيَةٌ), ertinya adalah gas yang menutupi bumi yang terdiri dari zat dan oksigen dan

1 *Hilmī (1979), op. cit.*

2 Hamka (1984), *op. cit.*

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 799.

4 Al-Kafawī (1992), *op. cit.*, h. 962.

5 Ābādī (1986), op. cit., j. 4, h. 328.

6 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 268.

7 Ibid., h. 434

8 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 359.

9 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 3, h. 288.

10 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 239.

11 Al-Syawkānī (1994), *loc. cit*

gas-gas lain yang sedikit atau atmosfera, udara, setiap ruang di antara dua sesuatu, setiap yang kosong,[1] takut, iklim, angin.[2] Lafaz ini disebut sekali di alam al-Qur'an, iaitu dalam surah *Ibrāhīm* (14), ayat 43. Ia berkaitan dengan *afidah* (hati). Ibn Qutaybah berkata, "Maksud *hawā'* adalah tidak mengetahui sesuatu pun daripada kebaikan, seperti ungkapan penyair tentang sifat orang yang zalim "جَوَّأَهُوَاءُ" maksudnya, "tiada bagi badannya akal dan otak dan tidak ada di dalamnya sesuatu." Ada juga yang berpendapat ia bermakna yang lemah disebabkan rasa takut dan bimbang.[3] Dalam *Tafsīr al-Marāghī* dijelaskan ia bermaksud kosong daripada akal dan pemahaman disebabkan kebimbangan yang melampau dan kebingungan. Ia dikatakan kepada penakut dan bodoh, hatinya *hawā'*, bermakna tiada kekuatan dan tidak ada pendapat baginya.[4] Al-Qurtubī menjelaskan, "ayat ini bermaksud hati mereka tidak memberikan manfaat sesuatu pun disebabkan rasa takut yang sangat." [5] Ibn 'Abbās berkata, "ia kosong daripada kebaikan."[6] Al-Suddī berkata, "hati mereka keluar daripada dada mereka, lalu ia melekat pada tekak-tekak mereka."[7] Mujāhid, Murrah dan Ibn Zayd berkata, "kosong, hina, hancur dan **pander**, tiada di dalamnya kebaikan dan akal, sama seperti ungkapanmu pada rumah yang tidak ada sesuatu apa pun di dalamnya."[8] Tafsirannya ia tergoncang yang menggoncang hati-hati mereka, kadangkala ia datang dan pergi, tidak menetap pada satu tempat sehingga sampai ke pangkal tenggorokan disebabkan dahsyat keadaan yang mereka lihat pada hari kiamat.[9]

Kesimpulannya, maksud (أَفْـِٔـدَتُهُمْ هَوَاءٌ) hati dan akal mereka kosong bergoncang hebat disebabkan rasa takut dan kebingungan yang amat sangat ketika melihat keadaan hari kiamat.

HAWN (هَوْنٌ)

Lafaz ini adalah masdar daripada lafaz hāna (هَانَ), mengandungi makna mudah, ringan, senang, gampang,[10] ketenangan dan kewibawaan,[11] tawaduk atau rendah diri dan hina.[12] Ia disebut sekali dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Furqān* (25), ayat 63. Lafaz hawn dihubungkan dengan lafaz *"al-masy"* (berjalan). Ibn Qutaybah berkata, "*al-hawn* bermaksud berjalan dengan perlahan."[13] Direkodkan daripada Ibn 'Abbās, ia bermakna berjalan dengan penuh ketaatan, menghindari daripada segala yang dilarang serta penuh tawaduk.[14] Mujāhid, Sa'īd, 'Abd al-Rahmān dan 'Ikrimah berpandangan, lafaz hawn bermaksud berjalan dengan tenang dan wibawa.[15] Usāmah bin Zayd bin Aslam berpandangan, lafaz ini bermaksud orang yang tidak membuat kerosakan di muka bumi,[16] tidak angkuh ke atas manusia, tidak sombong, sebagaimana ayat Allah da-

1 Anīs et al. (1962), *op. cit.*, h. 1001.
2 Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 1526.
3 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 233-234.
4 Al-Marāghī (1974), *op. cit.*, j. 13, h. 163.
5 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 9, h. 392
6 *Ibid.*
7 *Ibid.*
8 *Ibid.*
9 Al-Marāghī (1974), *op. cit.*
10 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, h. 809.
11 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 702.
12 Anīs et al. (1962), *op. cit.*, h. 1001.
13 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 315.
14 Rasyīd b. 'Abd al-Mun'im al-Rijāl (1991), *op. cit.*, h. 382.
15 Al-Tabārī (1995), *op. cit.*, j. 11, h. 43.
16 *Ibid.*, h. 44, athar no. 20094.

lam surah *al-Qasas* (28), ayat 83, yang bermaksud, "Negeri akhirat (yang diterangkan nikmat-nikmatnya) itu, Kami peruntukkannya bagi orang yang tidak bertujuan hendak mendapat pengaruh atau kelebihan di muka bumi dan tidak mahu melakukan kerosakan; dan kesudahan yang baik adalah bagi orang yang bertakwa".

Kesimpulannya, dalam ayat di atas menjelaskan tentang salah satu sifat hamba-hamba Allah di mana apabila mereka berjalan di muka bumi dalam keadaan *hawn*, iaitu dalam keadaan tenang, wibawa dan tidak angkuh serta tidak sombong, tidak berusaha berbuat kerosakan dan mengerjakan maksiat.

HAY'AH (هَيْئَةٌ)

Lafaz ini adalah *ism masdar* yang berasal daripada kata kerja *hāʾa* (هَاءَ), mencakupi erti keadaan sesuatu, sama ada yang nampak mahupun tidak nampak, keadaan dan sekumpulan manusia yang mempunyai pekerjaan khusus.[1] *Ilm al-hayʾah* adalah ilmu Falak atau Astronomi.[2] Lafaz *hayʾah* disebut dua kali di dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *Āli ʿImrān* (3), ayat 49 dan *al-Māʾidah* (5), ayat 110. Kedua-dua lafaz ini berkaitan dengan *al-tayr* (burung). Ia adalah mukjizat Nabi ʿĪsā yang dapat menjadikan burung dari tanah seperti keadaan burung sebenar. Al-Zamakhsyarī berkata, "maksud lafaz ini adalah sesuatu yang menyerupai bentuk dan rupa burung, lalu ia menjadi burung seperti burung -burung yang hidup dengan izin Allah "[3] Ibn Kathīr berkata, "Nabi ʿĪsā menggambarkan ia dari tanah dalam bentuk burung. Kemudian, dia hembuskan udara ke dalamnya maka ia dapat terbang seperti burung yang hidup dengan izin Allah."[4] Diberitakan kepada kami oleh Ibn Humayd, katanya Salamah memberitahu kepada kami, katanya Ibn Ishāq melaporkan kepada kami beliau berkata, "pada suatu hari, Nabi ʿĪsā duduk bersama beberapa pemuda Ahli Kitab, lalu beliau mengambil tanah dan berkata, "adakah kamu mampu membuat seekor burung daripada tanah?" Mereka berkata, "adakah engkau boleh melakukannya?" Beliau berkata, "Ya! Dengan izin Allah." Kemudian, beliau membuatnya sehingga apabila ia menjadikan tanah itu dalam rupa burung, maka beliau menghembus ke dalamnya dan berkata, "Jadilah kamu seekor burung yang hidup dengan izin Allah!" Lalu, keluarlah burung daripada kedua-dua telapak tangannya. Pemuda-pemuda tadi pun pergi meninggalkannya dan memberitahu kepada guru mereka dan menyebarkannya kepada manusia, kemudian tersebarlah berita itu dengan luas. Maka Bani Isra`il mahu melakukan (hal yang buruk) kepadanya. Apabila ibunya takut akan hal itu, ia membawanya melarikan diri dengan keldai yang dimilikinya.[5] Kesimpulannya, *hayʾah* bermaksud rupa, bentuk dan keadaan.

1 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 5, h. 366; Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 1002.

2 *Ibid.*, Ilmu Falak adalah kajian saintifik tentang matahari, bulan, dan planet yang terdapat dalam alam semesta. Noresah bt. Baharom *et al* (eds.) (2002), *op. cit.*, h. 348.

3 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 358.

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 320.

5 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 375, athar no. 5578.

HAYHĀTA (هَيْهَاتَ)

lafaz ini adalah *ism fi'il mādī* yang bermakna maṣdar iaitu *bu'dun* atau jauh-jauh.[1] Al-Fayrūz berkata, "Ia ini digunakan bagi menjauhkan sesuatu,[2] atau digunakan bagi memberitakan sesuatu yang jauh seperti ungkapan "*hayhāta mā turīd*" (jauh apa yang engkau mahukan)."[3]

Lafaz ini disebut dua kali di dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Mu'minūn* (23), ayat 36. Al-Zamakhsyarī berkata, "lafaz ini dibaca[4] dengan berbaris atas, bawah dan depan pada huruf terakhir, tetapi lebih dekat dengan baris atas. Ertinya apa yang dijanjikan kepada kamu amat jauh."[5] Ibn Kathīr berkata, "*hayhāta* bermaksud *ba'īd* (jauh)."[6] Ibn 'Abbās berkata, "ia bermakna jauh,"[7] sedangkan Qatādah memberi makna *al-ba'th* (kebangkitan).[8]

Orang Arab memasukkan *"al-lām"* (لِ) bersama *"hayhāt"* pada *ism* yang menemaninya dan menanggalkannya daripadanya, seperti ungkapanmu *"hayhāta laka hayhāta"* (jauh bagimu dan amat jauh) dengan menggunakan (لِ) dan *"hayhata ma tabtaghi hayta"* (jauh apa yang engkau cari dan amat jauh) dengan menghilangkan lafaz (لِ); apabila *al-lām* ditiadakan maka *ism* di-rafa'-kan (berbaris hadapan) sehingga bermakna "*hayhāta*", seakan-akan ia berkata, "jauh apa yang harus dan selayaknya bagimu."

Memasukkan *al-lām* (لِ) bersama *hayhāta* pada *ism* kerana mereka berkata "*hayhāta*" adalah bahasa (أَدَاةٌ) yang tidak dipetik daripada *fi'il*. Dimasukkan *al-lām* (لِ) bersama lafaz ini pada *ism*, sama seperti memasukkan (لِ) pada perkataan "*halumma laka*", kerana ia tidak diambil daripada *fi'il*. Para ulama bahasa juga berselisih pendapat bagaimana cara *waqaf* (berhenti) pada lafaz "*hayhāta*". Al-Kisā'ī memilih untuk berhenti pada *al-hā'* kerana ia dalam keadaan *mansūb* (berbaris atas), sedang al-Farrā' memilih untuk berhenti pada huruf *"al-tā"*.[9] Al-Syawkānī berkata, pengulangan lafaz *hayhāta* adalah penekanan dan *al-lām* pada ayat (لِمَا تُوعَدُونَ) berfungsi sebagai penerangan perkara yang dijauhkan. Tafsirannya, jauh dan amat jauh bagi mengeluarkan (menghidupkan kamu (yang berdusta tentang hari akhirat) semula selepas mati) iaitu janji yang dijanjikan kepadamu.[10] Kesimpulannya, lafaz *hayhāta* membawa maksud jauh dan amat jauh.

HAYTA (هَيْتَ)

Lafaz ini adalah lafaz *ta'ajjub* (takjub, rasa kagum),[11] digunakan bagi mufrad, *muthannā* (dua orang) dan jamak (banyak orang), ertinya *ta'āl* (mari). Ia *ism* bagi lafaz *halumma* dan ia *mabniyah*.[12] Asalnya ia kekal berbaris mati (sukun). Namun, tidak mungkin ia dikekalkan dalam keadaan berbaris sukun ke-

1 Al-Jalālayn (t.t.), *op. cit.*, h. 443.

2 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 5, h. 363.

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 813.

4 Al-Tabarī berkata, "Abū Ja'far membacanya dengan berbaris bawah iaitu Hayhāti Hayhāti sedangkan kebanyakkan para ulama qiraat membacanya dengan berbaris atas. Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 10, h. 28.

5 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 3, h. 182.

6 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 230.

7 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 10, h. 27, athar no. 19291.

8 *Ibid.*, athar no. 19292.

9 *Ibid.*

10 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 599

11 *Anīs et al.* (1962), *op. cit.*, h. 1002.

12 Mabniyah bermaksud lafaz yang tidak dapat di diubah bentuk dan barisnya) dalam keadaan bagaimanapun.

rana mereka tidak menghimpun di antara dua sukun, iaitu pada huruf *al-yā'* dan *al-tā'*.[1] Al-Fayrūz berkata, "ia bermakna *halumma* (mari) yang digunakan untuk satu, banyak dan *mu'annath*, bergantung pada jumlah yang disebut selepasnya, seperti *hayta lak* (engkau mari sini), *hayta lakumā* (awak berdua mari sini), *hayta lakunna* (kamu mari sini).[2]

Lafaz ini disebut sekali di dalam al -Qur'an, iaitu dalam surah *Yūsuf* (12) ayat 23. Dalam kamus *al-Sihhāh* disebutkan *hayta bihi* dan *hūta bihi* bermakna berteriak dan memanggilnya, dan ia juga seperti ungkapan "*hayta laka*" yang bermakna *halumma* laka dan ta'ālā (mari sini).[3] Ibn 'Abbās, Zurr b. Hubaysy, Qatādah, al-Hasan,[4] al-Suddī,[5] al -Thawrī, berpendapat, ia bermakna *halumma laka* (mari sini).[6] Sebuah laporan daripada 'Ikrimah, daripada Ibn 'Abbās, Mujāhid berpendapat, ia adalah lafaz bahasa 'Arab yang membawa maksud dia (**p**) memanggilnya kepada dirinya.[7] Abū 'Ubaydah berkata, "al-Kisā'ī menyatakan lafaz ini adalah dalam bahasa penduduk Hūrān sehingga Hijāz, maknanya "*ta'āl*" (mari)." Abū 'Ubaydah berkata, "Saya bertanya kepada seorang alim daripada penduduk Hūrān dan ia mengatakan ia adalah bahasa mereka sebagaimana yang dia ketahui."[8]

Kesimpulannya, hayta laka sama ada daripada bahasa Siryāniyah, Huraniyah atau bahasa Arab membawa maksud yang sama iaitu *halumma* dan *ta'āl*, ertinya mari sini, iaitu dia memanggil kepadanya.

HAYYIN (هَيِّنٌ)

Al-Rāzī berkata, lafaz ini bermakna mudah, gampang,[9] yang ringan, lemah lembut dan toleransi.[10] Ia disebut sekali di dalam al -Qur'an, iaitu dalam surah *al-Nūr* (24), ayat 15. Ibn Kathīr berkata, "Ia bermakna ringan dan mudah, tafsirannya "kamu berkata dengan perkataan yang tidak baik berkenaan Ummul Mukminin dan menganggapnya ringan dan mudah? Jika ia bukan tentang isteri Nabi Muhammad ia tidaklah ringan." Dalam *Sahīhayn*, "Sesungguhnya seorang lelaki berkata dengan perkataan yang dimurkai oleh Allah, tidak tahu betapa besarnya ia, sehingga ia masuk ke dalam neraka yang lebih dalam daripada jurang antara langit dan bumi."[11] Dalam *Safwah al-Tafāsīr*, ia bermaksud "kamu menganggap ia[12] adalah kesalahan kecil yang tidak menjadikannya dosa.

Berkenaan dengan perkara yang mudah dan kecil ini Allah mencela mereka dengan tiga perkara; (1). Ia dinukilkan daripada lisan atau bertanyakan tentangnya; (2). Memperkatakan dengannya; (3). Meringan-ringankannya atau memper-

1 Al-Zuhaylī (1991), *op. cit*, j. 12, h. 239.

2 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 5, h. 26.

3 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, h. 437.

4 Beliau berkata, "Ia adalah bahasa Siryāniyah."

5 Beliau berkata, "Ia adalah bahasa Qibti," athar no. 14561.

6 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 7, h. 233-234. Ulama Madinah membacanya dengan "*hayta laka*". Sebahagian penduduk Makkah membacanya dengan "*haytu laka*" dan sebahagian ulama Basrah membacanya dengan "*hayti laka*". Ibn Jarīr berkata, "Qiraat yang paling benar ialah qiraat "*hayta laka*" kerana ia bahasa yang dikenal di Arab dan ia adalah qiraat yang dibaca oleh Rasulullah, h. 236-237.

7 *Ibid.*, h. 235.

8 Ibid., h. 235, athar no. 14567.

9 Al-Rāzī (1987), op. cit., h. 702.

10 Anīs et al. (1962), op. cit., h. 1001.

11 Ibn Kathīr (1998), op. cit., j. 3, h. 258.

12 Yang dimaksud adalah berkenaan dengan hadis *al-ifk* atau perkara berkenaan dengan tuduhan dan pembohongan kepada 'Ā'isyah.

kecilkannya di mana mereka menganggapnya ringan dan perkara yang kecil. Padahal ia begitu besar di sisi Allah. Lafaz ayat *"bi alsinatikum wa afwāhikum"* (بِأَلْسِنَتِكُمْ وَأَفْوَاهِكُمْ) (dengan lisan dan mulut) memberikan isyarat perkataan itu hanya di mulut dan tidak dari hati kerana mereka tidak mengetahui hakikat dan perkara sebenar.[1] Kesimpulannya, ayat ini berkenaan dengan peristiwa *al-ifk* atau dikenali dengan hadith *al-ifk* iaitu fitnah yang dilontarkan oleh orang munafik kepada isteri Nabi Muhammad, 'Āisyah dan diperkatakan oleh kebanyakan penduduk Madinah, ia curang dan beranggapan apa yang mereka katakan adalah *hayyin* iaitu perkara yang ringan dan kecil yang tidak berdosa padahal ia begitu besar dosanya di sisi Allah.

HAZL (هَزْلٌ)

Lafaz ini adalah *ism masdar* daripada perkataan *hazala* (هَزَلَ), ertinya lawan kata al-jidd (kesungguhan),[2] lemah lagi kurus,[3] igauan, percakapan yang lembut,[4] senda gurau dan kelakar.[5] Ia disebut sekali di dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Tāriq* (86) ayat 14. Lafaz ini dikaitkan dengan al-Qur'an, Allah menyatakan, (وَمَا هُوَ بِالْهَزْلِ) maknanya ia tidaklah menjadi bahan gurauan atau permainan dan kebatilan,[6] sebagaimana yang dilaporkan oleh Ibn 'Abbās, beliau berkata, *"hazl* adalah kebatilan."[7] Mujāhid berkata, *"hazl* ialah bahan permainan atau gurauan."[8] Al-Qurtubī juga mengatakan al-Qur'an bukanlah kebatilan dan permainan.[9] Maksudnya keseluruhannya adalah kesungguhan atau kebenaran dan tiada di dalamnya senda gurau.[10]

Kesimpulannya, makna *hazl* ialah senda gurau atau permainan dan kebatilan, maksudnya al-Qur'an tiada di dalamnya kebatilan dan bahan senda gurau atau kelakar tetapi, keseluruhannya adalah kebenaran dan kesungguhan.

HĪM (هِيمٌ)

Lafaz ini dalam bentuk jamak, mufrad-nya adalah *ahyam* (أَهْيَمُ), ertinya seekor unta yang begitu dahaga,[11] pasir yang tidak pernah kenyang atau hilang dahaganya daripada air hujan,[12] dan ia adalah *majāz* (kiasan) di mana pasir tidak pernah kenyang dan puas. Dengan kata lain selalu menyerap walaupun banyaknya air hujan yang turun dan tidak mengambil manfaat daripadanya serta tidak terkesan, sedangkan yang lainnya terkesan dengannya.[13] Ia disebut sekali di dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Wāqi'ah* (56) ayat 55. Ibn 'Abbās berkata, *"al-hīm* bermaksud minuman seekor

1 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 2, h. 329.

2 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 695.

3 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 865.

4 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 985.

5 Ahmad Warson Munawwir (1997), *op. cit.*, h. 1505.

6 Al-Jalālayn (t.t.), *op. cit.*, h. 799; *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), op. cit., h. 243.

7 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 15, h. 187, athar no. 28628.

8 *Ibid.*, athar no. 28629.

9 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 20, h. 15.

10 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 723.

11 Al-Yazīdī (1985), *op. cit.*, h. 367.

12 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 704

13 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 812

unta yang dahaga."[1] 'Ikrimah berkata, "Ia bermakna unta yang berpenyakit, meminum minuman tetapi tidak hilang dahaganya dan masih meminum sehingga ia binasa."[2] Al-Dahhāk[3] berkata, "Ia bererti seekor unta yang dahaga, meminum tetapi tidak puas dan tidak hilang dahaganya, disebabkan penyakit yang dinamakan *al-huyām*."[4] Ibn Humayd berkata, "Ia bermakna *al-sihlah*, ertinya debu seperti pasir yang terkena air."[5] Ia adalah penerangan daripada ayat sebelumnya, bagi yang berpendapat ia bermakna unta yang dahaga yang tidak berasa puas ketika minum disebabkan penyakit. Tafsirannya, "minuman kamu bukanlah minuman yang biasa tetapi seperti minuman unta yang selalu dahaga kerana sakit lalu tidak berasa puas dengan meminum air".[6] Bagi yang memberikan maknanya bumi yang berpasir, maka tafsirannya, "mereka meminum seperti bumi yang berpasir yang menyerap air namun tidak memberi kesan sama sekali kepadanya.[7] Dalam kamus *al-Sihhāh*, ia bermakna terlalu dahaga.[8] Dalam *al-Asās fī al-Tafsīr*, al-Nasafī berkata, "Mereka dikuasai oleh dahaga yang teramat yang memaksa mereka meminum air neraka yang memenuhi perut mereka dan mereka meminumnya seperti unta yang terkena penyakit dahaga yang tidak berasa puas ketika minum."[9]

Kesimpulannya, *al-hīm* mempunyai dua maksud: (1). Bermaksud unta yang terlalu dahaga disebabkan penyakit dan tidak pernah merasa puas ketika minum air; (2). Bermakna bumi yang berpasir yang tidak memberi kesan dengan air hujan. Lafaz ini adalah perumpamaan (*majaz*) bagi keadaan orang yang meminum minuman di dalam neraka.

HIYAH (هِيَه)

Lafaz ini terbentuk daripada dua lafaz, iaitu hiya (هِيَ) dan *al-hā'* (ه) yang berbaris mati (sukūn). Lafaz *hiya* adalah *damīr al-ghā'ibah*[10] bagi *mu'annath* (perempuan) dan *al-hā'* adalah *hā' al-sakt* (huruf *hā'* tanda berhenti) yang ditambah pada lafaz dalam keadaan *waqaf* bagi menyelaraskan baris di akhir lafaz. Ia disebut sekali di dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Qāri'ah* (101), ayat 10. Al-Zamakhsyarī berkata, "Ia adalah *damīr al-dāhiyah* yang kembali kepada ayat "فَأُمُّهُۥ هَاوِيَةٌ", atau *damīr* bagi lafaz "هاوية" dan *al-hā'* adalah bagi saktah (berhenti). Apabila pembaca membacanya maka ia dihilangkan,[11] namun menurut pendapat yang paling benar, *al-hā'* adalah wujud di dalam mushaf. Oleh itu, ia diberhentikan (*waqaf*) dengan huruf *al-hā*."[12] Al-Qurtubī berkata, *"al-hā'* pada asalnya ter-

1 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 13, h. 255, athar no. 25905

2 *Ibid.*, h. 255, athar no. 25906 dan 25907

3 *Ibid.*, athar no. 25908

4 Al-Huyām bermaksud penyakit yang menjadikan seseorang merasa haus dan dahaga atau seperti seorang gila disebabkan terlalu rindu.

5 *Ibid.*, athar no. 25911.

6 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 5, h. 192-193

7 *Ibid.* al-Syawkānī berkata, pada lafaz ini terdapat tiga qiraat, 1. Jumhur membacanya dengan syurb al-hīm, 2. Nāfi', 'Āsim dan Hamzah membacanya "syarb al-hīm", 3. Mujāhid, Abū 'Uthmān dan al-Nahdī membacanya dengan "Syirb al-hīm". Al-Mubrad berkata, aku mendengar orang Arab membacanya dengan huruf al-syīn berbaris atas, depan dan bawah. Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, h. 192. al-Tabarī berkata, "Qiraat di mana pada huruf al-Syīn berbaris depan dan atas adalah qiraat yang dibaca oleh ulama qiraat dan kedua-dua maknanya saling berdekatan." Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, h. 254.

8 *Ibid.*

9 Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 10, h. 5692.

10 Ia bermaksud kata ganti nama orang ketiga dalam bentuk mu'annath.

11 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 4, h. 783.

12 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, j. 33, h. 74.

diri daripada lafaz *"mā hiyah"* dan masuk huruf *al-hā'* bagi *waqaf*,[1] sebagaimana juga lafaz *"hisābiyah"*, *"māliyah"*, *"sultāniyah"* dan *"kitābiyah"*. Para ulama qiraat membacanya dengan mengekalkan *al-hā'*sama ada apabila diberhentikan (*waqaf*) ataupun apabila ia disambung, kerana semuanya wujud dan benar di dalam mushaf dan jangan digugurkan.[2] Hamzah, al-Kisā'ī, Ya'qūb dan Ibn Muhaysin membacanya dengan *"mā hiyah nār"* tanpa huruf *al-hā'* apabila disambung dan dikekalkan bacaannya apabila dalam keadaan *waqaf* (berhenti)."[3] Kesimpulannya, lafaz *hiyah* bermaksud apa dia dan *al-hā'* adalah huruf tambahan bagi menyamakan baris atau bentuk bacaan pada *waqaf*.

HŪD (هُوْدٌ)

Lafaz ini jamak daripada perkataan *hād*(هَاد), seperti *bāzil*dan *buzl*, *'ā'iz* dan *'ūz*,[4] atau jamak daripada *hā'id*[5] mengandungi makna dekat dengan orang Yahudi.[6] Nama bagi seorang nabi dan apabila disandarkan kepada *"qawm"* maka ia bermakna kaum 'Ād.[7] Lafaz ini disebut 10 kali di dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 111, 135, 140; *al-A'rāf* (7), ayat 65; *Hūd* (11), ayat 50, 53, 58, 60, 89; *al-Syu'arā'* (26), ayat 124.

Di dalam al-Quran, lafaz Hūd mengandungi tiga makna, iaitu:

- Ia bermakna orang Yahudi atau orang yang beragama Yahudi. Terdapat dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 111, 135 dan 140. Al-Qurtubī berkata, *hūdan* bermakna orang Yahudi. Boleh jadi ia adalah jamak daripada *hā`id*. Al-Akhfasy Sa'īd berpendapat (إِلاَّ مَن كَانَ) menjadikan (كَانَ) mufrad di sebelah lafaz (مَنْ). Lalu beliau berkata, (هُوْدًا) adalah jamak; ini kerana makna (مَنْ) adalah jamak.[8]
- Ia bermaksud kaum Nabi Hūd, terdapat dalam surah *Hūd*, ayat 60 dan 89. Kaum Nabi Hūd adalah kaum 'Ād di mana kaum ini adalah keturunan 'Ād bin 'Aws bin Iram. Iram adalah anak Sam bin Nuh. Kaum ini dinamakan Arab al-'Āribah kerana fanatik kepada kebangsaannya selain Thamūd. Para sejarawan membahagi kaum 'Ād menjadi dua. Kaum 'Ād fasa pertama dan kaum 'Ād fasa kedua. Kaum 'Ād fasa pertama adalah orang yang terkenal kuat dan pemberani. Kaum 'Ād terdiri daripada kelompok-kelompok kecil, lebih daripada 1000 kelompok.[9] Al-Qur`an menunjukkan adanya kaum 'Ād fasa pertama ini sebagai berikut, (وَ أَنَّهُ أَهْلَكَ عَادًا الْأُولَى. وَ ثَمُودَ فَمَا أَبْقَى) "Dan bahawasanya Dia telah membinasakan kaum 'Ād yang pertama, dan kaum Thamūd, maka tidak seorang pun yang ditinggalkan hidup".[10] Ibn Kathīr mengatakan, mereka yang pertama menyembah berhala selepas berlakunya taufan, mereka begitu kufur dan terlampau

1 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 20, h. 167.

2 *Ibid.*, j. 18, h. 258.

3 *Ibid.*, j. 20, h. 167. Menurut pentahkik kitab ini, qiraat mereka adalah mutawatir sebagaimana yang terdapat dalam kitab "Taqrīb al-Nasyr".

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 807; Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 998.

5 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 877.

6 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*

7 Ma'lūf (1973), *loc. cit.*

8 Al-Qurtubī, *op. cit.*, j. 2, h. 82

9 Afifi 'Abdullah (1989), *op. cit.*, h. 121.

10 Surah *al-Najm* (53), ayat 50-51.

taasub pada penyembahan berhala.[1] Al-Qurtubī mengatakan mereka meminta seksaan dan bala yang diberi amaran oleh nabi mereka.[2] Bahkan mereka menyombongkan diri dengan mengatakan mereka kaum yang terkuat. Ayat Allah yang bermaksud, "Adapun kaum 'Ād, maka mereka sombong di muka bumi tanpa kebenaran dan mereka berkata, "Siapakah yang terlebih kuat daripada kami?".[3] Disebabkan keingkaran dan kekufuran mereka, Allah mengirimkan angin yang begitu kencang, sejuk dan terdengar suara yang menderu-deru lagi menakutkan, menimpa mereka selama tujuh malam dan lapan hari.[4]

- Ia bermaksud Nabi Hūd. Terdapat perbezaan tentang keturunan Hūd, ada yang mengatakan Hūd bernama Hūd bin Syālih bin Arfakhsyadh bin Sām bin Nūh. Ada yang mengatakan dia bernama 'Ābir bin Syālikh bin Arfakhsyadh bin Sām bin Nūh. Ibn Jarīr mengatakan dia bernama Hūd bin 'Abdullāh bin Rabāh al-Jārūd ibn 'Ād bin 'Aws bin Iram bin Sām bin Nūh.[5] Menurut Dr. Afifi Abdullāh Rabāh al-Jārūd adalah Rabāh bin al-Khulūd, iaitu salah satu kabilah kaum 'Ād, yang menurut para sejarawan terdiri dari 11 kabilah.[6] Di dalam sahih Ibn Hibbān daripada Abī Dhar pada hadis yang panjang disebutkan nabi-nabi yang diutus, di mana beliau berkata, Di antara mereka empat daripada Arab, iaitu Hūd, Sālih, Syu'ayb dan nabimu Abū Dhar (Nabi Muhammad).[7] Ada yang berpendapat, pertama kali yang bertutur dalam bahasa Arab adalah Hūd.[8] Orang Arab sebelum Ismā'īl dinamakan *al-'Arab al-'Āribah*, mereka memiliki banyak kabilah, di antaranya 'Ād, Thamūd, Jarham, Jadīs, Amīm, Madyan, 'Amalāq, 'Abīl, Jāsim, Qahtān, Banū Yaqtan dan lainnya. Manakala al-'Arab al-Musta'rabah adalah mereka yang berketurunan Ismā'īl bin Ibrāhīm dan Ismā'īl yang pertama sekali bertutur dalam bahasa Arab yang begitu fasih. Selepas kaum Hūd, kaum 'Ād musnah ditimpa bala dan seksaan, Hūd bersama-sama orang yang beriman kepadanya menuju kota Makkah. Di sana mereka tinggal dan tidak lama kemudian meninggal dan dikuburkan di sana.[9] Namun, dilaporkan daripada 'Alī bin Abī Tālib, dia menyebutkan kubur Hūd berada di negeri Yaman.[10]

HUDĀ (هُدَى)

Lafaz ini adalah maṣdar daripada kata kerja *hadā* (هَدَى), ia mengandungi makna bimbingan, petunjuk,[11] tengah hari, jalan, pe-

1 Ahmad Farīd (t.t), *Taysīr al-Manān fi Qisās al-Anbiyā`*, al-Mamlakah al-Sa'ūdiyyah al-'Arabiyyah: Dār Ibn al-Jawzī, h. 220-221.

2 *Ibid.*, h. 223

3 Surah *Fussilat* (41), ayat 15.

4 Ahmad Farīd (t.t), *op. cit.*, hlm. 225, seksaan dan bala yang menipa mereka dirakam di dalam surah al-Hāqqah (69) ayat 6-8.

5 Ibn Kathīr (1997), *Qisas al-Anbiyā`*, *op. cit.*, h. 90.

6 Afifi Abdullah (1989), *op. cit.*, h. 121

7 Ibn Kathīr (1997), *loc. cit.*

8 *Ibid.*, Wahab bin Munabbih mengatakan bahawa yang pertama bercakap dalam Bahasa Arab adalah ayahnya, ada yang mengatakan Nabi Nuh, ada yang mengatakan Nabi Ādam.

9 Afifi Abdullah (1989), *op. cit.*, h. 132.

10 Ibn Kathīr (1997), *op. cit.*, h. 105. Ada juga yang berpendapat bahawa ia berada di Damsyik. Wallahu 'Alam.

11 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 692.

tunjuk dengan lemah lembut kepada sesuatu yang dikehendaki dan ketaatan.[1] Al-Rāghib berkata, "*al-hidāyah* dan *al-hudā* secara bahasa adalah satu makna. Namun, Allah mengkhususkan lafaz *al-hudā* (الهدى) dengan apa yang dijaga dan diberikannya serta Allah mengkhususkan dengannya kepada insan yang Allah kehendaki.[2]

Lafaz *hudā* disebut 79 kali di dalam al -Qur'an, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 2, 5, 16, 38, 97, 120, 120, 159, 175, 185, 185; *Āli 'Imrān* (3), ayat 4, 73, 73, 96, 138; *al -Nisā'* (4), ayat 115; *al-Mā'idah* (5), ayat 44, 46, 46; *al-An'ām* (6), ayat 35, 71, 71, 71, 88, 91, 154, 157; *al-A'rāf* (7), ayat 52, 154, 193, 198, 203; *al-Taubah* (9), ayat 33; *Yūnus* (10), ayat 57, 111; *Yūsuf* (12), ayat 111; *al-Nahl* (16), ayat 64, 89, 102; *al-Isrā'* (17), ayat 2, 94; *al -Kahf* (18), ayat 13, 55, 57; *Maryam* (19), ayat 76; *Tāha* (20), ayat 10, 47, 123; *al-Hajj* (22), ayat 8, 67; *al-Naml* (27), ayat 2, 77; *al-Qasas* (28), ayat 37, 43, 50, 57, 85; Luqmān (31), ayat 3, 5, 20; *al-Sajadah* (32), ayat 23; *Saba'* (34), ayat 24, 32; *al-Zumar* (39), ayat 23; *Ghāfir* (40), ayat 53, 54; *Fussilat* (41), ayat 17, 44; *al -Jāthiyah* (45), ayat 11, 20; *Muhammad* (47), ayat 17, 25, 32; *al-Fath* (48), ayat 28; *al-Najm* (53), ayat 23; *al-Saff* (61), ayat 9; *al-Jin* (72), ayat 13; *al-Layl* (92), ayat 12 dan *al-'Alaq* (96), ayat 11.

Menurut al-Sya'bī, *hudā* adalah petunjuk daripada kesesatan.[3] Dilaporkan oleh Ibn Mas'ūd daripada sahabat nabi, makna *hudā* ialah nur atau cahaya bagi orang yang bertakwa.[4] Al-Tabarī berkata, "mengapa *kitabullah* tidak menjadi nur atau cahaya kecuali untuk orang yang bertakwa dan tidak menjadi petunjuk kecuali bagi orang yang beriman?" Jawapannya, "Itu adalah sebagaimana yang disifatkan Allah. Jika ia menjadi cahaya bagi orang yang tidak bertakwa dan petunjuk bagi orang yang tidak beriman, maka Allah tidak mengkhususkan orang yang bertakwa, bagi mereka petunjuk tetapi umum kepada semua yang memberi peringatan. Namun, ia adalah hidayah bagi orang yang bertakwa, ubat bagi hati Mukmin, penutup pada telinga-telinga orang yang berdusta, buta bagi mata-mata yang ingkar dan hujah Allah yang terang ke atas orang kafir; maka seorang Mukmin mendapat hidayah dan petunjuk dengannya sedangkan orang yang kafir kalah dengan hujah itu."[5]

Al-Syanqītī berkata, "Maksud *hudā* di sini adalah hidayah yang khusus yang mana ia mendapat kemuliaan dengan memberikan taufik dan jalan menuju kepada agama yang *haq*, bukanlah hidayah yang umum membawa maksud penerangan kebenaran."[6] Hal ini dijelaskan dalam surah *Fussilat* (41), ayat 44 yang bermaksud, "Katakanlah (wahai Muhammad!), "al-Qur`an itu menjadi (cahaya) petunjuk serta penawar bagi orang yang beriman; dan sebaliknya orang yang tidak beriman, ia menjadi penyekat yang menyumbat telinga mereka; dan ia juga gelap gelita yang menimpa pandangan mereka."

Ibn Kathīr berkata, "pengkhususan al -Qur'an sebagai cahaya dan petunjuk bagi orang yang bertakwa adalah kerana mereka mengambil manfaat daripadanya dan ia sendiri adalah hidayah atau petunjuk yang tidak akan didapati kecuali orang yang soleh."[7] Al-Qurtubī berkata, "hidayah di sini dikhususkan bagi orang yang bertakwa, walau-

1 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 978.

2 Al-Isfahani (1961), *op. cit.*, h. 541.

3 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 145.

4 *Ibid.*

5 *Ibid.*

6 Al-Syanqītī (1996), *op. cit.*, j. 1, h. 51.

7 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 35.

pun ia petunjuk bagi semua manusia, ia adalah sebagai memuliakan mereka di atas keimanan mereka dengannya dan membenarkan apa yang wujud di dalamnya."[1] Manakala pada surah *al-Baqarah* (2), ayat 185, lafaz *hudā* ini bersifat umum dan maksudnya penerang serta penjelas bagi mereka.[2]

Kesimpulannya, *hudā* atau petunjuk terbahagi menjadi dua; (1). Bersifat umum, iaitu yang bermaksud penerang dan penjelas sebagaimana terdapat dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 185 yang disandarkan kepada manusia atau *"al-Nās"*; (2). Membawa maksud yang khusus, iaitu cahaya bagi orang yang bertakwa dan penawar hati bagi orang yang beriman sebagai *karamah* dan kemuliaan kepada mereka di atas keimanan mereka serta mengikutinya.

HUDHUD (هُدْهُد)

Hudhud adalah sejenis burung yang mempunyai paruh yang halus dan jambul di atas kepalanya, atau setiap burung yang selalu berbunyi,[3] atau burung yang pelbagai warna dan bergalur-galur.[4] Dalam *Kamus Dewan,* Hudhud adalah burung belatuk.[5] Lafaz ini disebut sekali di dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Naml* (27) ayat 20. al-Qurtubī berkata, "Hudhud adalah sejenis burung yang diketahui iaitu yang suaranya terdengar seperti **mendekur**."[6] Dalam 'Abr al-Athīr, Hudhud ialah burung belatuk bawang yang bernama Ya'fur.[7] Mengikut laporan daripada al-Hasan, nama burung Hudhud Nabi Sulaymān ialah 'Anbar.[8] Pada suatu hari, di pagi hari seperti biasa Nabi Sulaymān pergi suatu majlis dan duduk di atas kerusi kebesarannya. Namun, ia tidak melihat burung Hudhud di mana pada kebiasaannya datang wakil daripada setiap jenis burung menghadap Nabi Sulaymān dan dia melihat wakil-wakil burung itu kecuali Hudhud.[9] Tatkala baginda tidak melihatnya maka baginda berkata; pasti aku akan menyeksanya dengan seksaan yang berat dengan mencabut semua bulu-bulunya menurut Ibn 'Abbās. Atau aku akan membunuhnya kecuali ia memberi alasan yang munasabah. Selepas itu, tidak berapa lama ia datang menghadap Nabi Sulaymān dan berkata kepadanya sebagai alasan mengapa ia ghaib sementara waktu. Ia berkata, "aku mengetahui apa yang engkau dan tenteramu tidak ketahui dan aku datang dengan berita yang benar dari negeri Saba` yang diperintah oleh seorang Ratu yang bernama Balqīs binti Syarāhīl bin Mālik b. Al-Rayyān.[10] Dia memiliki singgahsana yang menakjubkan yang dibuat daripada emas, pelbagai jenis intan dan berlian. Manakala kaumnya menyembah matahari[11] dan syaitan menghiasi amalan mereka sehingga menjauhkan mereka daripada jalan kebenaran."[12] Kesimpulannya, Hudhud adalah sejenis bu-

1 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 1, h. 179.

2 *Ibid.*, j. 2, h. 300.

3 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 978.

4 Al-Marbawī (1350H), *op. cit.*, j. 2, h. 362.

5 Noresah bt. Baharom, *et al.* (eds.) (2002), *op. cit.*, h. 466.

6 Al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, j. 13, h. 188.

7 Ahmad Sonhadji Mohammad (1997), *op. cit.*, j. 19, h. 216.

8 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 338

9 *Ibid.*

10 Pendapat al-Hasan al-Basrī dan Zahīr bin Muhammad. *Ibid.*

11 Menurut sejarawan, singgahsananya di dalam istana yang besar, tinggi dan sangat bagus lagi cantik. Di dalamnya terdapat 360 tingkap atau lubang di sebelah barat dan timur. Bangunannya telah dibina tepat agar sinaran matahari masuk ke dalamnya dari lubang yang berada di sebelah timur dan tenggelam dari sebelah yang bertentangan dan kaumnya sujud menghadap lubang itu pada setiap pagi dan petang. *Ibid.*

12 Mafhum surah *al-Naml* (27), ayat 22-24.

rung belatuk yang berwarna-warni, memiliki jambul di atasnya dan suara yang **mendekur** serta paruh yang halus.

HUMAZAH – HAMMĀZ (هُمَزَةٌ-هَمَّازٌ)

Lafaz *humazah* adalah *mubālaghah ism fā'il* yang berasal daripada perkataan al-hamz (الْهَمْزُ). Begitu juga *hammāz* yang bermaksud mengumpat, menekan dan menusuk dan sebagainya.[1] *Humazah* dan *hammāz* bermaksud pengumpat dan pencela. Oleh itu dikatakan *"rajul humazah"* dan *imra'ah humazah"* ertinya "lelaki dan perempuan pengumpat."[2] Lafaz *humazah* hanya disebut sekali di dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Humazah* (104), ayat 1, manakala *hammāz* disebut sekali juga, iaitu dalam surah *al-Qalam* (68), ayat 11. Al-Fayrūz berkata, "*humazah* adalah *al-ghammāz* iaitu pencela."[3] Terdapat tiga pendapat berkenaan *humazah*, iaitu:[4]

- Ibn 'Abbās dan Mujāhid berpendapat, *humazah* adalah *al-ta'ān* atau pencela.[5]
- Qatādah dan Mujāhid berpendapat, *humazah* bermaksud pemakan daging manusia,[6] kiasan bagi orang yang mengumpat.
- Ibn Zayd berkata *humazah* adalah orang yang memukul dengan tangannya dan memfitnah dengan lisannya.[7]

Humazah dalam surah *al-Humazah* membawa beberapa maksud, iaitu:

- Seorang lelaki musyrik yang mencela manusia dan selalu mengumpat mereka sebagaimana dilaporkan daripada Ibn 'Abbās.[8]
- Ibn Abī Najīh melaporkan daripada seorang lelaki daripada kaum al-Raqqah berkata, ayat ini turun kepada Jamīl b. 'Āmir al-Jumahī.[9]
- Mujāhid berkata, *humazah* tidak dikhususkan kepada seseorang, tetapi ia umum kepada semua yang bersifat dengannya.[10]
- Dilaporkan Ibn Abī Hātim daripada 'Uthmān dan Ibn 'Umar. Mereka berdua berkata, "kami masih mendengar ayat "وَيْلٌ لِكُلِّ هُمَزَةٍ لُمَزَةٍ" turun kepada Ubay bin Khalaf[11]
- Sebahagian ulama berpendapat ia bermaksud al-Akhnas bin Syarīq.[12]
- Al-Tabarī pula berkata, "yang benar adalah ianya umum kepada semua pengumpat dan setiap yang bersifat demikian."[13]

Manakala tentang *hammāz*, Ibn 'Arabī menjelaskan, "Pengumpat dari belakang seperti orang yang memakan daging manusia."[14] Al-Hasan berkata, "dia adalah orang yang

1 Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 698; Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 5, h. 343.
2 Ma'lūf (1973), *op. cit.*, h. 873.
3 Ābādī (1986), *loc. cit.*
4 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 15, h. 375-376.
5 *Ibid.*, athar no. 29351 dan 29354.
6 *Ibid.*, athar no. 29352 dan 29353.
7 *Ibid.*, athar no. 29358.
8 *Ibid.*, athar no. 29359.
9 *Ibid.*, athar no. 29360.
10 *Ibid.*, athar no. 29362.
11 Al-Sayūtī (t.t.), *op. cit.*, h. 493.
12 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 501.
13 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, h. 377.
14 Ābādī (1986), *op. cit.*, j. 5, h. 343.

memfitnah saudaranya dalam majlis."[1] Dilaporkan daripada Ibn 'Abbās dan Qatādah, Hammāz bermakna pengumpat.[2] Kesimpulannya lafaz *humazah* dan *hammāz* adalah *mubālaghah ism fā'il*, dan ia adalah perkataan yang sinonim. Ia membawa maksud benar-benar pengumpat atau selalu memfitnah.

HŪN (هُوْنٌ)

Lafaz ini adalah maṣdar dari lafaz *hāna* (هَانَ), ertinya kehinaan, kerendahan, keras, makhluk keseluruhannya, lemah.[3] Lafaz ini disebut 4 kali di dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 93, *al-Nahl* (16), ayat 59, *Fussilat* (41), ayat 17, *al-Ahqāf* (46), ayat 20. Pada surah *al-An'ām*, Fussilat dan *al-Ahqāf* lafaz *al-hūn* dihubungkan dengan lafaz *al-'adhāb* (azab dan seksaan). Al-Zujjāj berkata, "*al-'adhāb al-hūn* adalah azab yang diberikan selepas mengalami kehinaan dan kelemahan yang sangat."[4] Ibn Qutaybah berkata, "*al-hūn* ertinya *al-hawān* iaitu kehinaan."[5] al-Suddī berkata, "*'adhāb al-hūn* ialah seksaan yang menghinakan."[6] Ibn Jurayj berkata, "ia bermakna azab yang hina di akhirat balasan di atas perbuatan mereka."[7]

Al-Tabarī berpendapat, ia bermaksud seksaan api neraka yang menghinakan mereka, maka mereka merasakan kerendahan sehingga mereka mengetahui kelemahan diri mereka dan hina.[8] Al-Syawkānī mentafsirkan, pada saat ini kamu akan diseksa dengan kelemahan dan kerendahan sehingga kamu menjadi orang yang hina dan lemah selepas kamu berasa angkuh dan sombong.[9]

Sedangkan dalam surah *al-Nahl* ia dikaitkan dengan sikap orang kafir Quraisy yang berasa hina jika mendapat anak perempuan kerana menurut dakwaan dan mereka ia disandarkan kepada Allah. Ibn Kathīr mentafsirkan jika ia dikekalkan maka ia menjadikan mereka berasa hina sehingga mereka tidak menjaganya dan mewarisinya.[10] Dalam *al-Asās fī al-Tafsīr*, maksud ayat ini adakah apa yang diberitakan kepada mereka berita gembira (dengan kelahiran seorang perempuan) menjadikan mereka merasa hina?[11] Sayyid Qutub menegaskan, "akidah ilahiah yang bersumber daripada Allah memuliakan manusia dengan diiringi kemuliaan itu kepada perempuan, Ia menyifatkannya sebahagian daripada diri manusia itu dan tidak ada perbezaan kedua-dua bahagian yang mulia itu di sisi Allah (kecuali orang yang bertakwa, **pen.**). Kesimpulannya, lafaz *al-hūn* membawa maksud kehinaan dan kerendahan.

1 *Ibid.*

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, h. 364. Pengumpat adalah orang yang memburuk-burukkan orang lain di belakangnya. Noresah bt. Baharom *et al.* (eds.) (2002), op. cit., h. 1518.

3 Anīs *et al.* (1962), *op. cit.*, h. 1001; *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, h. 808; Al-Rāzī (1987), *op. cit.*, h. 702.

4 Muhammad Salīm al-Hājj (1985), *op. cit.*, h. 139.

5 Ibn Qutaybah (1978), *op. cit.*, h. 158.

6 Al-Tabarī (1995), *op. cit.*, j. 5, h. 359, athar no. 10574.

7 *Ibid*, athar no. 10575.

8 *Ibid.*

9 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 177.

10 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 526.

11 Hawwā (1999), *op. cit.*, j. 6, h. 2951.

HUZUWĀ (هُزُوًا)

Asal lafaz *huzuwa* adalah *huz'an* (هُزْءًا), iaitu berdasarkan qiraat ulama Kūfah. Manakala Hafsah membacanya dengan *huzuwan* (هُزُوًا) dengan menjadikan *"al-zay"* berbaris depan dan menukar *al-hamzah* (ء) kepada *"al-wāw"* (و), seperti lafaz *kuf'an* (كُفْأً) menjadi *kufuwan* (كُفُوًا). Kata ini boleh dalam bentuk *mudāf ilayh* (sandaran kepadanya) dengan menghilangkan *mudaf* (sandarannya) iaitu *mawdū'* atau *makān huz'in* (tempat untuk diperolokkan, dipersendakan atau diejek), dan boleh dalam bentuk maṣdar (kata dasar/terbitan) yang membawa makna *ism maf'ūl* iaitu *mahzū'an* (orang yang dipermainkan dan direndah-rendahkan).[1]

Lafaz ini disebut 11 kali di dalam al-Qur'an, iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 67, 231; *al-Mā'idah* (5), ayat 57, 58; *al-Kahf* (18), ayat 56, 106; *al-Anbiyā'* (21), ayat 36; *al-Furqān* (25), ayat 41; *Luqmān* (31), ayat 6; dan *al-Jāthiyah* (45), ayat 9 dan 35. Pada surah *al-Baqarah* (2), ayat 67 lafaz *huzuwā* dikaitkan dengan perkataan adanya tuduhan Banī Isra`il kepada Mūsā, "Adakah engkau wahai Nabi Mūsā menjadikan kami tempat untuk diperolok-olokkan dan engkau mahu jadikan kami orang yang dipersendakan dan dipermainkan."[2] Pada ayat ini, suruhan Mūsā kepada mereka supaya menyembelih sapi (baqarah) sebagaimana yang diwahyukan kepadanya untuk mengetahui pembunuh seseorang yang berlaku di antara mereka dianggap sebagai *huzuwā* atau bahan olok-olok. Pada asalnya mereka berkeinginan supaya Mūsā berdoa kepada Allah bagi mengetahui si pembunuh itu. Namun, apa yang mereka minta lain yang disampaikan oleh Mūsā. Oleh itu mereka berkata demikian. Padahal mereka enggan melaksanakan sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah melalui Nabi Mūsā .

Al-Qurtubī menerangkan, "Kata-kata ini memberikan isyarat tentang larangan mempermainkan dan mempersendakan agama Allah dan orang Islam kerana perbuatan itu adalah tanda kejahilan dan yang melakukannya akan mendapat azab dan balasan,[3] sebagaimana yang di jelaskan dalam surah *al-Jāthiyah* (45), ayat 9."[4]

Pada ayat-ayat yang lain, lafaz *huzuwā* mencakupi beberapa keadaan, iaitu: Pertama, larangan menjadikan bahan *huzuwā* atau mainan dan olok-olokkan pada apa yang datang daripada Allah berupa kitab, ayat-ayatnya, rasul-rasulnya, agamanya dan sebagainya. Sebagaimana terdapat dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 231. Kedua, larangan bagi orang yang beriman mengikuti orang yang menjadikan agama Allah sebagai bahan persendaan dan gurauan daripada Ahli Kitab dan orang kafir (*al-Mā`idah* (5), ayat 57). Seperti ketika laungan azan bagi mendirikan sembahyang, maka mereka mempersendakannya dan memperolok-oloknya (*al-Mā`idah* (5), ayat 58). Dilaporkan daripada al-Suddī, seseorang lelaki daripada orang Nasrani di Madinah, tatkala ia mendengar laungan azan (أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا الله) maka ia berkata, "Bakarlah pendusta ini". Pada suatu malam pembantunya masuk dengan membawa api, sedang ia dan keluarganya dalam keadaan tidur, lalu api itu jatuh dan rumah pun terbakar, maka ia dan keluarganya tu-

1 Al-Zamakhsyarī (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 150; al-Qurtubī (1996), op. cit., j. 1, h. 451.

2 Al-Sābūnī (1981), *op. cit.*, j. 1, h. 66.

3 Al-Qurtubī (1996), *loc. cit.*

4 Maksudnya, "Dan apabila sampai kepada pengetahuannya sesuatu dari ayat-ayat penerangan Kami, ia menjadikannya bahan atau tempat ejekan; mereka yang demikian keadaannya; akan beroleh azab yang menghina."

rut terbakar.[1] Seperti mempersendakan dan mendustakan hujah, dalil dan mukjizat yang didatangkan Allah kepada rasul-rasulnya (*al -Kahfi* (18), ayat 56). Seperti mendustakan dan mempersendakan kerasulan Muhammad daripada kalangan kafir Quraisy seperti Abū Jahl (*al-Anbiyā'* (21), ayat 36), (*al-Furqān* (25), ayat 41). Seperti menjadikan jalan Allah atau ayat-ayat Allah bahan permainan dan olok -olokkan (*Luqmān* (31), ayat 6), (*al-Jāthiyah* (45), ayat 9 dan 35). Ketiga, perkhabaran tentang seksaan yang menimpa ke atas orang yang menjadikan ayat-ayat Allah dan apa sahaja yang datang daripadanya sebagai bahan ejekan, sendaan dan olok-olokkan. Seperti bagi mereka *'adhāb muhīn* iaitu seksaan yang berterusan, selamanya dan menghinakan di hari kiamat. (*Luqmān* (31), ayat 6) dan (*al -Jāthiyah* (45), ayat 9). Seperti menggugurkan amalan-amalan mereka yang mereka sangka baik dan betul dan tidak memberi sebarang timbangan bagi menilai amal mereka, maka mereka menjadi penghuni neraka jahanam di hari akhirat. (*al-Kahfi* (18), ayat 104-106). Direkodkan oleh al-Bukhārī daripada Abū Hurayrah daripada Rasulullah di mana Rasulullah berkata, pada hari kiamat, didatangkan seorang lelaki yang tegap, gemuk, tinggi dan besar. Namun, Allah tidak menimbang sebarang amalnya walau sebelah sayap seekor nyamuk.[2]

Kesimpulannya, kata *huzuwan* atau *huzuwā* mencakupi maksud sesuatu dijadikan bahan persendaan, ejekan, permainan, sendaan dan yang sinonim dengannya.

1 Al-Sabuni (1981), Muktasar Ibn Kathīr, *op. cit.*, j. 1, h. 529

2 Al-Sabuni (1981), Mukhtasar Ibn Kathīr, *op. cit.*, j. 2, h. 439



ي



YA`ŪS (يَئُوس)

Erti kata kerja (يَئِسَ-يَيْئَسُ) adalah putus harapan. Bagi menyebut orang yang putus harapan digunakan lafaz (يَائِسٌ) dan bagi menyebut orang yang sering putus asa atau putus harapan digunakan lafaz (يَؤُوسٌ).[1]

Lafaz (يَئُوس) diulang tiga kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *Hūd* (11), ayat 9; *al-Isrāk* (17), ayat 83 dan *Fussilat* (41), ayat 49. Ketiga-tiga ayat ini menerangkan salah satu sifat manusia yang buruk dan tercela. Apabila mereka mendapat rahmat dan nikmat daripada Allah, mereka berpaling serta menjauhkan diri daripada bersyukur. Apabila rahmat dan nikmat itu ditarik balik daripada dan mereka merasai kesusahan, lalu mereka berputus asa, tidak mahu mengharap rahmat Allah dan mengkufuri nikmatnya. (لَيَئُوسٌ, كَانَ يَئُوسًا, كَفُور).[2]

ي

YABAS (يَبَسٌ) – YĀBIS (يَابِسٌ) – YĀBISĀT (يَابِسَاتٌ)

Kata kerja (يَبِسَ-يَيْبَسُ) ertinya kering. Apabila dikatakan (يَبِسَ الشَّيْءُ), ertinya benda itu sudah kering dan hilang basahnya. Bagi menyebut benda yang kering, digunakan lafaz (يَابِسٌ) dan bentuk jamaknya adalah (يَابِسَاتٌ). Begitu juga dengan lafaz (يَبَسٌ) ertinya juga kering.[3]

Di dalam al-Quran, lafaz (يَبَسٌ) hanya disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *Tāhā* (20), ayat 77. Ayat ini menceritakan tentang salah satu mukjizat Nabi Mūsā iaitu laut terbelah dua selepas dipukul dengan tongkatnya dan kemudian menjadi jalan yang kering (طَرِيقًا فِي الْبَحْرِ يَبَسًا) yang dapat dilalui oleh orang yang beriman bagi melarikan diri daripada dikejar oleh Firaun dan tenteranya. Imām Ibn Kathīr menerangkan, selepas laut itu terbelah, Allah mengutus angin ke arah tanah lautan yang sudah terbelah sehingga akhirnya tanah itu menjadi kering seperti permukaan bumi.[4]

Lafaz (يَابِسٌ) juga diulang sekali dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 59. Ayat itu menerangkan tentang keluasan ilmu Allah yang meliputi segala sesuatu. Disebutkan, Allah mengetahui apa yang ada di darat dan di laut; dan tidak gugur sehelai daun melainkan Allah mengetahuinya, dan tidak gugur sebutir biji dalam kegelapan bumi dan tidak gugur yang basah dan yang kering (وَلَا يَابِسٍ), melainkan semuanya tertulis di dalam kitab *(Lauḥ Maḥfūz)* yang terang dan nyata. Ibn 'Abbās mengatakan, basah dan yang kering dalam ayat itu adalah segala sesuatu di dunia ini yang jatuh dalam keadaan basah mahupun kering.[5]

Manakala lafaz (يَابِسَاتٌ) diulang dua kali dalam al-Quran iaitu dalam surah *Yūsuf* (12), ayat 43 dan 46. Kedua-dua ayat ini berada dalam rangkaian ayat yang menceritakan tentang kemampuan Nabi Yūsuf mentafsirkan mimpi. Pada suatu hari, raja Mesir bermimpi dan kemudian menceritakan mimpinya, "Sesungguhnya saya mimpi melihat tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus, dan saya melihat tujuh tangkai (biji-bijian) yang hijau dan tujuh tangkai lagi yang kering (وَأُخَرَ يَابِسَات)."

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, , j. 2, h. 901

2 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 3, h. 253 dan Ibn Kathīr (1998), op. cit., j. 2, h. 485

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 902

4 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 161

5 Al-Syawkānī (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 124

Kemudian raja meminta para pentafsir mimpi mentafsirkan mimpinya, namun tidak ada seorang pun yang mampu melakukannya melainkan Nabi Yūsuf. Beliau menerangkan, "Hendaklah kamu menanam gandum tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu tuai, biarkanlah dia pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit daripada bahagian itu yang kamu ambil untuk makan. Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun kemarau yang besar, yang menghabiskan makanan yang kamu sediakan; kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih). Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan, dan mereka dapat memerah (hasil anggur, zaitun dan sebagainya)."[1]

YAHŪD (يَهُود) - YAHŪDIYYĀ (يَهُودِيًّا)

Yang dimaksudkan dengan (اَلْيَهُود) ialah anak keturunan Isrāil (Banī Isrāil). Bagi menyebut seorang daripada mereka digunakan lafaz (يَهُودِيٌّ).[2]

Lafaz (يَهُود) di dalam al-Quran disebut lapan kali iaitu dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 113 (dua kali); 120; *al-Mā'idah* (5), ayat 18, 51, 64, 82; *al-Taubah* (9), ayat 30. Manakala lafaz (يَهُودِيًّا) di dalam al-Quran disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *Āli Imrān* (3): ayat 67.

Kebanyakan daripada ayat-ayat ini menceritakan tentang perilaku-perilaku buruk yang dilakukan oleh orang Yahudi iaitu:

- Orang Yahudi suka memandang rendah pada pengikut agama lain. Sebagaimana disebutkan dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 113, orang Yahudi berkata, "Orang Nasrani itu tidak mempunyai sesuatu pegangan (agama yang benar)."
- Orang Yahudi tidak sekali-kali bersetuju dan suka kepada Nabi Muhammad sehingga beliau mengikuti agama mereka yang terpesong itu sepertimana ditegaskan dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 120.
- Orang Yahudi mengaku sebagai umat pilihan Allah sehingga mereka berkata, "Kami adalah anak-anak Allah dan yang amat disayanginya" sepertimana ditegaskan dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 18.
- Orang Yahudi juga suka menganggap rendah pada Allah hingga mereka berkata, "Tangan Allah terbelenggu iaitu bakhil dan kikir" sebagaimana ditegaskan dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 64.
- Orang Yahudi juga menuduh Allah dengan tuduhan yang keji sehingga mereka mengatakan, "Uzair ialah anak Allah" sebagaimana ditegaskan dalam surah *al-Taubah* (9), ayat 30.
- Dalam surah *al-Mā'idah* (5), ayat 82, Allah menegaskan manusia yang keras sekali permusuhannya kepada orang yang beriman ialah orang Yahudi dan orang musyrik.

Atas dasar-dasar itu, Allah melarang umat Islam mengambil orang Yahudi dan Nasrani sebagai teman rapat apatah lagi sebagai pemimpin sepertimana ditegaskan dalam surah

1 *Ibid.*, j. 3, h. 30-31

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 913

al-Mā'idah (5), ayat 51.

Manakala dalam surah *Āli Imrān* (3), ayat 67 menegaskan Nabi Ibrāhīm bukan seorang pemeluk agama Yahudi dan bukan pula pemeluk agama Kristian, tetapi beliau seorang yang tetap di atas dasar tauhid sebagai seorang Muslim dan beliau juga bukanlah daripada orang musyrik.

YAMM (اليَمّ)

Erti lafaz (يَمّ) ialah lautan sama ada lautan berair tawar mahupun berair masin.[1] Lafaz (اليَمّ) diulang lapan kali di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al-A'rāf* (7), ayat 136; *Tāhā* (20), ayat 39 (dua kali), 78, 97; *al-Qasas* (28), ayat 7, 40; *al-Dhāriyāt* (51), ayat 40.

Ada tiga kejadian dalam al-Quran yang dikaitkan dengan perkataan (اليَمّ)iaitu:

- Ditenggelamkan Firāun dan tenteranya di laut.

  Kisah ini direkodkan dalam surah *al -A'rāf* (7), ayat 136; *Tāhā* (20), ayat 78; *al-Qasas* (28), ayat 40; dan *al-Dhāriyāt* (51), ayat 40. Oleh kerana Firaun dan pengikutnya tidak mahu beriman kepada Nabi Mūsā, Allah mengazab mereka semua dengan ditenggelamkan di lautan.

- Nabi Mūsā semasa bayi diletakkan di dalam peti dan dilepaskan oleh ibunya ke laut iaitu sungai yang lebar.

  Kisah ini direkodkan dalam surah *Tāhā* (20), ayat 39 sebanyak dua kali dan *al-Qasas* (28), ayat 7. Ibu Nabi Mūsā melakukan itu kerana ilham Allah supaya Nabi Mūsā selamat daripada tentera Firaun yang diperintahkan untuk membunuh setiap bayi lelaki yang lahir.

- Patung lembu yang dibuat oleh Sāmirī dan disembah oleh Banī Isrā'īl dihancurkan dan serpihan abunya dibuang ke laut.

  Dalam surah *Tāhā* (20), ayat 97 diterangkan, anak lembu yang dibuat oleh Sāmirī dan disembah oleh Banī Isrā'el akhirnya dibakar oleh Nabi Mūsā, kemudian serpihan abunya dihamburkan ke dalam laut (لَنَنسِفَنَّهُ فِي الْيَمِّ نَسْفًا). Apa yang dilakukan oleh Nabi Mūsā ini adalah bagi membuktikan lembu itu bukan Tuhan kerana dia tidak dapat berbuat apa-apa bagi melindungi dirinya sendiri.[2]

YAN'IH (يَنْعِه)

Lafaz (يَنْعٌ) adalah bentuk jamak daripada kata (يَانِعٌ). Ertinya sesuatu yang sudah matang dan siap untuk dipetik.[3] Di dalam al-Quran, lafaz ini hanya disebut sekali sahaja iaitu dalam surah *al-An'ām* (6), ayat 99.

Dalam ayat ini, Allah menerangkan tentang nikmat-nikmat yang dianugerahkan kepada manusia, khususnya tumbuh -tumbuhan dan buah-buahan yang pelbagai jenis. Allah memerintahkan manusia mem-

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 910

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 153

3 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 913

perhatikan buah-buahan apabila ia berbuah, dan ketika masaknya (إِلَىٰ ثَمَرِهِۦٓ إِذَآ أَثْمَرَ وَيَنْعِهِۦٓ). Maksudnya, fikirkanlah bagaimana hebatnya kekuasaan penciptanya yang mampu menjadikannya; asalnya tidak ada menjadi ada. Asalnya hanya berupa kayu, kemudian muncul buah anggur dan kurma dan juga buah -buahan lainnya yang mempunyai warna, bentuk, rasa dan bau yang beraneka ragam.[1] Sesungguhnya, ia mengandungi tanda-tanda yang menunjukkan kekuasaan Tuhan bagi orang yang beriman.

YAQṬĪN (يَقْطِين)

Erti lafaz (يَقْطِين) ialah jenis tumbuhan yang hidup di darat yang tidak mempunyai batang pokok seperti mentimun, semangka dan labu. Namun biasanya kata ini digunakan untuk menyebut pokok labu (*dubbā'* atau *qar'*).[2]

Lafaz ini disebut sekali sahaja di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-Sāffāt* (37), ayat 146. Ayat ini menceritakan tentang keadaan Nabi Yūnus selepas dikeluarkan daripada perut ikan. Kemudian, beliau dicampak keluar daripada perut ikan itu di tanah yang tandus di tepi pantai, sedangkan beliau berada dalam keadaan sakit. Kemudian Allah menumbuhkan sebatang pokok labu (وَأَنۢبَتْنَا عَلَيْهِ شَجَرَةً مِّن يَقْطِين) untuk melindunginya dan dimanfaa -kan olehnya.

Imām Ibn Kathīr menyebutkan beberapa keistimewaan pokok labu iaitu cepat tumbuh, daunnya dapat digunakan untuk berlindung kerana ia lebar, lalat tidak mahu mendekatinya dan buahnya enak dimakan sama ada dimakan terus mahupun dimasak dahulu. Bukan sahaja buahnya yang dapat dimakan, kulitnya juga boleh dimakan.[3]

YĀQŪT (يَاقُوت)

Lafaz (يَاقُوت) adalah bentuk jamak daripada (يَاقُوتَةٌ). Ia adalah nama salah satu jenis batu mulia, warna biasanya adalah merah bening atau biru bening atau kuning bening.[4]

Lafaz (يَاقُوت) hanya disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah *al -Rahmān* (55), ayat 58. Ayat ini menerangkan tentang sifat yang dimiliki oleh isteri-isteri penghuni syurga. Mereka sangat bening dan putih bagaikan batu mulia *yāqūt* dan *marjān* (كَأَنَّهُنَّ ٱلْيَاقُوتُ وَٱلْمَرْجَانُ).

Imām Mujāhid, al-Hasan al-Basrī, Ibn Zayd mengatakan, beningnya mereka seperti beningnya *yāqūt*, manakala putihnya mereka seperti putihnya *marjān*.[5]

YUSRĀ (يُسْرَى) – YUSR (يُسر)

Lafaz (يُسْرَى) adalah bentuk *isim tafḍīl mu-'annath* daripada lafaz (يُسر). Erti lafaz (يُسر) ialah kemudahan, lawan daripada kesukaran.

1 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 2, h. 160

2 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 909

3 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 23

4 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 909

5 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 279

Manakala erti (يُسْرَى) ialah sesuatu yang lebih mudah. Ia sama makna dengan lafaz (أَيْسَرُ), tetapi (أَيْسَرُ) adalah bagi *mudhakkar* (lelaki).[1] Lafaz (يُسْرَى) dalam bentuk *isim tafḍīl mu'annath* bererti perkara yang lebih mudah.

Diulang dua kali sahaja di dalam al -Quran iaitu dalam surah *al-A'lā* (87), ayat 8 dan *al-Lail* (92), ayat 7. Dalam surah *al-A'lā* (87), ayat 8, Allah menegaskan dia memberi jalan yang lebih mudah kepada Nabi Muhammad (وَنُيَسِّرُكَ لِلْيُسْرَىٰ). Maksudnya, Allah memudahkan Nabi Muhammad untuk melakukan amal-amal kebaikan dan mengucapkan perkataan-perkataan baik. Allah juga menetapkan aturan-aturan syariah yang mudah, longgar, lurus, adil, tidak terpesong dan tidak susah.[2]

Manakala dalam surah *al-Lail* (92), ayat 7, Allah menegaskan, dia memberikan jalan yang lebih mudah kepada orang yang mahu memberikan hartanya untuk ketakwaan dan dia juga bertakwa serta mengakui dengan yakin adanya perhitungan amal dan pahala bagi amal-amal kebaikan. (فَسَنُيَسِّرُهُۥ لِلْيُسْرَىٰ). Maksudnya, orang itu akan diberi jalan yang lebih mudah bagi melakukan kebaikan dan menuju syurga.[3]

Lafaz (يُسْر) diulang dalam al-Quran sebanyak tujuh kali iaitu dalam surah *al -Baqarah* (2), ayat 185; *al-Kahfi* (18), ayat 88; *al-Dhāriyāt* (51), ayat 3; *al-Talāq* (65), ayat 4, 7 dan *al-Syarh* (94), ayat 5 dan 6.

Dalam surah *al-Baqarah* (2), ayat 185 dan *al-Kahfi* (18), ayat 88 menegaskan, aturan -aturan agama yang diperintahkan kepada orang beriman adalah aturan-aturan yang mudah, dan Allah memang menghendaki kemudahan bagi hambanya.

Manakala dalam surah *al-Talāq* (65), ayat 7 dan *al-Syarh* (94), ayat 5 dan 6, Allah memberikan harapan kepada orang beriman, sesudah berlakunya kesusahan, Allah akan memberikan kesenangan dan kemudahan.

Dalam surah *al-Talāq* (65), ayat 4, Allah menegaskan, sesiapa yang bertakwa kepada Allah, pasti Allah memudahkan baginya segala urusannya.

Manakala dalam surah *al-Dhāriyāt* (51), ayat 3, Allah menerangkan salah satu nikmatnya yang diberikan kepada umat manusia iaitu kapal-kapal yang belayar laju dengan mudah di tengah-tengah lautan yang dapat dimanfaatkan oleh manusia sama ada untuk berpindah tempat atau mengangkut barang -barang.

1 *Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah* (1970), *op. cit.*, j. 2, h. 907

2 Ibn Kathīr (1998), *op. cit.*, j. 4, h. 501

3 Ibid., j. 4, h. 519